Maka, pemimpin haruslah berani, mahu menerima, mendorong, dan memotivasi pasukan untuk memberikan maklumbalas terhadap kepemimpinannya demi kemajuan bersama. Pemimpin bukan sahaja hanya perlu untuk dapat memilih bakat yang tepat, tetapi juga perlu untuk mengembangkan bakat dengan cepat sehingga mereka dapat lebih setia dan juga produktif lebih lama di organisasi anda. Pemimpin dan organisasi yang tidak beradaptasi dengan cepat dari pemikiran tradisional akan ketinggalan. Hanya pemimpin yang terus berusaha, berkolaborasi, yang terus belajar, terbuka akan perubahan, yang memiliki pasukan yang bersemangat maju, yang memiliki dan mengadaptasi teknologi atau cara yang lebih maju akan menjadi pimpinan di organisasinya.

## KESIMPULAN

Perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi yang sangat pesat menyebabkan usaha mendidik modal insan negara dalam era IR4.0 kini satu amanah yang semakin mencabar. Seiring perkembangan pesat ekonomi dan industri global, warga pendidikan haruslah melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran terutamanya pengetahuan teknologi maklumat serta komunikasi (ICT) agar mereka dapat mendepani cabaran IR4.0. Pendekatan baru dalam pembelajaran kepemimpinan dan pembangunan pemimpin adalah perlu dalam era revolusi industri 4.0. Kepimpinan diperlukan dalam membangunkan dan membina setiap organisasi. Pemimpin yang bersikap proaktif, terbuka menerima pandangan dari semua lapisan, menerima maklumat yang benar dan tepat, dapat melaksanakan tindakan, bertanggungjawab dan sentiasa mewujudkan suasana kerja yang selesa di organisasi masing-masing. Peranan Kementerian Pendidikan Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah, pihak pentadbir sekolah amat besar dalam usaha meningkatkan profesionalisme guru. Dengan adanya pemimpin yang boleh bertindak dalam industri revolusi 4.0 ini, maka hasrat mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan dalam anjakan Ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) boleh dicapai.

## RUJUKAN

- Bawany, S. (2017). The Art and Practice of Servant Leadership: Importance of Empathy as an Emotional & Social Intelligence Competency for Servant Leaders.” *Leadership Excellence Essentials* 34, no. 11, pp. 34–35.
- Bawany, S. (2017). *The Future Of Leadership in the Fourth Industrial Revolution (importance of cognitive readiness and emotional & social intelligence skills for IR4.0)* Centre for Executive Education.
- Bawany, S. (2019). *Leadership 4.0: How ready are you to be a Digital Leader?* *Leadership Excellence Essentials* 36, no. 2, pp. 28–30.
- Bawany, S (2019). *Transforming the Next Generation of Leaders. Developing Future Leaders for a Disruptive, Digital-Driven Era of the Fourth Industrial Revolution (Industry 4.0)*. Business Expert Press, LLC 222 East 46th Street, New York, NY 10017 [www.businessexpertpress.com](http://www.businessexpertpress.com) ISBN-13: 978-1-94944-304-2 (paperback) ISBN-13: 978-1-94944-305-9 (e-book)
- Boesenberg, Christina, (2019). *7 Characteristics of Leadership 4.0 – What successful leaders do differently*, Global Leadership Consultants, Oxford Leadership.
- Birgit Oberer, Alptekin Erkollar (2018). *Leadership 4.0: Digital Leaders in the Age of Industry 4.0*, *International Journal Of Organizational Leadership*. [www.AIMIJOURNAL.COM](http://www.AIMIJOURNAL.COM)
- Deloitte (2019). *New research by Deloitte identifies four leadership personas succeeding in the Fourth Industrial Revolution*. <https://www.prnewswire.com/news-releases/new-research-by-deloitte-identifies-four-leadership-personas-succeeding-in-the-fourth->



industrial-revolution-social-supers-talent-champions-data-driven-decisives-and-disruption-drivers-300780118.html

- DeRue, D., & Ashford, S. (2010). Who will lead and who will follow? Social process of leadership identity construction in organizations. *Academy of Management Review*, 35(4), 627–647.
- Kelly, Richard, (2019). *Constructing Leadership 4.0: Swarm Leadership and the Fourth Industrial Revolution*, Palgrave Macmillan, Springer Nature, Switzerland.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. KPM, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012b). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. KPM, Putrajaya.
- Klaus Schwab (2017) *The Fourth Industrial Revolution*, Publisher Penguin Books Ltd. Publication City/Country London, United Kingdom. ISBN10 0241300754.
- Mohamad Fadli Shafiei, Norlia Mat Norwani (2019) *KEPIMPINAN DALAM ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (Leadership in the Era of Industrial Revolution 4.0)* *Jurnal Dunia Pengurusan* e-ISSN: 2682-8251 | Vol. 1, No. 3, 1-8, 2019. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia
- Wolf, Jeff, (2015). *6 Essential Leadership Responsibilities that Build Effective Teams*, Wolf Management Consultants, LLC.
- Zafir Mohd Makhbul, Fazilah Mohamad Hasun, Mohd Nazmy Abd Latif (2018) *Universiti Kebangsaan Malaysia, Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018)* e-ISBN: 978-967-2122-52-4

## **AMALAN PENERAPAN KEMAHIRAN 4C DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH DI BAWAH PROGAM TRANSFORMASI SEKOLAH 2025 (TS25) DI KAWASAN UTARA NEGERI SARAWAK**

**HAMDEN GANI, PhD**

Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam,  
98009 Miri, Sarawak, Malaysia  
*hamden\_gani@yahoo.com*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan penerapan kemahiran 4C yang diamalkan oleh guru di sekolah. Selanjutnya, kajian ini juga bertujuan untuk melihat hubungan antara amalan penerapan kemahiran 4C yang diamalkan oleh guru dengan kualiti pengajaran kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH), dan kemahiran melaksanakan pengajaran. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh kualiti pengajaran kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian dan kemahiran melaksanakan pengajaran terhadap amalan penerapan kemahiran 4C. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Sampel kajian ini terdiri daripada 150 orang guru di sekolah di bawah Progam Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di kawasan utara Negeri Sarawak. Sehubungan itu, pengkaji boleh mengambil nilai kesan perbezaan (*effect size*) yang sederhana, iaitu 0.25, di mana saiz sampel 136 adalah mencukupi untuk melakukan analisis regresi berganda dengan kuasa ujian (*power of the test*) bernilai 0.80, sekiranya tidak menemui laporan nilai tersebut dalam kajian-kajian lepas yang serupa. Instrumen kajian ini terdiri daripada borang soal selidik yang mengandungi lima bahagian. Bahagian A adalah mengenai demografi responden kajian. Setiap item dalam bahagian B, C dan D menggunakan mempunyai skala Likert lima mata. Bahagian B mengandungi 12 item mengenai kualiti pengajaran guru. Bahagian C mempunyai 28 item mengenai kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian. Bahagian D terdiri daripada 31 item mengenai kemahiran melaksanakan pengajaran. Akhir sekali, Bahagian E terdiri daripada 16 item mengenai amalan penerapan kemahiran 4C. Borang soal selidik ditadbir oleh pengkaji secara dalam talian dengan menggunakan borang *google*. Semua data yang dikumpul dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS yang melibatkan ujian korelasi Pearson dan ujian regresi berganda. Kajian ini masih di peringkat proposal dan dijangka siap sepenuhnya sebelum atau pada 31 Disember 2020.

Kata kunci: penerapan kemahiran 4C, kualiti pengajaran, rancangan pengajaran harian, pelaksanaan pengajaran.

### **ABSTRACT**

*The purpose of this study is to explore the 4C's skills inculcation practices among the teachers in the schools. This study also aimed to look at the relationship between the 4C's skills inculcation practices and teaching quality teaching quality, skills in preparing daily lesson plans (RPH) and teaching practice skills. In addition, the study aimed to look at the influence of teaching quality on teaching quality, skills in preparing daily lesson plans and teaching skills in practice of 4C skills implementation. This study is a survey study using questionnaire form. The sample of this study consisted of 150 teachers in schools under the School Transformation Program 2025 (TS25) in northern Sarawak. Accordingly, the researcher can take a simple effect size value of 0.25, where the sample size of 136 is sufficient to perform a multiple regression analysis with a power of the test of 0.80, if he does not find the value report in the similar previous studies. The research instrument consisted of a*

*five-part questionnaire. Part A is about the respondents' demographics of the study. Each item in sections B, C and D uses has a five-point Likert scale. Part B contains 12 items on the quality of teacher teaching. Part C contains 28 items on the skills of preparing a daily lesson plan. Finally, Part D consists of 31 items on teaching skills. Finally, Part E contains 16 items on the 4C's skills inculcation practices. The questionnaire is administered by the researcher using online google form. All data collected in this study are analyzed using SPSS software involving Pearson correlation test and multiple regression test. This study is still in the proposal stage and is expected to be completed by or before December 31, 2020.*

*Keywords: 4C's skills inculcation practices, teaching quality, daily lesson plans, teaching implementation.*

## **PENGENALAN**

Penerapan kemahiran 4C ini adalah penting untuk menonjolkan kemenjadian dalam kalangan murid. Oleh itu, dalam semua mata pelajaran di sekolah, perlu diterapkan kemahiran kolaborasi, komunikasi, pemikiran kritis dan kreativiti untuk melahirkan modal insan yang mampu bersaing dalam ekonomi globalisasi (Roekel, 2017). Modal insan yang dihasilkan perlu berupaya kekal berdaya saing dengan memiliki keupayaan dalam melaksanakan sesuatu yang belum pernah dilakukan, serta tidak boleh diganti atau direplikasi oleh komputer (Gasser, 2011). Oleh itu, kemahiran kolaborasi, komunikasi, pemikiran kritis dan kreativiti memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing. Hal ini amat selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk menghasilkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, untuk menerajui pembelajaran murid maka guru perlu menerapkan kemahiran 4C dalam setiap proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di sekolah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Menurut Jabatan Perdana Menteri (2017), faktor kritikal untuk menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah pembangunan modal insan. Sehubungan itu, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020 merancang dan melaksanakan agenda menjana modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif dan berupaya terus maju dan mempunyai daya saing dalam ekonomi global. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) pula menetapkan aspirasi murid yang hendak dididik supaya memiliki pengetahuan, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran kepemimpinan, kemahiran bahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Untuk memacu kejayaan PPPM, maka Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) melaksanakan Program Transformasi Sekolah 2013 -2025 (TS25) mulai tahun 2015. Antara penekanan yang sangat ditekankan dalam program tersebut adalah amalan penerapan kemahiran 4C dalam setiap PdPc guru-guru di sekolah. Justeru itu, adalah perlu pengkaji untuk mengkaji pelaksanaan amalan tersebut dalam kalangan guru-guru di sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2013-2025 (TS25). Masalahnya, bagaimanakah kita dapat mengetahui dan memahami fenomena amalan penerapan kemahiran 4C dalam kalangan guru di sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2013 -2025 (TS25)? Apakah hubungan antara amalan penerapan kemahiran 4C yang diamalkan oleh guru dengan kualiti pengajaran kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH), dan kemahiran melaksanakan pengajaran? Justeru itu, amalan penerapan kemahiran 4C dalam kalangan guru di sekolah perlu diterokai dengan cara melakukan kajian ini.

## TINJAUAN LITERATUR

Kemahiran 4C adalah merujuk kepada empat jenis kemahiran utama dalam Pembelajaran Abad Ke-21, iaitu kemahiran komunikasi (*communication skills*), kemahiran kolaboratif (*collaboration skills*), kemahiran pemikiran kritis (*critical thinking skills*) dan kemahiran kreativiti (*creative thinking skills*) (Madden, 2010).

### Komunikasi

Amalan penerapan kemahiran komunikasi wujud jika berlaku interaksi antara guru-murid, murid-murid dan murid-bahan secara lisan dan bukan lisan bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan. Ini bermaksud sepatutnya: (i) Murid dapat memerhati, mendengar dan memberi maklum balas dengan orang lain; (ii) Murid dapat menyusun pemikiran mereka secara logik dan menyatakannya secara jelas dan ringkas; (iii) Murid dapat memahami cara menyesuaikan mesej atau kaedah tertentu untuk menyampaikannya; dan (iv) Murid yakin berinteraksi dengan rakan mereka semasa menyampaikan sebarang topik.

### Kolaboratif

Amalan penerapan kemahiran kolaboratif wujud jika berlaku kerjasama dan muafakat antara guru-murid dan murid-murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid. Ini bermaksud sepatutnya: (i) Murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama untuk mencapai matlamat yang sama dan saling bergantung untuk Berjaya; (ii) Murid bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan dalam kumpulan dan menghargai sumbangan dan idea rakan-rakan yang lain; (iii) Murid dilibatkan secara seimbang dalam kumpulan melalui pembahagian tugas berdasarkan keupayaan murid; dan (iv) Murid dapat menerima dan menghormati pandangan orang lain. Bersikap fleksibel dan dapat bertolak ansur untuk mencapai matlamat yang sama.

### Pemikiran Kritis

Amalan penerapan kemahiran pemikiran kritis wujud jika berlaku penerokaan pemikiran untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Ini bermaksud sepatutnya: (i) Murid memiliki maklumat mengenai pelbagai perkara/bidang; (ii) Murid meneroka sesuatu bidang ilmu dengan cara pembacaan, penyoalan dan melakukan aktiviti secara *hands-on* untuk mendapat maklumat; (iii) Murid membuat keputusan berdasarkan maklumat dan berupaya mempertahankan keputusan dengan memberikan bukti; dan (iv) Murid berfikir terbuka, menerima pandangan orang lain dan merendah diri.

### Kreativiti

Amalan penerapan kemahiran kreativiti wujud jika berlaku proses penjanaan idea yang menghasilkan inovasi bahan, aktiviti dan projek yang baharu, unik, berguna dan berkualiti. Ini bermaksud sepatutnya: (i) Murid melihat situasi sedia ada daripada pelbagai sudut untuk menjana idea dan melakukan sesuatu dengan cara yang berbeza; (ii) Murid menghasilkan dan menggunakan idea-idea baru dalam konteks tertentu dan menjana hasil yang positif; (iii) Murid berani mencuba dan diberikan galakan tanpa merasa bimbang dengan kritikan; dan (iv) Murid mempunyai hala tuju yang jelas dan berimiginasi secara asli serta tidak mengikut kelaziman.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan penerapan kemahiran 4C yang diamalkan oleh guru di sekolah. Selanjutnya, kajian ini juga bertujuan untuk melihat hubungan antara amalan penerapan kemahiran 4C yang diamalkan oleh guru dengan kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) dan kemahiran melaksanakan pengajaran. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh kualiti

pengajaran kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian dan kemahiran melaksanakan pengajaran terhadap amalan penerapan kemahiran 4C.

## OBJEKTIF

Untuk mencapai tujuan kajian ini, maka perlu dicapai objektif kajian seperti berikut:

- a. Menentukan tahap amalan penerapan kemahiran 4C.
- b. Menentukan tahap kualiti pengajaran.
- c. Menentukan tahap kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH).
- d. Menentukan tahap kemahiran melaksanakan pengajaran.
- e. Menentukan hubungan antara kualiti pengajaran dengan amalan penerapan kemahiran 4C.
- f. Menentukan hubungan antara kemahiran menyediakan RPH dengan amalan penerapan kemahiran 4C.
- g. Menentukan hubungan antara kemahiran melaksanakan pengajaran dengan amalan penerapan kemahiran 4C.
- h. Menentukan pengaruh kualiti pengajaran kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian dan kemahiran melaksanakan pengajaran terhadap amalan penerapan kemahiran 4C.

## SOALAN KAJIAN

Untuk mencapai tujuan dan objektif kajian ini, maka kajian ini perlu menjawab soalan kajian seperti berikut:

- a. Apakah tahap amalan penerapan kemahiran 4C dalam kalangan guru?
- b. Apakah tahap kualiti pengajaran dalam kalangan guru?
- c. Apakah tahap kemahiran menyediakan RPH dalam kalangan guru?
- d. Apakah tahap kemahiran melaksanakan pengajaran dalam kalangan guru?
- e. Apakah hubungan antara kualiti pengajaran dengan amalan penerapan kemahiran 4C?
- f. Apakah hubungan antara kemahiran menyediakan RPH dengan amalan penerapan kemahiran 4C?
- g. Apakah hubungan antara kemahiran melaksanakan pengajaran dengan amalan penerapan kemahiran 4C?
- h. Apakah pengaruh kualiti pengajaran kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian dan kemahiran melaksanakan pengajaran terhadap amalan penerapan kemahiran 4C?


## HIPOTESIS KAJIAN

Untuk menjawab soalan kajian (e) hingga (h), maka perlu diuji empat hipotesis nol berikut:

- a.  $H_0: \rho_1 = 0$   
Tiada hubungan yang signifikan antara kualiti pengajaran dengan amalan penerapan kemahiran 4C.
- b.  $H_0: \rho_2 = 0$   
Tiada hubungan yang signifikan antara kemahiran menyediakan RPH dengan amalan penerapan kemahiran 4C.
- c.  $H_0: \rho_3 = 0$   
Tiada hubungan yang signifikan antara kemahiran melaksanakan pengajaran dengan amalan penerapan kemahiran 4C.
- d.  $H_0: \beta_1 = \beta_2 = \beta_3 = 0$   
$$y = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3$$

Tiada pengaruh kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan RPH dan kemahiran melaksanakan pengajaran yang signifikan terhadap amalan penerapan kemahiran 4C.

## KERANGKA KONSEPSUAL KAJIAN



Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 di atas menunjukkan kerangka konseptual kajian ini yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian yang tertumpu kepada pembolehubah yang hendak dikaji. Kerangka konseptual kajian ini lebih bersifat tentatif dan belum dibangunkan secara sepenuhnya berbanding kerangka teori (Norwood, 2000). Kerangka konseptual kajian ini menunjukkan hubungan tiga pembolehubah tidak bersandar dengan satu pembolehubah bersandar. Pembolehubah tidak bersandar terdiri daripada kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) dan kemahiran melaksanakan pengajaran. Pembolehubah bersandar pula adalah amalan penerapan kemahiran 4C. Kerangka konseptual kajian ini dipaparkan dalam bentuk grafik seperti dalam Rajah 1, mempunyai struktur yang menghubungkan semua pembolehubah atau idea utama yang terlibat dalam kajian ini. Seterusnya menjadi panduan yang memudahkan pengkaji untuk menentukan perkaitan dalam kalangan pembolehubah kajian.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini mempunyai enam elemen utama, iaitu: (i) reka bentuk kajian; (ii) populasi dan sampel kajian; (iii) instrumen kajian; (iv) kajian rintis; (v) pengumpulan data; dan (vi) analisis data. Semua enam elemen tersebut adalah penting supaya pengkaji dapat melaksanakan kajian dengan lancar dan sistematik untuk menghasilkan suatu kajian yang berkualiti.

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian tinjauan ini merupakan tinjauan semasa atau dikenali juga sebagai keratan lintang (*cross-sectional survey*). Reka bentuk ini melibatkan pengkaji mengumpul data sekali sahaja daripada suatu sampel pada suatu masa.

Reka bentuk ini dipilih kerana ianya sesuai untuk mengumpul maklumat tentang pembolehubah-pembolehubah dan membuat pemerihaln tentang fenomena yang wujud atau berlaku. Selain itu, reka bentuk ini juga kerap digunakan oleh para pengkaji untuk memperoleh maklumat deskriptif berkenaan sesuatu populasi, iaitu bagi mengetahui taburan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji mentadbir soal selidik kepada sampel atau keseluruhan populasi bagi memperihalkan ciri-ciri populasi. Untuk kajian ini, ciri-ciri populasi adalah merangkumi amalan penerapan kemahiran 4C yang diamalkan oleh guru dengan kualiti pengajaran kualiti pengajaran, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH), dan kemahiran melaksanakan pengajaran.

Penggunaan reka bentuk ini juga membolehkan pengkaji membuat penjelasan (*explanatory*) tentang pembolehubah untuk menjelaskan suatu fenomena. Melalui penggunaan reka bentuk ini juga, pengkaji dapat melakukan penerokaan (*exploratory*) untuk mengenal pasti masalah atau membuat justifikasi kepada sesuatu keadaan atau amalan. Selanjutnya dapat dilakukan dapat penyelidikan lanjutan yang lebih sistematik.

### Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada semua guru di sekolah-sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Kohot 1 hingga 4 di kawasan utara Negeri Sarawak. Untuk kajian ini, kawasan utara Negeri Sarawak terdiri daripada sembilan daerah yang merangkumi Baram, Belaga, Bintulu, Lawas, Limbang, Miri, Sebauh, Subis dan Tatau. Sembilan daerah tersebut mempunyai 16 buah sekolah rendah dan 16 buah sekolah rendah di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Kohot 1 hingga 5.

Sampel kajian ini terdiri daripada 150 orang guru di sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di kawasan utara Negeri Sarawak. Sehubungan itu, pengkaji boleh mengambil nilai kesan perbezaan (*effect size*) yang sederhana, iaitu 0.25, di mana saiz sampel 136 adalah mencukupi untuk melakukan analisis regresi berganda dengan kuasa ujian (*power of the test*) bernilai 0.80, sekiranya tidak menemui laporan nilai tersebut dalam kajian-kajian lepas yang serupa.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini terdiri daripada borang soal selidik yang mengandungi lima bahagian. Bahagian A adalah tentang demografi responden kajian. Setiap item dalam bahagian B, C, D dan E menggunakan mempunyai skala Likert lima mata. Bahagian B mengandungi 12 item tentang kualiti pengajaran guru. Bahagian C mempunyai 28 item tentang kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian. Bahagian D terdiri daripada 31 item tentang kemahiran melaksanakan pengajaran. Akhir sekali, Bahagian E terdiri daripada 16 item tentang amalan penerapan kemahiran 4C. Semua item yang dibina dalam Bahagian B, C, D dan E adalah hasil usaha pengkaji meneliti tinjauan literature yang berkaitan dengan kemahiran 4C, kualiti pengajaran guru, kemahiran menyediakan rancangan pengajaran harian, dan kemahiran melaksanakan pengajaran. Borang soal selidik ditentukan tahap kebolehpercayaanya melalui kajian rintis.

### Kajian Rintis

Kajian rintis atau *pilot test* melibatkan 30 orang guru yang terdiri daripada 15 orang guru sekolah rendah dan 15 orang guru sekolah menengah dari sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di kawasan utara negeri Sarawak. Hasil kajian rintis mendapati nilai pekali alpha (*Cronbach alpha*) setiap bahagian (b), (c), (d) dan (e) dalam soal selidik adalah tinggi antara  $\alpha = .73$  hingga  $.91$ . Nilai pekali alpha tersebut boleh sifatkan sebagai: *stability coefficients*, *customary coefficients*, *sufficient coefficients*, *acceptable reliability* dan *very good reliability* oleh Kubiszyn et al. (2000). Ini bermaksud instrumen tersebut mempunyai bukti kukuh dengan kebolepercayaan yang tinggi dalam mengukur setiap item yang hendak diukur. Oleh itu, instrumen kajian ini boleh digunakan oleh pengkaji dalam kajian yang sebenar.

### Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan sepenuhnya borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik dipindahkan bentuknya menjadi borang *google* (*google form*). Borang *google* ditadbir sendiri oleh pengkaji sendiri secara dalam talian. Pengkaji sendiri menghubungi setiap pengetua dan guru besar sekolah yang terlibat. Ini bertujuan untuk memohon bantuan dan jasa baik mereka meminta guru-guru dari sekolah mereka masing-masing menjawab soal selidik tersebut secara sukarela. Semua jawapan soal selidik dari setiap responden akan dikumpul dan direkod dalam bentuk hamparan elektronik (*spreadsheet*).

## Analisis Data

Semua data yang dikumpul dalam kajian ini dianalisis dengan bantuan perisian *Statistical Package for the Sosial Sciences* (SPSS) versi 22. Analisis data melibatkan penggunaan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif yang digunakan melibatkan kekerapan, min, peratusan dan sisihan piawai. Statistik inferensi yang digunakan melibatkan korelasi Pearson dan regresi linear berganda.

Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis demografi responden kajian. Demografi responden merangkumi jantina, etnik, umur, pengalaman mengajar, mata pelajaran diajar, kelas yang diajar, kelulusan akademik, dan pengkhususan latihan perguruan. Statistik deskriptif juga digunakan untuk menjawab empat soalan kajian yang pertama, iaitu soalan kajian (a), (b), (c) dan (d).

Penggunaan statistik inferensi melibatkan ujian korelasi Pearson untuk menguji hipotesis nol yang terdapat dalam hipotesis kajian (a), (b) dan (c). Pengujian empat hipotesis tersebut digunakan untuk menjawab soalan kajian (e), (f) dan (g). Selain itu, penggunaan statistik inferensi juga melibatkan ujian regresi linear berganda untuk menguji hipotesis nol yang terdapat dalam hipotesis kajian (d). Pengujian hipotesis (d) digunakan untuk menjawab soalan kajian (h). Pengkaji menetapkan aras signifikan,  $\alpha = 0.05$  bagi ujian korelasi Pearson dan ujian regresi linear berganda.

Kajian ini masih di peringkat proposal dan kajian rintis serta dijangka siap sepenuhnya sebelum atau pada 31 Disember 2020.

## RUJUKAN

- Jabatan Perdana Menteri. (2017). Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020. Putrajaya. Retrieved from <http://www.epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysiakesebelas-2016-2020>.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pelajaran Malaysia (JNJK KPM). (2010). Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010. Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015.
- Kubiszyn, T. W., Meyer, G. J., Finn, S. E., Eyde, L. D., Kay, G. G., Moreland, K. L., Dies, R. R., & Eisman, E. J. (2000). Empirical support for psychological assessment in clinical health care settings. *Professional Psychology: Research and Practice*, 31(2), 119–130.
- Madden, J. (2010). Fostering 21st Century School Mindset: Implications For Schools. \_\_\_\_\_, 1-13.
- Martha Hampson. (nd). Home Page. Retrieved August 23, 2017 from [http://www.innovationunits.org/knowledge/our-ideas/21st-century-educationPartnership for 21st century Learning \(2007\), Framework for 21st century Learning, http://www.p21.org/ourwork/p211-framework](http://www.innovationunits.org/knowledge/our-ideas/21st-century-educationPartnership for 21st century Learning (2007), Framework for 21st century Learning, http://www.p21.org/ourwork/p211-framework).
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2013). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Roedel, D. Van. (2017). Preparing 21st century students for a global society. Washington, DC: National Education Association. Retrieved from <http://www.nea.org/assets/docs/A-Guide-to-Four-Cs.pdf>



## **KEBERKESANAN PENGURUSAN PROGRAM AKADEMIK MENGGUNAKAN KITARAN DEMING DAN JELAJAH PEMBELAJARAN DI DAERAH BAU**

**HA HOW PING**

Pejabat Pendidikan Daerah Bau, Jalan Tasik Biru, 94000 Bau  
peonyha74@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pengurusan program akademik di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah Bau. Program Bijak Sifir Darab merupakan salah satu program intervensi akademik yang dirancang untuk dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. Matematik merupakan mata pelajaran kritikal di daerah Bau. Penguasaan sifir darab adalah penting untuk mencapai kecemerlangan dalam Matematik. Kegagalan menguasai sifir darab merupakan faktor utama murid-murid tidak dapat menguasai tahap minima (mtm) dalam Matematik di peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Ramai murid masih belum menguasai kemahiran tersebut setelah tamat Tahun 3. Kajian ini menggunakan kaedah Kitaran Deming dengan langkah PDCA (rancang, buat, semak dan tindakan susulan). Tiga kitaran Deming dijalankan dalam kajian ini. Dapatan daripada setiap kitaran menentukan tindakan kitaran seterusnya. Kuiz sifir darab sebagai instrumen utama untuk mengukur pencapaian murid dalam penguasaan sifir darab. Kuiz ini diberikan dalam setiap kitaran semasa Jelajah Pembelajaran (LW) ke sekolah. Kajian ini melibatkan 804 murid tahun 3 di 40 sekolah rendah di daerah Bau. Sepanjang tiga kitaran, terdapat penambahbaikan pedagogi guru serta strategi program yang membawa peningkatan berterusan dalam penguasaan sifir darab. Purata peratus murid dalam penguasaan sifir darab meningkat dari 36.9% ke 72.5% pada akhir kajian. Kajian ini membuktikan penggunaan Kitaran Deming bersama jelajah pembelajaran (LW) adalah kaedah berkesan dalam pengurusan program.

Kata Kunci : penguasaan sifir darab, pengurusan program, kitaran Deming (PDCA), jelajah pembelajaran (LW) .

### **ABSTRACT**

*This study aimed to investigate the effectiveness of the academic programme management in Bau District Education Office. Program "Bijak Sifir Darab" is one of the intervention programmes introduced to primary schools in Bau district. Mathematics has always been considered a critical subject among primary school pupils in Bau district. Mastering the multiplication table is crucial to excel in Mathematics. Failure to master the Multiplication Table is believed to be the major factor why pupils fail to achieve the minimum level in Mathematics in UPSR. However, many pupils still have not mastered the skills which they should upon completing Year 3. This study utilized the Deming Cycle method which followed the PDCA steps (Plan, Do, Check and Action). Three Deming cycles were performed in this study. Findings from each cycle determine the action of the next cycle. Multiplication quizzes were used as the major instruments to gauge the performances of the pupils. The quiz is given in each cycle during the Learning Walks (LW) to school. This study involved 804 Year 3 pupils in 40 primary school in Bau area. Throughout the three cycles, there have been improvements in teacher pedagogies and program strategies that have lead pupils to continuous improvement in mastery of multiplication table. The average percentage of pupils in the multiplication table increased from 36.9% to 72.5% at the end of the study. The study proves that using Deming Cycle along with Learning Walks (LW) is an effective method of the programme management.*


Keywords : *Mastering the multiplication table, programme management, Dewing Cycle (PDCA), Learning Walks (LW)*

## PENGENALAN

Saya bertugas sebagai Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+) Matematik di Pejabat Pendidikan Daerah Bau. Terdapat 40 sekolah rendah di daerah Bau dengan 31 Sekolah Kebangsaan dan 9 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Majoriti murid di sekolah rendah adalah berbangsa Bidayuh diikuti bangsa Cina yang kebanyakan keturunan Cina-Bidayuh. Matematik merupakan salah satu mata pelajaran yang penting tetapi mencabar bagi kebanyakan pelajar (Idris, 2005). Begitu juga keadaan di daerah Bau. Prestasi Matematik adalah lemah jika dibandingkan dengan mata pelajaran teras dalam UPSR di daerah Bau. Pelbagai program matematik diusahakan untuk meningkatkan prestasi matematik daerah. Untuk mencapai objektif, suatu program mesti berfokus dan diurus dengan sistematik, rapi dan teratur. Sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001 merupakan rujukan utama dalam pengurusan dan dokumentasi program. Kitaran Deming adalah asas kepada sistem pengurusan kualiti ISO 9001. Kitran ini mempunyai 4 langkah iaitu rancang, buat, semak dan tindakan susulan iaitu Plan, Do, Check, Action dalam perkataan Bahasa Inggeris (PDCA). Kitran ini digunakan untuk mencapai peningkatan berterusan dalam pengurusan proses perniagaan yang diperkenalkan oleh Dr. Edward Deming pada tahun 1950. Kitran PDCA sesuai untuk semua pengurusan sama ada secara formal atau tidak formal. (Itay Abuham, 2014).

### Jadual 1

Konsep kitaran Deming Dalam Peningkatan Kualiti Berterusan



4 langkah dalam kitaran Deming adalah seperti berikut:

#### Langkah 1: Rancang (Plan)

Langkah ini merupakan titik permulaan untuk membuat perubahan. Pengurus perlu mengetahui situasi sebenar dan keperluan untuk membuat perubahan. Perkara dalam langkah ini adalah seperti mengenalpasti isu melalui analisis data, cadangan penyelesaian atau penambahbaikan, menetapkan objektif, membajet kos serta merancang strategi dan tentatif

pelaksanaan. Perancangan yang baik menjamin tindakan seterusnya supaya mencapai objektif yang diharapkan.

#### Langkah 2: Buat (Do)

Dalam langkah pelaksanaan, pihak yang terlibat perlu diberi penerangan yang jelas tentang keperluan, tujuan dan cara pelaksanaan program. Ini membolehkan kumpulan pelaksana lebih memahami pelaksanaan supaya tidak tersasar daripada tujuan sebenarnya.

#### Langkah 3: Semak (Check)

Langkah ketiga ini untuk menilai keberkesanan program dengan pelbagai kaedah dan instrumen. Pencapaian sebenar perlu dibandingkan dengan prestasi yang diharapkan.

#### Langkah 4: Tindakan (Action)

Daripada data yang dikumpul dalam langkah penyemakan, analisis dan pelaporan kemajuan dibuat. Tindakan susulan bergantung kepada dapatan dan penemuan dalam langkah semak sama ada meneruskan kitaran PDCA baharu atau menamatkan kitaran.

Jelajah Pembelajaran atau Learning Walks (LW) pula adalah satu strategi dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC). LW dijalankan oleh sekumpulan guru untuk membuat pemerhatian berfokus terhadap pengajaran guru atau aktiviti bilik darjah di sekeliling sekolah bagi peningkatan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran. LW berasal daripada pengurusan eksekutif Hewlett-Packard (HP) yang mengamalkan konsep “pengurusan menerusi pemerhatian”. Menurut Nagesh Belludi (2016), Dr. Edward Deming menyatakan bahawa “Jika anda menunggu orang yang datang mencari anda, anda hanya mendapat masalah kecil. Masalah besar hanya disedari apabila anda berada di barisan hadapan”. Melalui “Pengurusan menerusi pemerhatian” pengurus dapat memerhati situasi sebenar dan mengesan masalah di lapangan kerja. Selain itu, LW ini dapat mewujudkan komunikasi dua hala antara pengurus dan pekerja, meningkatkan motivasi kerja dan produktiviti.

Konsep Kitaran Deming adalah untuk peningkatan kualiti secara berterusan. Manakala faedah dalam Jelajah Pembelajaran menambahbaikkan pengurusan program dalam langkah *DO* dan *Check*. Maka satu kajian dengan kombinasi dua strategi telah dimulakan.

## PERNYATAAN MASALAH

### Masalah pengurusan program

Berdasarkan amalan lama, Sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001 dengan 4 langkah PDCA sentiasa ditekankan dalam pengurusan program. Namun konsep kitaran Deming untuk mengulangi kitaran bagi peningkatan berterusan tidak diamalkan. Biasanya suatu program dirancang akan tamat pada satu kitaran Deming sahaja. Sedangkan konsep sebenar kitaran Deming iaitu 4 langkah PDCA tidak berhenti pada satu kitaran sahaja, tetapi mengulanginya semula untuk menambahbaikkan dan peningkatan berterusan. Ini merupakan satu kelemahan dalam pengurusan program Matematik sebelum ini. Kelemahan ini mungkin menjadi salah satu faktor yang menyebabkan keputusan matematik daerah Bau dalam UPSR memaparkan tren turun naik.

Selain itu, langkah semak (Check) dalam kitaran PDCA selama ini kurang bersifat menyeluruh. Pemantauan program dari pihak PPD lebih bercirikan pemeriksaan status pelaksanaan. Tambahan pula pemantauan biasanya terhad kepada beberapa buah sekolah sahaja. Data-data yang dikumpul bergantung kepada pelaporan daripada pihak sekolah. Maka masalah ketidaksahihan data mungkin berlaku. Masalah serta isu sebenar sepanjang proses pelaksanaan program di peringkat sekolah kurang dikesan. Justeru langkah tindakan susulan seterusnya juga terganggu dan kurang berkesan.

### Masalah Matematik

Prestasi Matematik daerah Bau tidak menunjukkan tren menaik yang konsisten berdasarkan peratus menguasai tahap minima dalam UPSR dari tahun 2016 hingga 2018.

## Jadual 2

### Peratus Menguasai Tahap Minima Mata Pelajaran Matematik dalam UPSR

Tahun	2016	2017	2018
% Menguasai Tahap Minima (mtm)	79.38%	86.77%	81.16%

Melalui analisis item dalam kertas Matematik UPSR 2018, sebanyak 70% markah kertas 1 dan 56.7% markah kertas 2 bergantung secara langsung kepada kemahiran pendaraban. Melalui perbincangan dengan guru-guru Matematik yang dibimbing dan juga pemerhatian semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, murid sangat lemah dalam kemahiran pendaraban. Kemahiran ini memerlukan murid mahir sifir darab sehingga boleh menjawab soalan faktia asas pendaraban secara spontan. Malangnya kebanyakan murid tahun 6 masih gagal menguasai sifir darab. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Matematik Semakan Baru tahun 2017, kemahiran pendaraban dibelajar oleh murid tahun 2. Sifir darab merupakan fakta asas dalam Matematik. Kegagalan menguasai fakta asas pendaraban akan membawa gangguan untuk mengikuti kemahiran yang seterusnya dan masalah dalam pengiraan akan mempengaruhi prestasi Matematik. Tambahan pula, masa UPSR Matematik masing-masing diperuntukkan 1 jam sahaja untuk menjawab 40 item dalam kertas 1 dan 15 item yang ada sub soalan dalam kertas 2. Maka murid perlu cepat dan tepat serta menggunakan kemahiran aritmetik untuk mempercepatkan pengiraan. Justeru penguasaan sifir darab adalah satu kemestian untuk mencapai prestasi cemerlang dalam mata pelajaran Matematik.

## FOKUS KAJIAN

Dalam kajian ini, fokus utama adalah mengurus program bijak sifir darab dengan mengulangi kitaran PDCA supaya ada peningkatan penguasaan sifir darab secara berterusan di kalangan murid tahun 3. Program bijak sifir darab dijadikan program utama peringkat pejabat pendidikan daerah dengan harapan semua sekolah rendah mengambil tindakan dan mempergiatkan intervensi sifir darab di sekolah. Secara tidak langsung, semua murid tahun 2 hingga tahun 6 mendapat manfaat dalam intervensi yang dilaksanakan dan meningkatkan prestasi matematik terutamanya dalam keputusan UPSR. Walau bagaimanapun, dengan kekangan tenaga dan masa, pengumpulan data hanya dibuat untuk murid-murid tahun 3 dengan menjelajah pembelajaran ke 40 sekolah rendah daerah Bau. Murid tahun 3 dijadikan kumpulan sasaran dalam kajian ini supaya masalah penguasaan sifir darab dikurangkan sebelum melangkah ke tahap 2 persekolahan yang mana kemahiran Matematik adalah lebih mencabar.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif untuk:

- meningkatkan penguasaan sifir darab murid tahun 3 dengan pengurusan program melalui pengulangan Kitaran Deming dan Jelajah Pembelajaran;
- mempergiatkan pelaksanaan program/ intervensi sifir darab di 40 sekolah rendah daerah Bau;
- penambahbaikan pedagogi guru serta strategi program yang membawa peningkatan berterusan dalam penguasaan sifir darab;
- meningkatkan prestasi Matematik daerah Bau dalam UPSR tahun 2019.

## SOALAN KAJIAN

- Bagaimanakah pengulangan Kitaran Deming dan Jelajah Pembelajaran membantu dalam pengurusan program sifir darab dapat meningkatkan penguasaan sifir darab murid tahun 3?

- b. Adakah sekolah mempergiatkan pelaksanaan program/ intervensi di sekolah masing-masing?
- c. Sejauh manakah guru Matematik berusaha dalam menambahbaikkan pedagogi serta strategi program sifir untuk meningkatkan penguasaan sifir darab?
- d. Dapatkah pengurusan program melalui Kitaran Deming dan jelajah pembelajaran dapat meningkatkan prestasi Matematik daerah Bau dalam UPSR 2019?

## KAEDAH KAJIAN

### Instrumen Kajian

#### a. Kuiz “Pintar Sifir Darab”

Instrumen utama dalam program bijak sifir adalah kuiz “Pintar Sifir Darab”. (Jadual 3) Kuiz ini menguji kepantasan dan ketepatan kemahiran fakta asa pendaraban. Fakta asas pendaraban nombor satu digit dengan satu digit diuji secara rawak dalam kuiz. Murid diberi tempoh 5 minit untuk menyiapkan kuiz tersebut. Kuiz ini menambah cabaran kerana jawapan yang dihendaki tidak semestinya adalah hasil pendaraban.

Kuiz ini diberikan kepada semua murid tahun 3 semasa Jelajah Pembelajaran ke sekolah dalam setiap kitaran Deming. Kuiz kitaran pertama dijadikan pra ujian, manakala kuiz dalam kitaran ketiga merupakan ujian pasca. Soalan dalam kuiz tidak berubah tetapi kedudukan soalan berbeza dalam setiap kitaran.

Jadual 3

Instrumen kajian- kuiz “Pintar Sifir Darab”

<b>KUIZ “Pintar Sifir Darab”</b>	
Nama Sekolah: _____	
NAMA: _____	TEMPOH MASA   <b>5 MINIT</b>
MARKAH: ___/20	
1)	$( \quad ) \times 7 = 56$
2)	$2 \times 7 = ( \quad )$
3)	$7 \times 5 = ( \quad )$
4)	$6 \times 1 = ( \quad )$
5)	$5 \times ( \quad ) = 40$
6)	$3 \times 0 = ( \quad )$
7)	$2 \times 2 = ( \quad )$
8)	$7 \times ( \quad ) = 21$
9)	$8 \times 4 = ( \quad )$
10)	$2 \times ( \quad ) = 8$
11)	$3 \times 9 = ( \quad )$
12)	$3 \times 4 = ( \quad )$
13)	$( \quad ) \times 4 = 16$
14)	$6 \times 9 = ( \quad )$
15)	$2 \times 1 = ( \quad )$
16)	$4 \times ( \quad ) = 20$
17)	$5 \times 5 = ( \quad )$
18)	$0 \times 7 = ( \quad )$
19)	$4 \times 7 = ( \quad )$
20)	$( \quad ) \times 3 = 9$

#### Cara Perekodan Keputusan Murid

Selepas kuiz disemak, keputusan murid akan direkodkan seperti Jadual 4. Murid yang mendapat skor lebih daripada 10 daripada 20 dianggap melepasi ujian kuiz.

Jadual 4

Jadual Perekodan Skor Bagi Kuiz “Pintar Sifir Darab”

Markah	0/20	1/20 / 5/20	6/20 / 10/20	11/20 / 15/20	16/20 / 19/20	20/20
Bil. murid						

### Borang Pemerhatian

Borang pemerhatian diisi oleh pegawai semasa menjalankan LW ke 40 sekolah rendah dalam langkah semak bagi setiap kitaran Deming. Pemerhatian dilakukan untuk melihat kemantapan murid semasa menjawab kuiz. Selain itu, dalam kitaran kedua, pemerhatian juga dijalankan terhadap proses PdP guru Matematik tahun 3 berkaitan sifir darab. Pemerhatian proses PdP ini berfokus kepada 18 sekolah rendah ekoran daripada data skor kuiz yang rendah dalam kitaran pertama.

### Borang Maklum Balas

Pihak sekolah perlu mengisi borang maklum balas tentang program/ intervensi yang dijalankan di sekolah masing-masing dalam setiap kitaran. Maklum balas ini merupakan pelaporan ringkas yang diberi oleh pihak sekolah yang memberi maklumat yang lebih jelas tentang pelaksanaan program sifir darab.

### Kitaran Deming dan Jelajah Pembelajaran

Terdapat 3 kitaran Deming (PDCA) bersama Jelajah Pembelajaran (LW) dijalankan dalam program bijak sifir yang ditunjukkan dalam jadual 5.

#### Jadual 5

#### Proses perkembangan Kitaran Deming

<b>Kitraran pertama</b>		
<b>Langkah</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tempoh</b>
Rancang (Plan)	- perancangan program Matematik tahun 2019 melalui <ul style="list-style-type: none"> <li>• analisis item kertas Matematik UPSR 2018</li> <li>• analisis keputusan UPSR Tahun 2016- 2018</li> <li>• refleksi program Matematik tahun lepas</li> <li>• masalah penurunan keputusan Matematik UPSR tahun 2018</li> <li>• perbincangan bersama Tuan Pejabat Pendidikan Daerah Bau (KPPD), dan SISC+ MT</li> </ul> - mendapatkan kelulusan program bijak sifir untuk tahun 2019 dengan strategi kitaran Deming dan Jelajah Pembelajaran oleh KPPD Bau.	Dis 2018 / Jan 2019
Buat (Do)	- pemakluman pelaksanaan program bijak sifir kepada 40 sekolah rendah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Daerah Bil.1/2019 - Pihak sekolah merancang dan mengusahakan program/ intervensi sifir darab di sekolah masing-masing.	Feb-Mac
Semak (Check)	- LW kitaran pertama ke 40 sekolah rendah untuk memberi ujian pra iaitu kuiz "Pintar Sifir Darab" kepada semua murid tahun 3. - pemerhatian dibuat terhadap reaksi murid tahun 3 dalam menjawab kuiz - perbincangan bersama guru MT tahun 3 dan juga ketua panitia MT tentang perkembangan program - analisis keputusan kuiz dan dapatan LW kitaran pertama	Mac
Tindakan (Action)	- pelaporan dapatan LW kepada 40 guru besar dalam Dialog Prestasi Daerah Bau Bil.1/2019 - perkongsian pelbagai kaedah pembelajaran sifir darab kepada guru-guru matematik tahun 3 melalui kumpulan "whatsapp" - tindakan penambahbaikan diambil oleh pihak sekolah.	April

<b>Kitaran Deming Kedua</b>		
Rancang (Plan)	- Perancangan LW kitaran kedua bersama KPPD Bau	April
Buat (Do)	- program/ intervensi sifir darab berterusan di sekolah dengan penambahbaikan.	April- Jun
Semak (Check)	- LW kitaran kedua untuk <ul style="list-style-type: none"> <li>• 18 sekolah rendah berdasarkan analisis keputusan kuiz dalam kitaran pertama.</li> <li>• SISC+ membuat pemerhatian aktiviti pengajaran dan pembelajaran sifir darab di kelas tahun 3 selama 15 minit</li> <li>• Memberikan Kuiz “Pintar Sifir Darab” kepada murid tahun 3</li> </ul> - analisis dapatan LW kitaran kedua	Jun-Julai
Tindakan (Action)	- pelaporan dapatan dan cadangan penambahbaikan LW siri ke-2 kepada KPPD dan guru besar. - bimbingan bersemuka bersama guru MT tahun 3 penambahbaikan berterusan dalam program/intervensi - tindakan susulan diambil oleh pihak sekolah	Ogos
<b>Kitaran Deming Ketiga</b>		
Rancang (Plan)	- perancangan Jelajah pembelajaran kitaran ke-3.	Ogos
Buat (Do)	- program/ intervensi program diteruskan di sekolah dengan langkah penambahbaikan. - bimbingan berterusan oleh SISC+ kepada guru MT Matematik yang terlibat	Ogos- Nov
Semak (Check)	- LW ke 40 sekolah rendah untuk <ul style="list-style-type: none"> <li>• menjalankan Kuiz “Pintar Sifir Darab”</li> <li>• mendapat maklum balas program dari pihak sekolah</li> </ul> - analisis data keputusan kuiz bersama guru Matematik Tahun 3	Nov
Tindakan (Action)	- perbincangan bersama ketua panitia dan guru MT tahun 3 untuk mengesan kelemahan dan kekuatan serta langkah penambahbaikan seterusnya - analisis data ujian pasca bagi 40 sekolah mengkaji impak program bijak sifir tahun 2019	Nov-Dis

## DAPATAN KAJIAN

### Peningkatkan Penguasaan Sifir Darab Murid Tahun 3

Jadual 6

Peratus Murid Tahun 3 Bagi 40 Sekolah Rendah Daerah Bau Mengikut Kategori Skor

	0/20	1/20 / 5/20	6/20 / 10/20	11/20 / 15/20	16/20 / 19/20	20/20	Peratus murid > Skor 10/20
<b>Ujian pra %</b>	<b>4.48</b>	<b>30.97</b>	<b>27.65</b>	<b>16.01</b>	<b>14.43</b>	<b>6.47</b>	<b>36.9</b>
<b>Ujian pasca %</b>	<b>1.47</b>	<b>9.93</b>	<b>16.01</b>	<b>18.45</b>	<b>24.88</b>	<b>29.17</b>	<b>72.5</b>
<b>Perbandingan peratus ujian pra dan ujian pasca</b>	<b>turun</b>	<b>turun</b>	<b>turun</b>	<b>naik</b>	<b>naik</b>	<b>naik</b>	<b>naik</b>




Berdasarkan Jadual 6, didapati peratus murid tahun 3 dalam setiap kumpulan skor 0/20, 1/20-5/20, dan 6/20-10/20 adalah menurun pada ujian pasca. Manakala peratus murid mendapat skor lebih daripada 10/20 pula meningkat. Ini bermakna bilangan murid dalam skor

yang rendah semakin berkurangan dan semakin bertambah dalam skor yang lebih tinggi bagi ujian pasca. Tren ini menunjukkan murid tahun 3 semakin mantap dalam penguasaan sifir darab.

Selain itu, peratus murid melepasi ujian ( $>$  skor 10/20) meningkat dari 36.9% ke 72.5%. dalam ujian pasca. Prestasi penguasaan sifir darab dalam kalangan murid tahun 3 telah meningkat sebanyak 96.48% berbanding dengan ujian pra.

Jadual 7

Catatan Pemerhatian Semasa LW Ke Sekolah Dalam Tiga Kitaran Deming

Kitaran Deming	Pemerhatian
<p>Pertama</p>	<p>Secara umumnya, kebanyakan murid kurang yakin dan tidak dapat menulis jawapan secara spontan. Mereka perlu menggunakan jari dan contengan pada buku untuk mengira. Sebilangan murid cemas dan tidak mengerti apa yang perlu dijawab. Kuiz tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang diberikan.</p>  
<p>Kedua</p>	<p>Murid-murid lebih bersedia dalam kuiz. Murid lemah juga cuba menjawab walaupun berpandukan bahan pembelajaran.</p> 



Ketiga	Murid dapat menjawab kuiz dengan lebih yakin, cepat dan bersemangat. Mereka tahu apa yang perlu dibuat dan menunjukkan keinginan "menang" dalam kuiz.
--------	---

Jadual 7 merupakan rumusan catatan pemerhatian semasa menjelajah ke sekolah dalam tiga kitaran Deming, didapati proses perkembangan penguasaan sifir murid-murid tahun 3 adalah secara positif ke arah kecemerlangan. Murid-murid tahun 3 lebih bersedia dari segi intelek dan keyakinan diri.

### Pelaksanaan program/ intervensi di sekolah

Menjelajah ke sekolah telah memberikan satu gambaran sebenar tentang penguasaan sifir di kalangan murid tahun 3. Dalam analisis data melalui borang maklum balas, 90% sekolah menghadapi masalah dalam penguasaan kemahiran sifir darab dan 63.1% murid tahun 3 daerah Bau mendapat skor  $\leq 10/20$ . Pihak sekolah telah mempergiatkan pelaksanaan program selepas kitaran Deming pertama. Justeru sekolah telah menjalankan program berfokus untuk menangani masalah penguasaan sifir darab di kalangan murid terutamanya murid tahun 3. Tindakan tersebut termasuklah pihak pengurusan sekolah, guru mata pelajaran lain, panitia matematik dan ibu bapa murid.

Sebagai pengurus program dan juga seorang SISC+ Matematik, saya juga mengambil tindakan susulan selepas kitaran Deming Pertama. Kitaran Deming kedua telah dirancang dan berfokus kepada 18 sekolah yang 75% murid tahun 3 mendapat skor  $\leq 10/20$ .

Jadual 8 berikut merupakan tindakan susulan yang telah diambil oleh pihak sekolah dan pihak pejabat pendidikan daerah.

### Jadual 8

#### Tindakan Susulan Yang Diambil Sepanjang Proses Kajian

Tindakan sekolah	Tindakan PPD
1. Pihak pengurusan sekolah memberi sokongan sepenuhnya dan lebih menitikberatkan masalah sifir darab murid terutamanya dari aspek pemantauan.	1. Membuat bimbingan dan perbincangan bersemuka dengan guru MT tahun 3 dan ketua panitia MT.
2. Ketua panitia dan guru MT tahun 3 merancang program/ intervensi sifir darab yang lebih berkesan dan sistematik.	2. Perkongsian pelbagai cara pengajaran dan pembelajaran berkaitan kemahiran sifir darab.
3. Guru mata pelajaran lain juga turut membantu dalam program sifir darab.	3. Membuat pelaporan LW kepada pihak PPD dan pihak sekolah.
4. Guru MT tahun 3 melaksanakan PdP yang lebih menyeronokkan seperti kuiz lisan, congak sifir, nyayian dan permainan untuk mempertingkatkan motivasi dan minat murid dalam menguasai sifir.	4. Merancang tindakan untuk kitaran seterusnya.
5. Kaedah mengingat sifir dipelbagaikan dan lebih berfokus mengikut kebolehan murid terutamanya murid lemah.	
6. Kolaboratif dengan ibu bapa dalam memantau pembelajaran anak dalam sifir darab.	

### Prestasi Matematik Daerah Bau Dalam UPSR 2019

### Jadual 9

#### Peratus Menguasai Tahap Minima Mata Pelajaran Matematik

Pra UPSR 1	Pra UPSR 2	Pra UPSR 3	UPSR 2019
50.06%	57.86%	66.18%	83.46%

Data pra UPSR dan UPSR 2019 telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam peratus menguasai tahap minima bagi mata pelajaran matematik. Walaupun kajian ini dijalankan untuk murid-murid tahun 3, tetapi pelaksanaan program sifir darab adalah merangkumi semua murid dari tahun 2 hingga tahun 6. Ini dapat dibuktikan dalam maklum balas yang diberikan oleh pihak sekolah iaitu kesemua 40 sekolah telah mengambil tindakan untuk mengatasi penguasaan sifir darab bagi murid tahun 2 hingga tahun 6 yang melibatkan murid, guru, pihak pengurusan dan ibu bapa. Penguasaan sifir telah membantu murid-murid tahun 6 menjawab soalan UPSR dengan lebih pantas dan tepat.

## RUMUSAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan pengulangan kitaran Deming dan menjelajah pembelajaran ke sekolah merupakan satu penambahbaikan kepada amalan pengurusan program yang sedia ada. Pengulangan kitaran PDCA memberi peluang untuk peningkatan kualiti yang berterusan. Manakala menjelajah pembelajaran ke sekolah dalam setiap kitaran Deming menyempurnakan kitaran Deming dan menjadikan pemantauan lebih berkesan. Program atau intervensi sifir darab juga lebih berfokus, tekal, berterusan dan berimpak.

Dapatan kajian ini adalah menggalakkan terutamanya dalam penguasaan sifir darab di kalangan murid tahun 3 dan peningkatan prestasi matematik UPSR. Harapan usaha dalam kajian ini tidak disia-siakan dan pihak sekolah akan meneruskan program sifir yang lebih fleksibel, dinamik dan berfokus mengikut landasan keperluan sekolah masing-masing. Kesemua 40 sekolah rendah telah memberi maklum balas bahawa mereka akan meneruskan program sifir pada masa depan.

Dari aspek pengurusan program di pejabat pendidikan, saya menghadapi kekangan masa dan tenaga kerja. Kekurangan ini menyebabkan hanya 18 sekolah dijelajah semasa kitaran Deming kedua, maka tidak ada perekodan skor bagi murid tahun 3 untuk sekolah yang lain. Begitu juga terdapat ralat dalam bilangan responen yang menduduki kuiz sifir kerana ketidakhadiran murid di sekolah. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menggunakan alternatif dalam talian untuk mengatasi kekangan-kekangan ini. Pengulangan Deming dan Penjelajahan pembelajaran juga akan dijadikan amalan dalam pengurusan program seterusnya.

## RUJUKAN

- Adam Henshall. (2017). *How To Use The Deming Cycle for Continuous Quality Improvement*. Retrieved from <https://www.process.st/deming-cycle/>
- Chua, C.H. (1998). Sumbangan Dr. W.E. Deming Terhadap Corak Pengurusan Kualiti Syarikat-syarikat Multinasional di Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia. Dimuat turun daripada [http://eprints.usm.my/29707/1/Chua\\_Chae\\_Hiang.pdf](http://eprints.usm.my/29707/1/Chua_Chae_Hiang.pdf)
- Idris, N. (2005). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: McGrawHill.
- Itay Abuhav.(2014). *9 Performance Evaluation*. Retrieved from <http://9001quality.com/plan-do-check-act-pcda-iso-9001/>
- Mohd Faizal bin Mazalan (2016). *Faktor Yang Berkaitan Dengan Pencapaian Matematik Pelajar Melayu Sekolah Menengah Agama Daerah Pontian*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia. Dimuat turun daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/32080/5/MohdFaizalMazalanMFP2012.pdf>
- Mohamad, M.(2015) Kitaran PDCA. Dimuat turun daripada <http://mahadzirmohamad.blogspot.com/2015/02/bahagian-10-kitaran-pdca-plan-do-check.html>
- Othman, R. (2001). Pelaksanaan Pengurusan Program Kualiti. *Jurnal Pengurusan UKM VOL 20, 2001,111-124*. Dimuat turun daripada <http://ejournal.ukm.my/pengurusan/article/view/1473/1283>
- Standards Malaysia (2017), MS ISO 9001:2015 (BM),Jabatan Standard Malaysia.

## **PENGAMALAN PERANAN GURU TERHADAP TAHAP PROFESIONALISME GPI DALAM ASPEK KEMAHIRAN PDP**

**YAZID ISA**

SK Kampung Beraya, Miri, Sarawak  
*yazidisa148.official@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Amalan peranan guru yang berkesan mampu meningkatkan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP dalam usaha melahirkan pelajar yang mampu mencapai kejayaan di dunia dan juga di akhirat. Tujuan kajian adalah untuk meninjau tahap pengamalan peranan GPI dan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP serta hubungan antara keduanya. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk *survey* menggunakan instrumen soal selidik yang telah dinilai kebolehpercayaannya dan kesahannya. Seramai 130 orang daripada 150 orang GPI yang sedang bertugas di daerah Miri, Sarawak dipilih sebagai responden kajian. Analisis deskriptif dan inferensi dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23.0. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap pengamalan peranan guru dan tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP adalah tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara konstruk akhlak dengan Allah dan konstruk akhlak dengan pelajar terhadap tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP. Dapatan kajian ini telah menyumbang kepada pendekatan yang seharusnya diambil oleh GPI untuk meningkatkan kompetensi diri dan penguasaan amalan pengajaran guru serta tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP. Kesimpulannya, GPI haruslah sentiasa melaksanakan perubahan dalam diri mahupun amalan pengajaran guru terutamanya dalam aspek kemahiran PDP bersesuaian dengan perubahan pendidikan masa kini agar membolehkan sesi PDP menjadi lebih menarik dan berkesan sekaligus membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Kata kunci: GPI, peranan guru, profesionalisme guru, kemahiran PDP

### **ABSTRACT**

*Practice effective role of the teacher is able to enhance the professionalism of teachers in terms of PDP skills in order to produce students who are successful in this world and the hereafter. This study aims to review the practice of the role of teachers and the level of professionalism of GPI in terms of PDP skills as well as the relationship between the two. The study was conducted using quantitative methods in the form of survey using questionnaires that have been tested validity and reliability. The respondents consisted of a total of 130 from 150 GPI who are serving in the area of Miri, Sarawak. Descriptive and inferential analysis was analyse using SPSS version 23.0. The results showed that the practice of the role of teachers and the level of professionalism of GPI in terms of PDP skills is high. The study also found there was a significant positive relationship between moral constructs with Allah and moral constructs with students on the professionalism of GPI in terms of PDP skills. These findings have contributed on the approach being taken by the GPI to improve themselves and the competency of teaching practice and the professionalism of GPI in terms of PDP skills. In conclusion, the GPI should always implement changes in their teaching practices or even especially in the aspect of PDP skills appropriate to change the current education in order to make the learning process more interesting and effective at the same time help in improving academic achievement.*

*Keywords: GPI, the role of teachers, teacher professionalism, PDP skills*

## PENGENALAN

Pendidikan adalah suatu usaha untuk membangunkan masyarakat yang mendapat pendidikan secara holistik seterusnya dapat membantu dalam membangunkan Negara. Menurut Mohammed Nor (2000), masyarakat sebeginilah merupakan aset Negara yang lahir daripada sistem pendidikan yang berkualiti selaras dengan keperluan Negara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru telah digubal bagi mencapai objektif pendidikan negara iaitu melahirkan generasi yang memiliki peribadi dan akhlak yang mulia.

Guru memikul tanggungjawab sepenuhnya untuk memainkan peranan mereka mendidik pelajar dalam usaha melahirkan generasi yang berakhlak mulia, kompeten seterusnya membantu dalam pembangunan Negara dan guru juga merupakan seseorang yang paling berkesan dalam melakukan perubahan dalam mencapai hasrat ini iaitu didikan melalui sesi PDP secara formal di dalam kelas.

Oleh itu, semua guru dituntut memiliki profesionalisme yang unggul dalam bidang yang mereka ceburi termasuklah kompetensi dalam pengamalan pedagogi yang harus ada pada setiap guru (Ismail, 2015) selain dari membentuk keperibadian dan sahsiah diri yang unggul dan cemerlang. Justeru, kajian ini akan meninjau sejauhmana tahap pengamalan peranan GPI mempengaruhi tahap profesionalisme GPI khususnya dalam aspek kemahiran PDP.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Guru merupakan individu yang bertanggungjawab terhadap perkembangan rohani dan jasmani pelajar supaya mereka mampu mencapai tahap kematangan seterusnya mampu menunaikan tanggungjawab kemanusiaannya sebagai khalifah Allah di bumi sesuai dengan ajaran agama Islam (Samsul Nizar, 2002). Dalam hal ini, amat penting bagi para guru untuk menguasai aspek-aspek dalam kemahiran PDP serta penerokaan pengetahuan supaya para guru dapat membiasakan diri dengan segala perubahan dalam kurikulum pendidikan di sekolah dengan sebaiknya.

Pembangunan profesionalisme keguruan adalah suatu usaha demi memartabatkan profesion perguruan. Pada zaman globalisasi masa kini, profesion keguruan yang mana berhadapan dengan dugaan, cabaran dan perubahan khususnya dalam pendidikan yang berkualiti dan keberhasilan pelajar. Darling-Hammond (1999) mengemukakan dapatannya bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara kualiti guru dengan keberhasilan pelajar dalam bidang akademik. Menurut beliau juga, keberhasilan pelajar sangat berkait rapat dengan profesionalisme dan kompetensi guru seperti kebolehan komunikasi, kemahiran menggunakan pelbagai metod dan strategi serta amalan pengajaran dan interaksi dengan pelajar, kemahiran menggunakan soalan KBAT serta kemampuan guru menggunakan idea dan pandangan murid dalam proses PDP di dalam kelas.

Walaubagaimanapun, masa kini profesion perguruan dianggap semakin mundur ke belakang kerana terpalit dengan permasalahan isu etika dan personaliti guru yang semakin menular dalam sistem pendidikan Negara. Mohd Anuar Mamat (2016) mengatakan bahawa dewasa ini sering tersiar di dada-dada akhbar dan media sosial berkaitan kes etika dan salah laku moral dalam kalangan guru seperti guru menjadi punca pelajar ponteng (Berita Harian, September 2013; Zahari & Low Suet, 2014), gangguan seksual oleh guru (Berita Harian, 2012), guru berkhawat dalam semak (Sinar Harian, Mac 2013), murid hampir buta di rotan guru (Malaysiakini, Mei 2015), guru ditahan terlibat Skim Cepat Kaya (Ogos, 2016) dan terpalit juga isu guru agama berkelakuan lucah terhadap pelajar (Julai, 2016). Melihat kepada permasalahan ini, isu salah laku dalam kalangan guru ini menyebabkan imej profesion perguruan semakin tergugat dan membawa persepsi yang buruk dalam kalangan masyarakat di Negara kita.

Justeru, hal ini menuntut kepada peranan guru khususnya GPI yang memikul tanggungjawab yang besar dalam membimbing pelajar untuk berjaya di dunia dan di akhirat. Para guru harus mempunyai kualiti dan profesionalisme yang cemerlang berpandukan kepada ajaran Islam mengikut didikan al-Quran dan al-Sunnah. Habibah (2017) menyatakan satu keperluan kepada GPI untuk memiliki standard yang cemerlang sebagai seorang Muslim

kerana mereka merupakan individu penting yang berperanan menyampaikan ajaran dan didikan Islam kepada pelajar dan masyarakat.

Melihat kepada aspek kemahiran PDP pula, GPI dikatakan hanya memberikan perhatian untuk menghabiskan silibus pelajaran dengan cepat (Che Noraini Hashim, 2005) dan hanya memfokuskan kepada pengajaran yang berorientasikan kepada ujian semata-mata tanpa mengambil berat berkaitan nilai dan akhlak pelajar (Khadijah & Zaib Ngah, 2002). Menurut, Aini Hassan, Shahrin Awaludin & Hassan Basri (2006) pula GPI seharusnya memahami konteks pengajaran dan bukan sekadar mencapai objektif pengajaran. Ini kerana hakikat sebenar tugas dan peranan GPI adalah untuk mendidik akhlak, rohani dan akidah pelajar selain daripada mendidik akal dan jasmani (Abdul Raof Dalip, 1993). Pelajar mempunyai akhlak dan tingkah laku yang tidak memuaskan dan negative terhadap GPI dan subjek Pendidikan Islam (Aiiri Abu Bakar, 2003) Tambahan itu, walaupun terdapat GPI yang komited dalam profesion perguruan, masih ramai dalam kalangan GPI yang menunjukkan sikap kurang senang terhadap ibu bapa dalam membincangkan prestasi pelajar (Azhar Muhammad & Nor Syakirah, 2010).

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan usaha-usaha untuk menaikkan martabat profesion perguruan dan meningkatkan profesionalisme GPI dengan memfokuskan kepada peranan GPI seterusnya menilai tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian boleh disimpulkan seperti berikut:

- a. Meninjau tahap pengamalan peranan GPI yang bertugas di daerah Miri, Sarawak mengikut konstruk akhlak dengan Allah dan konstruk akhlak dengan pelajar.
- b. Menilai tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP mengikut aspek perancangan pengajaran, aspek pengetahuan isi kandungan, aspek penyampaian pengajaran dan aspek penilaian pengajaran bagi GPI di daerah Miri, Sarawak.
- c. Mengenalpasti hubungan antara pengamalan peranan GPI mengikut konstruk akhlak dengan Allah dan akhlak dengan pelajar dengan tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP di daerah Miri, Sarawak.

## SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya, peranan guru menjadi tumpuan dan perhatian dalam sistem pendidikan kita khususnya peranan GPI. Ini kerana ianya menjadi keutamaan dalam ruang lingkup pendidikan untuk membincangkan berkaitan peranan guru yang menjadi keperluan dalam mencapai hasrat dan matlamat pendidikan dalam Islam (Al-Attas, 1999; Wan Mohd Nor, 2004; 2005). Oleh itu, subjek pendidikan Islam tidak boleh dianggap sebagai sebuah subjek pembelajaran semata-mata dalam sistem pendidikan di Negara kita kerana ianya merupakan keperluan dalam membangunkan agama, bangsa dan Negara.

Dewasa ini, dapat dilihat banyak berlaku perubahan-perubahan dalam aspek kurikulum yang memberikan kesan negatif kepada sistem pendidikan di Malaysia (Sani Ibrahim, 2007). Ini kerana pemeraksanaan pendidikan hanya memfokuskan kepada idea-idea kurikulum sahaja tanpa melibatkan pemeraksanaan dari aspek hubungan dan interaksi antara guru dan pelajar (Khalid Hamid, 2000; Sani Ibrahim, 2007). Implikasinya adalah hubungan antara guru dan pelajar menjadi renggang seterusnya menyebabkan kepada hilangnya kefahaman ilmu, adab, nilai dan akhlak dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah (Latefah Alkanderi, 2001; Wan Mohd Nor, 2005).

Merujuk kepada FPK dan FPI yang menekankan hasrat untuk melahirkan modal insan yang holistik dari aspek ilmu pengetahuan, nilai-nilai dan kemahiran (RMK-10). Akan tetapi, mampukah perubahan-perubahan yang berlaku membantu dalam mencapai hasrat kerajaan yang telah digariskan dalam FPK dan FPI? Bagaimana pula peranan yang harus dimainkan oleh pengamal pendidikan (guru) dalam membantu kerajaan merealisasikan kedua-dua falsafah ini? Adakah memadai hanya sekadar berperanan sebagai *mua'llim* dan *mudarris* sahaja tanpa menyentuh peranan sebagai *muaddib*, *murabbi* dan *mursyid*? (Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi, 2008; Zawati Awang, 2008). Perkara ini merupakan satu keperluan

yang harus dititik beratkan oleh Pendidikan Islamhahk pengurusan sebagai usaha untuk memperkasakan sistem pendidikan di Negara kita sekaligus mencapai hasrat sepertimana yang digariskan di dalam FPK dan FPI.

Tanggungjawab dan amanah yang terletak di atas bahu guru bukanlah sesuatu yang mudah dan boleh dipandang enteng sahaja. Menurut Sani Ibrahim (2007) tugas mendidik yang dipikul oleh guru adalah sesuatu yang sangat berat yang mana memerlukan usaha yang sangat drastik dalam membentuk keperibadian dan perkembangan pelajar. Kemenjadian pelajar bergantung kepada bagaimana guru berperanan dalam sesi PDP bilik darjah (Abu Bakar Nordin, 2004) bagi mencapai matlamat pendidikan di sekolah. Peranan guru di sekolah semakin bertambah dan mencabar kerana tugas mereka bukan hanya sekadar mengajar dan menyampaikan ilmu bahkan mereka juga harus menjalankan peranan sebagai pembimbing pelajar untuk pembentukan akhlak dan budi pekerti yang mulia.

Oleh itu, Ab. Halim Tamuri (2006) telah menyediakan satu garis panduan untuk menjelaskan berkenaan peranan GPI bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme mereka iaitu berdasarkan "Konsep Lima Mim" (Hassan Langgulug, 1991; Ab. Halim Tamuri, 2007). Dalam "Konsep Lima Mim" beliau menggariskan lima prinsip utama peranan GPI iaitu mu'allim, mudarris, mu'addib, mursyid dan murabbi.

Perubahan dalam dunia pendidikan masa kini menjadikan pembangunan profesionalisme keguruan satu keperluan sebagai langkah utama dalam meningkatkan prestasi sesebuah sekolah (Amin Senin, 2008) dan juga keperluan untuk meningkatkan kemahiran pengajaran dalam kalangan guru (Bennett, Anderson & Evans, 1997). O'Brien (2016) menyatakan banyak kajian yang telah dilaksanakan berkenaan dengan profesionalisme keguruan antaranya Mohd Izham, Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi (2009) menegaskan bahawa profesionalisme mempunyai perkaitan dengan kecemerlangan diri dalam melaksanakan tugas yang menunjukkan guru agama yang amanah dan ikhlas dalam mendidik mampu mampu membentuk keperibadian yang mulia dan cemerlang dalam kerjayanya. Oleh yang demikian, KPM berhasrat pembangunan profesionalisme keguruan ini haruslah dilaksanakan secara berterusan dan konsisten demi untuk meningkatkan kualiti guru dan amalan kerja profesional. (KPM, 2014).

Day (1999) menyatakan pembangunan profesionalisme guru melalui pengalaman pengajaran yang berkesan dan perancangan aktiviti-aktiviti yang berobjektif mampu memberi impak positif kepada individu dan pihak sekolah dalam usaha untuk menjadikan pendidikan di dalam kelas lebih berkualiti. Toh (2005) menyokong bahawa guru harus mempunyai kesedaran dalam memahami konsep perkembangan profesional agar para guru boleh mengetahui matlamat, rutin kerja guru serta mengambil tindakan susulan untuk penambahbaikan dalam membangunkan profesionalisme keguruan. K.A Jasmi (2011a) & Ab. Halim (2012) menyatakan penggunaan kaedah pengajaran haruslah dirancang dengan baik bagi memastikan sesi pengajaran di dalam kelas berkesan dan mengoptimumkan penggunaan masa serta mampu mengelak daripada aktiviti-aktiviti yang tidak efektif.

Kesimpulannya, dalam aspek perancangan pengajaran guru haruslah bersedia dan sentiasa berfikir dan mencari kaedah yang paling sesuai untuk diaplikasikan di dalam proses PDP bagi memastikan wujud suasana pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah dan berlakunya komunikasi berkesan antara guru dan murid sepanjang sesi PDP berjaya seterusnya mencapai hasil pembelajaran yang berkualiti. Perkara ini akan mampu direalisasikan sekiranya guru mempunyai kemahiran dan kefahaman yang mendalam berkaitan dengan kaedah pengajaran yang berkesan (Kamarul Azmi Jasmi et al.,2011a).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji menjalankan kajian menggunakan rekabentuk kuantitatif berbentuk *survey* kerana menurut Gay dan Diehl (1990), penggunaan rekabentuk kuantitatif dapat membantu pengkaji membuat pengujian hipotesis seterusnya menjawab semua persoalan kajian serta mengenalpasti perkaitan di antara pembolehubah dan menggunakannya untuk membuat ramalan.

Pengkaji memilih set soalan soal selidik kerana ianya dapat melibatkan sampel kajian yang ramai dan hanya memerlukan kos yang sedikit sahaja berbanding instrumen kajian yang lain (Sackman, 1991). Ini membolehkan pengkaji mencapai tahap objektiviti yang tinggi dan membuat perbandingan antara kajian secara lebih terperinci. Bagi menentukan dan memilih sampel kajian, pengkaji menggunakan *simple random sampling* bertujuan untuk mengelakkan pemilihan sampel yang tidak tepat dan hanya memfokuskan kepada potensi tertentu individu. Persampelan rawak mudah digunakan untuk menyediakan peluang yang sama kepada setiap unit populasi yang dipilih. (Moore & McCabe, 2007; Johnnie, 2012).

Creswell (2003) mencadangkan penggunaan kaedah persampelan rawak dapat memudahkan pengkaji mendapatkan sampel secara sukarela di samping dapat menjimatkan masa dan kos yang diperlukan untuk mengumpulkan data. Oleh itu, pengkaji telah memilih seramai 130 orang daripada 150 orang GPI yang sedang bertugas di daerah Miri, Sarawak sebagai sampel kajian ini. Pemilihan sampel kajian adalah merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Sekiranya saiz populasinya seramai 150 orang maka jumlah saiz sampel ialah 108 orang. Justeru, sebanyak 130 borang soal selidik diedarkan kepada guru-guru bagi memastikan bilangan respon yang diperlukan dapat dipenuhi.

Seterusnya, set soal selidik ini menggunakan skala Likert 5 skala iaitu skala 1 (Sangat Tidak Kerap) hingga skala 5 (Sangat Kerap). Penggunaan skala Likert dapat membantu pengkaji untuk melihat sejauh mana responden bersetuju dengan item-item soal selidik atau tidak bersetuju. Analisis data pula pengkaji menggunakan dua kaedah statistik untuk analisis data iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi menggunakan perisian SPSS Versi 23.

## DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan kepada objektif kajian iaitu:

### Analisis Tahap Pengamalan Peranan Gpi

Interprestasi deskriptif ini dijalankan adalah bertujuan untuk memenuhi persoalan kajian yang telah ditetapkan diawal penulisan. Bagi memenuhi keperluan ini, pengkaji akan melaporkan skor kin dan sisihan piawai subskala pengalaman peranan GPI mengikut konstruk akhlak dengan Allah dan konstruk akhlak dengan pelajar. Skor min digunakan untuk menunjukkan tahap pengamalan peranan GPI pada tahap rendah, sederhana dan tinggi.

Pengamalan peranan GPI yang digunapakai dalam kajian ini adalah berdasarkan definisi operasional. Peranan GPI ini meliputi konstruk akhlak dengan Allah dan akhlak dengan pelajar merujuk kepada Konsep Lima Mim yang menjadi asas utama dalam menentukan peranan GPI.

Jadual 1

Skor Min dan tahap pengamalan peranan GPI mengikut konstruk

Konstruk	Skor Min	S.P	Tahap
Akhlak dengan Allah	4.364	.508	Tinggi
Akhlak dengan Pelajar	4.387	.507	Tinggi
Pengamalan Peranan Guru	4.376	.467	Tinggi

\*Tahap Rendah (1.00 – 2.49); Tahap Sederhana (2.50 – 3.50); Tahap Tinggi (3.51 – 5.00)

Jadual 1 menunjukkan konstruk akhlak dengan pelajar berada pada tahap pengamalan yang lebih tinggi (min = 4.387; s.p = 0.507) berbanding dengan konstruk akhlak dengan Allah (min = 4.364; s.p = 0.508) yang berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, pengamalan peranan guru PI berada pada tahap tinggi (min = 4.376; s.p = 0.467). Tahap pengamalan peranan guru PI berada pada tahap tinggi adalah disebabkan kedua-dua konstruk yang dinilai berada pada tahap tinggi.

### **Analisis Tahap Profesionalisme Gpi Dalam Aspek Kemahiran Pdp**

Pengukuran tahap profesionalisme guru PI dalam aspek kemahiran PDP terdiri daripada empat aspek yang dinilai iaitu aspek perancangan, aspek pengetahuan isi kandungan, aspek penyampaian dan aspek penilaian.

Pengukuran tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP bagi aspek perancangan, aspek pengetahuan isi kandungan dan aspek penilaian pengajaran terdiri daripada lima item soalan bagi setiap satu aspek yang dinilai manakala aspek penyampaian pengajaran pula terdiri daripada 11 item soalan yang dinilai. Dapatan kajian ini akan memaparkan interpretasi skor min yang mempunyai tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah (Sanger et. al, 2017) bagi menentukan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP. Nilai skor min secara keseluruhannya mengikut keempat-empat aspek yang dinilai adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Skor Min dan tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP.

<b>Aspek</b>	<b>Skor Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Tahap</b>
Perancangan Pengajaran	4.375	.561	Tinggi
Pengetahuan Isi Kandungan	4.439	.504	Tinggi
Penyampaian Pengajaran	4.273	.520	Tinggi
Penilaian Pengajaran	4.068	.609	Tinggi
Kemahiran PDP	4.289	.491	Tinggi

\*Tahap Rendah (1.00 – 2.49); Tahap Sederhana (2.50 – 3.50); Tahap Tinggi (3.51 – 5.00)

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa tahap profesionalisme guru PI dalam aspek kemahiran PDP adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.289 dan sisihan piawainya adalah 0.491. Aspek pengetahuan isi kandungan dalam aspek kemahiran PDP memperolehi nilai min yang paling tinggi iaitu 4.439 dan sisihan piawainya 0.504 dan aspek penilaian pengajaran dalam aspek kemahiran PDP pula memperolehi nilai min yang paling rendah iaitu 4.068 dan sisihan piawainya adalah 0.609. Ini membuktikan bahawa GPI di daerah Miri, Sarawak mempunyai pengetahuan yang tinggi dan mendalam berkaitan silibus mata pelajaran yang dipelajari di sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa dalam kalangan guru belum menguasai kaedah pentaksiran dan penilaian pengajaran yang dijalankan ke para pelajar di sekolah.

### **Analisis Hubungan Pengamalan Peranan Gpi Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Dalam Aspek Kemahiran Pdp**

Laporan hasil dapatan analisis ujian kolerasi Pearson untuk menetapkan tahap kekuatan hubungan antara tahap pengamalan peranan GPI terhadap tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP. Ujian kolerasi Pearson dipilih untuk kajian ini adalah kerana menurut Frederick dan Lary (2012), ujian ini mampu menentukan tahap kekuatan hubungan antara pemboleh ubah – pemboleh ubah tersebut.

Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga, pengujian terhadap dua hipotesis kajian iaitu hipotesis satu (Ho1) dan hipotesis dua (Ho2) dengan menggunakan ujian kolerasi Pearson. Ujian tersebut dilaksanakan bagi mengenalpasti hubungan antara tahap pengamalan peranan GPI secara keseluruhannya dan mengikut konstruk dengan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP. Dapatan analisis ujian kolerasi Pearson antara kedua pemboleh ubah ini diperincikan seperti dalam Jadual 3.

Rumusan keseluruhan pengujian hipotesis adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual 4. Berdasarkan kepada jadual tersebut, kedua-dua konstruk dalam pengamalan peranan GPI iaitu konstruk akhlak dengan Allah dan akhlak dengan pelajar yang diamalkan oleh guru-guru PI di daerah Miri, Sarawak mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP.



Jadual 3

Kolerasi Pearson Hubungan Pengamalan Peranan GPI mengikut Konstruk dengan Tahap Profesionalisme Guru dalam Aspek Kemahiran PDP

Konstruk	R	p	Kekuatan Hubungan
Akhlak dengan Allah	0.698**	0.000	Kuat
Akhlak dengan Pelajar	0.806**	0.000	Sangat Kuat
Keseluruhan	0.859**	0.000	Sangat Kuat

\*\* Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Jadual 4

Rumusan keseluruhan Hubungan antara Pengamalan Peranan GPI dengan Tahap Profesionalisme Guru dalam Aspek Kemahiran PDP

Konstruk	Kolerasi	Hipotesis	Hubungan
Akhlak dengan Allah	0.698	Ho1 – gagal diterima	Kuat
Akhlak dengan Pelajar	0.806	Ho2 – gagal diterima	Sangat Kuat

Dapatan kajian menyatakan bahawa konstruk akhlak dengan pelajar menunjukkan hubungan yang sangat kuat berbanding dengan konstruk akhlak dengan Allah dalam pengamalan peranan GPI dengan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP. Kesimpulannya, terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengamalan peranan GPI dan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP.

## PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengamalan peranan guru PI secara keseluruhannya adalah tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa konstruk akhlak dengan pelajar lebih menonjol berbanding konstruk akhlak dengan Allah. Ini menggambarkan bahawa guru PI mempunyai hubungan baik dengan pelajar-pelajar mereka semasa berada di dalam dan di luar kelas seterusnya menjadi contoh teladan yang baik kepada pelajarannya.

Kajian ini juga mempamerkan bahawa tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP yang dikaji secara keseluruhannya adalah tinggi. Dapatan ini memberi gambaran bahawa aspek pengetahuan isi kandungan paling menonjol diikuti dengan aspek perancangan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penyampaian pengajaran. Ini menunjukkan bahawa GPI mempunyai tahap pengetahuan isi kandungan yang tinggi dalam persediaan mereka mengajar di dalam bilik darjah. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa terdapatnya hubungan yang sangat kuat, signifikan, positif di antara pengamalan peranan GPI dan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP.

Dapatan juga memaparkan bahawa tahap hubungan antara konstruk akhlak dengan pelajar dengan tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP adalah sangat kuat manakala konstruk akhlak dengan Allah dan tahap profesionalisme guru dalam aspek PDP adalah kuat. Ini menunjukkan bahawa GPI yang mengamalkan kedua-dua konstruk akhlak dalam pengamalan peranan GPI telah mempengaruhi tahap profesionalisme guru dalam aspek kemahiran PDP.

Kajian ini telah menyumbang kepada pendekatan yang seharusnya diambil oleh guru PI untuk meningkatkan kompetensi diri dan penguasaan amalan pengajaran guru serta tahap profesionalisme GPI dalam aspek kemahiran PDP. Namun, dapatan menunjukkan bahawa aspek penilaian pengajaran merupakan aspek yang agak kurang dipraktikkan oleh guru dalam sesi PDP di dalam kelas walaupun masih berada pada tahap yang tinggi. Justeru itu, GPI haruslah sentiasa melaksanakan perubahan dalam diri mahupun amalan pengajaran mereka terutamanya dalam aspek kemahiran PDP bersesuaian dengan perubahan pendidikan masa kini agar mampu menjadikan proses PDP menjadi lebih menarik dan seronok sekaligus membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan yang dicadangkan bagi memberikan gambaran secara lebih mendalam dalam menilai aspek peranan guru dan juga tahap profesionalisme guru khusus dalam aspek kemahiran PDP. Antaranya ialah:

- a. Oleh kerana kajian ini berfokus kepada guru PI yang bertugas di sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah yang berada di bandar dan luar bandar, pengkaji bercadang supaya kajian lanjutan mengambil kira faktor kedudukan sekolah terutamanya sekolah-sekolah di pedalaman dan juga sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Ini bertujuan untuk meninjau kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru khususnya GPI dalam mengaplikasi kemahiran PDP.
- b. Fokus perbincangan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan konstruk akhlak dengan Allah dan konstruk akhlak dengan pelajar serta aspek-aspek kemahiran PDP. Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan secara lebih spesifik dengan memfokuskan kepada pengaruh akhlak kepada Allah SWT terhadap tahap profesionalisme GPI.
- c. Kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan instrumen set soal selidik. Cadangan untuk kajian lanjutan supaya menggunakan kaedah temubual bersama guru-guru PI bagi mendapatkan persepsi mereka. Cadangan ini mengambil faktor kesukaran mendapatkan jumlah sampel yang banyak bagi pengkaji yang berhasrat untuk menjalankan kajian ke atas guru-GPI yang bertugas di sekolah-sekolah pedalaman.

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian yang diperolehi akan membantu pihak KPM, JPN dan PPD serta pentadbir sekolah untuk merangka tindakan sususlan terhadap keperluan, cadangan serta menambahbaik isu yang dibincangkan. Ini kerana Ahmad Munawar Ismail (2008) menyatakan sokongan daripada pihak-pihak lain amat diperlukan dalam membangunkan profesionalisme guru khusus GPI kerana guru-guru ini tidak akan berupaya melaksanakan perubahan sekiranya hanya sekadar bersendirian. Justeru, cadangan-cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat membantu pengkaji seterusnya untuk mendapatkan idea bagi memantapkan lagi pembangunan profesionalisme guru dalam kalangan GPI.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan Pengajaran GPI Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. 2011. Isu PDP Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (pnyt), *Kaedah PDP Pendidikan Islam* (19- 37). Bangi: Penerbit UKM.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen asas untuk latihan GPI, *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Ab. Halim Tamuri. 2011. Penghayatan Islam Melalui PDP. Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dinasty, 2010 23-2.
- Abdul Raof Dalip. (1993). Teknik PDP pengetahuan agama Islam di sekolah menengah. Dalam Ismail Ab. Rahman (pnyt), *Pendidikan Islam Malaysia* (151-171). Bangi: Penerbit UKM
- Ahmad Munawar Ismail. (2008). *Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Aiiri Abu Bakar. (2003). *Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam: Satu kajian di sekolah-sekolah menengah daerah Alor Gajah Melaka* (Kertas projek Sarjana Pendidikan tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Amin Senin. (2008). *Pembangunan profesional guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Azhar Haji Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2011. Pembelajaran pengaturan sendiri dalam Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (pnyt), Kaedah PDP Pendidikan Islam (71- 111). Bangi : Penerbit UKM.
- Bennett, B., Anderson S.E. & Evans, M. (1997). An analysis of how teachers acquire and extend their instructional repertoire. Chicago: *American Educational Research Association*.
- Berita Harian, 25 Julai 2012.
- Che Noraini Hashim. (2005). Keruntuhan akhlak dan pembangunan remaja masa kini :Cabaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4). Pendidikan Islam ke Arah Kemanusiaan Sejangat (19-28)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, John W. (2007). *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. 3rd Edition. Pearson Merrill Prentice Hall.
- Creswell, John W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. 3rd ed.London :SAGE Publications.
- Darling-Hammond, L. (1999). *Teacher quality and student achievement: a review of state policy evidence*. University of Washington.
- Day, C. (1999). *Developing teachers the challenge of lifelong learning*. Great Britain: Falmer Press.
- Dera murid sampai mati tidak boleh dimaafkan. (2011, April 4). *Berita Harian*.
- Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arififn Safar, Norshahrul Marzuki Mohd Nor. 2016. Keperluan Profesionalisme GPI (GPI) Dalam Aspek Pengajaran. *E-jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Vol. 3 (September 2016) pp. 85-109.
- Habibah @ Artini Ramlie. 2017. Pembangunan Model Profesionalisme GPI Berasaskan "Riadhah Ruhiyyah". Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Hassan Langgulong. (1991). *Asas-asas pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2015. Membudayakan Profesionalisme GPI yang Cemerlang. Dlm *Pemeriksaan Islam dalam Cabaran Zaman*. Bangi, Selangor: Persatuan Intelpek Muslim Malaysia, p. 1-20.
- Kamarul Azmi Jasmi & Noor Fadhilina Nawawi. 2012. Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*. (233-238). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah. 2009. Sifat dan peranan keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E), 57–71.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah. 2011. Penerapan matlamat Pendidikan Islam oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI): Satu kajian kes di beberapa buah sekolah menengah, *Jurnal Teknologi*. 55 (Sains Sosial),37-53.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab.Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah. 2011. Kajian kes kaedah PDP Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sekolah bandar dan luar bandar satu kajian perbandingan, *Jurnal Teknologi*. 56 (Sains Sosial),179-198.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. (Edisi Ketiga). Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Pelan pembangunan profesionalisme berterusan (Guru dan pemimpin sekolah)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Mohammed Sani Ibrahim & Norzaini Azman. (2007). Pengenalan kepada profesion perguruan. Dalam Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt), *Profesion Perguruan (1-22)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammed Sani Ibrahim. (2007). Standard kompetensi guru Malaysia. Dalam Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt), *Profesion Perguruan (311-364)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- O'Brien, J. 2016. *Professional learning: Concepts, models and empirical practice*, *Professional Development in Education*, 42 (1), 1-4. doi:10.1080/19415257.2016.1110904
- Shahrin Awaludin, Aini Hassan & Hassan Basri Mat Dahan. (2006). Penguasaan pengetahuan pedagogi isi kandungan guru-GPI pemangkin peradaban ummah. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5). Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah* (294-300). Bangi: Penerbit UKM
- Toh, W. S. (2005). Penyelidikan Tindakan: Perkembangan profesionalisme ke arah pengamalan reflektif dan penambahbaikan sekolah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan* (1-8). Kuching: MP Batu Lintang.
- Ustaz dituduh cabul murid. (2010, 12 Februari). *Harian Metro*.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam: Syed M. Naquib Al-Attas satu huraian konsep asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

## **PRE-SERVICE TEACHERS' READINESS TOWARDS IMPLEMENTING TECHNOLOGIES IN 21<sup>ST</sup> CENTURY TEACHING**

**HUANG CHWEI ING, PhD**

Department of Science, Technology Engineering and Mathematics (STEM)  
Teacher Training Institute Sarawak Campus, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
chweiing@gmail.com

### **ABSTRACT**

The view that pre-service teachers should be equipped with technologies in 21<sup>st</sup> century teaching has become increasingly highlighted by the stake holder. The framework of this study is established around a teacher training institute in Northern region of Sarawak pre-service teachers' readiness towards using technologies in 21<sup>st</sup> century teaching. This exploratory case study aims to contribute to a pre-service teacher understanding of readiness in their 21<sup>st</sup> century teaching using technologies. A qualitative methodology was used to map pre-service teachers readiness toward using Technologies in 21<sup>st</sup> Century Teaching during their practicum. The more problematic areas of skill development and competence in pre-service teacher's readiness were in the creativity, problem solving and technology pedagogy knowledge. This study illustrates the need for teacher training institute and elementary school administrative board to proactively intervene and develop effective learning activities for individual learners and to regularly monitor and review progression towards desired technology skills from entry to exit. Graduates risk criticism from employers if they leave institute with underdeveloped skills on exit and for the purpose of optimizing the technology pedagogy knowledge.

Keywords: 21<sup>st</sup> century technology, readiness, pre-service teacher

### **INTRODUCTION**

The use of technology in current educational is imperative (Kozikoğlu' & Babacan, 2019; Prodromou, 2018). It provides learners with greater opportunities to maximize their engagement thus create meaningful learning experience (Fielding, 2019). Today, learners come from digital generation where they grow up with easy access to technology. They are characterised with short attention spans, multitasking, and the desire for speed in communication and accessing information using digital technology (Matulich, Papp, & Haytko, 2008). Therefore, preparing future teachers to integrate technology in their 21st century educational practice is a challenge that teacher training institutions (TTI) are increasingly confronted with (Liu, 2016).

Teacher training institutions are given the task to provide qualified teacher for the elementary school nationwide. Hence, progress and developments in society and economy require that educational systems equip young people with adequate skills and competencies, which allow them to benefit from the new emerging forms of socialization, globalization and internationalization which can contribute actively to economic development under a system where the main asset is knowledge ( Boholano, 2018; Tican & Deniz, 2018). Consequently, the pre-service teachers are task to mould the 21st century learners ( Boholano, 2018)). Apparently, technology used in 21st century teaching is the key element for them to deliver productive and meaningful lesson for the learners.

The use of technology allows pre-service teachers to engage and motivate learners in different and sophisticated ways such as taking learners on a virtual field trip and other simulated activities ( Boholano, 2018)). It provides plenty learning chances thus creates meaningful educational experience for the learners. This is considered a necessary step in 21st century teaching in order to create an environment to prepare learners into becoming

effective citizens of knowledge-based societies that is ICT driven (Garba, Yusuf, & Busthami, 2015). Education industry is expected to train young learners into becoming competent citizens capable of making useful contribution in their respective capabilities toward the attainment of this national goal (Garba, Yusuf, & Busthami, 2015). Accordingly, pre-service teachers are urged to design the lesson in terms of preparing the learners towards 21<sup>st</sup> century learning namely information, media and technology skills, learning and innovation skills as well as life and career skills.

### **PPPM**

Industry revolution 4.0 in STEM education is a slogan in PPPM 2013-2025 by Ministry of Higher Education (MOHE, 2018). This policy emphasises on the 21<sup>st</sup> century teaching among all the teacher nationwide. Teachers should first master the skills and later should know the ways to effectively impart them to their learners (Tican & Deniz, 2018). Teacher training, which has an important role in the training of the teachers of future, plays an important role in the inculcation of knowledge and competencies required for the acquisition of these skills by teachers (Tican & Deniz, 2018). In teacher training institute, technology is embedded into their curriculum throughout the five and a half year undergraduate studies. Thus, they are taught to assess and implement variety technologies namely Padlet, Kahoot, Google Sites, Google Classroom and lots more throughout their profession training aiming to create meaningful educational experience for the learners.

However, it was also found that the pre-service teachers were not able to make enough use of learner and teacher skills during their practicum teaching at schools (Tican & Deniz, 2018). Similarly, pre-service teachers facing challenges to use technology in their 21<sup>st</sup> century teaching during practicum due to some unavoidable circumstances involving insufficient infrastructure, slow internet access, lack of technical support as well as inappropriate classroom settings.

### **21<sup>st</sup> century teaching skills**

Access to technology tools and resources is vital to effective technology integration as 21<sup>st</sup> century teaching are learner-centred methods of learning (Francom, 2016). According to (Trilling & Fadel, 2009), in the studies conducted within the context of Partnership21 (P21, 2015), 21<sup>st</sup> learner skills are subsumed under three headings, being “learning and innovativeness skills”, “information, media and technology skills”, and “life and career skills”. 21<sup>st</sup> century teachers are necessary in handling the 21<sup>st</sup> century learners who are characterised with: short attention spans, multitasking, and the desire for speed in communication and accessing information using digital technology (Matulich, Papp, & Haytko, 2008).

“The 21<sup>st</sup> century is volatile, uncertain, complex and ambiguous” added (Acedo & Hughed, 2014). Therefore, pre-service teacher need to take it seriously during the lesson planning which aimed to create meaningful learning experience for the learners. Moreover, there is an urge in the current education system to prepare 21<sup>st</sup> century learners to with three major skills namely learning and innovation skills; information, media and technology skills; and life and career skills. The use of technology allows teacher to engage and motivate learners in a new way such as knowledge sharing with a long distance professor or other simulated activities.

Simultaneously, pre-service teachers are urged to not only knowledgeable about the technologies but rather to blend in and complement with the pedagogical knowledge to create meaningful teaching and learning experience. According to Lai (2011), technologies can enhance learning experiences when used as a medium to support collaboration and construction of knowledge. Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) was developed by (Koehler & Mishra, 2009) to integrate technology with teaching. Since then, the framework is used widely among the education institutions. The TPACK framework provides a useful tool to gauge the learning environment and displays a complex interaction between technology, pedagogy and content knowledge specific to the learning environment (Goradia,

2018). Technology is used throughout the teaching process aiming to promote learner's engagement and academic outcomes.

Technological content knowledge refers to lecturer's knowledge on use of appropriate technology in order to communicate the content material within specific discipline. Despite this, technological pedagogical knowledge demonstrates how a particular technology enhances teaching process. Technology can be used differently to suit the context and purpose (Goradia, 2018). However, technology cannot stand alone during the teaching process but rather accompanied with emphasis on how technology relates to the pedagogy and content (Prodromou, 2018). The 21<sup>st</sup> century learning skills had changed the need of pedagogies during the lesson experience. Therefore, 21<sup>st</sup> century teaching had incorporated technologies with the pedagogies aiming to provide and cultivate learners with 21<sup>st</sup> century learning skills. (Lai, 2011).

## RESEARCH QUESTION

This study aims to investigate as below:

- a. Are the pre-service teachers ready to use technologies in 21<sup>st</sup> century teaching?
- b. To what extent do the pre-service teacher use the technologies in 21<sup>st</sup> century teaching?

## METHODOLOGY

An exploratory case study has been carried out to explore the questions related to the readiness among pre-service teacher towards implementing technology in 21<sup>st</sup> century teaching. It has the following objectives:

- a. Are the pre-service teachers ready to use 21<sup>st</sup> century technologies in teaching?
- b. To what extent do the pre-service teacher use the 21<sup>st</sup> century technologies in teaching?

The interview questions were constructed in semi-structure forms in order to provide standardization on respondents' feedback and also to have clearer information on the research objectives (Punch, 2001) . Six respondents were then chosen to answer the questions that had been validated by an expert in this field. The findings of the study were based on the results of interviews, and reflective journals with pre-service teachers of Teacher Training Institute Sarawak Campus, selected through purposive sampling. Then, data was analysed to draw a clear picture related to the research questions.

## Data Collection and Analysis

Teaching sessions were carried out for twelve weeks to find out how the pre-service teacher use the technology in 21<sup>st</sup> century teaching. Later each teaching experience was reflected and reported in their journal. Excerpts from the reflective journals were extracted based on the themes. Consecutively, responses from the semi-structured form were recorded and labelled. Thematic analysis was used in analysing the data collected by the researcher. The data were first transcribed, then coded and tabulated.

From the respondents' feedback, all the data were grouped into four themes namely pre-service teachers' feeling before and after the implementation, challenges, suggestion for improvements.

	Count	% Codes	Cases	% Cases
feeling				
• positive	15	9.5%	8	66.7%
• Time consuming	5	3.2%	4	33.3%
Minors come within the context of family. Parents or guardians may have legal rights to consent their minor child's or adolescents' treatment, deciding on parameters of the course of treatment and potentiality of having complete access to all information from psychotherapy process; however, school counsellor must consider appropriateness of this in practical (Coffman & Barnett, 2015). For both ethical and therapeutic reasons, school counsellors should consider giving their minor clients "*maximum degree of autonomy*" (Corey, Schneider & Callanan, 2011) while respecting the parent's responsibility to their children. The American School Counselor Association [ASCA] provides an extensive guideline for counsellors in the school settings on helping them to build and sustain collaborative relationship with parents, stated in Section B in *Ethical Standards for School Counselors*, 2010.

Although minor clients have ethical rights to privacy and confidentiality in counselling relationship, the law still favors the rights of parents over their children (Corey, Schneider and Callanan, 2011). In Malaysia, such law is stated in the Guardianship of Infant Act 1961; as *the court exercises its powers based primarily on the welfare of the child while must consider the wishes of a parent(s) as a mother and a father have equal rights and authority over a child*. Thus, school counsellors may be expected to provide feedbacks when requested by the parents or guardians regarding the progress of counselling sessions. An in-depth interview with 43 school counsellors in Nova Scotia by Lehr, Lehr and Sumarah (2007) found out that concern about pertaining confidentiality and reported practices appeared to be *vary* among school counsellors. Results of the interview revealed that the counsellors only shared information considered academically in which so parents could be supportive of their children.

Glosoff and Pate (2002) recommended school counsellors to start the year by sending information to parents, conduct in-service sessions with school personnel and give a talk at Parents-Teachers Association's meetings so to give parents opportunity to ask questions while having their concern addressed. ASCA (2010) address the matter of creating collaborative and educative relationship around the role of the school counsellor:

*Provide regular workshops and written/digital information to families to increase understanding, collaborative two-way communication and a welcoming school climate between families and the school to promote increased student achievement.* (E.2.f)

## DEALING WITH CULTURAL DIVERSITY

One of the major challenges faced by school counsellors today is the ability in addressing the needs of cultural diverse student population. In Malaysia, our multicultural society are categorized into three major ethnic groups; Malay, Chinese and Indians. A discussion by Rozita (2007) in her paper stated that the main aim of managing multiculturalism in Malaysia is to maintain national integration in which all these various cultural communities could live alongside each other while maintaining their own original identities. While in a counselling process, counsellors and clients may bring various *“attitudes, values, culturally learned assumptions, biases, beliefs and behaviors to the therapeutic relationship”*. (Corey, Schneider & Callanan, 2011) Thus, one requires a good ethical knowledge and practice to work effectively with cultural diversity.

Understanding the complexity of *“cultural pluralism”* (Corey, Schneider & Callanan, 2011), the *Ethical Standards for School Counsellors* (ASCA, 2010) and *Code of Ethics* (MBC, 2018) provides some guidelines for school counsellors. For instance, ASCA (2010) addresses the role of Multicultural and Social Justice Advocacy and Leadership in Section E. Wittmer (1992) discussed about counsellors' role using The Valuing Diversity Model: ASK in which “A” indicates Awareness of self and others while appreciating one's cultural diversity, “S” refers to Sensitivity and Skills to learn about intercultural communication and value diversity, while “K” indicates Knowledge of different cultures. Supported with the ASCA National Model (2012) stated that counsellor educators must prepare school counsellors to *“specifically address the needs of every student, particularly students of culturally diverse, low socio-economic status and other underserved or underperforming populations”*.

Addition to understanding clients' demographic diversity, Corey, Schneider & Callanan (2011) expected school counsellors *“to possess knowledge and understanding about how oppression, racism, discrimination and stereotyping affect them personally and professionally”*. Without those, one may cause harm to their clients unintentionally.

## RECOMMENDATIONS FOR PRACTICE

Resolving ethical dilemmas when counselling children and adolescents can seem to be complex sometimes, because considerations involved other social entities such as minor clients, clients' parents and the school system. Some resources available guidelines with the same basic ethical principles such as The American Counselling Association Code of Ethics (ACA, 2014) and The American School Counsellor's Association Code of Ethics (ASCA, 2010) to assist school counsellors when encounter ethical dilemmas. For Malaysian school counsellors, we have localized resources such as Malaysian Board of Counsellors Code of Ethics (MBC, 2019), Counsellors Act 1998 and Malaysian Education Ministry, Code of Ethics for Guidance and Counselling Services in School, 2012. Besides written resources, maintaining a good support system and networking with other more experienced and knowledgeable counsellors for consultation when difficult situation arise.

Bearing in mind with the perspective of having minor clients' best interests as top priority, the principle of *Beneficence* *“reflects counsellor's responsibility to contribute to the welfare of client”*. (Forester-Miller & Davis, 2016) Thus, maintaining a cohesive partnership with parents, teachers, school system and community as stakeholders in a manner to help the clients feel safe and supported. School counsellors in a way should learn and adapt with the environment, while being respective and sensitive with the local cultural diversity. In order to create awareness for parents, teachers and school administrators about the role of a school counsellor, brochures or pamphlet regarding guidance and counselling services or activities can be distributed to all starting the academic year. Besides that, school counsellors also can provide a platform of Question and Answer meetings with Parents, Teachers' Association to give them opportunity to raise any concern regarding counselling process.

The issues concerning with informed consent and confidentiality shouldn't be taken lightly. Although minor clients are not legally subjected to informed consent, school counsellors still requires to seek assent from them after explaining the nature of counselling acceptable to

their intellectual and developmental level. Such agreement should be done during the first session to avoid any difficulties latter on. However, informed consent is an ongoing process throughout the counselling process and can be appropriately renegotiated to suit client's goal from time to time. In any circumstances when parents ask for reports about their children, school counsellors must only provide necessary information on clients' progress. While doing so, they need to determine which information is "personal" and "shareable". "Personal" information is referring to sensitive issues best kept confidential whereas "shareable" information may include academic or necessary information for clients' progress outset of the counselling session.

## CONCLUSION

The purpose of ethical values and principles serve as a guide to practitioners directing counsellors' ways to behave appropriately towards each other, to serve and fulfill our obligations to society. Quite often, ethical considerations appear to be ambiguous subject to different interpretations based on social norms, cultural practices and religious influence. Some ethical issues and principles suggested here are intended to provide guidelines for school counsellors to think through and reflect in order to make the best ethical decision for their minor clients.

## REFERENCES

- American Counseling Association. (2014). *ACA code of ethics*. Alexandria, VA: Author.
- American School Counselor Association. (2010). *Ethical Standards for School Counselors*. Alexandria, VA: Author
- American School Counselor Association (2012). *The ASCA National Model: A Framework for School Counseling Programs*, Third Edition. Alexandria, VA: Author
- Coffman, C., & Barnett, J. E. (2015, October). *Informed consent with children and adolescents*. [Web article]. Retrieved from: <http://www.societyforpsychotherapy.org/informed-consent-with-children-and-adolescents>
- Corey, G., Schneider -Corey, M., Corey, C. and Callanan, P. (2011). *Issues and Ethics in the Helping Professions*. 8th ed. Cengage Learning.
- Corey, G. (2017). *Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy*. (pp. 42)10th ed. Boston, MA: Cengage Learning US.
- Forester-Miller, H., & Davis, T. E. (2016). *Practitioner's guide to ethical decision making* (Rev. ed.). Retrieved from <http://www.counseling.org/docs/default-source/ethics/practitioner's-guide-toethical-decision-making.pdf>
- Geldard, K. (2013). *Counselling Children : A Practical Introduciton* (4<sup>th</sup> Edition). London: SAGE Publication Ltd.
- Glosoff, H. & Jr, Pate,. (2002). *Privacy and Confidentiality in School Counseling*. Professional School Counseling. 6
- KPM. (2012). *Perekayasaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah*. (KP(BPSHSPDK)201/005/02 Jld.4(5)).
- Lehr, R., Lehr, A., & Sumarah, J. (2007). *Confidentiality and Informed Consent: School Counsellors' Perceptions of Ethical Practices*. Canadian Journal of Counselling.
- Lembaga Kaunselor Malaysia. (2018). *Kod Etika Kaunselor*. Kuala Lumpur: Author.
- Rozita Ibrahim (2007) *Multiculturalism and Education in Malaysia, Culture and Religion*, 8:2, 155-167, DOI: 10.1080/14755610701424024
- Seligman L. (2004) *Documentation, Report Writing, and Record Keeping in Counseling. In: Diagnosis and Treatment Planning in Counseling*. Springer, Boston, MA
- Sullivan, J. R. , & Moyer, M. S. (2008). *Factors influencing the decision to break confidentiality with adolescent students: A survey of school counselors*. Journal of School Counseling, 6(24), 1–26. Retrieved from <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ894795.pdf>
- The Child Act, 2001. Malaysia.
- The Guardianship and Infant Act 1961, Malaysia.



- Vallance, A. (2016). *'Shhh! Please don't tell...'* Confidentiality in child and adolescent mental health. *BJPsych Advances*, 22(1), 25-35. doi:10.1192/apt.bp.114.013854
- Wehrman, Joseph & Williams, Rhonda & Field, Julaine & Schroeder, Shanna. (2019). *Accountability Through Documentation: What Are Best Practices for School Counselors?*.
- Welfel, E. R. (2010). *Ethics in counseling and psychotherapy: Standards, research, and emerging issues* (4th ed.). Belmont, CA: Brooks/Cole, Cengage Learning.
- Wittmer, J. (1992). *Valuing Diversity in the Schools: The Counselor's Role*. ERIC Digest.

## PROJEK IDAMAN TEA : PERSEPSI MURID DAN BUDAYA PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD)

**DANIAL HERYANTO ZAINAL ABIDIN**

Sekolah Kebangsaan Kampung Idaman,  
42000, Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan  
danial\_heryanto@yahoo.com

### ABSTRAK

Projek usahasama yang dikenali sebagai *Idaman Tea* ini dilaksanakan oleh pasukan inovasi Sekolah Kebangsaan Kampung Idaman Pelabuhan Klang, Selangor dalam merealisasikan pelaksanaan PBD (Pentaksiran Bilik Darjah) dan juga KMR (Kefahaman Melalui Rekabentuk) dalam program TS25 Kementerian Pendidikan Malaysia. *Idaman Tea* merupakan minuman herba daripada daun pucuk jambu batu dan juga daun pudina menggunakan sachet diperbuat daripada fiber daun nenas. Pada peringkat awal, murid di beri peluang untuk melontarkan *Big Ideas* dan murid turut terdorong untuk melakukan penyiasatan dan juga inkuiri hasil persoalan idea yang ada. Maka projek ini bukan sahaja dapat dijadikan sebagai produk inovasi sekolah, malah telah membawa kepada pembelajaran terbeza sehingga merentasi elemen kurikulum itu sendiri. Guru merancang pengajaran inovatif ini untuk membentuk satu pasukan inovasi yang mantap. Seramai 15 orang murid yang terlibat dalam pasukan ini dan berumur dari sebelas hingga dua belas tahun. Rata-rata mereka menyokong pelaksanaan KMR di sekolah mengikut data soal selidik yang diberikan. Mereka turut berminat untuk meneroka dan melakukan penyiasatan dalam inovasi yang dihasilkan. Beberapa agensi turut dilibatkan di mana murid sendiri mampu meneroka dan melibatkan diri sepanjang projek ini berlangsung. Antara agensi yang terlibat adalah UITM Shah Alam, MARDI, Lembaga Nenas Selangor dan juga syarikat Usahawan IKS. Sememangnya penglibatan murid secara aktif dalam menjayakan projek ini melalui bimbingan guru akan dapat memperlihatkan perkembangan dan potensi murid, membantu guru merancang aktiviti dengan berkesan seterusnya mampu menjana pendapatan melalui produk yang dihasilkan.

Kata Kunci : Pentaksiran Bilik Darjah , Kefahaman Melalui Rekabentuk,  
Pembelajaran Terbeza, Inovasi, Idaman Tea

### PENGENALAN

Keupayaan dan kemahiran guru amat penting dalam menarik minat murid terhadap bidang inovasi sekali gus menjadikan aktiviti pembelajaran lebih menyeronokkan. Guru harus memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan bakat dan keupayaan dalam mencipta sesuatu. Minat murid terhadap inovasi boleh dipupuk sejak awal. Pihak sekolah harus menghidupkan nilai pembelajaran yang merentasi kurikulum dengan mengambil kira unsur yang digunakan oleh setiap murid di sekolah. Pelbagai pendekatan harus digunakan oleh guru demi membudayakan bidang inovasi dalam kalangan murid sejak dari sekolah rendah.

Inovasi bermaksud idea, amalan, atau bahan yang boleh membawa kepada pembaharuan terhadap seseorang individu atau sistem sosial. Ia juga bermaksud idea, latihan atau objek yang di anggap baharu oleh seseorang individu. Sesuatu yang baharu tidak bermaksud idea yang baharu sahaja. Jika inovasi belum diterima idea itu masih dianggap baharu. (Rogers, 1983, 1995). Menurut Yusup Hashim (2003) terdapat lima ciri inovasi iaitu

kelebihan relatif, keserasian, kerumitan, mudah untuk percubaan dan mudah untuk pemerhatian

Project Based Learning (PBL) merupakan suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang amat popular dalam sistem pendidikan pada masakini. Projek Idaman Tea telah mengambil kira pendekatan ini di mana murid terlibat sepenuhnya proses penghasilan projek ini bermula dari awal hingga selesai proses.

Kaedah ini menekankan kolaborasi antara guru dan murid dalam mempelopori sesuatu perkara atau topik secara penyempurnaan projek. Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) mentafsirkan Pembelajaran Berasaskan Projek sebagai model aktiviti yang keluar daripada amalan bilik darjah yang biasa dan banyak melibatkan gabungan antara disiplin ilmu. Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang berfokus, iaitu melibatkan pembelajaran berpusatkan murid dan ianya boleh menghubungkan antara pelbagai bidang dan kesepaduan dengan masalah kehidupan seharian. PBL juga merupakan satu kaedah yang amat menarik untuk memantapkan minat murid serta memberikan pengalaman berbentuk praktikal dalam diri mereka.

Melalui kaedah projek ini, peserta murid projek Idaman Tea akan belajar untuk menyelesaikan masalah melalui proses inkuiri, berkomunikasi serta berkolaborasi. Murid projek Idaman Tea turut berpeluang untuk menghasilkan sendiri produk melalui beberapa fasa dan panduan serta tunjuk ajar diberikan sepenuhnya sehinggalah selesainya projek. Proses untuk menghasilkan projek ini semestinya melalui pemikiran kritikal dan amalan refleksi untuk memastikan projek terlaksana dengan baik. Maka hasilnya akan memberi makna kepada mereka di mana mereka akan melalui kaedah projek yang dapat menyelesaikan masalah dalam konteks dunia sebenar yang menjadi minat dan perhatian murid.

Kefahaman Melalui Rekabentuk (KMR) berasaskan Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan kaedah pembelajaran di mana guru menyediakan projek untuk dilaksanakan oleh murid-murid. Guru akan memberikan arahan serta penjelasan tentang projek yang agak kompleks dan mencabar, yang perlu dilaksanakan (Kementerian Pendidikan 2017). Murid pula dikehendaki melaksanakan projek secara hands-on dan minds-on serta dengan melakukan sedikit kajian sepanjang projek Idaman Tea ini berlangsung.

Projek Idaman Tea ini juga merupakan satu usaha untuk melaksanakan PBD (Pentaksiran Bilik Darjah) di mana usaha berterusan ini mampu menjana perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. Perkembangan kemajuan murid dapat dipantau dan seterusnya aspek pembelajaran akan menjadi lebih menyeronokkan lebih-lebih lagi projek Idaman Tea ini mendapat perhatian daripada pelbagai agensi dari luar. Ianya amat bertepatan dengan konsep PBD yang mahukan aktiviti dijalankan secara berterusan dan bukan untuk membanding tahap penguasaan antara seorang murid itu tetapi untuk melihat perkembangan mereka di samping membantu guru mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang kreatif. Budaya PBD seharusnya diperluaskan dan menjadikan elemen inovasi itu sebagai teras untuk menjadikan aktiviti lebih menyeronokkan dan bukan terikat di dalam bilik darjah sahaja.

### **Peranan guru sebagai Agen Perubahan dalam membudayakan PBD**

Peranan guru yang dianggap sebagai Agen Perubahan sememangnya amat penting dalam menjadikan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) lebih efektif dan berkesan. Guru harus membangkitkan keperluan serta semangat untuk perubahan serta mewujudkan pertukaran maklumat serta hubungan dengan murid dalam melaksanakan inovasi. Selain itu juga guru akan mendiagnos masalah atau keperluan murid sepanjang proses inovasi dijalankan. Ini akan mencetuskan keinginan atau tujuan (intent) untuk perubahan demi mencapai matlamat dalam PBD itu sendiri. Seterusnya proses menterjemahkan keinginan tujuan perubahan kepada tindakan akan membawa kepada

perubahan yang positif. Murid akan terus berpandu dan melaksanakan aktiviti secara tersusun sehingga ke akhir proses.

Menurut Havelock (1995) menyatakan terdapat empat cara untuk menjadi agen perubahan iaitu sebagai pemangkin kepada inovasi, sebagai penyelesaian masalah, sebagai pembantu kepada proses dan sebagai penghubung sumber.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- a. Projek Idaman Tea ini sememangnya diharapkan dapat membantu murid memahami dan mengaplikasikan pembelajaran sendiri murid selaras dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.
- b. Kebaikan menggunakan kaedah ini juga adalah dapat menyokong pembelajaran murid dari segi penyelesaian masalah dan komunikasi seterusnya membudayakan pelaksanaan PBD di sekolah.
- c. Guru pembimbing (Agen Perubahan) yang dilantik haruslah bijak memilih produk yang hendak dihasilkan seterusnya memandu murid dari awal sehingga selesai proses.
- d. Pelaksanaan projek Idaman Tea adalah untuk memenuhi keperluan murid melalui pelbagai gaya pembelajaran serta mampu mewujudkan murid yang berkemahiran dan kreatif dalam pembelajaran terbeza.

## **REFLEKSI MASALAH**

Kajian ini tentunya menggalakkan pembelajaran berasaskan projek serta menjadikan murid lebih aktif dan berkomunikasi dalam proses pembelajaran. Pelaksanaan PBD harus dilaksanakan secara berterusan di mana murid tidak sepatutnya dibandingkan tahap penguasaan mereka. Hal ini harus ditekankan oleh guru bagi melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran secara menyeluruh melalui kaedah pelaksanaan berteraskan projek dalam menghasilkan produk Idaman Tea.

Bagi membudayakan PBD dalam melaksanakan inovasi sememangnya perlukan sokongan dan komitmen tinggi di kalangan guru. Pihak sekolah perlu ada inisiatif selain melibatkan faktor kewangan dan juga peranan pihak luar yang dapat memberikan bantuan kepada pelaksanaan projek ini.


Maka proses serta kaedah pentaksiran harus melibatkan kaedah pemerhatian dan juga lisan di mana guru perlu membimbing serta mengambil kira tahap perkembangan murid dalam mewujudkan satu pasukan Inovasi yang terbaik. Murid perlu berinteraksi dan berkomunikasi dalam membincangkan proses pelaksanaan aktiviti. Interaksi bagi komunikasi dan kolaborasi perlu kerana pengetahuan adalah dibina melalui penyelidikan saintifik ( Smaldino, 2010)

## **KUMPULAN SASARAN**

Kajian ini dijalankan kepada 15 orang murid tahun lima dan tahun enam Sekolah Kebangsaan Kampung Idaman Pelabuhan Klang yang merupakan peserta Projek Idaman Tea bermula dari tahun 2019 sehingga 2020.


## **KAEDAH PROJEK**

Kaedah 1: Pemilihan kombinasi kuantiti pucuk jambu batu, isi jambu batu dan daun pudina yang terbaik (Rujuk Rajah 1).



Rajah 1. Kaedah 1

Kaedah 2: Penyediaan uncang menggunakan serat nanas (Rujuk Rajah 2).



Rajah 2. Kaedah 2

## PELAKSANAAN KAJIAN

### Tinjauan Pelaksanaan Projek

Pemerhatian telah dilaksanakan bermula dari tahun 2019 di mana 6 orang murid telah dipilih dalam pasukan Inovasi Projek Idaman Tea. Proses kerja yang dilakukan termasuklah bermula daripada mengumpul dan menganalisis maklumat, menghasilkan produk seterusnya menyediakan pelaporan terhadap proses kerja peserta.

Soal selidik telah dilaksanakan menggunakan Google Form untuk mendapatkan maklum balas murid-murid. Seramai 15 orang telah diberikan soal selidik di mana soalan yang diberikan berkaitan pemahaman mereka terhadap konsep KMR dalam projek Idaman Tea, pelaksanaan PBD di sekolah serta penerimaan mereka sepanjang melibatkan diri dalam proses Idaman Tea tersebut.

Nota lapangan digunakan dalam pelaksanaan projek ini. Hasil daripada maklumat yang didengar, dilihat dan berdasarkan pengalaman yang dilalui, maka maklumat yang diperoleh telah dikumpulkan dan dicatat untuk membuat analisa, refleksi serta tindak balas berdasarkan data yang terkumpul. Ini termasuklah bagaimana proses perjalanan projek Idaman Tea dan juga tingkah laku murid sepanjang projek ini berlaku.

### Analisa Tinjauan Masalah

#### Analisa Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian selepas kajian dijalankan


- Murid menunjukkan kesungguhan terhadap projek yang dilaksanakan serta cepat memahami proses kerja secara berpandu.
- Murid lebih mudah menguasai berdasarkan bimbingan yang diberikan dan mampu menyiapkan tugas dengan baik.
- Proses pelaksanaan PBD agak tersusun dan guru dapat melihat perkembangan potensi murid secara konsisten.
- Motivasi murid meningkat dan daya kreativiti mereka untuk berusaha menghasilkan yang terbaik amat positif.

## Analisa Soal Selidik

Rajah 3 hingga Rajah 11 menunjukkan analisa soala selidik.

Apakah maksud KMR?

15 responses



### Rajah 3. Analisa 1

Adakah anda bersetuju Projek Idaman Tea ini berjaya dihasilkan dengan baik?


15 responses



### Rajah 4. Analisa 2

Adakah anda mahu terlibat dalam projek inovasi di masa akan datang?


15 responses



### Rajah 5. Analisa 3

Sejauhmanakah pemahaman anda terhadap proses menghasilkan produk Idaman Tea


15 responses



Rajah 6. Analisa 4

Sejauhmanakah penglibatan anda terhadap projek Idaman Tea ini?

15 responses



Rajah 7. Analisa 5

Projek inovasi yang diadakan dapat meningkatkan kemahiran serta pengetahuan murid dalam menghasilkan reka bentuk yang berinovasi. Adakah anda setuju?

15 responses




Rajah 8. Analisa 6



Pada pendapat anda adakah projek inovasi ini harus diteruskan pada masa akan datang?


15 responses



Rajah 9. Analisa 7

Adakah anda suka kepada pembelajaran yang berasaskan projek?


15 responses



Rajah 10. Analisa 8

Adakah anda suka menyiapkan tugas atau projek secara berkumpulan atau berseorangan?

15 responses



Rajah 11. Analisa 9

## Rumusan Analisa Soal Selidik

Jadual 1

Rumusan analisa soal selidik

BIL.	SOALAN	KEPUTUSAN (%)
1.	Apakah maksud KMR?	93% menjawab dengan betul
2.	Adakah anda bersetuju Projek Idaman Tea ini berjaya dihasilkan dengan baik?	100% setuju
3.	Adakah anda mahu terlibat dalam projek inovasi di masa akan datang?	100% mahu terlibat
4.	Sejauhmanakah pemahaman anda terhadap proses menghasilkan produk Idaman Tea	100% melebihi 80%
5.	Sejauhmanakah penglibatan anda terhadap projek Idaman Tea ini?	100% dari awal hingga akhir proses
6.	Projek inovasi yang diadakan dapat meningkatkan kemahiran serta pengetahuan murid dalam menghasilkan reka bentuk yang berinovasi. Adakah anda setuju?	100% setuju
7.	Pada pendapat anda adakah projek inovasi ini harus diteruskan pada masa akan datang?	100% setuju perlu diteruskan
8.	Adakah anda suka kepada pembelajaran yang berasaskan projek?	100% suka
9.	Adakah anda suka menyiapkan tugas atau projek secara berkumpulan atau berseorangan?	93% suka secara berkumpulan dan selebihnya suka berseorangan

## RUMUSAN

Projek Idaman Tea telah mengubah persepsi murid terhadap gaya pembelajaran dan menarik minat mereka terhadap bidang inovasi. Projek ini juga telah membuka minda guru untuk berminat dalam bidang inovasi seterusnya menjadikan guru lebih kreatif selaras dengan perubahan pendidikan dan kemajuan sekolah. Pentaksiran Bilik Darjah di sekolah semestinya akan mengikut cara dan perancangan yang baik dan mendapat reaksi yang lebih positif.

Pembudayaan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah perlu lebih konsisten di mana semua pihak perlu memainkan peranan. Tambahan untuk menjadikan inovasi sebagai pembelajaran yang menarik perlukan perancangan serta gerak kerja yang berpandu. Sokongan melalui program TS25 akan menjadikan guru di sekolah ini lebih bersemangat, berpandu serta ada hala tuju. Tidak mustahil sekolah ini mampu menjadikan inovasi sebagai platform untuk berada di pentas dunia dan mampu dikenali oleh orang sekeliling terhadap produk yang dihasilkan.

Usaha untuk menjadikan murid lebih kreatif dan suka mencipta atau menghasilkan sesuatu perlu diteruskan. Kreativiti harus dilihat sebagai satu kuasa bagi mencorakkan perkembangan pengurusan sekolah (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2002). Dengan cara ini akan mampu mencorakkan situasi pembelajaran yang lebih ceria dan berkesan. Murid akan lebih positif, tidak stres tanpa sebarang tekanan emosi dan mental. Sekolah harus dapat mendorong perubahan dan kemajuan kognitif, efektif dan psikomotor murid. Ini termasuklah mengembangkan pelbagai kecerdasan (multiple intelligence) dengan menyediakan peluang pembelajaran yang banyak terhadap pelbagai tahap potensi murid itu sendiri. Tidak mustahil jika ini dipraktikkan budaya PBS di sekolah akan membuahkan hasil.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2017). *Modul TS25 KmR 2.0*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2019). *Panduan Pelaksanaan PBD Edisi Ke-2 2019*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Roslee Talip (2012). *Guru Sebagai Agen Transformasi Dalam Inovasi Kurikulum*. Minda Pendidik. UMS.edu.my
- Smaldinho, (2010). *Instructional Technology and Media for Learning*. Northern Illinois University
- Yusup Hashim (2006). *Teknologi Instruksional : Teori dan Aplikasi*. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **PENYESUAIAN PEMILIHAN TAJUK PROJEK TAHUN AKHIR PELAJAR DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (RANGKAIAN KOMPUTER) MENGUNAKAN KONSEP PENILAIAN PROGRAM BERDASARKAN MODEL LOGIK**

**AZRI SAID**

Kolej Vokasional Miri,  
Jalan Jee Foh 10, Krokop, 98000 Miri, Sarawak  
ghazrie@hotmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian tindakan ini cuba merungkaikan permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar tahun akhir Program Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian Komputer) dalam menentu dan memilih tajuk projek tahun akhir yang perlu dilaksanakan. Seramai 16 orang peserta dipilih di dalam kajian yang dijalankan ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen bagi melihat keberkesanan penggunaan konsep penilaian program berdasarkan model logik. Temubual dan pemerhatian turut digunakan oleh penyelidik untuk melihat tingkahlaku peserta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta yang menggunakan konsep penilaian program ini boleh membuat peserta memilih tajuk projek tahun akhir mereka berdasarkan NOSS JPK. Peserta bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman terhadap tajuk yang telah dipilih, malah dapat fokus kepada skop, objektif dan hasil kajian projek tahun akhir mereka. Oleh itu, penggunaan konsep penilaian program berdasarkan model logik adalah dicadangkan untuk diamalkan dalam proses pemilihan tajuk projek tahun akhir oleh pelajar-pelajar tahun akhir program diploma di kolej vokasional.

### **ABSTRACT**

*This action study attempts to address the challenges faced by the final year students of the Information Technology Diploma Program (Computer Network) in deciding and choosing the title of the final year project to be implemented. A total of 16 participants were selected in this study. This study uses document analysis methods to see the effectiveness of using program evaluation concepts based on logical models. Interviews and observations were also used by the researcher to look at the behavior of the participants. The findings show that participants using the program evaluation concept can make participants choose their final year project title based on the NOSS JPK. Participants will not only improve their understanding of the topic they have chosen, but will also be able to focus on the scope, objectives and results of their final year project study. Therefore, the use of program evaluation concepts based on logical models is recommended for practice in the final year project title selection process by final year college diploma program students in vocational colleges.*

### **PENGENALAN**

Projek Tahun Akhir (PTA) merupakan projek yang mesti dan wajib dilaksanakan oleh pelajar-pelajar Diploma Vokasional di seluruh Kolej Vokasional di Malaysia. Projek ini dijalankan pada semester ketiga dan keempat program diploma pelajar. Masalah yang sering dihadapi oleh guru-guru dan para pelajar adalah pemilihan tajuk projek dan proses penilaian projek itu sendiri oleh pelajar dan guru. Ke kerapuhan pertukaran tajuk projek oleh pelajar menyebabkan guru-guru menghadapi masalah untuk memfokus dalam memberikan penyeliaan projek kepada para pelajar. Pertukaran tajuk ini adalah disebabkan kekurangan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar serta ketidakpercayaan mereka terhadap kebolehan serta kemampuan mereka untuk merealisasikan projek tersebut. Kajian ini akan menumpukan

kepada penyelesaian yang sesuai untuk mengurangkan atau meminimumkan bilangan pertukaran tajuk projek yang dilakukan oleh pelajar tahun akhir.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Sepanjang 3 semester berturut-turut sejak tahun 2016, pengajaran dan pembelajaran bagi modul Projek Tahun Akhir menghasilkan permasalahan yang hampir sama. Penyelidik mendapati para pelajar mengalami masalah yang sama, iaitu kerap bertukar tajuk dan sentiasa tidak yakin dengan kebolehjayaan projek yang mereka akan bangunkan. Saban semester, penyelidik mendapati para pelajar akan kerap bertukar tajuk dan tidak yakin dengan pemilihan tajuk yang dibuat. Walaupun kadangkala tajuk yang mereka cadangkan telah mendapat kelulusan daripada penyelia projek, namun disebabkan kekurangan keyakinan ke atas keupayaan mereka untuk menyiapkan projek tersebut, mereka akan memohon untuk menukar tajuk pada semester seterusnya. Ini mengakibatkan masalah kelemahan projek yang tidak mencapai objektif dan spesifikasi yang telah ditetapkan pada awal perancangan projek. Penyelidik telah memberikan bimbingan serta panduan untuk pelajar-pelajar fahami dan ikuti, namun oleh kerana ketidakfahaman ke atas kehendak dan keperluan tajuk projek, pelajar kerap memilih untuk menukar tajuk projek kepada tajuk baharu.

### **Definisi Penilaian Program**

Stufflebeam (1983) menyatakan, "The purpose of evaluation is to improve, not prove." Penilaian program merupakan suatu kemestian bagi sesebuah organisasi untuk melihat kebaikan dan kelemahan sesuatu program yang dilaksanakan (Kamaruzaman Moidunny, 2015). Tuckman (1985) pula menyatakan bahawa tujuan penilaian sesuatu program pendidikan adalah untuk memastikan program mencapai matlamat. Oleh itu, penyelidikan berkaitan dengan penilaian program atau evaluation research merupakan proses yang sistematik bagi mengumpul dan menganalisis data-data untuk tujuan membuat keputusan sama ada sesuatu program berkaitan yang sedang dilaksanakan, atau yang telah selesai dijalankan memberi kesan yang menguntungkan atau sebaliknya.

Oleh itu matlamat utama penilaian program adalah untuk menilai program dan melihat sejauhmana sesuatu program itu berjaya seterusnya dapat menyumbang kepada penambahbaikannya. Penilaian yang bersistematik perlulah mengambil kira perkara-perkara berikut;

- i. menentukan matlamat, objektif dan tujuan suatu program itu dinilai
- ii. menentukan kaedah yang digunakan agar persoalan terhadap program yang dinilai itu dapat dijawab dan diketahui membuat keputusan yang berguna berdasarkan hasil laporan. Hasil laporan tersebut dapat digunakan untuk membuat keputusan dan penambahbaikan

### **Model Logik**

Model Logik merupakan salah satu alat yang berasaskan Teori Program yang digunakan untuk menilai sesebuah program (National Collaborating Centre For Aboriginal Health, 2009; Weiss, 1998; Wilder Research, 2009). Komponen-komponen yang dikemukakan adalah input, aktiviti, output, outcome dan impak. Model Logik membantu penilai membuat jangkaan bagaimana sebenarnya sesebuah program itu sepatutnya mencapai matlamat dan sejauh mana kemunasabahan pencapaian pelaksanaan program itu diperolehi. Dalam bahasa yang mudah, Model Logik adalah gambaran pencapaian sesebuah program yang dilukis untuk menunjukkan langkah atau proses berbentuk Peta Alir. Dengan kata lain, Model Logik merupakan paparan pemikiran secara grafik untuk menyusun maklumat yang menggunakan pendekatan secara visual dengan memetakan apa yang ada di minda tentang bagaimana perkara itu dilakukan dan seharusnya dilaksanakan. Model Logik dapat menggambarkan tindakan yang dirancang dan keputusannya dijangka.

Asas pada Model Logik ini ialah model ini merupakan satu cara atau gambaran yang bersistematik untuk berkongsi pemahaman hubungan antara sumber-sumber yang ada

untuk program beroperasi, aktiviti yang dirancang dan perubahan atau hasil yang diharapkan untuk dicapai. Ia menggunakan perkataan atau gambar untuk menggambarkan turutan aktiviti atau proses yang difikirkan untuk membawa perubahan dan bagaimana aktiviti dapat dikaitkan dengan hasil program yang diharapkan dijangka untuk dicapai.

## **FOKUS KAJIAN**

Fokus kajian bagi kajian penyelidikan ini adalah ke atas punca utama yang membawa kepada pertukaran tajuk projek oleh pelajar. Penggunaan konsep penilaian program berdasarkan Model Logik adalah diaplikasikan sepenuhnya bagi memastikan pelajar-pelajar benar-benar faham mengenai tajuk projek yang mereka cadangkan. Berdasarkan kaedah penilaian program ini, penyelidik mendapati bahawa pelajar-pelajar dapat mengenalpasti objektif dan fokus yang mereka perlu tekankan dalam memilih tajuk projek. Kaedah ini digunapakai secara berterusan sehingga pelajar benar-benar yakin terhadap tajuk yang mereka pilih dan cadangkan. Ini bermakna, pelajar-pelajar masih boleh menambahbaik tajuk projek terutama dari segi objektif dan matlamat projek yang mereka perlu capai.

Salah satu kaedah pengumpulan data yang digunapakai di dalam kajian penyelidikan ini adalah temubual. Beberapa siri temubual telah dijalankan ke atas 16 orang pelajar dari kelas 2 Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian Komputer) yang sedang melaksanakan Projek Tahun Akhir. Dari temubual yang dijalankan, didapati keseluruhan pelajar mengalami masalah yang sama iaitu sukar untuk menentukan tajuk dan kemahiran yang mereka miliki dalam membangunkan projek tahun akhir mereka.

Selain dari temubual, pemerhatian turut dijalankan untuk memerhati tingkahlaku pelajar ke atas pemilihan tajuk projek mereka. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian bagi meneliti sikap para pelajar dan setelah 2 minggu pemerhatian dilakukan, penyelidik telah menerima 7 orang pelajar yang memohon untuk pertukaran tajuk projek mereka. Ketujuh-tujuh pelajar ini merupakan pelajar yang berbeza membuat pertukaran tajuk kali kedua dan kali ketiga.

Pemerhatian turut dilakukan ke atas dokumen yang dihasilkan oleh pelajar iaitu buku log. Buku log ini merupakan buku yang mencatat aktiviti-aktiviti serta tindakan yang telah mereka ambil seperti perbincangan bersama penyelia projek dan aktiviti-aktiviti soal selidik serta lawatan ke atas lokasi projek. Hasil daripada pemerhatian ke atas buku log pelajar ini, penyelidik mendapati setiap pelajar sekurang-kurangnya telah membuat pertukaran tajuk sebanyak dua kali. Walaupun pertukaran tajuk tersebut mendapat kelulusan daripada penyelia projek, tetapi perkara ini perlu dilihat sebagai sebuah masalah yang boleh membawa kepada kelemahan projek mereka.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

### **Objektif Kajian**

- Antara objektif utama pelaksanaan kajian tindakan ini adalah untuk :
- a. Menenal pasti tahap kemahiran, kebolehan serta kemampuan pelajar berdasarkan penilaian guru .
  - b. Menenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap projek berdasarkan penilaian guru
  - c. Menenal pasti tahap output projek tahun akhir pelajar berdasarkan penilaian pelajar dan guru.
  - d. Menenal pasti tahap outcome projek tahun akhir pelajar berdasarkan penilaian guru dan penyelarasa PTA.
  - e. Menenal pasti tahap impak projek PTA pelajar berdasarkan penilaian guru dan penyelarasa PTA.

## Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dibentuk, maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan berikut:

- a. Apakah tahap input Projek Tahun Akhir (PTA) berdasarkan penilaian guru dari aspek;
  - i. Penyelaras Projek Tahun Akhir
  - ii. Penyelia
  - iii. Guru
  - iv. Murid
  - v. Bahan Sokongan
- b. Apakah tahap aktiviti program PTA berdasarkan penilaian guru dari aspek;
  - i. Kecukupan latihan dan bimbingan yang diterima guru
  - ii. Kecukupan latihan dan bimbingan yang diberi kepada murid
- c. Apakah tahap output program projek PTA berdasarkan penilaian guru dari aspek kekerapan pertukaran tajuk PTA saat akhir, kesukaran pelajar dan guru dalam memilih dan menentukan tajuk projek serta kesukaran para guru dalam membuat penilaian kejayaan projek pelajar.
- d. Apakah tahap outcome program projek PTA dari aspek:
  - i. Pengetahuan
  - ii. Sikap
  - iii. Kemahiran
  - iv. Aspirasi
- e. Sejauh manakah pencapaian impak program Projek PTA

## KUMPULAN SASARAN

Seramai 16 orang pelajar dari kumpulan 2 Diploma Teknologi Maklumat ( Rangkaian Komputer) dari Unit Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian telah dipilih secara langsung dalam kajian kali ini. Pelajar yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir yang merupakan calon yang akan melaksanakan Projek Tahun Akhir pada tahun 2019. Jadual 1 menunjukkan bilangan responden yang terpilih untuk kajian ini mengikut jantina, bangsa dan kategori yang terlibat.

Jadual 1  
Taburan Kategori Responden dalam kajian

Jantina Responden	Lelaki		4		16 responden				
	Perempuan		12						
Kategori Bangsa / Etnik	Melayu	Cina	India	Iban	Bidayuh	Melanau	Lunawang	Kenyah	Kedayan
Pelajar	4	2	-	2	1	1	1	3	2
PNGK pelajar	Below 3.5		3						
	Above 3.5		13						

## TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

### Perancangan Pelaksanaan Kajian Tindakan


Langkah 1: Tentukan program yang akan dinilai  
Program Projek Tahun Akhir

Langkah 2: Tentukan komponen input, aktiviti, output, outcome dan impak program menggunakan templet Model Logik.

Jadual 2  
Kitaran pelaksanaan kajian tindakan

Input	Aktiviti	Output	Outcome	Impak
Apakah yang perlu ada untuk menggerakkan program?	Apakah yang perlu dilakukan untuk mencapai hasil langsung program?	Apakah hasil langsung atau hasil semerta yang diperoleh untuk mencapai perubahan yang disasarkan?	Apakah perubahan/ kesan yang diharapkan untuk dicapai dalam jangka masa pendek (1-3 tahun) dan jangka masa panjang (4-6 tahun)?	Apakah perubahan besar yang dihasratkan untuk dicapai dalam tempoh (7 – 10 tahun)?
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelaras Projek Tahun Akhir</li> <li>• Penyelia</li> <li>• Guru</li> <li>• Murid</li> <li>• Bahan Sokongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan dan bimbingan kepada guru</li> <li>• Latihan dan bimbingan kepada murid</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada lagi pertukaran tajuk oleh pelajar pada semester 4 atau saat-saat akhir.</li> <li>• Pelajar tiada masalah lagi memilih tajuk projek.</li> <li>• Para guru tidak lagi menghadapi kekeliruan untuk menilai projek.</li> </ul>	Perubahan guru dan murid dari aspek <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan</li> <li>• Sikap</li> <li>• Kemahiran</li> <li>• Aspirasi</li> </ul>	Kemahiran berfikir dapat ditingkatkan dan dibudayakan ke arah menghasilkan murid berinovatif

Langkah 3 :Bina kerangka konseptual kajian berasaskan Model Logik



Rajah 1. Kerangka Konseptual kajian berdasarkan Model Logik



#### Langkah 4: Bina objektif kajian berdasarkan kerangka kajian

Objektif kajian ini adalah untuk;

- a. Mengenal pasti tahap kemahiran, kebolehan serta kemampuan pelajar berdasarkan penilaian guru
- b. Mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap projek berdasarkan penilaian guru
- c. Mengenal pasti tahap output projek tahun akhir pelajar berdasarkan penilaian pelajar dan guru.
- d. Mengenal pasti tahap outcome projek tahun akhir pelajar berdasarkan penilaian guru dan penyelarasa PTA.
- e. Mengenal pasti tahap impak projek PTA pelajar berdasarkan penilaian guru dan penyelarasa PTA.

#### Langkah 5: Bina soalan kajian berdasarkan objektif kajian:

Berdasarkan objektif kajian yang telah dibentuk, maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan berikut:

- a. Apakah tahap input Projek Tahun Akhir (PTA) berdasarkan penilaian guru dari aspek;
  - i. Penyelarasa Projek Tahun Akhir
  - ii. Penyelia
  - iii. Guru
  - iv. Murid
  - v. Bahan Sokongan
- b. Apakah tahap aktiviti program PTA berdasarkan penilaian guru dari aspek;
  - i. Kecukupan latihan dan bimbingan yang diterima guru
  - ii. Kecukupan latihan dan bimbingan yang diberi kepada murid
- c. Apakah tahap output program projek PTA berdasarkan penilaian guru dari aspek kekerapan pertukaran tajuk PTA saat akhir, kesukaran pelajar dan guru dalam memilih dan menentukan tajuk projek serta kesukaran para guru dalam membuat penilaian kejayaan projek pelajar.
- d. Apakah tahap outcome program projek PTA dari aspek:
  - i. Pengetahuan
  - ii. Sikap
  - iii. Kemahiran
  - iv. Aspirasi
- e. Sejauh manakah pencapaian impak program Projek PTA

#### Langkah 6: Bina instrumen kajian berasaskan objektif dan soalan kajian.

Instrumen yang dibangunkan perlulah berasaskan objektif dan soalan kajian dengan berpandukan kepada reka bentuk kajian yang sesuai. Sebagai contohnya, penilaian program Projek PTA ini boleh memilih rekabentuk kajian tinjauan hirisan rentas yang menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik dibangunkan berdasarkan kepada 5 konstruk utama iaitu konstruk input, aktiviti, output, outcome dan impak. Konstruk input, aktiviti, output dan outcome mengandungi item-item soal selidik menggunakan skala Likert yang perlu dianalisis secara kuantitatif. Konstruk impak boleh menggunakan item yang berbentuk soalan terbuka yang perlu dianalisis secara kualitatif.

### **KAEDAH PENGUMPULAN DATA INSTRUMEN KAJIAN**

Di dalam setiap kajian, data merupakan instrumen paling penting yang perlu dikumpul untuk mendapatkan input sebelum ia dianalisis bagi mendapatkan maklumat dan hasil kajian. Tidak terkecuali di dalam kajian penyelidikan ini yang mempunyai beberapa kaedah pengumpulan data yang sesuai dan seiring dengan objektif kajian.


### Soalan Temubual

Beberapa siri temubual telah diadakan dalam kajian tindakan ini. Selain menembual para pelajar Tahun Akhir, penyelidik turut menemubual semua guru di dalam unit Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian. Contoh soalan yang diajukan kepada responden adalah seperti di bawah.


- Adakah anda merasakan anda telah bersedia melaksanakan PTA dengan kemahiran yang telah anda miliki?
- Adakah anda merasakan bantuan penyeliaan dan pemantauan dari guru penyelia amat penting dalam pelaksanaan PTA anda
- Adakah anda merasakan kemampuan dari segi pengetahuan dan kemahiran amat penting dalam menjalankan PTA?
- Setelah anda mengenalpasti tajuk projek dan diluluskan oleh Penyelia anda, berapa kerapkah anda terfikir untuk membuat pertukaran tajuk pada semester lepas dan semester ini?
- Adakah anda lebih yakin memilih tajuk projek melalui NOSS yang disediakan setelah penjelasan dan penerangan daripada Penyelaras PTA anda?
- Setelah anda menjalankan PTA anda, adakah anda telah mengaplikasikan semua kemahiran dan pengetahuan anda sepanjang berada di KV?
- Adakah projek yang telah anda laksanakan telah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan anda lagi?

### Buku Log

Seperti yang kita sedia maklum, buku log berfungsi sama seperti jurnal harian namun ia hanya melibatkan catatatan yang menunjukkan perbincangan serta aktiviti berkala antara pelajar bersama penyelia projek. Penyelia projek di sini merujuk kepada guru dalam unit Sistem Komputer dan Rangkaian. Buku log pelajar ini ditunjukkan seperti di dalam Rajah 2 dan Rajah 3.



Rajah 2. Buku log pelajar



Rajah 3. Catatan di dalam buku log pelajar

### Kertas Cadangan Pelajar (Proposal)

Selain dari buku log, kertas cadangan atau proposal juga turut dijadikan bahan instrumen yang diberikan pemerhatian oleh penyelidik. Proposal ini perlu dihantar kepada penyelia projek untuk diberikan kelulusan sama ada tajuk dan kesesuaian lokasi projek yang dicadangkan oleh pelajar boleh diterima atau sebaliknya. Proposal ini kerap kali ditambahbaik kerana melibatkan pertukaran tajuk projek oleh para pelajar. Berdasarkan kepada pemerhatian, setiap pelajar sekurang-kurangnya telah menghantar 3 kali proposal yang bermaksud mereka akan membuat pertukaran tajuk sekurang-kurangnya 2 kali.

KOLEJ VOKASIONAL MIRI Kementerian Pendidikan Malaysia	
KERTAS CADANGAN PROJEK TAHUN AKHIR (PTA 1)	
(A) MAKLUMAT PELAJAR (Dilisi oleh Pelajar)	
NAMA PROGRAM	TEKNOLOGI MAKLUMAT (RANGKAIAN KOMPUTER)
KOD KURSUS	DKB 3052
TAJUK PROJEK	MEMASANG KAWALAN KESELAMATAN RANGKAIAN KOMPUTER DAN MENGHADKAN MASA PENGGUNAAN DI MAKMAL PERAKAUNAN 1
NAMA PELAJAR (DENGAN HURUF BESAR)	MITCHELL KING YI
NO. KAD PENGENALAN	000904-13-1020
NAMA PENYELIA PROJEK	ENCIK AZRI BIN SAID
(B) MAKLUMAT PROPOSAL:	
Perkara	Ringkasan
1. Pengenalan Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan perlindungan keselamatan dalam rangkaian komputer.</li> <li>Mengawal akses.</li> </ul>
2. Penyataan Masalah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru sukar untuk mengawal pelajar dalam melayari aplikasi seperti Facebook, Permainan video dan dll.</li> <li>Pelajar menggunakan lebih masa untuk bermain komputer.</li> </ul>
3. Objektif Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkebolehan dalam menyekat laman sesawang yang tidak berfaedah.</li> <li>Menghadkan masa penggunaan komputer pengguna.</li> </ul>
4. Tujuan Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melindungi rangkaian dari sebarang ancaman.</li> <li>Menghasilkan persekitaran rangkaian yang selamat.</li> </ul>
5. Skop Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelajar perakaunan</li> <li>Guru perakaunan</li> <li>Kolej Vokasional Miri</li> </ul>
6. Literatur	Projek 1 - Mengkonfigurasi Window Firewall


Rajah 4. Mukasurat pertama Proposal pelajar

	<p>Nama Pelaksana</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Nurul Syafiqah Binti Rostan</li> <li>ii. Yasmin Nur Ilyasa Binti Spawi</li> </ol> <p>Kelemahan Projek</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak menggunakan komputer pelayan dalam membangunkan projek.</li> </ul> <p><b>Projek 2 – Sistem Kawalan Keselamatan Dan Had Masa Penggunaan Rangkaian.</b></p> <p>Nama Pelaksana</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Clarence Bin Jockim</li> <li>ii. Yohanna Usun Law Bee Kian</li> </ol> <p>Kelemahan Projek</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak memasang perisian antivirus.</li> </ul>
7. Metodologi	<p>Kaedah yang kami gunakan adalah Model ADDIE dalam membuat projek ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Analysis</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganalisis taju, tempat dan keperluan projek serta membuat borang soal selidik terhadap pelanggan.</li> </ul> </li> <li>ii. <b>Design</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat rekabentuk pelan rangkaian, menyediakan carta gantt serta carta alir untuk proses membina kawalan sekuriti.</li> </ul> </li> <li>iii. <b>Develop</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan projek akan dijalankan berdasarkan rekabentuk pelan rangkaian yang telah direka.</li> </ul> </li> <li>iv. <b>Implementation</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fasa untuk menguji keberkesanan serta masalah-masalah yang mungkin berlaku dalam fasa rekabentuk dan pembangunan projek.</li> </ul> </li> <li>v. <b>Evaluation</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fasa untuk mendapatkan maklum balas pengguna terhadap keseluruhan projek.</li> </ul> </li> </ol>
8. Anggaran Kos	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Router – Rm 300</li> </ul>

Rajah 5. Mukasurat kedua Proposal pelajar

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kabel LAN – RM 10</li> <li>• RJ45 – RM 2</li> <li>• Cetakan Proposal – RM 2</li> <li>• Minyak Kereta – RM 50</li> </ul> <p>Jumlah Keseluruhan: RM 364</p>
9. Perancangan Pelaksanaan Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Flowchart (SILA RUJUK LAMPIRAN 1)</li> </ul>
10. Carta Gantt Pelaksanaan Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Carta Gantt (SILA RUJUK LAMPIRAN 2)</li> </ul>
11. Jangkaan Hasil	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat membina projek yang boleh menghadkan masa pelajar dalam melayari internet.</li> <li>• Pelajar juga tidak boleh untuk melayari laman sesawang yang telah disekat kerana projek ini telah dikawal oleh sekuriti yang telah dibina.</li> </ul>
12. Rujukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku</li> <li>• Sumber Internet</li> <li>• Artikel</li> </ul>
13. Lampiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lampiran 1 – Flowchart</li> <li>• Lampiran 2 – Carta Gantt</li> </ul>

PENGAKUAN PEMOHON:


Tandatangan pelajar 

No. Telefon : (H/P) 013-9454082 (R) .....

Email me\_mely@hotmail.com .....

---

**Pengesahan Penyelia Projek(PP)**

Nama Pegawai: A2R1 

Tandatangan: ..... Tarikh: 20/3/2019 .....

(Cop Nama Pegawai)

AZRI BIN SAID  
800214-04-5155  
Pegawai Pengesah Dalam (PPD)  
Sistem Kom

Rajah 6. Mukasurat terakhir Proposal pelajar

## KAEDAH ANALISIS DATA


Data yang telah diperolehi dan dikumpul seterusnya akan dianalisis. Hasil analisis, penyelidik akan membuat beberapa kesimpulan bagi mendapatkan output dan hasil sebelum dibentangkan kepada pihak pengurusan. Dalam kajian penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan hamparan elektronik MS.Excell untuk membuat analisis data dan digambarkan keputusannya secara grafik melalui graf dan carta yang bersesuaian. Antara yang dianalisis termasuklah hasil daripada temubual bersama guru dan pelajar, pemerhatian ke atas dokumen-dokumen berkaitan seperti buku log dan juga proposal pelajar. Hasil daripada analisis ini akan ditunjukkan di dalam bab 7 iaitu Dapatan dan Refleksi Kajian.


## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

### Dapatan



Analisis berkaitan dengan respon yang telah diberikan oleh semua responden telah diwakilkan dalam bentuk grafik seperti dalam Rajah yang berikut.

#### 1. Analisis Input








## 2. Analisis Output



### 3. Analisis *Outcome* (Hasil)



## Refleksi Kajian

Setelah beberapa siri dan sesi pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) serta pemerhatian dan temubual yang dijalankan, penyelidik seterusnya membina beberapa set refleksi kajian yang sesuai dan selari dengan soalan kajian. Refleksi yang dibina oleh penyelidik adalah selari dengan hasil dapatan yang menunjukkan keberkesanan kaedah penialain program yang berdasarkan Model Logik. Hasil daripada dapatan, penyelidik mendapati :

- Tahap input daripada pelajar menunjukkan bahawa Program PTA telah banyak menguji kemahiran sedia ada mereka serta menambah kemahiran yang perlu mereka miliki bagi memastikan projek mereka dapat dilaksanakan dengan jaya.
- Tahap aktiviti yang dijalankan oleh penyelidik di dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan turut menyumbang kepada keselarian pemahaman yang lebih ke atas tajuk dan kemahiran yang boleh diaplikasikan oleh pelajar.
- Bilangan pertukaran tajuk oleh pelajar telah dapat diminimalkan kepada 0.3 kali secara purata. Ini bermaksud, majoriti pelajar sudah tidak mengalami masalah dalam pemilihan tajukserta lebih berkeyakinan dalam pemilihan tajuk yang telah mereka cadangkan. Penyelidik turut mendapati pelajar tidak lagi membuat pembetulan pada kertas cadangan yang mereka hantar pada kali pertama.
- Hasil daripada kaedahpenilaian program berdasarkan Model logik ini, semua pelajar telah Berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir mereka dalam jangka masa yang ditetapkan. Semua produk mereka juga berfungsi dengan baik, dan hasilnya seramai 8 orang pelajar memperoleh gred A, 7 orang memperoleh gred A- dan seorang sahaja memperoleh gred B+. Keputusan ini menyaksikan pencapaian Gred Purata Matapelajaran atau PNGK sebanyak 3.81.

## PERBANDINGAN KEPUTUSAN LEPAS

2	TAHUN:	2018																						
3	SEMESTER:	4DVM	Masukkan Kod Program Yang Berkemungkinan Di Sini																					
4	PROGRAM:	KSK																						
6	KOD & NAMA KURSUS	JUMLAH BERDAFTAR PENILAIAN AKHIR	BILANGAN PELAJAR													JUMLAH PELAJAR			PERATUSAN PELAJAR		PURATA NILAI GRED			
7			HADIR	A	A-	B+	B	B-	C+	C	D+	D	D-	E	T	KOMPETEN	BELUM KOMPETEN	TIDAK HADIR	KOMPETEN	BELUM KOMPETEN				
8	KSK8044 PROJECT 2	14	14	3	8	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	100.00	0.00	3.67
9																								

Rajah 7. Keputusan Modul Projek Tahun Akhir 2 tahun 2018

KOD & NAMA KURSUS : DKB4044 FINAL YEAR PROJECT 2																								
SEMESTER & TAHUN : 4DVM 2019																								
KOD & NAMA KURSUS	JUMLAH BERDAFTAR PENILAIAN AKHIR	BILANGAN PELAJAR														JUMLAH PELAJAR			PERATUSAN PELAJAR		PURATA NILAI GRED			
		HADIR	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	E	F	T	LULUS	GAGAL	TIDAK HADIR	LULUS	GAGAL				
DKB4044 FINAL YEAR PROJECT 2	16	16	8	7	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	100.00	0.00	3.81

Rajah 8. Keputusan Modul Projek Tahun Akhir 2 tahun 2019

## PENUTUP

Bermula Bulan Julai 2019, pelajar-pelajar Tahun 2 Diploma Teknologi Maklumat ( Rangkaian Komputer) telah pun selesai melaksanakan projek mereka di lokasi masing-



masing. Pada fasa ini, mereka cuma perlu menungu respon dan komen daripada pengguna-pengguna projek mereka untuk menilai tahap kepuashatian terhadap projek yang dijalankan. Pada fasa ini, mereka akan memfokuskan terhadap penulisan Laporan Akhir untuk projek yang mereka jalankan. Pada fasa ini juga mereka akan terus menjalankan analisis-analisis keberkesanan dan kejayaan projek mereka bagi menentukan sama ada projek yang mereka jalankan telah mencapai objektif yang ditetapkan.

Tujuan kajian ini adalah untuk membantu penyelesaian masalah dalam memilih dan menentukan tajuk projek bagi para pelajar. Berdasarkan kepada analisis dapatan yang diperolehi, jelas sekali bahawa Model Logik amat membantu para guru untuk menentukan serta meluluskan tajuk-tajuk projek yang dipilih oleh para pelajar. Guru juga tidak lagi menghadapi masalah pertukaran tajuk projek oleh pelajar pada saat-saat akhir seperti yang dialami pada tahun-tahun lepas.

Selain itu, para guru juga dapat membantu pelajar-pelajar dalam memberi bimbingan seterusnya membuat penilaian impak ke atas projek yang dijalankan. Jelas sekali bahawa Model Logik ini amat membantu keseluruhan Program Projek Tahun Akhir Pelajar Diploma Vokasional Malaysia. Justeru, saya amat mengesyorkan para guru di Kolej Vokasional menggunakan model ini bagi membantu para pelajar menjalankan Projek Tahun Akhir mereka. Semoga dengan perkongsian ini dapat memberi manfaat dan impak yang amat baik kepada seluruh warga Kolej VoKasional Miri khususnya.

Bagaimanapun, adalah amat diharapkan kajian ini tidak terhenti di sini. Bagi meningkatkan pencapaian serta kualiti projek yang dihasilkan oleh para pelajar, penyelidik mencadangkan agar sebuah mekanisma dapat dibangunkan bagi membantu para pelajar membangunkan projek dengan lebih efektif agar dapat mengoptimumkan penyeliaan dalam kalangan para guru. Hal ini bagi memastikan para pelajar dididik agar lebih mandiri dan berdikari bagi mempersiapkan mereka ke arah penyelidik teknokrat yang dapat dilahirkan dalam bidang TVET.

## RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, & Shahrin Hashim. (2008). Sejaumanakah model stufflebeam (KIPP) boleh membantu dalam penilaian program pembelajaran? *Isu-Isu Psikologi Pembangunan Diri*, pg 188-209.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012a). Nota kursus membudayakan kemahiran berfikir oleh Kestral Education United Kingdom. Kementerian Pelajaran Malaysia. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/bpk>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012b). *Program i-THINK: membudayakan kemahiran berfikir*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/bpk>
- Fitzpatrick, J. L., Sanders, J. R., & Worthen, B. R. (2011). *Program evaluation: Alternative approaches and practical guidelines* (4th ed.). (Allyn & Bacon, Ed.). New York: Pearson Education, Inc.
- Grammatikopoulos, V. (2011). Integrating program theory and systems-based procedures in program evaluation: A dynamic approach to evaluate educational programs. *Educational Research and Evaluation*, 18(1), 53–64. <http://doi.org/10.1080/13803611.2011.640874>
- Kellaghan, T., & Stufflebeam, D. L. (2003). *International handbook of education evaluation*. Netherland: Kluwer Academic Publishers
- Knowlton, L. W., & Phillips, C. C. (2013). Introducing Logic Models. In *the Logic Model guidebook: Better strategies for great results* (pp. 2–62).
- Lawton, B., Brandon, P. R., Cicchinelli, L., & Kekahio, W. (2014). *Logic Models: A tool for designing and monitoring program evaluations*. Washington DC. Retrieved from [https://ies.ed.gov/ncee/edlabs/regions/pacific/pdf/REL\\_2014007.pdf](https://ies.ed.gov/ncee/edlabs/regions/pacific/pdf/REL_2014007.pdf)
- Metfessel, N., & Michael, W. (1967). A Paradigm involving multiple criterion measures for the evaluation of the effectiveness of school programs. *Educational and Psychological Measurement*, 27, 931-943

- Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (2007). *Evaluation theory, models, and applications* (1st Edition). San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Brand.
- W.K. Kellogg Foundation. (2004). *Logic Model development guide*. W.K Kellogg Foundation. Michigan. Retrieved from <http://www.wkkf.org/knowledge-center/resources/2006/02/WK-Kellogg-Foundation-Logic-Model-DevelopmentGuide.aspx>

## **HALANGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH- SEKOLAH MENENGAH BAHAGIAN KENINGAU, SABAH**

**RAPIAH MOHAMAD YUSOF**

Kolej Vokasional Keningau Sabah, Beg Berkunci 04  
Jalan Bariawa 89009 Keningau, Sabah  
rapiahmy72@yahoo.com.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan aplikasi peralatan dan perisian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran guru-guru di sekolah-sekolah bahagian Keningau, Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan soal selidik. Kajian dijalankan dalam Bahagian Keningau yang terdiri daripada daerah Tambunan, Tenom, Nabawan dan Keningau. Kajian tertumpu kepada guru-guru sekolah menengah yang mengajar pelbagai matapelajaran. Seramai 75 orang responden telah dipilih. Dapatan diproses menggunakan SPSS versi 2.0. Kajian ini untuk melihat tahap penggunaan dan halangan ketika pelaksanaan dan sangat penting untuk diambil tindakan oleh pihak sekolah, masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Implikasi kajian ini menunjukkan tahap penggunaan sangat efektif dan halangan masih ditahap terkawal. Kepentingan utama kajian ini ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempertingkatkan infrastruktur TMK khususnya di sekolah-sekolah bahagian pedalaman Sabah.

Kata kunci: Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Aplikasi, Efektif .

### **PENGENALAN**

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) menjadi wadah kehidupan manusia masa kini. Penggunaan TMK banyak dilihat berdasarkan manfaatnya yang meluas merangkumi aspek pengurusan, perniagaan, pendidikan, kesihatan, perhubungan dan banyak lagi.

Adalah menjadi kemestian pada masa kini penyampaian pengajaran dan pembelajaran oleh guru di dalam kelas menggunakan TMK agar dilihat mampu menarik perhatian murid-murid. Walau bagaimanapun terdapat halangan kepada para guru untuk menggunakan aplikasi TMK secara total di dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini akan membincangkan halangan yang wujud dalam penggunaan aplikasi TMK dalam pengajaran dan pembelajaran guru-guru di sekolah menengah bahagian Keningau, Sabah.

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan aplikasi TMK di sekolah menengah dan rendah pada masa kini merupakan suatu keperluan. Guru sebagai pemangkin dalam pengajaran sesebuah kelas amat memerlukan teknologi ini dalam melancarkan aktiviti pengajaran seseorang guru tersebut. Fenomena penggunaan aplikasi teknologi ini dalam pelbagai kaedah, bentuk dan peralatan sesuatu yang biasa dan perlu di sekolah menengah kawasan bandar mahupun luar bandar. Situasi yang membezakan ialah faktor guru, pengurusan sekolah, faktor geografi kawasan dan sambutan daripada masyarakat setempat. Berdasarkan kepada fenomena ini pengkaji telah melihat fenomena tersebut sesuai untuk diketengahkan dalam kajian untuk melihat halangan-halangan yang wujud hasil penggunaan teknologi tersebut terhadap guru dan pelajar dan halangan yang

signifikan dihadapi khususnya dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di bahagian Keningau.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini dilakukan bagi melihat wujudnya halangan penggunaan aplikasi peralatan dan perisian TMK dalam pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah Menengah dalam bahagian Keningau.

Penggunaan aplikasi dan perisian TMK selalunya digunakan untuk mencari bahan sumber pengajaran, membuat pengurusan data pelajar, aktiviti PdP, penggunaan TMK juga membantu menjadikan proses pengajaran menjadi lebih menarik dan afektif, melancarkan kerja kerja guru seterusnya meningkatkan minat, motivasi dan kemahiran murid.

Berdasarkan kepada kegunaan tersebut, terdapat juga halangan yang sering diperkatakan seperti kekurangan prasarana sekolah untuk kelengkapan TMK seperti makmal komputer yang kurang lengkap dengan Komputer dan aksesori serta rangkaian internet yang tidak mencukupi. Begitu juga dengan perisian mata pelajaran yang diberikan kepada sekolah sekolah tidak terkini, lambat dan terdapat juga tidak boleh beroperasi seperti perisian yang telah terkena virus. Faktor lokasi sekolah menengah di bahagian Keningau yang agak jauh dan rangkaian internet yang lemah juga sering dihadapi oleh guru guru kerana faktor geografi yang berbukit.

Berkaitan dengan pelajar pula, didapati pelajar di kawasan Keningau majoritinya tidak begitu mahir mengendalikan aplikasi TMK kerana faktor latar belakang pendidikan asas komputer tersebut kurang mendapat latihan atau bimbingan. Berdasarkan situasi ini kajian terhadap halangan yang mungkin wujud perlu dilakukan apabila guru-guru semakin aktif menggunakan TMK ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Antara elemen yang boleh dikaji ialah latar belakang guru dan kaitannya dengan umur dan jantina, kemahiran penggunaan aplikasi TMK dan kesan kepada minat pelajar, begitu juga kesukaran yang berlaku terhadap kaedah pengajaran menggunakan aplikasi TMK di dalam kelas. Norazen, Hassan dan Mohd Ruzman (2004) dalam kajian 'Tahap Kompetensi Pensyarah Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran', menyuarakan terdapat satu cabaran penting yang perlu dihadapi iaitu kesediaan dan kompetensi pensyarah mengaplikasi dan mengintegrasikan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, maka wujud keinginan pengkaji untuk mengkaji tahap penggunaan TMK dan halangan. Berikut merupakan objektif-objektif utama dalam kajian ini:

- a. Menenalpasti tahap penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru sekolah menengah dalam bahagian Keningau.
- b. Menenalpasti kesan penggunaan TMK keatas pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru sekolah menengah dalam bahagian Keningau.
- c. Menenalpasti adakah terdapat halangan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dalam bahagian Keningau.

## **PERSOALAN KAJIAN**

- a. Apakah tahap penggunaan TMK dan kesan dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru sekolah menengah dalam bahagian Keningau.
- b. Apakah halangan penggunaan TMK di kalangan guru guru dalam bahagian Keningau.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Menurut Amir Hassan Dawi (2006), kepentingan kajian bermaksud apakah kajian berkenaan berguna kepada mana-mana pihak. Setiap kajian yang dijalankan selalunya mempunyai motif-motif tertentu untuk kepentingan pihak tertentu. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji halangan ketika penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah menengah dalam bahagian Keningau.

### **Kepentingan Kepada Sekolah**

Kajian ini turut dapat memberi manfaat dan kesedaran kepada pihak sekolah khususnya dalam menyediakan infrastruktur yang mencukupi untuk memudahkan penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang baik. Kepentingan kepada para guru yang melaksanakan pembelajaran abad 21 harus peka untuk memantapkan persediaan sendiri agar lebih mahir dan peka dengan peredaran terkini maklumat, perisian dan peralatan TMK yang lebih kompetitif, terkini dan canggih.

### **Kepentingan Kepada Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan**

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat mengemukakan saranan yang berguna kepada Jabatan pendidikan sabah dan juga Kementerian Pendidikan agar penggunaan dan aplikasi TMK dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menjadi amalan warga sekolah di Malaysia. Hal ini kerana, hasil kajian mengenai pengajaran guru menggunakan peralatan dan perisian TMK sebagai alat bantu mengajar akan membantu semua pihak terutamanya pihak kementerian, sekolah dan ibu bapa dalam merancang dan melaksanakan program-program peningkatan pengajaran di sekolah. Pada masa yang sama, semua jabatan pendidikan negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan aspek pengajaran dan pembelajaran menggunakan TMK bagi melahirkan guru berinovatif dan kreatif. Budaya penggunaan aplikasi TMK perlu berterusan bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

### **Kepentingan Kepada Masyarakat**

Kajian ini juga memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat sekitar untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan teknologi maklumat seperti penggunaan internet dan hal lain berkaitan dengan TMK. Ini secara tak langsung, ibubapa memastikan anak-anak mereka tidak jauh terpinggir dari pendedahan teknologi maklumat.

Ibu bapa dan masyarakat setempat harus sedar dan bersikap terbuka serta bersedia menerima hakikat bahawa pembelajaran yang menggunakan aplikasi TMK sesuatu yang mudah dan amat membantu dalam pelbagai aspek seperti pembelajaran yang lebih menarik dan mudah menerima penyampaian pengajaran daripada guru.

## **BATASAN KAJIAN**

Menurut Amir Hasan Dawi (2006), batasan kajian memberitahu tentang had-had atau 'kekurangan' kajian. Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada halangan terhadap penggunaan aplikasi TMK dalam kalangan guru sekolah menengah di bahagian Keningau. Kajian akan menumpukan bentuk aplikasi yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran, demografi responden seperti jantina, umur, kaum, status, mata pelajaran major yang diajar, jawatan, pengalaman mengajar, kategori dan jarak sekolah daripada pusat bandar.

Aspek kajian halangan pula akan mengetengahkan apakah situasi yang dihadapi dalam kalangan guru sekolah menengah di bahagian Keningau. Antara persoalan halangan yang diketengahkan seperti kemahiran guru mengaplikasi perisian, faktor lokasi dan akses internet sekolah dan faktor pengetahuan sedia ada murid. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen disamping membuat pemerhatian dan rujukan ke perpustakaan untuk menguatkan lagi dapatan dan kesahan serta kepercayaan kepada analisis soal selidik.

## **KERANGKA TEORITIKAL**

Kerangka Teoritikal adalah satu koleksi konsep-konsep yang berkaitan. Kerangka teori menjadi panduan dalam menjalankan sesuatu kajian. Ia menjadi penentu kepada perkara-perkara yang ingin diukur dan melihat hubungan-hubungan statistik yang akan dicari. Melalui kerangka teori, penyelidik dapat mengintegrasikan faktor-faktor logikal supaya mempunyai asas saintifik untuk menjalani sesuatu penyelidikan.

### **Teori Yang Berkaitan dengan Penggunaan aplikasi TMK dalam pengajaran dan pembelajaran.**

Hilary (1991) menegaskan komputer dapat membantu guru melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Laurillard (1992) menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan komputer akan dapat meningkatkan pemahaman konsep sesuatu teori. Penggunaan TMK di dalam bilik darjah telah merubah *scenario* pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran pembelajaran diberi sentuhan bagi memenuhi keperluan teknologi semasa. Guru dikehendaki menghadiri kursus TMK sebagai menyediakan diri menyampaikan ilmu dalam bentuk terkini.

### **Teori yang berkaitan dengan perisian dan kelas Afektif dengan TMK**

Berkaitan dengan perisian mengikut kehendak semasa yang diberikan oleh kementerian pendidikan akan dikaitkan dengan Teori Hess(1987). Beliau menyatakan bahawa penyediaan bahan pengajaran yang berorientasikan multimedia ini penting agar murid – murid dapat merasai perbezaan dari segi strategi pengajaran.

Pengajaran dan Pembelajaran guru pastinya menyeronokkan dan murid – murid akan teruja menanti PdP yang akan datang. Terdapat banyak perisian yang telah disediakan dan dibekalkan oleh kementerian untuk membantu guru melancarkan P&P dalam bilik darjah. Guru – guru akan lebih terdorong untuk menyediakan bahan dan aktiviti P&P yang lebih menarik dan mencabar. Penggunaan komputer membawa perubahan ketara kepada bentuk pengajaran guru. Teori ini akan dikaitkan dengan penerimaan perisian yang dihantar oleh kementerian pendidikan Malaysia atau Jabatan Pendidikan Sabah kepada sekolah menengah di bahagian Keningau khususnya kepada kualiti yang diterima.

### **Teori yang berkaitan dengan persepsi dan kemahiran guru menggunakan aplikasi TMK**

Suatu kajian berkaitan penggunaan TMK dalam kalangan guru di sekolah menunjukkan tahap yang agak rendah ( Bahagian Teknologi Pendidikan 1999). Tiga faktor utama yang dikaitkan dengan tahap penggunaan TMK di sekolah ialah guru, teknologi dan sekolah (Zhao et al, 2002). Ketiga – tiga faktor ini berkait rapat antara satu sama lain., tetapi Ely(1995) berpendapat faktor guru adalah kritikal dalam sebarang pelaksanaan inovasi di sekolah. Sesungguhnya cabaran paling besar ialah memastikan semua guru menggunakan teknologi pengajaran secara berkesan dalam pengajaran harian mereka ( Lee & Winzenreid, 2009)

## **DEFINISI OPERASIONAL.**

### **Definisi Teknologi Komunikasi dan Maklumat (TMK)**

TMK merupakan akronim atau singkatan daripada perkataan 'Information and Communication Technology' yang bermaksud Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang boleh ditakrifkan sebagai sebarang kaedah yang digunakan untuk memindah, menyebarkan dan memaparkan maklumat.

### **Definisi Pengajaran dan pembelajaran**

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Pengajaran ini adalah dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing,

menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan.

“Pembelajaran merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran”. Mengikut Robert M. Gagne (1970) dalam *The Condition of Learning*, pembelajaran merupakan “perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan”.

Mengikut Woolfolk (1980) dalam *Educational Psychology for Teachers*, pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru. Pembelajaran ialah satu proses yang berterusan, secara formal dan tak formal, secara formal melalui sekolah iaitu membaca, menulis dan mengira, secara tak formal melalui rakan sebaya, keluarga, media massa, persekitaran, mempunyai teori-teori atau mazhab pembelajaran, empat mazhab pembelajaran utama iaitu behavioris, kognitif, sosial dan humanis.

Ting Kung Shing (2007) dalam kajian ‘Penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning) di Kalangan Pelajar Jurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor’ menyatakan pembelajaran ditakrifkan sebagai sebarang perubahan tingkah laku hasil daripada pengalaman yang menyebabkan seseorang menghadapi situasi sesudah itu dengan cara yang berlainan (Gagne, 1970).

Morgan (1995) mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku dari segi perasaan, pemikiran dan tindak balas kesan daripada pengalaman yang berlaku pada pelajar melalui sistem pendidikan secara formal di sekolah. Seterusnya, Eh (1994) dalam kajian tersebut, berpendapat pembelajaran dikatakan telah berlaku apabila seseorang individu telah berjaya mengaitkan pengetahuan baru dengan pengetahuan yang sedia ada padanya.

## **SOROTON LITERATUR**

Sorotan literatur merupakan satu analisis mengenai keseluruhan kajian yang sistematik melibatkan fokus tumpuan kepada perbincangan, pengolahan pemahaman konsep, perspektif teori dan model pembelajaran yang berkaitan kajian lepas. Kajian literatur penting untuk memberi gambaran awal kepada penyelidik mencari idea dan konsep-konsep asas sebelum kajian lanjut dilaksanakan.

Beberapa kajian lepas yang dibuat oleh individu tertentu menjadi panduan untuk mengkaji penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran dan halangan yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan aplikasi peralatan dan perisian TMK tersebut.

## **TEORI PEMBELAJARAN BERKAITAN APLIKASI TMK**

### **Teori pembelajaran Behaviorisme dan kaitannya dengan pengetahuan sedia ada pelajar dan kelas yang afektif**

Teori Pembelajaran Behaviorisme telah diperkenalkan oleh Ivan Pavlov dan kemudiannya dikembangkan oleh Thorndike dan Skinner. Mereka berpendapat bahawa pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku (behaviour). Mereka menumpukan ujian kepada perhubungan antara rangsangan dan gerakbalas yang menghasilkan perubahan tingkah laku. Mengikut pendekatan teori pengajaran tingkah laku ini, perasaan, pemikiran dan kepercayaan adalah perkara-perkara yang boleh dipelajari (Hyman 1997).

Terdapat empat jenis teori Behaviorisme iaitu Teori Pelaziman Klasik Pavlov, Teori Pelaziman Klasik Watson, Teori Edward L. Thorndike dan Teori Pelaziman Operan Skinner. Menurut Thorndike (dalam Suppiah Nachiappan, 2008) mengemukakan konsep pembelajaran manusia dikawal oleh hukum pembelajaran yang terdiri daripada hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan. Tiga bentuk kesediaan iaitu kesediaan psikomotor, kesediaan afektif dan kesediaan kognitif. Ini bermaksud pelajar perlu bersedia dari segi fizikal, emosi dan pemikiran (Suppiah Nachiappan, 2008).

Menurut Fox (2003), teori ini disebut oleh Cotton, J. (1995), selepas Taylor 1980, menyatakan bahawa komputer bertindak sebagai tutor, tutee dan alat.

### **Teori Pembelajaran Resapan Inovasi dan kaitannya dengan penggunaan dan terimaan aplikasi TMK dalam pengajaran pembelajaran.**

Teori Resapan Inovasi adalah satu teori yang dipelopori oleh Everett M. Rogers. "Resapan" merupakan proses di mana sesuatu inovasi dihubungkan melalui saluran-saluran tertentu mengikut masa dalam kalangan ahli-ahli dalam sesebuah sistem sosial (Rogers, 1983).

Seterusnya, Teori Resapan Inovasi digunakan oleh Tricia Lim (1999) yang membuat kajian tentang penerimaan komputer peribadi dalam kalangan masyarakat Malaysia samada menerima atau menolak penggunaan komputer dalam pembelajaran.

### **PENGGUNAAN TMK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pelaksanaan TMK dalam pendidikan ialah menggunakan TMK secara berfikir, terancang dan bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Renzulli dan Ress (1997) sangat menyokong mengatakan bahawa TMK dapat membentuk pelajar supaya lebih kreatif. Menurut Bigum (1997) menjelaskan bahawa apabila sesuatu aktiviti yang dilakukan di dalam mana-mana kumpulan dengan menggunakan teknologi multimedia ia dapat membina satu kemahiran yang kreatif dan dapat membentuk satu kerjasama yang baik dalam kalangan pelajar.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Saad Al Kahtani (1999) menunjukkan penggunaan komputer dalam pengajaran memberi kesan terhadap pencapaian pelajar.

### **HALANGAN PENGGUNAAN TMK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Halangan guru dalam melaksanakan pengajaran pembelajaran menggunakan TMK meliputi aspek kemahiran guru mengaplikasi peralatan dan perisian, guru menghadapi pelajar yang pelbagai kecerdasan, teknologi TMK yang pantas berubah, kekurangan masa yang diperlukan untuk membuat persediaan pengajaran dan sistem rangkaian internet yang lemah.

Stallard (1998) pula menghuraikan faktor kebolehan guru dalam pengendalian komputer, penyediaan bahan pengajaran dan strategi yang sesuai digunakan merupakan kekangan yang sering dihadapi. Rhodes dan Cox (1990) mendapati peningkatan beban kerja telah menghalang penggunaan komputer di kalangan guru. Di samping itu, kekurangan perisian yang berkualiti juga menyebabkan guru menganggap bahawa penggunaan komputer dalam pengajaran pembelajaran tidak berkesan.

Bliss (1986) mengenal pasti beberapa faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran menggunakan TMK di kalangan guru. Antara isu yang diketengahkan ialah kelemahan menguasai teknologi yang baru.

Heywod dan Norman (1988) serta Blease dan Cohen (1990) Menurut dapatan mereka, apa yang dititikberatkan oleh guru adalah keyakinan dan keselesaan dalam menggunakan TMK. Somekh (1989) juga mendapati bahawa pengalaman guru yang negatif atau tidak berkesan semasa mencuba menggunakan komputer akan mendorong guru tersebut untuk menolak inovasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran guru tersebut.

### **KAJIAN LEPAS**

#### **Kajian Luar Negara Penggunaan TMK Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran**

Menurut Hawkrigde (1990), menjelaskan sebilangan besar pelajar, guru dan pentadbir sekolah di negara-negara maju telah menggunakan komputer. Contohnya di Perancis, pelaksanaan komputer dalam pendidikan di negara tersebut dapat dinyatakan seperti ungkapan berikut



*“Pengkomputeran tidak boleh dijadikan sebagai satu mata pelajaran tetapi hendaklah dijadikan alat untuk membantu pengajaran”.*

(Pouts, 1996)

### **Kajian Lepas Penggunaan TMK Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Malaysia**

- i. Penggunaan TMK bagi melaksanakan pengurusan data dan maklumat  
Merujuk kepada artikel ‘Applications Of Technology In Accounting Education And Analysis Of Its Use Among Faculty’ yang ditulis oleh Nas Ahadiat, Penggunaan teknologi multimedia juga didapati boleh mengesan sebarang kesilapan ‘human errors’. Ini bukan sahaja membolehkan tugas-tugas pengajaran dilakukan dengan cekap, malah lebih tepat dan jitu.
- ii. Penggunaan TMK memudahkan kerja-kerja guru  
Merujuk kepada artikel ‘Tahap Kompetensi Pensyarah Menggunakan TMK Dalam Pengajaran dan Pembelajaran’ oleh Norazen, Hassan Ash’ dan Mohd Ruzman (2004), pengetahuan dan kemahiran mengguna serta mengintegrasikan teknologi multimedia dapat membantu meringankan beban tugas guru.
- iii. Penggunaan TMK untuk aktiviti PdP  
Berdasarkan kajian ‘Tahap Kompetensi Pensyarah Menggunakan teknologi multimedia Dalam Pengajaran dan Pembelajaran’ oleh Norazen, Hassan Ash’ dan Mohd Ruzman (2004) menunjukkan kebanyakan pensyarah mempunyai sikap positif terhadap komputer dan TMK apabila hasil kajian yang diperolehi memberikan perbezaan min yang ketara iaitu 0.81 berbanding 0.00.
- iv. Penggunaan TMK dapat meningkatkan minat, motivasi dan kemahiran murid  
Di samping itu, menurut Hawa binti Rahmat, Rohaidah Mashudi dan Noor Watee Rahman (2008) dalam artikel ‘Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Melalui IT Di Peringkat Universiti’, mendapati hasil kajian penggunaan IT dapat dilihat berdasarkan kepada Academic Evaluation System (AES) iaitu pensyarah akan dinilai oleh pelajar pada setiap semester sejumlah 100 orang pelajar dengan 70 peratus daripada 30 responden menyatakan bahawa AES mereka semakin menunjukkan kemajuan hasil penggunaan IT di dalam kelas.  
Menurut Campeau dan Higgins (1995), dalam kajian ‘Penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning) di Kalangan Pelajar Jurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor’ yang ditulis oleh Ting Kung Shiung (2007), pengguna yang mempunyai tahap kecekapan diri yang tinggi akan kurang mengalami halangan ketika menggunakan e-pembelajaran.  
Menurut Tina dan Lim Swee Kim (2004) dalam kajian bertajuk ‘Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)’ yang ditulis oleh Azwan Ahmad, Abdul Ghani, Mohamad Zohir et al (2005), pula mendapati penggunaan Teknologi multimedia dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran membolehkan pelajar bersikap aktif .  
Hasil kajian ‘Penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning) di Kalangan Pelajar Jurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor’ oleh Ting Kung Shiung (2007) terhadap 306 orang responden menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 81.4% responden menyatakan bahawa e-pembelajaran adalah berguna untuk pengajian mereka. Ini bermakna e-pembelajaran telah diperkenalkan sebagai satu strategi baru untuk menyokong kelemahan yang terdapat dalam sistem pendidikan yang lama.
- v. Penggunaan TMK menjadikan proses Pdp lebih menarik.  
Menurut Suryanti Awang (2008), dalam jurnal yang bertajuk ‘TMK: Senario dan Cabaran Dalam Pendidikan’, Antara kesan yang positif dari kaedah pembelajaran ini ialah penjimatan masa, lokasi dan kos, capaian maklumat yang tidak terhad disebabkan

maklumat yang di arkibkan serta mempunyai potensi tinggi untuk meningkatkan bilangan pelajar apabila ia di sebarkan melalui Internet.

Bates (1997) dalam jurnal 'TMK: Senario dan Cabaran Dalam Pendidikan' oleh Suryanti Awang (2008) pula percaya terdapat empat tujuan utama yang menyebabkan penggunaan teknologi di Institusi Pendidikan Tinggi, antaranya termasuk membaiki kualiti pembelajaran, membaiki pengaksesan kepada pendidikan dan latihan, mengurangkan kos pendidikan serta membaiki kos efektif bagi pendidikan.

### **HALANGAN PENGGUNAAN TMK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

i. Halangan kekurangan peralatan TMK dan perisian.

Halangan guru dalam melaksanakan pengajaran pembelajaran menggunakan TMK meliputi aspek kemahiran guru mengaplikasi peralatan dan perisian, guru menghadapi pelajar yang pelbagai kecerdasan, teknologi TMK yang pantas berubah, kekurangan masa yang diperlukan untuk membuat persediaan pengajaran dan sistem rangkaian internet yang lemah.

Junaidah (2012) dalam Ulasan Jurnal TMK Dalam Pendidikan di Kolej Vokasional Kelengkapan dan kemudahan yang ada juga turut menjadi halangan yang nyata dalam melaksanakan menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran.

ii. Halangan guru kurang berkemahiran mengendalikan peralatan dan perisian TMK.

Stallard (1998) pula menghuraikan faktor kebolehan guru dalam pengendalian komputer, penyediaan bahan pengajaran dan strategi yang sesuai digunakan merupakan kekangan yang sering dihadapi. Rhodes dan Cox (1990) mendapati peningkatan beban kerja telah menghalang penggunaan komputer di kalangan guru. Di samping itu, kekurangan perisian yang berkualiti juga menyebabkan guru menganggap bahawa penggunaan komputer dalam pengajaran pembelajaran tidak berkesan.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Menurut Othman (2001) dalam Hamidah (2007) menjelaskan kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan dari segi reka bentuk kajian, pemilihan populasi dan sampel, instrumen penyelidikan, kaedah menganalisis data dan prosedur kajian. Semua kaedah ini dilakukan secara berturutan bagi memudahkan pengkaji mencapai objektif kajian.

Menurut John W. Cresswell (2008) Kajian kuantitatif adalah jenis penyelidikan pendidikan dimana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data dan menganalisis data.

### **REKA BENTUK KAJIAN**

Menurut Mohd. Majid Konting (2005), reka bentuk kajian yang bersifat kuantitatif dan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan adalah merujuk kepada ketekalan maklumat yang diperolehi daripada responden sekumpulan elemen yang kecil dan terperinci, maka maklumat yang banyak boleh dikumpul dan direkodkan.

Dalam penyelidikan ini borang soal selidik telah digunakan untuk menyiasat penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran dan halangan-halangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah menengah di bahagian Keningau.

### **POPULASI DAN PERSAMPELAN**

Populasi dan sampel kajian terdiri daripada guru-guru sekolah menengah dalam bahagian Keningau yang mengajar dalam pelbagai matapelajaran. Seramai 75 orang responden akan dipilih daripada 5 buah sekolah dalam daerah Keningau. Jumlah guru dalam sesebuah sekolah ditetapkan secara rawak mudah seramai 15 orang. Daripada jumlah 75 orang tersebut 30 orang responden akan dijadikan sampel.

## **KAEDAH DAN INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan kuantitatif ini ialah soalan soal selidik yang menggunakan kaedah skala likert lima point. Sebanyak 75 set borang soal selidik diagihkan kepada 75 orang responden menggunakan kaedah rawak mudah.

## **KAEDAH ANALISIS DATA**

Analisis akan menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Hasil analisis boleh digambarkan melalui pembentukan jadual dan gambarajah. Pengkaji mengambil keputusan untuk menggunakan analisis jenis deskriptif dan signifikan bersandarkan objektif dan pembolehubah yang berhubungan.

## **PERBINCANGAN HALANGAN PENGGUNAAN TMK, APLIKASI DAN EFEKTIF**

- i. Kajian telah menunjukkan bahawa berlaku halangan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran kalangan guru yang signifikan dengan pengetahuan sediaada murid mengendalikan komputer dan perisian TMK.
- ii. Halangan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran yang signifikan dengan tahap umur dan tempoh perkhidmatan dalam kalangan guru juga salah satu halangan yang dapat diketengahkan. Guru lebih suka penyampaian pengajaran yang konvensional, ini kerana buku teks merupakan bahan rujukan manual utama penting dikalangan guru .
- iii. Halangan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran yang signifikan dengan kemudahan mendapatkan aksesori dan alatan multimedia turut dihadapi oleh guru ,ini kerana peralatan yang dibekalkan tidak mencukupi dengan nisbah pelajar dan bukannya setiap tahun mendapat peruntukan untuk dibekalkan peralatan TMK contohnya komputer, OHP dan TV. Sedangkan peralatan tersebut mudah rosak kerana penggunaanya ditahap yang optimum.
- iv. Halangan seterusnya yang signifikan ialah keperluan dan kesesuaian subjek yang di ajar dengan perkhidmatan jalur lebar dan talian internet .Semua sekolah yang dipilih ini mempunyai rangkaian internet yang lemah untuk seluruh kawasan sekolah. Tumpuan rangkaian hanya kepada sebuah makmal komputer sahaja untuk memudahkan proses mengakses di makmal tersebut.

## **RUJUKAN**

- Chua Yan Piaw 2006. *Kaedah dan Statistik Pengkajian: Kaedah Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill
- Razali, S.N, 2002 *Analisis Data Dalam Pengkajian Pendidikan*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Mohd Noah 2002. *Rekabentuk pengkajian falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tuckman, B.W. 1988 *Conducting educational research* (3<sup>rd</sup> ed.). San Diego: Harcourt, Brace, Jovanovich.
- Abdul Aziz Bin Abdul Ghani. 2009. *Keberkesanan Penggunaan TMK Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. OUM.
- Abdul Manaf Bin Ahmad. 2004. *Faktor-Faktor Penghalang Penggunaan Multimedia Elektronik di Kalangan Guru Sains Dan Matematik Sekolah Menengah Bahagian Seremban Negeri Sembilan*. Universiti Malaya.
- Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Hj Sarip, Hasrina Mustaffa. 2006. *Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Dikalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes Di Pulau Pinang*. Jurnal Kajian Malaysia. volume XXIV. No 1&2.
- Mok Soon Sang. 2009. *Psikologi Pendidikan Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran*: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

## PENGGUNAAN FLIP FLAP V DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK TAHUN 5

**NONITA MOHAMAD JIDI<sup>1</sup>, NORHAYATI ALBAT<sup>2</sup>**

Sekolah Kebangsaan Kampung Igan, D/A PPD Dalat, 96300 Dalat, Sarawak  
<sup>1</sup>noinita78@gmail.com, <sup>2</sup>nalbat\_77@yahoo.com

### ABSTRAK

*Kajian tindakan yang dilaksanakan ini adalah bagi meningkatkan kemahiran murid dari keupayaan untuk mengenalpasti nilai tempat dan nilai digit dalam tajuk nombor. Berdasarkan pemerhatian terhadap latihan dan aktiviti murid tahun 5 Cemerlang dalam menjawab soalan nilai tempat dan nilai digit di dalam kelas, kajian telah dibuat dari pertengahan Januari hingga pertengahan Februari menunjukkan terdapat segelintir murid yang dikategorikan agak lemah dalam menjawab soalan ini amat memerlukan perhatian dari pihak guru. Mereka keliru dengan perkataan nilai tempat dan nilai digit dalam matematik. Bermula dari titik tolak inilah satu perancangan yang berfokuskan kepada mengenalpasti nilai tempat dan nilai digit dengan betul dengan menggunakan kaedah kad Flip Flap V iaitu kaedah penggunaan kad untuk mendapat jawapan yang tepat. Kajian ini melibatkan 5 orang murid tahun 5 Cemerlang SK Kampung Igan. Data yang dikumpul berdasarkan penggunaan teknik ini telah menunjukkan bahawa penggunaan kad Flip Flap V ini dapat membantu 5 orang murid tersebut menjawab soalan nilai digit dan nilai tempat dengan betul. Teknik ini dapat membantu murid mengenalpasti nilai tempat dan nilai digit. Kini teknik ini akan digunapakai oleh murid yang lemah dalam kelas yang lain pula.*

Kata kunci : *Flip Flap V, nilai tempat, nilai digit, nombor bulat*

### ABSTRACT

*The purpose of the action research is to improve pupils' ability in identifying the place value and digit value in the Whole Number topic. Based on the observation made during the lesson, an action research was carried out started mid-January until mid-February. The result showed some pupils were unable to cope up with the two skills. They were confused with the place value and digit value. As the result, the teachers planned a way to help the pupils by focusing on the use of Flip Flap V cards in identifying the place value and digit value. This research involved 5 pupils from 5 Cemerlang of SK Kampung Igan, Dalat. Based on the data collected it showed that the used of Flip Flap V cards were able to help the pupils to respond to the questions regarding place value and digit value correctly. Now, this technique will be implemented in the other classes.*

Keywords : *Flip Flap V, place value, digit value, whole number*

### PENGENALAN

Dalam usaha meningkatkan kemahiran dalam bidang matematik, penguasaan dalam kemahiran asas matematik adalah penting. Nombor bulat merupakan tajuk pertama dalam silibus matematik sekolah rendah yang perlu dikuasai dan kemahiran mengenalpasti nilai tempat dan nilai digit dalam nombor bulat adalah penting sebelum murid pergi kepada kemahiran asas dalam pengiraan iaitu menambah, menolak, mendarab dan membahagi. Pembelajaran matematik menyediakan peluang untuk murid melaksanakan tugas dengan rasa seronok serta teruja apabila mengetahui sesuatu yang baharu. Pengalaman sedemikian meningkatkan minat dan menjadi daya penggerak murid mempelajari matematik di luar bilik darjah.

Namun begitu bagaimana guru dapat menyediakan peluang yang diperlukan sekiranya murid masih lagi tidak menguasai kemahiran asas matematik. Murid hanya akan merasa terdorong sekiranya mereka berjaya melaksanakan tugas yang diberikan dengan sempurna dan mendapat penegasan yang bermakna. Jika tidak, matematik hanya akan menjadi mata pelajaran yang menakutkan.

## **LATAR BELAKANG MASALAH**

Dalam matapelajaran Matematik sekolah rendah tahun 5, ada 18 tajuk yang perlu diajar oleh guru kepada murid. Setiap tajuk pula ada sub tajuk yang perlu semua murid pelajari dan kuasai. Dalam tajuk Nombor Hingga 1 000 000 ada sub tajuk iaitu teroka nombor yang mana murid perlu menguasai nilai tempat dan nilai digit pada nombor yang diberi. Daripada sub tajuk ini terdapat 5 orang murid yang masih belum menguasai sepenuhnya sub tajuk tersebut. Kajian ini adalah bertujuan untuk membantu murid yang belum menguasai sepenuhnya dalam sesuatu sub tajuk iaitu nilai tempat dan nilai digit. Oleh itu satu perancangan telah dijalankan untuk membantu murid-murid ini dapat menguasai sepenuhnya nilai tempat dan nilai digit.

## **PENYATAAN MASALAH**

- Isu kritikal yang dikenalpasti ini perlu diatasi kerana beberapa sebab:
- Melalui pemerhatian PdP di dalam kelas, masih ada sebilangan murid tidak dapat membezakan nilai tempat dan nilai digit semasa soal jawab dan semasa menjawab soalan latihan.
  - Murid tidak dapat menyatakan nilai tempat dan nilai digit bagi sebarang nombor.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- Secara spesifik objektif kajian adalah seperti berikut:
- Kenalpasti keupayaan murid membezakan nilai tempat dan nilai digit sebelum penggunaan Flip Flap V.
  - Penggunaan Flip Flap V membantu meningkatkan pemahaman dalam tajuk nilai tempat dan nilai digit.
  - Mengenalpasti kelebihan/ kelemahan Flip Flap V dalam pelaksanaan PdP.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat beberapa persoalan kajian yang digunakan dalam kajian ini. Berikut ialah senarai persoalan kajian yang digunakan;

- Apakah tahap penguasaan murid sebelum penerangan penggunaan Flip Flap V dalam P&P Matematik?
- Bagaimanakah penggunaan Flip Flap V dapat diaplikasikan ke dalam PdP Matematik?
- Apakah kelebihan penggunaan Flip Flap V dalam PdP Matematik?

## **DEFINISI OPERASIONAL**

Berikut merupakan definisi operasional yang diguna pakai dalam kajian ini:

### **Ujian Pra**

Ujian ini diberikan kepada murid untuk mengukur tahap pencapaian murid dalam mengenal nilai tempat dan nilai digit sebelum penggunaan kad Flip Flap V dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Ujian Pos**

Ujian ini diberikan kepada murid untuk mengukur tahap pencapaian murid dalam mengenal nilai tempat dan nilai digit selepas penggunaan kad Flip Flap V dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Nombor Bulat**

Nombor yang bukan nombor pecahan dan tidak mempunyai sebarang digit selepas titik perpuluhan. Ianya juga merupakan integer-intiger bukan negative.

### **Nilai Tempat**

Nilai tempat ialah nilai yang diberikan kepada tempat atau kedudukan digit dalam sesuatu nombor.

### **Nilai Digit**

Nilai digit merujuk kepada jawapan dalam bentuk nombor.

### **Kad Flip Flap V**

Kad Flip Flap V merupakan satu kad yang mempunyai nilai tempat dan nilai digit yang ditutupi dengan kertas lut sinar. Ianya boleh dibuka untuk mendapatkan jawapan bagi nilai tempat ataupun nilai digit.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Tinjauan ke atas kajian-kajian yang berkaitan menunjukkan bahawa penguasaan murid di dalam sesuatu kemahiran dapat dipertingkatkan dengan penggunaan BBM (kad Flip Flap V). Penggunaan BBM (kad Flip Flap V) mampu menarik minat murid dalam proses pembelajaran seterusnya menghasilkan pembelajaran yang lebih kekal. Ianya juga mampu memberi pengalaman sebenar yang boleh merangsang aktiviti sendiri. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengukur setakat mana kaedah penggunaan BBM (kad Flip Flap V) membantu meningkatkan penguasaan murid di dalam mengenal nilai tempat dan nilai digit dalam mata pelajaran matematik. Akhir sekali, keupayaan murid mengenal nilai tempat dan nilai digit ini dapat menyumbang kepada penguasaan kemahiran matematik secara keseluruhannya.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian yang dijalankan oleh Charles F Hoban, James D. Finn dan Edger Dale (1964) bertajuk Kepentingan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran, menyatakan bahawa BBM mampu menyediakan satu asas yang kuat untuk sesuatu konsep. Ianya juga berperanan sebagai daya penarik dan amat penting kepada seorang pelajar. Didapati juga penggunaan BBM dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih kekal serta memberi pengalaman sebenar yang boleh merangsang aktiviti sendiri di kalangan pelajar dan memberi pengalaman baru dan menjadikan pembelajaran lebih mendalam dan beragam.

Kamarudin Hj. Husin (1988) juga telah menjalankan kajian ke atas penggunaan BBM dalam proses pembelajaran. Rumusan daripada kajian menyatakan penggunaan BBM dapat memberi rangsangan dan menimbul minat murid-murid untuk belajar. Ianya juga membekalkan dasar perkembangan pembelajaran dan menjadikan pembelajaran mereka lebih kekal. Selain daripada itu, penggunaan BBM mampu menyediakan kemahiran baru yang tidak diperolehi dengan mudah oleh cara-cara lain, menjadikan pembelajaran murid-murid lebih mendalam dan beragam dan dapat menguatkan kefahaman dan mempercepatkan perkembangan perbendaharaan.

Menurut Seow Siew Hua (1995) dalam bukunya yang bertajuk Pengajaran Matematik KBSR, "Zoltan Dienes berpendapat bahawa konsep abstrak matematik boleh disampaikan melalui pelbagai aktiviti konkrit dengan alat bantu mengajar." Pernyataan ini telah

menyokong penggunaan ABM dalam meningkatkan penguasaan murid dalam sesuatu kemahiran.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan ialah:

### Soal Selidik

Soal selidik diberikan kepada 5 orang murid tahun 5 Cemerlang untuk mengumpul maklumat tentang penguasaan murid dalam mengenal pasti nilai tempat dan nilai digit bagi tajuk nombor bulat.

### Ujian Pra

Ujian pra (Lampiran A) diberikan kepada murid untuk mengukur tahap pencapaian murid dalam mengenal nilai tempat dan nilai digit sebelum penggunaan kad Flip Flap V dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### Ujian Pos

Ujian pos (Lampiran B) diberikan kepada murid untuk mengukur tahap pencapaian murid dalam mengenal nilai tempat dan nilai digit selepas penggunaan kad Flip Flap V dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 ialah dapatan kajian berkenaan dengan soal selidik yang telah dijalankan terhadap 5 orang murid tahun 5 Cemerlang.

Jadual 1

Hasil analisis Borang Soal Selidik Pembelajaran Murid Dalam Mata Pelajaran Matematik

SOALAN	DAPATAN KAJIAN	
	YA	TIDAK
1. Adakah anda merasa seronok mempelajari mata pelajaran Matematik?	5	0
2. Adakah anda merasa mata pelajaran Matematik itu sukar?	4	1
3. Adakah anda mengetahui apa itu nilai tempat?	2	3
4. Adakah anda mengetahui apa itu nilai digit?	1	4
5. Adakah anda mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan nilai tempat dan nilai digit?	3	2
6. Ada anda tahu membezakan nilai tempat dan nilai digit	1	4

Jadual 2

Hasil analisis Borang Soal Selidik Minat Dan Sikap Terhadap Pembelajaran Matematik

Bilangan Murid : 5 orang murid Kelas : 5 Cemerlang Arahan: Baca setiap pernyataan dengan teliti. Lengkapkan ruang di bawah dengan memberikan nilai angka bagi setiap pernyataan yang dirasai paling tepat menerangkan perasaan anda berhubung dengan setiap pernyataan berdasarkan skala berikut.				
SS Sangat setuju	S Setuju	TP Tidak Pasti	TS Tidak setuju	STS Sangat tidak setuju
5	4	3	2	1

Bil	ITEM	SS 5	S 4	TP 3	TS 2	STS 1
<b>A</b>	<b>MINAT</b>					
1	Saya lebih berminat belajar matapelajaran lain seperti Muzik, PSV, PJK, PAI dll..	2	3			
2	Saya dapat menyiapkan banyak tugas jika saya melakukan bersama murid lain	5				
3	Saya lebih suka belajar secara persendirian.				4	1
4	Matapelajaran Matematik sangat membosankan.			2	3	
<b>B</b>	<b>SIKAP TERHADAP SESI PEMBELAJARAN</b>					
5	Mata pelajaran yang sangat susah untuk lulus	2	3			
6	Terlalu banyak jalan pengiraan dan sukar menentukan jawapan yang tetap.	5				
7	Banyak yang perlu diingati semasa sesi pembelajaran Matematik.	4	1			
8	Saya rasa sangat susah memahami istilah Matematik	5				
9	Matapelajaran yang menghiburkan.			2	3	
10	Sangat seronok menjawab latihan latih tubi.	1	3	1		
11	Mata pelajaran yang sangat senang untuk lulus				2	3
12	Matapelajaran yang menyeronokkan kerana saya dapat menjawab semua soalan Matematik.			1	4	

Dapatan daripada Ujian Pra berkenaan dengan nilai tempat dan nilai digit murid tahun 5 ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3  
Analisis dapatan Ujian Pra

Responden	Dapatan soalan nilai tempat. (5 soalan)	Dapatan soalan nilai digit. (5 soalan)	Penguasaan
<b>A</b>	0	0	Belum menguasai
<b>B</b>	0	0	Belum menguasai
<b>C</b>	3	0	Belum menguasai
<b>D</b>	0	0	Belum menguasai
<b>E</b>	3	0	Belum menguasai

Responden dalam Jadual 3 menunjukkan murid hanya menjawab soalan tanpa mengetahui akan kehendak soalan yang menginginkan nilai tempat dan nilai digit. Kelihatan murid-murid ini tak tahu dan sangat lama untuk menyelesaikan semua soalan yang diberi.

Jadual 4 menunjukkan dapatan daripada Ujian Pos berkenaan dengan nilai tempat dan nilai digit murid tahun 5. Ujian ini dilakukan selepas murid mengetahui cara penggunaan Flip Flap V.

Jadual 4  
Analisis dapatan Ujian Pos

Responden	Dapatan soalan nilai tempat (5 soalan)	Dapatan soalan nilai digit (5 soalan)	Penguasaan
<b>A</b>	5	5	Menguasai
<b>B</b>	5	5	Menguasai



<b>C</b>	5	5	Menguasai
<b>D</b>	5	5	Menguasai
<b>E</b>	5	5	Menguasai

Daripada dapatan dalam Jadual 4 di atas kelihatan semua murid dapat menguasai kedua-dua soalan tersebut. Ini kerana murid tahu menggunakan Flip Flap V dalam menjawab soalan nilai tempat dan nilai digit. Keperluan penggunaan bahan ini dapat membantu murid mengingati cara mencari jawapan nilai tempat dan nilai digit.

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Saya akan mengekalkan kaedah ini untuk pengajaran saya pada masa hadapan kerana kaedah ini adalah kaedah paling mudah dan berkesan untuk mengajar murid yang lemah dalam menentukan nilai tempat dan nilai digit. Penggunaan bahan bantu mengajar Flip Flap V dapat menarik minat murid untuk belajar, ini kerana mereka berasa seronok dapat menjawab soalan dengan betul dan cepat. Penggunaan bahan bantu mengajar ini boleh digunakan bagi guru yang berminat dan ia sangatlah dialukan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan pencapaian yang positif. Respon dalam pencapaian semasa ujian pos sangat memuaskan dan menunjukkan penggunaan Flip Flap V adalah berjaya. Salah satu sebab teknik ini berjaya ialah dengan adanya bahan bantu belajar yang digunakan oleh murid dalam mendapat jawapan yang tepat dan cepat.

Dapatan ini secara tidak langsung akan menunjukkan kepada kita bahawa penerimaan murid dalam penggunaan bahan adalah berbeza. Murid yang lemah kebanyakannya masih memerlukan bahan bantu mengajar untuk memudahkan mereka mendapatkan jawapan dengan cepat dan mudah.

Pendekatan ini amat sesuai dengan mereka kerana ia boleh merangsang murid menjadi lebih aktif dan seiring dengan murid yang pandai di dalam kelas tersebut. Ujian Pra dan Ujian Pos telah dijalankan dan didapati murid dapat menjawab soalan mencari nilai tempat dan nilai digit dengan menggunakan Flip Flap V.

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Pencapaian murid semakin baik. Namun begitu penggunaan Flip Flap V akan diteruskan bagi murid yang lemah kelas saya yang akan datang.

Sebagai kesimpulan, kajian tindakan yang saya lakukan ini sangat memberi manfaat kepada murid yang lemah untuk meningkatkan prestasi mereka khususnya dalam menentukan nilai tempat dan nilai digit. Saya berharap hasil kajian saya ini boleh digunapakai oleh rakan-rakan saya nanti.

Sebagai cadangan kepada pengkaji seterusnya adalah dapat mengembangkan kajian saya ini menjadi Flip Flap V pelbagai guna dalam matapelajaran matematik.

## RUJUKAN

- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Harwati Hashim, Sheerad Sahid, Faridah Mohamd Zain, Nor'Aini Mohamad & Siti Aishah Othman. *Komplikasi Kajian Tindakan, Pembudayaan Kajian Tindakan Untuk Kecemerlangan Pendidikan Abad ke-21*. Penerbit Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan Kementerian Pendidikan Malaysia 62604 Putrajaya.
- Seow Siew Hua. *Pengajaran Matematik KBSR*. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. 1995.

MATHEMATICS  
YEAR 5 CEMERLANG  
UJIAN PRA  
(TOPIC : WHOLE NUMBER)

NAME : \_\_\_\_\_

DATE : \_\_\_\_\_

<p>1. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">710 348</span></p> <p>What is the place value of digit 1 of the number?</p> <p>Answer: _____</p>	<p>6. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">205 007</span></p> <p>What is the value of digit 5 of the number?</p> <p>Answer: _____</p>
<p>2. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">200 167</span></p> <p>State the place value of digit 2.</p> <p>Answer: _____</p>	<p>7. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">981 754</span></p> <p>State the digit value of digit 8.</p> <p>Answer: _____</p>
<p>3. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">710 348</span></p> <p>What is the place value of the largest digit in the number?</p> <p>Answer: _____</p>	<p>8. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">51 867</span></p> <p>State the digit value of digit 6.</p> <p>Answer: _____</p>
<p>4. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">710 348</span></p> <p>State the place value of 8.</p> <p>Answer: _____</p>	<p>9. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">981 754</span></p> <p>State the digit value of digit 4.</p> <p>Answer: _____</p>
<p>5. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">200 167</span></p> <p>State the place value of 6.</p> <p>Answer: _____</p>	<p>10. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">205 007</span></p> <p>State the digit value of digit 2.</p> <p>Answer: _____</p>

MATHEMATICS  
YEAR 5 CEMERLANG  
UJIAN POS  
(TOPIC : WHOLE NUMBER)

NAME : \_\_\_\_\_

DATE : \_\_\_\_\_

<p>1. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">710 348</span></p> <p>What is the place value of digit 1 of the number?</p> <p>Answer: _____</p>	<p>6. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">205 007</span></p> <p>What is the value of digit 5 of the number?</p> <p>Answer: _____</p>
<p>2. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">200 167</span></p> <p>State the place value of digit 2.</p> <p>Answer: _____</p>	<p>7. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">981 754</span></p> <p>State the digit value of digit 8.</p> <p>Answer: _____</p>
<p>3. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">710 348</span></p> <p>What is the place value of the largest digit in the number?</p> <p>Answer: _____</p>	<p>8. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">51 867</span></p> <p>State the digit value of digit 6.</p> <p>Answer: _____</p>
<p>4. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">710 348</span></p> <p>State the place value of 8.</p> <p>Answer: _____</p>	<p>9. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">981 754</span></p> <p>State the digit value of digit 4.</p> <p>Answer: _____</p>
<p>5. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">200 167</span></p> <p>State the place value of 6.</p> <p>Answer: _____</p>	<p>10. The diagram shows a number card.</p> <p style="text-align: center;"><span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">205 007</span></p> <p>State the digit value of digit 2.</p> <p>Answer: _____</p>

NAME : \_\_\_\_\_

DATE : \_\_\_\_\_

State the place value of the underlined digits.

No.	Number	Place value
1.	7 <u>1</u> 6 309	
2.	<u>8</u> 04 526	
3.	143 7 <u>5</u> 8	
4.	2 <u>0</u> 3 146	
5.	<u>5</u> 1 864	
6.	360 <u>1</u> 27	
7.	90 <u>2</u> 653	
8.	<u>7</u> 01 408	
9.	801 03 <u>4</u>	
10.	904 0 <u>2</u> 0	

NAME : \_\_\_\_\_

DATE : \_\_\_\_\_

State the digit value of the underlined digits.

No.	Number	Digit value
1.	7 <u>1</u> 6 309	
2.	<u>8</u> 04 526	
3.	143 7 <u>5</u> 8	
4.	2 <u>0</u> 3 146	
5.	<u>5</u> 1 864	
6.	360 <u>1</u> 27	
7.	90 <u>2</u> 653	
8.	<u>7</u> 01 408	
9.	801 03 <u>4</u>	
10.	904 0 <u>2</u> 0	

## FUN TEACHING “WHERE’S MY FAMILY”

**KHO LING HONG<sup>1</sup>, IZZAT SYAHIR MOHD RAMLI<sup>2</sup>, NOR AFIFAH MAZLAN<sup>3</sup>,  
NOR FAZMIRA MOHD RAZALI<sup>4</sup>, WONG CHING YEW<sup>5</sup>, MADAVI RENGASAMY<sup>6</sup>,  
HII LU KONG<sup>7</sup>, KHO LING HUA<sup>8</sup>, ROSHILA MOHD SAUFI<sup>9</sup>,  
JEZDIANI JANAL<sup>10</sup>, SUZANA ALI<sup>11</sup>**

<sup>1,6,7</sup>PPD Subis, 98150 Bekenu, Subis, Sarawak

<sup>2</sup>SK RH Ranggong, D/A PPD Subis, 98150 Subis, Sarawak

<sup>3</sup>SK Sg. Lamaus, D/A PPD Subis, 98150 Subis, Sarawak

<sup>4</sup>SK Sg. Manong, D/A PPD Subis, 98150 Subis, Sarawak

<sup>5</sup>Sk Batu Niah, D/A PPD Subis, 98150 Subis, Sarawak

<sup>8</sup>SJKC Chung Hua Pujut, Piasau Lorong 8, Jalan Pujut-Lutong, 98000 Miri, Sarawak

<sup>9</sup>Kumpulan Aspirasi Guru Matematik (KAGUMM), D/A SK Bandar Baru Batang Kali,  
Pekan Batang Kali, 44200 Batang Kali, Selangor

<sup>10</sup>SK Puchong Indah, Jalan Indah 2/1, Puchong Indah, 47100 Selangor

<sup>11</sup>SK Sri Serdang, 433000 Sri Kembangan, Selangor.

<sup>1</sup>linghongkho@gmail.com, <sup>2</sup>ejat.mu89@gmail.com, <sup>3</sup>afifahizzat14@gmail.com,

<sup>4</sup>fazmira.razali@gmail.com, <sup>5</sup>johnwcy78@gmail.com, <sup>6</sup>madhunism@gmail.com,

<sup>7</sup>williamhiilukong@gmail.com, <sup>8</sup>linghuakho@gmail.com, <sup>9</sup>cikgushiela5608@gmail.com,

<sup>10</sup>jezdianijanal@gmail.com, <sup>11</sup>zana\_jdd@yahoo.com.

### ABSTRAK

Keupayaan murid dalam pertukaran unit merupakan satu cabaran sehingga murid menghadapi masalah dalam menghubungkaitkannya. Kemahiran asas dalam Pecahan, Perpuluhan dan Peratus (3P) amat penting kerana kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi Padu Cecair. Penguasaan asas yang lemah menyebabkan murid membuat kesilapan daripada segi sebutan atau penggunaannya dalam penyelesaian masalah sehingga murid-murid tidak berminat dalam Matematik. Murid seharusnya membentuk idea Matematik secara mendalam melalui peluang dan pengalaman pembelajaran yang pelbagai. Justeru, satu inovasi “Where’s My Family” iaitu penggunaan jari dengan Fun Teaching Flash Card direka cipta untuk menangani masalah tersebut. Tujuan inovasi ini adalah membantu murid mengukuhkan penguasaan asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam pelbagai tajuk. Inovasi “Where’s My Family” mengaplikasi teknik pengajaran dengan menggunakan laras bahasa Matematik dan penaakulan mantik serta disokong dengan teori konstruktivisme. Kajian Ujian Pra – Ujian Pasca Satu Kumpulan ini melibatkan 54 murid Tahun 5 daripada lima buah sekolah rendah luar bandar Daerah Subis. Ujian Pra dan Ujian Pasca digunakan dan data dianalisis secara statistik deskriptif. Dapatan Ujian Pra menunjukkan 52 murid tahap lemah (96.3%) dan 2 murid tahap sederhana (3.7%). Dapatan Ujian Pasca menunjukkan peningkatan apabila 14 murid dikategorikan dalam tahap cemerlang (27.78%), 28 murid tahap sederhana (50.00%). Skor min Ujian Pra iaitu 7.28% telah meningkat ke 62.47% dalam Ujian Pasca membuktikan peningkatan pencapaian penguasaan asas 3P dan pertukaran unit dengan mudah serta pantas. Pengaplikasian “Where’s My Family” mendorong murid melibatkan diri secara aktif serta membantu membentuk kefahaman mendalam perkaitan konsep pertukaran unit. Inovasi ini berpotensi tinggi dikomersialkan kerana kebolehgunaannya yang menyeluruh dalam pengajaran Matematik.

Kata Kunci : pengetahuan asas Matematik, pertukaran unit, Fun Teaching, sekolah rendah

### ABSTRACT

*Pupils' ability in converting units has been a challenge, when they are unable to connect to the conversion skill. Basic skills such as converting units in Fractions, Decimals and Percentages (FDP) are very important because it is applied in a variety of topics in Mathematics for instance in Whole Number, Length, Mass and Volume of Liquid. A weak basic skill compels pupils to make mistakes in terms of pronunciation or its usage in solving problems; continuous mistakes discourage pupils and therefore lose interest in Mathematics. Students should form a deep Mathematical ideas and opportunities through a variety of learning experiences, hence the innovation of "Where's My Family" which uses fingers and Fun Teaching Flash Cards is created to address and counter these problems. The purpose of this innovation is to help students strengthen the basic knowledge of converting units in a variety of Mathematical topics. "Where's My Family" is an innovation of applying Mathematical techniques, terms and logic reasoning using Teaching Fun Flash Card with support of constructivism theory. One-Group Pretest-Posttest Design has been conducted involving 54 students of Year 5 from five rural primary schools in the Subis District. The results of the Pre-test and Post-test is used and data were analysed using descriptive statistics. The findings of the Pre-test showed that 52 pupils (96.3%) were in the weak level and 2 pupils in moderate level (3.7%). Post-test findings showed an increase of 14 pupils to excellent level (27.78%) and 28 in medium level (50.00%). Score of the pre-test mean, 7.28% increased to 62.47% in the Post-test. The findings show that the pupils were able to understand better in converting units easily and swiftly among the Year 5 pupils. "Where's My Family" can be applied to encourage pupils to be actively involved and to shape deep understanding on converting units. This innovation has potential to be commercialized because of its high overall usability in teaching Mathematics.*

*Keywords: basic knowledge of Mathematics, converting units, Fun Teaching, primary school*

### PENGENALAN

Dalam kehidupan seharian kita, Matematik memainkan peranan yang sangat penting. Ilmu yang digunakan oleh seseorang murid dalam memperkembangkan kemahiran penyelesaian masalah, berkomunikasi dan berfikir secara kritis serta sistematik merupakan hasil daripada pembelajaran Matematik. Namun menurut Azlina (2003), Matematik merupakan antara mata pelajaran yang dianggap "*killer subject*". Keputusan pencapaian UPSR murid di Daerah Subis (Jadual 1) terbukti menyokong kenyataan Azlina apabila lebih 50% murid mendapat gred D dan tidak menguasai tahap minimum.

Jadual 1

Keputusan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) bagi mata pelajaran Matematik di Daerah Subis

TAHUN	JUM CALON	A		B		C		D		E	
		BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%
2016	871	33	3.79	80	9.18	163	18.71	278	31.92	317	36.39
2017	860	45	5.23	84	9.77	149	17.33	321	37.33	261	30.35
2018	862	48	5.57	76	8.82	114	13.23	330	38.28	294	34.11
2019	863	48	5.56	92	10.66	129	14.95	339	39.28	255	29.55

Pencapaian yang tidak menggalakkan pasti menimbulkan rasa bimbang guru-guru Matematik, ibu bapa malah murid itu sendiri. Sebagai seorang guru Matematik, kita harus mencari jalan untuk menangani masalah ini. Widad (1998) menyatakan guru merupakan faktor utama menyumbang kepada kecemerlangan pelajar dalam akademik. Jadi guru yang

bijaksana akan menjadikan proses pengajaran sesuatu yang bermanfaat. Tambahnya lagi, kecekapan dan keberkesanan seseorang guru memainkan peranan yang penting sebagai pembimbing atau model yang berupaya mempengaruhi pelajar untuk menunjukkan sikap yang positif terhadap pencapaian akademik. Oleh itu, sebagai guru kita harus mengorak langkah untuk mengubah cara pengajaran yang berpusatkan guru di mana amalan latih tubi, hafalan petua dan rumus tidak harus terlalu diberi penekanan. Pembelajaran Matematik pasti berlaku apabila murid-murid membina konsep Matematik itu sendiri melalui aktiviti yang menarik.

Pembelajaran melalui permainan sememangnya membawa banyak manfaat. Menurut Aliza Ali, Zahara Aziz, & Rahaty Majzub (2011), main merupakan perkara penting dalam kehidupan seorang kanak-kanak. Kanak-kanak mempelajari persekitarannya melalui permainan. Ini bermakna pengalaman serta pengetahuan secara tidak langsung dapat dibina. Keseronokan dalam bermain sebenarnya menyebabkan murid tidak merasakan mereka sedang belajar. Menurut Perrotta, C., Featherstone, G., Aston, H., & Houghton, E (2013), keseronokan ketika bermain berupaya menjana kemahiran dan motivasi pelajar akan meningkat di mana ia dapat menarik minat para pelajar dan menjadikan pembelajaran itu lebih bermakna dan berkesan.

## FOKUS KAJIAN

Selepas memerhati dan membuat analisis soalan-soalan tahun lepas Matematik UPSR, didapati kebanyakan soalan yang dikemukakan melibatkan kemahiran asas Pecahan, Perpuluhan dan Peratus (3P) dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi padu Cecair. Jadual 2 menunjukkan jumlah peruntukkan markah berkenaan kemahiran dikaji mengikut tajuk dan tahun.

Jadual 2

Peruntukkan markah berkenaan kemahiran asas dalam tajuk Pecahan, Perpuluhan Dan Peratus (3P) dan kaitannya dalam pelbagai tajuk Matematik seperti Nombor Bulat, Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair

Tahun	Nombor Bulat		Perpuluhan		Peratus		Panjang		Jisim		Isi Padu Cecair		Jumlah	
	K1	K2	K1	K2	K1	K2	K1	K2	K1	K2	K1	K2	K1	K2
2016	1	-	1	1	2	1	-	5	3	5	2	5	9	17
2017	1	2	1	-	4	5	2	-	5	4	3	-	16	11
2018	1	1	-	1	1	1	2	4	5	3	-	5	10	15
2019	2	5	-	1	3	3	2	2	1	-	3	2	11	13

Untuk melihat tahap penguasaan murid, Ujian Pra (Lampiran 1) tentang konsep dalam tajuk 3P dan hubungkaitnya dengan pertukaran unit dalam tajuk Matematik dilaksanakan. Melalui Ujian Pra yang dijalankan, 54 murid yang terlibat hanya boleh diagihkan kepada dua kategori iaitu 52 murid tahap lemah (96.3%) dan 2 murid tahap sederhana (3.7%). Dapatan ini memberi kesedaran kepada pengkaji sebagai seorang guru untuk mengambil tindakan, bantuan dan perhatian kepada murid berkenaan agar masalah yang dihadapi dapat ditangani dengan secepat mungkin.

Permainan adalah salah satu kaedah pengajaran yang dapat menarik minat dan perhatian murid terhadap Matematik. Kenyataan ini disokong oleh Presky (2007) yang menyatakan permainan sangat berkesan dalam pembelajaran kerana terdapat dua faktor

penting iaitu interaktif dan menarik perhatian pelajar. Menurut Zurida Ismail, Syarifah Norhaidah Syed Idros dan Mohd. Ali Samsudin (2006), bermain sambil belajar menggalakkan pembinaan pengetahuan secara aktif dalam proses pembelajaran yang selaras dengan pendekatan konstruktivisme yang menekankan peranan individu, kepentingan membina makna dan peranan aktif pelajar. Menurut Davies (1995), kelebihan menggunakan permainan adalah mewujudkan situasi yang bermakna, memotivasikan, membina sikap positif terhadap Matematik, peningkatan pembelajaran, sesuai untuk kanak-kanak yang mempunyai tahap pemikiran yang berbeza serta belajar dari satu sama lain, pemikiran kanak-kanak menjadi jelas melalui tindakan dan keputusan yang mereka buat semasa permainan dan guru berpeluang untuk menjalankan diagnosis serta penilaian pembelajaran dalam situasi yang tidak mengancam.

Oleh demikian, kajian dijalankan untuk menguji keberkesanan aktiviti pembelajaran menggunakan jari dan *Fun Teaching Flash Card* untuk meningkatkan kemahiran 3P dan pertukaran unit dalam tajuk-tajuk yang dikaji. *Fun Teaching* sememangnya berupaya mencipta suasana belajar yang gembira dan menyenangkan atau mewujudkan situasi pembelajaran yang kondusif. Interaksi antara guru dengan murid dan murid dengan murid juga digalakkan. Dengan ini, inovasi permainan "*Where's My Family*" direka cipta untuk membantu murid dalam penguasaan kemahiran asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi Padu Cecair. Tindakan ini penting kerana perkara ini merupakan isu utama dalam kalangan murid sehingga ramai yang terkandas dalam peperiksaan. Inovasi "*Where's My Family*" ini adalah hasil daripada adaptasi permainan era 90-an. Kad-kad digunapakai dalam inovasi ini memandangkan sebahagian kanak-kanak adalah *visual learner* dan gambar-gambar dalam kad yang berwarna serta menarik bermanfaat untuk mengajar mereka. "*Where's My Family*" ini bukan sahaja boleh dimainkan dengan satu cara tetapi pelbagai dan boleh digunapakai mengikut tajuk. Kandungan *family* dan bilangan kad yang terdapat dalam inovasi ini dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3  
Bilangan *Family* Dan Kad dalam "*Where's My Family*"

Tajuk	Jumlah <i>Family</i>	Jumlah Kad
Pecahan, Perpuluhan, Peratus	15	60
Nombor Bulat	15	60
Panjang	45	180
Jisim	15	60
Isi Padu Cecair	15	60
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>105</b>	<b>420</b>

### APLIKASI TEORI PEMBELAJARAN DALAM "*WHERE'S MY FAMILY*"

Inovasi "*Where's My Family*" menggalakkan murid untuk belajar sambil bermain. Inovasi "*Where's My Family*" ini menerapkan teori konstruktivisme (Piaget, 1980) yang merupakan suatu teori yang menggalakkan murid membina pengetahuan mereka sendiri. Pengaplikasian teori konstruktivisme ini menjana pemikiran murid bagi membina pengetahuan melalui pengalaman dan persekitaran pembelajaran. Teori konstruktivisme juga menekankan kepada pembelajaran berpusatkan murid di mana murid memainkan peranan aktif dalam memahami pengetahuan yang dipelajari agar lebih bermakna. Ini amat bertepatan dengan inovasi "*Where's My Family*" iaitu penggunaan jari dengan *Fun Teaching Flash Card* yang menggalakkan murid belajar sambil bermain. Hal ini membolehkan pengetahuan dibina melalui pengalaman pembelajaran murid (Noriati, Boon & Sharifah Fakhriah, 2015). Pengalaman murid belajar sambil bermain dapat membentuk pengetahuan baru dan diproses untuk menjadi struktur kognitif dalam minda murid.



Teori konstruktivisme yang dipelopori oleh Piaget (1980) menyatakan pengetahuan diurus secara berperingkat. Pengetahuan sedia ada murid iaitu skema akan menjadi asas perkembangan pengetahuan. Setelah itu, segala maklumat dan pengetahuan akan diserap dan disesuaikan oleh kognitif melalui proses adaptasi. Menurut Piaget, adaptasi berlaku melibatkan dua proses iaitu:

- i. Asimilasi – Maklumat baru yang mempunyai ciri-ciri persamaan dengan skema
- ii. Akomodasi – Maklumat baru yang tidak mempunyai ciri-ciri persamaan dengan skema

Proses adaptasi yang berlaku sama ada melalui asimilasi atau akomodasi ini akan memastikan maklumat atau pengetahuan akan sentiasa diorganisasikan dalam struktur kognitif murid (Noriati, Boon & Sharifah Fakhriah, 2015). Hal ini membolehkan pengetahuan akan sentiasa terbina dari semasa ke semasa dalam minda murid. Oleh yang demikian, pengaplikasian teori konstruktivisme membolehkan murid membina pengetahuan berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka dan kemudian mengaplikasikannya dalam situasi pembelajaran yang baru. Hal ini membolehkan murid berkari meneroka dan membina pengetahuan mereka sendiri dengan guru hanya bertindak sebagai pembimbing.

Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan inovasi "*Where's My Family*" dengan pengaplikasian teori konstruktivisme juga membolehkan guru membina kefahaman tentang halangan yang murid akan hadapi sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini merupakan suatu pemikiran epistemologi pelbagai rupa dan sesuai dengan implikasi penting dalam pengajaran bilik darjah seterusnya dapat membantu dalam permasalahan ketidakfahaman konsep (Emery & Johannes, 2007). Oleh itu, pengaplikasian teori konstruktivisme ini akan mendorong guru melaksanakan perancangan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kebolehan murid. Hal ini disebabkan teori konstruktivisme ini membantu guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran selari dengan matlamat pengajaran (Baviskar, Hartle & Whitney, 2009).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meninjau sejauh mana penggunaan "*Where's My Family*" dapat meningkatkan:

- a. penguasaan kemahiran asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi Padu Cecair.

## SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- a. Sejauh manakah penggunaan "*Where's My Family*" dapat meningkatkan penguasaan kemahiran asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi padu Cecair.

## KAEDAH KAJIAN

Seramai 54 orang murid Tahun 5 daripada lima buah sekolah di luar bandar daerah Subis terlibat dalam kajian ini. Ujian Pra yang digunakan mengandungi 15 soalan yang melibatkan kemahiran asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi Padu Cecair. Ujian Pra yang disemak tidak dipulangkan kepada murid. Selepas keputusan Ujian Pra diperolehi, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair serta penggunaan jari dalam penukaran unit ditekankan. Seterusnya, penggunaan kad-kad "*Where's My Family*" diperkenalkan. Peraturan permainan "*Where My Family*" turut diberi penerangan dan cara penggunaannya dijelaskan dengan teliti. Menurut Martlew, Stephen & Ellis (2011), dalam proses pembelajaran adalah penting untuk memastikan anak-anak bermain dengan cara yang betul dan menyediakan peluang serta ruang untuk mereka menguasai kemahiran akademik yang diperlukan dalam pembelajaran

formal. Pada akhir kajian, 54 orang murid tersebut akan menduduki Ujian Pasca. Jadual 4 merupakan jadual perancangan pelaksanaan tindakan bagi melaksanakan kajian tindakan ini.

Jadual 4

Jadual perancangan pelaksanaan kajian ujian pra – ujian pasca satu kumpulan

Peringkat	Proses Penambahbaikan	Tindakan
I	Menentukan matlamat	- Menilai tahap pencapaian murid - Mengadakan Ujian Pra - Menganalisis data
II	Mendedah dan melaksana kaedah bermain sambil belajar secara berperingkat	- Menjalankan aktiviti PdPc menggunakan bahan inovasi “Where’s My Family” dan jari.
III	Penilaian Keberkesanan	- Ujian Pasca - Analisis
IV	Penambahbaikan	- Meneruskan tindakan pembetulan yang masih diperlukan - Melebarkan inovasi

Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif. Analisis data adalah berdasarkan analisis dokumen yang terdiri daripada Ujian Pra dan Ujian Pasca. Setelah dapatan kajian diperolehi, pengkaji melakukan analisis untuk mengenal pasti sama ada permainan “*Where’s My Family*” membantu murid dalam menjawab soalan yang berkaitan penguasaan kemahiran asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi padu Cecair. Perbezaan pencapaian murid mengikut tahap dikira untuk mengetahui tahap penguasaan murid sebelum dan selepas penggunaan “*Where’s My Family*”. Pengkategorian murid adalah berdasarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam menentukan sama ada murid berkenaan berada dalam kategori, iaitu lemah, sederhana atau cemerlang seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5

Kategori tahap penguasaan kemahiran asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi Padu Cecair

Bilangan Soalan Betul Dijawab	Tahap
0 – 6	Lemah
7 – 11	Sederhana
12 – 15	Cemerlang

Setiap tahap murid yang dikategorikan memiliki interprestasinya yang tersendiri dalam kajian ini. Jadual 6 dengan jelas menunjukkan interpretasi terhadap setiap tahap murid dikategorikan.

Jadual 6

Interpretasi Terhadap Tahap Murid

Tahap	Penerangan
Lemah	Gagal menghubungkan penguasaan asas 3P dengan tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair di lima buah sekolah kajian

Sederhana	Menguasai sederhana dalam menghubungkan penguasaan asas 3P dengan tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair di lima buah sekolah kajian.
Cemerlang	Menguasai sepenuhnya dalam menghubungkan penguasaan asas 3P dengan tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair di lima buah sekolah kajian

Seterusnya skor min dikira untuk Ujian Pra dan Ujian Pasca mengikut sekolah dan keseluruhan untuk membuat perbandingan keberkesanaan *Fun Teaching* dengan menggunakan inovasi "*Where's My Family*" dalam meningkatkan kemahiran penguasaan asas 3P dengan tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim dan Isi Padu Cecair. Jadual dan graf digunakan untuk membuat perbandingan kedua-dua dapatan Ujian Pra dan Ujian Pasca.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

**Sejauh manakah penggunaan "*Where's My Family*" dapat meningkatkan penguasaan kemahiran asas 3P dan kaitannya dengan pertukaran unit dalam tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi Padu Cecair di lima buah sekolah kajian.**

Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji telah menggunakan Ujian Pra dan Ujian Pasca. Jadual 7 menunjukkan analisis Ujian Pra bagi sekolah A, B, C, D, E dan secara keseluruhan. Murid dari tiga buah sekolah iaitu Sekolah A, Sekolah B dan Sekolah C dikategorikan dalam tahap lemah apabila 100% murid tidak menjawab dengan betul lebih daripada enam soalan. Sekolah E pula menunjukkan 94.44% murid dalam kategori tahap lemah dan 5.56% dalam kategori tahap sederhana. Seterusnya, sekolah D menunjukkan 75.00% murid dalam kategori tahap lemah dan 25.00% dalam kategori tahap sederhana. Maka, kesimpulan secara keseluruhan dapatan Ujian Pra menunjukkan 52 murid tahap lemah (96.3%) dan 2 murid tahap sederhana (3.7%).

Jadual 7

Keputusan ujian pra mengikut kategori tahap dan sekolah

Sekolah	Jumlah Sampel	Lemah		Sederhana		Tinggi	
		0 - 6	%	7 - 11	%	12 - 15	%
A	12	12	100.00	0	0.00	0	0.00
B	16	16	100.00	0	0.00	0	0.00
C	4	4	100.00	0	0.00	0	0.00
D	4	3	75.00	1	25.00	0	0.00
E	18	17	94.44	1	5.56	0	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>54</b>	<b>52</b>	<b>96.30</b>	<b>2</b>	<b>3.70</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>

Seterusnya, analisis Ujian Pasca bagi sekolah A, B, C, D, E dan analisis secara keseluruhan ditunjukkan seperti pada Jadual 8. Dapatan analisis Ujian Pasca menunjukkan sekolah D telah menunjukkan 100% murid mencapai kategori tahap tinggi. Sementara sekolah E menunjukkan 44.44% murid mencapai kategori tahap tinggi, 50.00% murid mencapai kategori tahap sederhana dan 5.56% mencapai kategori tahap lemah. Sekolah A pula menunjukkan 25.00% mencapai kategori tahap tinggi, 50.00% mencapai kategori tahap sederhana dan 25.00% mencapai kategori tahap lemah. Sekolah B dan C masing-masing menunjukkan 62.50% dan 50.00% murid telah mencapai kategori tahap sederhana manakala 37.50% dan 50.00% mencapai kategori tahap lemah. Kesimpulan keseluruhan dapatan Ujian Pasca menunjukkan peningkatan iaitu 15 murid adalah kategori tahap cemerlang (27.78%), 27 murid tahap sederhana (50.00%) dan hanya 12 murid tahap lemah (22.22%).


Jadual 8

Keputusan ujian pasca mengikut kategori tahap dan sekolah

Sekolah	Jumlah Sampel	Lemah		Sederhana		Tinggi	
		0 - 6	%	7 - 11	%	12 - 15	%
A	12	3	25.00	6	50.00	3	25.00
B	16	6	37.50	10	62.50	0	0.00
C	4	2	50.00	2	50.00	0	0.00
D	4	0	0.00	0	0.00	4	100.00
E	18	1	5.56	9	50.00	8	44.44
<b>JUMLAH</b>	<b>54</b>	<b>12</b>	<b>22.22</b>	<b>27</b>	<b>50.00</b>	<b>15</b>	<b>27.78</b>

Seterusnya, perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kelima-lima buah sekolah dan jumlah keseluruhan ditunjukkan seperti pada Jadual 9 dan Rajah 1. Kelima-lima buah sekolah telah menunjukkan peningkatan penguasaan dalam Ujian Pasca selepas murid menggunakan bahan inovasi "Where's My Family".

### PERBANDINGAN UJIAN PRA & UJIAN PASCA



Rajah 1. Perbandingan ujian pra dan ujian pasca

Jadual 9

Perbandingan ujian pra dan ujian pasca


Sekolah	Lemah		Sederhana		Tinggi	
	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca
A	100.00	25.00	0.00	50.00	0.00	25.00
B	100.00	37.50	0.00	62.50	0.00	0.00
C	100.00	50.00	0.00	50.00	0.00	0.00
D	75.00	0.00	25.00	0.00	0.00	100.00
E	94.44	5.56	5.56	50.00	0.00	44.44
<b>Keseluruhan</b>	<b>96.30</b>	<b>22.22</b>	<b>3.70</b>	<b>50.00</b>	<b>0.00</b>	<b>27.78</b>

Di samping itu, skor min Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kelima-lima buah sekolah juga ditunjukkan seperti pada Jadual 10. Skor min Sekolah D menunjukkan peningkatan yang paling besar iaitu daripada 23.33% kepada 95.00%. Skor min Sekolah E menunjukkan peningkatan sebanyak 61.85% iaitu peningkatan daripada 8.89% kepada 70.74%. Skor min Sekolah A telah meningkat dari 2.22% kepada 63.33% dengan peningkatan sebanyak 61.11%. Skor min Sekolah B meningkat dari 4.17% kepada 48.33% dengan peningkatan sebanyak 44.17%. Skor min Sekolah C menunjukkan peningkatan yang paling kecil iaitu sebanyak 35.00%, dari 11.67% kepada 46.67%. Secara keseluruhan skor min Ujian Pra 7.28% meningkat ke 62.47% dalam Ujian Pasca.

Jadual 10

Skor Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Mengikut Sekolah Dan Keseluruhan.

Sekolah	Jumlah Murid	Ujian Pra	Ujian Pasca	Beza
A	12	2.22	63.33	61.11
B	16	4.17	48.33	44.17
C	4	11.67	46.67	35.00
D	4	23.33	95.00	71.67
E	18	8.89	70.74	61.85
<b>JUMLAH</b>	<b>54</b>	<b>7.28</b>	<b>62.47</b>	<b>55.19</b>



Rajah 2 : Perbandingan Skor Min Ujian Pra Dan Ujian Pasca Mengikut Sekolah Dan Keseluruhan

## PENUTUP DAN REFLEKSI

Inovasi “*Where’s My Family*” dengan penggunaan jari dan *Fun Teaching Flash Card* telah berjaya membantu penguasaan dan meningkatkan pencapaian murid dalam pertukaran unit yang melibatkan Pecahan, Perpuluhan dan Peratus (3P). Lebih membanggakan inovasi “*Where’s My Family*” telah membantu meningkatkan pencapaian murid dalam beberapa tajuk penting dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) iaitu tajuk Nombor Bulat, Panjang, Jisim serta Isi Padu Cecair. Pengaplikasian “*Where’s My Family*” juga telah mendorong murid melibatkan diri secara aktif serta membantu membentuk kefahaman mendalam berkaitan konsep pertukaran unit. Situasi ini jelas kelihatan semasa penggunaan “*Where’s My Family*” oleh murid apabila wujudnya kerjasama sesama mereka dengan memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta teguran terhadap rakannya. Tindakan sebegini

pastinya mewujudkan ruang yang positif dalam kalangan murid untuk menghalusi lagi pemikiran di samping mendorong mendalami kefahaman mereka. Ini bermakna apabila kaedah atau strategi yang berkesan diguna pakai, keyakinan murid dalam pembelajaran akan terbina. Inovasi ini mempunyai potensi komersial yang tinggi kerana kebolehgunaannya yang menyeluruh dalam pengajaran Matematik oleh guru sekolah rendah dan menengah, guru pelatih dan pensyarah Institut Pendidikan Guru, bahan rujukan Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Bahagian Pendidikan Guru serta ibu bapa. Impak inovasi "*Where's My Family*" membolehkan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah. Tambahan lagi, guru dapat menyediakan aktiviti yang menjurus kepada berpusatkan murid dengan menggalakkan pembelajaran konstruktivisme. Kajian lanjutan dicadangkan mengambil kira kesan pengaplikasian "*Where's My Family*" terhadap tingkah laku murid terhadap matematik. Ini disebabkan tingkah laku terhadap Matematik mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian Matematik murid (Lu, 2015). Justeru itu, tingkah laku murid yang positif terhadap Matematik perlu dibentuk sejak daripada peringkat rendah lagi agar penguasaan murid terhadap Matematik dapat ditingkatkan.

## RUJUKAN

- Aliza Ali, Zahara Aziz, & Rahaty Majzub. (2011). Teaching and Learning Reading Through Play. *World Applied Sciences Journal* 14 (Learning Innovation and Intervention for Diverse Learners), 15-20.
- Azlina Azuan. (2003). Keyakinan Guru-guru Program Pensiswazahan Kursus Perguruan Lulusan Diploma, Mengajar Sains Tulen Dan Matematik Tambahan Dalam Bahasa Inggeris. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Baviskar, S. N., Todd Hartle, R. & Whitney, T. (2009). Essential criteria to characterize constructivist teaching: Derived from a review of the literature and applied to five constructivist-teaching method articles. *International Journal of Science Education* 31(4): 541–550. doi:10.1080/09500690701731121
- Davies, B. (1995). The Role of Games in Mathematics. *Square One*. Vol.5. No. 2
- Emery J., H.-M. & Johannes, S. (2007). Constructivism and Education: Misunderstandings and Pedagogical Implications. *The Teacher Educator* 43(1): 72–86. doi:10.1080/08878730701728945
- Lu Chung Chin. (2015). Pembangunan dan Keberkesanan Modul Berasaskan Pendekatan Permainan (MBPP) dalam Pendidikan Awal Matematik Prasekolah. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Martlew, J., Stephen, C., & Ellis, J. (2011). Play in the primary school classroom? The experience of teachers supporting children's learning through a new pedagogy. *Early Years* (Volume 31; Number 1), 71-83.
- Noriati, A. Rashid; Boon, Pong Ying; Sharifah Fakhriah, S. A. (2015). Murid dan Alam Belajar. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Perrotta, C., Featherstone, G., Aston, H., & Houghton, E. (2013). Game-based learning: Latest evidence and future directions.
- Piaget, J. (1980). *Experiments in contradiction*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Prensky, M. (2007). How to teach with technology: keeping both teachers and students comfortable in an era of exponential change. *Learning*, 2, 40–46.
- Widad Othman (1998). Kaedah Mengajar Lukisan Kejuruteraan. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Zurida Ismail, Syarifah Norhaidah Syed Idros, & Mohd. Ali Samsudin. (2006). *Siri Pembangunan Profesion Perguruan: Kaedah Mengajar Sains*. Pahang Darul Makmur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd

## **“LENGTH CONVERTER”: MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN PENOLAKAN UKURAN PANJANG YANG MELIBATKAN PENUKARAN UNIT METER DAN SENTIMETER**

**TING SUK LING**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
lingkarenly97@hotmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini telah dijalankan untuk melihat penggunaan produk inovasi “*Length Converter*” dalam usaha meningkatkan penguasaan murid Tahun 3 dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter di Sekolah Jenis Kebangsaan. Tinjauan awal telah dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen seperti hasil kerja murid dalam kertas latihan dan ujian diagnostik. Berdasarkan hasil tinjauan awal ini, terdapat tujuh orang murid menghadapi masalah dalam soalan yang berkaitan penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Namun, selepas dua sesi bimbingan dilaksanakan, penguasaan mereka dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter telah berjaya dipertingkatkan. Sesi bimbingan intervensi pertama adalah dengan menggunakan produk inovasi “*Length Converter*” manakala sesi bimbingan intervensi kedua adalah dilaksanakan tanpa menggunakan produk inovasi “*Length Converter*”. Peningkatan ini dapat digambarkan melalui peningkatan pemahaman mereka terhadap konsep pengumpulan semula dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter dan penambahbaikan langkah kerja dalam latihan sesi bimbingan intervensi kedua serta ujian akhir berbanding dengan ujian awal. Dengan ini, produk inovasi “*Length Converter*” berjaya membantu murid meningkatkan penguasaan mereka dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan unit meter dan sentimeter.

Kata Kunci: “*Length Converter*”, murid Tahun 3, penolakan ukuran panjang, meter dan sentimeter

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to test my innovative product, “Length Converter” to improve the achievement of Year 3 pupils in the subtraction skill for the measurement of length which involves the conversion unit of meter and centimeter in a Chinese National-type School. Preliminary investigation was carried out through document analysis such as students’ worksheets and diagnostic tests. The results showed that there was an issue which seven pupils facing problems in solving the questions involving subtraction skill for the measurement of length which involves the conversion unit of meter and centimeter. However, after two intervention sessions had been carried out, it was found that the pupils had improved their mastery in the subtraction for the measurement of length which involves the conversion unit of meter and centimeter. “Length Converter” was used in the first session meanwhile the “Length Converter” was not allowed in the second session. As a result, the pupils were able to use the accurate concept of recombination in subtraction for the measurement of length which involves the conversion unit of meter and centimeter through the correct algorithms in the worksheet of second intervention session as well as final test compared to initial test. In short, the pupils had mastered the subtraction for the measurement of length which involves the conversion unit of meter and centimeter with the help of “Length Converter”.*

Keywords: "Length Converter", Year 3 pupils, subtraction measurement of length, meter and centimeter

## PENGENALAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua, Siburan bersama 7 orang murid Tahun 3M. Kajian tindakan ini bertujuan meningkatkan penguasaan tujuh orang murid Tahun 3M di SJK Chung Hua, Siburan dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter.

## MASALAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pada 25 Jun 2019, saya telah mengajar murid-murid Tahun 3M tentang kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan unit meter dan sentimeter seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 3 Topik 6 Ukuran dan Sukatan, kemahiran 6.1.3, menyelesaikan ayat matematik tolak ukuran panjang hingga dua nilai dari satu nilai melibatkan meter dan sentimeter (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Daripada lembaran kerja murid, terdapat tujuh orang murid menghadapi kesalahan tanggapan dalam konsep pengumpulan semula dari unit meter kepada sentimeter semasa menolak ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Misalnya, Rajah 1 menunjukkan hasil kerja Evangeline (bukan nama sebenar). Ayat matematik yang ditunjukkan dalam Rajah 1 ialah "5m 29cm - 1m 46cm - 2m 28cm =". Evangeline menolak digit "6" daripada digit "9" terlebih dahulu kemudian menolak digit "4" daripada digit "2" dalam unit sentimeter. Di sini, Evangeline mengetahui bahawa nilai digit "2" tidak cukup untuk menolak nilai digit "4". Jadi, dia telah mengumpul semula satu nilai dari digit "5" di unit meter kemudian menambah nilai sepuluh kepada digit "2" dan jadikannya nilai "12" kemudian menolak lagi dengan nilai digit "4". Pada hakikatnya, langkah kerja sebegini adalah kurang tepat dalam konsep Matematik kerana konsep pengumpulan semula satu nilai daripada digit sebelum bukan semestinya menambah nilai sepuluh kepada digit di sebelah kanan khususnya bagi soalan yang melibatkan unit di mana pengumpulan semula satu nilai dari unit meter akan menambah seratus kepada nilai dalam unit sentimeter.

Demi membantu murid-murid saya mengatasi kesalahan tanggapan tersebut, saya telah mengemukakan isu berkenaan dalam jurnal mingguan praktikum saya seterusnya merancang tindakan susulan yang sesuai. Saya juga telah menemu bual ketujuh-tujuh orang murid tentang pemahaman mereka terhadap konsep pengumpulan semula dalam penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Jawapan yang agak mengagumkan saya apabila murid-murid saya mengatakan bahawa pengumpulan semula satu nilai daripada unit meter akan menambah nilai sepuluh kepada digit yang memerlukan pengumpulan semula di unit sentimeter seperti apa yang biasa lakukan dalam operasi penolakan nombor bulat. Rajah 2 menunjukkan penulisan jurnal tentang isu yang difokuskan dan Rajah 3 menunjukkan contoh salah tanggapan yang dilakukan oleh murid-murid saya (nama yang ditunjukkan bukan nama sebenar) dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter.

$$\begin{array}{r} 5) \ 5\text{m } 29\text{cm} \quad 1\text{m } 46\text{cm} \quad - \quad 2\text{m } 28\text{cm} = 1\text{m } 55\text{cm} \\ \underline{45\text{m } 29\text{cm}} \\ - 1\text{m } 46\text{cm} \\ \hline 3\text{m } 83\text{cm} \\ - 2\text{m } 28\text{cm} \\ \hline 1\text{m } 55\text{cm} \end{array}$$


Rajah 1. Hasil kerja Evangeline dalam lembaran kerja.



**1. Isu Yang Difokuskan :**

Minggu ini sudah minggu kelapan bagi saya menjalankan praktikum fasa 2. Saya sedang tengah memikirkan tentang hasil inovasi yang boleh saya hasilkan untuk meningkatkan profesionalisme perguruan saya sambil membantu murid-murid mengatasi masalah yang dihadapi dan meningkatkan penguasaan mereka dalam kemahiran matematik. Oleh hal yang demikian, demi menjana idea tentang tema bagi produk inovasi yang boleh saya hasilkan, saya telah melihat balik hasil kerja murid seperti lembaran kerja dan buku kerja murid bagi sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lepas. Selepas saya memerhati balik hasil kerja murid, didapati bahawa masalah yang paling serius yang diwujudkan dalam kalangan murid kelas 3M adalah berkaitan penolakan ukuran panjang yang melibatkan meter dan sentimeter terutamanya bagi soalan yang memerlukan penukaran unit.

Rajah 2. Penulisan jurnal tentang isu yang difokuskan.



Rajah 3. Contoh salah tanggapan yang dihadapi oleh murid dalam lembaran kerja.

Objektif kajian ini adalah meningkatkan penguasaan murid-murid Tahun 3M dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter dengan menggunakan “Length Converter”. Seterusnya, objektif kajian ini juga termasuk meningkatkan penguasaan murid-murid Tahun 3M dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter tanpa menggunakan “Length Converter”.

**PESERTA KAJIAN**

Jadual 1 menunjukkan maklumat peserta kajian saya. Prestasi akademik murid adalah dinilai dengan menggunakan skala antara 1 hingga 6 dalam bidang Nombor dan Operasi. Nama yang ditunjukkan dalam jadual 1 bukan nama sebenar peserta kajian.

Jadual 1  
Maklumat Peserta Kajian

Nama/ Murid	Jantina / bangsa	Tahap Penguasaan Matematik	Ciri-ciri Murid
Fang	Lelaki/ Cina	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendiam</li> <li>• Menghantar kerja rumah pada masa yang ditetapkan</li> </ul>
Kelvin	Lelaki/ Cina	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktif dalam pembelajaran</li> <li>• Baik hati</li> </ul>
Liong	Lelaki/ Cina	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendiam</li> <li>• Baik hati</li> </ul>

Evangeline	Perempuan/ Bumiputera	3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rajin dalam pembelajaran</li> <li>• Bertulisan kemas</li> </ul>
Eyen	Perempuan/ Cina	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemalu</li> <li>• Berdisiplin baik</li> </ul>
William	Lelaki/ Cina	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid pemulihan</li> <li>• Suka bercakap dan mengganggu rakan-rakannya</li> <li>• Lebih kepada pengajaran dan pembelajaran secara individu</li> </ul>
Audrey	Perempuan/ Cina	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sering lewat hantar kerja rumah</li> <li>• Mudah tertarik dengan aktiviti berkumpulan terutamanya yang melibatkan permainan</li> </ul>

## TINDAKAN

“*Length Converter*” telah digunakan untuk meningkatkan penguasaan ketujuh-tujuh orang murid dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Saya telah melaksanakan kajian ini mengikut fasa-fasa seperti ujian sebelum intervensi, dua sesi bimbingan intervensi dan ujian selepas intervensi.

### Ujian Sebelum Intervensi

Menurut Guskey (2016), ujian sebelum intervensi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid. Justeru, ujian sebelum intervensi telah diberi sebelum “*Length Converter*” diperkenalkan untuk membolehkan saya menentukan tahap penguasaan murid dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan unit meter dan sentimeter. Terdapat empat soalan yang bersifat subjektif dalam ujian ini.

### Sesi Bimbingan Intervensi

Jadual 2 menunjukkan bilangan dan tujuan bagi setiap sesi bimbingan intervensi.

Jadual 2

Bilangan dan Tujuan bagi Setiap Sesi Bimbingan Intervensi

Sesi	Tujuan
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter dengan menggunakan “<i>Length Converter</i>”.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengukuhkan penguasaan murid dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter tanpa menggunakan “<i>Length Converter</i>”.</li> </ul>

### Ujian Selepas Intervensi

Ujian selepas intervensi telah diberi kepada murid selepas sesi bimbingan intervensi dilaksanakan. Terdapat lima soalan yang bersifat subjektif dan empat soalan antaranya adalah serupa dengan soalan dalam ujian sebelum intervensi. Daripada algoritma yang ditunjukkan oleh murid dalam ujian ini, saya boleh menilai sejauh mana penguasaan murid dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter telah dipertingkatkan.

## KAEDAH MENGUMPUL DATA

Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Contoh dokumen yang digunakan termasuk sukatan pelajaran,

ujian sebelum dan selepas intervensi serta lembaran kerja murid. Pemerhatian dilaksanakan dari segi turutan langkah kerja murid, emosi dan penglibatan murid sepanjang pelaksanaan kajian. Menurut Schwandt (2015), nota lapangan membolehkan pengkaji untuk mengingati dan merekodkan tingkah laku, aktiviti, peristiwa dan ciri-ciri lain yang diperhatikan. Jadi, nota lapangan telah digunakan untuk mencatat hasil pemerhatian atas kesahan dapatan kajian tindakan. Selepas ujian selepas intervensi diberi, saya telah menemu bual murid untuk memperoleh pandangan mereka terhadap kesan "*Length Converter*" dan pemahaman mereka tentang konsep pengumpulan semula dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Rajah 4 menunjukkan salah satu catatan nota lapangan dalam kajian tindakan ini.

<b>Nota Lapangan 3</b>	
Tarikh : 12 Ogos 2019	
Masa : 0840 - 0740	
Tempat : Kantin Sekolah	
<b>Perkara yang diperhatikan</b>	<b>Refleksi</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>Dalam pelaksanaan sesi bimbingan intervensi kedua, saya telah memerhati murid-murid tentang bentuk lazim yang ditulis untuk menolak ukuran panjang berkaitan meter dan sentimeter yang melibatkan penukaran unit. Daripada pemerhatian saya terhadap langkah penyelesaian yang ditunjukkan oleh ketujuh-tujuh orang murid tersebut, didapati bahawa ada yang diantara mereka menolak satu dalam unit meter dan terus menambah "seratus" kepada nilai asal dalam unit sentimeter kemudian menolak ukuran panjang yang dilibatkan. Tambahan pula ada yang menunjukkan bentuk lazim tambahan di tepi untuk menunjukkan langkah-langkah bahawa nilai asal dalam unit sentimeter tambah kepada seratus kemudian menolak ukuran panjang.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Berdasarkan pendapat saya terhadap langkah penyelesaian yang ditunjukkan oleh ketujuh-tujuh orang murid tersebut, saya menganggap bahawa mereka sudah memahami konsep penolakan ukuran panjang berkaitan meter dan sentimeter yang melibatkan penukaran unit walaupun mereka menunjukkan langkah penyelesaian yang berlainan. Hal ini demikian kerana ketujuh-tujuh orang murid berkenaan boleh menunjukkan penolakan satu nilai di unit meter kemudian tambah seratus kepada nilai asal dalam unit sentimeter dimana langkah ini menunjukkan bahawa murid-murid memahami bahawa "pinjaman" satu nilai dari unit meter akan menambah seratus kepada nilai asal dalam unit sentimeter bahkan tambah "sepuluh" kepada digit yang di sebelah kanan atau digit yang meminjam seperti apa yang biasa kita lakukan dalam penolakan nombor bulat.</li></ul>

Rajah 4. Contoh catatan nota lapangan

## KESAN TINDAKAN

Jadual 3 menunjukkan catatan skor pencapaian ketujuh-tujuh orang murid dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi serta kewujudan salah tanggapan dalam ujian masing-masing.

Jadual 3

Skor Pencapaian Peserta Kajian dalam Ujian sebelum intervensi dan Ujian Selepas Intervensi

Nama / Murid	Ujian sebelum intervensi		Ujian Selepas Intervensi		Salah Tanggapan Ditangani
	Skor	Salah Tanggapan Wujud?	Skor	Salah Tanggapan Wujud?	
Fang	4 / 4	Ya	5 / 5	Tidak	Ya
Kelvin	4 / 4	Ya	5 / 5	Tidak	Ya
Liong	4 / 4	Ya	5 / 5	Tidak	Ya
Evangeline	4 / 4	Ya	5 / 5	Tidak	Ya
Eyen	4 / 4	Ya	5 / 5	Tidak	Ya
William	4 / 4	Ya	5 / 5	Tidak	Ya
Audrey	4 / 4	Ya	5 / 5	Tidak	Ya

Daripada Jadual 3, ketujuh-tujuh orang murid mencapai skor penuh dalam kedua-dua ujian. Namun begitu, algoritma yang ditunjukkan dalam ujian sebelum intervensi menunjukkan salah tanggapan dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Selepas "*Length Converter*" diperkenalkan, mereka telah berjaya mencapai skor 5 dalam ujian selepas intervensi tanpa melakukan salah tanggapan. Hal ini bermakna, murid-murid saya sudah memahami konsep pengumpulan semula dengan tepat dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter, iaitu "menambah nilai seratus kepada nilai asal dalam unit sentimeter selepas pengumpulan semula satu nilai dari unit meter".

Selanjutnya, catatan nota lapangan dan transkripsi temu bual juga menyokong bahawa ketujuh-tujuh orang murid tersebut telah meningkatkan penguasaan dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit. Rajah 5 menunjukkan catatan nota lapangan keempat dan Rajah 6 menunjukkan sebahagian transkripsi temu bual selepas ujian selepas intervensi dilaksanakan.



Nota Lapangan 4	
Tarikh : 19 Ogos 2019	
Masa : 0640 - 0710	
Tempat : Kantin Sekolah	
Perkara yang diperhatikan	Refleksi
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pada hari ini, saya telah memberi ujian selepas intervensi kepada ketujuh-tujuh orang murid tersebut. Dalam ujian ini, mereka telah menyelesaikan lima soalan yang dikemukakan dalam ujian selepas intervensi dengan betul. Seperkara lagi, mereka juga dapat menunjukkan konsep penukaran unit yang dilibatkan dalam kemahiran penolakan ukuran panjang berkaitan meter dan sentimeter dengan betul.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Daripada pemerhatian saya terhadap bentuk lazim yang ditunjukkan oleh murid demi menyelesaikan ayat matematik penolakan ukuran panjang berkaitan meter dan sentimeter yang melibatkan penukaran unit, saya merasa murid-murid tersebut sudah boleh memahami konsep penolakan ukuran panjang berkaitan meter dan sentimeter yang melibatkan penukaran unit dengan betul dan tepat.</li> </ul>

Rajah 5. Catatan nota lapangan keempat



Temu bual dengan Fang	Temu bual dengan Kelvin
Pengkaji : Fang, boleh tak anda faham konsep penolakan ukuran panjang sekarang?	Pengkaji : Kelvin, boleh tak anda faham konsep penolakan ukuran panjang sekarang?
Fang : Boleh.	Kelvin : Boleh.
Pengkaji : Jika nilai dalam unit sentimeter tidak cukup untuk menolak, apakah tindakan yang perlu anda lakukan?	Pengkaji : Jika nilai dalam unit sentimeter tidak cukup untuk menolak, apakah tindakan yang perlu anda lakukan?
Fang : Meminjam satu nilai dari unit meter dan membuat penukaran unit.	Kelvin : Meminjam satu nilai dari unit meter dan membuat penukaran unit.
Pengkaji : Berapakah nilai yang perlu ditambah kepada nilai asal dalam unit sentimeter?	Pengkaji : Berapakah nilai yang perlu ditambah kepada nilai asal dalam unit sentimeter?
Fang : Seratus.	Kelvin : Seratus.
Temu bual dengan Eyen	Temu bual dengan William
Pengkaji : Eyen, boleh tak anda faham konsep penolakan ukuran panjang sekarang?	Pengkaji : William, boleh tak anda faham konsep penolakan ukuran panjang sekarang?
Eyen : Boleh.	William : Boleh.
Pengkaji : Jika nilai dalam unit sentimeter tidak cukup untuk menolak, apakah tindakan yang perlu anda lakukan?	Pengkaji : Jika nilai dalam unit sentimeter tidak cukup untuk menolak, apakah tindakan yang perlu anda lakukan?
Eyen : Meminjam satu nilai dari unit meter dan membuat penukaran unit.	William : Meminjam satu nilai dari unit meter dan membuat penukaran unit.
Pengkaji : Berapakah nilai yang perlu ditambah kepada nilai asal dalam unit sentimeter?	Pengkaji : Berapakah nilai yang perlu ditambah kepada nilai asal dalam unit sentimeter?
Eyen : Seratus.	William : Seratus.

Rajah 6. Transkripsi temu bual selepas ujian selepas intervensi dilaksanakan

Daripada analisis dokumen di atas, ia adalah jelas bahawa penguasaan tujuh orang murid tersebut dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter telah dipertingkatkan. Perbandingan antara hasil kerja murid dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7, 8, 9, 10, 11, 12 dan 13.

Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi
1) 48 米 27 厘米 - 15 米 43 厘米 = <u>32</u> 米 <u>84</u> 厘米	1) 48 米 27 厘米 - 15 米 43 厘米 = <u>32</u> 米 <u>84</u> 厘米
 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">Terus mengumpul nilai sepuluh dari unit meter.</div>	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block; background-color: yellow;">Menambah nilai seratus kepada nilai ukuran panjang asal dalam unit sentimeter selepas mengumpul satu nilai dari unit meter.</div>

Rajah 7. Perbandingan hasil kerja Fang dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi.

Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi
1) 48 米 27 厘米 - 15 米 43 厘米 = <u>32</u> 米 <u>84</u> 厘米	1) 48 米 27 厘米 - 15 米 43 厘米 = <u>32</u> 米 <u>84</u> 厘米
 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">Terus mengumpul nilai sepuluh dari unit meter.</div>	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block; background-color: yellow;">Menambah nilai seratus kepada nilai ukuran panjang asal dalam unit sentimeter selepas mengumpul satu nilai dari unit meter.</div>

Rajah 8. Perbandingan hasil kerja Kelvin dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi.



Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi																								
<p>2) 96 米 14 厘米 - 18 米 32 厘米 - 26 米 43 厘米 = <u>51</u> 米 <u>39</u> 厘米</p> <table border="1"> <tr><td>米</td><td>厘米</td></tr> <tr><td>96</td><td>14</td></tr> <tr><td>- 18</td><td>32</td></tr> <tr><td>77</td><td>78</td></tr> <tr><td>- 26</td><td>43</td></tr> <tr><td>51</td><td>39</td></tr> </table> <p>Terus mengumpul nilai sepuluh dari unit meter.</p>	米	厘米	96	14	- 18	32	77	78	- 26	43	51	39	<p>2) 96 米 14 厘米 - 18 米 32 厘米 - 26 米 43 厘米 = <u>51</u> 米 <u>39</u> 厘米</p> <table border="1"> <tr><td>米</td><td>厘米</td></tr> <tr><td>96</td><td>14</td></tr> <tr><td>- 18</td><td>32</td></tr> <tr><td>77</td><td>78</td></tr> <tr><td>- 26</td><td>43</td></tr> <tr><td>51</td><td>39</td></tr> </table> <p>Menambah nilai seratus kepada nilai ukuran panjang asal dalam unit sentimeter selepas mengumpul satu nilai dari unit meter.</p>	米	厘米	96	14	- 18	32	77	78	- 26	43	51	39
米	厘米																								
96	14																								
- 18	32																								
77	78																								
- 26	43																								
51	39																								
米	厘米																								
96	14																								
- 18	32																								
77	78																								
- 26	43																								
51	39																								

Rajah 9. Perbandingan hasil kerja Liong dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi.

Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi																				
<p>3) 146m 54cm - 35m 27cm - 27m 68cm = <u>83</u> m <u>59</u> cm</p> <table border="1"> <tr><td>146m</td><td>54cm</td></tr> <tr><td>- 35m</td><td>27cm</td></tr> <tr><td>111m</td><td>27cm</td></tr> <tr><td>- 27m</td><td>68cm</td></tr> <tr><td>83m</td><td>59cm</td></tr> </table> <p>Terus mengumpul nilai sepuluh dari unit meter.</p>	146m	54cm	- 35m	27cm	111m	27cm	- 27m	68cm	83m	59cm	<p>3) 146m 54cm - 35m 27cm - 27m 68cm = <u>83</u> m <u>59</u> cm</p> <table border="1"> <tr><td>146m</td><td>54cm</td></tr> <tr><td>- 35m</td><td>27cm</td></tr> <tr><td>111m</td><td>27cm</td></tr> <tr><td>- 27m</td><td>68cm</td></tr> <tr><td>83m</td><td>59cm</td></tr> </table> <p>Menambah nilai seratus kepada nilai ukuran panjang asal dalam unit sentimeter selepas mengumpul satu nilai dari unit meter.</p>	146m	54cm	- 35m	27cm	111m	27cm	- 27m	68cm	83m	59cm
146m	54cm																				
- 35m	27cm																				
111m	27cm																				
- 27m	68cm																				
83m	59cm																				
146m	54cm																				
- 35m	27cm																				
111m	27cm																				
- 27m	68cm																				
83m	59cm																				

Rajah 10. Perbandingan hasil kerja Evangeline dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi.

Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi																				
<p>4) 248m 32cm - 54m 67cm - 18m 36cm = <u>175</u> m <u>29</u> cm</p> <table border="1"> <tr><td>248m</td><td>32cm</td></tr> <tr><td>- 54m</td><td>67cm</td></tr> <tr><td>194m</td><td>65cm</td></tr> <tr><td>- 18m</td><td>36cm</td></tr> <tr><td>175m</td><td>29cm</td></tr> </table> <p>Terus mengumpul nilai sepuluh dari unit meter.</p>	248m	32cm	- 54m	67cm	194m	65cm	- 18m	36cm	175m	29cm	<p>4) 248m 32cm - 54m 67cm - 18m 36cm = <u>175</u> m <u>29</u> cm</p> <table border="1"> <tr><td>248m</td><td>32cm</td></tr> <tr><td>- 54m</td><td>67cm</td></tr> <tr><td>194m</td><td>65cm</td></tr> <tr><td>- 18m</td><td>36cm</td></tr> <tr><td>175m</td><td>29cm</td></tr> </table> <p>Menambah nilai seratus kepada nilai ukuran panjang asal dalam unit sentimeter selepas mengumpul satu nilai dari unit meter.</p>	248m	32cm	- 54m	67cm	194m	65cm	- 18m	36cm	175m	29cm
248m	32cm																				
- 54m	67cm																				
194m	65cm																				
- 18m	36cm																				
175m	29cm																				
248m	32cm																				
- 54m	67cm																				
194m	65cm																				
- 18m	36cm																				
175m	29cm																				

Rajah 11. Perbandingan hasil kerja Eyen dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi.

Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi
<p>4) <math>248\text{m } 32\text{cm} - 54\text{m } 67\text{cm} - 18\text{m } 36\text{cm} = 175\text{ m } 29\text{ cm}</math></p> <p>Terus mengumpul nilai sepuluh dari unit meter.</p>	<p>4) <math>248\text{m } 32\text{cm} - 54\text{m } 67\text{cm} - 18\text{m } 36\text{cm} = 175\text{ m } 29\text{ cm}</math></p> <p>Menambah nilai seratus kepada nilai ukuran panjang asal dalam unit sentimeter selepas mengumpul satu nilai dari unit meter.</p>

Rajah 12. Perbandingan hasil kerja William dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi.

Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi
<p>4) <math>248\text{m } 32\text{cm} - 54\text{m } 67\text{cm} - 18\text{m } 36\text{cm} = 175\text{ m } 29\text{ cm}</math></p> <p>Terus mengumpul nilai sepuluh dari unit meter.</p>	<p>5) <math>2456\text{米 } 5\text{厘米} - 1008\text{米 } 38\text{厘米} - 344\text{米 } 40\text{厘米} = 1103\text{米 } 27\text{厘米}</math></p> <p>Menambah nilai seratus kepada nilai ukuran panjang asal dalam unit sentimeter selepas mengumpul satu nilai dari unit meter.</p>

Rajah 13. Perbandingan hasil kerja Audrey dalam ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi.

Kesimpulannya, “*Length Converter*” telah berjaya membantu murid-murid memahami konsep pengumpulan semula dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan unit meter dan sentimeter. Dengan ini, mereka berupaya menunjukkan algoritma tentang proses pengumpulan semula semasa menolak ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter.

## REFLEKSI

Amat bersyukur kepada Tuhan kerana kajian tindakan ini telah dilaksanakan dengan berjaya. Terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan telah dirangsang sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini.

Pertama sekali, amalan profesionalisme saya telah dikembangkan khususnya dalam aspek pedagogi. Sebagai seorang bakal guru mata pelajaran Matematik pada abad ke-21 hari ini, PdP yang dilaksanakan haruslah mengandungi unsur kreatif dan inovasi. Jadi, sebaik sahaja saya mendapati terdapat tujuh orang murid saya menghadapi salah tanggapan dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter, saya telah mengambil keputusan untuk melaksanakan kajian tindakan terhadap mereka dengan produk inovasi yang dinamakan “*Length Converter*”. Dengan bantuan “*Length Converter*”, murid-murid telah memahami konsep pengumpulan semula dalam penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Pada hakikatnya, mereka mampu menyatakan nilai tambahan yang diperlukan kepada nilai ukuran panjang asal dalam unit sentimeter selepas pengumpulan semula satu nilai dari unit meter dilakukan.

Dengan penghasilan bahan inovasi yang dapat memenuhi kehendak murid dalam pembelajaran, nescaya amalan pedagogi saya telah diperkembangkan lagi. Walaupun terdapat petak yang berlainan warna digunakan semasa sesi PdP berkenaan, namun ia kurang dapat memenuhi kehendak semua murid kerana terdapat tujuh orang murid

menghadapi salah tanggapan terhadap konsep pengumpulan semula dalam penolakan ukuran panjang yang melibatkan unit meter dan sentimeter. Menurut Amir Hasan (2002) dalam Abdul Rahim Hamdan & Hayazi Mohd Yasin (2010), setiap individu mempunyai psikologi dan kebolehan intelek yang berbeza. Dengan ini, saya telah menghasilkan "*Length Converter*" untuk membantu mereka meningkatkan penguasaan mereka dalam kemahiran berkenaan. Teori Howard Gardner seperti kecerdasan visual-ruang dan kecerdasan kinestetik telah diaplikasikan untuk mencapai kepelbagaian kecerdasan murid (Davis, Christodoulou, Seider & Gardner, 2011), contohnya kertas yang berwarna-warni serta penutup botol yang boleh digerakkan apabila mengumpul semula unit meter kepada unit sentimeter.

Kekangan yang dihadapi adalah masalah tempat pelaksanaan ujian dan sesi bimbingan intervensi. Tarikh pelaksanaan kajian tindakan ini hampir dengan pelaksanaan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR). Padahalnya, kebanyakan tempat seperti makmal sains, pusat sumber dan bilik pemulihan telah ditetapkan oleh pihak sekolah untuk guru-guru sekolah memberi bimbingan tambahan kepada murid-murid Tahun 6. Dalam situasi sebegini, saya telah memilih kantin sekolah sebagai lokasi pelaksanaan kajian tindakan ini. Namun, saya berasa kantin SJK Chung Hua, Siburan adalah kurang sesuai untuk melaksanakan kajian tindakan kerana terdapat banyak gangguan luaran seperti bunyi larian dan memainkan bola dari dewan sekolah, bunyi perbualan murid-murid lain di kantin, bunyi kenderaan, dan sebagainya. Implikasinya, gangguan luaran ini telah menyebabkan peserta kajian saya mudah mengalih fokus mereka semasa intervensi dilakukan.

Kelemahan yang diwujudkan adalah dari segi struktur soalan temu bual. Dalam kajian tindakan ini, struktur soalan temu bual adalah separuh berstruktur dan saya berasa soalan temu bual saya lebih kepada soalan tertutup. Jadi, saya perlu meningkatkan kemahiran dalam mengemukakan soalan temu bual yang lebih terbuka bagi kajian-kajian seterusnya.

Secara jujurnya, saiz bagi "*Length Converter*" agak besar dan susah untuk dibawa. Hal ini disebabkan kumpulan sasaran saya adalah murid-murid yang berusia 9 tahun. Jadi, saya perlu memastikan bahan inovasi yang dihasilkan adalah cukup besar dan dapat memenuhi visual murid-murid saya. Sebagai penambahbaikan, saya boleh mengubah suaiannya dari segi material pembuatan seperti menggantikan *mounting board* dengan *polystyrene board* dan mengurangkan saiznya ke dalam saiz A4 supaya ia menjadi ringan dan lebih senang untuk dibawa.

Keseluruhannya, saya berasa puas hati terhadap kajian tindakan ini kerana dapatan kajian menunjukkan murid-murid saya telah memahami konsep pengumpulan semula dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan unit meter dan sentimeter. Dengan ini, boleh dikatakan produk inovasi, "*Length Converter*" adalah berkesan untuk membantu ketujuh-tujuh orang murid dari kelas 3M di SJK Chung Hua, Siburan meningkatkan penguasaan dalam kemahiran penolakan ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan & Hayazi Mohd Yasin. (2010, November 06). *Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) di kalangan guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor*. Diperoleh 23 Januari, 2020, daripada Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository: [http://eprints.utm.my/id/eprint/10879/1/Penggunaan\\_Alat\\_Bantu\\_Mengajar.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10879/1/Penggunaan_Alat_Bantu_Mengajar.pdf)
- Davis, K., Christodoulou, J., Seider, S. & Gardner, H. (2011, Januari). *The theory of multiple intelligences*. Diperoleh 22 Mac, 2020, daripada ResearchGate: [https://www.researchgate.net/publication/317388610\\_The\\_Theory\\_of\\_Multiple\\_Intelligences](https://www.researchgate.net/publication/317388610_The_Theory_of_Multiple_Intelligences)
- Guskey, T. R. (2016). *PRE-ASSESSMENT: Promises and cautions*. Diperoleh 26 Mac, 2020, daripada KENTUCKY UKNOWLEDGE: [https://uknowledge.uky.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1016&context=edp\\_facpub](https://uknowledge.uky.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1016&context=edp_facpub)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran SJK (C) Matematik Tahun 3*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.



Schwandt, T.A. (2015). *The SAGE dictionary of qualitative inquiry (4th Ed.)*. Thousand Oaks, California: SAGE Publication.

## **MENINGKATKAN KEMAHIRAN OPERASI MENDARAB SEBARANG NOMBOR DENGAN NOMBOR DUA DIGIT MELALUI TEKNIK *FAST & FURIOUS MULTIPLICATION***

**IRENE TEO KAI NI**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
ireneteo96@hotmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk membantu murid tahun 4 meningkatkan kemahiran mendarab sebarang nombor dengan nombor dua digit dengan menggunakan teknik *Fast & Furious Multiplication*. Seramai empat orang murid dari kelas Tahun 4 telah dijadikan peserta kajian di sebuah sekolah rendah daerah Asajaya telah dijadikan peserta kajian. Data telah dikumpul melalui tiga kaedah iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data analisis dokumen dianalisis mengikut skor yang diperoleh oleh peserta kajian dalam lembaran kerja. Selain itu, saya juga menganalisis langkah kerja hasil kuiz murid-murid untuk menentukan tahap pemahaman dan penguasaan peserta kajian terhadap penggunaan inovasi teknik *Fast & Furious Multiplication* dalam menjawab soalan pendaraban sebarang nombor dengan nombor dua digit. Senarai semak pemerhatian juga dianalisis dengan menggunakan kekerapan "Ya" atau "Tidak" untuk melihat reaksi minat peserta kajian terhadap penggunaan teknik *Fast & Furious Multiplication* dalam menjawab soalan mendarab sebarang nombor dengan nombor dua digit. Transkripsi temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis bertema bagi menentukan sama ada peningkatan penguasaan dan minat peserta kajian terhadap teknik *Fast & Furious Multiplication* dalam menjawab soalan mendarab sebarang nombor dengan nombor dua digit. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik *Fast & Furious Multiplication* dapat meningkatkan penguasaan dan minat peserta kajian dalam menjawab soalan pendaraban sebarang nombor dengan nombor dua digit.

Kata Kunci: *Fast & Furious Multiplication*, inovasi, operasi pendaraban, Tahun 4

### **ABSTRACT**

*The action research was carried out to help Year 4 pupils to master multiplication any two-digits numbers by using Fast & Furious Multiplication technique. Four Year 4 pupils were selected as the study participants from a primary school in the area of Asajaya. The data was collected through three methods which include document analysis, observation and the interview. Data of documents were analyzed based on the scores obtained from study participants in the worksheets given. Beside using the worksheets, I also analyzed the quizzes based on the scores and steps to measure and determine the level of mastery of study participants by using the Fast & Furious Multiplication technique to answer questions of any number multiplication of two-digit number. Observation checklists were also analyzed by using "Yes" & "No" frequency to see the response of study participants to the use of the Fast & Furious Multiplication in answering two-digits numbers multiplication questions. Data based on scripted interview question were recorded in the form of transcript and then analyzed by using coding analysis. The research findings had shown that Fast & Furious Multiplication technique had increased participants' mastery, interest and confidence in answering multiplication questions of any two-digits numbers.*

Keywords: *Fast & Furious Multiplication*, innovation, multiply operation, Year 4

## PENGENALAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan di sekolah rendah daerah Asajaya bersama 4 orang murid Tahun 4 untuk membantu mereka menguasai kemahiran operasi darab yang melibatkan sebarang nombor didarab oleh nombor hingga dua digit dengan menggunakan teknik *Fast & Furious Multiplication*. Kajian ini juga berfokus untuk meningkatkan minat murid dalam kemahiran pendaraban.

## MASALAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Saya mendapati murid kurang berupaya menguasai operasi darab yang melibatkan sebarang nombor dengan nombor dua digit semasa mengajar tajuk wang. Operasi darab sering menjadi masalah kepada pelajar terutamanya apabila melibatkan pendaraban lebih dari satu digit (Nur & Roslinda, 2016).

Rajah 1 menunjukkan murid mengetahui cara penyelesaian operasi darab yang melibatkan sebarang nombor dengan nombor dua digit dalam bentuk lazim tetapi apabila mendarab dengan nombor digit puluh, murid telah meletak hasil darab pada nilai tempat yang salah.

3. 
$$\begin{array}{r} \text{RM } 1423.95 \\ \times \quad 20 \\ \hline \text{RM } 2847.90 \\ \text{RM } 2846800 \\ \hline \text{RM } 31425.90 \end{array}$$

Rajah 1. Kesilapan murid A dalam pendaraban nilai wang

Bagi mengumpul data awal dalam kajian ini, saya telah menggunakan kaedah penilaian ujian diagnostik. Melalui ujian tersebut, saya mendapati empat orang murid iaitu murid A, murid B, murid C dan murid D masih belum menguasai kemahiran mendarab. Rajah 2, 3, 4 dan 5 menunjukkan kesalahan dalam ujian diagnostik yang dibuat oleh keempat-empat orang murid.

5. 
$$\begin{array}{r} 269 \\ \times 36 \\ \hline 1614 \\ +6870 \\ \hline 9684 \end{array}$$

6. 
$$\begin{array}{r} 2769 \\ \times 57 \\ \hline 19383 \\ +105050 \\ \hline 157833 \end{array}$$

Rajah 2. Ujian Diagnostik murid A

Dalam ujian diagnostik murid A, murid tidak dapat menguasai operasi darab sebarang nombor dengan nilai dua digit. Murid dapat mengetahui pola langkah penyelesaian operasi darab dalam bentuk lazim tetapi murid telah meletak nombor pengumpulan semula pada nilai tempat yang salah.

Misalnya bagi soalan 5, murid sepatutnya memperoleh jawapan 8070 apabila 269 didarab dengan digit 3 di nilai tempat puluh. Bagi soalan 6, murid seharusnya memperoleh jawapan 138450 apabila 2769 didarab dengan digit 5 di nilai tempat puluh.

4.  $478 \times 10 = 478$

$$\begin{array}{r} 478 \\ \times 10 \\ \hline 000 \\ +478 \\ \hline 478 \end{array}$$

8.  $9831 \times 73 = 50566$

$$\begin{array}{r} 9831 \\ \times 73 \\ \hline 28293 \\ +28293 \\ \hline 50566 \end{array}$$

Rajah 3. Ujian Diagnostik murid B

Dalam ujian diagnostik murid B, murid telah membuat pola kesilapan yang sama bagi soalan 4 dan 8. Didapati murid B dapat menguasai sifir dengan baik. Contohnya, murid B dapat mendarab sebarang nombor dengan nilai digit tempat satu dengan betul tetapi apabila 478 didarab dengan digit 1 di nilai tempat puluh, murid menulis hasil darab  $478 \times 10$  bermula dari nilai tempat sa iaitu 478.

2.  $63 \times 37 = 2338$

$$\begin{array}{r} 63 \\ \times 37 \\ \hline 438 \\ +1840 \\ \hline 2328 \end{array}$$

4.  $478 \times 10 = 5258$

$$\begin{array}{r} 478 \\ \times 10 \\ \hline 478 \\ +4780 \\ \hline 5258 \end{array}$$

Rajah 4. Ujian Diagnostik murid C

Dalam ujian diagnostik murid C, murid dapat menguasai operasi mendarab sebarang nombor dengan nilai dua digit dalam bentuk lazim. Pada pandangan saya, murid C bersikap caui apabila mendarab atau menambah sesuatu nombor bagi soalan 2 dan 4.

Bagi soalan 2, murid C dapat mendarab betul sebarang nombor dengan nilai digit tempat puluh tetapi murid telah melakukan kesilapan apabila mendarab 63 dengan digit 7 di nilai tempat sa. Bagi soalan 4, murid C sepatutnya mendapat jawapan sifar kerana hasil darab suatu integer dengan sifar sentiasa sifar.

5.  $269 \times 36 = 1044$

$$\begin{array}{r} 269 \\ \times 36 \\ \hline 1044 \end{array}$$

6.  $2769 \times 57 = 21763$

$$\begin{array}{r} 2769 \\ \times 57 \\ \hline 21763 \end{array}$$

Rajah 5. Ujian Diagnostik murid D


Dalam ujian diagnostik murid D, murid telah membuat pola kesilapan yang sama bagi soalan 5 dan 6. Saya mendapati murid kekurangan konsep pendaraban sebarang nombor didarab dengan nombor dua digit. Murid seharusnya mempunyai dua baris langkah kerja apabila mendarab sebarang nombor dengan nombor dua digit dalam bentuk lazim.

Kajian ini dijalankan untuk

- a. Meningkatkan penguasaan kemahiran operasi darab yang melibatkan sebarang nombor dengan nombor dua digit empat murid Tahun 4 dengan menggunakan teknik *Fast & Furious Multiplication*.
- b. Meningkatkan minat serta keyakinan empat murid Tahun 4 dalam operasi Pendaraban sebarang nombor dengan nombor dua digit melalui penggunaan teknik *Fast & Furious Multiplication*.

## TINDAKAN

Saya telah mengaplikasikan adaptasi Model Lewin, 1946 dan Laidlaw, 1992 dalam kajian tindakan saya. Menurut Rosinah Edinin (dalam Mohd & Effandi, 2017), model penyelidikan tindakan Lewin ini merupakan model yang paling awal sebelum terhasil pengubahsuaian model-model yang berikutnya seperti Model Penyelidikan Tindakan Laidlaw. Dalam model ini melibatkan lima fasa seperti dalam rajah 6.



Rajah 6: Model Lewin, 1946 dan Laidlaw, 1992

Dalam fasa pertama iaitu mengenal pasti aspek amalan, saya menjalankan sesi refleksi terhadap diri sendiri dan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan untuk mencari punca-punca masalah pembelajaran murid.

Seterusnya pada fasa kedua, saya merancang untuk menggunakan teknik *Fast & Furious Multiplication* bagi membantu mereka dalam menyelesaikan masalah pengiraan pendaraban dua digit seperti dalam Jadual 1. Saya juga merancang cara untuk mengumpul dan menganalisis data.

Jadual 1

Langkah-langkah penggunaan Teknik Fast & Furious Multiplication

		2	0	5	Murid mendarab secara terus dalam bentuk lazim.
	×		9	9	
		18	0	45	
+	18	0	45	0	
	18	18	45	45	

		+1			
	1	1	4	4	
	8	8	5	5	
2	0	2	9	5	

Murid menambah secara jalur pepenjur. Kemudian, murid mengumpul semula melalui teknik *lattice* yang telah diubahsuaikan.

Dalam fasa ketiga iaitu pelaksanaan, saya telah melaksanakan teknik *Fast & Furious Multiplication* sebagai tindakan. Aktiviti-aktiviti bimbingan dilaksanakan mengikut ketetapan rancangan tindakan. Saya memerhatikan tingkah laku dan menemu bual peserta kajian selepas sesi bimbingan.

Pada fasa keempat, saya telah memungut dan menilai data bagi melihat kesan dan perubahan perkembangan peserta kajian. Akhirnya, pada fasa kelima, saya melakukan refleksi terhadap selepas tindakan. Saya juga membuat refleksi dan penilaian terhadap tindakan yang dijalankan sama ada tindakan tersebut berjaya ataupun gagal.

### KAEDAH PENGUMPULAN DATA


Dalam kajian ini, saya telah menggunakan tiga instrumen untuk mengumpul data seperti analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Saya telah menggunakan dua latihan sesi bimbingan dan kuiz bagi mengetahui perkembangan peserta kajian.

Saya menggunakan senarai semak pemerhatian untuk memudahkan saya memerhati tingkah laku peserta kajian berdasarkan item-item yang telah disenaraikan. Temu bual dilaksanakan untuk mengetahui perasaan dan pendapat peserta kajian. Temu bual adalah suatu kaedah untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapatnya (Rosinah, 2012). Temu bual dilaksanakan berasaskan soalan berstruktur.

### KESAN TINDAKAN

#### Penggunaan teknik *Fast & Furious Multiplication* untuk menyelesaikan operasi darab yang melibatkan sebarang nombor dengan nombor dua digit

Penguasaan murid telah dianalisis dengan perbandingan antara latihan sesi bimbingan, iaitu latihan sesi bimbingan pertama dan kedua yang dilakukan. Perkembangan peserta kajian sepanjang tempoh kajian dijalankan boleh dilihat melalui graf bar yang ditunjukkan di dalam rajah 7.



Rajah 7. Graf pencapaian peserta kajian

Berdasarkan rajah 7, saya dapat merumuskan bahawa keempat-empat peserta kajian telah berjaya menguasai kemahiran dalam operasi darab sebarang nombor dengan nombor dua digit dengan menggunakan teknik *Fast & Furious Multiplication* kerana terdapat peningkatan daripada latihan sesi bimbingan pertama ke latihan sesi bimbingan kedua. Melalui skor dan langkah kerja dalam kuiz juga menunjukkan murid berjaya menguasai kemahiran tersebut.

Terdapat beberapa orang peserta kajian bersikap cuai apabila mengira operasi pendaraban. Salah satu kesilapan dalam kuiz telah ditunjukkan dalam rajah 8.

3.  $678 \times 68 = 4104$  (46104)

	6	7	8	
		6	8	
	48	56	64	
36	42	48	0	
36	90	104	64	

4 3 9 10 6 4  
6 0 4 4  
6 1 0 4  
= 4104

Rajah 8. Kesilapan kuiz peserta kajian a

Dalam rajah 8 telah menyatakan bahawa peserta kajian A telah menjawab salah soalan 3 dalam kuiz. Peserta kajian A bersikap cuai apabila menulis jawapan akhir. Selepas jadual perbandingan diperkenalkan, satu temu bual telah dijalankan pada 4 September 2019 di dalam kelas dan dicatatkan dalam jadual 2.

Jadual 2

Analisis dapatan temu bual bersama keempat-empat peserta kajian

<b>Soalan 1: Adakah anda rasa mudah untuk melukis petak?</b>		
A: Pada permulaan, saya berasa tidak biasa untuk melukis petak. Sekarang saya berasa petak tidak susah untuk dilukis.	Kod: 1	<b>Penentuan Kod:</b>  1. Mudah 2. Tidak Mudah
B: Ya, sangat mudah jika dibandingkan dengan kaedah bentuk lazim.	Kod 1	
C: Ya, mudah.	Kod 1	
D: Susah sikit kerana perlu menggunakan pembaris.	Kod 2	
<b>Soalan 2: Adakah anda senang dapat jawapan dengan menggunakan teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i>? Huraikan.</b>		
A: Senang mendapat jawapan, langkah kerja tidak rumit.	Kod: 1	<b>Penentuan Kod:</b>  1. Senang 2. Tidak Senang
B: Senang, langkah kerja mudah diingati.	Kod 1	
C: Ya, senang dengan syarat dapat menguasai sifir.	Kod 1	
D: Tidak senang kerana ada banyak langkah kerja jika dibandingkan dengan kaedah bentuk lazim.	Kod 2	
<b>Soalan 3: Adakah teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i> membantu anda dalam mengelakkan kesilapan dalam mendarab digit? Huraikan.</b>		

A: Ya, teknik ini mengurangkan kesilapan seperti meletakkan nombor pengumpulan semula pada nilai tempat yang salah. Saya hanya mendarabkan dengan secara terus dalam bentuk lazim.	Kod: 1	<b>Penentuan Kod:</b>  1. Bantu 2. Tidak Bantu
B: Ya, penggunaan petak dapat mengelakkan saya lupa untuk menambah nombor pengumpulan semula. Hal ini secara langsung dapat mengurangkan kesilapan saya dalam mendarab digit.	Kod 1	
C: Ya, teknik tersebut dapat mengelakkan saya daripada bersikap cuai semasa mendarab atau menambah sesuatu nombor.	Kod 1	
D: Ya. teknik tersebut telah mengurangkan kesilapan.	Kod: 1	

Merujuk kepada jadual 2 boleh merumuskan bahawa teknik *Fast & Furious Multiplication* dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam menyelesaikan operasi mendarab sebarang nombor dengan nombor dua digit. Penggunaan teknik *Fast & Furious Multiplication* dapat mengelakkan kesilapan. Peserta kajian A, B dan C memberi maklum balas bahawa mereka senang mendapat jawapan di samping petak juga mudah dilukis. Namun, peserta kajian D mengatakan bahawa dia tidak senang melukis petak dan mendapat jawapan kerana memerlukan banyak langkah penyelesaian.

### Penggunaan Teknik Fast & Furious Multiplacation Terhadap Minat Dalam Kalangan Menjawab Soalan Pendaraban

Melalui penyelidikan tindakan ini, saya berpeluang untuk bergaul dengan murid secara dekat. Oleh itu, saya dapat memerhatikan segala pergerakan dan perasaan mereka dengan mudah. Jadual 3 adalah transkripsi temu bual keempat-empat peserta kajian.

#### Jadual 3

Analisis dapatan temu bual bersama keempat-empat peserta kajian

Soalan 4: Ceritakan tentang pengalaman anda selepas guru mengajar anda menggunakan teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i>		
A: Sekarang saya dapat menjawab soalan dengan nombor dua digit dengan cepat dan penuh yakin. Dulu saya lebih suka menjawab soalan pendaraban nombor satu digit kerana pendaraban dengan sebarang dua digit sangat susah dan rumit. Melalui teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i> dalam pengiraan, saya <b>tidak perlu</b> menulis apa-apa nombor pengumpulan semula dan <b>takut</b> untuk <b>meletakkan nombor pengumpulan semula pada nilai tempat yang salah.</b>	Kod: 1	<b>Penentuan Kod:</b>  1. Telah meningkatkan minat dan yakin diri. 2. Tidak dapat meningkatkan minat dan yakin diri.
B: Teknik ini telah meningkatkan minat dalam belajar kemahiran operasi darab. Dulu, saya memerlukan masa yang panjang unuk menjawab soalan pendaraban sebarang dua digit. Sekarang saya <b>tidak perlu menggunakan masa yang panjang untuk memikirkan</b> dan menjawab soalan. Saya lebih suka menggunakan teknik ini dalam pengiraan operasi pendaraban kerana melalui teknik tersebut telah <b>menyenangkan langkah kerja pengiraan</b> dalam bentuk lazim.	Kod 1	



C: Kegagalan mendapat jawapan yang betul telah mengakibatkan saya hilang minat dan yakin untuk belajar. Selepas pengajaran teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i> , saya berasa <b>suka dengan kaedah alternatif</b> kerana <b>mudah difahami</b> .	Kod 1	
D: Teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i> dapat meningkatkan konsep pendaraban dan membantu saya dalam menjawab operasi pendaraban tersebut. Namun pada pandangan saya, saya masih <b>tidak biasa</b> dan berasa <b>leceh kerana perlu menggunakan masa yang panjang</b> untuk menulis <b>langkah kerja yang banyak</b> dan juga menggunakan pembaris untuk melukis petak.	Kod 2	

Daripada jadual 3, saya berjaya menimbulkan minat peserta kajian A, B dan C untuk belajar teknik menjawab soalan pendaraban dua digit. Sebelum mereka didedahkan teknik *Fast & Furious Multiplication*, mereka tidak suka soalan pendaraban dua digit kerana langkah penyelesaian kelihatan rumit dan memerlukan masa yang panjang untuk menjawabnya. Teknik tersebut didapati tidak dapat menarik minat peserta kajian D kerana dia tidak biasa dan berasa leceh untuk melukis petak serta menulis langkah penyelesaian yang banyak.

#### Jadual 4

Analisis dapatan temu bual bersama keempat-empat peserta kajian

<b>Soalan 5: Apakah perasaan anda apabila boleh membuat pendaraban sebarang nombor dengan nombor dua digit?</b>		
A: Saya berasa gembira, tidak sabar mahu menjawab soalan lain dan mengaplikasikan teknik ini dalam pendaraban topik lain.	Kod 1	<b>Penentuan Kod:</b>  1. Gembira 2. Tidak Gembira
B: Gembira dan tidak lagi rasa takut untuk menjawab pendaraban sebarang nombor dengan nombor dua digit.	Kod 1	
C: Gembira	Kod 1	
D: OK la.	Kod 2	

Daripada jadual 4, penggunaan perkataan seperti “gembira” menunjukkan mereka menyukai teknik *Fast & Furious Multiplication*. Semua peserta kajian kecuali peserta kajian D mempunyai minat yang tinggi untuk belajar operasi pendaraban dengan nombor dua digit.

#### Jadual 5

Analisis senarai semak pemerhatian bagi perkara 1 hingga 5

BIL	PERKARA	KEKERAPAN "YA" ATAU "TIDAK" (DARIPADA 4 PESERTA KAJIAN)								CATATAN
		YA				TIDAK				
		A	B	C	D	A	B	C	D	
1.	Bersemangat untuk bertanya mengenai cara penggunaan teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i> .			3					1	
2.	Bersemangat untuk menjawab soalan semasa menjawab soalan pendaraban dengan nombor dua digit.			3					1	

3.	Murid kelihatan seronok dan tidak sabar untuk menggunakan teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i> dalam menjawab soalan.	3	1	
4.	Menumpukan perhatian semasa guru memberikan penjelasan tentang cara penggunaan teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i> dalam menyelesaikan soalan pendaraban nombor tiga digit dengan nombor dua digit.	3	1	
5.	Menunjukkan reaksi minat dan yakin melalui mimik muka semasa menggunakan teknik <i>Fast &amp; Furious Multiplication</i> untuk menjawab soalan pendaraban nombor tiga digit dengan nombor dua digit.	3	1	

Berdasarkan Jadual 5, didapati teknik *Fast & Furious Multiplication* dapat menarik minat peserta kajian dalam menjawab soalan pendaraban. Semua peserta kajian kecuali peserta kajian D menunjukkan semangat untuk bertanya cara penggunaan teknik *Fast & Furious Multiplication* dan juga menjawab soalan. Hal ini disebabkan peserta kajian D bersikap pemalu dan tidak berani untuk mengangkat tangan apabila menghadapi masalah. Murid malu bertanya kerana merasa rendah diri dan takut ditertawakan oleh rakan-rakan (Lim & Sheridean, 2016).

Kebanyakan peserta kajian boleh menumpukan perhatian di samping juga menunjukkan reaksi minat, yakin, seronok serta tidak sabar untuk menggunakan teknik *Fast & Furious Multiplication* dalam menjawab soalan.

Saya boleh merumuskan bahawa objektif penyelidikan tindakan ini berjaya memberi pengetahuan, pendedahan yang baharu dan minat kepada keempat-empat peserta kajian. Tujuan saya dalam membantu mereka mendapat jawapan yang betul boleh dikatakan tercapai. Penggunaan teknik & kaedah PdPc yang bersesuaian dapat menyelesaikan masalah dalam kalangan murid bagi mata pelajaran Matematik. (Mohamad Nurizwan, 2014)

## REFLEKSI

Dalam kajian ini, saya berperanan sebagai seorang penyelidik untuk meningkatkan amalan saya. Melalui penyelidikan tindakan, saya telah mengetahui kepentingan komunikasi dengan pelbagai pihak seperti Guru Besar, pensyarah, guru pembimbing dan murid. Cara berkomunikasi dengan pihak yang tertentu telah saya pelajari. Contohnya, saya mempelajari teknik untuk bergaul dengan murid yang lemah dalam Matematik. Saya menjadi lebih memahami pemikiran murid selepas berkomunikasi. Komunikasi berkesan dapat membawa kepada pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna (Norazuana, 2014).

Selain itu, penyelidikan tindakan ini telah menggalakkan saya dari segi pencungkilan idea baharu dalam usaha membantu murid-murid menguasai kemahiran operasi mendarab dengan lebih efektif. Saya mempelbagaikan kaedah pengajaran yang boleh memberi kesan positif kepada murid. Guru mesti menyesuaikan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran supaya objektif pengajaran dapat dicapai (Sapie, Mohamad, & Mohd Kamal, 2014). Maka, saya mempelajari untuk mengelak daripada membina ketakutan murid terhadap mata pelajaran Matematik.

Penyelidikan tindakan ini telah membantu saya dalam menambah baik amalan sendiri sebagai seorang guru Matematik. Melalui ini, saya menjadi seorang yang sentiasa mengimbas kembali untuk mengenal pasti permasalahan yang timbul, kemudian mencari ikhtiar untuk

mengatasi masalah. Refleksi memberi peluang kepada guru untuk berfikir dan membuat pengubahsuaian dengan berkesan (Then, 2013). Saya telah cuba teknik *Fast & Furious Multiplication* yang merupakan kaedah pertama kali saya aplikasikan. Saya menjadi berani mencuba kaedah baharu bagi membina kefahaman mereka.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Saya mendapati dua aspek dalam pelaksanaan teknik ini perlu ditambahbaikkan. Aspek pertama ialah dari segi binaan petak *lattice*. Saya bercadang bahawa petak bentuk lazim dengan petak *lattice* boleh digabung bersama untuk mendapat hasil darab. Gabungan petak berkemungkinan boleh mengurangkan perasaan leceh untuk melukis petak yang banyak.

Aspek yang terakhir ialah dari segi kualiti bahan bantu mengajar, saya berharap ia dapat diintegrasikan dengan penggunaan teknologi dalam PdP. Gambar dan bunyi boleh menarik perhatian murid. Pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan unsur-unsur hipermedia seperti animasi, bunyi, grafik, hiperteks, dan warna dapat menjadikan persembahan lebih menarik dan mampu menarik minat murid (Siti, Roslinda, Khodijah, & Nurul, 2018).

## RUJUKAN

- Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Diperoleh: [http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf)
- Lim, X. E., & Sheridean Zakaria. (2016). Meningkatkan Self-Esteem Murid Melalui Teknik Step By Step. 27-274. Diperoleh: <https://pdfs.semanticscholar.org/44a5/6705252bf4d3d33ad9166a39b402a6748590.pdf>
- Mohd Ismail Wahid, & Effandi Zakaria (2017). Penggunaan Kaedah Silang Untuk Meningkatkan Kemahiran Mendarab Bagi Tahun 4. Diperoleh: <https://docplayer.net/55709397-Penggunaan-kaedah-silang-untuk-meningkatkan-kemahiran-mendarab-bagi-tahun-4.html>
- Mohamad Nurizwan Jumiran (2014). Kesan Teknik "HunTTO SQUARE" Terhadap Pencapaian Pelajar Bagi Mata Pelajaran Matematik Di Sekolah Rendah. Diperoleh: [http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/7066/1/MOHAMAD\\_NURIZWAN\\_BIN\\_JUMIRAN\\_24.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/7066/1/MOHAMAD_NURIZWAN_BIN_JUMIRAN_24.pdf)
- Norazuana Sait (2014). Komunikasi Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik Sekolah Menengah. Diperoleh: <http://eprints.utm.my/id/eprint/42155/5/NorazuanaSaitMFP2014.pdf>
- Nur Aniza Elias, & Roslinda Rosli. (2016). Penggunaan Kaedah Titik Meningkatkan Penguasaan Murid Dalam Operasi Darab. 1129-1136. Diperoleh: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs/article/view/699/542>
- Rosinah Edinin (2012). *Penyelidikan tindakan kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, & Mohd Kamal, Din Nasirudin. (2014). Tahap Pelaksanaan Pendekatan, Strategi, Kaedah Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Latihan Mengajar Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pendidikan*, 88-97.
- Siti Zaharah Mohid, Roslinda Ramli, Khodijah Abdul Rahman, & Nurul Nadhirah Shahabudin (2018). Teknologi Multimedia Dalam Pendidikan Abad 21. Diperoleh: <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/IRMIC18-pendidikan-alaf-21-multimedia-Dr-Zaharah.pdf>
- Then Moli A/P Kanippan (2013). Kemahiran Dan Amalan Penulisan Refleksi Dalam Kalangan Guru Di Tiga Buah Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru. Diperoleh: <http://eprints.utm.my/id/eprint/41888/5/ThenMoliKanippanMFP2013.pdf>

## **BAHAN “CONVERTING HOUSE”: MENINGKATKAN PENGUASAAN MURID TAHUN EMPAT DALAM KEMAHIRAN PENOLAKAN MASA MELIBATKAN HARI DAN JAM**

**KELLY CHIA**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
kellychia1997@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kemahiran menolak dalam topik Masa dan Waktu merupakan suatu kemahiran yang baharu bagi murid-murid Tahun Empat. Kemahiran ini agak mencabar bagi murid-murid Tahun Empat kerana ia melibatkan penolakan antara dua unit masa yang berbeza. Kajian ini dilaksanakan untuk membantu murid-murid Tahun Empat agar menguasai kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit dengan menggunakan bahan “*Converting House*”. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Padawan. Sesi bimbingan telah dijalankan dalam tiga sesi pada waktu yang berbeza. Bahan “*Converting House*” yang digunakan direka dalam bentuk rumah. Terdapat simbol “+24” pada bumbung rumah, manakala dinding rumah dibahagikan kepada dua warna, di mana warna jingga menggambarkan unit hari dan warna biru menggambarkan unit jam. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual serta analisis dokumen. Sebelum pelaksanaan kajian ini, didapati tahap penguasaan murid dalam kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit amat lemah. Hasil analisis dapatan menunjukkan bahan “*Converting House*” boleh meningkatkan penguasaan murid terhadap kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit. Dua orang peserta kajian berjaya memperoleh skor sebanyak 100% dan seorang peserta kajian berjaya memperoleh skor sebanyak 83% dalam ujian selepas tindakan berbanding dengan ujian sebelum tindakan di mana ketiga-tiga peserta kajian telah mendapat skor 0%. Secara ringkasnya, bahan “*Converting House*” berjaya membantu murid meningkatkan penguasaan terhadap kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit.

Kata Kunci: Murid Tahun Empat, penolakan masa melibatkan hari dan jam, penukaran unit

### **ABSTRACT**

*Subtraction of time is a new skill to the Year Four pupils. This skill is quite challenging for Year Four pupils as it involves the subtraction of two different units of time. This study is carried out to help the Year 4 pupils to master the subtraction skill involving day and hour with conversion of units using Converting House. The sample consisted of three pupils from a National Type School in Padawan district. The interventions were conducted in three sessions at different time. Converting House is designed in the shape of house. There is a “+24” symbol on the roof of the house, the walls of the house are divided into two colours, with the orange colour representing day and the blue colour representing hour. Data were collected using observation, interviews and document analysis. Before the implementation, it was found that pupils' mastery of the subtraction skill involving day and hour with conversion of units was weak. After the implementation, the result shows that Converting House improves pupils' mastery of the subtraction skill involving day and hour with conversion of units. Two pupils scored 100% and one pupil scored 83% in the post-test compared to the pre-test which all the three pupils scored 0%. In short, Converting House helped pupils to improve their mastery of the subtraction skill involving day and hour with conversion of units.*

*Key Words: Year Four pupils, subtraction skill involving day and hour, conversion of units*

## PENGENALAN

Kemahiran menolak dalam topik Masa dan Waktu merupakan suatu kemahiran yang baharu bagi murid-murid Tahun Empat. Kemahiran ini agak mencabar bagi murid-murid Tahun Empat kerana ia melibatkan penolakan antara dua unit masa yang berbeza. Berdasarkan standard pembelajaran Matematik di Malaysia, murid-murid akan didedahkan dengan kemahiran menolak hingga tiga masa daripada satu masa melibatkan hari dan jam, minggu dan hari, serta tahun dan bulan, tanpa dan dengan penukaran unit semasa di Tahun Empat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Semasa menjalani Praktikum Fasa Dua di SJK Chung Hua Pangkalan Baru, saya telah mengajar kemahiran menolak hingga tiga masa daripada satu masa melibatkan hari dan jam tanpa dan dengan penukaran unit. Semasa menyemak hasil kerja murid-murid, saya mendapati segelintir murid tersilap menjawab soalan penolakan tiga masa daripada satu masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit. Setelah menyemak hasil kerja murid-murid, saya mendapati beberapa kesilapan yang dilakukan oleh murid-murid, seperti dalam Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3.


天 小时  
1 1  
- 3 5  
-----  
29

5  
24  
-----  
29

Rajah 1. Murid terus menuliskan hasil tambah "5+24" pada ruang jawapan tanpa menolak 8 jam

天 小时  
1 1  
- 1 1  
-----  
21


Rajah 2. Murid tidak menolak 1 pada unit hari apabila hari ditukar kepada jam




Rajah 3. Murid melakukan penolakan dengan konsep pengumpulan semula seperti untuk nombor bulat

Untuk mengenal pasti murid yang bermasalah dalam menjawab soalan penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit, saya membina satu ujian diagnostik yang mengandungi lima soalan. Saya telah memberikan ujian tersebut kepada tiga orang murid-murid yang banyak melakukan kesilapan dalam latihan pengukuhan yang lepas. Ketiga-tiga orang murid telah menjawab soalan keempat dan kelima dalam ujian diagnostik dengan salah. Soalan keempat dan kelima merupakan soalan penolakan dua masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit.

Untuk soalan keempat, Jun Hong dan Valerina (kedua-duanya bukan nama sebenar) tidak melakukan penukaran unit sedangkan 7 jam adalah tidak cukup untuk menolak 15 jam (Rajah 4 dan Rajah 5).



Rajah 4. Kesilapan Jun Hong dalam soalan keempat



Rajah 5. Kesilapan Valerina dalam soalan keempat



Selain itu, Valerina juga melakukan penolakan dengan konsep pengumpulan semula seperti untuk nombor bulat. Tetapi, dia telah melakukan kesilapan semasa menolak, iaitu "11-2=2", seperti dalam Rajah 9.

27 天 12 小时 - 19 天 21 小时 = 8 天 21 小时

天	小时
27	12
-19	21
8	21

Rajah 9. Kesilapan Valerina dalam soalan kelima.

Daripada hasil kerja murid-murid, dapat dirumuskan bahawa tiga orang murid tersebut belum menguasai kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit.

## FOKUS KAJIAN

Berdasarkan masalah yang dikenal pasti, kajian ini berfokus untuk meningkatkan penguasaan tiga orang murid-murid Tahun Empat di SJK Chung Hua Pangkalan Baru dalam kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- meningkatkan penguasaan tiga orang murid-murid Tahun Empat di SJK Chung Hua Pangkalan Baru dalam kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit dengan menggunakan bahan "*Converting House*".
- meningkatkan penguasaan tiga orang murid-murid Tahun Empat di SJK Chung Hua Pangkalan Baru dalam kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit tanpa menggunakan bahan "*Converting House*"

## PESERTA KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan tiga orang murid-murid Tahun Empat di SJK Chung Hua Pangkalan Baru yang dipilih berdasarkan pencapaian mereka dalam ujian diagnostik.

Jun Hong adalah seorang murid lelaki yang kurang yakin dan memerlukan masa lebih untuk menguasai sesuatu kemahiran yang diajarkan. Dia mempunyai prestasi yang agak lemah dalam semua subjek. Namun begitu, dia aktif bertanya soalan apabila menghadapi sebarang masalah semasa menjawab latihan yang diberikan.

Miena adalah seorang murid perempuan yang jarang bercakap dalam kelas saya. Dia mudah berasa malu apabila bercakap dengan saya. Dia juga mempunyai prestasi yang agak lemah dalam semua subjek. Tetapi, dia merupakan seorang yang rajin dan selalu menghantar kerja rumah yang saya berikan.


Valerina adalah seorang murid perempuan yang kurang memberikan perhatian dan suka bersembang dengan rakan yang duduk bersebelahan semasa PdP dijalankan. Dia mempunyai prestasi yang agak lemah dalam semua subjek, kecuali subjek Bahasa Melayu.



## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pertama sekali, saya telah membina satu ujian sebelum tindakan untuk menentukan tahap penguasaan tiga orang peserta kajian sebelum bahan "*Converting House*" digunakan. Ujian sebelum tindakan yang dibina mengandungi empat soalan penolakan dua masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit. Saya telah memberikan ujian sebelum tindakan tersebut kepada peserta kajian pada 16 Julai 2019.

Pada keesokan hari, saya telah memperkenalkan bahan "*Converting House*" kepada peserta kajian. Sesi bimbingan telah dijalankan dalam tiga sesi pada waktu yang berbeza. Pada mulanya, saya menerangkan cara penggunaan bahan "*Converting House*". Kemudian, saya memulakan sesi bimbingan 1 dengan membimbing peserta kajian untuk menjawab tiga soalan latihan penolakan dua masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit dengan menggunakan bahan "*Converting House*" (Rajah 10 dan Rajah 11). Kaedah "*Converting House*" telah disediakan secara grafik pada latihan yang diberikan.




Rajah 10. Bahan "*Converting House*"



Rajah 11. Sesi bimbingan 1

Pada 18 Julai 2019, saya turut mengadakan sesi bimbingan 2 dan sesi bimbingan 3. Sesi bimbingan 2 dijalankan pada waktu rehat. Pada sesi bimbingan 2, saya hanya menyediakan petak-petak berwarna yang mirip bahan "*Converting House*" (Rajah 12) untuk peserta kajian. Mereka dibimbing untuk menyelesaikan tiga soalan latihan penolakan dua masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit dengan menggunakan petak-petak berwarna tersebut, seperti dalam Rajah 13.




Rajah 12. Petak-petak berwarna yang mirip bahan “Converting House”



Rajah 13. Sesi bimbingan 2

Manakala, sesi bimbingan 3 dijalankan pada waktu petang. Pada sesi bimbingan 3 pula, peserta kajian dibimbing untuk menyelesaikan empat soalan latihan penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit pada ruangan kosong yang disediakan tanpa merujuk kepada bahan “*Converting House*”, seperti dalam Rajah 14. Saya telah memberi satu soalan penolakan hingga tiga masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit pada akhir sesi bimbingan 3.



Rajah 14. Sesi bimbingan 3

Selepas ketiga-tiga sesi bimbingan dijalankan, saya membina ujian selepas tindakan untuk menentukan tahap penguasaan peserta kajian selepas bahan “*Converting House*” digunakan. Ujian selepas tindakan yang dibina adalah serupa dengan ujian sebelum tindakan, tetapi dua soalan yang melibatkan penolakan hingga tiga masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit telah ditambah pada ujian selepas tindakan. Pada 19 Julai 2019, saya

memberikan ujian tersebut kepada tiga orang peserta kajian. Semasa menjawab ujian selepas tindakan, peserta kajian tidak dibenarkan untuk menggunakan bahan “*Converting House*”.

Sepanjang pelaksanaan kajian ini, saya telah menggunakan kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual untuk mengumpul dan menganalisis data. Dokumen yang dianalisis termasuklah ujian sebelum tindakan, latihan dalam sesi bimbingan dan ujian selepas tindakan. Daripada dokumen tersebut, saya telah memperoleh data seperti langkah penyelesaian, ketepatan jawapan dan skor peserta kajian.

Selain itu, saya menggunakan pemerhatian turut serta untuk memerhatikan aspek-aspek seperti penglibatan, emosi dan turutan langkah penyelesaian peserta kajian dalam latihan dan ujian. Saya turut mencatat hasil pemerhatian saya dalam bentuk nota lapangan. Semasa menganalisis nota lapangan, kaedah analisis kandungan secara deskriptif digunakan untuk mengenal pasti dan menjelaskan isi penting (Chow & Jaizah Mahamud, 2011).

Di samping itu, saya telah menggunakan temu bual separa struktur untuk menemu bual tiga orang peserta kajian, di mana saya hanya menyediakan soalan utama (Rajah 15). Soalan-soalan berikutnya dikemukakan berdasarkan maklumat yang diberi oleh peserta kajian. Saya telah mencatatkan hasil temu bual dalam bentuk transkrip. Semasa menganalisis transkrip temu bual, saya menggunakan kaedah analisis bertema dengan menyemak perkara yang diulangi kerana ia merupakan cara analisis yang paling mudah dan lebih ringkas (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

1. Apakah perasaan anda semasa melihat bahan “*Converting House*”?
2. Sukakah anda menggunakan bahan “*Converting House*”?
3. Bagaimanakah bahan “*Converting House*” membantu anda dalam menjawab soalan penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit?

Rajah 15. Soalan-soalan temu bual

## DAPATAN KAJIAN

Saya telah merumuskan skor peserta kajian dalam ujian sebelum tindakan, latihan dalam sesi bimbingan dan ujian selepas tindakan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Jadual Pencapaian Peserta Kajian dalam Ujian Sebelum Tindakan, Latihan dalam Sesi Bimbingan dan Ujian Selepas Tindakan

Nama Peserta Kajian	Skor (%)				
	Ujian Sebelum Tindakan	Latihan Sesi Bimbingan 1	Latihan Sesi Bimbingan 2	Latihan Sesi Bimbingan 3	Ujian Selepas Tindakan
Jun Hong	0	100	100	100	83
Miena	0	100	100	100	100
Valerina	0	100	100	100	100


Peserta kajian telah menggunakan bahan “*Converting House*” semasa menjawab latihan dalam sesi bimbingan 1 dan latihan dalam sesi bimbingan 2. Berdasarkan Jadual 1, dalam kedua-dua latihan tersebut, Jun Hong, Miena dan Valerina telah menunjukkan prestasi yang amat cemerlang di mana mereka boleh menjawab semua soalan secara tepat dengan menggunakan bahan “*Converting House*”. Ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan “*Converting House*” telah berjaya meningkatkan penguasaan peserta kajian dalam kemahiran penolakan masa yang melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit.

Selain itu, skor ujian sebelum tindakan telah dibandingkan dengan skor latihan sesi bimbingan 3 dan skor ujian selepas tindakan kerana peserta kajian tidak menggunakan bahan “*Converting House*” dalam ketiga-tiga sesi tersebut. Berdasarkan Jadual 1, Jun Hong yang gagal menjawab ujian sebelum tindakan telah menunjukkan peningkatan dalam skor latihan


sesi bimbingan 3 dan ujian selepas tindakan. Dia telah mencapai 100% dalam latihan sesi bimbingan 3 dan 83% dalam ujian selepas tindakan. Satu soalan tambahan yang melibatkan penolakan tiga masa telah gagal dijawab oleh Jun Hong dalam ujian selepas tindakan. Ini menggambarkan bahawa pendedahan bahan “*Converting House*” telah meningkatkan penguasaan Jun Hong dalam kemahiran penolakan dua masa yang melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit walaupun tanpa penggunaan bahan “*Converting House*”. Manakala untuk kemahiran penolakan tiga masa yang melibatkan hari dan jam, penguasaan Jun Hong masih boleh dimantapkan lagi.

Seterusnya, Miena dan Valerina pula menunjukkan peningkatan yang sangat ketara dalam latihan sesi bimbingan 3 dan ujian selepas tindakan jika dibandingkan dengan ujian sebelum tindakan. Mereka telah mencapai 100% dalam latihan sesi bimbingan 3 dan ujian selepas tindakan. Ini telah mencerminkan bahawa peserta kajian boleh menguasai kemahiran penolakan hingga tiga masa yang melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit tanpa penggunaan bahan “*Converting House*”.


Di samping itu, hasil penulisan langkah penyelesaian peserta kajian dalam ujian selepas tindakan telah ditelitikan dan dibandingkan dengan ujian sebelum tindakan (Rajah 16, Rajah 17 dan Rajah 18). Daripada penulisan langkah penyelesaian peserta kajian, saya mendapati peserta kajian tidak lagi terus menolak bermula dari nilai tempat sa pada unit jam, tetapi mereka telah boleh melihat unit jam sebagai satu keseluruhan. Mereka telah mengaplikasikan kaedah yang dipelajari daripada bahan “*Converting House*” untuk menjawab soalan-soalan dalam ujian selepas tindakan.



Rajah 16. Perbandingan langkah penyelesaian Valerina



Rajah 17. Perbandingan langkah penyelesaian Miena



Rajah 18. Perbandingan langkah penyelesaian Jun Hong

Selain itu, melalui pemerhatian, saya dapat melihat peserta kajian menunjukkan reaksi yang positif dan kelihatan teruja semasa didedahkan dengan bahan "*Converting House*" (Nota lapangan, 17/7/2019). Semasa sesi bimbingan 1 dijalankan, saya dapat memerhatikan Miena bersifat lebih aktif. Setelah dia memahami penggunaan bahan "*Converting House*", dia sanggup membimbing Jun Hong untuk menggunakan bahan "*Converting House*" (Nota lapangan, 17/7/2019). Semasa sesi bimbingan 2 dijalankan, Valerina yang sebelum ini mudah hilang tumpuan menjadi lebih aktif dalam menjawab soalan dan bersemangat untuk membuat latihan yang diberikan (Nota lapangan, 18/7/2019). Semasa dalam sesi bimbingan 3, Jun Hong telah berubah menjadi lebih yakin dan tidak memerlukan banyak bimbingan daripada saya (Nota lapangan, 18/7/2019).

Seterusnya, menerusi temu bual yang dijalankan, saya telah mendapati bahawa peserta kajian suka menggunakan bahan "*Converting House*" dan bersetuju bahawa bahan "*Converting House*" dapat membantu mereka dalam menjawab soalan penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit (Temu bual, 23/7/2019).

Apabila soalan dilanjutkan kepada pertanyaan sebab-sebab peserta kajian suka akan penggunaan bahan "*Converting House*", Miena dan Jun Hong telah mengatakan bahawa bahan "*Converting House*" amat mudah digunakan. Sesi pembelajaran yang dikendalikan juga lebih menyeronokkan dengan penggunaan bahan "*Converting House*". Valerina pula tertarik dengan warna yang terdapat pada bahan "*Converting House*" (Temu bual, 23/7/2019).

Seterusnya, apabila soalan dilanjutkan kepada bagaimana bahan "*Converting House*" membantu mereka dalam menjawab soalan penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit, Miena dan Valerina mengatakan bahawa mereka telah mempelajari untuk menulis langkah penyelesaian secara sistematik dan teratur pada ruang yang disediakan pada bahan "*Converting House*". Jun Hong pula mengatakan bahawa dia mudah ingat untuk +24 pada ruang jam apabila perlu menukarkan 1 hari kepada jam (Temu bual, 23/7/2019).

## REFLEKSI

Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan bahan "*Converting House*" telah berjaya meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran penolakan masa yang melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit. Dapatan ini turut menyokong kajian Mohd Rino Mohd Johari (2019) yang mengatakan bahawa penggunaan gambar atau imej yang berwarna dapat meningkatkan pemahaman murid dan menyenangkan proses penyimpanan maklumat dalam minda mereka. Selain itu, melalui pemerhatian, peserta kajian menunjukkan reaksi yang positif dan kelihatan teruja semasa didedahkan dengan bahan "*Converting House*". Hasil pemerhatian ini juga menyokong kajian Lu (2012) yang mendapati bahawa penggunaan bahan konkrit dapat menarik minat murid-murid untuk belajar.

Melalui pelaksanaan kajian tindakan ini, saya telah mempelajari bahawa setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan memerlukan strategi pembelajaran yang berbeza. Oleh itu, guru perlu memahami perbezaan setiap murid serta memilih kaedah dan aktiviti pengajaran yang sesuai untuk menjamin keberkesanan pembelajaran. Pandangan saya ini turut seiring dengan pandangan Yusfazila Mohd Yusof & Effandi Zakaria (2018) yang mengatakan bahawa sekiranya proses pembelajaran yang dijalankan sepadan dan sesuai dengan gaya pembelajaran murid, murid-murid dapat belajar dengan lebih mudah dan efektif.

Apabila saya membuat refleksi terhadap pelaksanaan kajian, saya menyedari bahawa saya telah memisahkan tanggungjawab saya sebagai seorang guru dengan peranan saya sebagai seorang penyelidik semasa menjalankan kajian. Saya sepatutnya perlu membetulkan kesilapan Jun Hong dalam ujian selepas tindakan. Saya tidak sepatutnya hanya memberi fokus kepada hasil dapatan kajian, tetapi perlu juga memberi perhatian kepada pembelajaran murid saya.

Dalam proses menyiapkan kajian tindakan ini, saya telah menghadapi batasan masa kerana murid-murid akan mempelajari kemahiran penolakan masa yang melibatkan minggu dan hari pada minggu yang akan datang. Jika murid-murid belum menguasai kemahiran penolakan masa yang melibatkan hari dan jam, nescaya mereka sukar untuk menguasai kemahiran penolakan masa yang melibatkan minggu dan hari. Untuk mengatasi batasan

masa, saya telah melaksanakan kajian ini dalam tempoh seminggu atas usaha mencari masa terluang untuk melaksanakan kajian. Hal ini turut menyedarkan saya bahawa saya harus sentiasa mencari inisiatif untuk menyelesaikan apa-apa jua masalah atau batasan yang dihadapi semasa saya menjadi guru di sekolah kelak.

Sepanjang melaksanakan kajian tindakan ini, saya telah mendapati beberapa kelemahan yang boleh ditambahbaik. Pertama sekali, saya boleh memberikan latihan lanjutan kepada peserta kajian seminggu selepas ujian selepas tindakan dijalankan untuk dijadikan kayu pengukur tambahan kepada sejauh mana penguasaan peserta kajian terhadap kemahiran penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit.

Di samping itu, bahan "*Converting House*" juga boleh dilanjutkan ke unit yang lain. Sebagai contoh, bahan "*Converting House*" juga boleh digunakan untuk mengajar kemahiran penolakan ukuran panjang melibatkan meter dan sentimeter dengan penukaran unit. Seterusnya, simbol "+24" turut ditukar kepada simbol "+100". Bahan "*Converting House*" yang telah dimurnikan boleh dimuat naik ke laman web. Dengan ini, guru-guru matematik lain di seluruh Malaysia dapat memperoleh dan menggunakan bahan "*Converting House*" untuk membantu murid-murid mereka yang menghadapi masalah yang serupa dengan kajian saya.

Kesimpulannya, kajian ini telah melatih saya ke arah kemenjadian guru yang lebih holistik. Model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart telah dijadikan panduan sepanjang pelaksanaan kajian ini, di mana kajian ini dimulai dengan peringkat "Refleksi", diikuti dengan peringkat "Perancangan" dan peringkat "Pelaksanaan", kemudiannya diakhiri dengan peringkat "Pemerhatian" (Faizah Abd Majid, 2016). Namun begitu, saya hanya melaksanakan kajian tindakan ini dalam satu kitaran sahaja kerana peserta kajian menunjukkan peningkatan yang amat baik dalam sesi bimbingan dan ujian selepas tindakan. Peserta kajian bukan sahaja telah menunjukkan peningkatan semasa menggunakan bahan "*Converting House*", malah mereka juga dapat menjawab soalan penolakan masa melibatkan hari dan jam dengan penukaran unit secara tepat tanpa penggunaan bahan "*Converting House*".

## RUJUKAN

- Chow, F. M., & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong, Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Faizah Abd Majid. (2016). Kajian tindakan dan pembangunan profesional guru-guru di Malaysia: Cabaran dan strategi. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan*, 1-17.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Analisis data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 3 2012*, 1-11.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Empat*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lu, W. W. (2012). Kesan penggunaan bahan bantu mengajar visual dalam pengajaran subjek Sains Tahun Tiga. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP SN amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 87-101.
- Mohd Rino Mohd Johari. (2019). Keberkesanan penggunaan I-KOAM dalam Matematik dan impak terhadap tingkahlaku introvert murid pemulihan khas. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan*, 91-99.
- Yusfazila Mohd Yusof & Effandi Zakaria . (2018). Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik pelajar sekolah rendah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, 1-10.

## **PENGUNAAN BAHAN “TITIK MASA” UNTUK MEMBANTU MURID TAHUN LIMA MENGUASAI KEMAHIRAN PENUKARAN UNIT MASA**

**LEE SIU DEE**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
leesiudee@gmail.com

### **ABSTRAK**

Semasa menjalankan praktikum di SJK Chung Hua Asajaya, saya mendapati bahawa terdapat empat orang murid Tahun Lima yang lemah dalam menguasai konsep penukaran unit masa melibatkan unit abad, dekad dan tahun. Oleh itu, kajian tindakan ini dilaksanakan untuk membantu empat orang murid Tahun Lima berkenaan dalam menguasai kemahiran penukaran unit masa melibatkan unit abad, dekad dan tahun berpandukan kepada penggunaan bahan konkrit iaitu “Titik Masa”. Bahan ini dibina berasaskan kaedah peralihan titik perpuluhan yang telah dikuasai oleh murid dalam pendaraban dan pembahagian sebelum ini. Justeru, “Titik Masa” dapat bertindak sebagai alat pemudahcaraan untuk membantu murid memahami dan menguasai konsep penukaran unit masa berkenaan secara konkrit. Sepanjang pelaksanaan kajian ini, kaedah pengumpulan data yang telah saya gunakan ialah kaedah analisis dokumen seperti hasil kerja murid, pemerhatian dan temu bual. Dengan penggunaan pelbagai kaedah, saya dapat menganalisis data daripada pelbagai sumber yang boleh menunjukkan kesan tindakan saya. Terdapat kesan positif terhadap murid-murid dalam menguasai kemahiran penukaran unit masa selepas penggunaan bahan “Titik Masa”. Implikasi yang paling jelas dilihat melalui hasil dapatan kajian ini ialah keempat-empat orang murid tersebut berjaya meningkatkan pencapaian mereka pada skor yang cemerlang dalam ujian selepas intervensi dan ujian tambahan. Justeru, kajian ini telah menggambarkan bahawa bahan “Titik Masa” dapat membantu murid Tahun Lima dalam menguasai kemahiran penukaran unit masa melibatkan unit abad, dekad dan tahun.

Kata kunci: penukaran unit masa, abad, dekad dan tahun

### **ABSTRACT**

*During my practicum at SJK Chung Hua Asajaya, I found that there were four Year Five pupils who cannot master the concept related to conversion in the units of time involving centuries, decades and years. The purpose of this action research was to help these four Year Five pupils in mastering the concept related to conversion in the units of time involving centuries, decades and years based on the use of concrete material, named "Titik Masa". This material is based on the technique of moving decimal point that have been mastered by pupils in multiplication and division. In this research, I used document analysis such as pupils' work, observations and interviews to collect the relevant data. Using these methods, I can analyze the data from various sources to show the effects of my action. "Titik Masa" had a positive effect on the pupils in mastering the skill of conversion between the three units of time. The implication of the results in this research is that all four pupils improved their performance and obtained excellent scores in post-intervention test and additional test. Thus, "Titik Masa" can help the four Year Five pupils in mastering the time unit conversion that involving units centuries, decades and years.*

*Key words: time unit conversion, century, decade and year*



## PENGENALAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan di SJK Chung Hua Asajaya bersama dengan empat orang murid Tahun Lima untuk meningkatkan penguasaan kemahiran penukaran unit masa melibatkan abad, dekad dan tahun dalam topik Masa dan Waktu. Di samping itu, saya juga mampu meningkatkan kemahiran saya dalam merancang dan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui kajian tindakan ini.

## MASALAH PdP

Semasa saya mengajar tentang hubungan antara unit tahun, dekad dan abad kepada murid-murid Tahun Lima, saya mendapati bahawa terdapat murid yang tidak dapat menguasai kemahiran penukaran unit masa tersebut. Hal ini ditemui ketika saya menyemak hasil kerja murid dalam buku latihan mereka. Mereka keliru dan memberi jawapan yang salah dalam latihan berkenaan (Rajah 1).

The image shows three sections of handwritten student work in Chinese, illustrating common errors in unit conversion:

- Section 1:** Two problems. Problem 1: "6 个世纪 3 年" (6 centuries 3 years) is incorrectly converted to "600 个年代 3 年" (600 decades 3 years) and then to "603 年" (603 years). Problem 2: "280 年" (280 years) is incorrectly converted to "200 个世纪 80 年" (200 centuries 80 years) and then to "100 年" (100 years), with a note "一个世纪 = 100 年" (1 century = 100 years).
- Section 2:** A section titled "真一填。" (Fill in the blank). Problem 1: "37 年" (37 years) is incorrectly converted to "30 个年代 7 年" (30 decades 7 years) and then to "307 年" (307 years). Problem 2: "4 个年代 2 年" (4 decades 2 years) is incorrectly converted to "402 年" (402 years).
- Section 3:** A section titled "圈出正确的答案。" (Circle the correct answer). Problem 1: "3 个世纪 =" (3 centuries =) with options A 30 年, B 300 年, C 3 000 年, D 30 000 年. Option A is circled. Problem 2: "3 个世纪 69 年 =" (3 centuries 69 years =) with options A 3 690, B 3 069, C 396, D 369. Option D is circled.

Rajah 1. Contoh hasil kerja murid dalam buku latihan.

Untuk membantu murid-murid berkenaan, saya telah berbincang dengan guru pembimbing saya tentang cara yang lebih sesuai digunakan dalam penukaran unit. Beliau mencadangkan untuk menggunakan cara pengalihan titik perpuluhan kerana murid telah mahir menggunakan cara ini dalam topik darab dan bahagi sebelum ini. Beliau juga menggalakkan saya untuk mengajar kemahiran penukaran unit secara berperingkat seperti daripada yang mudah kepada yang sukar supaya murid dapat menguasai konsep tersebut dalam masa yang mencukupi.

Justeru, saya menguji tahap penguasaan murid dalam topik ini melalui ujian diagnostik. Dalam hasil kerja tersebut, saya mendapati bahawa murid pertama Sze Nee (bukan nama sebenar) beranggapan bahawa satu dekad adalah bersamaan dengan 100 abad dalam ujian ini (Rajah 2).



填一填。

1. 8 个年代 =  $\frac{88}{\text{年代}}$  年

$$\begin{array}{r} 8 \\ \times 10 \\ \hline 80 \\ + 8 \\ \hline 88 \end{array}$$

2. 10 个年代 5 年 =  $\frac{155}{\text{年代}}$  年

$$\begin{array}{r} 10 \quad 5 \\ \times \quad 10 \\ \hline 0 \quad 05 \\ + 10 \quad 50 \\ \hline 105 \end{array}$$

3. 82 年 =  $\frac{82}{\text{年代}}$  个年代  $\frac{820}{\text{年代}}$  年

$$\begin{array}{r} 82 \\ \times 10 \\ \hline 00 \\ + 820 \\ \hline 820 \end{array}$$

4. 21 个世纪 =  $\frac{210}{\text{世纪}}$  年

5. 1000 年 =  $\frac{10000}{\text{世纪}}$  个世纪

$$\begin{array}{r} 1000 \\ \times 10 \\ \hline 0000 \\ + 10000 \\ \hline 10000 \end{array}$$

Rajah 2. Hasil kerja Sze Nee dalam ujian diagnostik.

Murid kedua Masha (bukan nama sebenar) mempunyai tanggapan salah tentang nilai bagi tiga unit masa tersebut adalah sama. Misalnya, dia menambah 10 dekad dengan 5 tahun untuk mendapat jawapan yang salah iaitu 15 tahun seperti yang dinyatakan dalam Rajah 3.

Murid ketiga Sara (bukan nama sebenar) mempunyai miskonsepsi bahawa hanya pendaraban digunakan dalam penukaran unit masa. Hal ini kerana dia hanya menggunakan operasi pendaraban dalam menjawab semua soalan tersebut (Rajah 4).

2. 10 个年代 5 年 = 15 年  $\begin{array}{r} 10 \\ + 5 \\ \hline = 15 \end{array}$

3. 82 年 = 80 个年代 2 年  $\begin{array}{r} 80 \\ + 2 \\ \hline = 82 \end{array}$

4. 21 个世纪 = 210 年  $\begin{array}{r} 21 \\ \times 100 \\ \hline = 2100 \\ \hline = 210 \end{array}$

6. 250 年 = 200 个世纪 50 年  $\begin{array}{r} 200 \\ + 50 \\ \hline = 250 \end{array}$

7. 8 个世纪 = 80 个年代  $\begin{array}{r} 8 \\ \times 10 \\ \hline = 80 \end{array}$

8. 40 个世纪 = 4 个年代  $\begin{array}{r} 40 \\ \div 10 \\ \hline = 4 \end{array}$

Rajah 3. Hasil kerja Masha dalam ujian diagnostik

3. 82 年 = 90 个年代 2 年  $\begin{array}{r} 82 \\ \times 109 \\ \hline 182 \\ 820 \\ \hline 902 \end{array}$

4. 21 个世纪 = 21000 年  $\begin{array}{r} 1000 \\ \times 21 \\ \hline 1000 \\ 21000 \\ \hline 21000 \end{array}$

6. 250 年 = 27 个世纪 50 年  $\begin{array}{r} 150 \\ \times 12 \\ \hline 156 \\ 12500 \\ \hline 2750 \end{array}$

7. 8 个世纪 = 800 个年代  $\begin{array}{r} 100 \\ \times 8 \\ \hline 800 \end{array}$


Rajah 4. Hasil kerja Sara dalam ujian diagnostik

Murid keempat Syafira (bukan nama sebenar) boleh mengaplikasikan cara peralihan titik perpuluhan dengan baik. Namun banyak jawapan yang diberikannya adalah salah disebabkan oleh kelemahan penguasaan kemahiran penukaran unit masa (Rajah 5).

Didapati bahawa mereka belum menguasai konsep penukaran unit masa sepenuhnya. Oleh itu, saya menggunakan cara pengalihan titik perpuluhan dalam penukaran unit masa kerana cara ini adalah lebih memudahkan mereka menguasai kemahiran tersebut sebab hubungan antara tiga unit masa tersebut adalah berasaskan gandaan 10.

Dengan ini, objektif kajian adalah untuk:

- meningkatkan penguasaan kemahiran empat orang murid Tahun Lima di SJK Chung Hua Asajaya dalam penukaran unit masa melibatkan tahun, dekad dan abad dengan menggunakan bahan "Titik Masa".
- meningkatkan penguasaan kemahiran empat orang murid Tahun Lima di SJK Chung Hua Asajaya dalam penukaran unit masa melibatkan tahun, dekad dan abad tanpa menggunakan bahan "Titik Masa".



Rajah 5. Hasil kerja Syafira dalam ujian diagnostik

## TINDAKAN

Ujian sebelum intervensi yang dijalankan telah menunjukkan bahawa murid-murid tersebut memang menghadapi masalah kekeliruan dalam penukaran unit masa. Justeru, saya telah membina bahan "Titik Masa" yang berunsurkan kemahiran peralihan titik perpuluhan. Murid dapat melihat proses mengalihkan "titik" secara konkrit untuk penukaran unit masa ketika menggerakkan papan pada bahan ini. Dengan ini, tahap pemahaman murid tentang penukaran unit masa mampu ditingkatkan.

Kemudian, saya menjalankan empat sesi bimbingan yang berpandukan bahan "Titik Masa". Kemahiran penukaran unit masa ini dibahagikan kepada empat peringkat daripada mudah kepada sukar, iaitu penukaran unit antara dekad dan tahun, penukaran unit antara abad dan tahun, sesi ulangkaji dan penukaran unit antara abad dan dekad. Bagi meningkatkan penguasaan murid secara efektif, saya membimbing mereka untuk menggunakan bahan "Titik Masa" bagi menjawab soalan. Hal ini kerana aktiviti yang melibatkan murid secara langsung atau aktiviti *hands on* dapat membantu murid-murid untuk mengingatkan sesuatu konsep dengan lebih mudah (Wong, Mohamad Isa Azis, & Rafidah Ruhani, 2016).





Seterusnya, ujian selepas intervensi telah dijalankan untuk mengesan perubahan pada penguasaan murid dalam penukaran unit masa tersebut tanpa menggunakan bahan "Titik Masa". Namun, saya kurang berpuas hati terhadap pencapaian mereka dalam ujian selepas intervensi ini. Justeru, ujian tambahan dijalankan untuk melihat pengaruh tindakan saya terhadap penguasaan murid dalam kemahiran penukaran unit masa.

Kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temubual telah saya gunakan untuk melihat perkembangan pencapaian murid dalam topik ini. Antaranya dokumen ialah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada (Lee, Zakri Abdullah, & Chua, 2018). Menurut Kidder (1981) dalam Othman Lebar (2011), pemerhatian dianggap sebagai alat kajian apabila digunakan untuk mencapai tujuan kajian, dirancang dengan rapi, direkod secara sistematik serta diperiksa dan dikawal kesahan dan kebolehpercayaannya. Saya boleh mengumpulkan dan menganalisis maklumat data

berkaitan melalui tingkah laku murid. Melalui temu bual, saya boleh meneroka maklumat secara mendalam kerana temu bual adalah suatu teknik yang amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapatnya (Chow & Jaizah Mahamud, 2011).

## KESAN TINDAKAN

Dalam keputusan ujian diagnostik, didapati bahawa empat orang murid tersebut mempunyai tanggapan yang salah terhadap konsep penukaran unit masa melibatkan abad, dekad dan tahun. Situasi yang sama juga berlaku dalam hasil kerja mereka bagi ujian sebelum intervensi. Misalnya, Sze Nee beranggapan bahawa nilai unit tahun adalah lebih besar daripada nilai unit abad; Syafira beranggapan bahawa nilai unit dekad adalah sama dengan nilai unit tahun; Masha beranggapan bahawa nilai abad adalah sama dengan nilai unit tahun manakala Sara pula hanya beranggapan bahawa hanya operasi pendaraban digunakan dalam penukaran semua unit masa.

	
<p>Hasil kerja Sze Nee</p>	<p>Hasil kerja Syafira</p>
	
<p>Hasil kerja Masha</p>	<p>Hasil kerja Sara</p>

Rajah 6. Contoh hasil kerja murid dalam ujian sebelum intervensi.

Oleh itu, bahan “Titik Masa” yang berasaskan kaedah peralihan titik perpuluhan digunakan dalam empat sesi bimbingan kerana murid juga berpendapat bahawa kaedah peralihan titik perpuluhan ini adalah lebih mudah digunakan. Hal ini telah dicatatkan dalam transkrip temu bual seperti berikut.

Saya	:	Em. Cara paling senang tu mana satu?
(Semua)	:	Yang menolak titik tu.
Saya	:	Jadi, anda nak guna cara ini (pengalihan titik) tak?
(Semua)	:	Ya... (menggangguk kepala)

Rajah 7. Sebahagian transkrip temu bual yang dipetik daripada Lampiran O

Sesi bimbingan pertama berfokus kepada kemahiran penukaran unit antara dekad dan tahun; sesi bimbingan kedua berfokus kepada kemahiran penukaran unit antara abad dan tahun; sesi bimbingan ketiga merupakan sesi ulangkaji bagi sesi bimbingan pertama dan kedua manakala sesi bimbingan keempat pula berfokus kepada kemahiran penukaran unit antara abad dan dekad. Dalam sesi bimbingan pertama, kedua dan ketiga, murid mampu

menjawab semua soalan tentang penukaran unit antara dekad dan tahun serta penukaran unit abad dan tahun dengan tepat berpandukan kepada penggunaan bahan "Titik Masa". Berikut merupakan hasil kerja empat orang murid berkenaan dalam tiga sesi bimbingan tersebut.

<p>2. 3个年代7年 = <u>37</u> 年 ✓</p> $\begin{array}{r} 30 \\ + 7 \\ \hline 37 \end{array}$ <p>4. 72年 = <u>1</u> 个年代 <u>2</u> 年 ✓</p>	<p>填一填。</p> <p>一个年代 = 10年 ✓ 二个年代 = 20年 ✓</p> <p>1. 2个年代 = <u>20</u> 年 ✓</p> <p>3个年代7年 = <u>37</u> 年 ✓</p> $\begin{array}{r} 30 \\ + 7 \\ \hline 37 \end{array}$ <p>2. 3个年代7年 = <u>37</u> 年 ✓</p>
<p>Hasil kerja Sze Nee</p>	<p>Hasil kerja Masha</p>
<p>2. 3个年代7年 = <u>37</u> 年 ✓</p> $\begin{array}{r} 30 \\ + 7 \\ \hline 37 \end{array}$ <p>3. 90年 = <u>9</u> 个年代 ✓</p> $\begin{array}{r} 9 \\ 10 \overline{)90} \\ \underline{90} \end{array}$	<p>2. 3个年代7年 = <u>37</u> 年 ✓</p> $\begin{array}{r} 30 \\ + 7 \\ \hline 37 \end{array}$ <p>3个年代 = 30年</p> <p>3. 90年 = <u>9</u> 个年代 ✓</p>
<p>Hasil kerja Sara</p>	<p>Hasil kerja Syafira</p>

Rajah 8. Contoh hasil kerja murid dalam sesi bimbingan pertama.

<p>2. 5个世纪8年 = <u>508</u> 年 ✓</p> $\begin{array}{r} 500 \\ + 8 \\ \hline 508 \end{array}$ <p>3. 800年 = <u>8</u> 个世纪 ✓</p> $\begin{array}{r} 8 \\ \div 100 \end{array}$	<p>2. 5个世纪8年 = <u>508</u> 年 ✓</p> $\begin{array}{r} 500 \\ + 8 \\ \hline 508 \end{array}$ <p>3. 800年 = <u>8</u> 个世纪 ✓</p> <p>800年 = <u>8</u> 个世纪</p>
<p>Hasil kerja Sze Nee</p>	<p>Hasil kerja Masha</p>
<p>2. 5个世纪8年 = <u>508</u> 年 ✓</p> $\begin{array}{r} 500 \text{ 年} \\ + 8 \text{ 年} \\ \hline 508 \text{ 年} \end{array}$ <p>4. 273年 = <u>2</u> 个世纪 <u>73</u> 年 ✓</p> <p>= 2.73</p>	<p>2. 5个世纪8年 = <u>508</u> 年 ✓</p> <p>5个世纪 = 500年 ✓</p> $\begin{array}{r} 500 \\ + 8 \\ \hline 508 \end{array}$ <p>4. 273年 = <u>2</u> 个世纪 <u>73</u> 年 ✓</p> <p>273年 ÷ 100</p>
<p>Hasil kerja Sara</p>	<p>Hasil kerja Syafira</p>

Rajah 9. Contoh hasil kerja murid dalam sesi bimbingan kedua




<p>3. 48年 = <u>4</u> 个年代 <u>8</u> 年 ✓</p> <p>4. 9个世纪 = <u>900</u> 年 ✓</p>	<p>2. 5个年代6年 = <u>56</u> 年 ✓</p> $\begin{array}{r} 50 \\ + 6 \\ \hline 56 \end{array}$ <p>5. 700年 = <u>7</u> 个世纪 ✓</p> <p>700年 ✓</p>
<p>Hasil kerja Sze Nee</p>	<p>Hasil kerja Masha</p>
<p>3. 48年 = <u>4</u> 个年代 <u>8</u> 年 ✓</p> <p>4. 9个世纪 = <u>900</u> 年 ✓</p>	<p>3. 48年 = <u>4</u> 个年代 <u>8</u> 年 ✓</p> $48 \div 100$ <p>5. 700年 = <u>7</u> 个世纪 ✓</p> $700 \div 100$ <p>1个世纪 = 100年 7个世纪 = 700年 ✓</p>
<p>Hasil kerja Sara</p>	<p>Hasil kerja Syafira</p>

Rajah 10. Contoh hasil kerja murid dalam sesi bimbingan ketiga

Namun, saya cuai dalam mengendalikan sesi bimbingan keempat. Hanya Syafira menjawab semua soalan dengan tepat manakala murid lain menjawab lima daripada enam soalan dengan tepat. Sze Nee dan Sara boleh menukar 9 abad kepada 90 dekad dengan tepat namun mereka terus menambah 90 dekad dengan 74 tahun tanpa menukar unit dekad kepada tahun; Masha pula beranggapan bahawa 80 dekad bersamaan dengan 800 abad (Rajah 11).

<p>Hasil kerja Sze Nee</p>	<p>3. 9个世纪74年 = <u>16</u> 个年代 <u>4</u> 年 ✗</p> $\begin{array}{r} 90 \\ + 74 \\ \hline 164 \end{array}$
<p>Hasil kerja Sara</p>	<p>3. 9个世纪74年 = <u>16</u> 个年代 <u>4</u> 年 ✗</p> $\begin{array}{r} 90 \\ + 74 \\ \hline 164 \end{array}$



Rajah 11. Kesilapan murid dalam lembaran kerja sesi bimbingan keempat

Keputusan murid dalam keempat-empat sesi bimbingan tersebut telah dicatatkan dalam Jadual 1. Didapati bahawa mereka mampu menjawab soalan tentang penukaran unit masa berpandukan kepada bahan “Titik Masa” semasa empat sesi bimbingan tersebut. Oleh itu, bahan “Titik Masa” ini telah berjaya meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran penukaran unit masa melibatkan unit abad, dekad dan tahun.

Jadual 1  
Keputusan murid dalam keempat-empat sesi bimbingan

Murid	Keputusan Murid dalam Sesi Bimbingan			
	1	2	3	4
Sze Nee	5/5	5/5	6/6	5/6
Masha	5/5	5/5	6/6	5/6
Sara	5/5	5/5	6/6	5/6
Syafira	5/5	5/5	6/6	6/6

Seterusnya, saya menganalisis tentang penguasaan murid dalam keadaan tiada bahan “Titik Masa” untuk menjawab soalan tentang kemahiran penukaran unit masa. Oleh itu, ujian selepas intervensi dijalankan untuk mengesan perubahan penguasaan murid setelah dibimbing. Dalam ujian ini, mereka berjaya meningkatkan skor pencapaian mereka sekurang-kurangnya 20% berbanding dengan ujian sebelum intervensi. Antaranya Sara berjaya meningkatkan 70% diikuti dengan Masha (40%), Sze Nee (30%) dan Syafira (20%).

Jadual 2  
Perbandingan tentang keputusan murid dalam ujian sebelum dan selepas intervensi

Murid	Skor (%)		Peningkatan skor dalam kiraan peratusan (%)
	Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi	
Sze Nee	60	90	30
Masha	50	90	40
Sara	10	80	70
Syafira	60	80	20

Bagi soalan yang mereka menjawab salah dalam ujian selepas intervensi, didapati bahawa mereka berkemungkinan lupa tentang konsep penukaran unit antara abad dan dekad kerana konsep tersebut merupakan konsep yang paling sukar.

8. 70 个世纪 = <u>1</u> 个年代	8. 70 个世纪 = <u>7</u> 个年代 70 世纪 = 7 年代
Hasil kerja Sze Nee	Hasil kerja Masha

<p>8. 70 个世纪 = <u>7000</u> 个年代</p> $\begin{array}{r} 100 \\ \times 70 \\ \hline 000 \\ 7000 \\ \hline 7000 \end{array}$ <p>9. 20 个年代 = <u>2000</u> 个世纪</p> $\begin{array}{r} 100 \\ \times 20 \\ \hline 000 \\ 2000 \\ \hline 2000 \end{array}$	<p>7. 5 个世纪 = <u>500</u> 个年代 X</p> <p>1 个世纪 = 100 年代 5 个世纪 = 500</p> <p>8. 70 个世纪 = <u>700</u> 个年代 X</p> <p>70 个世纪 = <math>300 \div 1000 = 0.7</math></p>
<p>Hasil kerja Sara</p>	<p>Hasil kerja Syafira</p>

Rajah 19. Contoh hasil kerja murid dalam ujian selepas intervensi

Saya kurang berpuas hati dengan keputusan ini, maka sesi pengukuhan dijalankan sebelum memulakan ujian tambahan. Tiga orang murid mencapai 100% tetapi Sze Nee pula mencapai 90% dalam ujian tambahan mungkin disebabkan oleh kecuaiannya. Hal ini kerana dia ketahu bahawa pendaraban 10 digunakan ketika menukarkan unit abad kepada dekad dengan mengalihkan titik perpuluhan satu langkah ke kanan. Jawapannya sepatutnya ialah 950 dekad tetapi dia menulis 90 dekad mungkin sebab dia lupa untuk menulis nombor "5" semasa menjawab soalan.

$$8. 95 \text{ 个世纪} = \underline{90} \text{ 个年代} \quad \times$$

Rajah 20. Kesilapan Sze Nee dalam ujian tambahan.

Walaupun bukan semua murid berjaya mencapai 100% dalam ujian ini namun ia menunjukkan empat orang murid tersebut telah menguasai kemahiran penukaran unit masa dengan baik tanpa menggunakan bahan "Titik Masa". Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa dua objektif kajian tersebut berjaya dicapai dengan sepenuhnya kerana murid boleh mencapai skor yang cemerlang dengan atau tanpa bahan "Titik Masa" dalam kemahiran penukaran unit masa melibatkan abad, dekad dan tahun.

## REFLEKSI

Saya sering beranggapan bahawa kajian ini hanya sekadar tugas wajib untuk melapor tentang proses pengumpulan, analisis data bagi menyelesaikan masalah pembelajaran murid. Setelah pelaksanaan kajian ini, barulah saya menyedari bahawa sebenarnya kajian ini bukan hanya untuk membantu murid menguasai sesuatu kemahiran tetapi membolehkan saya melihat kesan tindakan saya terhadap murid. Dengan ini, strategi dan pedagogi PdP turut dapat diperbaiki supaya saya boleh menjalankan aktiviti yang merangsang minat dan pemikiran murid. Hal demikian adalah bermanfaat kepada saya dan murid-murid kerana ia membawa kepada pengajaran berkesan dan pembelajaran bermakna.

Di samping itu, saya mendapat iktibar daripada kajian ini di mana saya perlu mengubah pemikiran saya yang sering beranggapan bahawa murid sudah menguasai semua kemahiran yang pernah mereka pelajari. Hal ini kerana bukan semua murid dapat menguasai setiap kemahiran yang dipelajari dan mampu mengaplikasikannya dalam kemahiran lain terutamanya konsep matematik yang abstrak seperti kemahiran penukaran unit masa abad, dekad dan tahun. Justeru, saya belajar daripada pengajaran ini untuk membimbing murid



dalam mengaplikasikan kemahiran lama ke dalam kemahiran baharu melalui strategi atau penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai.

Selain itu, saya juga belajar tentang cara terbaik daripada guru pembimbing untuk mengajar murid dengan efektif iaitu menjalankan aktiviti secara berperingkat untuk memudahkan murid menerapkan ilmu secara perlahan-lahan kemudian menguasainya dengan baik. Hal ini kerana murid boleh mengingat dan memahami konsep penukaran unit masa yang berlainan daripada tahap mudah kepada sukar dalam empat sesi bimbingan tersebut. Saya berasa gembira atas hasilnya adalah memuaskan sebab murid boleh menguasai konsep penukaran unit masa dengan peningkatan pencapaian mereka yang memberangsangkan. Pendek kata, objektif kajian ini dicapai dengan jayanya malah banyak ilmu telah saya perolehi dalam kajian ini.

Walaubagaimanapun, saya ingin mengubahsuai cara menjalankan sesi temu bual secara berkumpulan kepada sesi temu bual secara individu pada masa depan. Hal ini mungkin boleh membantu dalam memperoleh respon setiap murid atau guru dengan lebih teliti dan menyeluruh. Dengan adanya komen-komen ini, saya boleh menambahbaikkan bahan "Titik Masa" dengan menggunakan bahan yang lebih tahan lama ataupun cara mengajar yang lebih berkesan. Di samping itu, mungkin saya juga memperluaskan cara penggunaan bahan "Titik Masa" ini dalam topik lain mahupun mata pelajaran lain dengan menukarkan unit berkenaan. Hal ini boleh menjimatkan kos dan masa untuk membina bahan baharu bagi topik lain.

Kesimpulannya, saya berpuas hati dengan hasil tindakan saya yang berjaya membantu murid menguasai kemahiran penukaran unit masa dengan baik. Malahan, banyak iktibar telah saya perolehi daripada kajian ini untuk terus maju ke hadapan. Dengan pengalaman yang diperolehi daripada kajian tindakan ini, saya dapat meningkatkan pedagogi saya dalam membimbing murid menguasai sesuatu konsep dengan lebih mantap dan berkesan.

## RUJUKAN

- Chow, F. M., & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimendia Sdn. Bhd.
- Lee, K. C., Zakri Abdullah, & Chua, L. N. (2018). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nellie Ismail, Khaidzir Ismail, & Nur Saadah Mohamad Aun. (2016, Oktober). *Kesan Teknik Scaffolding Terhadap Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kanak-Kanak Prasekolah*. Diperolehi daripada e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities: [https://www.academia.edu/37047793/Kesan\\_Teknik\\_ScaffoldingTerhadap\\_Kemahiran\\_Menyelesaikan\\_Masalah\\_Kanak-Kanak\\_Prasekolah](https://www.academia.edu/37047793/Kesan_Teknik_ScaffoldingTerhadap_Kemahiran_Menyelesaikan_Masalah_Kanak-Kanak_Prasekolah)
- Othman Lebar. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan: teori dan amalan*. Perak Darul Ehsan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wong, K. W., Mohamad Isa Azis, & Rafidah Ruhani. (2016). *Perkembangan kanak-kanak (Edisi Kedua)*. 40150 Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

## **MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MENDARAB DALAM LINGKUNGAN FAKTA ASAS DENGAN MENGGUNAKAN “PAKEJ DARAB DENGAN LOK-LOK”**

**ADELINE ONG CHIEW YEOK**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
ariesong96@gmail.com

### **ABSTRAK**

Mendarab merupakan salah satu kemahiran asas Matematik yang haruslah dikuasai oleh para murid sejak Tahun 2. Namun, sesetengah murid masih menghadapi masalah dalam mempelajari kemahiran mendarab. Atas kesedaran ini, satu kajian tindakan telah dijalankan untuk membantu dua orang murid Tahun 3 meningkatkan penguasaan mereka bagi kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas dengan menggunakan “Pakej Darab dengan Lok-lok” iaitu Pakej DDLL. Pakej DDLL membolehkan murid-murid mendarab dengan menggunakan bahan konkrit yang berbentuk lok-lok, melukis dan melalui perisian digital. Kaedah-kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Hasil dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian murid yang ketara dalam kemahiran mendarab. Berdasarkan data temu bual dan pemerhatian, murid-murid juga menyatakan bahawa Pakej DDLL ini dapat meningkatkan motivasi mereka terhadap penguasaan kemahiran mendarab.

Kata Kunci : Pakej DDLL, Kemahiran Mendarab, Konkrit, Melukis, Perisian Digital.

### **ABSTRACT**

*Multiplication is one of the basic Mathematics skills that pupils should have mastered since Year 2. However, some pupils still face trouble in learning multiplication. Thus, an action research was carried out to help two Year 3 pupils to improve their skill of multiplying one digit number with one digit number by using “Lok-lok Multiplication Package”. This package provides alternative approaches such as multiplying by using concrete materials, drawing and digital software to help students to master the multiplication skills. The data for this study was collected through analysis of documents, observation and interview. Findings of the study indicated the pupils’ significant improvement in solving the multiplication questions. Based on the interview and observation data, the pupils stated that the use of “Lok-lok Multiplication Package” had increased their motivation in learning the multiplication skill.*



Keywords: *Lok-lok Multiplication Package, Multiplication skill, Concrete, Drawing, Digital software.*

### **PENGENALAN**

Semasa Praktikum Fasa Dua, saya telah diamanahkan untuk mengajar Matematik Tahun 3. Pada 17 Julai 2019, saya telah mengajar kelas 3M tentang kemahiran mendarab wang yang melibatkan nilai wang dengan nombor satu digit, 10, 100 dan 1000. Berdasarkan pemerhatian saya, kebanyakan murid dapat menyiapkan latihan yang diberi secara betul dengan pantas tetapi mereka hanya terus menulis jawapan tanpa menunjukkan langkah-langkah pengiraan dalam bentuk lazim. Nasihat supaya mereka menulis bentuk lazim pun diberikan kepada mereka pada masa tersebut.

Selepas menyemak kerja rumah murid-murid 3M, saya mengesan bahawa terdapat beberapa murid telah melakukan banyak kesilapan dalam hasil kerja mereka. Sesi bimbingan tambahan telah dijalankan bersama murid-murid tersebut. Dalam proses ini, saya berasa



agak risau terhadap dua orang murid kelas 3M iaitu Henry (bukan nama sebenar) dan Calvin (bukan nama sebenar) kerana mereka masih mengulangi kesilapan yang agak sama dalam latihan mereka walaupun saya telah menerangkan cara membuat pembetulan banyak kali. Contoh kesilapan dalam hasil kerja Henry dan Calvin adalah ditunjukkan dalam Rajah 1. Hasil kerja mereka menunjukkan bahawa mereka mungkin kurang memahami konsep asas darab serta sukar mengingati sifir darab.

Henry	Calvin
	

Rajah 1. Contoh kesilapan murid

## FOKUS KAJIAN

Selepas melakukan tinjauan awal terhadap kerja rumah mereka, satu ujian diagnostik telah diadakan untuk mengesahkan bahawa sama ada mereka menghadapi masalah dalam kemahiran mendarab ataupun tidak. Henry dan Calvin telah memperoleh skor iaitu 20% dan 30% masing-masing dalam ujian ini. Hasil kerja mereka dalam ujian diagnostik ini menunjukkan mereka memang mengalami masalah dalam menyelesaikan soalan-soalan pendaraban. Selain itu, Henry juga menunjukkan pola kesilapan iaitu dia telah menggunakan operasi tambah dalam menyelesaikan soalan-soalan tersebut. Melalui sesi temu bual bersama Calvin, saya mendapati dia sebenarnya mengalami masalah dalam mengingati sifir. Calvin juga tidak memahami bagaimana proses pendaraban berlaku apabila melibatkan proses pengumpulan semula dalam pendaraban. Contoh hasil kerja Henry dan Calvin dalam ujian diagnostik adalah ditunjukkan dalam Rajah 2.

Henry	Calvin
	

Rajah 2. Contoh hasil kerja murid dalam ujian diagnostik

Rajah 2 menunjukkan Henry telah menambah 4 dengan 2 untuk mendapatkan jawapan 6 di nilai tempat satu. Seterusnya, dia telah menambah 3 dengan 0 untuk mendapatkan jawapan 3 di nilai tempat puluh. Berdasarkan Rajah 2, di nilai tempat puluh, didapati Calvin telah menambah 2 dengan 8 menjadi 10 dan 10 darab dengan 7 menjadi 70.

Selain daripada mengadakan ujian diagnostik ini, saya telah meminta mereka menulis sifir-sifir darab bagi mengetahui tahap penguasaan mereka dalam kemahiran mendarab dengan lebih lanjut. Dalam konteks ini, saya mendapati bahawa Henry telah menggunakan kaedah hafalan untuk mengingati sifir darab. Apabila dia tidak dapat mengingati sifir darab, dia akan meletakkan sebarang nombor yang dia sukai serta melakukan penambahan berulang untuk mendapatkan hasil darab yang seterusnya. Di samping itu, saya mendapati Calvin juga menggunakan kaedah hafalan untuk menjawab soalan pendaraban. Malahan, dia mempunyai kecenderungan untuk menambah 3 secara berulang untuk mendapatkan hasil darab bagi sesuatu sifir. Rajah 3 menunjukkan contoh sifir darab yang ditulis oleh Henry dan Calvin.

Henry	Calvin
$6$ ✓ $1 \times 6 = 6$ ✓ $2 \times 6 = 12$ ✓ $3 \times 6 = 18$ ✓ $4 \times 6 = 23$ $5 \times 6 = 29$ $6 \times 6 = 35$ $7 \times 6 = 41$ $8 \times 6 = 47$ $9 \times 6 = 53$ $10 \times 6 = 60$ $11 \times 6 = 66$ $12 \times 6 = 72$	$8 \times$ $8 \times 1 = 8$ ✓ $8 \times 2 = 16$ ✓ $8 \times 3 = 20$ $8 \times 4 = 23$ $8 \times 5 = 26$ $8 \times 6 = 29$ $8 \times 7 = 32$ $8 \times 8 = 35$ $8 \times 9 = 38$ $8 \times 10 = 41$ $8 \times 11 = 44$ $8 \times 12 = 47$

Rajah 3. Contoh sifir darab yang ditulis oleh Henry dan Calvin

Dengan merujuk kepada semua hasil kerja Henry dan Calvin, saya amat yakin bahawa mereka memang belum menguasai kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas dengan sepenuhnya. Hal ini kerana hasil kerja mereka telah menunjukkan bahawa mereka melakukan sesuatu kesilapan bukan disebabkan kecuaiannya tetapi disebabkan kekurangan kefahaman murid terhadap konsep asas darab serta kurang dapat mengingati sifir darab. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun 2, kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas merupakan antara kemahiran yang harus dikuasai oleh murid-murid Tahun 2 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Oleh itu, saya berasa amat bimbang bahawa jika mereka tidak menguasai kemahiran ini, maka mereka juga akan mengalami masalah dalam menguasai kemahiran Matematik yang lain seperti kemahiran membahagi. Jadi, fokus kajian ini adalah untuk membantu dua orang murid Tahun 3 di SJK(C) Chung Hua Sungai Lubak meningkatkan penguasaan kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan dua objektif kajian seperti berikut:

- Meningkatkan penguasaan murid-murid dalam kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas dengan menggunakan "Pakej Darab dengan Lok-lok".
- Meningkatkan penguasaan murid-murid dalam kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas tanpa menggunakan "Pakej Darab dengan Lok-lok".

## SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, soalan-soalan kajian yang terbentuk adalah seperti berikut:

- Bagaimanakah "Pakej Darab dengan Lok-lok" dapat meningkatkan penguasaan murid-murid bagi kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas?
- Sejauh manakah murid-murid dapat menguasai kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas tanpa menggunakan "Pakej Darab dengan Lok-lok" ?

## PESERTA KAJIAN

Peserta kajian saya terdiri daripada dua orang murid lelaki dari kelas 3M di SJK(C) Chung Hua Sungai Lubak iaitu Henry dan Calvin yang belum menguasai kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas. Henry merupakan seorang murid yang aktif manakala Calvin merupakan seorang pendiam. Prestasi akademik mereka dalam subjek Matematik adalah

rendah. Jadi, mereka merupakan golongan murid memerlukan banyak bimbingan dalam menguasai sesuatu kemahiran Matematik.


## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

### Perancangan Tindakan

Saya telah merancang tindakan mengikut prinsip ansur maju dengan bantuan Pakej DDLL yang saya hasilkan. Pakej ini mengandungi dua komponen utama iaitu bahan konkrit dan perisian digital interaktif membolehkan murid-murid menguasai kemahiran tersebut bermula dari peringkat konkrit ke peringkat abstrak. Pada peringkat konkrit, murid-murid meneroka konsep pendaraban sebagai penambahan berulang melalui penggunaan bahan konkrit Pakej DDLL.

Langkah-langkah menggunakan bahan konkrit Pakej DDLL adalah seperti berikut:

1. Saya akan menulis satu soalan fakta asas darab pada papan tulis kecil. Contohnya,  
 $2 \times 3 = ( \quad )$ .




Rajah 4. Papan tulis yang ditulis dengan soalan Matematik

2. Murid dikehendaki mengambil bilangan stik kayu yang sama dengan nombor yang berada di sebelah kiri operasi darab dalam ayat Matematik itu. Dalam konteks ini, dua stik kayu harus diambil.




Rajah 5. Stik kayu yang diambil

3. Murid mengambil bilangan penyepit yang sama dengan nombor yang berada di sebelah kanan operasi darab ayat Matematik tersebut lalu meletakkannya pada setiap stik kayu. Misalnya, bilangan penyepit yang diletakkan pada setiap stik kayu adalah 3.




Rajah 6. Proses meletakkan penyepit-penyepit pada stik-stik kayu

4. Murid membilang bilangan bebola ikan (penyepit) yang ada pada setiap stik kayu.
5. Dengan merujuk kepada lok-lok yang telah disediakan, murid menuliskan ayat Matematik penambahan berulang yang berkenaan.




Rajah 7. Ayat Matematik penambahan berulang ditulis pada papan tulis

6. Murid-murid boleh mengira semula jumlah penyepit (bebola ikan) yang diletakkan pada stik kayu ataupun terus melakukan penambahan berulang untuk mendapatkan jawapan.



Rajah 8. Jawapan ditulis pada papan tulis

Pada peringkat semi konkrit, saya menggunakan animasi dan video dalam perisian inovasi digital Pakej DDLL untuk memberi pendedahan kepada murid-murid saya tentang kaedah alternatif iaitu menggunakan teknik melukis dalam menyelesaikan soalan fakta asas mendarab. Menurut Abdul Rashid Jamian *et.al* (2012), bahan digital yang mempunyai kesan bunyi, gambar, video dan teks yang pelbagai sebenarnya dapat menyampaikan maklumat-maklumat dengan lebih efektif. Oleh itu, murid-murid pun menjadi lebih berminat untuk belajar semasa saya menggunakan perisian digital untuk menerangkan kaedah alternatif itu. Contoh paparan perisian digital yang menunjukkan penyelesaian soalan pendaraban dengan menggunakan teknik melukis dapat dilihat dalam Rajah 9.



Rajah 9. Contoh paparan perisian digital

Bagi peringkat abstrak, murid-murid digalakkan menyelesaikan soalan pendaraban tanpa menggunakan bahan konkrit Pakej DDLL dan teknik melukis. Dalam proses ini, aktiviti belajar sambil bermain dilaksanakan dengan bantuan perisian digital Pakej DDLL. Murid-murid diberi peluang untuk bermain beberapa permainan digital dan menjawab soalan-soalan kuiz dalam perisian digital tersebut. Maklum balas segera dan grafik yang dijana melalui perisian digital semasa murid-murid menggunakannya telah membantu mereka belajar kemahiran mendarab tanpa bergantung kepada apa-apa objek konkrit atau teknik melukis.

Noriati A. Rashid et.al (2012) menjelaskan bahawa apabila murid-murid belajar sambil bermain, motivasi instrinsik mereka dalam pembelajaran dapat ditingkatkan.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Satu ujian sebelum tindakan yang mengandungi 10 soalan berbentuk subjektif fakta asas darab telah diberi kepada Henry dan Calvin. Melalui ujian ini, saya dapat membandingkan keputusan murid-murid sebelum dan selepas Pakej DDLL diperkenalkan kepada mereka. Tambahan pula, saya dapat mengetahui sama ada Pakej DDLL dapat membantu murid-murid untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mendarab tersebut ataupun tidak. Selepas itu, sebanyak lima sesi bimbingan bersama kedua-dua murid itu telah dilaksanakan dengan bantuan Pakej DDLL mengikut tiga peringkat iaitu peringkat konkrit, semi-konkrit dan abstrak.


### **Peringkat konkrit**

Pada sesi bimbingan pertama, saya telah menggunakan video dalam perisian digital dan bahan konkrit Pakej DDLL untuk bercerita dan memberi pendedahan tentang konsep pendaraban sebagai penambahan berulang. Seterusnya, murid-murid dibimbing untuk menulis sifir darab 2 hingga 3 dengan menggunakan bahan konkrit Pakej DDLL.

Pada sesi bimbingan kedua, saya telah mengurangkan bimbingan saya terhadap kedua-dua orang murid saya. Misalnya, mereka diberi peluang untuk menggunakan bahan konkrit Pakej DDLL sendiri bagi membantu mereka menulis sifir darab 4 hingga 6. Bagi sesi bimbingan ketiga, murid-murid dikehendaki menulis sifir darab 7 hingga 9 dengan bantuan bahan konkrit Pakej DDLL. Namun, pada kali ini, murid-murid melaksanakan tugas ini dalam bentuk pertandingan kecil. Sesiapa yang dapat menulis semua sifir darab yang telah ditetapkan dengan lebih cepat dan betul akan diberi hadiah kecil. Dengan ini, mereka pula lebih bermotivasi untuk belajar dan melaksanakan tugas mereka.

### **Peringkat semi-konkrit**

Fokus sesi bimbingan keempat adalah membimbing kedua-dua murid ini menjawab soalan-soalan fakta asas sifir darab dengan menggunakan teknik melukis. Rajah 10 menunjukkan salah seorang murid sedang melukis Lok-lok untuk menyelesaikan soalan yang melibatkan operasi darab.



Rajah 10. Calvin sedang melukis lok-lok untuk menyelesaikan soalan ini

### **Peringkat abstrak**

Pada sesi bimbingan terakhir, murid-murid diberi peluang untuk bermain permainan digital dan menyiapkan latihan yang dipaparkan dalam perisian digital tersebut. Rajah 11 menunjukkan proses murid-murid menjawab soalan-soalan perisian digital.



Rajah 11. Murid-murid sedang menjawab soalan-soalan perisian digital Pakej DDLL.



Selepas menjalankan semua sesi bimbingan, saya telah memberi ujian selepas tindakan kepada Henry dan Calvin. Soalan-soalan dan format ujian tersebut adalah hampir sama dengan format ujian sebelum tindakan tetapi dua soalan baharu telah ditambahkan ke dalam ujian selepas tindakan sebagai cabaran baharu kepada mereka. Mereka pun tidak dibenarkan untuk bahan konkrit Pakej DDLL dan teknik melukis semasa menjawab soalan-soalan ujian ini. Dengan demikian, saya barulah boleh menentukan sejauh manakah tindakan yang dilaksanakan dapat membantu kedua-dua murid untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mendarab.

## **KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

### **Analisis Dokumen**

Menurut Bowen (2009), analisis dokumen merangkumi proses untuk mengkaji dan menilai sesuatu dokumen. Dokumen-dokumen yang telah saya analisis dalam kajian ini termasuklah semua lembaran kerja murid yang berkenaan dengan kemahiran mendarab, hasil kerja murid dalam ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan.

### **Pemerhatian**

Saya telah menggunakan pemerhatian turut serta iaitu memerhati tingkah laku murid-murid saya dari semasa ke semasa sambil memberi bimbingan yang sesuai kepada mereka. Kawulich (2015) menerangkan bahawa aspek-aspek pemerhatian adalah berkait rapat dengan objektif kajian. Jadi, saya telah memerhati aspek-aspek seperti emosi murid, penglibatan murid, tingkah laku dan langkah kerja murid-murid saya. Untuk memastikan pemerhatian dapat dijalankan secara sistematik, saya telah menyediakan satu senarai semak pemerhatian dan buku nota untuk mencatatkan perkara-perkara yang saya perhatikan dalam bentuk nota lapangan. Segala gambar yang diambil semasa tindakan dijalankan pula dilampirkan dalam nota lapangan sebagai bukti sokongan.

### **Temu bual**

Saya telah melakukan temu bual berbentuk separa berstruktur bersama Henry dan Calvin untuk mengetahui pendapat mereka terhadap segala sesi bimbingan yang dijalankan. Beberapa soalan utama telah disediakan terlebih dahulu. Semasa menemu bual, soalan-soalan yang ditanyakan adalah berdasarkan jawapan informan (Bogdan & Biklen, 2007). Hasil temu bual pula dicatatkan dalam bentuk transkrip supaya saya dapat merujuk balik perkara yang telah dibincangkan secara mudah.

## **KAEDAH MENGANALISIS DATA**

### **Hasil Kerja Murid**

Dengan menyemak dan menganalisis hasil kerja murid-murid, saya dapat mengenal pasti punca masalah mereka dalam menjawab soalan-soalan tertentu. Contoh hasil kerja murid-murid pula dipaparkan dalam laporan kajian ini untuk menyokong penjelasan pola kesilapan murid-murid.

### **Skor**

Skor murid-murid dalam segala ujian telah dicatatkan dalam peratus dan kemudian dipersembahkan dalam bentuk jadual. Dengan demikian, tafsiran dan perbandingan pencapaian murid-murid sebelum dan selepas tindakan dapat dibuat secara mudah.

### **Nota lapangan**

Menurut Krippendorff (2019), analisis kandungan merupakan satu teknik untuk menghasilkan inferens yang sah berdasarkan konteks. Jadi, saya pula menggunakan kaedah analisis isi kandungan secara deskriptif untuk memetik bahagian nota lapangan yang bermakna bagi kajian ini. Petikan nota lapangan ini telah dipaparkan dalam laporan kajian sebagai bukti sokongan.



## Transkrip Temu bual

Saya telah menggunakan kaedah analisis bertema untuk menganalisis transkrip temu bual saya. Aronson (1995) menjelaskan bahawa analisis bertema merupakan kaedah analisis yang berfokus kepada suatu corak berdasarkan data-data yang telah dikumpulkan. Selepas membaca semula transkrip temu bual, didapati terdapat satu corak yang wujud pada perkara-perkara yang berulang-ulang diperkatakan oleh kedua-dua murid saya. Dialog-dialog yang bermakna bagi kajian saya telah dilampirkan sebagai bukti sokongan.

## Kaedah Menyemak Data

Dalam kajian ini, saya telah menggunakan tiga kaedah iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual untuk menyemak data kajian. Hal ini secara tidak langsung telah membenarkan triangulasi data dapat dijalankan. Dengan wujudnya triangulasi data, pengkaji dapat memastikan data-data yang dikumpulkan adalah sah dan boleh dipercayai (Mills dan Gay, 2016).


## DAPATAN KAJIAN

### Bagaimanakah “Pakej Darab dengan Lok-lok” dapat meningkatkan penguasaan murid-murid bagi kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas?

Pada sesi bimbingan pertama, penggunaan bahan konkrit dan strategi bercerita dengan bantuan perisian digital Pakej DDLL berjaya menarik perhatian kedua-dua murid ini. Noriati A. Rashid *et.al* (2012) menjelaskan bahawa dengan pengintegrasian elemen bercerita dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, murid-murid akan lebih berminat terhadap kandungan pembelajaran serta memahami konsep yang disampaikan dengan mudah. Henry dan Calvin bersikap aktif dalam sesi bimbingan ini dan berjaya menulis sifir 2 dan 3 secara betul dengan bantuan bahan konkrit DDLL (Nota Lapangan: 26.07.2019).

Selain itu, pada sesi bimbingan kedua dan ketiga, walaupun saya mengurangkan bimbingan terhadap mereka, didapati mereka masih dapat menulis sifir darab 4 hingga 9 secara betul dengan menggunakan bahan konkrit Pakej DDLL sendiri. Mereka berjaya menulis sifir darab 4 hingga 6 secara betul dengan menggunakan bahan konkrit Pakej DDLL dalam masa kurang daripada 15 minit (Nota lapangan: 02.08.2019). Sebelum sesi bimbingan dijalankan, mereka mengambil masa lebih daripada 20 minit untuk menulis sifir darab 4 hingga 6 (Nota lapangan: 28.06.2019).

Pada sesi bimbingan keempat, saya mendapati Henry dan Calvin sudah mampu mengalih pengetahuan mendarab mereka dari peringkat konkrit ke peringkat semi konkrit. Misalnya, mereka sudah dapat menterjemahkan ayat Matematik darab seperti “ $4 \times 8$ ” ke dalam bentuk lukisan tanpa menggunakan bahan konkrit Pakej DDLL. Rajah 12 menunjukkan contoh hasil kerja murid-murid.



Rajah 12. Contoh hasil kerja Henry dan Calvin

Hasil temu bual yang dijalankan selepas sesi bimbingan keempat menunjukkan Calvin telah menjadi lebih aktif manakala Henry telah menjadi lebih matang dari segi pemikirannya. Rajah 13 dan 14 menunjukkan sedutan temu bual saya bersama Henry dan Calvin masing-masing.

Henry	: Sekarang saya sudah tahu cara sifir darab ini terbentuk. Saya rasa lok-lok ini telah membantu saya ingat sifir dengan lebih baik. Saya sangat gembira!
Saya	: Oh. Saya sangat gembira untuk mendengar kamu bercakap demikian. Bolehkah saya memberi cabaran baharu kepada kamu?
Henry	: Apakah cabaran itu, cikgu?
Saya	: Cikgu mahu cabar kamu supaya tidak menggunakan lok-lok dan lukisan untuk menyelesaikan soalan pendaraban bagi perjumpaan yang akan datang. Boleh tak?
Henry	: Boleh!

Rajah 13. Sedutan temu bual bersama Henry

Saya	: Seronok kah belajar mendarab dengan menggunakan Pakej DDLL ini?
Calvin	: Seronok!
Saya	: Adakah kamu masih mendapati kemahiran mendarab susah untuk belajar?
Calvin	: Tidak. Saya sudah suka mendarab, cikgu.

Rajah 14. Sedutan temu bual bersama Calvin

Pada sesi bimbingan kelima, didapati mereka mampu mengalih pengetahuan tentang kemahiran mendarab mereka dari peringkat semi konkrit ke peringkat abstrak. Dalam konteks ini, keputusan mereka dalam kuiz perisian digital Pakej DDLL menunjukkan bahawa mereka sudah dapat menjawab soalan fakta asas darab tanpa menggunakan bahan konkrit dan teknik melukis. Dalam kuiz ini, Henry dan Calvin telah mendapatkan skor sebanyak 100% dan 90% masing-masing. Skor mereka dalam kuiz digital adalah ditunjukkan dalam Rajah 15.

Henry	Calvin.

Rajah 15. Skor murid-murid dalam kuiz digital

### Sejauh manakah murid-murid dapat menguasai kemahiran mendarab dalam lingkungan fakta asas tanpa menggunakan “Pakej Darab dengan Lok-lok” ?

Sebelum sesi bimbingan dijalankan, satu ujian sebelum tindakan telah diberikan kepada Henry dan Calvin. Ujian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana pencapaian mereka dalam menjawab soalan-soalan fakta asas darab sebelum Pakej DDLL diperkenalkan kepada mereka. Henry dan Calvin telah mendapatkan skor iaitu 50% dan 40% masing-masing. Contoh kesilapan mereka dalam dilihat dalam Rajah 16.

Henry	Calvin
$\begin{array}{r} 7. \quad 6 \times 3 = (24) \\ \hline 8. \quad 2 \times 4 = (18) \end{array}$	$\begin{array}{r} 7. \quad 6 \times 3 = (24) \\ \hline 8. \quad 2 \times 4 = (18) \end{array}$

Rajah 16. Contoh kesilapan Henry dan Calvin dalam ujian sebelum tindakan

Setelah melalui lima sesi bimbingan bersama kedua-dua murid ini, ujian selepas tindakan telah dijalankan. Mereka tidak dibenarkan menggunakan Pakej DDLL semasa menjawab soalan ujian ini. Seterusnya, saya mendapati bahawa terdapat peningkatan yang ketara dalam pencapaian mereka. Peningkatan pencapaian tersebut dapat dilihat melalui keputusan ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1  
Perbandingan keputusan ujian sebelum dan selepas tindakan

Bil.	Nama murid (bukan nama sebenar)	Ujian Sebelum Tindakan		Ujian Selepas Tindakan	
		Bil. soalan betul	Skor (%)	Bil. soalan betul	Skor (%)
1.	Henry	5/10	50	12/12	100
2.	Calvin	4/10	40	12/12	100

Berdasarkan Jadual 1, Henry dan Calvin telah menunjukkan peningkatan pencapaian sebanyak 50% dan 60% masing-masing. Hal ini juga bermakna mereka sudah dapat menjawab lebih banyak soalan fakta asas darab secara betul selepas sesi bimbingan dijalankan dengan bantuan Pakej DDLL. Di samping itu, saya mendapati bahawa mereka telah mengambil masa yang lebih pendek dalam menjawab kesemua soalan ujian selepas tindakan. Jadual 2 menunjukkan perbandingan masa yang digunakan oleh Henry dan Calvin dalam menjawab kesemua soalan bagi kedua-dua ujian itu manakala perbandingan hasil kerja mereka sebelum dan selepas tindakan adalah ditunjukkan dalam Rajah 17.

Jadual 2  
Perbandingan masa yang digunakan oleh Henry dan Calvin dalam menjawab kertas ujian yang diberi

Nama Murid (bukan nama sebenar)	Masa Yang Digunakan (Ujian Sebelum Tindakan)	Masa Yang Digunakan (Ujian Selepas Tindakan)	Perbezaan Masa
Henry	9 minit 55 saat	4 minit 30 saat	5 minit 25 saat
Calvin	14 minit 43 saat	6 minit 23 saat	8 minit 20 saat

Nama Murid (bukan nama sebenar)	Hasil kerja ujian sebelum tindakan	Hasil kerja ujian selepas tindakan
Henry	3. $6 \times 8 = 47$	3. $6 \times 8 = 48$
Calvin	1. $7 \times 5 = 27$	1. $7 \times 5 = 35$

Rajah 17. Perbandingan hasil kerja murid dalam ujian sebelum dan selepas tindakan

Kesimpulannya, didapati Henry dan Calvin mengalami masalah dalam menguasai sifir darab serta tidak mempunyai pemahaman kukuh tentang konsep asas pendaraban sebelum sesi bimbingan dijalankan. Selepas sesi bimbingan, didapati bahawa mereka bukan sahaja dapat mengingat sifir darab, maka mereka dapat menjawab soalan-soalan fakta asas darab dengan lebih cepat dan tepat. Hal ini kerana mereka sudah mempunyai pemahaman lanjutan tentang konsep asas pendaraban yang membantu mereka menjawab soalan-soalan fakta asas darab dengan betul dan tepat tanpa bergantung kepada Pakej DDLL itu.

## REFLEKSI

Menurut Chow dan Jaizah Mahamud (2011), kajian tindakan bertujuan untuk memperkembangkan profesionalisme guru khususnya dalam mengenal pasti teknik atau kaedah pembelajaran yang berkesan kepada murid-muridnya. Saya sangat setuju dengan pandangan mereka ini kerana pelaksanaan kajian tindakan ini telah membantu saya meningkatkan amalan profesionalisme sebagai seorang guru. Sebelum ini, saya berpendapat bahawa penggunaan kaedah konvensional iaitu penghafalan sifir darab adalah berkesan

dalam mengajar murid-murid tentang kemahiran mendarab. Namun, saya telah mendapati bahawa bukan semua murid boleh menguasai kemahiran mendarab melalui penghafalan sifir-sifir darab melalui kajian ini. Berdasarkan teori Kecerdasan Pelbagai Gardner, murid-murid mempunyai kecerdasan pelbagai memerlukan pendekatan pengajaran yang berbeza (Afifah Syathirah, 2014). Jadi, saya pula berubah amalan pedagogi saya dan berfikir kaedah alternatif untuk membantu Henry dan Calvin meningkatkan penguasaan mereka bagi kemahiran mendarab.

Di samping itu, dapatan kajian yang ditemui melalui analisis dokumen, hasil pemerhatian dan hasil temu bual menunjukkan bahawa kedua-dua murid ini berasa sangat seronok untuk belajar kemahiran mendarab dengan menggunakan Pakej DDLL. Malahan, mereka berupaya untuk memahami konsep pendaraban sebagai penambahan berulang di samping menyelesaikan soalan pendaraban dengan kadar yang cepat. Hal ini menyebabkan saya lebih memahami teori Piaget yang menyatakan bahawa murid dapat membina pengalaman langsung terhadap kandungan pembelajaran secara mudah dengan penggunaan objek konkrit (Woolfolk, 2010). Sebelum ini, saya hanya memahami teori Piaget secara akademik sahaja manakala sekarang saya sudah dapat memahami kepentingan penggunaan objek konkrit dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, saya telah menyedari bahawa pelaksanaan kajian ini telah membantu saya memperbaiki kemahiran interpersonal dan komunikasi saya dengan murid. Selama ini, saya berpendapat bahawa jika saya bersikap tegas, maka saya boleh mengawal disiplin murid dengan lebih baik. Hakikatnya, murid-murid menjadi takut untuk mendekati saya. Melalui kajian ini, saya mula sedar bahawa bahasa saya gunakan juga tidak sesuai dengan tahap kebolehan mereka. Bermula dari sinilah, saya belajar untuk bersikap penyayang serta menggunakan bahasa yang senang difahami oleh murid-murid saya. Dengan ini, hubungan saya dengan mereka menjadi semakin baik. Seterusnya, Henry dan Calvin pula menjadi lebih aktif dalam memberi respons kepada saya. Oleh itu, tidak boleh dinafikan bahawa hubungan positif antara guru dan murid dapat mempengaruhi murid untuk meningkatkan kesungguhan mereka untuk belajar (Ahmad Firdaus Mohd Noor et. al, 2016).

Kesimpulannya, kajian ini telah banyak memberikan kesan positif terhadap amalan profesional saya sebagai guru. Saya telah memahami bahawa guru bukan sahaja haruslah pandai dalam merancang pengajaran, malah guru juga haruslah sentiasa menilai diri dari perspektif murid.

## **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Untuk kajian akan datang, saya akan mengintegrasikan elemen muzik dalam konteks menggunakan bahan konkrit Pakej DDLL. Misalnya, saya boleh mencipta satu lagu yang berkaitan dengan lok-lok dan sifir darab untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran mendarab tersebut dengan lebih cepat dan mudah. Menurut Reney Pantun (2016), kanak-kanak mudah memahami sesuatu melalui aktiviti nyanyian kerana mereka merupakan golongan yang suka menyanyi dan bergerak. Jadi, diharapkan daya ingatan murid terhadap fakta asas sifir darab dapat ditingkatkan lagi apabila teknik nyanyian digunakan.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rashid Jamian, Norhashimah Hashim, & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(3), 46-53.
- Afifah Syathirah. (2014, Mac 20 Mac). *Kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar*. Research gate. Diperoleh <https://www.researchgate.net/publication/260942697>
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, & Khairunnisa A Shukor. (2016). Pembinaan hubungan di antara guru dengan pelajar. *Technical and Social Science Journal*, 138-148.
- Aronson, J. (1995). *A Pragmatic View of Thematic Analysis*. Davie: Nova Southeastern University .

- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Mills, G.E. & Gay, L.R. (2016). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Kawulich, B. B. (2015, May 11). *Collecting data through observation*. Research Gate. Diperoleh [https://www.researchgate.net/publication/257944783\\_Collecting\\_data\\_through\\_observation](https://www.researchgate.net/publication/257944783_Collecting_data_through_observation)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Dua*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krippendorff, K. (2019). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*. Los Angeles: Sage Publications Incoporations.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2012). *Murid dan Alam Belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Reney Pantun. (2016). Penggunaan teknik nyanyian dalam meningkatkan kefahaman murid Tahun dua dalam topik pembundaran. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research* (pp. 677-686). Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Woolfolk, A. (2010). *Educational Psychology*. New Jersey: Pearson Education International.

## **KAEDAH JOMISI : MEMBANTU MURID TAHUN 3 MENGUASAI KEMAHIRAN PENUKARAN UNIT ISI PADU CECAIR**

**ANG LEE HAN**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
angleehan@gmail.com

### **ABSTRAK**

Sembilan orang murid dari sebuah sekolah di bandar Siburan telah dikesan tidak menguasai kemahiran penukaran unit dari mililiter (ml) ke kombinasi dua unit, iaitu liter(l) dan mililiter (ml) dan sebaliknya dalam topik isi padu cecair. Punca masalah ini berlaku ialah mereka berpendapat pengiraan yang melibatkan operasi bergabung antara penambahan dengan pendaraban amat rumit. Akibatnya, mereka tidak berminat dengan pembelajaran kemahiran ini. Maka, Kaedah JOMISI yang bersifat semi-konkrit diperkenalkan dengan tidak melibatkan mana-mana operasi bagi mengatasi masalah tersebut. Kajian ini dijalankan untuk membantu murid menguasai kemahiran penukaran unit dari ml ke l dan ml dan sebaliknya melalui Kaedah JOMISI. Tujuan tambahan adalah untuk menarik minat murid terhadap pembelajaran kemahiran ini. Peserta kajian terdiri daripada sembilan orang murid. Model Kajian Tindakan Somekh (1989) digunakan sebagai panduan untuk pelaksanaan kajian ini. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah analisis dokumen, kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Data analisis dokumen dianalisis berdasarkan hasil kerja murid dan skor ujian. Catatan nota lapangan pemerhatian dipersembahkan dalam bentuk naratif yang memerihalkan minat dan pandangan peserta kajian. Data temu bual ditranskripsikan dan dianalisis dengan kaedah pengekodan berdasarkan tema. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi kesan positif kepada semua peserta kajian dengan membantu mereka menguasai kemahiran penukaran unit dari ml ke kombinasi l dan ml dan sebaliknya selain berjaya menarik minat mereka terhadap pembelajaran kemahiran ini. Cadangan penambahbaikan ialah menambahkan kad untuk membantu murid mengingatkan isi bermula daripada ruang sifar paling kanan.

Kata Kunci : Kaedah JOMISI, isi padu cecair, penukaran unit, liter(l) dan mililiter (ml)

### **ABSTRACT**

*There were nine Year 3 pupils from a Siburan city school did not master the skills of converting units from millilitre (ml) to the combination of two units, litre (l) and millilitre (ml) and vice versa in the topic volume of liquid. This is because the calculations which involve combined operations between addition and multiplication is too complicated for them. Thus, they were not interested in learning these skills. JOMISI Method was introduced to solve these problems as it is a semi-concrete method and did not involve any operation in its steps. The aim of this study was to attract pupils' in learning and mastering the skills of converting units from ml to l and ml and vice versa through JOMISI Method. Nine pupils participated in this study. The implementation of this study was based on the Action Research Model of Somekh (1989). For data collection, the methods used were document analysis, observation and interview. Data of document analysis were analysed based on pupils' working steps and their scores in test. Notes of observation were analysed and presented in narrative form by concerning on the interests and views of participants. Data of interview were transcribed and analysed through theme-based coding method. As an overall, this study had engaged and helped participants to learn and master the skills of converting units from ml to the combinations of l and ml and vice versa. The suggestion to improve this method is add a card to help pupils remember filling in from the left zero space.*

*Keywords: JOMISI method, volume of liquid, unit conversion, liter(l) dan mililiter (ml)*

## PENGENALAN

Kajian ini dilaksanakan di sekolah bandar Siburan bersama sembilan orang murid Tahun 3 untuk membantu mereka menguasai kemahiran penukaran unit isi padu cecair dari kombinasi dua unit, iaitu liter(l) dan mililiter (ml) ke mililiter (ml) dan sebaliknya.

## MASALAH PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)

Dalam latihan kerja rumah, terdapat sembilan orang murid hanya dapat menjawab antara 40% hingga 48% soalan penukaran unit isi padu cecair dengan betul. Menurut kajian Maemie Julaihi (2015), murid tidak dapat membuat penukaran unit dengan betul kerana mereka tidak dapat membuat perkaitan antara unit dengan betul. Namun hasil temu bual kali pertama (TB 1) menunjukkan bahawa sembilan orang murid tersebut mengetahui perkaitan "1l = 1000 ml", tetapi tidak dapat membuat penukaran unit dengan betul.

Menurut *NCETM Magazines Administrator (2013)*, murid tidak dapat membuat penukaran unit isi padu cecair dengan betul kerana proses penyelesaiannya melibatkan pendaraban dan pembahagian dengan nilai 1000. Oleh itu, Ujian Diagnostik dan temu bual kali kedua (TB 2) dijalankan untuk mengenal pasti punca permasalahan melalui pola kesilapan. Kesilapan murid-murid tersebut dalam Ujian Diagnostik tertumpu pada penukaran unit yang melibatkan kombinasi l dan ml. Contoh pola kesilapan disenaraikan dalam Rajah 1 dalam bentuk petikan daripada transkripsi TB 2.


Petikan	Ujian Diagnostik
"Salin semua nombor ..."	7) 5 升 43 毫升 = 543 毫升 TB 2 : M8
"Darabkan l dengan ml ..."	7) 5 升 43 毫升 = 215 毫升 TB 2 : M2
"Salin dua digit paling kiri pada l dan lain pada ml kecuali 0 ..."	11) 4103 毫升 = 41 升 3 毫升 TB 2 : M8
"Tambahkan dengan 1000, salinkan dua digit paling kiri pada l dan lain ml ..."	11) 4103 毫升 = 51 升 03 毫升 TB 2 : M9

Rajah 1. Contoh pola kesilapan

Kesimpulannya punca permasalahan ialah kaedah tradisional yang melibatkan operasi gabungan antara pendaraban dengan penambahan tidak sesuai bagi mereka. Oleh itu, objektif kajian ini yang ditetapkan ialah meningkatkan penguasaan murid Tahun 3 dalam kemahiran penukaran unit daripada kombinasi l dan ml kepada ml dan sebaliknya dalam topik isi padu cecair melalui Kaedah JOMISI. Kajian ini juga ingin meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran kemahiran ini melalui Kaedah JOMISI.

## TINDAKAN

Model Kajian Tindakan Somekh (1989) dipilih sebagai panduan pelaksanaan penyelidikan ini dan hanya dijalankan dalam 1 kitaran sahaja. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, model ini melibatkan lapan fasa iaitu mengenal pasti masalah atau fokus kajian, mengumpul data, menganalisis data dan membentuk hipotesis, merancang pelan tindakan, melaksana pelan tindakan, mengumpul data untuk mengesan perubahan, menganalisis dan menilai, dan akhirnya membuat kesimpulan (Othman Lebar, 2011).



Sumber : (Othman Lebar, 2011)

Rajah 2. Model Kajian Tindakan Somekh (1989)

Kajian ini mengandungi tiga sesi bimbingan dan Kaedah JOMISI diperkenalkan secara berperingkat. Kaedah JOMISI peringkat pertama ialah penukaran unit dari kombinasi l dan ml ke ml manakala Kaedah JOMISI peringkat kedua ialah penukaran unit dari ml ke kombinasi l dan ml. Rajah 3 menunjukkan Kaedah JOMISI peringkat pertama dan Rajah 4 menunjukkan Kaedah JOMISI peringkat kedua.

Contoh soalan :  $4 \text{ l } 13 \text{ ml} = \text{_____ ml}$

Langkah 1:  
Lukis angka 1000.

Langkah 2:  

- Di bahagian ml, satu ruang sifar hanya boleh diisi dengan satu digit.
- Di bahagian l, ruang satu boleh diisi dengan lebih daripada satu digit.
- Isikan 4 dalam bahagian l.

Langkah 3:  

- Isikan daripada digit sa, iaitu 3 dalam sifar yang paling kanan dalam bahagian ml.
- Terus dengan digit puluh, iaitu 1 dalam sifar yang sebelah.

Langkah 4 :  

- Isikan 0 dalam setiap ruang sifar yang kosong. (Jika ada)

Langkah 5 :  

- Salinkan dari kiri ke kanan dengan mengikut susunan.
- Jadi  $4 \text{ l } 13 \text{ ml} = 4013 \text{ ml}$


Rajah 3. Kaedah JOMISI peringkat pertama (kombinasi l dan ml ke ml)



Contoh soalan : 9065 mℓ = \_\_\_ ℓ \_\_\_ mℓ


Langkah 1:

- Lukis angka 1000.
- Satu ruang sifar hanya boleh diisi dengan satu digit.
- Ruang satu boleh diisi dengan lebih daripada satu digit.




Langkah 2:

- Isikan daripada digit sa, iaitu 5 pada sifar yang paling kanan.
- Teruskan dengan digit puluh dan seterusnya.



Langkah 3:

- Salinkan dengan berdasarkan bahagian.
- Jadi, 9065 mℓ = 9 ℓ 65 mℓ



Rajah 4. Kaedah JOMISI peringkat kedua (ml ke kombinasi l dan ml).

Proses pengumpulan data kajian ini telah melibatkan triangulasi sumber demi mengesan kesan intervensinya. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah analisis dokumen, kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian. Fokus utama data analisis dokumen ialah perubahan skor dan langkah kerja peserta kajian dalam hasil kerja. Data pemerhatian dicatat dalam nota lapangan berdasarkan tarikh pelaksanaan dan sesi bimbingan. Temu bual kali ketiga (TB 3) dijalankan melalui Bahasa Mandarin sambil membuat rakaman. Hasil temu bual diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia dan ditranskripsikan.

## KESAN TINDAKAN





Kaedah JOMISI dapat meningkatkan penguasaan peserta kajian dalam kemahiran penukaran unit dari kombinasi l dan ml ke ml. Perbandingan skor bagi latihan dan ujian tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1





Perbandingan bilangan soalan dijawab dengan betul

Murid	Bilangan soalan yang dijawab dengan betul		
	Latihan Sesi Bimbingan		Ujian
	1	3	
1	4	3	4
2	4	4	4
3	4	4	4
4	3	4	4
5	4	4	3
6	4	4	4
7	4	4	4
8	4	4	4
9	4	4	4
Min keseluruhan	3.8	3.8	3.8









Menurut Jadual 1, min keseluruhan bagi latihan dan ujian berkaitan telah mengekal dalam 3.8. Semua peserta kajian kecuali M1, M4 dan M5 telah menjawab semua soalan dengan betul. Pola kesilapan dalam Ujian Diagnostik bagi kemahiran ini tidak wujud dalam latihan dan ujian yang berkaitan. Contohnya hasil kerja yang ditunjukkan dalam Rajah 5, Rajah 6, Rajah 7 dan Rajah 8.

1) 4 升 117 毫升 = 4 升 117 毫升 	2) 8 升 13 毫升 = 8 升 13 毫升 
3) 2 升 7 毫升 = 2 升 007 毫升 	4) 3 升 3 毫升 = 3 升 003 毫升 









Rajah 5. Hasil kerja M6 dalam Sesi Bimbingan 1

1) 6623 毫升 = 6 升 623 毫升 	2) 7064 毫升 = 7 升 064 毫升 
3) 1108 毫升 = 1 升 108 毫升 	4) 9005 毫升 = 9 升 005 毫升 

Rajah 6. Hasil kerja M2 dalam Sesi Bimbingan 2


1) 5 升 784 毫升 = 5 升 784 毫升 	2) 1 升 11 毫升 = 1 升 011 毫升 
3) 6 升 4 毫升 = 6 升 004 毫升 	4) 6 升 9 毫升 = 6 升 009 毫升 
5) 3596 毫升 = 3 升 596 毫升 	6) 4056 毫升 = 4 升 056 毫升 
7) 3306 毫升 = 3 升 306 毫升 	8) 7009 毫升 = 7 升 009 毫升 

Rajah 7. Hasil kerja M8 dalam Sesi Bimbingan 3


1) 4 升 117 毫升 = 4117 毫升 	2) 8 升 13 毫升 = 8013 毫升 
3) 5 升 6 毫升 = 5006 毫升 	4) 1 升 9 毫升 = 1009 毫升 
5) 8113 毫升 = 8 升 113 毫升 	6) 1207 毫升 = 1 升 207 毫升 
7) 7064 毫升 = 7 升 064 毫升 	8) 9005 毫升 = 9 升 005 毫升 

Rajah 8. Hasil kerja M9 dalam Ujian

Dalam Latihan Sesi Bimbingan 1, M4 menjawab Soalan 3 dengan salah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9. Dalam Latihan Sesi Bimbingan 3, M1 telah menjawab Soalan 3 dengan salah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10. Kesilapan mereka adalah disebabkan mereka telah meletakkan nombor dalam nilai tempat yang salah.


3) 2 升 7 毫升 = 2 100 毫升  


Rajah 9. M4 menjawab Soalan 3 dengan salah

3) 6 升 4 毫升 = 6400 毫升  


Rajah 10. M1 menjawab Soalan 3 dengan salah

Dalam Ujian, M5 telah menjawab Soalan 1 dengan salah akibat kecuaiian. Kesilapan tersebut ditunjukkan dalam Rajah 11.

1) 4 升 117 毫升 = 4 11(3) 毫升  


Rajah 11. M5 menjawab Soalan 1 dengan salah

Kaedah JOMISI dapat meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran penukaran unit dari ml ke kombinasi l dan ml. Bagi kemahiran ini, pola kesilapan dalam Ujian Diagnostik

tidak wujud dalam latihan dan ujian yang berkaitan. Jadual 2 telah menunjukkan perbandingan skor bagi latihan dan ujian tersebut.

Jadual 2  
Perbandingan bilangan soalan dijawab dengan betul

Murid	Bilangan soalan yang dijawab dengan betul		
	Latihan Sesi Bimbingan		Ujian
	2	3	
1	4	4	4
2	4	4	4
3	4	4	4
4	4	4	4
5	4	4	4
6	4	4	4
7	4	4	4
8	4	4	4
9	4	4	4
Min keseluruhan	4	4	4

Menurut Jadual 2, min keseluruhan bagi latihan dan ujian berkaitan adalah sama, iaitu kekal dalam 4. Semua peserta kajian telah menjawab semua soalan dengan betul dalam latihan dan ujian berkaitan.

Berdasarkan transkripsi TB 3 dan nota lapangan, Kaedah JOMISI dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran kemahiran penukaran unit dari kombinasi l dan ml ke ml dan sebaliknya. Rajah 12, Rajah 13 dan Rajah 14 menunjukkan analisis bagi soalan 1, soalan 2 dan soalan 3 TB 3 dengan kod berbeza.

Soalan : Kamu lebih suka kaedah tradisional atau Kaedah JOMISI?		
Peserta Kajian	Respon	Kod
M1	<b>JOMISI</b>	1
M2	<b>JOMISI !</b>	1
M3	<b>JOMISI</b>	1
M4	<b>JOMISI !</b> cikgu.	1
M5	Cikgu, <b>JOMISI !</b>	1
M6	<b>JOMISI</b>	1
M7	<b>JOMISI !</b>	1
M8	suka <b>JOMISI</b> , cikgu.	1
M9	suka <b>JOMISI</b>	1

Penentuan Kod:

- Suka
  - JOMISI
  - Kaedah JOMISI
- Tidak suka
  - kaedah tradisional

Rajah 12. Analisis Soalan 1 dalam transkripsi TB 3

Menurut analisis Rajah 12, semua peserta kajian lebih suka Kaedah JOMISI berbanding dengan kaedah tradisional. Analisis Rajah 13 menunjukkan semua peserta kajian berpendapat Kaedah JOMISI lebih mudah berbanding dengan kaedah tradisional. Daripada analisis Rajah 14, Kaedah JOMISI berjaya menarik minat peserta kajian untuk mempelajari kemahiran penukaran unit isi padu cecair yang melibatkan l dan ml.

**Soalan : Kenapa?**

Peserta Kajian	Respon	Kod
M1	Kaedah ini sangat <b>mudah</b> dan tidak perlu kira panjang-panjang	1
M2	Kaedah ini <b>mudah</b> . Lukis dan isi sahaja.	1
M3	JOMISI <b>mudah</b> dan saya boleh buat dengan cepat.	1
M4	Kaedah ini lukis dan isi sahaja, sangat <b>mudah!</b>	1
M5	JOMISI <b>mudah</b> dan cepat.	1
M6	Hanya lukis dan isi sahaja, <b>tak paya kira-kira</b> pun.	1
M7	JOMISI <b>tak paya kira</b> , saya tak akan salah kira lagi.	1
M8	JOMISI isi sahaja, boleh buat sangat <b>cepat</b>	1
M9	JOMISI <b>mudah</b> , tak paya kira pun.	1

Penentuan Kod:

- Mudah
  - mudah
  - cepat
  - tak paya kira
- Susah
  - susah
  - lambat
  - perlu kira

Rajah 13. Analisis Soalan 2 dalam transkripsi TB 3

**Soalan : Sekarang masih rasa soalan penukaran unit yang ada € dan m€ susahkah?**

Peserta Kajian	Respon	Kod
M1	<b>Tidak lagi</b> , saya dapat <b>guna JOMISI</b> untuk siap soalan itu dengan mudah. Haha!	1
M2	<b>Tidak</b> , saya boleh <b>guna JOMISI</b> untuk buat dengan cepat!	1
M3	<b>Tidak</b> , saya rasa soalan ini mudah ! Saya <b>guna JOMISI</b> .	1
M4	Haha! <b>Tidak</b> lagi. Saya <b>guna JOMISI</b> , lebih cepat daripada Honey!	1
M5	<b>Tidaklah</b> , <b>Guna JOMISI</b> , saya lebih cepat daripada Thomas!	1
M6	<b>Tidak</b> , cikgu. Saya <b>guna JOMISI</b> .	1
M7	Saya <b>ada JOMISI</b> , <b>mudah saja</b> soalan tu!	1
M8	<b>Tidak</b> , cikgu. Saya <b>buat dengan JOMISI</b> , cepat saja semua siap.	1
M9	<b>Tidak</b> , cikgu. <b>Guna JOMISI</b> buat cepat.	1

Penentuan Kod:

- Berminat untuk belajar dengan Kaedah JOMISI
  - Tidak , guna JOMISI / buat dengan JOMISI
  - ada JOMISI, mudah saja
- Tidak berminat untuk belajar dengan Kaedah JOMISI
  - Masih, saya tidak dapat guna JOMISI
  - susah guna JOMISI

Rajah 14. Analisis Soalan 4 dalam transkripsi TB 3

Jadual 3, Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6 menunjukkan analisis nota lapangan bagi setiap Sesi Bimbingan 1, Sesi Bimbingan 2, Sesi Bimbingan 3 dan Ujian.

Jadual 3  
Nota lapangan dalam setiap Sesi Bimbingan 1

TARIKH	MASA (SESI)	CATATAN
13/8/2019	7:00 – 7:40 (Sesi Bimbingan 1)	<p>Peserta kajian yang terlibat ialah M1, M2 dan M3. Selepas mengetahui kemahiran yang diajar, M1 <b>meminta kalkulator</b> daripada saya kerana dia sering cuai dalam pengiraan manakala M2 dan M3 pula menjadi <b>tidak bersemangat</b>. Selepas saya memperkenalkan Kaedah JOMISI peringkat pertama melalui kaedah demostrasi dengan contoh. Mereka nampak <b>kagum</b> terhadap Kaedah JOMISI. M2 kata kaedah ini mudah kerana tidak melibatkan operasi darab atau bahagi. M3 kata kaedah ini cepat. M1 <b>memuji</b> kaedah ini lebih mudah daripada caranya (M1 gemar untuk membuat kiraan dengan kalkulator). Selepas itu, mereka <b>aktif untuk mencubakan</b> kaedah tersebut.</p> <p>Semua peserta kajian telah <b>menjawab semua soalan dengan betul</b>, termasuklah M1 yang bersikap cuai.</p>
16/8/2019	7:30 – 8:00 (Sesi Bimbingan 1)	<p>Peserta kajian yang terlibat ialah M4, M5 dan M6. Ketika saya memberitahu mereka kemahiran yang diajar, semua berasa <b>bosan</b>. Saya memperkenalkan Kaedah JOMISI peringkat pertama kepada peserta kajian melalui kaedah demostrasi dengan contoh. Mereka mula nampak <b>berminat</b> terhadap Kaedah JOMISI. M4 dan M5 <b>kagum</b> bahawa kaedah ini mudah kerana tidak perlu pengiraan. M6 <b>memuji</b> kaedah ini mudah dan cepat. Semua peserta kajian bertindak dengan <b>bersemangat untuk mencuba</b> kaedah tersebut. Mereka telah menjawab Latihan Sesi Bimbingan 1 dengan <b>cepat</b>. M5 dan M6 telah <b>menjawab semua soalan dengan betul</b>, tetapi M4 salah satu soalan.</p>
20/8/2019	10:35 – 11:00 (Sesi Bimbingan 1)	<p>Peserta kajian yang terlibat ialah M7, M8 dan M9. Ketika saya memberitahu mereka kemahiran yang diajar, semua <b>kehilangan senyuman dan semangat</b>. Saya memperkenalkan Kaedah JOMISI peringkat pertama kepada peserta kajian melalui kaedah demostrasi dengan contoh. M8 <b>berminat</b> dan <b>kagum</b>. M7 dan M9 <b>memuji</b> kaedah ini mudah. Mereka <b>bersemangat untuk mencuba</b> kaedah tersebut. Mereka telah menjawab Latihan Sesi Bimbingan 1 dengan <b>cepat</b>. Semua peserta kajian telah <b>menjawab semua soalan dengan betul</b>.</p>

Dalam Sesi Bimbingan 1, terdapat semua peserta kajian menunjukkan tingkah laku dan perasaan negatif terhadap pembelajaran kemahiran ini, misalnya perasaan bosan, tidak bersemangat dan kehilangan senyuman. Selepas memperkenalkan Kaedah JOMISI peringkat pertama, peserta kajian menunjukkan perasaan kagum dan minat terhadap kaedah ini. Mereka memuji dan menjadi bersemangat untuk mencuba kaedah ini.



Jadual 4  
Nota lapangan dalam setiap Sesi Bimbingan 2

TARIKH	MASA (SESI)	CATATAN
13/8/2019	12:00 – 12:30 (Sesi Bimbingan 2)	Peserta kajian yang terlibat ialah M1, M2 dan M3. Mereka <b>berminat</b> dengan Kaedah JOMISI. Saya memperkenalkan Kaedah JOMISI peringkat kedua melalui kaedah demostrasi dengan contoh. Mereka nampak <b>gembira</b> kerana tidak perlu membuat operasi bahagi, terutamanya M2. Mereka menjawab soalan dengan riak muka yang <b>gembira</b> dan menjawab Latihan Sesi Bimbingan 2 dengan <b>cepat</b> . Semua peserta kajian telah <b>menjawab semua soalan dengan betul</b> , termasuklah M1 yang bersikap cuai.
16/8/2019	10:20 – 11:00 (Sesi Bimbingan 2)	Peserta kajian yang terlibat ialah M4, M5 dan M6. Mereka <b>bersemangat</b> untuk belajar. Saya memperkenalkan Kaedah JOMISI peringkat kedua kepada peserta kajian melalui kaedah demostrasi dengan contoh. Mereka <b>gembira</b> kerana tidak perlu membuat operasi bahagi, terutamanya M5 dan M6. Semua peserta kajian menjawab soalan dengan <b>gembira</b> dan <b>cepat</b> . Semua peserta kajian telah <b>menjawab semua soalan dengan betul</b> , termasuklah M4 dan M5 yang bersikap cuai.
20/8/2019	11:05 – 11:30 (Sesi Bimbingan 2)	Peserta kajian yang terlibat ialah M7, M8 dan M9. Mereka <b>bersemangat</b> untuk belajar. Saya memperkenalkan Kaedah JOMISI peringkat kedua kepada peserta kajian melalui kaedah demostrasi dengan contoh. Mereka <b>gembira</b> kerana tidak perlu buat operasi bahagi. Mereka menjawab soalan Latihan Sesi Bimbingan 2 dengan <b>bersemangat</b> dan <b>cepat</b> . Semua peserta kajian telah <b>menjawab semua soalan dengan betul</b> .

Dalam Sesi Bimbingan 2, boleh dilihat bahawa peserta kajian berminat dan bersemangat untuk belajar dengan Kaedah JOMISI. Semuanya berasa gembira kerana tidak perlu membuat operasi bahagi.

Jadual 5  
Nota lapangan dalam setiap Sesi Bimbingan 3

TARIKH	MASA (SESI)	CATATAN
14/8/2019 dan 15/8/2019	12:40 – 13:00 (Sesi Bimbingan 3)	Peserta kajian yang terlibat ialah M1, M2 dan M3. Saya mengulang kaji Kaedah JOMISI dengan peserta kajian melalui contoh. Mereka menjawab soalan diberi dengan <b>relaks</b> dan <b>gembira</b> . Semua peserta kajian telah menjawab Latihan Sesi Bimbingan 3 dengan <b>cepat</b> . M2 dan M3 telah <b>menjawab semua soalan dengan betul</b> , tetapi M1 salah satu soalan akibat sikap kecuaiannya.
19/8/2019	10:00 – 10:30 (Sesi Bimbingan 3)	Peserta kajian yang terlibat ialah M4, M5 dan M6. Saya mengulang kaji Kaedah JOMISI dengan peserta kajian melalui contoh. Semua peserta kajian menjawab soalan diberi dengan <b>relaks</b> dan <b>cepat</b> . Semua peserta kajian telah <b>menjawab semua soalan dengan betul</b> , termasuklah M4 dan M5 yang bersikap cuai.

21/8/2019	11:40 – 12:10 (Sesi Bimbingan 3)	Peserta kajian yang terlibat ialah M7, M8 dan M9. Saya mengulang kaji Kaedah JOMISI dengan peserta kajian melalui contoh. Mereka menjawab soalan Latihan Sesi Bimbingan 3 dengan yakin. Semua peserta kajian telah menjawab semua soalan dengan betul.
-----------	---	--

Melalui Sesi Bimbingan 3, boleh dilihat bahawa peserta kajian yakin dengan menggunakan Kaedah JOMISI dalam menjawab soalan latihan. Mereka juga berasa relaks selepas menguasai kaedah ini.

#### Jadual 6

##### Nota lapangan dalam Ujian

TARIKH	MASA (SESI)	CATATAN
22/8/2019	8:15 – 8:40 (Ujian)	Semua peserta kajian terlibat dalam ujian ini. Mereka berebut-rebut untuk menjawab ujian. Semua peserta kajian telah menjawab semua soalan dengan betul kecuali M5. M5 salah satu soalan akibat sikap kecuaiannya.

Dalam Ujian, semua peserta kajian berebut-rebut untuk menjawab soalan melalui Kaedah JOMISI dan semuanya telah dapat menjawab semua soalan Ujian dengan betul, kecuali M5.

#### REFLEKSI

Kaedah tradisional bagi kemahiran penukaran unit yang melibatkan kombinasi I dan ml memerlukan penglibatan operasi bergabung antara pendaraban dengan penambahan. Namun, Jadual 3 telah mencatat peserta kajian tidak suka soalan pengiraan. Kebanyakan kesilapan murid adalah disebabkan kecuaiannya dalam pengiraan dan lemah dalam menggunakan kaedah rumit yang melibatkan pengetahuan lepas atau operasi yang banyak (Powell & Fuchs, 2012; Boyle & Farreras, 2015). Oleh itu, Kaedah JOMISI yang tidak melibatkan mana-mana operasi dapat mengelakkan kesilapan dalam pengiraan dan membantu peserta kajian membuat penukaran unit dengan betul, seperti yang ditunjukkan dalam min keseluruhan Jadual 1 dan Jadual 2 yang tinggi. Mereka dapat memperlihatkan bahawa proses penukaran unit berkaitan dengan perkaitan unit. Pandangan ini selaras dengan kajian Judy Hartnett (2015) bahawa kaedah yang tidak melibatkan pengiraan tidak tersekat murid untuk mendapat jawapan betul tetapi membolehkan mereka memahami konsep yang terkandung.


Oleh sebab murid-murid Tahun 3 yang berumur 10 tahun dalam peringkat operasi konkrit, mereka kurang berkemampuan untuk memahami konsep abstrak (Fatimah Ibd, 2015). Kaedah JOMISI yang mengintegrasikan grafik dalam membantu peserta kajian memahami perkaitan unit isi padu cecair dan membuat penukaran unit dengan mudah, seperti yang ditunjukkan dalam analisis dan catatan Rajah 13, Rajah 14, Jadual 4 dan Jadual 5. Hal ini disokong oleh dapatan Davenport, Yaron, & Klahr (2008) yang menyatakan bahawa grafik dapat membantu murid memahami konsep yang abstrak.

Pengalaman pembelajaran mempengaruhi keberkesanan pembelajaran konsep, misalnya pembelajaran aktif dapat menjadikan murid belajar dengan berkesan (Jitendra, 2002). Seperti yang dinyatakan oleh Rosegard & Wilson (2013), kaedah yang mudah dan berkesan dapat menarik sifat ingin tahu murid. Justeru, kelebihan Kaedah JOMISI dalam menyelesaikan soalan penukaran unit dengan cepat melalui grafik juga dapat menarik sifat ingin tahu murid. Hal ini boleh diperlihatkan melalui perubahan tanda bukan lisan peserta kajian dari negatif ke positif dalam Jadual 3 hingga Jadual 6.



Kaedah JOMISI juga boleh digunakan bagi kemahiran penukaran unit bagi topik lain, misalnya jisim dan ukuran panjang. Bagi penukaran unit dari m ke cm dan sebaliknya dalam topik ukuran panjang, Kaedah JOMISI digunakan dengan menggunakan langkah yang sama kecuali grafik angka 1000 tersebut perlu ditukarkan kepada grafik angka 100. Bagi penukaran unit dari cm ke mm dan sebaliknya dalam topik ukuran panjang, Kaedah JOMISI digunakan dengan menggunakan langkah yang sama kecuali grafik angka 1000 tersebut perlu ditukarkan kepada grafik angka 10.

Walaupun Kaedah JOMISI diperlihatkan amat berkesan, ia tetap adanya aspek kelemahan. Kelemahannya ialah murid mungkin meletakkan nombor dalam nilai tempat yang salah, seperti kesilapan M1 dan M4 yang ditunjukkan dalam Rajah 9 dan Rajah 10. Untuk penambahbaikan, grafik angka 1000 berserta label warna akan dihasilkan dengan menggunakan kad manila dan menambahkan satu kad yang boleh ditarik. Pada mulanya, kad tersebut akan menutup ruang sifar pertama dan kedua seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 15. Jadi, murid belajar mengisi nombor bermula pada sifar terakhir (sifar paling kanan). Murid meneruskan langkah seterusnya dengan menarik kad tersebut ke arah kiri dan mengisikan nombor seterusnya pada ruang sifar seterusnya. Jika tanpa hasil produk ini, murid boleh melukis angka 1000 dan menutup ruang sifar yang asalnya ditutup oleh kad dengan tangan sendiri.



Rajah 15. Penambahbaikan Kaedah JOMISI.

Aspek lain yang boleh diperbaiki pula masih perlu dikaji demi memperkembangkan kegunaan Kaedah JOMISI dalam topik atau kemahiran lain selain dalam kemahiran penukaran unit.

## RUJUKAN

- Boyle, R., & Farreras, I. (2015). The effect of calculator use on college students' mathematical performance. *International Journal of Research in Education and Science*, 1, 95 - 100.
- Davenport, J., Yaron, D., & Klahr, D. (2008). When do diagrams enhance learning? A framework for designing relevant representations. *Journal International Conference For The Learning Sciences*, 1, 191 - 198.
- Fatimah Ibda. (2015). Perkembangan kognitif: Teori Jean Piaget. *Intelektualita*, 3, 27 - 38.
- Hartnett, J. (2015). Teaching computation in primary school without traditional written algorithms. *Mathematics Education Research Group of Australasia (MERGA)*, 38, 285 - 292.
- Jitendra, A. (2002). Teaching Students Math Problem-Solving through Graphic Representations. *Journal Teaching Exceptional Children*, 34 - 38.
- Maemie Julaihi. (2015). *Meningkatkan Penguasaan Penolakan Ukuran Panjang Melibatkan Penukaran Unit Dengan Kaedah "Ayunan Mangkuk*. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- NCETM Magazines Administrator. (17 April, 2013). *Maths to share - CPD for your school*, 20. Diperoleh pada 2020 Januari, 16, daripada NCETM Magazines: <https://www.ncetm.org.uk/resources/22757>
- Othman Lebar. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori dan amalan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Powell, S., & Fuchs, L. (2012). Early numerical competencies and students with Mathematics difficulty. *Journal Focus Except Child, 44*, 1 -16.
- Rosegard, E., & Wilson, J. (2013). Capturing students' attention: An empirical study. *Journal of the Scholarship of Teaching and Learning, 13*, 1 - 20.

## **“THE FLYING EGG”: SATU KAEDAH BER CERITA BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENAMBAHAN YANG MELIBATKAN PENGUMPULAN SEMULA**

**CHRIS LING SING HUI**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
chrislingsinghui@gmail.com

### **ABSTRAK**

Semasa menjalani Praktikum Fasa II, didapati bahawa terdapat beberapa orang murid Tahun 1 tidak dapat menjawab soalan berkaitan dengan penambahan wang (dalam unit sen) yang melibatkan pengumpulan semula dengan betul. Selepas menjalankan ujian diagnostik, murid-murid sebenarnya kurang menguasai kemahiran penambahan dengan mengumpul semula. Apabila menganalisis keputusan ujian sebelum tindakan, terdapat murid menulis hasil tambah tanpa mengambil kira nilai tempat sa dan puluh. Selain itu, terdapat juga murid menulis salah satu nombor yang terdapat pada tempat sa sebagai jawapannya dan melakukan penambahan pada tempat puluh tanpa melakukan pengumpulan semula. Justeru, saya telah menggunakan kaedah bercerita “*The Flying Egg*” untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula. Seramai 6 orang murid Tahun 1 dari SJK Chung Hua Pangkalan Baru terlibat dalam kajian tindakan ini. Selepas mendedahkan “*The Flying Egg*” kepada murid-murid melalui beberapa sesi bimbingan, saya menyediakan ujian selepas tindakan dan ujian lanjutan untuk mengenal pasti tahap penguasaan mereka. Didapati bahawa keenam-enam orang murid saya telah menunjukkan peningkatan peratus yang baik apabila mereka menjawab soalan penambahan yang mengumpul semula. Selepas mempelajari kemahiran tersebut, murid-murid juga dapat mengaplikasi kemahiran tersebut untuk menjawab soalan penambahan wang yang melibatkan unit sen secara tepat. Daripada proses kajian tindakan ini, saya sedar bahawa kaedah bercerita boleh menjadi satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat meningkatkan daya ingatan murid saya di samping menguasai sesuatu kemahiran, khususnya untuk murid-murid Tahun 1.

Kata kunci: Murid Tahun 1, penambahan yang melibatkan pengumpulan semula.

### **ABSTRACT**

*When undergoing Practicum Phase Two, I found some Year 1 pupils who could not add two quantities of money (in sen) involving regrouping correctly. After carried out the diagnostic test, I found that these pupils actually could not master the skills of addition with regrouping. Analysis of the pretest results showed that some pupils wrote the sum of the numbers by ignoring the place value of ones and tens. In addition, some pupils also wrote one of the numbers from the place value of ones as their answers and add the numbers in the place value of tens without regrouping the numbers. Thus, I created a simple story entitled “The Flying Egg” to enhance pupils’ skill in adding two numbers in two digits with regrouping. Six pupils from SJK Chung Hua Pangkalan Baru were involved in this action research. After introducing “The Flying Egg” to the pupils through several sessions, I prepared a post-test and an additional test to identify the pupils’ level of mastery. All six pupils showed remarkable improvement when they answered the questions about addition with regrouping. After they mastered the regrouping skill, the pupils applied it to answer questions regarding addition in money which involved regrouping correctly. During the proses of action research, I realised the storytelling can be a method of teaching and learning to improve my pupils’ memory and also mastery of skill, especially for Year 1 pupils.*

*Keywords: Year 1 Pupils, addition with regrouping.*


## PENGENALAN

Penambahan merupakan salah satu operasi asas yang penting dalam subjek Matematik. Apabila saya menjalani Praktikum Fasa 2 di SJK (C) Chung Hua Pangkalan Baru, terdapat beberapa orang murid Tahun 1 melakukan kesilapan semasa menjawab soalan berkaitan dengan penambahan wang (dalam unit sen) yang melibatkan pengumpulan semula. Justeru, "*The Flying Egg*" teretus untuk meningkatkan penguasaan murid Tahun 1 dalam kemahiran ini.

Dalam kaedah "*The Flying Egg*" ini, watak-watak yang terlibat seperti '*Flying Egg*' dan 'Roket Nombor 1' dalam bentuk gambar yang berwarna-warni telah dicipta. Sesuatu yang pelbagai warna dapat membantu murid-murid meningkatkan kefahaman di samping meningkatkan minat dan ingatan mereka dalam mempelajari Matematik (Conelia Ragum, 2012).


Saya berpendapat bahawa konsep penambahan yang melibatkan mengumpul semula lebih mudah difahami dan dipelajari oleh murid-murid Tahun 1 melalui kaedah bercerita. Saya juga sedar akan kepentingan penguasaan kemahiran ini untuk pembelajaran Matematik ke peringkat yang seterusnya.

Setelah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan, enam orang murid kurang mahir dalam menjawab soalan penambahan wang (dalam unit sen) yang melibatkan pengumpulan semula. Contohnya, apabila mereka menjawab soalan  $55 \text{ sen} + 25 \text{ sen}$ , pelbagai contoh kesilapan yang saya perhatikan seperti  $710 \text{ sen}$ ,  $85 \text{ sen}$  dan  $70 \text{ sen}$  yang terdapat dalam Rajah 1, 2 dan 3.




Handwritten student work showing the addition of 55 sen and 25 sen. The student has written the equation  $55 \text{ sen} + 25 \text{ sen} = 710 \text{ sen}$  at the top. Below it, the addition is performed vertically: 55 sen plus 25 sen, with a horizontal line under 25 sen, and the result 710 sen written below the line. A red checkmark is visible to the right of the work.

Rajah 1. Jawapan murid yang didapati, iaitu 710 sen dalam hasil kerjanya



Handwritten student work showing the addition of 55 sen and 25 sen. The student has written the equation  $55 \text{ sen} + 25 \text{ sen} = 85 \text{ sen}$  at the top. Below it, the addition is performed vertically: 55 sen plus 25 sen, with a horizontal line under 25 sen, and the result 85 sen written below the line. A red checkmark is visible to the right of the work.

Rajah 2. Jawapan murid yang didapati, iaitu 85 sen dalam hasil kerjanya.




55 sen + 25 sen =

$$\begin{array}{r} 55 \text{ sen} + 25 \text{ sen} = 70 \text{ sen} \\ 55 \text{ sen} \\ + 25 \text{ sen} \\ \hline 70 \text{ sen} \end{array}$$

α

Rajah 3. Jawapan murid yang didapati, iaitu 70 sen dalam hasil kerjanya

Bagi mengesahkan masalah pembelajaran murid-murid, saya menjalankan ujian diagnostik untuk mereka. Berdasarkan analisis ujian diagnostik, murid-murid kurang menguasai kemahiran penambahan wang (dalam unit sen) dengan mengumpul semula seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4, Rajah 5 dan Rajah 6.




35 sen + 15 sen = 40 sen

$$\begin{array}{r} 35 \text{ sen} \\ + 15 \text{ sen} \\ \hline 40 \text{ sen} \end{array}$$

X

Rajah 4. Hasil kerja Alice (Bukan nama sebenar)




45 sen + 25 sen = 60 sen

$$\begin{array}{r} 45 \text{ sen} \\ + 25 \text{ sen} \\ \hline 60 \text{ sen} \end{array}$$

X

Rajah 5. Hasil kerja Nana (Bukan nama sebenar)




45 sen + 25 sen = 65 sen

$$\begin{array}{r} 45 \text{ sen} \\ + 25 \text{ sen} \\ \hline 65 \text{ sen} \end{array}$$

X


Rajah 6. Hasil kerja Albert (Bukan nama sebenar)

Saya kawatir sama ada murid belum menguasai kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula ataupun disebabkan oleh penambahan yang melibatkan unit "sen". Bagi mengesahkan ketidakpastian ini, saya melaksanakan Ujian Diagnostik 2 kepada murid-murid saya. Berdasarkan keputusan Ujian Diagnostik 2, contoh-contoh kesilapan murid (Rajah 7, 8 dan 9) adalah masih sama seperti dalam Ujian Diagnostik 1.




Handwritten student work for the addition problem  $24 + 36 = 50$ . The student has written the equation at the top. Below it, they have shown a vertical addition:  $24$  plus  $36$  equals  $50$ . A red 'X' is drawn to the right of the work, indicating it is incorrect.

Rajah 7. Hasil kerja Flora (Bukan nama sebenar)



Handwritten student work for the addition problem  $65 + 15 = 70$ . The student has written the equation at the top. Below it, they have shown a vertical addition:  $65$  plus  $15$  equals  $70$ . A red 'X' is drawn to the right of the work, indicating it is incorrect.

Rajah 8. Hasil kerja Jordan (Bukan nama sebenar)



Handwritten student work for the addition problem  $24 + 36 = 56$ . The student has written the equation at the top. Below it, they have shown a vertical addition:  $24$  plus  $36$  equals  $56$ . A red 'X' is drawn to the right of the work, indicating it is incorrect.

Rajah 9. Hasil kerja Kevin (Bukan nama sebenar)

Selepas menjalankan kedua-dua ujian diagnostik, murid-murid sebenarnya kurang menguasai kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula. Seperti yang kita ketahui operasi penambahan merupakan asas pengiraan dalam pembelajaran Matematik bagi murid Tahun 1, justeru saya memandang serius terhadap masalah yang dihadapi oleh murid-murid Tahun 1. Maka, saya melaksanakan satu kajian tindakan untuk membantu murid menguasai kemahiran ini. Sekiranya masalah ini tidak dibendung dari awal, sudah pasti mereka akan menghadapi masalah pada Tahun 1 dan berikutnya.

## FOKUS KAJIAN

Berdasarkan masalah yang dikenal pasti, kajian ini berfokus untuk meningkatkan penguasaan enam orang murid Tahun 1 di SJK (C) Chung Hua Pangkalan Baru dalam kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula.

## OBJEKTIF KAJIAN

- Objektif kajian ini adalah untuk
- meningkatkan penguasaan enam orang murid Tahun 1 di SJK (C) Chung Hua Pangkalan Baru dalam kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula dengan menggunakan inovasi "*The Flying Egg*".
  - meningkatkan penguasaan enam orang murid Tahun 1 di SJK (C) Chung Hua Pangkalan Baru dalam kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula tanpa menggunakan inovasi "*The Flying Egg*".

## PESERTA KAJIAN

Kajian ini disasarkan kepada enam orang murid Tahun 1, iaitu tiga orang murid lelaki (Kevin, Jordan dan Albert) dan tiga orang murid perempuan (Flora, Alice dan Nana) di SJK (C) Chung Hua Pangkalan Baru yang menghadapi masalah dalam kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula. Dalam kajian ini, murid-murid yang terlibat adalah antara mereka yang mempunyai prestasi sederhana dan rendah dalam mata pelajaran Matematik.

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

### Langkah-Langkah Tindakan

Setelah membuat proses refleksi PdP, perancangan yang rapi dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid Tahun 1. Saya membahagikan enam orang murid saya kepada dua kumpulan bagi memantau tingkah laku dan prestasi murid dengan jelas. Selepas mengenal pasti masalah murid saya melalui ujian diagnostik, ujian sebelum tindakan yang mengandungi empat soalan subjektif disediakan untuk menentukan tahap penguasaan murid-murid tentang kemahiran penambahan nombor yang melibatkan pengumpulan semula.

Pada sesi pertama, saya menerangkan cara penggunaan "*The Flying Egg*" secara jelas kepada murid-murid saya dengan memberi sekurang-kurangnya tiga contoh soalan penambahan. Pada sesi kedua, murid saya dikehendaki membuat latihan secara berkumpulan dengan menggunakan "*The Flying Egg*". Pada sesi ketiga, murid-murid cuba menjawab soalan penambahan secara individu tanpa menggunakan "*The Flying Egg*".

Selepas itu, saya menyediakan ujian selepas tindakan yang mengandungi empat soalan sama seperti dengan ujian sebelum tindakan dan dua soalan tambahan bagi menilai sama ada murid-murid dapat menjawab soalan penambahan yang melibatkan nilai hasil tambah melebihi 100.

Seterusnya, saya memberikan satu lembaran kerja untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid saya dalam kemahiran penambahan wang (dalam unit sen) tanpa menggunakan inovasi "*The Flying Egg*". Soalan yang diberikan dalam lembaran kerja adalah yang sama seperti Ujian Diagnostik 1 untuk membandingkan hasil kerja murid secara keseluruhan sebelum dan selepas inovasi ini digunakan.

### **Cara Mengumpul Data**

Tiga kaedah pengumpulan data yang telah saya laksanakan ialah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Untuk analisis dokumen, saya telah mengumpul hasil kerja murid Tahun 1 sepanjang kajian tindakan.

Bagi pemerhatian pula, saya telah memerhati perubahan perangai dan reaksi murid Tahun 1 semasa mengendalikan inovasi "*The Flying Egg*". Instrumen pemerhatian, iaitu senarai semak pemerhatian berdasarkan aspek tingkah laku, emosi dan penglibatan murid digunakan dalam kajian ini. Hasil daripada segala pemerhatian dicatat dalam bentuk nota lapangan.

Akhir sekali, saya telah menemu bual murid saya secara separa berstruktur selepas pelaksanaan inovasi "*The Flying Egg*" untuk mengenal pasti pandangan mereka terhadap pembelajaran topik penambahan. Dialog antara saya dengan murid Tahun 1 tercatat dalam transkrip temu bual.

### **Cara Menganalisis Data**

Untuk menganalisis dokumen, saya menganalisis hasil kerja enam orang murid tersebut yang mengandungi langkah-langkah kerja. Jawapan mereka diimbis dan dipaparkan pada laporan kajian untuk menyokong penjelasan langkah kerja mereka.

Selain itu, saya menunjukkan semua skor ujian yang berbentuk peratus dalam bentuk jadual. Carta palang juga dipersembahkan untuk menunjukkan perubahan murid saya dalam pencapaian antara ujian sebelum tindakan dengan ujian selepas tindakan. Manakala, skor latihan yang diperolehi oleh enam orang murid saya dalam sesi-sesi bimbingan dipersembahkan dalam jadual.

Dalam kajian ini, kaedah analisis isi kandungan secara diskriptif digunakan untuk menganalisis isi kandungan dalam nota lapangan. Isi-isi penting dipetik dalam nota lapangan dan seterusnya dipaparkan sebagai bukti sokongan saya. Hasil analisis nota lapangan juga disokong oleh gambar-gambar yang diambil sepanjang tindakan dilaksanakan.

Di samping itu, kaedah analisis bertema dilaksanakan untuk menganalisis transkrip temu bual berdasarkan dialog antara saya dengan murid Tahun 1. Tema dikenalpasti melalui isi yang berulang-ulang yang membentuk satu corak. Kemudian, dialog juga dipetik dan dipaparkan sebagai bukti sokongan.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Pencapaian Murid Sepanjang Sesi-Sesi Bimbingan**

Peningkatan penguasaan murid-murid dalam kemahiran penambahan ditunjukkan melalui skor pencapaian semasa sesi bimbingan dilaksanakan. Sesi-sesi dilaksanakan seperti dalam Rajah 10, 11 dan 12.



Rajah 10. Murid melekat 'Flying Egg' pada papan tersebut





Rajah 11. Murid melekat 'Flying Egg' pada 'Roket Nombor 1'



Rajah 12. Murid menulis nombor pada papan "The Flying Egg"

Pada sesi bimbingan pertama, saya menggunakan papan "*The Flying Egg*" untuk menerangkan cara-cara penggunaannya. Pada sesi bimbingan kedua, murid-murid menjawab soalan penambahan dalam lembaran kerjanya secara berkumpulan dengan menggunakan papan "*The Flying Egg*". Skor pencapaian murid-murid dalam lembaran kerja ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Skor Pencapaian murid dalam Lembaran Kerja selepas Sesi Bimbingan 1 dan 2 Dijalankan

Nama Murid	Sesi Bimbingan 1		Sesi Bimbingan 2	
	Skor Lembaran Kerja	Peratus (%)	Skor Lembaran Kerja	Peratus (%)
Kevin	4/4	100	4/4	100
Flora	4/4	100	4/4	100
Alice	4/4	100	4/4	100
Jordan	4/4	100	4/4	100
Nana	4/4	100	4/4	100
Albert	4/4	100	4/4	100

Dalam Jadual 1, murid-murid telah berjaya mencapai 100% bagi setiap lembaran kerja dalam sesi-sesi bimbingan. Dalam sesi bimbingan pertama, setiap murid telah melukis 'Roket Nombor 1' dan '*Flying Egg*' dalam lembaran kerja mereka (Rajah 13 hingga 16).

(a)  $25 + 15 = 40$

Handwritten work showing the addition of 25 and 15. A vertical line is drawn to the left of the numbers. The sum 40 is written below a horizontal line. A red checkmark is present to the right.

Rajah 13. Hasil kerja Kevin semasa sesi bimbingan 1

(a)  $25 + 15 = 40$

Handwritten work showing the addition of 25 and 15. A small drawing of a plane is above the numbers. The sum 40 is written below a horizontal line. A red checkmark is present to the right.

Rajah 14. Hasil kerja Nana semasa sesi bimbingan 1

(c)  $15 + 18 = 33$

Handwritten work showing the addition of 15 and 18. The sum 33 is written below a horizontal line. To the right, a vertical line of circles is drawn. A red checkmark is present to the right.

Rajah 15. Hasil kerja Alice dalam sesi bimbingan 2

(a)  $23 + 27 = 50$

Handwritten work showing the addition of 23 and 27. The sum 50 is written below a horizontal line. To the right, a vertical line of circles is drawn. A red checkmark is present to the right.

Rajah 16. Hasil kerja Jordan semasa sesi bimbingan 2


Bagi pelaksanaan sesi bimbingan ketiga pula, murid-murid membuat lembaran kerja secara individu tanpa menggunakan papan "The Flying Egg". Skor pencapaian lembaran kerja bagi semua orang murid semasa pelaksanaan sesi bimbingan ketiga digambarkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Skor Pencapaian murid dalam Lembaran Kerja selepas Sesi Bimbingan 3 Dijalankan


Nama Murid	Skor Lembaran Kerja	Peratus (%)
Kevin	4/4	100
Flora	4/4	100
Alice	4/4	100
Jordan	4/4	100
Nana	4/4	100
Albert	4/4	100

Dalam Jadual 2, keenam-enam orang murid telah menunjukkan 100% dalam lembaran kerja mereka dalam sesi bimbingan ketiga. Mereka telah membantu 'Flying Egg' terbang ke tempat puluh secara lukisan apabila didapati melebihi 10 biji 'Flying Egg' seperti yang dipaparkan dalam Rajah 17.



Rajah 17. Hasil kerja Flora semasa sesi bimbingan 3

Selain itu, murid-murid telah membantu 'Flying Egg' terbang ke tempat puluh dengan menggunakan lukisan 'Roket Nombor 1' seperti hasil kerja Albert dalam Rajah 18.



Rajah 18. Hasil kerja Albert semasa sesi bimbingan 3

Berdasarkan contoh-contoh hasil kerja murid, dapat dilihat bahawa inovasi “*The Flying Egg*” amat membantu mereka dalam penguasaan kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula.

### Keputusan Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan

Saya telah menyediakan ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan kepada Kevin, Flora, Alice, Jordan, Nana dan Albert. Data-data yang terkumpul dipaparkan dalam Jadual 3 untuk melihat perubahan skor pencapaian ujian sebelum dan selepas tindakan dalam kalangan murid.


Jadual 3

Jadual skor pencapaian ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan


Nama Murid	Ujian Sebelum Tindakan		Ujian Selepas Tindakan		Peningkatan Peratus (%)
	Skor	Peratus (%)	Skor	Peratus (%)	
Kevin	0/4	0	6/6	100	100
Flora	0/4	0	6/6	100	100
Alice	0/4	0	6/6	100	100
Jordan	0/4	0	6/6	100	100
Nana	0/4	0	6/6	100	100
Albert	0/4	0	6/6	100	100

Berdasarkan Jadual 3 yang telah ditunjukkan, keenam-enam orang murid Tahun 1 mendapat 0% daripada ujian tersebut. Namun, keenam-enam orang murid telah berjaya menjawab semua soalan bagi ujian selepas tindakan dengan betul. Ini telah menunjukkan peningkatan peratus sebanyak 100% berlaku dalam kalangan murid saya selepas inovasi “*The Flying Egg*” didedahkan kepada mereka.


Daripada ujian tersebut, beberapa contoh jawapan murid saya diimbas dan dipaparkan untuk membuat perbandingan langkah kerja mereka (Rajah 19 hingga 24).




Rajah 19. Ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan Kevin



Rajah 20. Ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan Alice



Rajah 21. Ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan Flora



Rajah 22. Ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan Jordan



(c)  $48 + 27 = 615$

Ujian Sebelum Tindakan

(c)  $48 + 27 = 75$

Ujian Selepas Tindakan

Rajah 23. Ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan Nana

(d)  $35 + 55 = 81$

Ujian Sebelum Tindakan

(d)  $35 + 55 = 90$

Ujian Selepas Tindakan

Rajah 24. Ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan Albert

### Hasil Pemerhatian

Dalam hasil pemerhatian, murid-murid saya amat berminat terhadap watak-watak yang terdapat dalam inovasi “*The Flying Egg*” seperti watak ‘*Flying Egg*’ dan ‘Roket Nombor 1’. Langkah-langkah penggunaannya juga menimbulkan rasa ingin tahu yang kuat daripada mereka seperti dalam nota lapangan saya pada 1 Ogos 2019 dan Rajah 25.

“... Jordan, Nana dan Albert berebut-rebut untuk melekat ‘*Flying Egg*’ pada papan “*The Flying Egg*” selepas didedahkan cara penggunaannya. Jordan dan Albert sangat aktif melibatkan diri dalam proses pembelajaran ini kerana terdapat ‘Roket Nombor 1’, manakala Nana suka menyemak langkah-langkah penyelesaian...”

(NL/1 Ogos 2019)

Seterusnya, murid saya sanggup menunjukkan minat mereka terhadap inovasi “*The Flying Egg*” dengan melibatkan diri secara aktif dalam sesi bimbingan kedua ini seperti yang tercatat dalam nota lapangan saya pada 5 Ogos 2019 dan Rajah 26.

“... Flora mula aktif menjawab soalan dan cuba melibatkan diri dalam proses pembelajaran ini... Alice aktif menggunakan papan “*The Flying Egg*”... Flora pula berupaya untuk membantu kumpulan mereka untuk menyelesaikan soalan penambahan dengan menggunakan papan “*The Flying Egg*”...”

(NL/5 Ogos 2019)



Rajah 25. Murid-murid melekatkan 'Flying Egg' pada 'Roket Nombor 1'



Rajah 26. Murid-murid melekatkan 'Flying Egg' pada 'Roket Nombor 1'

### Hasil Temu Bual

Selepas mendedahkan inovasi "*The Flying Egg*", saya telah melaksanakan temu bual bersama dengan murid saya. Murid saya amat tertarik terhadap inovasi "*The Flying Egg*". Inovasi ini juga memberi peringatan yang mendalam termasuklah watak '*Flying Egg*' dan 'Roket Nombor 1' kepada murid saya (Rajah 27).

Saya : Adakah "*The Flying Egg*" menyeronokkan dan menarik bagi anda? Mengapa?  
Kevin : Ya. Kerana saya dapat menulis nombor pada papan ini.  
Flora : Ya. Saya boleh membantu '*Flying Egg*' terbang dengan menggunakan roket.  
Alice : Ya. Saya boleh melekat '*Flying Egg*' pada papan ini dan 'Roket Nombor 1'.

Rajah 27. Transkrip temu bual antara saya dengan Kevin, Flora dan Alice

Selain itu, murid-murid juga menjadi lebih yakin dalam menjawab soalan penambahan kerana mereka berupaya untuk menyelesaikan semua soalan yang diberikan dengan cepat dan tepat (Rajah 28).

Saya : Adakah "The Flying Egg" membantu anda lebih memahami konsep penambahan yang melibatkan pengumpulan semula? Bagaimana?  
Jordan : Ada. Membolehkan saya belajar. 'Flying Egg' membantu saya belajar, barulah saya boleh menambah.  
Nana : Ada. Mengajar saya Matematik.  
Albert : Ada. Mengajar apa yang saya tidak faham.

Rajah 28. Transkrip temu bual antara saya dengan Jordan, Nana dan Albert

### Peningkatan Penguasaan Penambahan Wang dengan Pengumpulan Semula

Selepas menjalankan ujian selepas tindakan, saya juga menguji tahap penguasaan murid dalam kemahiran penambahan wang (dalam unit sen) yang melibatkan pengumpulan semula. Saya menggunakan soalan dalam Ujian Diagnostik 1, khususnya soalan penambahan wang yang melibatkan pengumpulan semula supaya saya membuat perbandingan dari aspek langkah kerja dan jawapan murid.

Bagi hasil kerja Kevin, dia melukis bilangan 'Flying Egg' dan 'Roket Nombor 1' untuk menjawab soalan dengan betul seperti yang digambarkan dalam Rajah 29. Di samping itu, Flora dan Alice telah menggunakan lukisan 'Roket Nombor 1' untuk menjawab soalan penambahan wang (dalam unit sen) yang melibatkan pengumpulan semula seperti dalam Rajah 30 dan Rajah 31.

The image shows two panels of handwritten work. The left panel, labeled 'Ujian Diagnostik 1', shows the equation  $35 \text{ sen} + 15 \text{ sen} = 45 \text{ sen}$  and a vertical addition:  $\begin{array}{r} 35 \text{ sen} \\ + 15 \text{ sen} \\ \hline 45 \text{ sen} \end{array}$ . A red 'X' is in the bottom right corner. The right panel, labeled 'Hasil Kerja Kevin', shows the equation  $(f) 35 \text{ sen} + 15 \text{ sen} = 50 \text{ sen}$  and a vertical addition:  $\begin{array}{r} 35 \text{ sen} \\ + 15 \text{ sen} \\ \hline 50 \text{ sen} \end{array}$ . To the right of the addition is a drawing of a rocket with ten circles representing windows. A red checkmark is in the bottom right corner.

Rajah 29. Ujian Diagnostik 1 dan hasil kerja Kevin

The image shows two panels of handwritten work. The left panel, labeled 'Ujian Diagnostik 1', shows the equation  $35 \text{ sen} + 15 \text{ sen} = 30 \text{ sen}$  and a vertical addition:  $\begin{array}{r} 35 \text{ sen} \\ + 15 \text{ sen} \\ \hline 30 \text{ sen} \end{array}$ . A red 'X' is in the bottom right corner. The right panel, labeled 'Hasil Kerja Flora', shows the equation  $(f) 35 \text{ sen} + 15 \text{ sen} = 50 \text{ sen}$  and a vertical addition:  $\begin{array}{r} 35 \text{ sen} \\ + 15 \text{ sen} \\ \hline 50 \text{ sen} \end{array}$ . A red checkmark is in the bottom right corner.

Rajah 30. Ujian Diagnostik 1 dan hasil kerja Flora



$45 \text{ sen} + 25 \text{ sen} = 47 \text{ sen}$ $\begin{array}{r} 45 \text{ sen} \\ + 25 \text{ sen} \\ \hline 47 \text{ sen} \end{array}$ Ujian Diagnostik 1	$(e) 45 \text{ sen} + 25 \text{ sen} = 70 \text{ sen}$ $\begin{array}{r} 45 \text{ Sen} \\ + 25 \text{ Sen} \\ \hline 70 \text{ Sen} \end{array}$ Hasil Kerja Alice
--	---

Rajah 31. Ujian Diagnostik 1 dan hasil kerja Alice


Bagi Jordan, Nana dan Albert pula, mereka boleh menjawab soalan penambahan wang (dalam unit sen) dalam bentuk lazim (Rajah 32 hingga 34).

$35 \text{ sen} + 15 \text{ sen} = 410 \text{ sen}$ $\begin{array}{r} 35 \text{ sen} \\ + 15 \text{ sen} \\ \hline 410 \text{ sen} \end{array}$ Ujian Diagnostik 1	$(f) 35 \text{ sen} + 15 \text{ sen} = 50 \text{ sen}$ $\begin{array}{r} 35 \text{ sen} \\ + 15 \text{ sen} \\ \hline 50 \text{ sen} \end{array}$ Hasil Kerja Jordan
--	--

Rajah 32. Ujian Diagnostik 1 dan hasil kerja Jordan

$45 \text{ sen} + 25 \text{ sen} = 610 \text{ sen}$ $\begin{array}{r} 45 \text{ sen} \\ + 25 \text{ sen} \\ \hline 610 \text{ sen} \end{array}$ Ujian Diagnostik 1	$(e) 45 \text{ sen} + 25 \text{ sen} = 70 \text{ sen}$ $\begin{array}{r} 45 \text{ sen} \\ + 25 \text{ sen} \\ \hline 70 \text{ sen} \end{array}$ Hasil Kerja Nana
--	--

Rajah 33. Ujian Diagnostik 1 dan hasil kerja Nana



Rajah 34. Ujian Diagnostik 1 dan hasil kerja Albert

Secara kesimpulannya, inovasi “*The Flying Egg*” berjaya meningkatkan kemahiran enam orang murid Tahun 1 dalam melakukan penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula berdasarkan analisis semasa Sesi Bimbingan 1 dan Sesi Bimbingan 2. Selain itu, murid-murid saya juga dapat melakukan penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula dengan betul tanpa menggunakan inovasi “*The Flying Egg*” berdasarkan analisis dalam Sesi Bimbingan 3 dan ujian selepas tindakan. Di samping itu, murid-murid saya juga dapat mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam menjawab soalan penambahan wang (dalam unit sen) yang mengumpul semula. Hasil pemerhatian dan temu bual sepanjang pelaksanaan tindakan juga menampakkan penglibatan aktif dan penerimaan baik murid-murid terhadap inovasi “*The Flying Egg*”.

## REFLEKSI

Kajian tindakan merupakan satu amalan reflektif pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran (Ho, et al., 2013). Saya mendapati bahawa kajian tindakan merupakan suatu proses yang melibatkan diri saya untuk membantu murid-murid saya yang menghadapi masalah Matematik di samping mengkaji amalan pengajaran dan pembelajaran saya semasa saya mengajar mata pelajaran Matematik.

Melalui proses kajian tindakan ini, saya menyedari bahawa masalah yang dihadapi oleh murid tidak semestinya merupakan masalah sebenar bagi murid tersebut. Contohnya, saya mendapati bahawa murid-murid saya, iaitu Kevin, Flora, Alice, Jordan, Nana dan Albert menghadapi masalah dalam penambahan wang (dalam unit sen) yang mengumpul semula semasa menjalankan PdP di dalam kelas dan juga pelaksanaan Ujian Diagnostik 1. Namun, masalah sebenar yang dihadapi oleh murid adalah mereka kurang menguasai kemahiran penambahan nombor dua digit dengan nombor dua digit yang melibatkan pengumpulan semula selepas menjalankan Ujian Diagnostik 2.

Di samping itu, kajian tindakan ini amat menggalakkan saya berfikiran kreatif dan inovatif. Saya memperkenalkan kaedah bercerita “*The Flying Egg*” bagi membantu murid-murid saya mempelajari kemahiran penambahan yang melibatkan pengumpulan semula dengan lebih efektif dan menyeronokkan. Kaedah ini juga dapat menjadikan murid lebih interaktif serta berpusatkan kepada murid. Murid-murid saya menjadi lebih bermotivasi untuk belajar sekiranya mereka dilibatkan secara aktif dalam proses pembelajaran dan berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada (Muhammad Faizal A. Ghani & Williams, 2014).

Melalui kajian ini, saya turut mengetahui bahawa penggunaan warna penting untuk digunakan sebagai bahan bantu mengajar di sekolah. Penggunaan pelbagai warna dapat membantu murid-murid meningkatkan kefahaman di samping meningkatkan minat dan ingatan mereka dalam mempelajari Matematik (Conelia Ragum, 2012).

Saya telah memperkenalkan kaedah “The Flying Egg” secara berperingkat, iaitu mulai daripada fasa konkrit, seterusnya fasa semikonkrit sehinggalah fasa abstrak. Pengalaman konkrit adalah paling berkesan untuk memahami sesuatu idea yang baru dalam pembelajaran murid-murid (Marzita Puteh, 2012). Dalam fasa konkrit, murid-murid dapat melihat langkah-langkah penyelesaian soalan penambahan yang melibatkan pengumpulan semula dengan jelas seperti murid-murid haruslah mengumpul 10 biji ‘Flying Egg’ pada tempat sa, barulah dapat memanggil ‘Roket Nombor 1’, seterusnya menerbangkan 10 biji ‘Flying Egg’ tersebut ke tempat puluh. Apabila murid-murid memperoleh pengetahuan konkrit, proses ini akan membantu mereka memahami pengetahuan semikonkrit dan abstrak bagi kemahiran menambah (Law, 2015).

Pada masa yang sama, murid-murid digalakkan untuk bermain sambil belajar dengan papan “The Flying Egg” kerana proses tersebut mampu memberi kefahaman konsep secara tidak langsung (Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin, & Yeo, 2015). Melalui kaedah tersebut, saya mendapati murid-murid berpeluang melakukan dan menerokai sesuatu dalam aktiviti-aktiviti dan menjadikan pembelajaran mereka lebih bermakna. Hal ini kerana murid dapat memperoleh pengalaman langsung melalui penerokaan, proses cuba-jaya dan manipulasi bahan-bahan.

Pada Sesi Bimbingan 3 pula, fasa abstrak dilaksanakan bersama dengan murid saya tanpa menggunakan papan “The Flying Egg”. Bagi fasa ini, pengiraan penambahan secara mental terlibat dalam proses pembelajaran murid saya secara individu. Pada sesi ini, saya menyedarkan bahawa pembelajaran secara berperingkat sangat penting kepada murid kerana murid akan beralih kepada peringkat seterusnya yang lebih abstrak apabila berjaya menguasai peringkat asas.

## **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Berdasarkan kajian tindakan yang telah dilaksanakan, disebabkan oleh kertas ‘Flying Egg’ yang dihasilkan mudah tergoyak selepas digunakan oleh murid saya beberapa kali, maka saya akan menggunakan bahan yang lebih berkualiti untuk membuat ‘Flying Egg’.

Selain itu, saya boleh cuba untuk mengaplikasikan kaedah “The Flying Egg” dalam kemahiran penolakan. Saya akan mengubah suai cara penggunaan kaedah “The Flying Egg” supaya kaedah ini juga boleh diaplikasikan dalam kemahiran penolakan.

Secara kesimpulannya, saya berharap kaedah “The Flying Egg” boleh digunakan secara meluas dalam kalangan murid-murid. Saya akan melanjutkan tindakan ini kepada murid-murid lain yang menghadapi masalah penambahan atau pun penolakan yang melibatkan pengumpulan semula pada masa depan.

## **RUJUKAN**

- Conelia Ragum. (2012). Penggunaan nombor berwarna dalam membantu murid mengingat nombor 1 hingga 9. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 1-11.
- Ho, H. T., Rahmah Murshidi, Gan, W. L., Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee, H. Y., . . . Stanley Abang. (2013). *Penyelidikan tindakan*. Kota Samarahan, Sarawak: Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan.
- Law, C. H. (2015). *Penggunaan kaedah CSA dalam penguasaan kemahiran menambah antara nombor dua digit dengan satu digit dalam kelangan murid pemulihan Tahun 3*. Kota Samarahan: Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Marzita Puteh. (2012). Pembelajaran dan pengajaran Sains dan Matematik yang efektif penggerak transformasi minda. *Prosiding Kolokium Kebangsaan Pasca Siswazah Sains dan Matematik*, 1-5.
- Muhammad Faizal A. Ghani, & Williams, J. (2014). Harapan murid bermasalah terhadap pengajaran guru: Satu kajian awal di sebuah di negara maju. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 26-43.

Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin, & Yeo, K. J. (2015). Pembinaan modul belajar melalui bermain dalam pembelajaran awal Matematik kanak-kanak prasekolah. *Institut Latihan Sektor Awam Negeri*, 1-8.

## **PENGUNAAN “LORONGAN BUNARAN” UNTUK MEMBANTU MURID TAHUN 5 MENGUASAI KEMAHIRAN PENUKARAN UNIT UKURAN PANJANG MELIBATKAN PERPULUHAN**

**TING SIEW KIM**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato Muhd Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
*xiaoqing9779@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Lima orang murid saya menghadapi masalah untuk menukarkan unit ukuran panjang dengan betul dengan cara dengan memindahkan titik perpuluhan secara betul. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk membantu murid Tahun 5 untuk menguasai kemahiran penukaran unit dengan cara termudah dan cepat dengan menggunakan “Lorong Bundaran”. Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan berpandukan Model Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart (1988). Kajian dijalankan dengan mengumpul data melalui ujian sebelum intervensi dan ujian selepas intervensi, temu bual, pemerhatian dan penelitian kepada lembaran kerja. Analisis data telah dilakukan setelah memperolehi data untuk sebelum dan selepas memperkenalkan “Lorong Bundaran” kepada lima orang responden saya. Perbandingan skor mereka dibuat dengan menggunakan jadual dan graf palang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa “Lorong Bundaran” ini dapat meningkatkan pencapaian murid menggunakan kemahiran yang diperoleh dalam penukaran unit ukuran panjang melibatkan perpuluhan. Kaedah memindahkan titik perpuluhan menggunakan “Lorong Bundaran” ini dapat membantu mereka dalam menjawab soalan yang melibatkan penukaran unit dengan mudah dan cepat.

Kata Kunci : Lorongan Bundaran, penukaran unit, Tahun 5, ukuran panjang, titik perpuluhan

### **ABSTRACT**

*Five of my students were having problem to convert length's units of measurement by moving the decimal point. Therefore, this study was done to help Year 5 students to master the skill of conversion units of length in the easiest way by using “Lorong Bundaran”. This action research was conducted based on Models of McTaggart (1988). The research was done by collecting data through pre-intervention and post-intervention tests, interviews, observations and studies of their worksheets. Data analysis was done before and after “Lorong Bundaran” was introduced to the five respondents. Comparisons of scores have been done using tables and bar graphs. The findings of this study have shown that “Lorong Bundaran” can improve student achievement with the acquired skills of converting units of length. The method of moving the decimal point using “Lorong Bundaran” helps them answer questions that involving unit conversion easily and quickly.*

*Keywords : Lorongan Bundaran, units conversion, length, decimal po*

### **PENGENALAN**

Nama saya Ting Siew Kim. Saya merupakan seorang guru pelatih Semester 8 pengkhususan Matematik (major) dan TESL (minor) di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan (IPGKTAR). Semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam Topik 12 iaitu Panjang, saya mendapati sebahagian murid kurang menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang semasa menyelesaikan soalan-soalan operasi ukuran panjang yang melibatkan penukaran unit. Jadi, saya telah menjalankan satu kajian

tindakan yang bertujuan meningkatkan penguasaan 5 orang murid Tahun 5 Kuning dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang iaitu antara unit milimeter (mm), sentimeter (cm), meter (m) dan kilometer (km).

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Melalui praktikum fasa 2, saya mendapati bahawa segelintir murid Tahun 5 Kuning (5K) menghadapi masalah dalam melakukan soalan penambahan ukuran panjang melibatkan perpuluhan dengan penukaran unit. Dalam proses pemerhatian dan penyemakan lembaran kerja murid-murid dalam Topik 12 iaitu Panjang pada 27 dan 28 Jun 2019, saya mendapati mereka tidak mempunyai masalah dalam pengiraan operasi asas (penambahan dan penolakan) ukuran panjang, tetapi bermasalah dalam langkah penukaran unit dengan cara termudah. Sebahagian mereka tidak melakukan penukaran unit dengan betul. Mereka keliru dengan unit yang mereka perlu lakukan sama ada mendarab atau membahagi dengan 10, 100 atau 1000. Bukan itu sahaja, saya juga mendapati sebahagian murid yang tidak menguasai cara termudah untuk melakukan penukaran unit dengan menggerakkan titik perpuluhan dengan sesuka hati.

2)  $32 \text{ mm} + 7.8 \text{ cm} + 3.6 \text{ cm} = \text{___ cm}$

$32 \div 10 = 0.32$

$$\begin{array}{r} 0.32 \text{ cm} \\ + 7.80 \text{ cm} \\ \hline 8.12 \text{ cm} \\ + 3.60 \text{ cm} \\ \hline 11.72 \text{ cm} \end{array}$$

Rajah 1. Kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam lembaran kerja murid

2)  $3.57 \text{ m} - 45 \text{ cm} - 89 \text{ cm} = \text{___ cm}$

$3.57 = 0.357 \times 10$

$45 = 0.357 \text{ cm}$

$$\begin{array}{r} 45.000 \text{ cm} \\ - 0.357 \text{ cm} \\ \hline 44.643 \text{ cm} \end{array}$$
$$\begin{array}{r} 44.643 \text{ cm} \\ - 89 \text{ cm} \\ \hline 44.554 \text{ cm} \end{array}$$

Rajah 2. Kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam lembaran kerja murid

## PENGUMPULAN DATA AWAL

Bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid-murid Tahun 5 Kuning saya telah mengedarkan satu ujian diagnostik kepada murid Tahun 5 Kuning. Dengan ini saya dapat mengenalpasti murid-murid yang melibatkan dalam kajian ini sepenuhnya. Kebetulan pada 6 Julai 2019 saya berpeluang untuk "sit-in" ke kelas Tahun 5 Kuning kerana terdapat guru yang menghadiri kursus. Jadi, saya telah mengedarkan ujian diagnostik ini pada masa itu. Ujian diagnostik yang saya hasilkan adalah berpandukan dengan ujian diagnostik yang dihasilkan oleh Maemie (2015) di mana beliau membuat kajian tentang penguasaan penolakan ukuran panjang melibatkan penukaran unit. Saya telah mengubahsuai soalan-soalan beliau dan menghasilkan satu ujian diagnostik saya yang bersesuaian dengan masalah

penukaran unit panjang yang saya ingin kajian. Selepas penyemakan ujian diagnostik, saya telah mengenalpasti lima orang murid sebagai peserta kajian saya.

Melalui lakaran gerakan titik perpuluhan dalam ujian diagnostik murid-murid jelas dilihat bahawa peserta kajian yang dipilih tidak mempunyai pengetahuan tentang hubungan asas antara unit panjang. Bukan itu sahaja, antara mereka juga mempunyai masalah dalam menggerakkan titik perpuluhan mengikut nilai tempat yang betul. Misalnya dalam Rajah 3, murid tersebut seolah-olah mempunyai pengetahuan tentang penukaran unit ukuran dengan cara termudah iaitu menggerakkan titik perpuluhan berdasarkan hubungan antara unit panjang. Namun, dalam jawapan yang diberi oleh dia adalah tidak betul dan tidak sama dengan lakaran dia dalam pergerakan titik perpuluhan. Jadi, jelas bahawa dia tidak menguasai hubungan antara unit panjang sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui hasil kerja dia, dia mengetahui 1 meter bersamaan dengan 100 sentimeter tetapi tidak mengetahui 1 sentimeter bersamaan dengan 10 milimeter.

1)  $24.5\text{ cm} = 24.50\text{ mm}$

2)  $82.6\text{ m} = 826.0\text{ cm}$

Rajah 3. Kesalahan murid dalam Ujian Diagnostik

## FOKUS KAJIAN

Berdasarkan masalah yang dikenalpasti, kajian ini berfokus untuk meningkatkan penguasaan kemahiran penukaran unit ukuran panjang dengan betul dalam kalangan lima orang murid Tahun 5 Kuning.

## OBJEKTIF KAJIAN

- Objektif kajian ini adalah untuk :
- Meningkatkan penguasaan murid Tahun 5 Kuning dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang dengan menggunakan “Lorong Bundaran”.
  - Meningkatkan penguasaan murid Tahun 5 Kuning dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang tanpa menggunakan “Lorong Bundaran”.

## SOALAN KAJIAN

- Berdasarkan objektif kajian, soalan kajian adalah seperti berikut:
- Bagaimanakah bahan “Lorong Bundaran” dapat meningkatkan penguasaan murid Tahun 5 Kuning dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang dengan menggunakan “Lorong Bundaran”?
  - Sejauh manakah penguasaan murid Tahun 5 Kuning dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang tanpa menggunakan “Lorong Bundaran”?

## PESERTA KAJIAN

Berdasarkan ujian diagnostik yang diberi kepada murid Tahun 5 Kuning di SJK Chung Hua Siburan, saya telah memilih lima orang murid sebagai peserta kajian saya. Murid saya terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan.

Jadual 1  
Profil peserta kajian

Peserta Kajian (bukan nama sebenar)	Jantina	Kaum	Tahun	Umur	Tahap Akademik Matematik
Kuet Hung	Lelaki	Cina	5K	11	Sederhana
Jonathan	Lelaki	Bidayuh	5K	11	Rendah
Emmanuel	Lelaki	Bidayuh	5K	11	Rendah
Gebryana	Perempuan	Bidayuh	5K	11	Rendah
En Yi	Perempuan	Cina	5K	11	Sederhana

## TINDAKAN

Langkah-langkah tindakan yang saya laksanakan adalah berpandukan dengan Model Kajian Kemmis & McTaggart (1988). Dalam model kajian ini pengkaji memulakan peringkat melakukan refleksi diri terhadap isu atau masalah yang dihadapi dahulu sebelum merancang. Terdapat empat proses utama yang dilaksanakan berdasarkan Kajian Kemmis & McTaggart iaitu merancang, melakukan tindakan, memerhati dan mereflek (Noraini, 2013). Saya telah memberi Ujian Sebelum Intervensi kepada lima orang murid Tahun 5K. Melalui hasil langkah-langkah penyelesaian mereka, saya dapat mengenalpasti kesilapan yang dilakukan oleh mereka. Saya juga merancang untuk menghasilkan satu bahan inovasi bagi membantu murid menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang melibatkan perpuluhan dengan cara termudah. Saya telah merujuk kepada projek Maemie (2015) dalam meningkatkan penguasaan murid dalam penolakan ukuran panjang melibatkan penukaran unit dengan menggunakan kaedah "Ayunan Mangkuk" bagi pencetusan idea menghasilkan inovasi yang bersesuaian. "Lorong Inovasi" mengandungi magnet yang mewakili titik perpuluhan di mana murid menggerakkan magnet ke sebelah kiri (bahagi) ataupun bergerak ke sebelah kanan (darab). Saya memperkenalkan inovasi saya dalam sesi bimbingan 2. Sesi bimbingan 1 digunakan untuk mengimbas kembali hubungan antara unit ukuran panjang. Selepas sesi bimbingan, Ujian Selepas Intervensi diberikan kepada lima orang murid tersebut. Hal sedemikian adalah bagi mengenalpasti penguasaan mereka dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang melibatkan perpuluhan selepas "Lorong Bundaran" diperkenalkan.

Sepanjang tindakan ini, kaedah pengumpulan data penyelidikan saya termasuklah analisis dokumen iaitu memperolehi mesej komunikasi daripada yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dokumen yang dianalisis ialah ujian diagnostik, ujian sebelum intervensi, ujian selepas intervensi dan lembaran kerja murid. Jenis data yang akan diperoleh dalam dokumen-dokumen ini ialah langkah kerja murid, ketepatan jawapan dan skor. Saya juga telah mencatat segala pemerhatian saya dalam nota lapangan kerana ia adalah rekod daripada pemerhatian khusus apa yang didengar, dilihat, pengalaman yang dilalui dan apa yang difikirkan (Rohaya, 2020). Saya juga telah menemu bual murid-murid saya seperti perasaan mereka selepas menggunakan "Lorong Bundaran" dan lain-lain. Ini adalah kerana menurut Othman Lebar (2015) temu bual adalah satu teknik yang amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapatnya.



## DAPATAN KAJIAN

Sebelum sesi bimbingan 1, saya telah menemu bual lima orang murid saya bagi memahami tahap penguasaan mereka terhadap pengetahuan asas hubungan antara ukuran panjang. Saya telah menranskrip temu bual kepada transkrip temu bual di samping mencatat segala pemerhatian saya dalam nota lapangan (Rajah 4). Melalui pemerhatian dan temu bual saya mendapati hanya Kuet Hung (bukan nama sebenar) dan Jonathan (bukan nama sebenar) yang menguasai semua hubungan antara unit ukuran panjang dengan betul dan mereka yakin apabila menjawab. Manakala Emmanuel (bukan nama sebenar), Gebryana (bukan nama sebenar) dan En Yi (bukan nama sebenar) tidak mempunyai pengetahuan yang sepenuhnya terhadap hubungan ukuran panjang. Gebryana dan En Yi menjawab semua jawapan hubungan unit ukuran panjang ialah 1000. Mereka juga tidak yakin terhadap jawapan yang diberi oleh mereka. En Yi terus tukar jawapannya apabila saya ingin mengenalpasti jawapannya. Dalam beberapa soalan yang ditanya, Emmanuel hanya mengangguk kepalanya dan jawapan ringkas kepada soalan yang saya ajukan kepada dia.

Tarikh : 3 Julai 2019 Tempat : Pusat Sumber Sekolah Masa : 6:20 pagi hingga 6:50 pagi Aktiviti : Sesi Bimbingan 1		
Nama Murid	Pemerhatian	Soalan
Kuet Hung	Kuet Hung dapat menjawab semua soalan hubungan asas antara unit ukuran panjang secara lisan. Dia yakin dengan jawapan yang diberi.	✓ 1 cm = 10 mm ✓ 1 m = 100 cm ✓ 1 km = 1000 m
Jonathan	Jonathan bersikap yakin dan relaks ketika menjawab soalan yang ditanya pada permulaannya. Tetapi, dia dapat menjawab semua soalan hubungan asas antara unit ukuran panjang secara lisan.	✓ 1 cm = 10 mm ✓ 1 m = 100 cm ✓ 1 km = 1000 m
Emmanuel	Emmanuel bersuara untuk menjawab soalan dengan jawapan yang ringkas. Masa yang lain diam sahaja apabila saya bertanya dengan dia. Angguk kepala sebagai respon kepada soalan saya. Jadi, saya menulis soalan di kertas dan dia menulis jawapannya. Daripada jawapan dia mendapat dia hanya mendapat jawapan yang betul terhadap hubungan asas sentimeter dengan millimeter dan kilometer dengan meter.	✓ 1 cm = 10 mm ✗ 1 m = 1000 cm ✓ 1 km = 1000 m
Gebryana	Gebryana memberi jawapan 1000 bagi semua pertanyaan saya tentang hubungan asas ukuran unit panjang. Dia tidak yakin terhadap jawapan yang diberi.	✗ 1 cm = 1000 mm ✗ 1 m = 1000 cm ✓ 1 km = 1000 m
En Yi	En Yi memberi jawapan 1000 bagi semua pertanyaan saya tentang hubungan asas ukuran unit panjang. Dia tidak yakin terhadap jawapan yang diberi dan bertukar jawapannya apabila diragui jawapannya.	✗ 1 cm = 1000 mm ✗ 1 m = 1000 cm/ 100 cm ✓ 1 km = 1000 m

Rajah 4. Transkrip temu bual sebelum sesi bimbingan 1

Manakala sepanjang sesi bimbingan 2, saya mendapati Kuet Hung, Jonathan dan En Yi merupakan antara responden yang sangat cepat menguasai penggunaan “Lorong Bundaran”. Mereka dapat menerima, mengikut dan melakukan arahan yang saya berikan dengan baik. Hal ini membantu mereka untuk menyelesaikan soalan penukaran unit dengan betul. Gebryana teruja apabila saya mengeluarkan alat “Lorong Bundaran”. Dia tidak sabar untuk cuba menggunakan “Lorong Bundaran” tersebut. Walaupun Emmanuel tidak bercakap banyak, namun dia tetap memberi responnya dengan mengangguk kepala. Dia juga menunjukkan pemahamannya terhadap penggunaan alat “Lorong Bundaran” dengan menjalankan arahan yang diberi dengan betul. Saya telah mencatat reaksi murid dalam nota lapangan pemerhatian (Rajah 5). Selepas Ujian Selepas Intervensi, saya turut melakukan temu bual dengan mereka. Melalui temu bual ini saya mengetahui bahawa peserta kajian saya berasa seronok menggunakan “Lorong Bundaran” dan mereka dapat mendapat jawapan betul dalam menyelesaikan soalan penukaran unit ukuran panjang melibatkan perpuluhan dengan mudah (Rajah 6).

Tarikh : 4 Julai 2019 Tempat : Pusat Sumber Sekolah Masa : 6:20 pagi hingga 6:50 pagi Aktiviti : Sesi Bimbingan 2	
Nama Murid	Pemerhatian
Kuet Hung	Kuet Hung dapat mengikut langkah-langkah menggunakan “Lorong Bundaran” yang saya berikan dengan baik. Dia mempunyai pengetahuan asas tentang hubungan unit ukuran panjang. Jadi, dia mampu menggunakan “Lorong Bundaran” untuk mendapat jawapan dengan betul dalam latihan sesi bimbingan.
Jonathan	Jonathan merupakan murid pertama yang menguasai penggunaan “Lorong Bundaran” dalam kalangan lima orang murid tersebut. Sebaik sahaja saya menjelaskan dan mendemonstrasi langkah-langkah menggunakan “Lorong Bundaran”, dia terus dapat menguasainya. Hal ini dapat dilihat apabila saya memberi soalan menukarkan 8.65 km kepada unit meter(m), dia dapat menulis $\times 1000$ di ruang kanan kerana $1 \text{ km} = 1000 \text{ m}$ dan menggerakkan magnet 3 langkah ke kanan. Tapi, dalam mendapat jawapan akhir dia keliru dengan titik perpuluhan yang saya letakkan di ruang penulisan ukuran panjang soalan. Dia memberi komen bahawa titik perpuluhan tersebut menyebabkan dia keliru.
Emmanuel	Emmanuel pada awalnya hanya mendengar apa yang saya katakan tanpa menyuarakan suaranya. Dia hanya mengangguk-angguk kepala sebagai respon kepada saya. Namun, apabila saya membimbingnya melakukan soalan penukaran unit menggunakan “Lorong Bundaran”, dia dapat mengikut arahan saya.
Gebryana	Gebryana berasa teruja apabila saya mengeluarkan “Lorong Bundaran”. Dia menunjukkan minatnya dengan mendengar penjelasan langkah-langkah penggunaan bahan tersebut dengan teliti. Apabila saya menanya sama ada dia faham penggunaan bahan tersebut, dia memberi senyuman kepada saya dan berasa ingin cuba menggunakannya.
En Yi	Dalam sesi ini, En Yi menunjukkan penguasaannya dalam hubungan unit ukuran panjang. Dia dapat menulis semua hubungan ukuran panjang dengan betul. Selepas saya mendemonstrasi langkah penggunaan “Lorong Bundaran”, dia dapat mendapat jawapan yang betul dalam semua soalan latihan sesi bimbingan.

Rajah 5. Nota lapangan semasa sesi bimbingan 2

---

Tarikh : 4 Julai 2019  
Tempat : Pusat Sumber Sekolah  
Masa : 6:20 pagi hingga 6:50 pagi  
Aktiviti : Sesi Bimbingan 2

---

Nama Murid	Pemerhatian
Kuet Hung	Kuet Hung dapat mengikut langkah-langkah menggunakan "Lorong Bundaran" yang saya berikan dengan baik. Dia mempunyai pengetahuan asas tentang hubungan unit ukuran panjang. Jadi, dia mampu menggunakan "Lorong Bundaran" untuk mendapat jawapan dengan betul dalam latihan sesi bimbingan.
Jonathan	Jonathan merupakan murid pertama yang menguasai penggunaan "Lorong Bundaran" dalam kalangan lima orang murid tersebut. Sebaik sahaja saya menjelaskan dan mendemonstrasi langkah-langkah menggunakan "Lorong Bundaran", dia terus dapat menguasainya. Hal ini dapat dilihat apabila saya memberi soalan menukarkan 8.65 km kepada unit meter(m), dia dapat menulis x1000 di ruang kanan kerana $1 \text{ km} = 1000 \text{ m}$ dan menggerakkan magnet 3 langkah ke kanan. Tapi, dalam mendapat jawapan akhir dia keliru dengan titik perpuluhan yang saya letakkan di ruang penulisan ukuran panjang soalan. Dia memberi komen bahawa titik perpuluhan tersebut menyebabkan dia keliru.
Emmanuel	Emmanuel pada awalnya hanya mendengar apa yang saya katakan tanpa menyuarakan suaranya. Dia hanya mengangguk-angguk kepala sebagai respon kepada saya. Namun, apabila saya membimbingnya melakukan soalan penukaran unit menggunakan "Lorong Bundaran", dia dapat mengikut arahan saya.
Gebryana	Gebryana berasa teruja apabila saya mengeluarkan "Lorong Bundaran". Dia menunjukkan minatnya dengan mendengar penjelasan langkah-langkah penggunaan bahan tersebut dengan teliti. Apabila saya menanya sama ada dia faham penggunaan bahan tersebut, dia memberi senyuman kepada saya dan berasa ingin cuba menggunakannya.
En Yi	Dalam sesi ini, En Yi menunjukkan penguasaannya dalam hubungan unit ukuran panjang. Dia dapat menulis semua hubungan ukuran panjang dengan betul. Selepas saya mendemonstrasi langkah penggunaan "Lorong Bundaran", dia dapat mendapat jawapan yang betul dalam semua soalan latihan sesi bimbingan.

Rajah 6. Nota lapangan semasa sesi bimbingan 2

Selain itu, saya juga membandingkan hasil kerja Ujian Sebelum Intervensi dan Ujian Selepas Intervensi untuk menilai perkembangan tahap penguasaan lima orang responden dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang melibatkan perpuluhan menggunakan "Lorong Bundaran".

Jadual 2


Perbezaan hasil kerja lima orang responden dalam Ujian Sebelum Intervensi dan Ujian Selepas Intervensi bagi soalan yang sama

Nama Murid	Ujian Sebelum Intervensi	Ujian Selepas Intervensi
Kuet Hung	1. $4.63\text{ cm} = \frac{4.63}{10} \text{ m}$ ✗	1. $4.63\text{ cm} = \frac{0.0463}{100} \text{ m}$ $0.0463\text{ cm} \div 100 = 0.0463\text{ m}$
Jonathan	1. $4.63\text{ cm} = \frac{4630}{100} \text{ m}$ $4.63\text{ cm} \div 100$ ✗	1. $4.63\text{ cm} = \frac{0.0463}{100} \text{ m}$
En Yi	2. $8.269\text{ mm} = \frac{8269}{1000} \text{ cm}$ ✗	2. $8.269\text{ mm} = \frac{0.8269}{1000} \text{ cm}$
Emmanuel	4. $2.983\text{ m} = \frac{2983}{1000} \text{ cm}$ $= (2.983\text{ m} \times 1000)$ $= 2983$ ✗	4. $2.983\text{ m} = \frac{298.3}{1000} \text{ cm}$ $2.983\text{ m} \times 100 =$
Gebryana	5. $37\text{ m} = \frac{0.37}{1000} \text{ km}$ ✗	5. $37\text{ m} = \frac{0.037}{1000} \text{ km}$

Sebelum “Lorong Bundaran” diperkenalkan, Kuet Hung dan Jonathan mempunyai masalah menggerakkan titik perpuluhan sesuka hati. Mereka tidak menguasai sepenuhnya tentang arah titik perpuluhan bergerak dalam melakukan penukaran unit. Namun, dalam Ujian Selepas Intervensi mereka telah menunjukkan bahawa mereka telah menguasai kemahiran penukaran unit dengan cara termudah secara tepat (Jadual 2). Begitu juga dengan tiga responden yang lain. Mereka mampu mendapat jawapan yang tepat dengan bantuan “Lorong Bundaran”. Sebenarnya, Gebryana, En Yi dan Emmanuel bukan sahaja mempunyai masalah yang sama dengan Kuet Hung dan Jonathan, malah mereka juga kekurangan pengetahuan tentang hubungan antara ukuran panjang. Berdasarkan Jadual 2, jelaslah bahawa murid-murid mempunyai peningkatan dalam menyelesaikan soalan yang sama. Dalam Ujian Sebelum Intervensi murid-murid tidak memperoleh jawapan yang tepat, manakala selepas inovasi saya diperkenalkan mereka dapat menyelesaikan soalan-soalan penukaran unit dengan betul dalam Ujian Selepas Intervensi.

Jadual 3  
Perbandingan skor 5 orang murid dalam Ujian Sebelum Intervensi dan Ujian Selepas Intervensi

Nama Murid (Bukan Nama Sebenar)	Ujian Sebelum Intervensi		Ujian Selepas Intervensi	
	Nisbah	%	Nisbah	%
Kuet Hung	$\frac{2}{5}$	40	$\frac{5}{5}$	100
Jonathan	$\frac{2}{5}$	40	$\frac{5}{5}$	100
Gebryana	$\frac{1}{5}$	20	$\frac{5}{5}$	100
En Yi	$\frac{1}{5}$	20	$\frac{5}{5}$	100
Emmanuel	$\frac{1}{5}$	20	$\frac{4}{5}$	80



Rajah 7. Graf palang berkaitan perbezaan peratusan lima orang responden dalam Ujian Sebelum Intervensi dan Ujian Selepas Intervensi.

Melalui Jadual 3 dan graf palang (Rajah 7) jelaslah bahawa kelima-lima orang responden saya mempunyai peningkatan selepas “Lorong Bundaran” diperkenalkan. Ini memberi makna bahawa murid telah menyerap penggunaan “Lorong Bundaran” dalam menyelesaikan soalan-soalan Ujian Selepas Intervensi. Tanpa menggunakan bahan konkrit “Lorong Bundaran”, murid tetap dapat menyelesaikan soalan dengan betul dan tepat. Jadi, tercapailah objektif kajian saya.

## REFLEKSI

Semasa menjalankan kajian ini, saya telah memperoleh pengetahuan dan pengalaman yang berharga dalam menjadikan saya seorang guru yang baik. Misalnya, pada permulaan dalam latihan penolakan ukuran panjang melibatkan penukaran unit yang

dilakukan oleh murid, saya berasa kemungkinan murid mempunyai masalah dalam penolakan apabila saya mendapati jawapan mereka salah. Namun, selepas saya menganalisis langkah penyelesaian mereka, baru saya mengetahui masalah yang betul-betul dihadapi oleh murid bukan masalah penolakan tetapi adalah masalah penukaran unit. Mereka bukan sahaja tidak menguasai kemahiran penukaran unit melibatkan perpuluhan, malah juga bermasalah dalam memahami hubungan antara unit ukuran panjang. Inilah yang merupakan masalah utama menyebabkan mereka tidak dapat mendapat jawapan yang betul dalam menyelesaikan soalan penolakan ukuran panjang. Bukan itu sahaja, saya tidak boleh sekali-kali mengabaikan masalah yang dihadapi oleh murid meskipun ia masalah kecil, kerana kelalaian guru dalam membetulkan masalah murid dalam Matematik akan menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk memahami, menguasai dan menyelesaikan soalan Matematik kelak. Saya juga memahami setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Jadi, strategi PdP perlu bersesuaian dengan murid. Misalnya, murid yang mempunyai gaya pembelajaran kinestetik mempunyai ciri-ciri tidak dapat duduk diam dalam masa yang lama atau selalu berorientasi pada fizikal dan banyak bergerak (Yusri Wahyuni, 2017). Maka, aktiviti yang dijalankan boleh melibatkan pergerakan badan. Bukan itu sahaja, penggunaan inovasi ini dapat melatih mereka untuk mengingat cara penyelesaian soalan penukaran ukuran panjang yang melibatkan perpuluhan. Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid berpeluang untuk menggerakkan magnet pada inovasi sebagai satu langkah untuk menggerakkan titik perpuluhan semasa penukaran unit. Menurut Lee (2012), aktiviti *hands-on* dapat membantu murid-murid untuk memahami isi pembelajaran yang disampaikan dengan mudah. Selain itu, kewujudan lorongan gerakan membolehkan murid mengetahui arah pergerakan titik perpuluhan semasa menggunakan cara terpantas melakukan penukaran unit.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan tindakan susulan yang boleh saya lakukan ialah membina “Lorong Bundaran” dalam saiz yang lebih praktikal. Saya boleh membina inovasi saya dalam saiz A3 sahaja dengan mounting board. Hal ini sedemikian kerana dalam versi inovasi yang saya bina dalam kajian ini adalah dalam saiz A2 dan ia agak berat, besar dan susah dibawa. Selain itu, penggunaan warna memainkan peranan yang penting dalam merangsang emosi yang berlainan dan menarik perhatian murid (Chang, Xu & Watt, 2018). Dengan itu, saya telah menggunakan warna yang berlainan bagi menonjolkan perbezaan tindakan pembahagian dan pendaraban semasa penukaran unit selain menggunakan magnet yang berlainan warna.

## PENUTUP

Selepas inovasi dilaksanakan, didapati bahawa tahap penguasaan lima orang murid telah meningkat. Mereka dapat menyelesaikan soalan ukuran panjang melibatkan perpuluhan dengan oenukaran unit. Oleh yang demikian, boleh dirumuskan bahawa “Lorong Bundaran” telah berjaya membantu murid menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dengan cara terpantas..

## RUJUKAN

- Chang, B., Xu, R., & Watt, T. (2018). The impact of colours on learning. *Adult Education Research Conference 2018*. Canada: University of Victoria.
- Lee, C. H. (2012). Pembelajaran melalui aktiviti hands-on dalam membantu murid prasekolah untuk meningkatkan minat serta tahap kefahaman terhadap isi pembelajaran yang disampaikan. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Prasekolah ambilan Januari 2009*, 126-137.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education(Malaysia) Sdn.Bhd.

- Maemie Julaihi. (2015). *Meningkatkan Penguasaan Penolakan Ukuran Panjang Melibatkan Penukaran Unit dengan Kaedah "Ayunan Mangkuk"*. Kota Samarahan: Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Othman Lebar. (2015). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan : Teori dan Amalan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rohaya Mee. (t.t). Data kaedah pengumpulan. Didapatkan Mac 13, 2020, daripada Academia.edu: [https://www.academia.edu/4982307/KAEDAH\\_PENGUMPULAN\\_DATA](https://www.academia.edu/4982307/KAEDAH_PENGUMPULAN_DATA)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun 5 SJKC*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yusri Wahyuni. (2017). Identifikasi gaya belajar (visual, auditorial, kinestetik) mahasiswa pendidikan matematik Universitas Bung Hatta. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 128-132.

## **PAPAN 'TRI-LINE DIVISION': MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBAHAGI MURID-MURID TAHUN 5 DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK T-LD**

**PETER CHIEN CHZE KONG**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
peter\_kong\_1997@hotmail.com

### **ABSTRAK**

Semasa menjalani Praktikum Fasa 2 di SJK Chung Hua Stapok, kebanyakan murid Tahun 5 menghadapi masalah yang kritikal dalam kemahiran membahagi. Masalah tersebut menjadi nyata dan timbul apabila mereka dikehendaki untuk mengaplikasi teknik pembahagian panjang (TPP) dalam topik Masa. Melalui pengumpulan data awal dan analisis hasil ujian sebelum intervensi, didapati murid-murid mempunyai masalah dalam memahami dan menggunakan TPP untuk menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran membahagi sebarang nombor hingga 1000000 dengan nombor hingga dua digit. Hal ini disebabkan oleh langkah kerja TPP yang rumit, kekeliruan dalam menentukan nilai tempat yang betul semasa proses membahagi dan langkah penyelesaian yang tidak kemas dalam kalangan murid-murid. Justeru itu, papan '*Tri-Line Division*' telah dihasilkan sebagai satu bahan bantu mengajar (BBM) yang konkrit untuk membantu mereka memvisualisasikan proses penyelesaian operasi bahagi dengan lebih jelas dan mudah. Daripada BBM tersebut, satu alternatif baharu iaitu teknik T-LD telah diperkenalkan. Dengan alternatif tersebut, langkah penyelesaian membahagi akan menjadi lebih mudah, sistematik dan kemas dengan bentuknya yang direka khas untuk mengurangkan kesilapan dan kecuaiannya. Ia juga membolehkan langkah pemeriksaan jawapan yang lebih cepat dan efektif. Intervensi menggunakan teknik tersebut telah dilakukan bersama lima orang murid Tahun 5. Hasil dapatan menunjukkan peningkatan yang drastik pada tahap penguasaan murid-murid dalam kemahiran bahagi. Kekangan dan kekeliruan yang dialami dengan penggunaan TPP telah diatasi selepas mempelajari teknik T-LD melalui papan '*Tri-Line Division*' kerana langkah penyelesaian teknik tersebut lebih ringkas, mudah difahami dan tersusun.

Kata kunci: kemahiran bahagi, teknik pembahagian panjang (TPP), bahan bantu mengajar (BBM), papan '*Tri-Line Division*', teknik T-LD

### **ABSTRACT**

*During Phase 2 Practicum, most of the Year 5 pupils in SJK Chung Hua Stapok encountered serious problem in doing division. It becomes an issue when they are required to apply the long division (LD) in topic such as division of Time. Through collecting preliminary data and analysing pupils' pre-intervention test, it was found that pupils had doubts in understanding and using LD to solve questions involving the skill of dividing any number up to 1000000 by numbers up to two digits. The complexity of the LD process, incorrect conceptualization of place value in division and the untidiness of written steps are confusing the pupils. Therefore, a concrete teaching aid, Tri-Line Division board was created to help pupils visualize the process of solving division operation in a clearer picture. Furthermore, a new technique named T-LD technique was integrated in the teaching aid. The written steps become more systematic by using T-LD technique. As a result, the errors made by pupils due to carelessness can be minimized with the technique that provides an easy yet effective method to check the answer. An intervention using the innovation was conducted with five Year 5 pupils. The results show a drastic increment in pupils' ability to perform division correctly. Their constraints in LD were overcome after learning the T-LD technique through Tri-Line Division board as the technique emphasizes simple, easy and structured solution process.*



*Keywords: Division, long division (LD), teaching aids, Tri-Line Division board, T-LD technique*

## PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat mementingkan peranan bidang Matematik dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara di persada antarabangsa.

Namun, hasrat tersebut menghadapi halangan. Laporan keputusan terkini dalam *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* iaitu pada tahun 2015 telah menunjukkan bahawa Malaysia memperoleh skor pencapaian yang semakin menurun iaitu sebanyak 465 skor yang dikategorikan sebagai bawah skor purata TIMSS (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Situasi yang mendesak ini telah menunjukkan bahawa pihak yang berkaitan terutamanya kerajaan dan pendidik haruslah memberi penekanan yang lebih serius pada penguasaan numerasi asas dalam kalangan murid Malaysia. Hal ini disokong dengan analisis terperinci yang dilakukan oleh Chong, Wong & Abdul Halim Abdullah (2017) dalam kajiannya bahawa peratusan penekanan dalam domain kandungan dalam TIMSS 2015 bagi gred 4 yang paling diutamakan adalah nombor iaitu sebanyak 40%. Maka, jelaslah bahawa penguasaan pengetahuan am murid dalam subjek Matematik iaitu operasi asas mestilah diberi pengukuhan yang sepenuhnya supaya ilmu tersebut dapat diperkembangkan.

Dalam keempat-empat operasi asas yang perlu dipelajari, operasi bahagi merupakan kemahiran yang selalunya dikatakan paling susah untuk difahami dan dikuasai. Perkara ini biasanya berlaku kerana proses pemahaman kaedah lazim yang biasanya diajar oleh guru iaitu teknik pembahagian panjang adalah sangat abstrak dan rumit kepada murid-murid sekolah rendah di mana ia meliputi pelbagai jenis operasi asas yang lain seperti kemahiran menambah, menolak dan mendarab (Camos & Baumer, 2015). Kegagalan untuk mengintegrasikan operasi asas tersebut akan menyebabkan murid-murid menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran membahagi (Chai & Yeoh, 2018). Elif Bahadır (2017) juga mengatakan bahawa penguasaan keempat-empat operasi asas dalam subjek Matematik sangat penting dalam memperkembangkan kemahiran Matematik yang seterusnya. Justeru itu, dalam kajian tindakan ini, saya akan menjurus kepada masalah dan alternatif yang berkaitan tentang penguasaan kemahiran membahagi dalam kalangan murid sekolah rendah.

## FOKUS KAJIAN

Fokus kajian tindakan ini adalah untuk membantu lima orang murid dari kelas 5 Li di SJK Chung Hua Stapok bagi menguasai kemahiran membahagi sebarang nombor hingga 1000000 dengan nombor hingga dua digit.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini bertujuan untuk:

- a. Meningkatkan penguasaan lima orang murid dari kelas 5 Li di SJK Chung Hua Stapok dalam kemahiran membahagi sebarang nombor hingga 1 000 000 dengan nombor hingga dua digit melalui teknik T-LD dengan penggunaan papan '*Tri-Line Division*'.
- b. Meningkatkan penguasaan lima orang murid dari kelas 5 Li di SJK Chung Hua Stapok dalam kemahiran membahagi sebarang nombor hingga 1 000 000 dengan nombor hingga dua digit melalui teknik T-LD tanpa penggunaan papan '*Tri-Line Division*'.

Soalan-soalan kajian yang ditujukan adalah seperti berikut:

- a. Sejauh manakah kemahiran kelima-lima orang murid tersebut dalam membahagi sebarang nombor hingga 1 000 000 dengan nombor hingga dua digit telah meningkat melalui teknik T-LD dengan penggunaan papan '*Tri-Line Division*' ?

- b. Sejauh manakah kemahiran kelima-lima orang murid tersebut dalam membahagi sebarang nombor hingga 1 000 000 dengan nombor hingga dua digit telah meningkat melalui teknik T-LD tanpa penggunaan papan 'Tri-Line Division' ?

## PESERTA KAJIAN


Kumpulan sasaran dalam kajian tindakan ini adalah lima orang murid dari kelas 5 Li di SJK Chung Hua Stapok, Padawan, Sarawak dengan *pseudonym* yang diberikan iaitu Alain, Ben, Catherine, Daniel dan Kenneth. Mereka berdarjah lima dan berumur 10 tahun. Terdapat tiga orang murid lelaki iaitu Alain, Daniel dan Kenneth dan dua orang murid perempuan iaitu Ben dan Catherine. Alain dan Daniel berbangsa Cina manakala yang lain berbangsa Iban. Bagi bumiputera, mereka berupaya untuk berkomunikasi dalam bahasa Cina tetapi pemahaman dalam perkataan Bahasa Cina kurang baik.

Pencapaian prestasi akademik dalam ujian bulanan Jun yang terdekat bagi kelima-lima orang murid adalah di bawah purata terutamanya bagi subjek Matematik. Markah subjek Matematik mereka dalam ujian tersebut adalah dalam lingkungan 10% hingga 39% iaitu pada kategori tidak lulus. Selain itu, hanya Alain dan Daniel sahaja boleh menguasai kemahiran 2M iaitu menulis dan membaca manakala tiga orang murid yang lain kurang fasih dalam pembacaan perkataan Cina.

Dalam kelas pula, mereka selalunya kelihatan kurang yakin semasa aktiviti PdP Matematik dijalankan. Meskipun demikian, mereka sentiasa bersedia untuk belajar daripada kesilapan yang telah dilakukan apabila saya memberikan teguran. Mereka sanggup belajar daripada kawan-kawan yang lebih pandai apabila menghadapi masalah dalam subjek Matematik. Akhir sekali, mereka juga gemar diberi tunjuk ajar secara perseorangan untuk memperbaiki kesilapan yang dilakukan dalam latihan.

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Untuk menentukan masalah sebenar yang dihadapi oleh murid-murid, beberapa proses pengumpulan data awal seperti perbincangan bersama guru pembimbing, refleksi sendiri, catatan nota lapangan, hasil lembaran kerja dan ujian diagnostik. Hasil analisis data awal (Lampiran A) telah menunjukkan mereka mempunyai kekangan dalam menguasai kemahiran membahagi sebarang nombor hingga 1000000 dengan nombor dua digit melalui penggunaan TPP. Justeru itu, teknik T-LD dengan BBMnya iaitu papan 'Tri-Line Division' telah dihasilkan sebagai satu alternatif baharu untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran menyelesaikan operasi membahagi. Rajah 1 menunjukkan penyelesaian menggunakan teknik T-LD manakala Jadual 1 menunjukkan cara penggunaan BBM.



Rajah 1. Langkah kerja menggunakan teknik T-LD

Jadual 1  
Manual penggunaan papan 'Tri-Line Division'

Contoh soalan :  $3658 \div 2 = 1829$  → Hasil bahagi

↓ Dividen     ↓ Pembahagi

÷	答		题目	-		=	
2			3	-		=	
			6	-		=	
			5	-		=	
			8	-		=	
			soalan				

Papan 'Tri-Line Division'

- 1) Tuliskan setiap digit dividen secara menegak pada lajur soalan.
- 2) Tuliskan pembahagi pada kotak di bawah penanda '÷'.
- 3) Tuliskan simbol tolak, '-' dan sama dengan, '=' pada lajur penanda '-' dan '='.

÷	答		题目	-		=	
2	1		3	-	2	=	1
		1	6	-		=	
			5	-		=	
			8	-		=	
		B	soalan				A

} baris pertama  
} baris kedua

pembahagi  
 hasil bahagi


- 4) Bermula dari kotak merah bagi baris pertama, fikirkan dan tuliskan nombor yang didarab dengan 2 iaitu nombor 1 di mana hasilnya yang paling dekat dan tidak melebihi nilai bagi nombor 3.
- 5) Tuliskan hasil pendaraban tersebut pada kotak kuning bagi baris pertama iaitu nombor 2.
- 6) Lakukan operasi penolakan, '3 - 2 = 1' dan tuliskan jawapan tersebut di kotak biru A pada baris pertama.
- 7) Tuliskan jawapan dalam kotak biru A pada baris pertama ke kotak biru B pada baris yang kedua.

÷	答		题目	-		=	
2	1		3	-	2	=	1
	8	1	6	-	16	=	0
	2	0	5	-	4	=	1
	9	1	8	-	18	=	0
pembahagi	hasil bahagi	B	soalan				A

baris pertama  
baris kedua

- 8) Bermula dari kotak merah bagi baris kedua, fikirkan dan tuliskan nombor yang didarab dengan 2 iaitu nombor 8 di mana hasilnya yang paling dekat dan tidak melebihi nilai bagi nombor 16.
- 9) Ulang langkah 5 hingga langkah 8 sehingga hasil bahagi diperoleh pada baris kedua dan seterusnya.
- 10) Hasil bahagi iaitu **1829** boleh didapati pada kotak merah yang ditulis secara menegak.
- 11) Jika nilai jawapan pada kotak biru A tidak melebihi nilai pembahagi, hasil bahagi yang diperoleh adalah betul.

Dengan papan 'Tri-Line Division' dan teknik T-LD, beberapa tindakan seperti ujian sebelum intervensi (USbl), sesi intervensi dan bimbingan, latihan semasa intervensi (LSml), ujian semasa intervensi (USml), sesi ulang kaji dan tiga ujian selepas intervensi iaitu USII1, USII2 dan USII3 telah dirancang dan dilaksanakan dalam masa dua bulan (Rajah 2) bagi melihat kesannya terhadap pembelajaran serta penguasaan murid-murid terhadap kemahiran menyelesaikan operasi membahagi.



Rajah 2. Carta alir pelaksanaan tindakan

Seterusnya, tiga kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen seperti hasil kerja murid, pemerhatian langsung sepanjang proses tindakan dilaksanakan dan temu bual murid-murid tentang pendapat mereka. Selepas itu, data-data yang diperoleh telah dianalisis dari aspek hasil kerja murid, skor ujian/ latihan, nota lapangan dan transkrip temu bual dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan disokong dengan penjelasan dalam bentuk kualitatif. Akhir sekali, triangulasi data (masa), triangulasi kaedah dan triangulasi pengkaji telah digunakan dalam proses penyemakan data bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil dapatan kajian yang diperoleh.

## DAPATAN KAJIAN

**Peningkatan kemahiran lima orang murid dari kelas 5 Li dalam membahagi sebarang nombor hingga 1000000 dengan nombor hingga dua digit melalui teknik T-LD dengan penggunaan papan '*Tri-Line Division*'.**

Ujian diagnostik (UD) dan dua sesi dilaksanakan semasa sesi intervensi serta bimbingan iaitu latihan semasa intervensi (LSml) dan ujian semasa intervensi (USml) merupakan instrumen yang digunakan untuk mengumpul data bagi dapatan kajian (1).

Semasa sesi UD, TPP merupakan teknik penyelesaian operasi membahagi yang digunakan oleh murid-murid. Namun, mereka diberi peluang untuk menyelesaikan operasi membahagi dengan menggunakan BBM iaitu papan '*Tri-Line Division*' semasa sesi LSml.

Bagi sesi USml pula, mereka dibantu oleh BBM tersebut tetapi dikehendaki untuk menggunakan teknik T-LD sebagai langkah penyelesaiannya. Maka, hasil analisis yang difokuskan bagi ketiga-tiga instrumen tersebut adalah pada catatan nota lapangan daripada pemerhatian langsung, hasil kerja murid-murid dan markah ujian/ latihan mereka.

### Catatan Nota Lapangan

Sebelum ujian diagnostik dijalankan, murid-murid kelihatan gelisah dan masih belum bersedia. Apabila dikehendaki untuk menjawab soalan dalam ujian, mereka asyik bingung dan berfikir lama untuk menuliskan langkah penyelesaian. Selain itu, mereka juga tidak menggunakan pembaris. Mimik muka mereka yang masam menunjukkan ketidakpercayaan diri.

Namun dalam LSml, murid-murid teruja dan ingin menggunakan papan '*Tri-Line Division*' bagi menyelesaikan soalan yang diberikan. Mereka juga akan menanyakan ketidakfahaman dan kekeliruan sendiri tentang langkah penggunaan BBM tersebut secara rela hati. Akhirnya, mereka berjaya menyelesaikan semua soalan dalam LSml dengan bantuan BBM tersebut.

Dalam USml pula, murid-murid kelihatan lebih yakin dan bersedia berbanding semasa UD dijalankan. Mereka berupaya untuk menggunakan teknik T-LD dengan bantuan papan '*Tri-Line Division*' untuk menjawab soalan dalam USml. Mereka juga menggunakan pembaris untuk memastikan kekemasan dalam langkah penyelesaian teknik T-LD.







Sebagai kesimpulan kecil, perubahan pada tingkah laku murid-murid dari pasif ke aktif dapat dilihat selepas menjalankan sesi intervensi dan bimbingan dengan menggunakan papan '*Tri-Line Division*' dan teknik T-LD. Mereka lebih bermotivasi dan berminat untuk menguasai kemahiran membahagi. Secara tidak langsung, keyakinan diri mereka juga meningkat kerana mereka berupaya untuk menangani masalah yang dihadapi bagi topik Bahagi.

### Hasil Kerja Murid-murid

Melalui hasil kerja murid-murid dalam UD, didapati mereka melakukan banyak kesilapan dan kecuaiian semasa menggunakan TPP untuk menyelesaikan operasi membahagi. Contohnya seperti tidak mahir dan keliru semasa melaksanakan langkah kerja TPP, tidak mementingkan konsep nilai tempat dan kekemasan dalam proses membahagi.

Namun, perbandingan yang ketara dapat dilihat selepas murid-murid menjalankan sesi intervensi dan bimbingan dengan menggunakan papan '*Tri-Line Division*' dan teknik T-LD. Mereka tidak lagi menghadapi masalah dan kekeliruan semasa menggunakan TPP, sebaliknya berjaya menyelesaikan operasi membahagi dalam latihan dan ujian yang diberikan menggunakan teknik TPP dengan bantuan daripada BBM. Langkah kerja yang dituliskan juga lebih kemas dan tidak mengelirukan. Ini menunjukkan kesan positif daripada tindakan intervensi terhadap peningkatan mereka dalam penguasaan kemahiran membahagi. Jadual 3 menunjukkan perbandingan analisis hasil kerja sesetengah murid dalam UD, LSml dan USml.


Jadual 3  
Perbandingan analisis hasil kerja Kenneth dan Daniel (pseudonym)

Ujian/ Latihan	Contoh hasil kerja murid-murid dan analisisnya	
<p>UD (Kenneth dan Daniel)</p>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawapan dan penyelesaian salah.</li> <li>Penggunaan TPP yang tidak betul.</li> <li>Keliru apabila nilai pembahagi lebih besar daripada nilai pertama bagi nombor dividen.</li> <li>Penguasaan sifir darab lemah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawapan dan penyelesaian tidak munasabah.</li> <li>Langkah kerja TPP mengelirukan dan tidak kemas.</li> <li>Penguasaan kemahiran menolak yang kurang baik.</li> </ul>
<p>LSml (Kenneth dan Daniel)</p>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawapan dan langkah penyelesaian yang tepat.</li> <li>Penggunaan papan 'Tri-Line Division' dengan betul.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawapan yang tepat.</li> <li>Langkah kerja sampingan dituliskan.</li> </ul>
<p>USml (Kenneth dan Daniel)</p>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawapan tepat.</li> <li>Langkah penyelesaian dengan teknik T-LD yang betul dan kemas.</li> <li>Sifir darab dituliskan sebagai rujukan.</li> <li>Tiada kekeliruan dialami.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawapan tepat.</li> <li>Langkah penyelesaian dengan teknik T-LD yang betul dan kemas.</li> <li>Tiada kekeliruan dialami.</li> </ul>

### Markah Ujian/Latihan

Selepas menganalisis markah murid-murid dalam UD, LSml dan USml, didapati tahap pencapaian kelima-lima orang murid semakin meningkat selepas dijalankan sesi intervensi dan bimbingan. Semasa UD, semua murid mendapat markah sebanyak 0% kecuali Daniel (*pseudonym*). Ini bermaksud tiada soalan dalam UD dijawab dengan betul oleh mereka. Secara ringkas, tahap pencapaian mereka dalam UD adalah pada kategori gagal.

Namun, dalam LSml, tahap pencapaian semua murid meningkat dengan mendadak. Semua murid mendapat markah penuh iaitu 100% kecuali Catherine (*pseudonym*) mendapat markah sebanyak 75%. Ini bermaksud empat murid tersebut berjaya menjawab semua soalan dalam LSml dengan betul menggunakan papan '*Tri-Line Division*'. Dalam USml pula, semua murid telah mencapai kategori cemerlang dengan markah penuh iaitu 100%. Ini menunjukkan mereka boleh menggunakan teknik T-LD dengan baik untuk menyelesaikan operasi membahagi. Rajah 3 menunjukkan perbandingan markah murid dalam UD, LSml dan USml.



Rajah 3. Perbandingan markah murid-murid dalam UD, LSml dan USml

**Peningkatan kemahiran lima orang murid dari kelas 5 Li dalam membahagi sebarang nombor hingga 1000000 dengan nombor hingga dua digit melalui teknik T-LD tanpa penggunaan papan '*Tri-Line Division*'.**

### Catatan Nota Lapangan

Semasa menjalankan USbl, murid-murid kelihatan kurang berkeyakinan dan risau. Mereka terpegun untuk menuliskan langkah penyelesaian dengan menggunakan TPP. Langkah kerja yang dilakukan juga mengelirukan kerana tidak menggunakan pembaris.

Namun semasa USII1 pula, murid-murid telah berubah dari segi tingkah laku dan keyakinan diri. Mereka tenang dan amat fokus sepanjang ujian tersebut. Langkah kerja yang dilakukan adalah tanpa keraguan dan amat kemas dengan penggunaan pembaris.

### Hasil Kerja Murid-murid

Analisis hasil kerja murid-murid dalam USbl dan USII1, USII2 serta USII3 telah menunjukkan peningkatan mereka pada penguasaan kemahiran membahagi. Dalam USbl, mereka melakukan banyak kesilapan dengan menggunakan TPP. Namun, dalam USII1, mereka mampu menyelesaikan soalan yang sama dalam USII1 dengan menggunakan teknik T-LD walaupun tanpa bantuan daripada papan '*Tri-Line Division*'. Seterusnya dalam USII2 dan USII 3, mereka berupaya mengaplikasikan teknik T-LD ke peringkat yang lebih tinggi seperti melibatkan konsep baki dan unit Masa tanpa kekeliruan dan kesilapan. Murid-murid tidak lagi



menghadapi masalah dan kekeliruan selepas menggunakan teknik T-LD seperti mana dalam USbl. Pencapaian murid-murid dalam USII1, USII2 dan USII3 telah menunjukkan peningkatan mereka dalam menguasai kemahiran membahagi dengan menggunakan teknik T-LD. Jadual 4 menunjukkan perbandingan hasil kerja Alain (*pseudonym*) dalam USbl dan USII1 manakala Rajah 4 menunjukkan hasil kerja Alain (*pseudonym*) dalam USII2 dan hasil kerja Ben (*pseudonym*) dalam USII3.

Jadual 4  
Perbandingan hasil kerja Catherine dalam USbl dan USII1

Ujian	USbl	USII
Contoh Hasil Kerja Murid		

- |   |   |
|---|---|
| <p>Analisis Hasil kerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawapan yang tidak betul.</li> <li>• Langkah penyelesaian yang tidak tepat dan mengelirukan.</li> <li>• Mengalami kekeliruan apabila nilai pembahagi lebih besar daripada nilai digit pertama dividen.</li> <li>• Pemilihan sifir darab yang kurang sesuai.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawapan yang betul.</li> <li>• Langkah penyelesaian yang tepat</li> <li>• Langkah kerja sistematik dan kemas.</li> <li>• Menuliskan sifir darab sebagai rujukan sampingan.</li> <li>• Pemilihan sifir darab yang sesuai</li> </ul> |
|---|---|

Hasil kerja Alain dalam USII2	Hasil kerja Ben dalam USII3


Rajah 4. Hasil kerja murid dalam USII2 dan USII3

### Markah Ujian

Semasa USbl, tiga daripada lima orang murid mendapat markah sebanyak 0% di mana hanya Ben dan Daniel (*pseudonyms*) memperoleh markah sebanyak 25% dan 50% sahaja. Ini bermaksud 60% murid tersebut tidak berupaya menjawab satu pun soalan dalam USbl dengan betul. Secara keseluruhan, tahap pencapaian mereka dalam USbl adalah lemah. Namun, bermula dari USII1 hingga USII3, pencapaian murid-murid meningkat secara mendadak. Hanya Catherine sahaja yang memperoleh markah sebanyak 75% dalam USII1



tetapi dia mencapai peningkatan sebanyak 75% berbanding dengan markah USbl. Semua orang telah mendapat markah penuh iaitu 100% dalam USII2 dan USII3 di mana ini bermaksud mereka boleh menyelesaikan soalan-soalan yang diberikan dengan betul dan tepat menggunakan teknik T-LD tanpa bantuan daripada papan '*Tri-Line Division*'. Rajah 5 menunjukkan perbandingan markah murid-murid bagi USbl, USII1, USII2 dan USII3.



Rajah 5. Perbandingan markah murid-murid bagi USbl, USII1, USII2 dan USII3

### Transkrip Temu Bual

Selepas setiap ujian selepas intervensi dilaksanakan, sesi temu bual selama 15 minit telah dijalankan bersama dengan murid-murid bagi memperoleh pandangan dan perasaan mereka terhadap sesi intervensi dan bimbingan yang diberikan.

Dalam sesi temu bual pertama iaitu selepas USII1, didapati murid-murid lebih menyukai teknik T-LD berbanding dengan TPP kerana teknik tersebut lebih mudah difahami, ringkas dan senang digunakan. Mereka juga berjanji untuk menggunakan teknik T-LD pada latihan seterusnya dan sanggup mengonggokan teknik tersebut dengan kawan lain.

Dalam sesi temu bual kedua iaitu selepas sebulan berlalu, didapati murid-murid masih mengingati cara penggunaan teknik T-LD dan yakin bahawa diri sendiri berupaya menyelesaikan operasi membahagi dengan teknik tersebut.

Dalam sesi temu ketiga pula iaitu selepas USII3, semua murid berpendapat ujian yang baru dijalankan amat senang dan tidak menjadi satu masalah kepada mereka. Mereka juga yakin untuk menyatakan teknik T-LD adalah lebih senang digunakan berbanding dengan TPP.

Sebagai rumusan, hasil ketiga-tiga temu bual tersebut telah menunjukkan kesan teknik T-LD yang sangat positif terhadap perubahan tingkah laku, peningkatan keyakinan diri serta kemahiran dalam menyelesaikan operasi membahagi.

### REFLEKSI

Kesyukuran dan kegembiraan tidak dapat dinafikan apabila melihat perubahan dan peningkatan murid-murid selepas menjalankan sesi intervensi dan bimbingan dengan menggunakan papan '*Tri-Line Division*' dan teknik T-LD. Sebagai seorang guru dan juga pengkaji, banyak ilmu pengetahuan dan pengalaman telah saya perolehi sepanjang proses kajian tindakan. Yang terpentingnya adalah ia menyedarkan saya tentang kepentingan menjalankan kajian kerana proses tersebut berupaya mengubah perspektif dan pemahaman saya terhadap pedagogi sendiri dan pada topik Bahagi secara tidak langsung. Perkara ini sejajar dengan hasil kajian Betts, McLarty, & Dickson (2017) bahawa kajian tindakan berupaya

bertindak sebagai suatu pendekatan atau platform kepada guru pelatih Matematik untuk memperoleh pengalaman pembelajaran dalam PdP Matematik

Selain itu, impak daripada BBM yang dihasilkan iaitu papan '*Tri-Line Division*' terhadap pembelajaran murid-murid dalam menguasai kemahiran membahagi juga mengingatkan saya bahawa BBM adalah sangat mustahak semasa pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Matematik kerana ia berupaya mempersembahkan suatu ilmu Matematik yang abstrak dalam bentuk yang lebih mudah difahami seperti mana yang diperkatakan oleh Furner & Worrell (2017) bahawa keberkesanan suatu pengajaran bergantung pada bahan manipulatif yang digunakan.

Akhir sekali, kajian tindakan ini juga memberikan peluang kepada saya untuk memperkasa dan mempraktikkan sifat kreativiti dan inovasi dalam dunia pendidikan. Proses penghasilan alternatif baharu iaitu teknik T-LD telah meningkatkan profesionalisme keguruan saya di mana saya boleh mengongsikan hasil inovasi tersebut kepada umum melalui seminar, simposium dan sebagainya.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan yang pertama adalah mengintegrasikan unsur teknologi seperti menyediakan manual ringkas dengan menggunakan slaid Ms. Powerpoint semasa memperkenalkan papan '*Tri-Line Division*' kepada murid-murid kerana menurut Watson (2015) penggunaan teknologi adalah penting bagi meningkatkan motivasi dan tahap pembelajaran murid-murid.

Cadangan yang seterusnya adalah melakukan kajian lanjutan sama ada teknik T-LD berupaya untuk membantu murid-murid menguasai teknik pembahagian panjang (TPP) dengan lebih baik. Hal ini demikian kerana teknik T-LD dan TPP mempunyai persamaan dari segi proses penyelesaian operasi membahagi. Perbezaan yang paling ketara hanya pada aspek bentuk penyelesaiannya sama ada secara melintang atau menegak. Walaupun teknik T-LD berfungsi sebagai salah satu alternatif dalam menyelesaikan operasi membahagi, namun ia masih belum dikenali orang ramai dan diterima secara rasmi oleh pihak kementerian pendidikan Malaysia. Jadi, murid-murid berkemungkinan akan kehilangan markah bagi langkah kerja jika menggunakan teknik T-LD dalam ujian awam seperti UPSR.

Memandangkan teknik T-LD telah memberi kesan yang amat positif dalam membantu murid-murid menguasai kemahiran membahagi sebarang nombor hingga 1000000 dengan nombor hingga dua digit, cadangan tindakan susulan yang terakhir adalah mengongsikan alternatif tersebut kepada umum terutamanya guru-guru Matematik lain supaya mereka berpeluang untuk mengenali dan menggunakan teknik tersebut bagi membantu anak murid mereka yang mempunyai masalah dalam penguasaan TPP. Contohnya, pembentangan atau pengkongsian hasil kajian ini boleh dilakukan pada seminar, simposium ataupun pertandingan inovasi. Hal ini demikian kerana tujuan teknik T-LD ini dihasilkan adalah untuk membantu mereka yang memerlukannya dan pengongsian seperti ini akan memberi manfaat kepada dunia pendidikan Matematik.

## RUJUKAN

- Betts, P., McLarty, M., & Dickson, K. (2017). *An action research project by teacher candidates and their instructor into using Math inquiry: Learning about relations between theory and practice*. Diperoleh dari <https://newprairiepress.org/networks/vol19/iss1/4/>
- Camos, V., & Baumer, J. (2015). Why is it so hard to solve long divisions for 10-year-old children? *International Journal of School and Cognitive Psychology*, 1-9.
- Chai, M., & Yeoh, C. (2018). Mushroom House: Meningkatkan kemahiran membahagi nombor bulat dalam kalangan murid Tahun 3. *Jurnal Penyelidikan Temenggong Edisi Pendidikan Matematik Jil. 1/2018*, 71-77.
- Chong, S., Wong, J., & Abdul Halim Abdullah. (2017). Pencapaian Matematik TIMSS 1999, 2003, 2007, 2011 dan 2015: Di mana kedudukan Malaysia dalam kalangan negara

- Asia Tenggara. *Malaysian Journal of Higher Order Thinking Skills in Education (MJHOTS)*, 54-108.
- Elif Bahadır. (2017). Teaching multiplication and multiplication tables by the application of finger multiplication. *European Journal of Education Studies Vol. 3 Issue 4*, 127-147.
- Furner, J. M., & Worrell, N. L. (2017). The importance of using manipulatives in teaching Maths today. *Transformations: Vol. 3: Iss. 1*, 1-25.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Laporan TIMSS 2015 (Trends in International Mathematics and Science Study)*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Watson, C. L. (2015, May). *The use of technology in secondary Mathematics classrooms: The case of one school district*. Diperoleh dari The University of Southern Mississippi: [https://aquila.usm.edu/masters\\_theses/111](https://aquila.usm.edu/masters_theses/111)

### Lampiran A- Analisis data awal

Instrumen	Hasil analisis
Refleksi harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ketidakmampuan murid-murid untuk mengadaptasikan kemahiran membahagi dalam topik Masa.</li></ul>
Hasil lembaran kerja	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tahap penguasaan murid-murid terhadap TPP untuk menyelesaikan operasi membahagi dalam topik Masa kurang memberangsangkan.</li></ul>
Hasil latihan dan ujian lepas	<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid keliru dan tidak memahami langkah kerja menggunakan TPP.</li><li>• Proses membahagi murid tidak mengikut nilai tempat.</li><li>• Murid tidak mementingkan aspek kekemasan dalam penyelesaian.</li></ul>
Perbincangan bersama guru pembimbing	<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid menghadapi masalah dalam menguasai TPP sejak mempelajari topik Bahagi.</li><li>• Murid kekurangan keyakinan dan motivasi kerana tidak mahir TPP.</li></ul>
Ujian diagnostik	<ul style="list-style-type: none"><li>• 80% murid mendapat markah kosong dalam ujian.</li><li>• Murid tidak mahir menggunakan TPP kerana tidak faham dan keliru.</li><li>• Penyelesaian murid dengan TPP yang tidak mengikut nilai tempat dan tidak mementingkan kekemasan serta mengelirukan.</li></ul>
Catatan nota lapangan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Murid risau dan gelisah apabila dimaklumkan sesi ujian diagnostik.</li><li>• Murid tidak yakin, berfikir panjang dan menjawab dengan lambat.</li><li>• Murid tidak menggunakan pembaris untuk mengekalkan kekemasan.</li></ul>

## **FRACTANGLE: SATU ALAT UNTUK MENINGKATKAN PENGUASAAN MURID TAHUN 5 SJK CHUNG HUA SEJIIK TERHADAP KEMAHIRAN MENUKAR NOMBOR BERCAMPUR KEPADA PECAHAN TAK WAJAR**

**JOANNE TIONG CHEE YEE**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
joanne1997824@hotmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian tindakan ini dijalankan untuk membantu dua orang murid Tahun 5 dari SJK Chung Hua Sejjak menguasai kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar. Kegagalan murid-murid dalam penguasaan kemahiran tersebut telah menjadi satu masalah serius yang menghalang mereka daripada menguasai beberapa kemahiran dalam topik Peratusan. Melalui hasil lembaran kerja murid-murid, didapati mereka menggunakan kaedah hafalan iaitu 'Tambah Darab' untuk menjalankan proses penukaran nombor bercampur kepada pecahan tak wajar. Kaedah ini merupakan kaedah yang agak abstrak bagi mereka. Akibatnya, berlakunya kesalahan tanggapan dalam kalangan dua orang murid tersebut. Maka, satu bahan manipulatif iaitu *Fractangle* telah saya hasilkan bagi membantu murid-murid memvisualisasikan proses penukaran nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dengan lebih jelas dan sistematik. *Fractangle* juga boleh dijadikan sebagai satu algoritma bagi proses penukaran nombor bercampur kepada pecahan tak wajar. Dengan menggunakan *Fractangle*, proses penukaran akan menjadi lebih teratur dan jelas kerana pecahan tak wajar dapat ditentukan dengan cepat. Tiga sesi bimbingan telah dijalankan bersama dua orang murid tersebut dengan menggunakan *Fractangle*. Daripada jawapan dan langkah kerja mereka dalam ujian selepas intervensi yang tepat, kemas serta teratur, ia secara langsung telah menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahap penguasaan mereka terhadap kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar. Keyakinan dan minat murid-murid juga semakin meningkat selepas *Fractangle* diperkenalkan. Maka, *Fractangle* telah berjaya mengatasi kesalahan tanggapan dan kekeliruan yang dialami oleh mereka sebelum ini.

Kata Kunci: kajian tindakan, nombor bercampur, pecahan tak wajar, bahan manipulatif, *Fractangle*

### **ABSTRACT**

*This action research was carried out to help two Year 5 pupils from SJK (C) Chung Hua Sejjak in acquiring the skill of converting mixed number to irrational fraction. This is an important skill for them to master the topic of Percentage. By analysing their worksheets, I found out that they used mnemonic, "Tambah Darab" taught by their teacher while doing the conversion process. Through further analyzing, it was found that they were only memorizing the steps. The steps were too abstract for them to understand the process of conversion. Thus, causing misunderstanding among them. To help the pupils, a manipulative named Fractangle was created for them to visualize the process of converting mixed number to irrational fraction. Besides, Fractangle can be used as an algorithm. By using Fractangle, the conversion process become clearer and more systematics. It also helps them to identified the irrational fraction easier and quicker. By using Fractangle, three sessions were carried out with these two pupils. Form their works in post-test, I noticed that their calculation steps became tidier, more systematic and accurate. This indicated that they had mastered the skill of converting mixed number to irrational fraction. Not only improved academically, Fractangle also boosted pupils' confidence level and their interest in learning. All these findings showed that Fractangle had successfully overcame pupils' misunderstanding and confusion.*

*Keywords: action research, mixed number, irrational fraction, manipulative, Fractangle*

## PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar. Menurut Teori Piaget, murid-murid sekolah rendah yang berumur 7 hingga 11 tahun terletak pada tahap operasi konkrit (Slavin, 2003). Pada tahap ini, mereka masih kurang mahir dalam mentafsir perkara-perkara abstrak. Maka, bahan-bahan manipulatif amat berguna dan bermanfaat dalam proses pembelajaran mereka.

Penggunaan bahan manipulatif dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid. Satu kajian kuasi eksperimental yang dijalankan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan bahan manipulatif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan terhadap 61 buah sekolah di kawasan tengah Ghana. Hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan bahan manipulatif telah membina asas Matematik yang kuat dalam kalangan murid. Penggunaan bahan manipulatif didapati dapat memenuhi keperluan pelbagai jenis murid misalnya, konsep telah dijelaskan (auditori), demonstrasi dilakukan (visual), dan murid dapat memanipulasi bahan tersebut (kinestetik) (Larbi & Mavis, 2016). Oleh itu, saya telah memikirkan satu bahan manipulatif untuk membantu meningkatkan penguasaan dua orang murid Tahun 5 tersebut terhadap kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar.

Masalah ini telah saya temui semasa saya menjalankan praktikum fasa 2 saya di SJK(C) Chung Hua Sejjak. Sepanjang fasa praktikum, saya telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar subjek Matematik bagi Tahun 5. Saya telah mengajar topik Peratusan, Wang, Masa dan Waktu serta Panjang.

Pada 20 Jun 2019, saya telah mengajar kemahiran menukarkan nombor bercampur kepada peratusan dan sebaliknya dalam topik Peratusan bagi Tahun 5. Sepanjang sesi PdP tersebut, saya memperhatikan bahawa dua orang murid tersebut bersikap pasif dan jarang menjawab soalan saya. Setelah menyemak lembaran kerja mereka, saya mendapati bahawa mereka tidak dapat menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dengan betul.

Daripada hasil kerja Jacklyn (*pseudonym*), didapati bahawa dia hanya menghafal langkah sahaja. Dia tidak memahami mnemonik 'Tambah Darab'. Daripada hasil kerjanya, didapati bahawa dia hanya mendarab penyebut nombor bercampur dengan nombor bulat ( $50 \times 4$ ), dia tidak meneruskan proses tersebut dengan menambahkan hasil darab dengan pengangka nombor bercampur ( $200 + 27$ )(Rajah 1).

$$\begin{array}{r} \frac{4\frac{27}{50}}{4 \times 50} = \left( \frac{200}{50} \times 100 \right) \checkmark \\ = 400\% \end{array}$$

Rajah 1. Kesilapan yang dipetik daripada hasil kerja Jacklyn (Bukan nama sebenar).

Bagi Elena (*pseudonym*) saya mendapati bahawa walaupun dia mengetahui operasi yang diperlukan untuk menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar, namun dia tidak dapat melakukan proses tersebut secara betul (Rajah 2). Dia telah melakukan kedua-dua operasi tersebut secara berasingan. Bagi pengangka pecahan tak wajar, dia menambahkan nombor bulat dengan pengangka nombor bercampur ( $4 + 27 = 31$ ). Bagi penyebut pecahan tak wajar, dia mendarabkan nombor bulat dengan penyebut nombor ( $4 \times 50 = 200$ ). Dalam hasil kerjanya, dia telah menulis penyebut pecahan tak wajarnya sebagai 20 kerana dia telah melakukan kesilapan semasa mendarabkan 4 dengan 50 seperti dalam Rajah 2.

$$4\frac{27}{50} = \left(\frac{31}{20} \times 100\right)\%$$
$$= 124\%$$
$$20 \overline{)100} \begin{array}{r} 4 \\ -100 \\ \hline 0 \end{array}$$
$$\begin{array}{r} 31 \\ \times 4 \\ \hline 124 \end{array}$$
$$\begin{array}{r} 1 \\ 27 \\ + 4 \\ \hline 31 \end{array}$$
$$\begin{array}{r} 50 \\ \times 4 \\ \hline 200 \end{array}$$

Rajah 2. Kesilapan yang dipetik daripada hasil kerja Elena

## FOKUS KAJIAN

Berdasarkan masalah yang dikenal pasti, kajian ini berfokus untuk membantu dua orang murid Tahun 5 di SJK Chung Hua Asajaya untuk menguasai kemahiran menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Meningkatkan tahap penguasaan dua orang murid Tahun 5 di SJK Chung Hua Sejijak terhadap kemahiran menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dengan menggunakan papan *Fractangle*.
- Meningkatkan tahap penguasaan dua orang murid Tahun 5 di SJK Chung Hua Sejijak terhadap kemahiran menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar tanpa menggunakan papan *Fractangle*.

Berdasarkan objektif kajian, soalan kajian adalah seperti berikut,

- Sejauh manakah penguasaan dua orang murid Tahun 5 di SJK Chung Hua Sejijak terhadap kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dapat ditingkatkan dengan menggunakan papan *Fractangle*?
- Sejauh manakah penguasaan dua orang murid Tahun 5 di SJK Chung Hua Sejijak terhadap kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dapat ditingkatkan tanpa menggunakan papan *Fractangle*?

## PESERTA KAJIAN

Setelah menjalani ujian diagnostik, saya telah memilih dua orang murid yang tidak menguasai kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar untuk menjadi peserta kajian saya. Kedua-dua orang murid tersebut merupakan murid dari Tahun 5 di SJK Chung Hua Sejijak. Dalam kajian saya, saya akan menggelar mereka sebagai Elena dan Jacklyn (kedua-dua bukan nama sebenar). Mereka adalah berkaum Iban. Walaubagaimanapun, mereka dapat berkomunikasi dengan rakan sekelas mereka menggunakan perkataan bahasa Cina yang asas secara fasih.


Secara keseluruhannya, prestasi dua orang murid tersebut adalah pada peringkat yang agak lemah khususnya bagi subjek Matematik. Antara sebab yang dapat saya kenal pasti ialah mereka kurang mengenali perkataan-perkataan Cina. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan yang melibatkan perkataan Cina yang banyak, misalnya

penyelesaian soalan, soalan KBAT dan sebagainya. Namun, saya mendapati bahawa penguasaan Jacklyn terhadap subjek Matematik adalah lebih tinggi daripada Elena.

Semasa di dalam kelas saya, kedua-dua orang murid tersebut bersikap pasif dan jarang mengemukakan soalan atau menjawab soalan yang saya kemukakan di depan kelas. Mereka lebih gemar jika saya mengajar mereka secara individu. Apabila saya membimbing mereka secara individu di dalam kelas, Jacklyn lebih yakin untuk menjawab soalan saya dan mengemukakan soalan jika menghadapi sebarang masalah berbanding dengan Elena.

### TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian ini dilaksanakan dengan berpandukan Model Penyelidikan Tindakan oleh Kemmis dan McTaggart (1988). Model ini mempunyai 4 elemen, iaitu merancang (*plan*), bertindak (*act*), memerhati (*observe*) dan mereflek (*reflect*) (McNiff, 2013). Beberapa sesi intervensi telah dijalankan menggunakan bahan manipulatif, *Fractangle* bersama Elena dan Jacklyn.



Rajah 3. Sesi-sesi intervensi yang dijalankan

Dalam sesi intervensi yang pertama, saya telah mengajar murid-murid tentang nombor bercampur dan pecahan tak wajar. Saya telah memberitahu cara untuk mengenali nombor bercampur dan pecahan tak wajar. Setelah memastikan mereka mengenali nombor pecahan dan pecahan tak wajar, saya telah memperkenalkan bahan manipulatif saya iaitu papan *Fractangle*. Kemudian, saya telah mendemonstrasikan cara menggunakan papan *Fractangle* dengan beberapa soalan (Rajah 4). Jacklyn dan Elena juga mencuba untuk menukarkan beberapa nombor bercampur pada kertas latihan yang telah saya berikan dengan menggunakan papan *Fractangle* (Rajah 5).



Rajah 4. Saya mendemonstrasikan cara menggunakan papan Fractangle




Rajah 5. Murid cuba untuk menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dengan papan Fractangle.

Jadual 1  
Cara menggunakan papan Fractangle


Gambar/ Soalan	Penerangan
----------------	------------

Menukarkan  $3\frac{4}{7}$  kepada pecahan tak wajar.




Murid menuliskan nombor bercampur ( $3\frac{4}{7}$ ) dalam ketiga-tiga petak tersebut.






Murid melakukan pendaraban antara nombor bulat (3) dengan penyebut (7). Hasil darab (21) dituliskan pada petak berwarna hijau.




Seterusnya, murid menambahkan hasil darab (21) dengan pengangka (4) dan menuliskan hasil tambah (25) pada petak yang berwarna merah jambu di bahagian jawapan (答案).



Murid tarik kad berwarna biru supaya memadamkan petak warna merah jambu dan jawapan (pecahan tak wajar) akan diperoleh.

Sesi intervensi yang kedua telah dijalankan pada 26 Julai 2019. Sesi ini bertujuan untuk membimbing murid untuk menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar tanpa menggunakan papan *Fractangle*. Dalam sesi ini, murid cuba untuk menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dengan menggunakan *Fracper* (Rajah 6).



Rajah 6. Fracper

Jadual 2  
Cara menggunakan *Fracper*

Gambar/ Soalan	Penerangan						
Menukarkan $3\frac{4}{7}$ kepada pecahan tak wajar.							
<table border="1" style="width: 100%; height: 100%; text-align: center;"> <tr> <td style="width: 33%;"></td> <td style="width: 33%;">4</td> <td style="width: 33%;"></td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>7</td> <td></td> </tr> </table>		4		3	7		Murid menuliskan nombor bercampur ( $3\frac{4}{7}$ ) dalam ketiga-tiga petak tersebut.
	4						
3	7						
<table border="1" style="width: 100%; height: 100%; text-align: center;"> <tr> <td style="width: 33%;">21</td> <td style="width: 33%;">4</td> <td style="width: 33%;"></td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>7</td> <td></td> </tr> </table>	21	4		3	7		Murid melakukan pendaraban antara nombor bulat (3) dengan penyebut (7) . Hasil darab (21) dituliskan pada petak di atas petak ditulis digit 3.
21	4						
3	7						
<table border="1" style="width: 100%; height: 100%; text-align: center;"> <tr> <td style="width: 33%;">21</td> <td style="width: 33%;">4</td> <td style="width: 33%;">25</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>7</td> <td></td> </tr> </table>	21	4	25	3	7		Seterusnya, murid menambahkan hasil darab (21) dengan pengangka (4) dan menuliskan hasil tambah (25) pada petak di sebelah petak ditulis digit 4.
21	4	25					
3	7						
<table border="1" style="width: 100%; height: 100%; text-align: center;"> <tr> <td style="width: 33%;">21</td> <td style="width: 33%;">4</td> <td style="width: 33%;">25</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>7</td> <td>7</td> </tr> </table>	21	4	25	3	7	7	Murid menyalin penyebut nombor bercampur (7) sebagai penyebut pecahan tak wajar. dan jawapan (pecahan tak wajar) akan diperoleh.
21	4	25					
3	7	7					

Sesi yang terakhir iaitu sesi ketiga dijalankan khususnya untuk memberikan kertas latihan yang saya cadang untuk berikan kepada murid semasa sesi kedua. Kertas latihan tersebut bertujuan untuk melatih murid terhadap kemahiran menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dengan menggunakan *Fracper*.

Untuk kajian ini, saya telah mengumpul data kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif merupakan data-data yang kebanyakannya adalah kata-kata yang penuh dengan deskripsi, istilah dan sebagainya (Abdul Rahman Abdul Majid Khan, 2007).

Data-data kualitatif yang telah saya kumpulkan ialah hasil kerja murid, pemerhatian dan temu bual antara saya dengan murid. Dokumen-dokumen seperti hasil kerja murid telah dikumpul dan dianalisis. Dengan menganalisis dokumen, maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji dapat diperolehi (Jasmi, 2012). Melalui pemerhatian, tingkah laku dan interaksi peserta kajian dapat diperhatikan dan direkod (Creswell, 2014). Hasil pemerhatian telah dicatatkan dalam bentuk nota lapangan. Nota lapangan adalah catatan pemerhatian secara bertulis tentang situasi yang berlaku dalam sesebuah bilik darjah (Johnson, 2008). Temu bual juga membolehkan maklumat dikumpul melalui perbincangan atau pergaulan dengan peserta kajian saya (Thomas, 2005). Hasil temu bual telah ditranskripsikan.

Data kuantitatif merupakan data-data yang kebanyakannya adalah nombor berasaskan pengukuran menggunakan skala perkadaran dan instrumen khusus (Abdul Rahman Abdul Majid Khan, 2007). Saya akan mengumpul data kuantitatif seperti skor murid. Melalui skor murid, saya dapat memperhatikan bahawa sama ada pencapaian murid meningkat atau tidak. Skor akan dikumpul daripada ujian sebelum intervensi, lembaran kerja sesi bimbingan, ujian selepas intervensi dan ujian lanjutan. Selain merujuk skor murid, saya juga akan menilai kualiti hasil kerja dengan menggunakan skala berdasarkan rubrik yang dihasilkan (Jadual 3).

Jadual 3  
Rubrik Penilaian Hasil Kerja Murid

Skala Likert	Kriteria Pencapaian
1	Murid mengetahui proses penukaran nombor bercampur kepada pecahan tak wajar.
2	Murid mengetahui proses penukaran nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dan dapat melakukan proses penukaran secara betul.
3	Murid mengetahui proses penukaran nombor bercampur kepada pecahan tak wajar, dapat melakukan proses penukaran secara sistematik dan jelas serta menuliskan hasil (pecahan tak wajar) dalam bentuk yang betul.

## DAPATAN KAJIAN


Untuk mengukur tahap penguasaan murid-murid, saya telah merujuk kepada hasil kerja murid, nota lapangan, transkrip temu bual dan skor murid.

Pemerhatian telah dijalankan sepanjang sesi-sesi intervensi. Sepanjang kajian tindakan saya, saya memperhatikan bahawa penguasaan Elena dan Jacklyn terhadap kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar semakin meningkat. Mereka telah menunjukkan keyakinan semasa menjawab soalan dan dapat menyelesaikan soalan dengan menunjukkan langkah yang jelas dan sistematik sama ada dengan menggunakan papan *Fractangle* atau dengan *Fracper*. Petikan nota lapangan yang berkenaan (Rajah 7).

Jacklyn	Dengan papan <i>Fractangle</i>	“...Apabila soalan latihan diberikan, Jacklyn menunjukkan keyakinan untuk menyelesaikan soalan-soalan tersebut. Dia terus bermula untuk menyelesaikan soalan dengan menggunakan papan <i>Fractangle</i> . Dia dapat menggunakan papan <i>Fractangle</i> tersebut dengan betul.”  (N/L, 25 Julai 2019)
	Dengan <i>Fracper</i>	“...Dia yang paling cepat menyelesaikan soalan dan langkah penyelesaiannya ditulis dengan kemas dan jelas. Dia dapat menyelesaikan semua soalan dengan betul dengan <i>Fracper</i> .”  (N/L 31 Julai 2019)
Elena	Dengan papan <i>Fractangle</i>	“...Dia masih belum mahir dan tidak dapat menyelesaikan soalan dengan cepat kerana dia akan berhenti sebentar dan menulis semula semasa menyelesaikan soalan. Namun, dia dapat menyelesaikan soalan yang diberikan menggunakan papan <i>Fractangle</i> secara bersendirian tanpa bimbingan daripada saya.”  (N/L, 25 Julai 2019)
	Dengan <i>Fracper</i>	“Elena kelihatan lebih yakin untuk menyelesaikan soalan yang diberikan. Walaupun tidak dapat menyelesaikan soalan dengan cepat, dia juga dapat menyelesaikan semua soalan dengan betul dengan <i>Fracper</i> .”  (N/L 31 Julai 2019)

Rajah 6. Petikan nota lapangan pada 25 dan 31 Julai 2019

8. Secara rumusan, hasil pemerhatian saya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah



Rajah 7. Carta-Y yang merumuskan hasil pemerhatian.

Daripada transkrip temu bual juga, saya mendapati bahawa mereka dapat memberitahu langkah menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dengan jelas dan betul seperti dalam Rajah 9 dan 10.

Saya	: Ok. Sekarang, kamu sudah faham idea <i>Fractangle</i> kan? Bolehkah beritahu cikgu langkah yang betul untuk menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar?
Elena	: Darab lepas itu tambah.
Saya	: Nombor mana yang perlu didarab?
Elena	: Penyebut perlu didarab dengan nombor bulat.
Saya	: Lepas itu?
Elena	: Menambah hasil darab dengan pengangka dan kekalkan penyebut.
Saya	: Macam mana dengan nombor bulat?
Elena	: Padamkan!

Rajah 8. Petikan transkrip temu bual dengan Elena

Saya	: Ok. Sekarang, kamu sudah faham idea <i>Fractangle</i> kan? Bolehkah beritahu cikgu langkah yang betul untuk menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar?
Jacklyn	: Darab dan tambah.
Saya	: Nombor mana yang perlu didarab?
Jacklyn	: Penyebut perlu didarab dengan nombor bulat.
Saya	: Lepas itu?
Jacklyn	: Tambah dengan pengangka dan kekalkan penyebut.
Saya	: Macam mana dengan nombor bulat?
Jacklyn	: Tak perlu ditulis lagi.

Rajah 9. Petikan transkrip temu bual dengan Jacklyn

Elena juga menyatakan bahawa *Fractangle* senang difahami dan *Fractangle* dapat membantu Jacklyn untuk melihat langkah dengan lebih jelas.

Saya	: Ya, bagus. Jadi, adakah <i>Fractangle</i> ini senang difahami?
Elena	: Ya. Sangat senang!

Rajah 10. Petikan transkrip temu bual dengan Elena

Saya	: Ya, bagus. Jadi, adakah <i>Fractangle</i> ini senang difahami?
Jacklyn	: Ya. Saya dapat melihat langkah dengan lebih jelas.

Rajah 11. Petikan transkrip temu bual dengan Jacklyn

Dengan menganalisis hasil kerja mereka, saya mendapati bahawa langkah kerja yang ditunjukkan oleh mereka semakin sistematik dan betul.

Dalam ujian selepas intervensi, Elena telah berupaya untuk menukarkan nombor bercampur kepada pecahan tak wajar secara betul dengan menggunakan *Fracper*. Langkah kerja yang ditunjukkan oleh Elena dalam ujian selepas intervensi adalah lebih sistematik dan jelas berbanding dengan langkah kerjanya semasa ujian sebelum intervensi. Dengan menggunakan *Fracper*, dia telah menjalankan operasi pendaraban dan penambahan secara berterusan. Langkah kerja yang ditunjukkan telah ditulis dengan tulisan yang lebih jelas dan besar berbanding dengan tulisannya semasa ujian sebelum intervensi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap keyakinannya untuk menjawab soalan telah meningkat. Tuntasnya, dia telah

menunjukkan pemahaman dan mampu menggunakan *Fracper* dengan berjaya semasa menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar.

Jadual 4

Perbandingan Hasil Kerja Ujian Sebelum Intervensi dengan Ujian Selepas Intervensi Elena

Ujian sebelum intervensi	Ujian selepas intervensi
$1) 1\frac{1}{2}$ $= \frac{1 \times 2 + 1}{2}$ $= \frac{2 + 1}{2}$ $= \frac{3}{2}$	$1) 1\frac{3}{4} = \frac{7}{4}$ $\begin{array}{r l} 4 & 3 \\ \hline 1 & 4 \end{array}$
$3) 4\frac{7}{25}$ $= \frac{4 \times 25 + 7}{25}$ $= \frac{100 + 7}{25}$ $= \frac{107}{25}$	$3) 7\frac{11}{20} = \frac{151}{20}$ $\begin{array}{r l} 20 & 11 \\ \hline 7 & 20 \end{array}$ $\begin{array}{r} 20 \\ \times 7 \\ \hline 140 \\ + 11 \\ \hline 151 \end{array}$

Jadual 5

Perbandingan Hasil Kerja Ujian Sebelum Intervensi dengan Ujian Selepas Intervensi Jacklyn

Ujian sebelum intervensi	Ujian selepas intervensi
$2) 10\frac{3}{4} = \frac{43}{4} \times 100$ $= 16$	$2) 3\frac{7}{15} = \frac{52}{15}$ $\begin{array}{r} 15 \\ \times 3 \\ \hline 45 \\ + 7 \\ \hline 52 \end{array}$ $\begin{array}{r l} 15 & 7 \\ \hline 3 & 15 \end{array}$
$4) 9\frac{14}{35} = \frac{165}{35} \times 100$ $= 11$	$4) \frac{3}{50} = \frac{453}{50}$ $\begin{array}{r} 50 \\ \times 9 \\ \hline 450 \\ + 3 \\ \hline 453 \end{array}$ $\begin{array}{r l} 50 & 3 \\ \hline 9 & 50 \end{array}$

Hasil perbandingan (Jadual 5) juga menunjukkan bahawa Jacklyn dapat menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar dengan menggunakan *Fracper*. Dengan menggunakan *Fracper*, Jacklyn dapat melakukan proses penukaran tersebut dengan sempurna. Dia telah menambahkan hasil darab dengan pengangka nombor bercampur, misalnya dalam Soalan 2 ujian selepas intervensi  $[(15 \times 3) + 7]$ . Langkah penyelesaiannya telah menunjukkan bahawa dia bukan lagi sekadar menghafal langkah tetapi telah memahami proses menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar. Dia juga dapat mengisi nilai-nilai seperti nombor bercampur, hasil darab dan hasil tambah dalam petak yang betul. Langkah kerja yang ditunjukkan oleh Jacklyn dalam ujian selepas intervensi juga sangat jelas dan sistematik berbanding dengan ujian sebelum intervensi. Dia juga dapat mengenali bahagian manakah yang mewakili pecahan tak wajar (jawapan).

Mereka juga dapat mengaplikasikan kaedah *Fractangle* ini dalam kemahiran lain seperti proses menukar nombor bercampur kepada peratusan (Rajah 13).

1.  $2 \frac{13}{25} = \left(2 \frac{13}{25} \times 100\right)\%$   
 $= \left(\frac{53}{25} \times 100\right)\%$   
 $= 252\%$

2.  $4 \frac{21}{50} = \left(4 \frac{21}{50} \times 100\right)\%$   
 $= \left(\frac{221}{50} \times 100\right)\%$   
 $= 442\%$

Grids for problem 1:  $\frac{50+13}{2 \times 25} \frac{53}{25} \frac{125}{25}$

Grids for problem 2:  $\frac{200}{4} \frac{21}{50} \frac{221}{50}$

Both grids are labeled "Fracper digunakan".

Rajah 12. Soalan yang dipetik daripada ujian lanjutan Elena dan Jacklyn.

Kesimpulannya, saya mendapati bahawa objektif kajian ini telah dicapai secara sepenuhnya di mana dua orang murid Tahun 5 tersebut telah menguasai kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar sama ada dengan menggunakan papan *Fractangle* atau tidak.

Selain menganalisis langkah kerja, kualiti hasil kerja juga dinilai dengan skala berdasarkan rubrik yang dibina (Jadual 6).

Jadual 6  
Rubrik Penilaian Hasil Kerja Murid

Skala	Kriteria Pencapaian
1	Murid gagal melaksanakan proses penukaran nombor bercampur kepada pecahan tak wajar.

---

2	Murid mengetahui proses penukaran nombor bercampur kepada pecahan tak wajar, dapat melakukan proses penukaran secara sistematik dan jelas serta menuliskan hasil (pecahan tak wajar) dalam bentuk yang betul.
3	Murid dapat mengaplikasikan kemahiran menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar untuk menyelesaikan soalan kemahiran secara betul.

---

Secara keseluruhannya, skala yang diberikan kepada hasil kerja Elena telah meningkat dari ujian sebelum intervensi sehingga ujian lanjutan (Rajah14).



Rajah 14. Graf penilaian hasil kerja Elena berdasarkan skala.


Begitu juga dengan hasil kerja Jacklyn, dia telah mendapat skala 1, 2, 2, dan 3 untuk ujian sebelum intervensi, lembaran kerja sesi bimbingan 3, ujian selepas intervensi dan ujian lanjutan masing-masing (Rajah 15).



Rajah 15. Graf penilaian hasil kerja Jacklyn berdasarkan skala.

Peningkatan yang ketara juga dapat diperhatikan melalui skor ujian mereka (Rajah 14). Dalam ujian sebelum intervensi, mereka telah mendapat skor 0. Walaubagaimanapun, mereka telah menjawab keempat-empat soalan dalam ujian selepas intervensi dan ujian lanjutan dengan betul.





Rajah 13. Perbandingan skor Elena dan J antara ujian sebelum intervensi dengan latihan semasa sesi bimbingan 2 dan ujian selepas intervensi

## REFLEKSI

Daripada kajian tindakan ini, saya telah mempelajari banyak ilmu pengetahuan yang membantu saya meningkatkan kesedaran dan profesionalisme saya sebagai seorang guru.

Antaranya ialah saya sedar tentang kepentingan hubungan guru-murid yang baik. Dengan menjalin hubungan yang baik dengan murid, pencapaian hasil sosial dan akademik murid dapat dipertingkatkan. Setelah menjalankan beberapa sesi intervensi, hubungan antara saya (guru) dengan mereka (murid) juga telah dieratkan. Mereka semakin aktif dalam kelas dan pencapaian akademik mereka semakin meningkat.


Saya sedar bahawa sifat keterbukaan wajar dimiliki oleh seorang guru yang profesional. Saya harus sentiasa berprihatin terhadap murid-murid. Misalnya, apabila muridnya menghadapi masalah dalam proses pembelajaran, saya sepatutnya mengkaji masalah tersebut dan memikirkan kaedah alternatif untuk membantu murid tersebut.

Saya juga menyedari kepentingan penggunaan bahan manipulatif untuk membantu pembelajaran murid. Hal ini demikian kerana bahan manipulatif dapat memenuhi keperluan murid yang pelbagai sama ada visual, kinestetik, auditori dan sebagainya.

Sebagai kesimpulan, kemahiran murid dapat ditingkatkan sekiranya guru dapat menggunakan kaedah yang sesuai dengan keperluan dan tahap murid. Kesedaran seseorang guru untuk sentiasa membangunkan profesionalisme diri adalah sangat penting. Tanpa kesedaran diri, apa-apa usaha yang dilakukan memang tidak akan berjaya.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Untuk melanjutkan kajian ini, saya akan melakukan beberapa penambahbaikan misalnya saya akan menyusun petak pada papan *Fractangle* supaya dapat mewakili nombor bercampur dengan lebih tepat dan tidak mengelirukan murid-murid. Saya juga ingin mengintegrasikan elemen yang menarik minat murid seperti elemen yang diketahui dan dijumpai dalam kehidupan seharian mereka. Hasil penambahbaikan saya telah dinamakan sebagai *Fraction House* (Rajah 15).



Rajah 15. Fraction House.

Saya juga ingin melanjutkan kajian saya dengan memikirkan satu lagi bahan intervensi atau mengubahsuai *Fractangle* supaya dapat digunakan untuk mengajar kemahiran menukar pecahan tak wajar kepada nombor bercampur.

Akhir sekali, saya ingin mengkongsikan kajian saya kepada guru Matematik yang lain melalui saluran-saluran seperti pembentangan seminar, penerbitan artikel dan sebagainya. Dengan ini, guru lain boleh menggunakan *Fractangle* untuk membantu murid mereka yang menghadapi masalah yang sama.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Majid Khan. (2007). *Guru sebagai penyelidik*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. England: Pearson Education Limited.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*, 1-14.
- Johnson, A. P. (2008). *A short guide to action research*. Boston: Pearson Education Inc.
- Larbi, E., & Mavis, O. (2016). The use of manipulatives in Mathematics education. *Journal of Education and Practice* 7(36), 53-61.
- McNiff, J. (2013). *Action research: Principles and practice (3rd edition)*. New York: Routledge.
- Slavin, R. E. (2003). *Educational psychology: Theory and practice (7th edition)*. United States: Pearson Education.
- Thomas, R. M. (2005). *Teachers doing research: An introductory guidebook*. United States: Pearson Education.

## **SUPER ENERGY DRINK: PENGGUNAAN WATAK UNTUK MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN PENOLAKAN DENGAN MENGUMPUL SEMULA**

**NEOH HOWE WEI**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak  
Jalan Dato' Mohd. Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak  
nhwei20@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kesilapan yang dilakukan oleh empat orang murid Tahun Satu dalam lembaran kerja mereka menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan tidak dapat membantu mereka dalam menguasai kemahiran penolakan dengan mengumpul semula. Punca masalah ini berlaku ialah pendekatan yang digunakan tidak mengikut hieraki pembelajaran Matematik iaitu penggunaan bahan konkrit kepada perwakilan gambar akhirnya kepada perwakilan nombor. Maka, kaedah *Super Energy Drink* diperkenalkan dan tindakan dijalankan mengikut pendekatan konkrit-gambar-abstrak (KGA) untuk membolehkan murid-murid pada tahap operasi konkrit mendapatkan pengalaman tentang sesuatu konsep atau kemahiran dengan lebih jelas. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan murid Tahun Satu terhadap kemahiran penolakan dengan mengumpul semula dalam bentuk lazim menggunakan *Super Energy Drink*. Kajian ini juga dilaksanakan untuk menambahbaikkan amalan pedagogi saya terhadap kemahiran tersebut. Empat orang murid Tahun Satu dari sebuah sekolah di Kuching dipilih sebagai peserta kajian. Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan berpandukan Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992). Data-data dikumpul dengan menggunakan tiga kaedah iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Catatan nota lapangan pemerhatian dianalisis dengan mempersembahkan dalam bentuk naratif dan memperoleh tema berdasarkan catatan. Data temu bual ditranskripsikan dan dianalisis dengan kaedah pengekodan. Data analisis dokumen dianalisis mengikut kekerapan soalan yang betul dan skor ujian bertulis. Dapatan kajian menunjukkan kaedah *Super Energy Drink* memberi kesan positif ke arah peningkatan penguasaan kemahiran tersebut. Kaedah *Super Energy Drink* berjaya membantu murid meningkatkan penguasaan dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula. Hasil kajian juga menunjukkan perubahan amalan pedagogi berjaya membantu peserta kajian menguasai kemahiran penolakan dengan mengumpul semula.

Kata kunci: penolakan, mengumpul semula, bentuk lazim, *Super Energy Drink*

### **ABSTRACT**

*After analysing pupils' worksheet, I noticed that there are four Year One pupils could not acquire the skills of subtraction with regrouping numbers. This is because I did not teach from concrete to abstract. Teaching of mathematics should follow the hierarchical structure of Mathematics, which start from concrete representation (realia), follow by semi-concrete representation (picture) and lastly abstract representation (number). Thus, Super Energy Drink was introduced. Intervention sessions were carried out using concrete-picture-abstract (KGA) approach. Through this approach, pupils at the concrete operational stage will have a better understanding of the concept or skill introduced. This action research aimed to help Year One pupils in acquiring the skill of subtraction involving regrouping of numbers in standard form by using Super Energy Drink. Besides, I aimed to improve my pedagogical skills of teaching subtraction involving regrouping of numbers. Four Year One pupils from a school in Kuching were selected as participants. This action research was conducted based on an action research model by Kurt Lewin (1946) and Laidlaw (1992). Three data collection method were used which are observations, interviews and document*

*analysis. Observations were presented in narrative form and were analysed to themes. Interviews were transcribed and analysed through encoding. Documents were analysed according to the number of questions answered correctly and scores in written test. The result showed that Super Energy Drink had successfully helped pupils in mastering the skills of subtraction with regrouping numbers and improved my pedagogical skills.*

*Keywords: subtraction, regrouping numbers, standard form, Super Energy Drink*

## PENGENALAN

Matematik merupakan mata pelajaran teras yang harus dikuasai oleh semua murid yang mengikuti sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Kepentingan Matematik boleh dilihat apabila kerajaan telah memberi penekanan utama terhadap pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjadikan matematik sebagai mata pelajaran wajib dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) demi membentuk individu yang berupaya menangani cabaran dalam kehidupan harian dan mengikuti perkembangan sains dan teknologi.

Operasi tolak merupakan satu kemahiran asas Matematik yang perlu dikuasai oleh murid untuk kegunaan kehidupan seharian dan akan diaplikasikan dalam tajuk berikutnya seperti pecahan, panjang, isi padu cecair dan sebagainya. Namun, ramai murid masih tidak mengetahui kemahiran penolakan dengan mengumpul semula.

Kajian tindakan ini dilaksanakan di sebuah sekolah rendah di daerah Kuching bersama empat orang murid Tahun Satu untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam kemahiran menolak nombor dalam lingkungan 100 dengan mengumpul semula dalam bentuk lazim.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)

Semasa praktikum fasa dua, saya telah mengajar topik penolakan antara dua digit dengan satu digit dalam lingkungan 100 dengan mengumpul semula dalam bentuk lazim, Tahun Satu. Berdasarkan pemerhatian sepanjang sesi pengajaran dan pemudahcaraan mendedahkan bahawa kebanyakan murid tidak dapat mengaitkan konsep “menukarkan satu puluh kepada sepuluh sa” dalam “Menara Cawan” secara abstrak. Saya telah membuat andaian bahawa murid-murid telah terkeliru dengan konsep pengumpulan semula dalam operasi tambah. Refleksi terhadap pengajaran saya memaparkan perhubungan daripada bahan konkrit kepada proses penolakan yang bersifat abstrak tidak dijelaskan dengan baik. Rajah 1 menunjukkan kesilapan murid dalam penolakan dengan mengumpul semula dalam langkah kerja mereka.

Rajah 1. kesilapan murid dalam penolakan dengan mengumpul semula

Hasil kerja mereka juga tidak menunjukkan bukti pengumpulan semula pada nilai tempat puluh. Kesilapan-kesilapan telah menunjukkan bahawa mereka kurang memahami konsep “satu puluh sama dengan sepuluh sa”. Saya telah membuat andaian bahawa murid-

murid telah terkeliru dengan konsep penolakan dengan tidak berhubung dengan pengurangan kuantiti daripada satu kuantiti keseluruhan.

## FOKUS KAJIAN

Penyelidikan tindakan ini memberi fokus kepada bahan manipulatif *Super Energy Drink* yang menyelitkan unsur kartun bagi meningkatkan penguasaan murid Tahun Satu dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula, dan menambahbaik amalan pedagogi saya dalam mengajar kemahiran tersebut. Bahan manipulatif dibina dengan menurut kajian Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam (2011), kanak-kanak mendapat pengalaman melalui manipulasi benda-benda maujud atau konkrit serta penerokaan persekitaran mereka. Penyelitan kartun adalah sesuai dengan menurut Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz, & Abdul Rashid Mohamed (2007), kartun adalah suatu penghasilan unik yang diminati oleh pelbagai peringkat manusia.

## OBJEKTIF KAJIAN

- Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif, iaitu:
- meningkatkan penguasaan murid Tahun Satu terhadap kemahiran penolakan antara dua digit dengan satu digit dalam lingkungan 100 dengan mengumpul semula dalam bentuk lazim dengan menggunakan *Super Energy Drink*.
  - menambahbaik amalan pedagogi saya dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula menggunakan *Super Energy Drink*.

## SOALAN KAJIAN

- Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut:
- Bagaimanakah kaedah *Super Energy Drink* dapat meningkatkan penguasaan murid Tahun Satu terhadap kemahiran penolakan antara dua digit dengan satu digit dalam lingkungan 100 dengan mengumpul semula dalam bentuk lazim?
  - Sejauh manakah penggunaan *Super Energy Drink* dapat menambahbaik amalan pedagogi saya bagi kemahiran penolakan dengan mengumpul semula?

## PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan empat orang peserta kajian dari kelas Tahun Satu yang bersekolah di Kuching. Pemilihan keempat-empat orang murid sebagai peserta kajian disebabkan mereka merupakan murid dari kelas Tahun Satu yang telah saya ajar semasa menjalani praktikum. Saya turut terlibat dalam kajian ini sebagai pemerhati, pembimbing dan peserta kajian demi menambahbaik amalan pedagogi saya.

Jadual 1  
Ciri-ciri Peserta Kajian

Ciri-ciri	Peserta kajian			
	Andrew	Wong	Vella	Alex
<b>Jantina</b>	Lelaki	Lelaki	Perempuan	Lelaki
<b>Bangsa</b>	Iban	Cina	Cina	Iban
<b>Prestasi Akademik umum</b>	Tahap sederhana	Tahap sederhana	Tahap sederhana	Tahap sederhana
<b>Prestasi Matematik</b>	Tahap sederhana rendah	Tahap sederhana tinggi	Tahap sederhana rendah	Tahap sederhana tinggi
<b>Sikap</b>	Ceria, peramah	Sopan	Pendiam	Baik hati, berani menyoal

<b>Penglibatan</b>	Amat baik	Aktif (kartun dan animasi digunakan)	Kurang melibatkan diri	Amat baik
--------------------	-----------	--------------------------------------	------------------------	-----------

### TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian dilaksanakan berdasarkan Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) yang dipetik daripada Ahmad Muslim Dolhan & Siti Mistima Maat (2016). Model ini terdiri daripada langkah mengenal pasti, merancang, tindakan, melihat kesan tindakan dan refleksi. Tiga sesi bimbingan yang dijalankan adalah mengikut urutan proses pembelajaran Matematik iaitu daripada penggunaan bahan konkrit (enaktif) kepada penggunaan perwakilan gambar (ikonik) sebelum pelajar diperkenalkan kepada simbol (simbolik) (Sabri Ahmad, Tengku Zawawi Tengku Zainal, & Aziz Omar, 2006). Saya telah merancang kaedah *Super Energy Drink* untuk menyelesaikan soalan operasi tolak (Rajah 3).

1. Lorek kuasa kartun-kartun mengikut nombor pada sebelah (nilai tempat sa).
2. Sekiranya kuasa hero tidak cukup untuk mengalahkan raksasa, hero perlu minum satu tin minuman bertenaga untuk tambah kuasa 10.
3. Alihkan kuasa 10 ke nilai tempat sa.
4. Lakukan pengiraan.
5. Ulangi langkah dan tuliskan jawapan dalam petak yang disediakan untuk nilai tempat puluh.

Rajah 3. Langkah-langkah penggunaan *Super Energy Drink*

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Dalam kajian ini, tiga kaedah digunakan untuk mengumpul data iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

### **Pemerhatian**

Pemerhatian dicatatkan dalam nota lapangan. Kaedah pemerhatian turut serta dilakukan terhadap langkah kerja, tingkah laku dan perasaan peserta kajian untuk melihat peningkatan penguasaan mereka dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula menggunakan *Super Energy Drink* Saya juga dapat mengukur sejauh mana amalan pedagogi saya ditambahbaik dalam kemahiran tersebut menggunakan *Super Energy Drink* berdasarkan perasaan dan tingkah laku mereka terhadap *Super Energy Drink* serta kesan pengajaran melalui strategi pengajaran yang berlainan.

### **Temu Bual**

Hasil temu bual dicatatkan dalam bentuk transkrip temu bual. Melalui temu bual yang berbentuk separa berstruktur, saya dapat melihat sejauh mana amalan pedagogi saya dapat ditambahbaik dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula berdasarkan maklum balas peserta kajian dan tanda-tanda bukan lisan seperti tekanan perasaan, gerak badan, dan mimik muka pihak yang ditemu bual juga dicatatkan.

### **Analisis Dokumen**

Dokumen-dokumen yang dikumpul ialah lembaran kerja murid dalam setiap sesi dan ujian bertulis. Melalui analisis dokumen yang berbentuk artifak, saya dapat melihat peningkatan tahap penguasaan peserta kajian selepas penggunaan *Super Energy Drink* melalui langkah kerja peserta kajian, ketepatan jawapan peserta kajian dan skor dalam ujian bertulis, serta dapat mengukur penambahbaikan amalan pedagogi saya terhadap kemahiran tersebut.

### **Cara Menganalisis Data**

#### **Nota Lapangan**

Melalui penganalisisan nota lapangan berdasarkan tema, saya dapat melihat sama ada tahap penguasaan setiap peserta kajian dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula ditingkatkan menggunakan *Super Energy Drink* berdasarkan perubahan langkah kerja dan tingkah laku peserta kajian. Saya juga dapat membuat kesimpulan bahawa sejauh mana amalan pedagogi saya dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula ditambahbaik menggunakan *Super Energy Drink* berdasarkan perasaan dan penarikan mereka terhadap *Super Energy Drink* serta kesan pengajaran melalui strategi pengajaran yang berlainan.

#### **Transkrip Temu Bual**

Analisis bertema digunakan dalam menganalisis transkrip temu bual untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema dalam data (Braun & Clarke, 2006). Tema telah dibentuk dengan mengelompokkan data mengikut aspek yang sama. Cara penganalisisan data ini membolehkan saya mengukur sejauh mana amalan pedagogi saya ditambahbaik bagi kemahiran penolakan dengan mengumpul semula.

#### **Langkah Kerja Peserta Kajian**

Saya telah mengumpul lembaran kerja peserta kajian untuk mendapat maklumat yang menggambarkan penguasaan peserta kajian dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula. Melalui analisis langkah kerja peserta-peserta kajian dalam ketiga-tiga lembaran kerja, saya dapat melihat sejauh mana amalan pedagogi saya dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula ditambahbaik.

## Skor

Skor-skor yang diperoleh oleh peserta kajian dalam lembaran-lembaran kerja bertulis dan ujian bertulis telah disusun dalam bentuk jadual. Seterusnya, skor-skor dipaparkan menggunakan carta palang berganda untuk menggambarkan perbezaan dan perubahan skor di antara ketiga-tiga sesi bimbingan dan ujian bertulis. Perubahan skor-skor peserta kajian dapat menunjukkan sama ada tahap penguasaan setiap peserta kajian dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula ditingkatkan menggunakan *Super Energy Drink*.

## DAPATAN KAJIAN

### Pemerhatian

Rajah 4, 5, 6 dan 7 menunjukkan hasil analisis nota lapangan tentang pemerhatian atas penguasaan para peserta kajian terhadap kemahiran penolakan dengan mengumpul semula menggunakan *Super Energy Drink*.

NOTA LAPANGAN		
Masa : 0630 hingga 0700 dan 0930 hingga 1000		
Tempat : Bilik darjah Tahun Satu		
Tarikh	Deskripsi / Penerangan	Kod / Tema
5.8.2019	Andrew dapat menjalankan proses pengiraan dengan menggunakan <i>Super Energy Drink</i> secara langkah demi langkah. Dia termenung pada mulanya semasa menyalin pengiraan lazim dalam lembaran kerja. Dia juga terkeliru dengan kedudukan satu digit nombor dalam bentuk lazim. Akan tetapi, dia boleh menjawab soalan dengan menggunakan <i>Super Energy Drink</i> secara sendiri mulai soalan ketiga.	Strategi Pengajaran Tingkah laku Kesan Pengajaran
6.8.2019	Andrew menunjukkan proses mengumpul semula pada nilai tempat puluh. Dia menambah sepuluh pada nilai tempat sa selepas mengumpul semula. Dia tidak menulis sifar sebagai penyelesaian pada nilai tempat sa. Andrew yakin dalam membuat pengiraan soalan empat tanpa memerlukan bimbingan saya. Pengiraannya menunjukkan bahawa dia dapat melakukan penolakan dengan mengumpul semula tanpa bantuan kartun-kartun secara konkrit atau semi-konkrit.	Kesan Pengajaran Tingkah Laku Strategi Pengajaran
7.8.2019	Andrew termenung tentang cara untuk melakukan penolakan dengan mengumpul semula pada mulanya. Selepas mengulang kaji proses pengiraan, dia berasa gembira dan memberitahu saya tentang cara penyelesaian dengan yakin. Dia dapat menyelesaikannya dengan proses pengiraan yang betul. Kesilapan yang dilakukannya ialah tidak menulis simbol tolak.	Tingkah laku Perasaan Kesan Pengajaran

Rajah 4. Nota lapangan tentang pemerhatian Andrew



<b>NOTA LAPANGAN</b>		
Masa : 0630 hingga 0700 dan 0930 hingga 1000 Tempat : Bilik darjah Tahun Satu		
Tarikh	Deskripsi / Penerangan	Kod / Tema
5.8.2019	Wong tertarik dengan bahan manipulatif dan berasa teruja untuk mengetahui cara penggunaannya. Dia cepat dalam melakukan penolakan dengan mengumpul semula menggunakan <i>Super Energy Drink</i> . Dia tidak melakukan penolakan nombor di bawah dengan nombor di atas. Pengiraan dengan mengumpul semula juga ditunjukkan.	Tingkah Laku Strategi Pengajaran Kesan Pengajaran
7.8.2019	Wong memerlukan bimbingan dalam membuat lembaran kerja 2 pada mulanya kerana dia keliru akan nombor pada nilai sa sama ada ditambah menjadi sepuluh atau ditambah sepuluh dengan nombor yang ada pada nilai sa. Dia berasa yakin dalam melakukan pengiraan bagi soalan empat yang tidak diberi kartun-kartun sebagai petunjuk. Dia boleh melakukan pengiraan secara sendiri.	Tingkah Laku Strategi Pengajaran Kesan Pengajaran
19.8.2019	Wong menunjukkan keinginan untuk belajar dengan sukarelanya meminta latihan daripada saya. Dia masih mengingati kaedah <i>Super Energy Drink</i> selepas tempoh yang panjang. Dia melakukan pengiraan dengan cepat dan dapat menunjukkan langkah kerja yang betul tanpa menggunakan <i>Super Energy Drink</i> .	Tingkah Laku Kesan Pengajaran Strategi Pengajaran

Rajah 5. Nota lapangan tentang pemerhatian Wong

<b>NOTA LAPANGAN</b>		
Masa : 0630 hingga 0700 dan 0930 hingga 1000 Tempat : Bilik darjah Tahun Satu		
Tarikh	Deskripsi / Penerangan	Kod / Tema
8.8.2019	Vella menunjukkan perasaan yang gembira semasa menggunakan <i>Super Energy Drink</i> . Dia menggunakan masa yang panjang untuk melakukan pengiraan. Dia memerlukan bimbingan secara langkah demi langkah kerana dia kurang mengingati aliran cerita dan proses pengiraan menggunakan <i>Super Energy Drink</i> . Malahan, dia menunjukkan pengumpulan semula dengan menggunakan kaedah tersebut.	Perasaan Strategi Pengajaran Tingkah Laku Kesan Pengajaran

19.8.2019	Vella <b>termenung</b> apabila lembaran kerja diberikan kerana sesi bimbingan terakhir adalah seminggu lalu. Dia menunjukkan perasaan <b>kurang yakin</b> tentang nombor yang perlu ditulis pada nilai tempat sa selepas pengumpulan semula. Dia <b>memerlukan bimbingan guru</b> dan <b>bantuan Super Energy Drink secara konkrit</b> untuk membina proses pengumpulan semula untuk dua soalan pertama. Dia <b>dapat melakukan pengiraan secara sendiri mulai soalan ketiga tanpa menggunakan bahan manipulatif secara konkrit.</b>	<b>Tingkah Laku</b> <b>Strategi Pengajaran</b> <b>Kesan Pengajaran</b>
20.8.2019	Vella <b>memerlukan bimbingan pada permulaan</b> untuk membantunya mengimbas kembali proses pengiraan <b>melalui cerita</b> . Malah, dia <b>kelihatan yakin mulai soalan kedua</b> dan dapat menjawab dengan <b>lebih cepat</b> berbanding dengan sesi bimbingan 1. Dia dapat <b>melakukan pengumpulan semula dengan betul</b> . Dia menggunakan cara <i>"counting up"</i> dalam membuat pengiraan.	<b>Tingkah Laku</b> <b>Strategi Pengajaran</b> <b>Kesan Pengajaran</b>

Rajah 6. Nota lapangan tentang pemerhatian Vella

NOTA LAPANGAN		
Masa : 0630 hingga 0700 dan 0930 hingga 1000		
Tempat : Bilik darjah Tahun Satu		
Tarikh	Deskripsi / Penerangan	Kod / Tema
5.8.2019	Elex <b>menggunakan Super Energy Drink</b> dengan <b>perasaan gembira</b> . Dia dapat <b>melakukan pengiraan secara sendiri</b> selepas pengenalan bahan manipulatif. Tahap keupayaan penyerapan Elex amat tinggi. Dia <b>menyelesaikan soalan mengikut langkah yang betul</b> . Dia dapat <b>menyalin pengiraan bentuk lazim ke dalam lembaran kerja dengan betul</b> .	<b>Strategi Pengajaran</b> <b>Perasaan</b> <b>Kesan Pengajaran</b> <b>Tingkah Laku</b>
6.8.2019	Elex dapat melakukan pengiraan dengan <b>cepat</b> . Terdapat <b>bukti pengumpulan semula</b> bagi setiap soalan. Dia <b>terkeliru tentang cara untuk menulis dalam bentuk lazim</b> tetapi dia <b>membuat pembetulan serta-merta</b> selepas mengetahui kesilapannya. Dia <b>kelihatan yakin</b> dalam melakukan pengiraan bagi soalan empat dengan <b>kartun-kartun tidak diberikan</b> .	<b>Kesan Pengajaran</b> <b>Tingkah Laku</b> <b>Strategi Pengajaran</b>
7.8.2019	Langkah pengiraan Elex menunjukkan bahawa dia dapat <b>menggambarkan kaedah Super Energy Drink secara mental</b> . Dia melakukan pengiraan dengan <b>cepat</b> dan <b>betul</b> . Terdapat <b>bukti pengumpulan semula</b> dalam langkah kerjanya. Dia tidak melakukan <b>kesilapan menolak nombor besar dengan nombor kecil</b> .	<b>Kesan Pengajaran</b> <b>Tingkah Laku</b>

Rajah 7. Nota lapangan tentang pemerhatian Elex.

Melalui pemerhatian yang dijalankan menunjukkan bahawa keempat-empat orang murid boleh melakukan penolakan dengan mengumpul semula beserta bantuan bahan konkrit *Super Energy Drink* di bawah bimbingan saya. Terdapat bukti pengumpulan semula dalam langkah kerja lembaran kerja mereka. Mereka juga menunjukkan tingkah laku yang positif seperti gembira semasa menggunakan bahan manipulatif. Dalam sesi bimbingan kedua, mereka dapat melakukan pengiraan tanpa menggunakan bahan konkrit. Kelihatan tahap keyakinan peserta-peserta kajian semakin meningkat pada akhir sesi. Mereka dapat melakukan pengiraan secara sendiri bagi soalan empat yang tidak diberi bahan konkrit dan gambar-gambar kartun sebagai petunjuk. Hasil analisis nota lapangan bagi pemerhatian sesi bimbingan ketiga pula menunjukkan bahawa para peserta kajian boleh menggambarkan kaedah *Super Energy Drink* secara mental dengan melakukan penolakan dengan mengumpul semula tanpa menggunakan bahan konkrit dan perwakilan gambar. Mereka telah menunjukkan bukti pengumpulan semula dan tidak melakukan kesilapan salah tanggapan dalam langkah kerja mereka. Mereka juga menunjukkan tingkah laku positif dalam sesi bimbingan tersebut. Kelihatan keyakinan mereka semakin meningkat dan semakin cepat dalam melakukan pengiraan dari semasa ke semasa.

### Temu Bual

Transkripsi Temu Bual	Kod / Tema
<p>Saya : Kamu suka kaedah <i>Super Energy Drink</i>?                      Andrew : Ya (senyum).                      Saya : Kenapa? Kamu rasa kaedah ini senang untuk digunakan?                      Andrew : Ya, senang.</p>	
<p>Saya : Wong suka kaedah <i>Super Energy Drink</i>?                      Wong : Ya. Bahan ini ada kartun raksasa dan hero, dan bahan ini boleh bergerak.                      Saya : Kamu rasa kaedah ini senang untuk digunakan?                      Wong : Ya, senang (senyum).</p>	Tingkah laku Perasaan
<p>Saya : Vella suka kaedah <i>Super Energy Drink</i>?                      Vella : Suka (menunduk kepala).                      Saya : Kamu rasa kaedah ini senang untuk digunakan?                      Vella : Ya.</p>	
<p>Saya : Elex suka kaedah <i>Super Energy Drink</i>?                      Elex : Ya. Saya suka raksasa.                      Saya : Kamu rasa kaedah ini senang untuk digunakan?                      Elex : Ya, sangat senang. Cikgu, saya sudah menguasainya. Saya boleh buat penolakan dengan mengumpul semula!</p>	

Rajah 8. Hasil analisis transkrip temu bual berdasarkan tema perasaan dan tingkah laku.

Melalui hasil analisis transkrip temu bual berdasarkan tema perasaan dan tingkah laku menggambarkan bahawa para peserta kajian telah menunjukkan perasaan dan tingkah laku yang positif terhadap *Super Energy Drink*. Mereka telah memberi maklum balas verbal dan tidak verbal iaitu senyuman dan menunduk kepala yang menunjukkan kesukaan mereka terhadap bahan. Mereka juga mengatakan bahawa kaedah tersebut senang untuk diguna.


Melalui hasil analisis tema kesan pengajaran dan tingkah laku, menunjukkan bahawa peserta-peserta kajian dapat mewakili nombor dengan watak kartun yang betul secara mental selepas pelaksanaan tiga sesi bimbingan. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa peserta-peserta kajian mengingati aliran cerita bagi kaedah *Super Energy Drink*. Mereka dapat menyatakan tindakan yang perlu diambil dalam proses penolakan dengan mengumpul semula tanpa penggunaan bahan konkrit atau semi-konkrit. Maklum balas dan tingkah laku peserta-peserta kajian yang dinyatakan dalam transkrip temu bual, iaitu “senyuman” dan “cakap dengan yakin” juga menunjukkan kebolehan mereka dalam menguasai tersebut.

Transkripsi Temu Bual	Kod / Tema
<p>Saya : Bagi soalan 21–8, apakah nombor yang mewakili hero?            Andrew : <b>Satu (menunjuk nombor 1)</b>.            Saya : Apakah nombor yang mewakili raksasa?            Andrew : <b>Lapan (menunjuk nombor 8)</b>.            Saya : Manakah kedudukan minuman bertenaga?            Andrew : <b>(menunjuk 2)</b>.            Saya : Jika kuasa hero tidak cukup untuk kalahkan raksasa, apakah tindakan Andrew?            Andrew : <b>Minum minuman bertenaga</b>.            Saya : Kuasa hero akan jadi?            Andrew : <b>Hero tambah sepuluh kuasa! (cakap dengan yakin)</b>            Saya : Bagus. Sekarang kamu boleh buat penolakan dengan mengumpul semula?            Andrew : <b>Ya! Sangat senang! (cakap dengan yakin)</b></p>	<p><b>Tingkah laku Kesan Pengajaran</b></p>
<p>Saya : Bagi soalan 21–8, apakah nombor yang mewakili hero?            Wong : <b>Ini (menunjuk nombor 1)</b>.            Saya : Apakah nombor yang mewakili raksasa?            Wong : <b>Ini (menunjuk nombor 8)</b>.            Saya : Manakah kedudukan minuman bertenaga?            Wong : <b>Sini (menunjuk 2)</b>.            Saya : Jika kuasa hero tidak cukup untuk kalahkan raksasa, apakah tindakan Wong?            Wong : <b>Perlu minum minuman bertenaga dan hero akan tambah sepuluh kuasa</b>.            Saya : Hebat! Sekarang kamu boleh buat penolakan dengan mengumpul semula?            Wong : <b>Ya! Saya sudah menguasainya. Sangat senang! (cakap dengan yakin)</b></p>	
<p>Saya : Bagi soalan 21–8, apakah nombor yang mewakili hero?            Vella : <b>(menunjuk nombor 1)</b>.            Saya : Apakah nombor yang mewakili raksasa?            Vella : <b>(menunjuk nombor 8)</b>.            Saya : Manakah kedudukan minuman bertenaga?            Vella : <b>(menunjuk 2)</b>.            Saya : Jika kuasa hero tidak cukup untuk mengalahkan raksasa, apakah tindakan Vella?            Vella : <b>Minum minuman bertenaga</b>.            Saya : Apa jadi dengan kuasa hero?            Vella : <b>Tambah sepuluh</b>.            Saya : Hebat! Sekarang kamu boleh buat penolakan dengan mengumpul semula?            Vella : <b>Ya. (senyum)</b></p>	
<p>Saya : Bagi soalan 21–8, apakah nombor yang mewakili hero?            Elex : <b>Satu (menunjuk nombor 1)</b>.            Saya : Apakah nombor yang mewakili raksasa?            Elex : <b>Lapan (menunjuk nombor 8)</b>.            Saya : Manakah kedudukan minuman bertenaga?            Elex : <b>Sini (menunjuk 2)</b>.            Saya : Jika kuasa hero tidak cukup untuk mengalahkan raksasa, apakah tindakan Elex?            Elex : <b>Perlu minum minuman bertenaga dan hero akan tambah sepuluh kuasa! (cakap dengan yakin)</b>            Saya : Bagus! Sekarang kamu boleh buat penolakan dengan mengumpul semula?            Elex : <b>Ya! Saya sudah menguasainya! (cakap dengan yakin)</b></p>	

Rajah 9. Hasil transkrip temu bual berdasarkan tema tingkah laku dan kesan pengajaran.



## Analisis Dokumen Langkah Kerja Peserta Kajian



Rajah 10. Contoh hasil kerja peserta-peserta kajian dalam lembaran kerja 1, lembaran kerja 2 dan lembaran kerja 3.

Hasil analisis langkah kerja peserta-peserta kajian dalam lembaran kerja 1 menunjukkan bukti pengumpulan semula dalam keempat-empat soalan dengan menggunakan bahan manipulatif *Super Energy Drink*. Mereka tidak melakukan kesilapan salah tanggapan. Hasil analisis langkah kerja peserta-peserta kajian dalam lembaran kerja 2 menunjukkan bahawa terdapat bukti pengumpulan semula dalam ketiga-tiga soalan pertama dengan kartun-kartun diberikan sebagai petunjuk. Mereka dapat melakukan penolakan dengan mengumpul semula tanpa menggunakan bahan konkrit. Hasil analisis langkah kerja peserta-peserta kajian dalam lembaran kerja 3 menunjukkan mereka masih dapat melakukan penolakan dengan menunjukkan proses pengumpulan semula dalam keadaan tanpa bahan konkrit dan semi-konkrit. Mereka melakukan penukaran satu puluh kepada sepuluh sa dan menambah sepuluh pada nilai tempat sa bagi setiap soalan. Hasil ini telah menunjukkan bahawa mereka dapat melakukan penolakan dengan menunjukkan proses pengumpulan semula daripada menggunakan bahan konkrit, semi-konkrit sehingga berbentuk simbolik.

### Skor


Jadual 2 dan Rajah 11 menunjukkan peningkatan kemahiran penolakan dengan mengumpul semula menggunakan *Super Energy Drink* melalui perbandingan pencapaian skor.

#### Jadual 2

Pencapaian Skor Peserta Kajian Dalam Lembaran Kerja 1, Lembaran Kerja 2, Lembaran Kerja 3 dan Ujian Bertulis

Peserta Kajian	Bilangan soalan yang dijawab dengan betul ( /4)			
	Lembaran Kerja 1	Lembaran Kerja 2	Lembaran Kerja 3	Ujian bertulis
Andrew	4	4	4	2
Wong	4	3	4	4

Vella	4	3	3	4
Elex	3	4	4	3



Rajah 11. Pencapaian skor peserta kajian dalam lembaran kerja 1, lembaran kerja 2, lembaran kerja 3 dan ujian bertulis.

Berdasarkan Rajah 11, Andrew menunjukkan pencapaian skor yang konsisten dalam lembaran kerja 1, lembaran kerja 2 dan lembaran kerja 3. Skor yang didapatinya dalam ketiga-tiga lembaran kerja adalah tinggi, iaitu 4 daripada 4 skor. Elex pula mendapat sebanyak 3 daripada 4 skor dalam lembaran kerja 1. Peningkatan pencapaian skor Elex telah ditunjukkan dalam lembaran kerja 2 dan lembaran kerja 3 dengan mendapat 4 daripada 4 skor. Namun, Andrew dan Elex telah menunjukkan penurunan skor dalam ujian bertulis dengan masing-masing mendapat skor 2 dan 3 daripada 4 skor.

Kemudian diikuti dengan Wong dan Vella yang menunjukkan pencapaian skor yang tinggi, iaitu 4 daripada 4 skor dalam lembaran kerja 1. Mereka telah menunjukkan penurunan pencapaian skor dalam lembaran kerja 2, iaitu 3 daripada 4 skor. Walaubagaimanapun, Wong menunjukkan peningkatan skor yang konsisten dalam lembaran kerja 3 dan ujian bertulis dengan mendapat skor yang tinggi iaitu 4 daripada 4 skor. Dalam lembaran kerja 3, Vella masih memperoleh 3 daripada 4 skor. Namun, peningkatan pencapaiannya telah ditunjukkan dalam ujian bertulis dengan mendapat skor yang tinggi, iaitu 4 daripada 4 skor.

## REFLEKSI KESAN TINDAKAN

Berdasarkan hasil analisis nota lapangan, penggunaan strategi pengajaran daripada penggunaan bahan konkrit kepada penggunaan perwakilan gambar akhirnya kepada perwakilan simbol telah berjaya meningkatkan penguasaan peserta-peserta kajian dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula. Hasil analisis ini selaras dengan kajian Scheurermann, Deshler & Schumaker, serta Witzel dalam petikan Cheow (2017) menyatakan bahawa penggunaan pendekatan konkrit-gambar-abstrak (KGA) dalam pengajaran satu kemahiran atau konsep dengan contoh-contoh yang berkaitan dapat meningkatkan pemahaman dan pengekalan kemahiran murid. Maka, perancangan penggunaan pendekatan konkrit-gambar-abstrak dalam pengajaran membolehkan murid-murid pada tahap operasi konkrit untuk mendapatkan pengalaman tentang sesuatu konsep atau kemahiran dengan lebih jelas. Kelihatan peningkatan penguasaan dan keyakinan peserta-peserta kajian dengan menunjukkan bukti pengumpulan semula dalam langkah kerja mereka dan tidak melakukan kesilapan salah tanggapan. Hal ini menunjukkan bahawa mereka berupaya mengaplikasikan cara penggunaan bahan manipulatif *Super Energy Drink* dalam bentuk perwakilan gambar.

Hasil analisis pencapaian skor juga menunjukkan arah aliran peningkatan pencapaian skor peserta-peserta kajian dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula menggunakan kaedah *Super Energy Drink* yang mewakili proses penolakan dalam bentuk visual. Peningkatan pencapaian skor peserta-peserta kajian menunjukkan bahawa mereka berupaya mewakili nombor dengan kartun secara mental melalui pendekatan konkrit-gambar-abstrak. Hal ini telah menunjukkan bahawa penggunaan visual merupakan strategi yang berkesan untuk membantu dan meningkatkan proses pembelajaran yang selaras dengan dapatan Lu (2012). Punca penurunan skor seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6 ialah kecuai dalam pengiraan yang menyebabkan kehilangan markah. Hal ini menunjukkan bahawa langkah kerja mereka dalam melakukan penolakan dengan mengumpul semula adalah betul dan mereka tidak membuat kesilapan konsep, sama ada penulisan sifar pada nilai tempat sa atau menolak nombor besar dengan nombor kecil. Maka, penguasaan peserta-peserta kajian kelihatan meningkat dengan pendekatan konkrit-gambar-abstrak.

## REFLEKSI AMALAN PEDAGOGI

Rajah 8 boleh disimpulkan bahawa amalan pedagogi saya telah ditambahbaik dengan peningkatan minat peserta kajian untuk mempelajari kemahiran penolakan dengan mengumpul semula. Perasaan positif yang terhadap *Super Energy Drink* telah mendorong mereka untuk mempelajari dan mengingati proses pengiraan penolakan dengan mengumpul semula menggunakan *Super Energy Drink*. Pernyataan ini selaras dengan kajian Wan Hanim Nadrah Wan Muda & Muhd Azuanafzah Azmi (2017) yang menyatakan bahawa “minat berupaya untuk meningkatkan keinginan dan daya usaha pelajar untuk mempelajari atau memiliki sesuatu benda”. Oleh itu, penggunaan kartun merupakan satu cara untuk meningkatkan minat peserta kajian dengan gaya pembelajaran secara visual, dalam mempelajari kemahiran penolakan dengan mengumpul semula.

Hasil analisis langkah kerja para peserta kajian telah menggambarkan bahawa penggunaan kartun sesuai dengan tahap pemahaman peserta kajian dengan menunjukkan bukti pengumpulan semula dalam setiap soalan operasi tolak dengan mengumpul semula. Mereka turut menunjukkan bukti pengumpulan semula dalam setiap soalan operasi tolak dengan mengumpul semula. Selepas penggunaan *Super Energy Drink*, Andrew tidak melakukan kesilapan penulisan sifar manakala Wong, Vella dan Elex tidak melakukan kesilapan penolakan nombor di atas dengan nombor di bawah dalam langkah kerja mereka. Rajah juga menunjukkan bahawa *Super Energy Drink* merupakan bahan bantu mengajar yang sesuai dalam menyampaikan kemahiran tersebut kerana mereka boleh mendapat pengalaman melalui deria, selaras dengan dapatan Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam (2011).

Daripada hasil analisis temu bual, cara demonstrasi dengan menggunakan kartun mudah untuk difahami oleh peserta kajian. Peserta-peserta kajian dapat mewakili nombor dengan watak kartun yang betul secara mental. Kaedah ini juga memberi kesan yang positif dalam kalangan peserta-peserta kajian dengan berupaya mengingati aliran cerita yang membawa konsep dan proses penolakan dengan mengumpul semula. Mereka dapat menyatakan tindakan yang perlu diambil dalam proses penolakan dengan mengumpul semula tanpa menggunakan bahan konkrit atau semi-konkrit. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan *Super Energy Drink* dapat membantu dalam pembelajaran secara simbolik. Cara demonstrasi ini tela menyokong dapatan Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, & Humaizah Hashim (2012), yang menunjukkan kartun yang membawa mesej membolehkan murid mengingati setiap peristiwa melalui gambar kartun. Saya juga perlu mengetahui cara berkomunikasi dengan kanak-kanak dan cara penggunaan bahan yang sesuai dengan tahap pemahaman murid untuk memudahkan proses pengajaran dan pemudahcaraan.

## CADANGAN KAJIAN SUSULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Selain daripada mendatangkan kesan positif, bahan manipulatif *Super Energy Drink* juga

mempunyai kelemahan yang perlu ditambahbaik. Pengubahsuaian perlu dilakukan atas luaran bahan dengan menggunakan kertas warna kerana murid-murid Tahap Satu lebih tertarik dengan bahan yang berwarna-warni. Selain itu, kertas perlu digantikan dengan papan supaya bahan kelihatan tiga dimensi dan lebih bersifat konkrit bagi menggalakkan murid-murid dalam membina pengetahuan dan pengalaman melalui aktiviti "hands-on" yang melibatkan deria. Pengubahsuaian boleh dilakukan atas *Super Energy Drink* ke dalam versi elektronik dengan menggunakan slaid PowerPoint dan menyelitkan unsur-unsur animasi kerana penggunaan animasi mampu menyumbang kepada tahap pembelajaran pelajar yang lebih berautonomi (Norhayati Che Hat, Shaferul Hafes Sha'ari, & Mohd Fauzi Abdul Hamid, 2013).

## KESIMPULAN

Kaedah *Super Energy Drink* telah berjaya meningkatkan penguasaan murid-murid Tahun Satu dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula untuk nombor dalam lingkungan 100 dalam bentuk lazim melalui pendekatan konkrit-gambar-abstrak (KGA) dan penggunaan visual, iaitu kartun. Amalan pedagogi saya dalam kemahiran penolakan dengan mengumpul semula untuk nombor dalam lingkungan 100 dalam bentuk lazim juga telah ditambahbaik dengan menggunakan kaedah *Super Energy Drink*. Penggunaan kartun dapat meningkatkan minat murid terutamanya murid-murid Tahap Satu dalam mempelajari sesuatu kemahiran dan dapat membawa mesej tentang sesuatu kemahiran yang ingin disampaikan. Penggunaan kartun yang bersifat konkrit membolehkan murid-murid mendapat pengalaman melalui penerokaan benda-benda maujud dengan penglibatan deria serta membuat perwakilan nombor.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz, & Abdul Rashid Mohamed. (2007). *Humor dalam pengajaran*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, & Humaizah Hashim. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 129-140.
- Ahmad Muslim Dolhan, & Siti Mistima Maat. (2016). *Penggunaan "Kaedah Jari" dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang melibatkan nombor pecahan kepada nombor bulat*. Retrieved from <https://sted18.files.wordpress.com/2016/12/4-2-ahmad-muslim-dolhan-siti-mistima-maat.pdf>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, pp. 3(2), 77-101. Retrieved from <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- Cheow, T. J. (Julai, 2017). *Kesan pengajaran menggunakan modul konkrit, gambar, abstrak (KGA) terhadap pencapaian dan pengekalan pencapaian murid Tahun Empat SJKC dalam pecahan*. Retrieved from <http://eprints.usm.my/45364/1/CHEOW%20JACK%20SHIUNG%20%40%20TONY.pdf>
- Lu, C. W. W. (2012). Kesan penggunaan bahan bantu mengajar visual dalam pengajaran subjek Sains Tahun Tiga. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP SN Amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*, hlm. 87-101.
- Norhayati Che Hat, Shaferul Hafes Sha'ari, & Mohd Fauzi Abdul Hamid. (2013). Persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Teknologi*, 25-29.
- Sabri Ahmad, Tengku Zawawi Tengku Zainal, & Aziz Omar. (2006). *Isu-isu dalam pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: PRIN-AD Sdn. Bhd.
- Sharifah Nor Puteh, & Kamarul Azman Abd Salam. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1), 25-34.



Wan Hanim Nadrah Wan Muda, & Muhd Azuanafzah Azmi. (Mac, 2017). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Matematik di FPTV UTHM*. Retrieved from researchgate: [https://www.researchgate.net/publication/318307329\\_FAKTOR-FAKTOR\\_YANG\\_MEMPENGARUHI\\_PENCAPAIAN\\_PELAJAR\\_DALAM\\_MATEMATIK\\_DI\\_FPTV\\_UTHM](https://www.researchgate.net/publication/318307329_FAKTOR-FAKTOR_YANG_MEMPENGARUHI_PENCAPAIAN_PELAJAR_DALAM_MATEMATIK_DI_FPTV_UTHM)

## **I VISUALISE, DRAW AND WRITE TO GENERATE IDEAS**

**NORFARHANA ABDULLAH**

SMK Merapok, KM30, Jalan Merapok, 98850 Lawas, Sarawak  
wildanaz@gmail.com

### **ABSTRACT**

Visualising and Drawing is an innovative strategy to be incorporated in discussions to enhance the writing skill. It's a great way to practice visualising and drawing before writing, which is such an important strategy to enhance and generate ideas. The researcher observed that they were struggling in their writing not because they did not have the language but they were unable to generate ideas. Although writing provides students with an avenue to share their thinking and gain control of their thoughts, many students need a strategy to help them think before, during, and after they write. The purpose of creating this strategy was when the students started to complain that they didn't know what to write and didn't have the idea on what to write even though they have the language. Therefore, the researcher has decided to use visualise strategy to enhance and generate ideas into their writing especially in the Continuous Writing. Thus, it is believed the idea of using visualising strategy which is called, 'I Visualise, Draw and Write' would help the students to generate ideas in their writing skill. Visualising and Drawing is an innovative strategy to be incorporated in discussion to enhance the writing skill. It's a great way to practice visualising and drawing before writing, which is such an important strategy to enhance and generate ideas. As the researcher introduced the strategy, the students enjoyed working collaboratively to express their ideas into drawing and later into words.

Keywords: Visualisation Strategy, Visualising, Drawing, Generate ideas

### **INTRODUCTION**

Visualising and Drawing is an innovative strategy to be incorporated in discussions to enhance the writing skill. It's a great way to practice visualising and drawing before writing, which is such an important strategy to enhance and generate ideas. I have incorporated the strategy to teach all the four skills: listening, speaking, reading and writing. However, my main focus is teaching the writing skill especially Continuous Writing.

The purpose of creating this strategy was when my students started to complain that they didn't know what to write and didn't have the idea what to write even though they have the language. As I introduced the strategy, the students enjoyed working collaboratively to express their ideas into drawing and later into words.

### **PROBLEMS IN GENERATING IDEAS INTO WRITING**

The teaching of English Language is based on the Syllabus Specifications that emphasises on four language skills namely listening, speaking, reading and writing. Based on my observation in the classroom, I have found that my students did not face difficulties when I carried out listening, speaking and reading tasks or activities. When I gave my students some writing tasks or activities, they were reluctant to do it. I have used scaffolding and modelling techniques in teaching writing skill but my students were unable to write. I observed that they were struggling in their writing not because they did not have the language but they were unable to generate ideas.

Although writing provides students with an avenue to share their thinking and gain control of their thoughts, many students need a strategy to help them think before, during, and after they write. Therefore, I have decided to used visualise strategy to enhance and

generate ideas into their writing. Thus, I believe the idea of using visualising strategy which I called, '**I Visualise, I Draw and I Write**' will help my students to generate ideas in their writing skill.

## **VISUALISATION STRATEGY IN TEACHING WRITING**

The Ministry Of Education has prepared a textbook, which has been designed based on the Syllabus Specifications For Form Five. Routman (2005) believes that *“teaching writing is a serious problem in many schools. We are over focused on procedures, processes, genres, and testing and under focused on thinking, communicating, inquiring, and exploring language.”*

According to Gambrell and Koskinen (2002), *“It appears that mental imagery (visualization) facilitates the written language expression of young children, encouraging reflection and contemplation during the composing process and resulting in improved written expression.”*

Visualisation can be intentionally taught—guided and enhanced—to help students communicate their thinking as writers. Visualisation serves as a foundation for the creative process of writing in which an author uses imagination and prior knowledge to create text for a specific audience and purpose. Lucy Calkins (1991) stated that *“writing is lifework.”* She expanded this thinking by explaining, *“When we give the children of the world the words they need, we are giving them life and growth and refreshment”.*

The used of **I Visualise, I Draw and I write strategy** in teaching writing skill is:

(i) Motivating, meaningful and fun

Using '**I Visualise, I Draw and I Write**' strategy, it helps the students to use their imaginations and encourages them to think outside the boxes they often create for themselves when challenged with writing projects or tasks. By deliberately visualising the topic given, students are able to add a degree of relevant detail that is absent before they visualise, draw and write. Besides, it helps the students to generate ideas as they visualise and draw the images in their mind. At the same time, this strategy motivates students and makes writing more fun when it is done as group work. My students caught on to this strategy quickly. They were very motivated by drawing and challenged themselves to add more details in their drawing or sketches.

(ii) Effective and Stimulating

By using the '**I Visualise, I Draw and I Write**' strategy, students gain understanding when teachers make the writing and thinking process visible by modeling and explaining their own mental images. Besides, it enhances and shapes their ideas into images. Moreover, using '**I Visualise, I Draw and I Write**' strategy, students are able to create text that effectively conveys their thoughts and help to expand their thinking too.

## **METHODOLOGY**

In this study, the researcher used qualitative research method. The qualitative research method was developed to enable researcher to study the effectiveness of the strategy used in teaching continuous writing for the Form 5 students. The qualitative method used is action research. Qualitative data sources include classroom observation and participation observation during the Teaching and Learning process, interviews, questionnaire and other documents. For this research, method of interview was employed to enable researcher to find out what is on the students' mind, what do the student think and how do the students feel about the strategy. This study critically aims at gathering bits of information received from the students as the respondents.

### **Implementation of the Strategy**

The implementation of the strategy is divided into 2 phases, which are Phase 1 and Phase 2. The implementation of the phases are mentioned below:

**Phase 1 Group Materials:**

1. 5 pieces of poster sheets
2. Markers
3. Colour Pencils/Crayons

**Phase 2 Individual Materials:**

1. One Ream of A4 papers
2. Markers
3. Colour Pencils/Crayons

**Duration:** Double Period (60 minutes)

**Steps of The Implementation : Phase 1(Group Activity) and Phase 2 (Individual)**

4. Teacher informs students that they are going to be Visualise writer.
5. Teacher informs the students that they are to work with their friends to write a story based on the topic or theme given. Teacher divides the students into group of 3 or in pairs.
6. Teacher distributes the handouts containing the instructions and situation/topic or theme given. Each group will be given a handout.
7. Teacher gives them a piece of A4 paper. Teacher informs the students that they have to visualise or imagine as soon as they get the particular topic or theme.
8. The group leader will read aloud the instruction and situation to the group members. They will discuss and draw images after visualising the images after reading the situation or topic.
9. After done with the drawing, the students will write based on the drawing:
  - What do they visualise when they read the situation or topic?
  - Draw their visualisation or images on the A4 paper.
  - Discuss and write an essay based on the images drawn.
10. Teacher asks the students to present their essay orally. Teacher gets the students to read their essay.
11. Teacher instructs the students to hand in their work. Teacher checks their essay, makes copies and puts up their writing on the English corner attach with their drawing.

**Cost / Expenses:**

1. Colour Pencils/ Crayons (Students brought their own)
2. A4 paper (Provided by the school)
3. Markers (Provided by the school)

**FINDINGS**

“I Visualise, Draw and Write” strategy has been implemented in three classes, which are Form 5 Sastera, Form 5 Sains and Form 5 Sain Tek. The findings and discussions are based on the questionnaire and interview conducted during the study.

Table 1

The Usage of “I Visualise, I Draw and I write” Strategy is authentic

Options	No. Of Students n = 61)	Percentage (%)
Not Sure	1	1%
Agreed	49	80%
Strongly Agreed	11	19%

Table 1 shows that a majority of students (80%) agreed that the strategy used is authentic. Meanwhile, 19% strongly agreed that it is authentic. However, only 1% not sure it is authentic.

Table 2

"I Visualise, Draw and Write" Strategy is able to generate ideas in student's writing

Options	No. Of Students (n = 61)	Percentage (%)
Agreed	33	54%
Strongly Agreed	17	28%

Table 2 shows that 54% students agreed and 28% strongly agreed that the strategy is able to generate ideas in their writing. 82% agreed that the strategy enables them to generate ideas. It is a positive response from the students.

Table 3

"I Visualise, Draw and Write" Strategy is able to enhance students' creativity

Options	No. Of Students (n = 61)	Percentage (%)
Agreed	34	56%
Strongly Agreed	14	23%

Table 3 shows that 56% students agreed and 23% strongly agreed that the strategy is able to enhance their creativity. A positive response from the students (79%) agreed that the strategy enhances their creativity through imagining and put their imagination into drawing, which later transfer into writing.

Table 4

"I Visualise, Draw and Write" Strategy Is able to enhance student's critical thinking skill

Options	No. Of Students (n = 61)	Percentage (%)
Agreed	33	54%
Strongly Agreed	13	21%

Table 4 shows that 54% students agreed and 21% strongly agreed that the strategy is able to enhance their creativity. 75% students gave a positive response by agreeing that this strategy enables to enhance their critical thinking skill.

Table 5

"I Visualise, Draw and Write" Strategy should be shared to teachers and students in Malaysia

Options	No. Of Students (n = 61)	Percentage (%)
Agreed	14	23%
Strongly Agreed	29	48%

Table 5 shows that 23% students agreed and 48% strongly agreed that the strategy should be shared to teachers and students in Malaysia.

Table 6

"I Visualise, Draw and Write" strategy helps students to pay attention in class

Options	No. Of Students (n = 61)	Percentage (%)
Agreed	31	51%
Strongly Agreed	16	26%

Table 6 shows that 51% students agreed and 26% strongly agreed that the strategy helps them to pay attention in class.

Table 7  
Student's active involvement in the classroom

Options	No. Of Students (n = 61)	Percentage (%)
Agreed	32	52%
Strongly Agreed	11	18%

Table 7 shows that 52% students agreed that they involved actively in the classroom. Meanwhile, 18% strongly agreed that they are also involved actively in the classroom.

#### **Other positive comments not listed in the questionnaire and based on the interview**

- i. There is a slight change in my writing skill.
- ii. Able to comprehend better in the writing.
- iii. Able to generate better ideas when writing essay through visualising and drawing.
- iv. Writing essay is enjoyable and more fun using the strategy.
- v. I enjoyed drawing and it reminded the student of her childhood days.
- vi. I loved the idea of drawing before writing an essay.

#### **CONCLUSION**

The teaching of English Language is based on the Syllabus Specifications that emphasises on four language skills namely listening, speaking, reading and writing. Based on the observation in the classroom, it has been identified that many students did not face difficulties when carried out listening, speaking and reading tasks or activities. When the students were given some writing tasks or activities, they were reluctant to do it. The used of scaffolding and modelling techniques in teaching writing skill but still the students were unable to generate ideas and write. They were struggling in their writing not because they did not have the language but they were unable to generate ideas. Although writing provides students with an avenue to share their thinking and gain control of their thoughts, many students need a strategy to help them think before, during, and after they write. The purpose of creating this strategy was when the students started to complain that they didn't know what to write and didn't have the idea what to write even though they have the language.

Therefore, it has been decided to used visualise strategy to enhance and generate ideas into their writing especially in the Continuous Writing. Thus, it is believed the idea of using visualising strategy which is called, '**I Visualise, I Draw and I Write**' would help the students to generate ideas in their writing skill. Visualising and Drawing is an innovative strategy to be incorporated in discussion to enhance the writing skill. It's a great way to practice visualising and drawing before writing, which is such an important strategy to enhance and generate ideas. After introducing the strategy, the students enjoyed working collaboratively to express their ideas into drawing and later into words.

#### **Criteria of the Project/Strategy**

These are the criteria of the project or strategy as mentioned below:

1. Encourage creative and critical thinking skill  
Getting students to visualise and draw images before they start writing. The drawing indirectly stimulates them to think creatively and critically what to write. The images drawn by the students will be a guide to help the students to write.
2. Suitable for both primary and secondary school learners.  
My students who cannot draw can produce images that help them in their writing. I also believe that primary school students will enjoy doing their writing by visualising and drawing their imagination before they start writing.

3. Flexibility
  - It can be used either as a set induction, enrichment or the focal point of the lesson.
  - It can be carried out in or outside the classroom.

### Benefits

There are a few benefits of using visualization strategy. The benefits are as stated below:

#### a. Less Cost

It is a minimal cost as markers or crayons provided by the students. A4 papers are provided by the school.

#### b. Save Time

It is according to the teacher's needs and time to conduct the discussion activity. I have used the "I Visualise, I Draw and I Write" strategy in the set induction, enrichment and the focal point of the lesson. Teacher must inform the students that they are only given a piece of A4 and they are to complete the activity within the time given.

#### c. Improve Teaching and Learning Process Effectively.

Students find learning meaningful as they are using the visualisation strategy before they start writing. They are more motivated to learn as they have to visualise and draw before they start writing of what they have drawn especially if it is conducted in a group. They participate actively by giving their ideas they visualise and later draw the images that they have visualised. After done with their drawing, they discuss actively in group to construct sentences based on the drawing that they have done.

#### d. Motivate Learners

You can hear laughter as they draw the images that they visualise before they start writing. Both the teachers and students enjoy reading the story created by the students according to the images they draw and visualise. The students are happy that they have the potential to be artist.

### Related and relevant information:

Teachers can make the photocopies of the drawings and essays, and place them on the notice board. Students will enjoy reading their stories and at the same time enjoying the drawings that they have done.

Moreover, teachers can also conduct the activity in the form of competition. They are able to tell the students that they have to pass up their work within the time given. Teacher awards the group, which produces the best drawing and essays.

Furthermore, teachers can also use pictures and phrase from newspaper cutting instead of drawing them. Teacher can conduct NIE poster newspaper too.

### REFERENCES

- Rosenblatt, Louise. 2005. *Making Meaning with Texts: Selected Essays*. Portsmouth, NH: Heinemann. Available at: <http://www.boyntoncook.com/shared/onlineresources/E00768/chapter5.pdf>.
- Wilhelm, Jeffrey D. (2007). *You Gotta BE the Book*, 2nd ed. New York: Teachers College Press. Available at: <http://store.tcpress.com/0807748463.shtml>
- Routman, R. (2005). *Writing Essentials: Raising Expectations and Results While Simplifying Teaching* (pp.13-14). Portsmouth, NH: Heinemann.
- Gambrell, L.B., & Koskinen, P.S. (2002). *Imagery: A strategy for enhancing comprehension*. In *Comprehension Instruction: Research-based Best Practices*, ed. C.C. Block & M. Pressley. New York: The Guilford Press.

Calkins, Lucy McCormick. 1991. *Living Between the Lines*. Portsmouth, N.H.: Heinemann.



## **BAHASA MELAYU MERENTAS DISIPLIN ILMU DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN MENDEPANI REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

**MAZLAN ISMAIL, PhD**

Sektor Bahasa dan Kesusasteraan, Bahagian Pembangunan Kurikulum,  
Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8 Blok E9, Parcel E, Putrajaya.  
lan\_164@yahoo.com.my

### **ABSTARK**

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di semua sekolah kecuali di sekolah jenis kebangsaan. Lantaran itu, penggunaan bahasa Melayu dilakukan secara merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran termasuk bidang STEM. Perubahan persekitaran ini seiring dengan perubahan teknologi khususnya teknologi digital yang melalui revolusi industri (RI) 4.0. Perkembangan teknologi ini turut mempengaruhi penggunaan dan perkembangan bahasa Melayu khususnya dalam dunia pendidikan. Implikasi perubahan teknologi ini memberi cabaran dan kesediaan kepada bahasa Melayu itu sendiri bagi mendepani cabaran dunia teknologi. Gaya penggunaannya menjadi semakin berkembang atau sebaliknya. Mampukah bahasa Melayu menjadi bahasa yang lestari dengan perubahan persekitaran pada masa depan. Menjadi tugas pendokong bahasa Melayu memastikan hayat bahasa Melayu terus berperanan dalam arus perubahan revolusi tersebut. Penggunaan Internet of thing (IoT) dan perkembangan artificial intelligent (AI) serta cyber physical system (CPS) yang saling mempengaruhi dalam segala amalan harian turut diperhalus. Kecepatan dan ketepatan transmisi data menjadi keutamaan di era RI 4.0. Tulisan ini mengupas segala dugaan dan langkah yang boleh diambil bagi menyesuaikan bahasa Melayu dengan perubahan persekitaran yang dimaksudkan. Pembedaan bahasa Melayu secara merentas disiplin ilmu dalam kurikulum pendidikan menjadi pemangkin utama dalam menghadapi perubahan tersebut, meskipun umum berpendapat penggunaan bahasa Inggeris menjadi pilihan utama dalam memenuhi dan mendepani keperluan revolusi industri 4.0. Sesungguhnya bahasa Melayu secara merentas kurikulum telah membuktikan kejayaan dengan lahirnya ribuan professional dalam negara yang telah menggunakan bahasa Melayu secara merentas kurikulum sewaktu di alam persekolahan.

Kata kunci: bahasa pengantar, bahasa Melayu, cabaran, revolusi industri, perubahan

### **PENDAHULUAN**

Bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa pengantar dalam kurikulum persekolahan di Malaysia untuk semua sekolah kecuali sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil melainkan sebagai mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid. Penggunaannya meliputi semua disiplin ilmu dalam kurikulum pendidikan, sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah secara merentas disiplin ilmu dalam pendidikan selepas merdeka. Bahasa Melayu terus memainkan peranannya sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara mengikut keperluan persekitaran. Walau bagaimanapun, kepantasan persekitaran berubah turut mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu, lebih-lebih lagi dalam era teknologi serba canggih. Misalnya dalam penggunaan internet yang merupakan pencapaian besar manusia dalam dunia teknologi yang memberi manfaat dalam amalan harian kehidupan.

Meneliti sejarah awal perkembangan teknologi Internet telah bermula sejak 1969 dan menjadi perhatian umum mulai tahun 1990-an. Kemajuan Internet memberi kelebihan dalam semua lapangan termasuklah dunia pendidikan. Jutaan informasi berada di hujung jari pengguna. Zaman penggunaan Internet dan aplikasi digital yang meluas pada masa ini

dirujuk seiring dengan revolusi industri 4.0. Menurut Schlechtenahl, dkk (2015), RI 4.0 adalah sebuah lingkungan industri yang seterusnya saling berhubung untuk berkomunikasi dengan maklumat yang menitikberatkan unsur kepantasan transmisi data. Bagi menunjukkan betapa pentingnya perkembangan revolusi 4.0 di Malaysia, kerajaan memerintah telah menjadikan rujukan dalam pembentangan bajet 2018. Begitu juga laporan digital 2017, menyebut Internet sebahagian kehidupan manusia dalam pelbagai keperluan kehidupan. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi dalam pendidikan bukanlah suatu yang baharu, misalnya pembelajaran melalui dalam talian secara sepenuh masa atau melalui separuh masa. Ini membuktikan bahawa sistem pendidikan telah dipengaruhi perkembangan dunia digital (Karim, 2019). Namun begitu, adakah bahasa Melayu yang mendominasi di paparan maklumat digital tersebut atau bahasa Inggeris yang menguasai skrin digital seperti pernah dikatakan oleh bekas YB Menteri Pendidikan iaitu:

*“We have to admit that the language of technology and the IR 4.0 is base on English. Sciences, all the computing, coding, robotics, these subject depend on English. If we want to master all those segments and specialisation, we (must) do it in English.”*  
(Malay Mail, 29 Julai 2019)

Pernyataan YB Menteri tersebut sedikit sebanyak mengakui bahawa, untuk menguasai RI 4.0 perlu menggunakan bahasa Inggeris yang secara tidak langsung memberi gambaran bahawa kedudukan bahasa Melayu turut tercabar dengan persekitaran RI 4.0.

### **Sejarah Awal Revolusi Industri**

Bagi memahami perubahan setiap era RI adalah lebih baik ditelusuri sejarah perkembangan dari revolusi industri pertama, kedua, ketiga hinggalah munculnya RI 4.0. Setiap era revolusi industri membawa perubahan yang besar dalam kehidupan manusia. Perubahan dalam sektor pengangkutan dan pembuatan yang berasaskan kepada tenaga manusia telah beranjak ke penggunaan mesin dan menghasilkan sesuatu produk secara besar-besaran. Perubahan industri bermula pada abad ke-18 berterusan ke abad- 21 yang mengubah menjadi cara hidup manusia.

Revolusi pertama memperkenalkan penggunaan mesin berkuasa wap yang berkait rapat dengan pengeluaran produk pada akhir abad ke-18 (1760-1840). Pada ketika itu, penciptaan enjin berkuasa wap yang membawa perubahan besar kepada sistem pengangkutan dan penciptaan jentera dalam pengeluaran tekstil. Industri ini mendapat manfaat besar dalam industri tekstil. Sekitar tahun 1870-1914, sebelum perang dunia pertama muncul pula RI 2.0. Dalam era tersebut tumpuan kepada kuasa elektrik. Pada ketika itu, berlaku lonjakan perubahan kepada masyarakat dalam kehidupan mereka. Sektor pengeluaran dan perkilangan berkembang pesat. Barangan elektrik mula menjadi kegunaan masyarakat khususnya golongan berkemampuan. Rumah dan pejabat dilengkapi keperluan barangan elektrik. Adanya kuasa elektrik banyak inovasi dihasilkan bagi memenuhi keperluan manusia berasaskan tenaga elektrik. Manakala tenaga stim yang digunakan sebelum ini mula berkurangan penggunaannya. Alat perhubungan seperti telefon dan kapal terbang mula menjadi kegunaan masyarakat untuk berhubung dalam aktiviti harian. Kehidupan manusia semakin berubah dengan munculnya RI 3.0 iaitu bermulanya era digital dan pengkomputeran dalam kehidupan masyarakat iaitu sekitar tahun 1950-1970-an. Pada ketika itu, sistem analog telah mula beralih ke sistem digital. Dalam era ini pelbagai barangan teknologi baharu dihasilkan seperti kamera, televisyen dan radio.

Era itu juga disebut sebagai zaman teknologi maklumat yang berkembangnya dengan pesat. Teknologi maklumat, komputer dan komunikasi berkembang dengan pesat. Akhirnya kemunculan RI 4.0 menjadikan segala perkara dilakukan melalui Internet, menghasilkan data, peranan robot yang menggunakan kaedah kecerdasan buatan atau *artificial inteligen* (AI) dalam semua urusan masyarakat sama ada menghasilkan produk mahupun perkhidmatan. Sesungguhnya RI 4.0 menjanjikan keuntugan, kemudahan pelaburan dan kemajuan teknologi (Karim, 2019). Kemunculan RI 4.0 mementingkan kepantasan serta tiada had sempadan menjadikan penggunaan teknologi semakin penting.

Teknologi 5G pula semakin berkembang. Kadar kelajuan Internet semakin canggih. Maklumat diterima dan dihantar tanpa mengira masa dan tempat dengan pantas.

Perubahan ini merupakan satu anjakan paradigma dalam kehidupan masyarakat bagi semua peringkat, sama ada suka atau tidak masyarakat harus menerimanya. Situasi yang sama dalam aspek pendidikan, khususnya penggunaan bahasa Melayu secara merentas disiplin ilmu. Menurut Hendy Yunirto, (2019), secara asasnya RI 4.0 telah mengubah cara melaksanakan aktiviti dan memberi pengaruh besar terhadap dunia kerjaya, malah memberi peluang pekerjaan bagi mereka yang memiliki kecekapan dalam literasi digital (Yahya, 2018).

### **Kurikulum Pendidikan**

Kandungan kurikulum bahasa termasuk bahasa Melayu mengandungi empat kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap murid iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (BPK, 2019). Keempat-empat kemahiran ini perlu dikuasai oleh setiap murid pada tahap penguasaan 1 hingga tahap penguasaan 6 mengikut tahap persekolahan iaitu pada Tahap I, Tahap II dan sekolah menengah rendah dan menengah atas. Tahap penguasaan ini berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Tahap penguasaan yang perlu dikuasai oleh setiap murid telah ditentukan dalam objektif mata pelajaran bahasa. Penguasaan setiap kemahiran bahasa itu akan membantu murid menguasai disiplin ilmu yang lain seperti mata pelajaran Sejarah, Geografi, Matematik dan lain-lain yang merupakan bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran di sekolah sama ada dalam pembacaan, penulisan mahu pun ketika berkomunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penggunaan bahasa Melayu tersebut dilakukan secara merentas disiplin ilmu. Tahap penguasaan bahasa Melayu turut membantu murid menguasai sesuatu disiplin ilmu tersebut. Gagalnya menguasai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu bidang disiplin ilmu akan menyebabkan tahap pemahaman terhadap ilmu tersebut turut terjejas. Misalnya, jika seseorang murid gagal memahami bahasa yang digunakan ketika mengajar matematik, maka disiplin ilmu matematik turut sukar difahami.

Aspek pedagogi juga berperanan dalam mengembangkan kurikulum yang digubal bagi memastikan kandungan kurikulum dapat disampaikan dengan berkesan. Strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran perlu menjadi keutamaan kepada pelaksana kurikulum dalam pelbagai disiplin ilmu. Apa juga strategi dan bahan yang digunakan sewaktu PdP, bahasa Melayu akan digunakan sebagai medium perantaraan dalam menyampaikan ilmu matematik, Sains, Sejarah dan lain-lain mata pelajaran. Maka kreativiti guru amat diperlukan ketika proses PdP.

Kandungan kurikulum yang meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai juga tidak dapat dipastikan sama ada dikuasai murid atau sebaliknya, jika tidak ada satu sesi atau mekanisme penilaian. Untuk itu, kebolehan guru melaksanakan pentaksiran formatif sewaktu proses PdP banyak membantu menjayakan proses pengembangan kurikulum seperti yang dihasratkan. Dalam era RI 4.0, pelbagai kaedah terkini boleh diaplikasikan dalam proses mentaksir kurikulum melalui teknologi yang dilakukan berbanding pentaksiran secara tradisional sebelum ini.

Jelaslah bahawa penguasaan bahasa Melayu secara merentas kurikulum sebagai bahasa pengajaran membantu menentukan kejayaan disiplin ilmu yang lain dalam pendidikan.

### **Bahasa Melayu Merentas Disiplin Ilmu Pendidikan**

Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di sekolah lanjutan daripada Laporan Razak dan akta pendidikan. Sebagai bahasa pengantar ilmu dalam pendidikan pula, bahasa Melayu menjadi sasaran pemerolehan dan pengembangan ilmu dalam kalangan masyarakat. Bahasa Melayu perlu melalui evolusi sejajar dengan bidang ilmu yang terus berkembang pada zaman moden ini (Nor Shah, 2001). Semua mata pelajaran diajar menggunakan bahasa Melayu melainkan bahasa Inggeris. Manakala bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil turut diajarkan sebagai mata pelajaran

teras. Penggunaan bahasa Melayu ketika mempelajari disiplin ilmu yang lain dalam pelbagai mata pelajaran seperti Matematik, Sains, Geografi, Sejarah dan lain-lain mata pelajaran. Penggunaan bahasa Melayu yang betul ketika mempelajari ilmu mata pelajaran yang lain juga mampu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu seseorang murid. Pendekatan ini dikenali sebagai bahasa Melayu merentas kurikulum.

Oleh itu, tahap literasi dan penguasaan bahasa Melayu yang baik membolehkan murid memahami dan mendalami disiplin ilmu yang lain bagi setiap mata pelajaran. Penggunaan laras bahasa dan kosa kata istilah yang sesuai mengikut bidang disiplin ilmu amat diperlukan. Kaedah penggunaan bahasa Melayu secara tradisional sewaktu mempelajari mata pelajaran selain bahasa Melayu seharusnya berubah mengikut keperluan persekitaran teknologi bagi mendepani RI 4.0 yang menggunakan pelbagai aplikasi teknologi.

Banyak negara yang masih menggunakan bahasa ibunda dalam melaksanakan pendidikan seiring dengan RI 4.0, malah mampu mempengaruhi pasaran dengan penghasilan produk menggunakan bahasa ibunda. Misalnya Korea dalam pengeluaran barangan industri elektrik, masih terdapat bahasa Korea pada produk yang dipasarkan pada peringkat antarabangsa, begitu juga Jepun, German dan lain-lain negara. Ini menunjukkan bahawa bahasa ibunda mampu mendepani perkembangan revolusi industri. Situasi yang sama boleh berlaku dengan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sesuatu bahasa itu akan menjadi penting apabila sesuatu produk dan perkhidmatan itu menggunakan bahasa tersebut menjadi keperluan dan permintaan pasaran antarabangsa, maka secara tidak langsung bahasa itu akan digunakan. Situasi ini memberi ruang dan peluang kepada bahasa Melayu untuk terus berkembang dalam semua bidang. Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa lingua franca di era Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-13 hingga ke-19, yang menjadi pusat perdagangan antarabangsa suatu ketika dulu dengan pedagang Arab, India, Cina dan Siam dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi. Justeru, penggunaan bahasa Melayu merentas disiplin ilmu perlu diteruskan malah ditingkatkan dengan sokongan penggunaan kosa kata sesuatu bidang atau dikatakan sebagai kosa kata istilah bagi memastikan bahasa Melayu terus menjadi bahasa komunikasi lisan mahu pun bertulis.

### **Mendepani Revolusi 4.0**

Menurut Kamus Dewan (2002), mendepani bermaksud mendahului atau tidak mahu ketinggalan. Revolusi Industri merujuk kepada perubahan industri pertama hingga keempat. Mendepani menghadapi era RI 4.0 perlulah menumpukan keperluan dan penggunaan aplikasi di era teknologi 4.0. Kehadiran era tersebut memerlukan persediaan diri untuk bersaing dengan sesiapa sahaja di dunia terbuka tanpa sempadan. Kebolehan bersaing menggunakan teknologi menjadi prasyarat untuk maju ke hadapan atau akan terus tertinggal di belakang. Kemajuan teknologi tidak lagi mengambi kira akan koata atau keistimewaan sesuatu pihak untuk memperoleh sesuatu, sebaliknya perlu bersaing berebut peluang di mana-mana tanpa perlu berada di lokasi yang menawarkan peluang tersebut.

Begitu juga dalam pendidikan untuk mendepani RI 4.0. Era tersebut memerlukan perubahan paradigma bagi bergerak seiring dengan perkembangan teknologi pintar dalam semua aspek kehidupan termasuk penggunaan robot dalam melaksanakan apa juga tugas. Menurut Rozinah (2005) anjakan paradigma dalam masyarakat termasuk telah mengubah sistem pendidikan negara. Kecerdasan buatan merupakan satu kelebihan kepada pihak yang terlibat dengan pelbagai industri, malah robot akan menggantikan peranan dimainkan oleh manusia belum ini. Misalnya menjadikan robot sebagai pembantu guru di dalam bilik darjah, malah akan menjadi teman hidup sesetengah pihak. Penjaga rumah juga boleh dilakukan menggunakan teknologi pintar yang boleh di pantau ketika di pejabat. Sehubungan dengan itu, kemahiran menguasai teknologi amat penting, khususnya menggunakan Internet dalam segala kegiatan melalui pelbagai aplikasi. Kepantasan Internet menjadi penentu kelancaran penggunaan apa juga aplikasi. Kemahiran meneroka maklumat dalam dunia digital perlu dibina dalam kalangan murid sekolah sebagai persediaan untuk mereka berhadapan dengan dunia sebenar di era RI 4.0. Justeru, teknologi 4G akan beralih

ke 5G malah akan lebih pantas dalam menerima dan mengeluarkan sesuatu maklumat atau produk.

## TINJAUAN LITERATURE

Pemangkin RI4.0 secara umumnya berteraskan kemajuan dalam bidang *autonomous robots, big data, augmented reality, cloud computing, internet of things*, percetakan 3D, keselamatan siber, simulasi dan intergerasi sistem digital (Anne Marie, 2018). Pandangan ini turut disokong oleh Jay, Behrad dan Hung-An (2014), bahawa sektor pembuatan akan berfokus kepada data raya dalam perancangan perdagangan. Justeru apa juga industri yang diceburi akan bergantung kepada automasi dan pertukaran data dalam teknologi pembuatan yang akan menghasilkan kilang pintar yang dapat menganalisis data yang ada bagi tujuan rantai perniagaannya.

Bagi membolehkan penggunaan teknologi tersebut dalam pendidikan, kesediaan dan pengetahuan guru perlu seiring dengan perkembangan teknologi. Menurut Kamarudin & Che Aleha (2018) dalam kajiannya, menyatakan di era RI 4.0 mendapati tahap pengetahuan pelajar semester enam IPG Kampus Ipoh berkaitan RI 4.0 dan kesediaan mereka menempuh cabaran IR4.0 berada pada tahap sederhana. Manakala tahap pengetahuan pelajar berkaitan keperluan insaniah berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran dan kesediaan pelajar menghadapi era RI 4.0.

Untuk itu, penyediaan pengetahuan dan kemahiran kepada generasi masa hadapan dengan betul amat penting. Menurut Karim, (2019), sistem pendidikan perlu menyediakan pelajar pada abad ke-21 dengan ilmu pengetahuan. Selain pengetahuan, mereka perlu memiliki kemahiran baharu untuk menyesuaikan, mengurus, dan memanfaatkan RI 4.0. Mereka mestilah sebagai pemikir kritis, penyelesaian masalah, inovator, komunikator dan mempunyai nilai kepimpinan. Justeru sistem pendidikan perlu berubah bagi memenuhi keperluan semasa.

Penggunaan aplikasi teknologi dalam pendidikan bukan suatu yang baharu sebaliknya di Malaysia telah menggunakan walaupun belum meluas. Misalnya dapatan kajian yang dilakukan Wan Roslina, (2018) mendapati kesemua pensyarah IPG Kampus Sultan Abdul Halim menggunakan saluran whatsapp melalui talian pintar sebagai wadah utama dalam penyampaian maklumat. Analisis dokumen pula mendapati pihak pengurusan tertinggi masih mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dalam penyampaian maklumat penting kepada pensyarah. Ini menunjukkan bahasa Melayu masih digunakan sebagai medium perantaraan menyampaikan maklumat meskipun penggunaan alat teknologi pintar. Sesungguhnya kaedah ini amat baik.

Era RI 4.0 merupakan satu era yang berbeza daripada RI sebelum ini. Fasa RI 4.0 merubah dalam segala aspek kehidupan manusia terutama pekerjaan dan perlakuan harian. Banyak tugas hakiki manusia diganti dengan keupayaan robot dengan teknologi kecerdasan buatan (AI). Robot akan menggantikan kebanyakan fungsi manusia khususnya dalam bidang pekerjaan terutama dalam bidang industry pembuatan. Penggunaan robot ini berlaku secara berleluasa menyebabkan proses automasi dan proses menggunakan Internet semakin berkembang. Jelas membuktikan bahawa peranan Internet yang di katakan sebagai era *Internet of thing* (IoT) amat berpengaruh dalam segala tindakan. Antara aplikasi yang digunakan di era ini seperti penggunaan *WhatsApp, Uber, Trivago, Agoda, wase*, dan lain-lain aplikasi atas talian yang banyak memberikan manfaat yang besar kepada manusia.

Penggunaan teknologi pintar dan komunikasi menjadi unsur peting dalam penyebaran ilmu. Teknologi pintar berupaya menjadi alat bantu mengajar malah berupaya memotivasikan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokan (Wan Roslina, 2018). Kemajuan teknologi ini membantu e-pembelajaran, e-perpustakaan, e-buku dan lain-lain aktiviti berasaskan atas talian. Namun begitu, penggunaan bahasa Melayu tidak seharusnya diketepikan dalam meneroka dan membekalkan maklumat menggunakan aplikasi teknologi tersebut termasuk dalam menyediakan bahan sokongan pembelajaran menggunakan bahasa Melayu walaupun disiplin ilmu yang berbeza.

Perkembangan RI 4.0 melibatkan seluruh dunia. Perubahan dan penyesuaian persekitaran seiring dengan perkembangan revolusi perubahan dasar berkaitan sesebuah negara juga berlaku. Misalnya di Thailand, telah mensasarkan sektor utama ekonomi dan penyelidikan untuk menghasilkan 12,290 graduan siswazah PhD. Mereka turut menjadikan teknologi dan inovasi sebagai alat untuk melonjakkan kualiti hidup (Charlie Joines & Paitoon Pimdee, 2017). Oleh itu, cabaran RI 4.0 terhadap pelajar memerlukan mereka keluar dari kotak kebiasaan.

## **KEPERLUAN BAHASA MELAYU MERENTAS DISIPLIN ILMU BAGI MEMENUHI KEPERLUAN DALAM REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

Bahasa ialah alat komunikasi dalam menyampaikan dan menerima maklumat dalam perhubungan bermasyarakat. Justeru dalam apa zaman sekali pun, aspek bahasa tidak akan pupus. Namun begitu, apakah bahasa yang dapat bertahan dalam mendepani era RI 4.0. Adakah hanya bahasa Inggeris sahaja yang dapat bertahan tetapi bahasa Melayu, bahasa rasmi negara akan terkubur?. Sesungguhnya, selagi ada penutur yang menutur bahasa Melayu, maka bahasa Melayu akan terus kekal, malah mampu untuk berkembang luas seentero dunia dengan kepantasan dan sokongan RI 4.0.

Walau bagaimanapun, tahap penguasaan bahasa tersebut haruslah dikuasai sebelum dapat menggunakan bahasa Melayu dalam disiplin ilmu yang lain. Untuk itu, tahap asas literasi menjadi prasyarat kepada murid untuk menguasai ilmu yang lain secara merentas disiplin ilmu.

Ngelebus pengawa tu, manang mantai ke batu ilau dikena bepandang. Api bukai ba bilik nya deka dipadamka semina iya nguna siti api kelita aja. Batu ilau nya tadi ditungaka ngagai api kelita. Lebu tu manang deka ninjau gaya semangat dikena iya nentuka bansa pelian. Manang lalu ngunsut orang ke sakit ngena ubat pengaruh ti udah dikirah tadi. Mensia bukai pan ulih berunsut ubat manang nangkanka nya.

Udah temu bansa pelian, orang ke lelaki nirika pagar api di ruai lalu sida ke indu melah dekuh. Orang indu ke mai dekuh ke ruai enda tau nyaut enti disapa. Tembu semua dekuh enggau pagar api manang pansut ke ruai lalu belabuh nyebut leka pelian. Lebu nyadaka leka pelian mua manang nunga ngagai pun ramu. Kelimpah ari nya bisi maya manang berua tauka bejalai ngelingi pagar api. Wa digitang ba sekang menawa urung tempuan. Sekumbangka belian manang ngereja pengawa bukai nitihka bansa pelian.

Nyau pengalaman kira tengah malam, manang pan luput. Dani ari luput manang bisi ngenggam semangat orang ke sakit lalu ditabakka ba bubun aji sereta disempulangka enggau seleka beras. Semangat nya mega deka dipesi mimit enggau ai ngambika penchelap. Pemesai semangat nya mesai leka ensabi tauka leka jawa lalu bechura chelum. Udah nabakka semangat pelian manang pan tembu lalu orang pan belatur makai salau.

Udah makai salau manang belian pandak ngeraga bungai tauka mensiang bungai. Tembu nya manang belian ngelumuka semengat sida sebilik. Nangkanka tu manang belian nganjung pelepa. Pelepa digantung ba mua pintu bilik enggau pintu pelabuh. Kena ngujungka pengawa manang nyebut pelian mulaika semengat iya empu. Nyau tawas ari sebedau pulai upah manang dulu diatur. Pagar api mega direrak. Kayu ke pagar api deka diujakka ba endur ke likun ba tisi jalai pendai. Tambai daun kemali deka digitang ba mua pintu penama sida ke belian enggau ba pintu penama ngagai rumah panjai nya nitihka padah manang. Tusun pengawa manang di atas nya tadi endang nitihka pengawa belian selama. Taja pia tusun tu tau berubah nitihka bansa pelian enggau peneka manang empu. Tusun pengawa belian mega bisi berubah nitihka menua siti-siti.

## PERENGKA KENA BELIAN

Perengka ti dikena patut diperundingka dulu sebedau pengawa belian belabuh. Reti iya orang ke belian nyediaka kereban tu sebedau manang datai ngepunga pelian. Kebuah pia ngambi pengawa belian tu ulih bejalai enggau manah lalu nadai betanggung tauka beanti-anti. Taja pia perengka tu nyangka bisi bebida ari menua siti siti. Kelimpah ari nya, perengka kena belian mega bisi nambah nitihka bansa pelian. Ngambika chunto, enti manang belian bebunuh, dia rangka tauka piring kena ngangauka antu mesti bisi lalu kereban kena munuh antu mega endang deka disediaka manang. Bansa perengka kena belian ke bisi diliska baka ke di baruh tu endang perengka belian selama ke enda tau enda bisi.

### Lupung

Dulu kelia lupung manang digaga ari kulit kayu enteli lalu dibingka meruan sereta bisi tudung. Bisi ga cherita madah lupung kulit kayu enteli tu semina tau dikena manang ti udah begelar manang mansau aja. Lupung tu endur nyimpan batu ilau, batu pemabut, ubat pengaruh enggau semua perengka perubat ti diguna manang. Ubat pengaruh manang dalam lupung nya nyangkaum ubat pencilap, ubat penabar mimpi tauka penabar burung, sakang penawar enggau engkarabun.

Dalam lupung mega bisi batu ilau tauka batu karas. Batu ilau nadai sebaka gamal tang senayau sereta bekebelik. Batu ilau kena ninjau penunga semengat lebu bepandang. Lebu bepandang manang deka nentuka pemudah enggau pengemar semengat disidi, diambi lalu dibai pulai. Manang nenggau peninggi enggau pamaruh semengat kena nentuka bansa pelian. Nambahka nya dalam lupung bisi perengka kena beburah baka entemut, jerangau, kulit kayu lawang enggau chekur. Utai tu dikunyah manang begulai enggau sirih sereta kapu lalu disembur ba endur ti pedis. Enti semina betubar manang semina ngurut urung tubuh ti pedis nya ngena batu pemabut. Batu pemabut nyadika penabar kena ngubat pansa utai.

### Pagar Api

Pagar api nya nyadika pun endur manang belian begiga ke semengat. Nengah pagar api tu mih manang ulih nangkap semengat. Kereban pagar api enggau tuju iya bisi dirintaika ba baruh tu.

Kereban	Guna / Tuju
Selambar tikai anyam dua	Tikai nyadika perau manang. Tikai anyam bebuah enda tau dikena laban enggaika pantis tauka tiris. cTikai mega anang besai kelebih agi ngagai orang ke enda kala dipeliana.
Sigi kebuk	Tu ke karung semengat lalu alai nudukka daun pisang tauka daun kemali. Disimpanka ai enggau batu sigi. Ai kena nata semengat ngambi chelap.
Sebatang sangkuh	Nyadika pugu pagar api. Jalai manang begiga ke semengat lalu endur nanchang takang daun pisang ti nyadika pagar api.
Ubung mansau	Kena nanchang semengat.
Kain bedepa	Dikena nangkap semengat lalu nyerayung semengat manang.

Kain belachu	Ke tampak semengat orang ti dipelianka ngambika terang dipeda manang. Ke kembai bungai endur semengat sida sebilik ngenduh.
Pua kumbu	Kena bebungkur lebu luput. Ke sayap semengat manang terebai ke langit. Kena ngelindung ayu
Ubung putih	Ke tampak semengat
Ubung lemba	Ke tali perau manang.
Sebilah duku	Ke kering semengat manang
Sesingkap pinggai	Nyadika terabai manang
Daun pisang tauka daun kemali	Menira perau manang. Tiang ayu
Tujuh leka beras	Ke indu semengat ti ditabakka ba bubun aji. Anang beras ke patah.
Dua iti tangga	Digaga ari kayu kayu kemali. Dipikapka ba takang pisang pagar api nyadi ke tangga. Tangga semengat begigi tunsang lalu tangga manang begigi baka gigi tangga mensia selama. Tangkal tangga tujuh iti.
Beras tumpu	Ke bekal semengat

### Dekuh

Baka ke udah disebut datas nyin tadi, melah dekuh nya pengawa siku indu ti mai kereban dekuh ari bilik orang ke sakit pansut ke ruai. Rengka ti diguna ke dekuh nya deka disimpan dalam seluk tauka sintung. Ubung lemba deka dikebatka ba seluk. Perengka dekuh nya:-

- a. tiga chebik sirih,
- b. tiga sirap pinang,
- c. tiga luntang daun deruku ditanchang enggau ubung mansau
- d. sechubit semakau.
- e. Rangki sepuchuk
- f. Gerunung besai sigi

### Upah Manang

Upah manang endang nitihka bansa pelian lalu enda sebaka nitihka menua siti-siti. Taja pia upah ke enda tau enda nya baka lis di baruh tu:-

- a. Repik besi siti ke pengering semengat
- b. Kebuk sigi
- c. Pinggai sesingkap
- d. Kain bedepa siti ke dinding manang ngelaban antu
- e. Duit ke sabang ubat manang.

Taja pia ba jeman diatu upah nya jauh udah berubah. Manang enda mai pulai sekeda upah nya tang ditukar enggau duit laban nya nyamai dibai sereta lebih beguna agi.

### BANSA PELIAN

#### Pelian Ngambi Selempandai

Ba pengarap Iban, lebu kandung udah tujuh bulan indu ke betubuh bisi patut bisi diabas Selempandai. Reti nya Selampandai bisi didinga bebunyi setik-setik lemai hari. Enti iya bemunyi tunga ke ujung tanju nya madahka anak nya deka lelaki lalu enti iya didinga bemunyi muak ke ujung bilik madahka anak nya indu. Tang enti Selempandai nadai bemunyi indu tu patut mensiang diri ngena pelian tu. Pelian tu dikereja manang ba bilik.

#### Pelian Belimbu

Pelian belimbu tu kena manang ngintu orang ke agi mit ti sakit meayu-ayu. Pelian tu kena minta ngagai Petara ngasuh nengkilaka ayu orang ke sakit nya. Nya alai perengka dikena ke ayu nya sigi kebuk peregam. Pelian tu bisi dua bansa iya nya Belimbu Mata enggau Belimbu Mansau. Enti pelian Belimbu Mansau, dia dih bisi Pelian Besagu Ayu lalu tambak

pisang nyadika ayu. Tambak pisang tu deka ditanam ba kaki tangga sepenembu ke belian. Nitihka pengarap manang, semangat orang ke sakit deka disimpan ba kebuk tauka pun pisang ke ditanamnya. Nya alai, perengka ke ayu tu mesti dijaga enggau chukup penyiru awakka ke orang ke embu limbu nya meruan gerai disemaka baka pun pisang seruran chelap belama. Nama orang ti dipelimbuka tau enda ibuh ditukar ngagai nama bukai.

### **Pelian Nyala**

Enti orang bisi bemimpi karam lalu lenyau utai tauka bebadi lemas, orang nya patut dipelianka ngena chara tu. Manang belian nyala kena ngiga utai lenyau enggau ngambi semangat ti lemas. Jala manang nya selambar pua ti betatingka geri tauka pala, nitihka pemisi orang ti empu pengawa. Raga manang nya sesingkap pinggai. Enti orang bemimpi karam di dunya tu manang belian ba ruai tang enti bemimpi karam di menua sebayan manang belian ba tempuan. Dinding rumah sempamaka baka dinding batu. Orang enda tau semak manang lebu belian enggaika kena pechik ai ti ngujungka tau sakit.

### **Pelian Bebunuh Buyu Asa Indu Radai**

Pelian tu kena ngintu indu ti radai lalu anak ulat iya enggai ada-ada. Iya nyangka dikeduan antu buyu asa lalu manang ngena pelian bebunuh buyu. Manang belian ba pintu bilik nunga ngagai para. Piring digantung ba telenga atap kena ngumbai antu buyu. Pelian manang ngagai menua antu ba Terung Pitan. Antu nya betudungka kulat tepik lalu kain iya betatingka kulat kerang. Lebu antu datai manang lalu ngagai iya. Enti iya enggai meri semangat manang deka datai jari ba antu nya.

### **Pelian Bebatok Lampung**

Orang ke dipelianka manang ngena pelian tu endang sakit raya lalu dikumbai enda idup tang taja pia sida sebilik agi ngiga daya ngidupka iya. Dalam pelian tu semangat manang deka bebatok lampung ngelaban antu berebutka semangat. Mensia ulih nulung manang lebu tu tang anang bepegai ba lampung. Sida mina bepaut ba punggung manang tauka diri sama diri betampung-tampung. Perengka ke lampung nya leletan ti disangkingka geri ba puting setak-setak. Perengka bukai ti dikena nya sigi lesung ti nyadika munggu alai betumpu, pua kumbu ke sayap lalu pinggai ke terabai.

### **Pelian Sakit Ditunang Jelu**

Bansa pelian tu kena ngintu orang ke sakit ketegal ditunang jelu baka kijang, lelabi, genali, enggau baya. Enti orang ke sakit nya indu, manang ngintu pelian iya di tanju tang enti orang ke sakit nya lelaki manang belian di tanah. Enti ditunang baya, lelabi tauka ringan manang belian di tebing ai sungai. Piring deka disediakan ba endur manang belian kena ngumbai antu buyu nya. Pelian selalu dikereja ngintai maya jelu nya datai ngayap baka ke dini hari.

### **Pelian Betajar Tebu**

Pelian tu nguna batang tebu ti digitang tunsang ba tengah ruai semak pagar api. Tebu ke dikena nya tebu dinding tauka tebu surik. Ai tebu deka ditimbun ngena pinggai laban kena nganti darah ti lenyau.

### **SIMPUL JURAI**

Lebu kitai beratika tusun pengawa pelian ke dikereja manang dia kitai meda pengawa nya sigi diripihka enggau chukup badas. Setiap pengawa endang bisi atur iya empu. Penyilap ngereja pengawa tau ngasuh tuju pelian enda pulaika pemanah lalu ngemedis orang ke empu pengawa. Nya alai pengawa tu mesti dikereja enggau bejimat sereta enggau ati ti rurus ngambi pulaika pengerai enggau pemanah rita manang ke ngereja iya. Pia mega ba rangka ke diguna maya belian patut iya diatur enggau meruan mega.

Bansa pelian ke bisi dibantaika ba jurai tu semina mimit aja. Mayuh bansa pengawa manang ti enda ulih kena kenang dalam jurai ke pandak baka tu. Taja pia penulis endang

arapka keretas jurai tu ulih nambahka penemu pemacha kelebihan agi nemiak rebak baru ke nyangka bisi enda ampit meda sekeda budaya aki ini sida. Nangkanka nya jurai tu patut dikerembaika agi nengah pansik ti dalam agi senentang pengawa manang enggau leka pelian. Tu manah kena ngerembaika agi penemu senentang pengarap lama enggau budaya Iban jeman kelua ke enda patut dilengkaka pia aja.

### **KEREBAN SANDING**

- Chemaline Osup. (2011). *Waris daya idup Iban. vol. 1*. Bintulu: Pegari Iban Production.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Iban-Melayu Dewan* (ed. Ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Michael Buma. (1987). *Iban customs and traditions*. Kuching: Borneo Publications.
- Nalong Buda & Johnny Chuat. (2007). *Gerempung jerita tuai bansa Iban*. Bintulu: Pegari Iban Production.
- Robert Menua, Jantan Uambat, Janang Ensiring & Sather, C. (2015). *Pelian* (2nd Ed.). Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Sather, C. (2001). *Seeds of play, words of power: An ethnographic study of Iban shamanic chants*. Kuching: The Tun Jugah Foundation.

## **TEKNIK MODELLING: MENINGKATKAN APLIKASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 GURU PRATIKUM PENGAJIAN BAHASA IBAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SARAWAK**

**MAGDELINE NOR, PhD**

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
magdeline.nor@ipgm.edu.my

### **ABSTRAK**

Guru memainkan peranan secara langsung pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Salah faham yang timbul dalam kalangan guru adalah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 tertumpu kepada penggunaan ICT semata-mata. PAK-21 bukanlah semata-mata berpaksikan teknologi, tetapi lebih menjurus kepada pendekatan PdP yang menggalakkan pembelajaran kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan komunikasi. Dalam konteks pendidikan negara kita, PAK-21 mestilah berasaskan nilai yang menunjukkan kita sebagai warga Malaysia. Kajian tindakan ini menggunakan Teknik Modelling untuk meningkatkan aplikasi pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 guru pratikum Pengajian Bahasa Iban Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. Seramai enam orang guru pelatih yang menjalani pratikum di dua buah sekolah rendah Bandaraya Miri terlibat dalam kajian ini. Data kajian telah dikutip menggunakan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data temu bual ditranskripsi serta ditentukan pola dan tema yang berkaitan. Manakala data pemerhatian dan analisis dokumen juga ditranskripsikan untuk menjadi data sokongan kepada data temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih salah faham bahawa pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 hanya mementingkan penggunaan media dan teknologi. Teknik Modelling didapati dapat meningkatkan aplikasi pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK-21 dalam kalangan guru pratikum dengan memberikan pengalaman secara langsung kepada guru pelatih. Pemahaman yang jelas tentang PAK-21 dapat membantu guru pratikum melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dengan lebih baik.

Kata Kunci: PAK21, guru pratikum, aplikasi pengajaran dan pembelajaran

### **ABSTRACT**

*Teacher plays the direct role of the implementation of 21<sup>st</sup> Century approach in teaching and learning. However, the misconception on the usage of ICT among the trainee teachers occurred in teaching. The 21<sup>st</sup> Century learning emphasized on collaborative, creative, critical thinking and communication too. In Malaysian context, our education focuses on integrating the values in all subject matters. This action research used modelling technique to enhance the application of 21<sup>st</sup> Century teaching and learning among the Iban Languages teacher trainees in Institute of Teacher Education Sarawak. Data collection was done through interview, observation and documents analysis. Meanwhile, the interview data was transcribed to identify the intended pattern and theme as well as the observation and documents analysis. The findings showed teacher trainees misconception that 21<sup>st</sup> Century learning methods used in teaching and learning process. Hence, the modelling techniques could improve the application of 21<sup>st</sup> Century teaching and learning among the Iban language teacher trainees in this campus. Moreover, the understanding of 21<sup>st</sup> Century learning help them to implement the 21<sup>st</sup> Century teaching and learning.*

*Keywords: 21<sup>st</sup> Century Learning, teacher trainee, the application of teaching and learning*



## **PENGENALAN**

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Dengan Kepujian dikhususkan untuk melatih guru dalam pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan guru sekolah rendah yang berijazah. Program pengajian yang ditawarkan adalah bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan dan menyediakan pengalaman bagi membolehkan bakal guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Selain itu, matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru siswazah sekolah rendah yang terlatih, dinamik dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

Kemasukan pelajar ke program PISMP adalah melalui Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang dilaksanakan di IPG KPM. Pelajar dibenarkan meneruskan pengajian ke program ini jika memenuhi lulus semua kursus yang didaftarkan sama ada dalam peperiksaan asal atau ulangan dengan mendapat sekurang-kurangnya 2.00 nilai mata gred di peringkat PPISMP. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dengan kepujian dikendalikan selama empat tahun dalam lapan semester. Sebagai prasyarat, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus Program Persediaan selama 3 semester di Institut Pendidikan Guru (IPG) sebelum mengikut program ini. Program Persediaan telah dipendekkan kepada 2 semester mulai pengambilan Januari 2013 (KPM, 2014). PPISMP dan PISMP dilaksanakan secara Mod Sepenuh Masa di 27 kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara.

Berdasarkan kebitaraan IPG Kampus Sarawak sebagai pusat kecemerlangan pedagogi peribumi dan pengalaman melaksanakan Kursus Dalam Perkhidmatan 6 Minggu Bahasa Iban (KDP6M Bahasa Iban bagi guru-guru yang mengajar Bahasa Iban) maka IPGKS diberi kepercayaan mengendalikan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) – Pendidikan Bahasa Iban Sekolah Rendah mulai 2013.

Pengkaji merupakan seorang pensyarah bahasa Iban yang bertugas di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. Pengkaji bertanggungjawab untuk menyelia guru pelatih PISMP Bahasa Iban Sekolah Rendah yang menjalani pratikum di beberapa buah sekolah rendah dalam bahagian Miri. Pengkaji bertanggungjawab menyelia pratikum pelajar PISMP Bahasa Iban Sekolah Rendah pada bulan Februari hingga April 2019 di tiga buah sekolah rendah dalam PPD Miri. Sepanjang menyelia pratikum enam orang pelajar seliaan selama tiga bulan tersebut, pengkaji dapati pelajar-pelajar seliaannya masih ada keaburan tentang pelaksanaan pengajaran beraraskan PAK21. Pengkaji dapati pelajar-pelajarnya hanya berfokus kepada penggunaan ICT dan beranggapan bahawa penggunaan ICT sudah memadai dalam pelaksanaan pengajaran berkonsepkan PAK21. Namun begitu seperti yang ditegaskan oleh Menteri Pendidikan, PAK-21 bukanlah semata-mata berpaksikan teknologi, tetapi lebih menjurus kepada pendekatan PdPc yang menggalakkan pembelajaran kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan komunikasi.

## **FOKUS KAJIAN**

Tahun 2019 heboh diperkatakan tentang PAK21 sehingga wujudnya pertandingan Adiwira PAK21. Walaupun pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK21 hebat diperkatakan, pengkaji dapati terdapat masalah pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru pelatih di bawah seliaannya semasa pratikum kali pertama semester 6 yang lepas.

### **Pemilihan Fokus Kajian**

Guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia akan menjadi pelaksana pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di sekolah rendah seluruh negara suatu hari nanti. Oleh itu amat penting untuk guru pelatih ini menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Pengkaji yakin jika diberi pendedahan dengan teknik yang mudah, pelajar pratikum Major Bahasa Iban akan menguasai konsep pengajaran dan pembelajaran PAK21 dengan

lebih baik serta efektif. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran PAK21 dipilih sebagai fokus kajian pengkaji.


### Pengumpulan Data Awal

Pengumpulan data awal telah diperoleh semasa bakal guru Major Bahasa Iban menjalani pratikum pertama pada bulan Julai hingga September tahun 2018. Data daripada penyeliaan pengkaji menunjukkan guru pratikum di bawah seliaannya tidak menepati konsep PAK21. Kesemua guru pratikum Major Bahasa Iban seliaan pengkaji gagal untuk menjelmakan kesemua unsur dalam PAK21, iaitu kolaboratif, komunikasi, kreativiti, pemikiran kritis dan nilai murni.

### Tindakan

Pelaksanaan kajian ini dibuat sebagai usaha membantu kefahaman pelajar terhadap konsep PAK21 dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasrat ini selaras dengan Mertier (2006) yang menyatakan bahawa tujuan penyelesaian masalah adalah untuk penambahbaikan amalan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pengkaji telah memilih dan mengubahsuai Model Lewin (1940) dan Laidlaw (1992) untuk melaksanakan penyelidikan ini. Kitaran seterusnya ialah pelaksanaan pengajaran menggunakan konsep PAK21. Kitaran ini berjalan selama 4 bulan, iaitu sepanjang jangka masa kuliah bagi kursus – kursus major bahasa Iban awal semester 2 tahun 2019.

Penyelidikan tindakan ini bermula dengan mengenal pasti aspek amalan yang perlu dibaiki. Setelah diteliti ternyata pelajar-pelajar major bahasa Iban yang diajar menghadapi kesukaran memahami konsep PAK21. Hal ini telah membawa pengkaji kepada kitaran yang kedua, iaitu merancang strategi penggunaan PAK21 dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Seterusnya ialah proses membuat refleksi dan menilai keberkesanan pengajaran menggunakan konsep PAK21 ini. Proses ini berlanjutan hingga ke bulan Oktober 2019 kerana pengkaji terpaksa menunggu keputusan penilaian pratikum pelajar dikeluarkan.



Rajah 1. Adaptasi Model Lewin (1940) dan Laidlaw (1992)

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

- Objektif kajian dilaksanakan adalah untuk;
- mendapatkan maklumat tentang salah faham guru pratikum terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK21.
  - menggunakan Teknik Modelling untuk meningkatkan aplikasi pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK21 dalam kalangan guru pratikum.

Persoalan kajian ini adalah;

- Apakah salah faham guru pratikum terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK21?
- Bagaimanakah Teknik Modelling dapat meningkatkan aplikasi pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK21 dalam kalangan guru pratikum?

## PESERTA KAJIAN

Peserta kajian ini seramai enam orang pelajar PISMP Bahasa Iban Sekolah Rendah. Enam orang pelajar ini merupakan pelajar seliaan pengkaji yang sedang menjalani pratikum mulai 11 Jun 2019 hingga ke 6 September 2019. Seramai empat orang pelajar menjalani pratikum di sekolah SKT dan dua orang lagi pelajar menjalani pratikum di SKLV. Kedua-dua buah sekolah tempat pelajar ini menjalani pratikum berada di pinggir bandaraya Miri.

Jadual 1  
Peserta kajian

Bil	Pelajar	Sekolah	Jantina
1	GA	SKT	Perempuan
2	GJ	SKT	Perempuan
3	GC	SKT	Perempuan
4	GB	SKT	Perempuan
5	BE	SKVL	Lelaki
6	BK	SKVL	Lelaki

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Tindakan yang dijalankan dalam pelaksanaan kajian tindakan ini melibatkan dua fasa, iaitu perancangan kaedah mengumpul data dan perancangan cara menganalisis data. Perancangan mengumpul data telah dilaksanakan selepas pratikum kali pertama selesai, iaitu semasa guru pratikum berada di semester 5. Intervensi menggunakan Teknik Modelling dilaksanakan semester berikut, iaitu sepanjang semester 6. Pengumpulan data dan analisis data pula dilakukan semasa pratikum kali kedua, iaitu semasa mereka berada di semester 7.

### Perancangan Kaedah Mengumpul Data

Pengumpulan data melalui kajian kualitatif akan melibatkan tiga cara, iaitu temu bual sebagai data utama, diikuti analisis dokumen dan pemerhatian sebagai data sokongan kepada data utama.

#### a. Temu bual

Lankshear dan Knobel (2004) mengatakan temu bual adalah sesuatu yang dirancang, interaksi yang diatur antara dua atau lebih orang. Satu pihak akan bertanggungjawab menyoal soalan berkenaan sesuatu topik dan satu pihak atau lebih akan menjawab soalan berkenaan. Temu duga kebiasaannya dijalankan secara bersemuka atau melalui telefon dan akhir-akhir ini melalui email. Temu bual merupakan interaksi bersemuka di antara pengkaji dengan peserta kajian secara langsung untuk mendapatkan maklumat mengenai pengalaman-pengalaman atau situasi yang telah diperhatikan secara mendalam dan untuk

mendapatkan maklumat yang tidak diperolehi melalui pemerhatian (Taylor & Bogdan 1984, Marshal & Rossman 1994).

Menurut Patton (1990) kaedah temu bual membolehkan pengkaji mendapat data seperti yang ditafsirkan oleh peserta kajian serta digambarkan melalui tingkah laku, luahan perasaan, serta pandangan peserta kajian terhadap semua keadaan. Bogdan dan Biklen (1998) berpendapat, temu bual dapat membantu pengertian dan kefahaman mendalam mengenai tafsiran yang dibuat oleh peserta kajian.

Dalam konteks kajian ini, kami akan mengambil beberapa langkah supaya temu bual dapat dijalankan secara berkesan. Antaranya, kami menjadi pendengar yang baik dan membenarkan pelajar menjawab soalan secara interaktif serta menghargai pendapat peserta kajian. Kami juga bersifat berkecuali, iaitu tidak menonjolkan pandangan sendiri serta tidak menunjukkan reaksi tertentu terhadap pandangan peserta kajian. Selain itu, pengkaji sentiasa bertenaga, ceria dan sentiasa menyakinkan pelajar bahawa jawapan mereka dirahsiakan supaya mereka bebas memberi pandangan dan reaksi. Langkah-langkah tersebut adalah selaras dengan saranan Hitchcock dan Hudes (1995) agar pengkaji bersifat berkecuali, bersemangat dan menjaga kerahsiaan peserta kajian kerana kemahiran tersebut akan menentukan pengkaji memperoleh maklumat dengan teliti, mendalam dan tulen (Maykut & Morehouse 1994).

Selain itu, Taylor dan Bogdan (1984) telah menyenaraikan beberapa teknik untuk mencungkil maklumat daripada peserta kajian. Teknik ini boleh digunakan oleh saya semasa menjalankan temu bual. Antara teknik yang dicadangkan oleh mereka adalah:

1. Mengemukakan soalan-soalan khusus.
2. Menggalakkan peserta kajian menghuraikan dan memperjelaskan pengalaman dengan terperinci.
3. Mendapatkan kepastian dari peserta kajian.
4. Meminta contoh-contoh mengenai apa yang dimaksudkan oleh peserta kajian.

Creswell (2002) mengatakan temu bual merupakan proses pengkaji menyoal seorang atau lebih peserta kajian dalam kajiannya dengan menggunakan soalan terbuka (*open-ended questions*) dan merekod jawapan mereka. Creswell telah menyenaraikan tiga jenis temu bual, iaitu temu bual berstruktur (*structured interviews*), temu bual tidak berstruktur (*unstructured interviews*) dan temu bual separa berstruktur (*semi-structured interviews*). Temu bual akan direkod dengan tiga cara yang utama iaitu, melalui catatan nota, rakaman audio, dan rakaman video (Lankshear & Knobel 2004). Catatan nota membolehkan pengkaji membuat rekod yang tahan lama tentang apa yang dikatakan oleh orang yang ditemu bual dan cara mereka mengatakannya. Manakala rakaman audio dan rakaman video pula membolehkan pengkaji mendapat intonasi, kualiti suara, keraguan, pembetulan diri, dan sebagainya. Rakaman video juga boleh menunjukkan isyarat badan, ekspresi, pergerakan badan dan penerimaan semasa temu bual dijalankan.

Kajian ini menggunakan temu bual berstruktur. Oleh itu, satu set inventori protokol temu bual telah disediakan untuk dijadikan panduan semasa temu bual berlangsung. Inventori protokol temu bual adalah borang yang dibina oleh pengkaji yang mengandungi arahan proses temu bual, soalan yang akan ditanya dan ruang untuk membuat catatan jawapan peserta kajian yang ditemu duga (Creswell 2002). Rekod yang tepat dan menyeluruh berkaitan jawapan-jawapan peserta kajian dibuat mengikut saranan Azizi dan rakan-rakan (2007). Oleh itu, rakaman digunakan supaya kami dapat fokus kepada penyoalan kerana tidak perlu mengambil nota. Sebelum temu bual dijalankan, kamitelah memaklumkan penggunaan alat rakaman dan memohon kebenaran daripada pelajar untuk merakamkan sesi temu bual yang akan dijalankan. Hal seumpama ini perlu dilakukan supaya tidak menimbulkan keadaan kurang selesa kepada peserta kajian sepanjang sesi temu bual berlangsung (Azizi et al 2007).

#### **b. Analisis dokumen**

Creswell (2002) mengatakan dokument merangkumi rekod umum dan sulit yang boleh memberi maklumat tentang kawasan dan peserta kajian. Dokument tersebut termasuklah surat khabar, minit mesyuarat, jurnal persendirian dan surat. Creswell (2009) menekankan

bahawa dokumen menjadi sumber data yang berguna kerana dokumen menyediakan data dalam bentuk bahasa dan juga perkataan peserta kajian itu sendiri. Beliau menyatakan bahawa data yang diperoleh dari dokumen sedia untuk dianalisis tanpa perlu melaksanakan proses transkripsi.

Lankshear dan Knobel (2004) telah meluaskan lagi dokumen-dokumen yang boleh dianalisis. Mereka telah mengkategorikan data bertulis merangkumi maklum balas terhadap borang kajian dan soal selidik, buku teks atau sumber sekolah yang bercetak, bahan dari media, hasil kerja sastera dan kesenian, dan pelbagai teks (label, menu, amaran dan lain-lain lagi). Analisis dokumen amat perlu dilaksanakan dalam penyelidikan tindakan ini. Analisis dokumen yang digunakan berkaitan proses pengajaran guru adalah merupakan kaedah untuk mendapatkan data bagi menyokong maklumat yang diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian bagi tujuan triangulasi (Merriam 1998). Merriam berpendapat, penganalisan dokumen yang digunakan guru dalam pengajaran seperti sukatan pelajaran, buku persediaan mengajar, minit mesyuarat dan soalan-soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan atau latihan kerja rumah akan membolehkan pengkaji mempelajari lebih tentang situasi, manusia atau situasi yang disiasat.

Miles dan Huberman (1994) berpendapat melalui penganalisan dokumen, pengkaji boleh membuat perbandingan dan pengesahan apa yang telah dilakukan atau diperkatakan dalam kajian. Dalam lain perkataan, analisis dokumen digunakan untuk membuat perbandingan dan pengesahan data yang diperoleh melalui temu bual dan juga pemerhatian pengajaran guru. Oleh itu, kami akan mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan daripada pelajar untuk digunakan membuat perbandingan dan juga pengesahan data yang didapati melalui temu bual.

### **c. Pemerhatian**

Pemerhatian adalah proses mengumpul data daripada sumber pertama (*first-hand*) dengan membuat pemerhatian terhadap peserta kajian dan tempat di kawasan kajian (Creswell 2002). Lankshear dan Knobel (2004) mengatakan data pemerhatian merupakan maklumat yang diperoleh melalui pemerhatian terhadap kehidupan harian peserta kajian secara sistematik dan memerhatikan aktiviti yang diberitahu. Pengkaji memerhati dengan teliti dan akan membuat rekod yang teliti berdasarkan perkara yang pengkaji lihat. Kajian kualitatif tidak lengkap jika tidak ada pemerhatian. Hal ini kerana, pemerhatian membawa kefahaman yang lebih mendalam daripada temu bual. Berbeza dengan temu bual, pemerhatian akan memberi pengetahuan dalam konteks perkara itu berlaku dan membolehkan pengkaji melihat perkara yang peserta kajian tidak sedar atau ingin bincangkan (Patton 1990).

Sehubungan itu, kajian ini menjalankan pemerhatian tanpa turut serta (*non-participant observations*). Pemerhatian tidak turut serta bermaksud pengkaji menjarakkan diri daripada konteks yang diperhatikan (Lankshear & Knobel 2004). Creswell (2002) berpendapat pemerhatian tanpa turut serta bermaksud pemerhati melawat kawasan kajian dan mencatat rekod tanpa melibatkan diri dalam aktiviti peserta kajian. Pemerhati tanpa turut serta dianggap sebagai orang luar yang hanya duduk membuat pemerhatian serta merekod aktiviti. Pengkaji akan membuat pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran guru pelatih yang menjadi peserta kajian ini. Terlebih dahulu, pengkaji akan bertemu dengan peserta kajian dan memaklumkan tujuan dan prosedur kajian yang akan dijalankan. *Letter of consent* hanya akan ditandatangani apabila peserta kajian telah memahami kehendak pengkaji. Tujuannya supaya peserta kajian lebih bekerjasama sepanjang kajian dijalankan (Zaidah 2005).

Pengkaji akan membuat pemerhatian pengajaran sekurang-kurangnya empat kali bagi setiap peserta kajian ini. Ini selaras dengan saranan Merriam (1998) yang mengatakan bahawa penglibatan yang lama oleh pengkaji di dalam pemerhatian tingkah laku akan menghasilkan maklumat yang boleh dipercayai. Pengkaji yang lain seperti Ahmad Yunus (2011) telah membuat tiga kali pemerhatian. Manakala Rosnidar Mansor (2011) dan Yusminah Mohd Yusof (2012) pula telah melakukan jumlah pemerhatian yang berbeza-beza bagi setiap peserta kajian gurunya.

## **Perancangan Cara Menganalisis Data**

Data kajian meliputi data yang diperoleh pengkaji melalui kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Data yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian adalah data bersuara. Lankshear dan Knobel (2004) mengatakan penganalisan data bersuara (*spoken data*) memerlukan pengkaji menukar dulu data bersuara ke bentuk teks atau transkrip. Oleh itu, semua data rakaman audio dan video yang diperoleh dari semua peserta kajian akan diubah kepada teks atau transkrip.

Transkrip merupakan persembahan interaksi verbal ke dalam bentuk visual. Oleh itu, bentuk dan corak perbualan hendaklah dikekalkan dalam bentuk tulisan. Dalam lain perkataan, perbualan tidak ditulis dalam bentuk perenggan tetapi dalam bentuk dialog (Lankshear & Knobel 2004). Semua temu bual yang dijalankan oleh pengkaji ditulis dalam bentuk dialog untuk mengekalkan keaslian kata-kata yang ditranskripkan.

Secara keseluruhannya, analisis data melibatkan tiga tahap, iaitu penapisan data, persembahan data, dan membuat kesimpulan serta pengesahan (Mile & Huberman 1994). Pada tahap penapisan data, pengkaji akan membuat proses memilih, memfokus, mengabstrakkan dan mensintesis data yang didapati melalui pelajar. Tahap ini juga, kami akan membuat transkripsi dan menyemak nota-nota yang telah diperoleh sebelum ini. Tahap kedua pula melibatkan persembahan data untuk melihat pola, tema dan fenomena yang dikaji. Proses ini melibatkan kami menyusun, mengekodkan maklumat temu bual mengikut tema-tema khusus berdasarkan keperluan persoalan kajian. Maklumat temu bual akan ditentukan kesesuaiannya sama ada dikelompokkan sebagai tema utama atau sebagai penggenap kepada dapatan analisis dokumen. Tahap ketiga melibatkan proses membuat kesimpulan dan pengesahan data yang telah diperoleh. Kami meneliti data berdasarkan kategori tema untuk melihat pola dan seterusnya membuat rumusan berdasarkan dapatan. Kesemua proses tersebut dilakukan kepada semua pelajar sehingga proses pengumpulan data tamat, iaitu apabila kami mendapati data yang dikumpul sudah sampai tahap tepu. Merriam (1998) merujuk data tepu sebagai satu situasi data yang dikumpul tidak lagi menyumbang kepada penemuan kategori baharu.

Dokumen yang digunakan semasa pengajaran dianalisis untuk membuat perbandingan dari segi kandungan dan sifat-sifatnya dengan data temu bual. Tujuannya adalah untuk memperkukuhkan lagi dapatan temu bual. Dokumen yang dianalisis termasuklah kerja kursus individu dan kumpulan, fail kursus pelajar, nota pelajar dan jawapan kuiz.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini dipaparkan berdasarkan dua soalan kajian ini. Pertama tentang dapatan salah faham guru pratikum terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK21. Kedua pula tentang keberkesanan Teknik Modelling meningkatkan aplikasi pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK21 dalam kalangan guru peratikum.

### **Salah Faham Guru Pratikum Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berkonsepkan PAK21**

Pengumpulan data awal melalui temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian telah dilaksanakan mulai bulan Julai hingga Oktober tahun 2018, iaitu semasa mereka menjalani pratikum kali pertama. Melalui data tersebut, pengkaji telah mengenalpasti beberapa salah faham yang berlaku dalam kalangan guru pratikum yang menjadi responden kajian ini.

#### **a. Anggapan PAK21 ialah pengajaran berpaksikan ICT / TMK**

Dapatan melalui pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran serta analisis rancangan pengajaran harian guru pratikum Major Bahasa Iban menunjukkan bahawa mereka menganggap pengajaran dan pembelajaran hanya berpaksikan ICT. Kesemua guru pratikum memikirkan bahawa mereka telah melaksanakan PAK21 oleh kerana mereka menggunakan alat ICT semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

“...ya, saya guna PAK21. Tiap kali mengajar saya guna laptop dan LCD”  
BE/TB/A/1

“Saya memang mengajar secara PAK21. Saya sentiasa guna power point bila mengajar”  
GC/TB/A/1

“PAK21 ajar guna komputer kan? Ada...ada saya guna”  
GA/TB/A/1

“...er...er..saya kurang jelas. Ajar guna komputer semasa mengajar dah kira PAK21 kot.”  
BK/TB/A/1

“Saya masih keliru tentang PAK21. Tapi tau mesti guna komputer.”  
GJ/TB/A/1

“Tau, PAK21 tu pengajaran berbantuan komputer. Saya cuba guna komputer bila mengajar walaupun susah nak guna dalam kelas saya.”  
GB/TB/A/1

**b. Kurang pasti jumlah elemen PAK21 yang diperlukan dalam pengajaran**

PAK21 merangkumi kolaborasi, komunikasi, kreativiti, pemikikiran kritis dan nilai murni (4C1V). Maknanya pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan PAK21 harus mengandungi kesemua elemen tersebut. Walau bagaimanapun, peringkat awalnya kesemua guru pratikum tidak menggunakan semua elemen PAK21. Dapatan analisis dokumen persediaan mengajar dan juga pemerhatian menunjukkan guru pratikum hanya menggunakan dua atau tiga elemen sahaja. Apabila ditriangulasi dengan dapatan temu bual, perkara yang sama berlaku. Guru pratikum menyatakan mereka kurang pasti jumlah elemen PAK21 yang diperlukan dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran.

“Saya selalu guna dua..ya dua. Kolaborasi dan komputer”  
BK/TB/B/1

“...er..guna semua. Ada saya guna semua. Bila mengajar saya memang ada kerja kumpulan dan juga menggunakan komputer.”  
GB/TB/B/1

Dapatan temu bual juga menunjukkan terdapat guru pratikum yang tidak mengetahui PAK21 merangkumi beberapa elemen kerana menganggap bahawa pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer telah memadai. GC menyatakan bahawa “menggunakan komputer dah PAK21 ler tu. Asal guna komputer...er..teknologi, PAK21 ler kan?” Manakala tiga orang guru pratikum lagi berterus terang mengatakan bahawa mereka kurang pasti tentang jumlah elemen PAK21 sebelum ini.

**c. Keliru tentang penggunaan Kad *Traffic Light* dan Peta I-think**

Kad *Traffic Light* digunakan sebagai salah satu cara mengesan kefahaman murid terhadap topik yang diajar guru. Peta I-Think pula digunakan untuk merumuskan idea atau isi-isi penting supaya lebih mudah untuk difahami. Walau bagaimanapun guru pratikum salah anggap bahawa Kad *Traffic Light* dan Peta I-Think sebagai salah satu elemen PAK21. Perkara ini dikesan melalui analisis dokumen yang dilakukan oleh pengkaji. Dua guru pratikum menulis Kad *Traffic Light* dan Peta I-Think sebagai elemen PAK21.

“...saya sentiasa guna PAK21. Selalu guna kad, eh sentiasa guna kad warna merah, hijau dan kuning tu. *Traffic Light*..Kad *Traffic Light*”  
GA/TB/C/1

“...PAK21, saya guna Peta I-Think. Saya sedia Peta I-Think dan minta murid isi saja.”  
GC/TB/C/1

**d. Tidak tahu hubungan KBAT dengan konsep kritis dalam PAK21**

Guru pratikum berusaha untuk menggunakan KBAT dalam pengajaran mereka. Analisis dokumen menunjukkan bahawa keenam-enam guru pratikum menulis sekurang-kurangnya satu soalan KBAT dalam Rancangan Pengajaran Harian mereka. Malah guru pratikum BE kerap menggunakan soalan KBAT sepanjang sesi pengajaran mereka. Walau bagaimanapun semasa temu bual awal dengan semua guru pratikum yang terlibat dalam kajian ini, didapati mereka tidak memahami sebab unsur KBAT penting dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

“saya sentiasa bina soalan KBAT sebab wajib.”

GB/TB/D/1

“KBAT ada, ada buat. Guru pembimbing pun ada suruh buat”

GJ/TB/D/1

Guru pratikum membina soalan KBAT sebab memikirkan bahawa perkara tersebut wajib tanpa mengetahui sebab soalan KBAT sangat perlu diadakan. Malah terdapat guru pratikum yang berterus terang mengatakan mereka keliru tentang pelaksanaan soalan KBAT.

“Saya masih keliru mana nak kemukakan soalan KBAT. Berapa jumlah soalan KBAT yang perlu dibina pun saya masih kurang pasti.”

GA/TB/D/1

“...terus terang saya kurang jelas. KBAT ni elemen PAK21 ke?”

BK/TB/D/1

**Teknik Modelling Dapat Meningkatkan Aplikasi Pengajaran Dan Pembelajaran Berkonsepan PAK21 Dalam Kalangan Guru Pratikum**

Teknik Modelling telah dilaksanakan pada bulan Januari hingga Mei 2019, iaitu semester berikutnya selepas mereka selesaikan pratikum kali pertama. Pengkaji mengajar dua kursus kelas mereka, iaitu Pengenalan Linguistik dan Sociolinguistik. Pengkaji mengambil kesempatan mengajar kelas mereka dengan menggunakan PAK21. Mereka bukan hanya didedahkan dengan pelbagai strategi, kaedah dan teknik pengajaran PAK21 tetapi mereka juga berpeluang merasa sebagai murid yang belajar dalam kelas berunsurkan PAK21. Pratikum kali kedua pada bulan Julai hingga September 2019, mereka telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran PAK21.

Dapatan melalui pemerhatian menunjukkan bahawa keenam-enam mereka telah melaksanakan PAK21 dengan lebih baik berbanding dengan pratikum kali pertama dahulu. Rumusan pelaksanaan PAK21 mereka boleh dilihat di dalam Jadual 2.

Jadual 2  
Perlaksanaan Elemen PAK21 Guru Pratikum

	Pemerhatian 1	Pemerhatian 2	Pemerhatian 3	Pemerhatian 4
Kolaborasi	6	6	6	6
Komunikasi	6	6	6	6
Kreativiti	4	5	6	5
Pemikiran Kritis	2	4	4	4
Nilai	1	6	6	6

Pemerhatian telah dibuat sebanyak empat kali, iaitu semasa pengkaji datang membimbing mereka di sekolah masing-masing. Pemerhatian kali pertama menunjukkan kesemua guru pratikum menekan penggunaan elemen kolaborasi dan komunikasi. Hal ini dijelmakan melalui kerja berkumpulan dan juga pembentangan hasil kerja kumpulan. GA, GJ, GB, dan BK mula melaksanakan pengajaran yang dapat mencungkil kreativiti murid tetapi



BE dan GC tidak ada aktiviti yang dapat mencungkil kreativiti murid. Dua orang guru pratikum sahaja yang menekankan pemikiran kritis dengan soalan KBAT yang mereka bina dan soal. Manakala empat orang lagi ada membina soalan KBAT di dalam Rancangan Pengajaran Harian tetapi tidak disoal semasa sesi pengajaran. Kesemua guru pratikum ada menulis nilai murni di dalam Rancangan Pengajaran Harian mereka tetapi hanya seorang sahaja yang menyebut nilai murni yang ditulis kepada murid-murid semasa sesi pengajaran. Dapatan pemerhatian dan analisis dokumen menunjukkan guru pratikum mula melaksanakan PAK21. Pemerhatian kali kedua, ketiga dan keempat menunjukkan peningkatan pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru pratikum Major Bahasa Iban.

Melalui dapatan temu bual, pengkaji mendapati kekeliruan tentang penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran. Lima orang guru pratikum tersebut menyatakan bahawa mereka “tidak ingat” bahawa nilai murni perlu disebut semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Elemen kritis pula gagal dijalankan sepenuhnya kerana faktor murid.

“Murid saya ada yang tidak pandai bahasa Iban, soalan senang pun mereka tidak faham. Jika soalan KBAT lagilah mereka tidak pandai.”

KB/TB/2A/1

“Murid saya lemah, mereka bukan kelas depan. Jika tanya soalan KBAT memang tak pandai jawab.”

GA/TB/2A/1

Triangulasi dapatan kajian melalui temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian menunjukkan peningkatan aplikasi pengajaran dan pembelajaran PAK21 dalam kalangan guru pratikum Major Bahasa Iban. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa Teknik Modelling telah membantu guru pratikum untuk lebih memahami pelaksanaan PAK21.

“Lepas kita cuba sendiri dalam kelas semester lepas, saya lebih faham. Saya memang tiru semua PAK21 yang kita buat dalam kelas dulu tu.”

GJ/TB/2B/1

“Saya faham sudah. Dulu ingatkan guna computer...er laptop dan LCD saja dah cukup. Sekarang tau, mesti guna semua elemen.”

GB/TB/2B/1

“Sekarang memang buat dah PAK21. Mudah. Dulu ingat susah, dah faham baru tau senang. Saya ikut yang kita buat dalam kelas. Ada juga Tanya guru pembimbing.”

BE/TB/2B/1

“Kita buat PAK21 kelas Pengenalan Linguistik dan Sociolinguistik dulu memang membantu. Saya ikut seperti, er...a..ada juga saya ubah suai.”

GA/TB/2B/1

Malah ada dalam kalangan guru pratikum mengakui mereka sentiasa melaksanakan PAK21 sebab murid sangat seronok belajar. Murid yang takut bercakap di hadapan kelas sudah mula yakin untuk membenteng di hadapan rakan-rakan yang lain.

“Saya sentiasa buat PAK21, murid saya suka. Dulu takut bercakap di hadapan, sekarang mereka dah boleh. Saya atur mereka cakap di hadapan...er saya bimbing.”

BE/TB/2B/2

“Saya selalu bawa *microphone* dan *speaker* kecil ke dalam kelas. Mereka suka, berebut-rebut nak bercakap guna mic! Ha ha ha ha..lucu.”

BK/TB/2B/1

Walau bagaimanapun dapatan melalui temu bual menunjukkan bahawa guru pratikum masih agak sukar untuk mengaplikasikan pemikiran kritis. Guru pratikum mengatakan bahawa mereka terpaksa mengubah aras soalan kerana murid tidak dapat menjawab soalan KBAT. Hanya guru pratikum yang mengajar kelas pandai sahaja tidak ada masalah menjelmakan pemikiran kritis dalam kalangan murid.

“Saya tidak ada masalah melaksanakan KBAT. Murid saya kelas pandai, mereka boleh jawab soalan KBAT saya. Kadang-kadang mereka yang Tanya soalan KBAT. Tu hari tu..dua murid yang salu bertanya tu. Mereka berdua tu memang suka bertanya. Kadang-kadang saya sendiri pun susah nak jawab.”

BE/TB/2B/3

“Tak boleh, tak kritis. Susah nak jelmakan pemikiran kritis. Murid saya lemah, ada beberapa orang buta huruf tu. Walaupun anak Iban, Tanya soalan susah sikit dalam Bahasa Iban pun tak boleh jawab.”

GC/TB/2B/2

## REFLEKSI

Peringkat Institut Pendidikan Guru belum ada menawarkan kursus berkenaan PAK21 secara langsung kepada guru pelatih. Walau bagaimanapun guru pelatih ada didedahkan tentang PAK21 melalui bengkel yang dikendalikan oleh pihak IPG masing-masing. Pihak IPG bersetuju dengan pendapat Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018) yang menyatakan bahawa guru pelatih perlu didedahkan kepada pelaksanaan PdPc PAK21. Ternyata setakat menghadiri bengkel PAK21 belum cukup untuk guru pelatih benar-benar memahami konsep PAK21.

Dapatan kajian awal menunjukkan guru pelatih yang menjalani pratikum belum dapat membuat aplikasi PAK21 di dalam kelas masing-masing. Guru pratikum tidak dapat menggunakan peluang mengikuti latihan mengajar ini sebagai medan bagi mereka untuk mempraktikkan teori-teori yang mereka pelajari dalam kuliah dan membina model pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kerana belum benar-benar memahami PAK21. Kegagalan awa guru pratikum ini berpunca daripada kurang pengetahuan serta kurang memahami tentang PAK21 sehingga timbul beberapa salah anggap dalam kalangan guru pratikum Major Bahasa Iban.

Bagi membina dan mempraktikkan model PdPc yang berkesan, guru pratikum seharusnya disediakan dan mempunyai kemahiran abad ke- 21 meliputi pembelajaran dan kemahiran inovasi (*Learning and innovation skills*), kemahiran maklumat, media dan teknologi (*Information, media and technology skills*), kemahiran hidup dan kerjaya (*Life and career skills*) yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kemahiran-kemahiran ini boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc) dalam kelas melalui ciri-ciri atau konsep “4C”, iaitu kreativiti (*creativity*), pemikiran kritis (*critical thinking*), kolaborasi (*collaborative*) dan komunikasi (*communication*) yang juga sebahagian elemen PAK21 (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018).

Guru pratikum sangat perlu diberi pendedahan awal tentang pelaksanaan PAK21 supaya apabila berada di sekolah mudah untuk mereka mengaplikasikan PAK21. Perkara ini pernah disebut oleh Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018) yang turut menyarankan agar guru pelatih didedahkan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Hal ini sedemikian kerana untuk mencapai elemen pemikiran kritis, murid-murid hendaklah dirangsang dengan soalan-soalan KBAT. Perkara ini dianggap penting kerana pembelajaran tanpa penekanan aspek pemikiran kreatif dan kritis akan menyebabkan PdPc guru menjadi tidak efektif (Faedah dan Saemah (2011).

Setelah melalui pelaksanaan Teknik Modelling selama satu semester, guru pratikum dapat mengaplikasikan PAK21 di dalam kelas masing-masing. Teknik Modelling ini berjaya kerana seorang guru pratikum memerlukan lebih daripada sekadar mengetahui teori-teori berkenaan PAK21. Menurut Rohani dan rakan-rakan (2017) pengetahuan yang diterima guru

daripada pembelajaran formal hanya berperanan sebagai panduan asas kepada guru kerana di dalam pembelajaran formal tidak menceritakan tentang konteks pengajaran dan pembelajaran berlaku. Teknik Modelling ini membantu guru melalui kearifan profesional untuk memudahkan guru membuat integrasi pengetahuan pratikal dalam melaksanakan aktiviti PAK21. Pengetahuan pratikal semasa pelaksanaan Teknik Modelling tersebutlah yang memberikan guru pratikum celik akal serta kebolehan untuk merancang dan seterusnya melaksanakan PAK21 dengan baik.

Pengajaran bercorak PAK21 mampu menarik minat murid terhadap pengajaran guru kerana lebih menarik dan juga memberi lebih banyak peluang kepada murid untuk menonjolkan potensi diri. Hal ini selari dengan dapatan pengkaji sebelum ini, iaitu Anun Rahman dan rakan-rakan (2017) yang menyatakan pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi dan pencapaian pelajar.

Penggunaan teknologi oleh guru pratikum semasa aplikasi PAK21 menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih mudah kerana masyarakat abad ke-21 merupakan masyarakat yang berorientasikan sains dan teknologi serta menggunakan teknologi terkini dalam kehidupan (Zamri & Mohamed Amin, 2005). Teknologi bertindak sebagai pelengkap PAK21 kerana Bukley dan Smith (2008) pernah menyatakan bahawa untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menyelesaikan masalah, penggunaan simulasi multimedia semasa proses PdPc perlu ditekankan. Malah dapatan Abdul Razak (2015) menunjukkan bahawa terapi media boleh meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Teknik Modelling dapat meningkatkan aplikasi pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan PAK21 dalam kalangan guru pratikum. Oleh itu dicadangkan bahawa Teknik Modelling akan diteruskan untuk pelajar yang lain sejak pelajar berada di PPISMP. Pendedahan awal PAK21 menggunakan Teknik Modelling akan memberi pelajar lebih masa untuk meneroka dan menguasai strategi, teknik dan kaedah PAK21. Pada masa yang sama pelajar dapat mencipta dan mengumpul bahan-bahan pengajaran yang sesuai mereka gunakan untuk melaksanakan PAK21 semasa menjalani pratikum kali pertama semester yang akan datang.

PAK21 bukan sesuatu yang susah untuk dilaksanakan apabila guru memahami kehendak sebenar PAK21. Jika diteliti lima elemen PAK21, iaitu kolaborasi, komunikasi, kreativiti, pemikiran kritis dan nilai murni bukanlah sesuatu yang baru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Elemen-elemen tersebut memang telah digunakan berdekad yang lalu tetapi tidak secara teratur dan bersistem seperti PAK21. Oleh itu, aplikasi PAK21 amat mudah dilakukan terutama sekali selepas guru pratikum melalui pelaksanaan Teknik Modelling.

## RUJUKAN

- Abdul Razak bin Mohd Nawi. 2015. Pendidikan Abad Ke -21: Pengintegrasian Terapi Media Dalam Membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Proceeding 6<sup>th</sup> Pedagogy International Seminar 2015. Portal Jurnal Universitas Pendidikan Indonesia Jilid 11 Halaman 425-829.
- Ainun Rahman Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzana Wan Mohamad. 2017. Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.7, Bil.2 (Nov 2017): 77-88
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. 2007. *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis dan interpretasi data*. PTS Professional, Kuala Lumpur.
- Babbie, E. 1992. *The practice of social science research*. 6<sup>th</sup> ED. California: Waddsworth.

- Baharuddin Bin Jabar. 2006. Perspektif Pelajar Terhadap Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes Nr Daerah Hilir Perak. <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints> (28 September 2016).
- Bogdan, R.C & Miklen, S.K. 2003. *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Creswell, J.W. 2002. *Educational Research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Education, Inc. New Jersey.
- Creswell, J.W. 2007. *Qualitative Inquiry and Research Design*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Creswell, J.W. 2009. *Research Design. Qualitative Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Los Angeles: Saga Publication.
- Hudgins, B. B. Edelman, S. 1988. Children's Self-Directed Critical Thinking. *Journal of Educational Research*, 81, 261 - 273.
- James Ang Jit & Lim Siew Ngen. 2019. Guru Sebagai Pakar: Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. PTS Media Group Sdn Bhd, Batu Caves.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Transformasi Pratikum IPG : Bertema, Pementoran Berstruktur dan e-Praktikum*. Institut Pendidikan guru Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012a. *Manual Pentaksiran Psikometrik*. Lembaga Peperiksaan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian*. Institut Pendidikan Guru Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Modul Latihan Transformasi Pratikum IPG*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Marlina Ali & Shaharom Noordin. 2006. *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Di Kalangan Pelajar pendidikan Fizik Merentas Jantina*. Buletin Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor Jilid 15 Bil. 1 Tahun .
- Milles, M.B & Huberman, A.M. 1994. *Qualitative data analysis*. Beverly Hills: C.A. Sage.
- Milles, M.B & Huberman, A.M. 1994. *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods (2<sup>nd</sup> ed)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Nickerson, R. S., Perkins, D. N. & Smith, E. E. 1985. *The teaching of thinking*. New Jersey: Lawrence Elbaum Associates.
- Sternberg, R. J. 1997. *Thinking styles*. New York: Cambridge University Press.
- Onosko, J. J, & Newmann, F. M. 1994. Creating More Thoughtful Learning Environment. *in J. Mangieri & C. C. Blocks (Eds.)*. Creating Powerful Thinking In Teachers And Students Diverse Perspectives. Forth Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. 2018. Aplikasi 'Konsep 4C' Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal, Volume 1, Issue 1 (2018), PP 45-65*.
- Rajendran, N.S. 2000. *Kesusasteraan Sebagai Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir*. Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan 2000 anjuran Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan, dari 3 hingga 4 Oktober.
- Rajendran, N.S. 2001. Pengajaran Kemahiran Aras Tinggi : Kesiediaan guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran. Muat turun [narajendran.tripod.com/ Papers/ PPK12001A.pdf](http://narajendran.tripod.com/Papers/PPK12001A.pdf)
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad. 2017. Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia 42 (1): 1-11*
- Tee Tze Kiong. 2013. Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Dan Peta Minda Buzan Bagi Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Muat turun <http://eprints.uthm.edu.my>.
- Zevin, J. 1995. *A guide on classroom testing (with emphasis on higher order questioning)*. UNESCO Participation Programme (Project No: 8152). Kuala Lumpur: Ministry of Education.

## PERSEPSI MAHASISWA TERHADAP GOLONGAN LGBT DI KAMPUS

**FAKHRUL AIN MUHARAM<sup>1</sup>, KU SHAILA KU JOHARI<sup>2</sup>, PhD**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor.  
<sup>1</sup>fakhrulain@gmail.com

### ABSTRAK

Golongan LGBT di Malaysia kian meningkat saban tahun tidak kurang juga peningkatannya di dalam kampus. Kajian ini bertujuan untuk meneroka persepsi mahasiswa terhadap golongan LGBT di sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temubual berstruktur. Hasil daripada temubual ditranskription untuk dianalisis secara tematik. Sampel kajian dipilih menggunakan teknik persampelan rawak strata seramai 6 orang responden yang mana 3 berbangsa Melayu, 2 Cina dan 1 India. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat tema yang berjaya dikeluarkan oleh pengkaji iaitu pengetahuan, kesedaran, pandangan dan sikap prihatin mahasiswa terhadap golongan LGBT di kampus. Implikasi kajian ini boleh digunakan kepada para kaunselor, ibu bapa, pendidik dan mahasiswa untuk bersama berganding bahu memulihkan golongan yang menyeleweng dari norma masyarakat di Malaysia ini.

Kata kunci: Persepsi mahasiswa, LGBT.

### PENGENALAN

Populasi golongan gay di Malaysia pada tahun 2018 mencatatkan seramai 310,000 orang berbanding 173,000 orang yang dicatatkan pada 2013, iaitu peningkatan hampir sekali ganda dalam tempoh lima tahun. Manakala golongan transgender pula merekodkan peningkatan kepada 30,000 individu pada tahun 2018 berbanding seramai 10,000 pada tahun 1988 (Berita Harian 2018). Peningkatan golongan ini dalam masyarakat Malaysia menunjukkan bahawa masyarakat semakin didedahkan dengan gejala ini. Hal ini berlaku kerana gelombang budaya barat berideologi sekularisme yang terlalu mudah menular masuk ke dalam diri masyarakat seterusnya mempengaruhi minda dan tingkah laku seseorang (Adibah et al. 2017). Bahkan, golongan ini semakin berani dan lantang dalam memperjuangkan hak mereka.

Kewujudan budaya homoseksual banyak dikaitkan dengan keadaan sosial dan peranan media massa yang mempengaruhi masyarakat dunia dan Malaysia sendiri. (Amran Hassan & Salleh Amat, 2015). Istilah LGBT adalah Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender. Istilah LGBT ini juga telah berkembang kepada LGBTQ iaitu singkatan kepada lesbian, gay, bisexual, transgender dan queer (Jacob & Arguilar 2007). Queer ini adalah golongan yang memayungi semua kategori di bawah orientasi seksual. Seterusnya istilah LGBT juga berkembang kepada LGBTIQ pula merujuk kepada istilah intersexual iaitu golongan khunsa. (Siti Hajar Jamal, 2018). Hubungan ini dianggap sebagai sebuah hubungan yang terlarang kerana ia terpesong daripada norma masyarakat yang wajar, bahkan semua agama menentanginya. Homoseksual merupakan satu gaya hidup jantina sejenis yang menyukai antara satu sama lain dalam pergaulan, corak hidup, dan unsur-unsur seksualiti sejenis (Syarifah Rohaniah, 2011). Roseliza Murni (2003) pula menjelaskan bahawa kecelaruan identiti jantina ini dikaitkan dengan teori psikodinamik dan teori pembelajaran yang berkemungkinan besar dipengaruhi oleh keadaan psikologikal dan keluarga serta kecenderungan biologi yang sedikit sebanyak menyumbang kepada keadaan sebegini. Peningkatan golongan LGBT ini mempunyai banyak kesan negatif dari sudut kesihatan dan sosial berbanding kesan positif.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada perkembangan golongan ini dalam masyarakat Malaysia. Kajian oleh Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat dan Jas Laile Suzana Jaafar (2012) mendapati peranan rakan dan media sangat penting dalam penyebaran budaya transeksual di kalangan responden. Manakala imaginasi dan identifikasi yang diberikan oleh responden terhadap diri mereka, iaitu sebagai wanita, memudahkan mereka menerima gaya hidup transeksual. Manakala kajian oleh Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S, (2015) pula menunjukkan faktor dominan yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dengan gejala lesbian adalah apabila golongan remaja amat lemah dalam amalan keagamaan. Selain daripada itu, faktor keluarga, rakan-rakan dan faktor pasangan sejenis yang memahami antara satu sama lain turut menjadi punca kepada kegiatan ini.


Nancy J. Evans dan Todd K. Herriott (2004) dalam kajian yang ingin melihat bagaimana persepsi pelajar terhadap pelajar yang terlibat dalam LGBT mendapati responden pada awalnya mempunyai tanggapan yang tidak baik dan sering mempersoalkan mengapa golongan ini terlibat dalam LGBT. Tetapi setelah terlibat dalam kajian ini, responden lebih menyedari nilai-nilai dalam diri mereka sendiri, identiti, dan pola interaksi yang berkaitan dengan orientasi seksual diri sendiri dan orang lain. Bahkan, responden semakin mengambil tindakan untuk menjadi lebih terlibat dalam aktiviti yang melibatkan golongan LGBT dan menyokong pelajar yang terlibat dalam LGBT. Terdapat pelbagai persepsi dan tanggapan masyarakat terhadap golongan LGBT ini di Malaysia. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengetahui apakah persepsi pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di UKM terhadap golongan LGBT.

## METODOLOGI

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual berstruktur. Sampel kajian terdiri daripada 6 orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dengan menggunakan teknik persampelan rawak strata. Hasil temu bual telah ditranskrip, dan seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka persepsi mahasiswa tentang golongan LGBT di kampus. Data daripada temu bual oleh 6 orang responden memberi gambaran menyeluruh tentang persepsi mereka terhadap golongan LGBT di kampus. Hasil dapatan kajian, pengkaji telah mengeluarkan beberapa tema berdasarkan soalan temu bual. Rajah di bawah menunjukkan tema yang telah muncul dalam kajian ini.



Rajah 1. tema kajian

### **Pengetahuan mahasiswa tentang LGBT**

Melalui temu bual, responden memberi maklum balas pengetahuan mereka tentang maksud LGBT berdasarkan pengetahuan yang sedia ada dalam diri. Dapatan daripada temu bual adalah seperti berikut:

*“... L merujuk kepada lesbian...ha G...iaitu gay... dan B bisexual...haaa T haaa transgender..”*

[PK1/T1/B13]

*“...masyarakat yang lebih cenderung untuk physically, emotionally and sexually attracted to the opposite gender or gender yang sama. Lebih spesifik, lesbian iaitu wanita suka kepada wanita, gay iaitu lelaki tertarik kepada lelaki. Kalau biseksual kedua-duanya. Dan transgender lain sikit dimana diorang punya cara pemikiran, personaliti dan fizikal semua lebih cenderung kepada opposite gender. Maksudnya kalau dia lelaki dia rasa macam dalam fikiran dia, dia sebenarnya perempuan. Walaupun fizikalnya dia lelaki. So dia lebih cenderung mengubah diri dia jadi macam the opposite gender...”*

[PK5/T1/B8]

### **Kesedaran mahasiswa terhadap golongan LGBT di kampus**

Melalui soalan yang dikemukakan, pengkaji telah menemui dapatan yang berbeza daripada reponden tentang kewujudan golongan ini di kampus iaitu ada responden yang sedar kewujudan golongan ini dan ada yang tidak tahu golongan ini wujud di kampus

*“...aaa ya...saya sedar kewujudan mereka di sini...”*

[PK6/T1/B18]

*“...Its really exist, because i can share about this. Actualy, one of my friend it is a LGBT, but i never judge him...”*

[PK1/T1/B19]

*“...never heard ..”*

[PK2/T1/B16]

### **Pandangan mahasiswa terhadap golongan LGBT**

Isu LGBT telah hangat diperkatakan sekarang, terutama apabila golongan ini banyak menerima kancaman dan kritikan oleh masyarakat. Menurut Siti Hajar Jamal (2018), isu LGBT bukan isu yang baru, tambahan apabila golongan ini berani untuk menonjolkan diri secara terbuka. Melalui temu bual, pengkaji boleh mengetahui pandangan mereka terhadap golongan ini, iaitu:

*“...mostly yang I kenal yang baik aaaaaahhh. LGBT ni la golongan yang macam ni lagi memahami I, I mean dia orang, punya minded is very good they way they thinking and everything and so on...I think it really good, rather than us. I swear it really good!..”*

[PK1/T1/B50]

*“...Macam mana eh, mungkin sebab dorang tak kuat pegangan agama kan so dorang boleh terpesong sampai macam tu. Sampai buatkan rasa macam.. Macam mana ek, macam dorang di beri anugerah jadi macam ni, tapi dorang dah tukar jadi macam tu lah...”*

[PK4/T1/B43]

### **Sikap keperihatinan mahasiswa terhadap golongan LGBT**

Melalui persepsi mahasiswa, golongan ini perlu dibantu, ini menunjukkan sikap keperihatinan mahasiswa terhadap golongan ini. Hasil dapatan kajian seperti berikut:

*"...Mungkin kita kena try untuk bantu diorang sebab kena tengok balik jugak macam mana kalau if at all diorang LGBT ni, lets say lesbian diorang couple wanita dan wanita kalau benda tu.. effect masyarakat kita effect dari banyak segi lah, social ekonomi semua tu. So, saya rasa perlu bantu kot..."*

[PK5/T1/30]

*"...Aaa...bagi pandangan saya...ya...sepatutnya dibantu...kerana dia bukan sahaja akan memberi kesan kepada masyarakat...tapi dia sangat memberi kesan kepada anak-anak muda golongan-golongan yang masih lagi mahu membesar budak-budak sekolah, budak-budak sekolah rendah...so dia akan memberi efek negatif kepada mereka...jadi seharusnya mereka ni dibentuk dibantu ke jalan yang benar balik..."*

[PK6/T1/35]

### **Pandangan mahasiswa terhadap golongan LGBT dan norma masyarakat di Malaysia.**

Norma masyarakat merujuk kepada tingkah laku sesuatu kelompok yang menjadi satu kelaziman dan setiap ahli kelompok menerima peraturan-peraturan tersebut. Dapatan temu bual mendapati pandangan mahasiswa tentang golongan ini serta norma masyarakat di Malaysia, iaitu:

*"...Hmm, kalau tak silap memang bertentang dengan culture di Malaysia laaa. Tetapi kalau pandangan sendiri saya tak la.."*

[PK2/T1/B32]

*"..ya mereka menyeleweng sebab kalau daripada asal usulnya kita memang dipadankan perempuan dan lelaki...bukannya sama lelaki dan lelaki...mahupun perempuan sama perempuan dan sebagainya.."*

[PK6/T1/24]

## **PERBINCANGAN**

Daripada dapatan kajian ini, kajian ini berhasil untuk mendapatkan empat tema utama iaitu pengetahuan (pengetahuan mahasiswa tentang LGBT), kesedaran (kesedaran mahasiswa tentang golongan LGBT di kampus), sikap (sikap keperihatinan mahasiswa terhadap golongan LGBT) dan pandangan mahasiswa tentang LGBT (pandangan mahasiswa terhadap golongan LGBT dan pandangan mahasiswa golongan LGBT dan norma masyarakat di Malaysia). Ini menjawab persoalan kajian yang mana melihat persepsi mahasiswa terhadap golongan LGBT.

Tahap pengetahuan mahasiswa tentang golongan LGBT berada di tahap yang baik. Di mana kesemua responden mengetahui maksud LGBT dan boleh menerangkannya. Responden menyatakan istilah ialah golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender. Ini selari dengan istilah LGBT yang dinyatakan oleh (Jacob & Argular 2007) yang mana menyatakan LGBT adalah lesbian, gay, biseksual dan transgender. Istilah LGBT ini juga telah berkembang kepada LGBTQ iaitu singkatan kepada lesbian, gay, biseksual, transgender dan queer.

Berdasarkan dapatan kajian yang menyatakan mereka sedar dan tahu tentang kewujudan golongan LGBT di kampus. Yang mana dapat merumuskan bahawa golongan LGBT semakin meningkat. Selari dengan kajian oleh Adibah (2017) yang menyatakan tentang peningkatan golongan LGBT di Malaysia. Peningkatan ini berlaku disebabkan gelombang budaya barat yang membawa ideologi sekularisme.



Responden juga mempunyai pandangan yang baik terhadap golongan LGBT. Mereka tidak bersikap prejudis terhadap golongan LGBT, malah menerima mereka dengan baik. Ini disokong oleh Nancy J. Evans dan Todd K. Herriott (2004) dalam kajian yang ingin melihat bagaimana persepsi pelajar terhadap pelajar yang terlibat dalam LGBT mendapati responden pada awalnya mempunyai tanggapan yang tidak baik dan sering mempersoalkan mengapa golongan ini terlibat dalam LGBT. Tetapi setelah terlibat dalam kajian ini, responden lebih menyedari nilai-nilai dalam diri mereka sendiri, identiti, dan pola interaksi yang berkaitan dengan orientasi seksual diri sendiri dan orang lain. Ini menunjukkan penerimaan baik terhadap golongan LGBT semakin meningkat.

Walaupun mahasiswa dapat menerima baik golongan LGBT, namun mereka tetap beranggapan bahawa LGBT tetap menyalahi norma masyarakat di Malaysia. Ini disokong oleh kajian oleh Syarifah Rohaniah (2011) yang menyatakan hubungan LGBT dianggap sebagai sebuah hubungan yang terlarang kerana ia terpesong daripada norma masyarakat yang wajar, bahkan semua agama menentangnya.

Hasil daripada perbincangan ini menjelaskan bahawa mahasiswa UKM mempunyai persepsi yang baik terhadap golongan LGBT dan sedia untuk membantu mereka sekiranya diperlukan. Mahasiswa juga berfikir mengenai isu LGBT walaupun menyalahi norma masyarakat.

## KESIMPULAN

Peningkatan jumlah golongan LGBT semakin membimbangkan struktur sosial masyarakat dan negara. Ternyata mahasiswa juga cakna akan keterlibatan rakan-rakan di kampus dengan gejala yang kian membarah ini. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menggembleng golongan yang terlibat dengan gejala LGBT agar kesan buruk seperti masalah kesihatan, kesejahteraan mental dan kepincangan dalam institusi keluarga dapat dielakkan. Walaubagaimanapun, sikap prejudis, diskriminasi dan streataip terhadap golongan LGBT ini tidak patut wujud dalam diri setiap individu agar keharmonian dalam masyarakat untuk membantu mereka pulih dapat dijalankan dengan lancar.

## RUJUKAN

- Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat dan Jas Laile Suzana Jaafar. 2012. Difusi Ruang Budaya Transeksualisme dan Imaginasi Geografi Pelajar Lelaki Berpenampilan Silang Di Universiti Tempatan Malaysia. *Journal of social science and humanities*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Malaysia.
- Siti Hajar Jamal. 2018. Memahami konsep lesbian, biseksual dan transgender (LGBT) dari konteks sosial. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*
- Nancy J. Evans dan Todd K. Herriott. 20014. Freshmen Impressions: How Investigating the Campus Climate for LGBT Students Affected Four Freshmen Students. *Journal of College Student Development*. Johns Hopkins University Press.
- Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrzad Wan Sulaiman, Wan Azreana, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. 2015. Faktor Dan Cara Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih Dalam Kalangan Lesbian : Satu Kajian Kes. *Journal of social science and humanities*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Malaysia.
- Adibah Abdul Rahim, Mariam Adawiah Dzulkifli & Rohaiza Rokis. 2017. Buku apa salah pengkid. Telaga Biru Sdn.Bhd. Cetakan pertama September. ISBN 978-967-388-323-3.

## PEMBELAJARAN ABAD 21: SEJARAH DI SMK ST. ANTHONY, SARIKEI

**WONG MEE LENG**

Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang,  
Jalan KJD, 96509 Bintangor, Sarawak  
sejarahipgr2014@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk melihat guru Sejarah Tingkatan 1-5 di SMK St. Anthony, Sarikei mengaplikasikan aktiviti PA21 dalam pengajaran dan pemudah cara (PdPc) mata pelajaran Sejarah yang dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencapai kemenjadian murid dalam Program Transformasi Sekolah 25. Tambahan pula, kajian ini juga ingin mengenal pasti kelas PA21 diwujudkan dalam keadaan yang selamat dan menyeronokkan semasa guru Sejarah melaksanakan PdPc. Seramai 8 orang guru sejarah yang menjadi peserta kajian telah memberi kerjasama yang baik sepanjang kajian dijalankan. Kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan ini melibatkan pengumpulan data yang menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual berstruktur serta GPMP Sejarah SPM untuk meninjau dan mengenal pasti kemahiran-kemahiran abad ke-21 yang diterapkan kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Analisis hasil keputusan GPMP Sejarah SPM turut menunjukkan peningkatan sebanyak 0.77 dari tahun 2017 dengan tahun 2018. Dapatan melalui kaedah pemerhatian mendapati guru sejarah yang menggunakan PA21 semasa PdPc Sejarah untuk merealisasikan PPPM 2013-2025 manakala dapatan daripada kaedah temu bual berstruktur dan GPMP Sejarah SPM juga memberi kesan positif terhadap PA21 dalam Sejarah iaitu menggunakan kaedah koperatif dalam PdPc Sejarah seperti yang dinyatakan dalam Standard 4 SKPMg2.

Kata Kunci: PA21, Sejarah, kaedah koperatif, SKPMg2

### ABSTRACT

*The purpose of this study is to look at Form 5 History teachers at SMK St. Anthony, Sarikei applied PA21 activities in teaching and facilitating (PdPc) History subjects emphasized by the Ministry of Education to achieve student enrollment in the School Transformation Program 25. In addition, this study also wanted to identify PA21 classes created in a safe and fun while History teachers implement PdPc. A total of 8 history teachers who participated in the study provided good cooperation throughout the study. This study uses qualitative approach. This approach involves data collection that uses observation and structured interview methods as well as GPM History GPMP to review and identify 21st century skills applied to students during the process of teaching and learning History. Analysis of SPM History GPMP results also showed an increase of 0.77 from 2017 to 2018. The study found that history teachers used PA21 during PdPc History to realize PPPM 2013-2025 while findings from structured interviews and GPMP History SPM also provided the positive effect of PA21 in History is to use the cooperative method in PdPc History as described in Standard 4 SKPMg2.*

*Keywords: PA21, History, cooperative methods, SKPMg2*

### PENGENALAN

Sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, pembelajaran abad 21 merupakan suatu bentuk transformasi dalam sistem pendidikan negara yang menuntut perubahan, terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad 21 ini bermatlamat untuk menganjak paradigma kehidupan masyarakat dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat

kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dan juga di peringkat antarabangsa (Tan Sri Datuk Dr. Madinah Mohamad, 2014).

Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) abad 21 merujuk kepada beberapa kompetensi teras, iaitu kolaboratif, celik digital, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah. Pembelajaran abad 21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan pelajar menguasai isi kandungan dan menghasilkan, mensintesis (penyatuan / penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza. Mereka (murid) diharap dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama serta celik digital selain mempunyai tanggungjawab sivik.

Pengkaji menjalankan kajian ini di salah sebuah sekolah menengah di kawasan Sarikei iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Anthony, Sarikei, Sarawak yang berdekatan dengan tempat bertugas iaitu IPGK Rajang, Sarawak. Pengkaji melaksanakan kajian ini dalam pembelajaran abad ke-21 di sekolah berkenaan terhadap mata pelajaran Sejarah sahaja.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Menurut temu bual guru-guru Sejarah di sekolah ini, pada permulaan mata pelajaran Sejarah ini diajar dengan menggunakan kaedah "*Chalk and Talk*" dan ini membuatkan murid berasa sangat bosan serta tidak menarik minat murid belajar. Guru Sejarah juga mengajar berpandukan buku teks Sejarah kerana sumber-sumber rujukan untuk sejarah belum mencukupi. Ini disebabkan pelajar tingkatan 5 mesti lulus mata pelajaran Sejarah baru memperoleh sijil SPM seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil.3/2011. Pelaksanaan Mata Pelajaran Sejarah Sebagai Mata Pelajaran Wajib Lulus Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) Mulai Tahun 2013 yang bertarikh 8 Ogos 2011 dengan rujukan: KP.LP.003.03.14(6). Jadi, panitia Sejarah sekolah ini perlu berinisiatif untuk meningkatkan kelulusan mata pelajaran Sejarah dalam Peperiksaan SPM.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dalam pengajaran dan pembelajaran, guru sejarah telah mendapati pelajar memang kurang berminat mempelajari sejarah walaupun guru sejarah menggunakan teknik latih tubi, teknik bercerita tanpa bahan bantu belajar (Ketua Panitia Sejarah, 2020). Makluman daripada Ketua Panitia Sejarah sekolah ini juga menyatakan bahawa pelajar lemah dalam kertas 2 dan kertas 3 dalam Peperiksaan Sejarah SPM kerana soalnya berbentuk esei dan struktur. Pelajar sukar dan tidak berminat untuk menghafal dan sukar untuk mengingati fakta dan peristiwa sejarah walaupun guru sejarah telah menjalankan latih tubi yang banyak untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran menjawab soalan dalam peperiksaan. Walau bagaimanapun, guru sejarah telah mendapati kaedah dan teknik ini memang kurang berkesan. Ini disebabkan keyakinan pelajar masih kurang telah menyebabkan mereka kurang minat menjalankan latihan yang diberi oleh guru. Mereka akan semakin kurang minat membuat latihan secara inkuiri pada setiap hari waktu Sejarah. Kebanyakan pelajar akan berasa bosan terhadap membuat praktis di dalam kelas. Mereka semakin kurang keyakinan terhadap latihan yang diberi oleh guru. Mereka akan sentiasa minta bantuan dari guru serta sentiasa minta guru sejarah memberi tunjuk ajar. Lama-kelamaan, ini akan jadi satu sikap yang negatif bagi pelajar terhadap kertas Sejarah. Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini, guru sejarah telah sedaya upaya mengenal pasti masalah sebenar untuk membantu pelajar mengubah sikap mereka terhadap sejarah ini.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian menurut Shaiful dan Hasnul (2008) adalah huraian matlamat secara mendalam tentang kajian yang dikaji. Objektif kajian yang dilakukan boleh diukur semasa dan selepas kajian Kebiasaannya objektif disusun berdasarkan langkah demi langkah. Objektif penyelidikan memberi fokus terhadap pemboleh ubah yang hendak diperolehi datanya. Maka,

penyelidik perlulah merujuk kembali tajuk dan pernyataan masalah penyelidikan. Penulisan objektif dianggap mustahak justeru setelah menyempurnakan penyelidikan, objektif yang digariskan akan menjadi kayu ukur kejayaan sesuatu penyelidikan yang telah dilaksanakan. Objektif kajian merupakan perkara yang penting dalam sesuatu kajian. Hal ini demikian kerana objektif yang menentukan hala tuju semasa kajian. Kajian tanpa objektif adalah kajian yang tidak terarah kerana tidak mempunyai matlamat serta tujuan sesuatu kajian itu dijalankan.

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran Sejarah. Objektif kajian ini secara spesifiknya adalah untuk mengenal pasti sama ada guru mata pelajaran Sejarah dapat:

- a. Mengetahui keadaan kelas PA21 diwujudkan dalam keadaan yang selamat dan menyeronokkan.
- b. Mengaplikasikan aktiviti PA21 dilaksanakan dalam PdPc dalam mata pelajaran Sejarah.
- c. Meningkatkan keputusan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Sejarah Tingkatan 5 dalam Peperiksaan SPM.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Menurut Chua Yan Piaw (2006) pula, persoalan kajian merupakan sesuatu aspek yang penting bagi memudahkan pengkaji untuk merancang tindakan yang selanjutnya. Menurut Rosinah Edinin (2011), persoalan kajian yang dihasilkan daripada objektif kajian. Soalan penyelidikan ialah perincian kepada pernyataan masalah penyelidikan. Soalan penyelidikan dianggap sebagai inti pati (sebab utama) pemilihan kaedah penyelidikan dan pembinaan instrumen penyelidikan. Penulisan soalan kajian menjadi lebih mudah sesudah objektif penyelidikan ditetapkan terlebih dahulu. Secara lebih jelas, soalan penyelidikan ialah pindaan bentuk objektif penyelidikan kepada ayat soalan. Soalan kajian pengkaji adalah seperti yang berikut:

- a. Bagaimanakah keadaan kelas PA21 diwujudkan dan berada dalam keadaan yang selamat dan menyeronokkan?
- b. Adakah aktiviti PA21 yang diaplikasikan dan dilaksanakan dalam PdPc dalam mata pelajaran Sejarah?
- c. Adakah aktiviti PA21 dapat meningkatkan keputusan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Sejarah Tingkatan 5 dalam Peperiksaan SPM?

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian tindakan ini mempunyai beberapa kepentingan kepada pengkaji kerana memainkan peranan sebagai seorang penyelidik yang mengkaji sistem PdPc di sekolah tersebut. Pelaksanaan kajian tindakan di sekolah tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru, meningkatkan prestasi pencapaian pelajar, mengatasi masalah pembelajaran dalam menguasai kemahiran dalam sesuatu subjek iaitu sukar untuk mengingati fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa sejarah, membantu pelajar mencapai tahap cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah semasa menduduki peperiksaan SPM. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menangani masalah pembelajaran khususnya yang berkaitan dengan pencapaian rendah dalam kalangan pelajar, kajian tindakan juga boleh dijadikan strategi untuk memperbaiki lagi pencapaian pelajar yang berada pada tahap lemah ke tahap baik atau cemerlang melalui aktiviti PA21. Seterusnya juga ingin meningkatkan peratusan kelulusan Sejarah SPM di sekolah ini.

## **KERANGKA KAJIAN**

Reka bentuk kajian tindakan digunakan untuk memastikan objektif kajian ini tercapai. Untuk melicinkan proses pelaksanaan kajian, Model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) diadaptasikan seperti Rajah 1 di bawah.



Rajah 1. Gelung Dalam Model Kajian Tindakan Kemmis Dan McTaggart

## BATASAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 8 orang guru sejarah yang mengajar mata pelajaran Sejarah Tingkatan 1-5 di SMK St. Anthony, Sarikei sahaja. Kajian ini hanya melibatkan tajuk terkandung dalam Huraikan Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1 hingga 3.

## DEFINISI ISTILAH OPERASI KAJIAN

Standard 4 Pembelajaran dan Pemudahacaraan dalam SKPMg2 merupakan instrumen yang disediakan bagi menilai kualiti pengajaran guru dalam menyediakan perancangan serta pelaksanaan pengajaran dalam bilik darjah. Format dan kandungan instrumen disusun mengikut tindakan dan kualiti bagi memenuhi standard kualiti pengajaran di bilik darjah dengan mengambil kira prosedur pelaksanaan, keperluan dasar dan peraturan pendidikan.

Pendidikan abad ke-21 mendidik guru untuk lebih matang dalam mengaplikasi teknik pengajaran dan pelajar akan mendapat manfaat dari sesi pembelajaran untuk menghasilkan serta mengekalkan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi cabaran era globalisasi (Amran & Rosli, 2017).

Baharuddin *et al* (2015) menyatakan bahawa ciri-ciri guru abad ke-21 yang perlu dipenuhi oleh guru masa kini adalah: menguasai kurikulum yang diajar; mahir dan berketerampilan dalam pedagogi; memahami perkembangan pelajar dan menyayangi mereka; memahami psikologi pembelajaran; memiliki kemahiran kaunseling; dan menggunakan teknologi terkini.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada susunan langkah-langkah untuk mengajar secara bersistematik berdasarkan prinsip dan teori pengajaran dan pembelajaran. Langkah-langkah pengajaran dibina secara teliti supaya pengajaran dan pembelajaran lebih terarah dan berjalan lancar (Said, 2010).

Pembelajaran koperatif lazimnya dilakukan bersama oleh empat hingga enam orang pelajar. Johnson & Johnson (2014) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran koperatif adalah satu kaedah yang mengkehendaki pelajar belajar bersama-sama dalam menyiapkan satu tugas untuk kumpulan masing-masing. Pengajaran dan pembelajaran koperatif berlaku apabila pencapaian pelajar bergantung kepada pencapaian kumpulan.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Menurut YM Raja Abdullah Raja Ismail, (2018), kajian tindakan ini dijalankan bertujuan untuk menilai amalan sendiri guru pelatih praktikum Pengajian Agama IPG Kampus Dato" Razali Ismail dalam mengaplikasikan konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah.

Menurut Aimi Hafizah Binti Fadzilah, (2017), kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nenas yang merupakan sekolah di bawah Program Sekolah Amanah Daerah Pontian.

Menurut Jurnal Ainun Rahmah Iberahim, (2017) Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap sikap, motivasi, dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Menurut Jurnal Pemikir Pendidikan, Mohd Mahzan Awang, (2016), kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan salah satu daripada ciri pembelajaran abad ke-21 iaitu penggunaan multimedia dalam mata pelajaran Sejarah dan sejauh mana ia mempengaruhi minat belajar sejarah.

Menurut Muhammad Ayisy Baharudin, (2019), kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah IPG zon selatan. Kesediaan pelaksanaan ini dilihat dari tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan semester pengajian terhadap tahap kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih Sejarah mengikut semester pengajian.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian tindakan dengan Model Kemmis & McTaggart (1988) diadaptasikan kerana model tersebut bergelung dan ia boleh bermula dengan langkah refleksi. Lebih-lebih lagi, reka bentuk kajian tindakan ini bertujuan membaiki praktis dan amalan guru sehingga dapat memajukan pembelajaran murid dalam mata pelajaran Sejarah. Lapan orang guru Sejarah tingkatan 1-5 di SMK St. Anthony, Sarikei digunakan dalam kajian ini. Kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Semasa pelaksanaan tindakan kelas dalam konteks kelas sebenar, kaedah pemerhatian, kaedah temu bual berstruktur digunakan. Selain itu, analisis keputusan GPMP Sejarah SPM juga dianalisis sebagai data kuantitatif. Kedua-dua jenis data ini ditrangulasikan lagi dengan data temu bual bersama guru panitia Sejarah di SMK St. Anthony, Sarikei. Dapatan sesi refleksi akan dimajukan sebagai cadangan penambahbaikan untuk meneruskan gelungan kajian tindakan yang seterusnya.

### **Kaedah Pemerhatian**

Jasmi, K. A. (2012), kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temu bual. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat mengenal pasti kelas PA21 diwujudkan dalam keadaan yang selamat dan menyeronokkan. Peranan pengkaji ialah sebagai pemerhati terhadap ciri-ciri kelas PA21 di sekolah ini.

Antara kelebihan kaedah pemerhatian dalam pengumpulan data ialah pengkaji dapat menghadirkan diri dan melihat situasi sebenar tempat kajian. Selain itu, pengkaji juga dapat mendengar, memerhatikan dan bertanya sendiri untuk mendapatkan maklumat dan

seterusnya dapat memahami apa yang berlaku di tempat kajian. Pemerhatian merupakan kaedah berkesan untuk digunakan dalam bilik darjah kerana pengkaji dapat melihat proses yang berlaku secara langsung. Sebagai contoh, seorang guru sejarah tingkatan 5 sememangnya sentiasa memerhatikan reaksi pelajarnya bagi memastikan komunikasi berlaku antara guru dan murid serta murid dan murid. Di samping itu, pemerhatian dapat membantu guru menentukan kesediaan dan penerimaan murid terhadap pengajarannya. Apa yang penting dalam proses pemerhatian, pengkaji perlu berusaha melakukan pemerhatian tanpa diganggu oleh prasangka terhadap guru mata pelajaran Sejarah di sekolah tersebut.

### **Kaedah Temu bual**

Data-data juga boleh diperoleh dengan menggunakan kaedah temu bual secara berstruktur dengan guru sejarah di sekolah ini. Berdasarkan kaedah temu bual berstruktur, pengkaji dapat memperoleh maklumat berkaitan latar belakang guru mata pelajaran Sejarah dan maklumat-maklumat lain yang diperlukan. Kaedah ini dijalankan kepada individu yang tidak mempunyai masa atau kurang faham untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam soalan yang dicipta oleh pengkaji. Temu bual berstruktur berkemungkinan adalah kaedah pengumpulan data yang sangat bermakna kerana ia mengambil masa yang lama serta dapat beramah mesra dengan guru mata pelajaran Sejarah melalui *WhatsApp* dan *telegram*. Temu bual berstruktur adalah kaedah yang terbaik bagi soalan terbuka dan mendapatkan maklumat guru mata pelajaran Sejarah secara terperinci di sekolah ini. Azizah Hamzah (2010), terdapat tiga jenis temu bual yang boleh digunakan dalam pengumpulan data iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur, dan temu bual tidak berstruktur. Guru mata pelajaran Sejarah digalakkan memberi respons secara bebas. Pengkaji telah membina contoh soalan temu bual yang diletakkan pada halaman lampiran 1.

### **Analisis GPMP Sejarah SPM**

Pengkaji telah menghadirkan diri dan melihat situasi sebenar tempat kajian. Pengkaji juga menemu ramah dengan ketua panitia Sejarah dan beberapa orang guru sejarah di sekolah ini. Pengkaji telah mendapat GPMP Sejarah SPM dari Tahun 2014 hingga Tahun 2018 tetapi pengkaji hanya fokus GPMP Sejarah SPM Tahun 2017 dan Tahun 2018 untuk kajian ini. Selain itu, peratusan kelulusan mata pelajaran Sejarah SPM Tahun 2017 dan Tahun 2018 juga digunakan dalam kajian ini.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Soalan 1: Bagaimanakah keadaan kelas PA21 diwujudkan dan berada dalam keadaan yang selamat dan menyeronokkan?**

Menurut Marland (1975), suasana fizikal bilik darjah mungkin merupakan 'kawan' atau 'musuh' dalam pembelajaran. Persekitaran bilik darjah penting kerana persekitaran kondusif boleh menggalakkan atau menghalang pembelajaran. Konsep bilik darjah abad 21 yang akan dibangunkan adalah dengan:

- Mentransformasikan bilik darjah dengan ruang pembelajaran kreatif hasil usaha murid supaya menarik dan bermakna.
- Suasana atau iklim bilik darjah dapat merangsang murid untuk bersaing, belajar secara koperatif dan memperoleh kemahiran kolaboratif.

Pengkaji juga dapat mendengar, memerhatikan dan bertanya sendiri untuk mendapatkan maklumat dan seterusnya dapat memahami apa yang berlaku di tempat kajian terhadap suasana atau iklim bilik darjah dan susunan meja kerusi haruslah sesuai dan memudahkan pergerakan murid dan guru. Selain itu, keadaan di dalam bilik darjah perlu sediakan ruang untuk menjalankan aktiviti PdPc. Pengkaji mendapati beberapa corak susunan meja kerusi di tempat kajian semasa PdPc mata pelajaran Sejarah dijalankan.

Bilik darjah yang telah dilaksanakan di tempat kajian pengkaji adalah dalam bentuk 'U' dan bentuk "T". Didapati sekolah ini mempunyai bilangan pelajar yang banyak dengan puratanya setiap kelas mempunyai 35-38 orang.

Selain itu, murid-murid diagihkan mengikut kumpulan dan duduk dalam kumpulan antara empat hingga enam orang. Menurut guru mata pelajaran Sejarah, cara ini memudahkan guru melaksanakan aktiviti berkumpulan dengan kaedah koperatif seperti yang dirancang dalam RPH dan juga menerapkan elemen 6K dalam PdPc mata pelajaran Sejarah seperti Standard 4 SKPMg2. Berikut adalah situasi fizikal bilik darjah PAK 21 di tempat kajian pengkaji.



### Kriteria Kejayaan

Kriteria kejayaan adalah elemen-elemen kecil daripada objektif pembelajaran. Jadi, kriteria kejayaan dapat membantu guru membina aktiviti yang bersesuaian untuk memastikan aktiviti pembelajaran yang tersusun. Di samping itu, guru mata pelajaran Sejarah melihat pecahan kecil aktiviti dan masukkan pembelajaran pembezaan di mana perlu. Dengan elemen kriteria kejayaan, guru juga mudah membuat penilaian dan refleksi kerana pencapaian spesifik murid dapat dilihat. Melalui pemerhatian pengkaji, pengkaji mendapati sudut kriteria kejayaan di papan tulis telah disediakan dan digunakan oleh guru mata pelajaran Sejarah semasa melaksanakan PdPc seperti yang dirancang dalam RPH. Sudut kriteria kejayaan di dalam kelas. Contohnya, objektif pembelajaran adalah guru yang dirancang, Pada akhir pembelajaran, murid boleh menyenaraikan 5 isi Pembentukan Malaysia.

### Sudut Parking Lot


Sudut Parking Lot juga telah disediakan dan digunakan oleh guru mata pelajaran Sejarah di tempat kajian pengkaji. Tujuan sudut tersebut diwujudkan adalah untuk digunakan oleh murid semasa menyual, memberi ulasan dan sebagainya. Sudut ini juga berperanan dan sesuai digunakan jika murid malu untuk bertanya dan juga digunakan oleh guru untuk membuat refleksi tentang PdPc yang telah dijalankan. Berikut adalah situasi Sudut Parking Lot di dalam bilik darjah tempat kajian pengkaji.





## Sudut Hasil Kerja Murid

Sudut hasil kerja murid juga disediakan dan mempamerkan hasil kerja murid secara berkumpulan selepas pembentangan kumpulan dilaksanakan. Ini dapat mendorong dan menggalakkan murid bekerjasama dalam sepasukan melalui elemen 6K iaitu kreatif, kolaborasi, kritis, komunikasi, karakter dan semasa pdpc guru di dalam kelas.



## Soalan 2 : Adakah aktiviti PA21 yang diaplikasikan dan dilaksanakan dalam PdPc dalam mata pelajaran Sejarah?

Pengaplikasian pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran mestilah melihat kepada kepelbagaian pelajar di dalam sesebuah bilik darjah. Dalam konteks pendidikan, kaedah dan teknik merupakan satu perancangan atau siri tindakan guru semasa melaksanakan langkah-langkah pengajaran yang tersusun rapi dan berkesinambungan yang perlu dituruti dengan saksama bagi mencapai objektif pengajaran. Selepas kaedah yang hendak digunakan dipilih, barulah guru merancang teknik yang boleh melengkapkan kaedah tersebut seperti teknik bercerita, latih tubi, menghafal dan seumpamanya. Usaha mengenal pasti dan memilih kaedah dan teknik yang sesuai dapat memenuhi pendekatan yang digunakan yang disebut sebagai strategi. Kaedah pengajaran membolehkan guru-guru mengajarkan Sejarah mengikut cara yang betul lagi terancang seperti format RPH dalam Lampiran 2 Guru bertindak sebagai perancang untuk memastikan kesediaan dan persediaan yang rapi dalam melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan dalam Standard 4 SKPMg2.

Menurut Burton, Donelson, dan Haley (1975), pendekatan dan kaedah yang sesuai ialah pendekatan dan kaedah yang memberikan peluang kepada murid untuk berusaha sendiri dalam pembelajaran. Guru sebagai pembimbing manakala murid sebagai pelakon seperti yang dinyatakan dalam Standard 4 SKPMg2. Tujuannya adalah membantu murid-murid mendapat pengalaman dan berpeluang menerima, menerapkan dan menyatukan nilai-nilai yang dipelajari itu kepada personaliti mereka melalui pengalaman yang dialami.

Perkara ini jelas terbukti apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang memberikan penekanan kepada kemahiran berfikir murid. Setiap murid perlu mempunyai semangat ingin tahu dan belajar tentang cara untuk terus mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat, mampu menghubungkan kait pelbagai pengetahuan bagi mewujudkan pengetahuan baharu. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif yang penting:

- Pemikiran Kreatif dan Inovatif: kemampuan menginovasikan, menjanakan kemungkinan baharu, mencipta idea atau pengetahuan baharu;
- Penyelesaian Masalah dan Penaakulan: keupayaan meramal masalah dan mendekati isu secara kritis, logik, induktif, dan deduktif bagi mencari penyelesaian, dan akhirnya membuat keputusan; dan
- Keupayaan Belajar: keupayaan memacu pembelajaran sendiri, dengan kemampuan menghargai nilai pembelajaran sepanjang hayat.

### **Teknik Jigsaw**

Melalui hasil dapatan kaedah temu bual berstruktur, Guru Sejarah menggunakan teknik jigsaw untuk memudahkan pemahaman murid. Murid tidak bosan semasa PdPc yang mempelajari masyarakat Jahiliah. Teknik ini juga memupuk suasana pembelajaran yang aktif dan murid bertanggungjawab dalam menuntut ilmu. Terdapat dua jenis jigsaw yang boleh digunakan. Dalam pelaksanaan jigsaw II amat mementingkan matlamat berkumpulan untuk mencapai objektif. Jadi, semua ahli perlu ada matlamat yang sama. Setiap pelajar mempunyai peluang dan ruang yang sama untuk mencapai matlamat berkumpulan. Pelajar akan menjadi pakar dalam sesuatu sub unit dan menerangkan kepada rakan-rakan. Melalui aktiviti perbincangan dalam kumpulan, murid mudah faham dan membantu ingatan jangka panjang.

### **Round Table**

Melalui hasil dapatan kaedah temu bual berstruktur, struktur pembelajaran koperatif juga dilaksanakan iaitu *Round Table*. Struktur koperatif ini dilakukan seperti struktur *Rally Table* tetapi dilaksanakan dalam kumpulan berempat. Murid duduk dalam kumpulan. Guru mengemukakan satu topik iaitu mendeklamasikan sajak secara bergilir-gilir. Murid mencatatkan satu idea. Murid menggunakan pen dan kertas yang sama dan hasil dapatan perbincangan dirujuk atau dibentangkan. Contohnya, Perang Dunia.

### **Peta I- Think**

Murid menggunakan Peta i-Think sebagai alat untuk menjana idea secara berkumpulan. Contohnya dalam tajuk peristiwa penentangan pemimpin tempatan sebelum Perang Dunia Kedua. Pelajar membentangkan isi menggunakan peta Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Isi dipersembahkan dalam bentuk i-think mengikut kesesuaian iaitu peta buih dan peta alir menggunakan *slide powerpoint*. Contohnya, Tamadun.



### **Pembelajaran Kolaboratif**

Pembelajaran kolaboratif merupakan pendekatan yang mementingkan kerjasama dan menghendaki pelajar menyampaikan idea dalam kumpulan kecil. Pendekatan ini boleh dilaksanakan oleh guru dengan memberi tugas kepada pelajar dalam kumpulan yang telah dikenal pasti. Pelajar boleh bertukar pendapat atau idea semasa dalam aktiviti PdPc secara berkumpulan. Semua ahli kumpulan perlu menyumbang pengetahuan, pendapat, kemahiran dan menyelesaikan masalah secara bersama-sama. Guru bertindak sebagai pengawal pelaksanaan PdPc untuk memastikan kelancaran proses pembelajaran mengikut perancangan. Contohnya, murid diberikan tajuk-tajuk tertentu untuk membuat tugas secara berkumpulan dan bekerjasama antara satu sama lain. Tajuk diberi berdasarkan tajuk yang ada dalam buku teks seperti tajuk tamadun iaitu Tamadun Mesopotamia, Tamadun Indus, Tamadun Mesir Purba dan Tamadun Huang He. Selepas itu, pelajar berjalan dan bergerak ke sekeliling bilik untuk melihat, berfikir dan berbincang dengan rakan-rakan sekumpulan hasil kerja rakan-rakan yang ditampal pada dinding melalui *Gallery Walk* seperti dalam gambar yang berikut:



### Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan satu model aktiviti bilik darjah yang berbeza dari kebiasaan. Pendekatan aktiviti pembelajaran ini mempunyai jangka masa yang panjang, mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu, berpusatkan murid dan menghubungkan pengalaman kehidupan sebenar. Projek ditakrifkan sebagai tugas, pembinaan atau siasatan yang teratur yang menjurus kepada matlamat yang spesifik. Dalam kurikulum Sejarah, pelajar beroleh pengetahuan dan kemahiran semasa proses menyediakan sesuatu projek. Mereka juga boleh meneroka atau membuat kajian terhadap projek melalui pelbagai sumber maklumat yang relevan. Guru berperanan sebagai penilai untuk mengesan tahap penguasaan murid yang dinyatakan dalam SKPMg2. Contohnya, Tamadun Rom dan batu bersurat.



### Permainan BINGO

Permainan "BINGO" untuk soalan objektif amat sesuai untuk soalan objektif dari Tingkatan satu hingga Tingkatan Lima. Pelajar dibahagikan kepada 4 hingga 5 orang sekumpulan. Setiap kumpulan dibekalkan dengan 1 set soalan objektif. Setiap kumpulan diarahkan membentuk petak 5 X 5 (25 petak) dan menulis nombor 1 – 25 secara rawak. Setiap kumpulan bergilir-gilir memilih dan menjawab soalan objektif. Kumpulan yang menjawab dengan betul berpeluang menyebut satu nombor iaitu nombor 1 hingga 25 lalu semua kumpulan menghitamkan nombor tersebut pada kertas BINGO yang dilukis tadi. Kumpulan yang paling awal membentuk 5 BINGO dikira sebagai pemenang. Permainan ini memerlukan kerjasama daripada semua ahli kumpulan untuk menyusun strategi dan membincangkan jawapan objektif. PdPc permainan ini amat menyeronokkan dan menarik murid belajar mata pelajaran Sejarah. Guru bertindak sebagai pembimbing untuk membolehkan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pelajaran. Contohnya, Malaysia dalam Kerjasama Antarabangsa.

Jadi, pengkaji mendapati tumpuan utama memfokuskan kepada pencapaian akademik dan penerimaan kepelbagaian kemahiran sosial.

- Pembelajaran aktif yang mengubah situasi pembelajaran pasif kepada pembelajaran yang dinamis serta berpusatkan pelajar.
- Satu pasukan yang heterogen, saling bergantung, tidak bersaing sesama sendiri ke arah pencapaian matlamat yang sama.

Rumusan hasil dapatan kaedah temu bual berstruktur, lapan orang guru mata pelajaran Sejarah melaksanakan tujuh konsep utama pembelajaran koperatif yang dilaksanakan di sekolah tersebut:

- Semua perbincangan dalam kumpulan dijalankan secara berpasukan.
- Guru menggerakkan inisiatif individu dan ahli kumpulan. Guru menggalakkan rakan-rakan dalam kumpulan berinteraksi dan memberi bimbingan ahli dalam kumpulan.
- Guru mengurus dan menentukan pembahagian tugas setiap ahli kumpulan. Murid diberi tugas dalam kumpulan dan memainkan peranan sebagai pencatat, pembentang dan ketua kumpulan.
- Guru meningkatkan interaksi sosial dan komunikasi ahli kumpulan. Murid-murid digalakkan berbincang semasa membuat tugas sebelum hasil kerja dibentangkan.
- Guru menggalakkan budaya inovatif dalam pencetusan idea iaitu murid digalakkan memberi komen kepada rakan dalam kumpulan lain.
- Guru dapat melibatkan pelajar bertindak sebagai pembelajar aktif untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai positif melalui kaedah koperatif yang dirancang dalam RPH.

### **Soalan 3: Adakah aktiviti PA21 dapat meningkatkan keputusan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Sejarah Tingkatan 5 dalam Peperiksaan SPM?**

Pengumpulan data kuantitatif dilaksanakan di tempat kajian iaitu GPMP Sejarah Tingkatan 5 dalam peperiksaan SPM Tahun 2017 dan Tahun 2018 yang dikutip sebagai data untuk kajian ini. Berikut merupakan rumusan dapatan data kuantitatif bagi kedua-dua tahun untuk sekolah ini.

Jadual 1


Data SPM Sejarah Tahun 2017 dan Tahun 2018

Bilangan Calon SPM	Skor Min Tahun 2017 (a)	Skor Min Tahun 2018 (b)	Peningkatan Skor min (b) – (a)	Catatan
Tahun 2017 (n = 273) Tahun 2018 (n = 264)	91.58%	98.86 %	+ 7.28%	

Berdasarkan Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa peningkatan skor min sebanyak 7.28%. Peningkatan pencapaian skor SPM Sejarah tahun 2017 dan tahun 2018 setelah pengaplikasian aktiviti PA21 di sekolah ini. Peningkatan ini adalah usaha murid dalam aktiviti pembelajaran aktif dengan aktiviti PA21 yang dirancang, dibimbing, didorong, dinilai oleh semua guru sejarah sekolah ini. Dapatan data kuantitatif ini juga dipaparkan dalam bentuk carta bar pada Rajah 1.

Berdasarkan Jadual 2, menunjukkan bahawa penurunan GPMP Sejarah SPM Tahun 2017 dan Tahun 2018 sebanyak 0.77 daripada 9.00. Peningkatan pencapaian GPMP Sejarah SPM setelah pengaplikasian pelbagai aktiviti PA21 untuk membantu pelajar mencapai keputusan lulus dan cemerlang. Peningkatan ini adalah usaha murid dalam pengingatan fakta Sejarah melalui aktiviti pembelajaran aktif dengan kaedah koperatif. Dapatan data kuantitatif ini juga dipaparkan dalam bentuk carta bar pada Rajah 2.






Rajah 1. Peratusan SPM Sejarah Tahun 2017 dan Tahun 2018

Jadual 2

Data SPM GPMP Sejarah Tahun 2017 dan Tahun 2018

Bilangan Calon SPM	GPMP Tahun 2017 (a)	GPMP Tahun 2018 (b)	Peningkatan GPMP (b) – (a)	Catatan
Tahun 2017 (n = 273)	4.11	3.34	-0.77	
Tahun 2018 (n = 264)				



Rajah 2. Peningkatan GPMP Sejarah SPM Tahun 2017 dan Tahun 2018

## PERBINCANGAN

Melalui dapatan kajian ini, sekolah ini telah berjaya melaksanakan kelas PA21 yang diwujudkan dalam keadaan yang selamat dan menyeronokkan. Ini dapat melalui dapatan pemerhatian kelas dengan adanya cara susunan meja kerusi dalam bentuk PA21, melalui sudut hasil kerja murid, Kriteria Kejayaan dan melalui sudut *Parking Lot*. Selain itu, melalui dapatan temu bual berstruktur pula guru telah mengaplikasikan aktiviti PA21 dilaksanakan

dalam PdPc dalam mata pelajaran Sejarah seperti Pembelajaran kolaborasi, pembelajaran berasaskan projek, teknik *Jigsaw*, *Round Table*, peta *I -Think* dan Permainan Bingo. Aktiviti PA21 tersebut lebih kerap dilaksanakan semasa PdPc dalam mata pelajaran Sejarah. Panitia Sejarah sekolah ini telah menggunakan format RPH Program TS25 iaitu 6P seperti perancang, pembimbing, pengawal, pendorong, penilai dan pembelajar aktif dalam SKPMg2. Dengan itu, sekolah ini telah dapat meningkatkan keputusan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) dan juga peratusan Sejarah Tingkatan 5 dalam Peperiksaan SPM dari tahun 2017 dan tahun 2018. Keberkesanan PdPc dengan aktiviti PA21 dapat dilihat dengan peningkatan peratusan keputusan SPM dari tahun 2017 hingga tahun 2018 sebanyak 7.28% manakala GPMP Sejarah juga menurun sebanyak 0.77 daripada 9.00. GPMP yang mendapat nombor yang semakin kecil adalah semakin yang baik untuk SPM. Jadi, masalah pelajar kurang berminat dan kurang keyakinan terhadap mata pelajaran Sejarah dapat diatasi melalui situasi dan aktiviti PA21.

## KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran seharusnya berupaya membina pelajar yang mampu berfikir berasaskan ilmu pengetahuan dan mampu menyatukan ilmu tersebut dengan pengalaman. Selain itu, dapatan kajian ini dapat membantu guru memberikan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif serta bercirikan kemahiran-kemahiran abad ke-21 kepada pelajar. Penekanan juga harus diberikan terhadap pelaksanaan serta pendekatan pengajaran guru sama ada di dalam atau di luar kelas bagi memastikan pelajar mempunyai sikap dan persepsi yang positif terhadap mata pelajaran Sejarah. Pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran perlu diaplikasikan bagi memastikan para pelajar berminat dan bermotivasi untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah dan sekaligus akan turut membentuk kemahiran abad ke-21 pelajar. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan di sekolah dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang lebih berpusatkan kepada pelajar agar pelajar dapat meningkatkan kemahiran tersebut dan seterusnya dapat menghadapi persaingan dalam dunia yang semakin mencabar. Guru dapat mencapai kehendak dalam standard 4 SKPMg2 dan juga persediaan untuk menghadapi Program TS25 kohot 5 mulai Tahun 2020.

## RUJUKAN

- Amran N. & Rosli R. (2017). *Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke-21*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Hamzah. (2010). "Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya" in *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1).
- Baharuddin M. H., Ahmad A.R. & Yakub N.M. (2015). *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Abad ke-21: Isu dan Cabaran. Proceeding of the 7 International Seminar on Regional Education*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Yan Piaw.(2006). *Buku 2 : Asas Statistik Penyelidikan Tindakan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education (Asia).
- Faridah Nazir, et. (2016). *Pengajaran dan Pembelajaran Abad-21*, Selangor: Susbadi Sdn. Bhd.
- Jasmi, K.A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kuantitatif*, Johor: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Johnson, D. W., Johnson, R. T (2014) Cooperative Learning in 21<sup>st</sup> Century. *Anales De Psicologia*. Vol.30, 841-851.
- Modul Teras Pembelajaran Abad ke-21, (2017). Pejabat Pendidikan Daerah Klang.
- Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Panitia Sejarah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, (2019). Jemaah Nazir, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosinah Edinin.(2011). *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon Sdn Bhd.
- Said I. (2010). *Kaedah Pemelajaran Koperatif Sekolah Rendah*. Edisi Pertama. Shah

Alam. Karisma Publications Sdn. Bhd.  
Shaiful Bahari Sulaiman dan Hasnul Faizal Hushin.(2008). Kajian Tindakan Berasaskan Sekolah. Kuala Lumpur : Open University Malaysia.  
[https://www.academia.edu/9034616/PENGURUSAN\\_BILIK\\_DARJAH\\_SATU\\_KAJIAN\\_LITE\\_RATUR\\_RINGKAS](https://www.academia.edu/9034616/PENGURUSAN_BILIK_DARJAH_SATU_KAJIAN_LITE_RATUR_RINGKAS)

## **VisMage: ALATAN PEMUDAHCARAAN AKTIVITI PENGHASILAN IMEJ LUKISAN DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL**

**YONG ZHEN QI<sup>1</sup>, AHSWANDI JOHNY<sup>2</sup>, LING PIK KUONG<sup>3</sup>**

<sup>1,3</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Jalan KJD, 96509 Bintangor, Sarawak

<sup>2</sup>Sekolah Kebangsaan Sungai Kawi, Bintangor, Sarawak,

<sup>1</sup>zhenqiyong@ipgkrajang.edu.my, <sup>2</sup>ashwandjohny@yahoo.com.my,

<sup>3</sup>kuong@oum.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian tindakan ini dilaksanakan secara kolaborasi bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam penghasilan imej dalam karya bidang menggambar Pendidikan Seni Visual (PSV). Sehubungananya, satu bahan bantu belajar (BBB) berbentuk kotak bercahaya bernama VisMage telah dibangunkan untuk memudahcarakan proses penghasilan karya tersebut. Setelah VisMage dibangunkan, reka bentuk penyelidikan tindakan secara kolaborasi dengan guru sekolah dalam program *Teaching School* telah diadaptasikan untuk mengenalpasti kebolegunaan alatan VisMage. Sebuah kelas Tahun Satu dengan 12 orang murid dipilih sebagai peserta kajian ini. Penyelidik telah menjalankan dua putaran dalam tindakan ini. Data kualitatif dan kuantitatif telah dikumpul melalui proses temu bual dan pentaksiran hasil lukisan murid. Berdasarkan hasil dapatan kajian, karya peserta menunjukkan peningkatan sebanyak 48.4% daripada aspek kesedaran terhadap unsur seni dan susun reka letak. Dapatan temu bual dengan guru panitia PSV mengesankan kebolegunaan kit VisMage yang dapat memberi pengalaman langsung dan mewujudkan pemerhatian secara aktif dalam aktiviti melukis sehingga hasil karya lebih tepat dan nyata dan juga ditingkat nilai estetik. Proses kajian ini mengizinkan penerokaan dan penambahbaikan kit VisMage secara berterusan. Hal ini bukan sahaja mampu memajukan pencapaian murid, malah ia turut meningkatkan profesionalisme seorang guru yang inovatif dan kreatif selaras dengan hasrat semasa dan masa depan negara kita.

Kata Kunci : Pendidikan Seni Visual, Kajian tindakan kolaborasi, lukisan.

### **PENGENALAN**

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke perkembangan individu secara holistik dan seimbang dengan keenam-enam tunjang, perkembangan domain kreativiti serta nilai estetik dalam kemahiran Seni Visual sudah pastinya semakin mendapat perhatian warga pendidik khususnya dalam Pendidikan Sekolah Rendah dan juga Pendidikan Prasekolah. Aktiviti melukis antara aktiviti Pendidikan Seni visual yang tidak lagi asing di semua jenis sekolah rendah dan prasekolah sama ada sekolah kebangsaan mahupun sekolah swasta.

Sejak penguatkuasaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011, semua murid diberi peluang untuk melukis seawal Tahun Satu lagi dalam mata pelajaran Pendidikan Kesenian ataupun Pendidikan Seni Visual. Usaha perkembangan kemahiran asas seperti melukis merupakan kemahiran ekspresi kanak-kanak secara semula jadi (Lowenfeld & Brittain, 1975). Penghasilan lukisan ini merupakan satu pengucapan untuk komunikasi dan juga pengutaraan idea kreativiti kanak-kanak (Barrington Barber, 2004). Untuk memajukan perkembangan domain kreativiti kanak-kanak melalui aktiviti seni visual ini, setiap sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) Pendidikan Kesenian /Pendidikan Seni Visual dilaksanakan dengan persediaan yang rapi seperti pertimbangan strategi dan teknik pengajaran yang merangkumi pelbagai bahan



bantu belajar (BBB) supaya pembelajaran berkesan secara optimum tercapai seperti mana yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

## FOKUS KAJIAN

Sejak penguatkuasaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan juga Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), guru sekolah yang mengajar matapelajaran Pendidikan Seni Visual ditegaskan untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Seni Visual sekurang-kurangnya sejam seminggu bukan saja untuk membangkitkan perkembangan nilai estetika dalam seni visual. Antaranya, kemahiran melukis dan mewarna semakin diberi tumpuan untuk memajukan kompetensi murid ke arah pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif. Yang dikesali ialah kebanyakan murid rendah masih dikenalpasti kurang berkemampuan dan berkeyakinan melukis sesuatu perkara yang paling dekat dengan kehidupan mereka, iaitu lukisan ahli keluarga ataupun figura representasi diri murid dengan betul. Murid sekolah rendah di sekolah sasaran Program "Teaching School" IPGK Rajang juga kurang menunjukkan daya minat dalam melukis yang menyakinkan. Antara karya lukisan murid Tahun Satu pada analisis awalan adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1  
Analisis Awal Karya Murid Sebelum Kajian Tindakan.

		
<p><b>Kesan Lukisan:</b> Subjek rumah sendiri di depan sawah padi.</p>	<p><b>Kesan Lukisan :</b> Ekspresi sekolah dengan alam sekitarnya</p>	<p><b>Kesan Lukisan:</b> Selongkok buah-buahan.</p>
<p><b>Dapatan analisis awal :</b> - kurang keyakinan dalam melukis. Rumah yang berbentuk 3D dan sawah padi kelihatan mempunyai garisan perspektif yang salah.</p>	<p><b>Dapatan analisis awal :</b> - lemah unsur bentuk dan kadar banding saiz objek. (bunga dan burung terlalu besar)</p>	<p><b>Dapatan analisis awal :</b> - kurang pengetahuan kadar banding objek dan susun letak depan dan belakang.</p>

Dapatan analisis awal dari karya hasilan murid kelas Tahun Satu seperti di atas jelas menunjukkan bahawa mereka masih lemah memahami unsur bentuk, susun letak dan juga kadar banding figura dan objek. Selain itu, dapatan temu bual dengan Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual di sekolah semasa perbincangan Program "Teaching School" dengan pensyarah IPGK Rajang juga mengenalpasti kekurangan murid Tahun Satu dalam lukisan ini yang semakin melenyapkan minat mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Dengan ini, pasukan penyelidik berkolaboratif dengan guru sekolah ini telah memilih eksplorasi teknik dan bahan bantu mengajar untuk memajukan proses penghasilan karya lukisan figura merupakan fokus utama kajian ini.

Proses pendidikan perlu memfokuskan pembelajaran murid-murid dengan mengambil kira kepelbagaian, keunikan, dan keistimewaan setiap individu di samping mempromosikan pengalaman pembelajaran yang sepadan dengan kesediaan dan cara pembelajaran murid masing-masing (Vygotsky, 1978). Pandangan ini selaras dengan teori konstruktivisme yang dipelopori oleh Jean Piaget dan Lev Vygotsky (Gardner, 1993). Justeru, pembangunan satu intervensi baharu yang memudahkan teknik melukis dengan Bahan Bantu Belajar sebagai inisiatif utama dalam pencapaian sesuatu matlamat kajian tindakan ini. Penciptaan BBB baharu ini diharapkan dapat meningkatkan interaksi murid dengan alat dan bahan untuk pembinaan ilmu pengetahuan serta kemahiran seni lukis melalui proses konstruktivisme mereka.

## **KAJIAN LITERATUR**

Teori pembelajaran sosial oleh seorang pakar sosiologi yang terkemuka di dunia pendidikan, Albert Bandura (1925 - 2019), tingkah laku juga boleh dipelajari melalui pemerhatian dan pemodelan atau peniruan, iaitu memerhati tindakan orang lain, termasuk ibu bapa dan rakan sebaya, kanak-kanak dapat mengembangkan kemahiran baru dan mendapatkan maklumat baru. Seperti yang sedia maklum, manusia merupakan perkara utama yang diperhatikan oleh kanak-kanak sejak lahir lagi dan autonomi manusia dan alam sekitar merupakan perkara yang terdekat dengan kehidupan seharian mereka. Melalui pemerhatian dan penerokaan, murid-murid dengan senang hati dan seronok menjana idea melalui pengalaman secara langsung (Bandura, 1975). Berdasarkan konsep peniruan ini, Bahan Pembelajaran VisMage dibangunkan untuk memudahkan peniruan imej atau bayang-bayang yang ingin dilukis oleh murid. Melalui bahan pembelajaran VisMage, murid dikehendaki mencari atau mengenalpasti imej atau subjek yang ingin dilukis sebagai karya ekspresi estetik mereka. Proses penghasilan imej dengan VisMage ini akan meningkatkan pemerhatian murid dengan lebih teliti dari aspek unsur rupa, bentuk, susun letak dan kadar banding sesuatu subjek di samping meningkatkan keupayaan kognitif dan juga domain kreativiti kerana keinginan untuk meneroka bagi memenuhi perasaan ingin tahu turut meningkat. Tambahan lagi, kemahiran motor kasar dan motor halus serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) juga semakin dibangkitkan semasa proses penggunaan VisMage.

Untuk merealisasikan pelaksanaan PdPc yang menyeronokkan dan bermakna, BBB VisMage ini dicipta berlandaskan pendekatan melalui penerokaan dan teori pembelajaran Konstruktivisme sepertimana yang disarankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Dari perspektif ini, proses pembelajaran seharusnya menggalakkan murid-murid menemui hasil pembelajaran sendiri secara berdikari. Hal ini telah menjadi tumpuan dan objektif utama dalam penciptaan alatan VisMage yang berkonsepkan Pembelajaran Akses Kendiri. Alatan ini bukan sahaja mampu dicipta oleh guru, malah imej yang ingin dilukis boleh diteliti dari pelbagai sudut dengan panduan carta kadar banding yang bernisbah keemasan dalam bidang seni lukis. Justeru, murid mampu melukis dengan yakin dengan bimbingan guru secara minima sama ada dalam kelas ataupun di rumah sendiri. Perspektif ini telah dijadikan landasan pembangunan alatan VisMage yang memudahkan aktiviti lukisan yang ditingkatkan nilai estetik dari aspek bentuk, susun reka letak serta kadar banding.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Pembangunan Bahan Bantu Belajar (BBB) untuk proses penghasilan lukisan adalah berlandaskan teori Konstruktivisme dan pendekatan belajar melalui pemerhatian pemodelan serta peniruan imej subjek. Setelah proses pencarian sumber ilham dan penerokaan pelbagai bahan lukisan, alatan ini merangkumi sebuah bekas bertapak lukisan dipasang lampu untuk memudahkan peniruan bayang-bayang dibangunkan. Alatan pemudahcaraan imej lukisan dibantu dengan carta lutsinar untuk murid meneliti subjek dari aspek rupa, bentuk, kadar banding dan juga reka susun letak. Penggunaan BBB VisMage

untuk bidang menggambar merupakan intervensi lukisan ini bagi murid yang dikesan mempunyai kekurangan kemahiran lukisan dalam kajian ini.

Objektif khusus kajian tindakan ini adalah seperti yang berikut:


- mengenalpasti kelemahan BBB VisMage dalam penghasilan lukisan bagi murid Tahun satu.
- mengenalpasti kelebihan BBB VisMage dalam penghasilan lukisan bagi murid Tahun Satu.
- mengemukakan cadangan penambahbaikan pelaksanaan BBB VisMage dalam penghasilan karya lukisan murid Tahun Satu.

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- Apakah kelemahan BBB VisMage dalam penghasilan lukisan bagi murid Tahun Satu?
- Apakah kelebihan BBB Vismage dalam penghasilan lukisan bagi murid Tahun Satu?
- Apakah cadangan penambahbaikan BBB VisMage dalam penghasilan karya lukisan murid Tahun Satu ?

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian tindakan digunakan untuk memastikan objektif kajian ini tercapai. Untuk melicinkan proses pelaksanaan kajian, Model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) diadaptasikan seperti Rajah 1 di bawah.



Rajah 1. Gelung Dalam Model Kajian Tindakan Kemmis Dan McTaggart

Pengkaji dapati murid-murid Tahun 1 menghadapi masalah melukis figura semasa perbincangan bersama guru sekolah dalam Program "Teaching School". langkah mereflek, seterusnya, pengkaji mula merancang dan membangunkan satu BBB yang di beri nama VisMage. Vismage merupakan satu alatan pembelajaran yang mengandungi tapak berlampu yang membantu pelajar menangkap imej baying-bayang. Selain bekas berlampu ini, BBB Vismage merangkuni carta berpetak dan juga bergarisan "Nisbah Keemasan" untuk membantu murid semasa aktiviti melukis.

Dengan dibangunkan BBB VisMage ini, pasukan pengkaji meneruskan gelung kedua dengan cadangan penambahbaikan. Langkah merancang, bertindak dan memerhati dilaksanakan semula untuk mengenalpasti kelebihan dan kelemahan intervensi yang

dimajukan itu. Langkah-langkah pelaksanaan intervensi adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2  
Kitaran Pelaksanaan Intervensi



Minggu	Intervensi
Minggu Pertama	<ul style="list-style-type: none"> <li>- pelaksanaan gelung pertama dengan pembangunan BBB VisMage</li> <li>- Tindakan kelas dilaksanakan dengan pengumpulan data pemerhatian serta rekod kemajuan I &amp; II.</li> <li>- Refleksi untuk mengemukakan langkah penambahbaikan dalam pelaksanaan intervensi.</li> </ul>
Minggu Kedua	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggunakan BBB VisMage bersama carta yang ditambah baik sebagai garis panduan semasa melukis.</li> <li>- Tindakan kelas gelung kedua dan rekod kemajuan III dikutipip.</li> </ul>


Kumpulan sasaran kajian tindakan ini adalah 12 orang murid Tahun Satu di SK Sg. Kawi, Meradong, Sarawak. Tiada pemilihan persampelan bilangan murid atas pertimbangan pelaksanaan tindakan kelas dalam konteks kelas sebenar. Guru yang dilantik untuk melaksanakan intervensi merupakan guru PSV berkolaboratif dalam Program "Teaching School". Dapatan rekod kemahuan I, II dan III dianalisis secara kuantitatif, manakala, dapatan temu bual dan pemerhatian dianalisis dengan pendekatan bertema secara manual.

### PELAKSANAAN TINDAKAN

Proses pembangunan BBB VisMage merangkumi langkah pengadaptasian dan pengubahsuaian ilham dengan idea asal Albert Bandura (1925 – 2019) dalam Pembelajaran Sosial (Bandura, 1975). Manusia belajar melalui peniruan alam sekitar. Begitu juga semasa aktiviti melukis, murid boleh belajar melalui peniruan imej alam sekitar yang dilihat dan diteliti. Penekanan pembelajar unsur seni seperti rupa, bentuk, kadar banding dan juga susun letak subjek yang ingin dilukis adalah penting dalam ekspresi visual yang kritis dan kreatif. Bekas yang bertapak dipasang lampu pada Jadual 3 di bawah membantu proses menangkap dalam lukisan. Manakala, kepingan carta berpetak dan bergarisan "Nisbah Keemasan" membantu murid meneliti dan mengkaji susun letak dan kadar banding subjek yang ingin dilukis dalam karya.

Jadual 3  
Alatan VisMage

	
<p>Kotak yang boleh dipasang lampu pancaran untuk dijadikan tapak menangkap.</p>	<p>Bekas yang bertapak lukisan dihasilkan supaya mesra pengguna dan menarik.</p>



Penghasilan lukisan dengan alatan VisMage mengaplikasikan konsep pembelajaran melalui peniruan model/ imej dan juga penerokaan akses sendiri murid. Pasukan pengkaji telah banyak mengeksplorasi pelbagai bahan dan melakukan banyak penambahbaikan bagi merealisasikan hasrat pembinaan alat dan bahan yang bukan sahaja membekalkan peluang PdPc PSV yang menyeronokkan dan bermakna, malah ia dapat meningkatkan sifat ‘sense of belonging’ dalam kalangan murid-murid di mana mereka sendiri membentuk imej yang diinginkan dalam ekspresi kreatif masing-masing. Rajah 2 menunjukkan langkah penggunaan alatan VisMage di mana murid menghasilkan karya lukisan di atas bekas berlampu untuk menangkap imej bayang-bayang seperti berikut:

Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4
			
Membuat lakaran mengikut bayangan pada kotak cahaya.	Rupa bayang bayang dirujuk utk melengkapkan aksi figura.	Kemaskan figura secara lengkap dengan garisan terperinci.	Contoh hasil karya dan kemudian boleh diwarnakan

Rajah 2/ Langkah Penggunaan VisMage

Setelah alatan VisMage dibangunkan, 12 orang murid Tahun Satu di SK. Sg. Kawi dijadikan peserta kajian tindakan sebanyak dua pusingan. Pemerhatian tingkah laku murid semasa aktiviti melukis merupakan data pemerhatian, manakala hasil lukisan murid dari peringkat awal sehingga minggu kedua direkod dan dianalisis sebagai data kualitatif dan juga kuantitatif. Rajah 3 berikut mendokumentasikan pelaksanaan kajian tindakan semasa tindakan kelas bersama guru kelas Seni Visual dalam program “Teaching School” IPGK Rajang pada tahun 2020.






Rajah 3 Pelaksanaan Kajian dengan Penggunaan Vismage



## DAPATAN KAJIAN

Terdapat dua kitaran kajian tindakan dilaksanakan pada tarikh yang berbeza pada bulan Feb - Mac 2020 dan di SK. Sg Kawi, Meradong, Sarawak. Data yang dikutip merangkumi rekod-rekod kemajuan, data pemerhatian dan juga maklum balas temu bual guru panitia PSV dan murid kelas tersebut. Jadual 4 berikut memaparkan rumusan analisis pemerhatian hasil lukisan murid.

Jadual 4  
Rumusan Pemerhatian dari Analisis Awal Sehingga Kitaran Kajian Tindakan

Rekod Pemerhatian Hasil Karya Muird	Catatan Kelemahan & Kekuatan
<p>Rekod kemajuan 1 (Data awalan) → Rekod kemajuan 2 → Rekod kemajuan 3</p> 	<p>Susun reka letak semakin tepat. Contohnya buah anggur yang bukan di atas buah pisang tetapi di belakang buah epal.</p>
<p>Rekod kemajuan 1 (Data awalan) → Rekod kemajuan 2 → Rekod kemajuan 3</p> 	<p>Garis perspektif sawah padi terjadi dengan bantuan carta lutsinar yang bergaris.</p>
<p>Rekod kemajuan 1 (Data awalan) → Rekod kemajuan 2 → Rekod kemajuan 3</p> 	<p>Kadar banding bunga dengan bangunan semakin tepat dengan adanya VisMage. (rupa bunga dan burung semakin kecil)</p>


Selain pemerhatian tingkahlaku murid semasa penghasilan karya lukisan rumah dan buah-buahan, hasil karya murid juga ditaksir berdasarkan empat kriteria penilaian bidang menggambar dan rumusan analisis skor min untuk kelas tersebut dipaparkan pada Jadual 5 di bawah.

Berdasarkan Jadual 5, kriteria olahan kadar banding dan susun reka letak meningkat dengan paling banyak (16%), manakala, kriteria Ekspresi Kreatif paling kurang jelas dalam peningkatannya (9%). Secara keseluruhan pula, peningkatan skor min sebanyak 48.4% dapat dikesan dari rekod kemajuan I hingga kemajuan III. Perbandingan skor min ini ditunjukkan pada Rajah 4.

Jadual 5

Dapatan Skor Min Pentaksiran Hasil Karya Murid Tahun 3

Bil.	Kriteria Penilaian	Rekod Kemajuan 1	Rekod Kemajuan 2	Rekod Kemajuan 3
1.	Pemahaman Unsur Rupa & Bentuk (25%)	9.6	20.5	20
2.	Olahan Kadar Banding dan Susun Reka Letak Subjek Lukisan (25%)	6.5	12	22.5
3.	Ekspresi Kreatif (25%)	15	17	24
4.	Persembahan Kekemasan (25%)	7.5	10.5	20.5
<b>Jumlah Keseluruhan (100%)</b>		<b>38.6%</b>	<b>60%</b>	<b>87%</b>



Rajah 4. Carta Perbandingan Skor Min Rekod Kemajuan

Selain daripada data kuantitatif di atas, pengkaji juga telah mengutip data temu bual guru panita PSV dan juga seorang pensyarah pakar bidang Pendidikan Seni Visual tentang alatan VisMage. Data ini dianalisis dengan mencari 'tema' kajian dalam penghasilan karya seni visual. Jadual 6 di bawah memaparkan rumusan dapatan temu bual.

Jadual 6

Dapatan Temu Bual Terhadap Bahan Bantu Belajar VisMage

Data Temu Bual	Dapatan Kelemahan & Kekuatan Intervensi
Alatan VisMage meningkatkan kesensitifan murid terhadap unsur rupa, bentuk dan juga susun reka letak subjek.	Membangkitkan perkembangan domain kreatif dengan ditingkatnya kepekaan deria visual yang penting dalam aktiviti melukis.
Penerangan guru berkaitan unsur rupa dan bentuk serta penghuraian kadar banding dan susun reka letak subjek mudah difahami oleh murid dengan pengaplikasian alatan Vismage dalam semasa aktiviti lukisan. I	meningkatkan proses pengajaran secara mudah.
Murid dapat menangkap imej (bayang-bayang) yang dibentuk melalui pancaran cahaya secara mudah.	mesra pengguna dan senang dibawa ke dalam kelas/ luar bilik darjah.
Murid mampu menghasilkan karya lukisan kemas	-nilai estetik karya semakin

dengan adanya carta lutsinar sebagai panduan.	meningkat
Proses menangkap imej memerlukan lampu pancaran yang terang sehingga bayang-bayang dibentuk dengan jelas.	Lampu bateri dalam alatan VisMage kurang terang semasa siang hari.

Dapatan data kualitatif dan kuantitatif di atas banyak membantu pengkaji untuk membuat refleksi setelah setiap kitaran kajian tindakan. Hasil sesi refleksi banyak membantu memajukan pelaksanaan aktiviti lukisan khususnya dalam penambahbaikan alatan VisMage yang disempurnakan dengan carta lutsinar yang bergarisan petak dan “Nisbah Keemasan” sebagai panduan melukis semasa kitaran kedua dalam pelaksanaan kajian tindakan.

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kemajuan kemahiran melukis dalam proses PdPc Pendidikan Seni Visual dengan alatan VisMage dalam kelas Tahun Satu di SK. Sungai Kawi, Meradong, Sarawak adalah memberangsangkan. VisMage bukan sahaja diminati oleh murid dan guru-guru yang terlibat, malah ia diyakini juga mampu meningkatkan peluang murid untuk ekspresi kreatif semasa penghasilan karya lukisan. Hal ini kerana semasa melakukan aktiviti melukis dengan penggunaan alatan VisMage yang bersifat penerokaan secara sendiri, proses penerimaan sensori atau deria penglihatan dan sentuhan yang terancang akan memberikan satu pengalaman pembelajaran yang bermakna serta penguasaan Standard Pembelajaran DSKP akan terbina untuk membantu perkembangan holistik ke tahap optimum.

Rumusan dapatan kajian in disokong dan disahkan oleh seorang pensyarah PSV IPG Kampus Rajang. Beliau menganggap alatan VisMage ini sebagai satu produk inovasi yang boleh dibanggakan dalam kalangan warga pendidik PSV di Malaysia sekiranya penyebaran dan penyelenggaraannya dapat diluaskan di semua sekolah. Murid dibekalkan peluang penerokaan dan interaksi dengan alatan dan bahan VisMage secara bebas. Mereka perlu memberikan tumpuan dan perhatian untuk meneliti subjek yang ingin dilukis. Proses ini meningkatkan daya konsentrasi murid dan juga menajamkan deria kesensitifan visual. Dengan ditingkatnya kesensitifan deria dan juga daya konsentrasi yang lebih lama, sudah pastinya membantu murid lebih memberi focus kepada pelajaran dan juga lebih mempunyai inisiatif dalam aktiviti pembelajaran mata pelajaran secaranya amnya. Perasaan gembira dan puas semasa menjalankan PdPc dengan aktiviti melukis yang lebih tinggi nilai estetik ini berjaya merangsang murid untuk pembelajaran yang berterusan. Dalam erti kata lain, aktiviti ini merupakan satu aktiviti pembelajaran “minds on – hands on” yang menyeronokkan.

Tambahan pula, pelaksanaan aktiviti melukis dengan alatan VisMage boleh dirancang secara kumpulan, berpasangan ataupun individu. Aktiviti penggunaan VisMage ini boleh dirancang oleh guru sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Perancangan rapi dalam penggunaan VisMage boleh menjelma hasil daripada keinginan semula jadi murid bukan saja dalam bidang pembelajaran. Justeru itu, ia bukan sahaja merangsang perkembangan pemikiran kritis, malah perkembangan pemikiran kreatif murid malah perkembangan holistik murid secara amnya.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, teknik lukisan dengan penggunaan alatan VisMage merupakan intervensi baharu yang mampu memainkan peranan penting dalam membantu murid melukis subjek dengan tepat di bawah bidang menggambar Pendidikan Seni Visual. Bahan Bantu Belajar VisMage bukan sahaja boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah, malahan kelas Prasekolah dan juga sekolah menengah. Selain itu, VisMage ini juga mempunyai nilai tambah untuk membantu aktiviti menulis Kaligrafi Bahasa Cina dan juga Bahasa Jawi. Alatan VisMage juga dikesan



mampu meningkatkan pemahaman asas seni reka dan juga susun reka letak serta kadar banding subjek yang ingin dilukis. Ia juga mampu memajukan lagi ekspresi kreatif serta nilai estetik karya murid. Kesemua usaha kajian tindakan ini serta pencapaiannya memenuhi kehendak dan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan perkembangan holistik pelajar selaras dengan semasa dan masa depan negara kita (Tajul Ariffin Noordin & Nor Aimi Dan, 2006).

## RUJUKAN

- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Barrington Barber. (2004). *Through The Eyes of Leonardo Da Vinci*. Ohio: Gramercy Books.
- Berry, William A. (1977). *Drawing the Human Form: A Guide to Drawing from Life*. New York: Van Nortrand Reinhold Co.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The Theory in Practice*. New York: Harper Collins
- H. Anna Suh. (2014). *Leonardo's Notebooks: Writing and Art of the Great Master*. New York: Black Dog and Leventhal Publishers Inc.
- Herberholz, D, Herberholz, B. (2002). *Artworks For Elementary Teachers 9<sup>th</sup> ed: Developing Artistic and Perceptual Awareness*. Mc Graw Hill.
- Jacobs, Ted Seth (1986). *Drawing With An Open Mind*. New York: Watson-Guption Publications.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. (Eds) (1988), *The Action Research Planner*, 3rd ed., Deakin University Press, Geelong, Victoria.
- Lowenfeld, V. & Brittain, W.L. (1975). *Creative And Mental Growth. Ed. ke-6*. New York: MacMillan
- Tajul Ariffin Noordin & Nor Aimi Dan. (2006). *Pendidikan Daripada Perspektif Tajul Ariffin Noordin*. Diperoleh daripada <http://www.oocities.org/pendidikmy/berita/berita132003.html>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind And Society: The Development Of Higher Mental Processes*. In M. Cole, V. John-Steiner, S. Scribner, & E. Souberman (Eds.) Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Zaiton Binti Mohamad, Lee Chai Huat, Zamri Bin Mohd Noor & Muharni binti Mustafar. (2017). *Pendidikan Kesenian (SK) Tahun 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri bin Mohd Noor & Muharni binti Mustafar. (2016). *Dunia Seni Visual (SK) Tahun 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## SIKAP DAN MINAT PELAJAR MAAHAD TAHFIZ DAERAH KUALA KANGSAR TERHADAP PROGRAM PISH TAHFIZ BERKEMAHIRAN

**MOHD LUKMAN DAUD<sup>1</sup>, MARZUKI AHMAD<sup>2</sup>**

Kolej Komuniti Kuala Kangsar, No. 60-62 Bangunan MPKK,  
Jalan Dato Maharajalela, 33000 Kuala Kangsar, Perak.

<sup>1</sup>mankss@yahoo.com, <sup>2</sup>marzukikkt@gmail.com

### ABSTRAK

Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) merupakan satu program yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta taraf sosio-ekonomi masyarakat khususnya kepada pelajar-pelajar tahfiz, pelajar sekolah pondok, pelajar maahad dan institusi agama Islam yang lain. Konsep Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) merangkumi pendidikan duniawi dan ukhrawi. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sikap dan minat pelajar maahad tahfiz di Daerah Kuala Kangsar dan juga bertujuan untuk melihat perbezaan dari aspek jantina terhadap sikap dan minat bagi program berkemahiran ini. Seramai 102 pelajar maahad tahfiz di Daerah Kuala Kangsar dipilih sebagai responden kajian untuk menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Packages For Social Science* (SPSS) versi 21.00 dan dapatan kajian dihuraikan dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi untuk menganalisa hipotesis kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap sikap pelajar Maahad Tahfiz Daerah Kuala Kangsar terhadap program PISH berkemahiran adalah tinggi. Manakala bagi konstruk minat mendapati minat pelajar Maahad Tahfiz daerah Kuala Kangsar terhadap program PISH berkemahiran juga adalah tinggi. Hasil dapatan menggunakan *Independent Samples Test* pula menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap sikap dan minat terhadap program PISH.

Kata Kunci: Sikap, Minat, Maahad Tahfiz, Program PISH, Kemahiran

### PENGENALAN

Idea pelaksanaan Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) berdasarkan saranan yang dikemukakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia (TPM) semasa Perhimpunan Agung UMNO pada 7 Disember 2013. Pendidikan negara telah mengalami banyak perubahan dan transformasi selari dengan pembangunan negara sejak kemerdekaan. Pendidikan dilihat dapat meningkatkan kualiti kehidupan dari segi ekonomi dan sosial kehidupan manusia. Menurut Aleng (2016), pendidikan di Malaysia pada era globalisasi menghadapi tuntutan yang besar bagi meningkatkan martabat pendidikan di negara ini. Modal insan yang ingin dilahirkan melalui transformasi pendidikan hendaklah berupaya untuk melahirkan modal insan yang berfikir secara kritis dan kreatif, berinovasi, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta berkebolehan untuk berdepan dengan persekitaran global dan dinamik.

Program Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) mula diperkenalkan di Kolej Komuniti Malaysia sejak tahun 2014. Objektif utama penubuhan program ini adalah untuk menerapkan kemahiran psikomotor terutama kepada kumpulan sasaran sekolah agama sekitar berkaitan ilmu dan kemahiran-kemahiran teknikal (TVET). Program ini mensasarkan komuniti dalam aliran agama bagi menambahkan *softskills* mereka. Antara kemahiran yang boleh dijalankan seperti kemahiran kejuruteraan, kemahiran seni kulinari, kemahiran keusahawanan dan banyak lagi. Pada tahun 2017, Perdana Menteri iaitu YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak telah melancarkan satu inisiatif Tahfiz Berkemahiran

khusus kepada pelajar tahfiz untuk menambahkan pengetahuan mereka berkaitan kemahiran. Sebanyak RM 500,000 diperuntukkan untuk menjalankan kursus tahfiz berkemahiran ini.

Objektif pelaksanaan PISH di Kolej Komuniti adalah untuk membina hubungan dan merapatkan ukhwaah antara Kolej Komuniti dan Institusi luar selain dari meningkatkan penyertaan masyarakat dalam PISH selepas pendidikan rasmi di peringkat sekolah menengah untuk melahirkan modal insan yang seimbang dengan penggabungan latihan kemahiran dan pendidikan Islam. Pelaksanaan PISH di Kolej Komuniti terbahagi kepada tiga fasa iaitu:

Senario pembelajaran di sekolah tahfiz berkonsepkan hafalan qur'an dan kitab-kitab agama. Pelajar dalam lingkungan usia belasan tahun pada logiknya wajar diterapkan dengan pelbagai kemahiran lain selain kemahiran menghafaz. Model Pendidikan yang berkesan ialah yang mempunyai elemen 2K 1P (kemahiran, kepimpinan, pengetahuan). Untuk menerapkan kemahiran kepada pelajar tahfiz tentang konsep Tahfiz Berkemahiran ini maka Kolej Komuniti Kuala Kangsar telah menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan..

Pada tahun 2018, Kolej Komuniti Kuala Kangsar telah menjalankan Program PISH dengan nama program "1 Tahfiz 1 Kemahiran" di mana ia merupakan satu program kolaborasi antara Kolej Komuniti Kuala Kangsar, Jabatan Agama Islam Perak dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Program kerjasama ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga tahfiz tentang ilmu kemahiran bidang aplikasi komputer serta keusahawanan untuk meningkatkan pengetahuan pelajar-pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Addin 3, Kuala Kangsar, Perak yang melibatkan 20 pelajar lelaki. Sebanyak RM 5000.00 telah diperuntukkan untuk program ini yang dibiayai sepenuhnya oleh Jaip dan Maip.

Seterus pada tahun 2019, Kolej Komuniti Kuala Kangsar telah menjalankan 2 Program PISH dengan nama program adalah "Program Tahfiz Berkemahiran Bersama Kolej Komuniti" di mana ia merupakan satu program kolaborasi antara Kolej Komuniti Kuala Kangsar, Jabatan Agama Islam Perak dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak yang melibatkan peruntukan RM 5000.00. Dimana melibatkan 20 pelajar perempuan daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Addin 6, Kuala Kangsar, Perak dalam bidang pastri dan keusahawanan.

Satu Program lagi adalah "Program Kemahiran Pelajar Tahfiz Fasa II 2019 Kolej Komuniti Kuala Kangsar" dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang melibatkan peruntutan RM 4800.00. Di mana melibatkan 20 pelajar perempuan daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Addin 13, Kuala Kangsar, Perak juga dalam bidang pastri dan keusahawanan.

Tujuan pelaksanaan program ini juga diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar Maahad Tahfiz mendapatkan ilmu kemahiran serta keusahawanan yang seterusnya diharapkan dapat digunakan dalam kehidupan.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang bertujuan meningkatkan akses dan kualiti pendidikan tinggi Negara menegaskan dalam lonjakkan ketiga dari sepuluh lonjakkan sebagai "Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat". Kenyataan penting bagi lonjakkan ini menyatakan "tatkala Malaysia mengorak langkah untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi akan terus meningkat. Malaysia juga memerlukan kepada kemudahan akses peluang pendidikan yang berkesan dan berterusan. Dengan pelancaran Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun 2011 dan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat pada tahun 2014 ia memberi satu lonjakkan untuk meneruskan kemajuan awal khususnya kepada golongan sasaran sasaran iaitu belia untuk mendapat pendidikan secara formal yang boleh menjana pendapatan sampingan dan meningkatkan taraf sosioekonomi.

Berdasarkan kepada laporan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dalam Model Baru Ekonomi, sebahagian besar tenaga kerja di Negara ini terdiri daripada kelompok yang tidak berkemahiran tinggi dan ia dikhuatiri terus menjadi kekangan kepada sasaran negara mencapai status negara maju. Menurut Imran (2009) peranan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada kolej komuniti selaku pemudahcara dengan menyediakan fasiliti latihan dan juga tenaga pengajar yang pakar dalam bidang kemahiran masing-masing menggalakkan lagi minat dan kecenderungan masyarakat setempat untuk mengikuti bidang kemahiran yang ditawarkan oleh pihak kolej komuniti.

Menurut Idris Jusoh (2015) Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) adalah agenda negara dalam usaha mempersiapkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dengan menggabungkan kemahiran dan pendidikan akademik yang bersifat ukhrawi dan duniawi yang dapat melahirkan pelajar yang lebih bersifat holistik. Melalui kerjasama kolej komuniti dan politeknik, pelajar aliran agama, tahfiz dan juga sekolah pondok kini berpeluang untuk memperolehi sijil kemahiran yang ditawarkan oleh kolej berkenaan.

Fazurawati Che Lah (2018) berpandangan bahawa jika dahulu segelintir masyarakat menganggap pengajian di sekolah aliran agama atau tahfiz dipandang sepi oleh masyarakat. Mereka dianggap sebagai golongan kelas kedua dan tidak seegah aliran sains atau sastera. Malah ada juga yang menganggap pelajarannya tidak mempunyai masa depan cerah dan sukar mendapat pekerjaan terutama dalam bidang professional. Mereka dilabel hanya tahu pendidikan agama, kurang fasih berbahasa Inggeris, tidak mempunyai kemahiran termasuk dalam komunikasi dan sosial.

Kebanyakan pelajar-pelajar khususnya dari aliran agama masih kurang berminat mengikuti pendidikan teknik atau dalam bidang kemahiran kerana masih menganggap sebagai bidang bagi golongan tercicir dalam bidang akademik. Tanggapan ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada minat pelajar untuk mengikuti pendidikan berkemahiran.

Segelintir guru melihat potensi lebih luas bagi pelajar menyambung ke peringkat SPM atau STPM terutama yang berpotensi dalam bidang sains dan perakaunan kerana ia dapat memenuhi pasaran kerja dan nilai professional yang tinggi (Nur Syamila Kamarul Arefin 2018).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu edaran soalselidik kepada sampel yang dicadangkan. Soal selidik yang digunakan adalah soalan yang telah diuji kesahannya. Kajian akan diukur menggunakan skala likert 1 hingga 5. Kaedah analisis yang terlibat ialah peratusan, min dan perbandingan min.

### **Rekabentuk Kajian**

Rekabentuk bagi kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan dengan menggunakan soalselidik. Rekabentuk kajian ini dipilih atas rasional kesesuaiannya dengan perancangan kajian yang memerlukan pengumpulan data secara langsung dari pelajar tahfiz berkaitan dengan pelaksanaan program PISH Tahfiz Berkemahiran.

### **Persampelan**

Populasi di dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar maahad tahfiz yang berdaftar dibawah Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIP) di Daerah Kuala Kangsar. Kajian ini telah menggunakan jadual penentuan saiz sampel kajian oleh Krejue & Morgan (1970) dalam prosedur menentukan saiz sampel yang hendak digunakan. Memandangkan populasi dalam kajian ini dianggarkan sebanyak 130 orang dan merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel kajian, penetapan seramai 102 orang pelajar tahfiz digunakan sebagai sampel adalah mencukupi bagi proses menganalisis kajian ini. Teknik pemilihan sampel kajian ini dilakukan secara rawak mudah.

### Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik telah digunakan dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian yang dirangka.

### OBJEKTIF KAJIAN

- Mengenalpasti sikap pelajar tahfiz terhadap program PISH Tahfiz Berkemahiran di Daerah Kuala Kangsar.
- Mengenalpasti minat pelajar tahfiz terhadap program PISH Tahfiz Berkemahiran di Daerah Kuala Kangsar.
- Mengkaji perbezaan antara jantina terhadap sikap dan minat pelajar tahfiz terhadap program PISH Tahfiz Berkemahiran di Daerah Kuala Kangsar

### PERSOALAN KAJIAN

- Apakah aspek sikap pelajar tahfiz terhadap program PISH Tahfiz Berkemahiran di Daerah Kuala Kangsar?
- Apakah aspek minat pelajar tahfiz terhadap program PISH Tahfiz Berkemahiran di Daerah Kuala Kangsar?
- Apakah terdapat perbezaan antara jantina terhadap sikap dan minat pelajar tahfiz terhadap program PISH Tahfiz Berkemahiran di Daerah Kuala Kangsar?

### HIPOTESIS KAJIAN

- Hipotesis kajian ini berdasarkan kepada permasalahan kajian dan objektif kajian ialah:
- Tidak terdapat perbezaan sikap antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap program PISH Tahfiz Berkemahiran di Daerah Kuala Kangsar.
  - Tidak terdapat perbezaan minat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap program PISH Tahfiz Berkemahiran di Daerah Kuala Kangsar.

### KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN

Sebelum sesuatu instrumen ditadbir dalam kajian sebenar, ia perlu melalui proses mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item bagi menjamin kualiti instrumen dan data yang diperolehi. Tahap ini penting bagi memastikan ketepatan data dalam penyelidikan data yang sebenar dapat menjawab kesemua persoalan kajian yang telah digariskan dalam kajian ini.

Kebiasaannya pengkaji merujuk kepada pekali kebolehpercayaan *alfa cronbach* untuk mengukur tahap kebolehpercayaan item-item dalam instrumen. Nilai kebolehpercayaan ini dirujuk dalam model pengukuran yang biasa digunakan berdasarkan *True Score Test Theory* (TSTT) @ dikenali sebagai model klasik. Menurut Bond & Fox (2015) skor nilai Alpha Cronbach yang boleh diterima adalah 0.71-0.99.

#### Jadual 1

#### Interprestasi Skor *Alpha Cronbach*

Skor Alpha Cronbach	Interprestasi Kebolehpercayaan
0.9 – 1.0	Sangat baik dan efektif (Tahap konsistensi yang tinggi)
0.7- 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6- 0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu dibaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Berdasarkan hasil analisis kajian rintis nilai *alfa* yang diperolehi bagi keseluruhan item dalam sikap ialah 0.808 ( $\alpha > 0.6$ ). Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan bagi 11 item

dalam soal selidik sikap pelajar tahfiz terhadap program PISH berkemahiran adalah baik dan boleh diterima untuk menjalankan kajian selanjutnya.

Nilai *alfa Cronbach* bagi soal selidik 2 pula ialah 0.723 ( $\alpha > 0.6$ ). Soal selidik mengenai minat pelajar tahfiz terhadap program PISH tahfiz berkemahiran juga baik dan boleh diterima.

## DAPATAN KAJIAN

### Sikap Pelajar Terhadap Program PISH Berkemahiran

Berdasarkan Jadual 2 di bawah di dalam konstruk sikap pelajar menunjukkan nilai Min tertinggi iaitu 4.45 (59.8 %) pelajar sangat bersetuju bahawa Program Tahfiz Berkemahiran membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada lepasan sekolah tahfiz. Item yang menunjukkan nilai min kedua tertinggi adalah 4.39 (54.9%) yang mana mereka sangat setuju bahawa program tersebut mampu memberi kelebihan dan potensi diri kepada mereka. Nilai Min yang ketiga tertinggi adalah pada item 8 iaitu nilai min 4.25 (42.2%) sangat setuju bahawa dengan pelaksanaan program ini ia mampu untuk membantu pelajar untuk menguasai bidang kemahiran dengan baik.

Dapatan kajian yang menunjukkan nilai skor min yang paling rendah iaitu 3.49 pada item tentang mengingat isi modul kemahiran yang diajar. Min keseluruhan bagi sikap pelajar perempuan terhadap program PISH Tahfiz berkemahiran lebih tinggi berbanding skor min pelajar lelaki iaitu 4.02.

Jadual 2  
Perbandingan Skor Min Dan Peratusan Bagi Item Sikap

Bil	Item	STS %	TB %	TP %	S %	SS %	Min
1.	Mudah memahami modul kemahiran yang disediakan oleh pihak kolej.	2.0	2.0	36.3	42.2	17.6	3.72
2.	Mengingati isi modul kemahiran yang telah diajar.	2.9	1.0	51.0	34.3	10.8	3.49
3.	Suka melakukan aktiviti perbincangan dalam kumpulan.	1.0	2.9	10.8	51.0	34.3	4.15
4.	Terlibat secara aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.	2.0	2.9	27.5	44.1	23.5	3.84
5.	Melaksanakan semua aktiviti yang diarahkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.	1.0	2.0	21.6	58.8	16.7	3.88
6.	Memberi perhatian semasa guru memberi penerangan .	1.0	2.9	28.4	46.1	21.6	3.84
7.	Suka bertanya apabila tidak memahami modul kemahiran yang diajar.	4.9	2.0	29.4	40.2	23.5	3.75
8.	Program PISH Tahfiz berkemahiran membantu saya untuk menguasai bidang kemahiran dengan baik.	2.0	13.7	0	42.2	42.2	4.25
9.	memberi komitmen sepenuhnya sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran.	2.9	1.0	29.4	43.1	23.5	3.83
10.	Program Tahfiz Berkemahiran membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada lepasan Sekolah Tahfiz.	0	0	14.7	25.5	59.8	4.45
11.	Program Tahfiz Berkemahiran memberi kelebihan dan potensi diri kepada lepasan Sekolah Tahfiz.	0	2.0	11.8	31.4	54.9	4.39

### Minat Pelajar Terhadap Program PISH Berkemahiran

Analisis deskriptif bagi 11 item aspek minat pelajar terhadap program PISH Tahfiz berkemahiran menunjukkan item ke-10 iaitu "Minat terhadap program berkemahiran memberi peluang kepada saya untuk mempelajari ilmu baru" mencatatkan skor min yang paling tinggi iaitu sebanyak 4.53 (57.8%) sangat setuju dan pernyataan tersebut. Manakala, item yang menyatakan pelajar berasa seronok untuk mempelajari bidang kemahiran mencatatkan skor min yang kedua tertinggi iaitu 4.25 atau (42.2%) pelajar sangat setuju dengan pernyataan diatas. Item 2 mencatatkan skor min yang ketiga tertinggi iaitu 4.23 atau (48.0%) pelajar sangat setuju dengan kursus kemahiran yang ditawarkan oleh pihak kolej.

Item 6 menunjukkan skor min yang paling rendah iaitu 3.19 diikuti item 7 dan item 9. Walaubagaimanapun interpretasi min masih lagi dalam julat sederhana dan tinggi.

Min keseluruhan bagi minat, menunjukkan bahawa skor min pelajar perempuan lebih tinggi berbanding skor lelaki iaitu 4.08.

Jadual 3

Perbandingan Skor Min Dan Peratusan Bagi Item Minat

Bil	Item	STS %	TB %	TP %	S %	SS %	Min
1.	Seronok untuk mempelajari bidang kemahiran.	1	0	13.7	43.1	42.2	4.25
2.	Berminat kepada kursus kemahiran yang ditawarkan oleh pihak kolej.	0	2.0	21.6	28.4	48.0	4.23
3.	Suka melakukan aktiviti hands-on (amali kerja tangan).	0	2.9	16.7	38.2	42.2	4.20
4.	Modul kemahiran yang disediakan oleh pihak kolej memupuk minat.	0	1.0	21.6	41.2	36.3	4.13
5.	Berminat untuk mendalami kandungan berkaitan kemahiran.	1.0	2.0	15.7	40.2	41.2	4.19
6.	Minat terhadap kemahiran adalah atas pengaruh rakan sebaya.	3.9	28.4	27.5	25.5	14.7	3.19
7.	Minat terhadap kemahiran datang selepas menyertai kursus yang dianjurkan oleh pihak Kolej Komuniti.	3.9	7.8	27.5	38.2	22.5	3.68
8.	Minat terhadap kemahiran bergantung kepada tenaga pengajar yang mengajar kursus tersebut.	1.0	3.9	19.6	48.0	27.5	3.97
9.	Minat terhadap program berkemahiran adalah didorong oleh keluarga.	2.9	11.8	25.5	28.4	31.4	3.74
10.	Minat terhadap program berkemahiran memberi peluang kepada saya untuk mempelajari ilmu baru.	0	1.0	2.9	38.2	57.8	4.53
11.	Mendapat kepuasan sepenuhnya apabila selesai melakukan aktiviti hands on (amali kerja tangan).	1.0	2.0	13.7	41.2	42.2	4.22

### Perbezaan Jantina Terhadap Sikap

Ujian t sampel bebas digunakan untuk membandingkan purata pencapaian skor pelajar lelaki (n=51) berbanding dengan pelajar perempuan (n=51). Berdasarkan Jadual 4 didapati nilai t bagi perbandingan sikap pelajar tahfiz terhadap program PISH berdasarkan jantina adalah signifikan  $t(100) = -1.206$ ,  $P < 0.05$ . Oleh itu, HO1 ditolak, jadi terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar tahfiz berdasarkan sikap.

Jadual 4  
Perbezaan Sikap Pelajar Tahfiz Berdasarkan Jantina

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap Signifikan
Lelaki	51	3.91	.414	100	-1.206
Perempuan	51	4.02	.547		

#### Perbezaan Jantina Terhadap Minat

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi Min pencapaian di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan berdasarkan minat.

Berdasarkan Jadual 5 bagi perbandingan tahap minat pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah signifikan  $t(100) = -1.204$ ,  $P < 0.05$ , oleh itu HOI ditolak dan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan berdasarkan minat.

Jadual 5  
Perbezaan Minat Pelajar Tahfiz Berdasarkan Jantina

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap Signifikan
Lelaki	51	3.97	.423	100	-1.204
Perempuan	51	4.08	.486		

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada skor min keseluruhan mengikut jantina, menunjukkan bahawa skor min sikap lelaki dan perempuan adalah tinggi. Min keseluruhan lelaki bagi sikap adalah 3.90 manakala skor min keseluruhan perempuan adalah 4.02. Mereka bersetuju bahawa program berkemahiran yang dilaksanakan ini mampu untuk memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada mereka serta mampu untuk memberi kelebihan dan potensi kepada mereka untuk bersaing dengan pelajar-pelajar aliran lain. Pendedahan terhadap bidang-bidang kemahiran juga membolehkan mereka menguasai kemahiran tersebut dengan yakin dan baik. Menurut Azlan (2010) keyakinan merupakan suatu aspek yang penting dan ia boleh dipupuk dengan mengenalpasti faktor-faktor pengetahuan kandungan (content knowledge), pengetahuan pedagogi (pedagogical knowledge) serta psikologi pembelajaran yang dapat membantu mereka untuk memperoleh keyakinan tersebut. Pembangunan pelajar tidak hanya diukur dengan pencapaian akademik yang cemerlang tetapi juga meliputi kemahiran dan kualiti yang diperlukan oleh industry pasaran pekerjaan (Jim Steward & Vanessa Knowles, 2000). Menurut Zaini Ujang (2009) pelajar yang mempunyai pasaran kerja yang tinggi adalah mereka yang memiliki kemahiran berfikir, keupayaan berhujah, kesantiaian komunikasi dan perwatakan mulia.

Manakala bagi konstruk minat juga menunjukkan skor min yang tinggi bagi lelaki dan perempuan. Skor min keseluruhan lelaki bagi minat adalah 3.97 manakala skor min keseluruhan perempuan adalah 4.08. Program kemahiran yang ditawarkan oleh pihak kolej memberi peluang kepada mereka untuk mempelajari ilmu baru serta mereka seronok untuk mempelajari kemahiran yang baru. Kemahiran yang berasaskan bakeri, IT, dandan rambut dan sebagainya yang ditawarkan oleh pihak kolej mampu untuk membuka ruang dan peluang kepada lepasan tahfiz untuk bersaing dengan pelajar-pelajar lain terutama yang berkaitan kemahiran.

Dengan pelaksanaan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Perak (MAIPK) ia mampu untuk memberi nilai tambah kepada pelajar aliran tahfiz. Dalam masa yang sama ia dapat memperkukuhkan modal insan dan meningkatkan kualiti masyarakat dalam masa jangka panjang.



## RUJUKAN

- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin, Za'aba Helmi Khamisan. 2008. Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hairunnizam Wahid, Dr Jaffary Awang, Dr Rozmi Ismail, Dr Mohamad Alinor Abdul Kadir, Kamaruddin Salleh. 2016. *Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Sekolah Agama: Satu Kajian awal di Sekolah Menengah Agama Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor*. Kumpulan Kajian Dunia Melayu & Islam ATMA, UKM.
- John C. Chen, Susan M. Lord & Karen J. McGaughey. 2013. Engineering student's development as lifelong learners. *120th ASEE Annual Conference & Exposition 2013*.
- Kahiroh Mohd Salleh, Nor Lisa Sulaiman, Khairul Nazry Talib. 2010. Globalization's Impact on Soft Skills Demand in the Malaysian Workforce and Organizations: What makes graduates employable. *Proceedings of the 1<sup>st</sup> UPI International Conference on Technical and Vocational Education and Training*. Bandung, Indonesia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1997. *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kirby, J.R. Knapper, C., Lamon, P., & Egnatoff, W.J. 2010. Development of a scale to measure lifelong learning. *International Journal of Lifelong Education*.
- M.H Mohamad A., M.A Radzali & F.Azhar. 2008. Aspirasi Kerjaya Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mai Shihah Abdullah & Norman Mat Nor. 2014. Tahap kesediaan pembelajaran pantauan sendiri bagi guru pelatih opsyen Sains di Institut Pendidikan Guru, kampus Kota Bharu. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*.
- Mohamad Nasir Saludin, Nurul Ashirah Othman, Nur Azimah Mahmud (2006) Sumbangan K-Ekonomi dan K-Worker dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. Retrieved Ogos 11,2016 from <http://eprints.utm.my/>
- Mohd Jalil Ahmad, Norhisham Jalani & Annas Akhmal Hasmori. 2015. TVET di Malaysia: Cabaran dan Harapan. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-dekan Pendidikan Awam 2015*.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. 2011. *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*. Vol.6, No.1 Jun 2011.
- Rozana Abd. Rahim dan Nor Hashimah Hashim. 2005. Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan Sekolah Rendah. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005*. Universiti Sains Malaysia.
- Stewart & Knowles, Vanessa. 2000. Graduate Recruitment and selection: Implication for He, graduates and small business recruiters. *Career development international*.
- Syarifah Masitah Syed Salim, Fadzilah Mohd Yusof, Nordin sariju. 2014. Tinjauan Kursus Pendek Kolej Komuniti Pasir Gudang Terhadap Golongan Tahfiz Di Kawasan Pasir Gudang. *Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat JPCK*. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti.
- Zaini Ujang. 2009. *The Elevation of Higher learning (Mengangkasa Pengajian Tinggi)*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

## **MEMBUDAYAKAN AMALAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH PEDALAMAN: SATU TINJAUAN AWAL**

**MOHD FAIZAL NOOR ARIFFIN**

Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam,  
Univerisiti Kebangsaan Malaysia  
mofana\_5503@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Kehadiran era kemajuan sains dan kecanggihan teknologi meledakkan naratif baru kehidupan manusia yang serba moden, pantas serta mengujakan. Situasi ini mustahil dihentikan tetapi yang perlu dilakukan ialah menyusun atur kehidupan manusia dalam semua aspek agar dapat mengadaptasi sebarang bentuk perubahan global. Pendidikan turut menerima kesan besar daripada fenomena ini. Atas faktor itu, sebagai aktiviti terpenting dalam proses pembentukan manusia, pendidikan sewajarnya diprogramkan sebaik mungkin ke arah melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu tetapi turut beradab seterusnya dapat menyumbang yang terbaik untuk kesejahteraan alam. Antara subjek terpenting dalam sesebuah sistem pendidikan yang harmonis ialah Pendidikan Islam. Paradigma yang segar diperlukan bagi memastikan Pendidikan Islam malar relevan di arena pendidikan nasional. Wacana ini akan menjadi semakin kompleks apabila membicarakan perihal Pendidikan Islam di sekolah pedalaman yang menuntut lebih perhatian daripada pelbagai pihak. Artikel ini bertujuan menganalisis secara deskriptif tulisan-tulisan ilmiah berkaitan perkembangan semasa usaha yang dilakukan untuk membudayakan penyelidikan dan inovasi dalam Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pedalaman. Hasil tinjauan awal mendapati terdapat beberapa halangan ke arah menyuburkan amalan penyelidikan dan inovasi dalam subjek Pendidikan Islam di sekolah pedalaman yang dikategorikan kepada faktor manusiawi dan faktor material. Dicadangkan agar semua pemegang taruh Pendidikan Islam di Malaysia menggembeling secara kolektif dan efektif kepakaran, tenaga serta segala sumber bagi memastikan Pendidikan Islam sentiasa dibangunkan secara komprehensif, progresif dan inklusif.

Kata kunci: Penyelidikan, inovasi, Pendidikan Islam, sekolah pedalaman.

### **ABSTRACT**

*The emergence of advancement era for science and technology arise the new narrative of human life which is modern, fast and full of excitement. This phenomenon is inevitable but human life need to be altered to adapt the global changes. In that regard, education is also vulnerable to this circumstance. As the most important practice in molding people, education must be set duly in order to ensure the born generations are not only academically well-educated but civilized to contribute significantly for the betterment of human life. Islamic Education is one of the most substantial subjects in a harmonious education system. A brand-new paradigm is highly appreciated to uphold the sustainability of Islamic Education in national education system. From the other hand, the intellectual discourse will be more complicated when engaging with the schools in the interior areas that requires greater attention from various parties. This article aims a descriptive analysis for the academic writings regarding recent progress in cultivating research and innovation among interior schools. Result shows there are several obstacles to successfully propagate research and innovation practice in interior schools that can be classified into two categories; Human factor and material factor. It is suggested, all Malaysian stake holders in Islamic Education to sit together plus act collectively and effectively*

*utilizing all expertise, energy and sources to guarantee the persistent development of Islamic Education in comprehensive, progressive and inclusive way.*

*Keywords: Research, innovation, Islamic Education, interior school.*

## **PENGENALAN**

Dalam meniti cabaran kemajuan era ini, pendidikan turut menerima tempias dan mesti akur kepada sebarang bentuk perubahan. Oleh itu, pendidikan mesti sentiasa diprogram dan dilakukan proses pembugaran dari segi kandungan serta pendekatan yang bersepadu agar kualitinya sebagai mekanisme terpenting pembentukan manusia tidak tergendala. Kemajuan dan pendidikan tidak boleh diletakkan di posisi yang bertentangan tetapi mesti saling melengkapi dan mengukuhkan secara harmonis. Kemajuan dimanfaatkan untuk memperkasakan pendidikan manakala pendidikan dijadikan pemurni kepada kemajuan. Dengan itu, diharapkan seseorang yang dilahirkan daripada sesebuah sistem pendidikan akan menjadi insan yang berilmu, progresif dan beradab serta dapat menyumbang secara positif dan prolifrik kepada kesejahteraan alam.

Pendidikan yang baik adalah bersifat komprehensif iaitu merangkumi semua aspek pembentukan manusia sama ada fizikal, mental, spiritual dan sosial. Perkara ini dapat difahami dengan jelas seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Oleh itu, usaha yang berterusan untuk memperkaya dan mengupayakan pendidikan memerlukan tindakan secara kolektif semua kepakaran serta sumber dengan mengangkat nilai dinamik, multi dimensi dan ensiklopedik supaya pendidikan memiliki matlamat, falsafah, hikmah, sudut pandangan dan paradigma yang luas, mendalam, terperinci lagi kukuh.

Kemunculan zaman serba canggih ini dengan kebanjiran variasi ciptaan dan aplikasi turut dirancarkan lagi dengan kehadiran Revolusi Perindustrian Keempat atau *The Fourth Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)*. Revolusi Perindustrian 4.0 yang berasaskan perkilangan pintar (*smart factory*) adalah kesinambungan daripada *IR 1.0* (abad ke-18) yang berasaskan penggunaan kuasa wap, *IR 2.0* (abad ke-19) yang berasaskan penggunaan tenaga elektrik dan *IR 3.0* (1970an; Abad ke-20) yang berasaskan penggunaan komputer. Realiti ini merupakan cabaran sebenar yang mesti dihadapi dan dihadami oleh setiap warga pendidikan di semua peringkat iaitu adalah mustahil gelombang kemajuan dihentikan.

Secara ringkasnya pendidikan adalah satu usaha dan proses untuk memelihara, menjaga, mengajar dan melatih (Teuku Iskandar, 2005). Ia juga merupakan satu kegiatan mengajar dan belajar di sesebuah institusi sama ada sekolah, kolej atau universiti (Dictionary of Contemporary English, 2010: 540). Berdasarkan pandangan pakar-pakar pendidikan, dapat dirumuskan bahawa pendidikan ialah usaha pembangunan menyeluruh insan merangkumi aspek fizikal, intelek, sosial dan emosi di samping meningkatkan kemahiran, kebolehan, pengetahuan serta pengalaman untuk kebahagiaan diri seterusnya menyumbang kepada komuniti, bangsa dan negara (Mok Soon Sang, 2008). Dapat difahami bahawa pendidikan bukan sahaja melibatkan aspek fizikal tetapi juga mental, emosi dan sebagainya. Selain itu, unit paling asas untuk berlakunya aktiviti pendidikan; Pengajaran dan pembelajaran ialah guru sebagai pengajar dan murid sebagai pelajar. Di satu sudut, semakin maju dunia, maka pendidikan juga akan turut berkembang dengan penambahbaikan dari sudut matlamat, falsafah, kurikulum, silibus, sistem persekolahan, pensijilan, ilmu perguruan, pedagogi, teknologi dan lain-lain. Dengan itu, pendidikan mampu menjadi sentiasa kukuh walaupun dunia menjadi semakin mencabar dan kompleks. Atas asas inilah perubahan dan kemajuan dunia perlu sentiasa diambil kira dalam menyusun dan mentadbir segala yang berkaitan pendidikan untuk mengelakkan keciciran atau pengabaian mana-mana aspek. Langkah ini juga bagi memastikan pendidikan sentiasa berada di landasan yang betul seterusnya matlamat utama pendidikan ke arah melahirkan insan yang terbaik tidak akan gagal.

Antara usaha terpenting untuk memperkasakan pendidikan ialah melalui amalan penyelidikan dan inovasi. Ini adalah nadi dan pemangkin utama yang tidak sesekali boleh dipasifkan. Semestinya bersesuaian dengan era *IR 4.0*, elemen penyelidikan dan inovasi

dalam pendidikan wajar disemarakkan di setiap peringkat dan bidang sama ada kementerian, institusi pendidikan tinggi mahupun sekolah. Seluruh warga pendidik selaku pemain utama di lapangan mesti disiapkan supaya menjadi pengamal yang mampu melakukan pelbagai tugas dengan baik (*multi-task*). Semua subjek yang diajar dan tugas yang terdapat di sekolah sewajarnya disokong dengan budaya penyelidikan dan inovasi untuk mempertingkatkan pengendaliannya. Begitu juga perlu diusahakan budaya positif ini, di setiap sekolah sama ada di bandar, luar bandar mahupun pedalaman agar setiap murid menerima pendidikan yang berkualiti.

Dalam konteks sesebuah sekolah di luar bandar, pedalaman atau pulau, yang jauh dari bandar dan terhad dari segi infrastruktur, harus ditegaskan bahawa setiap murid di sekolah-sekolah tersebut juga berhak mendapatkan pendidikan yang berkualiti walaupun tidak setanding sekolah di bandar. Oleh itu, budaya penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pendidik, pegawai, nazir dan pensyarah pendidikan mesti disuburkan agar setiap keputusan atau program yang akan dilaksanakan di sekolah luar bandar benar-benar realistik, praktikal, bersifat lokal, membumi dan merakyat. Pendekatan satu produk untuk semua (*one size fits for all*) kurang sesuai dilaksanakan dalam sistem pendidikan atau persekolahan di Malaysia kerana setiap lokasi sekolah dan murid mempunyai ciri-ciri unik yang tersendiri. Jika kepelbagaian ini tidak diambil kira, dikaji, diperhalusi atau diraikan seadanya, maka jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar gagal untuk dirapatkan. Sebagai contoh, boleh dilihat kepada keputusan peperiksaan awam saban tahun dan mungkin juga pencapaian di bidang yang lain seperti sukan, Ko-Kurikulum, pertandingan inovasi dan sebagainya tanpa menafikan terdapat juga kejayaan yang mampu dicapai oleh sekolah-sekolah luar bandar.

Selanjutnya, dari segi pembudayaan atau amalan berterusan yang menyeluruh dalam penyelidikan dan inovasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pedalaman juga wajar diperhalusi. Ini kerana Pendidikan Islam merupakan satu subjek yang memainkan peranan yang signifikan dan berada di posisi yang tersendiri dalam sistem pendidikan di Malaysia sebagai satu agenda membentuk dan melahirkan insan yang beriman, berilmu, dan berakhlak mulia seperti yang dimatlamatkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Teori dan amalan, ideal dan realiti, manusiawi dan material, nas agama dan keadaan insan, matlamat dan usaha, perancangan dan pelaksanaan yang berkaitan Pendidikan Islam mesti diadun secara rapi, harmoni serta bersepadu agar matlamat Pendidikan Islam dapat dicapai dengan jayanya. Hasrat ke arah itu antara lain boleh disokong secara konstruktif oleh budaya penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pendidik di sekolah sebagai pelaksana polisi. Kemampuan para Guru Pendidikan Islam untuk bertindak bijak, progresif, dinamik dan proaktif amat dituntut ke arah memacu kecemerlangan Pendidikan Islam terutama di sekolah-sekolah pedalaman.

Berdasarkan latar belakang yang telah dinyatakan, maka artikel ini akan membuat tinjauan awal dan mengupas secara deskriptif situasi sebenar serta usaha yang dilakukan untuk menyuburkan budaya penyelidikan dan inovasi yang memfokuskan kepada subjek Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pedalaman. Berdasarkan kepentingan penyelidikan dan inovasi serta ciri unik Pendidikan Islam dan sekolah pedalaman, kesepaduan semua elemen tersebut menarik untuk dijadikan subjek kajian untuk memahami isu ini dengan lebih jelas berdasarkan pelbagai penulisan ilmiah yang telah dihasilkan. Membudayakan bermaksud "Membiasakan sesuatu perilaku atau perbuatan dan lain-lain yang baik supaya berbudaya atau beradab". Amalan pula bermaksud "Sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya sebagai suatu kebiasaan". Manakala penyelidikan ialah "Perbuatan menyelidik atau pemeriksaan". Dan inovasi bermaksud "Sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain yang baru" (Teuku Iskandar, 2005). Berpandukan maksud-maksud perkataan yang telah diberikan, dapat diringkaskan tajuk artikel ini membicarakan tentang usaha yang telah, sedang atau akan dilakukan oleh pelbagai pihak khususnya kelompok pemegang taruh dalam Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pedalaman Malaysia ke arah menormakan tindakan menjalankan penyelidikan dan membuat inovasi supaya subjek Pendidikan Islam akan menjadi malar segar, responsif kepada sebarang perubahan serta bersifat cakna pada realiti murid.

## PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Perjalanan Pendidikan Islam di Malaysia telah menempuh jangka masa yang sangat panjang. Ia dikesan telah bermula seawal kedatangan Islam ke Tanah Melayu di zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-14 dengan sistem pendidikan secara tidak formal dan semakin kukuh setelah kemerdekaan (Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, 2011). Pendidikan Islam di Malaysia mempunyai asas yang kukuh dan kedudukan yang istimewa kerana Islam adalah agama persekutuan seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 3. Ini dikukuhkan lagi dengan Perkara 12 Fasal 2 yang menyatakan Kerajaan Persekutuan atau Negeri boleh menyediakan perbelanjaan bagi tujuan menubuhkan, menyenggara atau membantu institusi-institusi Islam dan mengadakan ajaran Islam (2016). Dengan pernyataan ini, keberadaan Pendidikan Islam dalam arena pendidikan di Malaysia sama ada sistem formal atau tidak formal sukar dicabar atau diganggu gugat dengan sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak.

Perkembangan dan pengukuhan Pendidikan Islam di Malaysia selepas kemerdekaan dan di era moden terutama sebagai satu subjek dalam sistem persekolahan pula bertitik tolak daripada beberapa peristiwa penting. Ia bermula dengan Laporan Rahman Talib yang dikeluarkan pada tahun 1960 sebagai lanjutan kepada Laporan Razak pada tahun 1956 yang mana salah satu kandungannya menyatakan pengajaran subjek agama Islam perlu dilaksanakan jika ada sekurang-kurangnya 15 orang murid Islam. Turut dinyatakan dengan jelas bahawa semua kos untuk pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah menjadi tanggungjawab penuh Kementerian Pelajaran. Cadangan tersebut direalisasikan melalui Akta Pendidikan 1961 dengan peruntukan pengajaran dua waktu seminggu yang diajar oleh guru agama terlatih.

Selanjutnya pada tahun 1979 dikeluarkan Laporan Kabinet yang bertujuan mengkaji matlamat dan keberkesanan pendidikan semasa di Malaysia. Laporan ini juga merupakan lanjutan kepada Laporan Kabinet 1974 iaitu laporan pasca peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Antara kandungan Laporan Kabinet 1979 ialah memperkasakan pendidikan kerohanian dan penekanan aspek disiplin. Laporan ini membawa kepada pengenalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1983 yang mengukuhkan lagi kedudukan Pendidikan Islam dalam sistem persekolahan (Haris Md. Jadi, 1991). Pada tahun 1988 pula dijelmakan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan kemudiannya menjadi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) selaras penggubalan Akta Pendidikan 1996.

Dalam Akta Pendidikan 1996 Syeksen 50 (1) menyatakan Pendidikan Islam wajib diajar di semua kategori sekolah jika terdapat lima orang atau lebih murid Islam. Manakala Syeksen 52 pula menyatakan peruntukan kewangan untuk institusi Pendidikan Islam. Pada tahun 1995 juga ditubuhkan Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia setelah beberapa kali berlaku penstrukturan sejak tahun 1973 yang berasal dari Unit Pelajaran Agama. Bahagian ini berfungsi untuk mentadbir segala urusan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di semua sekolah seperti program, data, kewangan, latihan dan sebagainya. Dari segi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) pula, terdapat perbezaan ketara sejak Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR), Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan terkini Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang bermula tahun 2011 dan dikemas kini tahun 2017. Antara aspek yang ditambah baik ialah jumlah waktu Pendidikan Islam, sukatan pelajaran, bidang, pendekatan dan buku teks.

Pendidikan Islam di Malaysia juga dapat dihayati melalui pernyataan falsafah tersendiri yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Islam. Antara kandungan falsafah tersebut ialah usaha untuk mengajarkan ilmu Islam berpandukan wahyu (al-Quran dan al-Sunnah) bagi melahirkan Muslim yang baik, berbakti kepada diri, masyarakat dan alam seterusnya berjaya di dunia serta akhirat (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007). Apa yang penting ialah setiap tahap perkembangan ini tidak pernah mengetepikan elemen kerohanian dan keperibadian individu supaya menjadi rakyat yang berilmu dan beradab.

Namun begitu, perjalanan Pendidikan Islam di Malaysia juga melalui beberapa cabaran. Antara peristiwa penting yang turut memberi kesan dan berkaitan Pendidikan Islam ialah pemansuhan tulisan jawi sebagai tulisan utama dan tulisan penghantar Bahasa Melayu di mana tulisan rumi menjadi penggantinya pada tahun 1966. Polisi ini sedikit sebanyak menyebabkan umat Islam di Malaysia kurang mahir dalam tulisan jawi walaupun ia adalah tulisan tradisi orang Melayu yang semestinya beragama Islam. Tulisan jawi dikesan bermula di kepulauan Melayu sekitar tahun 1300M (Abd. Jalil Borhan, 2012). Selain itu, pada tahun 2002 bantuan per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) pernah dihentikan yang mana bantuan telah diterima daripada kerajaan persekutuan sejak merdeka. Isu ini mungkin timbul daripada sentimen pengganas Muslim akibat peristiwa serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat. Ekoran itu pelbagai kajian dan usaha telah dijalankan untuk mendaftarkan SAR bagi memperkasakannya dan memudahkan urusan penyaluran bantuan kerajaan hingga tertubuhlah Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) (Azizi Umar & Supyan Hussin, 2009).

Pelbagai kajian akademik juga telah dijalankan tentang Pendidikan Islam di Malaysia yang menyentuh pelbagai aspek sama ada dalam bentuk buku, artikel, prosiding dan sebagainya. Kajian-kajian ini penting untuk membekalkan fakta, data, idea, input dan informasi berguna ke arah memperkasakan Pendidikan Islam di Malaysia. Kajian-kajian tersebut juga boleh dijadikan rujukan dan panduan bagi Guru-guru Pendidikan Islam khususnya di sekolah-sekolah pedalaman menjalankan kajian untuk menyuburkan amalan penyelidikan dan inovasi serta mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran Pendidikan Islam di sekolah yang mempunyai pelbagai situasi unik. Sebagai contoh kajian bertajuk "Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam" oleh Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul dan Roseamnah Abd. Rauf (2013). Kajian ini memfokuskan kelebihan menggunakan laman web dalam pengajaran khususnya Pendidikan Islam supaya menjadi lebih menarik dan efektif untuk menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada pelajar.

Kajian "Potensi penggunaan aplikasi mudah alih (*mobile apps*) dalam bidang Pendidikan Islam" oleh Aliff Nawawi, Mohd Isa Hamzah dan Surina Akmal Abd Sattai (2014) pula mengkaji potensi penggunaan aplikasi mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Islam seiring zaman kecanggihan komunikasi. Kajian mendapati wujud potensi yang signifikan untuk menggunakan aplikasi mudah alih dalam memperkasakan Pendidikan Islam walaupun terdapat kekangan ke arah itu seperti akses internet yang berkualiti tinggi yang belum menyeluruh. Pengkaji juga mencadangkan kajian lanjutan berkaitan pembinaan pelbagai aplikasi pengajaran khas untuk Pendidikan Islam. Bagi kajian tentang inovasi pula, kajian oleh Pauziah Othman (2019) bertajuk "Amalan inovasi dakwah dalam pendidikan (pengajaran dan pembelajaran)". Kajian ini dijalankan bagi mengetahui tahap amalan inovasi dakwah dalam pendidikan bagi Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah dalam Daerah Alor Gajah, Melaka. Hasil kajian menunjukkan amalan inovasi dalam komuniti guru di sana pada tahap tinggi walaupun masih terdapat beberapa kekangan. Selain itu, kajian juga mendapati sikap guru terhadap penerimaan penggunaan inovasi dakwah dalam pendidikan berada di tahap yang sederhana.

Di sudut yang lain, kajian-kajian berkaitan juga menunjukkan Guru Pendidikan Islam memerlukan kemampuan pelbagai bidang (*multi-task*) bagi mengharungi cabaran semasa. Antara ciri-ciri guru yang cemerlang menurut Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid (2015) sama ada ibu bapa atau guru berpandukan petunjuk Al-quran dan hadis Nabi Muhammad SAW iaitu tenang, lembut, penyayang, menjadi fasilitator iaitu memudahkan urusan, toleransi, sabar, moderat dan menasihati pada masa yang sesuai. Kesemua sifat tersebut ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW sepanjang hidup baginda ketika berinteraksi dengan khalayak. Untuk proses pendidikan yang berjaya, seseorang guru perlu menyuburkan nilai-nilai mulia dalam diri agar dapat dilihat dan dicontohi oleh murid-murid. Kaedah ini diharapkan lebih efektif kepada pembentukan jiwa kehambaan dan akhlak khususnya dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam. Dalam konteks zaman moden pula, seseorang guru atau pendidik yang juga berperanan sebagai seorang pendakwah, perlu menggarap kemajuan sains dan teknologi kerana ia menampilkan imej baru kepada usaha

dakwah Islam termasuk di Malaysia. Pendakwah dan sasaran dakwah semakin luas dan inklusif tidak hanya terhad kepada tempat atau golongan tertentu sahaja. Kerja dakwah juga perlu memanfaatkan alat komunikasi seperti tv, radio dan rakaman (Muhammad Abu Bakar, 1987).

Ringkasnya kedudukan Pendidikan Islam di Malaysia telah melalui perjalanan yang sangat panjang tetapi menjadi semakin kukuh walaupun berlaku beberapa cabaran. Kecanggihan zaman ini menuntut para Guru Pendidikan Islam sentiasa peka dengan perubahan dan dapat menyesuaikan diri, mempertingkatkan keupayaan diri, melengkap diri dengan sifat-sifat positif serta dapat memanfaatkan kehadiran pelbagai teknologi dalam memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang disokong oleh budaya penyelidikan serta inovasi.

## **CABARAN DI SEKOLAH PEDALAMAN**

Oleh kerana bentuk geografi yang pelbagai dan pola petempatan yang berselerak di Malaysia, maka kawasan tempat tinggal rakyat terdapat di setiap pelusuk negara sama ada di bandar, luar bandar, pedalaman, kaki bukit, pinggir sungai atau pulau. Keadaan ini juga membawa kepada pembinaan sekolah-sekolah walaupun di kawasan pedalaman seperti yang terdapat di Negeri Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak. Pedalaman atau disebut juga "Hulu" bermaksud penempatan yang jauh dari kawasan pantai atau berada di ceruk pelosok sesebuah negeri (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Senario ini menggambarkan bahawa sekolah pedalaman memiliki cabaran, kekangan dan masalah yang tersendiri.

Untuk memahami situasi tersebut dengan lebih jelas, kajian-kajian akademik yang telah dilakukan tentang sekolah pedalaman oleh pelbagai pihak dapat memberikan input yang lebih jelas. Antaranya kajian oleh Zalika Adam, Faridah Kassim dan Mohamad Johdi Salleh (2009) yang menyenaraikan lima senario pendidikan di luar bandar iaitu kemiskinan, tahap kesedaran terhadap pendidikan yang rendah, tiada motivasi atau minat belajar, sulit untuk menukar persepsi murid untuk hadir ke sekolah terutama selepas peperiksaan dan kekangan dari segi memanfaatkan teknologi pendidikan. Kajian lain turut menggambarkan situasi yang hampir sama seperti kajian oleh Kamaruzaman Moidunny *et. al.* (2019) yang dijalankan berkenaan sekolah rendah pulau di Sabah, para pengkaji menyatakan terdapat beberapa kekurangan bagi sesebuah sekolah di luar bandar termasuk sekolah pedalaman, sekolah Orang Asli dan sekolah pulau iaitu tahap pencapaian akademik yang rendah, kemudahan infrastruktur yang terbatas, tahap kesedaran ibu bapa yang masih rendah terhadap pendidikan anak-anak, kadar kehadiran murid ke sekolah yang tidak mencapai sasaran dan kawasan tersebut merupakan penempatan bagi kelompok yang berstatus sosioekonomi rendah. Kekurangan kemudahan juga menyebabkan para guru tidak dapat memberikan komitmen penuh kepada pendidikan yang terbaik. Turut dibentangkan dalam kajian tersebut ialah fakta dan data yang dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (PIPPM) 2013-2025 iaitu ketiadaan makmal komputer dan makmal Sains, masalah kekurangan guru serta peralatan pembelajaran yang daif. Selain itu kajian oleh Mohd Zaidi, Ahmad Zabidi dan Rafiza (2020) menunjukkan situasi yang masih tidak banyak berubah meliputi kekurangan kemudahan dan infrastruktur seperti bilik solat atau bilik agama, murid kurang pendedahan luar, kurang penghayatan agama, kelemahan penguasaan asas al-Quran serta kekurangan bahan api untuk tenaga elektrik.

Namun, dalam konteks hubungan prasarana dengan pengajaran pula, kajian oleh Ummi Noor Khursiah Kamaruddin dan Norlena Salamuddin (2019) bertajuk "Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah-sekolah pedalaman Kapit" mendapati tiada hubungan yang signifikan di antara faktor kemudahan dan prasarana dengan tahap pelaksanaan pengajaran. Namun kekurangan prasarana di sekolah pedalaman tidak dapat dinafikan sememangnya menjadi kekangan utama kepada kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah pedalaman. Oleh itu, kajian mencadangkan tindakan proaktif warga sekolah untuk mengumpul dana sebagai usaha meningkatkan kemudahan pembelajaran.

Secara ringkas, mengajar di sekolah pedalaman menuntut pengorbanan besar dan kesediaan yang utuh seseorang guru dari segi fizikal, mental dan sosial kerana cabarannya sangat berat.

## KESIMPULAN

Bagi menyubur atau membudayakan amalan penyelidikan dan inovasi untuk subjek Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pedalaman, ia menuntut satu usaha menyeluruh semua pihak terlibat sama ada peringkat sekolah, pentadbir pendidikan, masyarakat, agensi swasta dan kerajaan. Ini kerana terdapat pelbagai faktor dan kekangan ke arah menjayakan matlamat tersebut. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan dapat disimpulkan bahawa kekangan atau halangan yang wujud boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu manusiawi atau insani dan aspek material. Faktor manusiawi merangkumi kesediaan guru, murid dan ibu bapa, serta nilai mulia guru. Manakala kategori material melibatkan prasarana sekolah dan faktor ekonomi. Kajian lanjut yang lebih menyeluruh dan mendalam diperlukan bagi memperhalusi perkara ini agar Pendidikan Islam di sekolah-sekolah sentiasa diperkasakan di samping amalan penyelidikan dan inovasi sentiasa subur.

## RUJUKAN

- Abu Bakar, M. (1987). *Penghayatan sebuah ideal suatu tafsiran tentang Islam semasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hafizh Suwaid, M. N. (2015). *Prophetic parenting cara nabi SAW mendidik anak*. Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd.
- Adam, Z. Kassim, F. & Salleh, M. J. (2009). Memperkasakan pendidikan luar bandar. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*. Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, University Malaysia Sabah.
- Hussin, N. Mohamad Sattar Rasul, M. S. & Abd. Rauf, R. (2013). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. 1 (2).
- Jabatan Peguam Negara. (2016). *Perlembagaan Pesekutuan*. Terj.
- Kamaruddin. U. N. K. & Salamuddin, N. (2019). faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pelaksanaan pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah-sekolah pedalaman Kapit. *Prosiding Seminar amalan terbaik dalam penambahbaikan sistem pendidikan : Pengajaran dan penyelidikan*. 310 – 320.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Akta Pendidikan 1996*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/>
- Mayor, M et al. (2010). *Dictionary of contemporary English*. Pearson Education Limited.
- Mohd Nor, M. R. & Wan Othman, W. M. T. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib Faculty of Tarbiyah, University of Darussalam Gontor*. 6 (1).
- Mohd Zeki, M. Z. Abdul Razak, A. Z. Abd. Razak, Rafiza. (2020). Cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman: Bersediakah dalam melaksanakan KBAT?. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 8 (1), 11 – 24.
- Moidunny, K. et. al. (2019). Amalan kepimpinan sekolah rendah pulau di Sabah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies Issue*. 1 (1).
- Mok, S. S. (2008). *Ilmu pendidikan untuk KPLI*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nawi, A. Hamzah, M. I. Abd Sattai, S. A. (2014). Potensi penggunaan aplikasi mudah alih (*mobile apps*) dalam bidang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. 2 (2).
- Othman, P. (2019). Amalan inovasi dakwah dalam pendidikan (pengajaran dan pembelajaran). *Prosiding Seminar Nasional Dakwah dan Syiar Islam (SENADA) 2019*, 70-76.
- Teuku Iskandar et. al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.



## KESAN PENSKALAAN TINGGI JARING TERHADAP PRESTASI KEJAYAAN SERVIS PERMAINAN BADMINTON DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

HENRY KOTA PIRAK<sup>1</sup>, MOHAMAD NIZAM NAZARUDIN<sup>2</sup>,  
PATHMANATHAN K. SUPPIAH<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak

<sup>2,3</sup>Universiti Malaysia Sabah, Sabah.

<sup>1</sup>henrykota70@gmail.com, <sup>2</sup>drnizam.ums@gmail.com, <sup>3</sup>pathmaha2@gmail.com

### ABSTRAK

Pendekatan memanipulasi kekangan tugas melalui penskalaan peralatan merupakan salah satu kaedah efektif meningkatkan prestasi dalam permainan badminton. Namun, adalah kurang jelas samada pendekatan ini memberi impak positif terhadap prestasi kejayaan servis dalam kalangan kanak-kanak. Maka, kajian ini bertujuan mengkaji kesan penskalaan tinggi jaring terhadap prestasi kejayaan servis dalam kalangan kanak-kanak. Kajian menggunakan reka bentuk eksperimen untuk pengukuran berulang. Seramai 48 (N=48) kanak-kanak berumur tujuh hingga sembilan tahun dipilih secara rawak sebagai peserta kajian. Seterusnya, peserta telah dibahagikan kepada 24 pasangan yang setara dari segi jantina dan tahap kemahiran. Prosedur kajian melibatkan setiap pasangan bermain melawan pasangan masing-masing di empat situasi tinggi jaring iaitu situasi A (155 cm), situasi B (127.66 cm), situasi C (117.44 cm) dan situasi D (104.68 cm). Semua perlawanan dijalankan secara timbal-balik menggunakan sistem pertandingan perseorangan dengan kiraan 11 mata (dua set bagi setiap situasi). Prestasi servis telah dianalisis melalui rakaman video. Data telah dianalisis menggunakan program SPSS versi 16.0. Manakala, ujian ANOVA sehala untuk pengukuran berulang digunakan untuk menganalisis kesan penskalaan tinggi jaring terhadap prestasi kejayaan servis antara keempat-empat situasi tinggi jaring. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan prestasi kejayaan servis yang signifikan antara keempat-empat situasi tinggi jaring [ $F(2.12, 48.67)=4.73$ ,  $p<.05$ ]. Keputusan ini menunjukkan bahawa penskalaan tinggi jaring mampu meningkatkan prestasi kejayaan servis permainan badminton dalam kalangan kanak-kanak berumur tujuh hingga sembilan tahun. Kajian ini mencadangkan supaya tinggi jaring piawai yang digunakan dalam kalangan kanak-kanak perlu dikaji semula.

Kata Kunci: Penskalaan, kekangan, prestasi, penguasaan kemahiran

### ABSTRACT

*The manipulation of task constraints through equipment scaling is considered as one of effective method to enhance the performance in badminton. Nevertheless, it is unclear either this method can bring positive impact on the performance of service success among childrens. This study examined the effect of net height scaling on service success performance among childrens. The study employed the experimental design with repeated-measures. Randomly, 48 (n=48) childrens age seven to nine year old has been selected to participate in the study. The participants stratified into 24 pairs (12 boys and 12 girls) base on sex and skill level. The procedures of the study involved the participants played four matches with different net height, situation A (155 cm), situation B (127.66 cm), situation C (117.44 cm), and situation D (104.68 cm). The order of the four conditions counterbalance across the group of participants. All matches played using 11 points of single game (two sets per situation). The service performance has been analyzed via video replay. The data has been analyzed using SPSS version 16.0 statistical software. The study employed one way ANOVA with repeated measures to analyze the effects of net height scaling on the performance of service success among childrens. The results of study showed that there are significant differences of service success performance between groups [ $F(2.12, 48.67)=4.73$ ,*


*p < .05]. Results showed that the used of scaled net enhanced the performance of service success among childrens aged seven to nine years old. The study propose that the using of adult net height among childrens should be revised.*

*Keywords: Scaling, constraints, performance, skill acquisition*

## PENGENALAN

Kebelakangan ini, organisasi-organisasi sukan telah memberi fokus kepada penyediaan persekitaran penguasaan kemahiran motor yang sesuai dengan kebolehan kanak-kanak melalui penskalaan peralatan. Penskalaan peralatan bertujuan membentuk persekitaran penguasaan kemahiran motor yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana secara fisiologi kanak-kanak tidak mempunyai saiz dan kekuatan fizikal untuk memanipulasikan peralatan piawai atau orang dewasa dengan efisien (Jackson & Pederson, 1997). Melalui pendekatan ini, sesuatu tugas dapat dipermudahkan supaya memenuhi keperluan penguasaan kemahiran motor dan meningkatkan prestasi kanak-kanak dalam sukan yang diceburi (Farrow & Reid, 2010). Namun, usaha ini dilakukan atas dasar ia memberi faedah kepada penguasaan kemahiran motor (Timmerman et al., 2015). Amalan pendekatan satu ukuran peralatan untuk semua peringkat umur oleh organisasi-organisasi sukan juga mampu memberi kesan negatif kepada prestasi permainan kanak-kanak (Ha, 1993). Situasi ini berlaku samada pada peringkat awal penguasaan kemahiran motor atau pada peringkat pertandingan mengikut kumpulan umur. Pendekatan ini telah menghalang kanak-kanak daripada menikmati pengalaman kejayaan dan keseronokan bermain (Ha & Johns, 1998).

Pemilihan pendekatan berimpak tinggi yang mampu meningkatkan prestasi kemahiran motor adalah cabaran utama dalam sukan kanak-kanak. Namun, matlamat ini dapat direalisasikan melalui aplikasi model *Constraints-Led Approach* (Newell, 1986). *Constraints* (kekangan) didefinisikan sebagai batasan-batasan yang dihadapi dalam proses penguasaan kemahiran motor (Newell, 1986). Mengikut model ini, pelaku akan melakukan pengubahsuaian terhadap lakuan motor apabila menghadapi kekangan semasa proses penguasaan kemahiran motor. Kekangan dikategorikan kepada kekangan tugas, persekitaran dan individu. Ketiga-tiga kekangan ini saling berinteraksi dan boleh dimanipulasi untuk meningkatkan prestasi kemahiran motor. Manipulasi terhadap kekangan tugas dilakukan melalui penskalaan peralatan bersesuaian dengan saiz fizikal kanak-kanak (Renshaw, 2010; Farrow & Reid, 2010a; Buszard, Reid, Masters & Farrow (2016b). Penskalaan peralatan didefinisikan sebagai pengubahsuaian spesifikasi ukuran peralatan yang digunakan dalam sesuatu sukan (Farrow & Reid, 2010b). Rajah 1 menunjukkan interaksi antara ketiga-tiga kekangan mengikut model *Constraints-Led Approach*.



Rajah 1. Model *Constraints-Led Approach* oleh Newell (1986)

Dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penskalaan peralatan adalah berkesan meningkatkan penguasaan dan prestasi kemahiran motor dalam kalangan kanak-kanak (Timmerman et al., 2015; Limpens et al., 2018; Suppiah et al., 2019; Abdul Muiz et al., 2020). Namun, masih terdapat kekaburan mengenai konsep penskalaan yang sesuai digunakan untuk menentukan tinggi jaring yang optimum bagi peringkat umur kanak-kanak. Secara umumnya, permainan badminton masih lagi menggunakan tinggi jaring piawai semasa menjalankan praktis dan pertandingan dalam kalangan kanak-kanak. Tinggi jaring piawai (155 cm) adalah ditentukan berdasarkan konsep 92% daripada tinggi purata orang dewasa (*Centers for Disease Control and Prevention, United States of America and World Health Organization (WHO)*, 2002). Sehingga kini, tidak terdapat panduan yang jelas untuk menentukan tinggi jaring yang sesuai digunakan bagi peringkat umur kanak-kanak. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengkaji yang telah mengkaji pemboleh ubah tinggi jaring dalam kajian mereka. Contohnya, Jackson (2012) telah menggunakan konsep tinggi jaring 92% daripada tinggi purata peserta kajian. Walaupun dapatan kajian adalah menyokong konsep penskalaan dalam kalangan kanak-kanak, namun masih terdapat kekeliruan tentang tinggi jaring yang optimum untuk peringkat umur kanak-kanak. Hal ini demikian kerana kajian ini hanya membanding dua situasi tinggi jaring iaitu tinggi jaring piawai dan tinggi jaring ubah suai. Seterusnya, Abdul Muiz et al. (2020) juga mengkaji kesan pengubahsuaian raket dan dimensi gelanggang terhadap peluang pukulan dan keberkesanan pukulan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kumpulan raket modifikasi dan gelanggang modifikasi yang menggunakan tinggi jaring modifikasi mempamerkan skor min peluang pukulan dan keberkesanan pukulan yang tinggi berbanding kumpulan-kumpulan yang lain. Namun demikian, tinggi jaring dalam kajian ini ditentukan berdasarkan pengurangan sebanyak 80% (1.2 m) daripada tinggi jaring piawai (1.5 m). Selain itu, kajian ini juga membanding dua situasi tinggi jaring sahaja iaitu tinggi jaring piawai dan tinggi jaring ubah suai.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan ini, terdapat keperluan untuk memperolehi bukti-bukti lanjutan secara empirikal mengenai kadar penskalaan tinggi jaring yang optimum bersesuaian dengan tahap perkembangan fizikal dan kemahiran kanak-kanak menggunakan situasi perlawanan sebenar. Ini dapat dilakukan dengan perbandingan lebih banyak situasi tinggi jaring. Maka, kajian ini bertujuan mengkaji kesan penskalaan tinggi jaring terhadap prestasi kejayaan servis permainan badminton dalam kalangan kanak-kanak berumur tujuh hingga sembilan tahun.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen dengan pengukuran berulang. Kajian ini dijalankan selama tiga minggu yang dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pengkelasan peserta dan fasa perlawanan berpasangan. Fasa pengkelasan peserta bertujuan mengkategorikan peserta kepada pasangan yang setara dari segi jantina dan tahap kemahiran. Fasa perlawanan berpasangan pula bertujuan mengenal pasti kesan penskalaan tinggi jaring terhadap prestasi kejayaan servis permainan badminton. Pada fasa ini peserta bermain melawan pasangan masing-masing menggunakan empat situasi tinggi jaring. Situasi A menggunakan tinggi jaring piawai (155 cm). Manakala, situasi B (127.66 cm), situasi C (117.44 cm) dan situasi D (104.68 cm) menggunakan kadar penskalaan 100%, 92% dan 82% daripada purata tinggi kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur tujuh hingga sembilan tahun (127.66 cm) (*Centers for Disease Control and Prevention, United States of America and World Health Organization (WHO)*, 2002). Perlawanan berpasangan di keempat-empat situasi dijalankan secara timbal-balik.

### **Persampelan Kajian**

Seramai 48 (N=48) kanak-kanak iaitu lelaki (n = 24), perempuan (n = 24) berumur tujuh hingga sembilan tahun dipilih secara rawak sebagai peserta kajian. Semua peserta terdiri daripada pemain novis dan tidak mempunyai pengalaman secara formal dalam

permainan badminton. Seterusnya, peserta kajian telah dibahagikan kepada 24 pasangan berdasarkan jantina dan tahap kemahiran (lelaki=12 pasangan, perempuan=12 pasangan).

### Prosedur Kajian

Fasa perlawanan berpasangan dijalankan selama dua minggu mengikut jadual yang ditetapkan. Untuk melancarkan pentadbiran kajian, pasangan peserta telah dibahagikan secara rawak kepada empat kumpulan iaitu Kumpulan 1 (P1 hingga P6), Kumpulan 2 (P7 hingga P12), Kumpulan 3 (P13 hingga P18) dan Kumpulan 4 (P19 hingga P24). Perlawanan berpasangan ini melibatkan peserta bermain melawan pasangan yang sama menggunakan empat situasi ukuran tinggi jaring. Setiap kumpulan menggunakan susunan situasi tinggi jaring yang berbeza secara timbal-balik iaitu Kumpulan 1 (ACBD), Kumpulan 2 (BDAC), Kumpulan 3 (CADB) dan Kumpulan 4 (DCBA). Perlawanan dijalankan menggunakan sistem permainan acara perseorangan dengan kiraan 11 mata (dua set setiap situasi). Selepas menamatkan perlawanan di situasi pertama, peserta diberikan rehat selama lima minit. Seterusnya, peserta menjalankan perlawanan menggunakan situasi kedua, situasi ketiga dan situasi keempat mengikut susunan kumpulan masing-masing.

### Analisis Data

Data telah dianalisis menggunakan ujian ANOVA sehalu untuk pengukuran berulang. Analisis bertujuan melihat samada terdapat perbezaan prestasi kejayaan servis yang signifikan antara keempat-empat situasi tinggi jaring. Analisis statistik deskriptif dan inferensi telah dijalankan menggunakan program SPSS versi 16.0. Nilai min, sisihan piawai dan varian semua pemboleh ubah bagi keempat-empat situasi telah dianalisis.

### DAPATAN KAJIAN

Keputusan ujian ANOVA sehalu untuk pengukuran berulang menggunakan *Mauchly's Test of Sphericity* bagi kesan penskalaan tinggi jaring terhadap kejayaan servis adalah signifikan ( $p < .05$ ) dan hipotesis nul ditolak (Jadual 1). Keputusan ini menunjukkan bahawa penyelarasan *df* (darjah kebebasan) bagi ujian ANOVA sehalu perlu dilakukan kerana data kajian tidak mematuhi syarat ujian ANOVA sehalu untuk pengukuran berulang.

Jadual 1

Analisis *Mauchly's Test of Sphericity*

<i>Within-Subjects Effect</i>	Mauchly's W	df	Sig.
Kejayaan Servis	.463	5	.005

Berdasarkan kepada darjah kebebasan yang baharu selepas penyelarasan, keputusan *Tests of Within-Subjects Effects* menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min bagi prestasi kejayaan servis yang signifikan [ $F(2.12, 48.67)=4.73, p < .05$ ] secara keseluruhan antara keempat-empat situasi tinggi jaring iaitu situasi A, B, C dan D (Jadual 2).

Jadual 2

Keputusan *Tests of Within-Subjects Effects*

Perkara		df	F	Sig.
Kejayaan Servis	<i>Sphericity Assumed</i>	3	4.73	.005
	Huynh-Feldt	2.12	4.73	.012
Error	<i>Sphericity Assumed</i>	69		
	Huynh-Feldt	48.67		

Seterusnya, bagi menentukan pasangan situasi yang menyumbang kepada keputusan yang signifikan bagi kejayaan servis, keputusan dalam *Jadual Tests of Within-Subjects Contrasts* telah dirujuk (Jadual 3). Keputusan ujian perbandingan dalam subjek menunjukkan

bahawa perbandingan antara situasi C-D [ $F(1, 23)=8.58, p<.05$ ] adalah signifikan. Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa pasangan situasi C-D adalah penyumbang kepada keputusan ujian yang signifikan bagi prestasi kejayaan servis dalam kajian ini. Manakala, keputusan ujian bagi prestasi kejayaan servis situasi A-B [ $F(1, 23,)=2.35, p>.05$ ], dan situasi B-C [ $F(1, 23,)=.125, p>.05$ ] adalah tidak signifikan.

Jadual 3  
Keputusan Tests of Within-Subjects Contrasts

Perkara	Kejayaan Servis	df	F	Sig.
Kejayaan Servis	A vs. B	1	2.35	.139
	B vs. C	1	.125	.727
	C vs. D	1	8.58	.008
Error	A vs. B	23		
	B vs. C	23		
	C vs. D	23		

Keputusan analisis statistik deskriptif menunjukkan nilai skor min prestasi kejayaan servis bagi situasi D (skor min situasi D = 29.79) adalah lebih tinggi berbanding dengan situasi A (skor min situasi A = 27.70), situasi B (skor min situasi B = 28.33) dan situasi C (skor min situasi C = 28.58). Jadual 4 mempamerkan keputusan analisis nilai skor min purata antara keempat-empat situasi tinggi jaring.

Jadual 4  
Keputusan Analisis Statistik Deskriptif


Situasi Tinggi Jaring	Min	Sisihan Piawai	N
Situasi A	27.70	2.84	24
Situasi B	28.33	2.82	24
Situasi C	28.58	3.30	24
Situasi D	29.79	3.19	24

Keputusan ini juga ditunjukkan oleh Jadual *Pairwise Comparisons* yang membandingkan prestasi kejayaan servis antara keempat-empat situasi tinggi jaring (Jadual 5). Keputusan perbandingan berpasangan menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $p<.05$ ) setelah ralat Jenis I dikawal menggunakan kaedah Bonferroni bagi situasi A-D. Manakala, keputusan perbandingan berpasangan menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ( $p>.05$ ) bagi situasi A-B, situasi A-C, situasi B-C, situasi B-D dan situasi C-D.

Bentuk graf plot profil (Rajah 2) menunjukkan bahawa prestasi kejayaan servis bagi penskalaan tinggi jaring situasi D adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan situasi A, situasi B dan situasi C. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa permainan berpasangan menggunakan tinggi jaring piawai (situasi A) mempamerkan prestasi kejayaan servis yang paling rendah jika dibandingkan dengan tinggi jaring modifikasi (situasi B, situasi C dan situasi D).

Jadual 5  
Keputusan Pairwise Comparisons

(I) Kejayaan Servis	(J) Kejayaan Servis	Perbezaan Min (I-J)	Sig.
Situasi A	Situasi B	-.625	.832
	Situasi C	-.875	1.00
	Situasi D	-2.08	.005
Situasi B	Situasi A	.625	.832
	Situasi C	-.250	1.00
	Situasi D	-1.46	.124
Situasi C	Situasi A	.875	1.00
	Situasi B	.250	1.00
	Situasi D	-1.21	.045
Situasi D	Situasi A	2.08	.005
	Situasi B	1.46	.124
	Situasi C	1.21	.045



Rajah 2. Plot Profil Perbandingan Prestasi Kejayaan Servis

## PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan mengkaji kesan penskalaan tinggi jaring terhadap kejayaan servis permainan badminton dalam kalangan kanak-kanak berumur tujuh hingga sembilan tahun. Analisis ujian ANOVA sehalu untuk pengukuran berulang secara keseluruhan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min bagi prestasi kejayaan servis yang signifikan antara keempat-empat situasi tinggi jaring. Keputusan ini menunjukkan bahawa penskalaan tinggi jaring adalah berkesan meningkatkan prestasi kejayaan servis dalam kalangan kanak-kanak berumur tujuh hingga sembilan tahun. Analisis statistik deskriptif pula menunjukkan prestasi kejayaan servis bagi situasi D dan situasi C adalah lebih tinggi berbanding dengan situasi A dan situasi B. Keputusan ini menunjukkan bahawa penskalaan tinggi jaring berdasarkan konsep 82% (situasi D) dan 92% (situasi C) daripada tinggi purata kanak-kanak adalah paling berkesan meningkatkan prestasi kejayaan servis dalam kajian ini.

Dapatan ini adalah selari dengan andaian pengkaji bahawa situasi tinggi jaring yang mewakili 92% daripada tinggi purata kanak-kanak berumur tujuh hingga sembilan tahun

merupakan tinggi jaring yang optimum dalam kajian ini. Andaian ini adalah berdasarkan kepada konsep penskalaan yang digunakan untuk menentukan tinggi jaring piawai iaitu 92% daripada tinggi purata orang dewasa. Dapatan ini juga adalah konsisten dengan kajian Jackson (2012), Timmerman et al. (2015) dan Limpens et al. (2018). Contohnya, Jackson (2012) yang melaporkan peningkatan prestasi servis yang signifikan bagi tinggi jaring modifikasi (92% daripada tinggi purata kanak-kanak) berbanding tinggi jaring piawai dalam permainan badminton. Namun demikian, kajian ini hanya membandingkan dua situasi tinggi jaring iaitu tinggi jaring piawai dan tinggi jaring modifikasi.

Selain itu, kajian-kajian dalam permainan tenis juga melaporkan hasil kajian yang sama (Timmerman et al., 2015; Limpens et al., 2018; Gimenez-Egido et al., 2020). Kajian Timmerman et al. (2015) adalah berkenaan dengan kesan penskalaan saiz gelanggang dan tinggi jaring terhadap prestasi permainan kanak-kanak. Kajian ini melibatkan dua situasi tinggi jaring iaitu tinggi jaring piawai (0.91 m) dan tinggi jaring modifikasi (0.69 m). Dapatan kajian menunjukkan bahawa peratus servis pertama yang berjaya adalah tinggi bagi situasi gelanggang dan tinggi jaring modifikasi. Keputusan kajian yang sama juga dilaporkan oleh Limpens et al. (2018) yang mengkaji kesan serta-merta pengurangan tinggi jaring terhadap ciri-ciri prestasi pemain tenis berumur 10 tahun ke bawah. Kajian ini melibatkan pengurangan tinggi jaring 70% (0.91 m), 60% (0.78 m), 50% (0.65 m) dan 40% (0.52 m) daripada tinggi purata kanak-kanak berumur 10 tahun. Seterusnya, Gimenez-Egido et al. (2020) yang mengkaji kesan modifikasi tinggi jaring (dari 0.91 kepada 0.80 m) dan dimensi gelanggang (dari 23.77 x 8.23 m) terhadap prestasi pemain tenis bawah 10 tahun menggunakan dua situasi pertandingan iaitu *Tennis 10s Green Competition* (GC) dan *Modified Competition* (MC) juga melaporkan kesan positif penskalaan tinggi jaring. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi kejayaan pukulan servis apabila tinggi jaring dan dimensi gelanggang dikurangkan bagi situasi MC.

Berdasarkan keputusan ini, pengkaji berpendapat bahawa pengurangan tinggi jaring (kekangan tugas) telah membolehkan peserta kajian melakukan pukulan servis dalam kedudukan yang selesa. Hal ini demikian kerana tinggi jaring situasi D dan situasi C adalah sesuai dengan tinggi purata peserta kajian. Limpens et al. (2018) juga memberi pendapat yang sama iaitu ketinggian jaring yang rendah membolehkan kanak-kanak membuat pukulan servis dengan selesa. Selain itu, kesan tinggi jaring yang rendah juga menyebabkan kanak-kanak tidak memerlukan daya yang tinggi untuk melakukan pukulan servis berbanding tinggi jaring piawai. Situasi ini telah mengurangkan kekangan tugas yang dihadapi oleh kanak-kanak apabila melakukan servis melalui tinggi jaring yang rendah. Berdasarkan keputusan kajian ini, menunjukkan bahawa penskalaan tinggi jaring memberi impak positif terhadap prestasi pukulan servis dalam kalangan kanak-kanak.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penskalaan tinggi jaring adalah berkesan meningkatkan prestasi kejayaan servis permainan badminton dalam kalangan kanak-kanak berumur tujuh hingga sembilan tahun. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji mencadangkan supaya peraturan tinggi jaring semasa yang digunakan dalam kalangan kanak-kanak perlu dikaji semula. Cadangan ini penting untuk menyediakan persekitaran penguasaan kemahiran motor yang kondusif dan sesuai dengan keupayaan fisiologi kanak-kanak.

## RUJUKAN

- Abdul Muiz Nor Azmi, Pathmanathan K. Suppiah, Jeffery, L. F. L., Hasnol Noordin & Md. Safwan Samsir (2020). The influence of modified equipment in developing skills in badminton. *Malaysian Journal of Movement, Health & Exercise*, 9(1), 67-76.
- Agatha, P. C. J. (2001). The effects of standard and modified sports equipment on student learning.
- Buszard, T., Farrow, D., Reid, M. & Masters, R. S. W. (2014a). Modifying equipment in early skill development: A tennis perspective. *Research Quarterly for Exercise and Sport*. 85, 218-225.

- Buszard, T., Farrow, D., Reid, M. & Masters, R. S. W. (2014b). Scaling sporting equipment for children promotes implicit processes during performance. *Consciousness and Cognition*. 30, 247-255.
- Buszard, T., Reid, M., Masters, R. S. & Farrow, D. (2016a). Scaling tennis racquets during PE in primary school to enhance motor skill acquisition. *Research Quarterly for Exercise and Sport*. 87, 414-420.
- Buszard, T., Reid, M., Masters, R. S. W. & Farrow, D. (2016b). Scaling the equipment and play area in children's sport to improve motor skill acquisition: A systematic review. *Sports Medicine*. 46, 829-843.
- Carvalho, J., Correia, V. & Araujo, D. (2013). A constraint-led approach to skill enhancement in tennis. *ITF Coaching and Sport Science Review*. 60(21), 10-11.
- Davids, K., Button, C. & Bennett, S. J. (2007). *Dynamics of Skill Acquisition: A Constraints-Led Approach*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Davids, K., Chow, J. Y. & Shuttleworth, R. (2005). A constraints-led framework for non-linear pedagogy in physical education. *Journal of Physical Education, New Zealand*. 38, 17-29.
- Department of Health and Human Services Centers for Disease Control and Prevention, and National Center for Helath Statistic. (2002). *2000 Growth Chart for the United States Methods and Development*. 11, 246.
- Farrow, D. & Reid, M. (2010a). The effect of equipment scaling on the skill acquisition of beginning tennis players. *Journal of Sports Sciences*. 28, 723-732.
- Farrow, D. & Reid, M. (2010b). Skill acquisition in tennis: Equipping learners for success. In Renshaw, I., Davids, K., & Savelsberg, G.J.P. (Eds.). *Motor Learning in Practice: A Constraints-Led Approach*. London, UK: Routledge. pp. 231-240.
- Fitzpatrick, A., Davids, K. & Stone, J. A. (2018). Effects of scaling task constraints on emergent behaviours in children's racquet sports performance. *Human Movement Science*. 58, 80-87.
- Gimenez-Egido, J. M., Ortega-Toro, E., Palao, J. M., Verdu-Conesa, I. & Torres-Luque, G. (2020). Effect of modification rules in competition on technical-tactical action in young tennis players (under-10). *Frontier in Psychology*, 10.
- Ha, A. S. (1993). Factors influencing the achievement of teaching objectives among primary and secondary school physical educators in Hong Kong. *New Horizons*. 34(11), 85-92.
- Ha, A. S. & Johns, D. P. (1998). Physical education teacher effectiveness: Junior secondary perspectives on influential learning factors. *Journal of Physical Education and Recreation*. 4(1), 17-23.
- Jackson, S. & Pederson, R. (1997). Biomechanical analysis of badminton serves using standard and body scaled equipment: A perception-action perspective. *International Symposium on Biomechanics in Sport*.
- Jackson, S. L. (2012). Badminton serves using body scaled equipment. *Arkansas Journal*. 47(1), 2-11.
- Kachel, K., Buszard, T. & Reid, M. (2014). The effect of ball compression on the match-play characteristics of elite junior tennis players. *Journal of Sports Sciences*. 33, 320-326.
- Lawn Tennis Association. (2016). Mini tennis, [www3.lta.org.uk/LTA-Mini-Tennis](http://www3.lta.org.uk/LTA-Mini-Tennis)
- Limpens, V., Buszard, T., Shoemaker, E., Savelsberg, G. J. P. & Reid, M. (2018). Scaling constraints in junior tennis: The influence of net height on skilled player's match-play performance. *Research Quarterly for Exercise and Sport*. 89(1), 1-10.
- Newell, K. M. (1986). Constraints on the development of coordination. In M. Wade & H. T. A. Whiting (Eds.). *Motor Development in Children: Aspects of Coordination and Control*. Dordrecht, The Netherlands: Martinus Nijhoff. pp.341-360.
- Renshaw, I. (2010). Building the foundations: Skill acquisition in children. In Renshaw, I., Davids, K. & Savelsbergh, G. J. P. (Eds.). *Motor Learning in Practice: A Constraints-Led Approach*. Oxon, UK: Routledge. pp. 33-44.



- Suppiah, P. K., Jeffrey, L. F. L., Abdul Muiz Nor Azmi, Hasnol Noordin & Md. Safwan Samsir. (2019). Pengubahsuaian raket badminton dalam meningkatkan prestasi kemahiran kanak-kanak. *Malaysian Journal of Movement, Health and Exercise*, 8(1), 101-110.
- Timmerman, E., Water, J. D., Kachel, K., Reid, M., Farrow, D. & Savelsbergh, G. (2015). The effect of equipment scaling on children's sport performance: The case for tennis. *Journal of Sport Sciences*. 33(10), 1093-1100.

## INTERVENSI PERMAINAN *COMATCH* DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN PEMBELAJARAN MENGENAL WARNA DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

ROZANA ABDUL RAHIM, PhD<sup>1</sup>, RAJMAH OTHMAN<sup>2</sup>,  
HAMIDAH ABDUL HAMID<sup>3</sup>

Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim  
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

<sup>1</sup>rozana@ipsah.edu.my, <sup>2</sup>rajmah@ipsah.edu.my, <sup>3</sup>hamidah@ipsah.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membantu meningkatkan kemahiran kanak-kanak dalam mengenal dan memadankan warna asas serta warna sekunder melalui permainan tiga peringkat, *CoMatch*. Warna merupakan antara elemen penting dalam dunia kanak-kanak. Mengenali dan mengecam warna membantu kanak-kanak mempelajari pelbagai perkara dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh kanak-kanak dapat memperoleh kemahiran dalam matematik seperti mengkategorikan, menyusun, membandingkan dan mengklasifikasi mengikut warna. Selain itu, kanak-kanak juga dapat menggunakan warna sebagai bahasa dalam mengkomunikasikan sesuatu dengan berkesan. Namun begitu, pemerhatian di sebuah pusat pendidikan awal kanak-kanak mendapati tahap kemahiran kanak-kanak yang berumur antara empat dan enam tahun dalam mengenali warna masih berada pada tahap rendah. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan meninjau keberkesanan aktiviti intervensi permainan *CoMatch* dalam membantu murid di peringkat awal kanak-kanak dalam mengenali dan seterusnya memadankan warna. Kajian telah dijalankan di sebuah pusat pendidikan awal kanak-kanak dengan bilangan kanak-kanak seramai 15 orang. Intervensi dijalankan dalam bentuk permainan tiga peringkat, iaitu peringkat pertama *Putar dan Sebut*, peringkat kedua *Cari Padanan* dan peringkat ketiga *Jom Campur*. Murid diberikan tiga kali percubaan bagi setiap peringkat. Setelah selesai tiga peringkat intervensi, kanak-kanak memasuki fasa berikutnya iaitu *Masih Ingat Lagi?* Fasa ini merupakan peringkat akhir, iaitu kanak-kanak diberikan papan permainan yang mengandungi rangkuman intervensi peringkat pertama hingga ketiga. Data dikumpul melalui pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil analisis data menunjukkan intervensi yang dijalankan ini berupaya membantu meningkatkan tahap kemahiran murid dalam pembelajaran mengenal dan seterusnya memadankan warna.

### PENDAHULUAN

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia pendidikan kanak-kanak. Pengalaman persekolahan dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan menyeronokkan dapat membekalkan kanak-kanak dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif untuk pembelajaran yang seterusnya. Aktiviti yang dirancang perlu memberi pengalaman yang menyuburkan dan menyeronokkan, melibatkan murid secara aktif serta selamat. Justeru guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, mengolah dan mempelbagaikan aktiviti mengikut kesesuaian murid.

Antara ciri-ciri murid yang ingin dilahirkan sejajar dengan hasrat kurikulum pendidikan awal kanak-kanak adalah murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21, iaitu sebagai pemikir, mempunyai sifat ingin tahu serta bermaklumat. Oleh yang demikian, pendedahan awal kanak-kanak terhadap persekitaran mereka adalah sangat penting. Hal ini kerana pendedahan terhadap persekitaran ini dapat membantu kepada perkembangan kognitif mereka.

Pembelajaran pertama di pusat pendidikan awal kanak-kanak merupakan asas-asas yang perlu diketahui oleh kanak-kanak sebelum mereka belajar asas-asas lain seperti membaca, menulis dan mengira. Kebanyakan program awal kanak-kanak mengajar kanak-

kanak berkaitan warna dan bentuk pada awal tahun pembelajaran. Kenapa diajar warna dan bentuk di awal pembelajaran mereka? Kenapa tidak diajar huruf dan nombor? Hal ini adalah kerana kanak-kanak belajar secara tidak langsung melalui persekitaran mereka (Nor Aimi, Rohani dan Rajmah, 2014). Warna dan bentuk merupakan dua sifat yang sangat ketara di sekeliling kanak-kanak. Apabila mereka memerhati di sekeliling, semua yang mereka nampak mempunyai warna dan bentuk – daun segar yang menghijau, daun kering yang kekuningan, langit biru, awan putih, basikal merah dan sebagainya. Selain itu proses-proses pembelajaran tidak formal tentang warna juga berlaku semasa mereka bermain. Pembelajaran mereka akan menjadi lebih bermakna apabila mereka dapat mengaitkannya dengan alam sekeliling mereka. Kanak-kanak membina pengetahuan dan mengembangkan kemahiran kognitif mereka melalui pengalaman hands-on dengan real-life. Apabila mereka meneroka persekitaran dan membuat perkaitan pembelajaran, mereka dapat menimba pengalaman dan pengetahuan serta menggunakannya secara aktif untuk membentuk pengetahuan yang baharu. Oleh itu integrasi pengalaman dalam kehidupan kanak-kanak adalah penting untuk membentuk pemikiran peringkat yang lebih tinggi.

## **PENYATAAN MASALAH**

Memahami warna dan bentuk adalah asas mempelajari banyak kemahiran dalam semua bidang, dari matematik dan sains ke bahasa dan bacaan. Sebagai contoh, apabila kanak-kanak belajar untuk melihat persamaan dan perbezaan antara warna dan bentuk, mereka menggunakan kemahiran yang sama untuk mengenali antara huruf dan angka. Apabila kanak-kanak dikehendaki menyusun objek secara matematik, mereka biasanya menggunakan atribut yang paling jelas, iaitu warna dan bentuk. Ketika bermain juga, kanak-kanak menggunakan kemahiran mengelas dan mengkategorikan dengan mengamati persamaan dan perbezaan warna dan bentuk. Namun, kanak-kanak belum berkemampuan membezakan antara pelbagai warna dalam kumpulan yang sama seperti biru, biru laut, biru ungu. Mereka juga kurang berkemahiran untuk menyatakan perbezaan warna secara komunikasi verbal.

Menurut Geist (2009), bagi meningkatkan kemahiran kanak-kanak dalam pemahaman berkaitan pembelajaran matematik dan sains, tidak semestinya diajarkan terus kepada mereka. Sebaliknya langkah kepada penerapan matematik awal dan sains awal boleh dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan interaksi dan pengalaman dengan persekitaran. Antara aktiviti yang mudah dilakukan ialah bermain dengan warna. Warna merupakan antara sesuatu yang mampu menarik perhatian kanak-kanak. Melalui aktiviti bermain dengan warna, kanak-kanak berpeluang menggunakan pelbagai warna sebagai satu eksperimen bagi menghasilkan warna yang lain lantas memberi peluang kepada mereka menginterpretasi idea dan pemahaman mereka. Selain itu, aktiviti bermain dengan warna juga dapat membantu memperkembangkan kepekaan dan pengamatan mereka.

Kanak-kanak seawal usia tiga tahun sebenarnya sudah dapat menamakan beberapa warna. Malahan, mereka juga dapat memadankan warna dengan objek yang mempunyai warna yang sama (Gifford, 2005). Kemahiran mengenal warna ini semakin meningkat apabila menjangkau usia prasekolah.

Kanak-kanak di peringkat awal kanak-kanak diajar mengenali warna-warna asas iaitu merah, biru dan kuning. Selain itu mereka juga diajar mengenali warna-warna seperti hijau, oren, ungu. Walau bagaimanapun, melalui pemerhatian di pusat-pusat pendidikan awal kanak-kanak, majoriti mereka tidak dapat mengenal pasti warna yang terhasil dari campuran dua warna asas. Hal ini kerana mereka tidak didedahkan bahawa warna-warna tersebut adalah warna sekunder yang terhasil daripada campuran dua warna asas. Aktiviti yang melibatkan warna di pusat pendidikan awal kanak-kanak lebih banyak tertumpu kepada mewarna. Aktiviti mewarna dalam ruang, mewarna dengan cara memegang pensel warna dengan cara yang betul, membuat hasil seni menggunakan warna air, dan sebagainya.

Namun kajian-kajian yang memfokuskan kepada pembelajaran warna oleh kanak-kanak di Malaysia amat sukar ditemui. Kebanyakan kajian yang melibatkan warna menjurus kepada peranan warna kepada pemikiran dan emosi kanak-kanak. Pemahaman tentang warna dan konsep warna amat perlu dikenal pasti dan dibina sejak awal usia kanak-kanak. Hal ini bertujuan menyediakan mereka mempelajari asas kehidupan dan pembelajaran lain sama ada dalam matematik, sains, serta bahasa dan komunikasi untuk peringkat-peringkat seterusnya sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Justeru, pembelajaran mengenal warna amat perlu dibina sejak peringkat awal kanak-kanak, terutamanya semasa di prasekolah bagi menyediakan mereka dengan dalam pembelajaran lain kelak.

## RUJUKAN LITERATUR

Warna merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia terutamanya kanak-kanak. Kanak-kanak menggunakan warna untuk pengecaman objek. Dalam kajian yang dijalankan oleh Faraha Latifah (2006), dinyatakan bahawa terdapat tiga unsur yang penting dari pengertian warna, iaitu benda, mata dan unsur cahaya. Secara umum, warna didefinisikan sebagai unsur cahaya yang dipantulkan oleh sebuah benda dan seterusnya diinterpretasikan oleh mata berdasarkan cahaya yang mengenai benda tersebut. Warna adalah jarak gelombang elektromagnet yang dapat dilihat oleh mata manusia. Warna yang terhasil adalah sebahagian daripada biasan yang dipantul balik oleh sesuatu objek. Warna yang terbentuk merupakan satu maklumat yang ditafsir oleh mata dalam otak manusia.

### Teori-teori Warna

Sir Isaac Newton merupakan orang pertama kali yang memperkenalkan konsep warna di dalam suatu diagram lingkaran atau lingkaran warna pada tahun 1666. Kaedah tersebut sering kali dianggap sebagai langkah awal dalam menghasilkan sebuah teori warna yang sangat efektif bagi menunjukkan berbagai-bagai hubungan antara warna yang berbeza daripada warna primer.

Pada tahun 1831, Brewster telah mengemukakan teori tentang pengelompokan warna. Teori Brewster membahagikan warna-warna yang ada di alam ini kepada empat kumpulan warna, iaitu warna primer, sekunder, tertier dan neutral. Kelompok warna dipaparkan pada lingkaran warna teori Brewster dipaparkan seperti berikut:

#### a. Warna Primer

Warna primer adalah warna dasar yang tidak berasal dari campuran dari warna-warna lain. Menurut teori warna pigmen dari Brewster, warna primer adalah warna-warna dasar. Warna-warna lain terbentuk daripada kombinasi warna-warna primer. Warna primer adalah warna merah, kuning, dan hijau. Akan tetapi, penelitian lebih lanjut menyatakan tiga warna primer yang masih diguna hingga kini, iaitu merah seperti darah, biru seperti langit/laut, dan kuning seperti kuning telur. Ketiga warna tersebut dikenali sebagai warna pigmen primer yang dipakai dalam seni rupa. Secara teknikalnya, warna merah, kuning, dan biru bukan warna pigmen primer. Tiga warna pigmen primer adalah *magenta*, kuning, dan *cyan*. Oleh kerana itu, apabila menyebut merah, kuning, biru sebagai warna pigmen primer, maka merah adalah cara yang kurang akurat untuk menyebutkan *magenta*, manakala biru adalah cara yang kurang akurat untuk menyebutkan *cyan*.

#### b. Warna Sekunder

Warna sekunder merupakan hasil campuran dua warna primer dengan nisbah 1:1. Teori Blon (Sulasmi Darma Prawira, 1989: 18) membuktikan bahwa campuran warna-warna primer menghasilkan warna-warna sekunder. Warna jingga merupakan hasil campuran warna merah dengan kuning. Warna hijau adalah campuran biru dan kuning. Warna ungu adalah campuran merah dan biru.

c. Warna Tertier

Warna tertier merupakan campuran satu warna primer dengan satu warna sekunder. Contoh, warna jingga kekuningan didapati dari pencampuran warna primer kuning dan warna sekunder jingga. Istilah warna tertier pada awalnya merujuk kepada warna-warna neutral yang dihasilkan dengan mencampur tiga warna primer dalam sebuah ruang warna. Pengertian tersebut masih umum dalam tulisan-tulisan teknikal.

d. Warna Neutral

Warna neutral adalah hasil campuran ketiga warna dasar dalam nisbah 1:1:1. Campuran menghasilkan warna putih atau kelabu dalam sistem warna cahaya aditif, sedangkan dalam sistem warna subtraktif pada pigmen atau cat akan menghasilkan coklat, kelabu, atau hitam. Warna neutral sering muncul sebagai penyeimbang warna-warna kontras di alam ini.

Munsell (Powell, Arsalidou, Vogan, & Margot, 2014) telah mengemukakan teori beliau berdasarkan teori yang dihasilkan Brewster. Munsell telah mengatakan bahawa tiga warna utama sebagai dasar dan disebut sebagai warna primer atau asas, iaitu merah (M), kuning (K), dan biru (B). Apabila dua warna primer masing-masing dicampur, maka akan menghasilkan warna kedua atau warna sekunder. Bila warna primer dicampur dengan warna sekunder akan menghasilkan warna ketiga atau warna tertier. Bila antara warna tertier dicampur lagi dengan warna primer dan sekunder akan menghasilkan warna neutral. Rumusan bagi teori warna oleh Munsell dapat digambarkan sebagai berikut:

Warna primer atau asas : Merah, Kuning, Biru

Warna Sekunder : Merah + Kuning = Jingga/Oren

Merah + Biru = Ungu

Kuning + Biru = Hijau

Warna tertier : Jingga + Merah = Jingga kemerahan

Jingga + Kuning = Jingga kekuningan

Ungu + Merah = Ungu kemerahan

Ungu + Biru = Ungu kebiruan

Hijau + Kuning = Hijau kekuningan

Hijau + Biru = Hijau kebiruan

Selain daripada kajian tentang teori-teori warna terdapat beberapa kajian yang turut membincangkan tentang kepentingan warna dalam kehidupan seharian. Warna mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kemampuan kognitif manusia (Mariam & Mohamad Faiz, 2013). Warna dapat memberikan maklumat yang signifikan untuk pengecaman objek. Pengecaman warna digunakan untuk menghasilkan model warna-warna asas yang disebut sebagai ruang warna. Aspek kognitif manusia mengandungi beberapa proses yang saling berhubungan dengan persepsi, penumpuan perhatian, ingatan dan pemikiran. Proses kognitif yang utama adalah ingatan yang berkait rapat dengan penyimpanan dan ingatan terhadap maklumat di persekitaran kita. Isu yang menarik dalam penyelidikan tentang ingatan adalah proses untuk mengukuhkan daya ingatan kita. Warna mempunyai hubungan yang signifikan dengan keupayaan minda atau akal manusia berdasarkan beberapa keadaan latar belakang berbeza dan deskripsi tentang daya ingatan manusia secara semula jadi.

Terdapat projek kajian oleh Nur Aliya Safura dan Mohd Shafry (2017) yang mengkaji isu berkaitan dengan pengecaman warna menggunakan OpenCV dalam menghasilkan satu permainan padanan bentuk. Projek ini mempunyai hubungan yang signifikan dalam menginterpretasi imej dalam komputer. Selain itu peranan warna dapat dilihat sebagai satu usaha untuk memahami data-data secara visual. Secara tidak langsung pengecaman warna dua dimensi dapat membantu mengembangkan pemahaman terhadap pemikiran kritikal kanak-kanak dalam suasana yang menyenangkan.

Warna juga memainkan peranan dalam meningkatkan pencapaian akademik seseorang pelajar untuk mengoptimalkan kemampuan kognitif ke arah pencapaian yang cemerlang menerusi cara mereka memperoleh maklumat, penumpuan, perhatian, cara mengingat, cara berfikir dan pemahaman dalam pelajaran. Oleh yang demikian, beberapa

strategi diperlukan untuk memudahkan proses pembelajaran dan warna mempunyai peranan dalam memotivasikan pelajar untuk belajar dan mendapat manfaat berdasarkan pengalaman pembelajaran yang diterima oleh mereka. Sebagai rumusan dapatlah dinyatakan bahawa warna mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perkembangan mental dan pencapaian seseorang pelajar.

Selain daripada mempengaruhi pencapaian akademik, warna juga mempunyai pengaruh terhadap emosi seseorang terutamanya pada kanak-kanak. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Boyatzis dan Varghese (n.d.) ke atas 60 orang kanak-kanak, iaitu 30 orang lelaki dan 30 orang perempuan berhubung dengan emosi mereka berdasarkan sembilan warna yang berbeza, kanak-kanak tersebut dikehendaki menggambarkan emosi mereka berdasarkan warna-warna yang dipilih. Kesemua kanak-kanak berkenaan didapati melahirkan perasaan emosi berdasarkan warna yang dipilih. Sebanyak 69% daripada kanak-kanak berkenaan memberikan respons emosi yang positif seperti gembira dan keriang yang menunjukkan hubungan antara warna dan emosi. Kanak-kanak berkenaan menunjukkan perasaan yang positif terhadap warna-warna yang cerah seperti biru, merah jambu dan merah. Manakala emosi yang negatif digambarkan melalui pemilihan warna-warna yang gelap seperti coklat, hitam dan kelabu. Kanak-kanak perempuan telah memberikan reaksi emosi yang positif terhadap warna-warna yang terang dan tidak menyukai warna-warna yang gelap. Ini berbeza dengan kanak-kanak lelaki yang menggambarkan emosi yang positif melalui pemilihan warna-warna yang gelap. Secara keseluruhannya kanak-kanak berkenaan memberikan reaksi emosi yang positif berdasarkan warna-warna yang terang berbanding dengan warna yang gelap.

Kesimpulan yang dapat dinyatakan bahawa warna mempunyai peranan dan pengaruhnya yang besar terhadap kehidupan manusia seharian terutamanya kanak-kanak dalam pencapaian akademik dan motivasi diri

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan bertujuan meninjau keberkesanan permainan *CoMatch* yang dilaksanakan sebagai satu intervensi dalam membantu meningkatkan pembelajaran mengenal warna di peringkat awal kanak-kanak. Permainan mengenal warna ini merangkumi mengenal warna-warna asas, mengenal dan memadankan warna dengan objek, serta mengenal pasti warna yang terhasil dari campuran warna asas, iaitu warna sekunder. Keberkesanan intervensi permainan *Co-Match* ini dinilai melalui permainan akhir yang merangkumi kesemua peringkat permainan.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini melibatkan tiga peringkat permainan, iaitu peringkat pertama permainan Putar dan Sebut, peringkat ke dua Cari Padanan, dan peringkat ketiga Jom Campur. Data dikumpulkan semasa peringkat sebelum dan selepas intervensi, iaitu permainan Masih Ingat Lagi.

Kajian ini melibatkan sampel kajian yang telah dikenal pasti. Permainan peringkat pertama hanya terdapat satu aktiviti sahaja. Sampel diberikan roda warna dan mereka memutar roda warna tersebut. Setelah roda warna berhenti berputar dan jarum menunjukkan ke arah warna, mereka dikehendaki menyebut nama warna tersebut.

Seterusnya sampel bergerak ke peringkat kedua permainan iaitu Cari Padanan. Permainan pada peringkat ini mempunyai tiga stesen. Sampel akan melaksanakan aktiviti yang disediakan pada setiap stesen dalam tempoh masa tertentu. Pada stesen pertama, sampel diminta memasukkan bebola kapas berwarna ke dalam uncang mengikut warna yang sepadan. Aktiviti pada stesen kedua pula mengandungi carta berlajur enam dengan setiap lajur mewakili warna asas dan warna sekunder. Sampel perlu mencari kad gambar objek berwarna dan meletakkan kad tersebut pada lajur yang berwarna sepadan dengan warna objek pada kad. Terdapat kad gambar yang menjadi sebagai pengganggu di sini bagi mengelakkan sampel membuat tekaan. Aktiviti pada stesen ketiga permainan Cari Padanan pula adalah aktiviti membuat model aiskrim berbatang atau berkon. Sampel perlu

mendapatkan sama ada batang atau kon aiskrim berwarna yang disediakan berdasarkan kad warna yang diberikan kepada mereka. Seterusnya mereka perlu mendapatkan kertas warna yang sama, mengguntingnya membentuk aiskrim berbatang atau aiskrim berkon dan melekatkannya dengan menggunakan gam pada batang atau kon aiskrim tadi.

Permainan pada peringkat ketiga, Jom Campur mempunyai dua aktiviti yang dilaksanakan secara stesen. Pada stesen pertama, sampel diberikan enam bekas kosong setiap seorang. Mereka juga diberikan tiub warna air iaitu warna merah, biru dan kuning serta tiga batang pipet setiap seorang. Sampel diminta memasukkan sedikit warna air merah, biru dan kuning ke dalam tiga bekas yang berbeza dan dicampurkan dengan beberapa titisan air menggunakan pipet bagi mencairkannya. Seterusnya mereka diminta menjawab soalan sebelum memulakan aktiviti selanjutnya. Soalan ini meminta mereka meneka penghasilan warna sekunder apabila satu warna asas dicampurkan dengan warna asas yang lain. Contohnya, untuk menghasilkan warna hijau, mereka perlu meneka campuran dua warna asas yang diperlukan. Sampel perlu meneka dan seterusnya melaksanakan ujikaji tersebut dengan mengambil beberapa titis warna asas yang telah dibancuh tadi, dimasukkan ke dalam bekas kosong dan mencampurkannya dengan beberapa titis warna asas yang lain. Sampel membuat perbandingan jawapan yang mereka berikan dengan hasil yang diperoleh.

Aktiviti kedua pada permainan Jom Campur ni memerlukan sampel membuat tekaan jawapan terlebih dahulu. Sampel diminta menjawab soalan yang disediakan sebelum menjalankan ujikaji bagi mendapat jawapan yang betul. Sampel diberikan kad warna sekunder dan minta menyebut campuran dua warna asas yang menghasilkan warna sekunder tersebut. Selain itu, sampel juga diberi dua kad warna asas dan diminta menyebut warna sekunder yang dihasilkan. Beberapa set soalan yang pelbagai diberikan kepada sampel untuk dijawab. Seterusnya sampel diberikan tiub warna air dan putik kapas serta piring kertas. Mereka diminta mendapatkan jawapan sebenar kepada soalan yang dikemukakan dengan mencampurkan warna air menggunakan putik kapas.

Permainan *CoMatch* sebagai intervensi dijalankan bagi membantu kanak-kanak dalam pembelajaran mengenal warna dengan baik. Setelah diberikan intervensi ini secara berulang selama lapan minggu, mereka diberikan permainan yang merangkumi aspek-aspek yang sama seperti permainan asal, iaitu permainan Masih Ingat Lagi. Setiap hasil yang diperoleh sampel pada setiap stesen di semua peringkat dicatatkan bagi membuat perbandingan dengan hasil di peringkat permainan akhir.

### **Sampel Kajian**

Sampel kajian ini terdiri daripada 15 orang kanak-kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun dari sebuah pusat pendidikan awal kanak-kanak dalam daerah Seberang Perai Utara.

### **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, instrumen kajian terdiri daripada tiga peringkat permainan dengan rubrik penilaian bagi setiap peringkat permainan tersebut. Setiap aktiviti di setiap peringkat permainan ini mempunyai rubrik penilaian masing-masing dan dibandingkan dengan permainan akhir bagi melihat keberkesanan intervensi permainan *CoMatch* dalam pembelajaran mengenai warna. Peringkat permainan tersebut adalah :

- i. Putar dan Sebut
- ii. Cari Padanan
- iii. Jom Campur

#### **i) Putar dan Sebut**

Sampel diberikan roda warna dan mereka memutar roda warna tersebut. Setelah roda warna berhenti berputar dan jarum menunjukkan ke arah warna, mereka dikehendaki menyebut nama warna tersebut. Penilaian untuk peringkat ini menggunakan Lembaran Senarai Semak seperti pada Jadual 1. Jika sampel menjawab dengan betul, lajur ditandakan (/) manakala jika dijawab dengan salah ditandakan (x) pada lajur berkenaan. Setiap sampel diberikan peluang tiga kali pusingan dan pada setiap pusingan jawapan mereka ditandakan.

Skor mereka pada permainan peringkat pertama ini dijumlah di akhir pusingan ketiga.

Jadual 1  
Penilaian Putar dan Sbeut

Pusingan	Kanak-kanak / Sampel														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
1															
2															
3															
Jumlah															

ii) Cari Padanan

Permainan pada peringkat ini mempunyai tiga stesen. Stesen pertama iaitu Bebola Uncang Warna memerlukan sampel memasukkan bebola kapas berwarna ke dalam uncang yang berwarna sepadan dengan bebola kapas tersebut. Bebola kapas dari pelbagai warna disediakan. Setiap warna mempunyai sebanyak 10 unit bebola kapas. Sampel diberikan masa lima minit setiap seorang untuk memasukkan bebola kapas ke dalam uncang. Penilaian untuk stesen pertama ini seperti di Jadual 2. Pada akhir masa lima minit, jumlah bebola kapas berwarna yang dimasukkan dalam uncang warna sepadan dikira. Sampel hanya diberi satu kali peluang sahaja pada stesen pertama ini. Namun begitu intervensi selanjutnya untuk permainan Cari Padanan dilaksanakan pada stesen kedua.

Jadual 2  
Penilaian Stesen Pertama – Cari Padanan : Bebola Uncang Warna

Uncang Warna	Kanak-kanak / Bilangan Bebola Warna														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Merah															
Kuning															
Biru															
Oren															
Ungu															
Hijau															
Oren Kemerahan															
Oren Kekuningan															
Ungu Kemerahan															
Hijau Kekuningan															
Hijau Kebiruan															
Ungu Kebiruan															

Intervensi selanjutnya untuk permainan Cari Padanan dilaksanakan pada stesen kedua iaitu aktiviti Padanan Objek Berwarna. Aktiviti ini memerlukan sampel memadamkan objek berwarna dengan melekatkan kad objek tersebut mengikut lajur warna sepadan. Setiap sampel diberikan carta lajur warna yang berbeza bagi mengelakkan sampel mengikut jawapan rakan mereka. Tempoh masa selama 10 minit diberikan kepada setiap sampel untuk menyiapkan aktiviti ini. Skor jawapan mereka dikira berdasarkan kad objek berwarna yang



diletakkan dengan betul pada lajur yang betul, seperti pada Jadual 3.

Jadual 3

Penilaian Stesen Kedua – Cari Padanan : Padanan Objek Berwarna

Objek Berwarna	Kanak-kanak														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Merah															
Biru															
Kuning															
Ungu															
Hijau															
Oren															

Aktiviti pada stesen ketiga iaitu Aiskrim Berwarna, sampel dikehendaki membuat model aiskrim berbatang atau berkon. Sampel perlu mendapatkan sama ada batang atau kon aiskrim berwarna yang disediakan berdasarkan kad warna yang diberikan kepada mereka. Seterusnya mereka perlu mendapatkan kertas warna yang sepadan dengan batang atau kon aiskrim, mengguntingnya membentuk aiskrim berbatang atau aiskrim berkon, mengikut kreativiti, dan melekatkannya dengan menggunakan gam pada batang atau kon aiskrim tadi. Guntingan kertas berwarna berbentuk aiskrim yang telah siap tersebut dilekatkan pada lajur yang sepadan dengan kad berwarna. Setiap sampel perlu menyiapkan enam unit aiskrim berwarna dalam tempoh masa 15 minit. Penilaian untuk aktiviti stesen ketiga seperti pada Jadual 4.

Jadual 4

Penilaian Stesen Ketiga – Cari Padanan : Aiskrim Berwarna

Warna Kad	Kanak-kanak															
	1		2		3		4		5		6		7		8	
	B	A	B	A	B	A	B	A	B	A	B	A	B	A	B	A
Merah																
Biru																
Kuning																
Hijau																
Ungu																
Oren																
Jumlah sepadan																

- B : Batang / Kon
- A : Guntingan berbentuk aiskrim

iii. Jom Campur

Jom Campur adalah peringkat ketiga dalam intervensi permainan *CoMatch* dengan dua aktiviti stesen. Pada stesen pertama, iaitu permainan Campuran Dua Asas, sampel diberikan enam bekas kosong setiap seorang. Mereka juga diberikan tiub warna air iaitu warna merah, biru dan kuning serta tiga batang pipet setiap seorang. Mereka perlu meneka penghasilan warna sekunder apabila satu warna asas dicampurkan dengan satu warna asas yang lain. Seterusnya mereka melaksanakan ujikaji dengan mengambil beberapa titis warna asas yang telah dibancuh, dimasukkan ke dalam bekas kosong dan mencampurkannya

dengan beberapa titis warna asas yang lain. Mereka membuat perbandingan jawapan yang mereka berikan dengan hasil yang diperoleh. Tekaan dan hasil sebenar untuk aktiviti ini dicatatkan seperti pada Jadual 5.

Jadual 5  
Penilaian Stesen Pertama – Jom Campur : Campuran Dua Asas

Sekunder	Kanak-kanak											
	1			2			3			4		
	Warna		Tekaan (/) (x)	Warna		Tekaan (/) (x)	Warna		Tekaan (/) (x)	Warna		Tekaan (/) (x)
	A1	A2		A1	A2		A1	A2		A1	A2	
Hijau												
Ungu												
Oren												
Jumlah												

Aktiviti kedua pada permainan Jom Campur ini adalah kesinambungan daripada aktiviti pertama Campuran Dua Asas. Dalam aktiviti stesen kedua ini, iaitu Teka Campuran, memerlukan sampel membuat tekaan jawapan kepada soalan yang disediakan terlebih dahulu sebelum menjalankan ujikaji bagi mendapat jawapan yang betul. Sampel diberikan satu carta yang mengandungi beberapa set soalan. Antaranya ialah sekeping kad warna sekunder dilekatkan pada carta tersebut dan sampel diminta menyebut campuran dua warna asas yang menghasilkan warna sekunder tersebut. Selain itu, terdapat juga dua kad warna asas yang dilekatkan dan sampel diminta menyebut warna sekunder yang dihasilkan. Seterusnya sampel diberikan tiub warna air dan putik kapas serta piring kertas. Mereka diminta mendapatkan jawapan sebenar kepada soalan yang dikemukakan dengan mencampurkan warna air menggunakan putik kapas. Hasil ujikaji mereka dibandingkan dengan jawapan yang diberikan pada carta dan direkodkan seperti pada Jadual 6.

Jadual 6  
Penilaian Stesen Kedua – Jom Campur : Teka Campuran

Kad Warna	Kanak-kanak											
	1			2			3			4		
	Warna		Teka an (/) (x)	Warna		Teka an (/) (x)	Warna		Teka an (/) (x)	Warna		Teka an (/) (x)
	A1	A2		A1	A2		A1	A2		A1	A2	
Hijau												
Ungu												
Oren												
	Sekunder			Sekunder			Sekunder			Sekunder		
Merah + Kuning												
Merah + Biru												
Kuning + Biru												
Jumlah betul (/)												
Jumlah salah (x)												

Setelah diberikan intervensi permainan *CoMatch* ini secara berperingkat selama lima minggu, mereka diberikan permainan yang merangkumi aspek-aspek yang sama seperti permainan *CoMatch*, iaitu permainan Masih Ingat Lagi. Permainan ini menyediakan beberapa batang akrilik yang mempunyai pelbagai warna padanya dan sampel diminta memadankan

batang akrilik tersebut dengan batang akrilik lain yang sepadan susunan warna. Selain itu mereka juga diberikan batang akrilik berwarna sekunder dan sampel diminta mencari batang akrilik warna asas yang membentuk warna sekunder tersebut. Seterusnya mereka bermain dengan permainan Papan Heksagon. Sampel membalik dadu dan bergerak mengikut bilangan nombor pada dadu. Mereka perlu menjawab soalan yang tertera pada papan tersebut. Mereka membalik dadu sebanyak enam kali pusingan setiap seorang.

## DAPATAN

Bahagian berikut menganalisis keseluruhan dapatan permainan CoMatch dalam pembelajaran mengenal warna.

### Dapatan Intervensi Permainan Putar dan Sebut

Jadual 7

Analisis keseluruhan dapatan permainan Putar dan Sebut

Pusingan 1/2/3	Kanak-kanak / Sampel														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Jumlah	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2

### Dapatan Permainan Masih Ingat Lagi : Padanan Batang Akrilik

Jadual 8

Analisis keseluruhan dapatan permainan Masih Ingat Lagi : Padanan Batang Akrilik

Batang Akrilik 1/2/3/4/5/6	Kanak-kanak / Sampel														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Jumlah	4	4	6	5	3	6	2	5	4	6	4	5	6	6	5

### Dapatan Permainan Masih Ingat Lagi : Akrilik Sekunder

Jadual 9

Analisis keseluruhan dapatan permainan Masih Ingat Lagi : Akrilik Sekunder

Akrilik Sekunder 1/2/3	Kanak-kanak / Sampel															
	1		2		3		4		5		6		7			
	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2		
Jumlah	2	3	3	3	2	2	3	2	3	2	3	3	3	2		
	8		9		10		11		12		13		14		15	
	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2	A1	A2
Jumlah	3	3	3	2	3	2	3	3	2	3	3	2	3	3	2	2

### Dapatan Permainan Masih Ingat Lagi : Papan Heksagon

Jadual 10

Analisis keseluruhan dapatan permainan Masih Ingat Lagi : Papan Heksagon

Pusingan 1/2/3/4/5/6	Kanak-kanak / Sampel													
	1		2		3		4		5		6		7	
	/	x	/	x	/	x	/	x	/	x	/	x	/	x
Jumlah	5	1	5	1	5	1	6	0	4	2	3	3	4	2

Pusingan 1/2/3/4/5/6	Kanak-kanak / Sampel															
	8		9		10		11		12		13		14		15	
	/	x	/	x	/	x	/	x	/	x	/	x	/	x	/	x
Jumlah	5	1	5	1	6	0	6	0	5	1	4	2	6	0	5	1

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Daripada dapatan permainan Masih Ingat Lagi yang dijalankan, didapati terdapat keberkesanan pada intervensi permainan CoMatch yang dijalankan. Dapat dilihat di awal intervensi iaitu pada permainan Putar dan Sebut, kesemua 15 orang kanak-kanak hanya dapat menyebut dua warna yang betul daripada tiga warna yang mereka peroleh. Warna-warna tersebut adalah warna-warna asas dan sekunder yang biasa mereka temui.

Aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan juga membantu mereka dalam mengenal warna dengan lebih baik. Pada permainan Masih Ingat Lagi : Padanan Batang Akrilik, dapat dilihat lima sampel iaitu 33% dapat memadankan warna pada batang akrilik dengan tepat. Seramai empat orang atau 27% pula masing-masing dapat memadankan lima dan empat batang akrilik mengikut susunan warna dengan betul. Seorang dapat memadankan tiga batang akrilik dan seorang lagi dapat memadankan hanya dua batang akrilik dengan betul.

Intervensi permainan CoMatch iaitu Jom Campur telah memberi pengalaman baru kepada sampel. Jika sebelum permainan ini, mereka hanya mengenal warna sekunder tanpa mengetahui bahawa warna sekunder adalah merupakan campuran dua warna asas. Dapatan permainan Masih Ingat Lagi : Akrilik Sekunder menunjukkan lima daripada 15 peserta, iaitu 33% dapat mengenal pasti campuran dua warna asas bagi menghasilkan warna sekunder yang dikemukakan. Sebanyak 53% sampel pula dapat mengenal pasti sekurang-kurangnya dua daripada tiga warna asas bagi menghasilkan warna sekunder manakala hanya dua sampel dapat mengenal pasti hanya dua warna asas bagi membentuk warna sekunder.

Dapatan daripada permainan Papan Heksagon membuktikan intervensi permainan CoMatch amat membantu dalam pembelajaran mengenal warna. Hal ini dapat dilihat dari dapatan yang menunjukkan 27% atau empat daripada 15 sampel dapat menjawab permasalahan yang dikemukakan pada Papan Heksagon dengan tepat. Seramai tujuh sampel iaitu 47% mendapat lima daripada enam jawapan yang betul. Seramai tiga orang atau 20% dapat menjawab empat jawapan dengan betul dan hanya seorang sahaja yang memberi tiga jawapan betul.

Walaupun dapatan menunjukkan sampel tidak menunjukkan keputusan yang konsisten dalam kalangan mereka pada setiap intervensi, namun proses pembelajaran berlaku pada setiap sampel kajian ini. Justeru, permainan CoMatch ini boleh dijadikan sebagai alat intervensi dari semasa ke semasa bagi memahirkan kanak-kanak berkaitan dengan warna. Selain itu, permainan ini boleh dipelbagaikan lagi sehingga membolehkan kanak-kanak mengenal warna tertiar.

## REFERENCES

- Boyatzis, C. J. & Varhese, R. (n.d.) .Children emotional association with colors. *The Journal of Genetics Psychology*, 1551, 77-85.
- Gifford, S. (2005). *Teaching mathematics 3-5: Developing learning in the foundation stage*. London : Open University Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mariam Adawiah Dzulkifly & Mohamad Faiz Mustafa (2013). *The influence of colour on memory*. International Islamic University Malaysia: Article review
- Nor Aliya Safura Mohd Ghazali & Mohd Safri Mohd Rahim . (2017). Colour based recognition for shape matching Game . *UTM: Computing Proceeding Innovation In Computing*

*Tecnology and Applications*

- Nor Aimi Harun, Rohani Abdullah & Rajmah Othman. (2014). *Perkembangan Kognitif Kanak-kanak dalam Matematik dan Sains*. Sungai Petani : TSON Enterprise
- Powell, T.M, Arsalidou, M, Vogan, M.V. & Margot J. Taylor1, (2014) *Research and Colour Matching Tasks: Parametric measures of developmental working memory capacity*. Hindawi Publishing Corporation: Child Development Centre.

## **SATU TINJAUAN KESEDARAN DAN KESEDIAAN KE ARAH PENDIDIKAN INKLUSIF PRASEKOLAH DALAM KALANGAN GURU-GURU PRASEKOLAH KEMAS, PERPADUAN DAN SeDidik DI UTARA SARAWAK**

**SAPATOMAH @ SBTUYAH MORSHIDI<sup>1</sup>, ZAINUDIN MOHD ISA, PhD<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.  
sabmorcd@yahoo.com

<sup>2</sup>Open University Malaysia, 40100 Shah Alam, Selangor.  
zainudin\_mohdisa@oum.edu.my

### **ABSTRAK**

Pendidikan Inklusif Prasekolah merupakan kunci polisi dan langkah implementasi yang boleh memudahkan pendidikan dan proses sosialisasi kanak-kanak biasa atau mahupun kanak-kanak dengan keperluan khas di Malaysia. Perkembangan Pendidikan Inklusif Prasekolah adalah usaha komitmen KPM yang menggabungkan Pendidikan Inklusif dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran dan kesediaan guru-guru Prasekolah terhadap Pendidikan Inklusif Prasekolah serta isu dan cabaran untuk menerima kanak-kanak prasekolah keperluan khas. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik untuk mengutip data. Responden terdiri daripada 31 orang guru prasekolah di utara Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan 58.1% daripada responden peka dengan keperluan untuk mewujudkan Pendidikan Inklusif Prasekolah. 83.9% responden bersetuju untuk memulakan Pendidikan Inklusif Prasekolah, dan merasa bangga serta menyahut cabaran dan bergerak selari dengan perubahan diversiti pada sistem pendidikan secara global. Responden berpendapat bahawa mereka harus diberi pendedahan tentang kepentingan untuk memulakan Pendidikan Inklusif seawal di peringkat prasekolah lagi. Latihan khas untuk mengajar dan mengendalikan kanak-kanak prasekolah dengan keperluan khas, serta pemantauan dan bimbingan untuk memastikan pelaksanaan Pendidikan Inklusif Prasekolah berjaya. Kesimpulannya, kajian ini boleh memberi sumbangan dari sudut perspektif dan pengetahuan mengenai Pendidikan Inklusif Prasekolah serta perubahan amalan akan menjurus kepada pelaksanaan Pendidikan Inklusif Prasekolah dalam kalangan agensi-agensi PAKK.

Kata kunci: *tinjauan, kesedaran, kesediaan, Pendidikan Inklusif Prasekolah, PAKK*

### **PENGENALAN**

Kajian ini telah dijalankan pada tahun 2018-2019 untuk memenuhi sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan sarjana dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak, daripada Open University Malaysia. Pada kajian ini, perbincangan mengenai Pendidikan Inklusif Prasekolah (PIP), dan isu-isu yang bangkit disebalik implementasi PIP ke dalam sistem pendidikan negara kita. Beberapa pernyataan masalah kajian diutarakan dan tujuan kajian ini dijalankan.

Pengkaji menjalankan kajian ini, adalah disebabkan beberapa kes benar, di mana terdapat kehadiran kanak-kanak keperluan khas berada di prasekolah-prasekolah dalam kalangan ketiga-tiga agensi ini. Ini membuktikan yang guru-guru prasekolah dalam kalangan ketiga-tiga agensi ini mampu memberikan perkhidmatan pendidikan prasekolah inklusif. Hanya pelaksanaan tidak direkodkan. Jesteru itu, kes-kes ini, telah membuktikan yang ketiga-tiga agensi ini telah memulakan pendidikan inklusif prasekolah tanpa mereka sedari. Tetapi disebabkan oleh kurang pendedahan, kurang pemahaman tentang pendidikan


inklusif prasekolah, tiada kelayakan, dasar terbuka untuk menerima kanak-kanak berkeperluan khas belum lagi diterap, atau diwajibkan menyebabkan perkara masih tidak ambil berat dan menyebabkan ada kanak-kanak berkeperluan khas tercicir daripada mengikuti pendidikan awal kanak-kanak, walaupun telah dimaktubkan dalam Dasar Pendidikan Prasekolah, Akta Pendidikan 1996, dari segi pendemokrasian dasar yang khusus membolehkan kanak-kanak menikmati peluang pendidikan prasekolah tanpa mengira pendapatan keluarga, kawasan tempat tinggal dan kumpulan etnik termasuk kanak-kanak dengan keperluan khas.

Disebabkan beberapa kes kanak-kanak dengan keperluan khas telah dinafikan hak untuk mengikuti pendidikan awal kanak-kanak mereka. Situasi ini telah mendorong pengkaji menjalankan kajian ini, dalam kalangan prasekolah-prasekolah KEMAS, PERPADUAN & SeDidik di Utara Sarawak.

Memandangkan juga ketiga-tiga agensi ini, merupakan agensi yang paling banyak menyediakan pendidikan awal kanak-kanak, baik di kawasan bandar dan di luar bandar. Dan prasekolah-prasekolah ini juga merupakan prasekolah yang paling dekat atau satu-satunya prasekolah dengan kediaman kanak-kanak dengan keperluan khas tersebut.

Jadual 1 menunjukkan aliran kajian yang dijalankan.

Jadual 1  
Rangka Struktural Kajian



## OBJEKTIF DAN TUJUAN KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- mengenal pasti tahap kesedaran tentang Pendidikan Inklusif Prasekolah dalam kalangan Guru-Guru Prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik.
- mengkaji tahap kesediaan dalam kalangan Guru-Guru Prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik untuk menjalankan pendidikan inklusif prasekolah kepada kanak-kanak dengan keperluan khas.
- untuk mengenal pasti isu-isu dan cabaran untuk menerima kanak-kanak dengan keperluan khas dalam kalangan Guru-Guru Prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik.

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka dan mengupas persoalan mengenai kesedaran dan kesediaan dalam kalangan guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik ke arah implementasi Pendidikan Inklusif Prasekolah. Justeru itu, terdapat tiga persoalan kajian yang perlu dijawab dalam kajian ini, iaitu.

- a. Apakah tahap kesedaran dalam kalangan guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik tentang Pendidikan Inklusif Prasekolah kepada kanak-kanak dengan berkeperluan khas?
- b. Apakah tahap kesediaan dalam kalangan guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik untuk menyediakan pendidikan inklusif kepada kanak-kanak dengan berkeperluan khas?
- c. Apakah isu-isu dan cabaran dalam kalangan guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik untuk menerima kanak-kanak dengan berkeperluan khas?

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Data dikumpulkan melalui soal selidik secara atas talian, iaitu Borang *Survey-Google form* yang melibatkan seramai 31 orang guru-guru Prasekolah KEMAS, PERPADUAN and SeDidik, di sekitar Bandaraya Miri, Bintulu dan Limbang di Utara Sarawak. Borang dihantar melalui emel dan *whatsApp*. Maklum balas diterima dalam jangkamasa sebulan. Soal selidik terdiri daripada soalan-soalan terbuka dan tertutup, agar maklumat lebih terperinci boleh diperolehi, untuk menguatkan dan menyokong ke arah implementasi pendidikan inklusif prasekolah di mana adanya kanak-kanak prasekolah dengan berkeperluan khas. Data dianalisis menggunakan SPSS dan statistik deskripsi digunakan sebagai keadah untuk menjanakan keputusan.

### Responden dan Sample Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN and SeDidik, di sekitar Bandaraya Miri, Bintulu dan Limbang di Utara Sarawak. Terdapat seramai 275 guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN, dan SeDidik berdasarkan Jadual 1. Namun disebabkan beberapa kakangan seperti masa, lokasi para responden, responden tidak pandai menggunakan aplikasi *WhatsApp* ataupun emel, tiada bekalan elektrik, tiada rangkaian internet, capaian internet yang lemah atau tidak menentu, serta sebab-sebab yang tidak ketahui, menyebabkan hanya 31 orang daripada seramai 275 orang guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik telah menyertai tinjauan kajian dan menghantar balik boring soal selidik ini kepada pengkaji.

#### Jadual 2

Jadual Jumlah Guru-Guru Prasekolah KEMAS, PERPADUAN, dan SeDidik di Utara Sarawak

BAHAGIAN	KEMAS	JPNIN	SeDidik	JUMLAH
Miri	16	35	38	89
Baram	35	-	0	35
Bintulu	54	16	13	83
Limbang	47	10	11	68
	152	61	62	275

### Instrumen Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian ini, data dikutip dengan menggunakan instrument terpiawai yang sah dan boleh dipercayai untuk mengukur pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Bagi mengukur kesedaran dan kesediaan guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik ke arah Pendidikan Inklusif Prasekolah, pengkaji telah membina soal selidik yang dibina atas persetujuan penyelia kajian. Set soalan yang dibina adalah berdasar bacaan kajian-kajian Pendidikan Inklusif Prasekolah dari dalam dan luar



Negara. Kajian rintis telah dilakukan, untuk mendapat maklum balas dan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan, sebelum di hantar kepada para responden.

Jadual 3  
Jadual Susunan Instrumen

Bahagian	Perkara	Item	Bilangan Item
A	Demografi responden	1,2,3,4,5	5
B	Tahap kesedaran	1-17	17
C	Tahap kesediaan	1-10	10
D	Isu-Isu dan Cabaran	Terbuka	5 orang responden memberikan pendapat dan cadangan

Skala Lima Likert digunakan untuk melihat respons-respons para responden kepada item-item pada instrument yang digunakan.

<b>SST</b>	<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>1</b>
<b>TS</b>	<b>Tidak setuju</b>	<b>2</b>
<b>B</b>	<b>Berkecuali</b>	<b>3</b>
<b>S</b>	<b>Setuju</b>	<b>4</b>
<b>SS</b>	<b>Sangat setuju</b>	<b>5</b>

sumber:

<https://docs.google.com/forms/d/1wHITBYyMGMk38bgjkZSvKF9h5UgditeVLaJJVU3RBg/edit>

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji membincangkan secara terperinci hasil dapatan yang diperolehi. Sebanyak 31 soal selidik Berjaya diterima melalui *WhatsApp* dan emel. Semua soal selidik tersebut adalah lengkap maka pengkaji telah menganalisis data menggunakan *Statistical package of Sosial Science (SPSS)*.

Dapatan kajian dalam Jadual 4, di bawah menunjukkan tahap kesedaran ke arah Pendidikan Inklusif Prasekolah dalam kalangan guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik di Utara Sarawak.

Jadual 4

Tahap kesedaran tentang PI kepada kanak-kanak dengan keperluan khas dalam kalangan guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik

- Sangat tidak setuju/Tidak Setuju/Berkecuali/Setuju/Sangat Setuju

			Bilangan	Peratus %				Bilangan	Peratus %
b1	Saya peka tentang Pendidikan Khas	TS	3	9.7	b10	Saya peka bahawa kanak-kanak prasekolah dengan keperluan khas harus diberikan peluang untuk belajar dengan rakan sebaya di prasekolah yang berdekatan dengan kediaman.	TS	4	12.9
		B	9	29.0			B	10	32.3
		S	19	61.3			S	17	54.8

b2	Saya peka tentang Pendidikan Inklusif	TS	2	6.5	b11	Saya peka bahawa kanak-kanak prasekolah dengan keperluan khas, yang boleh belajar diberikan peluang untuk belajar di mana-mana prasekolah.	TS	6	19.4
		B	13	41.9			B	10	32.3
		S	16	51.6			S	15	48.4
b3	Saya mengetahui tentang adanya Pendidikan Inklusif Prasekolah di Malaysia dan di luar negara	TS	0	0	b12	Majikan saya peka dengan keperluan Pendidikan Inklusif Prasekolah	TS	4	12.9
		B	11	35.5			B	11	35.5
		S	20	20			S	16	51.6
b4	Saya peka tentang perkembangan pendidikan	TS	0	0	b13	Saya peka dengan beberapa orang pegawai/ guru prasekolah telah didedahkan Pendidikan Inklusif Prasekolah	TS	4	12.9
		B	3	3			B	12	38.7
		S	28	90.3			S	15	48.4
b5	Saya mempunyai sedikit pengalaman dengan kanak-kanak dengan keperluan khas	TS	6	6	b14	Saya tahu bahawa mengajar kanak-kanak prasekolah dengan keperluan khas merupakan beban tugas tambahan	TS	3	9.7
		B	10	10			B	12	38.7
		S	15	15			S	16	51.6
b6	Saya peka dengan amalan-amalan pengajaran Pendidikan Inklusif	TS	2	2	b15	Saya peka kanak-kanak Prasekolah dengan keperluan khas boleh mencapai potensi pembelajaran dengan	TS	0	0.0
		B	16	16			B	11	35.5
		S	13	41.9			S	20	64.5

						perlaksanaan Pendidikan Inklusif Prasekolah			
b7	Saya peka dengan perundangan	TS	2	6.5	b16	Saya peka Pendidikan Inklusif Prasekolah akan dilaksanakan sebagai satu langkah agar seiring dengan perubahan diversiti dan pendidikan di peringkat global, dan untuk memenuhi keperluan dan hak kanak-kanak prasekolah dengan bekeperluan khas, untuk memulakan pendidikan awal kanak-kanak mereka dengan secara normal yang mungkin	TS	1	3.2
		B	18	58.1			B	8	25.8
		S	11	35.5			S	22	71.0
b8	Saya peka dengan keperluan Pendidikan Inklusif Prasekolah diwujudkan di mana-mana prasekolah	TS	2	6.5	b17	Saya peka akan kejayaan implementasi Pendidikan Inklusif Prasekolah di mana-mana prasekolah, adalah bergantung di atas penerimaan, komitmen, persepsi dan penglibatan guru-guru prasekolah, majikan, ibu bapa dan komuniti.	TS	1	3.2
		B	11	35.5			B	5	16.1
		S	18	58.1			S	25	80.6

b9	Saya tahu hanya terdapat dua buah Prasekolah Khas di Bahagian Miri	TS	13	41.9	
		TP	5	16.1	
		S	13	41.9	

Manakala dalam Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan ke arah Pendidikan Inklusif Prasekolah dalam kalangan guru-guru prasekolah KEMAS, PERPADUAN dan SeDidik

Jadual 5

Tahap kesediaan untuk menyediakan pendidikan inklusif kepada kanak-kanak dengan keperluan khas, dalam kalangan guru-guru prasekolah KEMAS, PPERPADUAN dan SeDidik

			Bilang an	Peratus %				Bilang an	Peratus %
c1	Saya berminat untuk memulakan Pendidikan Inklusif Prasekolah di Prasekolah saya, jika ada kanak-kanak dengan keperluan khas mendaftar	TS	7	22.6	c6	Saya akan memerlukan sokongan daripada para pakar Pendidikan Inklusif Prasekolah	TS	2	6.5
		B	12	38.7			B	5	16.1
		S	12	38.7			S	24	77.4
c2	Saya bersedia untuk memikul tanggungjawab untuk mengajar kanak-kanak dengan keperluan pembelajaran khas tanpa perasaan negatif	TS	6	19.4	c7	Saya akan memerlukan guru penolong atau pembantu untuk mengendalikan kanak-kanak prasekolah dengan keperluan khas, agar tidak menjejaskan perhatian saya kepada kanak-kanak prasekolah yang normal	TS	2	6.5
		B	13	41.9			B	3	9.7
		S	12	38.7			S	26	83.9
c3	Saya bersedia untuk menambahkan ilmu pengetahuan mengenai	TS	2	6.5	c8	Saya bersedia untuk bekerjasama dengan guru-guru lain, pegawai dan	TS	1	3.2
		B	6	19.4			B	16.1	16.1
		S	23	74.2			S	25	80.6

	Pendidikan Inklusif Prasekolah melalui kursus, latihan dan bengkel					pakar, untuk memastikan kejayaan Pendidikan Inklusif Prasekolah			
c4	Saya juga bersedia untuk mengajar dengan pelbagai keadah pengajaran untuk kanak-kanak dengan pembelajaran bekeperluan khas	TS	3	9.7	c9	Saya ingin melihat kanak-kanak prasekolah dengan keperluan khas, boleh menguasai kemahiran-kemahiran seperti rakan sebaya normal di dalam kelas inklusif	TS	0	0.0
		B	9	29.0			B	6	19.4
		S	19	61.3			S	25	80.6
c5	Saya akan memberikan perhatian yang seimbang kepada kanak-kanak bekeperluan khas dan kanak-kanak prasekolah yang normal	TS	3	9.7	c10	Untuk memulakan sebuah Pendidikan Inklusif Prasekolah adalah satu kebanggaan, dan satu cabaran untuk bergerak seiring dengan perubahan diversiti dalam sistem pendidikan global	TS	2	6.5
		B	7	22.6			B	3	9.7
		S	21	67.7			S	26	83.9

### Isu-isu dan Cabaran untuk menerima kanak-kanak prasekolah dengan keperluan khas

Para responden memberikan cadangan dan pendapat untuk mengatasi isu-isu dan cabaran ke arah pendidikan inklusif prasekolah. Cadangan dan pendapat ini boleh dibahagi kepada lima katagori iaitu :

Pertamanya, guru-guru memerlukan pendedahkan mengenai pendidikan inklusif prasekolah. Keduanya, mereka mencadangkan, agar kanak-kanak ini dikumpulkan mengikut kebolehan dan keperluan pembelajaran mereka. Ketiganya, keperluan untuk mereka mengikuti latihan khas, untuk mengendalikan kanak-kanak dengan keperluan khas. Keempat, perlu menghadiri kursus formal untuk meningkatkan cara pengajaran dan pembelajaran, atau sekurang-kurangnya ada kursus asas untuk para guru meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka, dan akhirnya; Intervensi yang relevan dan mekanisma pentaksiran yang sesuai untuk kanak-kanak dengan keperluan khas perlu dilaksanakan.

## Dapatan daripada analisis data menggunakan SPSS, menunjukkan kebolehpercayaan dua pemboleh ubah kajian.

Jadual 5

Kebolehpercayaan kedua-dua pembolehubah

Pembolehubah	Jumlah Item	Kebolehpercayaan (Crombach $\alpha$ value)
Kesedaran tentang PIP	17	0.86
Kesediaan ke arah PIP	10	0.93

### Kekangan Kajian

Di antara kekangan kajian yang dihadapi oleh pengkaji ialah pertamanya, dari segi kepelbaian kaedah kajian untuk mengumpul maklumat kanak-kanak dengan keperluan khas, yang sedang mengikuti pendidikan awal kanak-kanak diprasekolah KEMAS, PERPDUAN dan SeDidik. Disebabkan kekangan masa, pengkaji terpaksa membatalkan pengumpulan data kualitatif, iaitu melalui temuduga dengan guru-guru prasekolah yang terdapat kanak-kanak prasekolah dengan keperluan khas. Pengalaman guru-guru ini merupakan data yang sangat kuat dan pengetahuan serta pengalam yang boleh dikongsikan dengan guru-guru prasekolah yang lain.

Keduanya, dengan jumlah responden yang lebih ramai dan kes-kes yang terdapat akan membolehkan kita meneroka dengan lebih jauh dan lebih dalam ke arah pelaksanaan pendidikan inklusif prasekolah. Disebabkan oleh capaian internet yang lemah, responden-responden daripada daerah pedalaman gagal untuk menghantar maklum balas mereka.

Ketiganya, maklum balas daripada rakan-rakan responden, terdapat segelintir guru-guru prasekolah ini adalah tidak kompeten dan tidak mahir menggunakan emel, aplikasi *WhatsApp* dan tidak boleh mengisi borang soal selidik, (*Google form online*) secara atas talian. Secara alternatifnya, borang salinan keras diedarkan juga, yang memerlukan dihantar melalui tangan, atau di poskan. Kedudukan serta jarak yang jauh juga merupakan salah satu faktor, yang menghindar pengkaji untuk mendapat responden yang lebih ramai.

Akhirnya, semua kekangan ini, akan dijadikan oleh pengkaji untuk lebih peka dengan keadaan, dan boleh memikirkan cara penyelesaian yang baik untuk mengatasi masalah-masalah, cabaran semasa menjalankan kajian.

### Implikasi kajian

1. Polisi Pendidikan untuk PIP

KPM mesti menjelaskan polisi dokumen berhubung dengan PIP, dengan mengambil kira keadaan keupayaan untuk penempatan inklusif dan keperluan untuk mendapatkan dana yang mencukupi.

2. Implikasi ke atas sistem pendidikan pemberi PAKK

Ini akan memokuskan kepada cara yang berkesan untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada kanak-kanak dengan keperluan khas, dari segi pelaksanaan. Para pegawai juga harus peka dan bersedia untuk memahami PIP. Para pegawai juga harus mempunyai kelayakan PAKK, agar boleh meningkatkan pemahaman di antara pegawai dan pengkaji untuk berkolaborasi, ke arah penemuan/keputusan yang terbaik.

3. Implikasi ke atas Institusi Pendidikan dan Universiti

Perlu mengadakan kursus atau latihan Pra latihan dan latihan dalam perkhidmatan, serta mengamalkan latihan pengalaman dalam *setting* inklusif.

## RUMUSAN

Pendidikan Inklusif kini telah mulai diterima oleh masyarakat sejagat, dan mulai menerima hak kanak-kanak dengan berkeperluan khas untuk belajar bersama rakan-rakan sebaya di prasekolah yang berdekatan dengan kediaman mereka. Sejak tahun 2009, menurut UNESCO, secara globalnya, kanak-kanak dengan berkeperluan khas mula diterima dan belajar di aliran perdana atau mengikuti pendidikan inklusif. Terdapat pelbagai kajian dan perbincangan mengenai pendidikan inklusif di Malaysia dan juga di luar negara. Hasil kajian juga menunjukkan sokongan-sokongan ke arah pelaksanaan pendidikan inklusif dalam sistem pendidikan Malaysia.

Peranan guru-guru prasekolah sekarang, adalah sangat luas, mencabar dan perlu mengikut trend semasa. Mereka perlu memahami yang sumbangan mereka sangat penting ke arah kemenjadian seorang kanak-kanak yang holistic untuk menjadi seorang individual dan warganegara yang sihat dan berjaya. Untuk memahami kanak-kanak dengan berkeperluan khas, perlu membuat rombakan inklusif kurikulum, pelaksanaan latihan guru, setting inklusif, teknik-teknik pengajaran, adaptasi, akomodasi dan kaedah-kaedah atau pendekatan interaktif, adalah sangat berkesan dalam usaha ke arah kesedaran dan kesediaan pendidikan inklusif prasekolah, tanpa mengira di tahap penjagaan kanak-kanak, prasekolah atau sehingga peringkat university. Keadaan semasa menunjukkan angka yang kian meningkat jumlah kanak-kanak prasekolah dengan berkeperluan khas, memaksa guru-guru prasekolah biasa di mana-mana prasekolah harus bersedia, menjadi lebih yakin, kompeten dan mempunyai kemahiran untuk mengendali dan mengurus *setting* inklusif.

## RUJUKAN

- Agbenyega, Joseph Seyram & Klibthong, Sunanta.(2015). *Transforming Thai preschool teachers's knowledge on inclusive practices: a collaborative inquiry*. Australian Journal of Teacher Education, 40(7), 57-68.
- Ali, Manisha, Ramlee Mustapha, & Jelas, Zalizan, Mohd.(2014). *Inclusive education in Malaysia: policy and practice*, International Journal of Inclusive Education, 18:10, 991.1003. DOI10.1080/13603116.2012.693398.
- Anderson, Elizabeth McKendry & Linderman, Karen Wise. (2017), *Inclusive Prekindergarten classrooms in a new era: Exploring the perspectives of teachers in the United States*. School Community Journal, 2017, Vol. 27, No. 2 121 available at <http://www.schoolcommunitynetwork.org/SCJ.aspx>
- Bailey, Lucy, Normanbhoy, Alefiya & Tubpun, Tida. (2014). *Inclusive education perspectives from Malaysia*, International Journal of Inclusive Education. Vol.22(2018)-Issue 3.
- Bari, Safani, Mohd. Yassin, Mohd.Hanfi & Hamzah, Mohd. Nazri. (2014). *The readiness of sepecial educationa trainees to teach in inclusive Program*. Jurnal of international Studies, 7(13), 206-211.
- Bevan-Brown, Jill, Heung, Vivian, Jelas, Zalizan Mohd, & Phongakorn, Sujinda. (2014). *Why is inclusive education important to my country*. International Journal of Inclusive Education, 18(10), 1064-1068.
- Biktagirova, Gulnara F. & Khitryuk, Vera V. (2016). *Formation of future Preschool Teacher's readiness to work in the conditions of educational inclusion*. International Journal of Environmental & Science Education, 11(3), 185-194.
- Bollen, K. A., & Paxton, P. (1998). Detection and determinants of bias in subjective measures. *American Sociological Review*, 63, 465–478.
- Evans, Jennifer & Lunt, Ingrid. (2010). *Inclusive education: are there limits?* European Journal of Special Needs Education, 17(1), 1-14.
- Gokhan Kayili & Sunay S. Yildirim Dogru.(2012). *Impact of inclusive education received in early childhood on school readiness: A case study*. International Journal of Multidisciplinary Thought, CD-ROM. ISSN:2156-6692 ::2(2):307-315(2012)

- Hu, Bi Ying, Roberts K, Sherron, Wang, Yanhua & Zhao, Hongmei. (2011). *The initiation of early childhood inclusion in China: a case study from Beijing*. International Journal of Early Years Education, 19(2), 111-131.
- Hui Min Low, Lay Wah Lee &, Azman Che Ahmad. (2017). *Pre-service teachers' 81 attitude towards inclusive education for students with Autism Spectrum Disorder in Malaysia*. International Journal of Inclusive Education, 2018, 235-251 <https://doi.org/10.1080/13603116.2017.1362479>
- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundations of Behavioral Research*. Texas: Rinehart and Winston.
- Kie Yin Teng & Yeo kee Jiar.(2014). *Implementation of Inclusive education Programme in Malaysia*. <https://www.researchgate.net/publication/31352402>
- Kyong-Ah Kwon, Soo-Young Hong & Hyun-Joo Jeon.(2017). *Classroom readiness for successful inclusion: Teacher factors and preschool children's experience with and attitudes towards Peers with disabilities*. Journal of Research in Childhood Education. DOI:10.1080/02568543.2017.1309480
- Lucas, H. C., & Spitzer, V. K. (1999). Technology use and performance: a field study of broker workstations. *Decisions Sciences*, 30(2), 291–311.
- Lucas, J. W. (2003). Theory-Testing, generalization, and the problem of external validity\*. *Sociological Theory*, 21(3), 236–253 InclusiveEducationMalaysia\_-\_v5June-2014. Pdf-Adobe Reader
- Marietjie Bruwer.(2014). *Inclusvie education and insufficient school readiness in Grade 1: Policy versus practice*. South African Journal of Chilhood Education/2014 4(2):18-35|ISSN:2223-7674|@up.ac.za
- Morgan, Rachel C. (2017). *Inclusive Education for Preschool Learners with Autism: A Program Evaluation*. ProQuest LLC, Ed.D. Dissertation, Lindenwood University.
- New Straits Times. (2018). *Benefits of making inclusive education compulsory in preschools*.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill. Okongo, R.Bosibori, Dr. Gladys Ngao, Rop, Naftal K. & Nyongesa, W, Justus. (2015). *Effect of availability of teaching and learning resources on the implementation of inclusive education in pre-school centers in Nyamira County, Kenya*. Journal of Education and Practice [www.iiste.org](http://www.iiste.org)ISSN 2222-1735 (Paper) ISSN 2222-288X (Online) 6(35).
- Ozokcu, Osman. (2018). *The relationship between teacher attitude and self-efficacy or inclusive practices in Turkey*. Journal of Educational and Training Studies, 6(3). 6-12.
- Sucuoglu, Bulbin, Bakkaloglu, Hatice, Iscen Karasu, Fadime, Demir, Seyda & Akalin, 82 Selma. (2014). *"Preschool teachers' knowledge levels about inclusion"*. Educational consultancy and Research Center. 1477-1483. DOI.10.12738.
- Sukumaran, Sailajah, Loveridge J. & Green,Venessa A. (2014). *"Inclusion in Malaysia Integrated Preschools"*. International Journal of Inclusive Education. <http://dx.doi.org/10.1080/13603116.2014.981229>.
- Stemberger, Tina & Kiswarday, Vanja Riccarda. (2017). *"Attitudes towards inclusive educationa: The perspective of Slovenian preschool and primary school teachers"*. European Journal of Special Needs Education, Vol33,2018- Issue 1 <https://doi.org/10.1080/08856257.2017.1297573> .
- Tongco, M. D. C. (2007). Purposive Sampling as a Tool for Informant Selection. *Ethnobotany Research and Applications*, 5, 147–158.
- Tzvetkova, Mira & Sereti, Vagia.(2014). *"Readiness of regular schools and regular teachers for inclusion of students with multiple disabilities"*. Journal of Format, Informal and Natural Education, issue 1, 2014, 21-43
- V.I Dogova, N.G.Kutepova, E.G Kapitanets, N.V. Kryzhanovskaya & E.V. Melnik, (2017). *"The study of motivational readiness of teachers to implement inclusive education of children with disabilities"*. Revista ESPACIOS, ISSN 0798 1015, Vol. 38 N° 40) Año 2017
- Willer, D., & Webster, M. (1970). Theoretical constructs and observables. *American Sociological Review*, 35, 748–757.
- Willer, D., & Willer, J. (1973). *Systematic empiricism: critique of a pseudoscience*. New Jersey: Prentice Hall.



Zhang, Kaili. (2014). *Through a spiritual lens: Early childhood inclusive education in Hong Kong*. *Journal of Religion and Health*, 53(6), 1728-174

## **MENGANGKAT MARTABAT INSTITUSI JAGAAN KANAK-KANAK (NGO/SWASTA) MELALUI PROGRAM SOKONGAN AKADEMIK**

**SYED LAMSAH SYED CHEAR<sup>1</sup>, MOHD ZAMRI YASIN<sup>2</sup>**

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor  
Jalan Timur Tambahan, 47000 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan

<sup>1</sup>syedlamsah@unisel.edu.my, <sup>2</sup>drzamri@unisel.edu.my

### **ABSTRAK**

Selangor merupakan negeri termaju dan menjadi tunjang pertumbuhan ekonomi negara. Tanpa disedari Selangor juga merupakan antara negeri yang menerima jumlah bantuan kanak-kanak terbesar selepas Sarawak, Sabah, Kelantan dan Johor. Selangor merekodkan jumlah tertinggi pusat jagaan berdaftar dan jumlah penghuni kanak-kanak berbanding negeri-negeri lain. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau latar-belakang pengurusan Rumah Kebajikan Kanak-Kanak Berkediaman (NGO/Swasta) dan persekitaran di institusi. Sebanyak 31 buah rumah kebajikan kanak-kanak telah dilawati meliputi lapan daerah di Selangor. Pengumpulan data adalah melalui borang soal-selidik yang mencakupi 10 dimensi berdasarkan perspektif pentadbir iaitu penghayatan terhadap visi dan misi, kesediaan berkhidmat, sokongan agensi awam, fasiliti di institusi, pengurusan kewangan, kelayakan pengasuh/penjaga, personaliti penghuni, penglibatan ibu-bapa dan komuniti, kerjasama dengan pihak sekolah dan hubungan strategik yang kesemua dimensi ini dikaitkan kepada aspek perancangan dan pengurusan program sokongan akademik di institusi. Skor tertinggi adalah untuk domain penghayatan visi dan misi institusi, kesediaan memikul tanggungjawab serta kelayakan pengasuh. Skor sebegini mencerminkan kualiti perkhidmatan di rumah kebajikan kanak-kanak yang diuruskan oleh orang perseorangan, swasta dan badan organisasi bukan kerajaan (NGO) di Selangor. Skor terendah adalah berkaitan pengurusan sumber kewangan dan penglibatan ibu-bapa dan kejiwaan. Kajian ini mencadangkan agar agensi-agensi berwajib memberi lebih sokongan terhadap pengoperasian rumah kebajikan kanak-kanak khususnya dalam aspek mengadakan program sokongan akademik. Lanya penting untuk memastikan kanak-kanak dalam jagaan rumah kebajikan berpeluang membangunkan diri dengan cara yang sama berkualiti seperti kanak-kanak dalam jagaan institusi keluarga agar mereka mampu dan lebih bersedia untuk meneroka kehidupan dan berhadapan dengan cabaran lebih besar selepas keluar daripada institusi.

Kata Kunci : rumah kebajikan kanak-kanak, keupayaan mengurus, persekitaran institusi

### **ABSTRACT**

*Selangor is the most developed state and is also one of the richest in the country. Surprisingly, Selangor was also one of the states who received the largest number of children's assistance funds after Sarawak, Sabah, Kelantan and Johor. Selangor recorded the highest number of registered care centres and children's occupants as compared to other states. The objective of this study is to review the management of children welfare home and its environment. A total of 31 children's welfare home were visited covering eight districts in Selangor. Data collection is through a questionnaire which covers ten dimensions i.e an appreciation to the vision and mission, a willingness to serve, a support from public agency, facilities, financial management, guardian qualification, occupants personality, parent and community engagement, and relationship with schools and other strategic departments. The discussion of all these dimensions are linked to the management of academic support programmes from the perspective of the home administrator. The highest score are an appreciation to vision and mission, willingness to assume responsibility*

*and staffs qualification. These scores reflect the quality of service at the welfare home. The lowest score are financial management and an engagement of parent and neighbourhood. The study suggested that relevant state agency to provide extra and continuous support to children's welfare home especially regarding to the management of academic support programmes. It is important to ensure the children's from welfare homes have an equal opportunity to develop themselves so that they are able to explore their lives and ready to face greater challenges when they left the home.*

*Keywords: children's welfare home, managing ability, institution environment*

## **PENGENALAN**

Teori agung sumbangan ilmuan Islam tersohor Ibnu Khaldun menyatakan bahawa kelangsungan hidup sesuatu masyarakat sangat bergantung kepada kesediaan setiap anggota masyarakat untuk memikul tanggungjawab dan menyedari setiap seorang mempunyai peranan yang saling melengkapi antara satu sama lain (Faghizadeh, 2004). Kebergantungan tersebut bermula daripada anggota keluarga, pemimpin masyarakat, tokoh ulama, golongan pendidik termasuk para peniaga, seniman serta golongan muda yang akan mencorakkan masyarakat dan kepimpinan masa hadapan. Keberadaan setiap anggota dalam masyarakat dan tindakan-tindakan yang dilakukan adalah terkait kepada hukum (Mushafi & Marzuki, 2018). Hukum dan masyarakat merupakan dua entiti yang saling berkaitan dan menguatkan antara satu sama lain. Malah proses perumusan hukum juga perlu meneliti aspek-aspek sosiologi masyarakat. Hukum mengatur hidup dan tingkahlaku anggota masyarakat agar tidak keluar dari norma agama dan sosial serta mampu memberi penyelesaian kepada sebarang permasalahan dan konflik. Setiap anggota masyarakat akan mengalami kesukaran dalam kehidupannya samada ia berkaitan dengan fizikal mahu pun spiritual. Ada yang mampu mengatasinya dan tidak sedikit yang gagal. Disinilah pentingnya sensitiviti setiap individu terhadap persekitaran masyarakatnya (Mukhlishin & Suhendri, 2017). Objektif kajian ini adalah untuk meninjau pengurusan rumah kebajikan kanak-kanak dan persekitaran di institusi tersebut daripada perspektif pentadbir institusi. Adalah diharapkan ia dapat membantu pihak berkepentingan dalam menyediakan garis panduan bagi membantu kalangan pengurus rumah kebajikan kanak-kanak khususnya untuk menganjurkan program sokongan akademik yang lebih berkesan.

## **KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU**

Definisi yang mengaitkan konsep kesejahteraan kepada kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam mungkin tidak lagi sesuai kerana pengukuran kualiti hidup sewajarnya perlu dibuat berdasarkan sudut pandang daripada bawah agar ia dapat mewakili individu atau agen yang membentuk kehidupan masyarakat (Awang et al., 2006). Kajian-kajian berkaitan kesejahteraan hidup telah dilakukan sejak tahun 1960'an mencakupi kumpulan sasar tertentu dalam masyarakat iaitu pelajar universiti, remaja, masyarakat luar bandar dan komuniti nelayan serta aspek sosial yang berkaitan dengan pengaruh unsur keagamaan (Abd Wahab, Abdul Ghani & Yusof, 2017). Faktor kewangan dan latarbelakang pendidikan yang rendah dalam kalangan ketua keluarga dikatakan mempengaruhi tahap pencapaian dan pendidikan dalam masyarakat yang menyebabkan kemiskinan keluarga diwarisi dari satu generasi ke generasi (Abdul Rashid & Samad, 2018). Penglibatan berterusan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) melalui program intervensi adalah penting untuk mengubah budaya dan kitaran gasar kemiskinan bagi setiap kategori kemiskinan samada ianya *invisible poor*, *vulnerable poor*, kemiskinan kronik dan miskin bandar kerana setiap satu kategori ini memperlihatkan konteks kemiskinan yang berbeza dari aspek kelas, komuniti dan spatial (Talib, 2016). Kajian terhadap golongan asnaf di Selangor mendapati antara faktor utama yang menyumbang kepada kemiskinan adalah tahap pendidikan, bilangan ahli keluarga yang ramai dan tinggal dalam demografi penduduk yang sesak di bandar (Azman, Mat Nor & Mawar, 2016). Golongan gelandangan pula

didapati acapkali kehilangan tempat pergantungan dan perlindungan dan seterusnya hilang hala tuju walaupun golongan ini menerima pelbagai sumber sokongan sosial daripada kerajaan, badan bukan kerajaan, individu dan rakan (Mohd Dahlan & Bullare, 2017). Dapatan kajian sebegini menggambarkan akan kerapuhan struktur sosial dalam masyarakat iaitu seakan noda yang sama diutarakan oleh Profesor Dr. Laily Paim dalam kuliah umum di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini (UPM, 2017a). Jika individu dewasa dan berkeluarga tidak mampu berhadapan dengan tekanan kemiskinan, bagaimana pula kanak-kanak yang hidup dalam persekitaran serba kekurangan seperti itu?

Laporan tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tahun 2016 menunjukkan terdapat seramai 35,491 kanak-kanak berada di bawah naungan rumah-rumah kebajikan di seluruh negara iaitu peningkatan sebanyak 25% berbanding 28,267 orang pada tahun 2015 dan jumlah ini tidak termasuk 6,076 kanak-kanak di institusi jagaan awam seperti Rumah Kanak-Kanak, Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti dan sebagainya. Pada tahun yang sama dilaporkan seramai 75,479 kanak-kanak menerima skim Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dengan jumlah peruntukan 246 juta Ringgit Malaysia (JKM, 2016). Kajian terperinci oleh sepasukan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap pelaksanaan skim BKK yang asalnya bertujuan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik untuk terus kekal bersama keluarga masing-masing gagal untuk mengubah taraf hidup penerima bantuan iaitu ia tidak dapat memenuhi keperluan asas dan penerima atau keluarga penerima masih rentan kepada situasi ekonomi (UPM, 2017b). Kajian oleh Ah, Omar dan Azman (2017) melaporkan tahap kesejahteraan subjektif kanak-kanak miskin di Malaysia yang diukur daripada penyertaan sosial secara sendirian, bersama rakan, di sekolah, bersama keluarga dan di dalam komuniti masih berada pada tahap sederhana. Laporan-laporan di atas memberi petunjuk akan kesukaran hidup sekelompok kanak-kanak di negara ini tidak seperti status negara makmur dan sejahtera yang diwar-warkan. Maka adalah tidak mengejutkan apabila laporan terkini United Nations Children's Fund (UNICEF) hasil kajian di kawasan perumahan flat di Kuala Lumpur menyatakan kira-kira 22 peratus kanak-kanak bawah umur 5 tahun mengalami pertumbuhan yang terbantut, 15 peratus mengalami kurang berat badan dan 23 peratus sama ada mengalami berat badan berlebihan ataupun obes. Dilaporkan juga sebilangan besar kanak-kanak berusia 5 – 6 tahun tidak menghadiri prasekolah dan walaupun hampir semua kanak-kanak berusia 7 – 17 tahun bersekolah, namun mereka tidak mempunyai ruang belajar yang kondusif dan hidup dalam persekitaran tidak selamat (UNICEF Malaysia, 2018). Situasi sebegini adalah mengecewakan kerana Dasar Sosial Negara (DSN) yang digubal pada tahun 2003 telah menggariskan hampir 50 strategi bagi menjamin setiap individu, keluarga dan komuniti tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, gender dan fahaman politik serta wilayah dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2003).

Pendidikan telah lama disebut sebagai senjata utama untuk keluar daripada kemiskinan dan menjadi teras penting untuk membangunkan negara (Ozturk, 2001; Job, 2013; Vashisth, 2018). Peranan sekolah amat penting dalam membentuk tingkahlaku dan perkembangan kanak-kanak untuk bersosialisasi dalam masyarakat. Sekolah turut berfungsi sebagai faktor pelindung yang menjamin keselamatan, memberi motivasi, mewujudkan persahabatan serta memberi pelbagai bentuk dorongan lain bagi menghasilkan pelajar perwatakan positif (Osher et al., 2014). Sistem sokongan sosial kanak-kanak dikatakan hanya memberi keutamaan terhadap penyediaan tempat tinggal manakala aspek pendidikan kurang diberi perhatian. Akibatnya kanak-kanak daripada institusi jagaan gagal mencapai prestasi akademik yang baik berbanding rakan-rakan lain dan sebaliknya menghadapi pelbagai masalah disiplin di sekolah (Stewart, 2012). Program asuhan dan didikan awal bagi kanak-kanak dalam institusi jagaan adalah penting kerana ia memberi manfaat daripada tiga aspek iaitu (i) selamat daripada pengabaian, penderaan dan persekitaran di rumah, (ii) sihat daripada aspek fizikal, emosi dan mental, terlibat dengan aktiviti pembelajaran, meningkatkan keupayaan keluarga untuk menyediakan keperluan diri dan (iii) stabil mengurus situasi kehidupan harian dan hubungan keluarga (Klein, 2016).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji mengambil masa hampir satu tahun untuk mendekati rumah kebajikan kanak-kanak di seluruh negeri Selangor. Kategori rumah kebajikan yang dilawati adalah terhad kepada institusi berkediaman milik perseorangan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Pada tahun 2018 terdapat 67 buah rumah kebajikan kanak-kanak dalam kategori ini iaitu 50 institusi diuruskan oleh NGO dan selebihnya diuruskan oleh orang perseorangan dan swasta. Pengkaji menyasarkan pemilihan institusi berdasarkan daerah di Selangor iaitu Gombak, Hulu Langat, Hulu Selangor, Kuala Langat, Sabak Bernam, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya. Kesemua 36 buah rumah kebajikan kanak-kanak berkediaman di daerah ini dipilih sebagai institusi kajian berdasarkan jadual persampelan populasi Krecjie dan Morgan (1970). Dua daerah dikecualikan iaitu Petaling dan Klang yang mempunyai 31 buah institusi disebabkan tempoh kajian yang singkat serta faktor-faktor strategik. Persampelan adalah untuk menjimatkan kos penyelidikan melalui pengurangan kos perjalanan, percetakan instrumen penyelidikan, khidmat pembantu penyelidik dan sebagainya (Idris, 2013). Menurut Fraenkel dan Wallen (2006), persampelan berdasarkan prosedur saintifik boleh digeneralisasikan terhadap populasi selain menjimatkan masa penyelidikan. Borang soal-selidik diedarkan kepada pengurus rumah kebajikan semasa lawatan. Interaksi bersemuka membolehkan pengkaji memastikan terma soal-selidik dapat difahami dengan cara yang sama oleh semua kalangan pentadbir yang mempunyai pengalaman dan latarbelakang akademik yang berbeza-beza. Borang soal-selidik mencakupi 10 dimensi iaitu visi dan misi, peranan pengurus, sokongan agensi awam, fasiliti yang disediakan, pengurusan kewangan, kelayakan pengasuh, personaliti penghuni, penglibatan ibu-bapa dan komuniti, kerjasama dengan pihak sekolah dan hubungan strategik yang kesemuanya dikaitkan kepada aspek perancangan dan pengurusan program sokongan akademik.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Profil Pengurusan Dan Persekitaran Di Institusi**

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2016 melaporkan terdapat sebanyak 1,853 institusi berdaftar sebagai rumah kebajikan kanak-kanak tetapi hanya 805 buah berstatus berkediaman. Sebahagian besar iaitu hampir 70% institusi diuruskan oleh orang perseorangan dan pihak swasta manakala selebihnya oleh organisasi bukan kerajaan (NGO). Selangor merupakan negeri yang mempunyai jumlah tertinggi bilangan institusi, penjaga dan penghuni (JKM, 2016). Sebanyak 31 buah rumah kebajikan kanak-kanak berkediaman telah dilawati meliputi lapan daerah di Selangor iaitu Gombak, Hulu Langat, Hulu Selangor, Kuala Langat, Sabak Bernam, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya berdasarkan senarai institusi-institusi yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKM Selangor). Bagaimanapun hanya 28 buah institusi bersetuju menyertai kajian. Analisis data hanya melibatkan 20 institusi kerana beberapa institusi didapati gagal melengkapkan borang soal-selidik dengan sempurna dan terdapat juga antara institusi yang tidak mengembalikan borang soal-selidik berkenaan. Tiada alasan jelas diberikan oleh institusi-institusi yang tidak mahu terlibat dengan kajian. Beberapa institusi didapati telah tamat tempoh kelulusan dan tidak lagi beroperasi. Terdapat institusi yang gagal untuk dihubungi atau tidak berada di premis yang didaftarkan.

Rajah 1 menunjukkan skor maklumbalas pentadbir rumah kebajikan kanak-kanak terhadap kemahiran mengurus dan persekitaran di institusi. Skor tertinggi adalah untuk domain keupayaan pentadbir untuk memahami dan menghayati visi dan misi institusi (4.38), kesediaan untuk memikul tanggungjawab (4.33) dan kelayakan pengasuh, penjaga dan lain-lain staf di institusi (4.32). Secara amnya ia memberi gambaran bahawa institusi rumah kebajikan kanak-kanak milik orang perseorangan, swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) di Selangor diuruskan oleh kalangan individu yang berkelayakan dan berpengalaman sekaligus dapat dikaitkan kepada kualiti perkhidmatan yang disediakan di institusi-institusi ini.



Rajah 1. Skor maklumbalas pentadbir terhadap latarbelakang pengurusan rumah kebajikan kanak-kanak (skala 1 - 5)

Domain lain yang diberikan skor yang tinggi adalah sokongan dan bantuan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) (4.26), kemampuan menyediakan fasiliti untuk manfaat penghuni (4.23) dan personaliti penghuni yang disenangi (4.20). Skor terendah adalah untuk hubungan strategik (4.15), kerjasama sekolah (4.13), penglibatan ibu-bapa dan kejiranan (4.08) serta pengurusan sumber kewangan (4.05).

### **Refleksi Pentadbir Terhadap Visi Dan Misi Institusi Dan Kesediaan Berkhidmat**

Kalangan pentadbir rumah kebajikan kanak-kanak mempunyai kelayakan akademik, pengalaman dan tempoh berkhidmat yang berbeza-beza. Institusi milik perseorangan lazimnya diuruskan oleh individu yang mempunyai kaitan kekeluargaan manakala lantikan pentadbir di institusi swasta dan NGO dibuat melalui lantikan terbuka. Di sebalik perbezaan ini para pentadbir didapati mempunyai pengetahuan dan dapat menghayati visi dan misi penubuhan institusi, memahami dengan jelas halatuju institusi dan menyebarkan wawasan institusi kepada kalangan penjaga dan pengasuh di institusi serta pihak berkepentingan di luar institusi. Ciri-ciri ini merupakan landasan penting yang selaras dengan etika dan prinsip kerja sosial (Fahrudin, 2003). Keyakinan kalangan pentadbir terhadap visi dan misi institusi yang berteraskan kepada hasrat untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara boleh dikaitkan kepada tindakbalas masyarakat setempat menyantuni kewujudan institusi. Rata-rata para pentadbir didapati berpengalaman, mempunyai kemahiran mengurus, tabah menghadapi cabaran serta bersedia memberi tumpuan sepenuh masa untuk mengurus institusi. Namun demikian tahap pengalaman dan kemahiran kalangan pentadbir adalah berbeza-beza antara institusi. Tiada kriteria tetap untuk menentukan tahap kemahiran seseorang pengendali atau pengurus. Ini kerana persekitaran di sesebuah institusi adalah

berbeza-beza. Pentadbir yang telah lama berkhidmat di rumah kebajikan yang mempunyai jumlah penghuni yang ramai dianggap lebih berpengalaman dan berkemahiran. Skor maklumbalas institusi bagi maksud yang diterangkan di atas ditunjukkan di Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

Jadual 1  
Refleksi terhadap visi dan misi institusi

No.	Pernyataan	← rendah		Peratusan (%)	tinggi →		Min	Sisihan Piawai
		1	2		4	5		
S1	Menghayati sejarah penubuhan	0.0	5.0	10.0	25.0	60.0	4.40	0.883
S2	Memahami halatuju institusi	0.0	0.0	15.0	25.0	60.0	4.45	0.759
S3	Berkongsi wawasan institusi	0.0	0.0	5.0	40.0	55.0	4.50	0.607
S4	Masyarakat menyantuni institusi	5.0	0.0	15.0	30.0	50.0	4.20	1.056

Jadual 2  
Kesediaan memikul tanggungjawab

No.	Pernyataan	← rendah		Peratusan (%)	tinggi →		Min	Sisihan Piawai
		1	2		4	5		
S5	Berpengalaman dan berkemahiran	0.0	5.0	10.0	40.0	45.0	4.25	0.851
S6	Tabah menghadapi cabaran	5.0	0.0	5.0	45.0	45.0	4.25	0.967
S7	Memberi tumpuan sepenuh masa	0.0	0.0	10.0	45.0	45.0	4.35	0.671
S8	Mengutamakan akademik	0.0	0.0	5.0	40.0	55.0	4.50	0.607

### Sokongan Agensi Awam Dan Kemudahan Di Institusi

Pengoperasian rumah kebajikan kanak-kanak adalah tertakluk kepada Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2007 (Akta 1292). Penguatkuasaan akta ini adalah di bawah bidang kuasa Pengarah Kebajikan Masyarakat yang secara amnya dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK). Amnya akta ini terdiri daripada 24 seksyen yang terbahagi kepada empat bahagian iaitu permulaan (3 seksyen), pendaftaran pusat jagaan (8 seksyen), pegawai dan kuasa mereka (6 seksyen), dan pelbagai (7 seksyen) yang mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan, dan pemeriksaan pusat jagaan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya. Seksyen 7 dalam akta ini secara spesifik menyenaraikan syarat-syarat pengoperasian institusi iaitu jumlah kanak-kanak yang dibenarkan diterima, tanggungjawab pengasuh, fasiliti yang perlu disediakan, diet dan kewajipan menyediakan perkhidmatan sokongan lain. Kalangan pentadbir memberikan skor yang agak tinggi berkaitan keupayaan institusi untuk mematuhi syarat-syarat pengoperasian yang dikenakan oleh pihak berwajib terutamanya yang melibatkan pihak berkuasa tempatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Kesihatan dan Majlis Tempatan. Institusi mendapat bimbingan daripada agensi-agensi berkenaan termasuk daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta menerima layanan baik ketika berurusan. Pegawai-pegawai di setiap agensi turut memberikan pandangan yang positif terhadap institusi. Amnya kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di institusi dikatakan sebagai mencukupi, selamat, selesa dan berkualiti iaitu dapat

memenuhi keperluan para penghuni khususnya bagi tujuan aktiviti akademik. Skor bagi maksud yang diterangkan di atas ditunjukkan di Jadual 3 dan Jadual 4 di bawah.

Jadual 3  
Sokongan agensi awam

No.	Pernyataan	← rendah Peratusan tinggi → (%)					Min	Sisihan Piawai
		1	2	3	4	5		
S9	Syarat penubuhan dapat dipatuhi	5.0	0.0	10.0	40.0	45.0	4.20	1.005
S10	Mudah berurusan di agensi awam	0.0	0.0	20.0	50.0	30.0	4.10	0.718
S11	Mendapat bimbingan	0.0	0.0	20.0	45.0	35.0	4.15	0.745
S12	Imej institusi adalah baik	0.0	0.0	0.0	40.0	60.0	4.60	0.503

Jadual 4  
Kemudahan asas di institusi

No.	Pernyataan	← rendah Peratusan tinggi → (%)					Min	Sisihan Piawai
		1	2	3	4	5		
S13	Mencukupi	0.0	20.0	5.0	30.0	45.0	4.00	1.170
S14	Selamat, selesa dan berkualiti	0.0	0.0	15.0	40.0	45.0	4.30	0.733
S15	Memenuhi keperluan penghuni	0.0	5.0	10.0	35.0	50.0	4.30	0.865
S16	Sesuai untuk aktiviti akademik	0.0	0.0	15.0	35.0	50.0	4.35	0.745

### Pengurusan Sumber Kewangan

Setiap organisasi terutamanya yang berstatus persatuan, pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang penubuhannya tidak berorientasikan keuntungan mempunyai tatacara tadbir-urus kewangan yang tersendiri dan ia merupakan antara perkara sulit dan dilindungi. Dapatan kajian ini adalah secara ringkas kerana pengkaji lebih mengutamakan hubungan mesra dan cuba mengekalkan kepercayaan dengan pengurusan institusi. Dilaporkan hanya sebilangan kecil institusi mengenakan yuran dan institusi terpaksa bergantung kepada sumbangan dan derma serta sumber-sumber lain untuk menampung kos operasi yang menjangkau RM150,000.00 setahun. Amnya perbelanjaan mengurus sesebuah rumah kebajikan adalah berkadar dengan jumlah penghuni dan jenis premis institusi. Antara perbelanjaan utama adalah untuk penggajian pengasuh dan kakitangan, bil-bil utiliti, penyediaan makanan dan penganjuran aktiviti di institusi. Kajian terdahulu yang dilakukan oleh Sy Ariffin (2013) terhadap tahap pengurusan rumah kebajikan di daerah Gombak, Selangor mendapati tahap pengurusan rumah kebajikan adalah lemah dan dikatakan juga tidak mendapat sokongan dan bantuan sewajarnya daripada agensi kerajaan. Berdasarkan kepada soal-selidik para pentadbir rumah kebajikan memberikan skor yang sederhana terhadap kestabilan sumber dana di institusi. Walaupun demikian hal ehwal kewangan diuruskan secara telus dan tetap memberi keutamaan kepada perbelanjaan akademik. Skor bagi maksud yang diterangkan di atas ditunjukkan di Jadual 5.

Jadual 5  
Pengurusan sumber kewangan

No.	Pernyataan	← rendah Peratusan tinggi → (%)					Min	Sisihan Piawai
		1	2	3	4	5		
S17	Sumber kewangan stabil	0.0	20.0	30.0	40.0	10.0	3.40	0.940



S18	Kewangan diuruskan secara telus	0.0	0.0	10.0	40.0	50.0	4.40	0.681
S19	Keutamaan perbelanjaan akademik	0.0	0.0	15.0	30.0	55.0	4.40	0.754
S20	Bajet terhad sumber dalaman	0.0	0.0	30.0	40.0	30.0	4.00	0.795

### Kelayakan Pengasuh Dan Personaliti Kanak-Kanak Di Institusi

Sebilangan besar daripada rumah kebajikan yang dilawati (13 institusi, 50%) mempunyai kalangan pengasuh, penjaga atau kakitangan yang berkelulusan diploma atau sarjana muda. Hal ini membayangkan akan kualiti perkhidmatan yang disediakan serta kesedaran tentang kepentingan pendidikan di sesebuah institusi. Menurut Brahim (2017), empat nilai yang perlu diamalkan oleh pekerja sosial seperti pengasuh di rumah kebajikan adalah mengutamakan hak kanak-kanak sebagai individu, sesuaikan layanan mengikut perbezaan individu, mengutamakan kebajikan dan keadilan sosial, dan berpandukan kepada agama dan moral. Kemahiran yang perlu dimiliki oleh pekerja sosial adalah kemahiran interpersonal, kognitif, penggunaan dan pengurusan sumber, pentadbiran dan pembuatan keputusan. Berdasarkan kepada soal-selidik kalangan pentadbir memberikan skor yang tinggi terhadap personaliti pengasuh, penjaga dan kakitangan serta tahap kelulusan, kemahiran dan pengalaman mereka khususnya yang berkaitan dengan aktiviti sokongan akademik dan rata-rata mereka sangat dihormati oleh para penghuni di institusi. Kanak-kanak juga dikatakan mempunyai sahsiah diri yang baik, bermotivasi, mempunyai cita-cita serta menunjukkan pencapaian yang agak baik di sekolah. Skor bagi maksud yang diterangkan ditunjukkan di Jadual 6 dan Jadual 7.

Jadual 6

#### Kelayakan pengasuh dan penjaga

No.	Pernyataan	← rendah Peratusan tinggi →					Min	Sisihan Piawai
		1	2	3	4	5		
S21	Berwawasan, jujur, ikhlas, berbudi	0.0	0.0	5.0	35.0	60.0	4.55	0.605
S22	Berkelulusan	0.0	0.0	25.0	35.0	40.0	4.15	0.813
S23	Berpengalaman mengajar	0.0	0.0	30.0	35.0	35.0	4.05	0.826
S24	Dihormati oleh penghuni	0.0	0.0	5.0	35.0	60.0	4.55	0.605

Jadual 7

#### Personaliti kanak-kanak (penghuni institusi)

No.	Pernyataan	← rendah Peratusan tinggi →					Min	Sisihan Piawai
		1	2	3	4	5		
S25	Mempunyai cita-cita (kerjaya)	0.0	0.0	10.0	45.0	45.0	4.35	0.671
S26	Sedar kepentingan akademik	0.0	0.0	15.0	40.0	45.0	4.30	0.733
S27	Tingkahlaku terpuji	0.0	0.0	20.0	50.0	30.0	4.10	0.718
S28	Cemerlang di sekolah	0.0	0.0	20.0	55.0	25.0	4.05	0.686

### Penglibatan Ibu-Bapa Dan Kejiranan, Kerjasama Sekolah Dan Perhubungan Strategik

Menurut Azizul dan Amin (2019) terdapat pelbagai isu berkaitan kerja sosial di Malaysia antaranya adalah ketiadaan piawaian pendidikan kerja sosial, ketiadaan akta kerja sosial, ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial, isu pendidikan kerja sosial di universiti awam, dan isu kompetensi graduan kerja sosial. Hal sebegini memberi cabaran besar kepada institusi-institusi seperti rumah kebajikan kanak-kanak yang sebahagian besar

bergantung kepada khidmat sukarela dan individu yang hanya berniat untuk berbakti. Hampir kesemua kanak-kanak yang menghuni rumah kebajikan adalah daripada keluarga miskin dan anak yatim. Dengan demikian skor rendah penglibatan ibu-bapa dan ahli keluarga adalah boleh dijangkakan dan difahami. Ia mungkin tidak memberi kesan besar kepada kehidupan dan perkembangan kanak-kanak kerana mereka dikelilingi oleh masyarakat dan persekitaran yang positif. Institusi juga mempunyai hubungan akrab dengan masyarakat yang memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyertai aktiviti-aktiviti anjuran masyarakat setempat. Selain itu institusi turut mempunyai hubungan yang baik dengan pihak sekolah dan pihak sekolah juga dikatakan mempunyai pandangan yang baik terhadap institusi. Bagaimanapun pihak sekolah mungkin boleh meningkatkan lagi usaha dan mengadakan program tambahan untuk membantu institusi dan kanak-kanak di rumah kebajikan. Sebagai sebuah institusi yang berteraskan kepada khidmat sosial kepada masyarakat, institusi aktif berpersatuan dan mempunyai hubungan baik dengan pihak berkepentingan serta turut berkongsi aktiviti dengan masyarakat. Maka adalah tidak mengejutkan apabila rumah-rumah kebajikan ini sering mendapat perhatian organisasi dan syarikat korporat berkaitan aktiviti dan program yang dianjurkan. Skor bagi maksud yang diterangkan ditunjukkan di Jadual 8, Jadual 9 dan Jadual 10.

Jadual 8

Penglibatan ibu-bapa dan kejiaranan

No.	Pernyataan	← rendah Peratusan tinggi → (%)					Min	Sisihan Piawai
		1	2	3	4	5		
S29	Ibu-Bapa (keluarga) prihatin	0.0	5.0	50.0	30.0	15.0	3.55	0.826
S30	Masyarakat sensitif dan prihatin	0.0	0.0	15.0	50.0	35.0	4.20	0.696
S31	Persekitaran institusi positif	0.0	0.0	15.0	45.0	40.0	4.25	0.716
S32	Institusi mesra masyarakat	0.0	0.0	10.0	45.0	45.0	4.35	0.671

Jadual 9

Penglibatan ibu-bapa dan kejiaranan

No.	Pernyataan	← rendah Peratusan tinggi → (%)					Min	Sisihan Piawai
		1	2	3	4	5		
S33	Komunikasi dengan sekolah	0.0	0.0	10.0	45.0	45.0	4.35	0.671
S34	Sekolah membantu institusi	0.0	0.0	15.0	45.0	40.0	4.25	0.716
S35	Imej baik penghuni di sekolah	0.0	0.0	20.0	50.0	30.0	4.10	0.718
S36	Sekolah anjur program khas	0.0	10.0	25.0	35.0	30.0	3.85	0.988

Jadual 10

Hubungan strategik

No.	Pernyataan	← rendah Peratusan tinggi → (%)					Min	Sisihan Piawai
		1	2	3	4	5		
S37	Aktif dalam persatuan	0.0	0.0	30.0	30.0	40.0	4.10	0.852
S38	Hubungan baik dengan pihak berkepentingan	0.0	5.0	15.0	35.0	45.0	4.20	0.894

S39	Program institusi dihebahkan	0.0	5.0	15.0	45.0	35.0	4.10	0.852
S40	Mendapat perhatian organisasi korporat	0.0	0.0	15.0	50.0	35.0	4.20	0.696

## RUMUSAN DAN CADANGAN-CADANGAN

Tahap pengetahuan dan kemahiran mengurus kalangan pentadbir rumah kebajikan kanak-kanak (milik perseorangan, swasta dan NGO) di negeri Selangor adalah baik kerana rata-rata mereka mempunyai kelayakan dan berpengalaman. Dapatan kajian ini dapat digunakan oleh agensi berwajib di peringkat negeri untuk merangka program bantuan dan sokongan yang diperlukan. Antaranya adalah menyediakan program latihan kemahiran kepada kakitangan rumah kebajikan termasuk para sukarelawan berkaitan ilmu perkembangan kanak-kanak, sosiologi masyarakat, perundangan berkaitan dan seumpamanya. Satu sukatan standard boleh disediakan untuk menyelaraskan sumbangan daripada organisasi korporat. Institusi latihan dan pendidikan kerajaan negeri perlu memikul tanggungjawab untuk berkolaborasi dengan rumah kebajikan kanak-kanak untuk pelaksanaan program khidmat sosial (CSR) seperti menganjurkan program sokongan akademik dan haluan kerjaya untuk kanak-kanak di rumah kebajikan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Kerajaan Negeri Selangor (GPNS) melalui Universiti Selangor (UNISEL) yang diluluskan bagi tempoh 12 bulan antara November 2018 sehingga November 2019 [No. Geran: UNISEL/CRIL/600/12/18(175)].

## RUJUKAN

- Abdul Rashid, S.M., & Samat, N. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 11-23. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/26796/8239>
- Abd Wahab, M.A., Abdul Ghani, N., & Yusof, H. (2017). Perbincangan awal kajian lepas berkaitan kesejahteraan hidup. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, Kuala Terengganu, Malaysia. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada [https://www.unisza.edu.my/icic2017/images/37\\_Muhammad\\_Ammar\\_Norizan\\_Hafiah\\_Yusof\\_Perbincangan\\_Awal\\_Kajian\\_Lepas\\_Berkaitan\\_Kesejahteraan\\_Hidup.pdf](https://www.unisza.edu.my/icic2017/images/37_Muhammad_Ammar_Norizan_Hafiah_Yusof_Perbincangan_Awal_Kajian_Lepas_Berkaitan_Kesejahteraan_Hidup.pdf)
- Ah, S.H.A.B., Omar, N., & Azman, Z. (2017). Penyertaan sosial dan indeks kesejahteraan sosial subjektif kanak-kanak miskin di Malaysia. *Akademika*, 87(2), 105-118. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada <http://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/13621/6202>
- Awang, A., Hadi, A.S., Md Jahi, J., Ahmad, A., & Harman Shah, A.H. (2006). Mendefinisi semula makna kualiti hidup masyarakat bandar dalam konteks ilmu sosial. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 7, 19-32. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada [https://www.researchgate.net/publication/305682704\\_Mendefini\\_semula\\_makna\\_kualiti\\_hidup\\_masyarakat\\_bandar\\_dalam\\_konteks\\_ilmu\\_sosial/link/579960db08aeb0ffcd08d2c5/download](https://www.researchgate.net/publication/305682704_Mendefini_semula_makna_kualiti_hidup_masyarakat_bandar_dalam_konteks_ilmu_sosial/link/579960db08aeb0ffcd08d2c5/download)
- Azizul, M.D.A., & Amin, S.M. (2019). Pendidikan kerja sosial di Malaysia: satu penilaian kritikal. *Jurnal Kemanusiaan*, 7(2), 20-26. Muat-turun pada 28/5/2020 daripada <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/328>
- Azman, A.S., Mat Nor, F., Mawar, M.Y. (2016). Realiti kemiskinan bandar di kalangan asnaf di Selangor: Satu kajian empirikal. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking 2016 (2nd ICEB)*, 24th – 25th May 2016. Bandar Seri

- Putera, Selangor, Malaysia. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada <http://conference.kuis.edu.my/iceb2016/e proceedings/EB015.pdf>
- Brahim, S. (2017). Praktis kerja sosial dalam pengurusan kes kanak-kanak: Kajian di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Research Colloquium 2017, At INTAN Bukit Kiara Kuala Lumpur, Malaysia. Muat-turun pada 28/5/2020 daripada [https://www.researchgate.net/publication/320555695\\_PRAKTIS\\_KERJA\\_SOSIAL\\_DALAM\\_PENGURUSAN\\_KES\\_KANAK-KANAK\\_KAJIAN\\_DI\\_JABATAN\\_KEBAJIKAN\\_MASYARAKAT](https://www.researchgate.net/publication/320555695_PRAKTIS_KERJA_SOSIAL_DALAM_PENGURUSAN_KES_KANAK-KANAK_KAJIAN_DI_JABATAN_KEBAJIKAN_MASYARAKAT)
- Faghizadeh, S. (2004). Sosiologi Sosiologi. Terj. Mohd Fauzi Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Dalam Abdul Majid, M.K., & Abd Rahim, R.A. (2009). Perubahan sosial dan impaknya terhadap pembentukan modal insan menurut ibn khaldun. *Jurnal Hadhari*, 1, 45-76. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada <http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/v1n12009/makalah-v1n1-n3.pdf>
- Fahrudin, A. (2002). Kod etika dalam profesion kerja sosial: Satu keperluan dalam konteks Malaysia. Persidangan Kebangsaan Etika Gunaan dan Profesional 2002, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan, 9 – 10 Oktober 2002. Muat-turun pada 28/5/2020 daripada [https://www.researchgate.net/publication/308985845\\_KOD\\_ETIKA\\_DALAM\\_PROFESION\\_KERJA\\_SOSIAL\\_SATU\\_KEPERLUAN\\_DALAM\\_KONTEKS\\_MALAYSIA\\_1/link/57fcc23608ae4189fee4041d/download](https://www.researchgate.net/publication/308985845_KOD_ETIKA_DALAM_PROFESION_KERJA_SOSIAL_SATU_KEPERLUAN_DALAM_KONTEKS_MALAYSIA_1/link/57fcc23608ae4189fee4041d/download)
- Fraenkel, J.R., & Wallen, E.W. (2006). How to design and evaluate research in education. Boston, MA: McGraw Hill. Dalam Idris, N. (2013). Penyelidikan dalam pendidikan (Edisi kedua). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Hussain, M.Y., Manaf, A.A., Ramli, Z., & Saad, S. (2011). Kesejahteraan sosial masyarakat nelayan: Kajian kes di Kampung Sri Bahagia, Mersing, Johor. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space, Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development*, 80-90. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada [http://journalarticle.ukm.my/3204/1/7\\_geografia-2011-4-sp-yusof%2Cazima-ukm-2am.doc.pdf](http://journalarticle.ukm.my/3204/1/7_geografia-2011-4-sp-yusof%2Cazima-ukm-2am.doc.pdf)
- Idris, N. (2013). Penyelidikan dalam pendidikan (Edisi kedua). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016). Laporan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat. Muat-turun daripada <http://www.jkm.gov.my/>
- Job, K. E. O. M. (2013). The role of education in national development: Nigerian experience. *European Scientific Journal*, 9(28), 1857-7881. Muat-turun pada 26/5/2020 daripada <https://eujournal.org/index.php/esj/article/viewFile/1900/1842>
- Klein, S. (2016). Promising evidence regarding the benefits of early care and education for children in the child welfare system, OPRE Report # 2016-68, Washington, DC: Office of Planning, Research and Evaluation, Administration for Children and Families, U.S. Department of Health and Human Services. Muat-turun pada 26/5/2020 daripada <https://pdfs.semanticscholar.org/39a9/9d69e1e79d3800b30768a210df2f08a4cf55.pdf>
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sampel size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. Muat-turun pada 27/5/2020 daripada [https://home.kku.ac.th/sompong/guest\\_speaker/KrejcieandMorgan\\_article.pdf](https://home.kku.ac.th/sompong/guest_speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf)
- Mohd Dahlan, M.F., & Bullare, M.I. (2017). Kesejahteraan hidup dalam kalangan gelandangan. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 1, 53-62. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada [https://www.researchgate.net/publication/325191003\\_Kesejahteraan\\_Hidup\\_Dalam\\_Kalangan\\_Gelandangan/link/5afce5530f7e9b98e03e9768/download](https://www.researchgate.net/publication/325191003_Kesejahteraan_Hidup_Dalam_Kalangan_Gelandangan/link/5afce5530f7e9b98e03e9768/download)
- Mukhlisin, A., & Suhendri, A. (2017). Aplikasi teori sosiologi dalam pengembangan masyarakat islam. *Interdisciplinary Journal of Communication*, 2(2), 211-234. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada <https://media.neliti.com/media/publications/223891-aplikasi-teori-sosiologi-dalam-pengembangan.pdf>

- Mushafi & Marzuki, I. (2018). Persinggungan hukum dengan masyarakat dalam kajian sosiologi hukum. *Jurnal Cakrawala Hukum*, 9(1), 50-58. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada [https://www.researchgate.net/publication/331312415\\_Persinggungan\\_Hukum\\_dengan\\_Masyarakat\\_dalam\\_Kajian\\_Sosiologi\\_Hukum/link/5c72973c458515831f6ae041/download](https://www.researchgate.net/publication/331312415_Persinggungan_Hukum_dengan_Masyarakat_dalam_Kajian_Sosiologi_Hukum/link/5c72973c458515831f6ae041/download)
- Osher, D., Kendziora, K., Spier, E., & Garibaldi, M.L. (2014) School influences on child and youth development. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada [https://www.researchgate.net/publication/300827881\\_School\\_Influences\\_on\\_Child\\_and\\_Youth\\_Development/citation/download](https://www.researchgate.net/publication/300827881_School_Influences_on_Child_and_Youth_Development/citation/download)
- Ozturk, I. (2001). The role of education in economic development: A theoretical perspective. *Journal of Rural Development and Administration*, XXXIII(1), 39-47. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=1137541&download=yes](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1137541&download=yes)
- Sy. Ariffin, Sy. (2013). Orphanage welfare and care centre as integration with community. *Arts and Design Studies*, 13(n/a), 31–37. Muat-turun daripada <https://www.mendeley.com/catalogue/orphanage-welfare-care-centre-integration-community/>
- Stewart, K. (2012). The connection between permanency and education in child welfare policy, 9 *Hastings Race & Poverty L.J.* 511 (2012). Muat-turun pada 26/5/2020 daripada [https://repository.law.miami.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1114&context=fac\\_articles](https://repository.law.miami.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1114&context=fac_articles)
- Talib, K.A. (2016). Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika*, 86(2), 65-78. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- UNICEF Malaysia (2018). Kanak-kanak pinggir: Satu kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar di flat kos rendah di Kuala Lumpur. Putrajaya: United Nations Childrens' Fund. [www.unicef.org/malaysia](http://www.unicef.org/malaysia)
- Universiti Putra Malaysia (2017a). Siri kuliah umum. Kemiskinan & kerentanan: Penelitian konsep dan pengukuran dalam era Revolusi Industri 4.0 oleh Profesor Dr. Laily Paim. Serdang: Universiti Putra Malaysia. Muat-turun pada 25/5/2020 daripada [http://www.pnc.upm.edu.my/upload/dokumen/20181019172347PROF.\\_LAILY\\_INAUGURAL.pdf](http://www.pnc.upm.edu.my/upload/dokumen/20181019172347PROF._LAILY_INAUGURAL.pdf)
- Universiti Putra Malaysia (2017b). Laporan akhir. Kajian keberkesanan bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. UPM Consultancy & Services Sdn bhd (A subsidiary of UPM Holdings). Muat-turun daripada <http://www.jkm.gov.my/>
- Vashisth, S. (2018). Role of education in nation building. *Journal of Humanities and Social Science*, 23(7), 52-54. Muat-turun pada 26/5/2020 daripada <http://www.iosrjournals.org/iosr-jhss/papers/Vol.%2023%20Issue7/Version-7/F2307075254.pdf>

## KEBERKESANAN AMALAN HIBRID TVET DALAM PEMBANGUNAN PIT STOP SOLAR CAFE

ZARULRIZAM AB JALIL<sup>1</sup>, ZALI WAHIL<sup>2</sup>,  
MUHAMMAD QUASEM SARKOWI<sup>3</sup>

Kolej Komuniti Segamat 2, KM 4 Jalan Jementah, 85100 Segamat, Johor

<sup>1</sup>zarulrizam@yahoo.com

### ABSTRAK

Pembangunan Pit Stop Solar Café merupakan gerai latihan keusahawanan pelajar yang dibina berdasarkan amalan hibrid TVET yang seiring dengan perkembangan IR 4.0. Ia merupakan inovasi adaptasi hasil daripada gabungan beberapa kemahiran yang dinamakan sebagai hibrid TVET. Kemahiran yang dimaksudkan adalah kemahiran teknologi solar, kemahiran teknologi senibina, teknologi maklumat dan kemahiran teknologi elektrik yang digabungkan. Selain daripada hasilnya memupuk pembudayaan keusahawanan, ia juga adalah bertujuan untuk mempraktikkan dan menjadikan gerai ini sebagai pusat simulasi pembelajaran dan pengajaran yang boleh dijadikan satu nilai tambah dalam memupuk pemikiran IR 4.0 di kalangan pelajar serta merekabentuk sistem solar fotovoltan bercirikan IOT. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap pelajar dalam pelaksanaan amalan Hibrid TVET dalam pembangunan Pit Stop Solar Cafe di Kolej Komuniti Segamat 2. Sampel kajian dipilih secara pensampelan rawak mudah yang melibatkan 96 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar dan data-data kajian diperolehi melalui soal selidik. Rekabentuk kajian yang digunakan adalah tinjauan secara kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data telah dianalisis yang melibatkan skor min, sisihan piawai dan ujian T. Hasil daripada kajian yang dijalankan terdapat kecenderungan yang tinggi dari segi keberkesanan dan pelaksanaan amalan Hibrid TVET dalam Pembelajaran Dan Pengajaran. Dapatan kajian secara keseluruhannya adalah sangat positif dalam keberkesanan pelaksanaan amalan Hibrid TVET dan diharapkan akan dapat membantu dalam memperbaiki serta memberi nilai tambah terhadap kepelbagaian pelaksanaan PDP dan amalan Hibrid TVET.

Kata kunci: Hibrid TVET, Pit Stop Solar Café, kemahiran, pelajar,

### PENGENALAN

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) yang menekankan pendekatan kemahiran selari keperluan industri adalah kunci ke arah membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi pada tahun 2050. Sebagai salah satu institusi yang menawarkan TVET, secara tidak langsung Kolej Komuniti Segamat 2 juga berperanan menjadi agen perubahan dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan serta ekonomi negara. Malah, bidang TVET di Kolej Komuniti Segamat 2 juga mampu melahirkan tenaga kerja tempatan yang diperlukan oleh industri dan negara bagi mengharungi fenomena Revolusi Industri 4.0.

Gabungan atau 'hibrid' ini telah wujud dalam persekitaran manusia sejak dulu lagi. Jika dilihat perkataan 'hybrid' ini dalam sistem tatabahasa Bahasa Melayu dikenali sebagai hibrid. Proses ini diambil melalui cara pembentukan kata dengan mengambil istilah daripada bahasa asalnya dan melakukan penyesuaian pada bahagian bunyi ataupun ejaannya. Berdasarkan kamus Oxford Advanced Learner's Dictionary (2000), hibrid merupakan sesuatu yang menghasilkan gabungan dua atau lebih benda yang berbeza.

Melihat kepada keperluan ini, dalam melahirkan graduan TVET terlatih yang mampu menjana pendapatan melalui kemahiran-kemahiran teknikal serta pendidikan keusahawanan yang berterusan, maka Pit Stop Solar Café ini diilhamkan sebagai sebuah pusat latihan berteraskan Hibrid TVET yang mampu melatih pelajar-pelajar dari semua bidang-bidang teknikal yang ditawarkan di KKS2 di samping mengaplikasikan ilmu keusahawanan mereka. Mengambil kira kemahiran sedia ada di kalangan pelajar-pelajar KKS2, Pit Stop Solar Café ini merupakan satu pusat yang dibina dengan menggabungkan 3 kemahiran iaitu Teknologi Senibina, Teknologi Elektrik serta Teknologi Solar Fotovoltan. Penggabungan elemen teknikal inilah menjadi titik tolak kepada penjenamaan Hibrid TVET yang mula diperkenalkan di KKS2. Menurut Mihaly (1996), kreativiti adalah setiap tindakan, idea, atau produk yang mengubah domain yang sedia ada, atau yang menukar domain yang ada menjadi satu domain baharu.

Bagi memastikan para graduan dari Kolej Komuniti Segamat 2 mampu bersaing dan menjadi penyumbang ke arah memastikan Malaysia mampu menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2050, maka Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ini juga haruslah juga disulami dengan pendidikan dan budaya keusahawanan yang berterusan. Justeru, usaha memperkenalkan pendidikan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar KKS2 perlu diperkasa supaya para graduan yang terhasil adalah graduan yang kekal cekal bertunjangkan kemahiran TVET dan keusahawanan dalam menongkah arus Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Meskipun telah ada pusat seumpama ini di tempat-tempat lain, namun Pit Stop Solar Café ini mencipta kelainan dengan mengaplikasikan elemen Hibrid TVET dalam Teknologi Senibina melalui pelan binaan dan binaan kafe, Teknologi Elektrik dari segi pendawaian dan pemasangan bahan elektrik serta Teknologi Solar Fotovoltan dalam inovasi penggunaan Sistem Solar bagi menjana bekalan elektrik. Secara tidak langsung, Pit Stop Solar Café ini telah menyelesaikan beberapa masalah yang umumnya dihadapi oleh pelajar-pelajar TVET iaitu kekangan ruang latihan dalam konteks situasi sebenar yang membenarkan pengaplikasian semua kemahiran yang berkaitan serta latihan keusahawanan, seterusnya penjimatan kos bekalan elektrik serta penyelesaian masalah terputus bekalan elektrik yang tidak dijangka. Menurut Roger dan Shoemaker (1971) inovasi merupakan idea, amalan atau objek yang dianggap baharu oleh seseorang. Ini bahasa inovasi adalah sesuatu yang dianggap baru dan lebih baik daripada yang lama oleh seseorang individu.

## **PENYATAAN MASALAH**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyarankan kepada semua pihak supaya melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan meningkatkan sistem pendidikan di negara ini. Namun demikian, inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang disarankan masih sukar dilaksanakan. Terdapat halangan bagi pengajar untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Aspek halangan yang telah dikenalpasti adalah seperti pengamalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, jenis latihan yang telah diikuti oleh pengajar, faktor-faktor yang menjadi halangan dalam melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga peluang atau galakan kepada pengajar untuk melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di kolej komuniti.

Dalam mereka bentuk bahan yang dapat membantu dalam pengajaran, ramai perekabentuk khususnya para pendidik tidak mengetahui tentang peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi dan diikuti bagi memastikan bahan yang digunakan semasa pengajaran itu berkualiti. Ini kerana tidak banyak panduan disediakan untuk dijadikan garis panduan kepada pereka bentuk bahan untuk pendidikan terutama. Menurut Rozinah Jamaludin (2007), pembangunan menekankan aktiviti yang berkaitan dengan rekabentuk sistematik, pembangunan, implementasi, dan penilaian bahan pengajaran, pelajaran, kursus, atau kurikulum supaya dapat menambah baik pengajaran dan pembelajaran secara efisien

Dalam mereka bentuk sesuatu produk, pereka bentuk perlu terlebih dahulu mengenal pasti ciri-ciri yang diperlu bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengguna sebelum menghasil reka bentuk yang diinginkan. Kreativiti dan inovasi adalah antara faktor yang boleh menjana sesuatu idea tentang penghasilan reka bentuk. Menurut Mihaly (1996), kreativiti adalah setiap tindakan, idea, atau produk yang mengubah domain yang sedia ada, atau yang menukar domain yang ada menjadi satu domain baharu. Manakala inovasi dapat ditakrif sebagai suatu proses mengeluarkan idea dan mengubahnya dalam bentuk produk, perkhidmatan, sistem dan cara operasi yang baharu.

Dalam pelaksanaan kemahiran berbentuk TVET ini, kebanyakan tertumpu kepada satu bidang kemahiran sahaja. Sehubungan dengan itu, Hibrid TVET yang ditonjolkan adalah konsep penggabungan antara pelbagai bidang kemahiran dihindungkan dalam pelaksanaan sesuatu perkara. Dengan adanya pendekatan yang lebih afektif ini, ia diharapkan dapat meningkatkan lagi kelangsungan amalan TVET di institusi pendidikan.

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- a. Menenalpasti tahap pelaksanaan amalan Hibrid TVET
- b. Menenalpasti tahap keberkesanan amalan Hibrid TVET dalam pembangunan Pit Stop Solar Cafe
- c. Menenalpasti perbezaan yang signifikan keberkesanan amalan Hibrid TVET antara pelajar lelaki dan perempuan.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini tertumpu kepada keberkesanan amalan Hibrid TVET dalam pembangunan Pit stop Solar Cafe Kolej Komuniti Segamat 2. Kajian ini berkepentingan untuk:

- a. Memberi panduan yang kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk merancang program yang tersusun dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
- b. Memberi pengetahuan kepada pihak institusi tentang tahap amalan TVET dikalangan pelajar.
- c. Menenalpasti kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai amalan Hibrid TVET.

## **SKOP KAJIAN**

Di dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji hanya menumpukan kajian di dalam skop yang telah dikenalpasti seperti berikut:

- a. Kajian terhadap elemen kesediaan pelajar terhadap keberkesanan dan pelaksanaan amalan Hibrid TVET dalam pembangunan Pit Stop Solar Cafe.
- b. Kajian hanya dilaksanakan di Kolej Komuniti Segamat 2 yang terdiri daripada pelajar sijil dan diploma.
- c. Kajian yang dijalankan adalah secara kuantitatif iaitu melalui pungutan data berdasarkan borang soal selidik yang dihasilkan oleh pengkaji

## **SOROTAN KAJIAN**

Proses pengajaran dan pembelajaran tidak terlepas daripada penggunaan media pengajaran dan pembelajaran. Menurut hasil kajian Adri (2007), kaedah pengajaran dan pembelajaran, penggunaan pelbagai media pengajaran ini diakui dapat menambahkan pengayaan kepada daya pembelajaran manusia

Hasil kajian daripada Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad (2010), menjelaskan bahawa pembuat dasar hendaklah mengambil kira kesan teknologi terhadap latihan teknikal,



pedagogi dan infrastruktur baru yang diperlukan untuk melakukan transformasi terhadap sistem pendidikan. Pembangunan sesuatu bahan pengajaran seharusnya dirancang dengan baik dan penggunaan multimedia interaktif perlu dipilih dan digunakan sebaik-baiknya.

Kajian yang dihasilkan oleh Shaharuddin Md Salleh dan Zaidatun Tasir (2011), menunjukkan penerimaan positif pelajar terhadap pembelajaran simulasi, reka bentuk dan isi pelajaran yang disampaikan. Dalam era serba moden ini adalah lebih penting bagi kita untuk melihat kepada cara-cara penggunaan ABM yang bukan sahaja memberi pengetahuan yang lebih tetapi juga untuk menggerakkan minda pelajar supaya teretusnya idea-idea baru yang akan memberi pengetahuan baharu kepada mereka.

Kajian Rowe (2002) pula mendapati pelajar perempuan secara signifikan lebih memberikan tumpuan berbanding pelajar lelaki. Berkaitan dengan pemboleh ubah jantina ini, MacDonald, Saunders dan Benfield (1999) menyatakan bahawa peranan pengajar adalah sangat dititikberatkan dalam mempengaruhi pelajar lelaki, sikap pengajar secara umumnya boleh meningkatkan pencapaian dalam kalangan pelajar lelaki.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah kaedah deskriptif jenis tinjauan sampel iaitu meninjau keberkesanan amalan Hibrid TVET di Kolej Komuniti Segamat 2. Menurut Sabitha Marican (2005), Soal selidik merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat untuk tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. Malah Sherri L. Jackson (2006) juga menyatakan ia juga merupakan kajian mendalam tentang satu atau lebih individu dengan harapan mendedahkan hal-hal yang benar.

Responden kajian ialah terdiri dari kalangan populasi pelajar Kolej Komuniti Segamat 2 yang berada di dalam kampus. Oleh kerana kajian ini berbentuk kajian sosial, maka jenis instrumen kajian yang dipilih adalah kaedah soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji. Penggunaan soal selidik juga boleh membantu pengkaji menentukan sifat 'impersonal' dalam jawapan dan keseragaman dikalangan responden. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan disamping ia dapat memperolehi maklumat yang tepat dari responden (Ary, Jacob dan Razarieh, 1990). Soal selidik tersebut mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi maklumat responden dan Bahagian B mengandungi item tahap pelaksanaan dan keberkesanan amalan Hibrid TVET. Skala Likert amat sesuai digunakan untuk menjalankan kajian tinjauan ini. Ini kerana Skala Likert membolehkan pengkaji mengawal maklum balas yang berat sebelah. Skala ini akan menyatakan Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S), dan Sangat Setuju (SS). Skala akan diberikan bermula daripada nombor 1 hingga 5 (Jadual 2).

Jadual 1  
Skala Likert

Skala	Tafsiran
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Kurang setuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Pengumpulan data dilakukan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan pensyarah dan pelajar yang terlibat. Kesemua responden pelajar yang terlibat dalam mengisi borang soal selidik telah mengembalikan semula secara langsung kepada pengkaji. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min menggunakan perisian *SPSS versi 21.0*.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan tafsiran skor min untuk menjawab persoalan satu, persoalan dua, persoalan tiga dan persoalan ke empat yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi persoalan tersebut. Tafsiran dapatan daripada soal selidik di analisis seperti Jadual 2.

Jadual 2  
Tafsiran skor min

Kumpulan	Julat	Tahap kecenderungan
1	1.00 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

(Sumber: Adaptasi daripada Landell, 1997)

Kesahan muka dan kandungan telah dilakukan untuk mendapatkan kesahan yang baik kepada instrumen. Menurut Gay & Airasian (2000), ia merujuk kepada sejauh mana kebolehan sesuatu alat ukur mengukur apa yang sepatutnya diukur. Merujuk pada kajian ini, pengkaji telah mendapatkan kesahan soal selidik daripada tiga orang pakar. Menurut Cohen, Manion & Morrison (2000) menyatakan kesahan kandungan merujuk kepada situasi di mana kandungan sesuatu alat ukur itu berjaya mencungkil maklum balas yang dapat mewakili keseluruhan domain, kemahiran global, pemahaman dan tingkah laku yang sepatutnya diukur oleh alat tersebut. Berdasarkan kesahan muka dan kandungan yang dilakukan, instrumen soal selidik disemak dan disahkan oleh 3 orang tenaga pengajar.

## ANALISIS DAN KEPUTUSAN

Perbincangan akan berkisar tentang hasil-hasil kajian yang telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Item-item soalan dibentuk mengikut kod bagi memudahkan proses menganalisis. Analisis data dilakukan secara deskriptif dan inferensi yang menunjukkan kesediaan pelajar terhadap tahap pelaksanaan Hibrid TVET dan tahap keberkesanan Hibrid TVET dan perbezaan yang signifikan keberkesanan amalan Hibrid TVET antara pelajar lelaki dan perempuan..

Jadual 3  
Tahap pelaksanaan amalan Hibrid TVET

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya pernah mendengar istilah HIBRID TVET	4.5052	.67890
2	Saya salah seorang pelajar yang belajar dalam bidang TVET	4.6082	.58731
3	Saya menyedari Pit Stop Solar Cafe adalah hasil daripada amalan Hibrid TVET.	4.8247	.38216
4	Saya sentiasa mengikuti perkembagan Hibrid TVET di kolej	4.4948	.59728
5	Saya pernah melihat aktiviti pelajar dijalankan di PIT STOP SOLAR CAFE	4.7732	.42094
6	PIT STOP SOLAR CAFE sesuai dijadikan sebagai tempat simulasi pengajaran untuk bidang elektrik atau sebibina atau teknologi maklumat atau solar atau usahawan.	4.6495	.77783
7	Pembelajaran akan lebih menarik sekiranya dilakukan secara amali sebenar seperti yang dilakukan di PIT STOP SOLAR CAFE	4.5258	1.00097

	Purata	4.6259	
--	--------	--------	--

Jadual 3 menunjukkan tahap keberkesanan pelaksanaan amalan Hibrid TVET merujuk item 3 (Saya menyedari Pit Stop Solar Cafe adalah hasil daripada amalan Hibrid TVET.) mempunyai nilai skor min paling tinggi iaitu 4.8247 iaitu pada tahap berkecenderungan tinggi, diikuti item 5 (Saya pernah melihat aktiviti pelajar dijalankan di PIT STOP SOLAR CAFE) dengan skor minnya 4.7732. Manakala skor min yang terendah ialah bagi item 7 (Saya pernah mendengar istilah HIBRID TVET) dengan skor min 4.5052. Secara keseluruhannya tahap pelaksanaan amalan Hibrid TVET dalam pembangunan Pit Stop Solar Cafe adalah berkecenderungan tinggi dengan nilai keseluruhan berjumlah 4.6259.

#### Jadual 4

Tahap keberkesanan amalan Hibrid TVET dalam pembangunan Pit Stop Solar Cafe

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Amalan Hibrid TVET dapat membantu saya meningkatkan kefahaman di dalam kelas	4.4330	.77604
2	Penggunaan Hibrid TVET mengajarmenjadikan saya lebih berminat dalam bidang teknikal	4.3711	1.04403
3	Penggunaan simulasi sebenar pengajaran dalam amali membolehkan saya memahami dengan lebih mudah.	4.3608	.99148
4	Kaedah amalan Hibrid TVET mampu melahirkan pelajar yang lebih kreatif	4.6392	.59836
5	Saya lebih bermotivasi dalam pembelajaran dengan penggunaan amalan Hibrid TVET	4.4742	.79179
6	Tenaga pengajar sering memberi dorongan tentang kepentingan Hibrid TVET	4.4742	.79179
7	Amalan Hibrid TVET ini menjadi trend penggunaannya di kolej	4.5876	.60815
	Purata	4.4772	

Berdasarkan Jadual 4 merujuk kepada item 4 (Kaedah amalan Hibrid TVET mampu melahirkan pelajar yang lebih kreatif) mempunyai nilai skor min paling tinggi iaitu 4.6392 iaitu pada tahap berkecenderungan tinggi, diikuti item 7 (Amalan Hibrid TVET ini menjadi trend penggunaannya di kolej) dengan skor minnya 4.5876. Manakala skor min yang terendah ialah bagi item 2 (Penggunaan Hibrid TVET mengajarmenjadikan saya lebih berminat dalam bidang teknikal) dengan skor min 4.3711. Secara keseluruhannya tahap keberkesanan amalan Hibrid TVET dalam pembangunan Pit Stop Solar Cafe adalah berkecenderungan tinggi dengan nilai keseluruhan berjumlah 4.4772.

#### Analisis Ujian – t

Kaedah ujian t ini digunakan untuk menguji hipotesis yang melibatkan perbezaan skor min antara dua pembolehubah, iaitu pemboleh ubah bebas bagi penerimaan dengan pembolehubah bersandar pelaksanaan amalan Hibrid TVET dikalangan jantina. Ujian t akan digunakan untuk menguji hipotesis berikut.

*H<sub>01</sub> : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan pelajar terhadap pelaksanaan Hibrid TVET antara pelajar lelaki dan perempuan.*

Jadual 5  
Keputusan Ujian-t

	t	df	Sig. (2-tailed)
Pelaksanaan amalan Hibrid TVET antara pelajar lelaki dan perempuan	6.024	28	.021

Aras keertian  $p=0.05$

Hasil ujian-t menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah signifikan ( $p < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis nol yang mengatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan amalan Hibrid TVET antara pelajar lelaki dan perempuan untuk tujuan pembelajaran adalah ditolak (Jadual 6). Hasil daripada keputusan Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan pelajar terhadap pelaksanaan Hibrid TVET antara pelajar lelaki dan perempuan.

## PERBINCANGAN

Hasil kajian yang diperolehi oleh pengkaji menunjukkan bahawa pengkaji berjaya mencapai seluruh objektif kajian. Secara keseluruhannya, pelaksanaan Hibrid Tvet di Kolej Komuniti adalah tinggi dan sangat positif. Ia selari dengan kajian oleh Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad (2010), menjelaskan bahawa pembuat dasar hendaklah mengambil kira kesan teknologi terhadap latihan teknikal, pedagogi dan infrastruktur baru yang diperlukan untuk melakukan transformasi terhadap sistem pendidikan. Keberkesanan terbukti dalam pembinaan Pit Stop Solar Cafe di mana amalan TVET telah diterapkan secara menyeluruh dalam proses PDP. Pernyataan ini disokong oleh hasil kajian Adri (2007), kaedah pengajaran dan pembelajaran, penggunaan pelbagai media pengajaran ini diakui dapat menambahkan pengayaan kepada daya pembelajaran manusia. Semasa proses pelaksanaan Hibrid TVET ini, faktor jantina juga mempengaruhi dalam menentukan keberkesanannya dan ia di sokong oleh kajian Rowe (2002) pula yang mendapati pelajar perempuan secara signifikannya lebih memberikan tumpuan berbanding pelajar lelaki. Berkaitan dengan pemboleh ubah jantina ini, MacDonald, Saunders dan Benfield (1999) menyatakan bahawa peranan pengajar adalah sangat dititikberatkan dalam mempengaruhi pelajar lelaki, sikap pengajar secara umumnya boleh meningkatkan pencapaian dalam kalangan pelajar lelaki.

## KESIMPULAN

Kesimpulan daripada perbincangan dan pemerhatian ini telah dapat memberikan gambaran yang baik untuk pihak kolej tentang kepentingan dan kebaikan penggunaan amalan Hibrid TVET dalam pengajaran. Amalan Hibrid TVET juga dalam pelaksanaan Pit Stop Solar Cafe ini boleh meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran di institusi TVET. Dengan pendekatan ini diharapkan aspirasi kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang mahir dengan kemahiran TVET akan dapat direalisasikan secara tidak langsung. Dengan usaha yang bersungguh – sungguh dari pihak pengurusan dan komitmen yang jitu dari pensyarah maka tidak mustahil segala masalah yang wujud pada masa ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat diselesaikan dengan kaedah yang terbaik.

## RUJUKAN

- A S Hornby, Oxford Advanced Learner's Dictionary, Sally Wehmeier et.al (Ed.), UK: Oxford University Press,2000
- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim dan Shamsudin Othman (2012) , Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ), Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Adri, M. 2007. Strategi Pengembangan Multimedia Instructional Design. *Jurnal Invontek* 8: 1-8
- Ary, D., Jacobs, L.C., dan Razareih, A.(1990). *Introduction to Research In Education* (4th edition). Orlando: Harcourt Brace Publishers.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education* (5th ed.) London: Routledge Falmer.
- Gay, L.r. & Airasian, P. (2000). *Educational Research: Competencies for analysis and application*. 6th Ed. Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Ismail (2007). *Internet Dalam Pendidikan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Jackson, S. L. (2006) *Research Methods And Statistics*, Wadsworth, Cengage Learning, USA., 84-85.
- Landell, H. K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Son Inco.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Cetakan Pertama, Petaling Jaya, Selangor. Prentice Hall.
- Mihaly, C. (1996). *Creativity-Flow and the Psychology of Discovery and invwntion*. New York: Harper.
- Mohd Dahlan Mohd Ramli, (1992). *Keberkesanan Penggunaan alat dan Bahan bantu mengajar peserta KPK dalam pengajaran dan pembelajaran: satu tinjauan*.Mei (4) *Jurnal Guru*.
- Norhayati Abdul Mukti (1999). *Perisian Pengarangan*. Singapura. Prentice Hall.
- Omardin Ashaari (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Oouz, F. (1998). *Integrating Multimedia Technology in Teaching*. New Jersey : Prentice Hall, Inc.
- Rogers, E.M. dan Shoemaker, F. (1971). *Communications in Innovations*, New York: Free Press
- Rozinah Jamaludin. (2007). *Internet Dalam Pendidikan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Shaharuddin Md Salleh dan Zaidatun Tasir (2011), *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia* Jilid 1, Nombor 1, Mac 2011 . Johor Bahru : UTM
- Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad (2010), *Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT*, Universti Kebangsaan Malaysia

## **KEPENTINGAN KURSUS ANDRAGOGI SEBAGAI SYARAT KELAYAKAN MENGAJAR DALAM SISTEM POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**ZAINI AHMAD<sup>1</sup>, ZARULRIZAM ABD JALIL<sup>2</sup>, MOHD AZNAN JANAL<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Jasin Melaka, zainiahmad25@yahoo.com

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Segamat 2 Johor, zarulrizam@yahoo.com

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Jasin Melaka, aznan\_kktj@yahoo.com.my

### **ABSTRAK**

Umum menyedari bahawa untuk menjadi seorang pendidik yang berkarisma dan berwibawa bukanlah satu tugas yang mudah. Bagi menjadi seorang pendidik yang berkarisma dan berwibawa sudah tentulah ia perlu melalui pelbagai proses berterusan seperti latihan dan pengalaman yang mengambil masa yang panjang. Dalam latihan dan pengalaman yang dilalui itu, berbagai-bagai input diterapkan oleh Kementerian dan jabatan bagi memastikan pensyarah dan guru yang dihasilkan benar-benar berkualiti, cekap dan pragmatik. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sejauhmanakah pentingnya kursus andragogi sebagai syarat kelayakan mengajar dalam sistem Politeknik dan Kolej Komuniti. Seramai 120 orang responden telah menjawab soalan soalselidik yang diedarkan. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan aplikasi SPSS versi 23.0. Dapatan kajian ini mendapati bahawa kursus andragogi boleh menjadi salah satu menjadi faktor yang jelas mengapa aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) seseorang pensyarah menjadi sesuatu yang menyeronokkan atau sangat membosankan. Ia bakal memberikan impak positif atau negatif terhadap minat dan motivasi pelajar kepada bidang pengajian yang mereka ikuti di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Kata kunci : Kursus andragogi, kelayakan mengajar, pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), impak, minat dan motivasi pelajar

### **ABSTRACT**

*To be a charismatic and competent educators nowadays is not an easy task. Educators has to go through various processes such as continuous training and lots of experience in teaching in a period of time. Through training and experience with various kind of input applied by the ministries and departments with an objectives to ensure that lecturers and teachers in schools or education institution are really good in terms of quality, efficient and pragmatic. The aim of this study was to examine to what extent the importance of andragogy courses as a condition of eligibility to teach in polytechnics and community colleges. A total of 120 respondents answered the questionnaire sent out by the researcher. Data were analysed using software SPSS version 23.0. This study found that andragogy courses can be one of the factors that determine teaching and facilitation (PdPc) by the lecturer are something exciting or otherwise. It also provides either a positive or negative impact on the interest and motivation of students towards their study at Polytechnic and Community College in Malaysia.*

*Keywords: Andragogy courses, teaching qualifications, teaching and facilitation (PdPc), impact, interest and student motivation*

### **PENGENALAN**

Dalam konteks latihan pendidikan di Malaysia, seseorang individu yang ingin menjadi pendidik sama ada pensyarah atau guru, mereka diwajibkan untuk mengikuti satu kursus yang dipanggil kursus latihan ikhtisas atau secara mudahnya kursus latihan mengajar. Pihak-pihak yang berkepentingan dalam sistem pendidikan di Malaysia melihat bahawa betapa

pentingnya kursus latihan mengajar diajarkan di dipelajari oleh sesiapa sahaja yang ingin menjadi pensyarah atau guru supaya mereka mendapat pendedahan dari satu komponen latihan mengajar yang sistematik dan bersifat professional (A. Wahid, L. *et al.*, 2003). Ini kerana sistem pendidikan di Malaysia meluas dan kompleks sifatnya, bermula dari tahap pra sekolah, sekolah rendah, menengah, kolej dan seterusnya universiti.

Bagi sistem pendidikan keguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), kursus ikhtisas ini lebih dikenali sebagai kursus pedagogi. Kursus pedagogi ini berfokuskan kepada konsep pembelajaran di peringkat kanak-kanak iaitu di sekolah rendah dan menengah. Bagi konteks pendidikan tinggi pula, kursus ini lebih dikenali sebagai kursus andragogi. Kursus ini berfokuskan kepada konsep pembelajaran orang dewasa. Pendidikan andragogi adalah satu bentuk pendidikan yang memfokuskan kepada orang dewasa (Ozuah, 2016). Ia merupakan pendidikan yang bersifat liberal atau terbuka yang diadakan di waktu kelapangan yang orang dewasa boleh memperbaiki dan meluaskan pengetahuan, kemahiran atau hobinya (Rohayu Roddin *et al.*, 2010).

Walau bagaimanapun, ia tetap mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memberi bimbingan dan pendedahan kepada bakal-bakal pensyarah serta guru tentang cara-cara bagaimana untuk mengendalikan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kepada kumpulan-kumpulan sasaran dalam kelas serta isu-isu yang berkaitan dengannya. Justeru, kursus ikhtisas dan kursus andragogi adalah satu bentuk kursus yang bersifat awalan yang bertujuan untuk membina motivasi dan idea bagaimana untuk menyampaikan isi pelajaran dengan sebaiknya.

## **LATAR BELAKANG MASALAH**

Sebelum pengenalan skim perkhidmatan DH untuk para pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun 2008, mereka adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan keguruan atau lebih popular dengan singkatannya, DG. Dalam skim DG ini, para pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti mengikuti semua dasar, peraturan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Walau bagaimanapun, selepas berlakunya pemisahan kementerian serta pengenalan skim perkhidmatan yang baharu untuk warga Politeknik dan Kolej Komuniti iaitu skim DH, maka beberapa dasar dan peraturan baharu diperkenalkan di bawah skim ini. Antaranya adalah penghapusan dasar yang mewajibkan pensyarah memiliki Kursus Perguruan Lulusan Diploma (KPLD)/ Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) serta Kursus Dalam Cuti (KDC) kepada dasar baharu iaitu pengenalan kursus andragogi. Di bawah kursus Andragogi ini, mana-mana pensyarah baharu yang memasuki sistem Politeknik dan Kolej Komuniti hanya diwajibkan mengikuti kursus andragogi selama 2 minggu.

Ia adalah sebagai kursus pendedahan tentang strategi, pendekatan dan kaedah bagaimana untuk mengendalikan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam kelas. Sepertimana yang disebutkan diatas, kursus andragogi ini dijalankan bagi membantu pensyarah-pensyarah baharu ini untuk melaksanakan proses PdPc dengan cekap dan berkesan kepada golongan pelajar dewasa, yang berumur 18 tahun keatas iaitu di Politeknik dan Kolej Komuniti.

## **PENYATAAN MASALAH**

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumbalas terutama dari kalangan pelajar di Kolej Komuniti Jasin terhadap kualiti pengajaran para pensyarah yang pernah mengikuti kursus andragogi ini. Kualiti pengajaran yang dimaksudkan adalah meliputi kaedah, strategi pengajaran, persediaan dan adab yang ditunjukkan oleh para pensyarah semasa melaksanakan sesuatu proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Ini disebabkan timbulnya rungutan dan aduan dari kalangan pelajar terhadap komitmen serta kualiti pengajaran yang dilaksanakan oleh para pensyarah. Rungutan dan aduan ini didapati daripada borang-borang penilaian pelajar terhadap pensyarah yang diedarkan setiap

semester dan juga daripada maklumbalas lisan yang disampaikan kepada ketua-ketua jabatan masing-masing.

Kajian ini penting kerana ia boleh memberikan input serta maklumbalas kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKK) berkaitan isu kualiti pengajaran para pensyarah terutama selepas dasar yang mewajibkan perlunya sijil ikhtisas seperti Kursus Perguruan Lulusan Diploma (KPLD)/ Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) serta Kursus Dalam Cuti (KDC) kepada pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti dihapuskan dan digantikan dengan dasar baharu iaitu Kursus andragogi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- a. Untuk mengenalpasti tahap keberkesanan pengajaran para pensyarah yang mempunyai latar belakang pendidikan ikhtisas di Kolej Komuniti.
- b. Untuk mengenalpasti tahap keberkesanan pengajaran para pensyarah yang mempunyai latar belakang pendidikan kursus andragogi di Kolej Komuniti.
- c. Untuk mengenalpasti perbezaan yang signifikan keberkesanan pengajaran antara pensyarah yang mempunyai perbezaan kelayakan mengajar.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini adalah seperti yang berikut :

- a. Untuk mengetahui tahap kepuasan pelajar dari kesan dari kualiti pengajaran yang disampaikan oleh seseorang pensyarah yang lahir dari kursus andragogi.
- b. Untuk menilai semula keberkesanan kursus andragogi ke atas kualiti pengajaran dan komitmen kerjaya seseorang pensyarah.

Untuk memperbanyakkan lagi kajian-kajian berkaitan bidang andragogi terutama yang melibatkan warga Politeknik dan Kolej komuniti pada masa depan.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kajian terhadap bidang andragogi sememangnya telah banyak dibuat di seluruh dunia termasuk di Malaysia sendiri. Walaupun ia tidak sebanyak berbanding kajian-kajian dalam bidang pedagogi, namun ia tetap mempunyai impak yang tersendiri dalam konteks pendidikan dewasa pada masa kini. Menurut Norzaini (2009), pembelajaran dewasa atau andragogi merujuk kepada proses di mana setiap individu cuba mengubah atau meningkatkan pengetahuan, nilai kemahiran atau strategi. Pembelajaran dewasa atau andragogi ini sebenarnya adalah memfokuskan kajian kepada individu yang berumur sekitar 18 tahun dan keatas. Justeru, para pelajar dewasa ini membawa pelbagai jenis pengalaman dan motivasi mereka ke dalam situasi pendidikan. Pembelajaran dewasa membawa satu konsep pendidikan yang luas merangkumi dunia pendidikan selepas zaman persekolahan iaitu kolej dan universiti, latihan berasaskan pekerjaan, pendidikan sepanjang hayat atau peningkatan sendiri (Abdul Hamid, M. A. et al, 2004).

Knowles (1980) mentakrifkan andragogi sebagai suatu bidang pendidikan dewasa yang bermatlamat untuk membantu para pelajar dewasa untuk belajar. Penyelidikan dalam bidang andragogi ini bermatlamat untuk mengkaji sikap dan tabiat orang-orang dewasa untuk menghadapi suasana pembelajarannya. Knowles (1980) menggariskan beberapa prinsip dalam bidang andragogi ini :

- i. Orang dewasa terlibat dalam proses perancangan dan matlamat pembelajarannya.
- ii. Pengalaman adalah asas kepada aktiviti pembelajaran orang dewasa.
- iii. Orang dewasa lebih cenderung untuk mempelajari bidang-bidang yang berkaitan dengan kerjaya dan kehidupan mereka.
- iv. Proses pembelajaran orang dewasa lebih kepada penyelesaian masalah terutama yang berkaitan dengan kehidupannya.



Menurut Sulaiman, E. (2004), bidang andragogi atau pembelajaran dewasa ini lebih cenderung kepada proses bagaimana sesuatu ilmu itu disampaikan berbanding isi kandungannya. Justeru, teknik seperti kajian kes, simulasi serta penilaian sendiri adalah beberapa contoh strategi pembelajaran yang berkesan. Dalam konteks ini, pendidik lebih berperanan sebagai fasilitator atau pemudahcara dalam menjayakan proses pengajaran dan pemudahcaraan. Bagi para pelajar pula, mereka menyedari bahawa pengalaman-pengalaman yang diperolehi boleh membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam hidup (Norzaini, 2009). Ini jelas sebagaimana yang dinyatakan dalam prinsip-prinsip andragogi yang dikemukakan seperti diatas.

Keberkesanan dalam proses PdPc adalah apabila wujudnya interaksi dua hala antara para pendidik dan para pelajarnya. Knowles (1980) menjelaskan bahawa antara ciri bidang andragogi adalah wujudnya komunikasi serta interaksi dua hala dalam proses PdPc dalam bilik kuliah terutama bagi golongan dewasa. Dunkin & Biddle (1974) pula, melalui kajian mereka mendapati bahawa kejayaan pengajaran guru bergantung juga kepada siapa yang diajar oleh guru iaitu pelajarnya. Selain itu, tahap umur, jantina, personaliti diri, cara belajar, motivasi dan sikap turut menjadi penentu dalam keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Ini menjadikan proses PdPc ini adalah suatu proses yang bersifat saling bergantung antara satu sama lain untuk memastikan kecemerlangannya (Hafidah, 2001).

## METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Bagi kajian seperti ini, para penyelidik telah menggunakan instrumen borang soal selidik dalam mendapatkan data-data kajian dari pihak responden. Sampel dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Sampel terdiri dari kumpulan para pelajar Kolej Komuniti Jasin dimana berada dalam lingkungan umur 18 – 25 tahun. Sebanyak 140 set borang soal selidik telah diedarkan dan hanya 120 set borang sahaja yang dijawab dan dikembalikan.

Pengumpulan data dilakukan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan pensyarah dan pelajar yang terlibat. Kesemua responden pelajar yang terlibat dalam mengisi borang soal selidik telah mengembalikan semula secara langsung kepada pengkaji. Analisis statistik kuantitatif telah digunakan untuk mendapatkan min menggunakan perisian SPSS 23.0.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga objektif. Objektif yang pertama adalah untuk mengenalpasti tahap keberkesanan pengajaran para pensyarah yang mempunyai latar belakang bidang pendidikan ikhtisas di Kolej Komuniti. Objektif kedua adalah mengenalpasti tahap keberkesanan pengajaran para pensyarah yang mempunyai latar belakang bidang pendidikan kursus andragogi di Kolej Komuniti manakala objektif ketiga pula adalah mengenalpasti perbezaan yang signifikan keberkesanan pengajaran antara pensyarah yang mempunyai perbezaan kelayakan.

### **Objektif 1 : Menenalpasti tahap keberkesanan pengajaran para pensyarah yang mempunyai latar belakang bidang pendidikan ikhtisas di Kolej Komuniti**

Jadual 1

Dapatan keberkesanan pengajaran para pensyarah berpendidikan ikhtisas

	Mean	Std. Deviation
saya diterangkan dgn jelas hasil pembelajaran	3.7000	.49536
pengajaran berjaya tingkat pengetahuan & kemahiran	3.8167	.38856
saya berpeluang aplikasi pengetahuan & kemahiran	3.7333	.44407
saya terlibat aktif dlm PdPc	3.6333	.53347

saya berjaya beri respon	3.9417	.63987
kerja kursus & soalan cabar minda	3.7667	.46261
BBM berjaya tarik minat saya	3.7500	.45374
pensyarah semak ujian/kuiz	3.8083	.41598
pensyarah berwatak positif	3.8333	.39606
saya belajar dlm suasana selamat & bersih	3.8667	.36515
Purata	3.785	

Berdasarkan jadual 1 diatas, aspek *Saya berjaya beri respon* merupakan min yang tertinggi sekali berbanding dengan aspek yang lain (3.9417). Ini diikuti oleh aspek *Saya belajar dalam suasana selamat dan bersih* (3.8667). Berikutnya adalah aspek *Pensyarah berwatak positif* dengan min (3.8333). Ini menjelaskan bahawa para pensyarah telah dapat menimbulkan suasana yang kondusif dan positif dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mereka dengan para pelajar dewasa ini. Selain itu, para pensyarah yang mempunyai latar belakang pendidikan ikhtisas juga telah dapat mewujudkan suasana komunikasi dua hala dengan pelajar mereka (Norzaini, 2009). Keadaan ini menjadikan proses PdPc tersebut hidup dan memperlihatkan adanya interaksi antara 2 pihak terbabit. Hasilnya, semua aspek-aspek diatas telah mencatatkan min yang tinggi dari 3.5000.

## **Objektif 2 : Mengenalpasti tahap keberkesanan pengajaran para pensyarah yang mempunyai latar belakang bidang pendidikan kursus andragogi di Kolej Komuniti**

### Jadual 2

Dapatan keberkesanan pengajaran para pensyarah berpendidikan kursus andragogi

	Mean	Std. Deviation
saya diterangkan dgn jelas hasil pembelajaran	3.5946	.68322
pengajaran berjaya tingkat pengetahuan & kemahiran	3.6332	.63537
saya berpeluang aplikasi pengetahuan & kemahiran	3.5946	.60499
saya terlibat aktif dlm PdPc	3.5058	.66688
saya berjaya beri respon	3.5367	.63000
kerja kursus & soalan cabar minda	3.6680	.60823
BBM berjaya tarik minat saya	3.5598	.69277
pensyarah semak ujian/kuiz	3.6718	.60714
pensyarah berwatak positif	3.7027	.62291
saya belajar dlm suasana selamat & bersih	3.8031	.45306
purata	3.6270	

Merujuk kepada Jadual 2 diatas, Aspek *Saya belajar dalam suasana selamat dan bersih* telah mencatatkan min yang tertinggi sekali (3.8031). Ini diikuti dengan aspek *Pensyarah berwatak positif* (3.7027) dan diikuti aspek *Pensyarah semak ujian/kuiz* (3.6718). Seterusnya, aspek kursus dan soalan cabar minda mencatatkan min yang juga tinggi (3.6680). Dapat disimpulkan jadual diatas, bahawa para pensyarah yang mengikuti kursus andragogi/KIPA juga telah dapat menunjukkan komitmen dan stail pengajaran yang positif pada pandangan para pelajar masing-masing. Aspek-aspek lain juga turut mencatatkan min yang tinggi yang lebih dari 3.5000.

## **Objektif 3 : Mengenalpasti perbezaan yang signifikan keberkesanan pengajaran antara pensyarah yang mempunyai perbezaan kelayakan**

Jadual 3  
T test

	t	df	Sig. (2-tailed)
keberkesanan pengajaran antara pensyarah yang mempunyai perbezaan kelayakan.	1.638	38	.110

Level of significance  $p=0.05$

### **Tidak terdapat perbezaan keberkesanan pengajaran antara pensyarah yang mempunyai perbezaan kelayakan diterima ( $p>0.05$ )**

Justeru, berdasarkan kepada keputusan dari kedua-dua jadual 1 dan 2 serta T test diatas, dapat dibuat kesimpulan bahawa walaupun di Kolej Komuniti Jasin ada dua kumpulan pensyarah yang mengikuti kursus ikhtisas pendidikan dan andragogi, namun mereka tetap dapat melaksanakan tugas PdPc serta tugas akademik yang lain dengan baik, berkesan dan boleh diharapkan. Walaupun ada perbezaan dari segi tempoh masa kursus, kandungan dan pendekatan kursus, ia bukanlah penghalang untuk kedua-dua kumpulan pendidik tersebut untuk terus menabur khidmat dan bakti mereka dengan profesional dan komitmen yang tinggi (Hafidah, 2001). Namun demikian, sebagai pelan jangka panjang dalam aspek pembangunan sumber manusia, pihak pengurusan boleh mencadangkan kursus dan bengkel yang dapat meningkatkan lagi kemahiran mengajar para pensyarahnya.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat beberapa isu yang boleh dibincangkan iaitu:

### **Pendedahan kepada bidang andragogi secara sistematik dan berterusan**

Berdasarkan maklumbalas responden dalam kajian ini, didapati bahawa lebih dari 95% responden berpuashati dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh kedua-dua kumpulan pensyarah mereka. Para responden berpuashati dengan reaksi pensyarah untuk membantu dan memberi panduan kepada mereka apabila para pelajar menghadapi masalah dalam pelajaran mereka. Ini memberi isyarat kepada kita bahawa pendedahan yang sistematik dan secara berterusan adalah sangat mustahak untuk membantu para pensyarah memahami tingkahlaku, keperluan dan maklumbalas para pelajar mereka dalam mengikuti sesuatu pelajaran (Ozuah, 2016). Dengan adanya bimbingan dan panduan dalam bentuk bengkel, kuliah, ceramah atau simposium yang berkaitan isu-isu terkini andragogi, ia akan dapat membantu para pensyarah bagi meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap psikologi dan motivasi golongan pelajar dewasa ini.

### **Memahami dan menghayati peranan seorang pendidik yang berlatar belakang andragogi**

Dalam usaha untuk menjadi seorang pendidik yang efektif dan berwibawa (Knowles, 1980; Mustafa Helmi 2004 ; Mubarak 1988), seseorang pensyarah atau guru itu perlu mengetahui peranan-peranan berikut :

- I. Pendidik perlu menerima setiap orang pelajarinya sebagai seorang yang berharga dan menghormati perasaan serta ideanya.
- II. Pendidik perlu berusaha membina hubungan saling mempercayai antara satu sama lain sama ada secara individu atau dalam kumpulan.
- III. Pendidik harus bersedia membimbing dan membantu pelajar segi idea dan komen yang bernas dalam setiap aktiviti pembelajarannya seperti kerja berkumpulan, sumbangsaran, projek dan sebagainya (Norzaini, 2009). Idea dan komen yang dikongsikan itu boleh memberi pilihan kepada pelajar dalam menyelesaikan masalah pembelajarannya.
- IV. Pendidik membantu para pelajar menggunakan pengalaman pelajar itu sendiri dalam pembelajaran baharu. Ini menjadikan proses pembelajaran tersebut lebih berkesan dan bermakna diri pelajar berkenaan (Knowles, 1980).

## **Fungsi pensyarah atau guru sebagai fasilitator dalam proses pembelajaran orang dewasa**

Hasil kajian diatas juga mendapati bahawa walaupun beza utama antara pensyarah yang mengikuti kursus andragogi dan yang mengikuti latihan ikhtisas adalah dari segi tempoh masa kursus yang dilalui, namun kedua-dua kumpulan tersebut dapat memahami fungsi mereka sebagai seorang fasilitator. Buktinya, kedua-dua kumpulan tersebut mendapat skor yang tinggi dalam aspek meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pensyarah. Ini menunjukkan kepada kita bahawa dengan adanya kursus andragogi atau ikhtisas ini, ia boleh membantu seseorang pensyarah memainkan peranan sebagai seorang fasilitator yang baik kepada para pelajarnya. Dalam konteks pendidikan, fungsi utama seseorang fasilitator adalah membimbing dan memudah cara sebarang aktiviti pembelajaran yang dilalui oleh seseorang pelajar (Taylor, 2006). Selain itu, antara beberapa lagi fungsi fasilitator iaitu :

1. Menggerak dan membimbing aktiviti dalam kelompok pelajar
2. Menggalakkan perbincangan dan komunikasi antara individu serta kumpulan
3. Merangsang minat dan bakat pelajar dari semasa ke semasa
4. Bertindak sebagai "*role model*" kepada sikap dan tingkah laku yang positif serta beradab

## **Komunikasi dua hala sebagai elemen yang sangat penting dalam bidang andragogi**

Antara komponen-komponen yang ditekankan dalam aspek-aspek diatas adalah berkait rapat dengan faktor komunikasi dua hala. Ini menjelaskan kepada kita bahawa antara proses yang paling mustahak dalam konsep pendidikan adalah berkaitan komunikasi. Kadir dan Husin (2004), menjelaskan bahawa komunikasi dua hala antara pendidik dan pelajar sangat penting kerana ia adalah suatu proses pemindahan dan perkongsian maklumat serta idea dari satu pihak kepada pihak yang lain. Dalam aktiviti pembelajaran, kerjasama dan saling hormat-menghormati antara sesama pelajar, mahupun antara pelajar dan pendidik perlu ada (Ab. Halim Tamuri, et al. 2004). Dalam hal ini, pendidik dan pelajar berpeluang bertukar-tukar idea serta pandangan dalam pelbagai perkara yang mereka pelajari sama ada dalam mahupun di luar kelas.

## **KESIMPULAN**

Sebagai rumusan dari hasil analisa kajian dan perbincangan diatas, mendapati bahawa bidang andragogi sememangnya wajar dijadikan sebagai satu kursus pendedahan wajib kepada bakal-bakal pensyarah dan guru yang akan mengajar pelajar dewasa di institusi masing-masing. Ini kerana bidang andragogi sangat membantu dan boleh menjadi panduan berguna kepada mereka untuk mengajar sekaligus mengawal serta mengendalikan kelas dengan cekap dan berkesan. Dengan adanya bimbingan serta panduan dari pensyarah-pensyarah berpengalaman dalam bidang andragogi dan berpengalaman dalam aspek pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), ia mampu memberikan kekuatan mental dan motivasi kepada pensyarah dan guru baharu ini untuk menguruskan para pelajar dewasa mereka dengan bijaksana dan cemerlang.

Walaupun bagaimanapun, impak dari pelaksanaan kursus andragogi ini tidak boleh dilihat atau diukur dalam tempoh singkat. Ia perlu dilihat dan dinilai dalam tempoh jangka masa panjang serta dalam konteks pendidikan yang lebih luas. Selain itu, kurikulum, pendekatan serta teknologi bidang andragogi juga seharusnya sesuai dengan perkembangan teknologi semasa pada hari ini. Dalam konteks latihan pensyarah atau guru di Malaysia, kursus andragogi atau latihan ikhtisas keguruan jelas mempunyai fungsi yang besar iaitu membimbing para pendidik untuk menjadi fasilitator yang dapat menunjuk ajar pelajar dewasa menyelesaikan simulasi masalahnya dengan cekap dan bijak.

## **RUJUKAN**

Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin dan Zamri Abdul Rahim (2004). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran*

- Pendidikan Islam ke atas Pembangunan diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, UKM dan jab. Pendidikan Islam dan Moral, KPM.
- Dunkin, M. J. & B. J. Biddle (1974). *The Study of Teaching*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Hafidah Mohamed (2001). *Pemikiran Guru Cemerlang : Implikasinya Terhadap Perkembangan Profesionalisme Guru*. Tesis Doktor Falsafah UKM.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Mohd Hamzah (2009). *Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi, UTM.
- Kadir, H.A., Hussin, H. & Saprin, M. (2004). *Teknik Mengajar Dewasa*, Panduan untuk Jurulatih. PTS Publication.
- Knowles, M. (1980). *The Modern Practice of Adult Education*, New York : Cambridge.
- Norzaini Azman (2009). *Pembelajaran Dewasa*, In book : *Panduan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan* (pp. 67-92), PPA UKM.
- Ozuah, P.O (2016). *First, There Was Pedagogy And Then Came Andragogy*. Einstein Journal of Biology and Medicina. <https://doi.org/10.23861/ejbm20052190>
- Paul J. Taylor, Michael P. O' Driscoll & John F. Binning (2006). *A New Integrated Framework For Training Needs Analysis*, University of Waikato, New Zealand.
- Rohayu Roddin, Marina Ibrahim Mukhtar, Ahmad Esa, Sarebah Warman, Maziana Mohamed, Anizam Mohamed Yusof, dan Azmanirah Ab Rahman (2010) *Pendidikan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Wanita Ketua Isi Rumah Luar Bandar*. di: Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA, 2-3 Ogos 2010, Shah Alam.

## **KEBERKESANAN ALAT INOVASI PENUNJUK PULANGAN BAKI WANG (MRW) SEBAGAI PEMUDAHCARA AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MODUL ASAS KEUSAHAWANAN BAGI PELAJAR ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) KATEGORI MASALAH PEMBELAJARAN DI KOLEJ KOMUNITI**

**JAMALIAH SHAFIEE<sup>1</sup>, AAINNA RAHAYU MOHD YUSOF<sup>2</sup>,  
NUR SYAMIMI TAJUDIN<sup>3</sup>**

Kolej Komuniti Raub, 11-19 Taman Amalina Lestari,  
Simpang Kallang, 27600 Raub, Pahang.

<sup>1</sup>jamaliah\_shafiee@yahoo.com, <sup>2</sup>ainnkraub2016@gmail.com,

<sup>3</sup>syamimi\_tajudin@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanan alat inovasi penunjuk pulangan baki wang, MRW (Money Return Wheel) sebagai pemudahcara aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) modul Asas Keusahawanan bagi kegunaan pelajar orang kelainan upaya (OKU) kategori masalah pembelajaran. MRW berfungsi sebagai roda penunjuk pemulangan baki wang terhad kepada jumlah perbelanjaan yang menggunakan wang bernilai sebanyak RM10 sahaja. Sampel kajian ini terdiri daripada 4 orang pelajar OKU kategori masalah pembelajaran dan dibantu oleh seorang pensyarah pembimbing di Kolej Komuniti Raub, Pahang bagi program Sijil Asas Jahitan Kreatif. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui semakan lembaran kerja dan aktiviti amali keusahawanan, soal selidik dan ujian pra. Hasil tinjauan menunjukkan pelajar lemah dalam aktiviti pengiraan jual beli yang melibatkan pemulangan wang baki walaupun dengan bantuan kalkulator. Perancangan tindakan difokuskan kepada penciptaan alat inovasi MRW untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pelajar dalam aspek pemulangan wang baki. Pelajar telah didedahkan dengan aplikasi MRW selama 60 minit setiap hari Rabu dalam satu minggu selama 6 minggu berturut-turut. Keputusan ujian pos yang diperolehi dipersembahkan dalam bentuk jadual perbandingan. Dapatan dianalisis berdasarkan keupayaan ciri-ciri MRW dalam aspek penjimatan kos, penjimatan masa, mudah digunakan, mesra pengguna dan kesannya dalam proses PdP.

Kata kunci: Alat inovasi penunjuk baki wang, MRW, Orang Kelainan Upaya Upaya (OKU), masalah pembelajaran, modul keusahawanan

### **PENGENALAN**

Orang kelainan upaya (OKU) didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat (AKTA OKU 2008). Terdapat pelbagai kategori OKU seperti sindrom down, autisme, hiperaktif, terencat akal minima, bisu, pekak dan kurang upaya dalam pembelajaran.

Menurut Aznan Che Ahmad dan Mohd Zuri Ghani (2011) peserta kajian yang mengalami jenis kesukaran matapelajaran matematik boleh diklasifikasikan sebagai diskalkulia. Diskalkulia merupakan satu jenis ketidakupayaan pembelajaran yang melibatkan matematik seperti pengiraan atau hitungan. Mereka tidak dapat melakukan operasi yang melibatkan angka dan simbol matematik. Golongan ini mengalami kesukaran dalam memahami pengiraan dan hitungan walaupun dengan menggunakan kaedah yang paling mudah.

Pengiraan wang merupakan salah satu daripada kesukaran yang dihadapi oleh golongan ini. Mereka lemah dalam menguasai pengiraan jumlah wang bagi aktiviti melibatkan transaksi jual beli. Implikasinya mereka sukar mendapat tempat dalam sektor pekerjaan dan tidak dapat bersaing untuk lebih giat dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Oleh itu usaha-usaha bagi mengatasi masalah ini hendaklah dilakukan agar mereka dapat dibantu. Dalam konteks ini sekolah dan institusi pengajian adalah merupakan medium yang paling ideal bagi membantu meningkatkan penguasaan pelajar ini dalam pengiraan dan hitungan wang secara lebih praktikal.

Di era Industrial Revolusion 4.0, pelbagai kaedah dan inovasi dapat dibangunkan bagi membantu golongan ini yang boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Justeru itu sebuah alat inovasi penunjuk pulangan baki wang, MRW "*Money Return Wheel*" telah dicipta sebagai alat bantu pemudahcara aktiviti pengajaran dan pembelajaran modul Asas Keusahawanan bagi kegunaan pelajar OKU kategori masalah pembelajaran di Kolej Komuniti Raub. MRW berfungsi sebagai roda penunjuk pemulangan baki wang yang hanya terhad kepada jumlah perbelanjaan wang bernilai RM10.00 sahaja.

Bagi mengenalpasti keberkesanan alat inovasi ini kajian telah dilaksanakan dalam kalangan pelajar tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap keberkesanan MRW dalam meningkatkan penguasaan pelajar bagi aspek mengira wang baki aktiviti jual beli modul Asas Keusahawanan.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Program Sijil Asas Jahitan Kreatif di Kolej Komuniti Raub adalah program yang diwujudkan bagi memberi kemahiran dan pengetahuan dalam bidang jahitan kepada pelajar dari golongan kurang upaya (OKU) kategori masalah pembelajaran (LD). Program ini telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar OKU lepasan Program Pendidikan Khas Integrasi, PPKI sekolah menengah di sekitar bandar Raub. Program ini dilaksanakan selama 4 semester termasuk 1 satu semester latihan industri.

Antara modul-modul yang terdapat dalam program ini adalah seperti modul jahitan langsir, jahitan cadar dan sarung bantal, sulaman dan pembuatan beg tote. Selain daripada modul utama iaitu bidang jahitan, program ini juga menyediakan modul-modul pengajian am seperti Pendidikan Islam, Kokurikulum, Asas Aplikasi Komputer dan Asas Keusahawanan dengan tujuan mengimbangi keperluan program kepada pelajar tersebut.

Program pengajian ini lebih menekankan aktiviti-aktiviti berbentuk kemahiran amali kepada pelajar sebagai persediaan awal mereka sebelum melibatkan diri dalam alam pekerjaan. Latihan secara amali dilihat dapat mengembangkan lagi kebolehan dan keyakinan diri pelajar dalam aspek pengurusan diri dan juga dalam kontak sosial. Melalui pemerhatian didapati para pelajar mudah untuk menyesuaikan diri dan berkeupayaan melakukan aktiviti-aktiviti amali bidang jahitan berbanding modul pengajian am terutamanya modul keusahawanan. Pelajar dilihat mengalami kesulitan dalam aktiviti-aktiviti amali yang melibatkan kemahiran berfikir seperti pengiraan wang.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU**

Modul Asas Keusahawanan (KKW 3072) distrukturkan dalam sukatan kursus sebagai modul yang perlu diperkenalkan atau diajar pada semester 3 bagi program ini. Salah satu daripada silibus modul tersebut adalah topik pemasaran. Topik ini memerlukan pelajar menghasilkan produk dan menjualkannya. Proses-proses yang pasti terlibat dalam topik ini adalah seperti pengiraan harga kos bahan, kos jualan dan keuntungan yang diperolehi. Selain itu juga pelajar perlu menjalani amali keusahawanan di mana pelajar perlu melakukan aktiviti jual beli atau perniagaan disekitar kolej.

Melalui pemerhatian semasa sesi amali perniagaan, didapati pelajar mengalami kesulitan memulang kembali wang baki kepada pelanggan walaupun dibekalkan dengan alat pengiraan kalkulator serta memerlukan penyeliaan pensyarah sepenuhnya semasa melakukan aktiviti ini. Ini merupakan satu cabaran yang besar kepada pensyarah kerana perlu

memberikan perhatian kepada setiap aktiviti jual beli yang dijalankan selain merugikan pelajar kerana tidak dapat menambahkan pengalaman dan kefahaman dalam aspek pemulangan wang baki. Situasi ini pastinya tidak dapat membantu pelajar di alam pekerjaannya nanti.

Selain daripada aktiviti amali jual beli, pelajar juga mempamerkan prestasi yang lemah dan kurang memuaskan ketika sesi PdP berlangsung. Pelajar dilihat kurang memahami asas pengiraan matematik dan memerlukan penyediaan dari pensyarah untuk menyelesaikan soalan-soalan yang melibatkan pengiraan kewangan. Sesi pembelajaran menjadi semakin hambar dan pelajar menunjukkan minat yang kurang terhadap topik yang diajar malah mula mengganggu rakan-rakan yang lain di dalam kelas.

Oleh itu, pelajar ini hendaklah dibantu bagi mengatasi permasalahan tersebut. Menyedari kelemahannya dari awal dan mencari kaedah pemudahcaraan PdP yang bersesuaian akan dapat membantu aktiviti PdP menjadi lebih menarik dan berkesan serta dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar. Untuk itu sebuah alat inovasi telah dicipta bagi mengatasi masalah ini dan diberi nama sebagai Money Return Wheel (MRW).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif bagi kajian ini adalah untuk:

- a. Mengenalpasti tahap keberkesanan MRW kepada responden OKU yang lemah dalam pengiraan baki wang
- b. Meningkatkan kemahiran pelajar dalam aspek menentukan pemulangan wang baki bagi aktiviti jual beli
- c. Mengenalpasti tahap keberkesanan MRW dalam membantu proses PdP berjalan lancar

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini boleh dimanfaatkan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam dunia pendidikan khas di Malaysia seperti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), KPM dan Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK), Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menawarkan pendidikan dan kemahiran kepada pelajar kurang upaya (OKU) sebagai pemudahcara sesi pengajaran dan pembelajaran.

## **REKABENTUK KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan menggunakan Model Stephen Kemmis dan McTaggart (1988). Kemmis dan McTaggart (1988) menjelaskan, bagi sesetengah kumpulan yang sudah merancang tindakan, mereka boleh memulakan langkah pertama seperti mana yang dikemukakan oleh model Lewin (1940s). Walau bagaimanapun, mereka berpendapat bahawa kebanyakan kumpulan akan memulakan peringkat awal refleksi bagi membuat tinjauan awal (initial reconnaissance) terhadap sesuatu situasi sebagai asas untuk merancang dan bertindak serta memerhati keberkesanan perancangan.

Model ini mengandungi 4 peringkat iaitu refleksi, perancangan, tindakan dan pemerhatian.

### **i. Refleksi:**

Bagi kajian ini proses kajian bermula dengan menjalankan refleksi terhadap penguasaan responden dalam kemahiran pengiraan wang terutamanya pemulangan wang baki semasa sesi pembelajaran dilaksanakan.

### **ii. Perancangan:**

Pada peringkat perancangan bagi menambahbaik terhadap isu hasil dari sesi refleksi, satu alat inovasi telah dicipta iaitu Money Returned Wheel (MRW).



iii. Tindakan:

Latihan psikomotor telah diberikan kepada responden diperingkat tindakan bertujuan meningkatkan kefahaman responden tentang applikasi MRW.

iv. Pemerhatian:

Pada peringkat pemerhatian kajian atau penilaian terhadap penggunaan MRW oleh responden semasa sesi pembelajaran telah dilakukan bagi menilai tahap keberkesanannya.

Dapatan daripada kajian ini dianalisis bagi menilai sejauh mana isu dari refleksi dapat diatasi serta sehingga dapat menyelesaikan masalah pengiraan wang baki dalam kalangan pelajar orang kurang upaya (OKU) di Kolej Komuniti Raub bagi program Sijil Asas Jahitan Kreatif.

## **SAMPEL KAJIAN**

Responden-responden bagi kajian ini terdiri dari pelajar-pelajar orang kelainan upaya (OKU) kategori masalah pembelajaran (LD) di Kolej Komuniti Raub bagi program Sijil Asas Jahitan Kreatif. Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 4 orang pelajar dan dibantu oleh seorang pensyarah pembimbing. Pelajar yang terlibat terdiri daripada 3 orang pelajar perempuan dan seorang pelajar lelaki. Responden terdiri daripada pelajar yang berumur diantara 19 tahun hingga 25 tahun.

## **PERLAKSANAAN KAJIAN**

### **Tinjauan Masalah**

Bagi mengenalpasti masalah sebenar yang dialami pelajar, beberapa langkah tinjauan masalah telah dilakukan. Antara langkah tersebut ialah melalui semakan lembaran kerja dan aktiviti amali keusahawanan, soal selidik dan ujian pra serta ujian pos.

a. Semakan Lembaran Kerja dan Aktiviti Amali Keusahawanan

Melalui semakan lembaran kerja pengiraan wang, dapati pelajar masih lemah menguasainya terutama dalam operasi penolakan (wang baki) walaupun dengan bantuan alat pengiraan kalkulator. Permasalahan yang sama juga berlaku ketika aktiviti amali keusahawanan dijalankan.

b. Soal selidik

Borang soal selidik digunakan untuk mengetahui informasi yang berkaitan dengan ketidakfahaman atau penguasaan pelajar untuk topik pengiraan wang. Borang ini diisi oleh pelajar-pelajar dengan cara menjawab 'Ya' atau 'Tidak'.

c. Ujian Pra dan Ujian Pos

Ujian merupakan salah satu item yang boleh mengukur dan mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam pemahaman berkaitan sesuatu tajuk yang dipelajari. Justeru, penggunaan instrumen ujian pra dan ujian pos bagi mengukur tahap pencapaian murid berkaitan pemahaman mengembalikan wang baki telah digunakan. Tujuan ujian pra adalah untuk mengenal pasti dan menentukan tahap kefahaman pelajar sebelum penggunaan alat inovasi MRW. Manakala ujian pos dilaksanakan kepada pelajar selepas menggunakan pendekatan MRW bagi mengetahui keberkesanan pelajar dalam aspek mengembalikan wang baki dalam julat pengiraan wang terhad kepada RM10.

### **Analisis tinjauan masalah**

a. Semakan Lembaran Kerja dan Aktiviti Amali Keusahawanan

Daripada semakan lembaran kerja yang dilaksanakan semasa dan selepas proses PdP di dalam kelas, didapati faktor utama kelemahan yang didapati adalah pelajar tidak memahami proses asas matematik seperti tambah, darab, tolak dan bahagi. Kebiasaannya

pelajar yang mengalami masalah ini dikenali sebagai kategori diskalkulia. Oleh itu penggunaan kalkulator tidak dapat membantu menyelesaikan permasalahan ini. Selain itu pelajar juga lemah dalam menggunakan titik perpuluhan yang dirujuk sebagai nilai sen (puluh sen). Pergerakan psikomotor yang lemah juga mengganggu pelajar untuk menekan butang nombor yang terdapat pada kalkulator dengan baik dan kesannya jawapan yang diperolehi tidak tepat.

Di samping itu juga, pengiraan operasi tolak menggunakan kaedah bentuk lazim juga tidak membantu pelajar. Lebih-lebih lagi operasi yang melibatkan jumlah yang mengandungi nilai sen (puluh sen). Ini adalah kerana pelajar tidak mahir menyusun kedudukan baris dalam bentuk kaedah lazim mengikut titik perpuluhan menjadikan kaedah ini dianggap sukar untuk diaplikasikan. Kaedah ini juga memerlukan proses pinjaman nombor dari nilai yang bersebelahan sekiranya nombor yang ingin ditolak itu lebih besar yang mana ianya menjadikan kaedah ini kelihatan sangat kompleks kepada pelajar orang kelainan upaya (OKU) kategori masalah pembelajaran. Sesetengah pelajar dilihat keliru untuk menetapkan nilai pada baris yang perlu menolak dan ditolak. Kesilapan menetapkan nilai pada baris yang betul akan menyebabkan kekeliruan kepada pelajar kerana nilai yang kecil tidak dapat menolak nilai yang besar.

Bagi sesi amali keusahawanan pula, pelajar didapati memerlukan penyeliaan pensyarah sepenuhnya bagi proses pemulangan wang baki. Perjalanan sesi jual beli menjadi perlahan. Situasi ini akan memberi kesan tidak baik ke atas hasil jualan kerana pelanggan akan menunggu lama bagi mendapatkan pulangan wang. Ia juga akan memberi pengaruh yang besar ke atas markah penilaian pelajar itu sendiri.

b. Soal Selidik

Jadual 1 berikut adalah dapatan daripada soal selidik yang telah dijalankan:

Jadual 1

Soal selidik kefahaman pelajar terhadap kaedah pengiraan pemulangan wang baki


No	Kefahaman responden	Responden	
		Ya	Tidak
1.	Adakah anda faham cara pengiraan wang baki?	2	2
2.	Adakah anda faham cara pengiraan wang baki tanpa melibatkan sen (puluh sen) dan terhad kepada jumlah hanya wang RM10 sahaja?	2	2
3.	Adakah anda faham cara pengiraan wang baki melibatkan sen (puluh sen) dan terhad kepada jumlah hanya wang RM10 sahaja?	0	4
4.	Adakah anda merasakan pengiraan wang baki yang melibatkan nilai sen (puluh sen) adalah sangat rumit?	0	4
5.	Saya sering kali mendapat markah yang cemerlang bagi lembaran kerja yang melibatkan pengiraan wang	0	4
6.	Saya suka belajar modul keusahawanan	0	4

Daripada jadual 1 di atas didapati kesemua responden tidak memahami cara pengiraan wang yang melibatkan nilai sen (puluh sen) tidak melebihi nilai RM10, merasakan pengiraan tersebut sangat rumit, tidak mendapat markah yang cemerlang dalam lembaran kerja yang melibatkan pengiraan wang dan tidak suka mempelajari modul keusahawanan.

Manakala 50% responden faham cara pengiraan wang baki tanpa melibatkan nilai sen (puluh sen) dan dibawah jumlah RM10.

c. Ujian pra

Ujian pra dilaksanakan kepada responden untuk mengesan kemahiran pengiraan wang. Ujian ini mengandungi 10 soalan pengiraan wang yang melibatkan soalan-soalan berkaitan wang. 2 soalan adalah berbentuk pengiraan wang baki tanpa melibatkan nilai sen (puluh sen) tidak melebihi RM10. Manakala 8 soalan pula berbentuk pengiraan wang baki yang melibatkan nilai sen (puluh sen) yang tidak melebihi RM10. Masa yang diperuntukan bagi responden untuk melengkapkan soalan adalah 1 jam namun tempoh masa responden menyiapkan soalan direkodkan. Jumlah markah keseluruhan bagi soalan ini adalah 10 markah. Skor pencapaian yang diperolehi responden bagi ujian ini adalah seperti graf berikut:



Graf 1. Skor pencapaian responden dalam ujian pra

Data menunjukkan markah tertinggi yang dicapai responden adalah 2 markah dari jumlah keseluruhan 10 markah iaitu seramai 2 orang responden, R1 dan R2. Markah yang diperolehi oleh responden ini adalah bagi soalan berkaitan pengiraan wang baki tanpa melibatkan nilai sen (puluh sen) tidak melebihi RM10 sahaja. Manakala 2 responden lagi, R3 dan R4 mencapai 0 markah bagi ujian yang dijalankan. Pencapaian keseluruhan menunjukkan responden tidak menguasai topik pengiraan wang baki. Kesemua responden juga menggunakan masa yang diperuntukan selama 1 jam bagi melengkapkan ujian yang diberi.

## PELAKSANAAN TINDAKAN

Alat inovasi MRW telah dibangunkan bagi mengatasi masalah pengiraan wang baki dalam kalangan pelajar kelainan upaya (OKU) di Kolej Komuniti Raub. Penggunaan alat inovasi MRW telah dilaksanakan dalam sesi PdP modul Asas Keusahawanan dalam beberapa sesi pembelajaran bagi membantu meningkatkan kefahaman pelajar mengira pemulangan wang baki. Pada awal pengenalannya, pelajar terlebih dahulu diberikan penerangan cara penggunaan diikuti dengan latihan-latihan yang lebih kerap agar pelajar mahir dalam penggunaannya. Antara yang ditekankan adalah berkenaan pemilihan senganan wang yang betul pada carta MRW. Senganan yang perlu dipilih dan dilaraskan dengan tepat adalah senganan pada nilai wang belanja supaya penunjuk wang baki dapat menunjukkan nilai yang betul. Dua aktiviti utama dilaksanakan kepada para pelajar iaitu pertama aktiviti

pementoran atau aktiviti bimbingan dan kedua aktiviti sendiri pelajar (pelajar melaksana aktiviti dan menggunakan alat MRW sendiri tanpa bantuan guru).

Aktiviti pertama ialah aktiviti pementoran atau bimbingan daripada pensyarah sehingga pelajar faham dan menguasai penggunaan alat MRW. Pada sesi ini, setiap aktiviti dan penilaian yang melibatkan penggunaan MRW akan diselia sepenuhnya oleh pensyarah, sehingga pelajar benar-benar mahir menggunakannya sendiri.

Pada Aktiviti yang kedua pensyarah telah memberi latihan kepada pelajar dengan bentuk soalan dan bahan rangsangan yang berbeza. Kemudian pelajar dikehendaki menjawab latihan pengiraan wang baki tanpa pementoran atau bimbingan pensyarah. Bentuk soalan yang diberikan kepada pelajar adalah seperti aktiviti latihan menerusi soalan dan lembaran kerja.


Aktiviti ini telah dijalankan selama 6 minggu berturut-turut iaitu 60 minit pada setiap hari Rabu. Ianya dilaksanakan pada jam terawal waktu modul Asas Keusahawanan, di mana jam yang diperuntukan bagi modul ini telah distrukturkan kepada 4 jam setiap hari Rabu.

## DAPATAN KAJIAN

### a. Ujian Pos

Ujian pos telah diberikan kepada responden untuk mengesan sejauh mana keberkesanan MRW bagi aktiviti pengiraan wang baki. Soalan yang sama digunakan kembali dalam ujian pos iaitu 2 soalan berbentuk pengiraan wang baki tanpa melibatkan nilai sen (puluh sen) dan 8 soalan pengiraan wang baki yang melibatkan nilai sen (puluh sen) tidak melebihi RM10. Masa yang ditetapkan bagi melengkapkan ujian juga 1 jam namun tempoh masa responden menyiapkan soalan direkodkan sebagai perbandingan masa dengan ujian pra.


Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Microsoft Excel dan dipersembahkan dalam bentuk graf. Data tersebut adalah dapatan skor pencapaian pelajar dalam ujian pos berbanding dengan ujian pra. Manakala dapatan kedua pula adalah dari aspek penjimatan masa yang diambil untuk menyelesaikan ujian pos berbanding ujian pra.



Graf 2. Skor pencapaian responden dalam ujian pra dan pos

Carta 2 menunjukkan perbandingan markah ujian pra dan ujian pos bagi keempat-empat responden R1, R2, R3 dan R4. Kesemua responden menunjukkan peningkatan dalam pencapaian bagi ujian pos berbanding ujian pra. Peningkatan tertinggi pencapaian adalah

sebanyak 10 markah bersamaan 100% peningkatan bagi responden R3 dan R4. Manakala peningkatan terendah pencapaian bagi ujian pos adalah 8 markah iaitu bersamaan 80% bagi responden R1 dan R2. Perbezaan bagi peratus peningkatan tertinggi pencapaian dan terendah adalah sebanyak 20%. Jika ujian pra menunjukkan pelajar tidak menguasai pengiraan wang baki, ujian pos pula menunjukkan peningkatan yang tinggi responden dalam menguasai pengiraan wang baki menggunakan alat inovasi MRW.



Graf 3. Skor pencapaian masa responden menyiapkan ujian pra dan pos

Graf 3 menunjukkan perbandingan skor masa responden yang diambil bagi melengkapkan ujian pra dan pos bagi responden R1, R2, R3 dan R4. Kesemua responden menunjukkan pengurangan masa bagi melengkapkan ujian pos berbanding ujian pra. Masa yang diambil untuk melengkapkan ujian pos adalah dibawah 20 minit dengan catatan terpanjang 10 minit. Perbezaan masa bagi catatan terpanjang bagi ujian pra dan pos adalah 50 minit sementara 40 minit bagi catatan masa terendah.

b. Soal selidik

Berikut adalah dapatan daripada soal selidik yang telah dijalankan selepas penggunaan MRW:

Jadual 2

Soal selidik berkaitan ciri-ciri MRW

No	Kriteria	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Adakah produk ini selamat untuk digunakan?	100.0	0.0
2.	Adakah produk ini mesra dan mudah digunakan?	80.0	20.0
3.	Adakah rekabentuk produk ini menarik?	80.0	20.0
4.	Adakah ia menjimatkan masa?	100.0	0.0
5.	Adakah anda pernah menggunakan produk seperti ini?	0.0	100.0
6.	Anda akan mencadangkan kepada rakan yang lain?	100.0	0.0
7.	Adakah warna produk menarik?	60.0	40.0

Berdasarkan soal selidik responden terhadap kriteria MRW didapati produk ini adalah selamat, mesra pengguna, mempunyai rekabentuk dan warna yang menarik, menjimatkan masa dan akan mencadangkan produk ini kepada rakan yang lain. Responden juga menyatakan tidak pernah menggunakan produk sebegini sebelum ini dalam aktiviti pengiraan wang baki.

## **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

Kajian ini telah memenuhi objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan dengan penggunaan alat inovasi MRW pelajar OKU dapat memulangkan wang baki dengan tepat dan cepat tanpa perlu proses pengiraan. Pelajar hanya perlu melaraskan sengan nilai wang yang dibeli oleh pelanggan dan melihat penanda bagi jumlah baki wang untuk dipulangkan. Produk yang mesra pengguna ini juga diperbuat dengan kos yang rendah, mudah untuk dibawa, sangat praktikal dan warna yang menarik serta aplikasinya boleh diperluaskan dalam kehidupan harian. Penciptaan MRW telah memberi impak yang positif kepada pelajar kerana pelajar lebih yakin untuk urusan jual beli selain meningkatkan minat mereka dalam bidang keusahawanan. Sementara itu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi semakin menarik dan berkesan.

Kajian ke atas keberkesanan alat ini sebagai pemudahcara kepada pelajar OKU dalam sesi pengajaran dan pembelajaran juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk mengembangkan lagi fungsi MRW kepada penggunaan wang melebihi RM10. Ini akan dapat membantu pelajar OKU untuk lebih yakin dan berani berhadapan dengan cabaran alam pekerjaan dan juga masyarakat dalam urusan jual beli selepas menamatkan pengajian di kolej. Adalah diharapkan dengan penciptaan alat inovasi ini menjadi titik mula kepada lahirnya lebih ramai lagi usahawan-usahawan dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU) dimasa hadapan.

## **RUJUKAN**

- Ting Len Siong, Ahmad Shabry, Ting Hun yeong (2013). Penyelidikan Tindakan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur. Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad (2011). Kaedah Dan Strategi Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas MPH. Distributor Sdn Bhd.
- Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad (2011). Pengantar Pendidikan Khas Pulau Pinang. MPH Distributor Sdn Bhd.
- Hairul Azwan (2013) Kajian Tindakan Diskalkulia. Dicapai pada 2 Januari 2020 [https://www.academia.edu/12579782/Kajian\\_Tindakan-\\_Diskalkulia](https://www.academia.edu/12579782/Kajian_Tindakan-_Diskalkulia)
- Learning Disabilities Association of America, Learning Disabilities Definition. Dicapai pada 25 Disember 2019 <https://ldaamerica.org/advocacy/lda-position-papers/what-are-learning-disabilities/>
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Definisi Orang Kurang Upaya dan Kategori OKU. Dicapai pada 25 Disember 2019 <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHNPbUIPayt2QT0>
- Jurnal Penyelidikan Malaysia. Dicapai pada @ Januari 2020. [https://www.academia.edu/8939018/Jurnal\\_PENYELIDIKAN\\_PENDIDIKAN\\_2009\\_2010](https://www.academia.edu/8939018/Jurnal_PENYELIDIKAN_PENDIDIKAN_2009_2010)

## PERMAINAN DAM DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENAMBAH LINGKUNGAN SATU HINGGA SEPULUH MURID PEMULIHAN TAHUN DUA

**FILZA SYAZANI ZAIRI<sup>1</sup>, TAN LAY YEN<sup>2</sup>**

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
<sup>1</sup>filzajai28@gmail.com, <sup>2</sup>tanlyyn@yahoo.com.my

### ABSTRAK

Operasi tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh penting sebagai persediaan murid – murid pemulihan sebelum mempelajari operasi asas yang lebih mencabar. Kajian tindakan ini dijalankan ke atas dua orang murid pemulihan Tahun 2 berpandukan model Kurt Lewin. Pengumpulan data dilakukan melalui ujian sebelum dan selepas, pemerhatian berstruktur dan temubual manakala data dianalisis dengan mengira peratusan, kekerapan dan mentranskrip temubual. Keputusan kajian ditentukan dengan menggunakan kaedah triangulasi. Dapatan kajian menunjukkan permainan dam berjaya membantu meningkatkan kefahaman dan menggalakkan minat peserta kajian dalam operasi tambah lingkungan satu hingga sepuluh. Selain itu, pembelajaran yang berunsurkan permainan dapat mengembangkan koordinasi mata dan tangan serta pergerakan motor kasar peserta kajian. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan membina dan menggunakan perisian berbentuk digital. Seterusnya, pengubahsuaian juga boleh dibuat dengan membina set permainan dam dengan menggunakan bahan kitar semula.

*Kata kunci : Operasi tambah lingkungan satu hingga sepuluh, permainan dam, model Kurt Lewin*

### ABSTRACT

*Addition operation in the range of one to ten is important for the preparation of remedial students before learning more challenging basic operations. This action research was conducted on two Year 2 remedial students based on Kurt Lewin's model. Data collection was carried out through before and after test, structured observation and interviews while data were analyzed by calculating percentage, frequency and transcribing interviews. The results of the study were determined using the triangulation method. The findings show that checkers game has helped to improve their understanding and encourage the interest of research participants in the learning of the topic. In addition, game-based learning can develop eye and hand coordination and gross motor movement of study participants. Further research can be done by constructing and using digital software. Furthermore, modifications can also be made by constructing a set of checkers game using recycled materials.*

*Keywords : Addition operation in the range of one to ten, checkers game, Kurt Lewin's model*

### PENGENALAN

Pada bulan Julai hingga September tahun 2017, saya telah menjalankan praktikum di sebuah sekolah di daerah Miri, Sarawak. Saya telah ditugaskan untuk mengajar subjek major iaitu Pendidikan Pemulihan dan subjek elektif iaitu Bahasa Melayu. Semasa menjalani praktikum, saya menggunakan pelbagai kaedah dan bahan untuk mengajar murid pemulihan.

Walaupun usaha tersebut dilaksanakan, murid dalam kelas saya masih mengalami pelbagai masalah menguasai subjek Matematik Pendidikan Pemulihan. Antara masalah murid yang paling ketara diperhatikan ialah kemahiran operasi asas penambahan dalam lingkungan satu hingga sepuluh. Mereka hanya dapat melaksanakan operasi ini dengan bimbingan penuh oleh saya. Seperkara lagi, saya dapati murid juga kurang berminat dengan aktiviti Matematik. Sering kali mereka menunggu jawapan daripada guru atau menyalin jawapan daripada kawan walaupun jawapannya salah. Berdasarkan kesedaran di atas, maka saya menggunakan kaedah permainan dengan bahan maujud untuk membantu murid mempelajari operasi tambah.

## **FOKUS KAJIAN**

Dapatan awal daripada analisis dokumen menunjukkan beberapa data yang menyokong keperluan untuk melaksanakan kajian tindakan. Dalam dokumen data peribadi, murid menunjukkan pencapaian dalam subjek Matematik yang kurang memuaskan. Seterusnya, hasil semakan rekod prestasi pula menunjukkan mereka masih belum dapat melepasi topik operasi asas penambahan dalam lingkungan satu hingga sepuluh kerana masih belum dapat memahami konsep asas operasi tersebut. Di samping itu, terdapat juga beberapa hasil kerja menunjukkan beberapa kesalahan dalam melaksanakan operasi.

Dapatan awal daripada pemerhatian menunjukkan beberapa kelemahan penguasaan murid dalam operasi asas penambahan lingkungan satu hingga sepuluh. Antara elemen dalam data pemerhatian ialah fokus murid semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), respons murid jika ditanya dan hasil kerja murid yang berlaku semasa PdPc. Dalam aspek fokus murid, murid kurang memberi perhatian semasa sesi PdPc di mana murid banyak termenung dan terkejut jika ditanya oleh guru secara tiba – tiba. Selain itu, murid juga memberikan respons seperti menggaru kepala, tersengih – sengih dan hanya berdiam diri ketika ditanya. Kemudian, hasil kerja murid pula menunjukkan murid belum dapat menjawab soalan operasi asas penambahan yang ditunjukkan guru di hadapan kelas. Murid memerlukan bimbingan guru sepenuhnya untuk menyiapkan tugas tersebut dengan betul dan masih belum dapat melaksanakannya secara sendiri.

Berdasarkan fokus kajian, saya menggunakan permainan dalam bentuk dam untuk membantu murid menguasai kemahiran tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan untuk membantu:

1. Meningkatkan kefahaman peserta kajian tentang konsep asas operasi tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh dengan menggunakan permainan dam.
2. Meningkatkan minat peserta kajian terhadap pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh dengan menggunakan permainan dam.

Selari dengan objektif di atas, kajian ini dilaksanakan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut:

1. Adakah penggunaan permainan dam mampu meningkatkan kefahaman peserta kajian tentang konsep asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh?
2. Adakah penggunaan permainan dam mampu membantu peserta kajian untuk berminat dalam pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh?

## **PESERTA KAJIAN**

Kajian ini dijalankan terhadap dua orang murid pendidikan pemulihan dan melibatkan subjek Matematik. Antara ciri – ciri peserta kajian yang terlibat adalah seperti berikut:



Jadual 1

Keterangan peserta kajian terlibat

Bil.	Murid	Keterangan
1	A	<ul style="list-style-type: none"><li>• Prestasi dalam subjek Matematik agak sederhana.</li><li>• Pasif dan seolah – olah berada dalam dunianya sendiri.</li><li>• Berkebolehan untuk menyiapkan tugas Matematik dengan bimbingan guru.</li><li>• Penguasaan dalam subjek Matematik ialah sudah mengenal nombor dan dapat melaksanakan operasi tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh dengan bimbingan guru.</li></ul>
2	B	<ul style="list-style-type: none"><li>• Prestasi dalam subjek Matematik lemah.</li><li>• Agak petah bercakap dan kadang kala suka mengganggu rakan semasa membuat tugas.</li><li>• Berkebolehan untuk menyiapkan tugas Matematik dengan bimbingan guru.</li><li>• Penguasaan dalam subjek Matematik ialah sudah mengenal nombor namun sukar menyiapkan tugas Matematik walaupun dengan bimbingan guru.</li></ul>

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Permainan dam dimainkan berdasarkan peraturannya iaitu:

- Setiap buah dam cuma boleh bergerak satu petak secara pepenjuru, sama ada ke kiri atau ke kanan, sekiranya petak tersebut masih kosong.
- Haji (buah dam yang telah sampai ke hujung papan sebelah lawan) bergerak dengan cara yang sama, tetapi boleh pergi seberapa banyak petak yang dikehendaki.

Peserta kajian perlu mengira buah dam yang dimakan daripada pihak lawan. Khususnya, peserta kajian dikehendaki menyatakan operasi yang terlibat seterusnya mengira jumlah nombor yang terlibat apabila memasukkan buah dam yang telah dimakan ke dalam bakul. Langkah ini dijalankan setiap kali buah dam peserta kajian makan buah dam pihak lawannya.

### Kitaran Pertama

Berdasarkan model Kurt Lewin (1946), saya merancang kaedah – kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dalam aspek kefahaman dan minat murid terhadap operasi asas penambahan dalam lingkungan satu hingga sepuluh agar dapat menjawab persoalan kajian. Kaedah mengumpul data adalah seperti berikut:

#### Ujian Sebelum dan Selepas

- Ujian ini dijalankan sebanyak tiga kali dalam satu kitaran setiap kali saya melaksanakan aktiviti dengan permainan dam dalam masa PdPc Matematik operasi asas penambahan lingkungan satu hingga sepuluh.
- Ujian ini dijalankan bagi mengetahui tahap kefahaman peserta kajian tentang konsep asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh.
- Saya menyediakan sepuluh soalan penambahan dalam lingkungan satu hingga sepuluh.
- Borang pemarkahan disediakan bagi merekod markah setiap ujian.

#### Pemerhatian Berstruktur

- Pemerhatian terhadap tingkah laku peserta kajian dilaksanakan setiap kali aktiviti dilaksanakan.

- Saya menyediakan senarai semak untuk merekod kekerapan tentang tingkah laku peserta kajian.
- Pemerhatian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan kefahaman dan minat peserta kajian dalam pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh.
- Pemerhatian awal dilaksanakan sebelum aktiviti sementara pemerhatian seterusnya dilaksanakan setiap kali aktiviti dilaksanakan.

#### Temubual

- Data kajian diperolehi secara langsung daripada peserta kajian melalui temubual selepas selesai aktiviti.
- Kebenaran peserta kajian didapatkan terlebih dahulu sebelum sesi temubual dijalankan.
- Sesi temu bual dijalankan di bilik Pemulihan supaya peserta kajian tidak janggal dengan persekitaran yang ramai.
- Sesi temubual ini bertujuan untuk menjawab persoalan mengenai kefahaman dan minat peserta kajian dalam pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh.
- Saya telah menyediakan soalan temubual dan borang persetujuan untuk sesi temubual.

Seterusnya, saya menentukan cara menganalisis dapatan data. Analisis data dibuat ke atas data yang telah dikumpulkan dan mereflek sejauh manakah keberkesanan aktiviti yang dijalankan terhadap peserta kajian.

Data yang dikumpul dengan kaedah ujian sebelum dan selepas dianalisis dengan cara membandingkan dapatan data sebelum dan selepas aktiviti dilaksanakan. Saya menghitung bilangan soalan ujian yang dijawab dengan betul. Kemudian, saya mengira peratus skor menggunakan formula  $\frac{a}{10} \times 100$ , a = skor peserta kajian. Peratusan ujian dimasukkan ke dalam jadual bagi memudahkan saya membuat perbandingan. Dapatan kajian disampaikan dalam bentuk graf bagi menunjukkan perbandingan ujian sebelum dan selepas secara lebih jelas. Sekiranya terdapat peningkatan peratus peserta antara ujian sebelum dan ujian selepas, maka aktiviti yang dilaksanakan ditafsirkan sebagai berjaya menjawab persoalan penggunaan permainan dam mampu meningkatkan kefahaman peserta kajian dalam operasi tambah lingkungan satu hingga sepuluh.

Analisis data pemerhatian dilaksanakan dengan meneliti tingkah laku peserta kajian sebelum dan selepas aktiviti dijalankan. Dalam hal ini, saya mengira kekerapan tingkah laku peserta kajian bagi sesuatu item pemerhatian. Seterusnya, saya mengira perbezaan kekerapan tingkah laku sebelum dan selepas aktiviti dilaksanakan bagi melihat perubahan tingkah laku peserta kajian.


Analisis data yang dikumpul melalui temubual dianalisis berdasarkan respons peserta kajian terhadap soalan yang dikemukakan. Soalan temubual terbahagi kepada dua iaitu berkaitan dengan kefahaman dan minat peserta kajian terhadap pembelajaran operasi tambah. Dapatan kajian dihuraikan oleh saya dengan mentranskripsi temubual.

#### DAPATAN KAJIAN

##### **Adakah penggunaan permainan dam mampu meningkatkan kefahaman peserta kajian tentang konsep asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh?**

Penggunaan permainan dam mampu meningkatkan kefahaman peserta kajian tentang konsep asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh. Dapatan kajian yang saya gunakan sebagai pengukur kepada persoalan ini ialah perbandingan skor ujian sebelum dan selepas, pemerhatian berstruktur dan rekod transkrip temu bual dengan peserta kajian.

Perbandingan peratus ujian yang ditunjukkan dalam Rajah 1 menunjukkan peratus ujian sebelum bagi peserta kajian A untuk aktiviti 1 ialah 30% sementara ujian selepas sebanyak 60%. Peserta kajian B pula mendapat 0% bagi kedua-dua ujian untuk aktiviti 1. Bagi aktiviti 2, peserta kajian A mendapat 90% untuk ujian sebelum manakala 100% untuk ujian selepas. Peserta kajian B pula mendapat 0% untuk ujian sebelum manakala 50% untuk ujian selepas. Bagi aktiviti 3, peserta kajian A mendapat 100% bagi kedua-dua ujian sementara peserta kajian B mendapat 80% untuk ujian sebelum dan 100% untuk ujian selepas.



Rajah 1. Graf analisis perbandingan peratus ujian sebelum dan selepas

Analisis dalam Jadual 2 menunjukkan item pemerhatian berstruktur yang membuktikan penggunaan permainan dam mampu meningkatkan kefahaman peserta kajian. Berdasarkan jadual, kedua – dua peserta kajian menunjukkan peningkatan kekerapan dalam item yang diperhatikan.

Dalam aktiviti 1, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak 2 kali berbanding sekali untuk peserta kajian B bagi item 2. Bagi item 3, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak 3 kali berbanding peserta kajian B sebanyak sekali. Kedua – dua peserta kajian menunjukkan peningkatan yang sama sebanyak 2 kali untuk item 4. Namun begitu, kedua – dua peserta kajian belum menunjukkan sebarang peningkatan untuk item 1 kerana masih belum faham topik penambahan lingkungan satu hingga sepuluh maka tidak dapat menyiapkan latihan dengan cepat. Dalam aktiviti 2 pula, kedua – dua peserta kajian mula menunjukkan peningkatan untuk item 1 iaitu sebanyak sekali kekerapan. Kedua – dua peserta kajian juga menunjukkan peningkatan yang sama sebanyak 2 kali untuk item 2. Bagi item 3, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak sekali berbanding peserta kajian B sebanyak 2 kali. Seterusnya, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak sekali untuk item 4 berbanding peserta kajian B sebanyak 3 kali. Dalam aktiviti 3, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak 2 kali berbanding peserta kajian B sebanyak sekali untuk item 1. Peserta kajian A juga menunjukkan peningkatan sebanyak 3 kali untuk item 2 berbanding peserta kajian B sebanyak 2 kali. Untuk item 4, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak 4 kali berbanding 5 kali daripada peserta kajian B. Kedua – dua peserta kajian menunjukkan peningkatan yang sama sebanyak 6 kali untuk item 4.

Jadual 2  
Analisis dapatan pemerhatian berstruktur (Persoalan 1)

Item	Skor					
	Sebelum		Selepas		Perbezaan	
	A	B	A	B	A	B
<b>Aktiviti 1</b>						
1 – Peserta kajian menyiapkan tugas dengan cepat.	1	0	1	0	0	0
2 – Peserta kajian tahu operasi asas yang terlibat dalam permainan dam.	1	1	3	2	+2	+1
3 – Peserta kajian dapat menjawab soalan.	3	3	6	4	+3	+1
4 – Peserta kajian mengira dam di dalam bakul dengan betul.	2	2	4	4	+2	+2
<b>Aktiviti 2</b>						
1 – Peserta kajian menyiapkan tugas dengan cepat.	0	0	1	1	+1	+1
2 – Peserta kajian tahu operasi asas yang terlibat dalam permainan dam.	2	1	4	3	+2	+2
3 – Peserta kajian dapat menjawab soalan.	5	3	6	5	+1	+2
4 – Peserta kajian mengira dam di dalam bakul dengan betul.	3	3	4	6	+1	+3
<b>Aktiviti 3</b>						
1 – Peserta kajian menyiapkan tugas dengan cepat.	1	1	3	2	+2	+1
2 – Peserta kajian tahu operasi asas yang terlibat dalam permainan dam.	3	3	6	5	+3	+2
3 – Peserta kajian dapat menjawab soalan.	5	4	9	9	+4	+5
4 – Peserta kajian mengira dam di dalam bakul dengan betul.	3	4	9	10	+6	+6

\*A = Peserta kajian A

\*B = Peserta kajian B

Seterusnya, rekod transkrip temubual yang telah dijalankan ke atas peserta kajian telah menyokong keberkesanan penggunaan permainan dam dalam meningkatkan kefahaman peserta kajian tentang konsep asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh.

Jadual 3  
Tema dalam temubual (Kefahaman)

Tema	Peserta Kajian	
	A	B
Menarik minat	/	/
Seronok	/	/
<b>Faham</b>	<b>/</b>	<b>/</b>
Ingat		
Suka	/	/

Saya:	Adakah kamu rasa permainan seperti ini membantu kamu menguasai operasi tambah? Kenapa?
Peserta Kajian A:	<b>Ya, sudah pandai tambah.</b>
Saya:	Adakah kamu rasa permainan seperti ini membantu kamu menguasai operasi tambah? Kenapa?
Peserta Kajian B:	<b>Ya. (sambil tersengih – sengih)</b>

Rajah 2. Sedutan transkrip temubual bersama dua orang peserta kajian (Soalan 5)

Saya:	Apakah operasi yang terlibat semasa permainan dam?
Peserta Kajian A:	<b>Tambah dam dalam bakul lepas tu kira semua.</b>
Saya:	Apakah operasi yang terlibat semasa permainan dam?
Peserta Kajian B:	<b>Tambah kot, cikgu? (Sambil ketawa mengekeh)</b>

Rajah 3. Sedutan transkrip temubual bersama dua orang peserta kajian (Soalan 4)

Saya:	Bolehkah kamu jelaskan bagaimana penambahan berlaku?
Peserta Kajian A:	<b>Bila ada huruf t. Aaa.. (Sambil melihat ke atas) Kita kena kira semua nombor tu.</b>
Saya:	Bolehkah kamu jelaskan bagaimana penambahan berlaku?
Peserta Kajian B:	<b>Nombor makin besar.</b>

Rajah 4. Sedutan transkrip temubual bersama dua orang peserta kajian (Soalan 6)

Hasil daripada analisis temubual ini saya dapat merumuskan peserta kajian faham tentang konsep asas tambah melalui penggunaan permainan dam. Hal ini juga dapat dilihat berdasarkan pengalaman saya semasa aktiviti apabila mereka dapat menjawab soalan yang ditanyakan di samping dapat menyiapkan latihan yang diberikan.

Daripada ketiga – tiga analisis dapatan kajian ini, saya merumuskan bahawa kefahaman peserta kajian tentang konsep asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh semakin meningkat. Hal ini demikian kerana mereka bukan sahaja dapat meningkatkan skor mereka dalam ujian sebelum dan selepas malah dapat memberikan respons kepada soalan yang diajukan di samping menunjukkan perubahan tingkah laku ke arah yang positif.

### **Adakah penggunaan permainan dam mampu membantu peserta kajian untuk berminat dalam pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh?**

Penggunaan permainan dam mampu membantu peserta kajian untuk berminat dalam pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh. Saya telah mengemukakan hasil dapatan kajian daripada analisis pemerhatian berstruktur dan rekod transkrip temubual.

Jadual 4

Analisis dapatan pemerhatian berstruktur (Persoalan 2)

Item	Skor					
	Sebelum		Selepas		Perbezaan	
	A	B	A	B	A	B
<b>Aktiviti 1</b>						
5 – Peserta kajian berinteraksi dengan guru.	4	1	6	4	+2	+3
6 – Peserta kajian menyiapkan tugas dengan kemas dan berhati – hati.	0	0	0	0	0	0
7 – Peserta kajian memberi perhatian kepada aktiviti PdPc.	3	2	6	4	+3	+2
<b>Aktiviti 2</b>						
5 – Peserta kajian berinteraksi dengan guru.	5	3	8	5	+3	+2
6 – Peserta kajian menyiapkan tugas dengan kemas dan berhati – hati.	0	0	1	1	+1	+1

7 – Peserta kajian memberi perhatian kepada aktiviti PdPc.	5	3	7	4	+2	+1
Item	Sebelum		Selepas		Perbezaan	
	A	B	A	B	A	B
	Aktiviti 3					
5 – Peserta kajian berinteraksi dengan guru.	4	4	9	7	+5	+3
6 – Peserta kajian menyiapkan tugas dengan kemas dan berhati – hati.	2	1	3	2	+1	+1
7 – Peserta kajian memberi perhatian kepada aktiviti PdPc.	4	3	8	6	+4	+3

\*A = Peserta kajian A

\*B = Peserta kajian B

Dalam aktiviti 1, peserta kajian A menunjukkan peningkatan skor sebanyak 2 kali berbanding 3 kali untuk peserta kajian B bagi item 5. Bagi item 7, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak 3 kali berbanding peserta kajian B sebanyak 2 kali. Namun begitu, kedua – dua peserta kajian belum menunjukkan sebarang peningkatan untuk item 6 kerana masih belum minat topik penambahan lingkungan satu hingga sepuluh lantas tidak mempunyai semangat untuk menyiapkan tugas dengan kemas dan berhati – hati. Dalam aktiviti 2 pula, kedua – dua peserta kajian mula menunjukkan peningkatan untuk item 6 iaitu sebanyak sekali kekerapan. Bagi item 5, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak 3 kali berbanding peserta kajian B sebanyak 2 kali. Seterusnya, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak 2 kali untuk item 7 berbanding peserta kajian B sebanyak sekali. Dalam aktiviti 3, peserta kajian A menunjukkan peningkatan sebanyak 5 kali berbanding peserta kajian B sebanyak 3 kali untuk item 5. Peserta kajian A juga menunjukkan peningkatan sebanyak 4 kali untuk item 7 berbanding peserta kajian B sebanyak 3 kali. Untuk item 6, kedua – dua peserta kajian menunjukkan peningkatan yang sama sebanyak sekali.

#### Jadual 5

Tema dalam temubual (Minat)

Tema	Peserta Kajian	
	A	B
Menarik minat	/	/
Seronok	/	/
Faham	/	/
Ingat		
Suka	/	/

Saya:	<i>Adakah kamu akan mengikuti permainan ini jika diadakan lagi?</i>
Peserta Kajian A:	<b><u>Ikut sebab seronok.</u></b>
Saya:	<i>Adakah kamu akan mengikuti permainan ini jika diadakan lagi?</i>
Peserta Kajian B:	<b><u>Ikut sebab nak main dam.</u></b>

Rajah 5. Sedutan transkrip temubual bersama dua orang peserta kajian (Soalan 2)

Saya:	<i>Selepas permainan ini, adakah kamu rasa pembelajaran matematik menarik? Mengapa?</i>
Peserta Kajian A:	<b><u>Aaaa.. (sambil tersenyum) Best, cikgu, bila cikgu bawa main dam.</u></b>
Saya:	<i>Selepas permainan ini, adakah kamu rasa pembelajaran matematik menarik? Mengapa?</i>
Peserta Kajian B:	<b><u>Seronok sebab cikgu ada ajar.</u></b>

Rajah 6. Sedutan transkrip temubual bersama dua orang peserta kajian (Soalan 3)

Seterusnya, rekod transkrip temubual yang telah dijalankan ke atas peserta kajian telah menyokong keberkesanan penggunaan permainan dam dalam meningkatkan minat peserta kajian dalam pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh. Selain itu, saya juga memasukkan tema 'seronok' dalam dapatan bagi menyokong keberkesanan penggunaan permainan dam dalam meningkatkan minat peserta kajian dalam pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh. Rajah 7 menunjukkan sedutan transkrip bagi dua orang peserta kajian berfokus kepada soalan 1.

Saya:	<i>Adakah kamu seronok dengan cara belajar ini? Kenapa?</i>
Peserta Kajian A:	<b><i>Seronok sebab cikgu bawa main. Lepas tu, ada tambah.</i></b>
Saya:	<i>Adakah kamu seronok dengan cara belajar ini? Kenapa?</i>
Peserta Kajian B:	<b><i>Ya, sebab dapat main. (sambil senyum)</i></b>

Rajah 7: Sedutan transkrip temubual bersama dua orang peserta kajian (Soalan 1)

Daripada ketiga – tiga analisis dapatan kajian ini, saya merumuskan bahawa minat peserta kajian dalam pembelajaran operasi asas tambah dalam lingkungan satu hingga sepuluh semakin meningkat. Hal ini demikian kerana mereka bukan sahaja menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif semasa pemerhatian malah memberikan respons yang memberangsangkan semasa temubual.

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

### Kesan Terhadap Murid

Dalam permainan dam yang diketengahkan oleh saya, peserta kajian dapat menggunakan pelbagai jenis kecerdasan seperti kecerdasan linguistik, kinaestetik dan interpersonal. Peserta kajian dapat meningkatkan kemahiran mengira semasa bermain permainan ini dengan menghitung jumlah dam yang terdapat di dalam bakul. Selain itu, permainan ini juga melibatkan pergerakan motor kasar di mana peserta kajian perlu kerap menggerakkan tangan mereka semasa proses bermain. Seterusnya, peserta kajian juga mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi kerana sering ditanyakan soalan dan berbincang sesama rakan ketika berlangsungnya permainan ini.

### Kesan Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan

Selain itu, pembelajaran operasi asas penambahan dalam lingkungan satu hingga sepuluh menjadi lebih mudah kerana peserta kajian belajar dalam suasana yang menyeronokkan. Pengaplikasian kaedah bermain seperti kajian ini dijangka dapat membantu guru dalam mencapai objektif pembelajaran pada masa akan datang. Hal ini sesuai dengan kandungan yang digariskan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kepada murid yang mengikuti proses PdPc Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) iaitu dapat memahami konsep asas operasi penambahan di samping melaksanakan langkah kerja yang bertepatan. Tambahan pula, pengaplikasian permainan dam ini dapat meningkatkan perkembangan peserta kajian dalam pelbagai aspek seperti jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

### Amalan Profesional Guru

Pelaksanaan kajian ini juga memberi kesan positif kepada saya kerana berpeluang untuk mengaplikasi teori yang telah dipelajari dengan menggunakannya sebagai asas kepada kajian. Pemilihan aktiviti bermain dam memberi impak yang besar kerana mewujudkan keterujaan peserta kajian untuk bermain sambil belajar. Suasana kelas berubah kerana masing – masing mempunyai perasaan ingin tahu terhadap permainan yang diketengahkan saya. Respons yang ditunjukkan oleh peserta kajian juga amat berbeza berbanding pelaksanaan PdPc secara tradisional sahaja. Tambahan pula, perkara ini membuang

tanggapan negatif terhadap istilah 'bermain' kerana pengaplikasiannya telah disesuaikan dengan isi kandungan pelajaran seperti yang terkandung dalam DSKP.

### **Amalan Profesional Sebagai Penyelidik**

Seterusnya, amalan saya sebagai penyelidik juga dapat ditambah baik dengan pelaksanaan kajian ini. Hal ini demikian kerana saya dapat memahami dan melaksanakan proses mengumpul, menganalisis dan menyemak data dengan penuh teliti. Saya juga menggunakan kaedah triangulasi bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi. Di samping itu, saya juga berpeluang menggunakan instrumen pemerhatian dan temubual bagi mendalami keadaan peserta kajian. Berdasarkan penggunaan instrumen tersebut, saya lebih mengenali peserta kajian dan berupaya memenuhi keperluan pembelajaran mereka.

### **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Cadangan untuk kajian akan datang yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain ialah menggunakan aplikasi permainan dam dalam alam maya atau berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Penggunaan TMK ini menepati kehendak yang terkandung dalam DSKP yang selari dengan Pendidikan Alaf ke-21 (PAK21). Pengkaji boleh melaksanakan cadangan ini dengan menggunakan komputer riba atau telefon bimbit. Kelebihan cadangan ini ialah ia tidak memerlukan kos yang tinggi kerana kebanyakan pengkaji sudah sedia ada memiliki peralatan tersebut. Selain itu, pelaksanaannya juga dijangka mudah kerana tidak menggunakan banyak bahan mautud tanpa mengurangkan nilai keterujaan dalam diri peserta kajian. Hal ini demikian kerana Generasi Alpha kini sudah tentu amat berminat dengan pengaplikasian TMK dalam sesi PdPc mereka.

Cadangan yang kedua ialah membina sendiri set permainan dam secara berinovasi. Set tersebut boleh dibina sama ada dalam saiz yang besar atau pun normal. Unsur yang penting dalam cadangan ini ialah nilai kitar semula serta kreativiti pengkaji supaya dapat menghasilkan bahan kajian yang lebih menarik. Hal ini demikian kerana pengkaji mempunyai kebebasan untuk mereka sendiri set permainan yang dikehendaki. Kebebasan tersebut ialah dari segi warna, buah dam, reka bentuk papan dam serta bakul dam yang digunakan. Di samping menambah unsur tarikan, pembinaan set permainan dam dengan saiz besar juga dapat menjana pergerakan motor kasar peserta kajian dengan lebih besar. Hal ini demikian kerana peserta kajian perlu banyak bergerak untuk mengalihkan buah dam. Tambahan pula, pembinaan set permainan dam secara sendiri ini boleh menjimatkan kos kerana pengkaji boleh mengitar semula bahan – bahan terpakai.

### **RUJUKAN**

- Ahmad, S., Zainal, T. Z. T., & Omar, A. (2006). *Isu-isu dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Gardner, H. (2000). *Intelligence Reframed: Multiple Intelligence for the 21<sup>st</sup> Century*. New York: Basic Book Inc.
- Ghani, M. Z., & Ahmad, A. C. (2011). *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hashim, S., & Rahman, N. M. A. (2014). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kerohanian Kanak-kanak*. Batu Caves: PTS Media Groups Sdn. Bhd.
- Hashim, S., Yaakub, D. R., & Ahmad, M. Z. (2007). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Shah Alam: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Hassan, I. b. (2013). *Keberkesanan Pengajaran Berbantuan Multimedia Terhadap Pencapaian Matematik di Kalangan Murid-murid Pemulihan Khas*. Ijazah Sarjana Pendidikan (Sains), Universiti Malaysia Sabah.
- Jamian, A. R., Othman, S., & Ishak, S. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3, 42-51.



- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran Matematik Tahun 2*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Lembaran Kerja Matematik Program Pemulihan Khas*.
- Khan, A. R. A. M. (2007). *Guru sebagai penyelidik*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Nasir, M. N. A. b. M., & Zakaria, E. (2016). Penggunaan kaedah *Ladder* berbantuan ICT dalam menyelesaikan masalah penambahan dengan mengumpul semula. *Proceeding of ICECRS*, 1, 611-618.
- Ozdogan, E. (2011). *Procedia Social and Behavioral Sciences. Play, mathematic and mathematical play in early childhood education*, 15, 3118-3120.
- Silberman, M. (2007). *Pembelajaran Aktif: 101 Strategi Untuk Mengajar Apa Jua Subjek* (Z. Ahmad, Trans.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Yaumi, M., & Damopolii, M. (2016). *Action Research: Teori, Model & Aplikasi*. Jakarta: Kencana Prenadamedia Group.
- Yong, P. C., Jiar, Y. K., & Zanzali, N. A. A. (2012). *Akademika 82. Campur Tangan Pemulihan Matematik bagi Murid Orang Asli yang Mengalami Kesukaran dalam Pembelajaran: Adakah Ia Berfungsi?*. 2, 127-136.

## PENGUASAAN PENUKARAN UNIT UKURAN PANJANG MELALUI *UNIT BOX*

**CHANG YEE CHING<sup>1</sup>, HU LAEY NEE, PhD<sup>2</sup>**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
<sup>1</sup>yeeching6306@gmail.com, <sup>2</sup>huln1234@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kemahiran penukaran unit melibatkan ukuran panjang merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid di sekolah rendah semasa mempelajari Matematik. Masih terdapat pencapaian murid dalam kemahiran penukaran unit berada pada tahap yang lemah. Murid masih gagal memahami konsep dan tidak menghafal formula yang melibatkan penukaran unit. Dalam pengajaran di dalam bilik darjah, murid-murid diajar dan mempelajari tentang asas penukaran unit ukuran panjang, tetapi mereka masih menghadapi masalah dalam kemahiran penukaran unit. Penyelidikan tindakan ini dijalankan bagi membantu murid-murid Tahun 5 dalam menguasai penukaran unit ukuran panjang dari dengan menggunakan amalan pengajaran melalui kaedah *Unit Box*. Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan berdasarkan Model Stephen Kemmis. Lima orang murid dari sebuah sekolah rendah di kawasan bandaraya Miri dipilih sebagai peserta dalam kajian ini. Data kajian dikumpul melalui dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penambahbaikan amalan pengajaran menggunakan *Unit Box* dapat membantu peserta dalam meningkatkan penguasaan terhadap penukaran unit ukuran panjang. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kaedah *Unit Box* dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran penukaran unit ukuran panjang.

Kata kunci : *Unit Box, penukaran unit panjang, Matematik*

### **ABSTRACT**

*Students in primary schools have to master unit conversion skills which involving length measurement when they study Mathematics. This is because there are some students achievement in unit conversion still at a poor level. Students failed to understand the concept of unit conversion and do not memorize the formulas that involving unit conversion. During lessons in class, students still facing problems while doing unit conversion even though they teach and learn about the basics of unit conversion in the topic of length. This action research was conducted to help Year 5 students in mastering unit conversion in length by using teaching practices through the Unit Box method. This action research was carried out based on Model Stephen Kemmis. Five students from a primary school in Miri city were selected as participants in this study. Participants' achievement are measured through document analysis, observations and interviews. The findings showed that improving teaching practices by using the Unit Box method can help participants to improve their ability on unit conversion in length. The findings also showed that the Unit Box method can increase the student interest in learning of unit conversion in length.*

**Keywords** : *Unit Box, unit conversion, Mathematics*


### **PENGENALAN**

Berdasarkan dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Matematik, kandungan matematik dirangkumi empat bidang pembelajaran iaitu Nombor dan Operasi, Sukatan dan Geometri, Perkaitan dan Algebra serta Statistik dan Kebarangkalian. Menjurus kepada bidang Sukatan dan Geometri, setiap peringkat sekolah rendah mengandungi topik Panjang (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013; 2014a; 2014b; 2015; 2016; 2017). Oleh

itu, jelaslah bahawa betapa pentingnya pembelajaran Panjang kepada murid-murid di sekolah rendah. Di Malaysia, unit ukuran asas panjang yang diperkenalkan kepada murid-murid sekolah rendah ialah kilometer (km), meter (m), sentimeter (cm) dan juga millimeter (mm). Bagi KSSR Semakan, murid tahun 2 mula diperkenalkan hubungan antara unit ukuran panjang iaitu  $1\text{m} = 100\text{cm}$ . Walau bagaimanapun, masalah penukaran unit kerap timbul di kalangan murid terutamanya bagi murid yang lemah.

### REFLEKSI PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)

Melalui pengalaman praktikum, urid didapati menghadapi masalah dalam penukaran unit ukuran panjang iaitu dari meter (m) ke sentimeter (cm). Segelintir murid tahu formula bagi penukaran unit ukuran panjang, tetapi mereka mengalami masalah salah mendarab seperti dalam Rajah 1. Mereka ingat hanya menambah satu sifar di belakang nombor jika berdarab dengan angka 10 tetapi lupa terhadap titik perpuluhan yang terdapat di dalam soalan.




2) 4.5 厘米 = 450 毫米

$$4.5 \times 10 = 450$$

A red 'X' is drawn to the right of the calculation, indicating it is incorrect.

Rajah 1. Masalah murid salah mendarab

Selain itu, segelintir murid juga mengalami masalah tidak tahu titik perpuluhan pada sesuatu nombor bulat terletak di bahagian mana. Seperti contoh dalam Rajah 2, murid mengalih titik perpuluhan sesuka hati dari tengah angka 3 dan 4 kerana murid tersebut tidak tahu bahawa titik perpuluhan sepatutnya berada di belakang angka 4. Oleh yang demikian, murid tersebut salah mengalih titik perpuluhan walaupun dia tahu formula penukaran unit km ke m adalah dengan mendarab 1000.




10) 34km = 3400 m

$$34 \times 1000$$

A red 'X' is drawn to the right of the calculation, indicating it is incorrect.

Rajah 2. Murid mengalih titik perpuluhan dari tempat yang salah

Di samping itu, ramai murid menghadapi masalah di mana mereka tidak tahu mengalih titik perpuluhan ke depan atau ke belakang apabila melakukan penukaran unit ukuran panjang. Seperti contoh (Rajah 3), murid mengalih titik perpuluhan ke depan apabila menukar unit dari km ke m. Walaupun murid tersebut tahu formula  $1\text{km}$  sama dengan  $1000\text{m}$ , tetapi dia telah salah mengalih titik perpuluhan ke depan.



10) 34km = 0.034 m

$$0.034$$

A red 'X' is drawn to the right of the calculation, indicating it is incorrect.


Rajah 3. Murid tidak tahu mengalih titik perpuluhan ke depan atau ke belakang

Pencapaian murid dalam kemahiran penukaran unit adalah masih berada pada tahap yang lemah (Yusni Shaaree & Kamaruddin Haji Abu Hassan, 2015). Oleh sebab murid gagal memahami konsep dan tidak menghafal formula penukaran unit, mereka sentiasa menghadapi masalah dalam menukar unit ukuran panjang (Datu Abdul Wahid & Hu Laey Nee, 2014). Walaupun mereka sudah mempelajari tentang asas penukaran unit ukuran panjang, tetapi mereka masih menghadapi masalah dalam kemahiran penukaran unit (Nor Asmah Md Tok & Rohana Bachik, 2015).

Masalah penukaran unit ukuran panjang ini harus diatasi bagi mengelakkan murid melakukan kesalahan semasa mereka ingin melakukan operasi yang lebih lanjut seperti penambahan dan pendaraban.

## FOKUS KAJIAN

"Unit Box" (UB) telah saya dapati dari sebuah video yang dimuatnaik oleh seorang guru ke atas *YouTube* (Romie, 2012). Oleh sebab kaedah ini tidak diberi nama, saya memberi namanya "Unit Box". Saya mengubahsuaikan UB kepada satu bahan bantu mengajar iaitu Pembaris Unit Box (UB) bagi memudahkan murid menguasai penukaran unit ukuran panjang serta meningkatkan minat murid dalam mempelajari topik Panjang. Saya mengubah amalan pengajaran dengan menggunakan UB sama ada dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam penukaran unit ukuran panjang atau tidak. Rajah 4 menunjukkan pembaris UB yang akan digunakan dalam kajian tindakan ini.



Rajah 4. Pembaris UB

## OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

- Membantu murid menguasai penukaran unit ukuran panjang dari milimeter (mm) ke sentimeter (cm), sentimeter (cm) ke meter (m), meter (m) ke kilometer (km) dan sebaliknya masing-masing dengan amalan PdPc melalui "Unit Box".
- Membantu meningkatkan minat murid dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang dengan amalan PdPc melalui "Unit Box".

Kajian ini mempunyai dua soalan kajian, iaitu:

- Adakah amalan PdPc melalui "Unit Box" dapat membantu murid menguasai penukaran unit ukuran panjang dari milimeter (mm) ke sentimeter (cm), sentimeter (cm) ke meter (m), meter (m) ke kilometer (km), dan sebaliknya masing-masing?
- Adakah amalan PdPc melalui "Unit Box" dapat membantu meningkatkan minat murid dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang?

## PESERTA KAJIAN

Peserta kajian terdiri daripada murid-murid Tahun 5 di sebuah sekolah di bandar raya Miri, Sarawak. Murid terdiri daripada empat orang murid perempuan dan seorang murid lelaki kaum Cina. Murid yang dipilih adalah murid yang masih belum kuasai kemahiran menukar unit ukuran panjang terutamanya yang salah ketika mendarab dan membahagi untuk menukar unit serta keliru mengalih titik perpuluhan ke hadapan atau belakang.

## TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Kajian tindakan ini dijalankan berdasarkan model Stephen Kemmis. Model Stephen Kemmis (1983) menggunakan pendekatan yang terdiri daripada empat langkah iaitu merancang, bertindak, memerhati dan refleksi (Othman Lebar, 2011; Shamsina Shamsuddin, 2014). Tinjauan awal dilakukan untuk mengenal pasti isu, masalah dan fokus kajian yang hendak ditangani melalui refleksi pengajaran dan pemudahcaraan. Kajian ini dijalankan dalam dua kitaran. Langkah-langkah penggunaan UB dijelaskan pada fasa merancang dalam kitaran 1. Seterusnya, pengajaran dimulakan dengan membimbing murid untuk melakukan penukaran unit ukuran panjang dengan menggunakan pembaris UB. Penggunaan UB dijelaskan dalam Jadual 1. Saya juga mengambil tindakan susulan untuk menambahbaikkan UB untuk meneruskan kajian dalam kitaran 2 iaitu menambah formula penukaran unit seperti ditunjukkan dalam Rajah 5.


Jadual 1

Langkah-langkah penggunaan pembaris UB bagi penukaran unit ukuran panjang

### Langkah 1

- Guru meminta murid untuk melihat apa unit yang hendak ditukar, maka mereka harus meletakkan titik perpuluhan pada garis yang menuju ke unit tersebut. Contohnya,

$$2.47\text{m} = \square \text{ cm}$$




- Soalan ini memerlukan murid menukar unit m kepada cm, maka titik perpuluhan diletakkan di atas garis menuju ke unit m.

### Langkah 2

- Guru meminta murid untuk mengisi nombor mengikut soalan di atas petak pembaris UB.


$$2.47\text{m} = \square \text{ cm}$$



### Langkah 3

- Untuk menukarkan unit m ke cm, murid dikehendaki meletakkan titik perpuluhan di atas garis menuju ke unit cm seperti berikut.


$$2.47\text{m} = \square \text{ cm}$$



### Langkah 4

- Murid dikehendaki memadam titik perpuluhan yang terletak di atas garis unit m kerana soalan ini memerlukan jawapan unit cm. Jawapan bagi soalan ini adalah 247cm.

$$2.47\text{m} = \square \text{ cm}$$



$$2.47\text{m} = 247\text{cm}$$

$$\begin{aligned} 1\text{cm} &= 10\text{mm} \\ 1\text{m} &= 100\text{cm} \\ 1\text{km} &= 1000\text{m} \end{aligned}$$

Rajah 5. Formula penukaran unit ukuran panjang

Data juga dikumpul melalui tiga kaedah iaitu dokumen, pemerhatian dan temu bual. Saya menganalisis data dan menilai kesan tindakan dalam fasa pemerhatian. Berdasarkan bilangan soalan yang betul yang dijawab oleh responden, tafsiran untuk pencapaian responden dinyatakan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Tahap pencapaian berdasarkan bilangan soalan yang betul

Bilangan Soalan Betul	Tahap Pencapaian	Tafsiran
8-10	Cemerlang	Menguasai
6-7	Kepujian	Menguasai
4-5	Baik	Tidak menguasai
2-3	Lulus	Tidak menguasai
0-1	Gagal	Tidak menguasai

Penambahbaikan UB dalam kitaran 2 adalah bertujuan untuk memberi rujukan formula penukaran unit ukuran panjang kepada murid supaya tidak melakukan kesalahan penukaran unit akibat tidak mengingati formula. Seperti dalam kitaran 1, saya menjelaskan langkah-langkah penggunaan pembaris UB dengan lebih terperinci sertai dengan formula penukaran unit ukuran panjang. Lembaran kerja 4 diberikan kepada murid untuk melihat ketiga-tiga kemahiran penguasaan penukaran unit ukuran panjang.

Pemerhatian juga dijalankan sepanjang masa murid menjawab soalan dalam lembaran kerja 4. Temu bual dijalankan bagi mengumpul data penguasaan dan keyakinan murid dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang. Dalam fasa refleksi, saya telah menilai amalan pengajaran saya berdasarkan data-data yang dianalisis. Hasil dapatan menunjukkan semua murid telah menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang, maka kajian ini tidak diteruskan untuk kitaran seterusnya.


## DAPATAN DAN REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

### Penguasaan Murid Dalam Penukaran Unit Ukuran Panjang

Lembaran kerja dalam Kitaran 1 dipaparkan dalam Jadual 3 dan Rajah 6 yang menunjukkan penguasaan murid terhadap penukaran unit ukuran panjang dari milimeter (mm) ke sentimeter (cm), sentimeter (cm) ke meter (m), meter (m) ke kilometer (km) dan sebaliknya masing-masing dengan amalan PdPc melalui "Unit Box". Saya juga membuat pemerhatian terhadap penguasaan murid terhadap kemahiran penukaran unit ukuran panjang melalui UB dan minat murid. Analisis senarai semak pemerhatian dipaparkan dalam Jadual 4 dan Jadual 5.

Jadual 3  
Analisis data lembaran kerja

Peserta	Bilangan Soalan Yang Dijawab Betul (Daripada 10 soalan)					
	Kitaran 1				Kitaran 2	
	LK1	LK2	LK3	Tafsiran	LK4	Tafsiran
M1	5	9	6	Tidak menguasai	10	Menguasai
M2	6	9	7	Menguasai	10	Menguasai
M3	6	9	7	Menguasai	10	Menguasai
M4	10	10	8	Menguasai	10	Menguasai
M5	10	8	8	Menguasai	10	Menguasai



Rajah 6. Bilangan soalan yang dijawab betul oleh murid dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Jadual 4

Analisis senarai semak pemerhatian dari aspek penguasaan kemahiran penukaran unit ukuran panjang

Penguasaan Kemahiran Penukaran Unit Ukuran Panjang Melalui UB					
Bil.	Perkara	Kitaran 1		Kitaran 2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Dapat menggunakan pembaris UB semasa menyelesaikan masalah penukaran unit ukuran panjang.	5	0	5	0
2.	Dapat menggunakan pembaris UB dengan betul dalam menyelesaikan masalah penukaran unit ukuran panjang mm ke cm dan sebaliknya.	2	3	5	0
3.	Dapat menggunakan pembaris UB dengan betul dalam menyelesaikan masalah penukaran unit ukuran panjang cm ke m dan sebaliknya.	1	4	5	0
4.	Dapat menggunakan pembaris UB dengan betul dalam menyelesaikan masalah penukaran unit ukuran panjang m ke km dan sebaliknya.	0	5	5	0

Melalui hasil dapatan kajian, boleh dikatakan bahawa kebanyakan murid kurang pandai menggunakan pembaris UB. Pencapaian kebanyakan murid masih tidak memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi pada kitaran 1. Memandangkan murid menghadapi masalah tidak mahir menggunakan pembaris UB dalam penukaran unit ukuran panjang, saya juga menyelesaikan masalah tersebut dengan memberi penerangan yang lebih jelas dalam kitaran 2. Oleh sebab soalan bagi LK1, LK2 dan LK3 mempunyai kemahiran penukaran unit ukuran panjang yang berbeza, murid menghadapi masalah apabila menyelesaikan LK3 yang melibatkan soalan penukaran unit ukuran panjang dari km ke m dan sebaliknya. Semua murid menghadapi masalah apabila menyelesaikan soalan yang melibatkan penukaran unit km dan m ke unit km. Antara sebabnya ialah mereka lupa formula bagi penukaran unit ukuran panjang.

Selepas mengubah amalan pengajaran dalam kitaran 2, didapati pencapaian semua murid telah meningkat dan menjawab semua soalan dengan betul dalam LK4. Rajah 7 menunjukkan hasil kerja murid setelah menggunakan pembaris UB dan formula penukaran unit ukuran panjang. Semua murid berjaya menguasai penukaran unit ukuran panjang dengan sepenuhnya dengan menggunakan pembaris UB dan formula penukaran unit ukuran panjang. Merujuk kepada peningkatan pencapaian dalam LK1 hingga LK4 serta maklum balas positif yang diterima daripada kebanyakan murid, ditunjukkan bahawa mengubah amalan PdPc dengan menggunakan pembaris UB. Perubahan amalan pengajaran saya dapat membantu murid-murid menguasai penukaran unit ukuran panjang. Dapatan ini disokong oleh Zakwan Daniel Zhir Rudin & Samsiah Hassan. (2013).

4)  $1450\text{m} = \underline{1.450} \text{ km}$   
1 . 4 5 0

7)  $0.56\text{km} = \underline{560} \text{ m}$   
5 6 0 .

Rajah 7. Hasil kerja murid setelah menggunakan pembaris UB dan formula penukaran unit ukuran panjang



### Minat Murid Terhadap Amalan PdPc Melalui “Unit Box”

Saya menggunakan senarai semak pemerhatian dan temu bual untuk mengenal pasti minat murid dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang dengan amalan PdPc melalui “Unit Box”. Hasil analisis senarai semak pemerhatian dan temu bual ditunjukkan dalam Jadual 5 dan Jadual 6.

Jadual 5

Analisis senarai semak pemerhatian dari aspek minat murid

<b>Aspek: Minat Murid</b>					
Perkara	Kekerapan “Ya” (Daripada 5)				
	Kitaran 1			Kitaran 2	
	LK1	LK2	LK3	LK4	
<b>1</b>	Menumpu perhatian semasa guru memberi penjelasan tentang cara-cara penggunaan pembaris UB.	5	5	5	5
<b>2</b>	Bertanyakan kepada guru apabila menghadapi masalah semasa menggunakan pembaris UB.	2	2	3	5
<b>3</b>	Menunjukkan perasaan seronok melalui mimik muka semasa menggunakan pembaris UB.	5	5	4	5

Jadual 6


Analisis transkrip bagi soalan 4 dalam Kitaran 1 dan 2

Soalan 4: Adakah anda suka menggunakan pembaris UB?		
Peserta Kajian	Kitaran 1	Kitaran 2
M1	Sedikit	Ya
M2	Ya	Ya
M3	Ya	Ya
M4	Ya	Ya
M5	Ya	Ya

Melalui hasil pemerhatian terhadap murid, murid menunjukkan perasaan seronok melalui mimik muka semasa menggunakan pembaris UB. Melalui hasil temu bual bagi soalan-soalan yang ditanya kepada murid, hampir semua murid memberikan maklum balas positif dalam kitaran 1 dan kitaran 2. Berdasarkan hasil pemerhatian dan respons yang diterima daripada murid melalui temu bual, dapat dirumuskan bahawa penggunaan pembaris UB dapat membantu memupuk minat murid terhadap pembelajaran penukaran unit ukuran panjang. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilaksanakan oleh Khoo Chwee Hoon. & Lay Yoon Fah. (2015).

### CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

UB boleh digunakan dalam topik jisim dan isi padu cecair dengan memodifikasikan unit dari unit panjang kepada unit jisim dan isipadu cecair. Di samping itu, pembaris UB ini juga dapat dimodifikasi dan digunakan dalam topik Masa dan Waktu apabila murid mempelajari tentang tahun, dekad dan abad yang melibatkan beberapa jenis unit. Pembaris UB dapat membantu murid dalam menyelesaikan pelbagai jenis penukaran unit di samping dalam topik panjang. Rajah 7 merupakan pembaris UB dalam topik masa.



Rajah 7. Pembaris UB dalam topik masa

## PENUTUP

Dari perspektif murid, perubahan amalan PdPc dengan menggunakan pembaris UB dapat membantu mereka dalam menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang. Mereka hanya perlu mengalih titik perpuluhan untuk mendapatkan jawapan. Dari perspektif guru, amalan pengajaran yang diubahsuai ini telah membantu murid untuk mengenal pasti hubungan antara milimeter, sentimeter, meter dan kilometer melalui pembaris UB dan formula yang diberi. Selain itu, amalan pengajaran yang diubahsuai juga dapat membantu meningkatkan minat murid dalam kemahiran penukaran unit. Secara keseluruhannya, amalan PdPc dengan menggunakan UB boleh membantu murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dengan mudah dan berkesan.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014a). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Lima*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014b). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Enam*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Satu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Dua*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Tiga*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Datu Abdul Wahid Datu Kamaruddin., & Hu Laey Nee. (2014). Menggunakan Kaedah "Kotak" untuk membantu meningkatkan kemahiran menukar unit ukuran panjang. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2014 (SPTMTE 2014)*. 29-30 September. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 45-58.
- Khoo Chwee Hoon., & Lay Yoon Fah. (2015). Keberkesanan KiCUP dalam penukaran unit panjang dalam kelas pemulihan matematik. *Jurnal Penyelidikan Kent*, Bil 14(2): 132-144.
- Nor Asmah Md Tok., & Rohana Bachik. (2015). Penggunaan Kaedah "Ri-Ra" dalam topik penukaran unit ukuran panjang bagi murid tahun 5. *Seminar Penyelidikan Kajian Tindakan PPG 2015*. 18-19 April. Melaka: IPG Kampus Perempuan Melayu. 122-133.
- Othman Lebar. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan teori dan amalan*. Perak Darul Ridzuan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Romie. (2012). *Kajian tindakan dalam pendidikan teori dan amalan*. Diperoleh dari <https://www.youtube.com/watch?v=GnbE7q0BR7U>
- Yusni Shaaree., & Kamaruddin Haji Abu Hassan. (2015). Penggunaan Kaedah "Rakan Sifar Saya" dalam Penukaran Unit Panjang Melibatkan Operasi Penolakan Bagi Murid Tahun 5. *Seminar Penyelidikan Kajian Tindakan PPG 2015*. 18-19 April. Melaka: IPG Kampus Perempuan Melayu. 77-89.
- Zakwan Danial Zahir Rudin. & Samsiah Hassan. (2013). Meningkatkan Penguasaan Murid Tahun 5 Dalam Topik Penukaran Unit Ukuran Panjang Menggunakan 'Kotak Unit'. *Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2013*. 17-19 September. Terengganu: IPG Kampus Dato' Razali Ismail. 322-331.

## **'MATHS-T': MELIBATKAN PENUKARAN UNIT DALAM OPERASI DARAB TOPIK PANJANG**

**MA JIA WEI<sup>1</sup>, HU LAEY NEE<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains Teknologi Kejuteraan, dan Matematik (STEM)

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>kylie141297@gmail.com, <sup>2</sup>huln1234@gmail.com

### **ABSTRAK**

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk membantu murid Tahun 3 menguasai kemahiran operasi darab yang melibatkan penukaran unit melibatkan meter dan sentimeter dengan perubahan amalan pengajaran menggunakan kaedah 'Maths-T'. Penyelidikan ini menggunakan model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983). Lima orang murid dari sebuah sekolah rendah di kawasan Miri merupakan dalam kajian ini. Data dikumpul melalui tiga kaedah, iaitu dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dokumen dari lembaran kerja direkod dan dianalisis untuk mengenal pasti penguasaan murid terhadap kemahiran operasi darab yang melibatkan menukar unit melibatkan meter dan sentimeter melalui perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan kaedah 'Maths-T'. Kekekapan 'Ya' dalam senarai semak pemerhatian dikira untuk menentukan kesilapan yang dilakukan oleh semasa menggunakan kaedah 'Maths-T' dalam menukarkan unit melibatkan meter dan sentimeter. Kandungan temu bual dicatat dan kemudiannya ditranskripsikan. Hasil temu bual dilakukan secara pengekodan untuk mengenal pasti keyakinan diri murid dalam menjawab soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit yang melibatkan meter dan sentimeter. Amalan pengajaran dengan menggunakan 'Maths-T' telah ditambahbaik dengan penambahan unsur warna dan perubahan bentuk dalam Kitaran 2. Hasil kajian mendapati kelima-lima berjaya menguasai kemahiran operasi darab yang melibatkan penukaran unit melibatkan unit meter dan sentimeter perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan kaedah 'Maths-T'. Semua telah meningkatkan keyakinan semasa menjawab soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter.

Kata kunci: Penukaran unit, meter, sentimeter, Darab

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to help Year 3 students to master the skills of multiplication that involved the changing units like units meters and centimeters using 'Maths-T' method. This action research known an Stephen Kemmis Action Research Model (1983). In this study, five participants were selected among pupils at a school in Miri. Data was collected by three methods, namely, document analysis, observation and interviews. Worksheets were used as analytical documents. The results of worksheets were recorded and analysed to identify students' mastery of skills in multiplication that involved of changing unit meter and centimetre by changing the teaching strategy using methods 'Maths-T' method. Observation data was collected through the checklist according to student responses in the worksheets given, The frequency of 'Yes' in the observations is calculated to determine the errors made by participants using the application of the 'Maths-T' converting units involving meter and centimeter in multiplication. The content of interview was recorded and transcribed. Interviews were analysed and interpreted according to identify the level of self-confidence among the participants This study found that the five participants had successfully mastered multiplication that involves unit conversions of meter and centimeter using 'Maths-T' method. The five participants had increased the self-confidence when answering the worksheets given.*

*Keywords: Maths-T, changing units, meter, centimeter, multiplication*


## PENGENALAN

Pendidikan matematik sekolah rendah adalah bermatlamat untuk membina dan mengembangkan kefahaman murid dalam konsep nombor dan kemahiran asas mengira. Penguasaan penukaran unit turut dilingkungi dalam matlamat ini kerana ia melibatkan konsep nombor dan operasi asas matematik. Kemahiran penukaran unit ini telah merangkumi pelbagai tajuk seperti Panjang, Jisim dan Isipadu Cecair (Datu Abdul Wahid Datu Kamaruddin, & Hu Laey Nee, 2014). Dalam pendidikan sekolah rendah Malaysia, ukuran asas yang diperkenalkan kepada murid-murid adalah kilometer (km), meter (m), sentimeter (cm) dan juga milimeter (mm). Penukaran unit ukuran panjang agak susah berbanding dengan tajuk Jisim dan Isipadu Cecair kerana ia melibatkan pelbagai unit. Murid sering mengambil masa yang panjang dan berasa bosan semasa menyelesaikan soalan yang melibatkan penukaran unit panjang (Khoo Chwee Hoon, & Lay Yoon Fah, 2015).

## REFLEKSI PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN

Berdasarkan pengalaman praktikum fasa 1, pengkaji memerhatikan murid tidak dapat menukarkan unit cm dan mm serta km dan m dengan betul. Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan murid tidak memahami hubungan antara unit panjang. Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan kesalahan murid semasa melakukan penukaran unit panjang dalam operasi darab.


18 cm 9 mm + 4 cm 6 mm + 8 cm 9 mm =



Tidak melakukan penukaran unit pada (mm) kepada (m) dengan menambahkan 2cm dan menolak 20 mm.

Rajah 1. Contoh penambahan melibatkan unit sentimeter dan milimeter

161 km 600 m + 223 km 700 m =



Melakukan penukaran unit pada (m) kepada (km) dengan menggunakan penolakan berulang yang salah.

Rajah 2. Contoh penambahan melibatkan unit kilometer dan meter

Merujuk Rajah 1 dan Rajah 2, didapati mereka tidak dapat menyelesaikan soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit panjang. Pengkaji mendapati bahawa murid tidak menguasai kemahiran penukaran unit dalam operasi tambah dan darab. Murid lambat untuk menentukan nilai penukaran unit pada lajur sentimeter dan milimeter serta kilometer dan meter semasa melakukan operasi darab. Jika murid tidak menguasai penukaran unit semasa Tahun 4, mereka akan menghadapi masalah semasa menukar unit ukuran panjang

melibatkan sentimeter dan milimeter serta kilometer dan meter dalam perpuluhan hingga tiga tempat perpuluhan dalam standard kandungan Matematik Tahun 5. (Winnie Tan An Chi & Lu Chung Chin, 2016) Pengkaji telah mendapati beberapa kaedah telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti PiRuSe, kotak penukaran unit dan congkak *converter*. (Datu Abdul Wahid Datu Kamaruddin & Hu Laey Nee, 2014; Sakinah Salim, & Aziz Omar, 2014).

## FOKUS KAJIAN

Diperhatikan bahawa kemahiran penukaran unit panjang dalam kurikulum Matematik, kajian ini dijalankan bagi meningkatkan penguasaan dan keyakinan murid dalam penyelesaian soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit panjang. Kaedah 'PiRuSe' yang diubahsuai oleh Winnie Tan An Chii dan Lu Chung Chin (2016) berjaya membantu murid Tahun 3 menguasai kemahiran penukaran unit meter dan sentimeter dengan efektif bagi murid yang bertahap rendah. Kaedah ini telah banyak membantu murid menguasai penukaran unit meter dan sentimeter kerana ia tidak melibatkan sebarang operasi yang mengelirukan. *T-chart* yang diubahsuai oleh *Pennsylvania Department of Education* (2014) digunakan untuk mengatasi menyelesaikan soalan matematik. Dengan ini, pengkaji berpendapat bahawa bentuk T ini agak sesuai bagi membantu murid memahami hubungan antara dua unit ukuran panjang.

## OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif, iaitu:

- a. Membantu murid Tahun 3 meningkatkan penguasaan kemahiran menukar unit dalam operasi darab yang melibatkan meter dan sentimeter serta dengan menggunakan amalan PdPc '*Maths-T*'.
- b. Membantu memupuk keyakinan diri murid Tahun 3 semasa menjawab soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit melibatkan meter dan sentimeter dengan menggunakan amalan PdPc '*Maths-T*'.

Kajian tindakan ini mempunyai dua soalan kajian, iaitu:

- a. Adakah penguasaan murid Tahun 3 dalam kemahiran menukar unit meter dan sentimeter dalam operasi darab dapat ditingkatkan dengan menggunakan amalan PdPc '*Maths-T*'?
- b. Adakah amalan penggunaan '*Maths-T*' dapat membantu memupuk keyakinan diri murid Tahun 3 dalam menjawab soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit bagi meter dan sentimeter?

## KUMPULAN SASARAN

Kajian tindakan ini dijalankan di sebuah sekolah rendah yang berada di kawasan bandaraya Miri. Tiga orang lelaki dan dua orang perempuan bagi Tahun 3 dipilih sebagai peserta kajian. Mereka gagal menguasai kemahiran operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Walau bagaimanapun, dapat menulis simbol meter dan sentimeter dengan betul.

## TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Kajian ini dilaksanakan berpandukan Model Stephen Kemmis (1983). Ia terdiri daripada empat peringkat, iaitu, merancang, bertindak, memerhati dan mereflek dalam satu kitaran lengkap (Ho Ho Tong *et al.*, 2014; Mok Soon Sang, 2010; Rosinah Edinin, 2014). Penggunaan '*Maths-T*' dalam Kitaran 1 ditunjukkan dalam Rajah 3 dengan berpandukan satu contoh soalan. Pengkaji telah menjalankan dua kitaran dalam kajian tindakan ini.

Contoh:  $3 \times 2 \text{ m } 80 \text{ cm} =$

Langkah 1:

Disebabkan 1 m bersamaan dengan 100 cm. Apabila jumlah unit sentimeter melebihi 200 cm, tukar 200 cm kepada 2 m. 'Maths-T' dapat membantu murid menentukan nilai yang perlu ditukar kepada cm. Isikan 0 pada lajur berwarna putih. Kedua, isikan nombor secara berurutan pada lajur biru sehingga mendapat sesuatu nilai mm yang lebih kecil dari 240 cm dalam bentuk lazim tersebut.

$$\begin{array}{r} \text{m} \quad \text{cm} \\ 2 \quad 80 \\ \times \quad \quad 3 \\ \hline 6 \quad 240 \end{array}$$

(+) m	(-) cm		
1	1	0	0
2	2	0	0
3	3	0	0

Unit sentimeter melebihi 200,  
tukar 200 cm kepada 2 m.

(+) m	(-) cm		
1	1	0	0
2	2	0	0
3	3	0	0

Nilai 200 cm lebih  
kecil dari 240 cm.

Langkah 2:

Dengan ini, memilih baris ke-2, iaitu 2 m dan 200 cm. Perhatikan simbol pada lajur cm dan mm, iaitu simbol '+' pada lajur m manakala simbol '-' pada lajur cm. Ini bermaksud perlu tolak 200 cm pada lajur mm dan tambah 2 m pada lajur m.

$$\begin{array}{r} \text{m} \quad \text{cm} \\ 2 \quad 80 \\ \times \quad \quad 3 \\ \hline 6 \quad 240 \\ + \quad 2 \quad -200 \\ \hline \end{array}$$

(+) m	(-) cm		
1	1	0	0
2	2	0	0
3	3	0	0

Langkah 3:

Oleh itu, jawapannya menjadi 8 m dan 40 cm.

$$\begin{array}{r} \text{m} \quad \text{cm} \\ 2 \quad 80 \\ \times \quad \quad 3 \\ \hline 6 \quad 240 \\ + \quad 2 \quad -200 \\ \hline 8 \quad 40 \end{array}$$

Rajah 3. Langkah-langkah penggunaan 'Maths-T'

Disebabkan perubahan amalan PdPc dalam Kitaran 1 kurang berkesan, penambahbaikan amalan PdPc dijalankan dengan menambahbaikkan cara melukis petak dengan bentuk T. Warna merah digunakan untuk membulatkan simbol meter dan sentimeter manakala warna biru digunakan membulatkan unit meter dan sentimeter dalam bentuk

'*Maths-T*'. Tiga orang peserta kajian diteruskan dalam Kitaran 2. Rajah 4 menunjukkan hasil penambahbaikan dalam penggunaan amalan PdPc '*Maths-T*'. Dalam kedua-dua kitaran, data-data dikumpul melalui teknik dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data-data yang dikumpul dianalisis berdasarkan bilangan soalan yang betul dalam lembaran kerja, kekerapan kewujudan item pemerhatian serta tema bagi maklum balas daripada peserta kajian.

Contoh:  $4 \times 4 \text{ m } 59 \text{ cm} =$

Langkah 1:

Disebabkan 1 m bersamaan dengan 100 cm. Apabila jumlah unit sentimeter melebihi atau bersamaan dengan 200 cm, tukar 200 cm kepada 2 m. '*Maths-T*' ini dilukis dalam bentuk T. Simbol + m dan - cm ditulis di atas bentuk T. Urutan dapat membantu murid menentukan nilai yang perlu ditukar kepada m. Kedua, isikan nombor secara berurutan pada lajur meter dan lajur sentimeter.

$$\begin{array}{r} \text{m} \quad \text{cm} \\ 4 \quad 59 \\ \times \quad \quad 4 \\ \hline 16 \quad 236 \end{array}$$

+ m	- cm
1	100
2	200
3	300

Unit milimeter melebihi 20, tukar 20 mm kepada 2 cm.

+ m	- cm
1	100
2	200
3	300

Nilai 200 cm lebih kecil dari 236 cm.

Langkah 2:

Dengan ini, memilih baris ke-2, iaitu 2 m dan 200 cm. Perhatikan simbol pada lajur m dan cm, iaitu simbol '+' pada lajur cm manakala simbol '-' pada lajur mm. Ini bermaksud perlu tolak 200 cm pada lajur cm dan tambah 2 m pada lajur m.

$$\begin{array}{r} \text{m} \quad \text{cm} \\ 4 \quad 59 \\ \times \quad \quad 4 \\ \hline 16 \quad 236 \\ + \quad 2 \quad -200 \\ \hline \end{array}$$

+ m	- cm
1	100
2	200
3	300

Langkah 3:

Oleh itu, jawapannya menjadi 18 m dan 36 cm.

$$\begin{array}{r} \text{m} \quad \text{cm} \\ 4 \quad 59 \\ \times \quad \quad 4 \\ \hline 16 \quad 236 \\ + \quad 2 \quad -200 \\ \hline 18 \quad 36 \end{array}$$

Rajah 4. Langkah menggunakan kaedah '*Maths-T*' yang mengubah bentuk dan warna



Pengumpulan data kajian ini dijalankan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual (Hale, 2018). Berdasarkan Pusat Perkembangan Kurikulum (2002), telah menyatakan bahawa murid perlu menguasai 80% aras masteri yang ditetapkan setiap unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang seterusnya dalam pembelajaran masteri. Jadi, murid perlu menguasai 80% daripada lembaran kerja yang diberikan. Peserta kajian perlu menjawab empat hingga lima soalan dengan betul dalam setiap lembaran kerja yang diedarkan.

Pengkaji menggunakan senarai semak pemerhatian sepanjang masa menjawab soalan-soalan dalam keempat-empat lembaran kerja. Kekekapan 'Ya' dihitung bagi setiap berdasarkan penguasaan terhadap operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter melalui '*Maths-T*'. Peserta kajian yang dapat mencapai kesemua tujuh perkara yang diperhatikan bermaksud telah menguasai operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Data yang dikumpul dari temu bual dicatat dan dienkod berdasarkan kata kunci bagi setiap kehendak soalan dianalisis. Dalam proses temu bual, pengkaji mengenal pasti respon positif dan negatif peserta kajian melalui maklum balas peserta kajian.

## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

### Penguasaan Kemahiran Menukar Unit dalam Operasi Darab yang Melibatkan Meter dan Sentimeter dengan amalan PdPc menggunakan '*Maths-T*'

Dalam kajian ini, dokumen dan pemerhatian digunakan untuk mengesan penguasaan peserta kajian terhadap kemahiran penukaran unit meter dan sentimeter dalam operasi darab. Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan analisis dokumen dalam dua kitaran. Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2, terdapat peningkatan jumlah skor diterima oleh dalam Kitaran 2. Ini menunjukkan mereka telah mencapai sasaran markah yang ditetapkan. Selain itu, pemerhatian juga dijalankan dengan empat buah soalan disediakan. Kewujudan kekekapan reaksi pembelajaran peserta kajian dicatatkan dalam Jadual 3. Jadual 3 merupakan analisis senarai semak pemerhatian bagi perkara 1 hingga perkara 3 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2. Didapati bahawa peserta kajian menunjukkan kemajuan dari segi penukaran unit meter dan sentimeter dalam operasi darab. Berdasarkan Jadual 2, ketiga-tiga peserta kajian dapat menjawab kelima-lima soalan dalam Lembaran Kerja 3 dan Lembaran Kerja 4 dengan betul.


Hasil analisis lembaran kerja dan pemerhatian dalam Kitaran 1 (Jadual 1 dan Jadual 2), didapati kebanyakan peserta kajian membuat kesalahan dalam penukaran unit meter dan sentimeter dalam operasi darab. Selepas penambahbaikan dilakukan dalam Kitaran 2, peserta dapat memperoleh markah penuh dan menunjukkan item pemerhatian yang positif. Keputusan ini menunjukkan peserta kajian telah menguasai kemahiran operasi darab yang melibatkan penukaran meter dan sentimeter. Rajah 5 menunjukkan contoh peserta kajian menggunakan amalan PdPc '*Maths-T*' dalam menyelesaikan soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter.

Jadual 1  
Analisis dokumen dalam Kitaran 1

Peserta	Bilangan soalan dijawab dengan betul		Tafsiran
	Lembaran Kerja 1	Lembaran Kerja 2	
P1	5	5	Menguasai
P2	0	0	Belum Menguasai
P3	1	2	Belum Menguasai
P4	5	5	Menguasai
P5	0	2	Belum Menguasai

Jadual 2  
Analisis dokumen dalam Kitaran 2

Peserta	Bilangan soalan dijawab dengan betul		Tafsiran
	Lembaran Kerja 3	Lembaran Kerja 4	
P2	5	5	Menguasai
P3	5	5	Menguasai
P5	5	5	Menguasai



Rajah 5. Menunjukkan hasil penyelesaian oleh P2 dalam Kitaran 2

Hasil analisis lembaran kerja dan pemerhatian (Jadual 1 hingga Jadual 3) telah menunjukkan peserta kajian bermasalah dalam simbol tambah dan simbol tolak tidak ditulis dengan betul dalam langkah kerjanya untuk menukar unit sentimeter ke meter dalam Kitaran 1. Kesalahan tersebut menjadikan peserta kajian menunjukkan item pemerhatian yang negatif. Setelah penambahbaikan dilakukan, pretasi peserta kajian dalam penyelesaian soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter dapat ditingkatkan.

Peningkatan pencapaian semua peserta kajian dalam setiap lembaran kerja serta maklum balas yang positif menunjukkan penggunaan amalan PdPc 'Maths-T' merupakan sejenis kaedah visualisasi. Ini membuktikan penggunaan amalan PdPc 'Maths-T' dapat meningkatkan penguasaan kemahiran murid dalam menjawab soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Dapatan ini telah disokong oleh Winnie Tan An Chii dan Lu Chung Ching (2016) yang menunjukkan kaedah 'PiRuSe' telah berjaya membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran penukaran unit panjang yang melibatkan meter dan sentimeter.

Jadual 3  
Analisis senarai semak pemerhatian bagi perkara 1 hingga perkara 3 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Bil	Perkara	Kekerapan 'Ya' atau 'Tidak'							
		Kitaran 1				Kitaran 2			
		Lembaran Kerja 1		Lembaran Kerja 2		Lembaran Kerja 3		Lembaran Kerja 4	
Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak		
1	Membina carta dengan tepat								
	-Terdapat 2 bahagian iaitu bahagian meter dan sentimeter.	5	0	5	0	3	0	3	0
	-Terdapat simbol '+' di atas bahagian meter dan '-' sentimeter.	4	1	4	1	3	0	3	0
	-Terdapat titik warna biru pada lajur pertama meter dan sentimeter	5	0	5	0	-	-	-	-

	-Bulatkan unit dan simbol dengan warna merah dan bulatkan unit panjang yang perlu ditukar dari sentimeter ke meter dengan warna biru	-	-	-	-	3	0	3	0
2	Mengisi nombor dengan betul	5	0	5	0	3	0	3	0
3	Dapat menyelesaikan soalan dengan mendapat jawapan dengan tepat.	2	3	2	3	3	0	3	0

### Pemupukan Keyakinan Diri Murid Melalui Amalan PdPc Menggunakan 'Maths-T'

Bagi mengesan keyakinan peserta kajian terhadap penukaran unit meter dan sentimeter dalam operasi darab, pemerhatian dan temu bual dijalankan oleh pengkaji. Jadual 4 dan Jadual 5 merupakan analisis senarai semak pemerhatian bagi bahagian B dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2. Berdasarkan hasil pemerhatian melalui Jadual 4 dan Jadual 5, kebanyakan peserta kajian dapat berubah daripada reaksi muram kepada tenang semasa menukarkan unit meter dan sentimeter dalam operasi darab atas penambahbaikan amalan PdPc 'Maths-T'. Peningkatan keyakinan peserta kajian dapat ditunjukkan dengan menyiapkan lembaran kerja dalam masa yang singkat.

Jadual 4

Analisis senarai semak pemerhatian bagi bahagian B dalam Kitaran 1

Bil	Perkara	Kekerapan 'Ya' atau 'Tidak' (Daripada 5 )			
		Lembaran Kerja 1		Lembaran Kerja 2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Menyiapkan lembaran kerja dalam masa yang singkat.	2	3	3	2
2	Menghantar lembaran kerja untuk disemak dengan penuh keyakinan atau gembira.	2	3	2	3
3	Keinginan untuk mengajar kawan lain selepas menyiapkan lembaran kerja.	2	3	2	3
4	Aktif dalam menjawab soalan semasa temu bual dijalankan.	5	0	5	0

Jadual 5

Analisis senarai semak pemerhatian bagi bahagian B dalam Kitaran 2

Bil	Perkara	Kekerapan 'Ya' atau 'Tidak' (Daripada 3 )			
		Lembaran Kerja 3		Lembaran Kerja 4	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Menyiapkan lembaran kerja dalam masa yang singkat.	3	0	3	0
2	Menghantar lembaran kerja untuk disemak dengan penuh keyakinan atau gembira.	2	1	3	0
3	Keinginan untuk mengajar kawan lain selepas menyiapkan lembaran kerja.	3	0	3	0

4	Aktif dalam menjawab soalan semasa temu bual dijalankan.	3	0	3	0
---	--	---	---	---	---

Berdasarkan analisis pemerhatian yang dijalankan, semua peserta kajian dapat menyiapkan lembaran kerja dalam masa yang singkat, menghantarnya dengan yakin, ingin mengajar kawan lain selepas menyiapkan lembaran kerja dan aktif semasa menjawab soalan temu bual dalam dua kitaran. Peserta kajian berpendapat bahawa '*Maths-T*' adalah senang dibina dan diguna dalam penyelesaian soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Dalam carta '*Maths-T*', peserta kajian dapat mengenal pasti unit panjang yang perlu ditukar dari sentimeter ke meter dengan bulatkan unit tersebut dengan warna biru. Peserta kajian dapat mengenal pasti operasi yang perlu dilakukan semasa penukaran unit dengan membulatkan simbol di atas carta dengan warna biru.

Bagi temu bual, keyakinan peserta kajian adalah dikesan melalui maklum balas mereka terhadap dua buah soalan. Jadual 6 merupakan analisis transkrip bagi soalan 5 dalam dua kitaran. Berdasarkan Jadual 6, peserta kajian dilihat terdapat yakin dan sudi mengajar kawan lain tentang penggunaan amalan PdPc '*Maths-T*'. Perubahan persepsi menunjukkan keyakinan dapat dipupuk terhadap penyelesaian soalan penukaran unit meter dan sentimeter dalam operasi darab.

Jadual 6

Analisis transkrip bagi soalan 5 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

**Soalan:** Adakah anda yakin dengan jawapan anda?

Peserta	Tema	
	Kitaran 1	Kitaran 2
P1	Yakin	-
P2	Tidak yakin	Yakin
P3	Tidak yakin	Yakin
P4	Yakin	-
P5	Tidak yakin	Yakin

Berdasarkan hasil pemerhatian serta maklum balas yang diberikan daripada para peserta kajian, pengkaji mendapati bahawa penggunaan perubahan amalan PdPc '*Maths-T*' dapat membantu murid memupuk keyakinan diri dalam menjawab soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Hasil dapatan menunjukkan pada permulaan tidak mencapai sasaran markah dan ia hanya terhad dalam topik Panjang bagi Tahun 3. Jadi, pengkaji mencadangkan '*Maths-T*' boleh digunakan topik Panjang Tahun 4 bagi soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit sentimeter (cm) dengan milimeter (mm) serta kilometer (km) dan meter (m). Berdasarkan Siti Norainul Afiqah Muhammad Anuar dan Aziz Omar (2013) menyatakan bahawa murid tidak dapat menguasai hubungan antara unit masa. '*Maths-T*' juga dicadangkan boleh digunakan untuk menyelesaikan soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit masa seperti jam dan minit. Contoh penyelesaian soalan operasi darab yang melibatkan penukaran jam dan minit telah ditunjukkan melalui Rajah 8.

Contoh:  $3 \times 1 \text{ jam } 30 \text{ minit} =$

Langkah 1:

Disebabkan 1 jam bersamaan dengan 60 minit. Apabila jumlah unit jam melebihi atau bersamaan dengan 60 minit, tukar 60 minit kepada 1 jam. '*Maths-T*' dapat membantu murid menentukan nilai yang perlu ditukar kepada km. Kedua, isikan nombor secara berurutan pada lajur meter dan lajur sentimeter.

<table style="margin-bottom: 10px;"> <tr><td style="text-align: right;">Jam</td><td style="text-align: left;">Minit</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">1</td><td style="text-align: left;">30</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">×</td><td style="text-align: left;">3</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">3</td><td style="text-align: left;">90</td></tr> </table> <table style="margin-bottom: 10px;"> <tr><td style="text-align: right;">+ Jam</td><td style="text-align: left;">- Minit</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">1</td><td style="text-align: left;">60</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">2</td><td style="text-align: left;">120</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">3</td><td style="text-align: left;">360</td></tr> </table>	Jam	Minit	1	30	×	3	3	90	+ Jam	- Minit	1	60	2	120	3	360	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;">Unit minit melebihi 60, tukar 60 minit kepada 1 jam.</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Nilai 60 minit lebih kecil dari 90 minit.</div>	<table style="margin-bottom: 10px;"> <tr><td style="text-align: right;">+ Jam</td><td style="text-align: left;">- Minit</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">1</td><td style="text-align: left;">60</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">2</td><td style="text-align: left;">120</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">3</td><td style="text-align: left;">360</td></tr> </table>	+ Jam	- Minit	1	60	2	120	3	360
Jam	Minit																									
1	30																									
×	3																									
3	90																									
+ Jam	- Minit																									
1	60																									
2	120																									
3	360																									
+ Jam	- Minit																									
1	60																									
2	120																									
3	360																									
<p>Langkah 2: Dengan ini, bulatkan baris pertama dengan warna biru, iaitu 1 jam dan 60 minit. Bulatkan simbol pada lajur jam dan minit dengan warna merah, iaitu simbol '+' pada lajur jam manakala simbol '-' pada lajur minit. Ini bermaksud perlu tolak 60 minit pada lajur minit dan tambah 1 jam pada lajur .</p>																										
<table style="margin-bottom: 10px;"> <tr><td style="text-align: right;">Jam</td><td style="text-align: left;">Minit</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">1</td><td style="text-align: left;">30</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">×</td><td style="text-align: left;">3</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">3</td><td style="text-align: left;">90</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">+ 1</td><td style="text-align: left;">- 60</td></tr> </table>	Jam	Minit	1	30	×	3	3	90	+ 1	- 60	<table style="margin-bottom: 10px;"> <tr><td style="text-align: right;">+ Jam</td><td style="text-align: left;">- Minit</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">1</td><td style="text-align: left;">60</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">2</td><td style="text-align: left;">120</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">3</td><td style="text-align: left;">360</td></tr> </table>	+ Jam	- Minit	1	60	2	120	3	360							
Jam	Minit																									
1	30																									
×	3																									
3	90																									
+ 1	- 60																									
+ Jam	- Minit																									
1	60																									
2	120																									
3	360																									
<p>Langkah 3: Oleh itu, jawapannya menjadi 4 jam dan 30 minit.</p>																										
<table style="margin-bottom: 10px;"> <tr><td style="text-align: right;">Jam</td><td style="text-align: left;">Minit</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">1</td><td style="text-align: left;">30</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">×</td><td style="text-align: left;">3</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">3</td><td style="text-align: left;">90</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">+ 1</td><td style="text-align: left;">- 60</td></tr> <tr><td style="text-align: right;">4</td><td style="text-align: left;">30</td></tr> </table>	Jam	Minit	1	30	×	3	3	90	+ 1	- 60	4	30														
Jam	Minit																									
1	30																									
×	3																									
3	90																									
+ 1	- 60																									
4	30																									

Rajah 6. Contoh penggunaan kaedah 'Maths-T' dalam penukaran unit jam dan minit

## PENUTUP

Dalam kajian tindakan ini, pengkaji telah menjalankan tindakan perubahan amalan PdPc dengan menggunakan perubahan bentuk 'Maths-T' dan warna dalam menyelesaikan soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Hasil analisis dapatan juga menunjukkan amalan PdPc 'Maths-T' memberi kesan positif dalam membantu meningkatkan penguasaan peserta kajian terhadap operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter. Keyakinan peserta kajian dalam menjawab soalan operasi darab yang melibatkan penukaran unit meter dan sentimeter turut ditingkatkan melalui perubahan amalan PdPc 'Maths-T'. Justeru, pengkaji berharap amalan PdPc 'Maths-T' dapat dijadikan panduan kepada guru selagi penambahbaikan digakkan demi mencapai kejayaan pengajaran.

## RUJUKAN

- Datu Abdul Wahid Datu Kamaruddin, & Hu Laey Nee. (2014). Penggunaan kotak dalam membantu meningkatkan penguasaan penukaran unit melibatkan ukuran panjang. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPMTE2014)*. 29-30 September. Miri, Sarawak. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 156-168.
- Ho Ho Teng, Rahmah Murshidi, Gan Wei Ling, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee Hou Yew,... Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan teori dan amalan*. Sarawak: Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Hale, J. (2018). *The 3 basic types of descriptive research methods*. Diperoleh dari <https://psychcentral.com/blog/the-3-basic-types-of-descriptive-research-methods/>
- Khoo Chwee Hoon, & Lay Yoon Fah. (2015). *Keberkesanan KiCUP dalam penukaran unit panjang dalam kelas pemulihan Matematik*. Diperoleh dari <http://ipkent.edu.my/document/pskent/pskent18/jurnal/142015/10.pdf>
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Pennsylvania Department of Education. (2014). *T-Chart writing tips and rules*. Diperoleh dari <https://www.education.pa.gov/Documents/K-12/Career%20and%20Technical%20Education/Teacher%20Resources/Math%20T-Charts/T-Chart%20Writing%20Tips%20and%20Rules.Pdf>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Pembelajaran Masteri*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosinah Edinin. (2014). *Penyelidikan tindakan kajian dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Sakinah Sallim, & Aziz Omar. (2014). *Penggunaan 'PiRuSe' dalam meningkatkan penguasaan penukaran unit melibatkan kilometer dan meter bagi murid Tahun 4*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.
- Siti Norainul Afiqah Muhammad & Anuar Aziz Omar. (2013). *Penggunaan kaedah Jumping Box bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menukar unit masa hari, jam, minit dan saat dalam kalangan murid 5 Amanah*. Diperoleh dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/Buku%20Koleksi%20PT%20B M%202010.pdf>
- Winnie Tan An Chi, & Lu Chung Chin. (2016). Penggunaan kaedah 'PiRuSe' dalam meningkatkan penguasaan kemahiran menukar unit meter dan sentimeter bagi murid Tahun 3. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPMTE2016)*. 21-22 September 2016. Miri, Sarawak. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 71-84.

## **PENGGUNAAN “STICLAY” UNTUK MEMBANTU MURID TAHUN 2 MENGUASAI KEMAHIRAN MENGENAL BENTUK DUA DIMENSI**

**EVONNE LAW XI CHII<sup>1</sup>, HAMDEN GANI, PhD<sup>2</sup>**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
<sup>1</sup>evonne647@hotmail.com, <sup>2</sup>hamden\_gani@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Bentuk dan ruang adalah asas kepada geometri dalam Matematik. Bagi semua tahun, Matematik Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merangkumi topik bentuk dan ruang dengan tahap kesukaran semakin meningkat dari Tahun Satu sehingga Tahun Enam. Pengkaji mendapati bahawa masih terdapat murid Tahun 2 yang tidak dapat memperihalkan sisi, garis lurus dan bucu bagi bentuk dua dimensi (2D) serta menghuraikan ciri-ciri bentuk 2D. Murid-murid juga menghadapi masalah untuk membayangkan gambaran bentuk 2D berdasarkan huraian ciri-ciri. Justeru, penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan untuk membantu murid Tahun 2 untuk menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D dengan penggunaan “Sticlay”. Model kajian yang digunakan adalah Model Kemmis & McTaggart (1988). Seramai tujuh orang murid Tahun 2 dari sebuah sekolah rendah di kawasan Miri telah dipilih sebagai peserta dalam kajian ini. Data dikumpul melalui tiga teknik, iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Instrumen kajian bagi pengumpulan data terdiri daripada senarai semak pemerhatian, protokol temu bual dan jadual analisis dokumen. Data pemerhatian, data temu bual dan data analisis dokumen dianalisis secara deskriptif dan verbatim. Data-data dalam bentuk deskriptif dianalisis berdasarkan kekerapan setiap kriteria dalam instrumen kajian. Data yang ditranskripsikan secara verbatim seterusnya dianalisis dengan teknik pengkodan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penambahbaikan amalan pengajaran pengkaji dengan penggunaan “Sticlay” dapat membantu semua tujuh orang peserta kajian menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D. Kajian lanjutan dicadangkan supaya pengubahsuaian “Sticlay” dilakukan agar dapat diaplikasikan dalam topik geometri lain.

Kata kunci: “Sticlay”, Tahun 2, kemahiran mengenal bentuk dua dimensi (2D)

### **ABSTRACT**

*Shape and Space is fundamental to geometry in Mathematics. Shape and Space topics in Mathematics Standard-Based Curriculum for Primary School (KSSR) is developed in detail from Year One up to Year Six. Researcher found that there were Year 2 pupils still unable to describe straight line, side and corner of two-dimensional (2-D) shapes as well as the characteristics of 2-D shapes. Pupils also had problems imagining and identifying 2-D shapes based on descriptions. Thus, this action research was conducted to help Year 2 pupils to master skills identify 2-D shapes with the use of “Sticlay”. The model used for this research is Kemmis & McTaggart (1988). A total of seven Year 2 pupils from a primary school in Miri area were selected as participants in this study. Data were collected in three ways, namely observations, interviews and document analysis. The research instruments for data collection comprised of observation checklists, interview protocols and document analysis tables. Observations data, interviews data and document analysis data in descriptive and verbatim analyzed based on the frequency of each criteria in observation checklists, interview protocols and the field notes attached,*

*followed by coding techniques. Further studies are proposed so that the modification of "Sticlay" is made to be applied in other geometry topics.*

*Keywords: "Sticlay", Year 2, two-dimensional (2-D) shapes recognition skills*

## **PENGENALAN**

Matematik adalah bidang yang amat luas dan geometri adalah satu cabang penting dalamnya (Abdul Halim Abdullah, 2015). Pengajaran geometri lebih mengambil masa berbanding tajuk Matematik lain (Wang, 2019; Pu, Song & Kuang, 2017; Pang, 2014). 15 peratus daripada domain kandungan pentaksiran Matematik *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) adalah bidang geometri (Mullis & Martin, 2017).

Dalam sistem pendidikan Malaysia, penekanan yang lebih lagi bagi tajuk geometri di peringkat awal Matematik Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR semakan) selepas pembaharuan kurikulum mengikut trend global dan tanda aras antarabangsa. Dalam aspek agihan standard kandungan dan standard pembelajaran, kandungan geometri ditingkatkan sebanyak 4.29 peratus (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

Pengajaran konsep bentuk dimensi adalah sangat penting kerana pengaplikasian pengetahuan dan kemahirannya secara meluas dalam kehidupan harian serta perkaitannya dengan topik-topik matematik lain (Koleza & Giannisi, 2013) dan juga mengembangkan pemikiran aras tinggi (Olkun & Sari, 2016). Namun, murid-murid Malaysia masih lemah dalam geometri, terutamanya pemahaman bentuk dua dimensi (2D) (Lievesley, 2013; Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan, 2017). Guru matematik Malaysia lebih kerap mengajar tajuk bentuk 2D dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional. Murid-murid biasanya ditunjukkan gambar bentuk sehingga mereka belajar mengaitkan nama dengan angka melalui kaedah hafalan tanpa kefahaman (Westbrook et al., 2014). Hal ini menyebabkan murid tidak memahami konsep ruang yang sebenar.

Daripada pemerhatian pengkaji dan hasil analisis lembaran kerja yang diberikan, didapati bahawa murid-murid masih tidak menguasai kemahiran tentang tajuk 2D yang telah dipelajari dalam Tahun 1. Selain itu, pengkaji juga mengesan kelemahan strategi pengajaran pengkaji yang menggunakan persembahan *PowerPoint* sebagai medium penyampaian pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Ada dalam kalangan murid bercakap sesama rakan, membuat kerja sendiri, membelek nota-nota dan menunjukkan tingkah laku disruptif seperti lari ke tempat duduk rakan. Maka, dirumuskan bahawa murid Tahun 2 tidak mempunyai kemahiran asas 2D dalam Tahun 1 yang kukuh dan PdPc yang berpusatkan guru turut menjejaskan pembelajaran dan penguasaan kemahiran mengenal pasti bentuk 2D berdasarkan huraian dalam Tahun 2.

## **FOKUS KAJIAN**

Berdasarkan data awal yang dikumpulkan melalui lembaran kerja, beberapa miskonsepsi dan kesilapan murid dalam pembelajaran tajuk bentuk 2D telah dikenal pasti dan telah dijadualkan dalam Jadual 1.
















Maka, kajian ini berfokus untuk membantu penguasaan murid Tahun 2 tentang kemahiran mengenal bentuk 2D melalui penggunaan "Sticlay". Penggunaan "Sticlay" mengutamakan pengalaman murid bermain dengan bahan maujud secara *hands-on* sewaktu pembelajaran berbanding melihat gambar bentuk 2D statik semata-mata.

Kaedah seni terutamanya memanipulasikan tanah liat kepada bentuk berdimensi dapat memudahkan pemahaman kanak-kanak (Kindler, 2010; Lindsay, 2017). Piaget (1967) dan Van Hiele (1986) menyatakan bahawa pemahaman bentuk dan ruang oleh murid Tahap 1 adalah melalui pengalaman interaksi dengan bahan maujud untuk mencipta idea baru. Ini disokong oleh kajian Wang (2015), penguasaan penaakulan logik murid tahap 1 terikat kepada pengalaman deria dan bahan konkrit melalui kaedah bermain. Owi dan Ang (2016) juga menekankan simulasi dan visualisasi dapat membantu murid lebih memahami konsep bersifat abstrak.



Jadual 1

Miskonsepsi dan kesilapan murid dalam kemahiran mengenal bentuk 2D

																										
<p>Kesilapan menamakan bentuk 2D</p>	<p>Kesilapan mengenal pasti bentuk 2D antara saiz dan posisi yang berbeza</p>																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bentuk 2D 平面图形</th> <th>Bucu 角</th> <th>Sisi 边</th> <th>Garis Lurus 直线</th> <th>Garis Lengkung 曲线</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1) </td> <td>3 ✓</td> <td>0 ✗</td> <td>0 ✗</td> <td>0 ✓</td> </tr> <tr> <td>2) </td> <td>4 ✓</td> <td>0 ✗</td> <td>0 ✗</td> <td>0 ✓</td> </tr> <tr> <td>3) </td> <td>0 ✓</td> <td>0 ✓</td> <td>0 ✓</td> <td>1 ✓</td> </tr> <tr> <td>4) </td> <td>4 ✓</td> <td>0 ✗</td> <td>0 ✗</td> <td>0 ✓</td> </tr> </tbody> </table>	Bentuk 2D 平面图形	Bucu 角	Sisi 边	Garis Lurus 直线	Garis Lengkung 曲线	1) 	3 ✓	0 ✗	0 ✗	0 ✓	2) 	4 ✓	0 ✗	0 ✗	0 ✓	3) 	0 ✓	0 ✓	0 ✓	1 ✓	4) 	4 ✓	0 ✗	0 ✗	0 ✓
Bentuk 2D 平面图形	Bucu 角	Sisi 边	Garis Lurus 直线	Garis Lengkung 曲线																						
1) 	3 ✓	0 ✗	0 ✗	0 ✓																						
2) 	4 ✓	0 ✗	0 ✗	0 ✓																						
3) 	0 ✓	0 ✓	0 ✓	1 ✓																						
4) 	4 ✓	0 ✗	0 ✗	0 ✓																						
<p>Kesilapan memperihalkan sisi, bucu dan garis lurus dengan betul bagi bentuk 2D</p>	<p>Kesilapan menghuraikan ciri-ciri bentuk 2D dari segi bilangan sisi, bucu dan garis lurus</p>																									

Maka, kajian ini berfokus untuk membantu penguasaan murid Tahun 2 tentang kemahiran mengenal bentuk 2D melalui penggunaan “Sticlay”. Penggunaan “Sticlay” mengutamakan pengalaman murid bermain dengan bahan maujud secara *hands-on* sewaktu pembelajaran berbanding melihat gambar bentuk 2D statik semata-mata.

Kaedah seni terutamanya memanipulasikan tanah liat kepada bentuk berdimensi dapat memudahkan pemahaman kanak-kanak (Kindler, 2010; Lindsay, 2017). Piaget (1967) dan Van Hiele (1986) menyatakan bahawa pemahaman bentuk dan ruang oleh murid Tahap 1 adalah melalui pengalaman interaksi dengan bahan maujud untuk mencipta idea baru. Ini disokong oleh kajian Wang (2015), penguasaan penaakulan logik murid tahap 1 terikat kepada pengalaman deria dan bahan konkrit melalui kaedah bermain. Owi dan Ang (2016) juga menekankan simulasi dan visualisasi dapat membantu murid lebih memahami konsep bersifat abstrak.

Kehadiran bahan bantu mengajar (BBM) menjadikan fungsi guru sebagai pemudah cara serta meningkatkan keberkesanan pembelajaran berpusatkan murid dengan hanya 25 peratus penglibatan guru di bilik darjah (Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2011). Oleh itu, pengkaji telah menggunakan BBM

manipulasi iaitu “Sticlay” melalui cara bermain sebagai tindakan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh murid Tahun 2.

### OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk

- membantu murid Tahun 2 menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D
- menambah baik amalan pengajaran guru tentang kemahiran mengenal bentuk 2D.

Soalan kajian ini adalah


- Bagaimanakah cara membantu murid Tahun 2 menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D?
- Bagaimanakah cara menambah baik amalan pengajaran guru tentang kemahiran mengenal bentuk 2D?

### PESERTA KAJIAN

Berdasarkan keputusan diagnostik yang dijalankan, pengkaji telah memilih tujuh orang murid Tahun 2 dari sebuah sekolah jenis kebangsaan di kawasan Miri sebagai peserta kajian. Tujuh peserta kajian ini terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan empat orang murid perempuan. Penilaian prestasi mereka berdasarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam lembaran kerja. Pencapaian diperoleh menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian tidak menguasai kemahiran bentuk 2D.

### PELAKSANAAN KAJIAN

Pengkaji telah menggunakan model Kemmis & McTaggart (1988) (Rajah 1) sebagai panduan untuk melaksanakan penyelidikan tindakan ini.






(Sumber: Chuah, 2018)

Rajah 1. Model penyelidikan tindakan Kemmis & McTaggart (1988)

Jadual 2 memaparkan langkah-langkah penggunaan kaedah “Sticlay” dalam PdPc tentang kemahiran mengenal bentuk 2D. Setiap langkah tindakan diperjelas dengan rasionalnya.


Jadual 2

Langkah-langkah penggunaan kaedah 'Sticlay' dalam PdPc tentang kemahiran mengenal bentuk 2D

LANGKAH/ TINDAKAN	RASIONAL
<p><b>Langkah 1</b> Guru menunjukkan contoh hasil model "Sticlay". Contohnya segi tiga.</p> 	<p>Menarik minat dan perhatian peserta kajian dan menguji kefahaman masing-masing terhadap nama bentuk 2D.</p>
<p><b>Langkah 2</b> Guru menunjukkan proses pembinaan bentuk 2D dengan "Sticlay" langkah demi langkah. Contohnya segi empat sama.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(i) Bulatkan nombor dan gariskan kata kunci dalam nama bentuk 2D. Contohnya, segi <u>empat</u> sama.</li> <li>(ii) Ambil 4 biji "clay" berdasarkan nombor "empat" dibulatkan.</li> <li>(iii) Ambil 4 batang lidi berdasarkan nombor "empat" digariskan.</li> <li>(iv) Ambil 4 batang lidi sama panjang (4 yang panjang ataupun 4 yang pendek) berdasarkan kata kunci (sama) yang digariskan,</li> <li>(v) Bina bentuk 2D berdasarkan "Sticlay" yang ada dengan sambungkan satu "clay" ke satu hujung batang lidi yang ditandakan.</li> </ol>	<p>Peserta kajian memahami, mengalami dan menguasai cara membina bentuk 2D dengan menggunakan "Sticlay".</p>
<p><b>Langkah 3</b> Guru menunjukkan hasil segi tiga daripada "Sticlay" dalam posisi dan saiz yang berlainan. Seterusnya, guru menjelaskan konsepnya.</p> 	<p>Peserta kajian memahami dan menguasai kemahiran menamakan bentuk 2D dalam posisi dan saiz yang berlainan dengan menggunakan "Sticlay". Pemikiran peserta kajian juga tidak terikat dengan saiz atau satu posisi bentuk 2D yang ditunjukkan dalam buku teks.</p>
<p><b>Langkah 4</b> Guru menjelaskan bahawa batang lidi mewakili sisi atau garis lurus manakala bucu diwakili oleh "clay". Guru menunjukkan sisi, bucu dan garis lurus bagi segi tiga melalui model "Sticlay" yang dibentuk.</p> 	<p>Peserta kajian menguasai kemahiran mengenal pasti maksud sisi, bucu dan garis lurus terlebih dahulu. Seterusnya, mereka memahami bahawa sisi dan garis lurus adalah sama dalam bentuk 2D.</p>

### Langkah 5

Guru membimbing peserta kajian menghuraikan ciri-ciri hasil bentuk 2D melalui pemerhatian dan seterusnya menghitung dan mencatat.



Bilangan "clay" = 3  
= ( 3 ) bucu

Bilangan batang lidi = 3  
= ( 3 ) sisi  
= ( 3 ) garis lurus

Peserta kajian menguasai kemahiran menghuraikan ciri-ciri bentuk 2D melalui cara mengenal pasti batang lidi mewakili sisi dan "clay" mewakili bucu dan seterusnya menghitung bilangan masing-masing pada bentuk 2D (model "Sticlay").

### Langkah 6

Guru menunjukkan cara mengenal pasti bentuk 2D berdasarkan huraian ciri-ciri dengan penggunaan "Sticlay".

- (i) Bulatkan nombor dalam huraian ciri-ciri.
- (ii) Gariskan kata kunci dalam huraian.
- (iii) Contoh huraian ciri-ciri:
  - Empat sisi lurus, sisi bertentangan sama panjang.
  - Empat bucu.
  - Tiada sisi lengkung.
- (iv) Ambil batang lidi dan "clay" berdasarkan huraian ciri-ciri dan bentukkan 2D.
- (v) Namakan bentuk hasil "Sticlay".

Peserta kajian memahami konsep mengenal pasti bentuk 2D berdasarkan huraian ciri-ciri adalah proses terbalik bagi menghuraikan ciri-ciri bentuk 2D dengan penggunaan "Sticlay".

### Langkah 7

Guru menunjukkan cara menyelesaikan soalan mengenai kemahiran mengenal bentuk 2D dengan penggunaan "Sticlay".

Peserta kajian mengaplikasikan "Sticlay" untuk menyelesaikan semua soalan berkenaan kemahiran mengenal bentuk 2D.

Pengumpulan data melalui tiga kaedah, iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Instrumen kajian bagi pengumpulan data terdiri daripada senarai semak pemerhatian, protokol temu bual dan jadual analisis dokumen. Data pemerhatian, data temu bual dan data analisis dokumen dianalisis secara deskriptif dan verbatim. Data-data dalam bentuk deskriptif dianalisis secara kualitatif berdasarkan kekerapan setiap kriteria dalam instrumen kajian. Data yang ditranskripsikan secara verbatim seterusnya dianalisis dengan teknik pengkodan. Isu kebolehpercayaan dan kesahan dapat ditangani dengan adanya proses triangulasi.


## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

Bagi penguasaan peserta kajian tentang kemahiran mengenal bentuk 2D, pola-pola kesilapan yang dilakukan oleh peserta kajian telah dikategorikan mengikut empat kemahiran seperti yang dipersembahkan dalam Jadual 3. Contoh pola kesilapan pula ditunjukkan dalam Rajah 2.

Jadual 3

Pola-pola kesilapan tentang kemahiran mengenal bentuk 2D

Pola kesilapan	Kesilapan
A	Menamakan bentuk 2D (gambar)
B	Memperihalkan sisi, bucu dan garis lurus bagi bentuk 2D
C	Menghuraikan ciri-ciri bentuk 2D
D	Menamakan bentuk 2D berdasarkan huraian cir-ciri



Rajah 2. Pola-pola kesilapan dalam lembaran kerja

Tambahan lagi, penentuan kod tema dan kategori data temu bual dalam bentuk verbatim dijadualkan dalam Jadual 4. Hasil analisis data yang dikumpul mengenai pencapaian peserta kajian pula dipaparkan melalui Jadual 5, 6 dan 7.

Jadual 4

Penentuan kod tema dan kategori data dalam bentuk verbatim (temu bual dan RPH)

Kod Tema dan Kategori	
<p><b>1: Faktor bahan bantu mengajar</b> manipulasi : "Sticlay" (A): Senang digunakan / Menarik / Membantu / Ringkas (B): Keliru (C): Susah digunakan / Kompleks / Kotor / Tidak menarik / Biasa / Membazirkan masa</p>	<p><b>3: Perasaan / Tindakan murid</b> (A): Seronok / Gembira / Tidak Bosan / Menarik / Suka / Senyum / Berbincang / Asyik angkat tangan / Selalu bertanya (B): Tidak seronok / Tidak suka / Bosan / Biasa / Buat kerja lain / Berangan-angan</p>
<p><b>2: Faktor murid</b> Malas / Tidak dapat hafal langkah / istilah / Bermasalah untuk mengimajinasikan, membezakan / Tidak suka membaca</p>	<p><b>4: Pemahaman murid</b> (A): Faham / Jelas / Tahu / (Sangat / amat / memang) / Dapat / boleh menjawab (B): Keliru / Kurang pasti / Tidak pasti (C): Tidak faham / Tidak tahu / Susah</p>

(Diubahsuai daripada Saldaña, 2015)

Jadual 5  
Analisis senarai semak pemerhatian (kriteria 1 hingga 4)

Bil	Kriteria	Kitaran 1		Kitaran 2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Peserta kajian dapat membulatkan dan menggariskan kata kunci dalam nama bentuk 2D dengan betul.	4 (P1,P3, P4,P7)	3 (P2, P5, P6)	5 (Semua)	0
2	Peserta kajian dapat mengambil bilangan "Sticlay" yang sepadan dengan kehendak soalan.	2 (P3, P7)	5 (P1, P2, P4, P5, P6)	5 (Semua)	0
3	Peserta kajian dapat menggunakan "Sticlay" membina bentuk 2D yang betul berdasarkan kehendak soalan.	2 (P3, P7)	5 (P1, P2, P4, P5, P6)	5 (Semua)	0
4	Peserta kajian dapat menyelesaikan soalan dalam lembaran kerja dengan betul melalui penggunaan "Sticlay".	2 (P3, P7)	5 (P1, P2, P4, P5, P6)	5 (Semua)	0

Jadual 6  
Analisis transkrip temu bual soalan 1

**Soalan 1:** Adakah penggunaan "Sticlay" membantu anda memahami, mengenal dan menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran mengenal bentuk 2D? Kenapa?

Peserta kajian	Kitaran 1	Kitaran 2	Maklum balas diperoleh (K1+K2)
	Kod maklum balas	Kod maklum balas	
P1	1(A), 1(B), 4(A), 4(B)	1(A), 4(A)	<b>Bantu, faham</b> , kurang pasti, <b>best, dua warna mudah bezakan</b>
P2	1(B), 3(A), 4(C)	1(A), 4(A)	Keliru, seronok, <b>boleh menjawab</b>
P3	1(A), 4(A)	/	<b>Ada, faham</b>
P4	1(C), 2, 4(C)	1(A), 4(A)	Tidak pasti, keliru, <b>sangat faham, banyak membantu, bezakan melalui warna</b>
P5	1(C), 2, 4(C)	1(A), 4(A)	Tidak faham, <b>tahu</b>
P6	1(C), 2, 4(C)	1(A), 4(A)	Susah, tidak tahu, kompleks, malas, <b>membantu, faham</b>
P7	1(A), 4(A)	/	<b>Ada, guna jawab</b>

Jadual 7  
Analisis lembaran kerja

Bahagian lembaran kerja	Bilangan peserta kajian/ Tahap penguasaan dan tafsiran/ Bilangan soalan dijawab dengan betul					
	Kitaran 1			Kitaran 2		
	Menguasai (cemerlang) 5-6	Belum menguasai (sederhana) 3-4	Tidak menguasai (lemah) 0-2	Menguasai (cemerlang) 5-6	Belum menguasai (sederhana) 3-4	Tidak menguasai (lemah) 0-2
A	2 (P3→6, P7→5)	2 (P1,P4→4)	3 (P2, P5→1, P6→2)	5 (Semua)	0	0
B	4 (P1, P3, P4, P7→6)	0	3 (P2→0, P5, P6→2)	5 (Semua)	0	0
C	2	2	3	5	0	0

	(P3→6, P7→6)	(P1,P4→6)	(P2, P5, P6→0)	(Semua)		
D	2 (P3→6, P7→5)	2 (P1, P4→6)	3 (P2→6, P5, P6→0)	5 (Semua)	0	0

Secara keseluruhannya, dalam kitaran 1, penambahbaikan amalan guru tentang kemahiran mengenal bentuk 2D dengan penggunaan “Sticlay” hanya berjaya membantu dua daripada tujuh peserta kajian menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D dengan penggunaan “Sticlay” iaitu P3 dan P7. Yang paling ketara, daripada Jadual 7 mendapati bahawa P3 dan P7 berpencapaian cemerlang dalam keempat-empat bahagian dalam lembaran kerja, khususnya P3 kerana berjaya menjawab semua soalan dengan betul. Kenyataan ini disokong oleh data pemerhatian (Jadual 5) dan juga data temu bual (Jadual 6) bahawa P3 dan P7 suka dan berasa “Sticlay” membantu pemahaman mereka.

Antara lima lagi peserta kajian (P1, P2, P4, P5 dan P6), ada dua peserta kajian (P1 dan P4) berpencapaian sederhana kerana belum menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D sama kumpulan. Dapatan ini diperkukuh oleh data temu bual (Jadual 6) bahawa kedua-dua orang terkeliru rupa dan ciri-ciri segi empat sama dan segi empat tepat. P2, P5 dan P6 pula dikesan masih lemah dalam tajuk 2D Tahun 1 dan Tahun 2. Ketiga-tiga orang masih tidak menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D dan banyak pola kesilapan dikesan terutamanya pola C dan pola D. Ini adalah kerana batang lidi dalam “Sticlay” mengelirukan dan langkah pengaplikasiannya agak panjang.

Selepas kelemahan diketahui, pengkaji pun memperbaiki PdPc dengan mengubahsuai batang lidi dalam “Sticlay” menjadi “Sticlay” berwarna”. Hasil dapatan dalam kitaran 2 menunjukkan “Sticlay” berwarna telah membantu kelima-lima peserta kajian menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D dengan cemerlang.

Seterusnya, Jadual 8, 9, 10 dan 11 menunjukkan hasil analisis data yang dikumpul berkenaan penambahbaikan amalan pengajaran guru tentang kemahiran bentuk 2D.

Jadual 8

Analisis senarai semak pemerhatian (kriteria 5 hingga 8)

Bil	Kriteria	Kitaran 1		Kitaran 2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
5	Peserta kajian menumpu perhatian semasa guru memberi penjelasan tentang cara penggunaan “Sticlay”.	7 (P1,P3, P4,P7)	0	5 (Semua)	0
6	Peserta kajian tertanya-tanya tentang cara penggunaan “Sticlay” dalam menyelesaikan soalan lembaran kerja.	3 (P1, P4, P7)	4 (P2, P3, P5, P6)	5 (Semua)	0
7	Peserta kajian menunjukkan perasaan seronok melalui mimik muka semasa meneroka “Sticlay”.	7 (Semua)	0	5 (Semua)	0
8	Peserta kajian menunjukkan kesungguhan dan sikap aktif semasa mencuba untuk mengaplikasikan tindakan “Sticlay” ke latihan dalam lembaran kerja.	4 (P1,P3, P4,P7)	3 (P2, P5, P6)	5 (Semua)	0

Jadual 9

Analisis transkrip temu bual soalan 2

**Soalan 2:** Adakah anda berasa pengajaran kemahiran mengenal bentuk 2D melalui “Sticlay” (berwarna) lebih seronok berbanding kaedah lama? Kenapa?

Peserta kajian	Kitaran 1	Kitaran 2	Maklum balas diperoleh (K1+K2)
	Kod maklum balas	Kod maklum balas	
P1	1(A), 3(A)	1(A), 3(A)	<b>Ya, boleh main, suka bentuk 2D, dua warna mudah bezakan.</b>
P2	1(A), 3(A)	1(A), 3(A)	<b>Ya, boleh main, bagus</b>
P3	1(A), 3(A)	/	<b>Ya, enjoy</b>
P4	1(A), 3(A)	1(A), 3(A)	<b>Ya, lebih suka main, berwarna</b>
P5	1(C), 2, 3(B)	1(A), 3(A)	Tidak suka kerja matematik, <b>berwarna lagi seronok, mudah</b>
P6	1(C)	1(A), 3(A)	PPT lagi seronok, <b>ya, suka “Sticlay” berwarna.</b>
P7	1(A), 3(A)	/	<b>Ya, boleh main</b>

Jadual 10

Analisis transkrip temu bual soalan 3

**Soalan 3:** Adakah anda berharap cikgu mengajar kemahiran bentuk 2D dengan kaedah ini lain kali? Kenapa?

Peserta kajian	Kitaran 1	Kitaran 2	Maklum balas diperoleh (K1+K2)
	Kod maklum balas	Kod maklum balas	
P1	1(A), 3(A)	1(A), 3(A)	<b>Ya, suka bentuk 2D</b>
P2	1(A), 3(A)	1(A), 3(A)	<b>Ya, main tidak mengantuk</b>
P3	1(A), 3(A)	/	<b>Ada, suka</b>
P4	3(B)	1(A), 3(A)	Tidak tahu, keliru, <b>sangat faham, banyak membantu</b>
P5	3(A)	1(A), 3(A)	Asalkan boleh main, <b>ya, lebih suka “Sticlay” berwarna</b>
P6	1(C)	1(A), 3(A)	PPT lagi seronok, <b>ya, boleh main dan bina</b>
P7	1(A), 1(C), 3(A)	/	<b>Ya, sambil belajar sambil main, ambil masa bezakan</b>

Jadual 11

Analisis rancangan pengajaran harian (RPH)

Langkah RPH	Maklum balas peserta kajian/ Bilangan peserta kajian			
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Positif 1(A)/3(A)/4(A)	Negatif 1(C)/2/3(B)/4(C)	Positif 1(A)/3(A)/4(A)	Negatif 1(C)/2/3(B)/4(C)
L1	7 (Semua)	0	5 (Semua)	0
L2	4 (P1,P3, P4, P7)	3 (P2, P5, P6)	5 (Semua)	0
L3	4 (P1,P3, P4, P7)	3 (P2, P5, P6)	5 (Semua)	0
L4	4 (P1,P3, P4, P7)	3 (P2, P5, P6)	5 (Semua)	0
L5	4	3		



---

(P1,P3, P4, P7)	(P2, P5, P6)
--------------------	--------------

---

Selepas meneliti hasil dapatan dalam Jadual 8 hingga 11, ringkaslah bahawa penambahbaikan amalan pengajaran pengkaji untuk membantu peserta kajian menguasai kemahiran mengenal bentuk 2D dengan penggunaan “Sticlay” tidak membuahkan hasil yang memberangsangkan dalam kitaran 1. Hanya empat daripada tujuh peserta kajian iaitu P1, P3, P4 dan P7 yang menunjukkan tingkah laku positif sepanjang PdPc dijalankan. P2, P5 dan P6 pula berkelakuan negatif malah adakala mereka seolah-olah hilang kawalan. Kesan ekoran daripada tingkah laku sedemikian adalah objektif pembelajaran PdPc tidak dapat dicapai. Tingkah laku peserta kajian sedemikian telah diperjelaskan dalam Jadual 6 dan Jadual 10. Tidak ketinggalan juga data dalam Jadual 7 yang menunjukkan pencapaian rendah P2, P5 dan P6 dalam lembaran kerja. Pencapaian murid merupakan satu ukuran kepada keberhasilan proses pembelajaran yang dialami murid dalam bilik darjah (Bahagian Pengurusan Maklumat, 2018).

Oleh hal demikian, pengkaji telah melakukan penambahbaikan kepada PdPc dalam kitaran 2 dengan penggunaan “Sticlay” yang diubahsuai kepada “Sticlay” berwarna. Kesannya, pengkaji mendapat maklum balas yang positif dan membanggakan daripada semua peserta kajian dalam kitaran 2. Kelima-lima peserta kajian (P1, P2, P4, P5 dan P6) memberi komitmen yang tinggi dan melibatkan diri secara aktif. Perbezaan warna batang lidi dalam model “Sticlay” yang kontra memang memberi impak visual yang kuat dan memudahkan semua peserta kajian untuk membezakan dan bertindak secara cepat dan tepat. Ini disahkan oleh kajian Miller et al. (2013) membuktikan bahawa warna biru dan hijau mengembangkan kebolehan mental dan memberi rangsangan visual kepada aktiviti pengasingan. Kecenderungan warna kanak-kanak berumur 7 hingga 9 tahun seperti hijau, biru, kuning dan pink meningkatkan ketajaman penglihatan dan sebagai agen perubahan yang berkesan dalam pembelajaran konsep abstrak (White & Dauksas, 2019).

Kesimpulannya, penambahbaikan amalan pengajaran guru dengan penggunaan “Sticlay” berwarna telah banyak membantu penguasaan murid Tahun 2 dalam kemahiran mengenal bentuk 2D. Dengan kata lain, bahan bantu mengajar yang bersifat konkrit dan manipulatif ditambahkan dengan unsur warna dan main memang memberi kesan optimum kepada kefahaman murid tahap rendah selain membawa satu pendekatan pengajaran yang lebih inklusif.

## **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Penyelidikan tindakan ini telah berjaya membantu penguasaan murid Tahun 2 tentang kemahiran mengenal bentuk 2D. Walau bagaimanapun, kaedah “Sticlay” ini boleh diperbaiki dan diubahsuai lagi demi menghasilkan PdPc yang lebih berkesan dan memberangsangkan. Antara cadangan pengkaji adalah menambah baik dari segi struktur “Sticlay”. Penggunaan plastik tebal fleksibel untuk menggantikan batang lidi yang bersaiz kecil dan mudah rosak atau patah supaya meningkatkan ciri-ciri kebergunaan bahan konkrit manipulasi. “Sticlay” yang bercirikan ringan, mudah dibawa dan tahan lasak akan memudahkan murid dalam proses pembinaan bentuk 2D kerana lebih mudah dipegang dan tidak selalunya tercipir daripada tangan. Selain itu, cadangan lain adalah mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) iaitu perisian geometri seperti “Shapenology” (Navin Veerakumar, 2018) atau “Logo” (Clements & Sarama, 2014) dalam PdPc “Sticlay”. Cadangan ini adalah berasaskan kehendak dan keperluan PAK21. “Sticlay” dan perisian teknologi memiliki kekuatan tersendiri yang saling mempengaruhi dan melengkapi. Gabung jalin yang tekal dan berterusan di antara dua tunjang ini adalah signifikan dalam membangunkan modal insan secara menyeluruh (BPK, 2018). Contoh “Shapenology” digunakan untuk menunjukkan proses pembinaan bentuk 2D melalui eBook “Shapenology” yang sedia ada. “Logo” pula membolehkan kanak-kanak menaip arahan asas untuk mengarahkan penyusut dalam bentuk lukisan membantu kanak-kanak meneroka sifat-sifat bentuk 2D. Perisian komputer berperanan sebagai persekitaran kaya geometri dinamik menangani kekurangan rajah dan

model di mana kanak-kanak tidak boleh mengubah bentuk secara dinamik (Sinclair & Moss, 2012). Oleh itu, adalah diharapkan penyelidikan yang bakal dijalankan pada masa akan datang dapat mengukuhkan lagi kajian ini.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Abdullah. (2015). Pengajaran dan pembelajaran geometri di Malaysia: Senario semasa dan implikasinya. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali ke-4, Selangor. pp. 400-414.
- Chuah, K. H. (2018). *Penulisan Laporan Penyelidikan Tindakan Panduan Penyelidik: Model Kemmis & McTaggart (1998)*. Sarawak: UNIMAS Publisher.
- Clements, D. H., & Sarama, J. (2014/ 2013). Young Children Ideas about Geometric Shapes. *Teaching Children Mathematics*, pp. 482–488.
- Kamarul, A. J., Faez, I., Halim, T., & Izham, M. H. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 59-74.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Laporan tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kuala Lumpur: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMG2) 2018*. Kuala Lumpur: Bahagian Pengurusan Maklumat.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Bahan Kursus Orientasi KSSR Semakan 2017*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kindler, A. (2010). Art and art in early childhood: What can young children learn from “a/Art activities?”. *International Art in Early Childhood Research Journal*, 2(1). 139-150.
- Koleza, E., & Giannisi, P. (2013, February). Kindergarten children’s reasoning about basic geometric shapes. In Proceedings of the eighth congress of the European society for research in mathematics education (pp. 2118-2127).
- Lievesley, D. (2013). *Literacy Skills for the World of Tomorrow - Further results from PISA 2012*. In S. Kuger, E. Elieme, N. Jude, & D. Kaplan (Eds). *Assessing context of learning: An international perspective*. (pp 251-272). Dordrecht: Springer.
- Lindsay, G. (2017, September 28-30). Art is Experience: An exploration of the visual arts beliefs and pedagogy of Australian early childhood educators. A paper presented at the Inaugural Early Start Conference, University of Wollongong, Australia.
- Miller, V., Ling, Y. Z., & Hurbert, A. (2013). Memory color of natural familiar objects: Effects of surface texture and 3-D shape. *Journal of Vision*,(13) 20. DOI: 10.1167/13.7.20
- Mullis, I. V., & Martin, M. O. (2017). *TIMSS 2019 Assessment Frameworks. International Association for the Evaluation of Educational Achievement*. Boston: International Study Center.
- Navin Veerakumar. (2018). Penggunaan Shapenology Dalam Meningkatkan Penguasaan Murid Tahun 1 Tentang Ciri-Ciri Bentuk 2D. *Koleksi Penyelidikan Tindakan PISMP Ambil Jun 2014*. Johor: Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim.
- Owi, W. P., & Ang, K. H. (2016). A Case Report of Educational in 3D and 2D towards Primary Mathematics. *Asia Pacific Journal of Education, Arts and Sciences*, 3(2). 8-12.
- Pang, J. L. (2014). A comparative study of elementary school mathematics textbooks.-take "2-D shapes" as an example. *Journal of Education*, 86 (1): 56.
- Piaget, J., & Inhelder, B. (1967). The child’s conception of space.(F.J. Langdon & J. L. Lunzer, Trans). New York: W. W. Norton .
- Pu, S. P., Song, N. Q., & Kuang, K. X. (2017). Research on International Development Trends of Primary Mathematics Textbooks in the 21st Century—Based on the 12 Sets of Primary School Textbooks from 10 Countries. *Jurnal Penyelidikan*.pp. 13-20.
- Saldaña, J. (2015). *The coding manual for qualitative researchers 3<sup>rd</sup> edition*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Sinclair, N., & Moss, J. (2012). The more it changes, the more it becomes the same: The development of the routine of shape identification in dynamic geometry environment.

- International *Journal of Educational Research*, pp 51-52, 28-44. DOI: 10.1016/j.ijer.2011.12.009
- Van Hiele, P. M. (1986). *Structure and insight: A theory of mathematics education*. New York: Academic Press Inc.
- Wang, F. F. (2019). Ciri struktur dan kesedaran buku teks matematik Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 9. 61-67.
- Wang, Y. M. (2015). Pembelajaran konsep abstrak murid Tahun 1 melalui kaedah belajar sambil bermain. China: Beijing Publishing.
- White, J., & Dauksas, L. (2019). *Teaching Young Children: Discovering Shapes and Space in Preschool*. Washington, DC: NAEYC.

## **PENGUNAAN KAEDAH CUBES UNTUK MEMBANTU MURID TAHUN 4 MENYELESAIKAN MASALAH TENTANG MASA DAN WAKTU**

**MONICA CHIN SU CHING<sup>1</sup>, HAMDEN GANI<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>micachin97@gmail.com, <sup>2</sup>hamden\_gani@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Penguasaan kemahiran penyelesaian masalah tentang masa dan waktu amat penting dalam mempelajari topik masa dan waktu. Namun, pengkaji mendapati sebahagian murid Tahun 4 menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran tersebut disebabkan tidak memahami kehendak soalan dan tidak dapat mengenal pasti jalan operasi yang sesuai. Maka, kajian tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu murid Tahun 4 menyelesaikan masalah tentang masa dan waktu. Model Kemmis dan McTarggart (1988) digunakan sebagai panduan pelaksanaan kajian tindakan ini. Peserta kajian terdiri daripada tujuh orang murid dari sebuah sekolah di Miri dan dikenal pasti melalui kuiz pintas. Kajian ini menggunakan tiga teknik pengumpulan data iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Instrumen kajian ini termasuklah protokol analisis data, senarai semak pemerhatian dan borang temu bual. Data analisis dokumen dan data pemerhatian dianalisis secara deskriptif berasaskan kekerapan. Data temu bual dalam bentuk verbatim dianalisis dengan teknik pengkodan berasaskan tema-temanya. Dapatan kajian mendapati penggunaan kaedah CUBES dapat membantu lima daripada tujuh orang murid Tahun 4 menyelesaikan masalah tentang masa dan waktu. Dapatan kajian juga mendapati kaedah CUBES yang ditambah baik iaitu menyenaraikan operasi yang betul dalam kurungan di atas soalan dapat membantu baki dua orang murid menguasai penyelesaian masalah tentang masa dan waktu. Cadangan untuk kajian lanjutan adalah penggunaan warna untuk membuat lakaran serta penggunaan kaedah CUBES dalam topik menyelesaikan masalah wang.

Kata Kunci: *CUBES, Model Kemmis dan McTarggart (1988)*

### **ABSTRACT**

*Mastering problem-solving skills about time is very important in learning the topic of time. However, some Year 4 students had difficulty in solving problems involving time because they did not understand the questions and could not identify the proper solution. The aim of this action research is to help Year 4 students to solve problems about time. This study was conducted based on Kemmis and McTarggart Model (1988). The participants consist of seven students from a school in Miri, identified through a short quiz. This research used three techniques in collecting data namely document analysis, observation and interview. The instruments of this research include data analysis protocols, observation checklists and interview forms. Data from document analysis and observation data were analyzed descriptively based on frequency. Interview data in verbatim form was analyzed using coding techniques based on their themes. The research found that, using the CUBES method, five out of seven Year 4 students were able to solve problems about time. The research also found that the improved CUBES method of listing the correct operation on the question helped in solving problems about time in the remaining two students. Suggestions for further research are the use of colours to sketch and CUBES method in problem solving with regards to money.*

Keywords: *CUBES, Kemmis and McTarggart Model (1988).*

## **PENGENALAN**

Pembelajaran matematik menegaskan kemahiran dalam menyelesaikan masalah (Nurul Nashrah Salehudin & Effandi Zakaria, 2017). Penyelesaian masalah Matematik yang dilaksanakan dalam KSSR merangkumi masalah rutin dan masalah tidak rutin yang berkait rapat dengan kehidupan seharian murid. Sebagai seorang guru Matematik, pengkaji perlu memastikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dilaksanakan lebih berpusatkan kepada penguasaan dan pemahaman. Dengan ini, murid-murid dapat mengaplikasikan konsep, prinsip dan proses Matematik yang dipelajari dalam penyelesaian masalah.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Berdasarkan pengalaman praktikum fasa 1, pengkaji mendapati sebahagian murid masih kurang menguasai konsep dan kemahiran tentang masa dan waktu. Murid-murid mengalami kesukaran dalam menentukan operasi asas Matematik dan sering melakukan kesilapan ketika menyelesaikan masalah Matematik (Marlina Ali & Nurulhuda Abu Bakar, 2011). Kemahiran penyelesaian masalah Matematik bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dipelajari, tetapi memerlukan kemahiran berfikir yang tinggi. (Donny Chindang & Siti Mistima Maat, 2017).

## **PEMILIHAN FOKUS KAJIAN**

Fokus kajian yang dipilih ialah penyelesaian masalah dalam topik masa dan waktu untuk murid Tahun 4. Penyelesaian masalah merupakan satu proses yang kompleks dan sukar dipelajari (Roslina, T. Subahan & Effandi, 2010). Penyelesaian matematik bukan hanya sekadar mencari jawapan akhir tetapi melibatkan kefahaman dan penguasaan strategi yang lebih kompleks. Kaedah Cubes dipilih menjadi amalan perubahan pengkaji untuk membantu murid Tahun 4 yang lemah dalam memahami kehendak soalan serta menentukan operasi asas yang betul untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan bersistematik.

## **OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN**

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif, iaitu:

- a. Membantu murid menyelesaikan masalah yang melibatkan masa dan waktu.
- b. Menambah baik amalan PdPc penyelesaian masalah melibatkan masa dan waktu.

Kajian tindakan ini mempunyai dua soalan kajian, iaitu:


- a. Bagaimanakah membantu murid menyelesaikan masalah yang melibatkan masa dan waktu?
- b. Bagaimanakah cara menambah baik amalan PdPc penyelesaian masalah melibatkan masa dan waktu?

## **KUMPULAN SASARAN**

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah murid Tahun 4 seramai 7 orang di sebuah sekolah di Miri. Seramai 3 orang perempuan dan 4 orang lelaki dipilih sebagai peserta kajian. Peserta kajian dipilih berdasarkan kuiz pantas yang dijalankan. Peserta kajian yang dipilih adalah sudah menguasai operasi asas tentang masa dan waktu tetapi belum menguasai penyelesaian masalah tentang masa dan waktu.

## PENGUMPULAN DATA AWAL

Pengkaji telah menilai masalah yang dihadapi oleh murid-murid melalui kaedah pemerhatian, analisis lembaran kerja dan temu bual.



3. 宝玲用了 3 天 9 小时来制作一张海报, 莉莉制作一张海报的时间是小月的 3 倍。莉莉需要多长的时间来制作一张海报?

3天9小时  $\div 3 = 1$ 天3小时

1天3小时

3) 3天9小时

-3

-9

0 0

答: 莉莉需要 1 天 3 小时

Soalan: masa yang digunakan oleh Lily untuk menghasilkan sebuah poster ialah 3 kali ganda masa yang digunakan oleh Pauline.

Murid menggunakan operasi operasi yang salah iaitu bahagi

Rajah 1. Hasil Kerja Murid

Contoh kesilapan telah ditunjukkan dalam Rajah 1. Melalui temu bual, pengkaji mendapati punca murid melakukan kesilapan ialah tidak memahami kehendak soalan dan tidak mengenal pasti operasi yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah.


## TINDAKAN

Kaedah CUBES merupakan akronim untuk kaedah penyelesaian masalah Matematik yang membantu murid-murid menganalisis dan menilai soalan dengan mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil iaitu nombor, soalan dan kata kunci. Kaedah CUBES juga membantu murid untuk memahami soalan dan mengenal pasti jalan operasi yang perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah matematik. Dalam kajian Chong Siew Ha dan Roslinda Rosli (2017), peserta kajian dapat menjawab masalah matematik berayat dengan lebih sistematik dengan simbol bulat, garis dan petak sebelum menentukan operasi matematik yang perlu digunakan untuk menyelesaikan masalah. Rajah 2 menunjukkan langkah kaedah CUBES.

- C: Bulatkan nombor dan unit dalam masalah. (*Circle the numbers and units*)
- U: Gariskan kehendak soalan. (*Underline the question*)
- B: Melukis petak pada kata kunci (*Box the keywords*)
- E: Menilai untuk menentukan operasi matematik (*Evaluate*)
- S: Kira dan semak jawapan (*Solve and Check*)

Rajah 2. Langkah kaedah CUBES

Kajian tindakan ini dijalankan berdasarkan Model Kemmis dan McTarggart (1988). Setiap kitaran dalam model ini mempunyai 4 langkah, iaitu: merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Proses kajian tindakan diringkaskan seperti ditunjukkan dalam Rajah 3. Pengkaji telah menjalankan dua kitaran dalam kajian tindakan ini.



Rajah 3. Proses kajian tindakan berdasarkan Model Kemmis dan McTarggart (1988)

Triangulasi teknik mengumpul data, iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual digunakan sepanjang kajian ini. Triangulasi data dalam kajian ini iaitu kombinasi data dari analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual turut dilakukan dalam kajian. (Lisah Chong Vui Fah, 2011). Tafsiran penguasaan adalah berdasarkan konsep pendekatan masteri iaitu murid perlu menguasai 80% aras masteri yang ditetapkan setiap unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baru (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Setiap peserta kajian haruslah mendapat sekurang-kurangnya 80%, iaitu 4 daripada 5 soalan dijawab dengan betul untuk mencapai pencapaian baik. Data analisis dokumen dianalisis secara deskriptif berasaskan kekerapan iaitu bilangan soalan yang dijawab dengan betul. Data pemerhatian dianalisis secara deskriptif berasaskan kekerapan item yang dilakukan dengan betul. Data temu bual dalam bentuk verbatim dianalisis dengan teknik pengkodan berasaskan tema-temanya.

Penggunaan CUBES dalam Kitaran 1 ditunjukkan dalam Rajah 4 dengan berpandukan satu contoh soalan.

Soalan																													
Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.																													
Langkah 1: Baca Soalan	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.																												
Langkah 2: Membulatkan Nombor Dan Unit	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama <u>3 minggu 4 hari</u> . Folio kajian ini disiapkan dalam masa <u>1 minggu 5 hari</u> . Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.																												
Langkah 3: Menggariskan Kehendak Soalan	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama <u>3 minggu 4 hari</u> . Folio kajian ini disiapkan dalam masa <u>1 minggu 5 hari</u> . <u>Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.</u>																												
Langkah 4: Melukis Petak Pada Kata Kunci	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama <u>3 minggu 4 hari</u> . Folio kajian ini disiapkan dalam masa <u>1 minggu 5 hari</u> . Cari <u>jumlah masa yang digunakan oleh mereka.</u>																												
Langkah 5: Mengira	<p>3 minggu 4 hari + 1 minggu 5 hari = 8 minggu 2 hari</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: right;">3</td> <td>minggu</td> <td style="text-align: right;">4</td> <td>hari</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">+</td> <td>4</td> <td>minggu</td> <td>5 hari</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">-----</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">7</td> <td>minggu</td> <td style="text-align: right;">9</td> <td>hari</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">+</td> <td>1</td> <td>minggu</td> <td>- 7 hari</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">-----</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">8</td> <td>minggu</td> <td style="text-align: right;">2</td> <td>hari</td> </tr> </table> <p>Jumlah masa yang digunakan oleh mereka ialah 8 minggu 2 hari.</p>	3	minggu	4	hari	+	4	minggu	5 hari	-----				7	minggu	9	hari	+	1	minggu	- 7 hari	-----				8	minggu	2	hari
3	minggu	4	hari																										
+	4	minggu	5 hari																										
-----																													
7	minggu	9	hari																										
+	1	minggu	- 7 hari																										
-----																													
8	minggu	2	hari																										
Langkah 6: Semak Jawapan	<table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: right;">7</td> <td></td> <td style="text-align: right;">9</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">8/</td> <td>minggu</td> <td>2/ hari</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">-</td> <td>4</td> <td>minggu 5 hari</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">-----</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">3</td> <td>minggu</td> <td>4 hari</td> </tr> </table>	7		9	8/	minggu	2/ hari	-	4	minggu 5 hari	-----			3	minggu	4 hari													
7		9																											
8/	minggu	2/ hari																											
-	4	minggu 5 hari																											
-----																													
3	minggu	4 hari																											

Rajah 4. Langkah-langkah penggunaan CUBES

Dalam Kitaran 1, masih terdapat 2 peserta kajian yang belum menguasai kemahiran penyelesaian masalah tentang masa dan waktu dengan menggunakan CUBES. Oleh itu, pengkaji telah menambah baik CUBES dengan menulis operasi dalam kurungan di atas soalan. Dengan ini, peserta kajian boleh mengingat dan melihat operasi yang perlu digunakan dalam soalan yang diberikan. Langkah ini ditambah selepas langkah 4 iaitu melukis petak pada kata kunci seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.1. Dalam kedua-dua kitaran, data-data dikumpul melalui teknik dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data-data yang dikumpul dianalisis berdasarkan bilangan soalan yang betul dalam lembaran kerja, kekerapan kewujudan item pemerhatian serta tema bagi maklum balas daripada peserta kajian.



Soalan	
Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.	
Langkah 4: Melukis Petak Pada Kata Kunci	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.
Langkah 5: Menulis operasi dalam kurungan di atas soalan	(+) Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.

Rajah 5. Langkah-langkah penggunaan CUBES yang ditambah baik

## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

### Penggunaan CUBES Terhadap Penyelesaian Masalah Masa Dan Waktu

Dalam kajian ini, analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual digunakan untuk mengesan penguasaan peserta kajian tentang penggunaan CUBES terhadap penyelesaian masalah masa dan waktu. Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan protokol analisis dokumen dalam dua kitaran. Berdasarkan Jadual 3 dan Jadual 4, terdapat peningkatan tahap penguasaan iaitu oleh peserta kajian (P3 dan P4) iaitu daripada kurang menguasai kepada menguasai dalam Kitaran 2.

Dalam Kitaran 1, P3 dan P4 hanya mampu menjawab 2 atau 3 soalan dengan betul dalam LK 1, LK 2 dan UP 1 iaitu kurang menguasai kemahiran penyelesaian masalah masa dan waktu dengan penggunaan CUBES. Dalam kitaran 2, P3 dan P4 menjawab 4 atau 5 soalan dengan betul dalam LK 3 dan LK 4. Semua soalan dijawab dengan betul oleh P3 dan P4 dalam UP 2 iaitu dapat menguasai kemahiran penyelesaian masalah masa dan waktu dengan penggunaan CUBES. Rajah 4 menunjukkan P4 menggunakan CUBES untuk menyelesaikan masalah tentang masa dan waktu dengan setiap item yang dilakukan dengan betul.

#### Jadual 3

Protokol analisis dokumen LK 1, LK 2 dan UP 1 (Kitaran 1)

Peserta Kajian	Bilangan soalan dijawab dengan betul			Tafsiran
	LK1	LK 2	UP 1	
P1	4	5	5	Menguasai
P2	5	5	5	Menguasai
P3	2	3	3	Kurang Menguasai
P4	2	3	2	Kurang Menguasai
P5	4	5	5	Menguasai
P6	5	5	5	Menguasai
P7	5	5	5	Menguasai

Jadual 4

Protokol Analisis Dokumen LK 3, LK 4 dan UP 2 (Kitaran 2)

Peserta Kajian	Bilangan soalan dijawab dengan betul			Tafsiran
	LK3	LK 4	UP 2	
P3	4	5	5	Menguasai
P4	4	4	5	Menguasai

3. 小说家需要 3 个星期 6 天才能完成一本小说。小说家需要多久时间才能完成 5 本小说?  
 Seorang pengarang perlu 3 minggu 6 hari untuk menghasilkan sebuah novel.  
 Berapakah jumlah masa yang diperlukan untuk menghasilkan 5 buah novel?  
 3个星期6天 x 5 = 19个星期2天

星期 天  
 3 6  
 x 5  
 15 30  
 + 4 28  
 19 2  
 3星期6天  
 5星期 天  
 19 2  
 15 28  
 4 30  
 30

答: 19个星期2天

Rajah 6. Hasil Kerja P4 (Kitaran 2)

Jadual 5 dan Jadual 6 menunjukkan hasil analisis senarai semak pemerhatian UP 1 dan UP 2 dalam dua kitaran. Didapati bahawa kekerapan bagi kesemua item terdapat peningkatan daripada kurang menguasai ke menguasai. Berpandukan Jadual 5, P3 hanya melakukan 3 kali kekerapan untuk item empat hingga tujuh manakala P4 hanya melakukan 2 kali kekerapan untuk item empat hingga tujuh. Berpandukan Jadual 6, P3 dan P4 telah melakukan lima kali kekerapan untuk semua item. Hal ini menunjukkan P3 dan P4 telah berjaya menguasai kemahiran menyelesaikan masalah masa dan waktu dengan menggunakan CUBES yang telah ditambah baik.

Jadual 5

Hasil analisis senarai semak pemerhatian UP 1 (Kitaran 1)

Bil	Item Pemerhatian	Hasil Pemerhatian UP 1						
		P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7
1	Bulatkan nombor dan unit dalam masalah dengan betul	5	5	5	5	5	5	5
2	Gariskan kehendak soalan dengan betul	5	5	5	5	5	5	5
3	Petakkan kata kunci dengan betul	5	5	5	5	5	5	5
4	Gunakan operasi yang betul	5	5	3	2	5	5	5
5	Membuat jalan operasi penyelesaian dengan betul.	5	5	3	2	5	5	5
6	Menulis jawapan yang betul	5	5	3	2	5	5	5
7	Menyemak jawapan dengan betul	5	5	3	2	5	5	5

Jadual 6  
Hasil analisis senarai semak pemerhatian UP 2 (Kitaran 2)

Bil	Item Pemerhatian	Hasil Pemerhatian UP 2	
		P3	P4
1	Bulatkan nombor dan unit dalam masalah dengan betul	5	5
2	Gariskan kehendak soalan dengan betul	5	5
3	Petakkan kata kunci dengan betul	5	5
4	Gunakan operasi yang betul	5	5
5	Membuat jalan operasi penyelesaian dengan betul.	5	5
6	Menulis jawapan yang betul	5	5
7	Menyemak jawapan dengan betul	5	5

Jadual 7  
Hasil analisis borang temu bual (Kitaran 1)

Bil	Soalan	Hasil Analisis Temu Bual						
		P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7
1	Adakah CUBES senang digunakan? Mengapa?	1	1	2	2	1	1	1
2	Adakah CUBES membantu anda memahami soalan dengan lebih jelas? Mengapa?	1	1	2	2	1	1	1
3	Adakah penggunaan CUBES membantu anda menyelesaikan soalan dengan tepat? Mengapa?	1	1	2	2	1	1	1
4	Adakah anda akan menggunakan CUBES menjawab masalah berkaitan masa dan waktu? Mengapa?	1	1	2	2	1	1	1

Jadual 8  
Hasil analisis borang temu bual (Kitaran 2)

Bil	Soalan	Hasil Analisis Temu Bual	
		P3	P4
1	Adakah CUBES senang digunakan? Mengapa?	1	1
2	Adakah CUBES membantu anda memahami soalan dengan lebih jelas? Mengapa?	1	1
3	Adakah penggunaan CUBES membantu anda menyelesaikan soalan dengan tepat? Mengapa?	1	1
4	Adakah anda akan menggunakan CUBES menjawab masalah berkaitan masa dan waktu? Mengapa?	1	1

Berdasarkan Jadual 7, P1, P2, P5, P6, P7 dan P8 telah memberi maklum balas yang positif iaitu kod 1 terhadap semua soalan. P3 dan P4 memberi respon negatif iaitu kod 2 terhadap keempat-empat soalan dalam kitaran 1. Berdasarkan Jadual 8, P3 dan P4 memberi respon positif iaitu kod 1 terhadap keempat-empat soalan dalam kitaran 2. Kesimpulannya, berdasarkan dapatan daripada analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual pada Kitaran 2. P3 dan P4 telah menguasai kemahiran penyelesaian masalah tentang masa dan waktu dengan menggunakan CUBES yang ditambah baik. Hal ini menunjukkan perubahan amalan guru telah membantu peserta kajian menguasai kemahiran tersebut.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Untuk kajian yang seterusnya, pengkaji mencadangkan menggunakan warna yang berbeza untuk melakar. Hal ini disebabkan penggunaan warna dapat membantu murid menguasai kemahiran matematik (Conelia, 2012). Contoh soalan penyelesaian masalah tentang masa dan waktu dengan menggunakan CUBES yang berwarna ditunjukkan dalam Rajah 5.

Soalan	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.																																			
Langkah 1: Baca Soalan	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.																																			
Langkah 2: Membulatkan Nombor Dan Unit	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.																																			
Langkah 3: Menggariskan Kehendak Soalan	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. <u>Cari jumlah masa yang digunakan oleh mereka.</u>																																			
Langkah 4: Melukis Petak Pada Kata Kunci	Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari <u>jumlah masa yang digunakan oleh mereka.</u>																																			
Langkah 5: Menulis Operasi Dalam Kurungan Di Atas Soalan	( + ) Sekumpulan murid membuat kajian tentang tumbuhan selama 3 minggu 4 hari. Folio kajian ini disiapkan dalam masa 1 minggu 5 hari. Cari <u>jumlah masa yang digunakan oleh mereka.</u>																																			
Langkah 6: Mengira	$3 \text{ minggu } 4 \text{ hari} + 1 \text{ minggu } 5 \text{ hari} = 8 \text{ minggu } 2 \text{ hari}$ <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"><tr><td></td><td>3</td><td>minggu</td><td>4</td><td>hari</td></tr><tr><td>+</td><td>4</td><td>minggu</td><td>5</td><td>hari</td></tr><tr><td></td><td colspan="4"><hr/></td></tr><tr><td></td><td>7</td><td>minggu</td><td>9</td><td>hari</td></tr><tr><td>+</td><td>1</td><td>minggu</td><td>- 7</td><td>hari</td></tr><tr><td></td><td colspan="4"><hr/></td></tr><tr><td></td><td>8</td><td>minggu</td><td>2</td><td>hari</td></tr></table> <p>Jumlah masa yang digunakan oleh mereka ialah 8 minggu 2 hari.</p>		3	minggu	4	hari	+	4	minggu	5	hari		<hr/>					7	minggu	9	hari	+	1	minggu	- 7	hari		<hr/>					8	minggu	2	hari
	3	minggu	4	hari																																
+	4	minggu	5	hari																																
	<hr/>																																			
	7	minggu	9	hari																																
+	1	minggu	- 7	hari																																
	<hr/>																																			
	8	minggu	2	hari																																

Langkah 7: Semak Jawapan	7	9
	<del>8</del> minggu	<del>2</del> hari
	- <del>4</del> minggu	<del>5</del> hari
	3 minggu	4 hari

Rajah 6. Contoh soalan penyelesaian masalah tentang masa dan waktu dengan menggunakan CUBES yang berwarna

Pengkaji juga mencadang penggunaan CUBES dalam topik menyelesaikan masalah wang seperti ditunjukkan dalam Rajah 7.

Soalan					
Kedai runcit Tikah mendapat keuntungan sebanyak RM13 270.45 pada bulan Jun dan RM16 312.50 pada bulan Julai. Hitung jumlah keuntungan pada bulan Jun dan Julai.					
Langkah 1: Baca Soalan	Kedai runcit Tikah mendapat keuntungan sebanyak RM13 270.45 pada bulan Jun dan RM16 312.50 pada bulan Julai. Hitung jumlah keuntungan pada bulan Jun dan Julai.				
Langkah 2: Membulatkan Nombor Dan Unit	Kedai runcit Tikah mendapat keuntungan sebanyak <u>RM13 270.45</u> pada bulan Jun dan <u>RM16 312.50</u> pada bulan Julai. Hitung jumlah keuntungan pada bulan Jun dan Julai.				
Langkah 3: Menggariskan Kehendak Soalan	Kedai runcit Tikah mendapat keuntungan sebanyak <u>RM13 270.45</u> pada bulan Jun dan <u>RM16 312.50</u> pada bulan Julai. Hitung <u>jumlah keuntungan pada bulan Jun dan Julai</u> .				
Langkah 4: Melukis Petak Pada Kata Kunci	Kedai runcit Tikah mendapat keuntungan sebanyak <u>RM13 270.45</u> pada bulan Jun dan <u>RM16 312.50</u> pada bulan Julai. Hitung <u>jumlah keuntugan</u> pada <u>bulan Jun dan Julai</u> .				
Langkah 5: Menulis Operasi Dalam Kurungan Di Atas Soalan	(+) Kedai runcit Tikah mendapat keuntungan sebanyak <u>RM13 270.45</u> pada bulan Jun dan <u>RM16 312.50</u> pada bulan Julai. Hitung <u>jumlah keuntugan</u> pada <u>bulan Jun dan Julai</u> .				
Langkah 6: Mengira	$RM13\ 270.45 + RM16\ 312.50 = RM\ 29\ 582.95$ <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: right;">RM 13 270.45</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">+ RM 16 312.50</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;"><hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/></td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">RM 29 582.95</td> </tr> </table> <p>Jumlah keuntungan pada bulan Jun dan Julai ialah RM 29 582.95.</p>	RM 13 270.45	+ RM 16 312.50	<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>	RM 29 582.95
RM 13 270.45					
+ RM 16 312.50					
<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>					
RM 29 582.95					

Langkah 7: Semak Jawapan	RM 29 582.95 - RM 16 312.50 <hr/> RM 13 270.45
-----------------------------	--

Rajah 7. Contoh soalan penyelesaian masalah tentang wang dengan menggunakan CUBES yang berwarna

## PENUTUP

Dalam kajian tindakan ini, pengkaji telah menjalankan tindakan perubahan amalan PdPc dengan menggunakan kaedah CUBES dalam menyelesaikan masalah tentang masa dan waktu. Hasil analisis dapatan menunjukkan kaedah CUBES memberi kesan positif dalam membantu peserta kajian menguasai kemahiran penyelesaian masalah tentang masa dan waktu. Oleh itu, pengkaji berharap kaedah CUBES dapat digunakan oleh guru lain dalam PdPc di sekolah pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Chong Siew Ha & Roslinda Rosli. (2017). Penggunaan kaedah cubes dalam penyelesaian masalah matematik berayat Tahun 6. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*. 25-26 Januari. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. 42-54.
- Conelia Ragum. (2012). Penggunaan nombor berwarna dalam membantu murid mengingat nombor 1 hingga 9. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*. 27-28 September. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 1-11.
- Donny Chindang & Siti Mistima Maat. (2017). Aplikasi analisis kesilapan newman dalam penyelesaian masalah matematik berayat murid Tahun 4. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*. Selangor. 25-26 Januari. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. 57-64.
- Lisah Chong Vui Fah. (2011). Penelitian teknik menyemak data dalam pelaksanaan penyelidikan tindakan. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2011*, 5: 36-45.
- Marlina Ali & Nurulhuda Abu Bakar. (2011). Tahap Kefahaman Pelajar Tingkatan Empat Dalam Tajuk Ungkapan Algebra. *Journal of Science and Mathematics Education*, 4: 1-16.
- Nurul Nashrah Salehudin & Effandi Zakaria. (2017). Sikap Dan Keupayaan Pelajar Dalam Menyelesaikan Masalah Matematik Bukan Rutin. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*. 26-27 April. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran Masteri*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Roslina Radzali, T. Subahan Mohd Meerah & Effendi Zakaria. (2010). Hubungan antara kepercayaan matematik, metakognisi dan perwakilan masalah dengan kejayaan penyelesaian masalah Matematik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (2): 1-7.
- Stephen Kemmis & Robin McTaggart (1988). *The action research planner*. 3<sup>rd</sup> ed. Geelong, Victoria: Deakin University Press.

## **‘ProBox’: MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENDARAB NOMBOR SEHINGGA TIGA DIGIT DENGAN NOMBOR DUA DIGIT MURID TAHUN 4**

**CHAI XIN NI<sup>1</sup>, SI TONG YONG<sup>2</sup>**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia  
<sup>1</sup>*cynthiaxinni@gmail.com*, <sup>2</sup>*sitongyong@ipgm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Matematik Tahun 4 meliputi kandungan yang luas termasuk operasi asas nombor. Salah satu Standard Pembelajaran ialah mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000. Walau bagaimanapun, murid-murid mengalami kesukaran dalam menulis algoritma dan memperoleh jawapan yang betul. Penyelidikan tindakan ini dijalankan bagi tujuan membantu murid menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000. Ini dijalankan dengan menfokuskan perubahan amalan pengajaran menggunakan ‘ProBox’. Penyelidikan tindakan ini menggunakan model kajian tindakan Kemmis (1983) yang dilaksanakan dalam dua kitaran. Enam orang murid dari sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di bandar Miri dipilih sebagai peserta kajian. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah analisis dokumen, pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan perubahan amalan pengajaran menggunakan ‘ProBox’ dapat membantu murid menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000 di samping meningkatkan keyakinan murid dalam menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran mendarab.

Kata Kunci: ‘ProBox’, kemahiran mendarab, Matematik Tahun 4, operasi asas nombor

### **ABSTRACT**

*Mathematics Year 4 covers a wide range of contents including the basic operations for numbers. One of the Learning Standards is multiply any numbers up to three digits by two-digit number, and the product up to 100 000. However, there were students who faced difficulties in writing the correct algorithm and obtaining the correct answer. This action research aims to help students master skills in multiplying any numbers up to three digits by two-digit number, and the product up to 100 000, by using ‘ProBox’ as a change in the teaching practice. This action research was carried out in two cycles, based on the Kemmis (1983) Action Research Model. A total of six students from a national-type Chinese primary schools in Miri City were chosen as participants. The techniques used to collect relevant data includes documentary analysis, structured observation and semi-structured interview. The findings of the research show that the changing of teaching practice using ‘ProBox’ assisted students to master skills in multiplying any numbers up to three digits by two-digit number, and the product up to 100 000. It also increased student confidence in solving questions involving multiplication skills.*

*Keywords: ‘ProBox’, multiplication skills, Mathematics Year 4, basic operations for numbers*

### **PENGENALAN**

Penggunaan nombor diperlukan untuk menentukan bilangan benda sejak tamadun awal manusia (Pumadevi Sivasubramaniam, Shuib Abdul Hamid, Shamsiah Abdul Samad,



Syed Azman Syed Ismail & Nur Syamila Mohd Haris, 2016). Mata pelajaran Matematik memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan di Malaysia (Noor Erma Abu & Leong, 2014). Matematik merupakan salah satu mata pelajaran wajib dalam kurikulum sekolah rendah. Mata pelajaran ini mengandungi bidang ilmu yang memastikan minda murid dilatih agar berfikir secara mantik selain dapat menyelesaikan masalah secara sistematik (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). Matematik Tahun 4 meliputi kandungan yang luas termasuk operasi asas nombor. Selain itu, salah satu Standard Pembelajaran dalam Matematik Tahun 4 ialah mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



Praktikum telah dijalani oleh pengkaji di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di bandar Miri dengan mengajar subjek Matematik di Tahun 4. Kelas yang diajar ini merupakan kelas yang mempunyai tahap pencapaian mata pelajaran Matematik yang sederhana. Selain itu, keseluruhan tahap pencapaian akademik murid dalam kelas tersebut juga pada tahap sederhana.

Sepanjang tempoh pengajaran, pengkaji mendapati beberapa murid yang tidak dapat memberi jawapan yang tepat semasa menyiapkan latihan berkaitan pendaraban yang melibatkan dua nombor. Ini menunjukkan murid-murid menghadapi masalah dalam mencapai Standard Pembelajaran 4.1.(ii) mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000. Jadual 1 menunjukkan contoh kesilapan murid yang didapati oleh pengkaji.

Jadual 1  
Kesilapan murid dalam operasi pendaraban

Hasil Murid	Kesalahan
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kecuaian</li> <li>2. Kekeliruan dalam operasi darab dan tambah</li> </ol>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesilapan dalam pengumpulan semula</li> </ol>



	<p>1. Kesalahan dalam menyusun hasil darab pada nilai tempat yang betul.</p>
	<p>1. Tidak memahami konsep pendaraban nombor dengan nombor dua digit</p>

Murid mengalami kesukaran dalam menulis algoritma yang betul dan juga mendapat jawapan yang betul. Antara faktor yang menjurus kepada berlakunya masalah ini ialah miskonsepsi tentang konsep nilai tempat dalam pendaraban dan kesalahan penulisan digit dalam bentuk lazim (Tiong, Chien & Ting, 2017). Masalah pengumpulan semula juga muncul akibat miskonsepsi nilai tempat (Mohd Nor Amri Mohd Nasir & Effandi Zakaria, 2016). Terdapat juga kekeliruan yang timbul dalam kalangan murid sehingga mereka kurang yakin dalam menulis penyelesaian mereka (Nur Aniza Elias & Roslinda Rosli, 2016). Selain itu, terdapat juga murid-murid yang menggunakan kaedah menghafal algoritma ini. Kesannya, apabila bilangan digit dalam nombor ditambah atau susunan nombor dalam soalan diubah, mereka masih akan mendapat penyelesaian yang salah (Shamsiah Mahsen, 2015).

## FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk menyelesaikan masalah mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000. Kajian ini juga berfokuskan perubahan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) menggunakan 'ProBox' untuk menggantikan penggunaan kaedah bentuk lazim dalam penyelesaian masalah tersebut. Dengan itu, kajian ini berfokuskan perubahan amalan PdPc menggunakan 'Product Box' ('ProBox') yang merupakan inovasi daripada kaedah *box multiplication* (Tiong *et al.*, 2017).

Persamaan yang umum dalam kalangan murid ini adalah mereka menghadapi masalah untuk mendapat jawapan yang tepat melalui kaedah bentuk lazim (Nur Aniza Elias & Roslinda Rosli, 2016; Tiong *et al.*, 2017). Murid yang tidak dapat menguasai kemahiran mendarab akan menghadapi masalah semasa menjawab soalan yang melibatkan pendaraban tanpa mengira jenis soalan tersebut (Shamsiah Mahsen, 2015). Dengan itu, 'ProBox' dirangka dan difokuskan untuk mengubah amalan PdPc pengkaji dalam kajian ini agar dapat membantu mereka menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit. Kekeliruan yang timbul mempengaruhi murid sehingga

menyebabkan mereka kurang yakin dalam menjawab soalan (Nur Aniza Elias & Roslinda Rosli, 2016). Justeru, perubahan amalan PdPc menggunakan 'ProBox' diharap dapat menyelesaikan masalah ini dan meningkatkan keyakinan mereka dalam menjawab soalan yang melibatkan kemahiran mendarab. Rajah 1 menunjukkan 'ProBox' yang lengkap.

x	300	40	5	
10	3000	400	50	
2	600	80	10	
	3600	480	60	4140

Rajah 1. 'ProBox'

Tujuan amalan PdPc menggunakan 'ProBox' adalah untuk membantu murid menghubungkan konsep nilai tempat dengan prosedur pendaraban melalui pengaplikasian konsep jajaran (Reys, Lindquist, Lambdin & Smith, 2015). 'ProBox' adalah kaedah yang dirangka dengan gabungan idea yang relevan seperti konsep jajaran dan nilai tempat yang diharapkan dapat menjadi nilai tambah pedagogi dalam proses pengajaran guru yang lebih dikenali sebagai PdPc. Selain itu, murid juga dijangka dapat memperoleh jawapan yang tepat tanpa penggunaan bentuk lazim untuk proses pendaraban. 'ProBox' melibatkan cara penulisan nombor yang sistematik bagi mengelakkan kekeliruan dan kecuaiian. Melalui penulisan nombor dalam bentuk jajaran seperti dalam 'ProBox', murid dapat mengelakkan kekeliruan nilai tempat seperti dalam penulisan bentuk lazim. Di samping itu, penyelesaian soalan pendaraban adalah lebih mudah kerana hanya melibatkan gandaan 10 sahaja (Tiong *et al.*, 2017).

Secara keseluruhannya, 'ProBox' tidak melibatkan langkah penggunaan yang rumit. Langkah penggunaannya adalah mudah supaya dapat diaplikasikan dalam bidang tugas guru. Kewujudan peluang penambahbaikan dipastikan wujud agar memberi fleksibiliti kepada kaedah ini dan keseluruhan kajian ini.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif, iaitu:

- Membantu murid menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000.
- Meningkatkan keyakinan murid dalam menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran mendarab.

Persoalan kajian ini ialah:

- Sejauh manakah amalan PdPc menggunakan 'ProBox' dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000?
- Sejauh manakah amalan PdPc menggunakan 'ProBox' dapat meningkatkan keyakinan murid dalam menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran mendarab?

## KUMPULAN SASARAN

Kajian tindakan ini melibatkan murid-murid Tahun 4 di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di bandar Miri. Enam orang peserta kajian yang terdiri daripada murid berprestasi sederhana yang menghadapi masalah dalam penguasaan kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000 dipilih. Selain itu, mereka juga telah menguasai kemahiran mendarab

sebarang nombor dengan 100 dan 1 000, hasil darabnya hingga 100 000. Semua peserta kajian juga dikenal pasti bahawa menguasai kemahiran asas dalam menyelesaikan masalah melibatkan operasi darab, iaitu menguasai sifir serta sekurang-kurangnya dapat menghafal sifir dari 0 sehingga ke 10.

## TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Kajian ini dilaksanakan sebanyak dua kitaran berdasarkan Model Kajian Tindakan Stephen Kemmis (1983) yang diadaptasi dalam buku hasil daripada Rosinah Edinin (2011). Terdapat empat langkah dalam satu kitaran lengkap, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan membuat refleksi.

Kajian ini menggunakan tiga teknik pengumpulan data, iaitu analisis dokumen, pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur. Data dokumen dianalisis berdasarkan bilangan soalan betul dalam lembaran kerja. Data pemerhatian dianalisis dengan merujuk kepada kekerapan “Ya” ( $\checkmark$ ) dalam senarai semak pemerhatian. Data temu bual dianalisis secara transkripsi berdasarkan soalan-soalan dalam senarai semak temu bual. Jadual 2 menunjukkan langkah-langkah penggunaan ‘ProBox’ dalam Kitaran 1. Jadual 3 menunjukkan langkah-langkah penggunaan ‘ProBox’ dalam Kitaran 2 selepas penambahbaikan amalan PdPc dilakukan.

Jadual 2  
Langkah penggunaan ‘ProBox’ dalam Kitaran 1

Soalan : $54 \times 14$																								
Langkah	Gambar Rajah																							
Lukiskan ‘ProBox’ mengikut nilai tempat nombor dan digit.	<table border="1"> <tr><td>x</td><td>300</td><td>40</td><td>5</td></tr> <tr><td>10</td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td>2</td><td></td><td></td><td></td></tr> </table>	x	300	40	5	10				2														
x	300	40	5																					
10																								
2																								
Lakukan pendaraban dan tuliskan jawapan di dalam kotak.	<table border="1"> <tr><td>x</td><td>300</td><td>40</td><td>5</td></tr> <tr><td>10</td><td>3000</td><td>400</td><td>50</td></tr> <tr><td>2</td><td>600</td><td>80</td><td>10</td></tr> </table>	x	300	40	5	10	3000	400	50	2	600	80	10											
x	300	40	5																					
10	3000	400	50																					
2	600	80	10																					
Lukiskan satu baris di bahagian paling bawah. Lakukan penambahan mengikut nilai tempat secara menurun ke bawah.	<table border="1"> <tr><td>x</td><td>300</td><td>40</td><td>5</td></tr> <tr><td>10</td><td>3000</td><td>400</td><td>50</td></tr> <tr><td>2</td><td>600</td><td>80</td><td>10</td></tr> <tr><td></td><td>3600</td><td>480</td><td>60</td></tr> </table>	x	300	40	5	10	3000	400	50	2	600	80	10		3600	480	60							
x	300	40	5																					
10	3000	400	50																					
2	600	80	10																					
	3600	480	60																					
Lukiskan satu petak di sebelah kanan baris terakhir. Perolehkan jawapan akhir dengan menambah semua nombor di baris terakhir dan tuliskannya di petak sebelah kanan.	<table border="1"> <tr><td>x</td><td>300</td><td>40</td><td>5</td></tr> <tr><td>10</td><td>3000</td><td>400</td><td>50</td></tr> <tr><td>2</td><td>600</td><td>80</td><td>10</td></tr> <tr><td></td><td>3600</td><td>480</td><td>60</td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td>4140</td></tr> </table>	x	300	40	5	10	3000	400	50	2	600	80	10		3600	480	60				4140			
x	300	40	5																					
10	3000	400	50																					
2	600	80	10																					
	3600	480	60																					
			4140																					

Pada Kitaran 2, penambahbaikan amalan PdPc dilakukan supaya murid menambah hasil pendaraban secara melintang terlebih dahulu. Ini bukan sahaja menggalakkan mereka menggunakan algoritma bentuk lazim untuk penambahan, bahkan juga mengurangkan kemungkinan mereka melakukan kesalahan dalam menambah dan memudahkan penyemakan jawapan. Penambahbaikan amalan PdPc ini juga memudahkan murid dalam pengiraan. Ini adalah kerana proses penambahan hanya melibatkan satu nombor dengan satu nombor yang lebih kecil dan bukan dengan nombor yang lebih besar seperti dalam Kitaran 1.

Jadual 3  
Langkah penggunaan 'ProBox' dalam Kitaran 2

Soalan : $54 \times 14$																			
Langkah	Gambar Rajah																		
Lukiskan 'ProBox' mengikut nilai tempat nombor dan digit.	<table border="1"> <tr> <td>x</td> <td>50</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>10</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>4</td> <td></td> <td></td> </tr> </table>			x	50	4	10			4									
x	50	4																	
10																			
4																			
Lakukan pendaraban mengikut baris dan jawapan ditulis di dalam kotak. Lakukan penambahan secara melintang ke kanan.	<table border="1"> <tr> <td>x</td> <td>50</td> <td>4</td> <td></td> </tr> <tr> <td>10</td> <td>500</td> <td>40</td> <td>540</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>200</td> <td>16</td> <td>216</td> </tr> </table>			x	50	4		10	500	40	540	4	200	16	216				
x	50	4																	
10	500	40	540																
4	200	16	216																
Lukiskan satu petak di bahagian bawah lajur terakhir. Perolehkan jawapan akhir dengan menambah semua nombor di jalur terakhir dan tuliskannya di petak bahagian bawah.	<table border="1"> <tr> <td>x</td> <td>50</td> <td>4</td> <td></td> </tr> <tr> <td>10</td> <td>500</td> <td>40</td> <td>540</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>200</td> <td>16</td> <td>216</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td>756</td> </tr> </table>			x	50	4		10	500	40	540	4	200	16	216				756
x	50	4																	
10	500	40	540																
4	200	16	216																
			756																

## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

### Penguasaan Kemahiran Mendarab Sebarang Nombor Hingga Tiga Digit dengan Nombor Dua Digit dan Hasil Darabnya Hingga 100 000

Pengkaji telah menetapkan tiga cara untuk mengumpul data dalam keseluruhan kajian ini, iaitu melalui lembaran kerja, temu bual separa berstruktur dan pemerhatian berstruktur. Penggunaan ketiga-tiga cara ini merupakan contoh daripada kaedah Triangulasi yang dapat meningkatkan kebolehpercayaan kajian tindakan ini (Lee, Zakri Abdullah & Chua, 2018).

Untuk menilai kesan perubahan amalan PdPc terhadap penguasaan murid dalam kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000, pengkaji menggunakan senarai semak pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Jadual 4 menunjukkan analisis senarai semak pemerhatian berstruktur pada Kitaran 1, Jadual 5 menunjukkan analisis senarai semak pemerhatian berstruktur pada Kitaran 2 dan Jadual 6 menunjukkan analisis data dokumen berdasarkan lembaran kerja bagi Kitaran 1 dan Kitaran 2. Lembaran Kerja 1.1 (LK1.1) disiapkan oleh murid semasa 'ProBox' didedahkan kepada mereka, manakala Lembaran Kerja 1.2 (LK1.2) dan Lembaran Kerja 2.1 (LK2.1) disiapkan oleh mereka secara individu tanpa bimbingan. Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan hasil kerja murid.

Jadual 4  
Analisis senarai semak pemerhatian berstruktur pada Kitaran 1

Soalan	M1	M2	M3	M4	M5	M6
Semasa 'ProBox' diperkenalkan						
Adakah murid faham kegunaan 'ProBox'?	√	√	√	√	√	√
Adakah murid menunjukkan minat atau perhatian semasa 'ProBox' diperkenalkan?	√	√	√	√	√	√
Semasa 'ProBox' digunakan						
Adakah 'ProBox' memudahkan penguasaan kemahiran mendarab?	x	√	x	x	√	x
Adakah 'ProBox' membantu murid mendapat jawapan yang tepat?	x	√	x	x	√	x
Adakah 'ProBox' tidak mengelirukan murid?	x	x	x	x	√	x

Jadual 5

Analisis senarai semak pemerhatian berstruktur pada Kitaran 2

Soalan	M1	M2	M3	M4	M5	M6
Semasa 'ProBox' diperkenalkan						
Adakah murid faham kegunaan 'ProBox'?	√	√	√	√	√	√
Adakah murid menunjukkan minat atau perhatian semasa 'ProBox' diperkenalkan?	√	√	√	√	√	√
Semasa 'ProBox' digunakan						
Adakah 'ProBox' memudahkan penguasaan kemahiran mendarab?	√	√	√	√	√	√
Adakah 'ProBox' membantu murid mendapat jawapan yang tepat?	√	√	√	√	√	√
Adakah 'ProBox' tidak mengelirukan murid?	√	√	√	√	√	√

Jadual 6

Rumusan keputusan pencapaian murid dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Murid	Bilangan soalan betul (4 soalan)			Tafsiran	
	Kitaran 1		Kitaran 2	Kitaran 1	Kitaran 2
	LK1.1	LK1.2	LK2.1		
M1	4	1	4	Mencapai tahap minimum	Cemerlang
M2	4	3	4	Baik	Cemerlang
M3	4	1	4	Mencapai tahap minimum	Cemerlang
M4	4	2	4	Memuaskan	Cemerlang
M5	4	4	4	Cemerlang	Cemerlang
M6	2	0	4	Belum mencapai tahap minimum	Cemerlang

c)  $142 \times 95 = 13490$

X	100	40	2	
90	9000	3600	180	12780
5	500	200	10	710
				13490

$142 = 100 + 40 + 2$   
 $95 = 90 + 5$

$$\begin{array}{r} 9000 \\ 3600 \\ + 180 \\ \hline 12780 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 11780 \\ + 710 \\ \hline 12490 \end{array}$$

b)  $142 \times 95 = 13490$

X	100	40	2	
90	9000	3600	180	12780
5	500	200	10	710
				13490

$142 = 100 + 40 + 2$   
 $95 = 90 + 5$

$$\begin{array}{r} 9000 \\ 3600 \\ + 180 \\ \hline 12780 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 9000 \\ 3600 \\ + 180 \\ \hline 12780 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 500 \\ 200 \\ + 10 \\ \hline 710 \end{array}$$

b)  $52 \times 40 = 2080$

X	50	2	
40	2000	80	2080
0	0	0	0
			2080

$52 = 50 + 2$   
 $40 = 40 + 0$

$$\begin{array}{r} 2000 \\ + 80 \\ \hline 2080 \end{array}$$

Rajah 2. Hasil kerja M1, M2 dan M3

Rajah 3. Hasil kerja M4, M5 dan M6

Bagi analisis senarai semak temu bual, transkrip temu bual separa berstruktur dianalisis. Tema menguasai termasuk penggunaan perkataan “Ya” dan tindakan mengganggu kepala. Tema tidak menguasai pula termasuk penggunaan perkataan “Tidak”, “Tidak pasti” dan tindakan mengeleng kepala. Jadual 7 menunjukkan analisis senarai semak temu bual berkaitan penguasaan murid dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 7

Analisis senarai semak temu bual berkaitan penguasaan dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Soalan	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Tema Menguasai	Tema Tidak Menguasai	Tema Menguasai	Tema tidak menguasai
Adakah anda memahami cara penyelesaian soalan yang melibatkan pendaraban yang melibatkan nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit?	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-
Adakah kaedah ini membantu anda menyelesaikan masalah pendaraban yang melibatkan nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit? Mengapa?	M2, M5	M1, M3, M4, M6	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-

Pada Kitaran 1, objektif kajian pertama tidak dapat dicapai. Ini adalah kerana murid mengalami kekeliruan dan melakukan kecuai. Namun pada Kitaran 2, kekangan diselesaikan dengan penambahbaikan amalan PdPc terutamanya pada langkah penggunaan ‘ProBox’. Berdasarkan hasil analisis data lembaran kerja, senarai semak pemerhatian berstruktur dan temu bual pada Kitaran 2, jelas bahawa amalan PdPc menggunakan ‘ProBox’ dapat membantu murid menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000. Ini disokong oleh Kinzer dan Stanford (2014), Azizi Jaafar, Abdul Razak Abdul Kadir dan Awang Abdullah (2015), Reys *et al.* (2015), Rosnee Ahad, Mohamad Zaid Mustafa, Salina Supiyan dan Abdul Rasid Abdul Razzaq (2018) serta Tiong *et al.* (2017). Maka, objektif kajian yang pertama berjaya dicapai dengan adanya penambahbaikan terhadap amalan PdPc pengkaji pada Kitaran 2.

### Keyakinan Murid dalam Menyelesaikan Soalan yang Melibatkan Kemahiran Mendarab

Untuk mengenal pasti keyakinan murid dalam menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran mendarab melalui perubahan amalan pengajaran menggunakan ‘ProBox’,

pengkaji mengumpul data melalui pemerhatian berstruktur, temu bual separa berstruktur dan juga hasil kerja murid pada lembaran kerja. Bagi analisis temu bual separa berstruktur, tema berkeyakinan ialah penggunaan kata seperti “ Ya”, “tidak keliru”, “tidak salah kira” dan tindakan angguk kepala. Tema kurang berkeyakinan ialah penggunaan perkataan “Tidak”, “tidak pasti” , “keliru”, “takut” , “salah kira” dan tindakan mengeleng kepala”. Jadual 8 menunjukkan analisis senarai semak temu bual berkaitan keyakinan murid dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 8

Analisis senarai semak temu bual berkaitan keyakinan dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Soalan	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Tema Berkeyakinan	Tema Kurang Berkeyakinan	Tema Berkeyakinan	Tema Kurang Berkeyakinan
Pada pendapat anda, adakah jawapan yang anda dapat ini betul?	M5	M1, M2, M3, M4, M6	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-
Adakah anda yakin dapat menyelesaikan soalan pendaraban yang melibatkan nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit semasa peperiksaan?	-	M1, M2, M3, M4, M5, M6	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-
Berdasarkan jawapan anda kepada soalan di atas, kenapa begitu?	-	M1, M2, M3, M4, M5, M6	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-

Merujuk Jadual 4 berkenaan pemerhatian berstruktur pada Kitaran 1, murid mengalami kekeliruan. Namun, pada Kitaran 2, kekangan diselesaikan dengan penambahbaikan amalan PdPc pada langkah penggunaan ‘ProBox’. Merujuk Jadual 5 berkenaan pemerhatian berstruktur, murid tidak mengalami kekeliruan dalam Kitaran 2. Merujuk Jadual 6 berkenaan analisis dokumen, murid dapat menjawab semua soalan dengan tepat pada Kitaran 2. Maka, melalui analisis dokumen, pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur, jelas bahawa amalan PdPc menggunakan ‘ProBox’ dapat membantu murid meningkatkan keyakinan dalam menjawab soalan melibatkan pendaraban. Ini disokong oleh Niyati Kapoor dan V. Natarajan (2012), Stankov, Lee, Luo dan Hogan (2012), Selvamarry Uvakaram, Nor’ain Mohd Tajudin dan Abd. Halim Amat (2012), Syed Abdul Hakim Syed Zainuddin dan Mohini Mohamed (2010) serta Ahmed A. Belal & Diala F.Ammar (2010).

### CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian boleh diteruskan dengan menggunakan warna yang berbeza dalam penggunaan ‘ProBox’. Rajah 5 menunjukkan contoh menggunakan warna yang berbeza untuk membantu mengurangkan kekeliruan murid semasa menggunakan ‘ProBox’. Tindakan ini sesuai digunakan semasa pendedahan awal kepada murid.

x	50	4	
10	500	40	540
4	200	16	216
			756

Rajah 5. Penggunaan warna dalam ‘ProBox’

Selain itu, kajian boleh diteruskan dengan mengubah amalan PdPc menggunakan 'ProBox' untuk menjawab soalan pendaraban yang melibatkan nombor lebih daripada tiga digit dengan nombor lebih daripada dua digit. Rajah 4 menunjukkan contoh penggunaan 'ProBox' dalam membantu murid menjawab soalan pendaraban yang melibatkan nombor empat digit dengan nombor tiga digit.

x	1000	100	50	4	
100	100000	10000	5000	400	115400
10	10000	1000	500	40	11540
4	4000	400	200	16	4616
					131556

Rajah 4. Contoh penggunaan 'ProBox' untuk tindakan susulan

## PENUTUP

Hasil keseluruhan kajian telah menunjukkan bahawa objektif kajian pertama, "membantu murid menguasai kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000" tercapai. Maka, pengkaji boleh merumuskan bahawa perubahan amalan PdPc menggunakan 'ProBox' dapat meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran mendarab sebarang nombor hingga tiga digit dengan nombor dua digit dan hasil darabnya hingga 100 000 dengan membantu mereka menguasai kemahiran tersebut. Selain itu, objektif kajian kedua, "meningkatkan keyakinan murid dalam menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran mendarab" juga berjaya dicapai. Justeru, dapat disimpulkan bahawa perubahan amalan PdPc menggunakan 'ProBox' juga dapat meningkatkan keyakinan murid dalam menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran mendarab.

## RUJUKAN

- Ahmed A. Belal, & Diala F. Ammar. (2010). *Confidence-based assessment of two-alternative format tests*. Diperoleh dari <https://pdfs.semanticscholar.org/e82d/0222be7487efc8a12b0d524b7dc91cc1f641.pdf>
- Azizi Jaafar, Abdul Razak Abdul Kadir, & Awang Abdullah. (2015). *Falsafah & pendidikan di Malaysia*. Selangor: Pelangi Professional Publishing Sdn Bhd.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun Empat*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kinzer, C.J., & Stanford, T. (2014). The distributive property: The core of multiplication. *Teaching Children Mathematics*, 20(5): 302-309.
- Lee, K.C., Zakri Abdullah, & Chua, L.N. (2018). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Mohd Nor Amri Mohd Nasir, & Effandi Zakaria. (2016). Penggunaan Kaedah "Ladder" berbantuan ICT dalam menyelesaikan masalah penambahan dengan mengumpul semula. *Proceeding of the ICECRS*. Oktober 25-27. Kedah: Universiti Utara Malaysia. 611-618.
- Niyati Kapoor, & V. Natarajan. (2012). Confidence level rating in multiple choice test leading to increase in reliability and decrease in standard error of measurement. *International Journal of Information Technology and Business Management*, 1(1): 35-44.
- Noor Erma Abu, & Leong, K.E. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1): 1-10.
- Nur Aniza Elias, & Roslinda Rosli. (2016). Penggunaan Kaedah Titik meningkatkan penguasaan murid dalam operasi darab. *Proceeding of the ICECRS*. Oktober 25-27. Kedah: Universiti Utara Malaysia. 1129-1136.



- Pumadevi Sivasubramaniam, Shuib Abdul Hamid, Shamsiah Abdul Samad, Syed Azman Syed Ismail, & Nur Syamila Mohd Haris. (2016). *Nombor dan struktur nombor*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Reys, R.E., Lindquist, M. Lambdin, D.V., & Smith, N.L. (2015). *Helping children learn Mathematics 11th Edition*. Hoboken: John Wiley & Sons Inc.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan kaedah dan penulisan (edisi kedua)*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn Bhd.
- Rosnee Ahad, Mohamad Zaid Mustafa, Salina Supiyan, & Abdul Rasid Abdul Razzaq. (2018). Keberkesanan penggunaan petak sifir dalam penguasaan fakta asas darab dalam Matematik Tahun 2. *Online Journal for TVET Practioners*. Diperoleh dari <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4813>
- Selvamarry Uvakaram, Nor'ain Mohd Tajudin, & Abd. Halim Amat. (2012). Analisis jenis kesilapan dan strategi penyelesaian masalah berayat Matematik dalam kalangan pelajar Tingkatan Dua: Satu kajian kes. *Jurnal Sains dan Matematik*, 4(1): 60-74.
- Shamsiah Mahsen. (2015). *Penggunaan Kaedah Kekisi dalam meningkatkan penguasaan pendaraban murid Tahun Empat*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Stankov, L., Lee, J.H., Luo, W.S., & Hogan, D.J. (2012). Confidence: A better predictor of academic achievement than self-efficacy, self-concept and anxiety?. *Learning and Individual Differences*, 22(6): 747-758.
- Syed Abdul Hakim Syed Zainuddin, & Mohini Mohamed. (2010). Keupayaan dan sikap dalam menyelesaikan masalah Matematik bukan rutin. *Jurnal Teknologi*, 53(1): 47-62.
- Tiong, J.C.Y., Chien, P.C.K., & Ting, S.L. (2017). Thinking inside The Operation Box: An innovative idea in overcoming pupils' difficulties in multiplying numbers. *Prosiding "National Conference on Thinking Culture 2017" (NCTC2017)*. November 1-3. Kota Samarahan: Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak. 254-261.

## **PENGUNAAN KAEDAH PEMBAHAGIAN PENYEBUT DAN PETAK MEMBANTU MURID TAHUN 5 MENGUASAI KEMAHIRAN PENUKARAN UNIT PANJANG**

**ROGER WONG SOON YANG<sup>1</sup>, HAMDEN GANI<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>rwsy5695@gmail.com, <sup>2</sup>hamden\_gani@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Penguasaan kemahiran penukaran unit ukuran panjang amat penting dan sebagai permulaan bagi murid-murid dalam mempelajari topik Panjang. Namun begitu, pengkaji mendapati segelintir murid mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran tersebut semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan dilakukan di bilik darjah. Oleh itu, tujuan kajian tindakan ini adalah untuk membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam pecahan dan perpuluhan. Model Kemmis dan McTaggart (1988) telah digunakan oleh pengkaji sebagai panduan pelaksanaan kajian tindakan ini. Peserta kajian kajian ini melibatkan enam orang murid Tahun 5 di sebuah sekolah rendah di Miri, Sarawak. Mereka terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan. Kajian ini menggunakan tiga teknik pengumpulan data, iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Instrumen kajian ini terdiri daripada senarai semak pemerhatian untuk mengumpul data pemerhatian, borang temu bual untuk mengumpul data temu bual, dan jadual analisis dokumen untuk mengumpul data analisis dokumen. Data pemerhatian dan data analisis dokumen dianalisis menggunakan analisis deskriptif melibatkan kekerapan. Data temu bual pula dianalisis menggunakan dua cara, iaitu analisis deskriptif melibatkan kekerapan dan analisis pengekodan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa semua peserta kajian dapat dibantu menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam pecahan dengan menggunakan kaedah pembahagian penyebut. Selain itu, dapatan kajian ini juga mendapati bahawa semua peserta kajian dapat dibantu menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam perpuluhan dengan menggunakan kaedah petak.

Kata kunci: *Penukaran unit panjang, pecahan, perpuluhan, kaedah pembahagian penyebut, kaedah petak*

### **ABSTRACT**

*The mastery of unit conversion of length is very important and a starting point for students in learning topic Length. However, the researcher found that some students had encountered some difficulties learning the skills during the learning and facilitating process in the classroom. Therefore, the purpose of this action research is to help Year 5 students master the skills of unit conversion of length in fractions and decimals. Kemmis dan McTaggart Model (1988) was implemented by the researcher as a guide to the implementation of this action research. Participants of this research involved six Year 5 students at a primary school in Miri, Sarawak. They consist of three male and three female students. This research used three data collection techniques, namely observation, interview and document analysis. This research instrument consists of observation checklists for collecting observation data, interview forms for collecting interview data, and document analysis tables for collecting document analysis data. Observation data and document analysis data were analyzed using descriptive analysis involving frequency. Interview data were analyzed in two ways, namely descriptive analysis involving frequency and encoding of analysis. The research found that all participants can be helped to master the skill of unit conversion of length in fractions by using the division of denominator method.*

*In addition, the research also found that all participants can be helped to master the skill of unit conversion of length in decimal by using the box method.*

*Keyword: Unit conversion of length, fractions, decimals, division of denominator method, box method*

## **PENGENALAN**

Matematik pada peringkat rendah berperanan penting dalam memastikan murid-murid menguasai kemahiran dan konsep asas pengiraan Matematik. Proses pengajaran dan pembelajaran Matematik menekankan penguasaan pengetahuan terutamanya aplikasi konsep Matematik yang dipelajari (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Menurut Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua (2015), kaedah didefinisikan cara atau peraturan (membuat sesuatu), hukum atau prinsip. Guru Matematik perlu menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai untuk mengajar sesuatu topik demi membantu murid dalam menguasai kemahiran Matematik termasuk kemahiran penukaran unit.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Menurut National Measurement Office (2009), konsep ukuran dan sukatan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian termasuk panjang. Ini menunjukkan bahawa topik panjang merupakan salah satu kemahiran dan konsep Matematik yang perlu dikuasai oleh setiap murid di peringkat rendah. Pada peringkat sekolah rendah, kebanyakan murid menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang (Khoo Chwee Hoon dan Lay Yoon Fah, 2015). Semasa menjalani praktikum fasa 1 dan 2, didapati bahawa segelintir murid Tahun 5 menghadapi masalah menguasai kemahiran penukaran unit panjang.

## **FOKUS KAJIAN**

Berdasarkan DSKP Matematik Tahun 5, penukaran unit panjang dalam perpuluhan dan pecahan adalah dalam topik 12 Panjang dengan Standard Pembelajaran 12.1.1 Menukar unit ukuran panjang melibatkan (a) milimeter dan sentimeter, (b) sentimeter dan meter, (c) meter dan kilometer dalam perpuluhan hingga tiga tempat perpuluhan dan 12.1.2 Menukar unit ukuran panjang melibatkan (a) milimeter dan sentimeter, (b) sentimeter dan meter, (c) meter dan kilometer dalam pecahan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Berdasarkan kajian Zakwan Danial bin Zahir Rudin & Samsiah binti Hassan (2013), penggunaan kotak unit menjadi keutamaan dalam kajian tersebut untuk menyelesaikan masalah kefahaman murid bagi topik penukaran unit ukuran panjang. Berdasarkan kajian Aizat Atahari bin Abdul Jalil & Kamariah Binti Bujang (2011), penggunaan carta nilai tempat mengurangkan kecuaiian murid dan meningkatkan kefahaman murid dalam kemahiran penukaran unit panjang. Kajian ini berfokus kepada penggunaan kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran penukaran unit panjang dalam pecahan dan perpuluhan.

## **PENGUMPULAN DATA AWAL**

Berdasarkan Khoo Chwee Hoon dan Lay Yoon Fah (2015), murid sering menghadapi masalah dalam menyelesaikan soalan penukaran unit panjang seperti memindahkan titik perpuluhan ke kiri atau ke kanan. Menurut Ahmad Muslim Dolhan & Siti Mistima Maat (2015), kebanyakan murid menghadapi masalah dan kurang menunjukkan minat dalam menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang yang melibatkan pecahan. Menurut Tengku Zawawi, Tengku Zainal, Ramlee Mustapha & Abdul Razak Habib (2009), murid-murid mempunyai pemahaman terhadap konsep pecahan yang terhad. Seperti yang dinyatakan oleh Stefi & Hu (2012), topik pecahan ini agak rumit dan

memerlukan murid memahami konsep pecahan secara konkrit dan abstrak. Pengkaji mengubah amalan sendiri dengan menggunakan kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif-objektif kajian ini adalah

- a. Membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam pecahan.
- b. Membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam perpuluhan.

Soalan-soalan kajian ini adalah

- (a) Bagaimanakah membantu murid menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam pecahan?
- (b) Bagaimanakah membantu murid menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam perpuluhan?

## PESERTA KAJIAN

Pengkaji memilih enam orang peserta kajian Tahun 5 di sebuah sekolah kawasan Miri. Mereka terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan dengan latar belakang yang berbeza. Melalui latihan dan pemerhatian, mereka mempunyai tahap Matematik yang lemah dalam kemahiran penukaran unit panjang dalam pecahan dan perpuluhan.

## TINDAKAN

Dalam kajian tindakan ini, pengkaji memperkenalkan kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran penukaran unit panjang dalam pecahan dan perpuluhan. Model Kemmis dan McTaggart (1988) digunakan sebagai panduan penyelidikan tindakan.

### Kitaran 1

Model Kemmis dan McTaggart (1988) telah menyarankan empat langkah dalam kajian tindakan yang dijalankan berdasarkan kitaran, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Dalam peringkat merancang, pengkaji mengenal pasti masalah murid dan merancang penggunaan kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2.

#### Jadual 1

##### Langkah-langkah Kaedah Pembahagian Penyebut

<p><b>Contoh 1:</b> Langkah 1 Membaca soalan dan menulis soalan dalam bentuk ayat matematik.</p>	<p>Menukarkan <math>\frac{3}{5} km</math> kepada unit meter.</p> <p>1 kilometer = 1000 meter</p> $\frac{3}{5} km = \left(\frac{3}{5} \times 1000\right) m$ <p>Sebelah kiri dan sebelah kiri didarab dengan nombor yang sama, <math>\frac{3}{5}</math>.</p>
--	--

<p>Langkah 2</p> <p>Mencari sifir sama yang boleh membahagi penyebut dan nombor darab mengikut soalan iaitu "1000".</p>	$\frac{3}{5} km = \left( \frac{3}{5} \times 1000 \right)$ <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 5px auto;">Sifir sama ialah "5".</div>
<p>Langkah 3</p> <p>Membahagi penyebut dan "1000" dengan sifir sama tersebut</p>	$\frac{3}{5} km = \left( \frac{3}{\cancel{5}_1} \times \overset{200}{\cancel{1000}} \right) m$
<p>Langkah 4:</p> <p>Melakukan pengiraan yang seterusnya sehingga mendapatkan jawapan yang betul.</p>	$\frac{3}{5} km = (3 \times 200) m$ $\frac{3}{5} km = 600 m$
<p><b>Contoh 2:</b></p> <p>Membaca soalan dan menulis soalan dalam bentuk ayat matematik.</p> <p>Mencari sifir sama dan melakukan operasi pembahagian.</p> <p>Memastikan jawapan telah ditulis dalam bentuk yang paling ringkas dengan melakukan operasi pembahagian jika perlu.</p>	<p>Soalan: Menukarkan 700 m kepada unit kilometer dalam pecahan.</p> $700 m = 0.7 km$ $\frac{700}{1000} km = \frac{700}{1000}$ $\frac{700}{1000} km = \frac{\cancel{700}}{\cancel{1000}} km$ $= \frac{7}{10} km$

Jadual 2

Langkah-langkah Kaedah Petak

<p><b>Contoh 1</b></p> <p>Langkah 1</p> <p>Melukis petak yang mempunyai unit ukuran panjang antara unit kilometer dan unit meter. Peserta kajian diberitahu bahawa perlu mengingat "4+3" untuk hubungan unit ukuran panjang kilometer, meter, sentimeter dan milimeter.</p>	<p>Bilangan kolom bagi unit kilometer</p> <p style="text-align: center;">↙ "4+3" ↘</p> <p>Bilangan kolom bagi unit meter</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td colspan="4">km</td> <td colspan="3">m</td> </tr> <tr> <td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td> </tr> </table>	km				m									
km				m											
<p>Langkah 2</p> <p>Membaca soalan dan menulis soalan di bahagian atas petak sebelum memindahkan soalan ke dalam petak dan menulis titik perpuluhan mengikut soalan di bahagian atas garisan antara dua unit ukuran panjang.</p>	<p>Soalan: Menukar 12.25 km kepada unit meter.</p> <p style="text-align: center;">1 2 . 2 5</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td colspan="4">km</td> <td colspan="3">m</td> </tr> <tr> <td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td> </tr> </table>	km				m									
km				m											
<p>Langkah 3</p> <p>Memindahkan soalan ke dalam petak dengan betul dan diberitahu bahawa setiap kolom hanya menulis satu nombor.</p>	<p style="text-align: center;">1 2 . 2 5</p> <table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td colspan="4">km</td> <td colspan="3">m</td> </tr> <tr> <td> </td><td> </td><td>1</td><td>2</td><td>2</td><td>5</td><td> </td> </tr> </table>	km				m					1	2	2	5	
km				m											
		1	2	2	5										
<p>Langkah 4</p> <p>Menulis nombor sifar, "0" pada kolom yang tidak mempunyai nombor dan memindahkan titik perpuluhan berdasarkan kehendak soalan.</p>	<table border="1" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td colspan="4">km</td> <td colspan="3">m</td> </tr> <tr> <td> </td><td> </td><td>1</td><td>2</td><td>2</td><td>5</td><td>0</td> </tr> </table>	km				m					1	2	2	5	0
km				m											
		1	2	2	5	0									
<p>Langkah 5</p> <p>Peserta kajian dibimbing menulis jawapan.</p>	<p style="text-align: center;">12.25 km = 12250 m</p>														

<p><b>Contoh 2</b> Langkah 1 adalah sama dengan contoh 1. Langkah 2 Menulis setiap nombor bagi unit ukuran panjang yang berbeza bermula dari kanan.</p>	<p>Soalan: Menukar 12 km 25 m kepada unit meter.</p> <p style="text-align: center;">1   2 km            2   5</p> <p>m</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">km</td> <td colspan="3" style="text-align: center;">m</td> </tr> <tr> <td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td> </tr> </table>	km				m									
km				m											
<p>Langkah 3 Memindahkan soalan ke dalam petak dengan betul dan setiap kolom hanya menulis satu nombor.</p>	<p style="text-align: center;">1   2 km            2   5</p> <p>m</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">km</td> <td colspan="3" style="text-align: center;">m</td> </tr> <tr> <td> </td><td> </td><td>1</td><td>2</td><td> </td><td>2</td><td>5</td> </tr> </table>	km				m					1	2		2	5
km				m											
		1	2		2	5									
<p>Langkah 4: Menulis nombor sifar, "0" pada kolom yang tidak mempunyai nombor dan memindahkan titik perpuluhan mengikut kehendak soalan.</p>	<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td colspan="4" style="text-align: center;">km</td> <td colspan="3" style="text-align: center;">m</td> </tr> <tr> <td> </td><td> </td><td>1</td><td>2</td><td>0</td><td>2</td><td>5</td> </tr> </table>	km				m					1	2	0	2	5
km				m											
		1	2	0	2	5									
<p>Langkah 5 Peserta kajian dibimbing menulis jawapan.</p>	<p style="text-align: center;">12 km 25 m = 12025 m</p>														

Dalam peringkat bertindak, pengkaji mengubah amalan pengajaran dan pembelajaran dengan memperkenalkan kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak. Peserta kajian dibimbing menggunakan kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak semasa sesi interaksi pertama. Analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual digunakan sebagai teknik pengumpulan data. Dalam peringkat memerhati, pengkaji memerhati dan menganalisis hasil data-data kajian. Dalam peringkat mereflek, pengkaji membuat penilaian sendiri dan melakukan penambahbaikan berdasarkan analisis data-data kajian.

## Kitaran 2

Berdasarkan dapatan kajian kitaran 1, didapati bahawa peserta kajian 3, 5 dan 6 tidak pandai menulis jawapan pecahan dalam bentuk paling ringkas, manakala peserta kajian 4 tidak tahu melukis petak dengan betul. Dalam peringkat merancang, kaedah yang sama digunakan dengan berfokus kepada langkah mendapat jawapan pecahan dalam bentuk paling ringkas dan langkah melukis petak dengan betul dan cepat. Dalam peringkat bertindak, teknik mengumpul data dalam kitaran 2 adalah sama dengan kitaran 1 dengan menggunakan analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Melalui analisis data-data kajian, didapati bahawa para peserta kajian dapat menguasai kemahiran penukaran unit panjang dalam pecahan dan perpuluhan dengan menggunakan kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak.

## TEKNIK MENGUMPUL DATA DAN MENGANALISIS DATA

Analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual digunakan sebagai teknik mengumpul data sepanjang penyelidikan tindakan. Lembaran kerja dan lembaran kuiz digunakan sebagai instrumen analisis dokumen dalam kitaran 1 dan 2. Data-data ini direkodkan dalam jadual analisis dokumen dan dianalisis melalui analisis deskriptif dengan merekodkan bilangan soalan dijawab dengan betul bagi setiap lembaran kerja dan lembaran kuiz. Peserta kajian perlu menguasai 80% aras masteri yang ditetapkan dalam setiap kemahiran pembelajaran sebelum mempelajari kemahiran yang baru (Subadrah Madhawa Nair dan Sakunthala Devi Gopal, 2014). Pemerhatian dijalankan terhadap lembaran kerja dan lembaran kuiz berdasarkan kriteria-kriteria pemerhatian yang telah ditetapkan dengan menggunakan senarai semak pemerhatian dan dianalisis melalui analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan pencapaian kriteria pemerhatian. Sesi temu bual separa berstruktur dilaksanakan secara bersemuka dengan peserta-peserta kajian dengan menggunakan

borang temu bual. Data-data temu bual dianalisis berdasarkan jadual analisis temu bual melalui analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan pencapaian kriteria dan teknik pengekodan.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian bagi kedua-dua soalan kajian, iaitu membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam pecahan dan perpuluhan. Pengkaji menggunakan analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual untuk mengumpul dan menganalisis data bagi kedua-dua soalan kajian.

### Membantu Murid Tahun 5 Menguasai Kemahiran Penukaran Unit Ukuran Panjang Dalam Pecahan

Jadual 3 menunjukkan pencapaian peserta kajian bagi lembaran kerja dan lembaran kuiz yang didapati dalam kitaran 1. Dalam lembaran kerja 1 dan 2, para peserta kajian mendapat skor penuh. Dalam lembaran kuiz 1, peserta kajian 1, 2 dan 3 mendapat skor penuh iaitu 3 / 3, manakala peserta kajian 3, 5 dan 6 mendapat skor 2 / 3.

Jadual 3

Pencapaian peserta kajian dalam kitaran 1

Peserta Kajian	Lembaran Kerja 1	Lembaran Kerja 2	Lembaran Kuiz 1	Jumlah	Tafsiran
PK1	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK2	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK3	3 / 3	3 / 3	2 / 3	8 / 9	Menguasai
PK4	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK5	3 / 3	3 / 3	2 / 3	8 / 9	Menguasai
PK6	3 / 3	3 / 3	2 / 3	8 / 9	Menguasai

Pemerhatian direkodkan dalam senarai semak pemerhatian berpandukan dengan kriteria-kriteria pemerhatian yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Jadual 5 menunjukkan keenam-enam peserta kajian bagi kekerapan mencapai kriteria-kriteria pemerhatian.

Jadual 4

Jadual kriteria-kriteria pemerhatian kaedah pembahagian penyebut

Bil	Kriteria	Penerangan
1	Ayat Matematik ditulis dengan betul	Peserta kajian menulis ayat Matematik dengan betul berdasarkan soalan.
2	Langkah pembahagian penyebut yang betul	Peserta kajian dapat membahagi penyebut dengan sifir yang betul.
3	Langkah pengiraan yang betul	Peserta kajian dapat melakukan pengiraan dengan betul.
4	Menulis jawapan yang betul	Peserta kajian dapat memperoleh jawapan dengan unit yang betul dan jawapan yang paling ringkas.

Jadual 5

Jadual analisis pemerhatian kitaran 1

Peserta Kajian	Pencapaian kriteria dalam LK1 (4 kriteria)	Pencapaian kriteria dalam LK2 (4 kriteria)	Pencapaian kriteria dalam L.Kuiz 1 (4 kriteria)
1	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
2	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
3	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2
4	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
5	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2

6	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2
---	-------------	-------------	-------

Data-data temu bual direkodkan dengan menggunakan jadual analisis temu bual yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Berdasarkan Jadual 6, para peserta kajian memberi maklum balas yang positif kecuali peserta kajian 3, 5 dan 6. Transkripsi temu bual kitaran 1 dianalisis melalui teknik pengekodan seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 6

Jadual analisis temu bual kitaran 1

Peserta Kajian	Kriteria 1	Kriteria 2	Kriteria 3	Kriteria 4	Kriteria 5
PK1	√	√	√	√	√
PK2	√	√	√	√	√
PK3	√	√	√	X	√
PK4	√	√	√	√	√
PK5	√	√	√	X	√
PK6	√	√	√	X	√

Jadual 7

Analisis transkripsi temu bual kitaran 1 bagi soalan 6

Soalan 6: Apakah pandangan anda terhadap penggunaan kaedah pembahagian penyebut ini dalam menyelesaikan soalan penukaran unit panjang dalam pecahan?

Peserta Kajian	Transkripsi	Kod
PK1	Cara ini <b>mudah</b> digunakan untuk menjawab soalan.	1
PK2	Saya dapat menjawab soalan dengan <b>cepat</b> dan <b>mudah</b> .	1
PK3	Saya <b>tidak tahu</b> guna cara ini untuk menulis jawapan akhir.	2
PK4	Saya <b>suka</b> menggunakan cara ini kerana cara ini <b>mudah</b> .	1
PK5	Saya <b>tidak tahu</b> menulis jawapan dalam bentuk paling ringkas.	2
PK6	Saya <b>tidak tahu</b> bagaimana dapat jawapan yang paling ringkas.	2

Penentuan Kod

1. Mudah
  - Mudah
  - Cepat
  - Suka
2. Tidak tahu
  - Tidak tahu

Jadual 8 menunjukkan pencapaian peserta kajian bagi lembaran kerja dan lembaran kuiz yang didapati dalam kitaran 2. Data-data pemerhatian ditunjukkan dalam Jadual 9 bagi lembaran kerja 3, 4 dan lembaran kuiz 2. Berdasarkan Jadual 9, ketiga-tiga peserta kajian dapat mencapai setiap kriteria pemerhatian dalam kitaran 2.

Jadual 8

Skor setiap lembaran bagi para peserta kajian dalam kitaran 2

Peserta Kajian	Lembaran Kerja 3	Lembaran Kerja 4	Lembaran Kuiz 2	Jumlah	Tafsiran
PK1	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK2	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK3	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai



## Jadual 9

### Jadual analisis pemerhatian kitaran 2

Peserta Kajian	Pencapaian kriteria dalam LK3 (4 kriteria)	Pencapaian kriteria dalam LK4 (4 kriteria)	Pencapaian kriteria dalam L. Kuiz 2 (4 kriteria)
1	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
2	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
3	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4

Jadual 10 dan Jadual 11 menunjukkan analisis data-data temu bual dalam kitaran 2. Para peserta kajian memberi maklum balas yang positif bahawa kaedah ini lebih mudah digunakan dalam menjawab soalan penukaran unit panjang dalam pecahan.

## Jadual 10

### Jadual analisis temu bual kitaran 2

Peserta Kajian	Kriteria 1	Kriteria 2	Kriteria 3	Kriteria 4	Kriteria 5
PK1	√	√	√	√	√
PK2	√	√	√	√	√
PK3	√	√	√	√	√

## Jadual 11

### Analisis transkripsi temu bual kitaran 2 bagi soalan 6

Soalan 6: Apakah pandangan anda terhadap penggunaan kaedah pembahagian penyebut ini dalam menyelesaikan soalan penukaran unit panjang dalam pecahan?

Peserta Kajian	Transkripsi	Kod
PK1	Dulu saya tidak faham dan tidak tahu menulis jawapan dalam bentuk yang paling ringkas, tetapi saya sekarang <b>tahu</b> bagaimana mencari jawapan dalam bentuk paling ringkas.	1
PK2	Saya dapat menjawab soalan dengan <b>yakin</b> kerana saya <b>tahu</b> cara menulis jawapan yang betul.	1
PK3	Saya <b>yakin</b> menggunakan cara ini kerana saya <b>tahu</b> bagaimana menjawab soalan penukaran unit dengan betul.	1

#### Penentuan Kod

1. Tahu
  - Tahu
  - Yakin
2. Tidak tahu

## Membantu Murid Tahun 5 Menguasai Kemahiran Penukaran Unit Ukuran Panjang Dalam Perpuluhan

Jadual 12 menunjukkan pencapaian peserta kajian dalam kitaran 1. Berdasarkan Jadual 12, lima orang peserta kajian mendapat skor penuh, tetapi peserta kajian 4 mendapat skor 2 / 3 dalam lembaran kuiz 1.

## Jadual 12

### Pencapaian peserta kajian dalam kitaran 1

Peserta Kajian	Lembaran Kerja 1	Lembaran Kerja 2	Lembaran Kuiz 1	Jumlah	Tafsiran
PK1	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK2	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK3	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK4	3 / 3	3 / 3	2 / 3	8 / 9	Menguasai
PK5	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai
PK6	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai

Pemerhatian direkodkan dalam senarai semak pemerhatian berpandukan dengan kriteria-kriteria pemerhatian yang ditunjukkan dalam Jadual 13. Jadual 14 menunjukkan keenam-enam peserta kajian bagi kekerapan mencapai kriteria-kriteria pemerhatian.

Jadual 13

Jadual kriteria-kriteria pemerhatian kaedah petak

Bil	Kriteria	Penerangan
1	Pelukisan petak dengan betul	Peserta kajian melukis petak mengikut hubungan antaran unit panjang dengan betul.
2	Soalan ditulis dengan betul	Peserta kajian menyalin soalan ke dalam petak dengan mengikut unit yang betul.
3	Langkah menulis jawapan dalam petak dengan betul	Peserta kajian dapat menulis jawapan dalam petak dengan betul iaitu menulis sifar pada petak dan unit yang betul.
4	Menulis jawapan dengan betul	Peserta kajian dapat memperoleh jawapan dengan unit yang betul.

Jadual 14

Jadual analisis pemerhatian kitaran 1

Peserta Kajian	Pencapaian kriteria dalam LK1 (3 kriteria)	Pencapaian kriteria dalam LK2 (3 kriteria)	Pencapaian kriteria dalam L.Kuiz 1 (4 kriteria)
1	K2,K3,K4	K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
2	K2,K3,K4	K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
3	K2,K3,K4	K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
4	K2,K3,K4	K2,K3,K4	-
5	K2,K3,K4	K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4
6	K2,K3,K4	K2,K3,K4	K1,K2,K3,K4

Jadual 15 dan 16 menunjukkan analisis data-data temu bual dalam kitaran 1. Peserta kajian 4 menunjukkan ketidakpercayaan dalam penggunaan kaedah petak berdasarkan Jadual 16.

Jadual 15

Jadual analisis temu bual kitaran 1

Peserta Kajian	Kriteria 1	Kriteria 2	Kriteria 3	Kriteria 4	Kriteria 5
PK1	√	√	√	√	√
PK2	√	√	√	√	√
PK3	√	√	√	√	√
PK4	X	X	X	X	X
PK5	√	√	√	√	√
PK6	√	√	√	√	√

Jadual 16

Analisis transkripsi temu bual kitaran 1 bagi soalan 6

Soalan 6: Apakah pandangan anda terhadap penggunaan kaedah petak dalam menyelesaikan soalan penukaran unit panjang dalam perpuluhan?

Peserta Kajian	Transkripsi	Kod
PK1	<b>Mudah</b> faham dan digunakan untuk menjawab soalan penukaran unit.	1
PK2	<b>Mudah</b> digunakan untuk mendapat jawapan dengan betul.	1
PK3	<b>Suka</b> menggunakan kaedah ini kerana membantu saya menyelesaikan masalah kecuaiannya sebelum ini.	1
PK4	Saya <b>tidak yakin</b> guna kaedah ini kerana kaedah ini <b>lama</b> mendapat jawapan.	2

PK5	Dapat terus mendapat jawapan yang betul dengan <b>cepat</b> dan <b>mudah</b> .	1
PK6	Walaupun petak memerlukan masa untuk dilukis, tetapi ianya memudahkan langkah mendapat jawapan yang betul. Berbanding dengan pendaraban, petak lebih <b>senang</b> digunakan.	1

Penentuan Kod

1. Mudah

- Mudah
- Cepat
- Suka
- Senang

2. Tidak yakin

- Tidak yakin
- Lama

Jadual 17 menunjukkan pencapaian peserta kajian bagi lembaran kerja dan lembaran kuiz yang didapati dalam kitaran 2. Peserta kajian tersebut mendapat skor penuh dalam lembaran kerja 3 dan 4 serta lembaran kuiz 2.

Jadual 17

Skor setiap lembaran bagi peserta kajian dalam kitaran 2

Peserta Kajian	Lembaran Kerja 3	Lembaran Kerja 4	Lembaran Kuiz 2	Jumlah	Tafsiran
PK1	3 / 3	3 / 3	3 / 3	9 / 9	Menguasai

Jadual 18

Jadual analisis pemerhatian dalam kitaran 2

Peserta Kajian	Kriteria 1	Kriteria 2	Kriteria 3	Kriteria 4	Kriteria 5
PK1	√	√	√	√	√

Jadual 19 dan Jadual 20 menunjukkan analisis data-data temu bual dalam kitaran 2. Peserta kajian menunjukkan maklum balas positif terhadap penggunaan kaedah petak.

Jadual 19

Jadual analisis temu bual kitaran 2

Peserta Kajian	Kriteria 1	Kriteria 2	Kriteria 3	Kriteria 4	Kriteria 5
PK1	√	√	√	√	√

Jadual 20

Analisis transkripsi temu bual kitaran 2 bagi soalan 6

Soalan 6: Apakah pandangan anda terhadap penggunaan kaedah petak dalam menyelesaikan soalan penukaran unit panjang dalam perpuluhan?

Peserta Kajian	Transkrip	Kod
PK1	Saya yakin guna kaedah ini. Saya <b>suka</b> menggunakan kaedah ini. Ianya membantu selesaikan masalah kecuaiannya.	1

Penentuan Kod

1. Suka

- Suka

2. Tidak mudah

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji membuat refleksi berdasarkan hasil dapatan kajian untuk menjawab soalan kajian 1 dan 2 yang ditetapkan.

### **Membantu Murid Tahun 5 Menguasai Kemahiran Penukaran Unit Ukuran Panjang Dalam Pecahan**

Bagi soalan kajian pertama, tiga orang peserta kajian dapat menguasai kemahiran penukaran unit panjang dalam pecahan melalui kaedah pembahagian penyebut dalam kitaran 1. Namun, tiga orang lagi peserta kajian tidak dapat menulis jawapan pecahan dalam bentuk paling ringkas. Melalui temu bual, mereka menyatakan bahawa mereka tidak tahu cara menulis jawapan pecahan dalam bentuk paling ringkas. Dalam kitaran 2, mereka dapat menjawab lembaran kerja dan lembaran kuiz dengan betul tanpa bimbingan guru. Melalui temu bual, mereka bersetuju bahawa kaedah pembahagian penyebut yang ditambahbaik dapat membantu mereka menguasai kemahiran penukaran unit panjang dalam pecahan.

### **Membantu Murid Tahun 5 Menguasai Kemahiran Penukaran Unit Ukuran Panjang Dalam Perpuluhan**

Bagi soalan kajian kedua, penggunaan kaedah petak membantu lima orang peserta kajian menguasai kemahiran penukaran unit panjang dalam perpuluhan. Para peserta kajian menunjukkan maklum balas positif terhadap kaedah petak. Melalui temu bual, peserta kajian 4 tidak yakin melukis petak kerana dia menganggap kaedah petak mengambil masa menjawab yang lama. Dalam kitaran 2, perkembangan ditunjukkan melalui pemerhatian terhadap pencapaian lembaran kerja dan lembaran kuiz. Berdasarkan transkripsi temu bual, dia yakin dan suka menggunakan kaedah petak dan dapat menguasai kemahiran penukaran unit panjang dalam perpuluhan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji mencadangkan penggunaan kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak dalam topik jisim dan isipadu cecair. Pengkaji mencadangkan penggunaan kaedah pembahagian penyebut dalam topik pecahan. Cadangan seterusnya ialah penggunaan warna dalam kaedah petak untuk membantu murid pemulihan dalam mempelajari Matematik.

## PENUTUP

Kesimpulannya, didapati bahawa keenam-enam peserta kajian dapat menguasai kemahiran penukaran unit ukuran panjang dalam pecahan dan dalam perpuluhan melalui kaedah pembahagian penyebut dan kaedah petak.

## RUJUKAN

- Ahmad Muslim Dolhan & Siti Mistima Maat. (2015). *Penggunaan "Kaedah Jari" dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang melibatkan nombor pecahan kepada nombor bulat*. Diperoleh dari <https://dokumen.tips/documents/penggunaan-kaedah-jari-dalam-kemahiran-nbsppdf-fileitu-kajian.html>
- Aizat Atahari Abdul Jalil & Kamariah Bujang. (2011). Penggunaan Carta Nilai Tempat Untuk Pembahagian Panjang Dalam Penukaran Unit Bagi Topik Panjang. *Prosiding Kajian Tindakan 7PISMP Matematik IPG KPT*. Diperoleh dari <https://issuu.com/fhyzul2012/docs/ilovepdf.com/85>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Chong Ping Yen. (2014). *Penggunaan Kaedah Kekisi Dalam Membantu Murid Tahun Empat Menyelesaikan Soalan Pendaraban*. Sarawak: Jabatan Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. (ed). (1988). *The action research planner*. (3rd Ed). Deakin University, Australis: Deakin University Press.
- Khoo Chwee Hoon dan Lay Yoon Fah. (2015). *Keberkesanan Kicup dalam penukaran unit panjang dalam kelas pemulihan Matematik*. Diperoleh dari <http://ipkent.edu.my/document/pskent/pskent18/jurnal/142015/10.pdf>
- National Measurement Office. (2009). *Measurements in daily life*. Diperoleh dari <http://www.npl.co.uk/upload/pdf/measurement-matters.pdf>
- Stefi, L. P., & Hu, L. N. (2012). Penggunaan Nombor Bercampur dan Latih Tubi Dalam Meningkatkan Pencapaian Bagi Topik. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTMTE 2012)*. Sarawak: IPG Kampus Miri. 95 – 104.
- Subadrah Madhawa Nair dan Sakunthala Devi Gopal. (2014). Kesan penggunaan kaedah pembelajaran masteri terhadap pencapaian dan minat pelajar dalam mata pelajaran pengajian am. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29(1): 55 – 80.
- Tengku Zawawi, Tengku Zainal, Ramlee Mustapha & Abdul Razak Habib. (2009). Pengetahuan pedagogi isi kandungan guru matematik bagi tajuk pecahan: Kajian kes di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1): 131 – 153.
- Zakwan Danial Zahir Rudin & Samsiah Hassan. (2013). Meningkatkan Penguasaan Murid Tahun 5 Dalam Topik Penukaran Unit Ukuran Panjang Menggunakan 'Kotak Unit'. *Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2013*. Terengganu: IPG Kampus Dato' Razali Ismail. 322-331.

## PENGGUNAAN MODEL BAR DALAM TOPIK KADARAN TAHUN 4

**TEOW CHIA CHEN<sup>1</sup>, HAMDEN GANI<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>chiachen025@gmail.com, <sup>2</sup>hamden\_gani@yahoo.com

### ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bertujuan untuk membantu murid Tahun 4 dalam menentukan suatu nilai semasa menjawab soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar. Murid menghadapi masalah dalam memahami soalan dan menentukan operasi yang betul untuk mendapatkan jawapan. Perubahan amalan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan untuk membantu murid memahami soalan dan menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran. Kajian tindakan ini dijalankan berpandukan Model Stephen Kemmis (1983). Peserta kajian terdiri daripada lima orang murid dari sebuah sekolah rendah di bandar Miri. Data dikumpul melalui tiga kaedah, iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Instrumen kajian terdiri daripada senarai semak pemerhatian, jadual analisis dokumen dan senarai semak temu bual. Data pemerhatian direkod dengan menggunakan senarai semak pemerhatian berdasarkan tingkah laku murid semasa menjawab soalan dan dianalisis secara deskriptif berdasarkan kekerapan tingkah laku yang telah dikenal pasti. Data analisis dokumen direkod dalam jadual analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif melibatkan kekerapan soalan yang dijawab dengan betul dalam lembaran kerja. Data temu bual direkod secara transkripsi dan dianalisis secara bertema. Dapatan kajian menunjukkan kesan positif dalam perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan Model Bar untuk membantu murid memahami soalan dan menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran. Bagi kajian lanjutan, penggunaan Model Bar dicadangkan dalam kemahiran menentukan suatu nilai berdasarkan nisbah dan penyelesaian masalah yang melibatkan pendaraban.

Kata kunci: Soalan perkadaran, memahami, operasi, Model Bar, Tahun 4

### ABSTRACT

*This action research was conducted to assist Year 4 students in answering the proportional questions by using Bar Model. Students could hardly understand a proportional question and solve the question by using the right operation. The change in teaching and learning practice was implemented to help students understand the questions and determine the right operation when answering the proportional questions. This research was carried out according to Stephen Kemmis (1983) action research model. The participants of this research comprised of five students from a primary school in Miri. Data in this research were collected by using observations, document analysis and interviews during the execution of this study. The research instruments consisted of observation checklist, document analysis table and interview checklist. Data from observations were recorded using a checklist according to students' response to the worksheet and were analyzed descriptively based on the frequency of students' response. Data from documents were recorded in a table and were analyzed descriptively based on the number of questions answered correctly in the worksheet. Data from interviews were recorded in the form of audio and transcript and were analyzed by themes. The findings indicate that changes in practice by using Bar Model had shown a positive impact on the participants in understanding proportional questions and use the right operation to solve questions. For further study, Bar Model is suggested to determine a value based on a given ratio and problem-solving skill involving multiplication.*

*Keywords: Proportional question, understand, operation, Bar Model, Year 4*

## PENGENALAN

Penguasaan konsep kadaran oleh murid adalah penting untuk meningkatkan kemahiran penaakulan matematik. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Matematik Tahun Empat, murid perlu mempelajari kemahiran untuk menentukan suatu nilai menggunakan kaedah unitari dalam situasi harian. Pemikiran penaakulan perkadaran adalah efektif dan berupaya dalam menyelesaikan pelbagai masalah seperti sukatan, kebarangkalian, peratus, nisbah, geometri satah, algebra, trigonometri dan persamaan Matematik (Ceylen Sen dan Gursel Guler, 2017). Selain Matematik, penaakulan perkadaran juga memainkan peranan penting dalam bidang sains, geografi, geometri, fizik dan pelbagai situasi dalam kehidupan seharian (Marcie Beck McIntosh, 2013). Oleh itu, sebagai seorang guru Matematik harus memastikan bahawa kemahiran penaakulan perkadaran dapat dikuasai sepenuhnya oleh murid-murid dengan menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Selepas pengajaran dan pembelajaran topik Kadaran, pengkaji mendapati murid Tahun 4 menghadapi masalah untuk menentukan suatu nilai menggunakan kaedah unitari dengan betul semasa menjawab soalan perkadaran jenis penyelesaian masalah yang tidak mengandungi gambar rajah. Kesilapan wujud disebabkan murid tidak memahami kehendak soalan. Ini menyebabkan murid menyalahfahirkan soalan dan tidak melakukan operasi pembahagian untuk mendapatkan nilai satu unit. Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan contoh kesilapan yang dilakukan oleh murid semasa menjawab soalan perkadaran. Murid juga melakukan kesilapan disebabkan tidak dapat menentukan operasi yang betul dalam menjawab soalan perkadaran walaupun berupaya untuk mendapatkan nilai satu unit dalam penyelesaian langkah pertama.

<p>3 个相同的盒子共有 27 支铅笔。李老师买了 7 盒。他共买了多少支铅笔? 3 kotak yang sama mengandungi sejumlah 27 batang pensel. Cikgu Lee telah membeli 7 kotak pensel. Berapakah batang pensel telah dibeli oleh Cikgu Lee?</p> <p><b>Penyelesaian:</b></p> $27 \times 7 = 189$ $\begin{array}{r} 27 \\ \times 7 \\ \hline 189 \end{array}$
---

Rajah 1. Contoh kesilapan murid semasa menjawab soalan perkadaran

<p>4 个相同的箱子共有 80 个苹果。如果每个箱子的苹果数量相同, 180 个苹果需要多少个箱子? 4 kotak yang sama mempunyai sejumlah 80 biji epal. Jika bilangan epal dalam setiap kotak adalah sama, berapakah kotak yang diperlukan untuk meletakkan 180 biji epal?</p> <p><b>Penyelesaian:</b></p> $80 \div 4 = 20$ $180 \times 20 = 3600$ $\begin{array}{r} 20 \\ 4 \overline{) 80} \\ \underline{80} \end{array} \quad \begin{array}{r} 180 \\ \times 20 \\ \hline 3600 \end{array}$
---


Rajah 2. Contoh kesilapan murid semasa menjawab soalan perkadaran

## FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokuskan kepada membantu murid Tahun 4 untuk memahami soalan dan menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar. Model Bar yang juga dikenali sebagai *Model Method* merupakan suatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik di Singapura membantu murid yang menghadapi masalah dalam soalan jenis penyelesaian masalah (Kho, Yeo dan Lim, 2009). Menurut kajian Ng Yan Mei dan Hu Laey Nee (2016), model bar perbandingan digunakan untuk membantu meningkatkan penguasaan murid Tahun 5 dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran.

Menurut Farizan Ismail (2013), Model Bar boleh meningkatkan kefahaman dan memberi gambaran terhadap masalah secara mudah dan seterusnya menyelesaikan masalah tersebut. Merujuk kepada Nor Ezah Ariffin dan Nurulwahida Azid @ Aziz (2016), Model Bar merangkumi empat jenis model asas iaitu model sebahagian-keseluruhan (penambahan dan penolakan), model perbandingan (penolakan), model sebahagian-keseluruhan (pendaraban dan pembahagian) dan model perbandingan (pendaraban dan pembahagian).

Dalam topik Kadaran, pengkaji menggunakan model perbandingan (darab dan bahagi) bagi membantu murid Tahun 4 menjawab soalan perkadaran. Rajah 3 menunjukkan model perbandingan (darab dan bahagi) dan rumus yang dilibatkan untuk mencari hasil darab atau hasil bahagi. Berdasarkan Rajah 3, terdapat tiga rumus yang digunakan dalam model perbandingan (darab dan bahagi). Rumus pertama adalah membahagikan jumlah keseluruhan dengan bilangan bahagian untuk mencari nilai satu bahagian. Rumus kedua, darabkan nilai satu bahagian dengan bilangan bahagian untuk mendapatkan jumlah keseluruhan. Manakala bagi rumus ketiga, bahagikan jumlah keseluruhan dengan nilai satu bahagian untuk mendapatkan bilangan bahagian.



Rajah 3. Model perbandingan (darab dan bahagi)

Sumber diubahsuai dari: Lau Siu Hee. (2015). *Penggunaan kaedah model bar dalam membantu murid tahun enam meningkatkan kemahiran menjawab soalan penyelesaian masalah*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.



## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif kajian, iaitu:

- Membantu murid memahami soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar.
- Membantu murid menentukan operasi yang betul dalam menjawab soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar.

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan seperti berikut:

- Bagaimanakah membantu murid untuk memahami soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar?
- Bagaimanakah membantu murid untuk menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar?

## PESERTA KAJIAN


Kajian ini dijalankan terhadap murid-murid Tahun 4 yang menuntut pelajaran di sebuah sekolah rendah di bandar Miri. Bilangan murid yang dipilih sebagai peserta kajian adalah sebanyak lima orang murid yang terdiri daripada dua orang lelaki dan tiga orang perempuan. Peserta kajian yang dipilih sudah menguasai operasi asas Matematik iaitu penambahan, penolakan, pendaraban dan pembahagian tetapi berprestasi sederhana dan lemah dalam menjawab soalan latihan perkadaran.

## TINDAKAN


Kajian ini dilaksanakan berpandukan langkah-langkah dalam Model Stephen Kemmis (1983) yang terdiri daripada langkah merancang, bertindak, memerhati dan mereflek dalam satu kitaran yang lengkap (Ting Leng Siong, Ahmad Sabry Othman dan Ting Hun Yong, 2013). Kajian tindakan ini dijalankan sebanyak dua kitaran sehingga murid dapat memahami soalan dan menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar. Dalam Kitaran 1, pengkaji mengubah amalan pengajaran dengan memperkenalkan penggunaan Model Bar dalam pengajaran. Rajah 4 menunjukkan langkah penyelesaian soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar.

Sebanyak 3 buah bas membawa 132 orang penumpang. Setiap buah bas membawa bilangan penumpang yang sama. Berapakah orang penumpang yang dibawa oleh 5 buah bas?


Langkah 1: Lakarkan bar segiempat dan labelkannya dengan item yang diwakili berdasarkan maklumat yang diberikan, iaitu 3 buah bas dengan 132 penumpang.



Langkah 2: Lakarkan bar segiempat dan labelkan tanda soal untuk mewakili maklumat yang perlu dicari berdasarkan kehendak soalan. Berapakah bilangan penumpang yang dibawa oleh 5 buah bas?



Langkah 3: Carikan nilai untuk tanda soal.



Nilai bagi 1 bar =  $132 \div 3 = 44$

Satu bar mewakili nilai 44,  
Tanda soal terdiri daripada 5 bar.  
5 bar segiempat mewakili  $5 \times 44 = 220$

$$\begin{array}{r} 44 \\ 3 \overline{) 132} \\ \underline{12} \\ 12 \\ \underline{12} \\ 0 \end{array} \quad \begin{array}{r} 44 \\ \times 5 \\ \hline 220 \end{array}$$


Rajah 4. Langkah penyelesaian soalan perkadaran menggunakan Model Bar

Daripada fasa mereflek dalam Kitaran 1, didapati murid menghadapi masalah dalam mewakili maklumat ke dalam bentuk bar. Untuk membantu murid memahami soalan dan menentukan operasi yang betul dalam menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar, penambahbaikan amalan PdP dijalankan dengan meneruskan Kitaran 2. Pengkaji menyelitikan teknik menggariskan kata kunci soalan untuk menekankan maklumat yang boleh diwakilkan melalui bar bagi mengelakkan ketinggalan mana-mana maklumat penting. Rajah 5 menunjukkan hasil penambahbaikan amalan PdP dalam Kitaran 2 dengan menggunakan teknik menggariskan kata kunci soalan. Data-data dianalisis selepas dikumpul melalui kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual dalam kedua-dua kitaran.

Encik Rahman menerima upah sebanyak RM75 untuk 5 jam bekerja.  
Berapakah upahnya untuk 8 jam bekerja?

Langkah 1: Gariskan maklumat penting dalam soalan untuk lakarkan bar dan labelnya yang pertama. Maklumat yang diwakilkan dalam bentuk bar akan dilukiskan satu garisan sahaja. Maklumat yang diwakili sebagai label bar akan dilukiskan dua garisan.

Encik Rahman menerima upah sebanyak RM75 untuk 5 jam bekerja.  
Berapakah upahnya untuk 8 jam bekerja?



Langkah 2: Gariskan maklumat dalam kehendak soalan untuk melakar bar kedua dan label tanda soal. 8 jam mempunyai unit yang sama dengan 5 jam, jadi satu garisan dilukis di bawah 8 jam untuk mewakili bar yang kedua. Upah mempunyai unit yang sama dengan RM75, maka dua garisan dilukiskan dibawahnya untuk mewakili label bagi bar yang kedua.

Encik Rahman menerima upah sebanyak RM75 untuk 5 jam bekerja.  
Berapakah upahnya untuk 8 jam bekerja?

Langkah 3: Carikan nilai untuk tanda soal.

Nilai bagi 1 bar =  $RM75 \div 5 = RM15$

Satu bar mewakili nilai RM15,  
tanda soal terdiri daripada 8 bar.  
8 bar segiempat mewakili  $8 \times RM15 = 120$

RM 15	
5)RM 75	RM 15
5	× 8
25	RM120
25	
—	

Rajah 5. Penambahbaikan amalan PdP dalam Kitaran 2

Data dikumpul melalui tiga kaedah, iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Pengkaji melaksanakan pemerhatian terhadap murid untuk memperoleh data tentang tindak balas murid semasa menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar dengan menggunakan senarai semak pemerhatian. Menurut Chow Fook Meng dan Jaizah Mahamud (2011), melalui kaedah pemerhatian yang terancang dan sistematik, pelbagai data yang berguna akan dapat diperolehi untuk membantu penyelidik memahami tindakan yang dilaksanakan. Data pemerhatian dianalisis berdasarkan kekerapan tingkah laku murid yang telah dikenal pasti “Ya” semasa menjawab soalan perkadaran.

Bagi kaedah analisis dokumen, instrumen yang digunakan adalah jadual analisis dokumen untuk merekodkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul oleh murid dalam lembaran kerja. Merujuk kepada Block dan Burns (1976, seperti yang dinyatakan dalam Subradah Madhawa Nair dan Sakunthala Devi Gopal, 2014), pelajar perlu menguasai pelajaran secara tipikal antara 80% hingga 90% dalam satu unit yang diajar untuk dikira sebagai mencapai tahap masteri. Murid yang berjaya menjawab empat hingga lima soalan dengan betul menunjukkan bahawa murid telah dapat memahami soalan dan menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan temu bual berstruktur berdasarkan soalan-soalan dalam senarai semak temu bual. Data temu bual dianalisis melalui dua tema utama, iaitu memahami soalan dan menentukan operasi yang betul. Murid yang memberi maklum balas “Ya” bagi setiap soalan dalam senarai semak temu bual menunjukkan murid telah memahami soalan dan dapat menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar.

## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

### Kefahaman Murid Terhadap Soalan Perkadaran Menggunakan Model Bar

Kefahaman murid terhadap soalan perkadaran menggunakan Model Bar dianalisis berdasarkan analisis senarai semak pemerhatian dalam Jadual 1 dan kekerapan soalan yang dijawab dengan betul dalam lembaran kerja (LK) dalam Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan

peningkatan bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam Kitaran 2 dan Jadual 3 memaparkan analisis senarai semak temu bual.

Jadual 1  
Analisis Senarai Semak Pemerhatian

Bil.	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2			
		LK1		LK2		LK3		LK4	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Melakarkan bar segiempat berdasarkan maklumat dengan betul	3	2	3	2	3	0	3	0
2.	Melabelkan maklumat yang diberi dengan betul	3	2	2	3	3	0	3	0
3.	Melabelkan tanda soal sebagai perwakilan maklumat yang perlu dicari	5	0	5	0	3	0	3	0

Jadual 2  
Analisis Lembaran Kerja 1, 2, 3 dan 4

Murid	Bilangan Soalan Yang Betul				Tafsiran
	Kitaran 1		Kitaran 2		
	LK1	LK2	LK3	LK4	
M1	4	5	-	-	Menguasai (K1)
M2	4	3	5	5	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M3	3	3	5	5	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M4	2	3	4	5	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M5	5	4	-	-	Menguasai (K1)

Jadual 3  
Analisis Senarai Semak Temu Bual

Kitaran 1			
Bil.	Soalan	Respons	Murid
1.	Adakah anda berasa bar segiempat senang dilakar?	Ya	2 (M1, M5)
		Tidak	3 (M2, M3, M4)
2.	Adakah anda memahami cara penggunaan Model Bar dalam menjawab soalan perkadaran?	Ya	3 (M1, M2, M5)
		Tidak	2 (M3, M4)
3.	Adakah Model Bar membantu anda untuk memahami soalan perkadaran?	Ya	2 (M1, M5)
		Tidak	3 (M2, M3, M4)
Kitaran 2			
1.	Adakah anda dapat melakar bar dan melabelkan maklumat berdasarkan maklumat yang diberi dalam soalan?	Ya	3 (M2, M3, M4)
		Tidak	-
2.	Adakah anda sudah menguasai kaedah ini?	Ya	3 (M2, M3, M4)
		Tidak	-
3.	Adakah Model Bar membantu anda untuk memahami soalan perkadaran?	Ya	3 (M2, M3, M4)
		Tidak	-

Berdasarkan dapatan kajian, M1 dan M5 dapat memahami soalan semasa menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar. M2 pula masih mengalami kekeliruan terhadap

cara melakar Model Bar bagi sesetengah soalan walaupun dapat menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran. M3 dan M4 tidak memahami soalan semasa menjawab soalan perkadaran kerana menghadapi masalah dalam mewakili maklumat kepada bentuk bar.

Dalam Kitaran 1, didapati bahawa tiga orang murid membuat kesilapan dalam mewakili maklumat dalam bentuk bar dan melabelkan maklumat berdasarkan soalan. Penambahbaikan amalan PdP dijalankan untuk membantu murid memahami soalan semasa menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar. Selepas penambahbaikan dijalankan dalam Kitaran 2, murid dapat memahami soalan perkadaran dengan mewakili maklumat ke dalam bentuk bar dan labelnya dengan tepat. Rajah 6 menunjukkan peningkatan kefahaman murid terhadap soalan perkadaran melalui penguasaan kemahiran melakar bar segiempat untuk mewakili maklumat dengan betul. Penggunaan Model Bar dalam menjawab soalan perkadaran telah membantu murid untuk memahami maklumat yang diberikan dan kehendak soalan. Dapatan kajian ini telah disokong oleh Ng Yan Mei dan Hu Laey Nee (2016) yang memaparkan bahawa penggunaan Model Bar meningkatkan penguasaan murid dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran.

5) Li Xiang boleh menabung sebanyak RM180 dalam masa 6 bulan. Amaun yang ditabung adalah sama bagi setiap bulan. Berapakah bulan yang diperlukan Li Xiang untuk menabung sebanyak RM300?

历祥在 6个月 内可储蓄 RM 180。他每个月储蓄的钱一样多。历祥需要 多少个月 才能储蓄到 RM 300?

$180 \div 6 = 30$   
 $RM300 \div 30 = 10$

$6 \overline{) 180}$   
 $\underline{12}$   
 $60$   
 $\underline{60}$   
 $0$

$30 \overline{) 300}$   
 $\underline{300}$   
 $0$

$\therefore 10$  个月

Rajah 6. Contoh hasil penyelesaian masalah menggunakan Model Bar

### Penentuan Operasi Yang Betul Dalam Menjawab Soalan Perkadaran Menggunakan Model Bar

Penentuan operasi yang betul dalam menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar dianalisis berdasarkan analisis senarai semak pemerhatian dalam Jadual 4 dan bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam lembaran kerja (LK) dalam Jadual 1. Jadual 4 memaparkan tingkah laku yang ditunjukkan murid dalam menjawab soalan perkadaran. Jadual 5 menunjukkan analisis senarai semak temu bual respon murid. Dalam Kitaran 1, dua orang murid menghadapi masalah untuk menentukan operasi yang betul disebabkan kesukaran dalam mewakili maklumat kepada bar. Setelah penambahbaikan dijalankan dalam Kitaran 2, didapati semua murid dapat menentukan operasi yang betul dalam menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar melalui hasil analisis. Semua murid telah berjaya menentukan operasi yang betul untuk menjawab soalan perkadaran menggunakan Model Bar.

Berdasarkan dapatan temu bual dalam Kitaran 2, maklum balas yang diterima daripada murid juga menunjukkan bahawa murid dapat menentukan operasi yang betul untuk mendapatkan penyelesaian berdasarkan bar segiempat dan tanda soal. Penguasaan tentang cara penggunaan Model Bar membantu murid untuk menentukan operasi yang betul dalam mencari nilai tanda soal iaitu kehendak soalan.

Beraskan hasil lembaran kerja, pemerhatian dan temu bual dengan murid, pengkaji membuat kesimpulan bahawa penggunaan Model Bar berjaya membantu murid untuk menentukan operasi yang betul dalam menjawab soalan perkadaran. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Wong Wan Ting (2015) yang memaparkan bahawa Model Bar dapat membantu murid untuk menguasai kemahiran menjawab soalan berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) topik Jisim.

Jadual 4  
Analisis Senarai Semak Pemerhatian

Bil.	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2			
		LK1		LK2		LK3		LK4	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Menentukan operasi yang betul untuk mencari nilai tanda soal	3	2	3	2	3	0	3	0
2.	Mendapatkan jawapan yang betul dalam langkah penyelesaian	2	3	2	3	3	0	3	0

Jadual 5  
Analisis Senarai Semak Temu Bual


Kitaran 1			
Bil.	Soalan	Respons	Murid
1.	Berdasarkan bar segiempat dan tanda soal, adakah anda dapat menentukan operasi yang betul untuk mendapatkan penyelesaian?	Ya	3 (M1, M2, M5)
		Tidak	2 (M3, M4)
2.	Adakah anda suka menggunakan Model Bar dalam menjawab soalan perkadaran?	Ya	2 (M1, M5)
		Tidak	3 (M2, M3, M4)
Kitaran 2			
1.	Adakah anda dapat menentukan operasi yang betul berdasarkan lakaran bar yang dilukis sendiri?	Ya	3 (M2, M3, M4)
		Tidak	-
2.	Adakah anda suka menggunakan Model Bar dalam menjawab soalan perkadaran?	Ya	3 (M2, M3, M4)
		Tidak	-

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan penggunaan Model Bar, murid dapat memperoleh suatu gambaran secara visual terhadap masalah matematik dengan lebih jelas untuk melakukan jalan penyelesaian dengan lebih efektif. Pengkaji mencadangkan bahawa Model Bar boleh digunakan untuk membantu murid Tahun 5 memahami konsep nisbah. Berdasarkan DSKP Matematik Tahun Lima, murid-murid perlu mempelajari kemahiran untuk menentukan suatu nilai berdasarkan nisbah 1:1 hingga 1:10. Penggunaan Model Bar dapat menonjolkan perbandingan antara kuantiti item depan dengan kuantiti item belakang untuk membantu murid memahami nisbah. Rajah 7 memaparkan penggunaan Model Bar dalam menjawab soalan yang melibatkan nisbah 1:1 hingga 1:10.

Terdapat 12 orang murid lelaki di Kelas 4A. Nisbah bilangan murid lelaki kepada bilangan murid perempuan ialah 1:2. Berapakah orang murid perempuan di Kelas 4A?

Penyelesaian:



Daripada bar, murid dikehendaki untuk mengira bilangan perempuan.  
Apabila satu bar segiempat adalah sama dengan 12, maka, dua bar segiempat mewakili  $2 \times 12 = 24$ .

Rajah 7. Penggunaan Model Bar dalam menjawab soalan melibatkan nisbah

## PENUTUP

Berdasarkan pemerhatian terhadap hasil kerja murid, pengkaji telah melaksanakan perubahan amalan PdP dengan menggunakan Model Bar untuk membantu murid memahami soalan dan menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran. Hasil dapatan analisis memaparkan kesan positif dalam membantu murid untuk memahami soalan dan menentukan operasi yang betul semasa menjawab soalan perkadaran dengan menggunakan Model Bar. Oleh itu, diharapkan Model Bar dapat dijadikan sebagai strategi pengajaran kepada guru untuk digunakan dalam topik lain.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Empat*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chow, F. M. & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Farizan Ismail. (2013). *Keberkesanan kaedah Model Bar dalam menyelesaikan masalah matematik berayat*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Kho, T. H., Yeo, S. M. & Lim, J. (2009). *The Singapore Model method for learning mathematics*. Ministry of Education, Singapore: EPB Pan Pacific.
- Lau, S. H. (2015). *Penggunaan kaedah model bar dalam membantu murid tahun enam meningkatkan kemahiran menjawab soalan penyelesaian masalah*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- McIntosh, M. B. (2013). *Develop proportional reasoning in middle school students*. Diperoleh dari <https://csme.utah.edu/wp-content/uploads/2013/06/Marcie-McIntosh.pdf>
- Ng, Y. M., & Hu, L. N. (2016). Penggunaan model perbandingan dalam membantu murid tahun 5 menjawab soalan penaakulan perkadaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. 12: 37-46.

- Nor Ezah Ariffin & Nurulwahida Azid @ Aziz. (2016). Persepsi murid tahun lima terhadap penggunaan kaedah model bar dalam penyelesaian masalah matematik berayat tajuk pecahan. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. 1: 287-304.
- Sen, C & Guler, G. (2017). Effect of strategy teaching for the solution of ratio problems on students' proportional reasoning skills. *Malaysian Online Journal of Education Sciences*. 5: 1-15.
- Subadrah Madhawa Nair & Sakunthala Devi Gopal. (2014). Kesan penggunaan kaedah pembelajaran masteri terhadap pencapaian dan minat pelajar dalam mata pelajaran Pengajian Am. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 29: 55-80.
- Ting, L. S., Ahmad Sabry Othman & Ting, H. Y. (2013). *Penyelidikan tindakan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Wong, W. T. (2015). *Integrasi soalan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran topik jisim*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.



## **PENGUNAAN KAEDAH 'LADDER' UNTUK MEMBANTU MURID TAHUN 3 MENGUASAI KEMAHIRAN PENOLAKAN YANG MELIBATKAN PENGUMPULAN SEMULA**

**WONG HONG HUI<sup>1</sup>, HAMDEN GANI<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM),  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>whh96orion@yahoo.com, <sup>2</sup>hamden\_gani@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (semakan 2017) telah merangkumi penolakan hingga 10000 pada Tahun 3. Penolakan dengan mengumpul semula sukar untuk dikuasai oleh murid. Kajian tindakan ini memfokuskan penambahbaikan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk membantu murid Tahun 3 menguasai kemahiran penolakan melibatkan pengumpulan semula dengan menggunakan kaedah 'Ladder'. Perubahan amalan PdPc dilakukan untuk membantu murid menyelesaikan ayat matematik tolak melibatkan dua nombor dalam lingkungan 10000 yang melibatkan pengumpulan semula. Peserta kajian untuk kajian tindakan ini melibatkan lima orang murid Tahun 3 di sebuah sekolah rendah di Miri, Sarawak. Peserta kajian dipilih berdasarkan tahap penguasaan yang lemah dalam kemahiran penolakan yang melibatkan pengumpulan semula. Model Kemmis dan McTaggart (1988) telah digunakan oleh pengkaji sebagai panduan pelaksanaan kajian tindakan ini. Kajian ini menggunakan tiga teknik pengumpulan data, iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Instrumen kajian ini terdiri daripada senarai semak pemerhatian untuk mengumpul data pemerhatian, borang temu bual untuk mengumpul data temu bual, dan jadual analisis dokumen untuk mengumpul data analisis dokumen. Data pemerhatian dan data analisis dokumen dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif melibatkan kekerapan. Manakala data temu bual dianalisis menggunakan kaedah pengkodan dengan tema yang ditetapkan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa semua peserta kajian dapat dibantu untuk menguasai kemahiran penolakan yang melibatkan pengumpulan semula dengan menggunakan kaedah 'Ladder'. Dapatan kajian juga mendapati bahawa amalan PdPc menggunakan kaedah 'Ladder' dalam pengajaran operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula dapat ditambah baik. Cadangan kajian lanjutan ialah kaedah 'Ladder' boleh diubah suai dan digunakan dalam operasi penolakan yang melibatkan unit.

Kata kunci: Kurikulum Standard Sekolah Rendah, penolakan dengan mengumpul semula, pembelajaran dan pemudahcaraan, kaedah 'Ladder', murid Tahun 3

### **ABSTRACT**

*Mathematics Standard-Based Curriculum for Primary School (revised 2017) covers subtraction up to 10000 in Year 3. Subtraction with regrouping is difficult for students to master. This action research focuses on improving learning and facilitation (PdPc) practices to help Year 3 pupils master the skills of subtraction with regrouping by using the 'Ladder' method. Changes in PdPc practice were made to help pupils solve the number sentences involving subtraction of two numbers within 10000 with regrouping. The participants of this action research involved five Year 3 students at a primary school in Miri, Sarawak. The participants were selected due to their poor mastery of subtraction skills that involved regrouping. The action research model by Kemmis and McTaggart (1988) has been used by researcher to guide the implementation of this action research. This action research used three data collection techniques, namely observation, interview and document analysis. The instruments used for data collection consisted of observation checklists for collecting observation data, interview forms for*

*collecting interview data and document analysis tables for collecting document analysis data. Observation data and document analysis data were analysed using descriptive methods involving frequency. The interview data was transcribed and coded according to the theme. The findings of this action research show that all participants involved can be helped to master the subtraction skills that involve regrouping by using 'Ladder' method. The findings also show that the practice of PdPc in teaching subtraction operations involving regrouping can be improved by using 'Ladder' method. The recommendation for advanced research is that the 'Ladder' method can be modified and utilised in subtraction operations involving units.*

**Keywords:** *Mathematics Standard-Based Curriculum for Primary School, subtraction with regrouping, learning and facilitation, 'Ladder' method, Year 3 pupils*

## PENGENALAN

Merujuk Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Matematik Tahun 3 (semakan 2017), bidang-bidang pembelajaran yang melibatkan kemahiran penolakan termasuklah Nombor dan Operasi, Sukatan dan Geometri serta Statistik dan Kebarangkalian. Murid-murid Tahun 3 perlu menguasai penolakan hingga 10000 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Penolakan dengan mengumpul semula sukar untuk dikuasai oleh murid apabila kurikulum KSSR merangkumi penolakan hingga 10 000 dalam Tahun Tiga (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Murid-murid melakukan kesilapan semasa melakukan operasi penolakan seperti tidak mengumpul semula dan susunan digit yang tidak tersusun mengikut nilai tempat (Clements, Sarama & DiBiase, 2015). Murid-murid juga keliru apabila perlu membuat langkah penyelesaian yang banyak untuk menjawab soalan dengan betul. (Shivaraj Subramaniam, 2016).

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Semasa pengkaji menjalankan sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang melibatkan operasi penolakan, pengkaji mendapati murid menghadapi masalah terutamanya operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula. Melalui pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa murid sebenarnya telah menguasai konsep asas pengumpulan semula dan operasi penolakan tetapi mereka keliru apabila nombor yang kecil ditolak dengan nombor yang lebih besar. Setelah langkah pinjam dan mengumpul semula nombor yang sedia ada, murid tidak dapat menolak dengan betul.

Kelemahan murid dalam menguasai konsep pengumpulan semula menyebabkan mereka tidak dapat melakukan proses pinjam sebelah dengan betul dan sekali gus menyebabkan jawapan yang diberikan salah (Gheeta Sithamparam, 2011; Rabiatul Adawiah, 2012). Selain itu, kegagalan murid menolak hasil pengumpulan semula yang telah mereka lakukan, turut menjadi faktor penyebab kepada kesalahan mereka menjawab soalan penolakan dengan pengumpulan semula (Norul Aida, 2010). Menurut Ngan Jia Ing (2011), setelah murid berjaya melakukan proses pengumpulan semula (pinjam sebelah), murid menghadapi kesukaran pula untuk menolak hasil pengumpulan semula itu dengan nilai *subtrahend* yang terdapat pada soalan.

Menurut kajian Shivaraj Subramaniam (2016), murid-murid yang menghadapi masalah dalam penolakan sesuatu nilai yang melibatkan proses kumpul semula adalah disebabkan oleh ketidakupayaan mereka untuk melihat konsep pengumpulan semula sebagai penggabungan unit. Kajian Mohd Hanis Mohd Ramly (2010) menyatakan bahawa murid cenderung untuk mencari jawapan walaupun nombor digit berada di atas lebih kecil daripada nombor digit berada di bawah semasa dalam bentuk lazim. Murid terus menolak nombor besar yang berada di bawah dengan nombor kecil yang berada di atas semasa bentuk lazim dilakukan. Contoh-contoh kesilapan murid dalam melakukan operasi penolakan melibatkan pengumpulan semula ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2.

A handwritten subtraction problem showing the calculation of 7716 minus 818. The result is 7102. The work is written vertically with a horizontal line under the numbers and another line under the result.

$$\begin{array}{r} 7716 \\ - 818 \\ \hline 7102 \end{array}$$

Rajah 1. Murid melakukan penolakan dari bawah ke atas semasa dalam bentuk lazim

A handwritten subtraction problem showing the calculation of 162 minus 28. The result is 140. The work is written vertically with a horizontal line under the numbers and another line under the result.

$$\begin{array}{r} 162 \\ - 28 \\ \hline 140 \end{array}$$

Rajah 2. Murid menjalankan operasi penambahan apabila nombor kecil tidak cukup untuk ditolak

## FOKUS KAJIAN

Operasi penolakan nombor bulat terbahagi kepada penolakan melibatkan dua nombor bulat tanpa pengumpulan semula dan dengan pengumpulan semula. Semasa murid menjalankan operasi penolakan, murid-murid menghadapi lebih banyak masalah apabila operasi penolakan melibatkan pengumpulan semula. Hal ini disebabkan oleh penguasaan konsep pengumpulan semula murid yang lemah walaupun murid tahu untuk menolak nombor bulat (Hazwan Mohd. Nani, 2014).

Oleh itu, kajian ini memfokuskan penyelesaian masalah pengumpulan semula yang sering dihadapi oleh murid-murid semasa menjalankan operasi penolakan. Kaedah '*Ladder*' dipilih untuk kajian ini supaya dapat membantu murid Tahun 3 yang lemah dalam penyelesaian masalah penolakan melibatkan pengumpulan semula. Kaedah '*Ladder*' juga dapat dijadikan sebagai kaedah penyelesaian masalah alternatif untuk masalah operasi penolakan melibatkan pengumpulan semula. Kaedah ini terbukti berkesan melalui dapatan kajian yang telah dijalankan (Jessica Jannet Anak Ahi & Si Tong Yong, 2013; Amizron Emuddy Dalinsip & Si Tong Yong, 2014).

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

- Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif iaitu:
- Membantu murid Tahun 3 menguasai kemahiran operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula dengan menggunakan kaedah '*Ladder*'.

- b. Menambah baik amalan pembelajaran dan pemudahcaraan operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula melalui penggunaan kaedah 'Ladder'.

Kajian tindakan ini menggariskan dua soalan kajian iaitu:

- a. Bagaimanakah cara membantu murid Tahun 3 menguasai kemahiran operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula?  
b. Bagaimanakah cara penambahbaikan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula?

## PESERTA KAJIAN

Seramai lima orang murid Tahun 3 di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) telah dipilih sebagai peserta kajian. Pemilihan peserta kajian dilakukan berdasarkan penilaian prestasi semasa peserta kajian. Jumlah skor yang dicapai oleh peserta kajian semasa menyelesaikan soalan-soalan operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula dalam lembaran kerja telah dikira dan dianalisis. Murid-murid yang menunjukkan prestasi yang lemah melalui pencapaian skor dipilih sebagai peserta kajian.

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian tindakan ini telah dilaksanakan sebanyak dua kitaran berdasarkan Model Kemmis dan Taggart (1988). Model Stephen Kemmis dan McTaggart (1988) terdiri daripada empat langkah utama, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek dalam satu kitaran lengkap (Mok Soon Sang, 2010; Ho Ho Tong *et al.*, 2014; Rosinah Edinin, 2014). Kajian tindakan ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Instrumen kajian ini terdiri daripada senarai semak pemerhatian untuk mengumpul data pemerhatian, borang temu bual untuk mengumpul data temu bual dan jadual analisis dokumen untuk mengumpul data analisis dokumen. Data pemerhatian dan data analisis dokumen dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif melibatkan kekerapan. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah pengekodan dengan tema yang ditetapkan. Dalam Kitaran 1, semua peserta kajian diperkenalkan dengan cara penggunaan kaedah 'Ladder' seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan langkah-langkah penggunaan kaedah 'Ladder' dalam menyelesaikan masalah penolakan melibatkan pengumpulan semula.

Jadual 1

Langkah-langkah penggunaan kaedah 'Ladder' dalam Kitaran 1

Contoh soalan: $228 - 79 =$	
Langkah 1	<p>Tuliskan soalan operasi penolakan dalam bentuk lazim. Contoh soalan dalam bentuk ayat matematik: <math>228 - 79 =</math></p> <p>Contoh soalan dalam bentuk lazim:</p> $\begin{array}{r} 228 \\ - 79 \\ \hline \hline \end{array}$
Langkah 2	Mulakan dengan nilai tempat sa (dari kanan ke kiri). Tentukan sama ada nombor di atas ( <i>minuend</i> ) dapat ditolak dengan nombor di bawah ( <i>subtrahend</i> ) ataupun tidak ( <i>minuend</i> mestilah lebih besar) supaya penolakan dapat dilakukan.

	$\begin{array}{r} 228 \\ - 79 \\ \hline \hline \end{array}$
Langkah 3	<p>Disebabkan nombor yang ditolak (<i>minuend</i>) iaitu digit 8 adalah lebih kecil daripada nombor menolak (<i>subtrahend</i>) iaitu digit 9 di nilai tempat satu, pengumpulan semula menggunakan kaedah 'Ladder' perlulah dibuat seperti berikut:</p> $\begin{array}{r} 2 \ 1 \\ \underline{2 \ 2} \ 18 \\ - \quad 7 \ 9 \\ \hline \quad \quad 9 \end{array}$
Langkah 4	<p>Langkah 3 diulang kerana pengumpulan semula juga dilakukan pada nilai tempat puluh.</p> $\begin{array}{r} 1 \\ \underline{2 \ 11} \\ \underline{2 \ 2} \ 18 \\ - \quad 7 \ 9 \\ \hline \quad \quad 4 \ 9 \end{array}$
Langkah 5	<p>Operasi penolakan diakhiri dengan 1 – 0 pada nilai tempat ratus. Jawapan yang diperoleh ialah 149.</p> $\begin{array}{r} 1 \\ \underline{2 \ 11} \\ \underline{2 \ 2} \ 18 \\ - \quad 7 \ 9 \\ \hline 1 \ 4 \ 9 \end{array}$

Berdasarkan hasil refleksi daripada Kitaran 1, dua orang peserta kajian iaitu M3 dan M5 didapati masih belum menguasai kemahiran penolakan yang melibatkan pengumpulan semula. Dalam Kitaran 2, amalan PdPc ditambah baik dengan menggunakan petak atau grid dan warna dalam penggunaan kaedah 'Ladder'. Penambahan petak dalam penggunaan kaedah 'Ladder' adalah untuk membantu murid menulis soalan operasi penolakan dalam bentuk lazim dan mengisi nombor mengikut nilai tempat serta membantu peserta kajian melakukan pengumpulan semula. Warna digunakan untuk mengingatkan peserta kajian tentang ruang untuk melakukan pengumpulan semula dan bahagian yang terlibat dengan

proses pengumpulan semula. Penambahbaikan tersebut melibatkan semua langkah dalam penggunaan kaedah 'Ladder' seperti ditunjukkan di Jadual 2 di bawah.

Jadual 2.

Penambahbaikan semua langkah dalam kaedah 'Ladder' dalam Kitaran 2

Contoh soalan: $228 - 79 =$																									
Langkah 1	<p>Tuliskan soalan operasi penolakan dalam bentuk lazim. Contoh soalan dalam bentuk ayat matematik: <math>228 - 79 =</math></p> <p>Contoh soalan dalam bentuk lazim:</p> <div style="text-align: center;"> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td>2</td><td>2</td><td>8</td></tr> <tr><td>-</td><td></td><td>7</td><td>9</td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> </table> </div>										2	2	8	-		7	9								
	2	2	8																						
-		7	9																						
Langkah 2	<p>Mulakan dengan nilai tempat sa (dari kanan ke kiri). Tentukan sama ada nombor di atas (<i>minuend</i>) dapat ditolak dengan nombor di bawah (<i>subtrahend</i>) ataupun tidak (<i>minuend</i> mestilah lebih besar) supaya penolakan dapat dilakukan.</p> <div style="text-align: center;"> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td>2</td><td>2</td><td>8</td></tr> <tr><td>-</td><td></td><td>7</td><td>9</td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> </table> </div>										2	2	8	-		7	9								
	2	2	8																						
-		7	9																						
Langkah 3	<p>Disebabkan nombor yang ditolak (<i>minuend</i>) iaitu digit 8 adalah lebih kecil daripada nombor menolak (<i>subtrahend</i>) iaitu digit 9 di nilai tempat satu, pengumpulan semula menggunakan kaedah 'Ladder' perlulah dibuat seperti berikut:</p> <div style="text-align: center;"> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr><td></td><td>2</td><td>1</td><td></td></tr> <tr><td></td><td><del>2</del></td><td><del>2</del></td><td>18</td></tr> <tr><td>-</td><td></td><td>7</td><td>9</td></tr> <tr><td></td><td></td><td></td><td>9</td></tr> </table> </div>										2	1			<del>2</del>	<del>2</del>	18	-		7	9				9
	2	1																							
	<del>2</del>	<del>2</del>	18																						
-		7	9																						
			9																						



Jadual 4

Analisis dokumen Kitaran 2

Peserta Kajian	Bilangan Soalan yang Dijawab Betul (Daripada 6 soalan)		Tahap Penguasaan	Tafsiran
	Lembaran Kerja 1	Lembaran Kerja 2		
M3	5	6	Cemerlang	Menguasai
M5	5	5	Cemerlang	Menguasai

Jadual 5 menunjukkan analisis senarai semak pemerhatian untuk Kitaran 1 dan Kitaran 2. Berdasarkan Jadual 5, tiga orang peserta kajian iaitu M1, M2 dan M4 didapati telah menguasai kemahiran operasi penolakan melibatkan pengumpulan semula dalam Kitaran 1 manakala dua orang peserta kajian iaitu M3 dan M5 telah mencapai penguasaan dalam Kitaran 2.

Jadual 5

Analisis senarai semak pemerhatian dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Peserta Kajian	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Kekerapan "Ya"	Tafsiran	Kekerapan "Ya"	Tafsiran
M1	4	Menguasai	-	-
M2	4	Menguasai	-	-
M3	1	Belum Menguasai	4	Menguasai
M4	4	Menguasai	-	-
M5	1	Belum Menguasai	4	Menguasai

Jadual 6

Analisis transkrip temu bual dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Soalan Temu Bual	Respons			
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Kod 1	Kod 2	Kod 1	Kod 2
1. Adakah anda dapat menyelesaikan masalah penolakan melibatkan pengumpulan semula menggunakan kaedah 'Ladder'?	M1, M2, M4	M3, M5	M3, M5	-
2. Adakah penggunaan kaedah 'Ladder' lebih mudah berbanding dengan kaedah pengumpulan semula yang biasa digunakan semasa menyelesaikan masalah penolakan yang melibatkan pengumpulan semula?	M1, M2, M4	M3, M5	M3, M5	-
Kod 1: Respons positif Kod 2: Respons negatif				

Dalam Jadual 6 di atas, semua peserta kajian telah memberikan respons positif dalam sesi temu bual selepas Kitaran 2 dilakukan dan maklum balas mereka diberikan kod "1".



### Menambah baik amalan PdPc operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula melalui penggunaan kaedah 'Ladder'

Respons daripada peserta kajian tentang Kitaran 1 dan Kitaran 2 telah dienkodkan dan direkod dalam Jadual 7. Hanya dua orang peserta kajian iaitu M3 dan M5 memberikan respons negatif. Selepas Kitaran 2 dijalankan, semua peserta kajian telah memberikan respons positif terhadap penggunaan kaedah 'Ladder'. Jadual 7 menunjukkan analisis transkrip temu bual yang telah dijalankan.

Jadual 7

Analisis transkrip temu bual dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Soalan Temu Bual	Respons			
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Kod 1	Kod 2	Kod 1	Kod 2
3. Adakah proses pembelajaran dan pemudahcaraan operasi penolakan melibatkan pengumpulan semula lebih mudah difahami setelah kaedah 'Ladder' digunakan?	M1, M2, M4	M3, M5	M3, M5	-
4. Adakah anda memilih kaedah 'Ladder' untuk menyelesaikan masalah penolakan yang melibatkan pengumpulan semula?	M1, M2, M4	M3, M5	M3, M5	-
Kod 1: Respons positif Kod 2: Respons negatif				

Jadual 8

Analisis senarai semak pemerhatian bagi Kitaran 1 dan Kitaran 2

Nombor Item	Tingkah Laku Peserta Kajian	Kitaran 1		Kitaran 2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
2(a)	Menyelesaikan soalan penolakan yang melibatkan pengumpulan semula dengan yakin.	M1, M2, M4	M3, M5	M3, M5	-
2(b)	Menyelesaikan soalan penolakan yang melibatkan pengumpulan semula dalam tempoh masa yang ditetapkan.	M1, M2, M4	M3, M5	M3, M5	-
2(c)	Menggunakan kaedah 'Ladder' untuk menjawab soalan dalam lembaran kerja.	M1, M2, M4	M3, M5	M3, M5	-
2(d)	Menyiapkan lembaran kerja tanpa bimbingan.	M1, M2, M4	M3, M5	M3, M5	-

Dalam Jadual 8 di atas, semua peserta kajian (M1, M2, M3, M4, M5) menunjukkan tingkah laku yang diperhatikan tentang penggunaan kaedah 'Ladder' selepas Kitaran 2 dilakukan.


### REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

**Penguasaan murid dalam kemahiran operasi penolakan melibatkan pengumpulan semula menggunakan kaedah 'Ladder'**


Berdasarkan Jadual 3, tiga orang peserta kajian (M1, M2, M4) telah menguasai kemahiran tersebut dalam Kitaran 1 manakala dua orang peserta kajian (M3, M5) mencapai penguasaan kemahiran dalam Kitaran 2. Pengkaji telah melakukan penambahbaikan dengan menggunakan petak dan warna dalam kaedah 'Ladder'. Melalui penambahbaikan tersebut, dua orang peserta kajian (M3, M5) telah mencapai prestasi baik dalam Kitaran 2. Kekekapan "Ya" dalam analisis senarai semak pemerhatian seperti dalam Jadual 4 dan 5 juga menunjukkan bahawa semua peserta kajian menguasai kemahiran operasi penolakan melibatkan pengumpulan semula menggunakan kaedah 'Ladder' selepas penambahbaikan amalan PdPc dilakukan dalam Kitaran 2. Berdasarkan Jadual 6, semua peserta kajian turut memberikan respons positif dalam sesi temu bual selepas Kitaran 2 dilakukan. Hasil dapatan kajian lepas juga membuktikan bahawa kaedah 'Ladder' dapat membantu murid menguasai kemahiran operasi penolakan melibatkan pengumpulan semula (Jessica Jannet Anak Ahi & Si Tong Yong, 2013; Amizron Emuddy Dalinsip & Si Tong Yong, 2014).

### Menambah baik amalan PdPc operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula melalui penggunaan kaedah 'Ladder'

Berdasarkan hasil analisis data temu bual pada Kitaran 1 dalam Jadual 7, dua orang peserta kajian (M3, M5) memberikan respons negatif untuk soalan temu bual yang dikemukakan. Selepas Kitaran 2 dijalankan, semua peserta kajian telah memberikan respons positif terhadap penggunaan kaedah 'Ladder'. Merujuk kepada dapatan analisis senarai semak pemerhatian dalam Jadual 8, semua peserta kajian menunjukkan tingkah laku yang diinginkan dalam Kitaran 2. Maka, kaedah 'Ladder' telah menambah baik amalan PdPc operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula seperti yang ditunjukkan dalam perbandingan-perbandingan di Rajah 3 dan Rajah 4.



Rajah 3. Perbandingan hasil kerja M3 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2



Rajah 4. Perbandingan hasil kerja M5 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Antara cadangan tindakan susulan ialah kaedah 'Ladder' boleh digunakan untuk kemahiran penolakan melibatkan pengumpulan semula yang melibatkan unit. Kaedah 'Ladder' boleh diubahsuai mengikut kesesuaian berdasarkan unit-unit yang terlibat. Contoh pengubahsuaian kaedah 'Ladder' yang digunakan untuk topik Panjang yang melibatkan unit adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 9.

Jadual 9

Pengubahsuaian kaedah 'Ladder' yang digunakan untuk topik Panjang

Contoh soalan:  $3 \text{ m } 63 \text{ cm} - 1 \text{ m } 85 \text{ cm} =$

Selesaikan soalan dalam bentuk lazim dengan menggunakan kaedah 'Ladder':

	m			cm
		0		
		<del>1</del>	15	
	2	<del>1</del>	<del>6</del>	13
	<del>3</del>		<del>6</del>	<del>3</del>
-	1		8	5
	1		7	8

Jawapan yang diperolehi ialah  $3 \text{ m } 63 \text{ cm} - 1 \text{ m } 85 \text{ cm} = 1 \text{ m } 78 \text{ cm}$ .

## PENUTUP

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, kaedah 'Ladder' dapat membantu murid Tahun 3 menguasai kemahiran operasi penolakan yang melibatkan pengumpulan semula. Amalan pembelajaran dan pemudahcaraan kemahiran penolakan yang melibatkan pengumpulan semula juga dapat ditambah baik melalui penggunaan kaedah 'Ladder'. Latihan dan amalan pentaksiran yang berterusan boleh mengukuhkan lagi kemahiran penolakan yang melibatkan pengumpulan semula dalam kalangan peserta kajian.

## RUJUKAN

- Amizron Emuddy Dalinsip & Si Tong Yong. (2014). Menolak sebarang dua nombor melibatkan pengumpulan semula menggunakan teknik 'Ladder'. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTMTE 2014)*. 29-30 September. Sarawak: Jabatan Matematik Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 65-77.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Tiga*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Clements, D. H., Sarama, J. & DiBiase, A. M. (2015). *Engaging young children in Mathematics: standards for early childhood Mathematics education*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Gheeta Sithamparam. (2011). *Yes, Jalur Garis Nombor Saya!*. Latihan Ilmiah. Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Baharu.
- Hazwan Mohd. Nani & Ernie Kho Siaw Nee. (2014). Penggunaan 'Buddies 10' membantu murid tahun 5 dalam menguasai operasi tolak melibatkan pengumpulan semula.

- prosiding seminar penyelidikan tindakan (SPTMTE 2014)*. 29-30 September. Sarawak: Jabatan Matematik Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 91-103.
- Ho Ho Tong, Rahmah Murshidi, Gan We Ling, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee Hou Yew, Stanley Abang. (2014). *Asas Penyelidikan Tindakan: Teori Dan Amalan*. Sarawak: Jabatan Penyelidikan Dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Jessica Jannet Anak Ahi & Si Tong Yong. (2013). Penggunaan Kaedah 'Ladder Step Subtraction' dalam meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran menolak melibatkan pengumpulan semula. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTMTE 2013)*. 23-24 September. Sarawak: Jabatan Matematik Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 175-186.
- Lee Keok Cheong, Zakri Abdullah dan Chua Lay Nee. (2018). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd..
- Mohd Hanis Mohd Ramly. (2010). *Penggunaan garis nombor dalam kemahiran menolak dua nombor sehingga empat digit dengan mengumpul semula dalam kalangan murid tahun 3. Seminar Penyelidikan PISMP 2010*. Kuala Terengganu, Terengganu: Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. 31-79.
- Mok Soon Sang. (2010). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ngan Jia Ing. (2011). Penggunaan kaedah jari dalam penguasaan kemahiran penolakan fakta asas murid tahun dua. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP amb. Januari 2008 (Matematik Pendidikan Rendah) Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2011*, hlm. 135-148.
- Norul Aida Mat Isa. (2010). Keberkesanan penggunaan model pembilang EQ (Easy Quantifier) dalam penolakan mengumpul semula bagi murid lemah Tahun 3. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP Semester 8 Ambilan Januari 2007 Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (Matematik Pendidikan Rendah)*, hlm 178 – 182.
- Rabiatul Adawiah. (2012). *Tasbih nombor: meningkatkan penguasaan fakta asas tolak murid Tahun 3*. Latihan Ilmiah. Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu.
- Rosinah Edinin. (2014). *Penyelidikan tindakan kajian dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Saiful Azali Hamdan. (2012). *Penggunaan kaedah jari dalam penolakan dengan pengumpulan semula bagi murid tahun tiga*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Shivaraj Subramaniam. (2016). Penggunaan kaedah "Ladder" dalam meningkatkan kemahiran mengira operasi menolak terhadap pelajar Tahun Empat. *e-Proceeding of the Social Sciences Research (ICSSR 2016)*. July 18-19. Malaysia: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

## **NUMBERED HEADS TOGETHER: AMALAN PENGAJARAN TOPIK PANJANG**

**KONG LEE WEN<sup>1</sup>, HU LAEY NEE, PhD<sup>2</sup>**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak  
<sup>1</sup>klwen97@hotmail.com, <sup>2</sup>huln1234@gmail.com

### **ABSTRAK**

Mata pelajaran Matematik selalu menjadi perbincangan kerana terdapat murid-murid yang sukar menguasainya. Ini termasuklah topik panjang di mana sering berlaku dalam kalangan murid untuk menguasainya dengan baik. Murid tidak dapat membuat pengumpulan semula dengan betul semasa melakukan penambahan yang melibatkan unit panjang. Isu ini bukan sahaja berlaku dalam kemahiran penambahan sahaja tetapi juga dalam operasi-operasi asas yang lain. Kajian tindakan ini dijalankan untuk mengesan perubahan amalan pengajaran dalam membantu murid Tahun 4 menguasai kemahiran topik panjang serta memupuk semangat kerjasama antara mereka. Perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif iaitu *Numbered Heads Together* (NHT) dilaksanakan dalam kajian tindakan ini. Peserta kajian ini terdiri daripada lapan orang murid Tahun 4 dari sebuah sekolah rendah di Miri. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan amalan pengajaran melalui NHT dapat memberikan kesan positif dari segi penguasaan peserta kajian terhadap kemahiran topik panjang di samping memupuk semangat kerjasama antara mereka dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan.

Kata kunci: *Panjang, Numbered Heads Together (NHT), Tahun 4*

### **ABSTRACT**

*Mathematics subject always become a subject of discussion because many students find it difficult to master. This includes the topic "Length" that often occur among students to master the topic well. Students are unable to do regrouping correctly when doing additions involving units of length. This issue not only occurs in addition skills but also in other basic operations. This action research was conducted to detect the changes in teaching practice to help Year 4 students to master skills in the topic "Length" and foster a cooperative spirit among them. Changes in teaching practice by using one of the cooperative learning methods called Numbered Heads Together (NHT) were implemented in this action research. The participants comprised of eight Year 4 students from a primary school in Miri. Data in this research were collected through observations, interviews and document analysis methods. The findings show that changes in teaching practice through NHT show positive impact on students in mastering skills in the topic "Length" and foster a cooperative spirit among them in the learning and facilitating process.*

Keyword: *Length, Numbered Heads Together (NHT), Year 4*

## **PENGENALAN**

Di negara kita, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) sering diberi perhatian serius pada masa ini. Pembelajaran koperatif merupakan salah satu jenis pembelajaran yang disarankan untuk digunakan dalam Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) (Nur Syaza Farha Diyazid, Shamsudin Othman, & Azhar Md Sabil, 2017). Pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran secara berkumpulan yang melibatkan interaksi sosial dan kolaborasi antara ahli kumpulan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dalam Pembelajaran dan

Pemudahcaraan (PdPc). Ia adalah berkesan dalam pembelajaran Matematik kerana dapat meningkatkan pemahaman murid, menggalakkan murid berfikir secara kritis, meningkatkan pencapaian dan motivasi murid serta menggalakkan pembelajaran aktif di dalam bilik darjah (Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod, 2017).

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Semasa saya menjalani fasa praktikum di sekolah, saya mendapati bahawa murid-murid jarang diberikan peluang untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti berkumpulan atau aktiviti-aktiviti yang berteraskan PAK21. Guru-guru di sekolah lebih cenderung untuk menjalankan kaedah pengajaran tradisional. Kaedah pengajaran tersebut kurang menarik minat murid sehingga menghadapi kesukaran untuk belajar. Saya juga berpeluang melaksanakan aktiviti pembelajaran koperatif di dalam kelas. Walau bagaimanapun, aktiviti yang dijalankan adalah kurang berkesan dan tidak dapat meningkatkan prestasi murid seperti yang dinyatakan oleh Malach, Richey, dan Gadgil (2015). Antara faktornya ialah murid masih belum menyesuaikan aktiviti sebegitu serta kekurangan kemahiran dan pengalaman yang mencukupi untuk membimbing mereka.

Topik panjang merupakan topik penting tetapi beberapa isu telah wujud. Contohnya, saya mendapati bahawa murid-murid menggunakan masa yang lama untuk menyelesaikan soalan topik panjang yang melibatkan empat operasi asas. Mereka kurang bersabar dan kadang kala melakukan kecueaan dalam pengiraan. Murid-murid juga sukar untuk menukarkan unit panjang kerana mereka kurang mahir untuk memindahkan titik perpuluhan ke kiri atau ke kanan (selepas proses pendaraban atau pembahagian) untuk mendapatkan jawapan yang tepat (Khoo & Lay, 2015).

## FOKUS KAJIAN

Dalam pembelajaran koperatif, murid-murid berpeluang menyumbangkan idea, berbincang atau berinteraksi antara satu sama lain dalam aktiviti berkumpulan. Proses pembelajaran yang dijalankan dapat menggalakkan murid-murid sekumpulan saling membantu supaya mencapai objektif pembelajaran. Keupayaan berkomunikasi dan keyakinan diri murid terutamanya golongan murid berprestasi rendah juga dapat ditingkatkan. Memandangkan pembelajaran koperatif adalah sangat berkesan dalam pembelajaran murid, maka fokus kajian yang dipilih adalah menggunakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif yang bernama *Numbered Heads Together* (NHT) untuk membantu murid Tahun 4 dalam pembelajaran topik panjang. Saya berharap penggunaan NHT dapat membantu murid menguasai kemahiran-kemahiran topik panjang dengan baik supaya menjawab soalan dengan yakin. Penggunaan NHT juga diharap dapat memupuk semangat bekerjasama dalam kalangan murid Tahun 4.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif iaitu:

- a. Membantu murid menguasai kemahiran topik panjang melalui amalan PdPc yang menggunakan kaedah NHT.
- b. Memupuk semangat kerjasama antara ahli kumpulan dalam kalangan murid melalui amalan PdPc yang menggunakan kaedah NHT.

Dua soalan kajian tindakan ini adalah:

- a. Bagaimanakah amalan PdPc melalui kaedah NHT membantu murid menguasai kemahiran topik panjang?
- b. Bagaimanakah amalan PdPc melalui kaedah NHT membantu memupuk semangat kerjasama antara ahli kumpulan dalam kalangan murid?

## **PESERTA KAJIAN**

Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada lapan orang murid Tahun 4 di sebuah sekolah bandaraya Miri. Kelapan-lapan orang murid termasuk dua orang murid berprestasi tinggi, dua orang murid berprestasi sederhana dan empat orang murid berprestasi rendah dari kelas yang sama. Peserta kajian dipilih berdasarkan pencapaian dalam ujian kecil yang melibatkan pengetahuan sedia ada tentang topik panjang dalam Tahun 3. Pencapaian murid ditentukan berdasarkan kriteria iaitu murid berprestasi tinggi merujuk kepada 27% murid yang mendapat skor tertinggi dalam ujian tersebut manakala murid berprestasi rendah merujuk kepada 27% murid yang mendapat skor terendah dalam ujian tersebut (Boon, Lee & Lawrence, A. A., 2017).

## **TINDAKAN YANG DIJALANKAN**

Kajian tindakan ini dilaksanakan berpandukan Model Kurt Lewin (1946). Model ini mempunyai empat langkah iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi dalam satu kitaran yang lengkap (Siti Farhana Muhd Ridzwan & Mahaliza Mansor, 2014; Fitrianti, 2016). Kajian tindakan ini dilaksanakan sebanyak dua kitaran.

### **Kitaran pertama**

Dalam peringkat perancangan, saya menggunakan NHT dalam PdPc Matematik Tahun 4 topik Panjang sebagai perubahan amalan pengajaran. NHT dijalankan dalam fasa perkembangan semasa PdPc. Pada permulaan, saya membahagikan murid-murid kepada kumpulan berempat-empat. Setiap kumpulan terdiri daripada murid berprestasi tinggi, murid berprestasi sederhana dan murid berprestasi rendah. Setiap kumpulan dikehendaki melantik seorang ketua kumpulan. Saya mengagihkan nombor 1 hingga 4 kepada keempat-empat orang ahli dalam sesebuah kumpulan. Kemudian, saya menyediakan satu tugas kumpulan untuk menguji kefahaman mereka tentang kemahiran yang dipelajari. Ahli-ahli kumpulan perlu bekerjasama dan berbincang untuk menyelesaikan tugas kumpulan yang diberikan dalam masa yang ditetapkan. Dalam sesi perbincangan jawapan, saya menyebut salah satu nombor secara rawak atau mengikut syarat. Murid yang diwakili oleh nombor tersebut dari setiap kumpulan perlu melaporkan hasil perbincangan mereka pada papan. Jawapan disemak dan kumpulan yang menjawab soalan dengan tepat akan mendapat markah.

Saya melaksanakan perubahan amalan pengajaran dengan mengikut langkah-langkah yang dirancangan. Tiga sesi PdPc dengan penerapan NHT telah dijalankan. Data-data dalam senarai semak pemerhatian, temu bual dan markah bagi tiga set lembaran kerja dikumpulkan dan dianalisis untuk menilai kekuatan dan kelemahan perubahan amalan pengajaran. Senarai semak pemerhatian dianalisis melalui pengiraan jumlah kekerapan bagi setiap perkara yang diperhatikan. Maklum balas dari temu bual dianalisis secara bertema. Penilaian terhadap penguasaan kemahiran topik panjang dibuat berdasarkan markah lembaran kerja peserta kajian.

Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, saya mendapati bahawa beberapa orang peserta kajian tidak sudi memberi bantuan kepada rakan dan sumbangan kepada kumpulan sendiri. Kesannya, peserta kajian yang berprestasi rendah kurang mendapatkan bimbingan atau bantuan daripada ahli kumpulan mereka. Mereka masih belum menguasai kemahiran yang diajar dengan sepenuhnya. Oleh itu, kajian diteruskan untuk kitaran kedua dengan tindakan susulan dan penambahbaikan amalan PdPc.

### **Kitaran kedua**

Selepas refleksi dapatan dalam kitaran pertama, didapati bahawa prestasi semua peserta kajian masih perlu ditingkatkan lagi dalam penguasaan kemahiran topik panjang. Maka, saya membuat penambahbaikan dalam langkah-langkah melaksanakan NHT. Selepas membimbing murid-murid mempelajari kemahiran topik panjang, saya menjalankan NHT dengan menyediakan tugas kumpulan. Saya menjelaskan kepada setiap kumpulan tentang

peneguhan positif yang ditambahkan iaitu markah tambahan diberikan kepada kumpulan yang bekerjasama dan saling membantu semasa menyelesaikan tugas kumpulan. Hal ini menggalakkan mereka supaya lebih aktif dan bekerjasama. Perbincangan jawapan diteruskan tetapi nombor tidak disebut. Seterusnya, satu soalan tambahan disediakan dan nombor akan disebut terlebih dahulu. Murid yang diwakili nombor tersebut membuat langkah pengiraan tanpa perbincangan dengan ahli kumpulan yang lain. Jawapan akan disemak dan markah diberi kepada kumpulan yang menjawab dengan tepat.

Penambahbaikan yang dirancang telah dilaksanakan dalam peringkat tindakan. Saya telah menjalankan sesi PdPc dengan penambahbaikan langkah-langkah NHT. Data-data dalam senarai semak pemerhatian, temu bual dan markah bagi tiga set lembaran kerja dikumpulkan dan dianalisis untuk menentukan sama ada peserta kajian menguasai semua kemahiran topik panjang yang telah dipelajari serta peserta kajian mengamalkan semangat bekerjasama. Langkah menganalisis data dilakukan seperti dalam kitaran pertama. Hasil analisis data yang diperoleh menunjukkan bahawa kedua-dua objektif kajian berjaya dicapai. Tujuh orang peserta telah menguasai kemahiran topik panjang setelah penambahbaikan dilakukan. Walaupun seorang peserta kajian belum mencapai markah penguasaan yang telah ditetapkan, namun dia telah menunjukkan peningkatan dalam aspek penguasaan kemahiran topik panjang dan amalan bekerjasama dalam kumpulan.

## **KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk mengumpulkan data. Pemerhatian secara berstruktur dijalankan untuk melihat reaksi atau tingkah laku peserta kajian. Saya membuat rekod dalam senarai semak pemerhatian dengan mencatatkan tingkah laku mereka berdasarkan “Ya” dan “Tidak”. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan dalam kajian. Saya menemu bual peserta kajian berdasarkan senarai soalan temu bual. Rekod tentang hasil temu bual dibuat secara audio dan bertulis untuk memudahkan proses penganalisan data. Tiga set lembaran kerja disediakan dalam kitaran pertama manakala tiga set lembaran kerja yang lain disediakan dalam kitaran kedua. Setiap set lembaran kerja mengandungi lima soalan yang menguji kemahiran yang telah dipelajari mengikut sesi PdPc yang dijalankan.

## **CARA MENGANALISIS DATA**

Data pemerhatian dianalisis dengan mengira jumlah kekerapan yang diperhatikan dalam sesi pemerhatian. Data temu bual dianalisis dengan membaca transkrip dan mendengar audio yang direkod. Bagi lembaran kerja yang dikumpul, jawapan telah disemak dan bilangan soalan yang dijawab dengan betul akan dikira. Hasil pengiraan tersebut menentukan pencapaian murid sama ada berjaya menguasai atau belum menguasai kemahiran.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan dua objektif kajian iaitu penguasaan kemahiran topik panjang dan pemupukan semangat kerjasama selepas penerapan NHT dalam PdPc.

### **Penguasaan kemahiran topik panjang melalui amalan PdPc yang menggunakan kaedah NHT**

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis tentang dua perkara dalam senarai semak pemerhatian untuk Kitaran 1 dan Kitaran 2.



Jadual 1

Hasil analisis tentang Perkara 1 dan 2 dalam senarai semak pemerhatian

Perkara yang diperhatikan	Kitaran	Kekerapan “Ya” (Y) dan “Tidak” (T) dalam sesi pemerhatian (S)					
		S1		S2		S3	
1. Adakah peserta kajian dapat menjawab soalan topik panjang dengan tepat selepas menjalankan kaedah NHT?	Kitaran 1	Y	T	Y	T	Y	T
		6	2	4	4	5	3
		S4		S5		S6	
	Kitaran 2	Y	T	Y	T	Y	T
		6	2	7	1	7	1
		S1		S2		S3	
2. Adakah peserta kajian menunjukkan perasaan yakin semasa menjawab soalan selepas menjalankan kaedah NHT?	Kitaran 1	Y	T	Y	T	Y	T
		5	3	5	3	6	2
		S4		S5		S6	
	Kitaran 2	Y	T	Y	T	Y	T
		6	2	7	1	7	1

Dalam dua sesi pemerhatian yang dijalankan dalam Kitaran 2 iaitu sesi pemerhatian kelima (S5) dan sesi pemerhatian keenam (S6), semua peserta kajian dapat menjawab soalan topik panjang dengan tepat selepas menjalankan NHT kecuali seorang peserta kajian yang masih gagal menjawab soalan topik panjang. Dalam Kitaran 1, tiga orang peserta kajian masih kurang yakin semasa menjawab soalan dalam sesi pemerhatian pertama (S1) dan sesi pemerhatian kedua (S2). Namun, bilangan peserta kajian meningkat dalam Kitaran 2 di mana semua peserta kajian menunjukkan perasaan yakin semasa menjawab soalan pada S6 kecuali seorang yang masih kurang yakin pada diri sendiri.

Jadual 2

Maklum balas peserta kajian terhadap Soalan 1, 2 dan 3 dalam Kitaran 1

Bil.	Soalan	Bilangan Peserta Kajian Yang Menjawab Ya Atau Tidak	Maklum Balas Peserta Kajian
1	Adakah anda berasa susah untuk menjawab soalan topik panjang?	Ya: 4 orang	Soalan melibatkan pembahagian lebih susah (P2), Susah (P3, P4), Tidak pandai menjawab (P7)
		Tidak: 4 orang	Tidak susah (P1, P5, P6, P8)
2	Dapatkah anda menjawab soalan dengan betul selepas menjalankan aktiviti berkumpulan?	Ya: 5 orang	Dapat menjawab (P1, P2, P5, P6), Ketua kumpulan memberi bantuan (P8)
		Tidak: 3 orang	Tidak dapat menjawab soalan yang susah (P3, P4, P7)
3	Adakah anda lebih memahami penyampaian cikgu selepas menjalankan aktiviti berkumpulan?	Ya: 5 orang	Faham (P1, P5, P6, P8), Minta bantuan daripada rakan (P2)
		Tidak: 3 orang	Sedikit keliru (P3, P4, P7)

Jadual 2 menunjukkan maklum balas daripada lapan orang peserta kajian terhadap Soalan 1, 2 dan 3 dalam Kitaran 1. Empat daripada lapan orang peserta kajian berasa susah untuk menjawab soalan topik panjang. Lima orang peserta kajian dapat menjawab soalan dengan betul selepas menjalankan aktiviti berkumpulan tetapi tiga orang peserta kajian yang

lain (P3, P4 dan P7) masih tidak dapat menjawab soalan yang lebih susah. Lima orang peserta kajian bersetuju bahawa mereka lebih memahami penyampaian guru namun tiga orang peserta kajian lain (P3, P4 dan P7) berpendapat bahawa mereka masih mengalami sedikit kekeliruan tentang penyampaian guru walaupun NHT dijalankan.

Jadual 3

Maklum balas peserta kajian terhadap Soalan 1 dan 2 dalam Kitaran 2

Bil.	Soalan	Bilangan Peserta Kajian Yang Menjawab Ya Atau Tidak	Maklum Balas Peserta Kajian
1	Adakah aktiviti berkumpul itu membantu anda memahami dan menjawab soalan topik panjang dengan lebih baik?	Ya: 7 orang	Ada (P1, P2, P5, P6), Rakan mengajar saya (P3, P8), Lebih mudah untuk menjawab soalan (P4)
		Tidak: 1 orang	Masih tidak dapat menjawab (P7)
2	Adakah anda masih melakukan kesalahan atau kecuiaan semasa menjawab soalan selepas aktiviti berkumpul?	Ya: 1 orang	Ada kesalahan (P7)
		Tidak: 7 orang	Tidak ada (P1, P2, P3, P4, P5, P6, P8)

Jadual 3 menunjukkan maklum balas daripada lapan orang peserta kajian terhadap Soalan 1, 2 dan 3 dalam Kitaran 2. Tujuh orang peserta kajian bersetuju bahawa aktiviti berkumpul NHT dapat membantu mereka memahami dan menjawab soalan topik panjang dengan lebih baik. P3 dan P8 bersyukur kerana diajar oleh rakan sekumpulan. Namun begitu, seorang peserta kajian (P7) menyatakan bahawa dia masih tidak dapat menjawab soalan. Tujuh orang peserta kajian menyatakan bahawa mereka tidak melakukan kesalahan atau kecuiaan semasa menjawab soalan topik panjang tetapi seorang peserta kajian yang lain (P7) masih melakukan kesalahan semasa menjawab soalan.

Jadual 4

Prestasi peserta kajian dalam setiap set lembaran kerja dalam Kitaran 1

Prestasi Peserta Kajian dalam Setiap Set Lembaran Kerja		
Lembaran Kerja	Menguasai	Belum Menguasai
1	6 orang	2 orang
2	4 orang	4 orang
3	5 orang	3 orang

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis data yang diperolehi selepas lapan orang peserta kajian menjawab tiga set lembaran kerja dalam Kitaran 1. Untuk Lembaran Kerja 1, enam orang peserta kajian menunjukkan penguasaan kemahiran yang dipelajari dengan berjaya menjawab sekurang-kurangnya empat soalan. Untuk Lembaran Kerja 2, hanya empat orang peserta kajian yang menguasai kemahiran. Hasil dapatan Lembaran Kerja 3 menunjukkan bahawa bilangan peserta kajian yang sudah menguasai kemahiran telah meningkat kepada lima orang dan bersedia beralih ke unit pembelajaran baru.

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis bagi prestasi peserta kajian yang menjawab tiga set lembaran kerja dalam Kitaran 2. Secara umumnya, semua peserta kajian menunjukkan peningkatan penguasaan kemahiran topik panjang dalam Kitaran 2. Untuk Lembaran Kerja 4, enam orang peserta kajian telah menguasai kemahiran. Untuk Lembaran Kerja 5 dan 6 pula, tujuh daripada lapan orang peserta kajian berjaya menguasai kemahiran-kemahiran topik

panjang. Namun, seorang peserta kajian (P7) masih belum menguasai kemahiran dengan sepenuhnya.

Jadual 5

Prestasi peserta kajian dalam setiap set lembaran kerja dalam Kitaran 2

<b>Prestasi Peserta Kajian dalam Setiap Set Lembaran Kerja</b>		
<b>Lembaran Kerja</b>	<b>Menguasai</b>	<b>Belum Menguasai</b>
<b>4</b>	6 orang	2 orang
<b>5</b>	7 orang	1 orang
<b>6</b>	7 orang	1 orang

### **Pemupukan semangat kerjasama antara ahli kumpulan dalam kalangan peserta melalui amalan PdPc yang menggunakan kaedah NHT**

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis tentang dua perkara dalam senarai semak pemerhatian untuk Kitaran 1 dan 2.

Jadual 6

Hasil analisis tentang Perkara 3 dan 4 dalam senarai semak pemerhatian

<b>Perkara yang diperhatikan</b>	<b>Kitaran</b>	<b>Kekerapan “Ya” (Y) dan “Tidak” (T) dalam sesi pemerhatian (S)</b>					
		<b>S1</b>		<b>S2</b>		<b>S3</b>	
3. Adakah peserta kajian berkomunikasi secara berkesan dalam aktiviti berkumpul yang menggunakan kaedah NHT?	<b>Kitaran 1</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>
		2	6	3	5	4	4
		<b>S4</b>		<b>S5</b>		<b>S6</b>	
	<b>Kitaran 2</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>
		6	2	7	1	7	1
		<b>S4</b>		<b>S5</b>		<b>S6</b>	
4. Adakah peserta kajian bekerjasama dalam aktiviti berkumpul yang menggunakan kaedah NHT?	<b>Kitaran 1</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>
		3	5	4	4	4	4
		<b>S4</b>		<b>S5</b>		<b>S6</b>	
	<b>Kitaran 2</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>	<b>Y</b>	<b>T</b>
		5	3	7	1	8	0
		<b>S4</b>		<b>S5</b>		<b>S6</b>	

Dalam S1, hanya dua orang peserta kajian yang dapat berkomunikasi secara berkesan dalam aktiviti berkumpul NHT bagi Kitaran 1. Walaupun bilangan peserta kajian tersebut meningkat kepada empat orang dalam sesi pemerhatian ketiga (S3), namun keadaan ini masih perlu ditambahbaik lagi. Dalam Kitaran 2, semua peserta kajian telah menunjukkan peningkatan prestasi mereka semasa menjalankan NHT. Tujuh orang peserta kajian dapat berkomunikasi secara berkesan dengan ahli kumpulan semasa S5 dan S6 dijalankan. Seorang peserta kajian (P7) masih menghadapi masalah untuk berkomunikasi secara berkesan dengan ahli kumpulannya.

Dalam Kitaran 1, tiga orang peserta kajian dapat mengamalkan semangat bekerjasama dalam aktiviti berkumpul NHT dalam S1 manakala sebanyak empat orang peserta kajian bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam S2 dan S3. Empat orang peserta kajian yang lain enggan bekerjasama dengan ahli kumpulan. Dalam Kitaran 2 pula, lima orang peserta kajian didapati bekerjasama dalam aktiviti berkumpul dalam sesi pemerhatian keempat (S4). Peningkatan prestasi peserta kajian ditunjukkan apabila sebanyak tujuh orang peserta kajian mengamalkan semangat bekerjasama dalam aktiviti berkumpul NHT dalam S5. Semua peserta kajian berjaya mengamalkan semangat bekerjasama semasa S6 dijalankan.

Jadual 7 dan Jadual 8 menunjukkan maklum balas temu bual daripada lapan orang peserta kajian dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 7

Maklum balas peserta kajian terhadap Soalan 1, 2 dan 3 dalam Kitaran 1

Bil.	Soalan	Bilangan Peserta Kajian Yang Menjawab Ya Atau Tidak		Maklum Balas Peserta Kajian
		Ya	Tidak	
1	Adakah anda melaksanakan tugas bersama dengan rakan sekumpulan anda?	Ya: 4 orang		Ada perbincangan (P1, P2), Ada menulis jawapan pada papan putih (P4, P6)
			Tidak: 4 orang	Tidak pandai menjawab (P3, P7, P8), Hanya suruh rakan untuk menjawab (P5)
2	Adakah hubungan anda dengan rakan sekumpulan menjadi erat selepas menjalankan aktiviti berkumpul?	Ya: 4 orang		Memang ada (P1, P2), Rasanya ada (P6, P8)
			Tidak: 4 orang	Tidak ada (P3, P5, P7), Tidak ada kerana rakan enggan memberi bantuan (P4)
3	Adakah anda sudi membantu rakan sekumpulan anda atau meminta bantuan daripadanya?	Ya: 3 orang		Sudi membantu rakan (P1, P6) Ingin meminta bantuan daripada rakan (P2)
			Tidak: 5 orang	Tidak mahu tanya rakan (P3, P8), Lebih baik tanya cikgu berbanding tanya rakan (P4), Tidak tahu sebab membantu rakan (P5), Tidak tahu (P7)

Jadual 8

Maklum balas peserta kajian terhadap Soalan 1, 2 dan 3 dalam Kitaran 2

Bil.	Soalan	Bilangan Peserta Kajian Yang Menjawab Ya Atau Tidak		Maklum Balas Peserta Kajian
		Ya	Tidak	
1	Adakah anda suka bekerjasama dengan rakan sekumpulan anda?	Ya: 8 orang		Suka (P1, P2, P7), Memudahkan pemahaman terhadap kemahiran (P3, P8), Boleh mendapat markah (P5), Berasa seronok (P4, P6)
			Tidak: 0 orang	-
2	Adakah hubungan anda dengan rakan sekumpulan menjadi erat selepas menjalankan aktiviti berkumpul?	Ya: 8 orang		Sangat erat (P1, P2), Lebih banyak berkomunikasi (P3, P8), Lebih erat kerana diberi bantuan (P4), Ada memberi bantuan kepada rakan (P5, P6), Rasanya ada (P7)
			Tidak: 0 orang	-
3	Adakah anda sudi membantu rakan sekumpulan anda atau meminta bantuan daripadanya?	Ya: 7 orang		Sudi membantu rakan (P1, P5, P6) , Akan meminta bantuan jika perlu (P2, P3, P8), Tanya rakan dahulu jika tidak dapat menjawab (P4)
			Tidak: 1 orang	Tidak mahu tanya rakan (P7)

Dalam Kitaran 1, empat orang peserta kajian menyatakan bahawa mereka telah melaksanakan tugas bersama rakan sekumpulan dengan mengadakan perbincangan. Empat orang peserta kajian yang lain (P3, P5, P7 dan P8) tidak melaksanakan tugas bersama dengan rakan kerana susah menjawab soalan dan hanya menyuruh rakan untuk menyelesaikan tugas. Empat orang peserta kajian bersetuju bahawa hubungan mereka dengan rakan sekumpulan menjadi erat selepas menjalankan NHT. Empat orang peserta kajian yang lain (P3, P4, P5 dan P7) tidak bersetuju dengan pendapat tersebut. Berdasarkan maklum balas peserta kajian, didapati bahawa hanya tiga orang peserta kajian yang sudi membantu rakan atau meminta bantuan daripada rakan sekumpulan. Lima orang peserta kajian yang lain (P3, P4, P5, P7 dan P8) tidak sudi memberi bantuan atau meminta bantuan daripada rakan.

Dalam Kitaran 2, semua peserta kajian suka bekerjasama dengan rakan sekumpulan mereka. Mereka berasa seronok dalam melaksanakan kerja berkumpulan yang diamanahkan oleh guru. Semua peserta kajian juga berpendapat bahawa hubungan mereka dengan rakan sekumpulan menjadi erat selepas menjalankan aktiviti berkumpulan NHT. Daripada lapan orang peserta kajian, tujuh orang peserta kajian menyatakan bahawa mereka sudi membantu rakan atau meminta bantuan daripada rakan sekumpulan namun seorang peserta kajian (P7) masih enggan bertanya kepada rakan kerana susah mengikuti perkembangan rakan lain.

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Refleksi dapatan kajian dibincangkan berdasarkan hasil analisis data dalam bahagian dapatan kajian.

## Penguasaan kemahiran topik panjang melalui amalan PdPc yang menggunakan kaedah NHT

Berdasarkan Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 4, penguasaan peserta kajian terhadap kemahiran topik panjang dalam Kitaran 1 masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Mereka susah untuk menjawab soalan dengan tepat dan kurang yakin untuk menjawab kerana kurang mendapatkan bantuan rakan. Mereka juga belum menguasai kemahiran-kemahiran yang dipelajari dengan sepenuhnya berdasarkan penilaian daripada hasil lembaran kerja. Selepas penambahbaikan dilakukan dalam Kitaran 2, semua peserta kajian kecuali P7 tidak melakukan kecueaian atau kesalahan lagi dan menjawab soalan dengan tepat kerana membantu rakan atau mendapatkan bantuan rakan. Selepas menguasai kemahiran-kemahiran yang ada, mereka dapat menulis langkah penyelesaian soalan yang tepat secara berkeyakinan diri. Misalnya, Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan langkah pengiraan yang tepat daripada lembaran kerja peserta kajian.

(9 x 5 cm 8 mm) =  
9 x 5 厘米 8 毫米 = 52 厘米 2 毫米

厘米	毫米
5	8
x	9
45	72
+ 7	- 70
52	2

Rajah 1. Langkah penyelesaian soalan daripada P3 dalam Lembaran Kerja 3 (soalan 1)

$$\begin{array}{l}
 (35 \text{ km } 88 \text{ m} + 27 \text{ km } 463 \text{ m} + 5627 \text{ m}) \\
 35 \text{ 公里 } 88 \text{ 米} + 27 \text{ 公里 } 463 \text{ 米} + 5627 \text{ 米} \\
 = \frac{68}{\text{公里}} \frac{178}{\text{米}} \text{ (米)} \\
 \begin{array}{r}
 \text{公里} \quad \text{米} \\
 35 \quad 88 \\
 27 \quad 463 \\
 + 5 \quad 627 \\
 \hline
 67 \quad 1178 \\
 + 1 \quad -1000 \\
 \hline
 68 \quad 178
 \end{array}
 \end{array}$$

Rajah 2. Langkah penyelesaian soalan daripada P8 dalam Lembaran Kerja 6 (soalan 2)

Walaupun seorang peserta kajian (P7) belum mencapai markah penguasaan kemahiran yang telah ditetapkan, namun P7 masih menunjukkan peningkatan secara kecil dari segi penguasaan kemahiran topik panjang dan keyakinan diri. Murid sebegini memerlukan bimbingan guru secara berseorangan selain mendapatkan bantuan melalui aktiviti berkumpulan yang menggunakan NHT. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan amalan PdPc melalui penerapan NHT berjaya membantu peserta kajian menguasai kemahiran-kemahiran dalam topik panjang Tahun 4 tidak kira murid berprestasi tinggi, murid berprestasi sederhana atau murid berprestasi rendah. Dapatan kajian disokong oleh Nasrun Syahrir (2016) yang menunjukkan bahawa NHT dapat meningkatkan prestasi akademik murid dalam Matematik serta Malda Sari dan Edy Surya (2017) yang menunjukkan bahawa penggunaan NHT dapat mengukuhkan penguasaan murid terhadap hasil pembelajaran.

### **Pemupukan semangat kerjasama antara ahli kumpulan dalam kalangan peserta melalui amalan PdPc yang menggunakan kaedah NHT**

Berdasarkan Jadual 6 dan Jadual 7, peserta kajian masih belum menguasai kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam kumpulan dan enggan memberi atau meminta bantuan semasa Kitaran 1 dijalankan. Keadaan tersebut ditambahbaik dalam Kitaran 2, di mana setiap peserta kajian dapat berkomunikasi dan bekerjasama dengan ahli kumpulan dengan baik tanpa sikap mementingkan diri. Mereka aktif dalam perbincangan dan menyelesaikan tugas bersama-sama. Hal ini membawa kepada kewujudan hubungan erat antara ahli kumpulan. Semua peserta kajian kecuali P7 adalah sudi untuk membantu rakan atau meminta bantuan daripada rakan. P7 enggan bertanya kepada rakan kerana berasa susah mengikuti perkembangan rakan lain.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan amalan PdPc melalui penerapan NHT berjaya memupuk semangat kerjasama antara ahli kumpulan dalam kalangan murid Tahun 4. Dapatan kajian disokong oleh Wong (2018) yang menunjukkan bahawa NHT menggalakkan penglibatan murid yang aktif dalam aktiviti berkumpulan.

### **CADANGAN TINDAKAN SUSULAN**

Sebagai cadangan, kaedah NHT sesuai diterapkan dalam kemahiran penyelesaian masalah. Seperti langkah-langkah NHT yang dijalankan dalam kajian ini, setiap kumpulan melantik ketua kumpulan masing-masing dan diagihkan nombor 1 hingga 4. Seterusnya, tugas kumpulan disediakan dalam bentuk soalan bukan rutin supaya perbincangan aktif

dan perkongsian cara penyelesaian yang berbeza akan berlaku. Rajah 3 menunjukkan contoh tugas dalam penyelesaian masalah topik Jisim Tahun 4. Ahli-ahli kumpulan perlu bekerjasama dan berbincang untuk menyelesaikan tugas kumpulan berdasarkan Model Polya. Perbincangan jawapan dijalankan dan wakil nombor yang disebut perlu melaporkan hasil perbincangan kumpulan. Ganjaran diberikan kepada kumpulan yang memperoleh markah.

下图显示一篮芒果连同篮子的质量。

(Rajah di bawah menunjukkan jisim sebukul mangga bersamaan bakul tersebut.)



3 kg 460 g

籃子的质量是 750 g。明辉再把 1 kg 135 g 的芒果放入篮子里。现在篮子里芒果的质量是多少? (Jisim bakul tersebut ialah 750 g. Ming Hui meletakkan mangga yang berjisim 1 kg 135 g ke dalam bakul tersebut. Sekarang berapakah jisim bagi semua mangga yang terdapat dalam bakul tersebut?)

Rajah 3. Contoh tugas aktiviti berkumpulan dalam topik Jisim Tahun 4

## PENUTUP

Hasil dapatan kajian tindakan ini menunjukkan bahawa perubahan amalan PdPc melalui NHT dapat membantu murid Tahun 4 menguasai kemahiran-kemahiran dalam topik panjang dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan mereka. Dengan ini, diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan yang berguna kepada para guru Matematik untuk menjalankan amalan PdPc dengan berpaksikan pembelajaran koperatif sebagai asas pendidikan abad ke-21 demi merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (Aimi Hafizah Fadzilah, 2017).

## RUJUKAN

- Aimi Hafizah Fadzilah. (2017). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran koperatif berasaskan abad ke-21: satu tinjauan di sekolah menengah kebangsaan pekan nenas*. Pelaporan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod. (2017). Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 11-23.
- Boon, P. Y., Lee, L. H. & Lawrence, A. A. (2017). *Pentaksiran dalam pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Fitrianti. (2016). *Sukses profesi guru dengan penelitian tindakan kelas*. Yogyakarta: Penerbit Deepublish.
- Khoo, C. H. & Lay, Y. F. (2015). Keberkesanan kicup dalam penukaran unit panjang dalam kelas pemulihan matematik. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 14: 132-144.
- Malach, N., Richey, & Gadgil. (2015). When is it better to learn together? Insights from research on collaborative learning. *Educ. Psychol*, 27: 646-656.
- Malda Sari & Edy Surya. (2017). Improving the learning outcomes of students using numbered heads together model in the subjects of mathematics. *International Journal of Sciences: Basic and Applied Research*, 33(3): 311-319.

- Nasrun Syahrir. (2016). The use of cooperative learning with number heads together model to improve the students' mathematics subject. *Journal of Mathematics*, 12(5): 113-117.
- Nur Syaza Farha Diyazid, Shamsudin Othman, & Azhar Md Sabil. (2017). Penggunaan kaedah pembelajaran koperatif jigsaw ii terhadap pencapaian pembelajaran teks puisi tradisional dalam kalangan pelajar kolej vokasional. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2): 41-50.
- Siti Farhana Muhd Ridzwan & Mahaliza Mansor. (2014). Roda c.i.u: satu teknik untuk membina kemahiran mengecam dan mengingat simbol nombor bulat 1 hingga 9 bagi murid lembam. *Asian Education Action Research Journal*, 3: 1-25.
- Wong, S, H. (2018). *Penggunaan nht untuk meningkatkan penglibatan dan pencapaian murid tahun empat dalam pembelajaran sains di kuching*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.



## KAEDAH VISUALISASI DALAM PENYELESAIAN MASALAH MATEMATIK BERAYAT

**ATIKAH HASBI<sup>1</sup>, NARAWI ABU BAKAR<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM),  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>*tkohtasbi@gmail.com*, <sup>2</sup>*narawiabubakar@yahoo.com*

### ABSTRAK

Penyelesaian masalah matematik berayat merupakan satu daripada proses yang menyokong pembelajaran Matematik secara berkesan. Pelbagai kaedah penyelesaian boleh digunakan termasuklah penggunaan kaedah visualisasi. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor penghalang serta meneroka penggunaan kaedah visualisasi untuk menyelesaikan masalah matematik berayat dalam kalangan murid Tahun 2. Lima peserta kajian Tahun 2 dari sebuah sekolah rendah di Bahagian Miri, Sarawak telah dipilih dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif secara kajian kes. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data yang dikumpul telah dianalisis secara kandungan dan terperinci mengikut objektif kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian, terdapat tiga faktor penghalang peserta kajian semasa menyelesaikan masalah matematik berayat, iaitu keliru dalam penggunaan operasi, soalan yang 'panjang' serta faktor penguasaan bahasa. Penerokaan penggunaan kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat yang telah dikaji pula jelas dari aspek proses visualisasi dan gambar imej visual. Dapatan kajian ini telah menghasilkan pola kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat selain memberi implikasi kepada amalan pengajaran guru, murid-murid serta sekolah. Bagi kajian lanjutan dicadangkan agar kajian yang lebih terperinci dapat dijalankan dengan memberi tumpuan kepada aspek lain seperti peringkat pendidikan yang lebih tinggi dan menggunakan reka bentuk kajian yang lain.

Kata Kunci: *Visualisasi, penyelesaian masalah matematik berayat*

### ABSTRACT

*Solving mathematical problems is one of the processes that support mathematical learning effectively. Various solution methods can be used including visualization methods. In this regard, the purpose of this study was to identify the factors of obstruction and to explore the use of visualization methods to solve mathematical sentence problems among Year 2 Students. Five Year 2 study participants from a primary school in Miri, Sarawak were selected in this study. This study used a qualitative study approach based on the case study. The data were collected through observation, interview and document analysis. The data collected were analyzed in details aligned with the objectives of the study. Based on the findings, there were three factors that hindered the study participants in solving the mathematical problems of life, namely, misdiagnosis, 'long term' questions and language skills. The exploration of visualization methods in solving mathematical problem solving has been studied in terms of visualization and visual image processing. The findings of this study have yielded a visual methodology for solving mathematical problems and have implications for the teaching practices of teachers, students and schools. For further studies, it is recommended that more detailed studies can be carried out by focusing on other aspects such as higher education level and using other research designs.*

Keywords: *Visualization, mathematical problem solving*

## PENGENALAN

Penyelesaian masalah merupakan satu daripada kemahiran berfikir yang perlu dikuasai oleh peserta kajian sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Menurut Suhaila Md Said dan Fatimah Saleh, (2011), penyelesaian masalah merupakan suatu proses kognitif yang kompleks serta melibatkan strategi penyelesaian sebagai kompetensi utama. Namun dalam kajian Saragih, (2011), menyatakan terdapat empat faktor penyebab ketidakupayaan penyelesaian masalah, iaitu kurang memahami masalah, tidak menguasai strategi-strategi yang perlu digunakan, mengabaikan maklumat yang disediakan soalan dan mengabaikan proses penyemakan jawapan. Oleh itu, kajian kes mengenai kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat dijalankan. Kaedah visualisasi menurut Mohd Fairuz Marian, Mohd Bekri Rahim, Jamil Abd Baser dan Mohd Salleh Tahar, (2011), ialah proses membayangkan sesuatu bentuk, corak atau objek tertentu walaupun belum pernah melihatnya secara fizikal.

## PERNYATAAN MASALAH

Keupayaan peserta kajian untuk menyelesaikan masalah matematik berayat adalah satu daripada tujuan utama dalam pendidikan matematik. Berdasarkan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, (2016), peratusan peserta kajian dalam *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) 2015 meningkat berbanding TIMSS 2011. Namun begitu, peratusan peserta kajian di Malaysia masih rendah dalam menguasai kemahiran menaakul dengan maklumat, membuat kesimpulan, membuat generalisasi dan menyelesaikan persamaan linear. Menurut Chong Sin Yee, Wong Jieh Tze dan Abdul Halim Abdullah, (2017), kebanyakan soalan TIMSS adalah dalam bentuk penyelesaian masalah iaitu, memerlukan kemahiran mengaplikasi dan menaakul semasa menjawab soalan. Terdapat pelbagai kaedah penyelesaian masalah matematik berayat telah digunakan oleh guru dalam kaedah pengajaran mereka. Namun, dalam kajian Johari Surif, Nor Hidayah Abd Ghafar, Nor Hasniza Ibrahim dan Abdul Halim Abdullah, (2014); Nor Ezah Ariffin dan Nurulwahida Azid, (2016), menyatakan kemahiran penyelesaian masalah masih menjadi tunjang utama dalam pendidikan Matematik apabila peserta kajian mempunyai kesukaran dalam menguasai kemahiran menganalisis dan memahami masalah matematik.

Oleh itu, sebuah kajian mengenai kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat telah dilaksanakan. Seramai lima peserta kajian murid Tahun 2 telah dipilih sebagai asas kepada mereka sebelum melangkah ke tahap dua. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa faktor penghalang peserta kajian dalam menyelesaikan masalah matematik berayat serta meneroka penggunaan kaedah visualisasi oleh peserta kajian dalam menyelesaikan masalah matematik berayat. Kaedah visualisasi ini merupakan satu daripada kaedah penyelesaian masalah dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Matematik. Menurut Maslinah Lasiun, (2016), proses visualisasi boleh diaplikasikan melalui hubungkait pengetahuan dan konsep asas matematik dengan masalah yang diberikan. Kaedah visualisasi ini digunakan untuk peserta kajian mentafsirkan kehendak soalan dalam bentuk ayat sendiri ataupun melalui lakaran perwakilan rajah.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

- a. Mengenal pasti faktor-faktor yang dihadapi semasa menyelesaikan masalah matematik berayat.
- b. Meneroka penggunaan kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat.

Soalan kajian ini ialah:

- a. Apakah faktor-faktor penghalang peserta kajian semasa menyelesaikan masalah matematik berayat?

- b. Bagaimanakah kaedah visualisasi digunakan oleh peserta kajian dalam menyelesaikan masalah matematik berayat?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian kes ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Kaedah ini membolehkan pengkaji menyelidik, memerhati serta meneliti suatu peristiwa dan proses pembelajaran Matematik dalam situasi sebenar. Manakala, pemilihan peserta kajian ini pula tertakluk kepada tujuan kajian yang telah dinyatakan, dan memilih lima peserta kajian Tahun 2 di sebuah sekolah rendah di Bahagian Miri, Sarawak. Pengkaji telah mendapatkan kebenaran dari ibu bapa atau penjaga peserta kajian supaya dapat melibatkan diri dalam kajian ini. Bagi tujuan pelaporan, gambar dan nama peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini telah dirahsiakan.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Instrumen pemerhatian melibatkan tindakan pengkaji membuat catatan peristiwa dan perlakuan peserta kajian. Seterusnya, kaedah temu bual berbentuk semi struktur membantu pengkaji bagi mencungkil maklumat yang tidak dapat dilihat melalui pemerhatian dan meminta pendapat peserta kajian mengenai soalan yang diajukan. Kaedah analisis dokumen pula telah digunakan bagi menambahkan maklumat serta meningkatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan kepada data-data sedia ada. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini amat penting kerana ia merupakan ukuran yang merujuk kepada kestabilan dan ketekalan instrumen kajian sama ada dapat menjawab soalan kajian yang telah dibina. Oleh itu, semua instrumen telah dibincangkan dan disemak oleh guru cemerlang Matematik serta pensyarah penyelia untuk menentukan sama ada instrumen tersebut bersesuaian dengan soalan kajian.

Dalam kajian ini, proses penganalisan data berlaku serentak dengan pengumpulan data. Data-data yang telah dikumpul dan dianalisis perlu digabungkan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai suatu kajian serta membolehkan pengkaji melapor dapatan kajian berdasarkan bukti-bukti yang diperolehi. Melalui pemerhatian, pengkaji telah menggunakan senarai semak pemerhatian dan catatan pengkaji sendiri seterusnya menganalisis berdasarkan lima kriteria yang telah ditetapkan. Dalam temu bual semi struktur pula, hasil temu bual ditranskripsikan berdasarkan maklum balas peserta kajian terhadap soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan analisis dokumen terhadap lima lembaran kerja. Setiap lembaran kerja dilengkapi dengan empat soalan penyelesaian masalah matematik berayat yang merangkumi operasi tambah, tolak, darab dan bahagi. Lembaran kerja membolehkan pengkaji menghuraikan dengan lebih mendalam mengenai soalan kajian selain daripada penggunaan teknik pemerhatian dan temu bual.


## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil dapatan kajian dan perbincangan telah menjawab dua persoalan kajian seperti berikut.

### **Faktor-faktor penghalang peserta kajian dalam penyelesaian masalah matematik berayat**


Pelbagai maklumat yang terkandung dalam soalan masalah matematik berayat menyebabkan peserta kajian kurang faham dengan kehendak masalah yang sebenar. Situasi tersebut menyebabkan peserta kajian keliru menggunakan operasi matematik yang sesuai dengan masalah yang diberikan. Dapatan ini selari dengan kajian Tarzimah Tambychik dan Thamby Subahan Mohd Meerah, (2010), menyatakan bahawa nombor-nombor dalam masalah matematik berayat menyebabkan peserta kajian keliru dengan kaedah penyelesaian mereka. Dapatan analisis dokumen yang dimuatkan dalam Rajah 1 memaparkan peserta kajian 4 (P4) keliru dalam menentukan operasi yang sesuai ketika menyelesaikan masalah matematik berayat. Masalah sebenar dalam soalan menghendaki P4 untuk menggunakan

operasi darab, iaitu  $5 \times 5 = 25$ . Namun, P4 hanya menambahkan nombor-nombor yang terdapat dalam soalan, iaitu  $5 + 5 = 10$  tanpa mengetahui kehendak soalan yang sebenar. P4 dalam temu bual menceritakan secara ringkas mengenai sebab memilih operasi tambah bagi masalah tersebut dengan menyatakan bahawa dia hanya menggunakan operasi tambah apabila melihat nombor-nombor tersebut walaupun sudah membaca soalan yang diberikan.



Rajah 1. Hasil kerja P4

Seterusnya, melalui temu bual yang telah dijalankan, dua daripada lima peserta kajian menyatakan soalan masalah matematik berayat ini sukar untuk diselesaikan kerana mempunyai soalan yang 'panjang'. Analisis temu bual antara peserta kajian 1 (P1) dan peserta kajian 2 (P2) menyatakan soalan yang 'panjang' menyebabkan mereka tidak faham seterusnya tidak berminat dalam menyelesaikan masalah matematik berayat. Peserta kajian menyatakan soalan yang 'panjang' sebagai soalan yang mempunyai bilangan perkataan yang banyak. Dapatan analisis dokumen seperti yang dimuatkan dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa bilangan perkataan yang paling banyak dalam soalan lembaran kerja ialah sebanyak 24 patah perkataan.



Rajah 2. Analisis dokumen untuk soalan yang 'panjang'

Faktor bahasa merupakan antara penghalang penguasaan peserta kajian. Dalam temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati peserta kajian 3 (P3) dan P4 menyatakan mereka tidak faham Bahasa Inggeris dengan menyatakan 'lemah BI' dan 'tak pandai BI'. 'BI' yang dinyatakan oleh peserta kajian ini merujuk kepada Bahasa Inggeris. Apabila peserta kajian tidak mahir dalam Bahasa Inggeris, mereka sukar untuk menterjemahkan masalah matematik berayat ke dalam bentuk yang lebih mudah. Dapatan ini sesuai dengan tulisan kajian Tarzimah Tambychik dan Thamby Subahan Mohd Meerah, (2010), menyatakan peserta kajian di sekolah rendah kurang memahami istilah dalam penguasaan bahasa dan menyebabkan halangan dalam menyelesaikan masalah tersebut. Kajian tersebut telah menyokong dapatan pengkaji yang menyatakan faktor penguasaan bahasa merupakan penghalang kepada penyelesaian masalah matematik berayat.


### **Penggunaan kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat**

Dalam kajian ini, pengkaji telah meneroka penggunaan kaedah visualisasi yang digunakan oleh peserta kajian dalam penyelesaian masalah matematik berayat, iaitu dari aspek proses visualisasi serta gambaran imej visual.

### **Proses Visualisasi**

Hubungan antara objek dan maklumat bernombor sangat penting semasa menyelesaikan masalah matematik berayat. Dapatan analisis dokumen peserta kajian 5 (P5)

telah menggariskan nama-nama objek seperti *basket* dan *oranges* yang terdapat dalam soalan seperti pada Rajah 3. Melalui temu bual, P5 dapat menggambarkan *basket*, buah oren dan *teacher* serta hubungan antara objek dan maklumat bernombor dengan menyatakan “*Bakul ada seratus dua puluh sembilan oren. Teacher letak twenty-three oren. Tambahlah cikgu.*” Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Maslinah Lasiun, (2016), bahawa proses visualisasi boleh diaplikasikan melalui hubungkait pengetahuan dan konsep asas matematik dengan masalah yang diberikan. Perlakuan P5 yang menggariskan nama objek serta menghubungkan objek dan nombor menunjukkan bahawa gambaran membantu peserta kajian menyelesaikan masalah matematik berayat ini.

2	<p>In a basket has 129 oranges. Teacher put another 23 oranges in the basket. How many oranges in the basket?</p> 
---	---

Rajah 3. Hasil kerja P5

Seterusnya, soalan matematik berayat dikemukakan dalam bentuk situasi tertentu yang menunjukkan proses penceritaan kepada masalah tersebut. Melalui analisis dokumen yang dimuatkan pada Rajah 4, P3 menggambarkan peristiwa Mario memberikan kunci kepada Lisa dengan menulis ayat ‘*give to Lisa*’ serta simbol anak panah daripada Mario kepada Lisa. Dapatan analisis dokumen ini dikukuhkan lagi dengan temu bual bersama P3 mengenai perlakuannya melukis gambar tersebut dengan menjelaskan bahawa masalah yang diberikan menggunakan operasi tolak. Menurutnya, “*Mario ada seratus sembilan sembilan. Bagi Lisa lapan belas kunci. Jadi tolaklah cikgu.*” Kenyataan ini menunjukkan bahawa peserta kajian tersebut dapat menggambarkan peristiwa yang berlaku dalam masalah seterusnya menterjemahkan ke dalam bentuk yang nyata. Dapatan ini sesuai dengan tulisan Fatimah Ibda, (2015), peserta kajian pada usia ini sudah berupaya untuk berfikir secara logik tetapi masih terbatas kepada sesuatu yang bersifat nyata. Oleh itu, peserta kajian perlu menggambarkan situasi masalah tersebut ke dalam minda mereka supaya dapat mengenal pasti langkah pengiraan yang akan digunakan.

Selain itu, setiap soalan masalah matematik berayat menunjukkan kehendak soalan di akhir soalan. Semasa peserta kajian menyelesaikan matematik berayat yang diberikan, mereka dapat menggambarkan kehendak soalan yang diberikan seperti ‘*total of durians*’ dan ‘*balance of doll*’. Seperti dalam dapatan analisis dokumen yang dimuatkan dalam Rajah 5, P1 telah menggunakan operasi tambah dengan menambahkan guli merah dan guli hijau. P1 dalam temu bual juga menunjukkan kefahaman dengan menyatakan kehendak soalan, iaitu mencari bilangan guli Afiq. Menurutnya, “*Afiq ada dua ratus empat puluh tujuh guli merah. Dan ada dua ratus sepuluh guli hijau. Jadi, cari berapa guli Afiq sahaja.*” Situasi ini menunjukkan bahawa melalui proses visualisasi, P1 dapat mencari kehendak masalah matematik berayat dengan lebih jelas dan mudah difahami. Dapatan ini telah disokong oleh Roszelina dan Maria, (2014), proses visualisasi memerlukan peserta kajian menguasai

kemahiran memproses maklumat yang merangkumi proses penerimaan verbal, menyimpan maklumat dan mengingat kembali.

1 Mario has 199 keys. He give 18 keys to Lisa. How many keys left that Mario has?

199  
- 18  
-----  
181

Rajah 4. Hasil kerja P3

Q	Questions
1	Afiq has 247 red marbles and 210 green marbles. How many marbles does Afiq has?

247 + 210 = 457

Rajah 5. Hasil kerja P1

### Gambaran imej visual

Setiap peserta kajian mempunyai kemahiran visualisasi yang berbeza bergantung dengan tahap kognitif masing-masing. Kelima-lima peserta kajian tidak membuat sebarang lakaran untuk mewakili gambaran mereka bagi soalan empat lembaran kerja empat sebaliknya membina gambaran secara mental sahaja. Oleh itu, pengkaji telah mendapatkan analisis temu bual terhadap P1 yang menggambarkan Siew Mei mendapatkan RM50 daripada datuknya dan mendapat RM20 daripada neneknya. Selepas menggambarkan secara mental mengenai situasi dalam soalan, P1 telah mengenal pasti operasi yang sesuai digunakan untuk mendapatkan penyelesaian dengan menyatakan “tambah duit” bagi mewakili operasi tambah seperti yang dimuatkan dalam Rajah 6. Peserta kajian yang membuat gambaran secara mental ini dapat mengelolakan pemikiran mereka semasa menyelesaikan masalah matematik berayat. Dapatan kajian ini menepati definisi visualisasi oleh Mohd Fairuz Marian et al. (2011), bahawa seseorang yang sedang membayangkan sesuatu bentuk, corak atau objek tertentu walaupun belum pernah melihatnya secara fizikal dikatakan mempunyai sebahagian kebolehan visualisasi.

4 Siew Mei get RM50 from her grandfather. She gets RM20 from her grandmother. What is the total money that Siw Mei has?

$$\begin{array}{r} \text{RM } 50 \\ + \text{RM } 20 \\ \hline \text{RM } 70 \end{array}$$

Rajah 6. Hasil kerja P1

Seterusnya, dalam dapatan kajian ini, peserta kajian membuat lakaran objek untuk mewakili gambarannya dan mencatatkan maklumat pada lakaran tersebut. Melalui lakaran, perbezaan tahap kognitif seseorang akan mempengaruhi jenis gambaran visualisasi yang dibina. Dapatan analisis dokumen terhadap P4 dalam Rajah 7 menunjukkan perlakuan P4 yang melakar lima garisan dalam setiap petak yang telah dilakar. P4 dalam temu bualnya menjelaskan bahawa petak-petak yang dilakar itu merupakan bakul serta garisan-garisan tersebut merupakan durian. Dapatan ini sekaligus sepadan dengan kajian Suhaila Md Said dan Fatimah Saleh, (2011), serta Suraiza Ahmad, (2010), yang menyatakan bahawa peserta kajian mampu menaakul secara logik dan menggambarkan konteks masalah dalam rajah yang dilukis untuk membantu mereka mencari penyelesaian.

Mr Lee has 5 baskets. Each basket has 5 durians. What is the total of durians?

Rajah 7. Hasil kerja P4

Rajah 8. Hasil kerja P2 dan P5

Selain itu, dalam menggambarkan imej visual, peserta kajian telah membina perwakilan untuk mewakili sesuatu yang timbul dalam pemikiran mereka. Melalui perwakilan, peserta kajian dapat mengenal pasti operasi yang sesuai untuk digunakan berdasarkan masalah yang diberikan. Melalui dapatan kajian, P2 dan P5 telah menggunakan perwakilan untuk memahami maklumat dan hubungan yang terdapat dalam situasi masalah. Dalam dapatan analisis dokumen yang dimuatkan dalam Rajah 8, P2 menggambarkan masalah tersebut menggunakan kaedah pendaraban manakala P5 menggunakan kaedah penambahan berulang. P2 dalam temu bualnya menyatakan “Ada tiga beg. Ada lima pensel.




*Tiga darab lima, lima belas*". Temu bual P5 pula menjelaskan "Saya lukis 3 beg. Dalam satu beg ada lima pensel. Lima tambah lima tambah lima. Lima belas". Hal ini menunjukkan bahawa walaupun berlaku perbezaan proses gambaran masalah yang diberikan oleh peserta kajian, mereka masih dapat memberikan penyelesaian yang betul kepada masalah tersebut.

## KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara keseluruhannya, kajian ini merangkumi tiga faktor penghalang peserta kajian dalam penyelesaian masalah matematik berayat, iaitu keliru dalam pemilihan jenis operasi, soalan yang 'panjang' dan faktor penguasaan bahasa. Kajian ini juga berfokuskan kepada penggunaan visualisasi yang digunakan oleh peserta kajian dalam penyelesaian masalah matematik berayat. Melalui dapatan kajian mengenai proses visualisasi, peserta kajian boleh menggambarkan hubungan antara objek dan maklumat bernombor, situasi masalah serta kehendak soalan. Manakala bagi gambaran imej visual pula peserta kajian dapat melakukan gambaran secara mental, lakaran serta perwakilan. Oleh itu, kajian ini penting kerana penyelesaian masalah matematik berayat merupakan satu daripada kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh peserta kajian.

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa cadangan lanjutan yang boleh digunakan untuk penyelidikan akan datang. Kajian ini telah dijalankan secara khusus untuk meneroka kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat kepada peserta kajian sekolah rendah sahaja. Maka, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan memberi tumpuan kepada peringkat pendidikan yang lebih tinggi dan merangkumi aspek yang lebih luas. Kajian ini juga merupakan kajian kualitatif secara kajian kes. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan menggunakan kajian jenis lain yang menggabungkan perolehan data secara kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan gambaran yang lebih luas.



Rajah 9. Pola kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji telah menghasilkan satu pola, iaitu pola kaedah visualisasi dalam penyelesaian masalah matematik berayat seperti pada Rajah 9. Dengan mengetahui pola ini, diharapkan dapat memberikan implikasi positif dalam usaha



meningkatkan kualiti PdPc Matematik. Dapatan kajian ini mampu membantu guru Matematik serta guru-guru daripada bidang lain untuk menyesuaikan penggunaan kaedah visualisasi sebagai kaedah alternatif dalam pengajaran mereka. Oleh itu, penerangan PdPc dapat dijalankan dengan menggunakan cara yang lebih senang untuk difahami dan tersusun. Kajian ini juga memberikan implikasi kepada murid-murid dengan melakukan proses visualisasi untuk mewakili gambaran mereka. Kemahiran murid-murid menggunakan kaedah visualisasi dapat memberikan keyakinan kepada mereka dalam menyelesaikan masalah matematik berayat. Selain itu, subjek Matematik yang sering dianggap sebagai mata pelajaran yang sukar sama ada di peringkat pengajian rendah ataupun tinggi mungkin sedikit sebanyak sudah dapat diatasi. Oleh itu, pihak sekolah harus bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti pengkaji dalam usaha memperbaiki kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru di sekolah.

## RUJUKAN

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Laporan TIMSS 2015. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chong Sin Yee, Wong Jieh Tze & Abdul Halim Abdullah. (2017). Pencapaian Matematik TIMSS 1999, 2003, 2007, 2011 dan 2015: Di mana kedudukan Malaysia dalam kalangan negara Asia Tenggara. *Malaysian Journal of Higher Order Thinking Skills in Education*, 3: 54-108.
- Fatimah Imda. (2015). Perkembangan kognitif: Teori Jean Piaget. *Jurnal Intelektualita*, 3(1), 27-38.
- Johari Surif, Nor Hidayah Abd Ghafar, Nor Hasniza Ibrahim & Abdul Halim Abdullah. (2014). Penyelesaian masalah rutin dan bukan rutin dalam pendidikan matematik. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik*. 11-13 Ogos 2014. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Maslinah Lasiun. (2016). Keberkesanan kaedah visualisasi: meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah matematik berayat. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. 25-27 Oktober 2016. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Fairuz Marian, Mohd Bekri Rahim, Jamil Abd Baser & Mohd Salleh Tahar. (2011). Keberkesanan penggunaan cd interaktif lukisan isometrik terhadap kemahiran visualisasi pelajar. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional*.
- Nor Ezah Arifin & Nurulwahida Azid. (2016). Persepsi murid tahun lima terhadap penggunaan kaedah model bar dalam penyelesaian masalah matematik berayat tajuk pecahan. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. Universiti Utara Malaysia. Oktober 25-27. 287-304.
- Roszelina Abd Rahman & Maria Salih. (2016). Visualisasi penjana sendiri (VPK) terhadap konsep kitar karbon dalam kalangan pelajar pra universiti. *Malaysian Journal of Society and Space*, 3, 22-34.
- Saragih. (2011). Peningkatan kemampuan pemecahan masalah siswa melalui pendekatan matematika realistik. *Jurnal Saintech*. 3(3): 81-88.
- Suhaila Md Said & Fatimah Saleh. (2011). Kompetensi pelajar dalam tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah matematik bukan rutin. *Jurnal Pendidikan Matematika*. 11(2):
- Suraiza Ahmad. (2010). Penggunaan perwakilan dalam menyelesaikan masalah matematik pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah harian Kedah. *Ijazah Sarjana Pendidikan*. Universiti Sains Malaysia.
- Tarzimah Tambychik & Thamby Subahan Mohd Meerah. (2010). Students' difficulties in mathematics problem-solving: what do they say. *International Conference on Mathematics Education Research*. 8(10): 142-151.

## KAEDAH *LATTICE* MEMBANTU PENGUASAAN KEMAHIRAN OPERASI PENDARABAN

MUFIDAH HAZIQAH MIHAT<sup>1</sup>, NARAWI ABU BAKAR<sup>2</sup>, PhD

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>fyda2501@gmail.com, <sup>2</sup>narawiabubakar@yahoo.com

### ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bertujuan membantu murid menguasai kemahiran operasi pendaraban serta menambah baik amalan PdPc Matematik. Hasil tinjauan awal mendapati sebahagian murid Tahun 4 tidak dapat menguasai kemahiran operasi mendarab atas beberapa faktor-faktor. Penyelidik memperkenalkan kaedah *Lattice* bagi mengatasi masalah tersebut. Peserta kajian terdiri daripada lima orang murid berprestasi rendah di sebuah Sekolah Kebangsaan di Miri. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan yang mempunyai masalah dalam menyelesaikan soalan kemahiran operasi pendaraban. Data dikumpul melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Peserta kajian hanya dapat menjawab sekurang-kurangnya 2 soalan sahaja yang betul dalam ujian awal namun mereka berjaya memperoleh 8 hingga 10 soalan yang betul semasa ujian akhir. Bagi tindakan susulan, kaedah *Lattice* dapat diperluaskan dalam kemahiran menyelesaikan soalan penambahan dengan mengumpul semula serta mempelbagaikan kumpulan pengguna seperti Murid Berkeperluan Khas (MBK), murid pemulihan, LINUS dan pendidikan khas supaya dapat membantu murid-murid lain dalam penguasaan kemahiran mendarab.

Kata Kunci: *Lattice*, MBK, LINUS

### ABSTRACT

*The purpose of this research proposal is to help pupils to master multiplication operation skills and at the same time to improve the teaching processes of Mathematics lessons. Through early observation, it was found that most Year 4 pupils were having difficulty to master the multiplication operation skills due to a few factors. The researcher introduced Lattice method to overcome this problem. The respondents are five Year 4 pupils from a primary school in Miri who shown poor performance in their studies. The respondents consist of three boy pupils and two girl pupils who have difficulties to answer multiplication operation questions. Data was collected through observation, document analysis and interview sessions. The respondents answered at least 2 questions correctly during the first test but were able to answer 8 to 10 questions correctly during the last test. For follow up action, the usage of Lattice Method should be widened in improving additional operation skills for different groups of pupils such as Special Need Students (MBK), intervention pupils, LINUS and special education pupils to helps them master the multiplication operation skills.*

*Key words: Lattice, MBK, LINUS*

### PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menyatakan bahawa Matematik merupakan wadah terbaik untuk mengembangkan kepakaran intelektual individu dalam membuat penaaakulan logik, visualisasi ruang, analisis dan pemikiran abstrak (KPM, 2010). Kemahiran asas yang perlu dikuasai dalam bidang Matematik ialah operasi penambahan, penolakan, pendaraban dan pembahagian. Operasi pendaraban merupakan salah satu topik

yang mencabar dan sukar dikuasai oleh murid (Barmby, 2009). Menurut Azizi dan Hu Laey Nee (2010), ramai murid di sekolah mengalami kesukaran dalam menguasai operasi darab. Setelah kajian ini dilaksanakan, peserta kajian yang bermasalah dalam pembelajaran tersebut dapat diatasi dengan baik.

## FOKUS KAJIAN

Pengkaji menggunakan instrumen analisis dokumen, senarai semak pemerhatian serta temu bual berkelompok separa berstruktur untuk mengumpul data yang menjadi fokus kajian. Kajian ini berfokuskan terhadap menambah baik amalan PdPc Matematik dalam pengajaran kemahiran operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*. Kajian ini juga bertujuan untuk membantu penguasaan murid dalam menjawab soalan kemahiran operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*. Pengkaji berasa amat yakin dan mampu mempratikkan satu kaedah baru untuk membantu murid-murid yang lemah dalam mendarab.

## OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

- a. Menambah baik amalan PdPc Matematik dalam pengajaran kemahiran operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*.
- b. Membantu penguasaan murid dalam menjawab soalan kemahiran operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*.

Soalan kajian ini ialah:

- a. Bagaimanakah kaedah *Lattice* menambah baik amalan PdPc Matematik dalam pengajaran kemahiran operasi pendaraban?
- b. Bagaimanakah kaedah *Lattice* membantu penguasaan murid dalam menjawab soalan kemahiran operasi pendaraban?

## PESERTA KAJIAN


Kajian ini dilaksanakan semasa pengkaji menjalani praktikum selama tiga bulan. Sasaran kajian ini seramai lima orang murid Tahun 4 di sebuah sekolah Miri, Sarawak. Mereka terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan. Antara pencapaian prestasi akademik mereka adalah di peringkat sederhana dan beberapa antara daripada mereka adalah lemah dalam Matematik. Antara ciri-ciri yang dimiliki oleh murid ini adalah mereka menguasai asas sifir tetapi lemah dalam kemahiran operasi mendarab.

## LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN


Fakta asas darab atau sifir merupakan elemen penting yang perlu dikuasai oleh murid-murid. Zainudin (2007) dalam kajian beliau menyatakan penguasaan kemahiran fakta asas darab menjadi keutamaan yang penting dalam pembelajaran Matematik.

Pengkaji telah mengubah amalan pengajaran menyelesaikan soalan pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice* untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid. Rosidawati (2015) mengatakan bahawa kaedah *Lattice* merupakan salah satu kaedah yang mudah difahami dan tidak mengelirukan murid-murid untuk mendapatkan jawapan. Maka, pengkaji menyediakan satu contoh masalah pendaraban nombor tiga digit dengan dua digit yang mudah dengan menggunakan kaedah *Lattice* semasa fasa merancang seperti dalam Rajah 1.


**Langkah 1:** Cara pertama ialah membina petak segi empat sama. Bilangan petak segi empat sama adalah bergantung kepada bilangan digit soalan yang diberikan. Contohnya dalam soalan ini iaitu 105 akan menghasilkan tiga segi empat sama dalam dua baris kerana ada dua digit dalam nombor 10.




**Langkah 2:** Kemudian, tuliskan semua soalan yang diberikan.




**Langkah 3:** Darabkan 105 dengan 1 bermula dengan digit 5.




**Langkah 4:** Ulang langkah 3 tetapi mendarabkan 105 dengan 0.




**Langkah 5:** Tambahkan setiap nombor dalam setiap lajur condong mengikut anak panah.



**Langkah 6:** Bagi mendapatkan jawapan "105 x 10", murid perlu membaca hasil darab dengan menggunakan anak panah secara menurun.



**Langkah 7:** Bagi langkah terakhir ialah menulis jawapan berdasarkan anak panah yang dilukis.




Rajah 1. Langkah-langkah kaedah Lattice Kitaran 1


Semasa fasa tindakan, pengkaji memberikan ujian awal. Selepas pengajaran penggunaan kaedah *Lattice* diperkenalkan, pengkaji memberikan lembaran kerja kepada peserta kajian untuk membantu murid menyelesaikan soalan pendaraban melalui kaedah *Lattice*. Semasa murid menjawab soalan lembaran kerja, proses pemerhatian dan temu bual juga dilakukan bagi setiap sesi. Akhir sekali, barulah pengkaji menjalankan ujian akhir. Semasa fasa pemerhatian, pengkaji menganalisis dapatan kajian yang diperolehi dengan menggunakan instrumen kajian yang disediakan. Menerusi data-data yang dianalisis, pengkaji membuat interpretasi terhadap penguasaan murid dalam kemahiran pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*. Pengkaji melihat kekuatan dan kelemahan kaedah ini berdasarkan hasil dapatan kajian dalam fasa refleksi.

Dalam Kitaran 2, pengkaji membuat penambahbaikan terhadap kaedah sedia ada. Pengkaji mendapati dua orang daripada lima peserta kajian melakukan kesilapan semasa proses penambahan dalam lajur condong walaupun mereka betul dalam proses penggunaan kaedah *Lattice*. Maka, pengkaji membuat penambahbaikan dengan menggantikan penggunaan ‘anak panah’ dengan menggunakan bentuk ‘bujur’. Langkah 1 hingga Langkah 7 adalah sama dalam Rajah 1 kecuali Langkah 5 adalah berbeza seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.


**Langkah 5:** Tambahkan setiap nombor dalam setiap lajur condong dengan melukis bulatan.



**Langkah 6:** Bagi mendapatkan jawapan “210 x 15”, murid perlu membaca hasil darab dengan menggunakan anak panah secara menurun.



**Langkah 7:** Bagi langkah terakhir ialah menulis jawapan berdasarkan anak panah yang dilukis.



Rajah 2. Langkah-langkah kaedah Lattice Kitaran 2

Pengkaji telah melaksanakan perubahan amalan pengajaran yang dirancang dengan membimbing peserta kajian menyelesaikan soalan pendaraban dengan menggunakan penambahbaikan kaedah *Lattice* yang diperkenalkan. Kemudian langkah-langkah dalam fasa tindakan, pemerhatian dan refleksi adalah sama dengan Kitaran 1. Berdasarkan dapatan kajian Kitaran 2, pengkaji mendapati kelima-lima peserta kajian telah menguasai kemahiran operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*. Maka, pengkaji tidak melanjutkan kajian ke Kitaran 3.

## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan dapatan-dapatan kajian berdasarkan dua objektif kajian yang dinyatakan. Data yang telah dikumpul perlu dianalisis dan dibuat interpretasi bagi membolehkan penyelidik melapor dapatan kajian berdasarkan bukti-bukti yang diperoleh (Metler, 2006 dalam Shahrul Arbai'ah & Masitah, 2013).

### Penambahbaikan Amalan PdPc Matematik dalam Pengajaran Kemahiran Operasi Pendaraban Melalui Kaedah *Lattice*

Menurut Ho Ho Tong *et al* (2014), pengkaji sebagai pemerhati membawa maksud pengkaji melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam aktiviti yang diperhatikan serta identiti pengkaji adalah dimaklumkan kepada peserta kajian. Pengkaji telah memerhati dan menilai peserta kajian semasa pelaksanaan proses PdPc dari aspek dua kriteria. Kod 1 menunjukkan peserta kajian 'yakin semasa menjawab lembaran kerja'. Kod 2 menunjukkan 'tingkah laku seronok semasa menjawab'. Jadual 1 menunjukkan senarai semak borang pemerhatian yang dianalisis dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 1

Analisis senarai semak pemerhatian bagi kod kriteria 1 dan 2 dalam kitaran 1 dan kitaran 2

Peserta Kajian (R)	Sesi 1		Sesi 2		Sesi 3		Sesi 4	
	1	2	1	2	1	2	1	2
R1	x	/	x	/	/	/	/	/
R2	x	/	x	/	/	/	/	/
R3	x	/	/	/	/	/	/	/
R4	x	/	/	/	/	/	/	/
R5	x	/	x	/	/	/	/	/
<b>Bilangan peserta kajian mencapai kod kriteria</b>	0	5	2	5	5	5	5	5

#### Penunjuk:

/ : Sudah mencapai kriteria yang ditetapkan

x : Belum mencapai kriteria yang ditetapkan

Semasa sesi pertama, tiada peserta kajian yang dapat mencapai kod kriteria 1. Apabila sesi kedua dilaksanakan, dua orang peserta kajian mencapai kod kriteria 1 iaitu R3 dan R4. Semasa sesi ketiga dan keempat, kelima-lima peserta kajian berjaya mencapai kod kriteria 1. Merujuk kod kriteria 2 pula, kelima-lima peserta kajian telah mencapai dari sesi pertama sehingga sesi keempat. Ini menunjukkan bahawa kelima-lima peserta kajian yakin dan seronok semasa menjawab soalan operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*.

Pengkaji juga menemu bual peserta kajian dengan dua soalan iaitu soalan 1 dan soalan 2 berdasarkan dua kod tema iaitu kod 1 menunjukkan peserta kajian 'setuju' dan kod 2 menunjukkan peserta kajian 'tidak setuju'. Kedua-dua kod ini diinterpretasi untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan menambah baik amalan pengajaran PdPc Matematik. Jadual 2 menunjukkan analisis temu bual bagi soalan 1 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 2

Analisis temu bual bagi soalan 1 dalam kitaran 1 dan kitaran 2

Peserta Kajian (R)	Sesi 1	Sesi 2	Sesi 3	Sesi 4
	Kod	Kod	Kod	Kod
<b>Soalan Kajian 1:</b> Adakah anda berasa lebih yakin dalam menggunakan kaedah <i>Lattice</i> untuk menyelesaikan soalan pendaraban?				
R1	2	2	1	1
R2	2	2	1	1
R3	2	1	1	1
R4	2	1	1	1
R5	2	2	1	1

**Penunjuk:**

1 : Setuju

2 : Tidak Setuju

Berdasarkan Jadual 2, kelima-lima peserta kajian telah memberikan respon kod 2 bagi soalan 1 semasa sesi pertama. Namun apabila sesi kedua dilaksanakan, dua peserta kajian telah memberikan respon kod 1 itu bagi soalan 1. Apabila sesi PdPc ketiga dan keempat dilaksanakan, kelima-lima peserta kajian telah memberikan respon kod 1 bagi soalan 1. Ini menunjukkan kelima-lima peserta kajian setuju menyatakan bahawa mereka berasa lebih yakin dalam menyelesaikan soalan pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*. Jadual 3 menunjukkan analisis temu bual bagi soalan 2 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 3

Analisis temu bual bagi soalan 2 dalam kitaran 1 dan kitaran 2

Peserta Kajian (R)	Sesi 1	Sesi 2	Sesi 3	Sesi 4
	Kod	Kod	Kod	Kod
<b>Soalan Kajian 2:</b> Adakah anda rasa kaedah <i>Lattice</i> senang dan mudah digunakan untuk menjawab soalan pendaraban?				
R1	1	1	1	1
R2	1	1	1	1
R3	1	1	1	1
R4	1	1	1	1
R5	1	1	1	1

**Penunjuk:**

1 : Setuju

2 : Tidak Setuju

Berdasarkan Jadual 3, pengkaji mendapati bagi soalan 2 kelima-lima peserta kajian telah memberikan respon kod 1 iaitu 'Setuju' semasa sesi temu bual pertama sehingga sesi keempat. Ini menunjukkan kelima-lima peserta kajian setuju bahawa mereka berasa senang menggunakan kaedah *Lattice* semasa menjawab soalan pendaraban.

Berdasarkan dapatan kajian, instrumen pemerhatian dan temu bual separa berstruktur telah memberikan maklum balas yang positif. Kelima-lima peserta kajian dapat menunjukkan keyakinan semasa menjawab soalan pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice*. Mereka turut menunjukkan reaksi seronok semasa menjawab soalan yang diberikan. Ini dapat dirumuskan bahawa objektif kajian pertama untuk menambah baik amalan PdPc Matematik dalam pengajaran kemahiran operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice* dapat dicapai dengan baik.



### Penguasaan Murid dalam Menjawab Soalan Pendaraban Melalui Kaedah *Lattice*

Dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2, pengkaji telah melihat dari aspek tiga kriteria bagi menjawab soalan kajian kedua iaitu membantu penguasaan murid dalam menjawab soalan pendaraban melalui kaedah *Lattice*. Kod 3 menunjukkan peserta kajian 'menjawab kesemua soalan', kod 4 menunjukkan peserta kajian 'menjawab tanpa bantuan guru' manakala kod 5 menunjukkan 'hasil kerja kemas dan betul'. Jadual 4 menunjukkan senarai semak pemerhatian yang dianalisis dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 4

Analisis senarai semak pemerhatian bagi kod kriteria 3, 4 dan 5 dalam kitaran 1 dan kitaran 2

Peserta Kajian (R)	Sesi 1			Sesi 2			Sesi 3			Sesi 4		
	3	4	5	3	4	5	3	4	5	3	4	5
R1	x	x	x	x	x	x	/	x	x	/	x	/
R2	x	x	x	/	x	x	/	x	x	/	/	/
R3	/	x	x	/	/	/	/	/	/	/	/	/
R4	/	x	x	/	/	/	/	/	/	/	/	/
R5	x	x	x	/	x	x	/	/	/	/	/	/
<b>Bilangan peserta kajian mencapai kod kriteria</b>	2	0	0	4	2	2	5	3	3	5	4	5

**Penunjuk:**

/ : Sudah mencapai kriteria yang ditetapkan

x : Belum mencapai kriteria yang ditetapkan

Berdasarkan Jadual 4, hanya dua orang peserta kajian sahaja yang dapat mencapai kod kriteria 3 semasa sesi pertama dilaksanakan. Namun apabila sesi kedua dilaksanakan, sebanyak empat orang peserta kajian berjaya mencapai kod kriteria 3. Setelah sesi ketiga dan keempat dilaksanakan, kesemua peserta kajian berjaya mencapai kod kriteria 3 iaitu mereka berjaya menjawab kesemua soalan lembaran kerja dalam masa yang diperuntukkan. Merujuk kod kriteria 4, kesemua peserta kajian belum mencapai semasa sesi pertama dilaksanakan. Namun apabila sesi keempat dilaksanakan, hanya R1 sahaja yang masih belum lagi dapat menjawab sendiri.

Merujuk kod kriteria 5 pula, kelima-lima peserta kajian belum mencapai semasa sesi pertama dilaksanakan. Namun semasa sesi keempat, kelima-lima peserta kajian berjaya menggunakan kaedah *Lattice* untuk menjawab kesemua soalan pendaraban dengan kemas dan betul. Jadual 5 menunjukkan analisis temu bual bagi soalan 3 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 5

Analisis temu bual bagi soalan 3 dalam kitaran 1 dan kitaran 2

Peserta Kajian (R)	Sesi 1	Sesi 2	Sesi 3	Sesi 4
	Kod	Kod	Kod	Kod
<b>Soalan Kajian 3:</b> Adakah anda rasa kaedah <i>Lattice</i> ini dapat membantu anda menyelesaikan soalan pendaraban?				
R1	2	1	1	1
R2	1	1	1	1
R3	1	1	1	1
R4	1	1	1	1
R5	1	1	1	1

**Penunjuk:**

1 : Setuju

2 : Tidak Setuju

Berdasarkan Jadual 5, empat peserta kajian memberikan respon kod 1 bagi soalan 3 semasa sesi pertama. Namun apabila sesi kedua, ketiga dan keempat dilaksanakan, kelima-lima peserta kajian telah memberikan respon kod 1 bagi soalan 3. Ini menunjukkan kelima-lima peserta kajian setuju menyatakan bahawa kaedah *Lattice* dapat membantu mereka menyelesaikan soalan pendaraban. Jadual 6 menunjukkan analisis temu bual bagi soalan 4 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 6

Analisis temu bual bagi soalan 4 dalam kitaran 1 dan kitaran 2

<b>Peserta Kajian (R)</b>	<b>Sesi 1 Kod</b>	<b>Sesi 2 Kod</b>	<b>Sesi 3 Kod</b>	<b>Sesi 4 Kod</b>
<b>Soalan Kajian 4:</b> Adakah anda dapat menyelesaikan operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah <i>Lattice</i> tanpa bantuan guru?				
R1	2	2	2	2
R2	2	2	2	1
R3	2	1	1	1
R4	2	1	1	1
R5	2	2	1	1

**Penunjuk:**  
1 : Setuju  
2 : Tidak Setuju

Berdasarkan Jadual 6, pengkaji mendapati bagi soalan 4 kelima-lima peserta kajian telah memberikan respon kod 2 semasa sesi temu bual pertama. Selepas temu bual kedua dan ketiga dilaksanakan, tiga peserta kajian telah memberikan respon kod 1 bagi soalan 4. Apabila sesi keempat dilaksanakan, hanya R1 sahaja yang memberikan respon kod 2. Ini menunjukkan hanya R1 sahaja yang belum dapat menyelesaikan soalan operasi pendaraban dengan menggunakan kaedah *Lattice* tanpa bantuan guru. Jadual 7 menunjukkan analisis temu bual bagi soalan 5 dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 7

Analisis temu bual bagi soalan 5 dalam kitaran 1 dan kitaran 2

<b>Peserta Kajian (R)</b>	<b>Sesi 1 Kod</b>	<b>Sesi 2 Kod</b>	<b>Sesi 3 Kod</b>	<b>Sesi 4 kod</b>
<b>Soalan Kajian 5:</b> Adakah anda dapat menggunakan kaedah <i>Lattice</i> untuk menyelesaikan kesemua soalan pendaraban dengan kemas dan betul?				
R1	2	2	2	1
R2	2	2	2	1
R3	2	1	1	1
R4	2	1	1	1
R5	2	2	1	1

**Penunjuk:**  
1 : Setuju  
2 : Tidak Setuju

Merujuk Jadual 7, kelima-lima peserta kajian telah memberikan respon kod 2 bagi soalan 5 semasa sesi pertama dilaksanakan. Semasa sesi kedua dilaksanakan, hanya dua peserta kajian sahaja yang memberikan respon kod 1. Setelah sesi ketiga dilaksanakan, penambahan seorang lagi peserta kajian yang memberikan respon kod 1 bagi soalan 5. R1 dan R2 masih belum lagi dapat menjawab kesemua soalan dengan kemas dan betul. Semasa sesi keempat, kelima-lima peserta kajian telah menjawab kod 1. Ini bermakna mereka berjaya menjawab kesemua soalan dengan menggunakan kaedah *Lattice* dengan kemas dan betul.

Berdasarkan penilaian Pembelajaran masteri (Pusat Perkembangan Kurikulum, n.d), jika murid menjawab betul 8, 9 atau 10 soalan dikatakan telah menguasai kemahiran

berkenaan dan jika murid menjawab kurang daripada 7 soalan dengan betul, dikatakan belum menguasai kemahiran berkenaan. Pengkaji telah menganalisis Lembaran Kerja 1, Lembaran Kerja 2, Lembaran Kerja 3, Lembaran Kerja 4, Ujian Awal dan Ujian Akhir. Jadual 8 merupakan data analisis dokumen Lembaran Kerja bagi Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 8

Data analisis lembaran kerja dalam kitaran 1 dan kitaran 2

R	KITARAN 1						KITARAN 2	
	L1		L2		L3		L4	
	JSB	TP	JSB	TP	JSB	TP	JSB	TP
R1	2	Tidak Menguasai	3	Tidak Menguasai	5	Tidak Menguasai	8	Menguasai
R2	2	Tidak Menguasai	4	Tidak Menguasai	6	Tidak Menguasai	8	Menguasai
R3	3	Tidak Menguasai	6	Tidak Menguasai	8	Menguasai	9	Menguasai
R4	4	Tidak Menguasai	7	Tidak Menguasai	9	Menguasai	10	Menguasai
R5	3	Tidak Menguasai	6	Tidak Menguasai	8	Menguasai	8	Menguasai

**Penunjuk:**

- R : Peserta Kajian
- JSB : Jumlah soalan yang dijawab betul
- TP : Tahap Penguasaan
- L1 : Lembaran Kerja 1
- L2 : Lembaran Kerja 2
- L3 : Lembaran Kerja 3
- L4 : Lembaran Kerja 4

Berdasarkan Jadual 8, kesemua peserta kajian belum mencapai tahap menguasai semasa menjawab Lembaran Kerja 1 dan Lembaran Kerja 2. Bagi Lembaran Kerja 3, didapati tiga peserta kajian berjaya mencapai tahap menguasai kecuali R1 dan R2. Disebabkan masih ada dua orang peserta kajian yang masih belum mencapai tahap menguasai, maka Kitaran 2 diteruskan dengan melakukan penambahbaikan ke atas kaedah sedia ada. Berdasarkan analisis Lembaran Kerja 4, kelima-lima peserta kajian berjaya mencapai tahap menguasai semasa Kitaran 2. Jadual 9 merupakan data analisis dokumen Ujian Awal dan Ujian Akhir bagi Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Jadual 9

Data analisis ujian awal dan ujian akhir dalam kitaran 1 dan kitaran 2

R	UJIAN AWAL		UJIAN AKHIR K1		UJIAN AKHIR K2	
	JSB	TP	JSB	TP	JSB	TP
R1	0	Tidak Menguasai	6	Tidak Menguasai	8	Menguasai
R2	0	Tidak Menguasai	7	Tidak Menguasai	8	Menguasai
R3	1	Tidak Menguasai	9	Menguasai	10	Menguasai
R4	2	Tidak Menguasai	10	Menguasai	10	Menguasai
R5	0	Tidak Menguasai	8	Menguasai	9	Menguasai

**Penunjuk:**

- R : Peserta Kajian
- JSB : Jumlah soalan yang dijawab betul
- TP : Tahap Penguasaan
- K1 : Kitaran 1
- K2 : Kitaran 2

Berdasarkan Jadual 9, pengkaji mendapati kesemua peserta kajian masih dikategorikan tidak menguasai semasa menjawab Ujian Awal. Berdasarkan analisis Ujian Akhir Kitaran 1, didapati tiga peserta kajian sahaja yang berjaya mencapai tahap penguasaan menguasai kecuali R1 dan R2. Maka, Kitaran 2 diteruskan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta kajian. Berdasarkan analisis Ujian Akhir Kitaran 2, kelima-lima peserta kajian berjaya mencapai tahap penguasaan menguasai.

Berdasarkan dapatan kajian, ketiga-tiga instrumen telah memberikan maklum balas yang positif. Peserta kajian juga menunjukkan peningkatan dari sesi ke sesi. Maka, ini membuktikan bahawa kaedah *Lattice* dapat membantu penguasaan peserta kajian dalam menjawab soalan kemahiran operasi pendaraban melalui kaedah *Lattice* seterusnya mencapai objektif kajian kedua.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian ini dapat diperluaskan dalam kemahiran menyelesaikan soalan penambahan dengan mengumpul semula dengan menggunakan kaedah *Lattice*. Merujuk Kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun 2 Bahagian Pembangunan Kurikulum (2017), murid Tahun 2 telah mempelajari kemahiran menambah sebarang dua nombor hingga tiga digit tanpa mengumpul semula.

Kajian ini juga boleh dijalankan dengan melibatkan beberapa buah sekolah rendah agar keputusan yang diperoleh lebih tepat seterusnya membantu isu murid yang bermasalah dalam operasi pendaraban dalam sekolah-sekolah tersebut. Kajian ini dicadangkan dijalankan dalam tempoh yang lebih lama pada kajian akan datang untuk memastikan pengajaran dapat dilaksanakan lebih baik dan keputusan yang diperoleh adalah lebih tepat. Akhir sekali, kajian ini dapat dilaksanakan dengan mempelbagaikan kumpulan pengguna. Ini kerana kaedah *Lattice* ini tidak hanya terhad kepada murid-murid aliran perdana tetapi turut berguna kepada murid-murid kumpulan lain.

## PENUTUP

Kajian ini mempunyai dua fokus kajian utama iaitu menambah baik amalan PdPc Matematik serta membantu penguasaan murid dalam menjawab soalan kemahiran operasi pendaraban melalui kaedah *Lattice*. Akhir sekali, pengkaji juga ingin membantu mengurangkan kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan oleh murid semasa menjawab soalan operasi pendaraban. Secara tidak langsung, ini dapat memastikan salah satu kemahiran asas mereka dikuasai dan kukuh sebelum ke topik-topik seterusnya.

## RUJUKAN

- Azizi Subeli & Hu Laey Nee. (2010). Kesan penggunaan kaedah petak magik dalam kemahiran mendarab dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan (SPTMTE2010)*. Diterbitkan oleh Jabatan Matematik Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, 31-41.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun Dua*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Barmby, P. (2009). *The array representation and primary children's understanding and reasoning in multiplication*. Education Study Mathematics Journal.
- Ho Ho Tong, Rahmah Murshidi, Gan We Ling, Zaliha Musa, Ahap Awal, Lee Hou Yew... Stanley Abang. (2014). *Asas penyelidikan tindakan teori dan amalan*. Sarawak: Jabatan Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Sukatan Pelajaran Malaysia*. Selangor: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (n. d). *Pembelajaran Masteri*. Diperoleh dari <https://afiqekie.files.wordpress.com/2012/12/masteri.pdf>.

- Rosidawati. (2015). *Laporan kajian tindakan penggunaan kaedah lattice dalam nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan mengumpul semula*. Diperoleh dari <http://www.academia.edu/>
- Shahrul Arbai'ah Othman & Masitah Taib. (2013). *Penyelidikan tindakan: Panduan penulisan laporan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Zainudin Abu Bakar. (2007). Kaedah petak sifir: Kajian perbandingan Matematik Tahun 4 dalam penguasaan fakta asas darab. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Diperoleh dari <http://eprints.utm.my/10453/1/ZainudinAbuBakar2007KaedahPetakSifirKajianPerbandingan.pdf>

## PENGUNAAN MODEL BAR MEMBANTU MURID TAHUN 5 DALAM MENJAWAB SOALAN PENAAKULAN PERKADARAN

**CONNIE LAU SIEW JIONG<sup>1</sup>, NARAWI ABU BAKAR<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM),  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>lauconnie97@gmail.com, <sup>2</sup>narawiabubakar@yahoo.com

### ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan dengan tujuan untuk membantu murid Tahun 5 menjawab soalan penaakulan perkadaran dengan menggunakan Kaedah Model Bar. Penyelidikan tindakan dilaksanakan berdasarkan model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983). Lima orang murid Tahun 5 dipilih sebagai peserta kajian dalam kajian ini. Mereka yang dipilih adalah dari sebuah sekolah rendah di kawasan Miri. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data analisis dokumen dianalisis mengikut bilangan soalan yang betul dalam lembaran kerja. Senarai semak pemerhatian disediakan untuk merekod tahap pencapaian dan respon peserta kajian semasa peserta kajian menjawab soalan dalam lembaran kerja. Kandungan temu bual ditranskripsi dan dikodkan. Dapatan kajian menunjukkan perubahan amalan pengajaran yang dipilih dapat membantu peserta kajian menguasai kemahiran untuk menjawab soalan penaakulan perkadaran serta meningkatkan keyakinan mereka ketika menyelesaikan soalan.

Kata kunci: *Kaedah Model Bar, soalan penaakulan perkadaran, murid Tahun 5*

### ABSTRACT

*This action research was implemented to help Year 5 pupils answer proportional reasoning question by using Bar Model Method. This research was based on Stephen Kemmis's action research model (1983). Five pupils from a primary school in Miri were selected as participants in this research. Data were collected by using analysis of documents, observation and interviews. Data of documents were analyzed based on the number of questions which were answered correctly by the participants in the worksheets. Observation checklists were used to record achievement level and participants' response while they were doing the worksheets. The content of interviews was transcribed and coded. The findings indicate the changing of the teaching practice was able to help participants in answering proportional reasoning questions and increase their confidence.*

Keywords: *Bar Model Method, proportional reasoning question, Year 5 pupils*

### PENGENALAN

Selaras dengan perkembangan terkini, sistem pendidikan di Malaysia kerap mengalami perubahan terutama dari aspek kurikulum. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkukuh serta ditambah baik dan digantikan sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Namun, mata pelajaran Matematik masih diiktiraf sebagai salah satu subjek teras yang wajib dipelajari oleh setiap murid. Menurut Norziah Othman, Effandi Zakaria dan Zanaton Iksan (2015), kurikulum Matematik di Malaysia bermatlamat untuk memperkembangkan pemikiran mantik, analitis, bersistem dan kritis serta kemahiran penyelesaian masalah dalam diri murid.

Kurikulum negara yang kerap mengalami perubahan mendorong kepada pembelajaran topik Nisbah dan Kadaran dalam Matematik bagi murid Tahun 5. Menurut Oldham (2013), Nisbah dan Kadaran adalah tajuk Matematik yang merumitkan dan susah

difahami dalam kalangan murid. Justeru, guru Matematik seharusnya mengubah amalan pengajaran Matematik dengan berfokuskan kemahiran berfikir pada aras tinggi untuk membantu murid menguasai kemahiran menjawab soalan penaakulan perkadaran.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Matematik Tahun 5, murid perlu mempelajari kemahiran menentukan sesuatu nilai berdasarkan nisbah 1:1 hingga 1:10, 1:100 dan 1:1000 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Melalui pemerhatian yang dilakukan terhadap lembaran kerja murid, didapati murid mengalami masalah dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran. Keadaan ini dapat dibuktikan dalam kajian Livy dan Vale (2011) menunjukkan bahawa murid-murid mempunyai pemahaman yang lemah terhadap konsep nisbah dan penaakulan perkadaran. Walaupun murid-murid dapat mengenal pasti dan menyebut nisbah dengan tepat, namun mereka tidak mempunyai kemahiran dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran yang memerlukan pemahaman murid.

Melalui pengalaman pratikum lepas, ramai murid didapati tidak dapat menjawab soalan penaakulan perkadaran kerana mereka tidak memahami soalan penaakulan perkadaran dengan jelas terutamanya soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Menurut Siti Nor Akma Mat Isa dan Siti Mistima Maat (2017), murid-murid yang hanya mampu menyelesaikan masalah Matematik mengikut prosedur penyelesaian dan rumus Matematik yang mereka pelajari dan ingati telah menyukarkan mereka dalam menyelesaikan masalah Matematik yang melibatkan KBAT. Masalah ketidakfahaman soalan menyebabkan mereka tidak dapat memilih operasi yang tepat untuk menyelesaikannya. Selain itu, sesetengah murid juga didapati mudah melakukan kecuaiian dalam membaca dan memindahkan maklumat ketika melakukan langkah pengiraan. Kecuaian dalam membaca dan memindahkan maklumat yang diberikan menyebabkan murid memilih operasi yang salah untuk menjawab soalan. Tambahan pula, pengkaji juga mengesan bahawa keyakinan murid dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran adalah rendah kerana mereka tidak memahami dan tidak mampu menjawab soalan. Masalah yang dihadapi oleh murid dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran adalah jelas ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2.

6) 英文学会的会员人数和华文学会的会员人数的比是1:4。华文学会的会员人数比英文学会的会员人数多了78个，华文学会有多少个会员？

Nisbah bilangan ahli Persatuan Bahasa Inggeris kepada bilangan ahli Persatuan Bahasa Cina ialah 1:4. Bilangan ahli Persatuan Bahasa Cina adalah lebih 78 orang daripada ahli Persatuan Bahasa Inggeris. Berapa orangkah ahli dalam Persatuan Bahasa Cina?


$$\begin{array}{r} 312 \\ \times 4 \\ \hline 312 \end{array}$$
$$\begin{array}{r} 312 \\ + 78 \\ \hline 389 \end{array}$$

答: 389

Rajah 1. Ketidakfahaman terhadap kehendak soalan

1) 科学课本的数量和数学课本的数量的比是 1:4。假设数学课本的数量是 132 本，科学课本的数量是多少？

Nisbah bilangan buku teks Sains kepada bilangan buku teks Matematik ialah 1:4.  
Jika bilangan buku teks Matematik ialah 132 buah, berapakah bilangan buku teks Sains?



132  
4  
-----  
528

答: 528 ✓


Rajah 2. Kecuaian dalam membaca dan memindahkan maklumat

### FOKUS KAJIAN

Kajian ini dijalankan berfokuskan penguasaan kemahiran murid dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 serta meningkatkan keyakinan mereka dengan menggunakan Kaedah Model Bar. Murid-murid didapati menghadapi masalah dalam memahami masalah berayat yang bersifat abstrak dan keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat merancang strategi yang sesuai untuk menjawab soalan penaakulan perkadaran. Selain itu, mereka juga tidak yakin dengan operasi yang perlu dipilih. Pengkaji telah mendapatkan idea daripada kajian Ng dan Hu (2016) dan perubahan amalan pengajaran yang dilakukan dalam kajian ini ialah Model Bar.

Mumma dan Panza (2012) menyatakan “*From the most elementary class to the most advanced seminar, in both introductory textbooks and professional journals, diagrams are present, to introduce concepts, increase understanding, and prove results.*” Maslinah Lasiun (2016) juga telah menyokong bahawa kaedah visualisasi dapat membantu murid-murid menterjemah kefahaman terhadap sesuatu permasalahan matematik berayat kepada bentuk yang lebih mudah untuk difahami.

Model Bar merupakan satu kaedah visualisasi yang sistematik untuk mewakili soalan masalah berayat dengan menggunakan bar dalam usaha membantu murid memvisualkan hubungan antara nombor (N A Madani, Khairul Amilin Tengah & Rully Charitas Indra Prahmana, 2018). Kaedah ini membolehkan murid-murid menterjemahkan maklumat dari soalan ke dalam bentuk bar dan juga perwakilan kuantiti yang tidak diketahui dengan menandakan simbol tanda soal. Melalui bar yang dilakar, murid-murid boleh mentafsir maklumat dengan baik dan melaksanakan pengiraan dengan lebih sistematik. Rajah 3 menunjukkan Model Bar yang telah diubahsuai dan digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3. Model Bar yang diubahsuai



## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif iaitu:

- Membantu murid Tahun 5 dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 dengan menggunakan Model Bar.
- Meningkatkan keyakinan murid Tahun 5 untuk menjawab soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 dengan menggunakan Model Bar.

Kajian tindakan ini dilaksanakan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut iaitu:


- Adakah Model Bar dapat membantu murid Tahun 5 dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10?
- Adakah keyakinan murid Tahun 5 untuk menjawab soalan penaakulan perkadaran berdasarkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 dapat ditingkatkan dengan menggunakan Model Bar?

## KUMPULAN SASARAN

Kajian tindakan ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di kawasan bandaraya Miri. Lima orang murid Tahun 5 yang berprestasi rendah dipilih berdasarkan prestasi menjawab enam soalan penaakulan perkadaran yang melibatkan nisbah dan kadaran 1:1 hingga 1:10 dalam kelas. Semua peserta kajian sudah menguasai empat operasi asas dengan baik iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi tetapi menghadapi masalah dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran.

## TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Kajian tindakan ini dilaksanakan sebanyak dua kitaran berpandukan Model Stephen Kemmis (1983) yang terdiri daripada empat langkah kajian tindakan utama iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi dalam satu kitaran lengkap (Mok Soon Sang, 2010). Dalam Kitaran 1 (K1), peserta kajian dibimbing untuk mengenal pasti lima langkah utama dalam penggunaan Kaedah Model Bar ketika menjawab soalan penaakulan perkadaran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.




Rajah 4. Lima langkah utama dalam Kaedah Model Bar

Rajah 5 dan 6 menunjukkan cara penggunaan Model Bar dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran dalam K1. Peserta kajian dikehendaki untuk membaca soalan sebanyak dua kali. Seterusnya, mereka dibimbing untuk melakar bar untuk mewakili nisbah dan melabelkan maklumat yang diberikan di sekeliling bar. Kemudian, mereka perlu mencari nilai untuk tanda soal yang telah ditandakan iaitu jawapan untuk kehendak soalan.

1) 幸福鞋店在一个月內售出了 25 双白鞋。白鞋的售出数量和黑鞋的售出数量的比是 1:3。幸福鞋店在一个月內售出了多少双黑鞋？

Kedai Kasut Bahagia telah menjual 25 pasang kasut putih dalam sebulan. Nisbah bilangan kasut putih kepada bilangan kasut hitam yang telah dijual ialah 1:3. Carikan bilangan kasut hitam yang telah dijual oleh kedai dalam masa sebulan?




$$\begin{array}{r} 25 \\ \times 3 \\ \hline 75 \end{array}$$

答：75 双黑鞋  
Jawapan: 75 pasang kasut hitam

Rajah 5. Penyelesaian soalan rutin

3) 姐姐喜欢收集弹珠。她收集了 48 颗红色弹珠，其余的是青色弹珠。青色弹珠的数量和红色弹珠的数量的比是 1:4。姐姐共收集了多少颗弹珠？

Kakak suka mengumpul guli. Dia telah mengumpul 48 biji guli merah dan lain ialah guli hijau. Nisbah bilangan guli hijau kepada bilangan guli merah yang telah dikumpul ialah 1:4. Berapakah jumlah guli yang telah dikumpul oleh kakak?



$$\begin{array}{r} 12 \\ 4 \overline{) 48} \\ \underline{48} \\ - \end{array} \quad \begin{array}{r} 12 \\ \times 5 \\ \hline 60 \end{array}$$

答：60 颗弹珠  
Jawapan: 60 biji guli

Rajah 6. Penyelesaian soalan yang berunsurkan KBAT

Berdasarkan refleksi hasil dapatan K1, didapati tiga orang peserta kajian menghadapi kekeliruan dalam mencari jawapan akhir terutama dalam menjawab soalan yang berunsurkan KBAT. Dalam K1, peserta kajian menjawab soalan dengan mencari nilai bagi satu bar tanpa menuliskan nilai tersebut ke dalam setiap bar. Situasi ini menyebabkan mereka tidak mempunyai satu gambaran yang keseluruhan tentang perkaitan antara nilai bagi satu bar dengan kehendak soalan. Maka, penambahbaikan amalan pengajaran dilakukan dalam Kitaran 2 (K2) dengan menuliskan nilai bagi satu bar yang telah dicari ke dalam setiap bar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7. Penambahbaikan yang dilakukan

dalam K2 dapat dilihat dengan jelas setelah peserta kajian mengenal pasti nilai bagi satu bar sama ada diperolehi dari pokok soalan atau dicari melalui langkah pengiraan. Peserta kajian dibimbing untuk menuliskan nilai tersebut ke dalam setiap bar yang dilakar untuk memudahkan pemilihan operasi bagi mencari jawapan akhir.

3) 姐姐喜欢收集弹珠。她收集了 48 颗红色弹珠，其余的是青色弹珠。青色弹珠的数量和红色弹珠的数量的比是 1:4。姐姐共收集了多少颗弹珠？

Kakak suka mengumpul guli. Dia telah mengumpul 48 biji guli merah dan lain ialah guli hijau. Nisbah bilangan guli hijau kepada bilangan guli merah yang telah dikumpul ialah 1:4. Berapakah jumlah guli yang telah dikumpul oleh kakak?

$$4 \overline{) 48} \quad \begin{array}{r} 12 \\ + 48 \\ \hline 60 \end{array}$$

答: 60 颗弹珠  
Jawapan: 60 biji guli

Rajah 7. Contoh pengubahsuaian Model Bar dalam Kitaran 2

Berdasarkan refleksi hasil dapatan K2, ketiga-tiga peserta kajian berjaya mencapai objektif selepas penambahbaikan perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan Model Bar dilakukan. Maka, kajian ini berhenti di K2. Pengkaji menggunakan tiga teknik pengumpulan data iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Tiga lembaran kerja telah disediakan untuk dua kitaran, iaitu dua lembaran kerja untuk K1 dan satu lembaran kerja diberikan dalam K2. Manakala senarai semak temu bual dan senarai semak pemerhatian digunakan untuk menilai penguasaan kemahiran dan keyakinan peserta kajian. Dapatan kajian telah direkod dan dicatat.

## DAPATAN KAJIAN

### Penguasaan peserta kajian dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran

Penguasaan peserta kajian dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran menggunakan Model Bar dinilai melalui analisis lembaran kerja (LK) dalam Jadual 1, analisis senarai semak pemerhatian dalam Jadual 2 dan analisis temu bual dalam Jadual 3. Berdasarkan hasil analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 1 hingga Jadual 3, didapati bilangan peserta kajian yang dapat menjawab semua soalan dengan betul telah bertambah dari K1 ke K2. Keputusan ini menunjukkan penambahbaikan yang dilakukan dalam K2 boleh membantu peserta kajian menjawab soalan penaakulan perkadaran.

#### Jadual 1

Analisis Lembaran Kerja 1, 2 dan 3

Peserta kajian	Bilangan soalan yang dijawab betul (6 soalan)			Tafsiran
	Kitaran 1 (K1)		Kitaran 2 (K2)	
	LK1	LK2	LK3	
M1	4	6	-	Menguasai (K1)
M2	3	4	6	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)

M3	3	3	6	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M4	4	4	6	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M5	5	6	-	Menguasai (K1)

Jadual 2

Analisis senarai semak pemerhatian berkaitan penguasaan peserta kajian

Bil.	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2	
		LK1		LK2		LK3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Dapat melakar bar mengikut nisbah	M2, M3, M4, M5	M1	M1, M2, M3, M4, M5	-	M2, M3, M4	-
2.	Dapat menggunakan operasi yang betul	-	M1, M2, M3, M4, M5	M1, M5	M2, M3, M4	M2, M3, M4	-
3.	Tidak melakukan kecuaiian	M5	M1, M2, M3, M4	M1, M2, M4, M5	M3	M2, M3, M4	-

Jadual 3

Analisis transkrip temu bual berkaitan penguasaan peserta kajian

Kitaran 1			
Bil.	Soalan	Kod	Peserta Kajian
1.	Adakah bar ini senang dilakar?	1	M1, M2, M4, M5
		2	M3
2.	Adakah Model Bar membantu anda menjawab soalan penaakulan perkadaran?	1	M1, M5
		2	M2, M3, M4
Kitaran 2			
1.	Adakah bar ini senang dilakar?	1	M2, M3, M4
		2	-
2.	Adakah Model Bar membantu anda menjawab soalan penaakulan perkadaran?	1	M2, M3, M4
		2	-

Catatan. 1 = Positif, 2 = Negatif

### Keyakinan peserta kajian dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran

Data yang berkaitan keyakinan peserta kajian dikumpul melalui senarai semak pemerhatian dan senarai semak temu bual. Jadual 4 dan 5 menunjukkan hasil analisis dapatan mengenai keyakinan peserta kajian dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran dengan menggunakan Model Bar. Berdasarkan hasil pemerhatian dalam Jadual 4, didapati keyakinan peserta kajian telah meningkat. Peningkatan keyakinan peserta kajian dapat ditunjukkan dengan keupayaan mereka menyiapkan lembaran kerja dalam masa yang singkat dan kemampuan mereka untuk menjawab soalan tanpa menanya atau merujuk jawapan rakan sebelah.

Jadual 4

Analisis senarai semak pemerhatian berkaitan keyakinan peserta kajian

Bil.	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2	
		LK1		LK2		LK3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
4.	Menyiapkan lembaran kerja dalam masa yang singkat.	M5	M1, M2, M3, M4	M1, M5	M2, M3, M4	M2, M3, M4	-

5.	Kemampuan diri untuk menyiapkan lembaran kerja (tidak menanya atau merujuk jawapan rakan sebelah)	M5	M1,M2, M3, M4	M1, M5	M2,M3, M4	M2, M3, M4	-
----	---	----	---------------	--------	-----------	------------	---

Jadual 5

Analisis transkrip temu bual berkaitan keyakinan peserta kajian

<b>Kitaran 1</b>			
Bil.	Soalan	Kod	Peserta Kajian
3.	Adakah anda rasa soalan sebegini mudah dijawab selepas mempelajari Kaedah Model Bar?	1	M1, M5
		2	M2, M3, M4
4.	Adakah anda yakin dapat menyelesaikan soalan dengan menggunakan Model Bar semasa peperiksaan? Kenapa?	1	M1, M5
		2	M2, M3, M4
<b>Kitaran 2</b>			
3.	Adakah anda rasa soalan sebegini mudah dijawab selepas mempelajari Kaedah Model Bar?	1	M2, M3, M4
		2	-
4.	Adakah anda yakin dapat menyelesaikan soalan dengan menggunakan Model Bar semasa peperiksaan? Kenapa?	1	M2, M3, M4
		2	-

Catatan. 1 = Positif, 2 = Negatif

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

### Penguasaan peserta kajian dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran

Hasil dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 1, 2 dan 3 memaklumkan bahawa M1 dan M5 boleh menjawab soalan penaakulan perkadaran dengan baik selepas perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan Model Bar dilakukan dalam K1. Tiga orang peserta kajian iaitu M2, M3 dan M4 didapati masih keliru dengan penggunaan Model Bar dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran terutamanya soalan KBAT. Maka, penambahbaikan perubahan amalan pengajaran dilakukan dalam K2 untuk membantu tiga orang peserta kajian tersebut menjawab soalan KBAT dengan lebih mudah. Penambahbaikan telah dilakukan selepas peserta kajian mengenal pasti nilai bagi satu bar sama ada diperolehi dari pokok soalan atau dicari melalui langkah pengiraan. Mereka dibimbing untuk menuliskan nilai bagi satu bar yang dicari ke dalam setiap bar untuk memudahkan mereka memperoleh jawapan akhir. Rajah 8 telah menunjukkan contoh hasil kerja peserta kajian selepas penambahbaikan amalan pengajaran dilakukan dalam Kitaran 2.

Hasil analisis daripada lembaran kerja, pemerhatian dan temu bual menunjukkan respon positif daripada semua peserta kajian setelah tindakan penambahbaikan yang dilakukan dalam K2. Peserta kajian dapat menggambarkan dan mewujudkan perwakilan grafik yang membolehkan mereka membangunkan kemahiran, konsep dan pemahaman mereka berfikir secara matematik melalui penggunaan Model Bar. Dapatan ini telah disokong oleh kajian Lau dan Hu (2015), Wong dan Hu (2015), serta Nor Ezah Ariffin dan Nurulwahida Azid (2016).

6) 杰圣买了 36 本练习簿。杰圣所买的活动本的数量和练习簿的数量的比是 1:4。计算活动本的数量和练习簿的数量的差。

Jackson telah membeli 36 buah buku latihan. Nisbah bilangan buku aktiviti kepada bilangan buku latihan yang telah dibeli ialah 1:4. Carikan perbezaan antara bilangan buku aktiviti dan buku latihan.

The image shows a student's handwritten solution. On the left, a bar model is drawn with two rows. The top row is labeled '活动本' (Activity Book) and contains one box with the number '9'. The bottom row is labeled '练习簿' (Exercise Book) and contains four boxes, each with the number '9'. A bracket under the four boxes in the bottom row is labeled '36'. A bracket above the top row and the first box of the bottom row is labeled with a question mark '?'. Below the bar model, the student has written '答: 27本' (Answer: 27 books) with a red checkmark. To the right of the bar model, there are two calculations. The first is a division problem: 
$$\begin{array}{r} 9 \\ 4 \overline{)36} \\ \underline{36} \\ - \end{array}$$
 The second is a multiplication problem: 
$$\begin{array}{r} 9 \\ \times 3 \\ \hline 27 \end{array}$$

Rajah 8. Contoh hasil kerja peserta kajian dalam Kitaran 2

### Keyakinan peserta kajian dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran

Berdasarkan hasil analisis dalam Jadual 4 dan 5, semua maklum balas yang diterima dalam Kitaran 2 ialah positif, iaitu semua peserta kajian yakin dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran selepas penambahbaikan perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan Model Bar dilakukan. Dengan kata lain, mereka dapat menyelesaikan soalan penaakulan perkadaran tanpa bantuan orang lain dan mampu menyelesaikan lembaran kerja dalam masa yang singkat. Melalui lakaran bar, peserta kajian dapat mengenal pasti kuantiti yang diketahui dan tidak diketahui serta hubungan antara kuantiti dalam soalan. Pemahaman peserta kajian yang jelas terhadap soalan dapat membantu mereka dalam memilih operasi yang tepat untuk menyelesaikan soalan. Kemampuan untuk memahami soalan dan keupayaan untuk menyelesaikan soalan penaakulan perkadaran secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan peserta kajian dalam menjawab soalan. Dapatan ini telah disokong oleh Gavita Kanapathy (2016) yang menunjukkan bahawa murid yakin dengan jawapan yang ditulis apabila mereka menggunakan kemahiran visualisasi untuk menjawab soalan.

### CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji mendapati penggunaan unsur bentuk dalam memahami soalan penaakulan perkadaran boleh diaplikasikan pada langkah membaca supaya peserta kajian dapat menyusun maklumat dalam soalan dengan lebih sistematik. Maklumat-maklumat penting dalam soalan iaitu item-item dan nisbah bagi item tersebut boleh dikategorikan mengikut bentuk yang berbeza seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9. Item pertama dan nisbah pertama dalam soalan dibulatkan manakala item kedua dan nisbah kedua dikotakkan. Kecuaian peserta kajian dalam lakaran bar dapat dielakkan melalui pengelasan maklumat mengikut bentuk.

Selain itu, Kaedah Model Bar ini juga boleh diaplikasikan dalam topik lain seperti topik Pecahan dalam Tahun 5 bagi memudahkan mereka untuk memahami soalan penyelesaian masalah yang melibatkan pecahan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10. Melalui lakaran bar, murid-murid dapat menterjemahkan soalan yang merumitkan ke dalam bentuk bar yang mudah difahami dan mampu merancang strategi penyelesaian yang sistematik untuk menjawab soalan ini.


5 红班一共有 45 个学生。假设  $\boxed{\text{女生}}$  人数和  $\boxed{\text{男生}}$  人数的比是  $\boxed{1} : \boxed{4}$  ,  
那 5 红班一共有几个男生?

Terdapat 45 orang murid di Kelas 5 Merah. Sekiranya nisbah bilangan  
murid  $\boxed{\text{perempuan}}$  kepada bilangan murid  $\boxed{\text{lelaki}}$  dalam kelas ialah  
 $\boxed{1} : \boxed{4}$  , berapakah bilangan murid lelaki dalam kelas 5 Merah?

Rajah 9. Pengelasan maklumat dalam soalan mengikut bentuk

培华小学有 288 名五年级的学生。四年级的学生人数比五年级的多  $\frac{1}{3}$ 。计算四年级的学生人数。

Sekolah Pei Hua mempunyai 288 orang murid Tahun 5. Bilangan murid Tahun 4 melebihi  $\frac{1}{3}$  daripada bilangan murid Tahun 5. Kirakan bilangan murid Tahun 4.



$$3 \overline{) 288}$$

$$\underline{27} \phantom{0}$$

$$18$$

$$\underline{18}$$

$$\phantom{00}0$$

$$\begin{array}{r} 96 \\ \times 4 \\ \hline 384 \end{array}$$

Jawapan: 384 orang murid Tahun 4

Rajah 10. Penyelesaian masalah yang melibatkan pecahan

## PENUTUP

Perubahan amalan pengajaran dengan menggunakan Kaedah Model Bar dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran menunjukkan kesan yang positif. Kaedah ini boleh membantu murid-murid menghubungkan maklumat-maklumat penting daripada soalan melalui gambar rajah yang dilakar iaitu bar dan mendapatkan gambaran keseluruhan bagi soalan tersebut. Oleh itu, guru sewajarnya mengaplikasikan kaedah ini dalam pengajaran topik Nisbah dan Kadar kerana penggunaan Kaedah Model Bar dapat membantu murid-murid Tahun 5 dalam menjawab soalan penaakulan perkadaran serta meningkatkan keyakinan mereka ketika menjawab soalan.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Lima*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Gavita Kanapathy. (2016). Kemahiran visualisasi dalam mata pelajaran Matematik dalam kalangan murid Tahun 5 di sebuah SJKT Daerah Kuala Muda Yan, Kedah. *Proceeding of the ICECRS*. Oktober 25-27. Kedah: Universiti Utara Malaysia. 909-916.
- Lau, S.H., & Hu, L.N. (2015). Penggunaan Model Bar dalam membantu murid Tahun 6 meningkatkan kemahiran menjawab soalan penyelesaian masalah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 10: 49-60.
- Livy, S., & Vale, C. (2011). First year pre-service teachers' mathematical content knowledge: methods of solution for a ratio question. *Mathematics Teacher Education and Development*, 13(2): 22-43.

- Maslinah Lasiun. (2016). Keberkesanan kaedah visualisasi: meningkatkan keupayaan menyelesaikan masalah Matematik berayat. *Proceeding of the ICECRS*. Oktober 25-27. Kedah: Universiti Utara Malaysia. 687-698.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mumma, J., & Panza, M. (2012). Diagrams in Mathematics: history and philosophy. *Synthese*, 186, 1-5. doi:10.1007/s11229-011-9988-3.
- N A Madani, Khairul Amilin Tengah, & Rully Charitas Indra Prahmana. (2018). Using Bar Model to solve word problems on profit, loss and discount. *Journal of Physics: Conference Series*, 1097(1): 1-9.
- Ng, Y.M., & Hu, L.N. (2016). Model Perbandingan: menjawab soalan penaakulan perkadaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 12: 37-46.
- Nor Ezah Ariffin, & Nurulwahida Azid. (2016). Persepsi murid Tahun Lima terhadap penggunaan Kaedah Model Bar dalam penyelesaian masalah Matematik berayat tajuk Pecahan. *Proceeding of the ICECRS*. Oktober 25-27. Kedah: Universiti Utara Malaysia. 287-304.
- Norziah Othman, Effandi Zakaria, & Zanaton Iksan. (2015). Nilai dalam pembelajaran Matematik. Dlm Effandi Zakaria, Roslinda Rosli, & Siti Mistima Maat. *Isu pengajaran dalam kalangan guru Matematik*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. 53-73.
- Oldham, E. (2013). Getting ratio in proportion? An examination of the emphasis on ratio-related concepts in Irish Mathematics curricula. *Proceedings of the fifth Conference on Research in Mathematics Education*. September 5-6. Dublin: St. Patrick's College. 272-283.
- Siti Nor Akma Mat Isa, & Siti Mistima Maat. (2017). Hubungan antara kemahiran Matematik dan kebimbangan dengan kemahiran berfikir Matematik murid Tahun Enam. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-VIII 2017*. September 7. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. 162-169.
- Wong, W.T., & Hu, L.N. (2015). Integrasi soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran topik Jisim. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 10: 61-72.



## PENGGUNAAN 'PETAK BERGANDA' MEMBANTU MURID MENAMBAH DUA PECAHAN WAJAR PENYEBUT TAK SAMA

**IRENE SEBI JARAW<sup>1</sup>, NARAWI ABU BAKAR<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM),  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>irene\_sebi@yahoo.com.my, <sup>2</sup>narawiabubakar@yahoo.com

### ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid Tahun 4 dalam penambahan pecahan wajar penyebut tak sama. Penyelidikan tindakan ini menggunakan model kajian tindakan Stephen Kemmis. Tujuh orang murid telah dipilih sebagai peserta kajian dalam kajian ini. Peserta kajian dipilih berdasarkan hasil analisis lembaran kerja yang dijalankan dalam kalangan murid Tahun 4 di sebuah sekolah di bandaraya Miri. Kajian ini memfokuskan penggunaan Petak Berganda dalam menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran penambahan pecahan wajar penyebut tak sama. Data dikumpul dengan menggunakan tiga teknik iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data analisis dokumen dianalisis berdasarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam lembaran kerja. Data pemerhatian dicatat merujuk senarai senarai semak pemerhatian mengikut tingkah laku peserta kajian semasa menjawab lembaran kerja dan dianalisis berdasarkan kekerapan tingkah laku yang telah diperhatikan. Data temu bual direkod dan dianalisis dengan kaedah pengekodan. Dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan Petak Berganda dapat membantu lima daripada tujuh peserta kajian dalam penambahan pecahan wajar penyebut tak sama pada kitaran 1. Dapatan kajian juga mendapati baki dua peserta kajian telah menguasai kemahiran penambahan pecahan wajar penyebut tak sama dengan menggunakan Petak Berganda yang ditambah baik pada kitaran kedua.

Kata kunci: Petak Berganda, penambahan pecahan, pecahan wajar

### ABSTRACT

*This action research was conducted to help Year 4 students to improve their mastery skills of adding two proper fraction with different denominator. This action research uses the Stephen Kemmis action research model. Seven students were selected as respondents in this study. The respondents were selected based on the result of worksheet conducted among Year 4 students at a school in Miri City. This study focuses on the use of Multiple Squares in addition of different denominator proper fraction to improve teaching and learning process. Respondents' achievement is measured by using three techniques namely document analysis, observations and interview. Documents were analyzed based on the number of correct answers in the worksheets. Observed data refers to a list of observation checklists according to the behavior of the respondents while completing their worksheets and analyzed based on the frequency of observed behaviors. Interview data were recorded and analyzed by encoding method. The results showed that the uses of Multiple Squares can help five out of seven respondents increase their mastery skills for the addition of two proper fraction with different denominator during the first cycle. The results also found that the remaining two respondents had mastered the skill of adding a proper fraction with different denominator by using the improved Multiple Squares during the second cycle.*

*Keyword: Multiple Squares, addition of fraction, proper fraction*



## PENGENALAN

Berdasarkan Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik, kandungan yang dirangkumkan mengikut empat bidang pembelajaran, iaitu Nombor dan Operasi, Sukatan dan Geometri, Perkaitan dan Algebra serta Statistik dan Kebarangkalian. Apabila menjurus kepada bidang Nombor dan Operasi, Tahun 1 hingga Tahun 6 masing-masing mempunyai tajuk Pecahan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011; 2012; 2013).

Tajuk pecahan merupakan tajuk yang sukar bagi setiap murid. Kenyataan ini turut disokong oleh Julie dan Meghan (2010) mengatakan bahawa membantu murid untuk memahami topik pecahan yang mendalam dan fleksible adalah sangat kompleks dan sukar. Oleh itu, terbukti bahawa topik pecahan merupakan topik yang amat sukar difahami oleh murid. Maka, ini menunjukkan betapa signifikannya murid perlu dibantu untuk meningkatkan penguasaan dalam tajuk pecahan terutamanya penambahan pecahan.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sebelum memulakan kajian ini, pengkaji telah menganalisis hasil kerja murid pada sesi praktikum fasa 2. Pengkaji telah mendapati bahawa murid mempunyai permasalahan dalam penambahan pecahan yang melibatkan penambahan pecahan wajar dengan penyebut tidak sama.

 <p>1. <math>\frac{1}{3} + \frac{2}{4} =</math></p> <p><math>\frac{1}{3} \times 4 + \frac{2}{4} \times 3 = \frac{4}{12} + \frac{2}{12}</math></p> <p><math>= \frac{6}{12}</math></p> <p><math>= \frac{1}{2}</math></p>	 <p><math>\frac{1}{2} + \frac{3}{4} = \frac{4}{4} = 1</math></p>
A. Pengangka terus ditambahkan	B. Penambahan pecahan seperti nombor bulat

Rajah 1. Hasil kerja murid

Berdasarkan Rajah 1 (A), murid dapat mencari penyebut setara namun tidak mendarabkan bahagian pengangkanya. Murid hanya terus menambahkan pengangka seperti penambahan nombor bulat. Manakala Rajah 1 (B), menunjukkan murid melakukan penambahan pecahan sama seperti penambahan nombor bulat. Kenyataan ini turut dibuktikan oleh Suhaidah Tahir (2006) yang menyatakan ramai murid mengalami kesilapan konsep penambahan nombor bulat disamakan dengan penambahan nombor pecahan.

## FOKUS KAJIAN

Pengkaji memfokuskan kajian ini dijalankan untuk membantu murid melakukan penyelesaian masalah menambah dua pecahan wajar yang mempunyai penyebut tak sama. Pengkaji memperkenalkan Petak Berganda bagi membantu murid yang menghadapi masalah dalam penambahan dua pecahan wajar penyebut tak sama. Hal ini demikian dapat membantu murid Tahun 4 menguasai topik pecahan dalam operasi penambahan pecahan tanpa bergantung kepada hafalan algoritma semata-mata (Bahagian Pendidikan Guru, 1998).

Kaedah Petak Berganda sesuai digunakan untuk membantu murid-murid dalam mencari penyebut yang sama dan seterusnya menguasai kemahiran penambahan pecahan.

Kaedah Petak Berganda merupakan kaedah yang turut mempunyai pendekatan gambar rajah sama seperti kajian yang dijalankan oleh Shirley Urai Lawai (2010) yang menunjukkan perubahan positif dan keputusan empat peserta kajian meningkatkan selepas mereka menggunakan pendekatan gambar rajah dalam menjawab soalan pecahan. Perkara ini menunjukkan bahawa kaedah visualisasi adalah sesuai digunakan dalam pengajaran terutamanya dalam kalangan murid. Hal ini demikian kerana terdapat lima cara untuk mewakili idea-idea matematik yang saling berkaitan, iaitu melalui situasi kehidupan sebenar, lisan, penulisan simbol, gambar, dan objek sebagai bahan manipulatif (Reys *et al.*, 2015; Van de Welle *et al.*, 2015).

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

- a. Membantu murid menguasai kemahiran penambahan dua pecahan wajar penyebut tak sama menggunakan pendekatan gambar rajah iaitu 'Petak Berganda'.
- b. Menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam penambahan pecahan wajar penyebut tak sama.

Persoalan kajian ini ialah:

- a. Bagaimanakah cara membantu murid menguasai kemahiran penambahan dua pecahan wajar penyebut tak sama?
- b. Bagaimanakah cara menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam penambahan pecahan wajar penyebut tak sama?

## PESERTA KAJIAN





Kajian tindakan ini melibatkan tujuh murid Tahun 4 di sebuah sekolah di Bandaraya Miri. Kesemua peserta kajian sudah menguasai kemahiran menukarkan pecahan wajar kepada bentuk pecahan termudah dan pecahan tak wajar kepada nombor bercampur.

## TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN



Pengkaji melaksanakan kajian ini sebanyak dua kitaran dengan berpandukan Model Stephen Kemmis (1983) yang melibatkan empat langkah dalam satu kitaran lengkap iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek (Mok Soon Sang, 2010; Akhbar Pardi & Shamsina Shamsuddin, 2012; Ting Len Siong, Ahman Sabry Bin Othman dan Ting Hun Yong, 2013; Ho Ho Tong *et al.*, 2014; Shamsina Shamsuddin, 2014). Kajian ini menggunakan tiga teknik pengumpulan data iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Bagi analisis dokumen, data dianalisis berdasarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam setiap lembaran kerja. Data pemerhatian dianalisis dengan mengira kekerapan kriteria dalam senarai semak pemerhatian. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah pengkodan berpandukan soalan-soalan temu bual. Pemerhatian dijalankan semasa peserta kajian menjawab Lembaran Kerja 3 dan Lembaran Kerja 5. Temu bual pula dijalankan selepas peserta kajian menjawab Lembaran Kerja 3 dan Lembaran Kerja 5.

Jadual 1 menunjukkan contoh penggunaan Petak Berganda dalam Kitaran 1 manakala Jadual 2 menunjukkan penambahbaikkan amalan yang dilakukan dalam Kitaran 2. Dalam Kitaran 2, pengkaji menggunakan simbol anak panah untuk membantu peserta kajian melihat proses gandaan Petak. Penggunaan gambar, simbol dan warna dan huruf saling berkaitan sebagai penjelasan mengenai sesuatu hal (Tony Buzan, 2007). Dengan menggunakan simbol anak panah, peserta kajian boleh lebih jelas tentang langkah yang perlu dilakukan semasa menggunakan Petak Berganda dan mencari jawapan dengan lebih senang dan tepat. Penambahbaikkan ini melibatkan Langkah 2 dan Langkah 3 sahaja.

Jadual 1  
Contoh penggunaan Petak Berganda.

<p><b>Contoh soalan</b></p>	$\frac{1}{2} + \frac{1}{3} =$
<p><b>Langkah 1: Melukis Petak berdasarkan nilai pengangka dan penyebut.</b></p>	<p>Lukis dan lorekkan petak asal bagi setiap pecahan tersebut mengikut bilangan pengangka dan penyebut. Tuliskan pecahan pertama dan pecahan kedua di sebelah kiri petak asal.</p> <div style="display: flex; flex-direction: column; align-items: flex-start;"> <div style="display: flex; align-items: center; margin-bottom: 10px;"> <math>\frac{1}{2}</math>  </div> <div style="display: flex; align-items: center;"> <math>\frac{1}{3}</math>  </div> </div>
<p><b>Langkah 2: Mengandakan petak pecahan pertama</b></p>	<p>Gandakan setiap bahagian <math>\frac{1}{2}</math> kepada tiga bahagian mengikut jumlah penyebut <math>\frac{1}{3}</math>. Nyatakan pecahan yang baru mengikut petak yang telah digandakan.</p> <div style="display: flex; align-items: center;"> <math>\frac{1}{2}</math>  </div> $\frac{1}{2} = \frac{3}{6}$
<p><b>Langkah 3: Mengandakan petak pecahan kedua</b></p>	<p>Gandakan setiap bahagian <math>\frac{1}{3}</math> kepada dua bahagian mengikut jumlah penyebut <math>\frac{1}{2}</math>. Nyatakan pecahan yang baru mengikut petak yang telah digandakan.</p> <div style="display: flex; align-items: center;"> <math>\frac{1}{3}</math>  </div> $\frac{1}{3} = \frac{2}{6}$
<p><b>Langkah 4: Mengira hasil tambah</b></p>	<p>Kedua-dua pecahan mempunyai penyebut yang sama dan proses penambahan dilakukan. Mengira hasil tambah bagi pengangka dan penyebut.</p> $\frac{1}{2} + \frac{1}{3} = \frac{3}{6} + \frac{2}{6}$ $= \frac{5}{6}$ <p>Jika jawapan dalam pecahan tidak wajar, pecahan tersebut perlu ditukarkan kepada nombor bercampur. Jika jawapan bukan dalam bentuk termudah, pecahan tersebut perlu dipermudahkan.</p>

Jadual 2  
Pengubahsuaian Langkah 2 dan Langkah 3.

<b>Contoh soalan</b>	$\frac{1}{2} + \frac{1}{3} =$
<b>Langkah 2: Mengandakan petak pecahan pertama</b>	<p>Gandakan setiap bahagian <math>\frac{1}{2}</math> kepada tiga bahagian mengikut jumlah penyebut <math>\frac{1}{3}</math>. Lukiskan anak panah mengikut lakaran petak asal yang digandakan. Nyatakan pecahan yang baru mengikut petak yang telah digandakan.</p>  <p style="text-align: center;"><math>\frac{1}{2} = \frac{3}{6}</math></p>
<b>Langkah 3: Mengandakan petak pecahan kedua</b>	<p>Gandakan setiap bahagian <math>\frac{1}{3}</math> kepada dua bahagian mengikut jumlah penyebut <math>\frac{1}{2}</math>. Lukiskan anak panah mengikut lakaran petak asal yang digandakan. Nyatakan pecahan yang baru mengikut petak yang telah digandakan.</p>  <p style="text-align: center;"><math>\frac{1}{3} = \frac{2}{6}</math></p>

## DAPATAN KAJIAN

### Penggunaan petak berganda terhadap penguasaan dalam kemahiran penambahan pecahan

Pengkaji menggunakan teknik analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual pada Kitaran 1 untuk menilai peningkatan penguasaan peserta kajian. Jadual 3 merupakan hasil analisis data lembaran kerja Kitaran 1. Jumlah bilangan soalan yang dijawab dengan betul sebanyak 0-2 bermaksud belum menguasai, 3-4 bermaksud kurang menguasai dan 5-6 menguasai. Jadual 4 menunjukkan hasil analisis pemerhatian semasa Kitaran 1. Jumlah kekerapan berdasarkan item pemerhatian sebanyak 0-2 bermaksud tidak memenuhi kriteria, 3-4 bermaksud kurang memenuhi kriteria dan 5-6 telah memenuhi kriteria. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis temu bual bagi Kitaran 1. Kod 1 ialah maklum balas positif dan Kod 2 ialah maklum balas negatif.

Jadual 3

Analisis data penguasaan kemahiran penambahan pecahan dalam Kitaran 1.

Peserta Kajian	Bilangan soalan yang dijawab betul (Daripada 6 soalan)		
	LK2	LK3	Tafsiran
P1	4	5	Menguasai

P2	3	5	Menguasai
P3	2	4	Kurang Menguasai
P4	6	6	Menguasai
P5	4	6	Menguasai
P6	4	5	Menguasai
P7	1	3	Kurang Menguasai

Jadual 4

Hasil analisis senarai semak pemerhatian Kitaran 1.

Bil	Item Pemerhatian	Bilangan soalan						
		P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7
1.	Menulis pecahan pertama dan kedua secara menegak. Pecahan pertama diatas diikuti pecahan kedua di bahagian bawah pecahan pertama.	6	6	5	6	6	6	6
2.	Melukis petak asal mengikut bilangan pengangka dan penyebut bagi pecahan pertama dan pecahan kedua dengan betul.	6	6	6	6	6	5	6
3.	Gandakan bahagian petak asal pecahan pertama mengikut jumlah penyebut pecahan kedua.	6	6	4	6	6	5	3
4.	Gandakan bahagian petak asal pecahan kedua mengikut jumlah penyebut pecahan pertama dengan betul.	5	6	5	6	6	5	3
5.	Tuliskan pecahan setara pada sebelah kanan Petak Berganda dengan betul.	5	5	4	6	6	5	3
6.	Melakukan langkah pengiraan dengan betul.	5	5	4	6	6	5	3
7.	Memberi jawapan akhir yang betul (bentuk pecahan termudah atau nombor bercampur).	5	5	4	6	6	5	3

Jadual 5

Hasil analisis temu bual Kitaran 1.

Bil	Soalan	Hasil Analisis Temu Bual						
		P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7
1	Adakah Petak Berganda senang dilakar?	1	1	1	1	1	1	1
2	Adakah anda berasa lebih mudah untuk menjawab soalan menggunakan Petak Berganda?	1	1	2	1	1	1	2
3	Adakah anda berasa yakin setelah menggunakan Petak Berganda?	1	1	2	1	1	1	2
4	Adakah anda akan memperkenalkan Petak Berganda ini kepada rakan yang lain?	1	1	2	1	1	2	2
5	Adakah anda akan menggunakan Petak Berganda untuk menjawab soalan penambahan pecahan pada masa lain?	1	1	2	1	1	1	2

### Perubahan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru dengan Menambahbaik Penggunaan Petak Berganda

Berdasarkan Kitaran 1, pengkaji mendapati peserta kajian tidak memahami proses gandaan pada langkah 2 dan 3. Maka, pengkaji menggunakan simbol anak panah untuk menambahbaik Petak Berganda dalam amalan Pdp guru bagi Kitaran 2. Jadual 6

menunjukkan hasil analisis data lembaran kerja dalam Kitaran 2. Manakala, Jadual 7 menunjukkan hasil analisis pemerhatian Kitaran 2. Jadual 8 pula menunjukkan hasil analisis temu bual semasa Kitaran 2.

Jadual 6

Analisis data penguasaan kemahiran penambahan pecahan dalam Kitaran 2.

Peserta Kajian	Bilangan soalan yang dijawab betul (Daripada 6 soalan)		
	LK4	LK5	Tafsiran
P3	4	5	Menguasai
P7	6	6	Menguasai

Jadual 7

Hasil analisis senarai pemerhatian Kitaran 2.

Bil	Item Pemerhatian	Bilangan soalan	
		P3	P7
1.	Menulis pecahan pertama dan kedua secara menegak. Pecahan pertama diatas diikuti pecahan kedua di bahagian bawah pecahan pertama.	6	6
2.	Melukis petak asal mengikut bilangan pengangka dan penyebut bagi pecahan pertama dan pecahan kedua dengan betul.	6	6
3.	Gandakan bahagian petak asal pecahan pertama mengikut jumlah penyebut pecahan kedua.	6	6
4.	Gandakan bahagian petak asal pecahan kedua mengikut jumlah penyebut pecahan pertama dengan betul.	6	6
5.	Tuliskan pecahan setara pada sebelah kanan Petak Berganda dengan betul.	6	6
6.	Melakukan langkah pengiraan dengan betul.	5	6
7.	Memberi jawapan akhir yang betul (bentuk pecahan termudah atau nombor bercampur).	5	6

Jadual 8

Hasil analisis temu bual Kitaran 2.


Bil	Soalan	Hasil Analisis Temu Bual	
		P3	P7
1	Adakah Petak Berganda senang dilakar?	1	1
2	Adakah anda berasa lebih mudah untuk menjawab soalan menggunakan Petak Berganda?	1	1
3	Adakah anda berasa yakin setelah menggunakan Petak Berganda?	1	1
4	Adakah anda akan memperkenalkan Petak Berganda ini kepada rakan yang lain?	1	1
5	Adakah anda akan menggunakan Petak Berganda untuk menjawab soalan penambahan pecahan pada masa lain?	1	1

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

### Penggunaan petak berganda terhadap penguasaan dalam kemahiran penambahan pecahan

Berpandukan Jadual 3, Jadual 4 dan Jadual 5, seramai 5 peserta kajian menguasai penambahan pecahan wajar penyebut tak sama dengan menggunakan Petak Berganda.


Rajah 2 menunjukkan hasil kerja peserta kajian. Berdasarkan Rajah 2, didapati peserta kajian telah menguasai penggunaan Petak Berganda semasa menjawab soalan penambahan pecahan.



Rajah 2. Hasil kerja peserta kajian

### Perubahan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dengan menambahbaik penggunaan petak berganda

Daripada Kitaran 1, pengkaji mendapati kesilapan yang banyak dilakukan adalah disebabkan peserta kajian tidak mengetahui proses gandaan petak. Justeru, pengkaji menggunakan simbol anak panah ditambah untuk menunjukkan proses gandaan mengikut petak asal pecahan. Rajah 3 menunjukkan hasil kerja peserta kajian. Berdasarkan Rajah 3, peserta kajian P3 dan P7 menggunakan simbol anak panah bagi Petak Berganda.



Rajah 3. Hasil kerja peserta kajian

### CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Bagi kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan agar Petak Berganda boleh digunakan untuk membantu murid mencari pecahan setara. Rajah 4 menunjukkan penggunaan Petak Berganda dalam mencari pecahan setara.


#### Contoh soalan :

Cari pecahan setara bagi  $\frac{1}{2}$




**Langkah 1:**

Lukis dan lorekkan petak pecahan asal  $\frac{1}{2}$  seperti berikut. Satu petak untuk pengangka dan dua petak untuk penyebut.



**Langkah 2:**

Gandakan pengangka dan penyebut dengan jumlah yang sama. Contohnya, gandakan dengan 2.



$$\frac{1}{2} = \frac{2}{4}$$



Maka, pecahan setara bagi  $\frac{1}{2}$  ialah  $\frac{2}{4}$ .



Rajah 4. Penggunaan Petak Berganda dalam kemahiran pecahan setara

Bagi penolakan pecahan, langkah yang digunakan adalah sama seperti penambahan pecahan. Jadual 9 menunjukkan contoh penggunaan Petak Berganda dalam kemahiran menolak pecahan wajar penyebut tak sama.

Jadual 9

Contoh penggunaan Petak Berganda untuk kemahiran penolakan pecahan.

<b>Contoh soalan</b>	$\frac{1}{2} - \frac{1}{4} =$
<b>Langkah 1: Melukis Petak berdasarkan nilai pengangka dan penyebut.</b>	<p>Lukis dan lorekkan petak asal bagi setiap pecahan tersebut mengikut bilangan pengangka dan penyebut. Tuliskan pecahan pertama dan pecahan kedua di sebelah kiri petak asal.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;"> <math>\frac{1}{2}</math>  </div> <div style="text-align: center;"> <math>\frac{1}{4}</math>  </div> </div>

<p><b>Langkah 2: Mengandakan petak pecahan pertama</b></p>	<p>Gandakan setiap bahagian <math>\frac{1}{2}</math> kepada empat bahagian mengikut jumlah penyebut <math>\frac{1}{4}</math>. Nyatakan pecahan yang baru mengikut petak yang telah digandakan.</p>  $\frac{1}{2} = \frac{4}{8}$
<p><b>Langkah 3: Mengandakan petak pecahan kedua</b></p>	<p>Gandakan setiap bahagian <math>\frac{1}{4}</math> kepada dua bahagian mengikut jumlah penyebut <math>\frac{1}{2}</math>. Nyatakan pecahan yang baru mengikut petak yang telah digandakan.</p>  $\frac{1}{4} = \frac{2}{8}$
<p><b>Langkah 4: Mengira hasil tolak</b></p>	<p>Kedua-dua pecahan mempunyai penyebut yang sama dan proses penambahan dilakukan. Mengira hasil tolak bagi pengangka dan penyebut.</p> $\frac{4}{8} - \frac{2}{8} = \frac{2}{8}$ $= \frac{1}{4}$ <p>Jika jawapan dalam bentuk pecahan tidak wajar, pecahan tersebut perlu ditukarkan dalam bentuk nombor bercampur. Jika jawapan bukan dalam bentuk termudah, pecahan tersebut perlu dipermudahkan.</p>

## PENUTUP

Kajian tindakan ini menghasilkan kesan positif terhadap tujuh peserta kajian yang telah menunjukkan penguasaan dalam penambahan pecahan wajar penyebut tak sama melalui penggunaan Kotak Pecahan. Perubahan amalan PdP guru telah membantu keseluruhan peserta kajian.

## RUJUKAN

- Akhlar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2012). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan pendidikan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru. (1998). *Konsep dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Pecahan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun Dua*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun Tiga*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Matematik Tahun Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Buzan, Tony. 2007. *Buku Pintar Mind Map Untuk Anak*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Ho Ho Tong, Lee Hou Yew, Rahmah Murshidi, John Brodi, Gan Wei Ling, Saippee Saidi, ... Ahap Awal. (2014). *Asas penyelidikan tindakan teori dan amalan*. Sarawak: Jabatan Matematik Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Julie M.N & Meghan M.S. (2010). *Beyond Pizzas & Pies*. United States of America. Macmillan Publishing Solution.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan: perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Reys, R. E., Lindquist, M. M., Lambdin, D. V. & Smith, N. L. (2015). *Helping children learn mathematics*. Ed. Ke-11. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Shirley Urai Lawai. (2010). *Pendekatan gambar rajah dalam mengatasi masalah kesalahfahaman penambahan pecahan wajar penyebut tak sama*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Suhaidah Tahir. (2006). *Pemahaman konsep pecahan dalam kalangan tiga kelompok pelajar secara keratan lintang*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ting Len Siong, Ahmad Sabry Othman & Ting Hun Yong. (2013). *Penyelidikan Tindakan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. Freemind Horizon Sdn.Bhd.
- Van de Walle, J. A., Karp, K. S. & Bay-Williams, J. M. (2015). *Elementary and middleschool mathematics: teaching developmentally*. Ed. Ke-9. United States: Pearson Education.

## **PENGUNAAN UNIT CONVERTER RULER DALAM PENGUSAHAN KEMAHIRAN MENUKAR UNIT UKURAN PANJANG**

**KONG JUN HONG<sup>1</sup>, SI TONG YONG<sup>2</sup>**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM),  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>auronwalker@gmail.com, <sup>2</sup>sitongyong@ipgm.edu.my

### **ABSTRAK**

Penukaran unit merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid sekolah rendah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Matematik Tahap I dan Tahap II. Melalui refleksi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), didapati bahawa kemahiran menukar unit ukuran panjang sukar dikuasai oleh murid kerana tidak memahami konsep dan tidak menghafal formula. Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan dengan menggunakan *Unit Converter Ruler (UniCoR)*. Kajian ini dijalankan berpandukan Model Kemmis dan Taggart (1988). Peserta kajian terdiri daripada enam orang murid dari sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di bandar Miri. Data dikumpul dan dianalisis melalui tiga kaedah iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penambahbaikan amalan PdPc dapat membantu murid menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan dengan menggunakan *UniCoR*.

Kata Kunci: UniCoR, menukar unit ukuran panjang, nombor bulat, nombor perpuluhan

### **ABSTRACT**

*Unit conversion is a compulsory skill that needs to be mastered by primary school students based on the Standard Curriculum and Assessment Document (DSKP) Level I and Level II. Through reflections on learning and facilitation (PdPc), unit conversion is difficult for students to master because they neither understand the concept nor memorize the formula. The action research was conducted to assist Year 5 students to master the conversion of the unit in whole numbers and decimal numbers by using Unit Converter Ruler (UniCoR). This research was carried out based on Kemmis and Taggart action research model (1988). The participants comprised of six students from a Chinese National-type School in Miri city. Data were collected and analysed by using three methods, namely document analysis, observation and interviews. The findings indicate the improvement of practice can help students to master the skills of converting units of length in whole numbers and decimal numbers by using UniCoR.*

*Keywords: UniCoR, convert unit of length, whole numbers, decimal numbers*

### **PENGENALAN**

Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Matematik Tahun 3 (2017), penekanan tajuk penukaran unit diberikan terhadap bidang sukatan dan geometri iaitu masa dan waktu, ukuran panjang, timbangan berat dan isipadu cecair. Unit asas panjang yang diperkenalkan dalam topik panjang ialah kilometer (km), meter (m), sentimeter (cm) dan milimeter (mm). Kemahiran ini bukanlah sekadar menukar unit berbentuk nombor bulat, tetapi juga melibatkan bentuk nombor perpuluhan, nombor pecahan dan nombor bercampur. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan murid dalam kemahiran menukar unit masih berada pada tahap yang lemah disebabkan murid gagal memahami konsep dan tidak





mengingati formula penukaran unit (Ahmad Muslim Dolhan, & Siti Mistima Maat, 2017). Oleh itu, kemahiran menukar unit merupakan salah satu pengetahuan asas yang perlu dikuasai oleh murid sebelum mereka meneruskan pembelajaran operasi asas dalam topik panjang.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Berdasarkan refleksi PdPc lepas, pengkaji mendapati bahawa murid menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran menukar unit panjang. Melalui hasil kerja murid, pengkaji telah menentukan masalah yang dialami oleh murid dalam menukar unit panjang. Kesalahan yang selalu dilakukan oleh murid ialah tertukar formula penukaran unit antara unit mm, cm, m dan km (Datu Abdul Wahib Datu Kamaruddin, & Hu, 2014). Murid tidak dapat membuat perkaitan antara nilai 10, 100 atau 1000. Jadual 1 menunjukkan kesilapan yang telah dilakukan oleh murid semasa menukar unit ukuran panjang.

Jadual 1

Kesilapan yang dilakukan oleh murid semasa menukar unit ukuran panjang

Bil	Gambar rajah	Kesilapan
1.		Kesilapan dalam mengingati formula penukaran unit ukuran panjang
2.		Kekeliruan dalam mengumpul semula nombor pada unit pada unit kecil kepada unit besar.
3.		Kekeliruan dalam memilih operasi yang perlu digunakan semasa menukar unit
4.		Kurang mahir untuk mengalih titik perpuluhan ke kiri atau ke kanan

Merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh murid-murid, pengkaji perlu memikirkan cara untuk mengatasi masalah dalam kemahiran menukar unit ukuran panjang untuk mengelakkan kemahiran ini terus menjadi kemahiran yang sukar dikuasai oleh murid.

## FOKUS KAJIAN

Berdasarkan DSKP Matematik Tahun 5 (2014), murid perlu menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang dalam perpuluhan. Murid-murid juga perlu menyatakan

perkaitan unit dalam setiap unit ukuran panjang dalam Tahun 3 dan Tahun 4 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Perkaitan unit dalam setiap unit ukuran panjang dalam Tahun 3 dan Tahun 4 perlu diaplikasikan dalam topik penukaran unit dalam Tahun 5. Oleh itu, pengkaji ingin berfokus kepada perubahan amalan PdPc untuk membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk bulat dan perpuluhan tanpa bergantung kepada hafalan algoritma semata-mata. Penggunaan kotak unit merupakan alternatif yang sesuai untuk membantu meningkatkan kemahiran murid berpencapaian rendah dalam menukar unit panjang (Zakwan Danial Zhir Rudin, & Samsiah Hassan, 2013). Bahan inovasi, iaitu *Kit Converter-Unit Panjang* (KiCUP) dan *MultiPurpose Ruler* diperkenalkan kepada murid-murid Matematik sekolah rendah untuk menguasai proses penukaran unit panjang (Khoo, dan Lay, 2015; Nurul Syahidah Shamsuddin *et. al*, 2018). Berdasarkan Nurul Syahidah Shamsuddin *et. al* (2018), tiada bahan bantu mengajar (BBM) yang betul-betul khusus untuk kemahiran penukaran unit. Pengkaji telah menghasilkan BBM yang bernama *UniCoR* (*Unit Converter Ruler*) dengan maksud pembaris penukaran unit. *UniCoR* dihasilkan untuk membantu murid menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan.

### OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif iaitu:

- a. Membantu murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dengan menggunakan *UniCoR*.
- b. Membantu murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan dengan menggunakan *UniCoR*.

Kajian tindakan ini menggariskan dua soalan kajian iaitu:

- a) Sejauh manakah penggunaan *UniCoR* ini membantu murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat?
- b) Sejauh manakah penggunaan *UniCoR* ini membantu murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan?

### PESERTA KAJIAN

6 orang murid Tahun 5 dari sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Miri telah dipilih berdasarkan prestasi murid semasa menjawab soalan penukaran unit panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan. Murid yang dikategori sebagai belum mencapai tahap minimum dipilih sebagai peserta kajian dalam kajian ini. Semua murid tidak menghadapi masalah dalam menguasai operasi asas darab dan bahagi tetapi masih belum menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan. Murid-murid tersebut juga lemah dalam menghafal formula unit panjang.

### TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian ini dilaksanakan sebanyak dua kitaran berdasarkan Model Kemmis dan Taggart (1988) yang melibatkan empat peringkat, iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek (Shamsina Shamsuddin, 2014). Dalam Kitaran 1, semua murid diperkenalkan dengan cara penggunaan *UniCoR* untuk menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan seperti yang telah disenaraikan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 2


Langkah penggunaan UniCoR dalam menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat

Contoh Soalan: 3 km 15 m = _____ m	
Langkah	Penerangan
<b>Langkah 1:</b> Menentukan unit dalam soalan	Unit km dan m berada dalam soalan tersebut.
<b>Langkah 2:</b> Mengisi nombor berdasarkan skala UniCoR	Menulis nombor mengikut nilai tempat. Setiap kotak diisi dengan satu nombor sahaja. Contohnya, 3 berada dalam km dan 15 berada dalam m. 
<b>Langkah 3:</b> Menentukan kedudukan unit berdasarkan kehendak soalan	Meletakkan unit "m" di atas skala m. 
<b>Langkah 4:</b> Mengisi nombor "0"	Sekiranya terdapat kotak kosong antara dua nombor dalam petak tertentu, isi nombor "0". 
<b>Langkah 5:</b> Mendapat jawapan	Jawapan adalah 3015 m.

Jadual 3

Langkah penggunaan UniCoR dalam menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan


Contoh Soalan: 9.25 km = _____ m	
Langkah	Penerangan
<b>Langkah 1:</b> Menentukan titik perpuluhan dan unit berada dalam soalan	Terdapat titik perpuluhan dan unit km berada dalam soalan.
<b>Langkah 2:</b> Menulis nombor berdasarkan skala UniCoR	Menulis nombor berdasarkan nilai tempat masing-masing. Setiap kotak diisi dengan satu nombor sahaja. <b>Catatan:</b> titik perpuluhan tidak perlu ditulis semula. 
<b>Langkah 3:</b> Menentukan kedudukan titik perpuluhan berdasarkan kehendak soalan	Meletakkan satu titik perpuluhan di atas skala m. 

<p><b>Langkah 4</b> Mengisi nombor "0"</p>	<p>Sekiranya terdapat ruang kosong wujud dalam petak tertentu, mengisi satu nombor "0".</p> 
<p><b>Langkah 5</b> Mendapat jawapan</p>	<p>Jawapan adalah 9250 m.</p>

Berdasarkan refleksi daripada Kitaran 1, pengkaji mendapati murid masih belum menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk bulat dan perpuluhan dengan menggunakan *UniCoR*. Dalam Kitaran 2, amalan PdPc ditambahbaik dengan menggunakan teknik warna "Lampu Isyarat".


Jadual 4

Penambahbaikan langkah 2 dalam menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dalam Kitaran 2

<p><b>Contoh Soalan:</b> 3 km 15 m = _____ m</p>	
<p><b>Langkah 2:</b> Menanda warna dan menulis nombor berdasarkan skala <i>UniCoR</i></p>	<p><b>Penerangan</b> Menanda warna pada soalan. Menulis nombor berdasarkan nilai tempat mengikut warna dalam <i>UniCoR</i>.</p> 

Jadual 5

Penambahbaikan langkah 3 dalam menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan dalam Kitaran 2

<p><b>Contoh Soalan:</b> 7.65 km = _____ m</p>	
<p><b>Langkah 3:</b> Menanda warna dan menentukan kedudukan titik perpuluhan berdasarkan kehendak soalan</p>	<p><b>Penerangan</b> Meletakkan satu titik perpuluhan di atas skala m.</p> 

Kajian tindakan ini telah menggunakan tiga jenis kaedah pengumpulan data, iaitu dokumen, pemerhatian dan temu bual. Instrumen yang digunakan ialah lembaran kerja, senarai semak pemerhatian dan senarai soalan temu bual. Pemerhatian direkod dan dianalisis berpandukan perkara yang diperhatikan dalam senarai semak pemerhatian. Data temu bual direkod secara transkripsi dan dikategori mengikut tema dan kod yang ditetapkan, iaitu kod 1 untuk respon positif dan kod 2 untuk respon negatif. Lembaran kerja digunakan untuk menentukan tahap penguasaan murid dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan berdasarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul. Murid yang ditafsirkan sebagai cemerlang perlu mencapai markah sekurang-kurangnya 80% ke atas dan dikatakan menguasai pengetahuan dan kemahiran asas Matematik secara sistematik dalam semua konteks (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019). Dalam kajian ini, murid perlu menjawab sekurang-kurangnya 9 soalan



daripada 10 soalan dengan betul untuk dikategorikan sebagai cemerlang dan ditafsirkan sebagai menguasai kemahiran tersebut secara sistematik

## DAPATAN KAJIAN

### Membantu murid menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat

Dalam Kitaran 1, M1, M2 dan M3 berjaya menjawab sekurang-kurangnya 9 soalan daripada 10 soalan dengan betul dan dikategorikan sebagai cemerlang. M4, M5 dan M6 telah menunjukkan peningkatan tahap penguasaan dari tahap baik ke tahap cemerlang dalam Kitaran 2.

Jadual 6

Analisis dokumen dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Murid	Bilangan soalan yang dijawab betul (Daripada 10 soalan)				Tahap Penguasaan	Tafsiran
	Kitaran 1		Kitaran 2			
	LK1	LK3	LK4	LK6		
M1	10	10	-	-	Cemerlang (K1)	Menguasai (K1)
M2	9	9	-	-	Cemerlang (K1)	Menguasai (K1)
M3	10	10	-	-	Cemerlang (K1)	Menguasai (K1)
M4	7	7	10	10	Baik (K1) Cemerlang (K2)	Belum Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M5	7	8	10	10	Baik (K1) Cemerlang (K2)	Belum Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M6	6	7	9	10	Baik (K1) Cemerlang (K2)	Belum Menguasai (K1) Menguasai (K2)

Jadual 7 menunjukkan M1, M2 dan M3 berjaya memenuhi "Ya" bagi semua perkara yang diperhatikan berdasarkan senarai semak pemerhatian dalam Kitaran 1. Disebabkan M4, M5 dan M6 belum memenuhi "Ya" bagi semua perkara yang diperhatikan, maka pengkaji meneruskan pemerhatian terhadap M4, M5 dan M6 untuk menentukan tahap penguasaan murid-murid dalam Kitaran 2. Jadual 7 menunjukkan bahawa peningkatan M4, M5 dan M6 yang berjaya memenuhi "Ya" bagi semua perkara yang diperhatikan dalam Kitaran 2.

Jadual 7

Analisis senarai semak pemerhatian

Bil	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2			
		LK1		LK3		LK4		LK6	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1a	Dapat menentukan unit dalam soalan.	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-
1b	Dapat mengisi nombor berdasarkan skala <i>UniCoR</i>	M1, M2, M3, M5,	M4, M6	M1, M2, M3, M5,	M4, M6	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-

1c	Dapat menentukan kedudukan unit berdasarkan kehendak soalan.	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-
1d	Dapat mengisi nombor "0"	M1, M2, M3	M4, M5, M6	M1, M2, M3, M5	M4, M5, M6	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-
1e	Dapat mendapat jawapan	M1, M2, M3	M4, M5, M6	M1, M2, M3	M4, M5, M6	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-

Jadual 8 menunjukkan bahawa M1, M2 dan M3 telah memberi respon positif terhadap semua soalan. M4 dan M6 memberi semua respon negatif terhadap semua soalan manakala M5 hanya memberi satu respon positif sahaja. Dalam Kitaran 2, semua murid telah memberi respon positif dan ditafsir sebagai menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dengan menggunakan *UniCoR*.

Jadual 8  
Analisis senarai temu bual

Soalan Temu Bual	Respon			
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Kod 1	Kod 2	Kod 1	Kod 2
1. Dapatkan <i>UniCoR</i> membantu anda mendapat jawapan yang betul semasa menjawab soalan penukaran unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat? Terangkan.	M1, M2, M3	M4, M5, M6	M4, M5, M6	-
2. Adakah penggunaan <i>UniCoR</i> merupakan satu cara untuk membantu anda menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat? Jelaskan.	M1, M2, M3, M5	M4, M6	M4, M5, M6	-

Kod: Kod 1-"Respon Positif", Kod 2- "Respon Negatif"

### Membantu murid dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan

Dalam Kitaran 1, M1, M2 dan M3 telah berjaya menjawab sekurang-kurangnya 9 soalan dengan betul. Dalam Kitaran 2, iaitu M4, M5 dan M6 telah menunjukkan peningkatan dalam bilangan soalan dijawab dan berjaya mencapai tahap penguasaan cemerlang.

Jadual 9  
Analisis dokumen dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2

Murid	Bilangan soalan yang dijawab betul (Daripada 10 soalan)				Tahap Penguasaan	Tafsiran
	Kitaran 1		Kitaran 2			
	LK2	LK3	LK5	LK6		
M1	10	10	-	-	Cemerlang (K1)	Menguasai (K1)
M2	9	9	-	-	Cemerlang (K1)	Menguasai (K1)
M3	9	10	-	-	Cemerlang (K1)	Menguasai (K1)
M4	7	7	10	10	Baik (K1) Cemerlang (K2)	Belum Menguasai (K1) Menguasai (K2)

M5	7	8	9	10	Baik (K1) Cemerlang (K2)	Belum Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M6	5	7	9	10	Baik (K1) Cemerlang (K2)	Belum Menguasai (K1) Menguasai (K2)

Berdasarkan Jadual 10, M1, M2 dan M3 berjaya memenuhi “Ya” bagi semua kriteria yang diperhatikan dalam pemerhatian. M4, M5 dan M6 hanya dapat memenuhi dua perkara daripada lima perkara yang diperhatikan. Dalam Kitaran 2, M4, M5 dan M6 berjaya menunjukkan peningkatan kerana dapat mencapai skala “Ya” berdasarkan semua perkara yang diperhatikan.

Jadual 10

Analisis senarai semak pemerhatian

Bil	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2			
		LK2		LK3		LK5		LK6	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1a	Dapat menentukan titik perpuluhan dan jenis unit dalam soalan.	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-	M1, M2, M3, M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-
1b	Dapat mengisi nombor berdasarkan skala <i>UniCoR</i>	M1, M2, M3, M4, M5, M6,	-	M1, M2, M3, M4, M5, M6,	-	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-
1c	Dapat menentukan kedudukan titik perpuluhan berdasarkan kehendak soalan.	M1, M2, M3,	M4, M5, M6	M1, M2, M3,	M4, M5, M6	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-
1d	Dapat mengisi nombor “0”	M1, M2, M3,	M4, M5, M6	M1, M2, M3, M5	M4, M5, M6	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-
1e	Dapat mendapat jawapan	M1, M2, M3	M4, M5, M6	M1, M2, M3	M4, M5, M6	M4, M5, M6	-	M4, M5, M6	-

Jadual 11 menunjukkan M1, M2 dan M3 telah memberi repsons positif terhadap semua soalan. Bagi M4, M5 dan M6 yang belum mencapai Kod 1 bagi semua soalan telah ditemu bual sekali dalam Kitaran 2. M4, M5 dan M6 telah memberi respon positif bagi semua soalan dikemukakan dalam Kitaran 2.

Jadual 11


Analisis senarai temu bual

Soalan Temu Bual	Respon			
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	Kod 1	Kod 2	Kod 1	Kod 2
3. Adakah anda berasa lebih mudah untuk menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan dengan menggunakan <i>UniCoR</i> ? Terangkan.	M1, M2, M3,	M4, M5, M6	M4, M5, M6	-
4. Sudahkah anda menguasai cara penggunaan <i>UniCoR</i> untuk menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan? Jika tidak, apakah masalah yang anda dihadapi?	M1, M2, M3	M4, M5, M6	M4, M5, M6	-
Kod: Kod 1-“Respon Positif”, Kod 2- “Respon Negatif”				

**REFLEKSI DAPATAN KAJIAN**

**Membantu murid dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat**


Dapatan kajian menunjukkan bahawa M1, M2 dan M3 berjaya menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dengan menggunakan *UniCoR*. Ketiga-tiga murid yang mencapai tahap cemerlang dalam semua aspek telah ditafsirkan sebagai menguasai pengetahuan dan kemahiran asas tersebut secara sistematik dalam semua konteks (Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah, 2019). M4, M5 dan M6 gagal menguasai kemahiran tersebut dalam Kitaran 1 kerana mengalami kekeliruan dalam penggunaan *UniCoR* seperti Rajah 1. Disebabkan M4, M5 dan M6 gagal menggunakan *UniCoR* dengan betul, maka mereka telah gagal mendapat jawapan yang betul.



Rajah 1. Kekeliruan dan kecuaiian murid menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat

Selepas meneliti kesalahan yang dilakukan oleh murid, pengkaji telah menambahbaik amalan PdPc pengkaji dengan mengaplikasikan teknik warna “Lampu Isyarat” dalam Kitaran 2. Penggunaan warna dapat merangsang pemikiran manusia agar mudah mengingat sesuatu perkara serta menjadi penegasan dalam sesuatu penulisan (Adilah Che Ismail & Nor Faizul Embong, 2015). Penggunaan warna dapat memberi impak positif dalam membantu murid menguasai kemahiran tersebut.


Rajah 2 menunjukkan tahap penguasaan murid dalam menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat. Hasil dapatan kajian menunjukkan semua murid mencapai tahap cemerlang dan menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat setelah amalan penambahbaikan PdPc. Penambahbaikan amalan PdPc dengan menggunakan *UniCoR* telah membantu murid mencapai Tahap Penguasaan 1 dalam Standard Prestasi, iaitu menyatakan perkaitan unit ukuran panjang dan menukar unit tertentu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018).



Rajah 2. Penguasaan murid dalam Lembaran Kerja 4 dan Lembaran Kerja 6


### Membantu murid dalam menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan

Berdasarkan Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (2019), murid yang mencapai tahap cemerlang ditafsirkan sebagai menguasai pengetahuan dan kemahiran asas matematik secara sistematik dalam semua konteks. Ini bermakna M1, M2 dan M3 telah berjaya menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan secara sistematik dengan menggunakan *UniCoR*. M4, M5 dan M6 dipilih untuk Kitaran 2 kerana dipercayai bahawa prestasi mereka masih boleh dipertingkatkan ke tahap penguasaan cemerlang. Kesilpanan yang dilakukan oleh murid tersebut adalah kecuaiian dan kekeliruan semasa menggunakan *UniCoR* dalam Rajah 3.



Rajah 3. Kekeliruan dan kecuaiian murid dalam menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan

Penambahbaikan amalan PdPc dilakukan dengan pengaplikasian teknik warna “Lampu Isyarat” dalam Kitaran 2 untuk membantu murid menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan. Penggunaan warna “Lampu Isyarat” dapat merangsang pemikiran murid agar mudah mengingat sesuatu perkara serta menjadi penegasan dalam sesuatu penulisan (Adilah Che Ismail & Nor Faizul Tg Embong, 2015).



Rajah 4. Penguasaan murid dalam Lembaran Kerja 5 dan Lembaran Kerja 6

Berdasarkan Rajah 4 menunjukkan penggunaan teknik warna “Lampu Isyarat” dalam *UniCoR* berjaya membantu M4, M5 dan M6 menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan. Teknik warna “Lampu Isyarat” dapat mengingatkan murid fungsi penggunaan *UniCoR* semasa menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan. Pendekatan warna ini telah memberikan hasil yang positif terhadap pemahaman murid (Adilah Che Ismail, & Nor Faizul Tg. Embong, 2015).




Dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan *UniCoR* dapat membantu murid menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor perpuluhan. Penambahbaikan amalan PdPc dengan menggunakan *UniCoR* telah membantu murid mencapai Tahap Penguasaan 1 dalam Standard Prestasi, iaitu menukar unit ukuran panjang dalam perpuluhan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian tindakan ini telah menambahbaik amalan PdPc dalam membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan dengan menggunakan *UniCoR*. Cadangan tindakan susulan bagi kajian ini ialah memperluas penggunaan *UniCoR* dalam menukar unit dalam topik jisim dan isipadu cecair. Hal ini kerana hubungan penukaran unit tersebut hampir sama dengan hubungan penukaran unit antara kilometer dan meter, iaitu 1 kilogram (kg) bersamaan 1000 gram (g) dan 1 liter (ℓ) bersamaan dengan 1000 milimeter (mℓ).

Jadual 12

Contoh penggunaan *UniCoR* dalam penukaran unit kilogram dan gram berbentuk nombor bulat

Contoh Soalan: 2 kg 15 g = _____ g	
Langkah	Penerangan
<b>Langkah 1 :</b> Menentukan unit dalam soalan	Unit kg dan g dalam soalan tersebut.
<b>Langkah 2:</b> Menanda warna dan mengisi nombor berdasarkan skala <i>UniCoR</i>	Menulis nombor mengikut nilai tempat. Setiap kotak hanya boleh diisi dengan satu nombor. Contohnya, 2 berada dalam kg dan 15 berada dalam g. 
<b>Langkah 3:</b> Menentukan kedudukan unit berdasarkan kehendak soalan	Meletakkan unit “g” di atas skala g. 
<b>Langkah 4:</b> Mengisi nombor “0”	Sekiranya terdapat kotak kosong antara dua nombor dalam petak tertentu, isi nombor “0”. 


<b>Langkah 5:</b> Mendapat jawapan	Jawapan akhir adalah 2015 g.
---------------------------------------	------------------------------

### Jadual 13

Contoh penggunaan UniCoR dalam penukaran unit liter dan milimeter berbentuk nombor perpuluhan

<b>Contoh Soalan:</b> 4 ℓ 5 ml = _____ ℓ	
Langkah	Penerangan
<b>Langkah 1:</b> Menentukan titik perpuluhan dan unit berada dalam soalan	Unit ℓ dan ml dalam soalan tersebut.
<b>Langkah 2:</b> Menulis nombor berdasarkan skala UniCoR	Menulis nombor mengikut nilai tempat. Setiap kotak hanya boleh diisi dengan satu nombor. Contohnya, 4 berada dalam ℓ dan 5 berada dalam ml.  
<b>Langkah 3:</b> Menanda warna dan menentukan kedudukan titik perpuluhan berdasarkan kehendak soalan	Menanda warna dan meletakkan titik perpuluhan di atas skala ℓ.  
<b>Langkah 4</b> Mengisi nombor "0"	Sekiranya terdapat ruang kosong wujud dalam petak tertentu, mengisi satu nombor "0".  
<b>Langkah 5</b> Mendapat jawapan	Jawapan akhir adalah 4.005 ℓ.

Terdapat dua jenis unit piawai yang baharu diperkenalkan dalam topik panjang Tahun 4, iaitu desimeter (dm) dan dekameter (dam) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Kemahiran menukar unit dalam topik ukuran panjang akan menjadi lebih rumit kerana melibatkan penukaran unit kilometer, dekameter, meter, desimeter, sentimeter dan milimeter. Pengkaji mencadangkan bahawa UniCoR baharu boleh dihasilkan untuk membantu murid menguasai kemahiran menukar unit tersebut. Teknik warna "Lampu Isyarat" boleh dikekalkan untuk membantu murid menggunakan UniCoR mengikut langkah-langkah ditetapkan.



Rajah 5. UniCoR melibatkan penukaran unit ukuran panjang, jisim dan isipadu cecair

## PENUTUP

Kajian tindakan ini telah berjaya menambahbaik amalan PdPc pengkaji dalam membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang dengan menggunakan *UniCoR*. Dengan ini, *UniCoR* merupakan satu langkah alternatif untuk membantu murid menguasai kemahiran menukar unit ukuran panjang berbentuk nombor bulat dan nombor perpuluhan. *UniCoR* ini boleh diperluaskan supaya digunakan dalam topik panjang, jisim dan isipadu cecair.

## RUJUKAN

- Adilah Che Ismail, & Nor Faizul Embing. (2015). Meningkatkan penggunaan huruf besar, koma dan noktah murid 5 Elit menggunakan teknik lampu isyarat. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2015*. 27-28 September. Melaka: IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka. 95-106.
- Ahmad Muslim Dolhan, & Siti Mistima Maat. (2017). Penggunaan Kaedah Jari dalam kemahiran penukaran unit ukuran panjang melibatkan nombor pecahan kepada nombor bulat. *Prosiding Seminar Pendidikan Transdisiplin (STEd 2017)*. 13-14 Oktober. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia. 586-593.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Matematik Tahun Lima*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Matematik Tahun Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). *Pelaporan pentaksiran sekolah rendah*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Datu Abdul Wahid Datu Kamaruddin, & Hu, L. N. (2014). Penggunaan kotak dalam membantu meningkatkan penguasaan penukaran unit melibatkan ukuran panjang. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2014 (SPTMTE 2014)*. 29-30 September. Sarawak: IPG Kampus Sarawak. 156-168.
- Khoo, C. H, & Lay, Y. F. (2015). Keberkesanan Kicup dalam penukaran unit panjang dalam kelas pemulihan matematik. *Jurnal Penyelidikan Kent*, 14(1): 132-144.
- Nurul Syahidah Shamsuddin, Nordiyana Wahid, Yii, C. L., Nor Fadila Amin, & Nurul Farhana Jumaat. (2018). Meningkatkan pembelajaran murid bagi kemahiran asas matematik-Penukaran unit menggunakan Multipurpose Ruler. *Prosiding Inovasi Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran*. 13-14 Mac. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 365-438.
- Shamsina Shansuddin. (2014). *Panduan melaksanakan kajian tindakan di sekolah*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon Sdn. Bhd.
- Zakwan Daniel Zhir Rudin, & Samsiah Hassan. (2013). Meningkatkan penguasaan murid tahun 5 dalam topik penukaran unit ukuran panjang menggunakan 'kotak unit'. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2013*. 12-13 September. Terengganu: IPG Kampus Dato' Razali Ismail. 322 - 331.



## KAEDAH PENGGUNAAN TEKNIK ALOHA DAPAT MEMBANTU MURID TAHUN 3 DALAM MENYELESAIKAN SOALAN PENAMBAHAN

**NUR AFEEQAH MAKROF<sup>1</sup>, NARAWI ABU BAKAR<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM),  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup> *ieqamakrof96@gmail.com*, <sup>2</sup> *narawiabubakar@yahoo.com*

### ABSTRAK

Kemahiran menambah merupakan satu daripada kemahiran yang paling asas di dalam Matematik. Didapati bahawa semasa pengkaji menjalankan praktikum di sebuah sekolah kebangsaan selama 3 bulan terdapat ramai murid masih menghadapi masalah dalam menyelesaikan soalan penambahan. Kebanyakan murid masih menggunakan teknik lidi dan ianya mengakibatkan murid dan guru perlu menunggu untuk meneruskan pembelajaran kepada topik yang seterusnya. Kebanyakan murid juga masih keliru untuk menyelesaikan soalan penambahan yang melibatkan pengumpulan semula. Oleh itu, kajian tindakan ini telah dijalankan bagi membantu murid Tahun 3 dalam menyelesaikan masalah penambahan sehingga 2 digit nombor menggunakan teknik *Abacus Learning Of Higher Arithmetic (ALOHA)*. Teknik ALOHA ini adalah teknik yang menggunakan mental dan jari sahaja yang dapat digunakan untuk menyelesaikan soalan penambahan sehingga 3 digit nombor. Pengkaji hanya memfokuskan sehingga 2 digit nombor sahaja. Penggunaan jari ini adalah sebagai alat pengukuh pengiraan secara mental di mana pergerakan jari tersebut adalah sama dengan pergerakan manik terhadap sempoa. Setelah menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa teknik ALOHA ini dapat membantu murid Tahun 3 dalam menyelesaikan masalah penambahan serta dapat membantu meningkatkan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam pengajaran penambahan sehingga 2 digit nombor.

Kata kunci: *ALOHA, Pengumpulan semula, Penggunaan Jari.*

### ABSTRACT

*Addition is one of the most basic skills in Mathematics. When the researcher did the research in one of the national schools for 3 months, she found out many of the students had trouble solving addition problems. Most of the students still used the skewer techniques and this causes other students and teacher to wait to move on to the next topic. Many of the students were still confused about solving addition questions that involve regrouping. Therefore, this action research was conducted to help Year 3 students solve the problem of adding up to 2 digit numbers using the Abacus Learning Of Higher Arithmetic (ALOHA) technique. This ALOHA technique requires mental and finger only that can be used to solve addition questions of up to 3 digit numbers. The researcher focused on up to 2 digits only. The use of these fingers are to reinforce mental calculation skill in which the movement of the fingers were similar to the movement of the bead in the abacus. After conducting this study, the researcher found that this ALOHA technique can assist Year 3 students in solving addition problems and can help improve learning and programming in teaching addition up to 2 digit numbers.*

Keywords: *ALOHA, Regrouping, The use of fingers.*

### PENGENALAN

*Mathematics is the science that deals with the logic of shape, quantity and arrangement. Math is all around us, in everything we do. It is the building block for everything in our daily*

*lives, including mobile devices, architecture (ancient and modern), art, money, engineering, and even sports.* (Elaine J.Hom, 2013)

*Matematik merupakan mata pelajaran yang sering digeruni oleh murid-murid. Kebanyakan murid telah menetapkan bahawa mata pelajaran Matematik adalah sukar untuk lulus dan mereka telah berputus asa sebelum mencuba. Tetapi, mata pelajaran Matematik merupakan mata pelajaran yang perlu dikuasai oleh murid-murid kerana ia adalah mata pelajaran teras sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah di seluruh negara. Matlamat pendidikan Matematik adalah untuk memperkembangkan pemikiran mantik, analitis, bersistem dan krisis, kemahiran penyelesaian masalah serta kebolehan menggunakan ilmu pengetahuan matematik supaya individu dapat berfungsi dalam kehidupan seharian dengan berkesan*  
(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Penyelesaian masalah bagi Matematik terbahagi kepada dua iaitu masalah rutin dan masalah bukan rutin. Oleh yang demikian, untuk melatih murid mahir dalam menyelesaikan masalah rutin dan bukan rutin, pengkaji telah melakukan kajian untuk memperkukuhkan kemahiran asas dalam mata pelajaran Matematik. Oleh itu, teknik Abacus Learning of Higher Arithmetic (ALPHA) ini telah digunakan di dalam kajian ini.

*ALPHA Mental Arithmetic adalah program pembelajaran yang terbukti untuk kanak-kanak dalam bidang kemahiran pengiraan berangka dalam Aritmetik. Ianya dapat meningkatkan keupayaan pembelajaran kanak-kanak dan membolehkan mereka melakukan pengiraan secara mental tanpa bantuan seperti kalkulator, sempoa, pen, kertas dan lain-lain. Kanak-kanak dapat mengira dengan kelajuan dan ketepatan menggunakan kuasa mental mereka sendiri. Ia adalah program pembangunan otak yang berkesan yang bertujuan untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 13 tahun. Program ini disampaikan oleh guru-guru yang disahkan dan berkelayakan yang bertujuan untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan interaktif.*

(ALPHA Malaysia,2014).

## **FOKUS KAJIAN**


Menurut Sabri Ahmad, Tengku Zawawi, Aziz Omar (2006), majoriti peserta di sekolah tidak dapat menguasai asas yang diperlukan bagi membantu mereka menggunakan pengetahuan dan kemahiran matematik dengan yakin dan berkesan dalam mata pelajaran lain. Oleh yang demikian, kajian ini telah dilaksanakan adalah untuk menguji keberkesanan kaedah penggunaan jari dan mental dalam mata pelajaran Matematik. Aida Suraya (1994) berpendapat bahawa asas dalam pembelajaran matematik ialah pelajar seharusnya menguasai operasi asas bagi nombor bulat, pecahan dan perpuluhan.

## **TINDAKAN**


"ALPHA Mental Arithmetic adalah program pembelajaran yang terbukti untuk kanak-kanak dalam bidang kemahiran pengiraan berangka dalam Aritmetik. Ianya dapat meningkatkan keupayaan pembelajaran kanak-kanak dan membolehkan mereka melakukan pengiraan secara mental tanpa bantuan seperti kalkulator, sempoa, pen, kertas dan lain-lain. Kanak-kanak dapat mengira dengan kelajuan dan ketepatan menggunakan kuasa mental mereka sendiri. Ia adalah program pembangunan otak yang berkesan yang bertujuan untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 13 tahun. Program ini disampaikan oleh guru-guru yang disahkan dan berkelayakan yang bertujuan untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan interaktif. " (ALPHA Malaysia,2014).

*It is implied that using abacus training as a tool, children's academic performance can be strengthened by developing cognitive predictors that are identified in this present investigation(K.Vasuki, 2013).*


Pada peringkat awal teknik ini diperkenalkan, pengkaji telah membuat demonstrasi penggunaan jari dari nombor 1 hingga 10. Jari di tangan kanan mewakili nilai tempat sa dan jari di tangan kiri mewakili nilai tempat puluh. Untuk kemahiran menambah, teknik ALOHA ini dapat membantu peserta untuk menambah dengan lebih mudah. Rajah 1 sehingga Rajah 4 di bawah menunjukkan tanda-tanda jari bagi nombor 1 sehingga nombor 10.




Rajah 1. Tanda jari bagi teknik ALOHA nombor 1 hingga 4



Rajah 2. Tanda jari bagi teknik ALOHA nombor 5



Rajah 3. Tanda jari bagi teknik ALOHA nombor 6 hingga 9



Rajah 4. Tanda jari bagi teknik ALOHA nombor 10

Pengkaji telah menggunakan teknik ALOHA ini dengan hanya menggunakan mental dan jari peserta sahaja. Penggunaan jari ini adalah sebagai alat pengukuh pengiraan secara mental di mana pergerakan jari tersebut adalah sama dengan pergerakan manik terhadap sempoa.

#### **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

- a. Membantu murid dalam menguasai kemahiran menambah sehingga 2 digit nombor.
- b. Menambah baik amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam pengajaran penambahan sehingga 2 digit nombor

Kajian ini mempunyai dua soalan kajian iaitu:

- a. Bagaimanakah cara membantu murid dalam menguasai kemahiran menambah sehingga 2 digit nombor?
- b. Bagaimanakah cara menambah baik amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam pengajaran penambahan sehingga 2 digit nombor.

#### **PESERTA KAJIAN**

Sasaran peserta kajian adalah murid Tahun 3 di sebuah sekolah rendah di Miri. Bilangan peserta yang telah dipilih adalah sebanyak 5 orang. Pemilihan peserta adalah berdasarkan kebolehan murid dalam kemahiran penambahan di sekolah yang telah pengkaji jalankan sewaktu praktikum. Pengkaji telah menyediakan sebanyak 10 soalan dan meminta semua murid Tahun 3 menjawab soalan tersebut dalam masa 15 minit. Pengkaji telah memilih murid yang tidak berjaya menyelesaikan 5 soalan sebagai peserta kajian. Selain daripada itu, pemilihan peserta juga telah dipelbagaikan dari segi bangsa dan jantina.

#### **PELAKSANAAN KAJIAN**

Menurut McTaggart kajian tindakan bukan hanya dianggap sebagai prosedur yang mengikut gelung-gelung sahaja malahan ianya penting untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi (Othman Lebar, 2011). Prosedur tindakan yang dijelaskan oleh Kurt Lewin (1946) merangkumi empat langkah utama iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan penilaian hasil tindakan serta refleksi.

#### **Langkah-Langkah Pelaksanaan**

Langkah-langkah tindakan yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya adalah Model Kurt Lewin (1946). Rajah 5 di bawah menunjukkan kitaran model kajian tindakan Kurt Lewin.



Model Kajian Tindakan Lewin


Rajah 5. Kitaran Model Kurt Lewin (1946)

### Kitaran 1

Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian hasil kerja murid, pengkaji mendapati ramai di antara mereka sering menghadapi masalah menyelesaikan soalan penambahan apabila melibatkan nombor yang lebih daripada 10. Oleh itu, pengkaji telah merancang untuk menggunakan teknik ALOHA bagi membantu murid untuk menyelesaikan masalah penambahan sehingga 2 digit nombor.

Pengkaji telah menjalankan kajian tindakan iaitu kajian secara kualitatif di mana ianya dijalankan di dalam bentuk pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Ini adalah kerana analisis secara kualitatif boleh menerangkan dan menyelidik kejadian atau peristiwa secara holistik (Ting Leng Siong *et al.*, 2013). Bagi temu bual, pengkaji telah menjalankan temu bual separa berstruktur.

Pengkaji telah merangka dan menyediakan Rancangan pengajaran Harian (RPH) untuk memastikan langkah-langkah seterusnya dalam tindakan dapat dijalankan dengan lancar. Pengkaji telah menunjukkan cara menyelesaikan masalah penambahan menggunakan teknik ALOHA. Antara contoh yang telah ditunjukkan adalah seperti Rajah 6.





Rajah 6. Langkah bagi contoh soalan penambahan

Maka, jawapan akhir bagi  $2 + 3 = 5$ . Kemudian, pengkaji akan meminta peserta untuk menyelesaikan soalan yang sama.

Bagi langkah tindakan pula, pengaplikasian teknik ALOHA digunakan semasa sesi PdPc. Teknik ini membantu peserta untuk menyelesaikan masalah penambahan dengan lebih mudah dan pantas. Pengkaji telah memilih 5 peserta kajian berdasarkan markah lembaran kerja yang telah diberi. Seterusnya, adalah pengkaji telah mengaplikasikan teknik ALOHA tersebut di dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Pengkaji telah membuat pemerhatian dan pengambilan gambar untuk dijadikan sebagai bukti dan bahan rujukan. Akhbar Pardi dan Shamsina Shamsuddin (2012) menyatakan bahawa pemerhatian penuh merupakan satu kaedah pemerhatian yang dibuat oleh penyelidik tanpa turut serta dalam aktiviti populasi dan tanpa mencuba untuk menghalang aktiviti daripada berlaku. Pengkaji juga telah mengumpul data daripada temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen iaitu lembaran kerja. Transkripsi temu bual dianalisis menggunakan kod iaitu kod 1 menunjukkan peserta tersebut menguasai item tersebut manakala kod 0 menunjukkan peserta tersebut tidak menguasai item tersebut. Kemudian, pengkaji telah membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan kajian pada peringkat pertama. Data-data yang diperolehi dianalisis secara triangulasi.

## **Kitaran 2**

Bagi kitaran 2, penggunaan teknik ALOHA dalam menyelesaikan masalah penambahan telah dilakukan ke atas 4 orang peserta kajian sahaja. Pengkaji telah menambahbaik dengan menggunakan video di mana video tersebut menunjukkan cara menyelesaikan masalah penambahan menggunakan teknik ALOHA. Pengkaji juga telah mengagihkan lembaran kerja di akhir setiap PdPc yang melibatkan penggunaan teknik ALOHA. Seterusnya, pengkaji mengumpul data dan menganalisis data daripada lembaran kerja tersebut. Pengkaji telah membuat pemerhatian sepanjang kajian ini dijalankan serta pengkaji juga telah membuat temu bual separa berstruktur di akhir pelaksanaan kajian. Data tersebut dianalisis seperti di dalam kitaran 1.

## DAPATAN KAJIAN

### Penguasaan Dalam Kemahiran Menambah

Pengkaji telah melaksanakan kajian untuk membantu peserta menguasai kemahiran menambah sehingga 2 digit nombor menggunakan teknik ALOHA. Oleh yang demikian, dalam kitaran 1, beberapa data telah dikumpul untuk dijadikan bahan bukti bagi menyokong kajian yang telah dilaksanakan. Pengkaji telah menganalisis data pemerhatian yang dijalankan menggunakan borang panduan pemerhatian yang telah disediakan sebelum kajian dijalankan.

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, hanya 6 item daripada 8 item sahaja yang digunakan untuk memerhatikan penguasaan peserta dalam kemahiran menambah dengan menggunakan teknik ALOHA. Item 1,2 dan 3 adalah untuk memerhatikan kefahaman peserta dalam mengenal pasti nombor menggunakan jari. Item 4,5 dan 6 pula adalah untuk melihat penguasaan murid terhadap teknik penambahan menggunakan ALOHA.

Pada kitaran 1 hanya peserta 3 yang memenuhi kriteria pemerhatian yang dikehendaki. Bagi peserta 1,2,4 dan 5 kebanyakan mereka masih belum memenuhi kriteria yang dikehendaki. Oleh yang demikian, apabila kitaran 2 dijalankan kajian ini hanya dilaksanakan ke atas peserta 1,2,4 dan 5. Bagi item 5 dan item 6 yang masih belum mencapai 100% adalah kerana peserta 5 masih merasakan teknik ALOHA ini mengelirukan daripada teknik yang lain.

Jadual 1  
Analisis Pemerhatian

Item	Kitaran 1	Kitaran 2
1	100% dapat mengenal pasti nombor 1 hingga 9 menggunakan teknik ALOHA	100% dapat mengenal pasti nombor 1 hingga 9 menggunakan teknik ALOHA
2	40% dapat mengenal pasti nombor 1 sehingga 2 digit nombor menggunakan teknik ALOHA.	100% dapat mengenal pasti nombor 1 sehingga 2 digit nombor menggunakan teknik ALOHA.
3	20% dapat menambah sehingga 2 digit nombor menggunakan teknik ALOHA	100% dapat menambah sehingga 2 digit nombor menggunakan teknik ALOHA
4	40% dapat menyelesaikan masalah menggunakan teknik ALOHA.	100% dapat menyelesaikan masalah menggunakan teknik ALOHA.
5	0% dapat menyelesaikan masalah dalam masa yang diberikan menggunakan teknik ALOHA.	75% dapat menyelesaikan masalah dalam masa yang diberikan menggunakan teknik ALOHA.
6	20% tidak memerlukan bantuan konkrit dalam menyelesaikan masalah.	75% tidak memerlukan bantuan konkrit dalam menyelesaikan masalah.

Jadual 2  
Analisis Temu Bual

Item	Kitaran 1	Kitaran 2
1	80% memahami teknik ALOHA.	100% memahami teknik ALOHA.
2	100% menunjukkan respon positif.	100% menunjukkan respon positif.
3	40% merasakan teknik ALOHA mudah.	75% merasakan teknik ALOHA mudah.
4	20% menyatakan teknik ALOHA lebih mudah berbanding teknik lain.	75% menyatakan teknik ALOHA lebih mudah berbanding teknik lain.



Temu bual dilaksanakan bagi menyokong analisis pemerhatian yang telah dilaksanakan. Berdasarkan Jadual 2 di atas dapat dilihat di dalam kitaran 1 bahawa hanya item 2 sahaja yang mendapat 100% respon. Namun demikian, setelah membuat penambahbaikan terdapat peningkatan dapat dilihat pada kitaran 2. Pada item 3 dan 4 hanya seorang sahaja peserta yang tidak dapat memenuhi item-item tersebut.

Berdasarkan Jadual 3 di bawah, pengkaji telah mengagihkan sebanyak 3 lembaran kepada peserta kajian semasa kajian dijalankan. Lembaran 1 mengandungi 4 soalan, lembaran 2 mengandungi 3 soalan dan lembaran 3 juga mengandungi 3 soalan. Bagi kitaran 1, dapat dilihat bahawa lembaran 1 adalah lembaran yang paling mudah untuk dikuasai berbanding dengan lembaran-lembaran yang lain. Selain itu, dapat juga dilihat pada kitaran 2 di mana kesemua peserta menguasai soalan pada lembaran 1. Bagi lembaran 2 dan 3 peserta masih menganggap bahawa soalan-soalan tersebut agak mengelirukan. Namun demikian, terdapat peningkatan pada kitaran 2 setelah penambahbaikan dilakukan.

Jadual 3  
Analisis Dokumen

Lembaran	Kitaran 1	Kitaran 2
<b>1</b> <b>(Penambahan sehingga satu digit nombor)</b>	60% menguasai	100% menguasai
<b>2</b> <b>(Penambahan sehingga dua digit nombor)</b>	40% menguasai	75% menguasai
<b>3</b> <b>(Penambahan sehingga dua digit nombor dengan pengumpulan semula)</b>	20% menguasai	75% menguasai

### Penambahbaikan Amalan PdPc Dalam Pengajaran Penambahan

Jadual 4  
Analisis Pemerhatian

Item	Kitaran 1	Kitaran 2
<b>7</b>	20% berasa seronok menyelesaikan masalah menggunakan teknik ALOHA	75% berasa seronok menyelesaikan masalah menggunakan teknik ALOHA
<b>8</b>	60% berminat untuk menyelesaikan masalah menggunakan teknik ALOHA	100% berminat untuk menyelesaikan masalah menggunakan teknik ALOHA

Berdasarkan Jadual 4 di atas, item 7 agak kurang mendapat respon yang positif. Hal ini kerana kebanyakan mereka tidak berasa seronok disebabkan mereka sering membuat kesilapan ketika menyelesaikan masalah penambahan yang diberikan. Mereka jadi malas untuk menggunakan teknik ALOHA dalam menyelesaikan masalah penambahan. Bagi item 8, pada awal kajian ini diperkenalkan kebanyakan mereka berminat untuk menyelesaikan menggunakan teknik ALOHA. Setelah beberapa minggu, kebanyakan mereka hanya berminat apabila rakannya yang lain menggunakan teknik ALOHA. Apabila kitaran 2 dijalankan, dapat dilihat bahawa terdapat peningkatan bagi kedua-dua item tersebut.



Jadual 5  
*Analisis Temu Bual*

Item	Kitaran 1	Kitaran 2
5	20% merasakan seronok menggunakan teknik ALOHA	75% merasakan seronok menggunakan teknik ALOHA
6	20% tidak merasakan teknik ALOHA bosan.	100% tidak merasakan teknik ALOHA bosan.

Berdasarkan Jadual 5 di atas, pada kitaran 1 menunjukkan hanya 20% sahaja yang memberi respon yang positif. 20% tersebut adalah peserta 3 sahaja. Oleh itu kitaran 2 hanya dijalankan ke atas 4 orang peserta yang lain sahaja. Setelah ditambah baik, terdapat peningkatan dapat dilihat daripada keempat-empat peserta tersebut.

## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Penggunaan teknik ALOHA didapati sesuai dalam menyelesaikan masalah penambahan dan dapat menambah baik amalan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Namun demikian, teknik ALOHA ini agak sukar untuk diaplikasikan kerana teknik ini memerlukan jangka masa yang panjang. Teknik ini perlu dipraktikkan dengan kerap dalam jangka masa yang panjang. Teknik ALOHA dapat meningkatkan keupayaan pembelajaran kanak-kanak dan membolehkan mereka melakukan pengiraan secara mental tanpa bantuan seperti kalkulator, sempoa, pen, kertas dan lain-lain (ALOHA Malaysia, 2014). Bagi amalan PdPc pula, refleksi bagi setiap kitaran dapat membantu untuk ditambah baik.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi, pengkaji telah mendapat data yang memberangsangkan. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan untuk masa yang akan datang. Antara cadangan tersebut adalah, menggunakan video untuk memperkenalkan teknik ALOHA supaya murid mudah untuk memahami teknik tersebut. Cara ini juga dapat membantu murid untuk mengasah tahap kefahaman murid dalam sesuatu teknik sekaligus berfikir secara sendiri untuk menyelesaikan masalah yang diberi. Cadangan yang seterusnya adalah memberi nota beserta gambar pergerakan jari bagi teknik ALOHA ini kepada murid-murid supaya mereka dapat mempraktikkan walaupun di luar bilik darjah. Murid-murid juga dapat menyelesaikan masalah penambahan yang diberikan sebagai kerja rumah merujuk kepada nota yang diberi. Cara ini dapat memudahkan murid-murid untuk melaksanakan tugas mereka.

## RUJUKAN

- Aida Suraya. (1994). *Analisis kesilapan masalah-masalah berkaitan nombor perpuluhan dan pecahan bagi pelajaran Tahun Lima sekolah rendah*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 12.
- Akhlar Pardi & Shamsina Shamsuddin (2012). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan pendidikan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Aloha Malaysia. (2014). What is *Aloha Mental Arithmetic*? diperolehi daripada <http://www.alohamalaysia.com/>
- Elaine J.Hom. (2013). What Is Mathematics? Diperolehi daripada <https://www.livescience.com/38936-mathematics.html>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun Enam* diperolehi daripada <https://www.moe.gov.my/images/WargaKPM/Guru/KSSR/DSKP%20KSSR%20MATEMATIK%20SK%20Tahun%206.pdf>
- K.Vasuki (2013). *Report The Impact Of Abacus Learning Of Mental Arithmetic On Cognitive Abilities Of Children*. Chennai : ALOHA MENTAL ARITHMETIC.

- Othman Lebar (2011). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Sabri Ahmad, Tengku Zawawi, Aziz Omar. (2006). *Isu-isu dalam pendidikan matematik* Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ting Leng Siong, Ahmad Sabry & Ting Hun Yong. (2013). *Penyelidikan tindakan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn.Bhd.

## PENGUNAAN KAEDAH SULLAM SUUR DALAM MENGUASAI KEMAHIRAN PENDARABAN MURID TAHUN LIMA

WONG YUN YU<sup>1</sup>, NARAWI ABU BAKAR<sup>2</sup>, PhD

Unit Matematik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM),  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>wyunyu97@gmail.com, <sup>2</sup>narawiabubakar@yahoo.com

### ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan adalah untuk membantu murid-murid Tahun 5 untuk menguasai kemahiran pendaraban melibatkan nombor empat digit dengan nombor dua digit, dan hasil darabnya hingga 1 000 000 dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*. Model Stephen Kemmis (1983) telah dijadikan sebagai garis panduan dalam melaksanakan kajian tindakan ini. Seramai empat orang murid dipilih untuk menjadi peserta kajian yang dikenalpasti berdasarkan kepada pemerhatian, latihan dan kuiz yang diberikan serta temu bual dengan guru mata pelajaran. Pengumpulan data kajian ini telah menggunakan tiga kaedah iaitu, analisis dokumen, pemerhatian, dan temu bual. Data analisis dokumen dianalisis berdasarkan kepada bilangan soalan yang betul dalam lembaran kerja. Senarai semak pemerhatian digunakan untuk merekodkan prestasi dan respons peserta kajian semasa menjawab soalan lembaran kerja. Data temu bual ditranskrip dan dikodkan mengikut tema yang ditetapkan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah *Sullam Suur* membantu peserta kajian menguasai kemahiran pendaraban nombor empat digit dan nombor dua digit. Peserta kajian juga didapati berminat untuk menggunakan kaedah *Sullam Suur* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang melibatkan kemahiran ini.

Kata Kunci: *Kaedah Sullam Suur, kemahiran pendaraban, murid Tahun 5*

### ABSTRACT

*This action research was carried out to help Year 5 pupils in mastering the skill of multiplying four digit numbers with two-digit number and the product until 1 000 000 using Sullam Suur method. Stephen Kemmis Model (1983) was used as a guide to carry out this action plan. The participants consisted of four Year 5 pupils identified based on observations, exercise, quiz and interview with their subject's teacher. The data were collected through document analysis, observations and interviews. Data from document analysis were analysed based on the number of questions answered correctly. Observation checklist was used to record pupils' achievement and their responses while pupils were answering questions in worksheet. The outcome of the interviews was transcribed and coded according to the theme. The results showed that the use of Sullam Suur method helps the participants in mastering multiplication of four digit number with two digit number. Participants also showed their interest in using Sullam Suur method in learning multiplication skill.*

Keywords: *Sullam Suur method, multiplication skill, Year 5 pupils*


### PENGENALAN

Subjek Matematik merupakan subjek yang penting dalam sistem pendidikan. Reys, Lindquist, Lambdin, Suydam dan Smith (2014) mengatakan "*Mathematics is a tool. Mathematics has become an essential part of our world, both in everyday life and in the workplace*". Konsep pendaraban merupakan satu daripada konsep asas yang penting dalam mata pelajaran Matematik. Pendaraban merupakan proses menambah secara berulang-ulang sesuatu nombor (Rebecca Wingard, 2012). Operasi darab kerap menjadi masalah kepada

murid-murid terutamanya apabila melibatkan pendaraban lebih dari satu digit menggunakan kaedah bentuk lazim tradisional. Oleh itu, peranan guru adalah penting untuk menggunakan kaedah alternatif atau amalan PdPc yang sesuai dan berkesan agar objektif PdPc dapat dicapai pada tahap yang optimum (Ku Poh Li dan Lim Soon Chong Johnson, 2018).

## REFLEKSI PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN

Masalah pendaraban boleh berpunca daripada pengamalan langkah kerja yang salah dan kecuaiian diri murid (Edward Austrus dan Ernie Kho Siaw Nee, 2013). Melalui kuiz yang diberikan, pengkaji telah mengesan terdapat empat orang murid yang tidak dapat menjawab soalan pendaraban walaupun mereka mahir dalam penambahan dan sifir sehingga 9. Menurut Jan Hui Choo dan Hu Laey Nee (2015), kekangan yang dihadapi menyebabkan murid kurang berminat. Pengkaji mendapati bahawa murid-murid menunjukkan sikap yang malas dan bosan. Murid menggunakan masa yang lama untuk menyelesaikan latihan. Masalah murid adalah tidak menguasai konsep nilai tempat dan pemikiran abstrak di sebalik proses pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit. Rajah 1 menunjukkan murid tidak menguasai konsep nilai tempat.



Rajah 1. Tidak menguasai konsep nilai tempat

Pengkaji menggunakan kaedah alternatif dalam membantu penguasaan murid-murid iaitu, kaedah *Sullam Suur*. Perbincangan juga dilakukan dengan guru pembimbing. Pengkaji berharap murid bukan sahaja menguasai kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit tetapi juga mempunyai minat untuk menguasai kemahiran ini selepas kaedah *Sullam Suur* diperkenalkan.

## FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokuskan operasi pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit kerana kemahiran ini amat diperlukan bukan sahaja di alam pendidikan malah juga dalam kehidupan seharian. Pengkaji mendapati murid-murid menguasai kemahiran pendaraban sebarang nombor dengan nombor satu digit yang kukuh tetapi tidak menguasai pendaraban dengan nombor dua digit. Kenyataan ini dibuktikan dalam kajian yang dijalankan oleh Lai Sze May dan Lu Chung Chin (2017). Jadi, pengkaji berusaha untuk mencari strategi atau kaedah alternatif untuk membantu murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit. Menurut Mohd Zaid Mat Isa, Nik Lukman Nik Yaacob dan Mohamad Zahiri Mohd Khozi (2013), murid kerap melakukan kesilapan pendaraban apabila menggunakan kaedah bentuk lazim seperti pengumpulan semula dan kedudukan digit mengikut nilai tempat yang betul. Pengkaji membuat keputusan untuk menggunakan kaedah *Sullam Suur*. Kaedah ini turut dapat membantu murid untuk menuliskan langkah dengan sistematik, mengelakkan masalah nilai tempat dan kecuaiian dalam penambahan melibatkan pengumpulan semula di samping memudahkan proses penyemakan jawapan.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

- Membantu murid untuk menguasai kemahiran mendarab nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*.
- Meningkatkan minat murid-murid dalam menguasai kemahiran mendarab nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*.

Soalan kajian adalah:

- Bagaimana cara membantu murid untuk menguasai kemahiran mendarab nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*?
- Adakah murid-murid berminat untuk menguasai kemahiran mendarab nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*?

## KUMPULAN SASARAN





Kajian ini melibatkan murid-murid Tahun 5 di sebuah sekolah kebangsaan luar bandar Miri. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan terhadap mereka semasa membuat latihan dan markah kuiz serta perbincangan dengan guru mata pelajaran. Seramai empat orang murid telah dipilih untuk menjadi peserta kajian ini.

## TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan Model Stephen Kemmis (1983) yang terdiri daripada empat langkah iaitu, merancang, bertindak, memerhati dan mereflek dalam satu kitaran yang lengkap. (Ting Len Siong, Ahmad Sabry Othman, dan Ting Hun Yong, 2013; Shamsina Shamsuddin, 2014). Kajian ini telah dijalankan dalam dua kitaran. Dalam kitaran 1, pengkaji memperkenalkan kaedah *Sullam Suur* dengan menerangkan langkah-langkah penggunaan kepada peserta kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Langkah-langkah penggunaan kaedah *Sullam Suur*

	<p>(1) Lukiskan tangga berdasarkan bilangan digit nombor pendarab.</p>		<p>(2) Darabkan setiap digit nombor pendarab dengan digit nilai tempat puluh nombor didarab.</p>
	<p>(3) Darabkan setiap digit nombor pendarab dengan digit nilai tempat satu nombor didarab.</p>		<p>(4) Jumlahkan digit-digit untuk mencari hasil pendaraban.</p>

Dalam kitaran 2, penambahbaikan telah dilakukan ke atas kaedah *Sullam Suur* (Rajah 2.) berdasarkan masalah yang dihadapi oleh peserta kajian.

2415 x 36 = <u>86940</u>						
		1	2	1		
	0	6	2	4		
		1	2	0	6	
			0	3	3	0
+				1	5	
		8	6	9	4	0

Rajah 2. Penambahbaikan yang dilakukan

Tiga kaedah pengumpulan data digunakan iaitu, analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dalam analisis dokumen, murid perlu menguasai sekurang-kurangnya 80% aras masteri yang ditetapkan untuk setiap unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baru (Umi Baizura Zulkapli, 2011). Peserta kajian dikategorikan sebagai menguasai kemahiran yang diuji sekiranya berjaya menjawab sekurang-kurangnya empat soalan daripada lima soalan yang diberikan dalam lembaran kerja. Pengkaji turut merancang pemerhatian berstruktur dengan menggunakan senarai semak pemerhatian untuk mengenalpasti penguasaan dan minat peserta kajian. Ruangan “Ya” dan “Tidak” ditandakan berdasarkan item yang ditetapkan. Data yang dikumpul melalui temu bual berstruktur ditranskripsikan dan dienkodkan mengikut kategori kod yang ditetapkan. Peserta kajian dikatakan menguasai kemahiran sekiranya memberikan tiga respons positif daripada empat soalan dan berminat sekiranya memberikan dua respons positif daripada tiga soalan yang dikemukakan.

## DAPATAN KAJIAN

### Penguasaan kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit menggunakan kaedah *Sullam Suur*

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji mendapati bahawa tiga orang peserta kajian iaitu, R1, R2, dan R4 dapat menguasai kemahiran mendarab manakala R3 tidak menguasai kemahiran mendarab dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*. Jadual 3 menunjukkan semua peserta kajian menguasai kemahiran mendarab nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*.

Jadual 2

Analisis data lembaran kerja kitaran 1

Peserta kajian	Bilangan soalan betul dan markah peratusan		Tafsiran
	LK 1	LK 2	
R1	3/5 (60%)	4/5 (80%)	Menguasai
R2	3/5 (60%)	4/5 (80%)	Menguasai
R3	0/5 (0%)	2/5 (40%)	Belum Menguasai
R4	4/5 (80%)	4/5 (80%)	Menguasai

Jadual 3

Analisis data lembaran kerja kitaran 2

Peserta kajian	Bilangan soalan betul dan markah peratusan	Tafsiran
R1	5/5 (100%)	Menguasai
R2	5/5 (100%)	Menguasai
R3	5/5 (100%)	Menguasai
R4	5/5 (100%)	Menguasai

Selain menganalisis dokumen, pengkaji membuat pemerhatian dan menemu bual para peserta kajian. Jadual 4 menunjukkan hasil analisis pemerhatian perkara 1 dan 2 dalam kedua-dua kitaran yang dijalankan. Dalam kitaran 1, semua peserta kajian melukis tangga dengan tepat untuk setiap soalan dalam kedua-dua lembaran kerja. Pada akhir kitaran 1, tiga orang peserta berjaya menulis semua jawapan pada tempat yang tepat dan kemas manakala seorang peserta kajian yang tidak berjaya memerlukan bimbingan selanjutnya.

Jadual 4  
Hasil analisis pemerhatian kitaran 1 dan kitaran 2

Bil.	Item	Kitaran 1				Kitaran 2	
		LK 1		LK 2		LK 3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Melukis tangga kaedah dengan tepat.	R1, R2, R3, R4	-	R1, R2, R3, R4	-	R1, R2, R3, R4	-
2.	Menulis jawapan pada tempat yang tepat dan kemas.	R1, R4	R2, R3	R1, R2, R4	R3	R1, R2, R3, R4	-

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis temu bual. Semua peserta kajian telah memberikan maklum balas pada akhir kedua-dua kitaran.

Jadual 5  
Hasil analisis temu bual kitaran 1 dan kitaran 2

Bil	Item	Maklum balas			
		Kitaran 1		Kitaran 2	
		Kod 1	Kod 2	Kod 1	Kod 2
1.	Adakah penggunaan kaedah <i>Sullam Suur</i> memudahkan anda untuk menyelesaikan soalan pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit?	R1, R2, R3, R4	-	R1, R2, R3, R4	-
2.	Adakah kaedah <i>Sullam Suur</i> dapat membantu anda untuk menjawab soalan pendaraban dengan lebih pantas?	R2, R4	R1, R3	R1, R2, R3, R4	-
3.	Adakah kaedah <i>Sullam Suur</i> membantu anda untuk mendapat jawapan yang betul?	R1, R2, R4	R3	R1, R2, R3, R4	-
4.	Adakah anda berasa lebih yakin menggunakan kaedah <i>Sullam Suur</i> ?	R1, R2, R3, R4	-	R1, R2, R3, R4	-

Berdasarkan Jadual 5, kod 1 mewakili maklum balas positif manakala kod 2 mewakili maklum balas negatif. Dalam kitaran 1, semua peserta memperoleh kod 1 untuk soalan 1 dan 4. Dua orang peserta memperoleh kod 1 dan dua orang peserta memperoleh kod 2 untuk soalan 2 manakala tiga orang peserta memperoleh kod 1 dan seorang kod 2 untuk soalan 3. Pada akhir kitaran 2, semua responden memperoleh kod 1 untuk semua soalan temu bual iaitu, maklum balas positif terhadap kaedah *Sullam Suur*.

### Minat murid dalam menguasai kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*

Menurut Noor Erma Abu dan Leong Kwan Eu (2014), minat merupakan suatu perkara penting dalam mendorong murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti PdPc. Jadual 6 menunjukkan hasil analisis temu bual kitaran 1 dan kitaran 2.

Jadual 6  
Hasil analisis temu bual kitaran 1 dan kitaran 2

Bil.	Item	Maklum balas			
		Kitaran 1		Kitaran2	
		Kod 1	Kod 2	Kod 1	Kod 2
5.	Adakah kaedah <i>Sullam Suur</i> menyeronokkan anda?	R1, R2, R3, R4	-	R1, R2, R3, R4	-
6.	Adakah anda berminat dengan kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit selepas mengenali kaedah <i>Sullam Suur</i> ?	R1, R2, R4	R3	R1, R2, R3, R4	-
7.	Adakah anda akan terus menggunakan kaedah <i>Sullam Suur</i> ?	R1, R2, R4	R3	R1, R2, R3, R4	-

Berdasarkan Jadual 6, tiga orang peserta kajian memperoleh kod 1 untuk semua soalan temu bual manakala seorang peserta kajian lain memperoleh kod 1 untuk satu soalan dan kod 2 untuk dua soalan. Pada akhir kitaran 2, semua peserta kajian memberikan maklum balas yang positif di mana kesemua peserta memperoleh kod 1. Keempat-empat peserta kajian telah menunjukkan minat terhadap kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit setelah diperkenalkan dengan kaedah *Sullam Suur*.

Selain daripada temu bual, pengkaji telah melaksanakan pemerhatian terhadap peserta kajian dengan menggunakan senarai semak. Pemerhatian dijalankan untuk mengukuhkan dapatan kajian tentang minat murid terhadap penguasaan pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*. Jadual 7 menunjukkan hasil analisis pemerhatian kitaran 1 dan kitaran 2.

Jadual 7  
Hasil analisis pemerhatian kitaran 1 dan kitaran 2

Bil.	Item	Kitaran 1				Kitaran 2	
		LK 1		LK 2		LK 3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
3.	Peserta kajian menumpukkan perhatian semasa mereka menyelesaikan soalan.	R2, R4	R1, R3	R1, R2, R3, R4	-	R1, R2, R3, R4	-
4.	Peserta kajian menggunakan kaedah <i>Sullam Suur</i> untuk menjawab semua soalan.	R1, R2, R3, R4	-	R1, R2, R3, R4	-	R1, R2, R3, R4	-
5.	Peserta kajian menunjukkan kegembiraan dan ceria semasa menyelesaikan lembaran kerja.	R1, R4	R2, R3	R1, R2, R4	R3	R1, R2, R3, R4	-


## REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

### Penguasaan kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit menggunakan kaedah *Sullam Suur*


Berdasarkan Jadual 2, R1, R2, dan R4 berjaya menguasai kemahiran pendaraban dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur* dalam kitaran 1 manakala R3 belum menguasai dengan baik. Maka, R3 diteruskan dalam kitaran 2. Selepas penambahbaikan dilakukan, semua peserta menguasai kemahiran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Hasil pemerhatian dalam Jadual 4 menunjukkan penguasaan peserta kajian yang melukiskan tangga dan menuliskan jawapan pada tempat yang tepat. Analisis temu bual dalam Jadual 5



membuktikan penguasaan peserta yang memberi maklum balas positif. Jadi, dapatan kajian adalah selaras dengan dapatan kajian Fatimah Nazeri dan Fazidah Mohd Jaafar (2014). Rajah 3 dan Rajah 4 menunjukkan hasil kerja peserta kajian.



Rajah 3. Hasil kerja peserta kajian dalam kitaran 1



Rajah 4. Hasil kerja peserta kajian dalam kitaran 2

### Minat murid dalam menguasai kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*

Berdasarkan Jadual 6, tiga orang peserta iaitu R1, R2, dan R4 memberikan semua maklum balas yang positif dalam kedua-dua kitaran. R3 yang memberikan dua maklum balas negatif juga memberikan semua maklum balas positif selepas penambahbaikan dilakukan dalam kitaran 2. Bagi data pemerhatian dalam Jadual 7 semua peserta kajian memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam senarai pada akhir kitaran 2. Melalui temu bual dan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa peserta kajian mempunyai minat yang tinggi terhadap kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit selepas menggunakan kaedah *Sullam Suur*. Hal ini kerana reaksi-reaksi peserta kajian menunjukkan perbezaan yang ketara semasa menggunakan kaedah tradisional dan semasa menggunakan kaedah *Sullam Suur*. Dapatan kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian Fatimah Nazeri dan Fazidah Mohd Jaafar (2014).

### CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kaedah *Sullam Suur* boleh digunakan dalam pendaraban nombor lima digit dengan nombor dua digit ataupun nombor empat digit dengan nombor tiga digit dan sebagainya kerana kaedah ini tidak mempunyai limit digit. Kaedah *Sullam Suur* boleh digunakan dalam pelbagai topik mata pelajaran Matematik yang melibatkan pendaraban seperti operasi bergabung, perpuluhan, wang, sukatan dan geometri. Penggunaan pensel warna berlainan juga boleh diamalkan untuk mengurangkan kekeliruan murid semasa menyelesaikan soalan.

$$13253 \times 23 = \underline{304819}$$

Rajah 5. Contoh pendaraban nombor lima digit dengan nombor dua digit

$$2513 \times 614 = \underline{1542982}$$

Rajah 6. Contoh pendaraban nombor empat digit dengan nombor tiga digit

$$1) 1253 \times 2.5 = \underline{3132.5}$$

$$2) 25.13 \times 2.3 = \underline{57.799}$$

Rajah 7. Contoh penggunaan kaedah Sullam Suur untuk pendaraban yang melibatkan perpuluhan

$$1253 \times 25 = \underline{31325}$$

Rajah 8. Contoh penggunaan pensel warna dalam menyelesaikan soalan

## PENUTUP

Secara keseluruhan, penggunaan kaedah *Sullam Suur* dapat membantu murid Tahun 5 dalam menguasai kemahiran pendaraban nombor empat digit dengan nombor dua digit. Murid-murid juga berminat untuk menguasai kemahiran pendaraban dengan menggunakan kaedah *Sullam Suur*.

## RUJUKAN

- Edward Austrus & Ernie Kho Siaw Nee. (2013). Penggunaan Kaedah “Pistol, Tukul Dan Tangga” Dalam Meningkatkan Penguasaan Murid Tahun 4 Dalam Pendaraban. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTMTE 2013)*. 23-24 September. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 187-198.
- Fatimah Nazeri & Fazidah Mohd Jaafar. (2014). *Membantu meningkatkan kemahiran dan minat murid tahun 5 dalam pendaraban nombor dua digit dengan menggunakan kaedah tangga pelangi*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam.
- Jan Hui Choo & Hu Laey Nee. (2015). Penggunaan kaedah bahagi berpaling dalam pengajaran dan pembelajaran operasi bahagi. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan (SPTMTE 2015) Jilid 2*. 16-19 April. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 128-140.
- Ku Poh Li & Lim Soon Chong Johnson. (2018). Pelaksanaan dan keberkesanan kaedah lattice dalam pengajaran kemahiran matematik: satu kajian kes di sekolah rendah. *Online Journal of TVET Practitioners*, 1(1). ISSN 2289-7410. Diperoleh dari <http://eprints.uthm.edu.my/9674/2/36.pdf>
- Lai Sze May & Lu Chung Chin. (2017). Penggunaan “LeSiMa” Dalam Penguasaan Pendaraban Melibatkan Nombor Dua Digit Bagi Murid Tahun 5. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 13*, 13: 21-30.
- Mohd Zaid Mat Isa, Nik Lukman Nik Yaacob & Mohamad Zahiri Mohd Khozi. (2013). Darab mudah bahagi senang dengan Kaedah Sullam Suur. Kertas Kerja *Pertandingan Guru Inovatif 2013 Kementerian Pelajaran Malaysia*. Chenor, Pahang.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 2(1): 1-10.
- Reys, R. E., Lindquist, M., Lambdin, D. V., Suydam M. & Smith N. L. (2014). *Helping Children Learn Mathematics, 11th Edition*. United State of America: John Wiley & Son, Inc.
- Ting Len Siong, Ahmad Sabry Othman & Ting Hun Yong. (2013). *Penyelidikan tindakan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur. Freemind Horizon Sdn.Bhd.
- Umi Baizura Zulkapli. (2011). *Keberkesanan Pelaksanaan Teknik Pembelajaran Masteri Dalam Topik Pecahan Tingkatan 1*. Pelaporan Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wingard, R. (2012). *Multiplication and division*. United States of America: Enslow Publishers, Inc.

## TIMBANG PECAHAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN MURID DALAM MEMBACA SKALA ALAT PENIMBANG

**DIONG SHI MEI<sup>1</sup>, HU LAEY NEE<sup>2</sup>, PhD**

Unit Matemaik, Jabatan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM),  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>diongshimei97@hotmail.com, <sup>2</sup>huln1234@gmail.com

### ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk membantu murid Tahun 4 menguasai kemahiran membaca skala alat penimbang yang melibatkan dua, empat dan lima senggatan melalui kaedah menukar gambar rajah skala alat penimbang menjadi pecahan yang mudah, iaitu dinamakan kaedah Timbang Pecahan (TP). Penyelidikan tindakan ini dijalankan berpandukan model Stephen Kemmis (1983). Peserta kajian ini terdiri daripada lima orang murid dari sebuah sekolah di Miri. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, dokumen dan temu bual. Data pemerhatian direkodkan dengan menggunakan senarai semakan pemerhatian mengikut tingkah laku murid semasa menjawab lembaran kerja dan dianalisis berdasarkan kekerapan tingkah laku yang telah dikenal pasti. Data dokumen dianalisis berdasarkan bilangan soalan yang dijawab dengan betul dalam lembaran kerja. Data temu bual direkodkan secara transkripsi dan dianalisis secara bertema. Dapatan kajian menunjukkan perubahan amalan pengajaran melalui kaedah TP dapat memberikan kesan positif dari segi penguasaan dan minat serta keyakinan peserta kajian dalam kemahiran membaca skala alat penimbang yang melibatkan dua, empat dan lima senggatan.

Kata kunci: *membaca skala alat penimbang, menukar gambar rajah skala alat penimbang, pecahan yang mudah, Timbang Pecahan (TP)*

### ABSTRACT

*This action research was conducted to assist Years 4 students to read weight scales which have graduations two, four and five by changing the method of weighing scales diagram into a simple fraction named Weights of Fraction (WF). This research was carried out according to Stephen Kemmis (1983) action research model. The study participants comprised of five students from a school in Miri. Data in this research were collected by using observations, document and interviews during the execution of this study. Observations were recorded using a observation checklist according to student's response to the worksheet and were analyzed based on the frequency of student's response. Document was analyzed based on the number of questions answered correctly by students in the worksheet. Data from interviews were recorded in the form of transcript and were analyzed by theme. The findings indicate that changes in teaching practice through method WF shown positive impact on study participants in reading weight scales which have graduations of two, four and five.*

Keywords: *read weight scales, changing weighing scales weight, simple fraction, Weights of Fraction (WF)*

### PENGENALAN

Matematik Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) amat mementingkan kesinambungan kepada hasil pembelajaran setiap tahap (Nadzrinah Ahmad, 2015). Bidang Sukatan dan Geometri dikelaskan kepada tajuk seperti Masa dan Waktu, Ukuran dan Sukatan serta Ruang. Manakala Jisim merupakan salah satu bahagian yang penting di bawah tajuk Ukuran dan Sukatan dalam bidang Sukatan dan Geometri. Dalam topik Jisim ini, murid-murid

perlu menguasai kemahiran membaca alat pengukuran jisim mulai dari Tahap Satu di mana kemahiran ini diperlukan untuk membantu menyelesaikan operasi asas yang melibatkan jisim. Topik Jisim merupakan topik yang sangat berkait rapat dalam kehidupan seharian dan murid menguasai kemahiran-kemahiran asas seperti kemahiran mengukur, menyukat, membaca dan merekod nilai skala alat penimbang.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Melalui pengalaman pengajaran, pengkaji mendapati murid mengetahui cara bacaan skala alat penimbang yang dipaparkan tetapi mereka menghadapi masalah selepas bilangan senggatan pada alat penimbang berubah terutamanya melibatkan dua, empat dan lima senggatan walaupun guru Matematik memberikan satu carta hafalan mudah bagi membaca alat pengukuran penimbang yang melibatkan pelbagai senggatan (Mohamad Zaidi Ismail dan Ernie Kho Siaw Nee, 2015). Kebanyakan murid mengalami miskonsepsi terhadap nilai yang diwakili oleh setiap senggatan pada alat penimbang di mana mereka menganggap setiap senggatan pada alat penimbang adalah bernilai 0.1 kg. Kegagalan murid membaca skala alat penimbang akan menambahkan lagi beban mereka apabila menyelesaikan masalah rutin yang melibatkan operasi asas tambah, tolak, darab dan bahagi dan operasi bergabung dalam topik Jisim. Rajah 1 menunjukkan kesilapan murid menyelesaikan masalah rutin akibat kegagalan membaca skala alat penimbang. Rajah 2 menunjukkan murid melakukan kesilapan dalam membaca skala alat penimbang. Murid salah baca skala alat penimbang yang terdapat dalam soalan tetapi murid tersebut faham akan kehendak soalan dan menggunakan operasi asas yang tepat. Jadi, kemahiran membaca skala alat penimbang merupakan satu kemestian yang perlu dipelajari oleh murid di sekolah rendah.

1. 图 1 和图 2 显示两个秤。以 kg 和 g 为单位，算出两个秤的读数相差多少？  
Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan dua alat penimbang. Kirakan beza nilai jisim di antara kedua-dua skala alat penimbang yang ditunjukkan.



图 1  
Rajah 1




图 2  
Rajah 2

图 1 (Rajah 1) = 2.4 kg

图 2 (Rajah 2) = 1.3 kg

2.4 kg	
- 1.3 kg	
1.1 kg	

Rajah 1. Kesilapan murid menyelesaikan masalah rutin



Rajah 2. Kesilapan murid dalam membaca skala alat penimbang

### FOKUS KAJIAN

Diperhatikan bahawa kemahiran membaca skala alat penimbang begitu penting dalam kurikulum Matematik, kajian ini dijalankan untuk membantu penguasaan dan minat murid dalam membaca skala alat penimbang yang melibatkan dua, empat dan lima senggatan dengan amalan pengajaran melalui kaedah Timbang Pecahan (TP). Hasil kajian Mohamad Zaidi Ismail dan Ernie Kho Siaw Nee (2015) telah menunjukkan peningkatan murid dalam penguasaan kemahiran membaca skala alat penimbang dalam setiap latihan yang diberikan selepas kaedah TP digunakan. Kaedah TP adalah satu strategi untuk mendapatkan nilai setiap senggatan dengan membina model bar pecahan.

Menurut Mohammad Azhar Abdul Hamid (2003), visualisasi adalah keupayaan seseorang untuk menggambarkan imej mental dalam pemikirannya semasa menyelesaikan masalah. Kaedah TP ini melibatkan proses penukaran pecahan yang terbentuk dalam model bar pecahan kepada nombor perpuluhan untuk mendapatkan nilai jisim yang tepat. Dalam proses penukaran pecahan kepada nombor perpuluhan, operasi asas bahagi dalam bentuk lazim yang biasa akan digunakan. Murid dapat membaca skala alat penimbang dengan mudah dan berkesan dengan mengaplikasikan operasi asas bahagi dan pecahan.

### OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mempunyai dua objektif kajian, iaitu:

- a. Membantu meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca skala alat penimbang melalui amalan pengajaran menggunakan kaedah TP.
- b. Membantu meningkatkan minat dan keyakinan murid dalam mempelajari kemahiran membaca skala alat penimbang melalui amalan pengajaran menggunakan kaedah TP.

Kajian tindakan ini dilaksanakan bagi menjawab soalan kajian berikut:

- a. Bagaimana penguasaan murid dalam kemahiran membaca skala alat penimbang melalui amalan pengajaran menggunakan kaedah TP dapat ditingkatkan?
- b. Bagaimana minat dan keyakinan murid dalam mempelajari kemahiran membaca skala alat penimbang dapat ditingkatkan melalui amalan pengajaran menggunakan kaedah TP?





### PESERTA KAJIAN

Kajian tindakan ini dijalankan di sebuah sekolah rendah yang berada di bandar Miri. Tiga orang murid perempuan dan dua orang murid lelaki bagi Tahun 4 dipilih sebagai peserta


kajian. Mereka sudah menguasai kemahiran membaca skala alat penimbang yang melibatkan 10 senggatan dengan betul tetapi masih belum menguasai kemahiran membaca alat penimbang yang melibatkan selain daripada 10 senggatan.

## TINDAKAN

Kajian ini dilaksanakan berpandukan Model Stephen Kemmis (1983). Model ini terdiri daripada empat peringkat, iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi dalam satu kitaran yang lengkap (Mok Soon Sang, 2010; Rosinah Edinin, 2014). Dua kitaran telah dilaksanakan sehingga murid menguasai kemahiran membaca skala alat penimbang yang melibatkan dua, empat dan lima senggatan dengan bantuan kaedah TP. Dalam Kitaran 1, pengkaji telah mengubah amalan pengajaran dengan memperkenalkan kaedah TP dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Penggunaan kaedah TP telah ditunjukkan melalui Rajah 3.





Langkah 1		Membuat satu garisan lengkung dari satu nombor bulat ke satu nombor bulat yang seterusnya seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah di sebelah.
Langkah 2		Melorekkan bahagian senggatan yang telah dilalui oleh jarum penimbang mengikut arah jam pada garisan yang telah dibuat tadi.
Langkah 3		Membina model bar pecahan lorek bilangan bahagian berdasarkan bilangan senggatan dalam garisan lengkung dan lorekkan yang dibuat pada langkah 2. Kemudian membaca pecahan yang terhasil.
Langkah 4		Menukar pecahan kepada nombor perpuluhan dengan operasi asas bahagi. $\frac{4}{5} = 4 \div 5$ $= 0.8$ $\begin{array}{r} 0.8 \\ 5 \overline{) 4.0} \\ \underline{-0} \\ 40 \\ \underline{40} \\ - \end{array}$





<p>Langkah 5</p>		<p>Melihat semula gambar rajah alat penimbang untuk mengenal pasti nombor yang telah dilalui oleh jarum penimbang. Oleh sebab nombor 2 telah dilalui oleh jarum penimbang, maka 2 perlu ditambahkan dengan nombor persepuluhan yang telah ditukar di langkah 4.</p> <p style="text-align: center;"><math>2 + 0.8 = 2.8 \text{ kg}</math></p>
------------------	---	--

Rajah 3. Penggunaan kaedah Timbang Pecahan (TP)

Disebabkan perubahan amalan pengajaran dalam Kitaran 1 kurang memberikan kesan, penambahbaikan amalan pengajaran dijalankan dengan membekalkan sifir 2, 4 dan 5 dalam membaca skala alat penimbang dengan kaedah TP. Rajah 4 menunjukkan hasil penambahbaikan dalam kaedah TP. Dalam kedua-dua kitaran, data-data yang dikumpul melalui teknik pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Data-data yang dikumpul dianalisis berdasarkan kekerapan kewujudan item pemerhatian, bilangan soalan yang dijawab betul dalam lembaran kerja dan maklum balas daripada murid.

<p>Langkah 1</p>		<p>Membuat satu garisan lengkung dari satu nombor bulat ke satu nombor bulat yang seterusnya seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah di sebelah.</p>
<p>Langkah 2</p>		<p>Melorekkan bahagian senggatan yang telah dilalui oleh jarum penimbang mengikut arah jam pada garisan yang telah dibuat tadi.</p>
<p>Langkah 3</p>		<p>Membina model bar pecahan lorek bilangan bahagian berdasarkan bilangan senggatan dalam garisan lengkung dan lorekkan yang dibuat pada langkah 2. Kemudian membaca pecahan yang terhasil.</p> <div style="text-align: center;">  </div>



<p>Langkah 4</p>		<p>Menukar pecahan kepada nombor perpuluhan dengan operasi asas bahagi.</p> $\frac{4}{5} = 4 \div 5$ $= 0.8$ <div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="margin-right: 20px;"> <math display="block">\begin{array}{r} 0.8 \\ 5 \overline{) 4.0} \\ \underline{-0} \\ 40 \\ \underline{40} \\ 0 \end{array}</math> </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <math>1 \times 5 = 5</math>  <math>2 \times 5 = 10</math>  <math>3 \times 5 = 15</math>  <math>4 \times 5 = 20</math>  <math>5 \times 5 = 25</math>  <math>6 \times 5 = 30</math>  <math>7 \times 5 = 35</math>  <math>8 \times 5 = 40</math>  <math>9 \times 5 = 45</math> </div> </div>
<p>Langkah 5</p>		<p>Melihat semula gambar rajah alat penimbang untuk mengenal pasti nombor yang telah dilalui oleh jarum penimbang. Oleh sebab nombor 2 telah dilalui oleh jarum penimbang, maka 2 perlu ditambahkan dengan nombor perpuluhan yang telah ditukar di langkah 4.</p> $2 + 0.8 = 2.8 \text{ kg}$

Rajah 4. Penggunaan kaedah Timbang Pecahan (TP) dengan bekalan sifir

Data kajian tindakan dikumpulkan dengan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu pemerhatian, dokumen dan temu bual. Pengkaji menggunakan pemerhatian tanpa turut serta dan menggunakan senarai semak pemerhatian untuk melihat penguasaan murid dalam kemahiran membaca skala alat penimbang yang melibatkan pelbagai senggatan semasa perubahan amalan pengajaran dengan kaedah TP. Menurut Mok Soon Sang (2010), penyelidik memainkan peranan sebagai pemerhati lengkap dalam kajian melalui pemerhatian tanpa turut serta. Dalam pemerhatian yang dijalankan, kekerapan “Ya” dihitung bagi setiap murid berdasarkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca skala alat penimbang. Murid yang dapat mencapai kesemua lima perkara yang diperhatikan bermaksud murid telah menguasai kemahiran membaca skala alat penimbang melalui amalan pengajaran dengan kaedah TP.

Dalam analisis dokumen, sasaran pencapaian dalam pembelajaran masteri adalah semua murid harus mendapat sekurang-kurangnya markah 70% hingga 80%, iaitu pada tahap penguasaan mahir (Abdull Sukor Shaari & Kalaidevi Aplanaidu, 2012). Dalam kajian ini, empat hingga lima soalan yang berjaya dijawab dengan betul menunjukkan taksiran bahawa murid telah menguasai kemahiran membaca skala alat penimbang yang melibatkan dua, empat dan lima senggatan.

Menurut Chow Fook Meng dan Jaizah Mahamud (2011), temu bual merupakan suatu teknik yang amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapatnya. Justeru, data dari temu bual berstruktur dianalisis berdasarkan respons “Ya” dan “Tidak” murid terhadap setiap soalan yang dikemukakan. Daripada dua soalan utama yang ditanya, murid yang memberi respons “Ya” bagi dua soalan tersebut boleh dikatakan mempunyai minat dan keyakinan murid terhadap penggunaan kaedah TP.

## DAPATAN DAN REFLEKSI KAJIAN

### Penguasaan Murid Dalam Kemahiran Membaca Skala Alat Penimbang

Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian, dokumen dan temu bual digunakan untuk mengesan penguasaan murid dalam kemahiran membaca skala alat penimbang selepas

amalan perubahan pengajaran dengan kaedah TP dijalankan. Pencapaian murid dalam kemahiran membaca skala alat penimbang menggunakan kaedah TP dinilai melalui analisis senarai semak pemerhatian dalam Jadual 1 dan analisis ketiga-tiga lembaran kerja dalam Jadual 2. Jadual 3 menunjukkan analisis temu bual kajian.

Jadual 1  
Analisis Senarai Semak Pemerhatian

Bil.	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2	
		LK1		LK2		LK3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Melakar model bar pecahan mengikut skala alat penimbang.	5	0	5	0	-	-
2.	Menggunakan operasi yang betul.	2	3	2	3	3	0
3.	Melakukan kecuai.	5	0	2	3	0	3

Jadual 2  
Analisis Lembaran Kerja 1, 2 Dan 3


Murid	Bilangan Soalan Dijawab Dengan Betul			Tafsiran
	LK1	LK2	LK3	
M1	4	5	-	Menguasai (K1)
M2	3	5	-	Menguasai (K1)
M3	2	4	5	Menguasai (K1)
M4	2	3	5	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)
M5	1	2	5	Tidak Menguasai (K1) Menguasai (K2)

Jadual 3  
Analisis Senarai Semak Temu Bual

Kitaran 1			
Bil.	Soalan	Respons	Murid
1.	Adakah anda berasa skala alat penimbang susah dibaca?	Ya	M3, M4, M5
		Tidak	M1, M2
2.	Dapatkah anda membaca dengan betul?	Ya	M1, M2, M3
		Tidak	M4, M5
3.	Sudahkah anda menguasai kaedah ini?	Ya	M1, M2
		Tidak	M3, M4, M5
Kitaran 2			
1.	Sudahkah anda menguasai kaedah ini?	Ya	M3, M4, M5
		Tidak	-
2.	Adakah kaedah ini membantu anda membaca skala alat penimbang?	Ya	M3, M4, M5
		Tidak	-

Hasil analisis pemerhatian, lembaran kerja dan temu bual dalam Kitaran 1 (Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3), didapati kebanyakan murid gagal menjalankan operasi asas bahagi dengan betul dalam proses menukarkan pecahan kepada nombor perpuluhan berdasarkan model bar pecahan yang dibina kerana mereka tidak hafal sifir semasa membahagi. Selepas penambahbaikan dilakukan dalam Kitaran 2, semua murid berjaya membaca skala alat penimbang dengan betul dan seterusnya dapat menjawab semua soalan rutin yang melibatkan kemahiran membaca skala alat penimbang dengan tepat. Ini menunjukkan murid telah menguasai kemahiran membaca skala alat penimbang setelah amalan perubahan pengajaran dengan kaedah TP dijalankan. Rajah 5 telah menunjukkan contoh murid membaca skala alat penimbang yang melibatkan pelbagai senggatan dengan bantuan kaedah TP. Hasil dapatan kajian pengkaji selaras dengan kajian lepas, iaitu kajian

Mohammad Azhar Abdul Hamid (2003) yang menunjukkan visualisasi membolehkan seseorang menggambarkan imej sesuatu dalam pemikirannya semasa menyelesaikan masalah seperti kaedah TP membolehkan sesuatu gambar rajah ditukar ke dalam menjadi pecahan yang mudah.



Rajah 5. Contoh membaca skala alat penimbang dengan bantuan kaedah TP

### Minat Dan Keyakinan Murid Terhadap Penggunaan Kaedah TP

Data yang berkaitan dengan minat dan keyakinan murid dikumpul menggunakan senarai semak pemerhatian dan senarai semak temu bual. Hasil analisis dapatan mengenai minat dan keyakinan murid adalah seperti dalam Jadual 4 dan Jadual 5.

Jadual 4

Analisis Senarai Semak Pemerhatian

Bil.	Perkara	Kitaran 1				Kitaran 2	
		LK1		LK2		LK3	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Menumpukan perhatian.	3	2	5	0	3	0
2.	Bertanya soalan.	3	2	4	1	3	0
3.	Menunjukkan seronok dan yakin.	3	2	3	2	3	0

Jadual 5


Analisis Senarai Semak Temu Bual

Bil.	Soalan	Kitaran 1		Kitaran 2	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Adakah kaedah ini membosankan?	M5	M1, M2, M3, M4	-	M3, M4, M5
2.	Adakah anda yakin menggunakan kaedah ini?	M1, M2, M3, M5	M4	M3, M4, M5	-


Berdasarkan Jadual 4 dan Jadual 5 mengenai analisis pemerhatian dan temu bual, diperhatikan murid berasa bosan dan tidak yakin semasa menggunakan kaedah TP dalam Kitaran 1. Selepas penambahbaikan dalam Kitaran 2, murid memberikan respons bahawa mereka berasa seronok menggunakan kaedah TP untuk membaca skala alat penimbang yang melibatkan pelbagai senggatan. Semua murid juga berasa yakin untuk membaca skala alat penimbang dan menjawab soalan rutin yang berkaitan dengan kemahiran membaca skala alat penimbang dengan bantuan kaedah TP. Peningkatan minat dan keyakinan murid dapatan kajian ini selaras dengan kajian Mohamad Zaidi Ismail dan Ernie Kho Siaw Nee (2015).

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Hasil dapatan menunjukkan murid dapat membaca skala alat penimbang yang melibatkan dua, empat dan lima senggatan dengan lebih mudah. Jadi, pengkaji mencadangkan kaedah TP boleh digunakan dalam kemahiran membaca skala alat penimbang yang melibatkan lapan senggatan bagi murid Tahun 5 telah ditunjukkan melalui Rajah 6. Kaedah TP juga dicadangkan untuk diubahsuai sebagai kaedah Panjang Pecahan seterusnya digunakan dalam topik ukuran panjang yang melibatkan teknik membaca alat pengukuran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7 demi mengurangkan keliruan murid terhadap skala alat pengukuran. Kenyataan ini telah disokong oleh Hapsah Munjiat (2012) di mana kesilapan yang sering dilakukan oleh murid dalam membaca alat pengukuran panjang adalah disebabkan mereka sering keliru terhadap senggatan yang terdapat pada alat pengukuran.



Rajah 6. Penggunaan kaedah TP dalam membaca skala alat penimbang yang mempunyai lapan senggatan



Rajah 7. Penggunaan kaedah Panjang Pecahan

## PENUTUP

Berdasarkan pemerhatian hasil kerja murid, pengkaji telah menjalankan tindakan perubahan amalan pengajaran dengan kaedah TP dalam membantu murid menguasai kemahiran membaca skala alat penimbang yang melibatkan dua, empat dan lima senggatan. Hasil analisis dapatan juga menunjukkan kaedah TP dapat memberikan kesan positif dalam membantu meningkatkan penguasaan dan minat serta keyakinan murid dalam membaca skala alat penimbang yang melibatkan pelbagai senggatan. Justeru, diharapkan ia dapat menjadi panduan kepada guru selagi penambahbaikan digalakkan demi mencapai kejayaan pengajaran.

## RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari & Kalaidevi Aplanaidu. (2012). Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian. *Jurnal Pendidikan*, 2(2): 94-105.
- Chow Fook Meng & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Gavita Kanapathy. (2016). Kemahiran visualisasi dalam mata pelajaran Matematik dalam kalangan murid Tahun 5. *Proceeding of ICECRS*. 25-27 Oktober. Kedah: Universiti Utara Malaysia. 909-916
- Hapsah Munjiat. (2012). *Asas ukuran*. Diperoleh dari <https://rmmict.files.wordpress.com/2012/04/tugasan-3.pdf>
- Mohamad Zaidi Ismail & Ernie Kho Siaw Nee. (2015). Membaca alat pengukuran jisim melalui Teknik Timbang Pecahan (TP). *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan*. 16-19 April. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. 14-26.
- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mohammad Azhar Abdul Hamid. (2003). *Meningkatkan Daya Fikir*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nadzrinah Ahmad. (2015). *Sejarah perkembangan pendidikan matematik*. Diperoleh dari <https://imannadzrinah.wordpress.com/isu-isu-pendidikanmatematik/objektifpendidikanmatematik/>
- Nurul Hatijah. (2018). *Objektif kajian: Dua objektif yang perlu anda tahu*. Diperoleh dari <http://www.pascasiswazah.com/objektif-kajian-dua-objektif-yang-perlu-anda-tahu/>
- Rosinah Edinin. (2014). *Penyelidikan tindakan kajian dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

## **STRATEGI BERASASKAN TERAPI MASA DI LANTAI UNTUK MENINGKATKAN KOMUNIKASI MURID PEMULIHAN DALAM BAHASA MELAYU TAHUN 3**

**CHRISTOPHER SAMUEL<sup>1</sup>, SELVARAJ GRAPRAGASEM<sup>2</sup>**

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>christopherbangan@gmail.com, <sup>2</sup>gselva62@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu meningkatkan komunikasi murid pemulihan semasa proses pengajaran dan Pemudahcaraan melalui terapi masa di lantai. Kaedah terapi masa di lantai dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Bahasa Melayu. Faktor kurang minat, sikap pemalu, pendiam dan kurang yakin menjadi penyumbang ke arah permasalahan kajian ini. Seramai 2 orang murid tahun 3 dari sebuah sekolah di bandar Miri yang telah dikenal pasti mempunyai masalah komunikasi. Data dikumpul dengan menggunakan tiga kaedah iaitu rekod anekdot, senarai semak dan temu bual. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi berasaskan terapi masa di lantai dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan berkesan bagi meningkatkan komunikasi murid pemulihan. Kesimpulannya, terapi masa di lantai amatlah sesuai digunakan untuk membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah komunikasi.

Kata kunci: komunikasi, terapi masa, murid pemulihan

### **ABSTRACT**

*This action research aims to improve communication amongst remedial students during teaching and learning with the use of floortime therapy. The floortime therapy was used during the teaching dan learning of Bahasa Melayu subject. Factors such as lack of interest, shyness, being quiet and lack of confidence are the contributing factors to this study. Two students, studying in primary three were found to have problems in communication skills from a school in Miri. Data was collected using three methods which are anecdotal records, checklists and interview. The research finding shows that the use of floortime therapy during teaching and learning activities has enhanced the communication amongst remedial students. In conclusion, floortime therapy is best used to improve communication problem amongst remedial students.*

*Keywords: communication, floortime therapy, remedial students*

## **PENDAHULUAN**

Program Pemulihan merupakan satu pendekatan bagi mengatasi masalah murid yang mengalami kelemahan dalam kemahiran 3M. Kemahiran berkomunikasi amatlah penting untuk mewujudkan interaksi atau hubungan melalui medium perantara atau sebaliknya dengan orang lain. komunikasi memainkan peranan yang sangat penting dalam diri seseorang murid. Menurut Abdullah (2008), Komunikasi meliputi kemahiran membaca, menulis, berhujah, mendengar, etika berkomunikasi dan juga mempunyai kaitan dengan penggunaan teknologi pada masa kini. Oleh yang demikian, Menurut Sulaiman (2010), beliau menyatakan bahawa proses komunikasi merupakan tunjang utama bagi seseorang individu dalam menjalani aktiviti seharian. Menurut Stanley I. Greenspan (1998), juga menerangkan bahawa pendekatan terapi masa di lantai “memudahkan kanak-kanak

bermain mengikut apa sahaja yang boleh menarik minatnya. Justeru menggalakkan kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan rakan-rakannya”.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Saya telah menjalani Praktikum fasa 1 selama 3 bulan di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Miri. Saya mengajar murid Pendidikan Pemulihan, yang dikenal pasti telah mengalami masalah dalam membaca, menulis dan mengeja. Saya juga mendapati bahawa masalah utama sebilangan murid pemulihan adalah berkomunikasi. Masalah komunikasi ini dapat dilihat melalui tingkah laku murid, sosial murid dan temu bual bersama rakan guru pemulihan. Murid tersebut sukar untuk berkomunikasi dengan rakan apabila diminta memberikan pendapat mahupun pandangan tentang apa yang telah diajar oleh saya kepada mereka.

## **PENGUMPULAN DATA AWAL**

Pengumpulan data awal yang dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid-murid melalui pemerhatian yang telah dilaksanakan oleh saya. Melalui pemerhatian tersebut saya dapat mengenal pasti murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran berkomunikasi dan lebih gemar untuk melakukan aktiviti sendiri. Walau bagaimanapun, murid tersebut juga telah menjalani ujian lisan bersama dengan saya secara perseorangan. Masalah komunikasi yang dihadapi oleh murid sememangnya berpunca daripada diri murid itu sendiri kerana kurangnya komunikasi antara satu dengan yang lain. Selain itu, saya juga membuat satu temu bual dengan rakan guru bahasa Melayu yang mengajar murid tersebut. Proses temu bual dapat membantu saya untuk mengenal pasti masalah murid secara lebih terperinci. Melalui temu bual tersebut saya mendapati bahawa murid tersebut sememangnya mempunyai masalah komunikasi.

## **FOKUS KAJIAN**

Penggunaan strategi berasaskan terapi masa di lantai untuk meningkatkan komunikasi murid pemulihan. Memastikan murid dapat berkomunikasi dengan lancar serta penggunaan bahasa yang sesuai semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- a. Meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid pemulihan melalui penggunaan terapi masa di lantai.
- b. Memastikan murid berkomunikasi secara berkesan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

## **SOALAN KAJIAN**

- a. Adakah penggunaan terapi masa di lantai dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan murid pemulihan?
- b. Adakah murid dapat berkomunikasi dengan berkesan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)?


## **PESERTA KAJIAN**

Kajian ini melibatkan dua orang responden murid pemulihan yang mempunyai masalah dalam komunikasi. Pengkaji melabelkan kedua-dua responden ini sebagai responden A dan responden B. Kedua-dua responden ini berumur 9 tahun. Dalam pengajaran bahasa Melayu kedua-dua responden ini menunjukkan sikap yang pasif, di mana mereka ini sukar untuk berkomunikasi dengan rakan lain dan juga dengan pengkaji.

Responden tidak mahu berkongsi maklumat atau memberikan pendapat tentang apa yang telah diajar kepada mereka. Responden lebih gemar untuk melakukan tugas yang diberikan secara individu.

## TINDAKAN

Pengkaji memilih model yang di kemukakan oleh Kemmis dan McTaggart( 1988), seperti yang dinyatakan oleh Rusinah (2011) yang menyatakan bahawa terdapat empat peringkat dalam model tersebut iaitu peringkat perancangan, peringkat tindakan, peringkat pemerhatian dan juga peringkat refleksi.



Rajah 1. Model diubahsuai model Kemmis dan Mc Taggart ( 1988),

### Perancangan

Pengkaji membuat tinjauan di dalam kelas untuk mengetahui murid yang mempunyai masalah berkomunikasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Setelah mengenal pasti peserta kajian, pengkaji mula untuk membuat perancang seterusnya.

### Merancang

Pengkaji merancang beberapa aktiviti pengajaran yang di lakukan di lantai untuk menarik minat dan menggalakkan peserta untuk berkomunikasi. Menurut Almy (1984) dalam kajian Zainab Binti Zainal (2015) menyatakan kanak-kanak bermain diarah oleh diri mereka sendiri tanpa mengambil kira tujuan bermain. Oleh yang demikian, pengkaji menggalakkan peserta main sambil adanya perbualan antara peserta dengan rakan lain.

### Tindakan

Langkah 1 : Pengkaji membawa peserta untuk duduk di lantai sambil melakukan aktiviti mencantumkan kad-kad untuk membentuk satu kad gambar.

Langkah 2 : Pengkaji meminta peserta untuk menceritakan apa yang telah mereka pelajari atau yang telah mereka bina.

Langkah 3 : Pengkaji memberi satu objek permainan untuk peserta bina sambil adanya perbincangan berlaku di antara peserta kajian.

Langkah 4: Pengkaji bersoal jawab dengan apa yang peserta dapat melalui permainan tersebut.



## Pemerhatian

Pengkaji membuat pemerhatian melalui beberapa instrument yang telah di pilih untuk mencatat tahap peningkatan komunikasi peserta. Antara instrument yang digunakan adalah rekod anekdot, senarai semak dan temu bual.

## Refleksi

Refleksi dilakukan setelah data di peroleh melalui ketiga-tiga instrument yang telah digunakan. Dapatan hasil kajian ini akan menentukan keberkesanan strategi berasaskan terapi masa di lantai dapat meningkatkan komunikasi murid pemulihan.

## DAPATAN KAJIAN

### Dapatan Rekod Anekdot

Rekod Anekdot ini diambil semasa saya sedang menjalankan aktiviti PdPc kepada murid pada setiap fasa. Oleh yang demikian, saya akan mencatatkan sekurang-kurangnya tiga peristiwa untuk di analisis, seperti tumpuan (A), penglibatan aktif (B) serta komunikasi (C) murid yang terdapat dalam jadual 1 dan 2 menunjukkan analisis rekod anekdot yang telah dilakukan oleh saya. Menurut Rosinah Edinin (2009), menyatakan bahawa rekod anekdot adalah catatan berkaitan dengan sesuatu peristiwa ataupun satu perubahan dari pelbagai aspek murid-murid tersebut. Ia bertujuan untuk mencatat perkembangan yang diperhatikan ke atas seseorang murid melalui pemerhatian yang dilakukan secara tidak langsung.

Jadual 1

Analisis rekod anekdot kitaran pertama

Fasa	Kod	Analisis Rekod Anekdot
Intervensi kitaran pertama dilakukan	A	Murid dapat memberi tumpuan semasa saya memberikan arahan dan demonstrasi. Murid dapat mengikuti sesi Pengajaran dengan baik.
	B	Murid menunjukkan penglibatan yang baik semasa aktiviti diberikan kepadanya di lantai.
	C	Murid dapat berkomunikasi dengan baik bersama rakan sekeliling, walaupun bukan bersama dengan saya.
<b>Analisis Keseluruhan Sebelum Intervensi</b>		Aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan dapat berjalan dengan baik dan murid dapat mengikuti semua sesi dengan baik.

Jadual 2

Analisis rekod anekdot kitaran kedua

Fasa	Kod	Analisis Rekod Anekdot
Intervensi kitaran kedua dilakukan	A	Murid dapat memberi tumpuan sepenuhnya semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan di lakukan di lantai. Hal ini kerana murid mempunyai kebebasan semasa aktiviti pengajaran.
	B	Murid menunjukkan penglibatan yang aktif semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan.
	C	Murid dapat berkomunikasi dengan baik serta lancar dalam penggunaan bahasa semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan.
<b>Analisis Keseluruhan Sebelum Intervensi</b>		Aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan dapat berjalan dengan baik dan murid dapat mengikuti semua sesi dengan baik.

Melalui strategi berasaskan terapi masa di lantai ini, saya mendapat bahawa murid lebih suka untuk berkomunikasi antara satu dengan yang lain. Berdasarkan dapatan pemerhatian dalam rekod anekdot, saya mendapati bahawa adanya perubahan tumpuan,

penglibatan aktif dan juga komunikasi murid tersebut. Oleh yang demikian, penggunaan terapi masa di lantai ini dapat meningkatkan komunikasi murid pemulihan dengan adanya kepelbagaian aktiviti dan bahan bantu mengajar yang digunakan untuk menarik minat murid pemulihan. Pada kitaran pertama murid masih belum dapat berkomunikasi dengan baik, namun murid masih dapat mengikuti sesi pengajaran dan pemudahcaraan dengan baik. Manakala, pada kitaran kedua aktiviti pengajaran di lakukan di lantai dan pelbagai bahan bantu mengajar dapat meningkatkan komunikasi murid. Menurut Abdul Aziz Yusuf (2003) berkomunikasi merupakan satu perkara yang amat penting untuk penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Sesi pengajaran dapat dijalankan dengan baik serta sesi pengajaran pada kitaran kedua ini berjaya dengan sepenuhnya.

### Dapatan Senarai Semak

Saya menggunakan kaedah senarai semak dalam kajian ini bertujuan untuk menyemak kewujudan atau kekerapan sesuatu atribut itu berlaku. Atribut yang akan di semak dalam kajian ini adalah kadar komunikasi murid semasa proses PdPc dilaksanakan. Antara item yang diambil kira dalam senarai semak adalah seperti dalam rajah 4. Menurut Rosinah Edinin (2011), menyatakan bahawa instrument senarai semak boleh digunakan ketika melakukan pemerhatian dan penelitian tentang perkembangan seseorang murid melalui dokumen.

Jadual 3  
Item senarai semak.


Bil	Kitaran Murid Item	Sebelum				Kitaran 1				Kitaran 2			
		A		B		A		B		A		B	
		Y	T	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
1	Terlibat bersama melakukan Kerja dalam kumpulan.		/		/	/		/		/		/	
2	Murid aktif berbincang dengan rakan tentang aktiviti yang diberi.		/		/		/		/		/		/
3	Menyatakan permintaan dan soalan.		/		/		/		/		/		/
4	Menjawab soalan dengan jawapan yang sesuai.		/		/	/		/		/		/	
5	Murid rajin bertanya soalan.		/		/		/		/		/		/
6	Berbual menggunakan bahasa yang betul.	/		/		/		/		/		/	
7	Menceritakan apa yang didengar semula.		/		/	/		/		/		/	
8	Dapat memberi pendapat tentang isi pengajaran.		/		/		/		/		/		/

Catatan : Y = Ya, T = Tidak

Jadual 4  
Analisis senarai semak.

Komunikasi	Murid	Purata kekerapan komunikasi		
		Sebelum intervensi	Kitaran pertama	Kitaran kedua
	A	1	4	8
	B	1	6	8

Jadual 5  
Kekerapan komunikasi.



Saya menggunakan graf bar untuk menunjukkan analisis data senarai semak seperti dalam jadual 5 untuk menyatakan kekerapan komunikasi. Dalam analisis ini saya fokus dengan kadar komunikasi murid semasa Proses PdPc. Saya mendapati bahawa kekerapan komunikasi murid sebelum tindakan amatlah lemah seperti dalam graf berikut. Murid mendapat kekerapan rendah kerana aktiviti PdPc hanya di lakukan di meja masing-masing. Oleh itu, murid kurang berkomunikasi dengan rakan sekelasnya.

Manakala pada kitaran pertama tindakan ini di lakukan kepada murid. Murid menunjukkan perkembangan komunikasi yang semakin baik. Saya mendapati bahawa terapi masa di lantai ini dapat meningkatkan komunikasi murid. Murid boleh berkongsi pengalaman dan pendapat dengan rakan yang mempunyai pengalaman yang sama dengan murid. Menurut Wilbur Schramm (1954) dalam Mohammed Abu Bakar Bin Musleem (2015) menyatakan bahawa komunikasi di antara sumber dan penerima hanya tertumpu kepada perkara-perkara yang kedua-duanya mempunyai pengalaman yang sama. Oleh yang demikian, murid dapat meningkatkan komunikasi dengan adanya pergaulan yang baik semasa sesi PdPc berlangsung.

Saya juga telah merancang tindakan seterusnya iaitu kitaran kedua untuk memastikan bahawa strategi berasaskan terapi masa di lantai untuk meningkatkan komunikasi murid pemulihan. Pada kitaran ini saya mendapati bahawa kadar komunikasi murid amatlah baik. Murid dapat berkongsi maklumat, pendapat dengan rakan dan juga bersama saya. Murid dapat berkomunikasi dengan baik kerana adanya peluang untuknya berkongsi pengalaman dan bercerita dengan rakan semasa sesi PdPc. Saya menggalak murid untuk bertanya dan menjawab soalan.

Saya mendapati bahawa terapi masa di lantai ini dapat meningkatkan komunikasi murid pemulihan. Murid pemulihan mempunyai ciri-ciri seperti pasif, pemalu, kurang keyakinan diri dan sebagainya. Oleh yang demikian, strategi ini amatlah sesuai untuk murid pemulihan meningkatkan komunikasi mereka. Murid mempunyai kebebasan untuk bersuara semasa proses PdPc untuk memperkembangkan penggunaan bahasa pertuturan mereka serta meningkatkan keyakinan mereka.

Kesimpulannya, melalui analisis data senarai semak ini amatlah ketara peningkatan kekerapan komunikasi murid pemulihan. Strategi ini amat menggalakkan murid untuk berkomunikasi di antara satu dengan yang lain.

### Analisis Data Temu Bual

Saya menganalisis dapatan kajian yang telah dijalankan berkaitan komunikasi murid di dalam kelas. Data temu bual bersama guru pemulihan ini telah di catat berdasarkan soalan-soalan temu bual yang telah di sediakan oleh saya. Data temu bual di catat seperti dalam jadual 6.

Jadual 6

Analisis Data Temu Bual

Bil	Soalan Temu Bual.	Jawapan ( Murid).
1.	Apakah kamu suka belajar di lantai?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ya, saya suka belajar di lantai.</li></ul>
2.	Kenapa kamu suka belajar di lantai?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dapat berkomunikasi dengan rakan, dapat bercerita dan dapat kebebasan bergerak.</li></ul>
3.	Apakah kamu suka cara cikgu mengajar di lantai?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ya, sebab banyak aktiviti yang menarik.</li></ul>

Melalui temu bual yang telah dilaksanakan bersama murid pemulihan ini, saya mendapati bahawa penggunaan terapi masa di lantai ini dapat meningkatkan komunikasi murid. Penggunaan terapi masa ini sesuai untuk memastikan murid berkomunikasi dengan rakan dan mengeluarkan pendapat tentang isi pengajaran. Murid berminat untuk belajar di lantai kerana diberi peluang untuk berbincang dan berkongsi pendapat dengan rakan. Murid suka belajar di lantai kerana murid mempunyai kebebasan untuk berinteraksi serta murid dapat menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar. Oleh yang demikian, penggunaan strategi berasaskan terapi masa di lantai dapat meningkatkan komunikasi murid pemulihan.

### REFLEKSI

Berdasarkan hasil kajian yang telah diperoleh, saya mendapat bahawa penggunaan terapi masa di lantai ini dapat meningkatkan komunikasi murid pemulihan. Melalui analisis rekod anekdot, saya mendapati bahawa adanya peningkatan dari segi komunikasi murid pemulihan melalui penggunaan terapi masa di lantai ini. Selain itu, Saya mendapati bahawa terapi masa di lantai ini dapat membantu meningkatkan komunikasi berkesan semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan. Melalui analisis senarai semak dan temu bual, saya mendapati bahawa murid pemulihan dapat bercerita, berkongsi pandangan, bersoal jawab serta murid menggunakan bahasa yang betul dan sesuai. Kajian ini menunjukkan bahawa strategi berasaskan terapi masa di lantai ini dapat meningkatkan komunikasi murid pemulihan dan membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah komunikasi.

### CADANGAN TINDAKAN

Strategi berasaskan terapi masa di lantai untuk meningkatkan nilai kerjasama dalam kumpulan murid pemulihan.

### RUMUSAN

Penggunaan terapi masa di lantai dapat meningkatkan komunikasi murid pemulihan. Berdasarkan analisis rekod anekdot, saya mendapati bahawa murid lebih suka belajar di lantai kerana mempunyai kebebasan untuk belajar. Selain itu, melalui strategi berasaskan terapi masa di lantai ini, murid dapat berkomunikasi dengan berkesan, di mana murid menggunakan bahasa yang sesuai serta dapat berinteraksi dengan rakan serta saya. Menurut Sharifah Zamzariah Binti Ismail (2015) menyatakan bahawa guru perlu bijak merancang serta mengolah bahan sesuai dengan tajuk dan objektif pengajaran mengikut jangka masa yang sesuai. Secara keseluruhannya, Strategi berasaskan terapi masa di lantai ini dapat meningkatkan komunikasi murid pemulihan dengan baik.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan (2008). Mengajar kemahiran komunikasi interpersonal. Kertas kerja di seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pada 23 -25 Mei 2004 –di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Abdul Aziz Yusuf (2003). Komunikasi untuk pengurus. Utusan Publication & Distributor Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.
- Greenspan, S. I., Wieder, s., R (1998). The child with special needs: Encouraging intellectual and emotional growth. Reading, MA: Addison-wesley. TARGET: TEXAS GUIDE FOR EFFECTIVE TEACHING FLOOR TIME tm Texas statewide Leadership for Autism-March 2009 7.
- Mohammed Abu Bakar Musleem (2015). Penggunaan Boneka dalam meningkatkan kemahiran komunikasi murid tahun 3. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Rusnah Edidin (phd), (2011). *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Tulisan*. Kuala Lumpur: Fremind Harizons Sdn. Bhd.
- Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar @ Mohd (2010). *Komunikasidalam Pengajaran dan Kepimpinan pendidikan*. Kuala Lumpur: Karisma Publictions Shd Bhd.
- Sharifah Zamzariah Wan Ismail (2015). Teknik Permainan Bahasa Untuk Meningkatkan Kemahiran Menulis Kata Ekasuku Tertutup Dalam Kalangan Murid Tahun Satu. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Zainab Zainal (2012). Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Membaca Perkataan KV+KVK Menggunakan Permainan Ting-ting Minda Dalam Kalangan Murid Pemulihan. Institut Pendidikan Guru kampus Sarawak.

## **SIDE COUNTING: MEMBANTU MURID PEMULIHAN TAHUN 2 MENGUASAI KEMAHIRAN OPERASI ASAS TAMBAH**

**OLICKSON JACK<sup>1</sup>, SELVARAJ GRAPRAGASEM<sup>2</sup>**

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>yaoyaoJS05@hotmail.com, <sup>2</sup>gselva62@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian tindakan ini dijalankan untuk membantu murid pemulihan tahun 2 di sebuah sekolah di kawasan Miri yang mengalami masalah dalam menguasai kemahiran operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50 dengan menggunakan kaedah 'side counting'. Kajian ini dijalankan ke atas 2 orang murid pemulihan Tahun 2 berpandukan model Kurt Lewin (1946). Data kajian dikumpul menggunakan 3 kaedah iaitu dokumen, pemerhatian dan temubual. Analisis dokumen melibatkan peratusan markah Ujian Pencapaian serta hasil kerja murid. Data pemerhatian direkodkan dengan menggunakan senarai semak pemerhatian yang dianalisis berdasarkan kekerapan kewujudan reaksi murid berdasarkan item-item yang telah disenaraikan untuk menjawab persoalan kajian manakala data temubual pula dianalisis dalam bentuk pengkodan bagi memudahkan dapatan kajian dijelaskan. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kaedah 'side counting' ini berjaya membantu kedua-dua murid menyelesaikan soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Di samping itu, dapatan kajian juga menarik minat murid untuk menggunakan kaedah ini bagi menyelesaikan soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah 'side counting' merupakan satu amalan yang boleh digunakan guru terutama guru pemulihan untuk membantu murid menguasai operasi asas tambah melibatkan pengumpulan semula.

Kata kunci: murid pemulihan, operasi tambah melibatkan pengumpulan semula, kaedah 'side counting'

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to help Year 2 students at a school in Miri who had trouble mastering the addition operation specifically additions involving regrouping within 50 using 'side counting'. This research was conducted on two students in Year 2 based on the Kurt Lewin's (1946) model. The data includes, documents, observations and interviews. Document analysis involves the evaluation of achievement test-score percentage and examination of students' work. Observation data were analyzed based on the frequency of students' reactions on the items listed to answer the research questions, while the interview data were analyzed in the form of coding to facilitate the findings of the study. The findings show that the use of this 'side counting' method has helped both students to solve additional operations involving regrouping. In addition, the findings of the study also shows the student's interest to use this method to solve additional operation questions involving regrouping. The implication of this study is that the use of the 'side counting' method is a practice that teachers, especially those from remedial education can use to help students master the basic addition operations involving regrouping.*

*Keywords: remedial students, addition operation involving regrouping, "side counting"*

### **PENGENALAN**

Program Pemulihan Khas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1960an bagi membantu murid-murid di sekolah rendah yang menghadapi

masalah khusus dalam pembelajaran iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Sistem pendidikan di Malaysia memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dalam usaha untuk kembali semula kepada asas (*back to the basic*) pendidikan dengan memberi fokus kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Ghani dan Ahmad (2011) menyatakan program pemulihan khas adalah satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan untuk membantu murid yang menghadapi masalah dalam menguasai sesuatu kemahiran terutamanya kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).

Konsep dan definisi Pendidikan Pemulihan Matematik dijelaskan sebagai satu tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah pembelajaran murid-murid yang lemah dalam matapelajaran Matematik di sekolah rendah amnya. Pendidikan Pemulihan ini menumpukan kepada kemahiran-kemahiran asas seperti pranombor, nombor, operasi tambah, operasi tolak, operasi darab dan operasi bahagi (Modul Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Matematik oleh Bahagian Pendidikan Guru, 2007 ; Saidi, 2013).

Matematik merupakan mata pelajaran teras yang perlu dikuasai oleh murid (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Dalam Dokumen Standard dan Pentaksiran Matematik Tahun 1 semakan 2017 ada menyatakan bahawa matlamat KSSR bagi mata pelajaran matematik adalah untuk membina pemahaman murid tentang konsep nombor, kemahiran asas dalam pengiraan, memahami idea matematik yang mudah dan berketrampilan pengetahuan serta kemahiran matematik secara berkesan dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kegagalan murid dalam penguasaan mata pelajaran ini pada peringkat sekolah rendah sememangnya akan mendatangkan kesan yang negatif kepada pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi.


## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Saya telah menjalankan praktikum fasa pertama di sebuah sekolah rendah di daerah Miri selama 3 bulan. Saya telah ditugaskan untuk mengajar Pendidikan Pemulihan di sekolah tersebut. Melalui PdPc yang telah dijalankan semasa praktikum, saya mendapati bahawa murid mengalami masalah dalam menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Untuk mengenalpasti daerah kelemahan tersebut saya telah menjalankan satu ujian dalam bentuk lembaran kerja bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid pemulihan tersebut dalam operasi tambah. Hasil daripada ujian tersebut menunjukkan bahawa murid pemulihan mempunyai masalah dalam menyelesaikan operasi tambah yang melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50.

Selain daripada itu, rekod prestasi serta hasil kerja murid juga menjadi rujukan kepada saya untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid ini. Daripada hasil kerja yang sudah disemak oleh gurunya menunjukkan beberapa kesalahan yang dilakukan dalam menyelesaikan masalah operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50. Saya juga mendapati murid mengira menggunakan jari tangan semasa membuat penambahan. Murid juga menyatakan bahawa mereka sukar mengira hasil tambah yang besar. Permasalahan yang berlaku telah menarik minat saya untuk menggunakan amalan kaedah '*side counting*' untuk membantu murid pemulihan dalam kemahiran operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50. Saya berharap dengan kajian ini, ia dapat menangani masalah sukar menguasai operasi tambah dalam kalangan murid pemulihan.

## **FOKUS KAJIAN**

Fokus kajian tindakan ini adalah untuk mengatasi masalah murid pemulihan tahun dua dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50. Saya berpendapat sekiranya masalah yang dihadapi berlanjutan, murid-murid akan menghadapi kesukaran untuk mempelajari kemahiran menambah yang melibatkan nombor-nombor yang lebih besar nilainya pada masa akan datang. Kajian tindakan ini akan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah '*side counting*'.



Rajah 2. Kaedah 'side counting'

Kaedah yang diperkenalkan ini dalam kajian ini adalah usaha untuk membantu murid pemulihan untuk menguasai operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Hal ini kerana saya merasakan bahawa masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid pemulihan ini adalah kritikal dan perlu dirawat dengan segera. Chung (2015) menjalankan kajian bagi melihat penguasaan kemahiran menambah dengan pengumpulan semula melalui penggunaan manik dan kaedah melukis lidi terhadap 3 orang murid. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat peningkatan berlaku dalam Ujian Pencapaian yang dijalankan terhadap murid tersebut. Ujian Pencapaian yang dilalui murid memberikan keputusan yang meningkat dimana daripada hanya 1 soalan betul pada UP1 dan pada UP3, ketiga-tiga murid menjawab semua betul daripada 6 soalan yang diberikan dalam soalan ujian.

Operasi tambah adalah operasi pertama yang murid perlu kuasai sebelum mereka belajar operasi-operasi lain seperti tolak, darab dan bahagi. Saya bercadang menggunakan kaedah ini kerana dapat membantu murid pemulihan mengira nombor lebih daripada 10 dengan adanya bahan visual konkrit seperti lukisan bulatan untuk membantu murid mengira semasa menyelesaikan soalan operasi tambah yang dan membuat pengumpulan semula.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

### Objektif Kajian

- Membantu murid menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dengan menggunakan kaedah 'side counting'.
- Menarik minat murid menggunakan kaedah 'side counting' dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula.

### Persoalan Kajian

- Adakah penggunaan kaedah 'side-counting' membantu murid menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula?
- Adakah penggunaan kaedah 'side-counting' menarik minat murid menggunakan kaedah ini dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula?

## PESERTA KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap dua orang murid pemulihan Tahun 2 yang dipilih sebagai peserta kajian yang melibatkan matapelajaran Matematik.




Jadual 1  
Peserta Kajian

PESERTA	CIRI – CIRI
A	Merupakan seorang murid lelaki. Prestasi murid dalam matapelajaran Matematik adalah lemah. Murid suka meniru hasil kerja rakan semasa melakukan latihan yang diberikan. Seorang yang petah bercakap dan suka mengganggu rakan semasa melakukan latihan yang diberikan oleh pengkaji. Murid sudah mengenal pranombor, nombor dan belum menguasai operasi tambah melibatkan pengumpulan semula bagi nombor besar.
B	Merupakan seorang murid perempuan. Prestasi murid dalam mata pelajaran Matematik adalah lemah. Suka meniru hasil kerja rakan yang lain semasa melakukan latihan yang diberikan. Selain itu, murid ini suka menyendiri di dalam kelas dan membuat kerja sendiri semasa PdPc. Murid sudah mengenal pranombor, dan nombor selain boleh melakukan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula bagi nombor besar dengan bimbingan saya.


### TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya melaksanakan kajian tindakan ini berpandukan model Kurt Lewin (1948). Dalam model ini terdapat 4 langkah-langkah untuk mejalankan kajian tindakan. Lewin (1948) dalam Balkisnah dan Sia (2016) memperlihatkan kajian tindakan sebagai satu kitaran langkah-langkah. Langkah-langkah tersebut adalah perancangan (planning), tindakan (action), memerhati (observing) dan mereflek (reflecting).


#### Kitaran 1



## Kitaran 2



## CARA MENGUMPUL DATA



## CARA MENGANALISIS DATA

### Analisis Dokumen

Dokumen yang akan dikumpul dalam kajian tindakan ini adalah Ujian Pencapaian serta hasil kerja murid. Data yang dikumpul melalui dokumen akan dianalisis dengan mengira peratusan markah yang diperolehi murid daripada ujian pencapaian. Data dianalisis menggunakan rumus peratusan dan soalan yang terlibat adalah sebanyak lima soalan. Tujuan ujian pencapaian ini adalah bagi melihat sejauh mana pencapaian murid setelah diperkenalkan dengan amalan kaedah "side counting" untuk menyelesaikan soalan operasi tambah melibatkan pengumpululan semula. Bagi menentukan peratusan markah murid rumus yang digunakan adalah seperti:

$$\text{Peratusan Markah (\%)} = \frac{\text{Jumlah soalan yang dijawab betul}}{\text{Jumlah soalan}} \times 100 \%$$

### Analisis Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan berdasarkan item-item yang telah disenaraikan dalam senarai semak. Item-item tersebut berkaitan dengan persoalan kajian. Data pemerhatian ini dianalisis

dengan melihat kepada perubahan tingkah laku yang ditunjukkan murid sepanjang bimbingan diberikan dan semasa menyiapkan lembaran kerja.

### Analisis Temubual

Temubual dijalankan terhadap murid pemulihan yang menjadi peserta kajian. Temubual dijalankan setelah semua tindakan kajian telah dijalankan iaitu diakhir pelaksanaan kajian ini. Data daripada temubual tersebut dikumpul dan ditranskripsikan. Data dianalisis dengan memberi kod bagi dapatan data dari temubual tersebut.

### DAPATAN KAJIAN


#### Adakah penggunaan kaedah 'side-counting' membantu murid menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula?

Jadual 2

Skor Ujian Pencapaian Murid

Peserta Kajian	Ujian Pencapaian 1		Ujian Pencapaian 2		Ujian Pencapaian 3	
	Skor (x/5)	Peratus (%)	Skor (x/5)	Peratus (%)	Skor (x/5)	Peratus (%)
A	0	0	4	80	5	100
B	0	0	5	100	5	100

Dapatan kajian yang digunakan sebagai pengukur kepada persoalan kajian ini ialah Skor Ujian Pencapaian Murid, pemerhatian berstruktur dan rekod transkrip temu bual bersama dengan murid. Jadual 2 di atas menunjukkan peratusan markah ujian murid dari ketiga-tiga Ujian Penilaian yang dijalankan terhadap murid. Rajah 1 menunjukkan analisis peratusan Ujian Pencapaian murid.



Rajah 1. Graf Analisis Peratusan Ujian Pencapaian

Berdasarkan Rajah 1, dalam UP1, kedua-dua murid tidak dapat menjawab soalan tambah melibatkan pengumpulan semula dengan betul. Kedua-dua murid mendapat 0%.

Berdasarkan Jadual 1, kedua-dua murid mendapat 0 daripada 5 soalan betul. Setelah 3 sesi PdPc dijalankan terhadap murid dalam kitaran 1 dengan menggunakan amalan kaedah '*side counting*', dalam UP2 murid A mendapat 80% manakala murid B pula mendapat 100% bagi ujian pencapaian ini. Dalam UP2 ini, kedua – dua murid berada pada tahap menguasai. Sedikit pengubahsuaian terhadap amalan kaedah '*side counting*' dilakukan dalam kitaran kedua. Hasilnya dalam UP3, kedua-dua peserta dapat menjawab kesemua soalan dengan betul. Murid A dan B masing-masing mendapat 100% markah dalam ujian tersebut.

Hasil kajian mengenai persoalan 1 juga diperolehi melalui data pemerhatian.

Jadual 3

Analisis Dapatan Pemerhatian Berstruktur (Persoalan 1)

Item	Bilangan Kewujudan Reaksi Murid Semasa Membuat Lembaran Kerja			
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	A	B	A	B
1. Murid meniru kerja rakan lain.	1	0	0	0
2. Murid melukis bulatan kecil dan membuat pengumpulan semula	3*	3*	2*	2*
3. Murid menggunakan jari tangan untuk mengira	1	1	0	0
4. Murid menjawab semua soalan operasi tambah dengan pengumpulan semula dengan betul.	1	3*	2*	2*

\**pengulangan tingkah laku yang maksimum mengikut kitaran*

Dapatan data daripada hasil temubual juga menjawab persoalan kajian yang pertama. Temubual yang dijalankan ini untuk mendapat maklum balas terhadap persoalan kajian dimana adakah kaedah yang saya gunakan dalam kajian ini membantu murid dalam menyelesaikan operasi tambah dengan pengumpulan semula. Rekod transkripsi temubual yang telah dijalankan dengan murid menyokong keberkesanan penggunaan kaedah '*side counting*' dalam membantu murid menguasai operasi tambah dengan pengumpulan semula dalam lingkungan 50. Sebelum menggunakan kaedah '*side counting*', kedua-dua murid mengalami kesukaran menyelesaikan operasi tambah.

Jadual 4

Transkripsi Temubual (Persoalan 1)

Soalan Temubual	Murid	
	A	B
Sebelum menggunakan kaedah ini, adakah kamu rasa susah untuk menyelesaikan operasi tambah? Mengapa?	Susah...kira tangan.	pakai Susah...dulu kita pergi kira guna tangan.
Setelah menggunakan kaedah ini, adakah kamu rasa operasi tambah senang? Mengapa?	<b>Senang</b> ...sebab ada bulatan (sambil berfikir) senang kira.	<b>Ya..</b> sebab kita dah pakai bulatan. Lebih mudah.
Adakah kaedah ini membantu kamu menguasai operasi tambah? Kenapa?	<b>Ya..</b> sebab lukis bulatan (sambil berfikir) senang kira.	<b>Ya..</b> dapat lukis bulatan.

Hasil daripada analisis temubual ini, saya dapat menyimpulkan bahawa murid berjaya untuk menguasai operasi tambah dengan pengumpulan semula dalam lingkungan 50 dengan amalan kaedah '*side counting*'. Murid juga faham akan cara melakukan pengumpulan semula

menyelesaikan soalan operasi tambah dalam lembaran kerja atau Ujian Pencapaian yang dijalankan.

### Adakah penggunaan kaedah 'side-counting' menarik minat murid menggunakan kaedah ini dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula?

Dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian ini adalah senarai semak pemerhatian dan temubual terhadap murid. Penggunaan kaedah dapat menarik minat murid untuk menggunakan kaedah ini dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Dapatan kajian yang digunakan bagi menyokong pernyataan saya di atas ialah hasil daripada pemerhatian berstruktur dan temubual bersama dengan murid. Beberapa item berkaitan persoalan ini telah dimasukkan dalam senarai semak pemerhatian bagi menjawab persoalan adakah penggunaan kaedah 'side counting' menarik minat murid menggunakan kaedah ini dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula.

Jadual 5  
Analisis Dapatan Pemerhatian Berstruktur (Persoalan 2)

Item	Bilangan Kewujudan Reaksi Murid Semasa Membuat Lembaran Kerja			
	Kitaran 1		Kitaran 2	
	A	B	A	B
Murid kelihatan resah semasa menggunakan kaedah 'side counting'	1	1	0	0
Murid menumpukan perhatian semasa bimbingan diberi.	3*	3*	2*	2*
Murid menggunakan kaedah <i>side counting</i> dalam setiap soalan lembaran kerja.	3*	3*	2*	2*
Murid tenang semasa membuat lembaran kerja.	2	2	2*	2*

\*pengulangan tingkah laku yang maksimum mengikut kitaran.

Temubual terhadap murid juga dilakukan bagi menjawab persoalan kajian ini. Hasil dapatan temubual ini saya berikan temanya iaitu tema minat. Rekod transkripsi temubual yang telah dijalankan dengan murid menyokong persoalan kajian terhadap minat murid untuk menggunakan kaedah ini dalam menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50.

Jadual 6  
Transkripsi Temubual (Persoalan 2)

Soalan Temubual	Murid	
	A	B
Adakah kamu suka menggunakan kaedah ini? Kenapa?	(Angguk).. <b>suka</b> dulu kira guna tangan,,sekarang ada bulatan..	<b>Suka</b> ..senang kira
Adakah kamu akan menggunakan kaedah ini sekiranya menjawab soalan operasi tambah selepas ini? Kenapa?	<b>Pakai</b> ..lebih senang untuk kira.	<b>Guna</b> ..sebab ada bulatan untuk kira..
Adakah kamu suka pembelajaran operasi tambah dengan menggunakan kaedah ini? Mengapa	<b>Suka</b> ...lebih pandai ( <i>sambil ketawa</i> )	<b>Suka</b> . Sebab dia ada lukis bulatan dan senang kira. Lebih pandai

## REFLEKSI KAJIAN

Saya telah memilih untuk mengubah amalan pembelajaran dalam operasi Matematik dengan menggunakan kaedah "*side counting*" untuk membantu murid pemulihan tahun 2 menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50 dalam kajian ini. Hasil daripada data-data kajian yang diperoleh, saya mendapati terdapat perubahan positif dari segi pencapaian murid dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50. Refleksi kajian ini menjawab kepada persoalan kajian.

### **Penggunaan kaedah 'side-counting' membantu murid menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula.**

Selepas menganalisis hasil dapatan kajian, saya mendapati bahawa penggunaan kaedah '*side counting*' dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50 ini ternyata memberikan kesan positif terhadap murid. Hasilnya apabila murid dapat menyelesaikan soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dengan lebih baik jika dibandingkan dengan sebelum kaedah ini diperkenalkan kepada murid. Daripada analisis ketiga-tiga Ujian Pencapaian yang dijalankan terhadap murid, jelas menunjukkan penggunaan kaedah '*side counting*' ini membantu murid menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Hasil daripada analisis Ujian Pencapaian pada kitaran 1 membawa saya melakukan pengubahsuaian kepada amalan kaedah "*side counting*" ini pada kitaran 2 dengan menambah petak nilai tempat berwarna dalam lembaran kerja membantu murid menulis jawapan dengan betul mengikut nilai tempat nombor tersebut. Hasilnya pada Ujian Pencapaian 3 kedua-dua murid mendapat 100% dalam ujian tersebut.

Saya juga mendapati murid menunjukkan perubahan tingkah laku kearah yang lebih positif sepanjang kajian dilaksanakan. Murid boleh berkari menjawab soalan-soalan operasi tambah dengan tidak lagi meniru hasil kerja rakan lain. Murid melukis bulatan kecil dengan kemas dan membuat pengiraan semula dengan betul semasa menyelesaikan soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dengan menggunakan kaedah ini. Walaupun pada awal kajian dijalankan, saya mendapati murid cenderung untuk mengira menggunakan jari tangan untuk mendapatkan hasil jawapan, setelah amalan kaedah ini diperkenalkan, murid tidak lagi menunjukkan tingkah laku ini diakhir pelaksanaan kajian. Sebelum kaedah ini diperkenalkan, murid mengatakan susah bagi mereka menyelesaikan soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Setelah kaedah ini diperkenalkan dan digunakan dalam kajian ini, murid menyatakan bahawa mereka lebih senang dan mudah untuk menjawab soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50. Antaranya faktor kepada respon tersebut kerana adanya bulatan kecil sebagai bahan visual konkrit yang membantu murid membuat pengiraan semasa menjawab soalan. Daripada hasil kerja murid, kedua-dua murid menggunakan kaedah ini untuk menyelesaikan setiap soalan operasi tambah semasa kajian dijalankan. Oleh itu saya merumuskan penggunaan kaedah "*side counting*" ini berjaya membantu murid menyelesaikan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50 disamping dapat meningkatkan penguasaan murid dalam operasi tambah.

### **Penggunaan kaedah 'side counting' menarik minat murid menggunakan kaedah ini dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula.**

Selepas menganalisis data daripada pemerhatian dan temubual, saya mendapati bahawa penggunaan kaedah "*side counting*" menarik minat murid untuk menggunakan kaedah ini dalam operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Murid menunjukkan perubahan tingkah laku ke arah yang lebih positif sepanjang kajian dijalankan. Pada awal pelaksanaan kajian murid menunjukkan keresahan seperti tidak yakin dengan penggunaan kaedah ini, masih bergantung kepada guru untuk menyelesaikan soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula dalam lingkungan 50. Namun setelah beberapa bimbingan dan lembaran kerja dilakukan, murid mendengar dan memberi tumpuan kepada bimbingan terhadap penggunaan kaedah ini untuk menjawab soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula. Saya mendapati murid lebih yakin semasa menyelesaikan lembaran

kerja setelah beberapa lembaran kerja diselesaikan sepanjang kajian dilaksanakan. Mereka didapati lebih tenang semasa menjawab soalan. Hal ini kerana mereka telah mengetahui cara untuk menggunakan kaedah ini dan mendapati bahawa kaedah ini lebih memudahkan mereka dalam menyelesaikan soalan dalam lembaran kerja yang diberikan. Bukan itu sahaja, saya juga dapati bahawa murid menggunakan kaedah ini bagi setiap soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula yang diberikan dalam lembaran kerja serta Ujian Pencapaian. Ini menunjukkan bahawa murid tertarik serta berminat terhadap penggunaan kaedah ini.

Respon daripada murid sendiri juga menunjukkan bahawa mereka minat menggunakan kaedah yang diperkenalkan kepada mereka. Sebelum kaedah *side counting* diperkenalkan kepada murid, murid menggunakan jari tangan untuk mengira semasa menjawab soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula, tetapi setelah menggunakan kaedah ini bulatan yang dilukis menjadi bahan visual konkrit untuk membantu mereka membuat pengiraan dengan lebih baik. Murid berpendapat bahawa kaedah ini menyenangkan mereka membuat pengiraan. Hasil temubual, saya mendapati bahawa kedua-dua murid menyatakan mereka akan menggunakan kaedah "*side counting*" sekiranya menjawab soalan operasi tambah pada masa akan datang. Respon murid ini saya simpulkan sebagai minat mereka terhadap penggunaan kaedah ini. Hal ini kerana, penggunaan kaedah ini semasa menjawab soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula membolehkan murid menjawab soalan dengan betul dan ini meningkatkan motivasi mereka kerana dapat menjawab soalan dengan baik. Oleh itu, saya merumuskan penggunaan kaedah "*side counting*" ini berjaya menarik minat murid menggunakan kaedah ini untuk menyelesaikan soalan operasi tambah melibatkan pengumpulan semula.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian tindakan ini, saya mencadangkan beberapa kajian yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang. Antaranya seperti menggunakan kaedah ini untuk operasi tambah dalam lingkungan nombor yang lebih besar. Cadangan seterusnya ialah menggunakan kaedah ini bagi operasi tolak. Ini kerana konsep tolak adalah songsangan bagi konsep tambah. Oleh itu saya berpendapat kajian akan datang boleh menggunakan kaedah ini bagi operasi tolak dengan melakukan sedikit perubahan dan penambahbaikan terhadap kajian ini. Akhir sekali ialah, penggunaan rumah atau petak nilai tempat dalam kaedah "*side counting*". Penggunaan rumah atau petak nilai tempat ini akan membantu murid untuk mengenalpasti nilai nombor tersebut. Pada masa yang sama, ini membantu dari aspek kekemasan hasil kerja murid disamping mereka dapat menulis hasil jawapan dengan betul kerana adanya rumah atau petak nilai bagi nombor-nombor tersebut. Selain itu, dengan adanya rumah atau petak nilai tempat ini, murid akan mudah untuk melakukan pengumpulan semula.

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, penggunaan kaedah "*side counting*" adalah satu amalan pengajaran dan pembelajaran yang mudah tetapi amat membantu murid dalam mata pelajaran Matematik terutamanya bagi murid-murid Pendidikan Pemulihan. Hal ini kerana, murid pemulihan mempunyai tahap penguasaan yang rendah berbanding murid-murid perdana. Oleh itu, sebagai guru kita berusaha mencari jalan, cara atau kaedah yang memudahkan murid untuk menguasai sesuatu ilmu pengetahuan tersebut dengan baik. Saya berharap hasil kajian ini dapat memanfaatkan pengkaji yang ingin menggunakan kaedah ini dalam PdPc mengikut tajuk kajian mereka.

## RUJUKAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik Tahun 1*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Balkisnah Shahrudin & Sia, P.W. (2016). Kajian Tindakan : Model, Teknik pengumpulan data dan cara menganalisis data. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 11*, 1-13.
- Chung M.H. (2015). *Penguasaan kemahiran menambah dengan pengumpulan semula melalui penggunaan manik dan melukis lidi*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Ghani, M.Z., & Ahmad, A.C. (2011). *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Huraian Sukatan Pelajaran Matematik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Saidi Ismawi (2013). 'Dekak-dekak ragakan' sebagai mekanisme membantu murid-murid pemulihan menguasai kemahiran tambah dengan mengumpul semula. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak*, 178-188.



## **PENGGUNAAN TEKNIK LATIH TUBI UNTUK MEMBANTU MURID PEMULIHAN MENGUASAI KEMAHIRAN MENULIS HURUF KECIL DAN HURUF BESAR**

**ELLVISSINA PHILIP<sup>1</sup>, CHUA LEONG CHEE<sup>2</sup>**

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>ellvissyana@gmail.com, <sup>2</sup>chualeongchee@ipgm.edu.my

### **ABSTRAK**

Ini merupakan sebuah kajian tindakan yang dijalankan sebanyak satu kitaran berdasarkan Model Kurt Lewin (1946). Kajian ini dijalankan untuk membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar. Seorang murid pemulihan telah dikenalpasti sebagai peserta kajian setelah pengkaji membuat pemerhatian ke atas hasil kerja dan mendapati murid mempunyai masalah dalam menulis huruf kecil dan huruf besar. Data dikumpul melalui ujian awal dan ujian akhir, dokumen dan pemerhatian. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknik latih tubi mampu membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar. Implikasi bagi kajian ini menunjukkan bahawa teknik latih tubi memberikan kesan positif dalam membantu murid menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar. Kesimpulannya, teknik yang berulang-ulang dan bermakna mampu membantu murid dalam menulis huruf kecil dan huruf besar.

*Kata Kunci: Kemahiran menulis, huruf kecil dan huruf besar, Teknik Latih Tubi.*

### **ABSTRACT**

*This action research is conducted to investigate the issue regarding skills of writing capital and small letters. The purpose of this research is to improve the skill of writing capital and small letters. A remedial student was identified as a study participant after the researcher made an observation and found that student had problem with writing capital and small letters. Data was collected using preliminary and final tests, documents and observations. The findings of the study show that drill techniques do help remedial student master the skills of writing capital and small letters. Implications for this study indicates that the practice of using the drill techniques has a positive effect on helping the student to master the skills of writing capital and small letters. In conclusion, repetitive and meaningful techniques can help student in writing capital and small letters.*

*Keywords: Writing skills, capital and small letters, drill techniques*

### **PENGENALAN**

Menurut Hamdan & Mohd Yasin (2010) menyatakan bahawa guru sewajarnya menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dengan mendidik pelajar dengan sebaik-baiknya supaya pelajar dapat menguasai pembelajaran yang diajar oleh guru. Berdasarkan pemerhatian saya sepanjang menjalani praktikum ini dalam kelas pemulihan, saya berdepan dengan pelbagai perwatakan dan kelemahan murid-murid yang saya ajar. Kemahiran menulis tidak sama seperti kemahiran berenang atau berbasikal kerana kemahiran menulis berkaitan dengan dua perkara penting, iaitu kemahiran meluahkan idea agar dapat dibaca dan kemahiran menggunakan lambang tulisan bagi mencatatkan idea tersebut menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009).

Menurut Mok (2002) di dalam buku Mohd Bahri Bin Suwardi (2015) melalui Teori Pemprosesan Maklumat R.M Gagne mengatakan bahawa rangsangan-rangsangan dari

persekitaran luar akan diterima dalam sistem saraf melalui deria-deria manusia. Terdapat sesetengah murid yang dapat membunyikan huruf tetapi tidak dapat menulis huruf tertentu. Terdapat juga murid yang keliru dengan huruf yang hampir sama misalnya huruf “b” dan “d”, “g” dan “j” serta “p” dan “q”. Seterusnya murid mempunyai kesukaran menyebut huruf seperti “r”. Saya tertarik dengan masalah penulisan yang dihadapi seorang murid yang saya ajar dalam kelas pemulihan Bahasa Melayu. Oleh sebab masalah huruf kecil dan huruf besar yang dilakukan oleh murid ini semakin serius. Jadi saya mengambil keputusan untuk menjalankan kajian tindakan berkaitan dengan masalah murid menulis huruf kecil dan huruf besar.

Pengumpulan data awal dikumpul daripada ujian, ujian digunakan untuk mengenalpasti punca kelebihan dan kelemahan seseorang murid tersebut. Ujian ini membantu memudahkan tugas saya dengan merancang satu pengajaran individu atau kumpulan dengan lebih tepat dan sistematik. Dokumen merupakan lembaran kerja yang diberikan kepada murid untuk mengenal pasti sama ada murid A memahami atau tidak tentang sesuatu pembelajaran. Selain itu, Setiap kali sesi pembelajaran dan pemudahcaraan dijalankan, saya mengedarkan lembaran kerja kepada murid A.

## **FOKUS KAJIAN**

Dalam kajian tindakan ini, saya memfokuskan masalah yang dihadapi oleh seorang murid di dalam kelas pemulihan Bahasa Melayu yang bernama Murid A (bukan nama sebenar) dalam menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar. Kajian tindakan ini dijalankan untuk mengenalpasti teknik latih tubi membantu murid A dalam menguasai huruf kecil dan huruf besar khususnya huruf “ b ”, “ d ”, “ i ”, “ m ”, “ n ”, “ q ”, “ r ” dan “ w ” dengan baik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji:

- a. Penggunaan teknik latih tubi dalam membantu murid pemulihan menyebut huruf dengan betul .
- b. Penggunaan teknik latih tubi dalam membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar dengan urutan dan bentuk yang betul.

## **SOALAN KAJIAN**

- a. Adakah teknik latih tubi dapat membantu murid pemulihan menyebut huruf dengan betul?
- b. Adakah teknik latih tubi dapat membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar dengan urutan dan bentuk yang betul?

## **PESERTA KAJIAN**

Murid A merupakan seorang murid yang mengikuti kelas pemulihan mata pelajaran Bahasa Melayu. Murid A merupakan murid yang belum menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar dengan betul. Murid A merupakan seorang yang mudah mengikuti arahan sekiranya cara atau pendekatan yang digunakan adalah sesuai. Tambahan pula, murid A sering mengganggu murid-murid yang lain dan tidak dapat memberikan tumpuan dengan baik di dalam kelas. Murid A sentiasa bergerak daripada tempat duduk atau pun bercakap dengan murid lain serta menggerakkan badan dan kerusi. Hasil kerja murid A menunjukkan bahawa murid masih belum menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar seperti “ b ”, “ d ”, “ i ”, “ m ”, “ n ”, “ q ”, “ r ” dan “ w ”.

Jadual 1  
Butir Ringkas Murid

Perkara	Catatan
Bilangan murid	1 orang
Nama murid	Murid A (bukan nama sebenar)
Jantina murid	Lelaki
Kelas	Tahun 2
Bangsa murid	Iban
Masalah utama murid	Murid tidak menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar

## TINDAKAN

Dalam melaksanakan kajian saya ini, saya menggunakan model yang dikemukakan oleh Kurt Lewin (1946). Terdapat 4 langkah-langkah utama yang dinyatakan dalam model Kurt Lewin iaitu merancang (*planning*), bertindak (*acting*), memerhati (*observing*) dan mereflek (*reflecting*).



Rajah 1. Model Kajian Tindakan Kurt Lewin

### Merancang

Pada permulaan sebelum melaksanakan kajian tindakan, saya membuat perancangan terlebih dahulu. Aktiviti dan tempoh masa untuk melaksanakan kajian tindakan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid A. Selain itu, di dalam perancangan ini saya perlu memastikan penggunaan bahan-bahan dan aktiviti yang dijalankan. Misalnya aktiviti yang saya sediakan dijalankan mempunyai tiga fasa.

### Bertindak

Setelah merancang kajian tindakan, saya mengambil tindakan ke atas rancangan yang telah dibuat. Saya bertindak mengikut setiap perkara dan aktiviti yang telah dirancang di dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk murid A.

### Memerhati

Di dalam fasa memerhati ini saya memerhati perubahan yang berlaku ke atas murid A. Perubahan tersebut sama ada teknik latih tubi membantu murid A menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar dengan betul atau pun tidak.

## Mereflek

Dalam peringkat terakhir iaitu mereflek saya menganalisis dan membuat refleksi ke atas kajian tindakan dan berbincang dengan guru pemulihan bagi mengesan dan menilai kelebihan dan kekurangan sepanjang pelaksanaan dijalankan. Refleksi yang dibuat adalah untuk mentafsir tahap kemahiran mengajar saya dan bagaimana cara untuk mempertingkatkan. Melalui hasil analisis refleksi, saya dapat memperbaiki diri, kefahaman baru, kesedaran, keinsafan dan berusaha untuk mempertingkatkan profesionalisme keguruan.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini bergantung kepada tiga instrumen yang digunakan iaitu ujian awal dan akhir, dokumen dan kaedah pemerhatian. Pengumpulan data yang dilakukan sebelum, semasa dan selepas aktiviti yang dirancang ialah menggunakan instrumen-instrumen di atas. Selain itu, ianya bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah disediakan.

### **Adakah teknik latih tubi dapat membantu murid pemulihan menyebut huruf dengan betul?**

#### Dokumen

Jadual menunjukkan hasil kerja dan dan bagaimana penguasaan murid sepanjang ketiga-tiga fasa teknik latih tubi berlangsung.


Jadual 2  
Analisis Dokumen

Fasa	Tarikh	Skor	
		Huruf kecil	Huruf Besar
Lisan (1)	19.6.2019	6	6
	20.6.2019	2	6
	25.6.2019	0	5
	26.6.2019	5	4
Sambung Titik (2)	1.7.2019	10	10
	2.7.2019	5	10
	8.7.2019	10	10
	9.7.2019	10	10
Garis Tiga (3)	15.7.2019	12	12
	16.7.2019	4	12
	22.7.2019	6	12
	23.7.2019	12	12

### **Adakah teknik latih tubi dapat membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar dengan urutan dan bentuk yang betul?**

#### Ujian Awal dan Ujian Akhir

Melalui dapatan kajian ujian awal saya dapat melihat bahawa murid A tidak dapat menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan besar dengan baik. Oleh hal demikian, murid A mendapat skor yang agak rendah di dalam ujian awal. Namun demikian, dapatan ujian akhir menunjukkan bahawa latih tubi membantu murid A menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar.



Rajah 2. Analisis Ujian Awal dan Ujian Akhir

### Pemerhatian

Menggunakan rekod anekdot kemudian membuat refleksi ke atas rekod anekdot tersebut.

Jadual 3

Borang Pemerhatian Fasa 1 (Lisan)

Huruf kecil	Urutan	Bentuk	Huruf besar	Urutan	Bentuk
b	✓	✓	B	✓	✓
d	✓	✓	D	✓	✓
i	x	x	I	✓	✓
m	✓	✓	M	✓	✓
n	x	x	N	✓	✓
q	x	x	Q	✓	✓
r	✓	✓	R	✓	✓
w	✓	✓	W	✓	✓
Jumlah skor	63%			100%	
Kategori	Sederhana			Baik	

Jadual 4

Borang Pemerhatian Fasa 2 (Sambung titik)

Huruf kecil	Urutan	Bentuk	Huruf besar	Urutan	Bentuk
b	✓	✓	B	✓	✓
d	✓	✓	D	✓	✓
i	x	x	I	✓	✓
m	✓	✓	M	✓	✓
n	✓	✓	N	✓	✓
q	✓	✓	Q	✓	✓
r	✓	✓	R	✓	✓
w	✓	✓	W	✓	✓
Jumlah skor	88%			100%	
Kategori	Baik			baik	

Jadual 5  
Borang Pemerhatian Fasa 3(Garis tiga)

Huruf kecil	Urutan	Bentuk	Huruf besar	Urutan	Bentuk
b	✓	✓	B	✓	✓
d	✓	✓	D	✓	✓
i	✓	✓	I	✓	✓
m	x	x	M	✓	✓
n	x	x	N	✓	✓
q	✓	✓	Q	✓	✓
r	✓	✓	R	✓	✓
w	✓	✓	W	✓	✓
Jumlah skor	75%			100	
Kategori	Sederhana			baik	

## REFLEKSI

### Teknik Latih Tubi Dalam Pembelajaran

Hasil daripada ujian yang lepas iaitu ujian awal dan ujian akhir di dapati bahawa murid A menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar mengikut urutan dan bentuk yang betul. Murid A berjaya menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar berdasarkan ujian akhir. Antara kajian yang lepas yang berjaya menggunakan aktiviti latihan tubi ialah Lina Ping Madang (2010) dan Dayang Norliza Awang Yam (2010).

### Menulis Huruf Dengan Urutan Dan Bentuk Yang Betul

Melalui hasil kajian daripada dokumen dan rekod anekdot, saya mendapati bahawa penggunaan teknik latihan tubi yang dilaksanakan dapat membantu murid menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa murid menunjukkan perubahan yang baik setiap kali sesi pembelajaran menggunakan teknik latihan tubi. Murid A berjaya menulis huruf kecil dan huruf besar mengikut urutan dan bentuk yang betul.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan lanjutan ialah menambahkan bilangan murid kepada dua orang. Tempoh masa yang digunakan untuk melaksanakan kajian dilaksanakan mestilah dalam tempoh masa yang lama misalnya dua bulan. Dalam tempoh masa yang lama itu, pengkaji dapat menyediakan aktiviti yang menarik dan mudah supaya murid dapat menguasai kemahiran menulis huruf kecil dan huruf besar mengikut urutan dan bentuk yang betul.

Seterusnya penggunaan instrumen dalam kajian tindakan ini ialah ujian awal dan ujian akhir, dokumen dan pemerhatian. Cadangan saya ialah pengkaji boleh menggunakan instrumen seperti soal selidik, temu bual dan rakaman video.

## RUJUKAN

- Abdul Fatah Hasan, (2007). Mengenal Falsafah Pendidikan. Selangor Darul Ehsan : Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Azizi Yahaya Dan Syazwani Abdul Razak. (2010).Teori Berkaitan Gaya Pembelajaran dan Kaedah Pengajaran. Tesis Yang Tidak Diterbitkan Oleh Universiti Teknologi Malaysia.
- Buku Panduan (1998). Pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M). Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Crouch, A. L., & Jakubecy, J. J. (2007). Dysgraphia: How it affects a student's performance and what can be done about it. TEACHING Exceptional Children Plus, 3(3) Article 5. Retrieved from ERIC database.

- Davis, B.G (1993). Tools for Teaching. San Francisco: Josey-Bass Inc.
- Dayang Norliza Awang Yem. (2010). Kesan Kaedah Ansur Maju Dalam Mengurangkan Kekeperan Kesalahan Menulis Huruf Kecil 'k' dan 'p' Murid Tahun Lima. Buku koleksi Artikel PT, Seminar PT Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), 110-125.
- Hamdan, A.R. & Mohd Yasin,H. (2010). Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. Fakulti pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Husin Fateh Din, Mastura Mohamed Berawi, Nazariyah Sani & Siti Hajar Idrus, (2011). Literasi Bahasa Melayu. Selangor Darul Ehsan : Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Iskandar Muda Bin Ishak. (2005). Penggunaan Latih Tubi Berdasarkan Gambar Bagi Meningkatkan Pencapaian Dan Kebolehan Murid Tahun 5 Membina Ayat Bahasa Inggeris. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan 2005 IPBA. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa, 20-29.
- Jantan, N. (2016). Penerapan Budaya kreatif Dan Inovatif Di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau Melalui PERKAYA INOVASI. Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Politeknik Merlimau.
- Kamaruddin Hussin, (2010). Psikologi Pembelajaran. Selangor Darul Ehsan : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ku Shi Gui. (2012). Cara Bermain Secara Ulangan Membantu Murid Pemulihan Menguasai Kemahiran Membaca Perkataan Kvkv.
- Lina Ping Madang. (2010). Penggunaan kertas Kotak Bergaris Dalam Membantu Murid Tahun Dua Menulis Huruf 'J' Besar dan Kecil Dengan Betul Semasa Menjawab Soalan Pemahaman Bahasa Melayu. Buku Koleksi Artikel PT, Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah).
- Ling Jia Jia. (2012). Kaedah Latih Tubi Dalam Menguasai Kemahiran Menulis Huruf Kecil Dan Huruf Besar Dalam Kalangan Murid Tahun 2. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Mazirah Abdul Malik, (2016). Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Asas Bacaan Menggunakan Model "Jari Jemariku Menari". Kajian Tindakan Projek Jari Jemariku Menari Sekolah Rendah 2016.(ms 3) Johor.
- Mohd Bahri Suwardi. (2015). Meningkatkan Kemahiran Penggunaan Huruf Besar Pada Pangkal Ayat Dan Tanda Titik Pada Akhir Ayat Melalui Kaedah Betik Petak Dalam Kalangan Murid Tahun 5. Institut Pendidikan Guru Kampus Temonggong Ibrahim Johor Bahru.
- Muhammad Azizi Rahim. (2010). Kesan Bimbingan Individu Dalam Mengurangkan Kesilapan Menulsi Huruf Besar Di Tengah perkataan Bahasa Melayu Murid Tahun Lima. Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan, Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM PENDIDIKAN RENDAH), 224-237.
- Sheila anak Jamat. (2010). Kesan Kaedah Latih Tubi Garis Tigas Dalam Mengurangkan Kesilapan Menulis Huruf Kecil 'K' Dan 'P' Dalam Bahasa Melayu Murid Tahun Empat.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). Bahasa Melayu II Edisi kedua.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Azizi Abdul Shukor, (2008). Psikologi Pendidikan. Selangor Darul Ehsan : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Tuan Jah Tuan Yusof & Faridah Nazir, (2011). Pengajaran Kemahiran Bahasa Melayu. Perak Darul Ridzuan : Penerbitan Mulitmedia Sdn.Bhd.

## **PENGUNAAN BUKU GARIS TIGA MEMBANTU KEKEMASAN TULISAN MURID PEMULIHAN BAGI HURUF a, b DAN d**

**VICTORIA ROSA MALIE<sup>1</sup>, CHUA LEONG CHEE<sup>2</sup>**

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>victoriarosamalie1997@gmail.com, <sup>2</sup>chualeongchee@ipgm.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah dalam kekemasan tulisan bagi huruf a,b dan d dengan menggunakan buku garis tiga. Kajian tindakan ini dijalankan sebanyak dua kitaran berpandukan model Kurt Lewin . Dalam dua kitaran tersebut terdapat aktiviti-aktiviti sebagai sokongan buku garis tiga dalam membantu meningkatkan kekemasan tulisan murid Pendidikan Pemulihan. Peserta kajian ini dikenalpasti berdasarkan masalah kekemasan tulisan iaitu dua orang murid pendidikan pemulihan yang berumur 8 tahun. Hasil daripada lembaran kerja juga menunjukkan bahawa murid-murid tersebut mempunyai masalah dalam kekemasan tulisan. Data kajian ini dikumpul melalui instrumen pemerhatian, temubual dan dokumen. Hasil daripada ketiga-tiga instrumen tersebut mendapati buku garis tiga membantu mengurangkan masalah kekemasan tulisan selepas kitaran yang kedua. Kedua-dua murid pemulihan dapat menulis huruf a,b dan d dengan kemas. Ia juga menunjukkan bahawa buku garis tiga membantu masalah kekemasan tulisan dalam kalangan murid pendidikan pemulihan terutama bagi huruf a,b dan d.

Kata Kunci : kekemasan tulisan, buku garis tiga, huruf a,b dan d model Kurt Lewin.

### **ABSTRACT**

*This study aimed to help two remedial students in writing neatly the letters a,b and d using three-lines book. This action study was conducted in two cycles based on Kurt Lewin's model. There are many activities to support the three-line book in helping to improve the writing of remedial pupils. Participants of this study were identified based on writing problem of two 8 year old remedial pupils. The result of this study shows that the pupils have problems with writing neatly. The data of this study were collected through observation, interview and documents. Results of the analysis showed that the three-line book helped to improve students in writing neatly after the second cycle. Both can write letter a,b and d more neatly. It also showed that remedial students using the three-line book can write neatly for letter a,b and d.*

*Keyword: Handwriting, three-line books, Kurt Lewin's model.*

### **PENGENALAN**

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) dalam buku Chiang Ee Fong (2018) menyatakan bahawa Program Pemulihan adalah satu program pendidikan yang disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan dalam kemahiran asas 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira yang kompleks disebabkan persekitaran. Melalui program sedia ada, pelbagai teknik dan pendekatan yang digunakan oleh guru pemulihan dalam membantu meningkatkan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran tersebut. Oleh itu, salah satu kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran ialah kemahiran menulis. Hussien Hj Ismail (2015) menyatakan tulisan ialah lambang-lambang bunyi bahasa yang



dipindahkan dalam bentuk bagi melahirkan perasaan, fikiran dan idea. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran pada praktikum fasa satu terdapat dua orang murid yang mengikuti program pendidikan pemulihan mempunyai masalah dalam tulisan. Misalnya, tulisan yang tidak kemas, sukar dibaca dan saiz tulisan juga tidak sama malah terdapat murid keliru apabila menulis terutama huruf a,b, dan d. Saya mendapati bahawa murid tersebut perlu dibimbing untuk menulis dengan kemas dan betul.

## FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk membantu murid yang mempunyai masalah tulisan bagi huruf a,b, dan d. Buku garis tiga ini dapat membantu murid untuk menulis huruf dengan betul dan kemas. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) dalam buku Nurul Haniza Samsudin (2017) menyatakan kit pembelajaran ditakrifkan sebagai bahan pengajaran yang lengkap untuk pembelajaran sesuatu topik dan bahan-bahan tersebut bersifat *concrete material*. Dalam aktiviti yang disediakan terdapat bahan yang meningkatkan kemahiran murid tersebut dalam menulis huruf dengan kemas dan betul iaitu buku garis tiga . Buku garis tiga tersebut merupakan bahan yang menjadi panduan agar murid dapat menulis huruf dengan kemas dengan adanya tiga garis.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

### Objektif

Objektif Kajian Tindakan ini adalah untuk:

- Membantu murid pendidikan pemulihan dalam kekemasan tulisan dengan menggunakan buku garis tiga.
- Murid pendidikan pemulihan dapat menulis huruf dengan betul dengan menggunakan buku garis tiga.

### Soalan Kajian

- Adakah buku garis tiga dapat membantu kekemasan tulisan murid-murid pendidikan pemulihan?
- Bagaimanakah cara membantu murid pendidikan pemulihan menulis huruf a, b dan d dengan betul?

## PESERTA KAJIAN

Berdasarkan pengajaran dan pembelajaran yang telah saya jalankan, saya telah memilih dua orang murid pendidikan pemulihan bagi matapelajaran Bahasa Malaysia. Kedua-dua murid pemulihan tersebut berusia dalam lingkungan 8 tahun.

Jadual 1

Jadual Maklumat Murid

Bil	Murid	Jantina	Tahap pencapaian	Tingkah Laku	Masalah
1.	A	Lelaki	Lemah	Aktif dan nakal	Keliru dengan huruf a, b dan d -tidak dapat menulis dengan kemas
2.	B	Lelaki	Sederhana	Pasif	Tidak dapat menulis huruf a, b dan d tanpa bantuan atau rujukan

## **TINDAKAN YANG DIJALANKAN**

Pada langkah tindakan, saya menggunakan buku garis tiga bagi membantu murid yang mempunyai masalah dalam menulis huruf a, b dan d dengan betul dan kemas. Bagi menjalankan pemerhatian, jadual pemerhatian digunakan sebagai instrumen untuk menjalankan pemerhatian tersebut. Ia bertujuan memudahkan saya dalam merekod berdasarkan kriteria yang saya sediakan. Bagi kaedah temubual ini saya telah menyediakan item yang ingin ditemubual dengan murid. Bagi menjawab soalan atau item tersebut, murid perlu menjawab 'Ya' atau 'Tidak'. Bagi kaedah yang seterusnya adalah kaedah dokumen, terlebih dahulu saya akan menyemak lembaran kerja murid. Kemudian, saya merekod pada jadual yang saya sediakan untuk menilai dan mendapatkan data hasil daripada lembaran murid tersebut. Bagi menganalisis data, saya menggunakan jadual untuk menunjukkan hasil data yang diperolehi. Pada kaedah pemerhatian dan temubual, saya menggunakan jadual dalam menganalisis hasil data saya. Saya menggunakan 'Ya' atau 'Tidak' bagi menjawab item yang telah disediakan. Bagi menganalisis data pemerhatian, saya menggunakan hasil data daripada item yang telah saya tetapkan pada borang pemerhatian tersebut. Saya menandakan di antara kedua-dua jawapan yang telah disediakan. Bagi menganalisis data temubual, saya membuat perbandingan bagi mendapatkan hasil daripada kedua-dua lingkaran tersebut dan membuat perbandingan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Pada item 1, item yang diperhatikan oleh saya ialah posisi badan murid-murid tersebut semasa menulis. Pada kitaran pertama kedua-dua murid tidak menunjukkan posisi yang betul semasa menulis. Namun, pada kitaran kedua murid menunjukkan perubahan iaitu posisi duduk murid semasa menulis diubah selepas intervensi dijalankan. Pada item 2 pula, saya menjalankan pemerhatian terhadap gangguan rakan lain terhadap murid-murid yang mempunyai masalah tulisan. Pada kitaran yang pertama, Murid A tidak diganggu oleh rakan yang lain semasa murid tersebut menulis atau menyiapkan tugas yang diberikan. Namun, murid B diganggu oleh murid yang lain semasa bermain. Pada kitaran yang kedua, kedua-dua murid tersebut tidak diganggu oleh rakan mereka. Pada item 3, perkara yang saya perhatikan ialah cara murid tersebut memegang pensel. Cara pemegangan betul akan menghasilkan tulisan yang kemas dan mudah dibaca. Pada kitaran yang pertama, murid A menunjukkan cara memegang pensel yang betul. Manakala, murid B pula tidak dapat memegang pensel dengan betul. Pada kitaran kedua pula, kedua-dua murid dapat memegang pensel dengan betul. Bagi item 4 pula, saya lebih memberikan fokus kepada pemerhatian terhadap pengetahuan sedia ada murid-murid. Pada kitaran pertama, sebelum aktiviti apabila ditanya oleh saya huruf yang ditunjukkan kedua-dua murid dapat menjawab. Murid-murid tersebut dapat mengenal huruf dan pada kitaran dua juga kedua-dua murid tersebut dapat menjawab huruf yang ditunjukkan oleh saya. Bagi item 5 pula, saya menjalankan pemerhatian terhadap penulisan huruf betul atau tidak. Pada item ini saya memerhati jika murid tersebut dapat menulis huruf yang disebutkan oleh saya atau tidak. Pada kitaran pertama, murid A tidak dapat menulis huruf dengan betul. Manakala, murid B dapat menulis huruf yang disebut dengan betul. Pada kitaran kedua pula, kedua-dua murid tersebut dapat menulis huruf yang saya sebutkan kerana telah menjalani aktiviti yang diberikan. Melalui aktiviti tersebut, kedua-dua murid dapat menulis huruf yang saya sebutkan. Bagi item 6 pula, pemerhatian yang dijalankan adalah terhadap kekemasan tulisan yang dihasilkan oleh murid. Pada kitaran pertama iaitu sebelum aktiviti, kedua-dua murid tersebut tidak dapat menulis dengan kemas. Maka, tulisan yang dihasilkan sukar dibaca. Namun, selepas menjalani aktiviti kedua-dua murid menunjukkan respon yang positif apabila tulisan dapat dibaca dan kemas setelah menggunakan bahan yang saya sediakan iaitu buku garis tiga.

Jadual 2  
Aanalis rekod hasil daripada pemerhatian

Bil	Item	Murid	Kitaran 1		Kitaran 2	
			Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Adakah murid duduk dalam posisi badan yang betul semasa menulis?	A		x	√	
		B		x	√	
2.	Adakah murid tersebut diganggu oleh rakan?	A		x		x
		B	√			x
3.	Adakah posisi tangan murid betul semasa memegang pensel ?	A	√		√	
		B		x		x
4.	Adakah murid mengenal huruf?	A	√		√	
		B	√		√	
5.	Adakah murid menulis huruf dengan betul?	A		x	√	
		B	√		√	
6.	Adakah murid dapat menulis huruf dengan kemas?	A		x	√	
		B		x	√	

Bagi analisis temubual pula, bagi item 1 kitaran pertama menunjukkan murid A tidak kenal huruf yang ditunjukkan oleh saya. Manakala, murid B dapat menjawab huruf yang ditunjukkan kepadanya. Bagi item 2 pula, murid A selesa semasa memegang pensel kerana posisi yang betul semasa menulis. Manakala, murid B kurang selesa semasa memegang pensel kerana cara pemegangan yang salah. Bagi item 3, 4 dan 5 pula, murid A tidak dapat menulis huruf a, b dan d dengan betul. Manakala murid B dapat menulis huruf yang diberikan dengan betul. Pada Kitaran kedua pula, kesemua item tersebut dapat murid-murid tersebut jalankan dengan baik.

Jadual 3  
Jadual Rekod Temubual

Bil	Item	Murid	Kitaran 1		Kitaran 2	
			Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Adakah awak kenal huruf yang saya tunjukkan ini?	A		x	√	
		B	√		√	
2.	Adakah awak selesa memegang pensel tersebut?	A	√		√	
		B		x	√	
3.	Adakah awak dapat menulis huruf a dengan betul?	A		x	√	
		B	√		√	
4.	Adakah awak dapat menulis huruf b dengan betul?	A		x	√	
		B	√		√	
5.	Adakah awak dapat menulis huruf d dengan betul?	A		x	√	
		B	√		√	

Bagi analisis dokumen, aspek kekemasan tulisan pada kitaran pertama, kedua-dua murid tidak dapat menguasai aspek tersebut. Pada kitaran yang kedua, murid tersebut dapat menguasai kekemasan tulisan setelah menjalankan intervensi yang disediakan. Bagi aspek menulis huruf dengan betul pula, pada kitaran pertama murid A tidak dapat menulis ketiga-tiga huruf dengan betul. Manakala, murid B pula cuma tidak dapat menguasai penulisan huruf b dengan betul. Namun, pada kitaran yang kedua kedua-dua murid tersebut

menunjukkan tahap penguasaan yang positif apabila kedua-dua menguasai penulisan huruf dengan betul.

Jadual 4  
Jadual Rekod Dokumen

Huruf	Murid	Aspek Kekemasan		Huruf ditulis dengan betul	
		Kitaran			
		1	2	1	2
a	A	x	√	x	√
	B	x	√	x	√
b	A	x	√	x	√
	B	x	√	x	√
d	A	x	√	x	√
	B	x	√	x	√

## REFLEKSI

Pada pengajaran dan pembelajaran yang telah saya jalankan semasa praktikum disekolah, saya mendapati dengan bantuan garis lurus murid-murid dapat menulis dengan kemas. Namun apabila saya meminta murid-murid untuk menulis pada papan putih tanpa ada sebaris garisan murid-murid sukar menulis dengan betul dan kemas. Maka melalui situasi tersebut saya mendapati bahawa jika terdapatnya buku garis tiga ini digunakan oleh mereka, ia akan memudahkan murid-murid untuk menulis. Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa buku garis tiga membantu bagi kekemasan tulisan murid. Kita sedia maklum bahawa apabila menggunakan buku garis tiga, tulisan murid-murid tersebut memerlukan proses untuk kemas. Namun, dengan adanya aktiviti-aktiviti yang sesuai agar tulisan murid dapat menjadi kemas. Melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan, murid akan dapat menulis dengan menggunakan buku garis tiga.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Bagi cadangan kajian lanjutan, saya mencadangkan agar guru menggunakan permainan menulis huruf. Misalnya, menulis huruf pada pasir. Melalui penulisan huruf pada pasir ia akan membantu murid tersebut berkembang dari segi motor halus dan motor kasar murid tersebut. Cadangan seterusnya, saya mencadangkan kaedah menulis menggunakan warna membantu murid mengenal huruf. Kaedah menulis menggunakan warna ini adalah bertujuan untuk menarik minat murid-murid dalam menulis dengan kemas dan menarik

## RUJUKAN

- Chiang Ee Fong (2018) *Dari Pendidikan Khas Kepada Pendidikan Pemulihan: Dua program Masalah Pembelajaran* diakses pada 20 Mac 2019, [https://www.researchgate.net/publication/327470740\\_Dari\\_Pendidikan\\_Pemulihan\\_Khas\\_ke\\_Pendidikan\\_Pemulihan\\_Dua\\_Program\\_Masalah\\_Pembelajaran](https://www.researchgate.net/publication/327470740_Dari_Pendidikan_Pemulihan_Khas_ke_Pendidikan_Pemulihan_Dua_Program_Masalah_Pembelajaran)
- Nurul Haniza Samsudin (2010) *Penggunaan Kit Asas membaca Bahasa Melayu Untuk Kanak-Kanak Pemulihan Khas* diakses pada 20 Mac 2019, [http://studentsrepo.um.edu.my/7923/6/NURUL\\_HANIZA\\_BINTI\\_SAMSUDIN.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/7923/6/NURUL_HANIZA_BINTI_SAMSUDIN.pdf)
- Maziah Jamil (2012). *Penggunaan teknik menepak secara latih tubi dalam memperbaiki pratulisan murid-murid palsy serebral*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

- Hussein Hj Ismail (2015) *Penggunaan kaedah LTG3 meningkatkan kekemasan menulis huruf kecil 'g', 'j', dan 'y' murid tahun dua*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Hayati Salleh (2015). *Penggunaan buku pelbagai garis dan batang ais krim dalam meningkatkan kekemasan tulisan*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Liew Teck Mee (2012). *Kaedah asuh tulis membantu murid pemulihan khas menulis dengan kemas*. Pelaporan Sarjana Muda. Insitut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

## **MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MENGEJA PERKATAAN KVKV MENGUNAKAN PERMAINAN RODA KVKV “ANGGOTA BADAN”**

**JENNY AVIT<sup>1</sup>, SAPATOMAH @ SBTUYAH MORSHIDI<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. jnyavit@gmail.com

<sup>2</sup>Jabatan Pembangunan Latihan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. sabmorcd@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Kajian tindakan yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji penggunaan permainan roda KVKV “Anggota Badan” dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan KVKV dalam kalangan murid Tahun 2. Kajian tindakan ini meninjau pelaksanaan kaedah bermain semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dalam kajian ini, 2 orang murid dipilih untuk menjadi peserta kajian. Kedua-duanya adalah lelaki. Data kajian telah dikumpul melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual bersama murid. Pemerhatian digunakan untuk mengenal pasti minat, penglibatan murid dalam kelas dan penguasaan kemahiran mengeja perkataan KVKV semasa permainan roda KVKV (Anggota Badan). Ujian lisan sebelum dan selepas juga dijalankan bagi mengesan peningkatan murid dalam penguasaan kemahiran mengeja perkataan KVKV. Model Kemmis & McTaggart (1988) digunakan sebagai panduan untuk melaksanakan kajian ini. Hasil dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan kesan positif dari segi tahap minat, penglibatan murid dalam kelas serta penguasaan murid dalam kemahiran mengeja perkataan KVKV.

Kata kunci: Kemahiran mengeja, teknik permainan, Permainan roda KVKV “Anggota Badan”.

### **ABSTRACT**

This action research was carried out with the aim to review the the use of KVKV wheel game the “Parts of the body” to improve KVKV spelling skills among Year two students. Two students were selected to be the participants. Both were male students. Data analysis was collected through observations, documents analysis and interviews with the students. Observations are used to identify interest, involvement in the classroom and to master KVKV spelling skills during KVKV wheel games “Parts of the body”. Oral and verbal tests were also conducted to detect student’s improvement in their spelling skills. The Kemmis & Mc Taggart model was used as a guide to carry out this action research. The research findings showed that there are some positive effects in terms of interest level, student’s involvement in the classroom and student’s mastery of KVKV spelling skills.

Key words: Spelling skills, playing technique, KVKV “Parts of the body” wheel games.

### **PENGENALAN**

Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan penggunaan permainan Roda KVKV “Anggota Badan” dalam pengajaran dapat meningkatkan penguasaan kemahiran mengeja perkataan KVKV yang telah dipelajari. Mengeja merupakan salah satu daripada masalah yang sering dihadapi oleh murid pemulihan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mengeja ialah perbuatan membunyikan (menulis) huruf-huruf secara berturut-turut dalam sesuatu perkataan. Menurut Jesma (2011) pula, kemahiran mengeja bermaksud proses memilih serta mengadunkan lambang-lambang untuk melahirkan bunyi-bunyi perkataan secara lisan atau bertulis. Menurut beliau juga, kemahiran mengeja perlu dipelajari.

Setiap individu mempunyai cara pembelajaran yang berbeza. Saya menggalakkan aktiviti bermain dalam kumpulan di dalam kelas agar murid terlibat secara aktif dan dapat memberi kerjasama di dalam kumpulan. Saya juga menggalakkan aktiviti berkumpulan untuk mengeluarkan seseorang murid itu daripada ketakutan ataupun keyakinan diri yang rendah. Setiap murid akan diberi peluang untuk memberi jawapan bagi soalan yang diajukan dimana ianya berkaitan dengan mengeja perkataan KVKV. Seorang guru juga perlu terlibat secara aktif untuk mengekalkan lancarnya setiap proses pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru juga perlu kreatif dan sentiasa bersedia dalam merancang aktiviti untuk meningkatkan kemahiran yang akan diajar.

Saya telah membuat refleksi tentang pengajaran KVKV ini. Melalui isu yang telah dilalui, saya perlu mencari cara atau kaedah yang sesuai untuk menarik minat murid serta boleh meningkatkan keyakinan diri mereka dalam memberi pendapat jawapan. Sebelum ini, kaedah yang digunakan ialah menggunakan bahan bantu mengajar mawjud dan kad perkataan dan ianya memberi kurang minat pelajar untuk menumpukan perhatian yang sepenuhnya. Jadi, saya mencadangkan kaedah permainan Roda KVKV 'Anggota Badan' ini untuk menarik minat murid untuk belajar.

Kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran harus sentiasa berubah mengikut keperluan masalah yang dihadapi murid. Setiap masalah yang dihadapi memerlukan kaedah yang berlainan untuk membantu meningkatkan kemahiran murid. Guru boleh mengajar kemahiran yang baru menggunakan kemahiran sedia ada murid. Teknik permainan ini kerap digunakan kerana ia berunsur didik hibur dan mempunyai kesan yang baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Osha (2007) dalam kajiannya mengenai keberkesanan pelaksanaan permainan bagi mengukuhkan pembelajaran kosa kata mendapati bahawa murid- murid dapat mengingat kosa kata setelah mempelajarinya melalui aktiviti permainan. Selain itu, beliau mendapati bahawa tumpuan dan motivasi murid dapat dipertingkatkan melalui pelaksanaan aktiviti permainan dalam kelas.

Menurut Jen Groff, Cathrin Howells dan Sue Cranmer (2010) mendapati bahawa murid mendapat pelbagai manfaat hasil daripada penglibatan di dalam aktiviti permainan yang dirancang oleh guru. Murid dapat memberi jawapan yang betul dan positif berdasarkan pengalaman yang dikecapi daripada aktiviti bermain.

Justeru itu, saya akan menggunakan teknik permainan roda KVKV (Anggota Badan) untuk membantu murid saya mengatasi masalahnya. Semoga dengan bimbingan serta melalui teknik permainan ini dapat membantu murid saya boleh mengeja perkataan KVKV.

## **FOKUS KAJIAN**

Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan penggunaan permainan Roda KVKV 'Anggota Badan' dalam pengajaran dapat meningkatkan penguasaan kemahiran mengeja perkataan KVKV yang telah dipelajari.

Menurut Mariana dan Siti Hawa (2009), dalam kehidupan sosial kanak-kanak, bermain merupakan salah satu pencetus kepada pertumbuhan perkembangan kanak-kanak terutamanya kemahiran sosial dan emosi. Hal ini terbukti bahawa apabila kanak-kanak bermain dengan rakan mereka, ini dapat membantu kanak-kanak untuk menyesuaikan diri dengan orang lain. Dengan cara bermain juga ianya dapat memberikan pengalaman yang berguna kepada kanak-kanak bagi meningkatkan kemahiran sosial dan mereka juga boleh belajar mengawal diri apabila bergaul dengan rakan mereka. Tambahan pula, Mariana dan Siti Hawa (2009) menjelaskan, aktiviti bermain juga dapat menyumbang kepada peningkatan perkembangan bahasa kanak-kanak dengan cara penggunaan isyarat bahasa ketika bermain.

Menurut Piaget (2010:138) (seperti dalam Zakiah Mohamad Ashari, 2014), Permainan sebagai suatu media yang meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak. Permainan memungkinkan anak mempraktikkan kompetensi-kompetensi dan keterampilan-keterampilan yang diperlukan dengan cara yang santai dan menyenangkan.

Mengikut Vygotsky (1967) "Main membantu perkembangan bahasa dan pemikiran.

Struktur otak akan membentuk melalui penggunaan simbol dan alat, ia juga membantu dalam pembentukan ini. Main juga memberi kebebasan kepada kanak-kanak untuk meluahkan tekanan dalam menghadapi dunia sebenar. Dalam cara ini kanak-kanak dapat mengawal situasi dan menyesuaikan dalam dunia sebenar. Mereka dibenarkan untuk memperolehi proses pemikiran yang tinggi melalui bermain". (Spodek et al. 1987, p. 181) (seperti dalam Zabri Zainol Abidin, 2011).

Dapat diringkaskan, aktiviti main dapat memberangsangkan perkembangan bahasa. Dalam konteks main bebas, kanak-kanak dapat melatih bahasa yang baru dikuasai, mempelbagaikan perbendaharaan kata serta membenarkan kesalahan dan pembedahan bahasa. Selain itu, aktiviti main yang berlainan sama ada main sosial atau main kognitif juga akan memberangsangkan aspek-aspek perkembangan bahasa yang tertentu.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

### Objektif Kajian

- Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu;
- Murid dapat mengeja perkataan KVKV melalui permainan roda KVKV 'Anggota Badan'
  - Membantu meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran.

### Soalan Kajian

- Berdasarkan objektif kajian, terdapat dua soalan bagi kajian ini, iaitu;
- Adakah permainan roda KVKV 'Anggota Badan' dapat membantu murid pemulihan untuk mengeja perkataan KVKV?
  - Adakah permainan roda KVKV 'Anggota Badan' dapat membantu meningkatkan minat murid dalam pembelajaran?

## PESERTA KAJIAN

Peserta kajian saya terdiri daripada 2 orang murid pemulihan Tahun 2. Saya memilih kedua-dua orang murid yang menunjukkan sikap kurang minat dalam pengajaran dan pembelajaran dan mempunyai masalah dalam penguasaan kemahiran mengeja perkataan KVKV.

### Jadual 1

Ciri-ciri murid (peserta kajian)

Bil	Murid (Nama samaran)	Jantina	Umur	Kelas
1	Roy	Lelaki	8 Tahun	2C
2	Zack	Lelaki	8 Tahun	2 D

## TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya menjalankan kajian ini dengan berpandukan Model Kemmis dan McTaggart (1988). Terdapat empat proses pelaksanaan yang dijalankan sepanjang kajian ini. Prosesnya merangkumi tinjauan awal, merancang tindakan, melaksana tindakan dan memerhati dan mereflek.

### Jadual 2

Proses Pelaksanaan yang dijalankan.

Tinjauan awal	❖ Pemerhatian dan tinjauan awal dibuat semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan untuk mengenal pasti murid yang menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran mengeja perkataan KVKV.
	❖ Hasil tinjauan awal:



---

	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Kedua-dua murid masih kurang menguasai dalam kemahiran mengeja perkataan KVKV.</li><li>ii. Murid menunjukkan sikap tidak minat dalam pengajaran dan pembelajaran.</li><li>iii. Murid hanya berdiam diri sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.</li></ul> <p>❖ Kesan masalah: murid kurang keyakinan, pasif dan tidak melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran.</p>
Merancang tindakan	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Saya telah merancang beberapa aktiviti dalam permainan roda.</li><li>❖ Saya memilih lapan perkataan untuk dipelajari sepanjang menjalankan kajian iaitu mata, gigi, dagu, bahu, siku, jari, kuku dan kaki.</li></ul>
Melaksana tindakan dan memerhati	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Saya melaksanakan aktiviti yang dirancang.</li><li>❖ Data dikumpul sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.</li><li>❖ Ujian lisan sebelum dan selepas juga dijalankan untuk mengetahui pencapaian murid.</li><li>❖ Ujian lisan sebelum dilakukan sebelum memulakan aktiviti 1 manakala ujian lisan selepas dilakukan setelah selesainya kesemua aktiviti dalam permainan roda yang dirancang.</li><li>❖ Berikut ialah aktiviti- aktiviti yang dilalakan:</li></ul>

---

#### **AKTIVITI 1:**

##### **(Menggunakan kad gambar KVKV dan kad suku kata KV)**

- ❖ Aktiviti ini dilakukan sebelum menggunakan permainan roda KVKV “Anggota Badan”.
- ❖ Guru membimbing murid untuk menyebut perkataan yang terdapat dalam gambar dan membimbing murid untuk mengeja perkataan tersebut.
- ❖ Saya menyediakan suku kata KV dan membimbing murid untuk mengeja dan mencantumkan suku kata KV menjadi perkataan KVKV.
- ❖ Murid diminta untuk mencabut kad gambar perkataan KVKV dan meminta murid mengeja serta mencari suku kata yang betul untuk membentuk perkataan KVKV.

#### **AKTIVITI 2:**

##### **(Mengeja dan memadankan suku kata KV menjadi perkataan KVKV berdasarkan gambar yang diputarakan)**

- ❖ Murid dipilih secara rawak untuk memutarakan roda gambar dan meminta murid untuk memadankan suku kata KV menjadi perkataan. Contohnya, anak panah menunjuk pada gambar siku maka, murid perlu mengeja terlebih dahulu perkataan tersebut dan memadankan suku kata “si” dan “ku”. Seterusnya, saya dan murid akan menyemak bersama adakah ejaan dan pemadanan suku kata yang dilakukan oleh murid betul atau salah.

#### **AKTIVITI 3:**

##### **(Mengeja dan menulis jawapan yang betul berdasarkan gambar yang diputarakan)**

Dalam aktiviti ini pula, saya juga memanggil murid secara rawak untuk memutarakan roda gambar dan meminta murid untuk menyebut dan mengeja gambar yang ditunjuk oleh anak panah. Selepas mengeja, saya

---

meminta murid menulis perkataan tersebut pada ruangan yang disediakan di sebelah kiri roda. Sama seperti aktiviti 2, saya dan murid akan menyemak ejaan dan jawapan yang ditulis murid bersama-sama.

Mereflek	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Catatan dibuat secara langsung melalui data yang diperoleh melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.</li> <li>Dapatan hasil kajian ini akan menentukan.</li> <li>❖ Perbandingan antara ujian lisan sebelum dan selepas dicatat.</li> </ul>
----------	---

### Kaedah dan cara menganalisis data

Jadual 3  
Kaedah Mengumpul dan Cara mengumpul data

Kaedah mengumpul data	Cara mengumpul data
Pemerhatian	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Saya menyediakan borang senarai semak.</li> <li>❖ Saya akan menandakan “√” atau “X” pada ruang yang disediakan, Tanda “√” bermaksud memuaskan manakala tanda “X” bermaksud tidak memuaskan.</li> <li>❖ Permainan roda KVKV dikatakan berkesan apabila setiap murid mendapat tanda “√” sebanyak <math>\frac{4}{8}</math> ataupun lebih.</li> </ul>
Analisis dokumen	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Saya akan menguji murid dengan melakukan ujian lisan sebelum dan selepas.</li> <li>❖ Saya meminta murid seorang demi seorang untuk mengeja perkataan KVKV yang disebut.</li> <li>❖ Saya akan menandakan tanda “√” pada perkataan yang betul dieja dan menandakan tanda “X” pada perkataan yang salah dieja.</li> <li>❖ Skor murid ditukar kepada unit peratus (%) dengan cara <math>\frac{y}{8} \times 100\%</math>.</li> <li>❖ y merujuk kepada jumlah perkataan yang betul dieja oleh murid.</li> <li>❖ Saya membuat perbandingan markah antara ujian lisan sebelum dan selepas.</li> <li>❖ Permainan roda KVKV “Anggota Badan” dikatakan berkesan jika murid mendapat markah sebanyak 50% atau lebih.</li> </ul>
Temu bual	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Saya telah menyediakan 4 soalan sebelum sesi temu bual.</li> <li>❖ saya mengajukan satu per satu soalan dan minta murid untuk memberi respons.</li> <li>❖ Saya mencatat jawapan murid.</li> </ul>

### DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah ringkasan dapatan kajian saya.

#### Keputusan Pemerhatian

Jadual 4:  
Keputusan Pemerhatian

Aspek		“√” atau “x”			
		Sebelum		Selepas	
		Roy	Zack	Roy	Zack
Minat	Seronok/ teruja	X	X	√	√

	Memberi tumpuan	√	√	√	√
	Melibatkan diri	X	√	√	√
Penglibatan murid dalam kelas	Keyakinan diri	X	X	√	√
	Memberi kerjasama	X	X	√	√
	Mengikuti arahan mudah	√	√	√	√
Penguasaan kemahiran	Mengeja sambil memadankan suku kata KV berdasarkan gambar	X	X	√	√
	Mengeja dan menulis perkataan KVKV	X	X	√	√

Rujukan

√ = Memuaskan


X = Tidak memuaskan

### Keputusan ujian lisan (sebelum dan selepas)

Jadual 5

Perbandingan Keputusan Ujian lisan ( Sebelum dan Selepas )

Bil	Perkataan	Sebelum		Selepas	
		Roy	Zack	Roy	Zack
1.	mata	/	/	/	/
2.	dagu	X (gadu)	X (dadu)	/	/
3.	bahu	X (buru)	X	/	/
4.	jari	X (jagi)	X	/	X (gari)
5.	kuku	X (kubu)	/	/	/
6.	kaki	/	X (kaka)	/	/
7.	gigi	/	/	/	/
8.	siku	X (cacu)	X	/	/
Jumlah yang betul/ peratus		3/8 (38%)	3/8 (38%)	8/8 (100%)	7/8 (88%)
Keputusan		<b>G</b>	<b>G</b>	<b>L</b>	<b>L</b>
Rujukan:		L: Lulus	<b>G: Gagal</b>		



Rajah 1. Graf markah ujian sebelum dan selepas.

## Keputusan temu bual

### Jadual 6

Jawapan murid terhadap soalan temu bual.

Soalan	Jawapan	
	Roy	Zack
1. Adakah anda berminat dengan permainan hari ini? Mengapa?	Ya cikgu.. saya suka main roda. <i>Best</i> .	Ya.. seronok.
2. Adakah anda berminat untuk bermain roda semasa belajar pada masa akan datang?	Ya.. mau cikgu..	Ya..
3. Adakah anda merasa lebih yakin untuk mengeja selepas bermain roda KVKV?	Ya..	Ya..(sambil menganggu)
4. Adakah dengan bermain roda membantu anda dalam mengeja perkataan dengan betul?	Ya.. main roda <i>best</i> .. senang eja tengok kad kecil kecil tu.	Ya cikgu.. senang..

Menurut Sharifah dan Aliza (2011), apabila kanak-kanak seronok belajar sesuatu perkara, mereka terus berminat untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran, kesannya tumpuan kepada sesuatu perkara menjadi semakin baik. Menurut Norehan dan Rozita (2016), anggukan kepala sering berlaku dalam komunikasi bukan verbal sebagai tanda setuju atau untuk menunjukkan bahawa mereka mengikuti perbualan.

## REFLEKSI

Merujuk kepada kajian-kajian lepas berkaitan dengan aktiviti ataupun teknik permainan, mereka menyatakan bahawa aktiviti permainan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu mengatasi masalah yang dihadapi murid. Ini bermakna aktiviti permainan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Saya juga berpendapat bahawa teknik permainan di dalam kelas berkesan dan dapat memberi perubahan yang positif kepada murid. Permainan roda KVKV "Anggota Badan" berjaya meningkatkan penguasaan kemahiran mengeja murid walaupun peningkatannya tidak menyeluruh. Permainan roda KVKV ini juga mampu meningkatkan minat murid dalam menguasai kemahiran mengeja perkataan KVKV. Murid juga lebih berkeyakinan apabila pengajaran dilaksanakan dalam bentuk permainan. Murid merasakan pembelajaran yang dilaksanakan santai dan menyeronokkan.

Perubahan positif yang dapat dilihat, murid mula mempunyai keyakinan diri untuk menjawab soalan ataupun mengeja perkataan yang ditunjukkan oleh guru. Keyakinan murid juga meningkat melalui aktiviti kumpulan. Aktiviti kumpulan dalam permainan roda ini secara tidak langsung membantu murid minat untuk belajar kerana ianya menyeronokkan. Jika aktiviti dilakukan secara individu, murid mudah rasa gementar dan secara tidak langsung mengeja perkataan yang salah.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan, saya mendapati teknik bermain roda KVKV "Anggota Badan" memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran dalam kemahiran mengeja perkataan KVKV. Saya mendapati teknik bermain roda dapat membantu murid pemulihan untuk mengeja perkataan KVKV. Teknik bermain roda ini juga membantu meningkatkan minat murid dalam pembelajaran.

Bagi cadangan tindakan susulan, saya ingin menambahbaik aktiviti teknik bermain roda KVKV dengan menyediakan roda KVKVKV untuk meningkatkan kemahiran mengeja perkataan KVKVKV dalam pembelajaran. Aktiviti bermain roda ini juga mensasarkan murid pemulihan sebagai peneguhan dalam kemahiran mengeja KVKVKV. Melalui permainan ini,

murid boleh bermain dengan perasaan yang seronok. Murid suka dan mudah memahami pembelajaran yang menyeronokkan. Dalam perasaan seronok, mereka dapat mempelajari sesuatu dengan mudah. Saya juga merancang untuk menyediakan roda KVKVKV tersebut berbentuk digital yang mana menepati kehendak DSKP dan selari dengan Pendidikan Alaf ke-21. Penyediaan roda KVKVKV berbentuk digital ini juga tidak memerlukan kos yang tinggi dan pelaksanaan lebih mudah kerana tidak menggunakan bahan maujud.

Semoga pembelajaran yang dirancang dapat menarik lebih perhatian murid, berkesan dan menyeronokkan.

## RUMUSAN

Teknik permainan roda KVKV “Anggota Badan” ini sesuai digunakan untuk mengajar murid pemulihan. Penggunaan permainan roda KVKV “Anggota Badan” dalam pengajaran dan pembelajaran untuk kemahiran mengeja perkataan KVKV bagi matapelajaran Bahasa Melayu (Pendidikan Pemulihan) telah menunjukkan peningkatan yang positif bagi kedua-dua murid saya.

## RUJUKAN

- Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Raduan & Bushro Ali. (2018). *Asas Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dolphin Press International Sdn Bhd.
- Edinin, R. (2012). *Penyelidikan tindakan: kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Chuah, K. H. (2017). *Buku panduan penulisan laporan penyelidikan*. Kuching: IPG Kampus Batu Lintang.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Shah Alam: Mc Graw Hill Education.
- Lyvanessa Sorupi & Martina Ginus. (2016). *Stesen Ilmu (Bahasa Melayu)*. Koleksi Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran 2016 IPGKBL, 82-92.
- Jesma Ismail. (2011). *Kemahiran Mengeja*. Jaatan Bimbingan dan Kaunseling IPG Perlis.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (4<sup>th</sup> ed.)*. Thousand Oaks, CA Sage.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind*. New York: Basic Books.
- Pusat Pembangunan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2018). *Buku Panduan Penyelidikan Tindakan*. Selangor Darul Ehsan: Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chow. F. M & Jaizah Mahamud. (2011). *Siri Pendidikan: Kajian Tindakan : Konsep dan Amalan dalam Pengajaran*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Pengenalan Program Pemulihan Khas*. Diperoleh dari <https://www.moe.gov.my/index.php/en/special-education/program-pemulihan-khas/4104-pengenalan>.
- Jen Groff, Cathrin Howells & Sue Cranmer (2010). *Learning-Teaching Scotland The Impact of Console Games In The Classroom: Evodance From schools in Scotland*
- Analisis Dokumen. Diperoleh dari <https://www.slideshare.net/mobile/hamidahibrahim77/analisis-dokumen-penyelidikan-pendidikan>.
- Sharifah, N. P., & Aliza, A. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-15.
- Norehan, M, & Rozita, O. (2016). Pemerolehan bahasa bukan verbal oleh kanak-kanak melalui aplikasi multimedia. *Jurnal Pendidikan Dedikasi Jilid 11*. 2016, 51-67.
- Jamian, A. R., Othman, S., Ishak, S. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 42-51.
- Bayir. (2014). Developing and Playing Chemistry Games to Learn about Elements, Compounds, and the Periodic Table: Elemental, Periodica, Compoundica, and Groupica. Article in *Journal of Chemical Education* 91(4). Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/263020242\\_Developing\\_and\\_Playing\\_Chemistry\\_Games\\_To\\_Learn\\_about\\_Elements\\_Compounds\\_and\\_the\\_Periodic\\_Table\\_Elemental\\_Periodica\\_Compoundica\\_and\\_Groupica](https://www.researchgate.net/publication/263020242_Developing_and_Playing_Chemistry_Games_To_Learn_about_Elements_Compounds_and_the_Periodic_Table_Elemental_Periodica_Compoundica_and_Groupica)

- Patrick Buckley & Elaine Doyle. (2014). Gamification and Student Motivation. Article (PDF Available) in Interactive Learning Environments. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/266852840\\_Gamification\\_and\\_Student\\_Motivation](https://www.researchgate.net/publication/266852840_Gamification_and_Student_Motivation)
- Thomas W. Stringfield & Eugene F. Kramer. (2013). Benefit of a Game-Based Review Module in Chemistry Courses for NonMajors. Article in Journal of Education 91(1): 56-58. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/263949541\\_Benefits\\_of\\_a\\_Game-Based\\_Review\\_Module\\_in\\_Chemistry\\_Courses\\_for\\_Non\\_majors](https://www.researchgate.net/publication/263949541_Benefits_of_a_Game-Based_Review_Module_in_Chemistry_Courses_for_Non_majors)
- Dol Haji Nekmat (2012). Kit Permainan Bahasa Untuk Pengayaan dan Pengukuhan. Dimuat turun dari <https://www.slideshare.net/mrssilentreader70/kit-permainan-bahasa-14206722>
- Zakiah Ashari, Azlina Kosnin & Yeo Kee Jiar. (2013). *Keberkesanan Modul Belajar Melalui Bermain Terhadap Kefahaman Pengalaman Pranombor Kanak-Kanak Prasekolah*. 2<sup>nd</sup> International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas*. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/pekeliling/pendidikan-khas/958-pulih-khas/file>.
- Noveta @ Nismah Joseph. (2012). *Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Mengeja dan Membaca Perkataan (KVKV) Murid Pemulihan Khas Menggunakan Permainan Tangga Beracun*. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Kong Lee Ling. (2012). *Pembelajaran Koperatif Meningkatkan Pencapaian dan Minat Murid dalam Membaca dan Menulis Perkataan KVKVKV*. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Yuthisdeeren Maniam, Mages Panjaman, Nurul Farhana Jumaat & Nor Fadila Amin (2018). *Pendekatan Pembelajaran Melalui Bermain Untuk Meningkatkan Kemahiran Murid Membedakan Suku Kata Terbuka KV+KV Menggunakan Teknologi Realiti Maya*. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mariana & Siti Hawa .(2009). *Bermain Dapat Meningkatkan Keyakinan*. Retrieved from <https://www.coursehero.com/file/p1sdoonc/Selain-itu-bermain-juga-dapat-meningkatkan-keyakinan-dan-keberanian-diri-kanak/>.
- Vygotsky. (1967). *Belajar Melalui Bermain*. Retrieved from <https://sites.google.com/site/permatapokoksena/belajar-melalui-bermain>.
- Zakiah Mohamas Ashari. (2014). *Aplikasi Modul Belajar Melalui Bermain Dalam Kefahaman Awal Matematik dan Motivasi Kanak-Kanak Prasekolah*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

## **MEMBANTU MURID MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGECEM DAN MEMBUNYIKAN HURUF VOKAL MENGGUNAKAN GAMBAR**

**BIBIANA BIAN<sup>1</sup>, MARIAH RABA-EE<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. bibianabianz@gmail.com

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. mrshussinmarya@gmail.com.

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mengecam dan membunyikan huruf vokal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan gambar. Salah sebuah sekolah di daerah Miri dipilih untuk terlibat dalam kajian ini. Fokus kajian ini adalah untuk memastikan samada penggunaan gambar dapat meningkatkan kemahiran mengecam dan membunyikan huruf vokal murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Tinjauan awal mendapati murid sukar untuk mengecam dan membunyikan huruf vokal. Bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti, pengkaji menggunakan gambar. Data dikumpulkan melalui pemerhatian dan bukti dokumen. Data pemerhatian direkod dalam bentuk item senarai semak yang dianalisis berdasarkan kekerapan 'ya' dan 'tidak'. Manakala, data analisis dokumen dikumpul melalui lembaran kerja dan dianalisis berdasarkan skor. Hasil analisis data menunjukkan peningkatan markah dalam lembaran kerja dan senarai semak pemerhatian selepas aktiviti pembelajaran berbanding sebelum aktiviti pembelajaran. Sebagai kesimpulannya, kebolehan mengecam dan membunyikan huruf vokal akan memudahkan murid untuk menguasai kemahiran yang seterusnya.

Kata Kunci: Mengecam, membunyikan, huruf vokal, gambar, Model Kurt Lewin

### **ABSTRACT**

*One of the school in the Miri city was selected to participate in this research. The main of this research is to make sure whether the use of pictures able to improve their skill in recognizing and pronouncing the vowel sounds. Initial research found out that the student had a problem in recognizing and pronouncing the vowel sound. To overcome this problem, the research used the picture. Data is collected through observation and documentary evidence. The observation data is recorded in the form of a checklist item that is analysed based on the frequency of 'Yes' and 'No'. Document analysed data collected through the worksheet and analysed by score. Result of this analysis showed that the improvement score in the worksheet and a checklist of observation after learning activity compared to before the activity. In addition, an ability of student to recognize and sound the vowel will make them easier to master the next level.*

*Keywords: Recognizing, pronouncing, vowel letters, pictures, Model Kurt Lewin*

## **PENDAHULUAN**

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Pemulihan Khas bagi murid-murid sekolah rendah yang menghadapi masalah pembelajaran khususnya untuk menguasai kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira (3M). Dalam masa yang sama, Kementerian Pelajaran Malaysia (2008) dalam Fatin Farhana Mukhtar (2012), turut menyatakan bahawa Program Pemulihan khas ini adalah program yang diusahakan bagi mengatasi masalah kemahiran 3M yang kompleks disebabkan oleh pelbagai faktor. Sehubungan itu, subjek Matematik dan Bahasa Melayu dipilih dan diberi penekanan untuk Program Pemulihan Khas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kedua-dua subjek ini

sesuai bagi mengukuhkan lagi penguasaan murid terhadap kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Abdullah Hassan(1997) Ivina M.S (2014) menyatakan bahawa Bahasa Melayu bahasa rasmi negara, bahasa intelektual, bahasa supranasional dan bahasa sastera di peringkat nasional. Oleh hal yang demikian, subjek Bahasa Melayu diberi penekanan sejak sekolah rendah lagi. Tindakan tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid khususnya untuk kemahiran asas seperti kemahiran dari aspek lisan, membaca dan menulis. Disamping itu, untuk menguasai kemahiran membaca dengan baik seseorang murid itu perlu dapat mengecam huruf vokal dan membunyikan huruf sama ada huruf konsonan atau huruf vokal serta dapat mengaitkan lambang tersebut dengan bunyi. Penguasaan dari aspek tersebut membolehkan murid untuk mengeja dan membatangkan perkataan yang dipelajari.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Berdasarkan pengalaman praktikum fasa kedua yang lepas pengkaji telah mengesan masalah pembelajaran salah seorang murid dalam subjek Bahasa Melayu. Pada peringkat awal, Pada peringkat permulaan, pengkaji hanya mendedahkan murid dengan huruf besar dan huruf kecil "A-Z" mengikut susunan abjad yang disediakan dalam kertas mahjong. Kemudian murid-murid diminta untuk menyebut nama huruf tersebut mengikut susunan abjad "A-Z".

Seterusnya, pengkaji membimbing murid untuk menyebut nama huruf dan membunyikan huruf serta memberi lembaran kerja kepada murid. Hasil aktiviti tersebut, tidak semua murid yang dapat menyiapkan lembaran kerja serta membunyikan huruf vokal. Semasa sesi pengukuhan, pengkaji meminta murid-murid untuk menyebut semula huruf vokal. Terdapat seorang murid yang menghadapi kesukaran untuk menyebut semula huruf vokal yang telah dipelajari. Murid tersebut sukar untuk mengecam dan membunyikan huruf vokal.

Berdasarkan aktiviti yang sudah dijalankan pengkaji mendapati murid tersebut tidak dapat mengecam dan membunyikan huruf vokal yang telah dipelajari. Oleh itu, pengkaji telah berbincang dengan guru pemulihan. Hasil daripada perbincangan tersebut, pengkaji memutuskan untuk melaksanakan satu inisiatif yang diharapkan dapat membantu murid dalam mengingat huruf-huruf vokal. Dalam masa yang sama dapat memudahkan murid-murid untuk membunyikan huruf vokal. Kaedah ini ialah kaedah menggunakan gambar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Guru seharusnya mencari inisiatif pengajaran dan pembelajaran yang lebih relavan dengan masalah murid iaitu seiring dengan pendapat Howard Gardner yang memperkenalkan teori kecerdasan pelbagai. Menurut beliau tugas seorang pendidik adalah untuk memastikan teknik pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan semua kategori murid.

## **FOKUS KAJIAN**

Pengkaji memilih seorang murid yang mempunyai masalah untuk mengecam huruf vokal yang dipelajari. Murid tersebut gagal untuk membunyikan semula huruf vokal. Berpandukan masalah yang dihadapi oleh murid, pengkaji memfokuskan kajian kepada penggunaan gambar. Penggunaan gambar bertujuan untuk mengatasi masalah murid dari aspek kognitif iaitu memudahkan murid mengecam dan membunyikan huruf vokal berpandukan gambar yang digunakan.

Penggunaan gambar dalam sesi pengajaran khususnya untuk kemahiran huruf vokal sangat bermanfaat jika penggunaannya dirancang dengan baik. Berdasarkan kajian lepas oleh Mohd Amirul Hamzan (2011), guru perlu menitikberatkan pilihan gambar, ketepatan gambar, kesesuaian, seni, ringkas, terang, menarik dan jelas. Perkara ini juga dibuktikan dalam kajian yang dijalankan oleh Muhammad Zulkarnaian Jamaluddin (2011) yang bertujuan meninjau penggunaan gambar dalam membantu murid dalam kemahiran Bahasa Melayu. Keputusan kajian telah menunjukkan penggunaan gambar dapat memberangsang



penguasaan ayat tunggal murid. Kajian Siti Zaharah Muwaaz (2010) juga menggunakan kad gambar untuk membantu murid prasekolah dalam kemahiran membaca suku kata KV+VK.

## OBJEKTIF KAJIAN

- Membantu murid mengecam huruf vokal menggunakan gambar.
- Membantu murid membunyikan huruf vokal menggunakan gambar.

## SOALAN KAJIAN

- Adakah penggunaan gambar dapat membantu murid untuk mengecam huruf vokal?
- Adakah penggunaan gambar dapat membantu murid untuk membunyikan huruf vokal?


## PESERTA KAJIAN

Jadual 1

Peserta Kajian

Nama murid	Tae (Bukan nama sebenar)
Umur	8 Tahun
Jantina	Lelaki
Kesukaran	Kesukaran mengecam dan membunyikan huruf vokal


## PELAKSANAAN TINDAKAN



Kaedah yang pengkaji cadangkan ialah, penggunaan gambar untuk membantu murid mengecam dan membunyikan huruf vokal. Model yang dipilih dalam melaksanakan kaedah tersebut ialah Model Tindakan Kurt Lewin (1946). Pengkaji memilih model ini kerana terdapat beberapa kajian lepas yang berjaya dilaksanakan dengan baik menggunakan model tersebut. Antaranya ialah, kajian Mohd Azmi Ismail (2012) telah menggunakan model Kurt Lewin untuk membantu murid menghafaz ayat-ayat al-quran.

### Refleksi 1

Pada peringkat refleksi ini pengkaji telah membuat kesimpulan dan rumusan tentang pencapaian murid berdasarkan analisis pengumpulan data yang sudah dijalankan. Pada akhir pembelajaran untuk aktiviti 1, pengkaji mendapati murid tidak mencapai penguasaan yang sepenuhnya iaitu dapat dilihat melalui analisis dokumen dan pemerhatian. Berpandukan refleksi aktiviti satu ini, pengkaji telah merancang aktiviti kedua iaitu yang bertujuan untuk membantu murid menguasai serta mengesan sejauh mana murid menguasai isi pengajaran yang sudah dilaksanakan dalam aktiviti.



## REFLEKSI

Berdasarkan aktiviti 2, pengkaji telah membuat kesimpulan dan rumusan tentang pencapaian murid berpandukan analisis pengumpulan data yang sudah dijalankan. Pada akhir pembelajaran untuk aktiviti 2, pengkaji mendapati murid menunjukkan peningkatan penguasaan terhadap kemahiran mengecam dan membunyikan huruf vokal iaitu dapat dilihat melalui analisis dokumen dan pemerhatian. Murid menunjukkan peningkatan yang baik dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Seterusnya, lembaran kerja dalam aktiviti 2 disiapkan oleh murid tanpa bimbingan daripada pengkaji iaitu berbeza dengan aktiviti 1 yang dibimbing oleh pengkaji dalam menyiapkan lembaran kerja. Perubahan melalui analisis dokumen yang dijalankan untuk setiap aktiviti ialah, peratus sebelum aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah(10%). Peratus tersebut menunjukkan bahawa murid belum menguasai kemahiran yang diajar. Manakala peratus analisis dokumen bagi aktiviti 1 ialah(45%). Peratus tersebut menunjukkan bahawa murid sudah dapat menjawab sebahagian daripada lembaran kerja yang diberikan. Seterusnya peratus untuk aktiviti 2 iaitu (95%) Peningkatan peratus markah ini menunjukkan bahawa aktiviti 2 ini berjaya membantu murid menguasai sepenuhnya kemahiran mengecam dan membunyikan huruf vokal.

Sebagai refleksi dari segi pemerhatian terhadap beberapa item yang sediakan dalam bentuk senarai semak, pengkaji mendapati bahawa murid mendapat kekerapan 'ya' sebanyak 19 dan skornya ialah (95%). Hasil analisis untuk senarai semak bagi aktiviti 2 ini membuktikan bahawa murid menunjukkan peningkatan yang baik berbanding dengan hasil pemerhatian yang dilakukan sebelumnya.

## CARA MENGUMPUL DATA

### Dokumen

Instrumen pertama yang digunakan ialah dengan membuat penilaian atau semakan ke atas hasil kerja murid. Kesilapan atau kegagalan murid menjawab bahagian-bahagian tertentu dalam lembaran kerja yang dihadapi oleh murid tersebut. Sebagai contohnya, murid tidak dapat menulis semula huruf vokal pada lembaran kerja yang diberikan.

### Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan semasa pelaksanaan aktiviti pengajaran. Pemerhatian dilakukan berdasarkan sesi soal jawab pengkaji dengan murid pada akhir aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, semasa aktiviti pengukuhan pengkaji meminta murid membunyikan semula huruf vokal yang sudah dipelajari. Seterusnya pengkaji akan menanda 'Ya' atau 'Tidak' pada ruangan yang disediakan dalam borang pemerhatian hasil pendengaran bunyi yang disebut oleh murid.

## CARA ANALISIS DATA

### Pemerhatian

Cara menganalisis dari aspek pemerhatian akan dilakukan melalui data yang telah diperoleh daripada pemerhatian senarai semak. Pengkaji akan menganalisis kekerapan (ya) dan (tidak) serta ulasan yang sudah dijalankan iaitu sebelum dan selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

### Jadual 2

Rumus analisis senarai semak pemerhatian

Bilangan soalan yang disediakan: y
Bilangan jawapan murid yang betul: x
$\frac{x}{y} \times 100$

Data yang telah dianalisis boleh dirumuskan menggunakan skala berikut.

Jadual 3.  
Skala pemerhatian

Skor	Huraian
0-24	Sangat lemah dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Sangat lemah dari segi menulis huruf vokal yang sesuai dengan suku kata pertama pada perkataan berpandukan gambar.
25-49	Lemah dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Lemah dari segi menulis huruf vokal yang sesuai dengan suku kata pertama pada perkataan berpandukan gambar.
50-74	Sederhana dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Sederhana dari segi menulis huruf vokal yang sesuai dengan suku kata pertama pada perkataan berpandukan gambar.
75-100	Baik dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Baik dari segi menulis huruf vokal yang sesuai dengan suku kata pertama pada perkataan berpandukan gambar.

### Analisis Dokumen

Jadual 4  
Rumus analisis dokumen

Bilangan soalan yang disediakan: y Bilangan jawapan murid yang betul: x $\frac{x}{y} \times 100$
--

Data yang telah dianalisis akan dirumus dengan menggunakan skala berikut.

Jadual 5  
Skala permarkahan

Skor	Huraian
0-24	Sangat lemah dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Sangat lemah dari segi membunyikan huruf vokal dan membunyikan huruf vokal pada tahap yang tidak memuaskan.
25-49	Lemah dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Lemah dari segi membunyikan huruf vokal dan membunyikan huruf vokal pada tahap yang tidak memuaskan.
50-74	Sederhana dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Sederhana dari segi membunyikan huruf vokal dan membunyikan huruf vokal pada tahap yang tidak memuaskan.
75-100	Baik dalam mengecam dan membunyikan huruf vokal. Baik dari segi membunyikan huruf vokal dan membunyikan huruf vokal dengan betul.

### DAPATAN KAJIAN

Semua data yang diperoleh dianalisis mengikut instrumen-instrumen yang telah dipilih. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan sama ada objektif kajian sudah tercapai atau sebaliknya. Dapatan kajian ini telah dirumuskan dengan berfokuskan persolan kajian.

#### **Adakah penggunaan gambar dapat membantu murid untuk mengecam huruf vokal?**

Penggunaan gambar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid mengecam huruf vokal iaitu boleh dilihat berdasarkan perbandingan skor hasil analisis dokumen yang dijalankan sebelum dan selepas aktiviti pembelajaran.

Jadual 6.

Markah analisis dokumen sebelum dan selepas aktiviti 1 dan 2

Aktiviti	Bilangan Soalan	Jumlah Soalan Betul	Peratus Soalan
Sebelum	22	2	9%
Aktiviti 1	22	10	45%
Aktiviti 2	22	21	95%

Jadual 6 menunjukkan perbandingan skor hasil analisis dokumen yang diajarkan sebelum dan selepas aktiviti pembelajaran. Perbezaan kekerapan 'y' dan 'tidak' daripada pemerhatian dalam bentuk senarai semak yang diperolehi dalam setiap aktiviti membolehkan pengkaji mengetahui perbezaan skor dan keberkesanan setiap aktiviti. Sebelum aktiviti murid mendapat kekerapan 'ya' sebanyak 2 dan skor hasil analisis ialah (10%). Manaka untuk aktiviti 1 murid mendapat kekerapan 'ya' sebanyak 9 dan skornya ialah (45%). Seterusnya dalam aktiviti 2, murid telah mendapat kekerapan 'ya' sebanyak (21) dan mencapai skor sebanyak (95%). Perbandingan hasil skor tersebut membuktikan bahawa pada awalnya murid belum menguasai. Manakala pada peringkat aktiviti 1, murid menunjuk sedikit penguasaan. Seterusnya aktiviti 2 berjaya membantu murid dalam kemahiran mengecam dan membunyikan huruf vokal dibuktikan melalui pencapaian skor tersebut.

### Adakah penggunaan gambar dapat membantu murid untuk membunyikan huruf vokal?

Penggunaan gambar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid untuk membunyikan huruf vokal iaitu dapat dilihat melalui perbandingan terhadap rekod senarai semak yang dijalankan sebelum dan selepas aktiviti pembelajaran. Hal ini demikian kerana murid tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan peratus dalam lembaran kerja yang diberikan tetapi turut dapat memberi respons terhadap soalan yang disediakan dalam bentuk senarai semak. Pengkaji turut memasukkan item berkaitan dengan persoalan kajian ini dalam borang pemerhatian berstruktur untuk mengetahui sejauh mana penggunaan gambar ini dapat membantu murid membunyikan huruf vokal. Jadual 7 ialah merupakan item dan rekod pemerhatian yang telah membuktikan bahawa penggunaan gambar dapat meningkatkan kemahiran murid dalam membunyikan huruf vokal.

Jadual 7

Senarai semak sebelum dan selepas aktiviti 1 dan 2

Bil	Item Yang Diuji	Sebelum	Aktiviti 1	Aktiviti 2
1	Mengenal huruf-huruf vokal	0/5	3/5	4/5
2	Menyesuaikan huruf dengan gambar	2/5	3/5	5/5
3	Membunyikan huruf vokal berdasarkan gambar	0/5	2/5	5/5
4	Menulis huruf vokal sesuai dengan suku kata pertama	0/5	1/5	5/5
Jumlah		2	9	19

Jadual 8.

Peratus senarai semak sebelum dan selepas aktiviti 1 dan 2

Bil	Item Yang Diuji	Sebelum	Aktiviti 1	Aktiviti 2
1	Mengenal huruf-huruf vokal	0/5	3/5	4/5
2	Menyesuaikan huruf dengan gambar	2/5	3/5	5/5
3	Membunyikan huruf vokal berdasarkan gambar	0/5	2/5	5/5
4	Menulis huruf vokal sesuai dengan suku kata pertama	0/5	1/5	5/5
Peratus Markah		10%	45%	95%

Jadual 8 menunjukkan perbandingan pemerhatian melalui peratus markah melalui senarai semak yang dijalankan sebelum dan selepas aktiviti pertama dan kedua. Berdasarkan pemerhatian tersebut, peratus markah sebelum aktiviti pembelajaran ialah hanya (10%) iaitu menunjukkan skor terendah. Manakala, murid menunjukkan terdapat peningkatan peratus markah pada pemerhatian selepas aktiviti 1 iaitu (45%). Seterusnya, dalam aktiviti kedua murid menunjukkan peningkatan yang baik melalui hasil pemerhatian setelah aktiviti pembelajaran dijalankan iaitu dengan mencapai peratus markah sebanyak (95%). Peningkatan markah beberapa item yang dipehatikan membuktikan bahawa aktiviti pembelajaran menggunakan gambar dapat membantu murid membunyikan huruf vokal. Ini dapat dilihat dengan membandingkan rekod senarai semak dalam rajah berikut.

## **REFLEKSI DAPATAN KAJIAN**

Hasil dapatan kajian menunjukkan penggunaan gambar dapat membantu murid meningkatkan kemahiran mengecam dan membunyikan huruf vokal. Jika sebelum aktiviti pembelajaran murid tidak dapat mengecam dan membunyikan huruf vokal iaitu dapat dilihat berdasarkan hasil analisis dan pemerhatian sebelum aktiviti pembelajaran. Namun, setelah melaksanakan aktiviti pembelajaran menggunakan gambar murid menunjukkan perubahan yang positif dalam dua aspek yang menjadi fokus pengkaji iaitu mengecam dan membunyikan huruf vokal.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan gambar dalam aktiviti pengajaran sesuai serta memudahkan murid untuk mengecam huruf vokal. Sesuai dengan fokus kajian pertama iaitu membantu murid mengingat huruf vokal. Ini bermaksud, murid dapat mengingat huruf dan fungsi huruf vokal tersebut. Ini dapat dilihat melalui peningkatan peratus markah analisis dokumen setelah aktiviti pertama dan kedua yang dijalankan bersama murid.

Sesuai untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu meningkatkan kemahiran murid membunyikan huruf vokal menggunakan gambar. Secara tuntasnya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan gambar dapat membantu murid membunyikan huruf vokal. Ini dapat dilihat melalui peningkatan skor hasil pemerhatian dalam bentuk senarai semak sebelum dan selepas aktiviti 1 dan aktiviti 2. Dapat dilihat bahawa murid menunjukkan peningkatan skor bagi aktiviti 1 dan aktiviti 2 berbanding dengan skor yang diperoleh sebelum aktiviti dijalankan.

Secara keseluruhannya, aktiviti yang dijalankan dapat membantu murid dalam kemahiran mengecam dan membunyikan huruf vokal dibuktikan melalui peratus markah daripada analisis dokumen serta skor melalui pemerhatian.

## **CADANGAN KAJIAN**

Penggunaan gambar dapat mempertingkatkan kemahiran mengecam dan membunyikan huruf vokal. Tindakan ini berjaya mengurangkan masalah murid untuk mengecam dan membunyikan huruf vokal bagi sesuatu perkataan mudah. Tindakan ini dapat dilaksanakan dengan baik hasil daripada aktiviti dan penyusunan tindakan yang sudah dijalankan dengan baik. Walaubagaimanapun, pelaksanaan kajian ini telah mencetuskan idea pengkaji untuk lakukan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain.

Tindakan susulan ini berpandukan tinjauan kajian lepas yang dilakukan oleh Filza Syazani Zairi (2019). Bagi cadangan tindakan yang pertama ialah dari aspek gambar. Ini bermaksud pengkaji perlu mempelbagaikan lagi gambar-gambar. Ini bertujuan supaya isi pembelajarannya lebih meluas dan tidak hanya tertumpu kepada gambar terhad sahaja. Selain daripada menghasilkan sendiri gambar, pengkaji juga boleh mendapatkan pelbagai gambar yang berkaitan dalam bentuk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). meluaskan lagi aspek yang boleh dijadikan sebagai alat pengukur untuk tahap kefahaman murid. Selain itu, penggunaan gambar tersebut akan menambahkan minat murid pemulihan

untuk belajar sesuatu yang baru serta menggalakkan murid untuk berfikir ke aras yang lebih tinggi.

Cadangan tindakan yang kedua ialah, membina sendiri set permainan dalam bentuk gambar. Gambar tersebut boleh dibina dalam yang saiz sesuai untuk memudahkan pengkaji menggunakannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah bertujuan supaya bahan tersebut dapat digunakan secara berterusan serta pengkaji dapat menghasilkan bahan yang dapat menarik perhatian murid untuk belajar. Dengan adanya set permainan tersebut, ini akan membebaskan lagi murid untuk bergerak dan terlibat secara aktif sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.

Secara ringkasnya, terdapat beberapa tindakan susulan yang sudah dicadangkan untuk memperbaiki kajian ini. Ini bermaksud kajian ini dapat dikembangkan lagi iaitu sesuai dengan mengutarakan idea-idea untuk kajian akan datang.

## RUJUKAN

- Fatin Farhana M.(2012). Penggunaan Kad Gambar Bagi Meningkatkan Kemahiran Mengenal Dan Membunyikan Huruf Vokal Dalam Kalangan Murid Pendidikan Khas. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Ivina M.S.(2014). Penggunaan 'S.A.L.AK\*(Kh)' Untuk Meningkatkan Penguasaan Pembinaan Ayat Majmuk Gabungan Murid Tahun Tiga. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Muhamad Zulkarnain J.(2011). Meningkatkan Penguasaan Membina Ayat Tunggal Dalam Matapelajaran Bahasa Melayu Di Kalangan Murid Tahun 4 Orkid Dengan Menggunakan Kad Imbasan. *Prosiding Seminar Penyelidikan Ke-2*. 18 Mac . Kuala Lumpur:IPG Kampus Ilmu Khas 2011. 403-407.
- Muhammad Hazman M.D.(2009). *Tahap Pengaplikasian Perisian Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Oleh Guru j-QAF*. Satu Kajian Kes. Kuala Terengganu. Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.
- Mohd Amirul H.(2011). Penggunaan Kad Gambar Dapat Kefahaman Murid Masalah Pendengaran Dalam Penggunaan Kata Hubung Untuk Membina Ayat. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Ke-2*. 18 Mac. Kuala Lumpur : IPG Kampus Ilmu Khas 2011.240-244
- Siti Zaharah M.(2010). Penggunaan Album Bergambar Meningkatkan Kemahiran Membaca Sukukata KV+VK Kanak-kanak. Abstrak Penyelidikan Tindakan, *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG Kampus Bahasa Melayu 2010*,27-29 September.
- Zaliha Bakar.(2012). Penggunaan Kaedah "Dava Rawat A2Z" Membantu Murid Menguasai Kemahiran Menulis Huruf Jawi Yang Tidak Boleh Disambung Selepasnya. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan*. Program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

## **PENGUNAAN PERMAINAN MENCARI PERKATAAN (PMP) DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGEJA PERKATAAN KVKV MURID PEMULIHAN TAHUN 2**

**CHRISTINA PARAN<sup>1</sup>, MARIAH RABA-EE<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. christinaieylla764@gmail.com,

<sup>2</sup>Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. mrshussinmarya@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk membantu murid pemulihan Tahun 2 meningkatkan kemahiran mengeja perkataan KVKV. Kajian ini di jalankan sebanyak 1 kitaran dengan berpandukan Model Kemmis & Mc Taggart (1998). Peserta kajian terdiri daripada dua orang murid daripada sebuah sekolah kebangsaan di Miri, yang telah di kenal pasti mengalami masalah dalam mengeja perkataan KVKV. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan kaedah permainan mencari perkataan (PMP) untuk mengatasi masalah yang telah dikenal pasti. Data di kumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan bukti dokumen. Data pemerhatian direkodkan dengan menggunakan senarai semak yang dianalisis berdasarkan kekerapan tingkah laku murid. Manakala analisis dokumen pula melibatkan penilaian hasil kerja murid dengan merujuk rubrik pemarkahan yang dibina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah PMP berjaya meningkatkan kemahiran mengeja perkataan KVKV dan meningkatkan minat murid untuk menguasai kemahiran mengeja. Implikasi kajian ini menunjukkan kaedah PMP dapat memberikan kesan yang positif terhadap kemahiran mengeja murid manakala guru pula berpeluang untuk menambahbaik amalan pengajaran sebelumnya. Sebagai kesimpulannya, kemahiran mengeja dapat ditingkatkan dengan menggunakan kaedah PMP.

Kata Kunci: Kemahiran mengeja, perkataan KVKV, permainan mencari perkataan, Model Kemmis & Mc Taggart (1998)

### **ABSTRACT**

This action research was carried out to help remedial student year 2 to enhance on her skill in KVKV word spelling skills. This action research was carried out for 1 cycle using Kemmis & Mc Taggart (1998) action research model. The research respondent consisted of two students from national school in Miri, who were identified as having problem in spelling KVKV words. Therefore, researches use word search game (WSG) methods to solve problem that have been identified. Data collected using observation method and documentary evidence. Observation data were recorded using a checklist that was analyzed based on the frequency of pupil's behavior. While document analysis involves evaluating student work by reference to the scoring section constructed. The research showed that (WSG) methods was successful in helping the research respondent to improve KVKV word spelling skills and increase student interest in mastering spelling skills. The implication of this action research show that WSG method can have a positive impact on student's spelling skills while teachers have the opportunity to improve their previous teaching practices. In conclusion, spelling skills can be improved using the WSG method.

*Key Words: Spelling skills, KVKV words, Word Search Game method, Kemmis & Mc Taggart (1998) model*



## **PENGENALAN**

Kemahiran mengeja merupakan kemahiran yang terpenting yang perlu dikuasai oleh murid-murid. Kemahiran mengeja mempengaruhi seluruh pembelajaran murid-murid itu. Kegagalan murid menguasai kemahiran asas mengeja ini bukan sahaja merugikan seseorang murid pada masa persekolahan bahkan pada masa kehidupan ketika menginjak dewasa. Berdasarkan pengalaman pada praktikum, saya mendapati 2 orang murid pemulihan tidak menguasai kemahiran mengeja dan tidak berminat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Murid ini dikenal pasti melalui hasil lembaran kerja murid dan daripada hasil pemerhatian guru. Zaidah (2012), telah membuat kajian terhadap murid-murid darjah 2 di dua buah sekolah berkaitan dengan kemahiran asas Bahasa Malaysia dari segi huruf, suku kata dan gabungan bunyi-bunyi suku kata. Menamakan huruf dan seterusnya membunyikannya adalah merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai murid sebelum membaca ayat. Ini disebabkan hasil kajiannya mendapati kelemahan murid dalam pelajaran peringkat awal adalah di berpunca dari kelemahan murid mengenal huruf dan mengeja. Untuk membantu murid tersebut, pengkaji telah menjalankan kajian menggunakan kaedah permainan mencari perkataan (PMP).

## **FOKUS KAJIAN**

Dalam kajian ini saya menfokuskan tentang masalah murid pemulihan yang belum menguasai kemahiran mengeja perkataan KVKV. Masalah ini akan menyukarkan murid dalam pembacaan, terutamanya pada peringkat bacaan yang lebih tinggi. Hal ini memberi impak kepada saya untuk mencari kaedah untuk membantu menyelesaikan masalah murid ini. Dengan ini saya menggunakan kaedah permainan mencari perkataan (PMP) bagi membantu murid menguasai kemahiran mengeja.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- a. Teknik permainan PMP dapat membantu murid untuk menguasai kemahiran mengeja suku kata KVKV.
- b. Teknik permainan PMP dapat meningkatkan minat murid dalam mempelajari kemahiran mengeja suku kata KVKV.

## **PERSOALAN KAJIAN**

- a. Adakah teknik Permainan PMP dalam pengajaran dan Pembelajaran dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran mengeja suku kata KVKV?
- b. Adakah teknik Permainan PMP dapat meningkatkan minat murid menguasai kemahiran mengeja suku kata KVKV?


## **PESERTA KAJIAN**

Dua orang murid tahun 2 yang belajar dalam kelas pemulihan terlibat dalam kajian ini. Kedua-dua murid ini adalah perempuan. Kesemua peserta kajian mengalami masalah mengeja perkataan KVKV. Peserta kajian ini dipilih bagi mengenalpasti adakah PMP dapat membantu murid dalam menguasai kemahiran mengeja perkataan KVKV dan meningkatkan minat murid menguasai kemahiran tersebut.

## **TINDAKAN YANG DIJALANKAN**


Kajian tindakan ini dijalankan mengikut Model Kemmis & Mc Taggart (1998). Mengikut model ini, masalah yang dikaji dalam lingkaran tahap pertama boleh disambung dan diteruskan dalam tahap kedua, ketiga dan seterusnya sehingga mencapai tahap optimum. Proses penyelidikan tindakan ditinjau sebagai sesuatu kitaran tindakan kajian berlingkaran

yang merangkumi empat lingkaran iaitu tinjauan awal, merancang tindakan, melaksana tindakan dan memerhati, mereflek seperti di bawah.



Rajah 1. Model Kemmis & Mc Taggart (1998)

Prosedur tindakan bagi kajian tindakan ini dapat dirumuskan melalui gambar rajah di bawah:



## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Dokumen (Persoalan 1)

Dokumen Murid \ Analisis	Lembaran kerja 1 (12 perkataan)	Lembaran kerja 2 (12 perkataan)	Latihan Pengukuhan (12 perkataan)
1	10	12	12
2	8	12	12

### Pemerhatian (Persoalan 2)

Bil.	Item	Kekerapan					
		Sebelum		Selepas		Perbezaan	
		M1	M2	M1	M2	M1	M2
1.	Murid memberikan perhatian semasa aktiviti mengeja menggunakan PMP di jalankan.	1	1	3	3	+2	+2
2.	Murid bersaing untuk mengeja perkataan menggunakan PMP	1	1	3	3	+2	+2
3.	Murid berani untuk mengangkat tangan untuk menanyakan soalan	1	2	3	3	+2	+1
4.	Murid berusaha menyiapkan latihan dengan tepat pada masa.	2	2	3	3	+2	+1
5.	Murid menunjukkan kesediaan untuk mengikuti aktiviti mengeja menggunakan PMP	1	1	3	3	+2	+2
6.	Murid menghantar lembaran kerja tepat pada masa.	2	1	3	3	+1	+2

## REFLEKSI

Keberkesanan teknik Permainan Mencari Perkataan dalam mengeja perkataan KVKV dapat dibuktikan melalui keputusan hasil analisis dokumen dan pemerhatian. Semua keputusan bagi instrumen kajian menunjukkan peningkatan yang positif. Dalam permainan mencari perkataan pengkaji memberi peluang kepada murid untuk menggunakan pelbagai jenis kecerdasan seperti kecerdasan lingusitik, kinestetik dan interpersonal. Murid dapat meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca perkataan KVKV menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran PMP ini.

Selain itu, pembelajaran perkataan KVKV menjadi lebih mudah kerana murid belajar dalam suasana yang menyeronokkan. Pengaplikasian kaedah bermain mencari perkataan seperti kajian ini dijangka dapat membantu guru dalam mencapai objektif pembelajaran pada masa akan datang. Tambahan pula, pengaplikasian permainan mencari perkataan ini dapat meningkatkan perkembangan murid dalam pelbagai aspek seperti jasmani, emosi, rohani intelek dan sosial.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid menguasai kemahiran mengeja perkataan KVKV. Permainan mencari perkataan merupakan cara yang digunakan untuk mencapai objektif tersebut. Walaupun begitu, terdapat beberapa cadangan untuk kajian akan datang yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain. Cadangannya ialah menggunakan aplikasi permainan mencari perkataan dalam alam maya atau berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Penggunaan TMK ini menepati kehendak yang terkandung dalam DSKP yang selari dengan Pendidikan Alaf ke-21 (PAK21). Pengkaji boleh melaksanakan cadangan

ini dengan menggunakan computer riba atau telefon bimbit. Kelebihan cadangan ini ialah ia tidak memerlukan kos yang tinggi kerana kebanyakan pengkaji sudah sedia ada memiliki peralatann ini. Selain itu, pelaksanaannya juga dijangka mudah kerana tidak memerlukan banyak bahan maujud .

Kesimpulannya, terdapat beberapa cadangan tindakan susulan yang boleh di laksanakan kepada kajian ini. Hal ini untuk membuktikan kajian ini boleh diperkembangkan lagi mengikut kesesuaian unsur atau idea pengkaji akan datang.

## RUJUKAN

- Debra Wise (2003). *Great Big Book of Children's Games*. United State. The Stonesong Press, LLC.
- Juliawati Ibrahim. 2006. *Gaya Pengajaran Guru Bahasa Daerah Hulu Langat: Satu Kajian Tinjauan*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamus Dewan Bahasa. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Hj Husin (1991), *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Khairuddin Mohamad et, (2014). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Linah Summase. (2009). Belajar Sambil Bermain: Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009, ms 92-101. Diperoleh dari <http://www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/seminarpapers//2009/10%20Linah.pdf>
- Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Malaysia.
- Musa Daia. 1992. *Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Johor Bahru: Badan Store Sdn. Bhd.
- Mary D. Ainley (2011). Some Perspective On Interest in Learning And Classroom Interaction. Diperoleh dari <http://www.aare.edu.au/98054.htm>
- Mathedu Unila (2009). Pengertian Minat. Diperoleh dari <http://mathedu-unila.blogspot.com/2009/10/pengertian-minat.html>
- Rebecca T. Isbell & Shirley C. Raines (2007). *Creativity and the Arts with Young Children*. Canada. Thomson Delmar Learning.
- Saayah Bt Abu (2011). Pelaksanaan Aktiviti Belajar Melalui Bermain di Tadika Kawasan Melaka Tengah Melaka. Diperoleh dari <http://www.lpislam.edu.my/uploaded/file/saayah.pdf>.
- Zamri Mahamod. 2012. *Inovasi P&P dalam Pendidikan*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## KAEDAH “PSK” MENAMBAHBAIK KEMAHIRAN MENULIS HURUF KECIL a, e DAN u MURID PEMULIHAN TAHUN 2

**KARUNIA BAWING JOHN<sup>1</sup>, BAITY BUJENG<sup>2</sup>, PhD**

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
98009 Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>karuniabjon@gmail.com, <sup>2</sup>baitybujeng@yahoo.com

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membantu murid pemulihan Tahun 2 menguasai kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u. Kajian Tindakan ini dijalankan sebanyak dua kitaran dengan berpandukan Model Kurt Lewin (1946). Dua orang murid dari sebuah sekolah kebangsaan di Miri telah dikenal pasti mengalami masalah dalam menulis huruf tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan kaedah petak sederhana dan kecil (PSK) untuk mengatasi masalah yang telah dikenal pasti. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Data pemerhatian direkodkan dengan menggunakan senarai semak yang dianalisis berdasarkan kekerapan tingkah laku murid, data temubual pula dalam bentuk pengkodan untuk memudahkan dapatan dijelaskan manakala analisis dokumen pula melibatkan penilaian hasil kerja murid dengan merujuk rubrik pemarkahan yang dibina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah PSK telah berjaya meningkatkan kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u dengan betul dan kemas bagi kedua-dua murid. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kaedah PSK memberikan kesan yang positif terhadap kemahiran menulis murid manakala guru pula berpeluang untuk menambahbaik amalan pengajaran sebelumnya. Sebagai kesimpulannya, kekemasan tulisan murid dapat ditingkatkan dengan amalan tulisan yang baik.

Kata Kunci: Kemahiran menulis, huruf a, e dan u, kaedah petak sederhana dan kecil, Model Kurt Lewin

### ABSTRACT

*This study is carried out to assist the remedial students from Primary 2 to master the writing of small alphabets a, e and u. Two students from a primary school in Miri were identified to be having problems in writing the alphabets stated above. Therefore, I am using the ‘small and medium boxes’ approach to solve the problem faced by these students. Data collection is done by observation, interviewing and documentation. Observation data was recorded by using analysed checklists based on the frequency of the students’ behaviour. Data from the interview is obtained in the form of encodement to simplify the findings. On the other hand, analysis of the documentation involves the evaluation of the students’ work result with reference to the marking rubrics established. The result of this finding shows that the method of using PSK has succeeded in increasing the skill of writing the alphabets in lower case, ‘a’, ‘e’, and ‘u’ correctly and neatly for both students. Implication of this study has shown that the method of PSK has given a positive effect on the writing skills of the students, whereas the teachers have the opportunity to improve the teaching performance. In conclusion, the neatness of the students’ writing can be improved with the practice of good handwriting.*

*Keywords: writing skills, alphabet a, e and u, the method of small and medium boxes, Kurt Lewin Model*

### PENGENALAN

Program Pemulihan Khas merupakan satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan untuk membantu murid yang menghadapi masalah dalam menguasai sesuatu

kemahiran terutamanya kemahiran asas 3M (Abdul Rasid Jamian, 2012; Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad, 2011; Rajesvari Ramasamy, 2008). Pendidikan pemulihan berfokuskan objektif memulihkan sesuatu kekurangan atau sesuatu kecacatan dalam membentuk kemahiran pembelajaran murid. Manakala program pemulihan peringkat awal akan memberi kesan yang lebih efektif dalam usaha memperkasakan pendidikan di Malaysia (Abdul Rasid Jamian, 2012). Masalah dalam kemahiran menulis dengan kemas perlu diambil berat bagi menjayakan proses pengajaran dan pemudahcaraan dengan baik. Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran asas untuk murid-murid sekolah rendah mencapai kejayaan yang lebih cemerlang (Chia, Ismail Saliyan, Tan, Mohamad Khairul Amin Mohammad dan Nor Aishah Abdul Aziz, 2013; Abdul Rasid Jamian, 2012). Yusof Malie dan Walter Alvin (2010) pula berpendapat bahawa tulisan yang buruk dan sukar dibaca boleh menimbulkan persepsi yang negatif terhadap murid serta menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran guru. Oleh yang demikian, tulisan murid yang lemah perlu diperbetulkan kepada baik (Chia et al., 2013). Murid pemulihan yang mengalami masalah dalam kekemasan tulisan ini boleh dikategorikan sebagai murid disgrafia dan disleksia (Jintee Matjais, 2015). Disgrafia bermaksud kesukaran dalam kemahiran menulis yang boleh menyebabkan tulisan menyerupai bentuk lain dan sukar dibaca.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN**

Semasa menjalani praktikum lepas, pengkaji mengenal pasti masalah kekemasan tulisan murid terutamanya huruf kecil a, e dan dalam perkataan. Pengkaji mendapati murid tidak mempunyai masalah dalam kemahiran membaca tetapi bermasalah dengan tulisan iaitu bentuk huruf kecil yang tidak kemas terutamanya huruf a, e dan u. Masalah ini seiring dengan kajian Abdul Rasid Jamian (2012) yang mendapati bahawa murid-murid sekolah rendah tidak dapat membezakan huruf besar atau huruf kecil dalam penulisan mereka. Murid sering bersaing dengan rakan untuk menghantar latihan tanpa melihat kekemasan tulisan mereka. Walaupun sudah ditegur, murid ini kerap mengulangi kesilapan yang sama. Menurut Abdul Rahman Abdul Majid Khan (2007), pengkaji perlu mengumpul data sebelum memulakan kajian tindakan bagi memahami masalah yang dikenal pasti. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan tiga kaedah untuk mengumpul data awal iaitu melalui pemerhatian, temu bual dan lembaran kerja. Hasil daripada temu bual ialah murid mengatakan bahawa mereka sering bersaing dengan rakan, hasil pemerhatian pula pengkaji memerhati cara murid menulis. Manakala, melalui hasil lembaran kerja ialah murid yang telah dikenal pasti mempunyai masalah dalam kekemasan tulisan terutamanya dalam huruf kecil a, e dan u berbanding dengan hasil kerja rakan-rakan yang lain.

Oleh yang demikian, kajian tindakan ini dijalankan untuk menambahbaik penulisan huruf kecil a, e dan u dalam tulisan murid pemulihan dengan menggunakan kaedah petak sederhana dan kecil (PSK). Kaedah PSK adalah merupakan gabungan penggunaan petak sederhana dan petak kecil. Dalam kajian ini, PSK diperbuat daripada bahan maujud untuk membimbing murid supaya dapat menulis dengan kemas dan betul. Terdapat beberapa kajian lepas yang turut menggunakan kaedah petak dalam memperbaiki kekemasan tulisan murid. Antaranya ialah, Lia Awan (2013), telah berjaya meningkatkan kekemasan tulisan murid melalui kajian yang bertajuk "Penggunaan Buku Berpetak untuk Meningkatkan Kekemasan Tulisan Murid Pemulihan (Huruf Kecil)". Siti Amira Azahar dan Rakiyah Ali (2013), berjaya meningkatkan kekemasan tulisan subjek kajian mereka melalui kajian yang bertajuk "Meningkatkan Kekemasan Tulisan Menggunakan Kaedah Kotak Bergrid dan Buku Bergaris Empat". Justeru itu, pengkaji tertarik menggunakan kaedah petak yang sama tetapi diubah suai iaitu menggunakan PSK.

## **FOKUS KAJIAN**

Kajian ini adalah berkaitan dengan cara meningkatkan kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u dengan betul dan kemas dalam kalangan murid pemulihan Tahun 2. Kajian ini fokus kepada menggunakan kaedah petak sederhana dan kecil untuk memperbaiki kekemasan

bentuk huruf yang ditulis oleh murid pemulihan. Fokus kajian ini dikenal pasti melalui refleksi terhadap proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dilakukan semasa menjalani Praktikum Fasa 1 dan Fasa 2 iaitu masalah murid menulis bentuk huruf kecil a, e dan u yang tidak kemas dan betul. Menurut Chia et al. (2013), tulisan yang tidak kemas akan menyukarkan guru menyemak hasil kerja murid oleh yang demikian tulisan yang lemah perlu diperbaiki kepada yang lebih baik.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

- membantu murid pemulihan menulis huruf kecil a, e dan u dengan cara yang betul menggunakan kaedah PSK.
- meningkatkan kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u dalam perkataan menggunakan PSK.
- membantu murid mengaplikasikan kaedah PSK dalam menulis huruf kecil a, e dan u dengan kemas.

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan berikut:


- Adakah kaedah PSK dapat membantu murid menulis huruf kecil a, e dan u dengan cara yang betul?
- Adakah kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u dalam perkataan dapat ditingkatkan dengan menggunakan Kaedah PSK?
- Adakah murid dapat mengaplikasikan kaedah PSK dalam menulis huruf kecil a, e dan u dengan kemas?

## PESERTA KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap dua orang murid pendidikan pemulihan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 2 di sebuah sekolah rendah di daerah Miri. Murid terdiri daripada seorang lelaki dan seorang murid perempuan yang berumur lapan tahun. Kedua-dua murid ini tidak dapat menulis bentuk huruf kecil dengan kemas dan betul terutamanya yang melibatkan huruf kecil a, e dan u. Mereka agak lambat dalam menguasai kemahiran yang disampaikan. Tulisan mereka sukar dibaca dan sering melakukan kesilapan semasa menulis perkataan yang diberikan.

## PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji memilih untuk menggunakan model penyelidikan tindakan oleh Kurt Lewin (1946). Model ini mempunyai satu lingkaran berterusan yang terdiri daripada empat langkah tindakan iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek (Chua, 2014). Langkah tindakan dimulakan dengan menghasilkan satu idea umum, seterusnya mengenal pasti punca permasalahan tersebut. Pelan tindakan dirancang dan seterusnya dilaksanakan untuk melihat hasilnya selepas tindakan. Refleksi dibuat dalam setiap bimbingan PdPc yang dilaksanakan. Prosedur tindakan dijalankan berdasarkan Model Kurt Lewin adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1. Model Kurt Lewin (1946)

## **Kitaran Pertama**

### **Langkah Merancang**

Dalam proses merancang, pengkaji menjalankan pemerhatian ke atas murid-murid untuk dijadikan sebagai peserta kajian. Kertas cadangan “Kaedah PSK Menambahbaik kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u Murid Pemulihan Tahun 2” dilaksanakan untuk memudahkan perancangan dijalankan secara sistematik. Pengkaji juga telah membina beberapa instrumen untuk membantu dalam menganalisis data kajian iaitu senarai semak pemerhatian, temu bual dan lembaran kerja. Pengkaji merancang sebuah Rancangan Pengajaran Harian (RPH) agar proses PdPc berjalan dengan lancar menggunakan kaedah PSK. Kandungan aktiviti di dalam RPH ialah latihan menyurih huruf a, e dan u pada petak papan putih mini seterusnya menyalin semula huruf kecil a, e dan u pada petak yang disediakan mengikut teknik menulis huruf yang betul. Aktiviti seterusnya, pengkaji menyediakan lembaran kerja untuk melihat kemajuan murid pemulihan tentang kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u dalam perkataan.

### **Langkah Bertindak**

Pengkaji menyediakan cara menulis huruf kecil a, e dan u sebagai panduan murid semasa menyambung huruf putus-putus. Tindakan yang pertama, pengkaji meminta murid menyambungkan bentuk huruf kecil putus-putus pada papan putih mini. Tindakan yang seterusnya, pengkaji memberikan latihan menulis iaitu menyalin semula bentuk huruf kecil a, e dan u. Hal ini adalah untuk meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam kemahiran menulis bentuk huruf kecil a, e dan u. Pengkaji melaksanakan tindakan menulis perkataan setelah murid boleh menguasai kemahiran menulis pada petak sederhana dan kecil. Seterusnya, pengkaji melaksanakan penilaian terhadap murid. Penilaian dilaksanakan adalah untuk melihat kesan kaedah petak sederhana dan kecil terhadap murid dalam meningkatkan kekemasan bentuk huruf kecil a, e dan u.

### **Langkah Memerhati**

Senarai semak diisi semasa proses PdPc berdasarkan pemerhatian yang dijalankan. Pemerhatian dilakukan sepanjang proses PdPc berlangsung. Perkara yang diberi perhatian adalah kelemahan murid dalam menulis huruf kecil a, e dan u dan analisis turut dilakukan. Selepas menganalisis lembaran kerja murid, pengkaji membuat satu kesimpulan secara keseluruhan terhadap kemajuan dan perubahan dalam tulisan murid-murid. Pengkaji perlu merancang aktiviti kitaran kedua sekiranya ada kelemahan pada kitaran pertama.

### **Langkah Mereflek**

Di dalam langkah ini, pengkaji dapat mereflek kembali dari kelebihan, kekurangan dan penambahbaikan berdasarkan pemerhatian yang dijalankan. Setelah menganalisis data, refleksi dijalankan untuk mendapatkan keputusan akhir. Kelebihan pada kitaran ini adalah murid-murid teruja menggunakan PSK dengan berbantuan bahan mautud iaitu papan putih mini dan *pen marker*. Kelemahan yang telah dikenal pasti ialah murid belum mengaplikasikan PSK dalam menulis perkataan yang melibatkan huruf kecil a, e dan u. Selain itu, bahan yang digunakan juga sebenarnya kurang sesuai. Hal ini kerana murid sukar mengawal pergerakan tangan mereka semasa menulis pada papan putih mini iaitu menggunakan *pen marker* yang bukan saiz pensel. Oleh itu, kitaran kedua perlu diulangi untuk mencapai objektif kajian. Cadangan penambahbaikan ialah dari aspek bahan dan aktiviti. Cadangan bahan yang digunakan ialah buku petak sederhana dan buku petak kecil. Manakala, aktiviti tambahan ialah menulis perkataan yang melibatkan huruf kecil a, e dan u dalam kedua-dua buku tersebut.

## **Kitaran Kedua**

### **Langkah Merancang**

Pengkaji masih lagi menggunakan kaedah PSK untuk membantu murid menulis huruf kecil a, e dan u dengan kemas dan betul. Pada kitaran kedua, pengkaji merancang menggunakan bahan yang berlainan daripada kitaran pertama. Penambahbaikan yang



dirancang adalah dari aspek bahan dan aktiviti. Bahan yang digunakan pada kitaran kedua ialah buku petak sederhana dan buku petak kecil. Pengkaji menggunakan buku petak sederhana dan kecil sebagai bahan bantu bagi memudahkan dan membiasakan murid menulis pada kertas. Buku petak memudahkan pengkaji untuk merekod pencapaian murid dalam kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u kerana hasil murid tidak dipadam seperti pada papan putih mini (Kitaran 1). Selain daripada itu, buku petak ini membantu murid untuk membiasakan mereka menulis pada buku atau kertas. Oleh itu, pengkaji menyediakan buku petak bagi memastikan murid mampu menulis dengan kemas. Aktiviti tambahan yang dirancang pada kitaran kedua ialah murid menulis perkataan yang melibatkan huruf kecil a, e dan u pada buku petak yang disediakan.

### **Langkah Bertindak**

Tindakan yang dijalankan adalah menggunakan teknik seperti pada langkah kitaran pertama cuma bahan yang digunakan adalah lebih mudah untuk difahami murid pemulihan. Murid menulis huruf pada buku petak sederhana seterusnya ke petak kecil. Ini memudahkan pemahaman murid untuk mengaplikasikan kaedah yang diperkenalkan dan secara tidak langsung membantu meningkatkan kekemasan tulisan mereka bagi huruf kecil a, e dan u.

### **Langkah Memerhati**

Pengkaji menjalankan pemerhatian semasa aktiviti menulis dijalankan serta senarai semak diisi bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data yang dikumpul. Pencapaian murid menunjukkan perubahan yang positif bagi bahan baru yang digunakan walaupun bukan seratus peratus.

### **Langkah Mereflek**

Dalam langkah ini, pengkaji mendapati bahawa peningkatan kekemasan tulisan murid menunjukkan perubahan yang positif. Selain itu, data-data yang dikumpul juga telah menunjukkan bahawa ketiga-tiga objektif kajian telah tercapai. Instrumen pemerhatian dan temu bual telah menunjukkan data bahawa kitaran kedua telah meningkat daripada kitaran pertama. Kitaran kedua menunjukkan peningkatan yang positif kerana aktiviti dan bahan yang digunakan lebih mudah difahami dan diaplikasikan berdasarkan pengalaman pada kitaran pertama. Oleh itu, kitaran ketiga tidak dilaksanakan. Namun demikian, kaedah PSK masih diteruskan untuk membantu murid dalam kemahiran menulis.

## **CARA MENGUMPUL DATA**

Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan penyelidikan tindakan dengan kaedah pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen.

### **Pemerhatian**

Pengkaji mengumpul data semasa proses PdPc berlangsung. Borang senarai semak disediakan bagi menilai penulisan huruf kecil a, e dan u. Senarai semak merangkumi aspek bentuk, teknik menulis dan kekemasan tulisan murid sepanjang kajian dijalankan.

### **Temu Bual**

Pengkaji menjalankan kaedah sesi temu bual bersama murid selepas PdPc dijalankan. Soalan temu bual telah dibina awal untuk tujuan dapat menjawab persoalan kajian yang dijalankan. Pengkaji menemu bual murid secara individu tentang bentuk huruf yang dipelajari. Pengkaji juga bertanya kepada murid kekemasan tulisan mereka selepas menggunakan PSK.

### **Bukti Dokumen**

Selain daripada pemerhatian dan temu bual, bukti dokumen yang digunakan ialah lembaran kerja yang dijawab oleh murid. Lembaran kerja digunakan untuk melihat kaedah PSK dapat membantu meningkatkan kekemasan huruf kecil a, e dan u. Lembaran kerja

dilaksanakan untuk menilai kemahiran murid menulis huruf kecil a, e dan u dalam PdPc.

## CARA MENGANALISIS DATA

Analisis data bertujuan untuk melihat peningkatan kekemasan tulisan murid selepas proses pengajaran dan pemudahcaraan menggunakan kaedah petak sederhana dan kecil. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis data.

### Pemerhatian

Data pemerhatian dianalisis melalui senarai semak. Senarai semak merangkumi kekemasan tulisan, cara menulis huruf dan pengaplikasian kaedah PSK. Instrumen ini memerlukan jawapan 'Ya' atau 'Tidak' bagi memudahkan pengkaji megumpul data.

### Temu Bual

Data temu bual dianalisis menggunakan pengekodan untuk memudahkan dapatan dijelaskan. Setiap soalan menggunakan kod yang berlainan mengikut kesesuaian soalan yang diajukan. Dapatan temu bual dianalisis melalui jawapan yang diberikan oleh murid. Sekiranya murid menjawab pada kod negatif maka, objektif kajian masih belum tercapai. Misalnya, Kod 2 dan Kod 3 menunjukkan keputusan yang negatif manakala Kod 1 adalah menunjukkan murid memberi tindak balas positif terhadap aktiviti yang dijalankan.

### Bukti Dokumen

Lembaran kerja dianalisis secara kualitatif. Bukti dokumen dianalisis berdasarkan empat kriteria iaitu pengaplikasian PSK, kekemasan huruf, teknik menulis dan bentuk huruf ditulis kemas dan betul. Peningkatan dari segi peringkat kemahiran menulis huruf kecil a, e dan u ditafsirkan bahawa murid sudah mampu menulis huruf kecil a, e dan u dengan kemas dan betul. Jadual 1 menunjukkan skor bagi bukti dokumen kemahiran menulis murid.

Jadual 1

Tafsiran Pencapaian Murid

Kriteria	Bilangan Huruf	Tafsiran
Pengaplikasian PSK	0	Lemah
	1	Memuaskan
	2 - 3	Baik
Kekemasan tulisan	0	Lemah
	1	Memuaskan
	2 - 3	Baik
Teknik menulis	0	Lemah
	1	Memuaskan
	2 - 3	Baik
Bentuk huruf yang ditulis betul	0	Lemah
	1	Memuaskan
	2 - 3	Baik

## DAPATAN KAJIAN

### Pemerhatian

Berdasarkan senarai semak pemerhatian, didapati bahawa masalah tulisan yang dilakukan oleh murid telah berkurang pada kitaran kedua. Kaedah petak sederhana dan kecil yang dilaksanakan telah menunjukkan hasil yang positif pada kitaran kedua. Pada kitaran pertama murid masih belum menulis perkataan yang melibatkan huruf kecil a, e dan u dengan kemas. Ini dibuktikan pada item ketiga pada borang senarai semak di mana pemerhatian yang dijalankan menunjukkan kedua-dua murid ditandakan 'X' pada ruangan 'TIDAK'.

Selepas penambahbaikan pada kitaran kedua dijalankan, ternyata kekemasan tulisan

ke arah perubahan yang memuaskan. Dapatkan kitaran pertama, mereka terlupa dengan pengaplikasian kaedah yang telah diajar. Oleh itu, pengkaji membuat penambahbaikan pada kitaran pertama dengan menggunakan bahan yang berlainan iaitu buku petak bagi memudahkan dan membiasakan mereka untuk menulis pada kertas. Semasa pemerhatian dilakukan ke atas hasil tulisan murid pada kitaran kedua, didapati terdapat perubahan positif yang berlaku. Tulisan murid memuaskan dan pengaplikasian kaedah yang diperkenalkan juga menunjukkan hasil yang positif. Borang senarai semak menunjukkan dapatan bahawa kedua-dua murid dapat menguasai kesemua item iaitu pemerhatian ditandakan '/' pada ruangan 'YA'. Jadual 2 menunjukkan kemajuan yang berlaku pada kitaran pertama dan kitaran kedua.

Jadual 2  
Dapatan Pemerhatian Kitaran 1 dan Kitaran 2

Bil	Item	Kitaran 1		Kitaran 2	
		A	B	A	B
01	Memberi perhatian semasa guru menunjukkan cara menulis bentuk huruf dengan betul	X	/	/	/
02	Menulis huruf kecil a, e dan u dengan cara yang betul menggunakan kaedah PSK	/	X	/	/
03	Menulis huruf kecil a, e dan u di dalam perkataan dengan kemas dan betul menggunakan PSK	X	X	/	/
04	Menyalin semula bentuk huruf kecil a, e dan u dengan betul dan kemas menggunakan PSK	X	/	/	/

\*A = Murid A      \*B = Murid B

### Temu Bual

Dapatan temu bual menunjukkan murid dapat menjelaskan bentuk huruf kecil a, e dan u dengan baik pada akhir PdPc. Kitaran pertama menunjukkan murid belum mencapai objektif kerana jawapan yang diberikan adalah berbentuk negatif. Kitaran kedua menunjukkan murid sudah mampu mengatakan tulisan mereka lebih kemas dengan sangat yakin apabila melihat perbandingan tulisan pada kitaran pertama dan kedua. Ketiga-tiga huruf ini dapat ditulis dengan kemas oleh Murid A dan Murid B.

Jadual 3 menunjukkan dapatan berkenaan kaedah yang diperkenalkan pada kitaran pertama dan kedua.

Jadual 3  
Dapatan Temu Bual Kitaran 1 dan Kitaran 2

No	Item	Kitaran 1		Kitaran 2		Kod
		A	B	A	B	
S1	Adakah awak dapat menulis huruf kecil a, e dan u dengan cara yang betul menggunakan kaedah PSK?	3	2	1	1	- Ya - Tidak - Terbeban
S2	Adakah awak dapat menulis perkataan yang melibatkan huruf kecil a, e dan u dengan kemas selepas menggunakan PSK?	2	2	1	1	- Ya - Tidak - Tidak Pasti
S3	Adakah awak dapat menulis huruf kecil a, e dan u dengan kemas dan betul pada PSK?	2	3	1		- Mudah - Susah - Tidak Pasti


S4	Adakah awak suka menggunakan kaedah PSK ini semasa menulis jawapan?	1	1	1	1	Ya - Tidak - Tidak Pasti
----	---	---	---	---	---	--------------------------------------

\*A = Murid A \*B = Murid B

### Bukti Dokumen

Berdasarkan kajian dalam aspek kekemasan tulisan dan pengaplikasian kaedah petak yang telah dianalisis dalam lembaran kerja murid, kekemasan huruf kecil a, e dan u menunjukkan kemajuan yang ketara. Melalui lembaran kerja yang dijalankan, murid telah menguasai kriteria pencapaian yang telah ditetapkan dengan baik.

Rajah 2 menunjukkan hasil dapatan pada kitaran pertama dan kedua.



Rajah 2. Kriteria kemahiran menulis kitaran 1 dan kitaran 2

### REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Setelah menjalankan dua kitaran pelaksanaan dan menganalisis data, pengkaji mendapati bahawa kajian ini telah mencapai objektif. Hal ini telah disokong dengan hasil dapatan analisis kajian daripada pengumpulan data menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen.

Pada kitaran pertama, didapati bahawa murid masih lagi belum menguasai pengaplikasian kaedah petak untuk meningkatkan tahap kekemasan tulisan. Kekemasan bentuk huruf kecil a, e dan u tidak dapat ditonjolkan dengan jelas. Kelemahan dari aspek bahan yang digunakan juga telah dikenal pasti. Bahan yang digunakan pada kitaran pertama adalah papan putih mini dan *marker pen* yang bersaiz kecil. Murid menunjukkan minat dalam menggunakan bahan ini, namun mereka belum dapat mengaplikasikan kaedah petak pada lembaran kerja iaitu huruf-huruf tidak ditulis pada petak semasa menjawab lembaran kerja. Pemilihan bahan kurang sesuai kerana murid sukar untuk mengawal pergerakan tangan untuk menulis huruf yang lebih kemas kerana saiz *marker pen* tidak seperti pensel yang kerap digunakan.

Pada kitaran yang kedua menunjukkan perubahan yang ketara ke arah peningkatan setiap aspek yang difokuskan. Penambahbaikan yang dilakukan dalam kitaran ini adalah penggunaan buku petak sederhana dan kecil untuk membantu murid membiasakan mereka menulis pada lembaran kerja. Selain itu, kos bahan pada kitaran kedua adalah lebih murah daripada kitaran pertama. Dapatan kajian pada kitaran kedua menunjukkan peningkatan kekemasan huruf yang ditulis dan pengaplikasian kaedah petak juga telah menunjukkan kemajuan dan perubahan yang positif. Sisi petak membantu murid mengawal pergerakan motor halus murid semasa menulis. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang memerlukan penambahbaikan dalam menggunakan kaedah petak. Murid yang biasa menggunakan kaedah petak berkemungkinan menghadapi kesukaran menulis pada

lembaran tanpa petak.

## CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Memandangkan kaedah kajian yang dilakukan telah membawa kesan yang positif dalam tulisan murid, pengkaji mencadangkan tiga kajian lanjutan berkenaan kajian ini, iaitu:

1. Penggunaan Kaedah Petak Sederhana dan Kecil secara latih tubi untuk melatih kemahiran menulis murid-murid.
2. Menggabungkan kaedah ini bersama buku garis.
3. Kaedah ini digunakan untuk menulis huruf yang hampir sama seperti a, e, o, dan u.

## KESIMPULAN

Sebagai seorang bakal guru, pengkaji perlu peka terhadap permasalahan yang berlaku pada tulisan murid-murid. Masalah dalam tulisan amat penting agar proses pengajaran dan pemudahcaraan guru berjalan dengan lancar. Latihan menulis untuk murid perlu diambil berat bagi membantu mengurangkan masalah tulisan murid-murid.

Justeru itu, kajian ini dapat membantu dalam mengatasi masalah menulis dengan kemas dan betul. Setelah menjalankan kajian ini, kini pengkaji dapat merangka satu rancangan pengajaran harian yang menerapkan penggunaan kaedah petak berbantuan buku petak semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Di samping itu, pengkaji dapat mempelbagaikan teknik pengajaran akan datang. Sebelum ini, pengkaji tidak pernah menggunakan kaedah petak untuk mengajar kemahiran menulis kecuali menegur secara lisan. Murid-murid juga menunjukkan respons yang positif semasa menggunakan kaedah petak kerana mereka suka melihat huruf-huruf yang ditulis adalah kemas.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Majid Khan. (2007). *Guru Sebagai Penyelidik*. Nilai: PTS Professional Publishing.
- Abdul Rashid Jamian. (2012). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar (*The Problems Pertaining To Reading And Writing Skills In Malay Language Among Rural Primary School Children*). Diakses dari [http://journalarticle.ukm.my/2528/1/1-12\\_Jurnal\\_Pendidikan\\_Bahasa\\_Melayu\\_pdf](http://journalarticle.ukm.my/2528/1/1-12_Jurnal_Pendidikan_Bahasa_Melayu_pdf). pada 5 Februari 2019
- Chia, M. Y, Ismail Saliyan, Tan, S. T., Mohamad Khairul Amin Mohammad & Nor Aishah Abdul Aziz. (2013). Meningkatkan Kekemasan Tulisan Murid-Murid Pemulihan Khas Dalam Penulisan Rumi Menggunakan Kit "Doratin". *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*: 220-228.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Buku 1* (Edisi ke-3). Selangor: Mc Graw Hill Education
- Jintee Matjais. (2015). *Meningkatkan Kemahiran Menulis Huruf Besar dan Huruf Kecil B, D, M, P dan S Menggunakan Kaedah "LiSeTu" Bagi Murid Tahun 2*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak: Jabatan Pengajian Melayu
- Lia Awan. (2013). Penggunaan Buku Berpetak untuk Meningkatkan Kekemasan Tulisan Murid Pemulihan (Huruf Kecil). *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan 2013*, 97-109. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2011). *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rajesvari Ramasamy (2008). Masalah *Disleksia dalam Kalangan Murid-murid Pemulihan di Sekolah Rendah, Pulau Pinang*. Dimuat turun daripada <<http://eprints.usm.my/9988/1>
- Siti Amira Azahar & Rakiyah Ali. (2013). Mengatasi Masalah Kekemasan Tulisan Menggunakan Kaedah Kotak Bergrid Dan Buku Bergaris Empat Bagi Murid Pemulihan Tahun 3. *Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2013, M/S 86-95*
- Yusof Malie & Walter Alvin (2010). *Disgrafia dan Cara Membantu: Kajian Kes Ke Atas Murid*

*Program Integrasi Pendidikan Khas* Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2010, Jilid 4 ms 1-22.

## MENINGKATKAN KEKEMASAN TULISAN HURUF “g”, “j”, “p” DAN “y” MURID PEMULIHAN TAHUN DUA MENGGUNAKAN KAEDAH ANSUR MAJU

EILLEN ANTY JACK<sup>1</sup>, SITI NOR ROSHASIDAH DERAMAN<sup>2</sup>

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri Sarawak.

<sup>1</sup>anntjack@gmail.com · <sup>2</sup>sisnor5396@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bertujuan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran pengkaji dalam membantu meningkatkan kekemasan tulisan murid bagi huruf berekor “g”, “j”, “p” dan “y”. Dua orang murid pemulihan tahun dua di sebuah sekolah kebangsaan di Miri telah dikenalpasti mempunyai masalah kekemasan tulisan bagi huruf berekor “g”, “j”, “p” dan “y”. Penyelidikan tindakan ini menggunakan model Kurt Lewin (1946) dan hanya menggunakan satu kitaran sahaja. Kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual telah digunakan untuk mengumpul data di dalam kajian ini. Analisis data menggunakan lembaran aktiviti telah menunjukkan kaedah ansur maju memberikan kesan positif dari segi peningkatan tahap kekemasan tulisan huruf “g”, “j”, “p” dan “y” murid pemulihan. Penglibatan murid juga lebih baik dalam sesi pembelajaran di samping dapat membantu meningkatkan minat murid terhadap aktiviti penulisan bahasa Melayu. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah ansur maju menggunakan buku garis 4, 3 dan 2 ini telah memberikan kesan yang positif kepada kemahiran menulis murid pemulihan serta dapat menerapkan minat menulis dalam diri murid. Penyelidikan ini dapat membantu meningkatkan amalan pengkaji sebagai penyelidik serta pendidik yang lebih baik. Sebagai kesimpulannya, kekemasan tulisan seorang murid dapat ditingkatkan dengan amalan dan usaha yang berkesan dan teratur.

Kata kunci: Kemahiran menulis, Model Kurt Lewin (1946), huruf g, j, p dan y, kaedah ansur maju

### ABSTRACT

*This action research aims to improve the teaching and learning practices of the researcher in helping and correcting the writing of the letter “g”, “j”, “p” and “y”. Two Year Two remedial pupils at one national school in Miri were identified having problem writing the letter “g”, “j”, “p” and “y” neatly. This action research use Kurt Lewin (1946) model and has been carried out in one cycle. For this study, observation, document analysis and interviews were used as a method to collect data. Data analysis using activity sheets shows that the method has a positive effect in increasing the remedial pupils' writing “g”, “j”, “p” and “y” letters neatly. The involvement of the students are also better during teaching and learning sessions while also increasing students' interest towards Bahasa Melayu writing activities. The implications of this study shows that the use of Ansur Maju method using 4, 3 and 2 lined book had a positive impact on the writing skills of remedial pupils and has been able to instil writing interest among the pupils. This research helped the researcher in improving practice as a better researcher and educator. In conclusion, a student's writing neatness can be improved by effective and organized practices and efforts.*

*Key words: Writing skills, Kurt Lewin (1946) model, letter g, j, p and y, Ansur Maju*

### PENGENALAN

Buku Panduan Am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KPM 2003), menyatakan bahawa setiap murid adalah berbeza antara satu dengan yang lain sama ada dari segi

tingkahlaku, amalan, bakat dan kebolehan. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melancarkan projek untuk meninjau keperluan pengajaran pemulihan di sekolah rendah bagi memenuhi keperluan murid-murid lemah ini (Abdul Rasid dan Zulkafli, 2008).

Masalah penulisan dalam kalangan murid pemulihan sangat dititikberatkan bagi membantu mereka mencapai pembelajaran yang baik. Sophia Anak Ason (2015) menyatakan bahawa kemahiran menulis amat penting dikuasai murid kerana penulisan merupakan satu bentuk komunikasi yang penting dalam kehidupan harian. Tambahan pula, tulisan penting bagi membolehkan murid-murid menyusun huruf-huruf menjadi satu suku kata, perkataan dan ayat sebagai alat komunikasi dalam kelompok masyarakat.

Norizan Bt Esa (2005) dalam kajian Dyg Hertini Abg Anoi (2012), menunjukkan bahawa mengajar kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak menggunakan kaedah ansur maju membolehkan kanak-kanak menulis dengan lebih kemas, teratur serta kurang kesilapan berlaku. Hal ini kerana melalui kaedah ansur maju ini responden diajar bermula daripada cara yang mudah kepada yang susah. Sasson (1993) dalam Cynthia Lebas (2015) mendapati guru kurang memberi penekanan kepada pengajaran menulis di kelas khususnya cara memegang alat tulis dengan betul, menulis huruf mengikut pergerakan yang betul, menentukan saiz huruf serta menentukan ruang huruf dan perkataan dengan betul.

## REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN


Melalui pengalaman pratikum fasa 1 selama 3 bulan bermula daripada 30 Julai sehingga 26 Oktober 2018 yang lepas. Pengkaji dipertanggungjawabkan mengajar kelas pendidikan pemulihan Bahasa Melayu tahun 2 di sebuah sekolah di bandar Miri. Seramai 8 orang murid yang terdiri daripada tujuh lelaki dan satu orang perempuan telah didaftarkan di dalam kelas pemulihan tersebut. Selama pengkaji mengajar di kelas ini, pengkaji berasa syukur dan gembira kerana mempunyai murid yang sangat baik dan tidak pernah menimbulkan sebarang masalah yang boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun demikian, pengkaji berasa sangat kecewa dengan kekemasan tulisan dua orang murid pemulihan dalam kelas ini terutamanya bagi huruf “g”, “j”, “p” dan “y”. Murid-murid ini memahami pengajaran guru tetapi yang menjadi masalah adalah faktor penulisan semasa melaksanakan aktiviti bertulis. Pengkaji merasakan antara faktor-faktor yang menjejaskan kekemasan tulisan huruf “g”, “j”, “p” dan “y” ini adalah cara memegang pensel yang salah, postur badan yang tidak betul, pengetahuan tentang cara penulisan yang lemah serta keadaan murid yang berlumba untuk menyiapkan kerja lebih awal. Masalah ini telah memberi kesan kepada kekemasan tulisan murid. Pengkaji keliru untuk membaca jawapan yang diberikan walaupun hakikatnya jawapan yang di berikan adalah betul. Kajian Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd. Rahman (2011) mendapati sikap guru yang tidak menitikberatkan cara menulis dalam kalangan murid menyebabkan tulisan mereka tidak kemas serta susah untuk dibaca.

## PENGUMPULAN DATA AWAL

Dokumen	Pemerhatian	Temu Bual
<ul style="list-style-type: none"><li>• aktiviti tulisan dari papan</li><li>• lembaran kerja murid dalam kelas</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• tidak minat belajar, kurang yakin, lambat hantar kerja sekolah.</li><li>• keliru dengan huruf berekor dan huruf batang</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• mempunyai masalah kehadiran ke sekolah.</li><li>• bersikap malas dan pasif.</li></ul>





Murid A dan Murid B telah melakukan kesilapan dalam menulis huruf “g”, “j”, “p”, dan “y” dalam lembaran kerja yang diberikan iaitu menulis keempat-empat huruf tersebut diatas garisan.

Rajah 1. Sedutan tinjauan awal murid A dan Murid B

## FOKUS KAJIAN

Fokus kajian pengkaji adalah untuk meningkatkan kekemasan tulisan bagi huruf “g”, “j”, “p” dan “y” murid pemulihan menggunakan kaedah ansur maju melalui buku garis 4, 3, dan 2. Juliana Ling Chu Chen (2009) dalam kajiannya juga telah menggunakan lembaran kerja khas dengan kaedah ansur maju untuk tulisan Cina. Pengkaji berharap melalui penggunaan buku bergaris 4, 3 dan 2 dalam kaedah ansur maju ini dapat membantu kemahiran tulisan murid pemulihan pengkaji menjadi lebih baik dan kemas. Mengikut Ishak Haron (2001), dalam Zaharin Bin Liam (2012), mengatakan kaedah ansur maju ialah proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kepada pemeringkatan sesuatu kemahiran seperti dari pergerakan yang mudah kepada pergerakan yang susah, pergerakan motor kasar kepada pergerakan motor halus dan perlakuan yang ringkas kepada perlakuan yang kompleks. Jadi kajian ini diharapkan dapat mencapai objektif kajian yang dibuat menggunakan kaedah ansur maju dengan cara-cara serta teknik-teknik yang sesuai dalam kemahiran penulisan yang betul.

## OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- a. Meningkatkan kekemasan tulisan bagi huruf “g”, “j”, “p” dan “y” murid pemulihan menggunakan kaedah ansur maju.
- b. Membantu meningkatkan minat murid terhadap aktiviti penulisan matapelajaran bahasa melayu.

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menjawab persoalan berikut:

- i. Adakah dengan penggunaan kaedah ansur maju dapat meningkatkan kekemasan tulisan bagi huruf “g”, “j”, “p” dan “y” murid pemulihan tahun 2?
- ii. Adakah aktiviti menulis menggunakan kaedah ansur maju dapat meningkatkan minat murid terhadap penulisan bahasa melayu?

## PESERTA KAJIAN


### Jadual 1

Maklumat mengenai responden adalah seperti berikut.

Murid A	Murid B
Nama : Tae (bukan nama sebenar)	Nama : Min (bukan nama sebenar)
Tahun : 2	Tahun : 2
Umur : 8	Umur : 8
Jantina : lelaki	Jantina : Lelaki
Ciri-ciri :	Ciri-ciri :
- Sangat aktif	- Pemalu
- Lembab dalam pelajaran	- Pendiam
- Suka kacau kawan	- Pasif
- Tidak mendengar arahan	- Malas
- Buat bising	- Suka menyendiri.


## PELAKSANAAN TINDAKAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan Model Kurt Lewin (1946). Model ini menerangkan bahawa satu lingkaran terdiri daripada empat lingkaran seperti yang ditunjukkan pada rajah 2.



Rajah 2. Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946)

Secara keseluruhannya perancangan tindakan kajian yang akan pengkaji jalankan adalah seperti rajah 7 berikut. Rajah 7 merupakan gambaran keseluruhan pelaksanaan tindakan kajian pengkaji.



Rajah 3. Gambaran Keseluruhan pelaksanaan tindakan.

## CARA MENGANALISIS DATA

### Analisis dokumen

Tiga set lembaran kerja telah diberikan oleh pengkaji kepada dua orang murid yang terdiri daripada setiap huruf di dalam buku garis yang berlainan. Analisis data telah dilakukan melalui pengkodan data, iaitu mengekod unsur-unsur penulisan yang telah dihasilkan oleh kedua orang murid dalam setiap lembaran yang di beri. Melalui hasil kerja kedua orang murid tersebut, setiap huruf dan perkataan yang ditulis dianalisis mengikut standard tulisan yang kemas dan cantik. Bilangan soalan yang dibuat dengan betul oleh setiap responden dicatat dalam peratusan dan diwakilkan dengan carta bar. Cara pengiraan dapat dirujuk dalam rajah di bawah.

$$\frac{x}{y} \times 100$$

Rajah 4: Rumus pengiraan peratusan markah murid.

### Analisis Pemerhatian

Pemerhatian dianalisis menggunakan borang soal selidik yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Pengkaji telah menyediakan sebanyak 13 soalan senarai semak yang akan diperhatikan pada sebelum dan selepas kajian dijalankan. Borang soal selidik ini merangkumi aspek keyakinan, kecekapan dan ketepatan tulisan yang dihasilkan oleh murid mengikut kriteria penulisan yang betul. Pemerhatian merupakan proses meneliti situasi atau kejadian secara kritikal (Lee, Zakri & Chua, 2018). Oleh itu, data yang telah didapati daripada sesi pemerhatian dianalisis melalui senarai semak pemerhatian yang telah dijalankan. Melalui data yang telah didapati pengkaji akan menganalisis kekerapan dalam jawapan (Ya) dan (Tidak) kedua orang responden dalam senarai semak yang dijalankan.

Jadual 2  
Analisis Skor Pemerhatian Kajian

Kekerapan "Ya"	Tahap	Tafsiran
4-5	Baik	Menguasai
0-3	Sederhana	Tidak Menguasai

### Analisis Temu Bual

Dalam instrumen temu bual pula, pengkaji akan membuat analisis data berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada soalan yang diberikan kepada peserta kajian. Lampiran C merupakan soalan temu bual berstruktur bersemuka dengan dua orang murid peserta kajian pengkaji. Data yang dikumpul melalui temu bual dicatat dalam borang temu bual yang disediakan. Temu bual yang telah dilaksanakan dianalisis dengan cara menulis semula petikan percakapan responden kajian. Seterusnya pengkaji akan mengariskan kata-kata kunci penting melalui catatan hasil temu bual dan kemudiannya dirumuskan untuk mendapatkan kesimpulan.

### DAPATAN KAJIAN

Dengan menganalisis data-data yang diperolehi, pengkaji dapat melaporkan hasil kajian dan seterusnya membuat ulasan mengenai data-data yang diperolehi berdasarkan soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan.


### Adakah dengan penggunaan kaedah ansur maju dapat meningkatkan kekemasan tulisan bagi huruf "g", "j", "p" dan "y" murid pemulihan tahun 2?

#### Dapatan Analisis Dokumen


Peratusan markah bagi kedua-dua orang murid telah dicatatkan seperti dalam jadual dan graf dibawah.


Jadual 3  
Peratusan peningkatan markah murid kajian.

Bil.	Aktiviti	A				B			
		sebelum		selepas		sebelum		selepas	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
		Huruf yang betul		Huruf yang betul		Huruf yang betul		Huruf yang betul	
1.	Menulis huruf dalam buku garis 4.	10/20	50	20/20	100	8/20	45	18/20	90
2.	Menulis huruf dalam buku garis 3	9/20	45	18/20	90	10/20	50	19/20	95
3.	Menulis Huruf dalam buku garis 2	8/20	40	20/20	100	10/20	50	20/20	100



Rajah 5. Graf perbandingan peratusan markah sebelum dan selepas murid kajian.





**Murid B**

Rajah 6: Hasil tulisan huruf berekor “g”, “j”, “p”, dan “y” sebelum dan selepas murid kajian.

### Dapatan Pemerhatian

Analisis dapatan pemerhatian yang telah pengkaji perhati adalah melalui senarai semak berstruktur. Senarai semak berstruktur tersebut mempunyai 13 item. Walaubagaimanapun dalam menjawab persoalan kajian 1 ini, item yang diperhatikan untuk menjawab persoalan ini adalah item 1 hingga item 10. Jadual 10 dibawah merupakan analisis pemerhatian sebelum dan selepas kajian dijalankan terhadap dua orang murid.

Jadual 3

Analisis dapatan pemerhatian Berstruktur (sebelum dan selepas)

Senarai Item	Bilangan Responden					
	Sebelum		Selepas		Perbezaan	
	A	B	A	B	A	B
1. Murid menulis huruf berekor ‘g’ ‘j’, ‘p’, dan ‘y’ dalam buku garis 4 dengan kemas dan betul.	1/5	2/5	5/5	5/5	+ 4	+3
2. Murid menulis huruf berekor”g”, ‘j’ ‘p” dan “y” dalam buku garis 3 dengan kemas dan betul.	2/5	0/5	5/5	5/5	+3	+5
3. Murid menulis huruf berekor”g”.”j”, ‘p’ dan “y” dalam buku garis 2 dengan kemas dan betul.	1/5	0/5	5/5	5/5	+4	+5
4. Murid menulis huruf berekor “g”, “j”, “p” dan ‘y’ dalam perkataan di buku garis 4 dengan kemas dan betul.	2/4	2/4	5/5	5/5	+3	+3
5. Murid menulis huruf berekor “g”, “j”, “p” dan “y” dalam perkataan di buku garis 3 dengan kemas dan betul.	1/4	1/4	5/5	5/5	+4	+4
6. Murid menulis huruf berekor “g”, ‘j’, “p” dan “y” dalam perkataan di buku garis 3 dengan kemas dan betul.	2/4	1/4	5/5	5/5	+3	+4
7. Murid menulis huruf berekor “g”, “j”, ‘p’ dan “y” dalam perkataan di buku garis 2 dengan kemas dan betul.	1/4	1/4	5/5	5/5	+4	+4
8. Murid menulis huruf berekor “g”, “j”, “p” dan ‘y’ dalam lembaran kerja di buku garis 4 dengan kemas dan betul.	2/4	1/4	4/5	5/5	+3	+4

9. Murid menulis huruf berekor “g”, “j”, “p”, dan “y” dalam lembaran kerja di buku garis dengan kemas dan betul.	3	2/5	1/5	5/5	5/5	+3	+4
10. Murid menulis huruf berekor “g”, “j”, “p” dan “y” dalam lembaran kerja di buku garis dengan kemas dan betul.	2	1/5	1/5	5/5	5/5	+4	+4

### Dapatan Analisis Transkrip Temu Bual


Selain daripada analisis pemerhatian dan analisis dokumen yang telah pengkaji gunakan dalam menganalisis data kajian ini, pengkaji juga telah menggunakan analisis temu bual selepas kajian ini dijalankan kepada kedua-dua orang murid kajian. Jadual 11 dan 12 merupakan analisis transkrip temu bual yang telah dijalankan.

Saya : Adakah cara cikgu mengajar kamu sekarang berbeza daripada yang dahulu?
Murid A : <b><u>Ya, saya suka</u></b> sebab cikgu guna buku bergaris-garis.
Saya : Adakah cara cikgu mengajar kamu sekarang berbeza daripada yang dahulu?
Murid B : <b><u>Ya, cikgu ajar tulis dengan baik pakai buku garis</u></b>


Rajah 7. Sedutan transkrip Temu Bual bersama dua orang murid. (soalan 1)

Saya : Adakah kamu rasa menulis menggunakan buku garis dapat membantu anda menulis huruf “g”, “j” “p” dan “y” dengan baik.?
Murid A : <b><u>Ya cikgu. Saya yakin dapat</u></b> tulis dengan baik lepas ini.
Saya : Adakah kamu rasa menulis menggunakan buku garis dapat membantu anda menulis huruf “g”, “j” “p” dan “y” dengan baik.?
Murid B : <b><u>Ya cikgu, saya tau sudah</u></b> macam mana mau tulis dengan betul pakai buku biasa selepas ini.

Rajah 8. Sedutan transkrip temu bual bersama dua orang murid kajian (soalan 2)



Murid A



Murid B

Rajah 9. Hasil Tulisan Murid dalam aktiviti pengukuhan

### Adakah kaedah menulis menggunakan kaedah ansur maju dapat meningkatkan minat murid terhadap penulisan Bahasa Melayu?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengkaji telah berjaya menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih sistematik dan menyeluruh dengan penggunaan kaedah ansur maju dalam latihan buku garis 4, 3 dan 2. Ini selaras dengan penggunaan kaedah ansur yang menekankan pengajaran yang bermula dari aras rendah sehingga aras yang lebih tinggi. Pendekatan ini juga telah diaplikasikan dalam beberapa kajian-kajian lepas seperti dalam Anisah Anuar (2010), Ahmad Durani Suip (2010), Meimon Sanai (2009) dan Yusop Malie (2010). Bagi menyokong pernyataan ini, pengkaji telah mengemukakan hasil dapatan kajian daripada sumber analisis transkrip temu bual dan analisis pemerhatian berstruktur.



### Dapatan Analisis Pemerhatian.

Analisis pemerhatian dalam menjawab persoalan 2 ini adalah menggunakan senarai semak berstruktur yang telah disediakan. Senarai semak tersebut mempunyai 13 item yang telah menjawab kedua-dua persoalan dalam kajian ini. Soalan 1 dianalisis menggunakan item 1 hingga item 10. Manakala persoalan 2 telah menjawab kepada item 11 hingga 13. Jadual 6 di bawah merupakan analisis pemerhatian sebelum dan selepas bagi item 11 hingga 13 kedua-dua orang murid.

Jadual 4

Analisis dapatan pemerhatian Berstruktur (Persoalan 2)

Aktiviti	Bilangan Responden							
	Sebelum				Selepas			
	Menguasai		Tidak Menguasai		Menguasai		Tidak Menguasai	
	A	B	A	B	A	B	A	B
11. Murid menyiapkan tugas dengan kemas dan berhati-hati.			/	/	/	/		
12. Murid berasa semangat dan gembira ketika guru beri lembaran kerja. (tulisan)			/	/	/	/		
13. Murid kajian dapat berinteraksi dengan guru.			/	/	/	/		

Dalam dapatan kajian ini kedua-dua orang murid telah menunjukkan minat terhadap kaedah yang dijalankan ini apabila aktiviti penulisan yang diberikan dapat disiapkan dengan kemas dan baik. Selain itu, mereka juga rajin bertanya cara menulis ikut huruf yang betul serta minta tunjuk ajar sekiranya terdapat soalan atau tulisan yang mereka kurang faham. Murid telah menunjukkan minat serta menunjukkan motivasi yang baik dalam menyiapkan aktiviti penulisan yang diberi.

### Dapatan Transkrip Temu Bual

Saya : Selepas pembelajaran menggunakan buku garis 4, 3 dan 2 ini adakah kamu masih suka atau berminat untuk menulis ? ( Y / T )
Murid A : <b>arr ya. Suka cikgu.</b>
Saya : Selepas pembelajaran menggunakan buku garis 4, 3 dan 2 ini adakah kamu masih suka atau berminat untuk menulis ? ( Y / T )
Murid B : <b>Ya. Sebab tulisan saya sudah cantik. (ketawa)</b>

Rajah 10. Sedutan dapatan kajian transkrip temu bual.(soalan 3)

Saya : Adakah aktiviti menulis itu sesuatu yang menyeronokkan bagi kamu (Y/T)
Murid A : <b>Ya cikgu. Kalau dulu saya tidak suka menulis sebab kawan bagi tahu tulisan saya tak cantik. Tapi sekarang cantik sudah. (ketawa)</b>
Saya : Adakah aktiviti menulis itu sesuatu yang menyeronokkan bagi kamu ( Y/T)
Murid B : <b>Ya. Seronok sebab tulisan cantik. Dirumah pun kamek suka tulis. (malu-malu)</b>

Rajah 11. Sedutan Dapatan Kajian Transkrip temu bual (Soalan 4)

### REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah memilih untuk meningkatkan kekemasan tulisan huruf “g”. “j”, “p” dan “y” menggunakan kaedah ansur maju dalam kajian ini bagi membantu dua orang murid pemulihan tahun 2. Hasil daripada data-data kajian yang diperoleh, pengkaji mendapati



terdapat perubahan positif dari segi pencapaian murid dalam menulis huruf “g”, “j”, “p” dan “y” dalam buku garis 4, 3, dan 2 dalam aktiviti penulisan dan lembaran kerja yang dijalankan. Refleksi kajian yang telah pengkaji bincangkan di bawah ini adalah refleksi hasil dapatan kajian daripada kedua-dua persoalan kajian.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah pengkaji peroleh, penggunaan kaedah ansur maju ini mampu meningkatkan kekemasan tulisan murid pendidikan pemulihan tahun dua pengkaji bagi huruf “g”, “j”, “p” dan “y” dengan baik iaitu kita dapat lihat berdasarkan hasil dapatan kajian bagi persoalan 1 di jadual 2 diatas. Peratusan markah murid meningkat sehingga 95% hingga 100% selepas kajian dijalankan. Selain itu, dapatan ini juga telah menunjukkan penggunaan kaedah ansur maju dalam buku garis 4, 3 dan 2 ini mampu membantu kedua orang murid kajian pengkaji untuk berminat dalam aktiviti-aktiviti penulisan. Menurut Hukum Latihan Thorndike (1911) terdapat banyak kesan positif hasil daripada menggunakan banyak lembaran kerja dalam pendekatan yang digunakan. Penggunaan pelbagai buku garis 4, 3 dan 2 yang telah digunakan mampu mengajar dan memudahkan murid untuk menulis huruf berekor tersebut dengan mudah. Tambahan pula penggunaan buku ini secara beransur maju iaitu pada tahap mudah kepada sukar dapat melatih murid menulis huruf tersebut dengan lebih baik. Kesannya, murid dapat belajar sesuatu kemahiran tersebut dengan berkesan sekiranya terdapat banyak latihan yang diberikan dengan lebih kerap dan secara tidak langsung proses pembelajaran berlaku. Justeru ia dapat melancarkan sesi pengajaran dan pembelajaran berpandukan sukatan pelajaran yang telah disediakan dengan lancar.

Selain itu, penggunaan kaedah ansur maju yang berpusatkan murid merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam membantu murid menguasai suatu konsep. Oleh itu, dalam dapatan kajian ini murid telah diajar secara berkonsep untuk memahami cara menulis huruf yang betul mengikut langkah- langkah yang diberikan. Dalam pengajaran dan pembelajaran semasa kajian dijalankan pengkaji sentiasa memastikan kedua-dua orang murid kajian pengkaji mengamalkan cara menulis yang betul dalam lembaran kerja dan aktiviti yang diberi. Oleh itu di dalam bilik darjah kedua-dua orang murid sentiasa peka dan berhati-hati semasa menulis.

Selepas menganalisis data daripada pemerhatian dan temubual berdasarkan persoalan 1 dan persoalan 2, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kaedah ansur maju ini mampu menarik minat murid untuk menggunakan kaedah ini dalam penulisan Bahasa Melayu. Pengkaji juga mendapati murid menunjukkan perubahan tingkah laku kearah yang lebih positif sepanjang kajian dilaksanakan. Murid boleh berdikari dalam menulis huruf-huruf yang diberikan dengan berhati-hati dan kemas. Murid tidak berasa malu untuk menyoal soalan terhadap mana-mana huruf yang masih keliru. Walaupun pada awal kajian dijalankan, pengkaji mendapati murid tidak bermaya dan lambat untuk menulis, setelah amalan kaedah ini diperkenalkan, murid tidak lagi menunjukkan tingkah laku ini diakhir pelaksanaan kajian. Sebelum kaedah ini diperkenalkan, murid mengatakan susah bagi mereka menyiapkan latihan dalam lembaran kerja yang diberikan. Setelah kaedah ini diperkenalkan dan digunakan dalam kajian ini, murid menyatakan bahawa mereka lebih minat dan mudah untuk menulis di dalam buku garis setelah menggunakan buku garis 4, 3 dan 2. Respon daripada data yang didapati daripada murid itu sendiri telah menunjukkan bahawa mereka minat menggunakan kaedah yang diperkenalkan kepada mereka. Secara kesimpulannya penggunaan kaedah ansur maju dalam membantu murid menulis dengan betul dan kemas serta dapat membantu murid untuk berminat terhadap pembelajaran bahasa melayu khususnya dalam matapelajaran Bahasa Melayu.

## **TINDAKAN SUSULAN**

Berdasarkan hasil dapatan kajian tindakan ini, pengkaji mencadangkan beberapa kajian yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang. Antaranya seperti menjalankan aktiviti menulis berdasarkan tayangan video. Cadangan seterusnya adalah menghasilkan satu aplikasi yang boleh membetulkan kesalahan yang terdapat pada huruf. Contohnya aplikasi tersebut dapat mengetahui saiz, ruang, ekor atau batang huruf yang salah. Murid akan

membuat pembetulan pada huruf tersebut dalam masa yang sama sebelum melangkah kepada huruf yang seterusnya. Selain itu, kajian seterusnya juga boleh dijalankan secara pertandingan, dimana murid yang terlibat akan menjalankan pertandingan menulis dengan cantik dan kemas semasa kajian dijalankan. Hadiah atau token akan di sediakan bagi pemenang. Secara tidak langsung murid akan berasa seronok dan bermotivasi untuk menghasilkan tulisan yang kemas dari semasa ke semasa bagi mendapatkan hadiah yang disediakan.

## RUJUKAN

- Ahmad Faiz bin Mohamad (2011), *Pengaplikasian Permainan Cari Perkataan Tersembunyi Dalam Menarik Minat Terhadap Pelajaran Jawi*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Cynthia Lebas Ak Dubline, (2015). *Penggunaan Kaedah Latih Tubi Untuk Membantu Menangani Tulisan "Cakar Ayam" Murid-murid Tahun 2*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Dyg Hertini Bt Abang Noi (2012), *Kaedah Ansur Maju Menggunakan Buku Petak Bagi Mengatasi Masalah Kekemasan Tulisan Bahasa Melayu Murid Tahun Tiga*. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Malaysia Jenis Kebangsaan Tahun Satu*. Kuala Lumpur: KPM
- Liew Teck Mee (2012). *Kaedah Asuh Tulis Untuk Membantu Murid Pemulihan Khas Menulis Dengan Kemas*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Sophia Ak Asoh (2015). *Meningkatkan Kemahiran Menulis Ayat Tunggal yang Kemas Murid Tahun Tiga Menggunakan Teknik Latih Tubi*. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.89
- Suhaimi Yunus, 2009. *Permasalahan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Orang Asli*. Projek Master Sains: Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Zaharin bin Liam (2012). *Kesan Kaedah Ansur Maju Dalam Membetulkan Tulisan Huruf Besar Dan Huruf Kecil Murid Tahun Empat*. Insititut Pendidikan Guru Batu Lintang

## **MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS DAN MEMBACA HURUF KONSONAN ‘b’, ‘d’, ‘m’, dan ‘n’ DENGAN TEKNIK MULTISENSORI**

**NORAITY JULIEN<sup>1</sup>, SITI NOR ROSHASIDAH DERAMAN<sup>2</sup>**

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam. 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>juliennoraity@gmail.com, <sup>2</sup>sisnor79@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Kajian ini dilaksanakan bagi membantu murid pemulihan yang menghadapi masalah kesukaran untuk menulis dan membaca huruf konsonan b, d, m, dan n dengan Teknik multisensori. Teknik multisensori membolehkan peserta kajian meneroka dan dapat merangsang pancaindera mereka melalui aktiviti pembelajaran yang melibatkan deria sentuhan, pendengaran, pergerakan, dan penglihatan. Kajian tindakan ini melibatkan penggunaan Modal Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggart (1998) sebagai tunjang utama dalam melaksanakan proses membuat kajian. Dua orang murid tahun 3 yang dikenalpasti mengalami masalah tidak dapat membezakan huruf yang hampir sama bentuk telah dijadikan sebagai peserta kajian. Kajian ini dijalankan secara kualitatif, menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan ujian (sebelum dan selepas). Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan dokumen. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik multisensori berjaya meningkatkan kemahiran menulis dan membaca perkataan yang yang mengandungi huruf b, d, m, dan n. Sebagai kesimpulannya, masalah keliru dengan huruf yang hampir sama bentuk dapat diatasi dengan teknik multisensori.

Kata Kunci: Kemahiran menulis dan membaca huruf b, d, m dan n, teknik multisensori, Model Kemmis & Mc Taggart.

### **ABSTRACT**

This study was carried out to help students with difficulty in reading and writing consonants b, d, p, and q using multisensory methods. Multisensory techniques enable pupils to explore and stimulate their senses through learning activities that involve touching, hearing, movement, and vision. This study is based on the model of Kemmis & Mc Taggart (1998). Two students from Year 3 was identified as having problems in distinguishing letters of similar shape and they are used as study participants. This is a qualitative study which uses observation, interview and test methods (before and after). Data were collected using observation, interview and document analysis methods. The findings show that multisensory techniques have improved the ability to writing and reading skills containing the letters b, d, m, and n. In conclusion, students' writing and reading skills can be improved by using multisensory techniques.

*Key word: writing skills and reading the letters b, d, m dan n, multisensory techniques, Kemmis & Mc Taggart Model.*

### **PENGENALAN**

Program pemulihan merupakan satu usaha untuk membantu murid tahap 1 menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M). Kemahiran asas ini sangat penting dalam pendidikan, murid menguasai kemahiran (3M) akan menyebabkan kesukaran mereka untuk meneruskan pembelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi. Menurut Naffi (2006) dalam penyelidikan Suzamreh Salleh (2012), menerangkan bahawa pemulihan khas merupakan satu rancangan khas bagi membantu dan memulihkan murid-murid yang

menghadapi masalah atau kesukaran pembelajaran yang dikenal pasti oleh guru. Oleh itu Program pemulihan ini diadakan adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah murid seawal mungkin agar masalah ini tidak menjadi kronik dan berterusan sehingga ke tahap 2. Dalam kelas pemulihan terdapat murid pemulihan yang mengalami masalah keliru dengan bentuk huruf yang hampir sama seperti 'b', 'd', 'm', 'n', 'p', 'q', 'l' dan 'i'. Jika kita perhatikan murid ini, murid ini mempunyai ciri-ciri disleksia. Teknik multisensori merupakan salah satu cara pengajaran yang melibatkan pelbagai sensori murid untuk mempelajari sesuatu dan teknik ini sesuai digunakan untuk membantu masalah murid yang keliru dengan huruf yang hampir sama bentuk.

Saya telah menjalankan praktikum fasa 1 di sebuah Sekolah Kebangsaan di kawasan Miri selama 3 bulan iaitu bermula dari 30 Julai 2018 hingga 26 Oktober 2018 dan mengajar murid-murid pendidikan pemulihan Bahasa Melayu (BM) dari kelas tahun 3A. Sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran, saya melihat 2 orang murid pemulihan tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis beberapa perkataan kerana keliru dengan huruf yang hampir sama bentuk atau bunyi iaitu 'b', 'd', 'm', dan 'n'. Setelah saya mengenal pasti masalah tersebut, saya menggunakan aktiviti membaca menggunakan bahan bantu mengajar iaitu *lift* perkataan untuk huruf b dan d. Saya mengajar murid untuk membaca perkataan yang bermula dengan huruf d dan b berulang kali. Namun Aktiviti tersebut tidak dapat membantu masalah yang dihadapi oleh murid.

Dalam usaha mengenalpasti permasalahan murid, saya menggunakan dua kaedah bagi pengumpulan data awal iaitu melalui kaedah, temu bual, dan pemerhatian.



Rajah 1. Contoh Kesilapan Murid

## FOKUS KAJIAN

Fokus dalam kajian ini ialah lebih kepada kemahiran membaca dan menulis perkataan yang melibatkan huruf konsonan b, d, m, dan n. Untuk mengatasi masalah ini, saya memilih teknik multisensori. Teknik multisensori merupakan salah satu teknik pengajaran yang melibatkan pelbagai deria kanak-kanak seperti penglihatan, audio pendengaran, pergerakan dan sentuhan. Teknik multisensori diperkenalkan oleh Dr Samuel Torrey Orton pada pertengahan tahun 1920.

## OBJEKTIF KAJIAN

- Meningkatkan kemahiran membaca perkataan yang melibatkan huruf konsonan b, d, m dan n menggunakan teknik multisensori.
- Meningkatkan kemahiran menulis perkataan yang melibatkan huruf konsonan b, d, m dan n dengan teknik multisensori

## SOALAN KAJIAN

- Adakah teknik multisensori dapat meningkatkan kemahiran membaca huruf konsonan b, d, m, dan n?
- Adakah teknik mutisensori dapat meningkatkan kemahiran menulis huruf konsonan b, d, m, dan n.

## KUMPULAN SASARAN


Arisha(Murid A)		Aidil(Murid B)	
Kekurangan	Kelebihan	Kekurangan	Kelebihan
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Suka ganggu rakan.</li> <li>➤ Keliru dengan huruf yang hampir sama bentuk.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Dapat membaca dan menulis perkataan yang tidak melibatkan huruf konsonan b, d, m, dan n.</li> <li>➤ Berani mencuba</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Keliru dengan huruf yang hampir sama bentuk.</li> <li>➤ Malas membuat latihan yang diberikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Dapat membaca dan menulis perkataan KV+KVK dan KV+KV yang tidak melibatkan huruf konsonan yang hampir sama bentuk.</li> </ul>

## PROSEDUR TINDAKAN

Sebelum memilih model untuk kajian tindakan ini, saya telah membuat penelitian beberapa contoh model sedia ada dan melihat kesesuaian model tersebut dengan kajian yang hendak dicapai bagi mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh peserta kajian. Setelah membuat penelitian dan analisis, maka saya memilih satu model yang sangat sesuai dengan fokus masalah kajian tindakan ini iaitu Model Kemmis & Mc Taggart (1998). Hal ini kerana, terdapat beberapa kajian yang telah berjaya dilaksanakan berpandukan Model Kemmis & Mc Taggart, seperti kajian yang telah dijalankan oleh Mohammed Abu Bakar Musleem(2015) yang bertajuk penggunaan boneka dalam meningkatkan kemahiran komunikasi murid tahun 3. Model ini memfokuskan kepada empat elemen seperti yang telah dinyatakan dalam rajah 2.



Rajah 2. Model Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggart (1998)



## PERANCANGAN PELAKSANAAN KAJIAN

### Langkah-langkah Tindakan

<p>Aktiviti 1- Deria Penglihatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menunjukkan kad gambar(bola, mata, nasi, dan dadu)</li> <li>➤ Peserta kajian menyebut gambar yang ditunjukkan.</li> </ul>
<p>Aktiviti 2- Deria penglihatan dan deria pendengaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memberi gambar kepada peserta kajian.</li> <li>➤ Menunjukkan huruf b, d, m dan n serta membunyikan huruf tersebut.</li> <li>➤ Peserta kajian akan melekat huruf di gambar yang berkaitan.</li> </ul>
<p>Aktiviti 3- Deria Sentuhan dan Deria Penglihatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Saya menunjukan huruf sambil menyebut.</li> <li>➤ Peserta kajian dikehedaki menutup mata dan meneka huruf yang disentuh.</li> </ul>
<p>Aktiviti 4- Deria Pergerakan Dan Sentuhan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Peserta kajian membina huruf yang disebut menggunakan kapas di atas kertas warna.</li> </ul>
<p>Aktiviti - Deria Pendengaran dan Pergerakan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Peserta kajian menulis huruf dan perkataan yang disebut.</li> <li>➤ Membina 4 perkataan yang berkaitan dengan huruf b, d, m, dan n.</li> </ul>

## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Hasil Temu Bual(Persoalan 1)

Kategori	Nombor Soalan	Analisis Sebelum (Peserta Kajian A&B)	Analisis Selepas (Peserta Kajian A&B)
Minat pelajar	2 dan 3	Tidak minat untuk belajar.	Mereka menyatakan minat untuk belajar
Dapat membezakan huruf	4	Tidak dapat membezakan huruf b, d, m dan n.	Dapat membezakan huruf b, d, m dan n.
Kemahiran membaca	7	Murid hanya dapat membaca perkataan yang tidak melibatkan huruf b, d, m dan n.	Murid dapat membaca semua perkataan yang ditunjukkan.

### Analisis Dapatan Pemerhatian Berstruktur (Persoalan 1)

Bil	Perkara	Skor					
		Sebelum		Selepas		Perbezaan	
		M1	M2	M1	M2	M1	M2
1	Dapat menyalin huruf b, d, m dan n dengan betul.	3	4	4	4	+1	0
2	Memberi perhatian di dalam kelas	1	2	3	4	+2	+2
3	Dapat membunyikan huruf b, d, m dan n.	1	1	4	4	+3	+3
5	Dapat membezakan huruf b dan d.	1	1	4	4	+3	+3
6	Dapat membezakan huruf m dan n.	1	1	4	4	+3	+3
7	Memilih kad huruf b, d, m dan n dengan betul	1	1	4	4	+3	+3
9	Dapat mengenalpasti bentuk huruf yang ditunjukkan. (Deria Penglihatan)	1	1	4	4	+3	+3
10	Dapat membentuk huruf menggunakan kapas dengan kemas dan betul.	1	1	4	4	3+	+3
11	Dapat membaca perkataan yang ada huruf konsonan b, d, m dan n.	1	1	4	4	+3	+3
12	Dapat meneka huruf dengan betul menggunakan deria sentuhan sahaja.	1	1	4	4	+3	3+
13	Dapat membaca pelbagai perkataan.	2	2	4	4	+2	+2
14	Dapat menyiapkan tugas dengan cepat.	1	2	2	3	+1	+1

### Analisis Dapatan Pemerhatian Berstruktur (Persoalan 2)


Bil	Perkara	Skor					
		Sebelum		Selepas		Perbezaan	
		M1	M2	M1	M2	M1	M2
1	Dapat menyalin huruf b, d, m dan n dengan betul.	3	4	4	4	+1	0
2	Memberi perhatian di dalam kelas	1	2	3	4	+2	+2
4	Menulis huruf b, d, m dan n dengan betul.	2	2	4	4	+2	+2
5	Dapat membezakan huruf b dan d.	1	1	4	4	+3	+3
6	Dapat membezakan huruf m dan n.	1	1	4	4	+3	+3
7	Memilih kad huruf b, d, m dan n dengan betul	1	1	4	4	+3	+3
8	Menulis perkataan yang ada huruf b, d, m dan n dengan betul.	1	1	4	4	+3	+3
9	Dapat mengenalpasti bentuk huruf yang ditunjukkan. (Deria Penglihatan)	1	1	4	4	+3	+3
10	Dapat membentuk huruf menggunakan kapas dengan kemas dan betul.	1	1	4	4	3+	+3

14	Dapat menyiapkan tugas dengan cepat.	1	2	2	3	+1	+1
----	--------------------------------------	---	---	---	---	----	----

M1-Peserta kajian A

M2-Peserta kajian B

### Analisis Peratusan Ujian (Persoalan 2)



### REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah diperoleh menunjukkan teknik multisensori dapat membantu mengatasi masalah kekeliruan dalam kemahiran menulis dan membaca perkataan yang mengandungi huruf b, d, m dan n dan secara tidak langsung teknik ini juga telah membantu peserta kajian daripada terus melakukan kesalahan pada masa akan datang.

Daripada dapatan kajian ini juga, terdapat beberapa implikasi yang boleh dilihat terhadap guru dan peserta kajian:

- Saya dapat membantu meningkatkan prestasi peserta kajian yang lemah dalam kemahiran membaca perkataan yang mengandungi huruf b, d, m dan n.
- Peserta kajian lebih yakin untuk membaca di dalam kelas, apabila diminta untuk membaca. Hal ini kerana, peserta kajian telah dapat menguasai semua huruf.
- Jika semua peserta kajian dapat mengenal huruf, membaca dan berkomunikasi dengan baik, maka proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih mudah. Perkara ini sekaligus dapat membantu meningkatkan pencapaian peperiksaan peserta kajian.

Kenyataan saya telah dibuktikan dengan keputusan instrumen kajian yang telah dilaksanakan. Hasil daripada keputusan data instrumen juga telah dinyatakan dan kajian ini juga dikukuhkan dengan pendapat-pendapat daripada tinjauan literatur yang dapat membuktikan bahawa kajian ini berjaya menyelesaikan masalah yang dikenal pasti. Hal ini bersesuaian dengan tujuan kajian tindakan diadakan iaitu membantu untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan dengan menggunakan sesuatu kaedah atau teknik yang tertentu.

### CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan pada kajian ini ialah dengan menitikberatkan bahagian yang tertentu. Terdapat beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk pengkaji yang akan datang. Antaranya ialah, tempoh kajian dilaksanakan. Hal ini



kerana, tempoh pelaksanaan kajian ini hanya 6 bulan sahaja, dan tempoh pelaksanaan kajian ini terlalu singkat, menyebabkan saya tidak dapat melihat perkembangan peserta kajian dalam tempoh yang panjang. Adakah pengetahuan tersebut kekal atau hanya ingatan sementara peserta kajian.

Selain itu, menggunakan bahan multimedia sebagai aktiviti tambahan untuk menjalankan PdPc kemahiran menulis dan membaca perkataan yang mengandungi huruf b, d, m dan n. Hal ini kerana, murid-murid pada masa kini lebih berminat dengan peralatan elektronik atau ICT. Jika aktiviti yang melibatkan ICT dilaksanakan di dalam kelas, secara tidak langsung ia dapat menarik minat murid untuk belajar.

## **RUJUKAN**

- Mohammed Abu Bakar Bin Musleem. (2015). *Penggunaan Boneka Dalam Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Peserta kajian Tahun 3*. Buku Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Sharifah Zamzariah Wan Ismail. (2015). *Teknik Permainan Bahasa Untuk Meningkatkan Kemahiran Menulis Kata Ekasuku Tertutup Dalam Kalangan Peserta kajian Tahun Satu*. Buku Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Suzamrah Salleh. (2012). *Meningkatkan Kemahiran Membaca Ayat-ayat yang mengandungi perkataan gabungan suku kata V+KV Dan KV+KV Melalui Teknik Latih Tubi Membaca Kad Bacaan*. Buku Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

## **PENGUNAAN PASIR DALAM MEMBANTU MURID PEMULIHAN TAHUN 2 MENULIS HURUF a DAN d DENGAN BETUL**

**NURHASFARANI SEZEN<sup>1</sup>, SAPATOMAH@SABTUYAH MORSHIDI<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. faranieaniey@gmail.com

<sup>2</sup>Jabatan Pembangunan Latihan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak. sabmorcd@yahoo.com

### **ABSTRAK**

Penyelidikan tindakan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan pasir dalam membantu murid Pemulihan Tahun 2 menulis huruf a dan d dengan betul. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah kebangsaan di bahagian Miri dan melibatkan dua orang murid Pemulihan Tahun 2 yang mempunyai masalah dalam menulis huruf a dan d. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan dokumen. Pemerhatian dianalisis berdasarkan senarai semak yang telah disediakan. Seterusnya temu bual dijalankan dan setiap jawapan murid dianalisis berdasarkan soalan yang telah ditetapkan. Manakala dokumen dianalisis berdasarkan lembaran kerja yang memerlukan murid untuk menulis semula huruf a dan d dengan bentuk yang betul. Hasil dapatan daripada kaedah tersebut menunjukkan bahawa peserta kajian dapat memperbaiki penulisan huruf a dan d dengan betul supaya menjadi lebih baik. Penggunaan pasir turut menjadikan peserta kajian lebih gemar melakukan latihan menulis dengan betul. Tambahan pula, penggunaan kad huruf a dan d juga dapat membantu murid menulis di atas pasir dengan betul. Ini kerana kad huruf tersebut telah dilubangkan mengikut bentuk huruf a dan d. Implikasinya, penggunaan pasir ini dapat meningkatkan motivasi murid di dalam bilik darjah serta menjadikan sesi pengajaran guru menjadi lebih menarik. Sebagai kesimpulannya, penggunaan pasir sebagai latihan menulis dapat membantu murid Pemulihan Tahun 2 menulis huruf dengan betul.

Kata kunci: menulis huruf, pasir, kad huruf

### **ABSTRACT**

This action research was conducted with the objectives to observe to what extend of using sand in helping Year 2 Remedial students to write letters a and d correctly. Two students are selected from Year 2 Remedial students at a primary school in Miri. The students faced problem in writing letters a and d. Data are collected through observation methods, interviews and documents. Observations are analyzed based on the checklist provided. Interviews were conducted and each student's answers were analyzed based on the questions set. Documents are analyzed based on a worksheet that requires students to rewrite letters a and d in the correct form. The results of the data showed that both students can improve their writing of letters a and d correctly. The use of sand motivate both students to practice writing correctly. In addition, the usage of the cut out of letters card alphabet a and d helps students to write correctly on the sand. Writing on sand helps to increase students motivation and make teaching sessions more interesting. In conclusion, using sand as a writing exercise can helps Year 2 Remedial students write the letters correctly.

Keyword: *writing letter, sand, letter cards*

### **PENGENALAN**

Antara masalah yang dihadapi oleh murid pemulihan ialah masalah dalam penulisan di mana murid disgrafia tidak boleh menulis huruf atau ayat dengan betul. *The Special Needs School Survival Guide* menyatakan disgrafia merupakan masalah yang memberi kesan

kepada kebolehan mengeja, menulis dan pemprosesan maklumat. Selain itu, murid disgrafia juga mempunyai masalah dalam motor halus di mana mereka tidak boleh memegang pensel dengan betul. Menurut Mary Karl (2015) dalam kajiannya menyatakan bahawa kegagalan murid dalam menguasai kemahiran menulis pada peringkat awal memberi kesan terhadap perkembangan penguasaan kemahiran menulis secara menyeluruh khususnya kepada murid yang tidak pernah ke tadika atau prasekolah. Oleh itu, saya telah menggunakan medium pasir untuk membantu murid pemulihan tersebut untuk menulis huruf a dan d dengan betul. Penggunaan pasir juga merupakan salah satu terapi yang digunakan dalam membantu murid pendidikan khas. Terapi ini mempunyai penawar semula jadi bagi kanak-kanak dan menyediakan kanak-kanak tentang realiti kehidupan seharian. Terapi ini boleh dilakukan secara individu, berpasangan dan juga secara berkumpulan.

## **FOKUS KAJIAN**

Fokus kajian ini adalah untuk membantu murid Pendidikan Pemulihan Tahun 2 menulis huruf a dan d dengan betul dan meningkatkan kemahiran pratulisan mereka dengan penggunaan pasir. Peringkat pratulisan merupakan peringkat persediaan kepada murid sebelum murid tersebut dapat menulis huruf-huruf dengan betul dan kemas. Latihan-latihan pratulisan menitikberatkan perkara seperti melakukan pergerakan tangan dan jari terlebih dahulu sebelum mula menulis. Antaranya ialah menggerakkan jari di atas pasir yang disediakan dan menulis huruf yang disebutkan oleh saya. Tujuannya ialah supaya murid dapat menguasai gerak tangan yang bebas untuk menulis dengan sempurna. Setelah mahir dalam aktiviti tersebut, saya akan mula fokus kepada dua huruf utama yang menjadi masalah utama murid dalam penulisan huruf iaitu huruf a dan d. Antara aktiviti yang boleh dilakukan adalah seperti menulis huruf mengikut bentuk huruf yang diberikan oleh saya. Murid dikehendaki untuk menulis huruf tersebut di atas pasir sehingga guru berpuas hati dengan hasil kerja murid. Sehubungan itu, saya akan menjalankan pelbagai cara dan teknik untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam aspek penulisan huruf khususnya. Antaranya ialah melalui temubual, gambar dan pemerhatian.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif Kajian Tindakan ini ialah:

- a. Meningkatkan kemahiran menulis huruf a dan d melalui penggunaan pasir.
- b. Meningkatkan kemahiran menulis huruf dengan betul mengikut kad huruf a dan d yang disediakan.

## **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut:

- a. Adakah penggunaan pasir dapat meningkatkan kemahiran murid menulis huruf a dan d?
- b. Adakah kad huruf a dan d dapat meningkatkan kemahiran murid menulis dengan betul?

## **PESERTA KAJIAN**

Kajian ini dijalankan terhadap dua orang murid pemulihan tahun 2 yang dipilih sebagai murid. Kedua-dua murid ini mempunyai ciri yang sama iaitu penguasaan murid dalam aktiviti bertulis adalah lemah. Antara ciri-ciri murid kajian yang terlibat adalah seperti berikut:

Jadual 1  
Jadual Ciri-ciri Murid

Ciri-ciri	Murid A	Murid B
Jantina	Lelaki	Lelaki
Umur	8 tahun	8 tahun
Kelas	Tahun 2	Tahun 2
Kekuatan	<ul style="list-style-type: none"><li>Boleh melukis dan mewarna dengan baik.</li><li>Mengenal huruf dengan baik.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Berani menjawab soalan apabila guru menjanjikan ganjaran.</li><li>Terlibat aktif apabila aktiviti berunsur permainan dijalankan.</li></ul>
Kelemahan	<ul style="list-style-type: none"><li>Murid A kurang melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan oleh guru.</li><li>Murid A sering memberi jawapan "Saya tidak tahu, cikgu." apabila diajukan soalan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Murid B gemar berkeliaran di dalam kelas semasa sesi pembelajaran sedang berlangsung.</li><li>Murid B tidak melibatkan diri semasa sesi perbincangan melainkan melibatkan sesuatu permainan.</li></ul>
Tingkah laku	Murid A merupakan murid yang pasif di dalam kelas pemulihan.	Murid B merupakan murid yang aktif di dalam kelas pemulihan terutama apabila melibatkan aktiviti bermain dan berkomunikasi.

## PELAKSANAAN KAJIAN

Bagi kajian ini, saya akan menggunakan model Kurt Lewin. Menurut Lewin (1946), kajian tindakan memperlihatkan suatu kitaran langkah-langkah. Satu kitaran kajian tindakan mempunyai empat langkah iaitu merancang (planning), memerhati (observing) dan mereflek (reflecting). Kitaran ini akan berterusan ke kitaran seterusnya yang melibatkan merancang semula, bertindak, memerhati dan mereflek bagi menghasilkan kitaran baru.

### **Aktiviti 1 : Menulis di udara, di atas kertas dan lantai dengan menggunakan jari.**

Langkah 1: Murid diberi pengenalan tentang cara penulisan huruf a dan d dengan betul.

Langkah 2: Saya meminta murid untuk menulis huruf tersebut di atas udara, kertas dan lantai dengan hanya menggunakan jari telunjuk.

### **Aktiviti 2 : Menulis di atas pasir dengan menggunakan jari.**

Langkah 1: Murid diberi bekas berisi pasir dan kad imbasan huruf kecil a dan d.

Langkah 2: Saya membimbing murid untuk menulis huruf tersebut di atas pasir dengan menggunakan jari.

### **Aktiviti 3 : Menulis di atas pasir dengan menggunakan pensel atau lidi.**

Langkah 1: Saya meminta murid menulis huruf a dan d dengan menggunakan pensel atau lidi di atas bekas berisi pasir.

Langkah 2: Setelah itu, saya akan memberikan lembaran kerja kepada murid sebagai latihan pengukuhan dan untuk tujuan penganalisan dokumen.

## KAEDAH PENGUMPULAN DATA

### **Pemerhatian**

Pemerhatian sesuai digunakan bagi mengamati tingkah laku murid berdasarkan pembolehubah atau aspek yang dikenal pasti. Kaedah pemerhatian digunakan juga untuk menjawab persoalan minat murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu terutamanya untuk aktiviti bertulis. Saya melakukan pemerhatian secara berstruktur iaitu senarai semak. Melalui senarai semak terdapat beberapa item yang perlu ditandakan sesuai dengan masalah yang dikaji. Senarai semak tersebut disediakan untuk mengenal pasti perkembangan murid dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan kebolehan. Pemerhatian hendaklah dilakukan sebanyak tiga kali untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan kekal. Berdasarkan

rekod dalam senarai semak, saya menandakan (/) pada ruangan Ya atau Tidak pada aspek yang disediakan. Masa senarai semak ini direkod sebanyak 3 kali setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Saya merakam gambar sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini, gambar yang diambil untuk dijadikan bukti peningkatan pada hasil kerja murid.

### **Temu Bual**

Saya menjalankan temu bual berstruktur (formal) bersama murid. Temu bual merupakan kaedah pengutipan data yang melibatkan interaksi secara bersemuka antara saya dan murid. Temu bual dijalankan sebelum tindakan kajian dilaksanakan. Saya bertanya apakah kesukaran yang dihadapi oleh murid semasa menyiapkan lembaran kerja yang diberikan. Murid menyatakan bahawa mereka sukar untuk menulis huruf dengan betul kerana mereka sudah terbiasa menulis seperti yang sedia kala ketika menyiapkan tugas mahupun semasa menduduki peperiksaan. Saya telah menyediakan protokol temu bual dan borang persetujuan untuk setiap sesi temu bual. Sesi temu bual akan dirakam menggunakan telefon bimbit dan dijalankan di Bilik Pemulihan supaya murid tidak janggal dengan persekitaran yang ramai. Temu bual digunakan untuk mengumpul maklumat berkaitan masalah yang dihadapi oleh murid. Temu bual dijalankan pada sebelum dan selepas pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Kata kunci dicatat untuk tujuan penganalisan data.

### **Analisis Dokumen**

Saya menganalisis hasil tugas dan buku latihan murid sebelum mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid. Berdasarkan analisis, murid sering melakukan kesilapan dalam menulis huruf a dan d semasa menyiapkan tugas. Lembaran kerja yang dibina adalah bertujuan untuk aktiviti pengukuhan bagi membuktikan tindakan yang dijalankan dapat mengatasi masalah murid. Lembaran kerja yang disediakan adalah berdasarkan 2 tahap iaitu tahap mudah dan tahap sederhana. Pada tahap mudah, murid hanya perlu menulis semula huruf a dan d dengan betul dan kemas. Manakala pada tahap sederhana, murid akan melengkapkan perkataan KV+KV dengan menggunakan huruf a dan d dengan betul. Lembaran kerja ini bertujuan untuk membuktikan keberkesanan latihan menulis murid di atas pasir dan pada lembaran kerja tersebut. Saya memberikan masa untuk murid melengkapkan lembaran kerja tersebut. Kemudian saya mengumpul dan menganalisis lembaran kerja tersebut sama ada murid sudah menguasai atau tidak.

### **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian merupakan data yang diperolehi melalui instrumen yang digunakan dalam mengumpul data yang telah dijalankan. Dengan itu, hasil daripada kajian, saya berjaya mendapatkan beberapa analisis dapatan senarai semak pemerhatian, temubual dan analisis dokumen daripada tindakan kajian dijalankan. Dapatan kajian seperti yang dinyatakan berikut:

#### **Kitaran 1 Pemerhatian**

Melalui pemerhatian yang dijalankan, saya dapat menyimpulkan bahawa murid A dan B boleh menulis dengan betul sama dengan dan tanpa bimbingan. Tindakan ini dijalankan sebanyak 3 kali untuk melihat sama ada murid telah menguasai menulis huruf dengan betul. Dalam kajian ini juga, saya juga menjalankan aktiviti menulis huruf di atas pasir menggunakan pensel dan menggunakan alat bantu seperti kad huruf. Berdasarkan hasil dapatan kajian jadual di bawah, ia menunjukkan penggunaan teknik menulis di atas pasir dapat membantu murid untuk memperbaiki corak penulisan huruf a dan d mereka. Berikut merupakan bahan bukti yang dinyatakan:

Jadual 2  
Jadual Pemerhatian

Bil	Pemerhatian	KEKERAPAN Menguasai					
		Murid A			Murid B		
		1	2	3	1	2	3
1.	Menulis bentuk huruf dengan betul.	x	/	/	x	/	/
2.	Huruf pada lembaran kerja di tulis dengan betul.	x	/	/	x	x	/
3.	Memberikan tumpuan di dalam kelas.	x	/	/	x	/	/
4.	Menulis di atas pasir mengikut kad huruf dengan betul.	x	x	/	x	x	/

### Temu Bual

Saya telah menjalankan sesi temu bual sebelum kajian dan selepas aktiviti kajian dijalankan. Temu bual dijalankan bersama kedua murid dan dilakukan secara berasingan untuk mengelakkan murid meniru jawapan murid yang lain. Temu bual ini turut dijalankan bersama seorang pemerhati (guru Pemulihan) kerana beliau ingin mengikuti perkembangan murid dan berada bersama setiap kali tindakan dilakukan. Berikut merupakan huraian dapatan yang telah diperolehi bagi setiap soalan yang ditemubualkan sebelum tindakan dijalankan bersama pemerhati (Guru Pemulihan pada 25 Jun 2019, 10.30 pagi)

Jadual 3  
Soalan Temu Bual

Soalan Temu Bual	Jawapan murid	
	A	B
Adakah anda tahu cara menulis huruf a dan d dengan betul?	Ya kot, cikgu. (Nada tidak yakin)	Tak pasti, cikgu. (Tersengih)
Apakah kesukaran yang anda hadapi apabila menulis?	Tulis ayat panjang.	Saiz besar.
Adakah penggunaan pasir dapat menarik minat anda untuk belajar?	Mungkin. <i>hehe</i>	Tak sabar cikgu.
Adakah penggunaan kad huruf dapat membantu anda untuk menulis pada pasir dengan betul?	Tak boleh, cikgu.	Susah, cikgu.

### Analisis Dokumen

Lembaran kerja ini di ambil pada sebelum tindakan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Pada lembaran kerja tersebut, murid diminta untuk menyurih huruf a dan d dengan betul. Setelah itu, murid diminta untuk menulis semula huruf tersebut pada ruangan kosong dengan mengikut bentuk yang telah disurih. Berdasarkan lembaran kerja tersebut, didapati bahawa murid A masih belum menguasai cara menulis huruf d dengan betul manakala didapati bahawa murid B masih belum menguasai cara menulis huruf d dengan betul.

Jadual 4  
Hasil Lembaran Kerja



**Kitaran 2**  
**Pemerhatian**

Pada kitaran kedua, kedua-dua murid menguasai kaedah selepas pengajaran dilakukan.

Jadual 5 Jadual Pemerhatian

Bil.	Pemerhatian	KEKERAPAN MENGUASAI					
		Murid A			Murid B		
		1	2	3	1	2	3
1.	Menulis bentuk huruf dengan betul.	/	/	/	/	/	/
2.	Menulis di atas pasir mengikut kad huruf dengan betul.	/	/	/	/	/	/
3.	Huruf pada lembaran kerja ditulis dengan betul.	/	/	/	/	/	/
4.	Memberikan tumpuan di dalam kelas.	/	/	/	/	/	/

**Temu Bual**

Hasil temubual yang dijalankan bersama murid membuktikan bahawa penggunaan pasir dapat meningkatkan motivasi serta tahap penulisan huruf a dan d murid dengan baik.

Jadual 6  
Soalan Temu Bual

Soalan Temu Bual	Jawapan murid	
	A	B
Adakah anda tahu cara menulis huruf a dan d dengan betul?	Ya. (Dengan nada yakin)	(Tersengih) Ya.

Adakah penggunaan pasir dapat menarik minat anda untuk belajar?

Ya. Saya suka tulis di atas pasir, cikgu.

Ya. Sangat best, cikgu.

Adakah penggunaan kad huruf dapat membantu anda untuk menulis pada pasir dengan betul?

Ya. Kad tu ada lubang. Senang.



Ya. Senang nak ikut sebab ada lubang.

### Analisis Dokumen

Berikut merupakan hasil kerja murid pada lembaran kerja selepas penambahbaikan dilakukan.

Jadual 7

Hasil Lembaran Kerja

Murid A	Murid B
	

### REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

#### Soalan 1: Adakah penggunaan pasir dapat membantu murid menulis huruf a dan d?

Setelah menjalankan tindakan kajian, saya dapati penggunaan pasir dalam membantu murid pemulihan memperbaiki cara penulisan mereka. Melalui hasil analisis senarai semak pemerhatian, ini telah membuktikan bahawa murid kajian boleh menulis dengan baik. Namun, murid kajian ini masih memerlukan latihan tambahan ataupun kaedah lain untuk membantu mereka memperbaiki cara penulisan mereka. Secara keseluruhannya, penggunaan pasir dapat menjawab soalan kajian iaitu penggunaan pasir dapat membantu murid kajian menulis huruf a dan d. Ini dibuktikan melalui hasil kajian yang diperolehi di mana murid boleh menulis huruf tersebut dengan betul.

#### Soalan 2: Adakah kad imbasan a dan d dapat membantu murid menulis dengan betul?

Huraian seterusnya pula akan menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu berkaitan dengan penggunaan kad imbasan a dan d dapat membantu murid menulis di atas pasir dengan betul. Saya mendapati melalui hasil pemerhatian iaitu melalui gambar yang diambil jelas menunjukkan bahawa kad huruf ini dapat membantu murid menulis huruf a dan d dengan betul. Secara keseluruhan melalui dapatan pemerhatian tersebut, saya mendapati penggunaan kad imbasan a dan d boleh membantu murid menulis huruf di atas pasir dengan betul sebelum mengaplikasikannya pada lembaran kerja yang diberikan.

### CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian tindakan ini sesuai dijalankan kepada yang ingin mengkaji tentang cara meningkatkan kemahiran menulis murid pemulihan sekaligus menerapkan terapi pasir dalam



pengajaran. Kebanyakan murid pemulihan mengalami masalah dalam menulis huruf dengan betul dan sering memberikan jawapan yang kurang tepat disebabkan penulisan huruf menjadi berbeza. Penggunaan pasir yang dilakukan oleh saya boleh dibuat satu kajian lanjutan. Oleh itu, terdapat 3 cadangan kajian lanjutan yang telah dicadangkan. Dalam kajian yang telah dijalankan, saya mendapati murid-murid boleh menguasai kemahiran menulis huruf pada lembaran kerja yang disediakan. Oleh itu, lebaran kerja juga boleh diperbanyakkan dan dibina dengan lebih menarik iaitu melibatkan penggabungan suku kata dan pembinaan ayat mudah. Sekiranya pengkaji yang akan datang mahu menggunakan pasir, pengkaji boleh memperbanyakkan bilangan lembaran kerja. Seterusnya, pengkaji akan datang juga boleh menambah bilangan huruf kecil selain daripada huruf yang telah saya gunakan. Oleh itu, dengan mempelbagaikan huruf, murid boleh melatih diri menulis huruf dengan bentuk yang betul. Cadangan yang terakhir untuk dijadikan kajian ini lebih berkualiti adalah menggunakan sentuhan teknologi moden untuk membantu murid menulis huruf dengan betul. Dengan penggunaan teknologi, nilai PAK21 dapat diterapkan dalam sesi pengajaran. Penggunaan teknologi juga dapat mendedahkan murid kepada teknologi terkini.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penggunaan pasir dapat membantu meningkatkan kemahiran menulis huruf murid dengan betul. Hasil dapatan menunjukkan peningkatan terhadap penulisan murid. Selain itu, penggunaan kad huruf a dan d dapat membantu murid menulis di atas pasir dengan betul. Ini membuktikan penggunaan pasir dapat membantu murid menulis dengan betul dan penggunaan terapi di dalam kelas juga dapat diterapkan.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar*.
- Cassandra Warnes ak Tueng, (2012). *Penggunaan pasir dalam meningkatkan memori murid pemulihan dalam menulis huruf*.
- Education to the Core. (2011). *17 Strategies for Teaching Letters and Sounds*. Diperoleh daripada <https://educationtothecore.com/2016/01/17-strategies-for-teaching-letters-and-sounds/> [Diakses pada 14 Feb. 2019].
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2013). *Program Pendidikan Pemulihan Khas*. Diperoleh daripada: <https://www.moe.gov.my/index.php/my/pendidikan-khas/program-pemulihan-khas> [Diakses pada 12 Feb. 2019].
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2013). *Pekeliling Program Pendidikan Pemulihan*. Diperoleh daripada: [https://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2016/circularfile\\_file\\_001419.pdf](https://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2016/circularfile_file_001419.pdf) [Diakses pada 14 Feb. 2019].
- Pre-K Pages. (2010). *Sensory Writing Tray for the Writing Center*, Pre-K Pages. Diperoleh daripada: <https://www.pre-kpages.com/sensory-tray-writing-center/>
- Make Take & Teach. (2012). *Strategies for Improving Handwriting - Make Take & Teach*. Diperoleh daripada: <http://blog.maketaketeach.com/strategies-for-improving-handwriting/> [Diakses pada 13 Feb. 2019].
- Mary Karl, (2015). *Penggunaan teknik sentuhan kertas pasir meningkatkan kemahiran mengecam huruf b, d dan p murid tahun 1*.
- Maziah Jamil, (2012). *Penggunaan teknik menekap secara latih tubi dalam memperbaiki pertulisan murid-murid palsi serebral*.
- Mohammad Faizal Latip, (2012). *Teknik menulis huruf dengan betul meningkatkan kekemasan tulisan murid pemulihan*.
- Mohd Hanafi Bin Mohd Yasin Dan Rosadah Abd. Majid, (2012). *Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca Dan Menulis Dalam Bahasa Melayu Bagi Murid Prasekolah Bermasalah Pendengaran*.
- Mok Soon Sang (2010), *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Selangor, Malaysia: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Noraini Ombi, (2009). *Kajian Kes Ke Atas Kekemasan Tulisan Murid Tahun 2 Dalam Kelas Pemulihan Khas Bahasa Melayu*.
- Remedial Teaching Support. (2009). *5 Helpful strategies for Dysgraphia - Remedial Teaching Support*. [online] Diperoleh daripada: <https://remedialteachingsupport.co.za/5-helpful-strategies-dysgraphia/> [Diakses pada 12 Feb. 2019].
- Roslan Chin dan Nurahimah Yusoff, (2017). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa untuk Menguasai Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas*.
- The Counseling Coach. (2010). *Using Sand Tray*. Diperoleh daripada: <http://thecounselingcoach.weebly.com/using-sand-tray.html>
- Yahya Othman, (2014). *Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah*.

## TEKNIK VAKT MEMBANTU MURID MENULIS HURUF KECIL m DAN n DENGAN BETUL DAN KEMAS

**ROWENA PETRUS<sup>1</sup>, CHUA LEONG CHEE<sup>2</sup>**

Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,  
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

<sup>1</sup>rowenapetrus96@gmail.com, <sup>2</sup>chualeongchee@ipgm.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membantu Pemulihan Tahun 2 untuk menguasai kemahiran menulis huruf kecil m dan n. Kajian Tindakan ini dijalankan sebanyak dua kitaran dengan berpandukan Model Kurt Lewin (1946). Dua orang murid dari sebuah sekolah kebangsaan di Miri yang telah dikenal pasti mengalami masalah dalam menulis huruf tersebut. Oleh hal yang demikian, saya menggunakan kaedah VAKT untuk mengatasi masalah yang telah dikenal pasti. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Data dikumpul menggunakan senarai semak, analisis transkrip temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknik VAKT telah berjaya membantu meningkatkan penguasaan kemahiran menulis huruf kecil m dan n dengan betul dan kemas bagi kedua-dua murid. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kaedah VAKT memberikan kesan yang positif terhadap kemahiran menulis murid manakala saya pula berpeluang untuk menambahbaik amalan pengajaran yang sebelumnya. Sebagai kesimpulannya, kekemasan tulisan murid dapat ditingkatkan dengan amalan tulisan yang baik.

Kata kunci : Kemahiran menulis, huruf m dan n, kaedah visual, audio, kinestetik dan taktil, Model Kurt Lewin

### ABSTRACT

*The research was conducted to help two Year 2 remedial students to master the skills of writing the letters m and n. This action research was carried out in two cycles, based on the Kurt Lewin's model (1946). Two students from one national primary school in Miri were having problem writing the letters. I used the VAKT method to solve the problems that was identified. Data was collected using observation, interviews and documentary evidence. Data was collected using checklists, interview transcript analysis and student worksheets. The findings show that the use of the VAKT technique has successfully helped to improve the skills of m and n correctly for both students. The implications of this study indicate that the VAKT method has a positive impact on student's writing skills while I have the opportunity to improve my previous teaching practice. In conclusion, student's writing skills of m and n can be improved by good writing practice.*

*Keywords : Writing skills, letters m and n, visual, audio, kinesthetic and tactical methods, Model Kurt Lewin*

### PENGENALAN

Pada bulan Jun hingga September tahun 2019, saya telah menjalankan praktikum di sebuah sekolah rendah di daerah Miri, Sarawak. Program Pemulihan Khas didefinisikan sebagai "satu program pendidikan yang telah disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan 3M yang kompleks disebabkan persekitaran. Program ini dijalankan oleh guru yang khusus, di ruang yang khusus. Antara kemahiran yang sukar dikuasai oleh murid pemulihan ialah kemahiran menulis. (Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (2008)). Semasa menjalani praktikum saya mengenal pasti

masalah menulis huruf kecil *m* dan *n* dengan betul dan kemas murid. Murid mengalami masalah dalam kemahiran menulis. Menurut Noorazman Mahat (2009), murid perlu mahir menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan di negara ini memerlukan murid menjawab dalam bentuk tulisan dan ada juga yang memerlukan jawapan yang panjang lebar dalam bentuk ayat. Murid yang tidak menguasai kemahiran menulis yang baik sering menghadapi masalah untuk menjawab soalan.

Bagi membantu murid untuk meningkatkan kemahiran menulis huruf kecil *m* dan *n* dengan betul saya menggunakan teknik yang sesuai seperti kaedah multisensori iaitu menggunakan teknik VAKT. Menurut Anis Syuhada (2012), kaedah VAKT merupakan kaedah yang menggabungkan kaedah yang menggunakan pelbagai deria ataupun disebut multisensori. Kaedah VAKT menggabungkan deria penglihatan dan pendengaran, kinestetik (pergerakan) dan taktil (sentuhan). Dalam kaedah ini murid melihat dan menyebut perkataan sambil menulis perkataan itu berdasarkan ingatannya. Kaedah ini saya digunakan kerana dapat membantu murid menggunakan pelbagai cara berdasarkan aspek visual (penglihatan), audio (pendengaran), kinestetik (pendengaran) dan taktil (sentuhan). Kaedah ini berpegang kepada prinsip “rangangan” dalam pembelajaran. Kaedah ini melibatkan rangangan ke atas beberapa deria yang sensitif bagi mengukuhkan pembelajaran murid.

## FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk membantu murid Pendidikan Pemulihan Tahun 2 menulis huruf *m* dan *n* dengan betul menggunakan kaedah multisensori iaitu kaedah VAKT. Kajian ini memperlihatkan teknik multisensori dengan pelbagai bahan bantu mengajar yang melibatkan rangangan pelbagai deria murid iaitu penglihatan, pendengaran, pergerakan dan sentuhan yang dapat membantu mengatasi masalah murid menulis huruf-huruf kecil yang hampir serupa bentuk iaitu huruf kecil *m* dan *n* dengan betul. Hal ini kerana melalui pengalaman praktikum fasa 2 yang lalu, saya mendapati terdapat beberapa murid Pendidikan Pemulihan Tahun 2 yang masih mengalami masalah dalam menulis huruf dengan betul dan kemas. Berdasarkan lembaran kerja yang dilakukan terdapat dua orang murid Pendidikan Tahun 2 yang sering melakukan kesalahan dalam menulis huruf *m* dan *n* dengan kemas dan betul. Hal ini berlaku kerana murid tersebut mempunyai kesukaran dalam mengingat bentuk huruf *m* dan *n* dengan baik seterusnya gagal menulis huruf tersebut dengan betul dan kemas. Bagi membantu murid untuk meningkatkan penguasaan kemahiran menulis huruf kecil *m* dan *n* serta kekemasan dalam penulisan kedua-dua huruf ini saya menggunakan teknik VAKT sebagai strategi untuk membantu murid. Tujuan saya memilih kaedah VAKT ini bagi membantu murid untuk meningkatkan kemahiran menulis huruf *m* dan *n* dengan kemas dan betul kerana ianya memudahkan murid untuk mengenal dan menulis huruf dengan lebih mudah. Hal ini memudahkan proses mengingat murid. Selain itu, penggunaan kaedah VAKT semasa mengajar juga bukan sahaja menggunakan pelbagai deria malah menjadikan pembelajaran bertambah menarik. Hal ini tentunya dapat membantu murid untuk mengatasi masalah menulis huruf *m* dan *n* dengan kemas dan betul.

## OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif kajian:

- a. Menggunakan kaedah VAKT membantu murid menguasai kemahiran menulis huruf kecil *m* dan *n* dengan betul.
- b. Membantu meningkatkan kekemasan tulisan huruf kecil *m* dan *n* dengan menggunakan kaedah VAKT.

Kajian ini mempunyai dua soalan kajian:


- a. Adakah penggunaan teknik VAKT dapat membantu murid menguasai kemahiran menulis huruf kecil *m* dan *n* dengan betul.
- b. Adakah penggunaan teknik VAKT dapat membantu meningkatkan kekemasan tulisan huruf kecil *m* dan *n* murid pemulihan.

## PESERTA KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap dua orang murid pemulihan Tahun 3 yang mengalami masalah menulis huruf kecil *m* dan *n* dengan betul dan kemas. Terdapat dua orang murid pemulihan Tahun 3 yang mengalami masalah menulis huruf *m* dan *n* dengan betul dan kemas.

## PELAKSANAAN TINDAKAN

